JUZU' KE-13

SURAH AR-RA'D

SURAH KE

13

سُورَةُ الرَّعۡدِ

SURAH AR-RA'D

Surah Guruh

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

43

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Muqaddimah surah)

Seringkali saya merasa gementar berdiri di hadapan nas-nas Al-Qur'an apabila saya hendak menanganinya dengan uslub insani saya yang lemah, saya merasa serba salah apabila saya hendak mencampurkannya dengan ungkapan-ungkapan insani saya sebagai manusia yang fana.

Keseluruhan surah ini - sama seperti Surah al-An'am sebelumnya - adalah di antara nas-nas Al-Qur'an yang membuat saya hampir-hampir tidak berani menanganinya dengan sesuatu pentafsiran dan pengolahan.

Tetapi apa boleh buat kita sedang berada dalam satu generasi yang perlu dikemukakan Al-Qur'an kepada mereka dengan penerangan-penerangan yang sejelas-jelasnya mengenai tabi'atnya, cara pengolahannya, pokok pembicaraannya dan arah tujuannya setelah manusia kini menjauhkan dirinya dari suasana turunnya Al-Qur'an dan dari perhatian-perhatian dan matlamat-matlamat yang diturunkan Al-Qur'an, juga setelah layu dan kaburnya pengertian-pengertian Al-Qur'an dan dimensi-dimensinya yang haqiqi dalam tanggapan dan kefahaman mereka, dan setelah istilah-istilah Al-Qur'an menyeleweng dari pengertiannya yang sebenar di dalam persepsi mereka..... Mereka hidup di zaman jahiliyah yang sama dengan zaman jahiliyah yang lampau, di mana Al-Qur'an ini diturunkan untuk menentangnya, tetapi mereka tidak bergerak dengan berpandukan Al-Qur'an untuk menentang jahiliyah itu seperti pergerakan kaum Muslimin (angkatan pertama) yang julung kali diturunkan Al-Qur'an kepada mereka. Tanpa pergerakan seperti ini, manusia tidak dapat memahami rahsia-rahsia Al-Qur'an sedikit pun, kerana rahsia-rahsia Al-Qur'an ini tidak dapat difahami oleh orang yang duduk tanpa bergerak. Pengertian-pengertian dan tujuan-tujuan Al-Qur'an tidak dapat difahami melainkan oleh orang-orang yang beriman kepadanya dan bergerak di bawah panduannya dalam perjuangan menentang jahiliyah untuk merealisasikan maksud-maksud Al-Qur'an.

Walaupun demikian, namun saya tetap merasa takut dan gementar setiap kali saya hendak menterjemahkan Al-Qur'an.

Nada dan gema secara langsung Al-Qur'an di dalam hati saya membuat saya merasa mustahil untuk menterjemahkannya dengan kata-kata dan ungkapan-ungkapan saya. Oleh sebab itulah saya selalu merasa adanya jurang yang lebar di antara apa yang saya rasakannya dari Al-Qur'an dengan apa yang saya terjemahkannya untuk orang ramai di dalam kitab Fi Zilal ini.

Kini saya dapat memahami secara mendalam perbezaan di antara generasi yang dihayati kita sekarang dengan generasi yang mula-mula menerima Al-Qur'an ini. Mereka telah dihadapkan dengan Al-Qur'an ini secara langsung dan mereka menyambut nada-nadanya, gambaran-gambarannya, bayangan-bayangannya, saranan-saranan dan isyarat-isyaratnya secara langsung di dalam hati mereka. Mereka menunjukkan emosi dan perasaan mereka secara langsung. Mereka menyahut seruannya secara langsung dan mereka terus bergerak dengan berpandukan Al-Qur'an menentang jahiliyah untuk menegakkan pengertian-pengertiannya di dalam kefahaman mereka. Justeru itulah mereka berjaya dalam masa hidup mereka yang pendek menempa kejayaan yang luar biasa berkat perubahan yang sempurna yang telah berlaku di dalam hati, perasaan dan kehidupan mereka, dan berkat perubahan yang telah dilakukan mereka dalam kehidupan masyarakat-masyrakat di sekeliling dan kedudukan negeri-negeri di dunia pada masa itu, dan seterusnya dalam garis perjalanan sejarah sehingga bumi dan penghuninya diwarisi Allah.

Mereka menimba secara langsung dari sumber Al-Qur'an tanpa sebarang pengantara, mereka merasa dan meni'mati nadanya di dalam hati mereka dari mulut terus ke telinga. Mereka menjadi matang dengan kepanasan nur Al-Qur'an, dengan pancaran sinarnya dan dengan saranan-saranannya. Dan selepas itu mereka menyesuaikan diri mereka dengan hakikat-hakikat Al-Qur'an, nilai-nilai dan kefahaman-kefahamannya.

Adapun kita pada hari ini, kita menyesuaikan diri kita dengan kefahaman-kefahaman tokoh itu dan tokoh ini mengenai alam, hidup, nilai-nilai dan peraturan-peraturan, sedangkan tokoh-tokoh itu adalah manusia-manusia yang lemah dan fana belaka.

Kemudian kita melihat pencapaian-pencapaian mereka (angkatan Muslimin pertama) yang luar biasa yang telah direalisasikan mereka dalam hidup mereka, diri mereka dan kehidupan masyarakat-masyarakat sekeliling mereka, lalu kita cuba mentafsir dan menganalisa sebab-sebabnya dengan menggunakan logik kita yang berneracakan nilai-nilai, kefahaman-kefahaman dan pengaruh-pengaruh yang berlainan dari nilai-nilai, kefahaman-kefahaman dan pengaruh-pengaruh yang berlainan dari nilai-nilai, kefahaman-kefahaman dan pendorong mereka, menyebabkan kita tidak syak lagi tersilap dalam menilaikan motif-motif, menganalisa faktor-faktor pendorong dan mentafsirkan natijahnya, kerana mereka merupakan segolongan manusia yang berlainan yang lahir dari ciptaan Al-Qur'an.

Saya menyeru para pembaca kitab Fi Zilal ini supaya mereka jangan menjadikan matlamat mereka ialah semata-mata hendak membaca kitab ini sahaja, malah hendaklah mereka membaca kitab ini dengan tujuan untuk mendekati Al-Qur'an itu sendiri, kemudian setelah mendekati Al-Qur'an, hendaklah mereka mengambil hakikat Al-Qur'an dan mencampakkan kitab Fi Zilal ini dari mereka, tetapi mereka tidak akan dapat mengambil hakikat Al-Qur'an melainkan apabila mereka memberi seluruh hidup mereka untuk merealisasikan tujuan-tujuannya dan memasuki perjuangan menentang jahiliyah atas nama Al-Qur'an dan di bawah panji-panji Al-Qur'an.

******

Inilah kata-kata selingan yang terlancar dari saya ketika berdepan dengan Surah ar-Ra'd. Seolah-olah inilah pertama kali saya membaca surah ini, sedangkan sebelum ini saya telah mendengar dan membacanya berulang-ulang kali yang tidak terhitung olehku, tetapi Al-Qur'an berbudi kepada anda mengikut sebanyak mana anda berbudi kepadanya. Ia membuka pintu hati anda dengan pancaran-pancaran sinar hidayat-hidayatnya, dengan saranan-saranan dan nada-nadanya mengikut selebar mana anda membuka pintu hati anda kepadanya, dan pada setiap kali itu ia kelihatan baru kepada anda seolah-olah inilah pertama kali anda bersua dengannya, seolah-olah anda tidak pernah membaca atau mendengar atau tidak pernah mengolahnya sebelum ini.

Surah ini merupakan salah satu dari surah-surah Al-Qur'an yang mengkagumkan. Ia mempesona kita dalam satu nafas, satu nada lagu[1], satu suasana dan satu bau harumnya dari awal hingga akhir. Ia memenuhi jiwa dan hati kita dengan berbagai-bagai gambaran, bayangan, pemandangan dan lintasan fikiran. Ia menawan dan memikat hati kita dari segenap segi. Ia merupakan satu temasya yang mempamerkan gambaran-gambaran, perasaan-perasaan, nada-nada dan pancaran-pancaran cahaya yang membawa hati kita meneroka berbagai-bagai ufuk dunia, berbagai-bagai alam dan zaman, sedangkan ia berada dalam keadaan sedar, melihat, berfikir dan menghayati segala pemandangan dan penyaran-penyaran yang wujud di sekelilingnya.

Surah ini bukannya himpunan kata-kata dan susunan-susunan kata, malah ia merupakan tukul-tukul dan paluan-paluan yang memberi gambaran-gambaran, bayangan-bayangan, pemandangan-pemandangan, lagu-lagu dan cubitan-cubitan perasaan yang tersembunyi di sana sini.

Maudhu' utama surah ini adalah sama dengan maudhu' utama Surah-surah Makkiyah yang lain[2] iaitu semuanya lebih kurang membicarakan persoalan-persoalan 'aqidah seperti tauhid Uluhiyah, tauhid Rububiyah dan tauhid Daynunah (keta'atan dan kepatuhan) kepada Allah Yang Maha Esa sahaja di dunia dan Akhirat, selepas itu persoalan wahyu dan persoalan kebangkitan selepas mati dan sebagainya.

Tetapi maudhu' yang sama yang mengandungi persoalan-persoalannya yang sama itu tidak pernah diulangkan pembicaraannya dengan cara yang sama dalam semua Surah Makkiyah dan lain-lainnya dari Surah-surah Madaniyah. Pada setiap kali diulangkan pembicaraannya ia diolahkan dengan cara yang baru dan sorotan yang baru dan turut serta dalam pengolahannya ialah semua pengaruh-pengaruh dan penyaran-penyaran yang mempunyai nada yang baru dan saranan yang baru.

Persoalan-persoalan ini tidaklah dikemukakan dalam bentuk pembincangan yang dingin dan hambar atau diterangkan dalam bentuk kata-kata yang kemudian berakhir dingin seperti persoalan-persoalan mental yang lain, malah persoalan-persoalan itu dikemukakan dengan sebuah bingkai yang melingkunginya iaitu alam buana dengan segala kejadian-kejadiannya yang mengkagumkan. Ia digunakan sebagai dalil-dalil dan bukti-bukti dalam pemikiran manusia yang jelas dan terbuka. Kejadian-kejadian alam yang mengkagumkan ini tidak pernah habis dan tidak pernah buruk dan

---

[1] *Nada lagu di dalam Al-Qur'an tersusun dari berbagai-bagai anasir, iaitu makhraj-makhraj huruf dalam satu kalimat, keselarasan bunyi nada di antara kalimat-kalimat yang ada di dalam sesuatu ceraian, aliran madd di dalam kalimat-kalimat, aliran madd dipenghabisan ayat-ayat dan huruf pemisah (fasilah) itu sendiri (hal ini telah saya huraikan dengan panjang lebar di dalam kitab "التصوير الفني في القرآن". Seluruh anasir yang membentuk nada-nada di dalam surah ini adalah satu sahaja kecuali aliran madd dan huruf fasilah di bahagian pertama sehingga ayat (5). Aliran madd fasilah dan hurufnya ialah " خالدون, يعقلون, يتفكرون" dan pada ayat-ayat baki Surah ialah "بمقدار, قوم هاد المتعال بالنهار" hingga akhir.*

[2] *Surah ini diturun di Makkah dan ini berlawanan dengan kenyataan al-Mushaf al-Amiri bahawa surah ini adalah Surah Madaniyah kerana berpegang kepada setengah-setengah riwayat. Sifat Makkiyah surah ini amat jelas sama ada dari segi maudhu' pembicaraannya atau cara pengungkapannya atau dari segi suasana umumnya yang tidak tersilap dicium oleh orang-orang yang pernah hidup beberapa waktu di bawah bayangan Al-Qur'an ini.*

lusuh. Setiap hari ia mendedah perkara baru yang dicapai oleh pemikiran manusia dan apa yang telah ditemui sebelum ini kelihatan menjadi baru pula dalam cahaya penemuan yang baru ini. Justeru itulah persoalan-persoalan itu terus hidup dalam temasya kejadian-kejadian alam buana yang mengkagumkan yang tidak pernah habis dan tidak pernah usang dan lusuh sifat kebaharuannya.

Surah ini membawa hati manusia menjelajah berbagai-bagai ruang, berbagai-bagai ufuk, berbagai-bagai zaman dan pendalaman. Ia menayangkan seluruh alam buana kepadanya di dalam berbagai-bagai ruangnya yang menarik yang terdapat pada langit-langit yang tinggi tanpa tiang, pada matahari dan bulan yang masing-masing beredar mengikut tempohnya yang tertentu, pada malam yang berganti siang, pada bumi yang terbentang sayup saujana dan segala isinya dari gunung-ganang yang gagah tersergam, dari sungai-sungai yang mengalir, dari kebun-kebun, tanaman-tanaman dan pokok-pokok kurma yang berbagai-bagai bentuk rupa, rasa dan warna yang tumbuh di petak-petak bumi yang berdekatan dan disiram dengan air yang sama, juga pada sambaran kilat yang menakut dan memberi harapan, pada guruh yang bertasbih dan bertahmid, pada para malaikat yang takut dan khusyu', pada panahan petir yang membaham sesiapa yang dikehendaki Allah, pada tompokan awan-awan yang berat, pada hujan-hujan yang turun di dataran-dataran rendah dan pada buih-buih yang hilang musnah agar apa yang berguna kepada manusia sahaja yang tinggal.

Surah ini mengikuti manusia di mana sahaja mereka pergi, ia mengikuti mereka dengan ilmu Allah yang mengetahui segala sesuatu, baik yang lari mahupun yang datang, baik yang bersembunyi, mahupun yang muncul menampakkan diri, ilmu Allah yang mengikuti setiap yang hidup dan mengira setiap lintasan fikiran dan perasaannya.

Alam ghaib yang tersembunyi dan tidak dapat difikirkan manusia adalah terdedah kepada ilmu Allah yang mengetahui kandungan setiap perempuan dan kandungan setiap rahim yang susut dan bertambah.

Surah ini mendekatkan kepada kefahaman manusia sebahagian kecil dari hakikat kekuatan agung Ilahi yang meliputi alam buana lahir dan batin, besar dan kecil, yang hadir dan yang ghaib. Dan hakikat yang sedikit yang dapat difahami oleh manusia itu adalah amat hebat dan menakutkan. Ia membuat setiap hati mereka gementar.

Di samping itu ditayangkan pula contoh-contoh yang bergambar dalam bentuk pemandangan-pemandangan yang hidup, yang penuh dengan harakat dan rasa keterharuan, juga pemandangan-pemandangan Qiamat, pemandangan-pemandangan 'azab dan ni'mat serta gambaran perasaan dan fikiran mereka yang menghadapi 'azab dan ni'mat itu, juga renungan-renungan terhadap kebinasaan-kebinasaan yang telah menimpa umat-umat yang silam dan renungan-renungan terhadap perjalanan hidup orang-orang yang telah berlalu, juga renungan terhadap Sunnatullah yang telah melanda mereka dan menyebabkan mereka semuanya binasa.

* * * * * *

Inilah maudhu'-maudhu' surah ini dan persoalan-persoalan yang dibicarakannya, dan inilah ufuk-ufuk alam yang diolahkannya serta ciri-ciri pengungkapan seni yang amat menarik yang terdapat di sebalik pengolahan-pengolahan itu. Bingkai umum yang menjadi wadah di mana dibentangkan semua persoalan-persoalan ini ialah alam buana ini sendiri sebagaimana telah kami terangkan sebelum ini serta pemandangan-pemandangan dan kejadian-kejadiannya yang aneh yang terdapat pada diri manusia dan di merata pelosok alam. Bingkai ini mempunyai suasana yang tersendiri, iaitu suasana pemandangan alam yang berpasangan, iaitu langit dan bumi, matahari dan bulan, malam dan siang, benda dan bayang, gunung-ganang yang tetap dan sungai-sungai yang mengalir, buih-buih yang hilang dan air yang tinggal, petak-petak bumi yang berdekatan yang menumbuhkan tanaman dan pokok-pokok yang berlainan, pokok kurma yang bercabang dan tidak bercabang. Justeru itulah suasana yang berpasangan ini wujud dalam semua konsep, semua harakat dan semua akibat yang dibicarakan di dalam surah ini. Ia membuat perpasangan konsep itu selaras dengan pasangan fizikal dan membuat seluruh suasana umum itu selaras belaka. Oleh sebab itulah persemayaman di atas 'Arasy dipasangkan dengan pengendalian dan penundukan matahari dan bulan, kandungan rahim yang susut dipasangkan dengan kandungan rahim yang bertambah, orang yang berbisik dipasangkan dengan orang yang bercakap dengan lantang, yang tersembunyi di waktu malam dipasangkan dengan yang menempatkan diri di waktu siang, perasaan takut melihat kilat dipasangkan dengan perasaan menaruh harapan, tasbih guruh yang memuji Allah dipasangkan dengan tasbih malaikat yang takut kepada Allah, da'wah yang benar kerana Allah dipasangkan dengan da'wah yang batil kerana sekutu-sekutu Allah, yang mengetahui dipasangkan dengan yang buta, Ahlil-Kitab yang menyambut baik Al-Qur'an dipasangkan dengan orang-orang yang mengingkarkan Al-Qur'an, pemansuhan ayat-ayat di dalam kitab suci dipasangkan dengan penglibatan ayat-ayat. Pendeknya semua konsep, semua harakat dan semua arah tujuan dipasangkan belaka untuk menyelaraskan suasana umum penyampaian.

Di sana ada lagi satu gejala yang lain dari gejala-gejala keselarasan dalam suasana penyampaian, iaitu sesuai dengan suasana alam yang terdiri dari langit dan bumi, matahari dan bulan, guruh dan kilat, petir dan hujan, hayat dan pertumbuhan tanaman, maka dibicarakan pula tentang kandungan rahim-rahim haiwan yang susut dan bertambah:

ٱللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَحْمِلُ كُلُّ أُنثَىٰ وَمَا تَغِيضُ ٱلْأَرْحَامُ
وَمَا تَزْدَادُۖ

"Allah mengetahui apa yang dikandung oleh setiap perempuan dan setiap kandungan rahim yang kurang dan kandungan rahim yang bertambah"(8)

kemudian susutan dan pertambahan kandungan rahim-rahim itu selaras pula dengan pengaliran air di dataran-dataran rendah dan dengan pertumbuhan tanaman-tanaman. Itulah ciri-ciri keselarasan Al-Qur'an yang indah. [3]

Itulah sebahagian dari sebab-sebab mengapa saya gementar apabila berhadapan dengan surah ini sebagaimana saya seringkali sebelum ini berhadapan dengan surah-surah yang lain, iaitu saya merasa gementar untuk menanganinya dengan uslub insani saya yang lemah, merasa segan dan serba salah untuk mencampurkannya dengan pengungkapan-pengungkapan insani saya yang fana. Tetapi ia merupakan satu keperluan kepada generasi sekarang, yang tidak hidup di dalam suasana Al-Qur'an. Kepada Allah kami memohon pertolongan mentafsirkan Al-Qur'an dan Allah jua yang layak dipohonkan pertolongan.

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 18)

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

الٓمٓرۚ تِلْكَ ءَايَٰتُ ٱلْكِتَٰبِۗ وَٱلَّذِىٓ أُنزِلَ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَ
ٱلْحَقُّ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿١﴾
ٱللَّهُ ٱلَّذِى رَفَعَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ بِغَيْرِ عَمَدٍ تَرَوْنَهَاۖ ثُمَّ ٱسْتَوَىٰ
عَلَى ٱلْعَرْشِۖ وَسَخَّرَ ٱلشَّمْسَ وَٱلْقَمَرَۖ كُلٌّ يَجْرِى لِأَجَلٍ
مُّسَمًّىۚ يُدَبِّرُ ٱلْأَمْرَ يُفَصِّلُ ٱلْءَايَٰتِ لَعَلَّكُم بِلِقَآءِ
رَبِّكُمْ تُوقِنُونَ ﴿٢﴾
وَهُوَ ٱلَّذِى مَدَّ ٱلْأَرْضَ وَجَعَلَ فِيهَا رَوَٰسِىَ وَأَنْهَٰرًاۖ وَمِن كُلِّ
ٱلثَّمَرَٰتِ جَعَلَ فِيهَا زَوْجَيْنِ ٱثْنَيْنِۖ يُغْشِى ٱلَّيْلَ ٱلنَّهَارَۚ
إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٣﴾

[3] Lihat bab "التناسق الفنى" dalam kitab "التصوير الفني في القرآن."

وَفِى ٱلْأَرْضِ قِطَعٌ مُّتَجَٰوِرَٰتٌ وَجَنَّٰتٌ مِّنْ أَعْنَٰبٍ
وَزَرْعٌ وَنَخِيلٌ صِنْوَانٌ وَغَيْرُ صِنْوَانٍ يُسْقَىٰ بِمَآءٍ
وَٰحِدٍ وَنُفَضِّلُ بَعْضَهَا عَلَىٰ بَعْضٍ فِى ٱلْأُكُلِۚ إِنَّ
فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿٤﴾
وَإِن تَعْجَبْ فَعَجَبٌ قَوْلُهُمْ أَءِذَا كُنَّا تُرَٰبًا أَءِنَّا
لَفِى خَلْقٍ جَدِيدٍۗ أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟
بِرَبِّهِمْۖ وَأُو۟لَٰٓئِكَ ٱلْأَغْلَٰلُ فِىٓ أَعْنَاقِهِمْۖ وَأُو۟لَٰٓئِكَ
أَصْحَٰبُ ٱلنَّارِۖ هُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿٥﴾
وَيَسْتَعْجِلُونَكَ بِٱلسَّيِّئَةِ قَبْلَ ٱلْحَسَنَةِ وَقَدْ
خَلَتْ مِن قَبْلِهِمُ ٱلْمَثُلَٰتُۗ وَإِنَّ رَبَّكَ لَذُو مَغْفِرَةٍ
لِّلنَّاسِ عَلَىٰ ظُلْمِهِمْۖ وَإِنَّ رَبَّكَ لَشَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿٦﴾
وَيَقُولُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَوْلَآ أُنزِلَ عَلَيْهِ ءَايَةٌ مِّن
رَّبِّهِۦٓۗ إِنَّمَآ أَنتَ مُنذِرٌۖ وَلِكُلِّ قَوْمٍ هَادٍ ﴿٧﴾
ٱللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَحْمِلُ كُلُّ أُنثَىٰ وَمَا تَغِيضُ ٱلْأَرْحَامُ
وَمَا تَزْدَادُۖ وَكُلُّ شَىْءٍ عِندَهُۥ بِمِقْدَارٍ ﴿٨﴾
عَٰلِمُ ٱلْغَيْبِ وَٱلشَّهَٰدَةِ ٱلْكَبِيرُ ٱلْمُتَعَالِ ﴿٩﴾

"Alif, Laam, Miim, Raa'. Itulah ayat-ayat kitab (Al-Qur'an). Dan apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu itu adalah benar, tetapi kebanyakan manusia tidak beriman(1). Allahlah yang mengangkatkan langit tanpa tiang yang dapat dilihat oleh kamu, kemudian Dia bersemayam di atas 'Arasy. Dan Dialah yang menundukkan matahari dan bulan, masing-masing beredar mengikut masa yang telah ditentukan. Dialah yang mentadbirkan segala urusan, menjelaskan ayat-ayat dengan terperinci supaya kamu yakin terhadap pertemuan dengan Tuhan kamu(2). Dan Dialah yang membentangkan bumi dan menciptakan padanya gunung-ganang dan sungai-sungai. Dan dari setiap buah-buahan Dia ciptakan jantan betina dua sepasang. Dialah yang menjadikan malam dan siang saling menyelubungi. Sesungguhnya dalam kejadian-kejadian itu terdapat bukti-bukti (kekuasaan Allah) bagi golongan orang-orang yang berfikir(3). Dan di bumi terdapat ruang-ruang tanah yang berdampingan dan kebun-kebun anggur, tanaman-tanaman dan pokok-pokok kurma yang bercabang dan yang tidak bercabang yang disirami dengan air yang sama dan Kami lebihkan satu sama lain dari segi rasa. Sesungguhnya dalam kejadian-kejadian itu terdapat bukti-bukti (kekuasaan Allah)

bagi golongan orang-orang yang mengerti(4). Dan jika engkau merasa hairan, maka yang wajar dihairankan lagi ialah perkataan mereka: Seandainya jika kami telah menjadi tanah apakah kami akan diciptakan semula? Merekalah orang-orang yang mengingkarkan Tuhan mereka dan merekalah orang-orang yang dipasang belenggu-belenggu di leher mereka dan merekalah penghuni Neraka, di mana mereka kekal abadi(5). Dan mereka telah meminta kepadamu supaya dipercepatkan 'azab sebelum mereka (meminta) rahmat, sedangkan sebelum mereka telah pun berlaku berbagai-bagai contoh teladan, dan sesungguhnya Tuhanmu itu sentiasa memberi keampunan kepada manusia walaupun mereka zalim, dan sesungguhnya Tuhanmu itu amat berat balasan-Nya(6). Dan berkatalah orang-orang yang kafir: Mengapakah tidak diturunkan kepadanya suatu bukti (mu'jizat) dari Tuhannya? Sesungguhnya engkau hanya seorang Rasul yang memberi amaran dan setiap kaum mempunyai Rasul yang memberi hidayat(7). Allah mengetahui apa yang dikandung setiap perempuan dan setiap kandungan rahim yang kurang dan kandungan rahim yang bertambah. Dan segala sesuatu (diatur) di sisi-Nya dengan ukuran yang rapi(8). Allah Maha Mengetahui segala yang tersembunyi dan segala yang ketara, dan Dia Maha Besar dan Maha Tinggi."(9)

سَوَآءٞ مِّنكُم مَّنۡ أَسَرَّ ٱلۡقَوۡلَ وَمَن جَهَرَ بِهِۦ
وَمَنۡ هُوَ مُسۡتَخۡفِۭ بِٱلَّيۡلِ وَسَارِبُۢ بِٱلنَّهَارِ ﴿١٠﴾
لَهُۥ مُعَقِّبَٰتٞ مِّنۢ بَيۡنِ يَدَيۡهِ وَمِنۡ خَلۡفِهِۦ
يَحۡفَظُونَهُۥ مِنۡ أَمۡرِ ٱللَّهِۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوۡمٍ حَتَّىٰ
يُغَيِّرُواْ مَا بِأَنفُسِهِمۡۗ وَإِذَآ أَرَادَ ٱللَّهُ بِقَوۡمٖ سُوٓءٗا
فَلَا مَرَدَّ لَهُۥۚ وَمَا لَهُم مِّن دُونِهِۦ مِن وَالٍ ﴿١١﴾
هُوَ ٱلَّذِي يُرِيكُمُ ٱلۡبَرۡقَ خَوۡفٗا وَطَمَعٗا وَيُنشِئُ
ٱلسَّحَابَ ٱلثِّقَالَ ﴿١٢﴾
وَيُسَبِّحُ ٱلرَّعۡدُ بِحَمۡدِهِۦ وَٱلۡمَلَٰٓئِكَةُ مِنۡ خِيفَتِهِۦ
وَيُرۡسِلُ ٱلصَّوَٰعِقَ فَيُصِيبُ بِهَا مَن يَشَآءُ وَهُمۡ
يُجَٰدِلُونَ فِي ٱللَّهِ وَهُوَ شَدِيدُ ٱلۡمِحَالِ ﴿١٣﴾
لَهُۥ دَعۡوَةُ ٱلۡحَقِّۖ وَٱلَّذِينَ يَدۡعُونَ مِن دُونِهِۦ لَا يَسۡتَجِيبُونَ لَهُم
بِشَيۡءٍ إِلَّا كَبَٰسِطِ كَفَّيۡهِ إِلَى ٱلۡمَآءِ لِيَبۡلُغَ فَاهُ وَمَا هُوَ بِبَٰلِغِهِۦۚ
وَمَا دُعَآءُ ٱلۡكَٰفِرِينَ إِلَّا فِي ضَلَٰلٖ ﴿١٤﴾
وَلِلَّهِ يَسۡجُدُ مَن فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ طَوۡعٗا وَكَرۡهٗا
وَظِلَٰلُهُم بِٱلۡغُدُوِّ وَٱلۡأٓصَالِ ﴿١٥﴾

قُلۡ مَن رَّبُّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ قُلِ ٱللَّهُۚ قُلۡ أَفَٱتَّخَذۡتُم
مِّن دُونِهِۦٓ أَوۡلِيَآءَ لَا يَمۡلِكُونَ لِأَنفُسِهِمۡ نَفۡعٗا وَلَا
ضَرّٗاۚ قُلۡ هَلۡ يَسۡتَوِي ٱلۡأَعۡمَىٰ وَٱلۡبَصِيرُ أَمۡ هَلۡ تَسۡتَوِي
ٱلظُّلُمَٰتُ وَٱلنُّورُۗ أَمۡ جَعَلُواْ لِلَّهِ شُرَكَآءَ خَلَقُواْ كَخَلۡقِهِۦ فَتَشَٰبَهَ
ٱلۡخَلۡقُ عَلَيۡهِمۡۚ قُلِ ٱللَّهُ خَٰلِقُ كُلِّ شَيۡءٖ وَهُوَ ٱلۡوَٰحِدُ ٱلۡقَهَّٰرُ ﴿١٦﴾
أَنزَلَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءٗ فَسَالَتۡ أَوۡدِيَةُۢ بِقَدَرِهَا فَٱحۡتَمَلَ
ٱلسَّيۡلُ زَبَدٗا رَّابِيٗاۖ وَمِمَّا يُوقِدُونَ عَلَيۡهِ فِي ٱلنَّارِ ٱبۡتِغَآءَ
حِلۡيَةٍ أَوۡ مَتَٰعٖ زَبَدٞ مِّثۡلُهُۥۚ كَذَٰلِكَ يَضۡرِبُ ٱللَّهُ ٱلۡحَقَّ
وَٱلۡبَٰطِلَۚ فَأَمَّا ٱلزَّبَدُ فَيَذۡهَبُ جُفَآءٗۖ وَأَمَّا مَا يَنفَعُ
ٱلنَّاسَ فَيَمۡكُثُ فِي ٱلۡأَرۡضِۚ كَذَٰلِكَ يَضۡرِبُ ٱللَّهُ
ٱلۡأَمۡثَالَ ﴿١٧﴾
لِلَّذِينَ ٱسۡتَجَابُواْ لِرَبِّهِمُ ٱلۡحُسۡنَىٰۚ وَٱلَّذِينَ لَمۡ يَسۡتَجِيبُواْ لَهُۥ
لَوۡ أَنَّ لَهُم مَّا فِي ٱلۡأَرۡضِ جَمِيعٗا وَمِثۡلَهُۥ مَعَهُۥ لَٱفۡتَدَوۡاْ
بِهِۦٓۚ أُوْلَٰٓئِكَ لَهُمۡ سُوٓءُ ٱلۡحِسَابِ وَمَأۡوَىٰهُمۡ جَهَنَّمُۖ
وَبِئۡسَ ٱلۡمِهَادُ ﴿١٨﴾

"Sama sahaja (kepada Allah) sesiapa dari kamu yang menyembunyikan perkataannya dan sesiapa yang mengucapkannya dengan lantang dan sesiapa yang bersembunyi di malam hari dan yang muncul di hari siang(10). Setiap manusia mempunyai malaikat-malaikat pengiring dari urusan Allah yang mengikutinya dari hadapan dan dari belakangnya untuk mengawasinya. Sesungguhnya Allah tidak mengubahkan keadaan sesuatu kaum sehingga mereka mengubahkan keadaan yang ada pada diri mereka sendiri, dan apabila Allah menghendaki sesuatu keburukan terhadap sesuatu kaum, maka tiada siapa yang dapat menolakkannya, dan tiada siapa yang dapat menjadi pelindung mereka selain daripada-Nya (11). Dialah yang memperlihatkan kilat kepada kamu untuk menimbulkan ketakutan dan harapan dan Dialah yang menciptakan awan-awan yang berat(12). Dan guruh bertasbih memuji-Nya dan malaikat juga (bertasbih) kerana takut kepada-Nya dan Dialah yang melepaskan halilintar lalu mengenai sesiapa yang dikehendaki-Nya, sedangkan mereka mempertikaikan tentang Allah dan Dia amat berat penyeksaan-Nya(13). Do'a yang sebenar itu ialah kepada Allah, sedangkan tuhan-tuhan palsu yang mereka berdo'a kepadanya selain Allah itu tidak dapat memperkenankan sedikit pun do'a mereka melainkan seperti seorang yang menghulurkan kedua telapak tangannya ke dalam air supaya air sampai ke mulutnya dan

tentulah ia tidak akan sampai ke mulutnya. Dan tiada do'a orang-orang yang kafir itu melainkan semuanya berada dalam kesia-siaan belaka (14). Dan hanya kepada Allah jua sujudnya sekalian penghuni langit dan bumi sama ada secara sukarela atau terpaksa, dan bayang-bayang mereka (juga turut sujud) di waktu pagi dan petang(15). Katakanlah: Siapakah Tuhan langit dan bumi? Jawablah: Allah. Katakanlah: Apakah patut kamu mengambil selain Allah pelindung-pelindung yang tidak terdaya menentukan manfa'at dan mudharat kepada diri mereka sendiri? Katakanlah: Apakah sama orang yang buta dengan orang yang celik atau apakah sama gelap-gelita dengan cahaya yang terang? Atau apakah mereka mengadakan bagi Allah sekutu-sekutu yang berkuasa mencipta sama seperti ciptaan-Nya sehingga ia mengelirukan mereka? Katakanlah: Hanya Allah sahaja yang berkuasa menciptakan segala sesuatu dan Dia Maha Esa dan Maha Gagah Perkasa(16). Dialah yang telah menurunkan hujan dari langit lalu mengalir di wadi-wadi menurut kadar yang ditentukan-Nya, kemudian banjir membawa buih-buih yang kembang, dan dari logam-logam yang mereka leburkannya di dalam api untuk membuat perhiasan dan perkakas-perkakas itu juga terdapat buih-buih yang sama dengannya. Demikianlah Allah membuat perbandingan di antara kebenaran dan kebatilan. Adapun buih, maka ia akan hilang lenyap terbuang dan adapun yang berguna kepada manusia, maka ia akan tetap di bumi. Demikian Allah membuat perbandingan-perbandingan (17). Bagi orang-orang yang menyahut seruan Tuhan mereka (dikurniakan) balasan yang terbaik, dan bagi orang-orang yang tidak menyahut seruan itu (disediakan 'azab), dan jika mereka memiliki kekayaan yang ada di bumi ini dan (ditambahkan pula) sebanyak itu lagi bersamanya nescaya mereka akan menebuskan diri mereka dengannya. Merekalah yang akan menghadapi hisab yang berat dan tempat kediaman mereka ialah Neraka Jahannam seburuk-buruk tempat kediaman."(18)

Surah ini dimulakan dengan membentangkan satu persoalan umum dari persoalan-persoalan 'aqidah iaitu persoalan wahyu Al-Qur'an dan kebenaran yang dibawanya. Ia merupakan landasan bagi persoalan-persoalan 'aqidah yang lain seperti persoalan tauhid, kepercayaan kepada kebangkitan selepas mati dan persoalan amalan yang soleh dalam hidup dunia. Seluruh persoalan merupakan cabang-cabang dari keimanan bahawa pihak yang menyuruh melakukan perkara-perkara ini ialah Allah dan bahawa Al-Qur'an ini adalah wahyu dari-Nya kepada Rasul-Nya s.a.w.:

(Pentafsiran ayat 1)

المٓرۚ تِلۡكَ ءَايَٰتُ ٱلۡكِتَٰبِۗ وَٱلَّذِيٓ أُنزِلَ إِلَيۡكَ مِن رَّبِّكَ
ٱلۡحَقُّ وَلَٰكِنَّ أَكۡثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يُؤۡمِنُونَ ١

"Alif, Laam, Miim, Raa'. Itulah ayat-ayat kitab (Al-Qur'an). Dan apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu itu adalah benar, tetapi kebanyakan manusia tidak beriman."(1)

المٓرۚ تِلۡكَ ءَايَٰتُ ٱلۡكِتَٰبِۗ

"Alif, Laam, Miim, Raa'. Itulah ayat-ayat kitab Al-Qur'an"

Yakni itulah ayat-ayat Al-Qur'an ini atau itulah bukti-bukti kitab ini yang menunjukkan ianya wahyu dari Allah, kerana penggubahannya dari bahan-bahan huruf-huruf ini menunjukkan ianya wahyu dari Allah bukannya dari gubahan mana-mana makhluk yang lain.

Wahyu Merupakan Keperluan Hidup Manusia

وَٱلَّذِيٓ أُنزِلَ إِلَيۡكَ مِن رَّبِّكَ ٱلۡحَقُّ

"Dan apa yang diturun kepadamu dari Tuhanmu itu adalah benar."

Yakni kebenaran sejati, kebenaran yang tulen yang tidak dapat dikeburukan dengan kebatilan, kebenaran yang tidak dapat menerima keraguan dan kesangsian. Huruf-huruf itu merupakan bukti bahawa Al-Qur'an itu benar. Ia merupakan bukti bahawa Al-Qur'an itu dari Allah dan tiada yang datang dari Allah melainkan yang benar tanpa sebarang keraguan.

وَلَٰكِنَّ أَكۡثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يُؤۡمِنُونَ ١

"Tetapi kebanyakan manusia tidak beriman."

Yakni mereka tidak percaya bahawa Al-Qur'an itu diwahyukan dari Allah dan tidak pula percaya kepada persoalan-persoalan yang terbit dari hasil keimanan kepada wahyu ini seperti persoalan mentauhidkan Allah, persoalan memberi keta'atan dan kepatuhan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja, persoalan kebangkitan selepas mati dan persoalan amalan yang soleh di dalam hidup.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 2 -7)

Inilah ayat-ayat pembukaan yang mengintisarikan seluruh maudhu' surah dan mengisyaratkan kepada sejumlah persoalan-persoalannya. Ia dimulakan dengan membentangkan bukti-bukti qudrat kuasa Allah, menayangkan keajaiban alam yang menunjukkan qudrat kuasa hikmat kebijaksanaan dan tadbir-Nya yang rapi yang menyarankan bahawa di antara kehendak-kehendak kebijaksanaan itu ialah di sana harus adanya wahyu untuk memberi panduan yang jelas kepada manusia dan harus adanya kebangkitan semula selepas mati untuk menghisabkan amalan-amalan manusia, dan di antara kehendak-kehendak qudrat kuasa Allah itu pula ialah keupayaan-Nya untuk membangkitkan manusia selepas mati dan memulangkan mereka kepada Allah yang telah memulakan penciptaan mereka dan seluruh alam buana sebelum mereka serta menundukkan kejadian-kejadian alam itu kepada mereka untuk menguji mereka bagaimana mereka menyambut pengurniaan-pengurniaan-Nya kepada mereka.

Mula-mula pena Al-Qur'an yang penuh mu'jizat itu melukiskan pemandangan-pemandangan alam buana yang besar. Ia membuat coretan kejadian-kejadian langit dan bumi di samping membuat coretan pemandangan-pemandangan di bumi dan rahsia-rahsia hayat yang tersembunyi.

Kemudian ia menyatakan kehairanan terhadap orang-orang yang mengingkarkan kebangkitan

selepas mati setelah mereka melihat bukti-bukti kekuasaan Allah yang besar itu, kemudian mereka mencabar supaya disegerakan 'azab Allah yang dijanjikan kepada mereka serta menuntut bukti mu'jizat selain dari bukti-bukti yang ada ini:

ٱللَّهُ ٱلَّذِى رَفَعَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ بِغَيْرِ عَمَدٍ تَرَوْنَهَا ۖ ثُمَّ ٱسْتَوَىٰ
عَلَى ٱلْعَرْشِ ۖ وَسَخَّرَ ٱلشَّمْسَ وَٱلْقَمَرَ ۖ كُلٌّ يَجْرِى لِأَجَلٍ
مُّسَمًّى ۚ يُدَبِّرُ ٱلْأَمْرَ يُفَصِّلُ ٱلْءَايَٰتِ لَعَلَّكُم بِلِقَآءِ
رَبِّكُمْ تُوقِنُونَ ﴿٢﴾

وَهُوَ ٱلَّذِى مَدَّ ٱلْأَرْضَ وَجَعَلَ فِيهَا رَوَٰسِىَ وَأَنْهَٰرًا ۖ وَمِن كُلِّ
ٱلثَّمَرَٰتِ جَعَلَ فِيهَا زَوْجَيْنِ ٱثْنَيْنِ ۖ يُغْشِى ٱلَّيْلَ ٱلنَّهَارَ ۚ
إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٣﴾

وَفِى ٱلْأَرْضِ قِطَعٌ مُّتَجَٰوِرَٰتٌ وَجَنَّٰتٌ مِّنْ أَعْنَٰبٍ
وَزَرْعٌ وَنَخِيلٌ صِنْوَانٌ وَغَيْرُ صِنْوَانٍ يُسْقَىٰ بِمَآءٍ
وَٰحِدٍ وَنُفَضِّلُ بَعْضَهَا عَلَىٰ بَعْضٍ فِى ٱلْأُكُلِ ۚ إِنَّ
فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿٤﴾

وَإِن تَعْجَبْ فَعَجَبٌ قَوْلُهُمْ أَءِذَا كُنَّا تُرَٰبًا أَءِنَّا
لَفِى خَلْقٍ جَدِيدٍ ۗ أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟
بِرَبِّهِمْ ۖ وَأُو۟لَٰٓئِكَ ٱلْأَغْلَٰلُ فِىٓ أَعْنَاقِهِمْ ۖ وَأُو۟لَٰٓئِكَ
أَصْحَٰبُ ٱلنَّارِ ۖ هُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿٥﴾

وَيَسْتَعْجِلُونَكَ بِٱلسَّيِّئَةِ قَبْلَ ٱلْحَسَنَةِ وَقَدْ
خَلَتْ مِن قَبْلِهِمُ ٱلْمَثُلَٰتُ ۗ وَإِنَّ رَبَّكَ لَذُو مَغْفِرَةٍ
لِّلنَّاسِ عَلَىٰ ظُلْمِهِمْ ۖ وَإِنَّ رَبَّكَ لَشَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿٦﴾

وَيَقُولُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَوْلَآ أُنزِلَ عَلَيْهِ ءَايَةٌ مِّن
رَّبِّهِۦٓ ۗ إِنَّمَآ أَنتَ مُنذِرٌ ۖ وَلِكُلِّ قَوْمٍ هَادٍ ﴿٧﴾

"Allahlah yang mengangkatkan langit tanpa tiang yang dapat dilihat oleh kamu, kemudian Dia bersemayam di atas 'Arasy. Dan Dialah yang menundukkan matahari dan bulan, masing-masing beredar mengikut masa yang telah ditentukan. Dialah yang mentadbirkan segala urusan, menjelaskan ayat-ayat dengan terperinci supaya kamu yakin terhadap pertemuan dengan Tuhan kamu(2). Dan Dialah yang membentangkan bumi dan menciptakan padanya gunung-ganang dan sungai-sungai. Dan dari setiap buah-buahan Dia ciptakan jantan betina dua sepasang. Dialah yang menjadikan malam dan siang saling menyelubungi. Sesungguhnya dalam kejadian-kejadian itu terdapat bukti-bukti (kekuasaan Allah) bagi golongan orang-orang yang berfikir(3). Dan di bumi terdapat ruang-ruang tanah yang berdampingan dan kebun-kebun anggur, tanaman-tanaman dan pokok-pokok kurma yang bercabang dan yang tidak bercabang yang disirami dengan air yang sama dan Kami lebihkan satu sama lain dari segi rasa. Sesungguhnya dalam kejadian-kejadian itu terdapat bukti-bukti (kekuasaan Allah) bagi golongan orang-orang yang mengerti(4). Dan jika engkau merasa hairan, maka yang wajar dihairankan lagi ialah perkataan mereka: Seandainya jika kami telah menjadi tanah apakah kami akan diciptakan semula? Merekalah orang-orang yang mengingkarkan Tuhan mereka dan merekalah orang-orang yang dipasang belenggu-belenggu di leher mereka dan merekalah penghuni Neraka, di mana mereka kekal abadi(5). Dan mereka telah meminta kepadamu supaya dipercepatkan 'azab sebelum mereka (meminta) rahmat, sedangkan sebelum mereka telah pun berlaku berbagai-bagai contoh-contoh teladan dan sesungguhnya Tuhanmu itu sentiasa memberi keampunan kepada manusia walaupun mereka zalim, dan sesungguhnya Tuhanmu itu amat berat balasan-Nya(6). Dan berkatalah orang-orang yang kafir: Mengapakah tidak diturunkan kepadanya suatu bukti (mu'jizat) dari Tuhannya? Sesungguhnya engkau hanya seorang Rasul yang memberi amaran, dan setiap kaum mempunyai Rasul yang memberi hidayat."(7)

Pemandangan-pemandangan Alam Yang Agung

Kejadian langit - dengan apa sahaja pengertiannya dan bagaimana sahaja pengertiannya yang difahami manusia dari kata-kata "langit" itu di dalam berbagai-bagai zaman - adalah tersergam jelas di hadapan mata mereka. Tidak syak lagi bahawa langit itu adalah suatu kejadian yang amat besar apabila manusia merenungi dan menelitinya di sa'at-sa'at kesunyian diri. Ia kelihatan beginilah selama-lamanya, tidak berpegang pada sesuatu apa, ia kelihatan tinggi sayup saujana tanpa tiang dan dapat dipandang dengan jelas.

Itulah coretan pertama Al-Qur'an mengenai kejadian alam buana dan coretan ini sendiri merupakan sentuhan pertama kepada hati nurani seseorang apabila ia berdiri merenungi pemandangan langit yang amat besar itu dan apabila ia insafi tiada siapa pun yang berkuasa mengangkatkan langit itu tanpa tiang atau dengan tiang kecuali Allah. Setinggi-tinggi yang dapat diangkatkan manusia dengan tiang atau tanpa tiang ialah bangunan-bangunan kecil dan kerdil yang tegak di mana-mana sudut bumi yang sempit tidak lebih dari itu, kemudian mereka sibuk bercakap-cakap memperkatakan tentang kehebatan, kekukuhan, kecantikan dan kesenian bangunan-bangunan itu hingga membuat mereka lupakan langit yang memayungi dan menyelubungi mereka, iaitu langit yang tinggi sayup saujana tanpa sebarang tiang

itu, juga membuat mereka lupakan qudrat yang sebenar dan kehebatan yang sebenar di sebalik kejadian langit itu, juga kecantikan dan kesenian yang tidak dapat dicapai oleh daya khayal manusia.

Dari langit yang amat besar yang dapat dilihat oleh manusia, ia berpindah pula kepada kejadian ghaib yang lebih besar yang tidak dapat dicapai oleh daya faqir dan kekuatan penglihatan manusia iaitu kejadian 'Arasy.

ثُمَّ ٱسْتَوَىٰ عَلَى ٱلْعَرْشِ ۖ

"Kemudian Dia bersemayam di atas 'Arasy."(2)

Ketinggian 'Arasy Dan Pentadbiran Yang Rapi

Jika langit itu tinggi, maka 'Arasy lebih tinggi lagi dan jika langit itu besar, maka 'Arasy lebih besar lagi. Ketinggian 'Arasy merupakan satu ketinggian yang mutlak yang dilukiskan oleh Al-Qur'an mengikut caranya yang tersendiri yang dapat mendekatkan perkara-perkara yang mutlak kepada kefahaman manusia yang terbatas.

Itulah satu lagi coretan yang amat hebat dari coretan-coretan pena Al-Qur'an yang penuh mu'jizat itu, iaitu coretan yang menggambarkan kedudukan penguasaan Allah yang mutlak di samping coretan pertama yang menggambarkan ketinggian langit yang dapat dilihat. Kedua pemandangan itu kelihatan berdampingan dan selaras dalam penerangan itu.

Dari kedudukan penguasaan Allah yang mutlak itu ia berpindah pula kepada persoalan kedudukan makhluk yang ditunduk dan dikuasai seperti penundukan matahari dan bulan, dan penundukan langit tinggi yang diperlihatkan kepada manusia dengan segala kehebatan dan keagungannya yang menarik hati mereka dalam coretannya yang pertama lagi, kemudian seluruh kejadian itu ditundukkan kepada Allah Yang Maha Besar dan Maha Tinggi.

Sekarang marilah kita berdiri sejenak di hadapan kejadian-kejadian yang berpasang-pasangan yang wujud di dalam pemandangan ini sebelum kita pergi bersama ayat sehingga akhir. Kini kita berada di hadapan ketinggian angkasa yang dapat dilihat yang dipasangkan dengan ketinggian 'Arasy di alam ghaib yang majhul, kemudian kita berdepan dengan kedudukan penguasaan Allah yang dipasangkan dengan kehidupan makhluk yang ditundukkan kepada penguasaan Allah, dan kini kita berdepan dengan matahari dan bulan yang berlainan jenis, iaitu satu bintang dan satu pula planet dan berlainan masa, iaitu malam dan siang.

Kemudian kita berjalan terus bersama ayat yang berikut dan di sana kita dapati bahawa di sebalik keunggulan dan penundukan (penguasaan) itu terdapat hikmat kebijaksanaan dan tadbir Allah yang rapi:

كُلٌّ يَجْرِى لِأَجَلٍ مُّسَمًّى ۚ

"Masing-masing beredar mengikut masa yang telah ditentukan"(2)

hingga ke batas-batas masa yang tertentu mengikut undang-undang yang telah ditentukan sama ada di dalam peredaran tahunan dan harian keduanya atau dalam peredaran kedua-nya dalam lingkungan orbitnya masing-masing yang tidak pernah melampaui atau menyimpang darinya atau dalam peredaran keduanya menuju ke masa yang telah ditentukan sebelum diubahkan alam buana yang dapat dilihat ini.

يُدَبِّرُ ٱلْأَمْرَ

"Dialah yang mentadbirkan segala urusan."(2)

Yakni seluruh urusan ditadbirkan Allah sedemikian rupa, di mana Dia menundukkan matahari dan bulan, supaya masing-masing beredar mengikut masa yang telah ditentukannya, dan memegang bintang-bintang dan jirim yang menerangi angkasa raya dan memperedarkannya mengikut masa yang telah ditetapkan kepada masing-masing tanpa melampaui batasnya. Tidak syak lagi bahawa pentadbiran dan perencanaan yang sedemikian amatlah besar.

Di antara pentadbiran-Nya lagi ialah:

يُفَصِّلُ ٱلْءَايَٰتِ

"Menjelaskan ayat-ayat dengan terperinci."(2)

Yakni mengatur, menyusun dan membentangkannya tepat pada waktunya dan sesuai dengan sebab dan matlamatnya.

لَعَلَّكُم بِلِقَآءِ رَبِّكُمْ تُوقِنُونَ ﴿٢﴾

"Supaya kamu yakin terhadap pertemuan dengan Tuhan kamu"(2)

sesudah kamu melihat ayat-ayat itu dihurai dan dijelas dengan teratur. Dan di sebaliknya terdapat pula ayat-ayat (kejadian-kejadian) alam buana yang diciptakan Allah bagi pertama kalinya, di mana Al-Qur'an menggambarkan keindahan tadbir dan takdir dan keindahan keteguhan dan kerapian susunan kejadian-kejadian itu kepada kamu. Semuanya menyaran dan membayangkan bahawa manusia pasti kembali semula kepada Khaliqnya setelah menjalani hidup dunia ini agar amalan-amalan mereka dinilai dan diberi balasan. Inilah kehendak kesempurnaan tadbir yang membayangkan hikmat penciptaan pertama manusia (dalam dunia) yang telah dirancang dengan bijaksana dan dengan pentadbiran yang rapi.

Kemudian garis penggambaran yang hebat di langit itu diturunkan pula ke bumi untuk melukiskan pemandangannya yang lebar:

وَهُوَ ٱلَّذِى مَدَّ ٱلْأَرْضَ وَجَعَلَ فِيهَا رَوَٰسِىَ وَأَنْهَٰرًا ۖ وَمِن كُلِّ
ٱلثَّمَرَٰتِ جَعَلَ فِيهَا زَوْجَيْنِ ٱثْنَيْنِ ۖ يُغْشِى ٱلَّيْلَ ٱلنَّهَارَ ۚ
إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٣﴾

"Dan Dialah yang membentangkan bumi dan menciptakan padanya gunung-ganang dan sungai-sungai. Dan dari setiap

buah-buahan Dia ciptakan jantan betina dua sepasang. Dialah yang menjadikan malam dan siang saling menyelubungi. Sesungguhnya dalam kejadian-kejadian itu terdapat bukti-bukti (kekuasaan Allah) bagi golongan orang-orang yang berfikir."(3)

Garis-garis besar di dalam pemandangan bumi ialah kedudukannya yang terbentang sayup saujana di hadapan mata. Tentang bagaimanakah rupa bentuk bumi yang sebenar adalah tidak penting, yang pentingnya bumi itu terhampar luas dan saujana, itulah coretan pertama dalam lukisan itu, kemudian ia melukiskan pula garis-garis yang menggambarkan gunung-ganang yang teguh, sungai yang mengalir di bumi dan dengan ini sempurnalah garis-garis kasar yang pertama bagi pemandangan bumi yang kelihatan selaras dan seimbang.

Di antara garis-garis umum ini ialah ciri-ciri umum yang terdapat pada kejadian-kejadian yang terdapat di bumi juga kejadian-kejadian dan ciri-ciri umum yang sesuai dengan kehidupan di bumi. Ciri umum yang pertama dapat dilihat pada kejadian tumbuh-tumbuhan.

Ciri Pasangan

وَمِن كُلِّ ٱلثَّمَرَٰتِ جَعَلَ فِيهَا زَوْجَيْنِ ٱثْنَيْنِ

"Dan dari setiap buah-buahan Dia ciptakan jantan betina dua sepasang."(3)

Dan ciri umum yang kedua dapat dilihat pada gejala hari malam dan hari siang:

يُغْشِى ٱلَّيْلَ ٱلنَّهَارَ

"Dialah yang menjadiku malam dan siang saling menyelubungi."(3)

Pemandangan yang pertama mengandungi satu hakikat yang baru sahaja diketahui manusia melalui ilmu pengetahuan dan kajian mereka, iaitu setiap hidup-hidupan terutama tumbuh-tumbuhan adalah terdiri dari jantan dan betina sehingga tumbuhan yang selama ini difikirkan tidak ada jenis jantan juga ternyata bahawa jenis betina itu sendiri mengandungi jenis jantan, di mana anggota-anggota yang menentukan jenis jantan dan betina terkumpul dalam satu bunga atau terpisah dalam satu ranting. Hakikat ini berkerjasama dengan pemandangan itu dalam menggerak dan merangsangkan fikiran manusia supaya merenungi rahsia-rahsia penciptaan Allah setelah meni'mati pandangan-pandangannya yang lahir.

Pemandangan yang kedua ialah pemandangan malam dan siang yang bersilih ganti. Malam menyelubungi siang dan siang menyelubungi malam dalam satu pusingan yang amat teratur. Pertukaran malam siang itu sendiri merangsangkan menungan di dalam pemandangan alam. Kedatangan malam dan pengunduran siang atau terbitnya cahaya fajar dan beransur hilangnya cahaya malam merupakan peristiwa yang tidak banyak meninggalkan kesan di dalam hati kerana terlalu biasa, tetapi peristiwa itu sendiri merupakan gejala yang amat menakjubkan bagi mereka yang tidak dipengaruhi kehambaran dan kelembapan kebiasaan, iaitu orang-orang yang menyambut kedatangannya dengan hati yang mempunyai perasaan yang sentiasa membaharui dan tidak membeku kerana terlalu kerap berulang peraturan pusingan dan peredaran cekerawala yang teratur rapi dan tidak pernah mungkir itu, juga merangsangkan renungan terhadap alam buana dan menggerakkan akal memikirkan qudrat Ilahi yang mengatur dan memeliharanya:

إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٣﴾

"Sesungguhnya dalam kejadian-kejadian itu terdapat bukti-bukti (kekuasaan Allah) bagi golongan orang-orang yang berfikir."(3)

Di sini juga marilah kita berhenti sejenak di hadapan pasangan-pasangan yang seni di dalam pemandangan ini sebelum kita melewati di sebaliknya, iaitu gunung-ganang yang teguh dipasangkan dengan sungai-sungai yang mengalir, sepasang buah dipasangkan dengan sepasang buah yang lain, malam dipasangkan dengan siang, pemandangan bumi dipasangkan dengan pemandangan langit. Kedua-duanya seia sepadu di alam buana yang besar yang merangkulinya dan kedua-duanya merupakan bahagian-bahagian yang membentuk alam buana.

Kemudian pena seni Al-Qur'an terus melukiskan permukaan bumi dengan garis-garis kecilnya, yang lebih halus dari garis-garis kasar yang pertama tadi:

وَفِى ٱلْأَرْضِ قِطَعٌ مُّتَجَٰوِرَٰتٌ وَجَنَّٰتٌ مِّنْ أَعْنَٰبٍ
وَزَرْعٌ وَنَخِيلٌ صِنْوَانٌ وَغَيْرُ صِنْوَانٍ يُسْقَىٰ بِمَآءٍ
وَٰحِدٍ وَنُفَضِّلُ بَعْضَهَا عَلَىٰ بَعْضٍ فِى ٱلْأُكُلِ إِنَّ
فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿٤﴾

"Dan di bumi terdapat ruang-ruang tanah yang berdampingan dan kebun-kebun anggur, tanaman-tanaman dan pokok-pokok kurma yang bercabang dan yang tidak bercabang yang disirami dengan air yang sama dan Kami lebih satu sama lain dari segi rasa. Sesungguhnya dalam kejadian-kejadian itu terdapat bukti-bukti (kekuasaan Allah) bagi golongan orang-orang yang mengerti."(4)

Ramai yang melihat pemandangan-pemandangan bumi, tetapi ia tidak menimbulkan apa-apa perasaan pada mereka walaupun perasaan kepingin untuk menelitinya, kecuali jika jiwa seorang kembali kepada fitrah yang aktif dan berhubung rapat dengan alam buana yang merupakan sebahagian dari alam buana di mana jiwa berpisah sebentar dari alam untuk merenunginya dan kemudian ia kembali bercantum dengannya.

Ruang-ruang Tanah Yang Mena'jubkan

وَفِى ٱلْأَرْضِ قِطَعٌ مُّتَجَٰوِرَٰتٌ

"Dan di bumi terdapat ruang-ruang tanah yang berdampingan."(4)

Yakni ruang-ruang tanah yang berlainan sifat dan warna. Oleh sebab itulah ia disifatkan sebagai ruang-ruang tanah dan seandainya ruang-ruang tanah itu serupa belaka tentulah ia dinamakan seruang tanah, yakni di sana ada ruang-ruang tanah yang baik dan subur, ada ruang-ruang tanah yang tidak subur dan mengeluarkan hasil yang sedikit, ada ruang-ruang tanah yang kering dan gersang, ada ruang-ruang tanah yang berbatu pejal dan setiap ruang tanah ini pula mempunyai berbagai-bagai jenis dan darjat kesuburan-nya, ada yang mendatangkan hasil yang makmur dan ada yang tidak mendatangkan hasil, ada yang ditanam dan ada yang terbiar, ada tanah basah dan ada tanah kering dan sebagainya. Semua tanah-tanah ini terdapat di bumi dan terletak berhampiran dan berdampingan satu sama lain.

Inilah lukisan kasar pertama yang menggambarkan perincian (jenis-jenis tanah) kemudian diikuti pula dengan perincian-perincian berikut:

وَجَنَّٰتٌ مِّنْ أَعْنَٰبٍ وَزَرْعٌ وَنَخِيلٌ

"Dan kebun-kebun anggur, tanaman-tanaman dan pokok-pokok kurma."(4)

Perincian ini menggambarkan tiga jenis tumbuhan-tumbuhan, iaitu anggur sebagai tumbuhan-tumbuhan yang melata, kurma sebagai tumbuhan yang berpokok tinggi dan tanaman-tanaman terdiri dari pokok-pokok sayuran dan bunga-bungaan dan sebagainya yang boleh mempelbagaikan pemandangan-pemandangan dan memenuhi ruang gambar lukisan alam yang menunjukkan berbagai-bagai jenis tumbuh-tumbuhan.

Di sana pula terdapat pokok-pokok kurma yang bercabang dan yang tidak bercabang, ada pula tumbuhan yang berbatang satu dan ada yang berbatang dua atau lebih dan seluruh tumbuhan-tumbuhan itu...

يُسْقَىٰ بِمَآءٍ وَٰحِدٍ

"Disirami dengan air yang sama"(4)

dan pada tanah yang sama, tetapi buah-buahannya mempunyai berbagai-bagai rasa yang berlainan:

وَنُفَضِّلُ بَعْضَهَا عَلَىٰ بَعْضٍ فِى ٱلْأُكُلِ

"Dan Kami lebihkan satu sama lain dari segi rasa."(4)

Siapakah selain Allah Pencipta, Pentadbir yang berkuasa yang bebas mengadakan tumbuh-tumbuhan yang seperti ini.

Siapakah di antara kita yang tidak pernah merasa aneka rasa pada buah-buahan yang ditanam di tempat yang sama?

Siapakah di antara kita yang berupaya membuat perhatian seperti perhatian yang diarahkan oleh Al-Qur'an kepada akal dan hati manusia? Dengan perhatian yang sedemikian rupa Al-Qur'an kekal menjadi baru buat selama-lamanya, kerana ia dapat membaharukan perasaan-perasaan manusia dengan pemandangan-pemandangan alam buana dan gambaran-gambaran keadaan jiwa yang tidak pernah kehabisan dan tidak mampu dikaji sepenuhnya oleh seorang atau oleh umat manusia dalam usia mereka yang terbatas.

إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿٤﴾

"Sesungguhnya dalam kejadian-kejadian itu terdapat bukti-bukti (kekuasaan Allah) bagi golongan orang-orang yang mengerti."(4)

Sekali lagi marilah kita berhenti sejenak di hadapan pasangan-pasangan yang seni dalam lukisan Al-Qur'an itu iaitu pasangan-pasangan yang wujud pada ruang-ruang tanah yang berdampingan tetapi berlainan sifatnya, pasangan pokok-pokok kurma yang bercabang dengan pokok kurma yang tidak bercabang, pasangan-pasangan yang wujud pada aneka rasa buah-buahan yang berlainan, pasangan yang wujud pada tanaman-tanaman (sayuran-sayuran dan bunga-bungaan), pada pokok kurma dan anggur.

Hati-hati Yang Terbelenggu

Itulah satu penjelajahan yang besar di pelosok-pelosok alam buana yang luas dan selepas penjelajahan ini Al-Qur'an kembali pula menyatakan kehairanannya terhadap segolongan manusia yang berhati mati. Seluruh bukti kekuasaan Allah yang terdapat di merata pelosok alam tidak dapat menyedarkan hati mereka dan tidak dapat menggerakkan akal mereka. Mereka tidak dapat melihat tadbir dan qudrat Ilahi di sebalik bukti-bukti itu seolah-olah akal dan hati mereka terbelenggu dan terikat hingga tidak bebas lagi untuk merenungi dan memikirkan bukti-bukti itu:

وَإِن تَعْجَبْ فَعَجَبٌ قَوْلُهُمْ أَءِذَا كُنَّا تُرَٰبًا أَءِنَّا
لَفِى خَلْقٍ جَدِيدٍ ۗ أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟
بِرَبِّهِمْ ۖ وَأُو۟لَٰٓئِكَ ٱلْأَغْلَٰلُ فِىٓ أَعْنَاقِهِمْ ۖ وَأُو۟لَٰٓئِكَ
أَصْحَٰبُ ٱلنَّارِ ۖ هُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿٥﴾

"Dan jika engkau merasa hairan, maka yang wajar dihairankan lagi ialah perkataan mereka: Seandainya jika kami telah menjadi tanah apakah kami akan diciptakan semula? Merekalah orang-orang yang mengingkarkan Tuhan mereka dan merekalah orang-orang yang dipasang belenggu-belenggu di leher mereka dan merekalah penghuni Neraka, di mana mereka kekal abadi."(5)

Itulah satu pernyataan aneh yang patut dita'jubkan, yang dikemukakan oleh segolongan manusia sesudah

di-tayangkan kepada mereka kejadian-kejadian alam yang besar:

أَءِذَا كُنَّا تُرَٰبًا أَءِنَّا لَفِى خَلْقٍ جَدِيدٍ ۗ

"Jika kami telah menjadi tanah apakah kami akan diciptakan semula?"(5)

Tentulah Allah yang berkuasa menciptakan alam buana yang besar ini dan mentadbirkannya dengan sedemikian rapi tentulah berkuasa pula menciptakan kembali manusia yang telah mati itu. Pernyataan itu adalah terbit dari kekufuran mereka terhadap Allah yang telah mencipta dan mentadbirkan urusan mereka. Itulah pernyataan yang lahir dari akal dan hati yang terbelenggu. Mereka dibalaskan dengan keseksaan belenggu-belenggu yang mengikat leher mereka supaya seimbang di antara pembelengguan akal dengan pem-belengguan leher. Balasan mereka yang setimpal ialah api Neraka yang kekal abadi, kerana mereka tidak menggunakan nilai-nilai insani yang kerananya mereka dimuliakan Allah. Mereka tersungkur dalam kehidupan dunia dan kerana itu di Akhirat mereka akan menerima akibatnya dalam bentuk kehidupan yang lebih hina dari kehidupan dunia yang telah dihayati mereka dengan akal fikiran dan perasaan yang kosong.

Mereka merasa ta'jub memikirkan bahawa Allah berkuasa menghidupkan mereka kembali dan keta'juban mereka merupakan satu perkara yang amat dihairankan. Mereka mencabar engkau (Muhammad) supaya disegerakan 'azab Allah ke atas mereka bukannya meminta hidayat dan mengharapkan rahmat dari-Nya:

وَيَسْتَعْجِلُونَكَ بِٱلسَّيِّئَةِ قَبْلَ ٱلْحَسَنَةِ

"Dan mereka telah meminta kepadamu supaya dipercepatkan 'azab sebelum mereka (meminta) rahmat."(6)

Sebagaimana mereka tidak pernah merenungi bukti-bukti kekuasaan Allah di merata pelosok alam buana, di langit dan di bumi, mereka juga tidak pernah merenungi kebinasaankebinasaan yang telah menimpa umat-umat yang terdahulu yang juga pernah meminta disegerakan 'azab Allah ke atas mereka lalu Allah timpakan 'azab itu ke atas mereka dan menjadikan mereka satu teladan yang dapat dicontohi oleh orang-orang kemudian:

وَقَدْ خَلَتْ مِن قَبْلِهِمُ ٱلْمَثُلَٰتُ ۗ

"Sedangkan sebelum mereka telah pun berlalu berbagai-bagai contoh teladan."(6)

Mereka sentiasa berada di dalam kelalaian sehingga mereka tidak mengambil contoh teladan dari kebinasaan umat-umat yang dahulu dari mereka, sedangkan di sana terdapat contoh-contoh bagi mereka yang ingin mengambil pengajaran:

وَإِنَّ رَبَّكَ لَذُو مَغْفِرَةٍ لِّلنَّاسِ عَلَىٰ ظُلْمِهِمْ ۖ

"Dan sesungguhnya Tuhanmu itu sentiasa memberi keampunan kepada manusia walaupun mereka zalim."(6)

Allah sentiasa bersifat pengasih terhadap para hamba-Nya walaupun mereka telah melakukan kezaliman dalam tempoh yang tertentu. Allah sentiasa membuka pintu keampunan supaya dimasuki mereka melalui taubat, tetapi Allah akan mengenakan 'azab yang amat berat ke atas mereka yang degil dan enggan masuk menerusi pintu yang terbuka itu:

وَإِنَّ رَبَّكَ لَشَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ٦

"Dan sesungguhnya Tuhanmu itu amat berat balasan-Nya."(6)

Ayat ini mendahulukan keampunan Allah dari penyeksaan-Nya untuk disesuaikan dengan kegopohan orang-orang yang lalai yang meminta agar mereka segera ditimpakan 'azab bukannya segera mencari hidayat supaya ternyata adanya perbezaan yang besar di antara rahmat kebaikan yang dikehendaki Allah untuk mereka dengan kejahatan dan keburukan yang dikehendaki mereka terhadap diri mereka sendiri. Dan di sebalik itu ketaralah kebutaan mata hati mereka dan kesongsangan hidup mereka yang wajar diseksakan di dasar Neraka.

Ayat yang berikut terus menyatakan kehairanan terhadap golongan manusia yang tidak dapat memahami segala bukti-bukti kekuasaan Allah yang terdapat di merata pelosok alam buana, lalu mereka menuntut lagi satu bukti mu'jizat yang lain supaya Allah turunkannya kepada Rasul-Nya. Mereka menuntut satu mu'jizat yang lain, sedangkan di sekeliling mereka tersergam alam buana yang seluruhnya merupakan mu'jizat belaka:

وَيَقُولُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَوْلَآ أُنزِلَ عَلَيْهِ ءَايَةٌ مِّن
رَّبِّهِۦٓ ۗ إِنَّمَآ أَنتَ مُنذِرٌ ۖ وَلِكُلِّ قَوْمٍ هَادٍ ٧

"Dan berkatalah orang-orang yang kafir: Mengapakah tidak diturunkan kepadanya suatu bukti (mu'jizat) dari Tuhannya? Sesungguhnya engkau hanya seorang Rasul yang memberi amaran dan setiap kaum mempunyai Rasul yang memberi hidayat."(7)

Mereka menuntut mu'jizat, sedangkan mu'jizat-mu'jizat itu bukanlah dari ciptaan dan iktisas seorang Rasul, malah Allahlah yang memberi mu'jizat kepada Rasul-Nya yang dibangkit apabila mu'jizat itu benar-benar diperlukan menurut pertimbangan kebijaksanaan-Nya:

إِنَّمَآ أَنتَ مُنذِرٌ ۖ

"Engkau hanya seorang Rasul yang pemberi amaran."(7)

Yakni memberi peringatan dan kesedaran. Oleh sebab itu kedudukan engkau (Muhammad) adalah sama dengan kedudukan para rasul sebelum engkau. Allah telah mengutuskan para rasul kepada berbagai-bagai umat untuk memberi hidayat kepada mereka:

وَلِكُلِّ قَوۡمٍ هَادٍ ﴿٧﴾

"Dan setiap kaum mempunyai Rasul yang memberi hidayat."(7)

Adapun bukti-bukti mu'jizat, maka urusannya adalah terserah kepada Allah yang mentadbirkan alam buana dan para hamba-Nya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 8 - 11)

Dengan ini berakhirlah penjelajahan pertama di merata pelosok alam buana bersama-sama dengan kata-kata ulasan dan kesimpulan-kesimpulannya, kemudian ayat yang berikut memulakan satu penjelajahan yang baru di dalam satu bidang yang lain pula, iaitu bidang jiwa, perasaan dan hidup-hidupan:

ٱللَّهُ يَعۡلَمُ مَا تَحۡمِلُ كُلُّ أُنثَىٰ وَمَا تَغِيضُ ٱلۡأَرۡحَامُ
وَمَا تَزۡدَادُۖ وَكُلُّ شَيۡءٍ عِندَهُۥ بِمِقۡدَارٍ ﴿٨﴾
عَٰلِمُ ٱلۡغَيۡبِ وَٱلشَّهَٰدَةِ ٱلۡكَبِيرُ ٱلۡمُتَعَالِ ﴿٩﴾
سَوَآءٞ مِّنكُم مَّنۡ أَسَرَّ ٱلۡقَوۡلَ وَمَن جَهَرَ بِهِۦ
وَمَنۡ هُوَ مُسۡتَخۡفِۭ بِٱلَّيۡلِ وَسَارِبُۢ بِٱلنَّهَارِ ﴿١٠﴾
لَهُۥ مُعَقِّبَٰتٞ مِّنۢ بَيۡنِ يَدَيۡهِ وَمِنۡ خَلۡفِهِۦ
يَحۡفَظُونَهُۥ مِنۡ أَمۡرِ ٱللَّهِۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوۡمٍ حَتَّىٰ
يُغَيِّرُواْ مَا بِأَنفُسِهِمۡۗ وَإِذَآ أَرَادَ ٱللَّهُ بِقَوۡمٖ سُوٓءٗا
فَلَا مَرَدَّ لَهُۥۚ وَمَا لَهُم مِّن دُونِهِۦ مِن وَالٍ ﴿١١﴾

"Allah mengetahui apa yang dikandung setiap perempuan dan setiap kandungan rahim yang kurang dan kandungan rahim yang bertambah. Dan segala sesuatu (diatur) di sisi-Nya dengan ukuran yang rapi(8). Allah Maha Mengetahui segala yang tersembunyi dan segala yang ketara, dan Dia Maha Besar dan Maha Tinggi(9). Sama sahaja (kepada Allah) sesiapa dari kamu yang menyembunyi perkataannya dan sesiapa yang mengucapkannya dengan lantang dan sesiapa yang bersembunyi di malam hari dan yang muncul di hari siang(10). Setiap manusia mempunyai malaikat-malaikat pengiring dari urusan Allah yang mengikutinya dari hadapan dan dari belakangnya untuk mengawasi-nya. Sesungguhnya Allah tidak mengubahkan keadaan sesuatu kaum sehingga mereka mengubahkan keadaan yang ada pada diri mereka sendiri, dan apabila Allah menghendaki sesuatu keburukan terhadap sesuatu kaum, maka tiada siapa yang dapat menolakkannya dan tiada siapa yang dapat menjadi pelindung mereka selain daripada-Nya."(11)

Perincian Ilmu Allah Yang Syumul

Hati kita berdiri kaget dan gementar di bawah tekanan kesan singgungan-singgungan (ayat-ayat ini) yang memberi gambaran yang amat mendalam ini dan di bawah alunan nada pengungkapan yang melahirkan lagu yang menarik ini, hati kita berdiri kaget ketika mengikuti liku-liku ilmu Allah dan tempat-tempatnya, ketika mengikuti kandungan-kandungan yang tersembunyi di dalam rahim, rahsia-rahsia yang tersemat di dalam hati, dan pergerakan-pergerakan yang sulit di malam hari iaitu pergerakan setiap yang bersembunyi dan setiap yang menampakkan diri, setiap bisikan dan setiap perkataan yang lantang. Semuanya terdedah dengan jelas di bawah mikroskop Ilahi yang terang dan dikesan oleh cahaya ilmu Allah dan para malaikat Hafazah untuk mencatat fikiran-fikiran dan niat-niatnya. Orang-orang yang beriman kepada Allah tentulah mengetahui bahawa ilmu Allah itu meliputi segalanya, tetapi kesan persoalan umum ini di dalam hati tidak sama dengan kesan perinciannya sebagaimana yang dijelaskan sebahagiannya dalam ayat-ayat tadi dengan gambaran yang amat menarik.

Tiada pernyataan abstrak dan pernyataan hakikat umum mengenai ilmu Allah yang dapat dibandingkan dengan pernyataan firman Allah yang berikut:

ٱللَّهُ يَعۡلَمُ مَا تَحۡمِلُ كُلُّ أُنثَىٰ وَمَا تَغِيضُ ٱلۡأَرۡحَامُ
وَمَا تَزۡدَادُۖ وَكُلُّ شَيۡءٍ عِندَهُۥ بِمِقۡدَارٍ ﴿٨﴾

"Allah mengetahui apa yang dikandung setiap perempuan dan setiap kandungan rahim yang kurang dan kandungan rahim yang bertambah. Dan segala sesuatu (diatur) di sisi-Nya dengan ukuran yang rapi"(8)

ketika daya imaginasi keluar mengesan setiap betina/perempuan di alam yang sayup saujana ini, di desa dan di bandar, di rumah-rumah, di gua-gua, di lubang-lubang dan di hutan-hutan untuk menggambarkan ilmu Allah yang mengetahui setiap kandungan yang dikandung oleh rahim betina-betina/perempuan-perempuan ini dan mengetahui setiap titik darah yang kurang atau bertambah di dalam rahim-rahim itu.

Tiada pernyataan abstrak dan peryataan hakikat umum mengenai ilmu Allah yang dapat dibandingkan dengan pernyataan firman Allah yang berikut:

سَوَآءٞ مِّنكُم مَّنۡ أَسَرَّ ٱلۡقَوۡلَ وَمَن جَهَرَ بِهِۦ
وَمَنۡ هُوَ مُسۡتَخۡفِۭ بِٱلَّيۡلِ وَسَارِبُۢ بِٱلنَّهَارِ ﴿١٠﴾

"Sama sahaja (kepada Allah) sesiapa dari kamu yang menyembunyikan perkataannya dan sesiapa yang mengucapkannya dengan lantang dan sesiapa yang bersembunyi di malam hari dan yang muncul di hari siang."(10)

لَهُۥ مُعَقِّبَٰتٞ مِّنۢ بَيۡنِ يَدَيۡهِ وَمِنۡ خَلۡفِهِۦ
يَحۡفَظُونَهُۥ

"Setiap manusia mempunyai malaikat-malaikat peng-iring dari urusan Allah yang mengikutinya dari hadapan dan dari belakangnya untuk mengawasinya."(11)

ketika daya imaginasi keluar mengesan setiap yang berbisik, setiap yang bercakap lantang, setiap yang bersembunyi dan setiap yang muncul di alam buana yang luas ini untuk menggambarkan ilmu Allah yang mengikuti jejak setiap individu dari hadapan dan belakangnya dan mencatatkan segala yang terbit darinya di sepanjang malam dan siang.

Sentuhan-sentuhan ayat-ayat pertama mengenai alam buana yang luas ini tidaklah sehebat dan sedalam sentuhan-sentuhan ayat-ayat yang akhir ini yang memperkatakan tentang alam jiwa, alam ghaib dan alam rahsia, tetapi sentuhan-sentuhan ini adalah setanding dengan sentuhan ayat-ayat pertama dalam aspek menjelaskan ciri perpasangan dan perbandingan.

Pengungkapan-pengungkapan Yang Indah

Marilah kita tinjau sebahagian kecil dari ungkapan-ungkapan dan gambaran yang indah di dalam ayat-ayat itu:

ٱللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَحْمِلُ كُلُّ أُنثَىٰ وَمَا تَغِيضُ ٱلْأَرْحَامُ وَمَا تَزْدَادُ وَكُلُّ شَيْءٍ عِندَهُۥ بِمِقْدَارٍ ﴿٨﴾

"Allah mengetahui apa yang dikandung setiap perempuan dan setiap kandungan rahim yang kurang dan kandungan rahim yang bertambah. Dan segala sesuatu (diatur) di sisi-Nya dengan ukuran yang rapi."(8)

Setelah ia menggambarkan ilmu Allah yang mengetahui setiap darah yang kurang dan bertambah di dalam kandungan rahim, ia iringi pula dengan pernyataan bahawa segala sesuatu di sisi Allah adalah diatur dengan sukatan dan ukuran yang rapi. Ciri keseimbangan di sini amat jelas di antara kata "ukuran" dengan kata-kata "kurang" dan "bertambah". Seluruh persoalan ini dari segi maudhu'nya mempunyai hubungan dengan persoalan penciptaan semula selepas mati yang telah dibicarakan sebelum ini, dan persoalan ini dari segi bentuk mempunyai hubungan dengan pembicaraan selepasnya mengenai pengaliran air di wadi-wadi menurut kadarnya yang telah ditentukan, begitu juga dalam kenyataan kurang dan bertambah itu mengandungi ciri perpasangan yang lumrah di dalam seluruh suasana surah ini.

عَٰلِمُ ٱلْغَيْبِ وَٱلشَّهَٰدَةِ ٱلْكَبِيرُ ٱلْمُتَعَالِ ﴿٩﴾

"Allah Maha Mengetahui segala yang tersembunyi dan segala yang ketara dan Dia Maha Besar dan Maha Tinggi."(9)

Kata-kata "al-Kabir" (Yang Maha Besar) dan kata-kata "al-Muta'al" (Yang Maha Tinggi) kedua-duanya masing-masing memberi bayangan pengertiannya di dalam hati, tetapi sukar untuk digambarkan bayangan-bayangan itu dengan kata-kata yang lain, kerana setiap makhluk yang baru mempunyai sesuatu kekurangan yang mengecilkannya. Mana-mana makhluk Allah yang disifatkan besar atau mana-mana perkara yang disifatkan besar atau mana-mana perbuatan yang dikatakan besar semuanya menjadi kecil dan kerdil apabila disebutkan kebesaran Allah. Begitu juga kata-kata "al-Muta'al" (Yang Maha Tinggi). Apakah anda faqir saya boleh mengemukakan sesuatu mengenai kata-kata ini? Tidak, malah mana-mana ahli tafsir Al-Qur'an yang lain juga terpaksa berhenti kaget di hadapan kata-kata al-Kabir dan al-Muta'al!

سَوَآءٌ مِّنكُم مَّنْ أَسَرَّ ٱلْقَوْلَ وَمَن جَهَرَ بِهِۦ وَمَنْ هُوَ مُسْتَخْفٍۭ بِٱلَّيْلِ وَسَارِبٌۢ بِٱلنَّهَارِ ﴿١٠﴾

"Sama sahaja (kepada Allah) sesiapa dari kamu yang menyembunyikan perkataannya dan sesiapa yang meng-ucapkannya dengan lantang dan sesiapa yang bersem-bunyi di malam hari dan yang muncul di hari siang."(10)

Ciri perpasangan di sini amat jelas dan yang menarik perhatian kami ialah kata-kata "سارب" (muncul pergi) ia hampir-hampir memberi bayangan makna sebaliknya, kerana ia membayangkan pergerakan yang tersembunyi atau hampir-hampir tersembunyi. Kata-kata "السارب" pula bererti "yang muncul pergi" pergerakan pergi dalam kata-kata ini memang dimaksudkan di sini sebagai pasangan kepada bersembunyi. Kelembutan bunyi pada sebutan kata "سارب" dan bayangannya memang dimaksudkan di sini supaya ia tidak merosakkan suasana, iaitu suasana ilmu Ilahi yang amat halus, seni, yang bergerak di belakang kandungan-kandungan rahim yang tersembunyi, di belakang rahsia sulit, di belakang segala sesuatu yang bersembunyi di waktu malam dan seterusnya di belakang para malaikat pengiring yang menurut jejak manusia yang tidak dapat dilihat oleh mata. Kata-kata "سارب" ini dipilih untuk memberi makna yang menjadi pasangan kepada kata-kata "مستخف" (bersembunyi) iaitu pergi dengan lembut, halus dan hampir tersembunyi!

لَهُۥ مُعَقِّبَٰتٌ مِّنۢ بَيْنِ يَدَيْهِ وَمِنْ خَلْفِهِۦ يَحْفَظُونَهُۥ

"Setiap manusia mempunyai malaikat-malaikat pengiring dari urusan Allah yang mengikutinya dari hadapan dan dari belakangnya untuk mengawasinya."(11)

Ayat ini tidak menyebut apa-apa sifat dan takrif mengenai malaikat-malaikat pengiring atau malaikat Hafazah yang menurut jejak setiap manusia, yang mengawasi setiap fikiran yang keluar dan yang datang, di samping mengawasi setiap perasaan dan setiap emosi mereka. Ayat ini tidak menyebut apa-apa mengenai para malaikat ini selain dari pernyataan bahawa mereka adalah dari urusan Allah. Oleh itu

kami juga tidak mahu membuat apa-apa ulasan mengenainya. Siapakah malaikat-malaikat itu? Bagaimana sifatnya? Bagaimana ia menurut jejak manusia? Dan di mana dia berada? Kami tidak mahu menghapuskan suasana ketersembunyian, ketakutan dan langkah-langkah menurut jejak yang dibayangkan oleh ayat ini, kerana semuanya itu memang dimaksudkan di sini. Al-Qur'an telah mengemukakan perkara ini sekadar ini sahaja dan ia tidak pula mengemukakannya begini secara serampangan sahaja. Setiap orang yang mempunyai adirasa (zuk) mengenai suasana-suasana pengungkapan Al-Qur'an merasa gementar untuk merosakkan suasana yang sulit ini dengan penerangan dan penjelasan.

Hubungan Tindakan Manusia Dengan Tindakan Kehendak Masyi'ah Allah

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا۟ مَا بِأَنفُسِهِمْ

"Sesungguhnya Allah tidak mengubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka mengubahkan keadaan yang ada pada diri mereka sendiri."(11)

Allah mengikuti jejak-jejak manusia dengan para malaikat pengiring dari urusan-Nya untuk mengawasi perubahan-perubahan yang dilakukan mereka terhadap diri dan keadaan-keadaan hidup mereka dan mengaturkan tindakan-tindakannya terhadap mereka. Allah tidak mengubah sesuatu ni'mat atau sesuatu penderitaan, Allah tidak mengubah sesuatu kemuliaan atau sesuatu kehinaan melainkan apabila manusia itu sendiri mengubahkan perasaan mereka, amalan-amalan mereka dan realiti hidup mereka dan ketika itulah Allah akan mengubahkan keadaan mereka mengikut perubahan yang berlaku kepada keadaan jiwa dan amalan-amalan mereka. Walaupun Allah mengetahui apa yang akan berlaku kepada mereka sebelum ia berlaku, tetapi segala apa yang berlaku ke atas mereka adalah mengikut keadaan dan realiti yang terbit dari mereka, iaitu ia berlaku selepas masa perubahan itu dibandingkan kepada manusia.

Itulah suatu hakikat yang meletakkan tanggungjawab yang berat ke atas manusia. Kehendak dan undang-undang Allah telah menetapkan bahawa masyi'ah Allah terhadap manusia adalah bergantung kepada tindakan mereka sendiri, dan undang-undang Allah akan berlaku kepada mereka mengikut bagaimana cara mereka melayani undang-undang ini dengan tindak-tanduk mereka. Nas ini cukup terang dan jelas mengenai hakikat ini dan tidak dapat ditakwilkan lagi. Di samping tanggungjawab yang berat itu, nas ini juga merupakan bukti penghormatan Allah kepada manusia, di mana masyi'ah-Nya telah menetapkan bahawa amalan dan tindakan mereka merupakan alat penguatkuasaan masyi'ah Allah terhadapnya.

Setelah menjelaskan prinsip ini, ayat yang berikut menjelaskan pula - mengikut mafhum ayat - bagaimana Allah mengubahkan keadaan sesuatu kaum kepada keburukan kerana mereka mengubahkan keadaan diri mereka kepada keadaan yang lebih buruk lalu iradat Allah bertindak menimpakan akibat yang buruk terhadap mereka:

وَإِذَآ أَرَادَ ٱللَّهُ بِقَوْمٍ سُوٓءًا فَلَا مَرَدَّ لَهُۥ ۚ وَمَا لَهُم
مِّن دُونِهِۦ مِن وَالٍ ﴿١١﴾

"Dan apabila Allah menghendaki sesuatu keburukan terhadap sesuatu kaum, maka tiada siapa yang dapat menolaknya dan tiada siapa yang dapat menjadi pelindung mereka selain daripada-Nya."(11)

Ayat ini menonjolkan bahagian keburukan tidak bahagian kebaikan kerana ayat ini membicarakan orang-orang yang menggesa supaya disegerakan 'azab keburukan ke atas mereka bukannya menggesa supaya diturunkan rahmat kebaikan. Dalam ayat yang terdahulu Allah mendahulukan keampunan di atas 'azab keseksaan untuk menonjolkan kelalaian mereka. Dan dalam ayat ini Allah menonjolkan akibat yang buruk sahaja untuk memberi amaran kepada mereka bahawa tiada siapa yang dapat menolak 'azab Allah yang wajar ditimpakan ke atasnya dengan sebab keburukan yang ada pada diri mereka dan tiada seorang pelindung pun yang dapat menolong dan membela mereka dari 'azab itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 12 - 16)

Di Sebalik Fenomena-fenomena Alam Yang Besar

Kemudian ayat berikut membawa kita ke dalam satu penjelajahan di suatu wadi yang lain yang bersambung dengan wadi yang kita telah jelajahi tadi, iaitu sebuah wadi, di mana terkumpulnya pemandangan-pemandangan alam dan perasaan-perasaan yang mempunyai gambaran bayangan dan nada yang saling merangkumi dan selaras serta diselubungi ketakutan, rendah diri, kepenatan dan kebimbangan. Sementara hati tertunggu-tunggu berwaspada dan terharu:

هُوَ ٱلَّذِى يُرِيكُمُ ٱلْبَرْقَ خَوْفًا وَطَمَعًا وَيُنشِئُ
ٱلسَّحَابَ ٱلثِّقَالَ ﴿١٢﴾
وَيُسَبِّحُ ٱلرَّعْدُ بِحَمْدِهِۦ وَٱلْمَلَٰٓئِكَةُ مِنْ خِيفَتِهِۦ
وَيُرْسِلُ ٱلصَّوَٰعِقَ فَيُصِيبُ بِهَا مَن يَشَآءُ وَهُمْ
يُجَٰدِلُونَ فِى ٱللَّهِ وَهُوَ شَدِيدُ ٱلْمِحَالِ ﴿١٣﴾
لَهُۥ دَعْوَةُ ٱلْحَقِّ ۖ وَٱلَّذِينَ يَدْعُونَ مِن دُونِهِۦ لَا يَسْتَجِيبُونَ لَهُم
بِشَىْءٍ إِلَّا كَبَٰسِطِ كَفَّيْهِ إِلَى ٱلْمَآءِ لِيَبْلُغَ فَاهُ وَمَا هُوَ بِبَٰلِغِهِۦ ۚ
وَمَا دُعَآءُ ٱلْكَٰفِرِينَ إِلَّا فِى ضَلَٰلٍ ﴿١٤﴾

وَلِلَّهِ يَسْجُدُ مَن فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ طَوْعًا وَكَرْهًا
وَظِلَالُهُم بِالْغُدُوِّ وَالْآصَالِ ﴿١٥﴾
قُلْ مَن رَّبُّ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ قُلِ اللَّهُ قُلْ أَفَاتَّخَذْتُم
مِّن دُونِهِ أَوْلِيَاءَ لَا يَمْلِكُونَ لِأَنفُسِهِمْ نَفْعًا وَلَا
ضَرًّا قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الْأَعْمَىٰ وَالْبَصِيرُ أَمْ هَلْ تَسْتَوِي
الظُّلُمَاتُ وَالنُّورُ أَمْ جَعَلُوا لِلَّهِ شُرَكَاءَ خَلَقُوا كَخَلْقِهِ فَتَشَابَهَ
الْخَلْقُ عَلَيْهِمْ قُلِ اللَّهُ خَالِقُ كُلِّ شَيْءٍ وَهُوَ الْوَاحِدُ الْقَهَّارُ ﴿١٦﴾

"Dialah yang memperlihatkan kilat kepada kamu untuk menimbulkan ketakutan dan harapan dan Dialah yang menciptakan awan-awan yang berat(12). Dan guruh bertasbih memuji-Nya dan malaikat juga (bertasbih) kerana takut kepada-Nya dan Dialah yang melepaskan halilintar lalu mengenai sesiapa yang dikehendaki-Nya, sedangkan mereka mempertikaikan tentang Allah dan Dia amat berat penyeksaan-Nya(13). Do'a yang sebenar itu ialah kepada Allah, sedangkan tuhan-tuhan palsu yang mereka berdo'a kepadanya selain Allah tidak dapat memperkenankan sedikit pun do'a mereka melainkan seperti seorang yang menghulurkan kedua telapak tangannya ke dalam air supaya air sampai ke mulutnya dan tentulah ia tidak akan sampai ke mulutnya. Dan tiada do'a orang-orang yang kafir itu melainkan semuanya berada dalam kesia-siaan belaka(14). Dan hanya kepada Allah jua sujudnya sekalian penghuni langit dan bumi sama ada secara sukarela atau terpaksa, dan bayang-bayang mereka (juga turut sujud) di waktu pagi dan petang(15). Katakanlah: Siapakah Tuhan langit dan bumi? Jawablah: Allah. Katakanlah: Apakah patut kamu mengambil selain Allah pelindung-pelindung yang tidak terdaya menentukan manfa'at dan mudharat kepada diri mereka sendiri? Katakanlah: Apakah sama orang yang buta dengan orang yang celik atau apakah sama gelap-gelita dengan cahaya yang terang? Atau apakah mereka mengadakan bagi Allah sekutu-sekutu yang berkuasa mencipta sama seperti ciptaan-Nya sehingga ia mengelirukan mereka? Katakanlah: Hanya Allah sahaja yang berkuasa menciptakan segala sesuatu dan Dia Maha Esa dan Maha Gagah Perkasa."(16)

Kilat, guruh dan awan merupakan pemandangan-pemandangan yang dikenali umum begitu juga pemandangan petir-petir yang kadang-kadang menyertainya merupakan pemandangan-pemandangan yang memberi kesan di dalam hati manusia, sama ada pada mereka yang banyak mengetahui tentang tabi'at kejadian-kejadian ini atau pada mereka yang tidak mengetahui langsung tentang Allah. Semua kejadian-kejadian itu terkumpul di dalam ayat ini dan ditokok pula dengan keterangan-keterangan mengenai malaikat, bayang-bayang, tasbih, sujud, takut, harapan, do'a yang sebenar dan do'a yang tidak mustajab, kemudian ditambahkan pula dengan satu gambaran keadaan seorang yang tertalu kepingin kepada air di mana ia menghulur dua tapak tangannya untuk mendapatkan air sambil membuka mulutnya mengharapkan setitik air.

Semuanya itu tidak terkumpul dalam ayat-ayat ini secara kebetulan atau serampangan sahaja, malah ia terkumpul untuk memberi bayangan kepada pemandangan dan untuk menyelubunginya dengan suasana cemas, tertunggu-tunggu, takut, berangan-angan, rendah diri dan gementar dalam penjelasan ayat yang menggambarkan kuasa Allah yang mutlak, yang merupakan satu-satunya kuasa yang menunduk dan memberi manfa'at dan mudharat, dan penjelasan ini adalah bertujuan untuk menolak sekutu-sekutu yang didakwa oleh manusia dan menakutkan mereka terhadap akibat mempersekutukan Allah.

هُوَ الَّذِي يُرِيكُمُ الْبَرْقَ خَوْفًا وَطَمَعًا

"Dialah yang memperlihatkan kilat kepada kamu untuk menimbulkan ketakutan dan harapan".(12)

Yakni Allahlah yang memperlihatkan fenomema alam ini kepada kamu dan ia terjadi dari tabi'at alam yang dijadikan Allah sedemikian rupa dengan ciri-ciri dan fenomenafenomenanya yang istimewa, di antaranya ialah kilat yang diperlihatkan kepada kamu mengikut undang-undang-Nya dan menyebabkan kamu merasa takut kerana sinarannya menggoncangkan saraf kamu, dan kadang-kadang ia berubah menjadi petir dan kadang-kadang menjadi tanda amaran banjir besar yang menjahanamkan sebagaimana kamu mengetahuinya dari pengalaman-pengalaman kamu. Kilat juga menimbulkan harapan di sebaliknya kerana kadang-kadang selepas kilat turunnya hujan lebat yang menyuburkan tanah-tanah yang mati dan menambahkan pengaliran air sungai-sungai.

وَيُنشِئُ السَّحَابَ الثِّقَالَ ﴿١٢﴾

"Dan Dialah yang menciptakan awan-awan yang berat."(12)

Yakni Allah mengadakan awan-awan yang penuh sarat dengan air. Ia terjadi mengikut undang-undang Allah yang telah mencipta dan menyusun alam ini sebegitu rupa. Kemudian awan-awan itu menurunkan hujan. Seandainya Allah tidak menjadikan alam dengan rupa bentuknya yang ada sekarang tentulah awan tidak wujud dan hujan tidak turun. Pengetahuan kita tentang bagaimana terbentuknya awan dan bagaimana turunnya hujan tidak menghilangkan sedikit pun kehebatan dan keindahan fenomena alam itu, juga tidak sedikit pun menghilangkan kepentingannya yang besar. Awan-awan itu terbentuk mengikut struktur alam yang khusus yang tiada siapa dapat menciptakannya melainkan Allah, juga mengikut satu undang-undang yang mengendalikan struktur itu, yang tiada siapa pun dari para hamba Allah yang turut serta mengaturkan undang-undang itu sebagaimana alam tidak menciptakan dirinya sendiri dan tidak pula mengaturkan undang-undangnya.

Guruh selaku fenomena yang ketiga bagi suasana hujan, kilat dan bunyi guruh yang gemuruh itu merupakan salah satu dari kesan-kesan undang-undang alam buana yang diciptakan Allah. Walau apa pun tabi'at dan sebab-sebab guruh itu, namun ia tetap merupakan suatu gema yang diciptakan Allah di alam ini. Guruh merupakan pernyataan pujian dan tasbih terhadap qudrat Ilahi yang mengaturkan undang-undang alam ini sebagaimana setiap buatan yang cantik dan indah itu bertasbih dan mengumumkan pujiannya terhadap tukang yang membuatnya kerana kecantikan dan keindahan hasil pertukangannya. Mungkin juga yang dimaksudkan dengan tasbih di sini ialah tasbih dalam ertikatanya yang sebenar, dengan erti guruh itu benar-benar memuji Allah. Hakikat ghaib yang dilindungi Allah dari manusia itu pastilah diterima dengan tasdiq dan taslim, kerana mereka tidak mengetahui urusan alam dan hakikat diri mereka melainkan sebahagian kecil darinya sahaja.

Ungkapan ayat ini menjelaskan bahawa guruh itu memuji Allah. Ini sesuai dengan methodologi penggambaran Al-Qur'an dalam penjelasan ayat yang seperti ini. Ungkapan ayat ini menyalutkan sifat-sifat hidup dan harakatnya kepada pemandangan-pemandangan alam yang senyap itu supaya turut mengambil bahagian di dalam pemandangan itu dengan harakat yang sama dengan harakat seluruh pemandangan itu - sebagaimana saya telah huraikan dalam buku التصوير الفني في القرآن . Pemandangan di sini ialah pemandangan makhluk-makhluk hidup dalam suasana tabi'i, di mana digambarkan para malaikat bertasbih kerana takut kepada Allah, do'a yang ditujukan kepada Allah dan do'a yang ditujukan kepada sekutu-sekutu (tuhan-tuhan palsu), di samping digambarkan seorang manusia yang menghulurkan dua telapak tangannya ke air supaya sampai ke mulutnya dan tentulah air itu tidak akan sampai ke mulutnya. Dan di tengah-tengah pemandangan makhluk yang berdo'a, beribadat kepada Allah dan bergerak inilah guruh turut serta bersama makhluk hidup yang lain melepaskan tangannya bertasbih dan berdo'a.

Kemudian suasana takut, berdo'a, kilat, guruh dan awan-awan berat yang membawa hujan disempurnakan dengan petir-petir yang menyambar siapa sahaja yang dikehendaki Allah. Petir-petir juga merupakan satu fenomena alam yang terjadi dari struktur alam yang diciptakan sedemikian rupa. Kadang-kadang Allah melepaskan petir itu ke atas orang-orang yang mengubahkan keadaan diri mereka sesuai dengan kehendak kebijaksanaannya supaya mereka tidak diberi tempoh lagi kerana Allah mengetahui bahawa penempohan itu tidak akan memberi apa-apa kebaikan kepada mereka. Oleh sebab itulah mereka wajar dibinasakan.

Tetapi yang anehnya dalam suasana kilat, guruh dan petir yang ngeri, dalam gegak gempita tasbih guruh memuji Allah, gema tasbih malaikat yang takut kepada Allah dan dalam tiupan ribut badai yang menyatakan kemarahan Alah.dalam suasana-suasana yang ngeri dan hebat ini masih bergema suara-suara manusia yang mempertikaikan (kewujudan dan keesaan) Allah yang memiliki seluruh kekuatan itu dan mencetuskan segala bunyi guruh dan petir yang mengatasi suara segala pertikaian dan segala penyeksaan:

وَهُمْ يُجَٰدِلُونَ فِى ٱللَّهِ وَهُوَ شَدِيدُ ٱلْمِحَالِ ﴿١٣﴾

"Sedangkan mereka mempertikaikan tentang Allah dan Dia amat berat penyeksaan-Nya."(13)

Demikianlah lenyapnya suara-suara mereka yang lemah itu di dalam suasana yang menakutkan ini, di mana bergemanya suara do'a dan permohonan-permohonan; suara guruh dan petir yang berdentuman, dan semuanya mengakui kewujudan dan keesaan Allah yang dipertikaikan mereka, juga mengakui bahawa segala tasbih dan tahmid itu adalah terpulang kepada Allah Maha Esa sahaja dari fenomena-fenomena alam yang paling besar dan dari para malaikat yang bertasbih kerana takut kepada-Nya. Di sini kesan ketakutan itu benar-benar dirasakan. Ia tidak dapat dibandingkan dengan seluruh suara manusia yang lemah yang mempertikaikan (kewujudan dan keesaan) Allah, sedangkan penyeksaan-Nya amat berat.

Mereka mempertikaikan (keesaan) Allah dan menghubungkan kepada-Nya berbagai-bagai sekutu yang dipohonkan mereka bersama Allah. Berdo'a kepada Allah Maha Esa itulah yang benar dan berdo'a kepada yang lain dari Allah adalah karut belaka dan orang yang berdo'a kepadanya tidak memperolehi apa-apa selain dari kepenatan:

لَهُۥ دَعْوَةُ ٱلْحَقِّ ۖ وَٱلَّذِينَ يَدْعُونَ مِن دُونِهِۦ لَا يَسْتَجِيبُونَ لَهُم بِشَىْءٍ إِلَّا كَبَٰسِطِ كَفَّيْهِ إِلَى ٱلْمَآءِ لِيَبْلُغَ فَاهُ وَمَا هُوَ بِبَٰلِغِهِۦ ۚ وَمَا دُعَآءُ ٱلْكَٰفِرِينَ إِلَّا فِى ضَلَٰلٍ ﴿١٤﴾

"Do'a yang sebenar itu ialah kepada Allah, sedangkan tuhan-tuhan palsu yang mereka berdo'a kepadanya selain Allah tidak dapat memperkenankan sedikit pun do'a mereka melainkan seperti seorang yang menghulurkan kedua telapak tangannya ke dalam air supaya air sampai ke mulutnya dan tentulah ia tidak akan sampai ke mulut-nya. Dan tiada do'a orang-orang yang kafir itu melainkan semuanya berada dalam kesia-siaan belaka."(14)

Berdo'a Kepada Allah Dan Berdo'a Kepada Tuhan-tuhan Palsu

Pemandangan di sini amat jelas, hidup dan bergerak, letih lesu dan kempunan. Do'a yang benar hanya satu sahaja, do'a inilah sahaja yang diterima dan diperkenankan. Itulah do'a kepada Allah, bertawajjuh kepada-Nya, memohon pertolongan, rahmat dan hidayat dari-Nya. Selain dari itu adalah batil dan sia-sia belaka. Tidakkah anda lihat keadaan orang-orang yang berdo'a kepada yang lain dari Allah yang terdiri dari berbagai-bagai sekutu? Lihatlah salah

seorang dari mereka. Dia kelihatan begitu kempunan dan dahaga. Dia menghulurkan dua tangannya dan membuka dua telapak tangannya, sedangkan mulutnya terbuka mengumat-ngamitkan do'a meminta air sampai ke mulutnya, sedangkan air tidak akan sampai ke mulutnya walaupun setelah dia bersusah payah dan berada dalam keadaan kempunan. Beginilah kesudahan do'a orang-orang yang kafir terhadap Allah apabila mereka berdo'a kepada tuhan-tuhan palsu:

وَمَا دُعَآءُ ٱلۡكَٰفِرِينَ إِلَّا فِي ضَلَٰلٖ ١٤

"Dan tiada do'a orang-orang yang kafir itu melainkan semuanya berada di dalam kesia-siaan belaka."(14)

Dalam suasana apakah orang yang berdo'a yang kempunan ini tidak mendapat setitis air itu? Dalam suasana kilat, guruh dan awan-awan mendung yang berlari di sana dengan perintah Allah Yang Maha Esa dan Maha Perkasa.

Ketika orang-orang yang kecewa yang bertuhankan tuhan-tuhan palsu itu meletakkan harapan dan berdo'a kepada mereka, tiba-tiba (dalam ayat berikut) seluruh penghuni alam tunduk kepada Allah. Seluruh mereka diperintah dengan iradat Allah, patuh kepada peraturan-Nya dan dipaksa mengikut undang-undang-Nya; yang beriman tunduk kerana ta'at dan yakin, dan yang tidak beriman tunduk kerana terpaksa. Tiada siapa pun yang dapat keluar dari lingkungan iradat Allah dan tiada siapa pun yang dapat hidup di luar undang-undang Allah yang diatur untuk mengendalikan kehidupan mereka:

وَلِلَّهِ يَسۡجُدُ مَن فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ طَوۡعٗا وَكَرۡهٗا
وَظِلَٰلُهُم بِٱلۡغُدُوِّ وَٱلۡأٓصَالِ ۩ ١٥

"Dan hanya kepada Allah jua sujudnya sekalian penghuni langit dan bumi sama ada secara sukarela atau terpaksa, dan bayang-bayang mereka (juga turut sujud) di waktu pagi dan petang."(15)

Oleh sebab suasana di sini suasana ibadat dan do'a, maka ayat ini mengungkapkan kepatuhan kepada masyi'ah Allah itu dengan harakat sujud yang melambangkan kemuncak 'Ubudiyah atau kehambaan, kemudian ia menggabungkan tubuh-tubuh penghuni langit dan bumi dengan bayang-bayangnya masing-masing, iaitu bayang-bayang mereka di waktu pagi dan di waktu petang ketika sinaran matahari meneduh dan bayang-bayang memanjang, ia menggabungkan bayang-bayang ini dengan tubuh-tubuh itu agar bersama-sama sujud kepada Allah merendahkan diri dan menjunjung perintah Allah. Bayang-bayang itu sendiri merupakan suatu hakikat kerana bayang-bayang itu mengikut tubuh, kemudian hakikat ini melontarkan bayangan ke atas pemandangan itu dan menjadikannya satu pemandangan yang amat menarik, di mana berlangsungnya dua sujud iaitu sujud tubuh dan sujud bayang. Ia membuat seluruh alam buana termasuk tubuh-tubuh dan bayang-bayang melutut patuh sama ada melalui keimanan atau tidak melalui keimanan, semuanya sujud kepada Allah, sedangkan golongan manusia yang hampa terus menyembah tuhan-tuhan palsu selain Allah.

Pertanyaan-pertanyaan Yang Memalukan

Dalam suasana pemandangan yang menarik ini Allah mencabar mereka dengan pertanyaan-pertanyaan yang menghina, kerana tidak ada yang lebih wajar di dalam suasana seperti ini melainkan ejekan dan sendaan:

قُلۡ مَن رَّبُّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ قُلِ ٱللَّهُۚ قُلۡ أَفَٱتَّخَذۡتُم
مِّن دُونِهِۦٓ أَوۡلِيَآءَ لَا يَمۡلِكُونَ لِأَنفُسِهِمۡ نَفۡعٗا وَلَا
ضَرّٗاۚ قُلۡ هَلۡ يَسۡتَوِي ٱلۡأَعۡمَىٰ وَٱلۡبَصِيرُ أَمۡ هَلۡ تَسۡتَوِي
ٱلظُّلُمَٰتُ وَٱلنُّورُۗ أَمۡ جَعَلُواْ لِلَّهِ شُرَكَآءَ خَلَقُواْ كَخَلۡقِهِۦ فَتَشَٰبَهَ
ٱلۡخَلۡقُ عَلَيۡهِمۡۚ قُلِ ٱللَّهُ خَٰلِقُ كُلِّ شَيۡءٖ وَهُوَ ٱلۡوَٰحِدُ ٱلۡقَهَّٰرُ ١٦

"Katakanlah: Siapakah Tuhan langit dan bumi? Jawablah: Allah. Katakanlah: Apakah patut kamu mengambil selain Allah pelindung-pelindung yang tidak terdaya menentukan manfa'at dan mudharat kepada diri mereka sendiri? Katakanlah: Apakah sama orang yang buta dengan orang yang celik atau apakah sama gelap-getita dengan cahaya yang terang? Atau apakah mereka mengadakan bagi Allah sekutu-sekutu yang berkuasa mencipta sama seperti ciptaan-Nya sehingga ia mengelirukan mereka? Katakanlah: Hanya Allah sahaja yang berkuasa menciptakan segala sesuatu dan Dia Maha Esa dan Maha Gagah Perkasa."(16)

Yakni tanyalah mereka - sesudah ternyata bahawa seluruh penghuni langit dan bumi adalah tertakluk kepada qudrat dan iradat Allah belaka sama ada suka atau tidak suka - siapakah lagi Tuhan langit dan bumi? Pertanyaan ini bukannya untuk dijawab oleh mereka kerana ayat yang lepas telah pun memberi jawapannya dan mereka telah pun mendengar jawapan itu dalam bentuk perkataan dan pemandangan:

قُلِ ٱللَّهُۚ

"Jawablah: Allah."(16)

Kemudian tanya lagi:

أَفَٱتَّخَذۡتُم مِّن دُونِهِۦٓ أَوۡلِيَآءَ لَا يَمۡلِكُونَ لِأَنفُسِهِمۡ
نَفۡعٗا وَلَا ضَرّٗاۚ

"Apakah patut kamu mengambil selain Allah pelindung-pelindung yang tidak terdaya menentukan manfa'at dan mudharat kepada diri mereka sendiri?"(16)

Pertanyaan ini bertujuan untuk mengecam mereka kerana mereka sebenarnya telah pun mengambil

pelindung-pelindung yang lain dari Allah. Yakni tanyalah mereka, sedangkan persoalan ini amat jelas dan perbezaan di antara kebenaran dan kebatilan juga amat jelas, iaitu sejelas perbezaan di antara buta dan celik, di antara gelap dan cerah. Kata-kata "orang yang buta dan orang yang celik" itu ditujukan kepada mereka dan kepada para Mu'minin. Kebutaan matahati itulah satu-satunya sebab yang menghalangkan mereka dari melihat kebenaran yang amat jelas, yang dirasai kesannya oleh seluruh penghuni langit dan bumi. Kata "gelap-gelita dan cahaya yang terang" dituju untuk menggambarkan keadaan mereka dan keadaan para Mu'minin. Keadaan-keadaan yang gelap-gelita yang menutup pemandangan itulah yang menyelubungi dan menahan mereka dari memahami kebenaran yang amat jelas itu.

Apakah mereka melihat tuhan-tuhan palsu yang disembah mereka selain dari Allah itu telah menciptakan makhluk-makhluk yang sama dengan makhluk-makhluk yang telah diciptakan Allah sehingga menyebabkan mereka keliru di antara makhluk-makhluk yang diciptakan Allah dengan makhluk-makhluk yang diciptakan tuhan-tuhan palsu itu? Seandainya benar begini tentulah mereka boleh dimaafkan jika mereka menyembah tuhan-tuhan palsu itu, kerana tuhan-tuhan ini juga mempunyai sifat-sifat Allah, iaitu sifat berkuasa mencipta yang melayakkan mereka disembah. Dan tanpa sifat ini mereka tidak syak lagi tidak wajar disembah.

Inilah kecaman yang amat pahit terhadap golongan manusia yang melihat segala sesuatu yang diciptakan Allah dan melihat tuhan-tuhan palsu yang disembah mereka tidak menciptakan sesuatu apa dan tidak akan menciptakan sesuatu apa. Mereka hanya makhluk-makhluk Allah belaka, namun demikian mereka masih menyembah tuhan-tuhan palsu itu dan memberi keta'atannya yang tidak berbelah bagi. Itulah serendah-rendah tahap pemikiran yang dicapaikan akal mereka.

(Ayat berikut) merupakan kata-kata kesimpulan terhadap kecaman yang pedas yang tidak dapat ditolak dan dipertikaikan itu setelah diajukan pertanyaan tadi:

قُلِ ٱللَّهُ خَٰلِقُ كُلِّ شَيْءٍ وَهُوَ ٱلْوَٰحِدُ ٱلْقَهَّٰرُ ١٦

"Katakanlah: Hanya Allah sahaja yang berkuasa menciptakan segala sesuatu dan Dia Maha Esa dan Maha Gagah Perkasa."(16)

Itulah konsep Wahdaniyah dalam penciptaan dan konsep Wahdaniyah dalam penguatkuasaan yang melambangkan kemuncak kekuasaan. Demikianlah persoalan sekutu-sekutu atau tuhan-tuhan palsu itu dari permulaan lagi dikepung dengan pemandangan sujud, di mana seluruh penghuni langit dan bumi dan bayang-bayang mereka sujud kepada Allah sama ada suka atau tidak suka, dan pada akhirnya dikepung dengan pemandangan penguatkuasaan Allah, di mana segala sesuatu di langit dan di bumi tunduk kepada Allah belaka, dan sebelum ini ia telah didahului oleh pemandangan kilat-kilat, guruh-guruh, petir-petir, tasbih dan tahmid yang menyatakan ketakutan dan pengharapan kepada Allah. Tiada lagi hati yang sanggup menghadapi keadaan-keadaan yang menakutkan ini, melainkan hati yang buta yang hidup di dalam gelap-gelita sehingga ia dibinasakan.

Sebelum kita meninggal wadi ini, eloklah kita sentuhkan ciri perpasangan-perpasangan yang dapat diperhatikan di dalam gaya pengungkapan, di mana ketakutan dipasangkan dengan pengharapan, kilat yang menyambar dipasangkan dengan awan yang berat. Kata-kata "berat" di sini di samping dihubungkan kepada air turut dijadikan pasangan kepada kilat yang ringan dan menyambar, tasbih guruh yang memuji Allah dipasangkan dengan tasbih malaikat yang takut kepada Allah, do'a yang benar dipasangkan dengan do'a yang penat dan hampa, langit dipasangkan dengan bumi, sujud secara sukarela dipasangkan dengan sujud secara terpaksa, tubuh-tubuh dipasangkan dengan bayang-bayang, Khaliq yang berkuasa dipasangkan dengan tuhan-tuhan palsu yang tidak berkuasa menciptakan suatu apa dan tidak pula berkuasa menentukan manfa'at dan mudharat terhadap diri mereka sendiri. Demikianlah penjelasan ayat-ayat itu berlangsung mengikut gaya dan caranya yang halus, gemilang dan teratur rapi.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 17 - 18)

Di Antara Hakikat Dan Buih-buih

Kemudian marilah kita ikuti penjelasan ayat berikut yang membuat perbandingan di antara kebenaran dengan kebatilan, da'wah yang kekal dengan da'wah yang hilang bersama angin, kebaikan yang tenang dengan kejahatan yang kacau. Perbandingan yang dibuat di sini memperlihatkan kekuatan Allah Yang Maha Esa dan Maha Gagah Perkasa, juga memperlihatkan tadbir Allah yang rapi yang menentukan segala sesuatu. Perbandingan ini adalah dari jenis pemandangan-pemandangan alam yang mengsuasanakan penjelasan ayat-ayat ini.

أَنزَلَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَسَالَتْ أَوْدِيَةٌۢ بِقَدَرِهَا فَٱحْتَمَلَ
ٱلسَّيْلُ زَبَدًا رَّابِيًا ۚ وَمِمَّا يُوقِدُونَ عَلَيْهِ فِى ٱلنَّارِ ٱبْتِغَآءَ
حِلْيَةٍ أَوْ مَتَٰعٍ زَبَدٌ مِّثْلُهُۥ ۚ كَذَٰلِكَ يَضْرِبُ ٱللَّهُ ٱلْحَقَّ
وَٱلْبَٰطِلَ ۚ فَأَمَّا ٱلزَّبَدُ فَيَذْهَبُ جُفَآءً ۖ وَأَمَّا مَا يَنفَعُ
ٱلنَّاسَ فَيَمْكُثُ فِى ٱلْأَرْضِ ۚ كَذَٰلِكَ يَضْرِبُ ٱللَّهُ
ٱلْأَمْثَالَ ١٧

"Dialah yang telah menurunkan hujan dari langit lalu mengalir di wadi-wadi menurut kadar yang ditentukan-Nya,

kemudian banjir membawa buih-buih yang kembang, dan dari logam-logam yang mereka leburkannya di dalam api untuk membuat perhiasan dan perkakas-perkakas itu juga terdapat buih-buih yang sama dengannya. Demikianlah Allah membuat perbandingan di antara kebenaran dan kebatilan. Adapun buih, maka ia akan hilang lenyap terbuang, dan adapun yang berguna kepada manusia, maka ia akan tetap di bumi. Demikianlah Allah membuat perbandingan-perbandingan."(17)

Penurunan hujan dari langit hingga memenuhi wadi-wadi itu adalah seimbang dengan suasana kilat, guruh dan awan-awan yang berat yang wujud di dalam pemandangan yang silam. Ia juga menjadi sebahagian dari pemandangan alam yang besar, di mana dibicarakan persoalan-persoalan surah dan maudhu'-maudhu'nya di samping membuktikan qudrat Allah Yang Maha Esa dan Gagah Perkasa. Air yang mengalir di wadi-wadi mengikut kadar yang tertentu itu adalah sama dengan segala sesuatu yang lain yang ditentukan mengikut kadar tenaga dan keperluannya masing-masing dan ia juga menjadi bukti betapa rapinya pentadbiran Allah yang menentukan segala-galanya. Ia merupakan salah satu persoalan yang dibicarakan oleh surah ini. Semuanya itu menjadi latar belakang bagi perbandingan yang hendak disampaikan Allah kepada manusia, iaitu perbandingan yang diambil dari sesuatu yang dilihat dalam hidup mereka dan dilalui mereka tanpa perhatian.

Air yang turun dari langit itu mengalir memenuhi wadi-wadi dan di tengah jalannya ia mengumpulkan buih-buih kotor yang terapung-apung di permukaan air hingga kadang-kadang ia melindungi air. Buih-buih itu mengembang dan bertambah banyak, tetapi ia tetap buih yang kotor juga, sedangkan air di bawahnya mengalir tenang, tetapi ia adalah air yang membawa rahmat dan hayat. Buih-buih seperti itu berlaku juga pada logam-logam yang dilebur untuk dibuat perhiasan seperti emas dan perak atau untuk dibuat bejana-bejana atau alat-alat yang berguna dalam kehidupan seperti besi dan timah, di sana buih-buih yang kotor itu timbul di permukaan cecair logam itu hingga kadang-kadang menutupi logam asli, tetapi ia tetap merupakan buih-buih kotor yang akan hilang lenyap dan yang tetap tinggal ialah logam yang bersih.

Itulah perbandingan di antara kebenaran dan kebatilan di dalam hidup ini, di mana yang batil timbul, mengembang dan terapung-apung seperti buih-buih yang kotor dan tidak lama kemudian ia hilang lenyap dan terbuang kerana ia tidak mempunyai hakikat dan daya tahan yang padu, sedangkan yang benar tetap tenang walaupun kadang-kadang disangkakan orang ia tersorok, tenggelam, hilang atau mati, namun ia tetap teguh di bumi seperti air dan logam yang tulen yang berguna kepada manusia.

كَذَٰلِكَ يَضْرِبُ ٱللَّهُ ٱلْأَمْثَالَ ١٧

"Demikianlah Allah membuat perbandingan-perbandingan?"(17)

Dan demikianlah juga Allah menjelaskan nasib kesudahan da'wah-da'wah, nasib kesudahan kepercayaan-kepercayaan dan akibat-akibat segala amalan dan perkataan. Dialah Allah Yang Maha Esa, Yang Maha Gagah Perkasa, yang mengendalikan urusan alam buana dan hayat, yang mengetahui lahir dan batin, yang benar dan yang batil, yang kekal dan yang hilang.

Siapa yang menyahut da'wah Allah akan mendapat kesudahan yang paling baik, dan, siapa yang tidak menyahut da'wah Allah akan bertemu dengan 'azab yang amat dahsyat yang akan membuat seorang itu sanggup menebuskan diri darinya dengan seluruh harta kekayaan di bumi ini jika ia memilikinya, namun dia tidak akan mungkin menebuskan dirinya. Dia tetap akan dihisab dan dia tetap memperolehi Neraka Jahannam sebagai tempat kediamannya, itulah seburuk-buruk tempat kediaman:

لِلَّذِينَ ٱسْتَجَابُوا۟ لِرَبِّهِمُ ٱلْحُسْنَىٰ ۚ وَٱلَّذِينَ لَمْ يَسْتَجِيبُوا۟ لَهُۥ
لَوْ أَنَّ لَهُم مَّا فِى ٱلْأَرْضِ جَمِيعًا وَمِثْلَهُۥ مَعَهُۥ لَٱفْتَدَوْا۟
بِهِۦٓ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمْ سُوٓءُ ٱلْحِسَابِ وَمَأْوَىٰهُمْ جَهَنَّمُ ۖ
وَبِئْسَ ٱلْمِهَادُ ١٨

"Bagi orang-orang yang menyahut seruan Tuhan mereka (dikurniakan) balasan yang terbaik dan bagi orang-orang yang tidak menyahut seruan itu (disediakan 'azab), dan jika mereka memiliki kekayaan yang ada di bumi ini dan (ditambahkan pula) sebanyak itu lagi bersamanya nescaya mereka akan menebuskan diri mereka dengannya. Merekalah yang akan menghadapi hisab yang berat dan tempat kediaman mereka ialah Neraka Jahannam seburuk-buruk tempat kediaman."(18)

Di sini orang-orang yang menyahut da'wah Allah dipasangkan dengan orang-orang yang tidak menyahut da'wah Allah, balasan yang paling baik dipasangkan dengan 'azab yang amat dahsyat, dengan Neraka Jahannam dan dengan seburuk-buruk tempat kediaman.

(Kumpulan ayat-ayat 19 - 43)

أَفَمَن يَعْلَمُ أَنَّمَآ أُنزِلَ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَ ٱلْحَقُّ كَمَنْ هُوَ أَعْمَىٰٓ ۚ إِنَّمَا
يَتَذَكَّرُ أُو۟لُوا۟ ٱلْأَلْبَٰبِ ١٩
ٱلَّذِينَ يُوفُونَ بِعَهْدِ ٱللَّهِ وَلَا يَنقُضُونَ ٱلْمِيثَٰقَ ٢٠
وَٱلَّذِينَ يَصِلُونَ مَآ أَمَرَ ٱللَّهُ بِهِۦٓ أَن يُوصَلَ وَيَخْشَوْنَ
رَبَّهُمْ وَيَخَافُونَ سُوٓءَ ٱلْحِسَابِ ٢١

وَالَّذِينَ صَبَرُوا ابْتِغَاءَ وَجْهِ رَبِّهِمْ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ
وَأَنْفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً وَيَدْرَءُونَ بِالْحَسَنَةِ
السَّيِّئَةَ أُولَٰئِكَ لَهُمْ عُقْبَى الدَّارِ ﴿٢٢﴾
جَنَّاتُ عَدْنٍ يَدْخُلُونَهَا وَمَنْ صَلَحَ مِنْ آبَائِهِمْ وَأَزْوَاجِهِمْ
وَذُرِّيَّاتِهِمْ ۖ وَالْمَلَائِكَةُ يَدْخُلُونَ عَلَيْهِمْ مِنْ كُلِّ بَابٍ ﴿٢٣﴾
سَلَامٌ عَلَيْكُمْ بِمَا صَبَرْتُمْ ۚ فَنِعْمَ عُقْبَى الدَّارِ ﴿٢٤﴾
وَالَّذِينَ يَنْقُضُونَ عَهْدَ اللَّهِ مِنْ بَعْدِ مِيثَاقِهِ
وَيَقْطَعُونَ مَا أَمَرَ اللَّهُ بِهِ أَنْ يُوصَلَ وَيُفْسِدُونَ
فِي الْأَرْضِ ۙ أُولَٰئِكَ لَهُمُ اللَّعْنَةُ وَلَهُمْ سُوءُ الدَّارِ ﴿٢٥﴾
اللَّهُ يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَنْ يَشَاءُ وَيَقْدِرُ ۚ وَفَرِحُوا بِالْحَيَاةِ
الدُّنْيَا وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا فِي الْآخِرَةِ إِلَّا مَتَاعٌ ﴿٢٦﴾
وَيَقُولُ الَّذِينَ كَفَرُوا لَوْلَا أُنْزِلَ عَلَيْهِ آيَةٌ مِنْ رَبِّهِ ۗ قُلْ
إِنَّ اللَّهَ يُضِلُّ مَنْ يَشَاءُ وَيَهْدِي إِلَيْهِ مَنْ أَنَابَ ﴿٢٧﴾
الَّذِينَ آمَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ ۗ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ
تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ ﴿٢٨﴾
الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ طُوبَىٰ لَهُمْ وَحُسْنُ
مَآبٍ ﴿٢٩﴾
كَذَٰلِكَ أَرْسَلْنَاكَ فِي أُمَّةٍ قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِهَا أُمَمٌ
لِتَتْلُوَ عَلَيْهِمُ الَّذِي أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ وَهُمْ يَكْفُرُونَ
بِالرَّحْمَٰنِ ۚ قُلْ هُوَ رَبِّي لَا إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ
وَإِلَيْهِ مَتَابِ ﴿٣٠﴾
وَلَوْ أَنَّ قُرْآنًا سُيِّرَتْ بِهِ الْجِبَالُ أَوْ قُطِّعَتْ بِهِ الْأَرْضُ
أَوْ كُلِّمَ بِهِ الْمَوْتَىٰ ۗ بَلْ لِلَّهِ الْأَمْرُ جَمِيعًا ۗ أَفَلَمْ يَيْأَسِ
الَّذِينَ آمَنُوا أَنْ لَوْ يَشَاءُ اللَّهُ لَهَدَى النَّاسَ
جَمِيعًا ۗ وَلَا يَزَالُ الَّذِينَ كَفَرُوا تُصِيبُهُمْ بِمَا صَنَعُوا
قَارِعَةٌ أَوْ تَحُلُّ قَرِيبًا مِنْ دَارِهِمْ حَتَّىٰ يَأْتِيَ وَعْدُ اللَّهِ ۚ
إِنَّ اللَّهَ لَا يُخْلِفُ الْمِيعَادَ ﴿٣١﴾

"Apakah orang yang mengetahui bahawa apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu itu adalah benar sama dengan orang yang buta? Hanya orang yang berakal sahaja yang dapat mengambil pengajaran(19). Iaitu orang yang memenuhi janji Allah dan tidak membatalkan perjanjian(20). Dan orang-orang yang menyambungkan apa yang diperintahkan Allah supaya disambungkannya dan mereka takut kepada Tuhan mereka dan takut kepada hisab yang buruk(21). Dan orang-orang yang sabar kerana mencari keredhaan Tuhan mereka dan mendirikan solat dan membelanjakan sebahagian dari rezeki yang Kami kurniakan kepada mereka secara sembunyi-sembunyi dan secara terang-terangan serta menolak kejahatan dengan kebaikan. Merekalah orang-orang yang akan mendapat tempat kesudahan yang baik(22). Iaitu Syurga yang akan dimasuki mereka bersama-sama dengan orang-orang yang soleh dari bapa-bapa mereka, isteri-isteri mereka dan anak cucu mereka, sedangkan para malaikat pula akan masuk mengunjungi mereka dari segenap pintu(23). (Sambil mengucapkan): Selamat sejahtera ke atas kamu! Dengan berkat kesabaran kamu, maka (inilah Syurga) sebaik-baik tempat kesudahan(24). Dan orang-orang yang membatalkan janji setelah diikatkannya dengan teguh dan memutuskan hubungan yang diperintahkan Allah supaya disambungkannya dan melakukan kerosakan di bumi. Merekalah orang-orang yang mendapat kutukan Allah dan akan memperolehi seburuk-buruk tempat kesudahan(25). Allahlah yang melapangkan rezeki dan menyempitkannya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Mereka bergembira dengan kehidupan dunia, sedangkan kehidupan dunia itu dibandingkan dengan kehidupan Akhirat hanya sekelumit keni'matan sahaja(26). Dan orang-orang kafir berkata: Mengapa tidak diturunkan kepadanya (Muhammad) suatu bukti (mu'jizat) dari Tuhannya? Katakanlah: Sesungguhnya Allah menyesatkan siapa yang dikehendaki-Nya dan memberi hidayat kepada siapa yang bertaubat kepada-Nya(27). Iaitu orang-orang yang beriman dan hati mereka tenteram dengan mengingati Allah. Ingatlah! Hanya dengan mengingati Allah hati menjadi tenang tenteram(28). Orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh akan memperolehi kebahagiaan dan tempat kembali yang baik (29). Demikianlah, Kami telah mengutuskan engkau di kalangan satu umat yang telah berlalu sebelumnya beberapa umat yang lain supaya engkau membaca kepada mereka (Al-Qur'an) yang telah Kami wahyukan kepadamu, sedangkan mereka mengingkarkan Allah Yang Maha Penyayang. Katakanlah: Dialah Tuhanku dan tiada Tuhan yang lain melainkan hanya Dia, kepada-Nya aku bertawakkal dan kepada-Nya aku bertaubat(30). Dan sekiranya ada Qur'an yang dapat menggoncangkan gunung-ganang atau membelahkan bumi atau menjadikan orang-orang yang telah mati dapat bercakap, (maka itulah Al-Qur'anul-Karim), malah seluruh urusan terpulang kepada Allah. Tidakkah (sampai masanya kepada) orang-orang yang beriman itu berputus asa (terhadap keimanan kaum Musyrikin). Sesungguhnya jika Allah kehendaki tentulah Dia memberi hidayat kepada semua manusia. Dan orang-orang yang kafir itu sentiasa ditimpa malapetaka kerana perbuatan mereka yang kufur atau malapetaka itu jatuh berhampiran dengan tempat tinggal mereka sehingga tibalah janji Allah. Sesungguhnya Allah tidak memungkiri janji-Nya."(31)

وَلَقَدِ ٱسْتُهْزِئَ بِرُسُلٍ مِّن قَبْلِكَ فَأَمْلَيْتُ لِلَّذِينَ
كَفَرُوا۟ ثُمَّ أَخَذْتُهُمْ ۖ فَكَيْفَ كَانَ عِقَابِ ﴿٣٢﴾
أَفَمَنْ هُوَ قَآئِمٌ عَلَىٰ كُلِّ نَفْسٍۭ بِمَا كَسَبَتْ ۗ وَجَعَلُوا۟ لِلَّهِ
شُرَكَآءَ قُلْ سَمُّوهُمْ ۚ أَمْ تُنَبِّـُٔونَهُۥ بِمَا لَا يَعْلَمُ فِى ٱلْأَرْضِ
أَم بِظَٰهِرٍ مِّنَ ٱلْقَوْلِ ۗ بَلْ زُيِّنَ لِلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مَكْرُهُمْ
وَصُدُّوا۟ عَنِ ٱلسَّبِيلِ ۗ وَمَن يُضْلِلِ ٱللَّهُ فَمَا لَهُۥ مِنْ هَادٍ ﴿٣٣﴾
لَّهُمْ عَذَابٌ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۖ وَلَعَذَابُ ٱلْـَٔاخِرَةِ أَشَقُّ ۖ
وَمَا لَهُم مِّنَ ٱللَّهِ مِن وَاقٍ ﴿٣٤﴾
مَّثَلُ ٱلْجَنَّةِ ٱلَّتِى وُعِدَ ٱلْمُتَّقُونَ ۖ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا
ٱلْأَنْهَٰرُ ۖ أُكُلُهَا دَآئِمٌ وَظِلُّهَا ۚ تِلْكَ عُقْبَى ٱلَّذِينَ
ٱتَّقَوا۟ ۚ وَّعُقْبَى ٱلْكَٰفِرِينَ ٱلنَّارُ ﴿٣٥﴾
وَٱلَّذِينَ ءَاتَيْنَٰهُمُ ٱلْكِتَٰبَ يَفْرَحُونَ بِمَآ أُنزِلَ إِلَيْكَ ۖ
وَمِنَ ٱلْأَحْزَابِ مَن يُنكِرُ بَعْضَهُۥ ۚ قُلْ إِنَّمَآ أُمِرْتُ
أَنْ أَعْبُدَ ٱللَّهَ وَلَآ أُشْرِكَ بِهِۦٓ ۚ إِلَيْهِ أَدْعُوا۟ وَإِلَيْهِ
مَـَٔابِ ﴿٣٦﴾
وَكَذَٰلِكَ أَنزَلْنَٰهُ حُكْمًا عَرَبِيًّا ۚ وَلَئِنِ ٱتَّبَعْتَ أَهْوَآءَهُم
بَعْدَ مَا جَآءَكَ مِنَ ٱلْعِلْمِ مَا لَكَ مِنَ ٱللَّهِ مِن وَلِىٍّ وَلَا
وَاقٍ ﴿٣٧﴾
وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلًا مِّن قَبْلِكَ وَجَعَلْنَا لَهُمْ أَزْوَٰجًا
وَذُرِّيَّةً ۚ وَمَا كَانَ لِرَسُولٍ أَن يَأْتِىَ بِـَٔايَةٍ إِلَّا بِإِذْنِ ٱللَّهِ ۗ
لِكُلِّ أَجَلٍ كِتَابٌ ﴿٣٨﴾
يَمْحُوا۟ ٱللَّهُ مَا يَشَآءُ وَيُثْبِتُ ۖ وَعِندَهُۥٓ أُمُّ ٱلْكِتَٰبِ ﴿٣٩﴾
وَإِن مَّا نُرِيَنَّكَ بَعْضَ ٱلَّذِى نَعِدُهُمْ أَوْ نَتَوَفَّيَنَّكَ
فَإِنَّمَا عَلَيْكَ ٱلْبَلَٰغُ وَعَلَيْنَا ٱلْحِسَابُ ﴿٤٠﴾

أَوَلَمْ يَرَوْا۟ أَنَّا نَأْتِى ٱلْأَرْضَ نَنقُصُهَا مِنْ أَطْرَافِهَا ۚ وَٱللَّهُ
يَحْكُمُ لَا مُعَقِّبَ لِحُكْمِهِۦ ۚ وَهُوَ سَرِيعُ ٱلْحِسَابِ ﴿٤١﴾
وَقَدْ مَكَرَ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ فَلِلَّهِ ٱلْمَكْرُ جَمِيعًا ۖ يَعْلَمُ
مَا تَكْسِبُ كُلُّ نَفْسٍ ۗ وَسَيَعْلَمُ ٱلْكُفَّٰرُ لِمَنْ عُقْبَى
ٱلدَّارِ ﴿٤٢﴾
وَيَقُولُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَسْتَ مُرْسَلًا ۚ قُلْ كَفَىٰ بِٱللَّهِ
شَهِيدًۢا بَيْنِى وَبَيْنَكُمْ وَمَنْ عِندَهُۥ عِلْمُ ٱلْكِتَٰبِ ﴿٤٣﴾

"Dan sesungguhnya para rasul sebelummu juga pernah dipersenda-sendakan lalu Aku memberi tempoh kepada orang-orang yang kafir itu kemudian Aku binasakan mereka, maka bagaimanakah dahsyatnya 'azab keseksaan-Ku itu?(32). Siapakah yang mengawasi setiap individu terhadap apa yang dilakukannya? Dan mereka mengadakan berbagai-bagai sekutu kepada Allah. Katakanlah: Sebutkanlah nama mereka. Atau apakah kamu hendak memberitahu kepada Allah sesuatu yang tidak diketahui-Nya di bumi ini atau (kamu mendakwa-nya) dengan cakap-cakap yang dangkal sahaja, malah orang-orang kafir itu telah dipesonakan tipu daya mereka sendiri dan mereka telah dihalangkan dari jalan Allah, dan barang siapa yang disesatkan Allah, maka tiada siapa lagi yang dapat memberi hidayat ke padanya(33). Mereka mendapat 'azab dalam kehidupan dunia, dan sesungguhnya 'azab Akhirat itu lebih dahsyat lagi, dan mereka tidak akan mendapat sesiapa pun yang akan menjadi pelindung mereka dari 'azab Allah(34). Sifat Syurga yang dijanjikan kepada orang-orang yang bertaqwa ialah (taman-taman) yang mengalir di bawahnya aneka sungai, buah-buahannya sentiasa mewah dan bayang-bayangnya sentiasa teduh. Itulah tempat kesudahan orang-orang yang bertaqwa, sedangkan tempat kesudahan orang-orang yang kafir pula ialah api Neraka(35). Dan orang-orang yang telah Kami kurniakan kitab kepada mereka adalah bergembira dengan wahyu yang telah diturunkan kepadamu (Muhammad) dari Tuhanmu, dan di antara golongan-golongan (Ahlil-Kitab dan Musyrikin) ada yang mengingkari sebahagian darinya. Katakanlah: Sesungguhnya aku diperintah menyembah Allah dan jangan mempersekutukan-Nya. Kepada Allah aku berseru dan kepada-Nya juga aku kembali(36). Dan demikianlah Kami turunkan Al-Qur'an sebagai hukum-hukum (Allah) di dalam bahasa Arab, dan jika engkau (Muhammad) mengikut kehendak hawa nafsu mereka setelah datang kepadamu pengetahuan yang benar (dari Allah), maka tiada lagi penolong dan pelindung (yang dapat menyelamatkan engkau) dari 'azab Allah(37). Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan rasul-rasul sebelum engkau (Muhammad) dan Kami jadikan untuk mereka isteri-isteri dan zuriat keturunan, dan tiada sebarang kuasa bagi seorang Rasul untuk mengadakan sesuatu mu'jizat melainkan dengan keizinan Allah. Bagi setiap zaman diturunkan kitab yang tertentu(38). Allah menghapus dan menetapkan hukum-hukum yang dikehendaki-Nya dan di sisi-Nya tersimpan kitab induk (39). Sama ada Kami memperlihatkan kepadamu (wahai Muhammad) sebahagian dari 'azab yang Kami janjikan untuk mereka (orang kafir) atau Kami wafatkanmu sebelum melihatnya, (maka itu

bukan urusanmu), kerana sesungguhnya tugasmu ialah menyampaikan da'wah dan tugas Kami ialah menjalankan hisab(40). Apakah tidak mereka melihat bahawa Kami menyerang negeri (orang-orang kafir) lalu Kami kurangkan daerah-daerah perbatasannya (sedikit demi sedikit). Allahlah yang menentukan keputusan dan tiada siapa yang boleh menolak keputusan-Nya dan Dialah yang amat cepat menjalankan hisab(41). Sesungguhnya orang-orang (kafir) sebelum mereka juga pernah mengaturkan rancangan jahat mereka, tetapi semua tipu daya itu adalah dalam kekuasaan Allah. Dia mengetahui apa sahaja yang dilakukan seseorang, dan orang-orang kafir akan mengetahui untuk siapakah tempat kesudahan yang baik itu(42). Dan orang-orang yang kafir itu berkata: Engkau bukanlah seorang Rasul. Katakanlah (kepada mereka): Cukuplah Allah sendiri menjadi saksi di antaraku dengan kamu, juga mereka yang mempunyai ilmu al-kitab."(43)

Selepas menayangkan berbagai pemandangan yang besar di merata pelosok alam buana, di pendalaman-pendalaman alam ghaib dan di pendalaman-pendalaman jiwa manusia yang dihuraikan oleh bahagian pertama surah ini, maka bahagian yang kedua surah ini pula membuat sentuhan-sentuhan yang merangsangkan perasaan dan akal dan memberi gambaran yang halus di sekitar persoalan wahyu dan kerasulan, persoalan tauhid dan tuhan-tuhan palsu, persoalan menuntut mu'jizat dan mencabar supaya disegerakan 'azab yang dijanjikan Allah. Ini merupakan satu pusingan yang baru di sekitar persoalan-persoalan itu di dalam surah ini.

Pusingan ini dimulai dengan menyentuh hakikat keimanan dan hakikat kekufuran. Keimanan merupakan hasil dari ilmu pengetahuan yang benar, sedangkan kekufuran merupakan hasil dari kebutaan matahati, juga menyentuh tabi'at dan ciri-ciri orang-orang yang beriman dan orang-orang yang kafir kemudian diiringi dengan sebuah pemandangan dari pemandangan-pemandangan Qiamat yang menggambarkan ni'mat-ni'mat yang diperolehi oleh orang-orang yang beriman dan 'azab seksa yang diterima orang-orang yang kafir. Ia juga menyinggung persoalan keluasan dan kesempitan rezeki dan memulangkan kedua-duanya kepada budi bicara Allah, kemudian diikuti pula dengan suatu pusingan yang lain mengenai hati orang-orang yang beriman dan tenteram berkat mengingati Allah. Setelah itu ia menyifatkan Al-Qur'an sebagai mempunyai daya kekuatan yang hampir-hampir dapat menggoncangkan gunung-ganang, membelahkan bumi dan menjadikan orang-orang yang mati dapat bercakap, kemudian menyentuh tentang malapetaka-malapetaka yang ditimpa ke atas orang-orang kafir atau yang menimpa berhampiran dengan tempat kediaman mereka, kemudian dengan satu perdebatan yang bertujuan mengecam mereka, iaitu perdebatan di sekitar tuhan-tuhan palsu dan seterusnya menyentuh kebinasaan-kebinasaan umat-umat yang silam dan penaklukan yang mengurangkan daerah-daerah perbatasan negeri mereka dari satu masa ke satu masa, dan pada akhirnya ditamatkan dengan memberi ancaman kepada orang-orang yang mendustakan kerasulan Rasulullah s.a.w. dengan membiarkan mereka menerima nasib kesudahan yang dimaklumi umum.

Justeru itu nada-nada pernyataan dan ketukan-ketukan yang bertubi-tubi di dalam bahagian pertama surah ini menyedarkan perasaan dan menjadikannya siap sedia untuk menghadapi persoalan-persoalan yang dibangkitkan di dalam bahagian yang kedua ini. Kedua-dua bahagian itu merupakan bahagian-bahagian yang sepadu, di mana setiap bahagian masing-masing menyampaikan ketukan-ketukan dan saranan-saranan untuk satu matlamat yang sama dan satu persoalan yang sama.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 19 - 26)

Persoalan yang pertama ialah persoalan wahyu. Persoalan ini telah pun dibangkitkan di permulaan surah dan di sini ia dibangkitkan sekali lagi dengan gaya yang baru:

أَفَمَن يَعْلَمُ أَنَّمَا أُنزِلَ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَ ٱلْحَقُّ كَمَنْ هُوَ أَعْمَىٰٓ ۚ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُو۟لُوا۟ ٱلْأَلْبَٰبِ ﴿١٩﴾

"Apakah orang yang mengetahui bahawa apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu itu adalah benar sama dengan orang yang buta? Hanya orang yang berakal sahaja yang dapat mengambil pengajaran."(19)

Di Antara Si Buta Dengan Si Celik

Yang dijadikan lawan bagi orang yang mengetahui bahawa apa yang diturunkan Allah itulah yang benar bukannya orang yang tidak mengetahui hakikat ini, malah yang dijadikan lawannya ialah orang yang buta. Ini adalah satu uslub yang menarik untuk mencubit hati dan membesarkan perbezaan-perbezaan. Uslub ini sendiri merupakan satu uslub yang benar, tidak keterlaluan, tidak berlebihan dan tidak pula menyelewengkan persoalan. Hanya kebutaan matahati sahaja yang melahirkan kejahilan terhadap hakikat agung yang amat jelas. Ia tidak tersembunyi melainkan kepada orang yang buta. Ada dua jenis manusia dalam menghadapi hakikat yang agung ini, iaitu manusia celik, merekalah golongan yang mengetahui. Dan manusia buta, merekalah golongan yang tidak mengetahui. Dan yang dimaksudkan dengan buta di sini ialah buta matahati, hilang daya berfikir, tertutup pintu hati, padam cahaya ma'rifat di dalam roh dan terasing dari sumber pancaran nur hidayat.

إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُو۟لُوا۟ ٱلْأَلْبَٰبِ ﴿١٩﴾

"Hanya orang yang berakal sahaja yang dapat mengambil pengajaran."(19)

Yakni orang-orang yang mempunyai akal dan hati yang sedar dapat mengambil pengajaran apabila diperingatkan dengan kebenaran, dan dapat berfikir apabila diperingatkan dengan bukti-bukti kebenaran.

Itulah sifat-sifat orang-orang yang berakal:

ٱلَّذِينَ يُوفُونَ بِعَهْدِ ٱللَّهِ وَلَا يَنقُضُونَ ٱلْمِيثَٰقَ ﴿٢٠﴾

"Iaitu orang yang memenuhi janji Allah dan tidak membatalkan perjanjian."(20)

Janji Allah merupakan satu janji umum yang merangkumi segala janji, dan perjanjian Allah merupakan satu perjanjian umum yang merangkumi segala perjanjian. Janji yang paling agung ialah janji yang menjadi tapak asas bagi segala janji iaitu janji beriman, dan perjanjian yang paling agung ialah perjanjian yang menjadi induk bagi segala perjanjian, iaitu perjanjian untuk menunjukkan komitmen-komitmen yang dituntut oleh keimanan ini.

Janji iman itu ialah janji yang lama dan yang baru. Ia merupakan janji lama dengan fitrah manusia yang berhubung rapat dengan undang-undang seluruh alam buana, dan memahami secara langsung terhadap keesaan iradat Ilahi yang melahirkan alam buana ini, juga keesaan Pencipta yang memiliki iradat Ilahi itu dan Dialah satu-satunya Tuhan yang layak disembah. Itulah perjanjian yang diambil dari benih-benih zuriat manusia semasa berada dalam sulbi anak-anak 'Adam lagi mengikut pentafsiran yang telah dipersetujui kami. Kemudian ia merupakan janji baru dengan para rasul yang diutuskan Allah. Mereka diutus bukannya untuk mengadakan janji iman, malah untuk membaharui janji itu, untuk mengingatkan manusia terhadap janji itu dan untuk menjelaskan perincian dari janji itu dan menerangkan komitmen-komitmen janji itu seperti melahirkan keta'atan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan mencabut keta'atan kepada yang lain dari Allah, di samping mengerjakan amalan yang soleh dan berkelakuan dengan tingkahlaku yang lurus serta bertawajjuh kepada Allah Yang Maha Esa sahaja yang telah mengikat janji yang lama itu.

Dan dari janji Ilahi dan perjanjian Rabbani inilah lahirnya semua janji dan perjanjian dengan manusia sama ada dengan Rasul atau dengan orang ramai, sama ada dengan kaum kerabat atau dengan orang-orang asing, sama ada dengan individu-individu atau dengan kelompok-kelompok, kerana seorang yang mematuhi janji yang pertama itu harus mematuhi semua janji-janji yang lain, kerana mematuhi janji itu merupakan satu kewajipan yang wajib ditunaikan dan seseorang yang melaksanakan tugas-tugas perjanjian yang pertama bererti ia melaksanakan segala tugas-tugas yang dituntut darinya terhadap orang ramai kerana ini termasuk di dalam tugas-tugas perjanjian.

Itulah prinsip agung yang pertama yang menjadi landasan bagi keseluruhan bangunan kehidupan yang diungkapkan dengan kalimat-kalimat yang pendek:

وَٱلَّذِينَ يَصِلُونَ مَآ أَمَرَ ٱللَّهُ بِهِۦٓ أَن يُوصَلَ وَيَخْشَوْنَ رَبَّهُمْ وَيَخَافُونَ سُوٓءَ ٱلْحِسَابِ ﴿٢١﴾

"Dan orang-orang yang menyambungkan apa yang diperintahkan Allah supaya disambungkannya dan mereka takut kepada Tuhan mereka dan takut kepada hisab yang buruk."(21)

Tugas Memelihara Kesinambungan

Demikianlah diterangkan dengan ringkas, yakni dia menyambung segala apa sahaja yang telah diperintahkan Allah supaya disambungkannya, iaitu menyambung keta'atan yang sempurna dan kejujuran yang berterusan, menyambung perjalanan mengikut peraturan dan undang-undang Allah tanpa penyelewengan. Ia menerangkan hal ini begitu ringkas tanpa menghuraikan butir-butir perincian apakah perkara-perkara yang diperintah Allah supaya disambungkannya itu, kerana perincian itu memang panjang dan ini bukannya menjadi tujuan ayat ini, malah yang menjadi tujuannya ialah untuk menggambarkan sikap kejujuran yang sempurna yang tidak menyeleweng, keta'atan yang sempurna yang tidak berbelah bagi dan hubungan yang sempurna yang tidak putus-putus. Di akhir ayat ini menggambarkan perasaan yang berganding dengan keta'atan yang sempurna di dalam hati mereka itu:

وَيَخْشَوْنَ رَبَّهُمْ وَيَخَافُونَ سُوٓءَ ٱلْحِسَابِ ﴿٢١﴾

"Dan mereka takut kepada Tuhan mereka dan takut kepada hisab yang buruk."(21)

Itulah perasaan takut kepada Allah dan kepada balasan yang buruk pada hari pertemuan dengan Allah yang sangat menggentarkan itu, dan selaku orang-orang yang berakal mereka sentiasa memikirkan hisab Allah sebelum tibanya hari hisab itu.

وَٱلَّذِينَ صَبَرُوا۟ ٱبْتِغَآءَ وَجْهِ رَبِّهِمْ

"Dan orang-orang yang sabar kerana mencari keredhaan Tuhan mereka."(22)

Kesabaran itu bermacam-macam dan mempunyai komitmen-komitmen yang tertentu iaitu kesabaran memikul tugas-tugas perjanjian dalam bentuk amalan-amalan, jihad, da'wah, ijtihad dan sebagainya dan kesabaran menghadapi kesenangan dan kesusahan. Di sana terdapat sedikit sahaja orang-orang yang sabar menghadapi godaan kesenangan tanpa bertindak melampau dan kufur terhadap Allah, juga kesabaran menghadapi ketololan dan kejahilan-kejahilan manusia yang menyusahkan hati, di samping berbagai-bagai kesabaran yang lain. Semua kesabaran itu dilakukan untuk mencari keredhaan Allah bukan kerana segan dikatakan orang "dia pengecut", dan bukan pula kerana menghebatkan diri supaya dikatakan orang "dia sabar", dan bukan pula kerana mengharapkan sesuatu faedah di sebalik kesabaran itu, dan bukan pula bertujuan untuk mengelak sesuatu yang tidak baik akibat dari kehilangan kesabaran dan seterusnya bukan kerana mencapai sesuatu tujuan selain dari mencari keredhaan Allah. Kesabaran dalam menghadapi ni'mat-ni'mat dan ujian-ujian-Nya ialah kesabaran

menerima keputusan-keputusan Allah, dan berserah diri kepada kehendak masyi'ah-Nya serta redha dan berpuas hati.

وَأَقَامُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ

"Dan mendirikan solat."(22)

Mendirikan solat termasuk di dalam tugas mematuhi perjanjian dengan Allah, tetapi ia ditonjolkan di sini kerana solat merupakan rukun pertama dari kepatuhan itu dan merupakan bukti yang lahir yang menunjukkan tawajjuh yang tulen dan sempurna seseorang terhadap Allah, juga kerana solat merupakan hubungan yang zahir di antara hamba dengan Allah, iaitu hubungan semata-mata kerana Allah; tiada suatu harakat dan tiada suatu ucapan di dalam solat yang ditujukan kepada yang lain dari Allah.

وَأَنفَقُوا۟ مِمَّا رَزَقْنَٰهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً

"Dan membelanjakan sebahagian dari rezeki yang Kami kurniakan kepada mereka secara sembunyi-sembunyi dan secara terang-terangan."(22)

Infaq ini juga termasuk dalam tugas menyambung apa yang diperintahkan Allah supaya disambungkannya, juga termasuk dalam tugas mematuhi perjanjian dengan Allah, tetapi ia ditonjolkan di sini kerana infaq merupakan tali hubungan di antara para hamba Allah yang bersatupadu kerana Allah dalam bidang kehidupan, juga kerana infaq itu dapat membersihkan hati para pemberinya dari sifat bakhil dan membersihkan hati para penerimanya dari perasaan dendam. Infaq menjadikan bentuk hidup dalam masyarakat Islam satu bentuk hidup yang layak dengan golongan manusia yang saling membantu dan bertakaful dengan hati yang murah kerana Allah. Infaq itu ditunaikan sama ada secara sembunyi-sembunyi atau secara terang-terangan. Infaq secara sembunyi-sembunyi itu bertujuan untuk memelihara kehormatan dan maruah dan untuk mengelakkan dari perasaan malu dan segan apabila dilakukan secara terang-terangan, sedangkan infaq secara terang-terangan pula bertujuan untuk dijadikan contoh teladan, untuk menunjukkan pelaksanaan syari'at Allah dan kepatuhan kepada undang-undang Allah, dan kedua-dua cara infaq itu masing-masing mempunyai tempatnya dalam kehidupan.

وَيَدْرَءُونَ بِٱلْحَسَنَةِ ٱلسَّيِّئَةَ

"Serta menolak kejahatan dengan kebaikan."(22)

Maksudnya, mereka membalas perbuatan yang jahat dengan perbuatan yang baik di dalam pergaulan dan muamalah seharian mereka bukannya di dalam urusan agama Allah. Tetapi ungkapan ayat ini terus sahaja menyebut natijah tanpa menyebut muqaddimahnya iaitu langkah membalas perbuatan yang jahat dengan perbuatan yang baik boleh mematahkan kegelojohan nafsu dan membimbingnya ke arah kebaikan, juga boleh memadamkan bara-bara api kejahatan dan menepiskan godaan syaitan, dan justeru itu perbuatan yang baik itu pada akhirnya berjaya menolak perbuatan yang jahat. Natijah yang akhir inilah yang segera disebutkan ungkapan ayat ini dan menjadikannya sebagai permulaan ayat untuk menggalakkan manusia supaya membalas perbuatan yang jahat itu dengan perbuatan yang baik dan untuk mendapatkan natijahnya yang baik yang ditunggu-tunggu itu.

Kemudian ayat ini juga memberi isyarat yang halus supaya membalas perbuatan yang jahat dengan perbuatan yang baik itu (patut dilakukan) apabila difikirkan bahawa tindakan ini boleh menolak dan menghapuskan kejahatan itu bukannya membawa kepada menambahkan ketamakan dan keghairahan melakukan kejahatan. Tetapi jika perbuatan yang jahat itu perlu ditahan dan dibendung, maka tidak wajar lagi dibalas dengan tindakan yang baik supaya kejahatan itu tidak berkembang dan bermaharajalela.

Dasar menolak perbuatan yang jahat dengan perbuatan yang baik biasa dilakukan dalam pergaulan atau muamalah-muamalah peribadi di antara pihak yang setanding. Adapun dalam perkara-perkara yang menyentuh agama Allah, maka dasar ini tidak lagi boleh dipakai, kerana penceroboh yang zalim itu tidak dapat ditahan melainkan dengan tindakan yang tegas. Golongan manusia yang melakukan kerosakan di bumi ini tidak berguna dilayani melainkan hanya dengan tindakan-tindakan yang tegas sahaja. Oleh itu arahan-arahan Al-Qur'an adalah diserahkan kepada budi bicara memahami kedudukan-kedudukan yang sebenar dan diserahkan kepada mesyuarat di antara para bijak pandai kemudian mengambil tindakan yang difikir lebih baik dan betul.

أُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمْ عُقْبَى ٱلدَّارِ ﴿٢٢﴾

"Merekalah orang-orang yang akan mendapat tempat kesudahan yang baik."(22)

جَنَّٰتُ عَدْنٍ يَدْخُلُونَهَا وَمَن صَلَحَ مِنْ ءَابَآئِهِمْ وَأَزْوَٰجِهِمْ
وَذُرِّيَّٰتِهِمْ ۖ وَٱلْمَلَٰٓئِكَةُ يَدْخُلُونَ عَلَيْهِم مِّن كُلِّ بَابٍ ﴿٢٣﴾

"Iaitu Syurga yang akan dimasuki mereka bersama-sama dengan orang-orang yang soleh dari bapa-bapa mereka, isteri-isteri mereka dan anak cucu mereka, sedangkan para malaikat pula akan masuk mengunjungi mereka dari segenap pintu."(23)

سَلَٰمٌ عَلَيْكُم بِمَا صَبَرْتُمْ ۚ فَنِعْمَ عُقْبَى ٱلدَّارِ ﴿٢٤﴾

"(Sambil mengucapkan): Selamat sejahtera ke atas kamu! Dengan berkat kesabaran kamu, maka (inilah Syurga) sebaik-baik tempat kesudahan."(24)

أُو۟لَٰٓئِكَ

"Merekalah."(22)

Yakni mereka yang berada di maqam yang tinggi itu akan memperolehi tempat kesudahan yang baik. Iaitu Syurga 'Adni tempat kediaman yang kekal abadi. Dan

di dalam Syurga inilah akan berkumpul kembali semua keluarga mereka bersama-sama para solehin dari ibubapa-ibubapa, isteri-isteri dan zuriat keturunan mereka. Mereka memasuki Syurga dengan kesolehan dan kelayakan yang ditunjuk oleh mereka masing-masing, tetapi mereka dimuliakan dengan mengumpulkan kembali keluarga mereka yang berselerak itu dan menemukan mereka dengan orang-orang yang disayangi mereka di dunia. Itulah suatu keni'matan yang menambahkan keni'matan perasaan berada di dalam Syurga.

Dalam suasana pertemuan itu, para malaikat turut serta mengalu-ngalu dan meraikan, mereka. Pergerakan mereka begitu sibuk keluar masuk (mengunjungi mereka):

يَدۡخُلُونَ عَلَيۡهِم مِّن كُلِّ بَابٖ ٢٣

"Sedangkan para malaikat pula akan masuk mengunjungi mereka dari segenap pintu."(23)

Ayat ini membiarkan kita melihat pemandangan ini seolah-olah berlaku di hadapan mata kita, seolah kita melihat dan mendengar ucapan selamat dari para malaikat yang datang rombongan demi rombongan:

سَلَٰمٌ عَلَيۡكُم بِمَا صَبَرۡتُمۡۚ فَنِعۡمَ عُقۡبَى ٱلدَّارِ ٢٤

"(Sambil mengucapkan): Selamat sejahtera ke atas kamu! Dengan berkat kesabaran kamu, maka (inilah Syurga) sebaik-baik tempat kesudahan."(24)

Ia merupakan suatu temasya yang penuh dengan pertemuan, ucapan selamat, pergerakan yang sibuk dan keraian.

Sementara di tebing sebelah lagi terdapat pula golongan yang tidak berakal dan tidak mengerti mengambil pengajaran. Mereka tidak bermatahati yang dapat berfikir. Mereka berlainan dalam segala-galanya dengan golongan yang berakal:

وَٱلَّذِينَ يَنقُضُونَ عَهۡدَ ٱللَّهِ مِنۢ بَعۡدِ مِيثَٰقِهِۦ
وَيَقۡطَعُونَ مَآ أَمَرَ ٱللَّهُ بِهِۦٓ أَن يُوصَلَ وَيُفۡسِدُونَ
فِي ٱلۡأَرۡضِ أُوْلَٰٓئِكَ لَهُمُ ٱللَّعۡنَةُ وَلَهُمۡ سُوٓءُ ٱلدَّارِ ٢٥

"Dan orang-orang yang membatalkan janji Allah setelah diikatkannya dengan teguh dan memutuskan hubungan yang diperintahkan Allah supaya disambungkannya dan melakukan kerosakan di bumi. Merekalah orang-orang yang mendapat kutukan Allah dan akan memperolehi seburuk-buruk tempat kesudahan."(25)

Mereka merombakkan perjanjian Allah yang dimeteraikan dengan fitrah mereka dalam bentuk undang-undang azali dan selepas itu mereka membatalkan segala perjanjian yang lain. Oleh itu apabila seseorang itu membatalkan perjanjian yang pertama, maka segala perjanjian yang lain yang ditegakkan di atasnya akan turut dibatalkan. Seorang yang tidak memelihara perjanjian Allah, tidak akan memelihara sebarang janji dan perjanjian yang lain. Mereka memutuskan segala apa yang diperintahkan Allah supaya disambungkannya dan melakukan kerosakan di bumi, iaitu bertentangan dengan sifat-sifat orang-orang yang berakal yang sabar, mendirikan solat, mengorbankan harta untuk kebajikan secara diam-diam dan secara terang-terangan, menolak perbuatan yang jahat dengan perbuatan yang baik. Semua amalan ini adalah bertentangan dengan perbuatan melakukan kerosakan di bumi, dan meninggalkan sesuatu dari semua amalan ini bererti menimbulkan kerosakan atau mendorong ke arah kerosakan.

أُوْلَٰٓئِكَ لَهُمُ ٱللَّعۡنَةُ

"Merekalah orang-orang yang mendapat kutukan Allah."(25)

Yakni orang-orang yang dijauh dan diusirkan dari rahmat Allah akan mendapat kutukan Allah. Pengusiran di sini dipasangkan dengan keraian dan penghormatan di sana:

وَلَهُمۡ سُوٓءُ ٱلدَّارِ ٢٥

"Dan akan memperolehi seburuk-buruk tempat kesudahan"(25)

dan ia tidak perlu disebutkan kerana ia boleh diketahui dari lawannya di sana.

Mereka bergembira dengan kehidupan dunia dan dengan keni'matan-keni'matannya yang fana dan tidak lagi memasang cita-cita mereka kepada Akhirat dan ni'mat-ni'matnya yang kekal abadi, sedangkan Allah itulah yang menentukan rezeki mereka, Dialah yang meluas dan menyempitkan rezeki mereka. Segala urusan adalah terserah kepada iradat-Nya sama ada di dunia mahupun di Akhirat. Dan seandainya mereka mencari Akhirat, maka Allah tidak akan mengharamkan keni'matan dunia kepada mereka kerana Dialah yang mengurniakan keni'matan itu kepada mereka:

ٱللَّهُ يَبۡسُطُ ٱلرِّزۡقَ لِمَن يَشَآءُ وَيَقۡدِرُۚ وَفَرِحُواْ بِٱلۡحَيَوٰةِ
ٱلدُّنۡيَا وَمَا ٱلۡحَيَوٰةُ ٱلدُّنۡيَا فِي ٱلۡأٓخِرَةِ إِلَّا مَتَٰعٞ ٢٦

"Allahlah yang melapangkan rezeki dan menyempitkannya kepada siapa yang dikehendaki-Nya. Mereka bergembira dengan kehidupan dunia, sedangkan kehidupan dunia itu dibandingkan dengan kehidupan Akhirat hanyalah sekelumit keni'matan."(26)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 27 - 32)

Dahulu telah pun disebutkan tentang wujudnya perbezaan yang besar di antara orang yang mengetahui - bahawa segala apa yang diturunkan Allah kepada Rasul-Nya itulah yang benar - dengan orang yang buta. Kini ayat yang berikut mengisahkan

pula tentang kebutaan matahati orang-orang yang tidak nampak bukti-bukti kekuasaan Allah di alam buana ini dan tentang orang-orang yang merasa tidak cukup dengan mu'jizat Al-Qur'an lalu menuntut satu mu'jizat yang lain. Sebelum ini Al-Qur'an telah pun mengisahkan perkara yang seperti ini di bahagian pertama surah ini kemudian ia iringkan dengan sebuah pernyataan bahawa tugas Rasul itu hanya memberi amaran dan peringatan sahaja dan urusan mu'jizat-mu'jizat itu adalah urusan Allah. Sekarang Al-Qur'an mengisahkan perkara ini kemudian diiringkan dengan sebuah ulasan yang menerangkan punca-punca hidayat dan punca-punca kesesatan, di samping menayangkan gambaran hati yang tenang kerana mengingati Allah, iaitu hati yang tidak gelisah dan tidak menuntut mu'jizat-mu'jizat untuk beriman setelah mu'jizat Al-Qur'an terbentang di hadapannya. Mu'jizat Al-Qur'an mempunyai pengaruh dan kesan yang amat mendalam. Ia boleh menggoncangkan gunung-ganang, membelah bumi dan membuat orang yang mati boleh berbicara kerana isi kandungannya mempunyai kuasa, kekuatan, daya pendorong dan tenaga yang dinamis. Kemudian Al-Qur'an mengakhiri cerita orang-orang yang masih menuntut mu'jizat-mu'jizat yang lain dengan mematahkan harapan orang-orang Mu'min terhadap keimanan golongan ini dan menyuruh mereka supaya melihat contoh teladan dari akibat yang berlaku kepada umat-umat sebelum mereka dan melihat malapetaka yang menimpa para pendusta di sekeliling mereka dari satu masa ke satu masa:

وَيَقُولُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَوْلَآ أُنزِلَ عَلَيْهِ ءَايَةٌ مِّن رَّبِّهِۦ ۗ قُلْ
إِنَّ ٱللَّهَ يُضِلُّ مَن يَشَآءُ وَيَهْدِىٓ إِلَيْهِ مَنْ أَنَابَ ﴿٢٧﴾
ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُم بِذِكْرِ ٱللَّهِ ۗ أَلَا بِذِكْرِ ٱللَّهِ
تَطْمَئِنُّ ٱلْقُلُوبُ ﴿٢٨﴾
ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ طُوبَىٰ لَهُمْ وَحُسْنُ
مَـَٔابٍ ﴿٢٩﴾
كَذَٰلِكَ أَرْسَلْنَٰكَ فِىٓ أُمَّةٍ قَدْ خَلَتْ مِن قَبْلِهَآ أُمَمٌ
لِّتَتْلُوَا۟ عَلَيْهِمُ ٱلَّذِىٓ أَوْحَيْنَآ إِلَيْكَ وَهُمْ يَكْفُرُونَ
بِٱلرَّحْمَٰنِ ۚ قُلْ هُوَ رَبِّى لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ
وَإِلَيْهِ مَتَابِ ﴿٣٠﴾
وَلَوْ أَنَّ قُرْءَانًا سُيِّرَتْ بِهِ ٱلْجِبَالُ أَوْ قُطِّعَتْ بِهِ ٱلْأَرْضُ
أَوْ كُلِّمَ بِهِ ٱلْمَوْتَىٰ ۗ بَل لِّلَّهِ ٱلْأَمْرُ جَمِيعًا ۗ أَفَلَمْ يَا۟يْـَٔسِ
ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ أَن لَّوْ يَشَآءُ ٱللَّهُ لَهَدَى ٱلنَّاسَ
جَمِيعًا ۗ وَلَا يَزَالُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ تُصِيبُهُم بِمَا صَنَعُوا۟
قَارِعَةٌ أَوْ تَحُلُّ قَرِيبًا مِّن دَارِهِمْ حَتَّىٰ يَأْتِىَ وَعْدُ ٱللَّهِ ۚ
إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُخْلِفُ ٱلْمِيعَادَ ﴿٣١﴾
وَلَقَدِ ٱسْتُهْزِئَ بِرُسُلٍ مِّن قَبْلِكَ فَأَمْلَيْتُ لِلَّذِينَ
كَفَرُوا۟ ثُمَّ أَخَذْتُهُمْ ۖ فَكَيْفَ كَانَ عِقَابِ ﴿٣٢﴾

"Dan orang-orang kafir berkata: Mengapa tidak diturunkan kepadanya (Muhammad) suatu bukti (mu'jizat) dari Tuhannya? Katakanlah: Sesungguhnya Allah menyesatkan siapa yang dikehendaki-Nya dan memberi hidayat kepada siapa yang bertaubat kepada-Nya(27). Iaitu orang-orang yang beriman dan hati mereka tenteram dengan mengingati Allah. Ingatlah! Hanya dengan mengingati Allah hati menjadi tenang tenteram(28). Orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh akan memperolehi kebahagiaan dan tempat kembali yang baik(29). Demikianlah Kami telah mengutuskan engkau di kalangan satu umat yang telah berlalu sebelumnya beberapa umat yang lain supaya engkau membaca kepada mereka (Al-Qur'an) yang telah Kami wahyukan kepadamu, sedangkan mereka mengingkarkan Allah Yang Maha Penyayang. Katakanlah: Dialah Tuhanku dan tiada Tuhan yang lain melainkan hanya Dia, kepada-Nya aku bertawakkal dan kepada-Nya aku bertaubat(30). Dan sekiranya ada Qur'an yang dapat menggoncangkan gunung-ganang atau membelahkan bumi atau menjadikan orang-orang yang telah mati dapat bercakap, (maka itulah Al-Qur'anul-Karim), malah seluruh urusan terpulang kepada Allah. Apakah tidak (sampai masanya kepada) orang-orang yang beriman itu berputus asa (terhadap keimanan kaum Musyrikin). Sesungguhnya jika Allah kehendaki tentulah Dia memberi hidayat kepada semua manusia. Dan orang-orang yang kafir itu sentiasa ditimpa malapetaka kerana perbuatan mereka yang kufur itu atau malapetaka itu jatuh berhampiran dengan tempat tinggal mereka sehingga tibalah janji Allah. Sesungguhnya Allah tidak memungkiri janji-Nya(31). Dan sesungguhnya para rasul sebelummu juga pernah dipersenda-sendakan lalu Aku memberi tempoh kepada orang-orang yang kafir itu kemudian Aku binasakan mereka, maka bagaimanakah dahsyatnya 'azab keseksaan-Ku itu?"(32)

Jawapan kepada permintaan mereka yang mahukan satu mu'jizat yang luar biasa itu ialah mu'jizat-mu'jizat itu sebenarnya bukanlah semestinya membawa manusia kepada keimanan, kerana keimanan itu mempunyai motif-motif yang semulajadi di dalam jiwa manusia. Ia mempunyai sebab-sebabnya yang membawa kepada keimanan dari hasil tindakan jiwa itu sendiri.

قُلْ إِنَّ ٱللَّهَ يُضِلُّ مَن يَشَآءُ وَيَهْدِىٓ إِلَيْهِ مَنْ أَنَابَ ﴿٢٧﴾

"Katakanlah: Sesungguhnya Allah menyesatkan siapa yang dikehendaki-Nya dan memberi hidayat kepada siapa yang bertaubat kepada-Nya."(27)

Yakni Allah memberi hidayat kepada orang-orang yang kembali atau bertaubat kepada-Nya. Jadi taubat kepada Allah itulah yang membuat mereka layak menerima hidayat-Nya. Di sini dapatlah difaham bahawa orang-orang yang tidak bertaubat kepada Allah adalah layak mendapat kesesatan. Justeru itulah Allah menyesatkan mereka. Ia (lebih dahulu) memerlukan adanya kesediaan hati untuk menerima hidayat dan adanya usaha untuk mencari Allah. Adapun hati-hati yang tidak mahu bergerak ke arah Allah, maka ia tetap jauh dari hidayat.

Perhubungan Dengan Allah Membawa Ketenteraman Jiwa

Kemudian ayat yang berikut melukiskan gambaran hati orang-orang yang beriman yang amat halus, yang sentiasa berada di dalam suasana tenteram, mesra, senyum manis dan damai:

ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَتَطۡمَئِنُّ قُلُوبُهُم بِذِكۡرِ ٱللَّهِۗ

"Iaitu orang-orang yang beriman dan hati mereka tenteram kerana mengingati Allah."(28)

Yakni mereka merasa tenteram kerana hubungan mereka yang rapat dengan Allah, merasa mesra berada di samping-Nya dan merasa aman berada di bawah lindungan-Nya. Mereka merasa tenteram dari kegelisahan, keseorangan dan kebingungan di jalan kerana mereka memahami hikmat Allah menciptakan mereka, hikmat bermulanya hidup di dunia dan berakhirnya di Akhirat. Mereka merasa aman tenteram dengan perlindungan Allah dari segala pencerobohan, segala kemudharatan dan segala kejahatan kecuali apa yang dikehendaki Allah, serta mereka bersikap redha menerima ujian Allah dan bersabar dalam menghadapi kesusahan. Mereka merasa tenteram dengan rahmat Allah yang mengurniakan hidayat, rezeki dan perlindungan di dunia dan Akhirat:

أَلَا بِذِكۡرِ ٱللَّهِ تَطۡمَئِنُّ ٱلۡقُلُوبُ ﴿٢٨﴾

"Ingatlah! Hanya dengan mengingati Allah hati menjadi tenang tenteram."(28)

Ketenteraman dengan mengingati Allah yang wujud di dalam hati orang-orang yang beriman itu merupakan satu hakikat yang amat mendalam, yang diketahui oleh mereka yang meni'mati kemanisan iman di dalam hati mereka dan membuat mereka sentiasa berhubung dengan Allah. Mereka mengetahui hakikat ini, tetapi mereka tidak berdaya mencari kata-kata untuk memindahkannya kepada orang lain yang belum mengetahuinya, kerana hakikat itu tidak boleh berpindah melalui kata-kata, malah ia meresap di dalam hati lalu membawa perasaan senang, selesa, rehat dan menimbulkan rasa ketenteraman dan kesejahteraan. Ia membuat seorang itu merasa tidak keseorangan di alam ini, kerana segala yang wujud di sekelilingnya adalah temannya belaka kerana segala-galanya itu dari ciptaan Allah yang menjadi penaung-Nya.

Tiada yang lebih malang di muka bumi dari orang-orang yang dinafikan dari ni'mat ketenteraman melalui hubungan mesra dengan Allah. Tiada yang lebih derita dan celaka dari orang-orang yang hidup terputus hubungan di bumi ini dengan segala sesuatu yang wujud di sekelilingnya di alam buana ini, kerana terputus dari tali keimanan yang kukuh yang menghubungkannya dengan segala sesuatu yang wujud di sekelilingnya yang menghubungkan dengan Allah Pencipta alam buana ini. Tiada yang lebih derita dan celaka dari orang yang hidup yang tidak mengetahui mengapa dia datang ke dunia? Mengapa dia akan hilang? Mengapa dia mengalami berbagai-bagai penderitaan di dunia ini? Tiada yang lebih malang dan lebih celaka dari orang yang berjalan di bumi ini dan merasa takut kepada segala sesuatu akibat kerana ia tidak merasa adanya hubungan yang halus di antaranya dengan segala sesuatu di alam buana ini. Tiada yang lebih malang dan derita dari orang yang berjalan seorang diri dan sesat di padang belantara, di mana ia terpaksa berusaha dan berjuang seorang diri tanpa sebarang penolong, penunjuk jalan dan pembantu.

Di sana ada detik-detik hidup yang tidak dapat dihadapi oleh seseorang melainkan apabila ia bergantung kepada Allah dan yakin kepada perlindungan-Nya, biarpun sebesar mana ia mempunyai kekuatan, ketabahan dan ketahanan. Di dalam hidup ini terdapat detik-detik yang dapat menghapuskan segala kekuatan dan ketabahan itu dan tiada siapa yang dapat menghadapinya kecuali orang-orang yang mempunyai keimanan dan keyakinan yang teguh terhadap Allah:

أَلَا بِذِكۡرِ ٱللَّهِ تَطۡمَئِنُّ ٱلۡقُلُوبُ ﴿٢٨﴾

"Ingatlah! Hanya dengan mengingati Allah hati menjadi tenang tenteram."(28)

Orang-orang yang kembali atau bertaubat kepada Allah dan orang-orang yang meni'mati ketenteraman dan ketenangan kerana mengingati Allah akan dibalas dengan tempat kembali yang baik di sisi Allah sebagaimana mereka kembali dengan sebaik-baiknya kepada Allah dan mengerjakan amalan-amalan yang sebaik-baiknya di dalam kehidupan mereka:

ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ طُوبَىٰ لَهُمۡ وَحُسۡنُ مَـَٔابٖ ﴿٢٩﴾

"Orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh akan memperolehi kebahagiaan dan tempat kembali yang baik."(29)

Kata-kata "طوبى" bererti kebaikan dan kebahagiaan yang amat besar. "حسن مآب" tempat kembali yang baik kepada Allah (di Akhirat) setelah

mereka kembali kepada-Nya di dalam kehidupan dunia.

Adapun orang-orang yang terus menuntut mu'jizat yang lain, dan tidak merasa ketenteraman iman, mereka sentiasa berada di dalam kegelisahan mencari kejadian-kejadian luar biasa dan menuntut mu'jizat-mu'jizat (dari engkau (Muhammad), sedangkan engkau bukannya seorang Rasul pertama yang membawa kepada kaumnya wahyu Allah sebagaimana yang dibawa engkau hingga ia dipandang ganjil dan asing oleh mereka. Pada hal sebelum mereka terdapat berbagai-bagai umat yang telah didatangi para rasul yang terdahulu. Oleh itu jika mereka telah memilih kekufuran, maka teruskan sahaja perjuanganmu dan berserahlah kepada Allah:

Al-Qur'an Dan Ciri-ciri Kekuatannya Dan Keberkesanannya Yang Luar Biasa

كَذَٰلِكَ أَرْسَلْنَٰكَ فِيٓ أُمَّةٍ قَدْ خَلَتْ مِن قَبْلِهَآ أُمَمٌ
لِّتَتْلُوَا۟ عَلَيْهِمُ ٱلَّذِيٓ أَوْحَيْنَآ إِلَيْكَ وَهُمْ يَكْفُرُونَ
بِٱلرَّحْمَٰنِ ۚ قُلْ هُوَ رَبِّي لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ
وَإِلَيْهِ مَتَابِ ﴿٣٠﴾

"Demikianlah, Kami telah mengutuskan engkau di kalangan satu umat yang telah berlalu sebelumnya beberapa umat yang lain supaya engkau membaca kepada mereka (Al-Qur'an) yang telah Kami wahyukan kepadamu, sedangkan mereka mengingkarkan Allah Yang Maha Penyayang. Katakanlah: Dialah Tuhanku dan tiada Tuhan yang lain melainkan hanya Dia, kepada-Nya aku bertawakkal dan kepada-Nya aku bertaubat."(30)

Yang anehnya mereka mengingkarkan Allah Yang Maha Penyayang yang sentiasa mengurniakan rahmat yang besar dan memberi ketenteraman kepada hati yang mengingatiNya dan mencapai rahmat-Nya yang besar. Kewajipanmu (wahai Muhammad) ialah membaca segala ayat-ayat yang Kami wahyukan kepadamu dan untuk tugas inilah Aku mengutuskan engkau kepada mereka. Seandainya mereka terus kafir, maka umumkanlah kepada mereka bahawa engkau hanya bergantung kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan kembali kepada-Nya dan tidak akan bertawajjuh kepada yang lain dari-Nya,

Tujuan Kami utuskan engkau ialah supaya engkau membaca Al-Qur'an ini kepada mereka, iaitu sebuah Kitab yang amat menakjubkan, seandainya ada Qur'an yang boleh menggoncangkan gunung-ganang, membelahkan bumi dan menjadikan orang yang mati dapat bercakap, maka di dalam Al-Qur'an ini terdapat ciri-ciri dan kekuatan-kekuatan yang boleh melaksanakan mu'jizat-mu'jizat yang seperti ini, tetapi Al-Qur'an diturunkan untuk berbicara dengan para mukallaf dari makhluk-makhluk yang hidup dan seandainya orang-orang yang hidup ini tidak mahu menyambut da'wahnya, maka tibalah masa kepada orang-orang Mu'min berputus asa dari keimanan mereka dan membiarkan mereka dengan keadaan mereka sehingga tiba janji Allah terhadap para pendusta:

وَلَوْ أَنَّ قُرْءَانًا سُيِّرَتْ بِهِ ٱلْجِبَالُ أَوْ قُطِّعَتْ بِهِ ٱلْأَرْضُ
أَوْ كُلِّمَ بِهِ ٱلْمَوْتَىٰ ۗ بَل لِّلَّهِ ٱلْأَمْرُ جَمِيعًا ۗ أَفَلَمْ يَا۟يْـَٔسِ
ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ أَن لَّوْ يَشَآءُ ٱللَّهُ لَهَدَى ٱلنَّاسَ
جَمِيعًا ۗ وَلَا يَزَالُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ تُصِيبُهُم بِمَا صَنَعُوا۟
قَارِعَةٌ أَوْ تَحُلُّ قَرِيبًا مِّن دَارِهِمْ حَتَّىٰ يَأْتِيَ وَعْدُ ٱللَّهِ ۚ
إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُخْلِفُ ٱلْمِيعَادَ ﴿٣١﴾

"Dan sekiranya ada Qur'an yang dapat menggoncangkan gunung-ganang atau membelahkan bumi atau menjadikan orang-orang yang telah mati dapat bercakap, (maka itulah Al-Qur'anul-Karim), malah seluruh urusan terpulang kepada Allah. Apakah tidak (sampai masanya kepada) orang-orang yang beriman itu berputus asa (terhadap keimanan kaum Musyrikin). Sesungguhnya jika Allah kehendaki tentulah Dia memberi hidayat kepada semua manusia. Dan orang-orang yang kafir itu sentiasa ditimpa malapetaka kerana perbuatan mereka yang kufur itu atau malapetaka itu jatuh berhampiran dengan tempat tinggal mereka sehingga tibalah janji Allah. Sesungguhnya Allah tidak memungkiri janji-Nya."(31)

Sesungguhnya Al-Qur'an ini telah berjaya melahirkan kesan-kesan yang besar di dalam jiwa manusia yang menyambut da'wahnya dan menyesuaikan hidup mereka dengannya. Kesan-kesan itu lebih besar dari menggoncangkan gunung-ganang, membelah bumi dan menghidupkan orang yang mati. Al-Qur'an telah berjaya melahirkan di dalam jiwa para Mu'min mu'jizat-mu'jizat yang amat jauh kesan dan pengaruhnya di dalam destinasi hidup manusia, malah kesan dan pengaruhnya telah membawa perubahan kepada rupa bentuk bumi itu sendiri, kerana berapa banyak Islam dan kaum Muslim telah mengubahkan wajah bumi ini di samping mengubahkan wajah sejarah?

Tabi'at Al-Qur'an itu sendiri, iaitu tabi'at da'wahnya, tabi'at pengungkapannya. Tabi'at maudhu'nya, tabi'at penyampaiannya, tabi'at hakikatnya, tabi'at keberkesanan semuanya mengandungi satu kekuatan luar biasa, yang dapat dirasai oleh setiap orang yang mempunyai adirasa, wawasan dan daya kebolehan memahami isi percakapan. Ia dapat dirasai oleh setiap orang yang mempunyai kesediaan untuk memahami perintah-perintah Allah yang dituju dan disarankan kepadanya. Oleh itu orang-orang yang menyambut Al-Qur'an dan menyesuaikan hidup mereka dengannya dapat menggoncangkan sesuatu yang lebih besar dari gunung-ganang, kerana Al-Qur'an telah berjaya menggoncangkan sejarah umat-umat manusia dan generasi-generasinya. Ia telah berjaya membelah dan memotong sesuatu yang lebih keras dari bumi, iaitu ia telah berjaya membelah kejumudan

fikiran dan kebekuan adat resam yang lapuk. Ia telah berjaya menghidupkan sesuatu yang lebih kaku dari orang-orang yang mati, iaitu ia telah berjaya menghidup bangsa-bangsa yang mati, iaitu bangsa-bangsa yang dibunuh oleh kezaliman dan kepercayaan-kepercayaan yang karut marut. Sesungguhnya perubahan yang telah berlaku di dalam jiwa dan kehidupan umat Arab yang telah membawa mereka kepada satu perpindahan yang amat besar tanpa sebab-sebab zahir yang lain adalah berlaku dari pengaruh Al-Qur'an dan sistem tarbiyahnya yang meresap dalam jiwa dan kehidupan mereka. Perubahan ini adalah satu perubahan yang lebih besar dari perubahan gunung-ganang dari tapaknya yang kukuh dan dari perubahan bumi dari kejumudannya dan dari perubahan orang-orang bumi yang mati.

بَل لِّلَّهِ ٱلْأَمْرُ جَمِيعًا

"Malah seluruh urusan terpulang kepada Allah."(31)

Yakni Allahlah yang memilih jenis pergerakan dan alat-alatnya di dalam segala keadaan.

Dan seandainya selepas diturunkan Al-Qur'an ini ada satu kaum yang mempunyai hati yang tidak dapat disedari dan digerakkan oleh Al-Qur'an, maka alangkah wajarnya bagi para Mu'min yang telah berusaha menyedarkan mereka supaya berputus asa sahaja dari keimanan mereka dan meninggalkan sahaja urusan itu kepada keputusan Allah. Sebenarnya jika Allah kehendaki nescaya Dia ciptakan seluruh manusia dengan persediaan yang sama yang membolehkan seluruh mereka menerima hidayat. Allah memang berkuasa memberi hidayat kepada semua manusia sebagaimana Dia memberi hidayat kepada seluruh malaikat jika Dia kehendaki, dan Dia juga memang berkuasa memaksa mereka menerima hidayat dengan undang-undang taqdir dari-Nya, tetapi kedua-duanya tidak dikehendaki oleh-Nya, kerana Allah menciptakan makhluk manusia untuk satu tugas yang istimewa yang diketahui-Nya, di mana manusia perlu dijadikan seperti keadaan yang ada ini.

Justeru itu tinggalkan sahaja orang-orang yang kafir itu kepada keputusan Allah. Seandainya Allah telah menetapkan untuk tidak membinasakan mereka secara menghapuskan generasi mereka sekaligus seperti yang telah berlaku kepada setengah-setengah kaum sebelum mereka, maka ia akan menimpa ke atas mereka malapetaka demi malapetaka yang mendatangkan kemudharatan dan kesusahan kepada mereka dan membinasakan mana-mana golongan yang telah ditetapkan kebinasaan mereka.

أَوْ تَحُلُّ قَرِيبًا مِّن دَارِهِمْ

"Atau malapetaka itu jatuh berhampiran dengan tempat tinggal mereka"(31)

Lalu menimbulkan ketakutan kepada mereka dan membuat mereka berada dalam gelisah dan tertunggu-tunggu berulangnya malapetaka yang seperti itu, dan kadang-kadang malapetaka itu menyebabkan hati setengah-setengah mereka menjadi lembut, sedar dan hidup.

حَتَّىٰ يَأْتِيَ وَعْدُ ٱللَّهِ

"Sehingga tibalah janji Allah."(31)

Yakni janji yang diberikan Allah kepada mereka dan ditempohkan kepada mereka sehingga habis tempohnya.

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُخْلِفُ ٱلْمِيعَادَ ﴿٣١﴾

"Sesungguhnya Allah tidak memungkiri janji-Nya."(31)

Janji Allah tidak syak lagi akan tiba dan mereka tetap akan menghadapi janji itu. Berbagai-bagai contoh terbentang di hadapan mata dan pengajaran dapat diambil dari kisah-kisah umat-umat yang silam yang telah dibinasakan Allah setelah diberi tempoh kepada mereka:

وَلَقَدِ ٱسْتُهْزِئَ بِرُسُلٍ مِّن قَبْلِكَ فَأَمْلَيْتُ لِلَّذِينَ كَفَرُوا۟ ثُمَّ أَخَذْتُهُمْ ۖ فَكَيْفَ كَانَ عِقَابِ ﴿٣٢﴾

"Dan sesungguhnya para rasul sebelummu juga pernah dipersenda-sendakan lalu Aku memberi tempoh kepada orang-orang yang kafir itu kemudian Aku binasakan mereka, maka bagaimanakah dahsyatnya 'azab keseksaan-Ku itu?"(32)

Pernyataan ini tidak memerlukan jawapan kerana kedahsyatan balasan keseksaan itu telah menjadi buah mulut generasi-generasi manusia.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 33 - 35)

Isu Tuhan-tuhan Palsu Yang Dijadikan Sekutu-sekutu Allah

Persoalan yang kedua ialah persoalan-persoalan tuhan-tuhan palsu. Persoalan ini juga telah ditimbulkan di dalam bahagian pertama surah ini, dan di sini ia dibangkitkan sekali lagi dalam bentuk-pertanyaan ejekan apabila tuhan-tuhan palsu itu dibandingkan dengan Allah Yang Berkuasa yang mengawasi setiap individu dan membalas segala perbuatan yang dilakukan mereka di dalam kehidupan dunia. Penjelajahan ini diakhiri dengan menayangkan gambaran 'azab dunia yang mengancam orang-orang yang mengadakan pembohongan dan gambaran 'azab Akhirat yang lebih besar lagi. Balasan ini adalah berlawanan dengan balasan keamanan dan kesejahteraan yang menunggu para Muttaqin!

أَفَمَنْ هُوَ قَآئِمٌ عَلَىٰ كُلِّ نَفْسٍ بِمَا كَسَبَتْ ۗ وَجَعَلُوا۟ لِلَّهِ شُرَكَآءَ قُلْ سَمُّوهُمْ ۚ أَمْ تُنَبِّـُٔونَهُۥ بِمَا لَا يَعْلَمُ فِى ٱلْأَرْضِ

أَمْ بِظَاهِرٍ مِّنَ الْقَوْلِ ۗ بَلْ زُيِّنَ لِلَّذِينَ كَفَرُوا مَكْرُهُمْ
وَصُدُّوا عَنِ السَّبِيلِ ۗ وَمَن يُضْلِلِ اللَّهُ فَمَا لَهُ مِنْ هَادٍ ﴿٣٣﴾
لَّهُمْ عَذَابٌ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا ۖ وَلَعَذَابُ الْآخِرَةِ أَشَقُّ ۖ
وَمَا لَهُم مِّنَ اللَّهِ مِن وَاقٍ ﴿٣٤﴾
مَّثَلُ الْجَنَّةِ الَّتِي وُعِدَ الْمُتَّقُونَ ۖ تَجْرِي مِن تَحْتِهَا
الْأَنْهَارُ ۖ أُكُلُهَا دَائِمٌ وَظِلُّهَا ۚ تِلْكَ عُقْبَى الَّذِينَ
اتَّقَوا ۖ وَّعُقْبَى الْكَافِرِينَ النَّارُ ﴿٣٥﴾

"Siapakah yang mengawasi setiap individu terhadap apa yang dilakukannya? Dan mereka mengadakan berbagai-bagai sekutu kepada Allah. Katakanlah: Sebutkanlah nama mereka atau apakah kamu hendak memberitahu kepada Allah sesuatu yang tidak diketahui-Nya di bumi ini atau (kamu mendakwanya) dengan cakap-cakap yang dangkal sahaja, malah orang-orang kafir itu telah dipesonakan oleh tipu daya mereka sendiri dan mereka telah dihalangkan dari jalan Allah dan barang siapa yang disesatkan Allah, maka tiada siapa lagi yang dapat memberi hidayat kepadanya(33). Mereka mendapat 'azab dalam kehidupan dunia, dan sesungguhnya 'azab Akhirat itu lebih dahsyat lagi dan mereka tidak akan mendapat sesiapa pun yang akan menjadi pelindung mereka dari 'azab Allah(34). Sifat Syurga yang dijanjikan kepada orang-orang yang bertaqwa ialah (taman-taman) yang mengalir di bawahnya aneka sungai, buah-buahannya sentiasa mewah dan bayang-bayangnya sentiasa teduh. Itulah tempat kesudahan orang-orang yang bertaqwa, sedangkan tempat kesudahan orang-orang yang kafir pula ialah api Neraka."(35)

Yakni Allah S.W.T. mengawasi setiap individu dan menguasainya dalam segala keadaan. Dia mengetahui segala perbuatan yang telah dilakukannya sama ada secara diam-diam atau secara terang-terang. Di sini pengungkapan Al-Qur'an menonjolkan aspek pengawasan dan penguasaan Allah dengan gambaran yang hidup - mengikut methodologi Al-Qur'an - iaitu gambaran yang membuat bulu-bulu roma meremang dan seram:

أَفَمَنْ هُوَ قَائِمٌ عَلَىٰ كُلِّ نَفْسٍ بِمَا كَسَبَتْ ۗ

"Siapakah yang mengawasi setiap individu terhadap apa yang dilakukannya?"(33)

Lantaran itu setiap individu hendaklah berfikir bahawa dia sentiasa dijaga, dikawal, diawasi dan segala perbuatan yang dilakukannya dihisab dan siapakah yang mengawasinya? Tiada pengawas yang lain melainkan Allah. Siapakah yang tidak merasa seram dengan gambaran Al-Qur'an yang benar ini? Al-Qur'an membesarkan gambaran ini supaya mudah difaham oleh manusia yang lebih mudah tertarik dengan gambaran-gambaran yang Nyata dari gambaran-gambaran yang abstrak.

Jika begitulah hakikatnya, mengapakah pula mereka mengadakan sekutu-sekutu bagi Allah? Di sini nampak jelas bahawa perbuatan mereka itu amat keji dan ganjil apabila dilihat dalam suasana pemandangan yang jelas dan menakutkan ini.

وَجَعَلُوا لِلَّهِ شُرَكَاءَ

"Dan mereka mengadakan berbagai-bagai sekutu kepada Allah."(33)

Yakni mengadakan sekutu-sekutu kepada Allah yang mengawasi segala perbuatan setiap individu dengan pengawasan ketat yang tidak dapat dielakkan darinya.

قُلْ سَمُّوهُمْ ۚ

"Katakanlah! Sebutkanlah nama mereka."(33)

Kerana mereka adalah tuhan-tuhan palsu yang tidak terkenal dan tidak diketahui, mereka mungkin mempunyai nama-nama. Tetapi ayat ini meletakkan tuhan-tuhan palsu itu pada darjat makhluk-makhluk yang tidak terkenal dan tidak diketahui nama-nama mereka.

أَمْ تُنَبِّئُونَهُ بِمَا لَا يَعْلَمُ فِي الْأَرْضِ

"Atau apakah kamu hendak memberitahu kepada Allah sesuatu yang tidak diketahui-Nya di bumi ini?"(33)

Alangkah tajamnya kecaman ini! Apakah kamu wahai manusia lebih mengetahui dari Allah? Apakah kamu mengetahui adanya tuhan-tuhan yang lain yang terluput dari ilmu Allah? Inilah dakwaan yang tidak sanggup difikirkan oleh mereka, namun demikian mereka terus membuat dakwaan itu dengan lidah keadaan mereka apabila Allah menjelaskan bahawa di sana tidak ada tuhan-tuhan yang lain melainkan Dia. Mereka terus mengatakan ada tuhan-tuhan yang lain walaupun telah dinafikan oleh Allah.

أَم بِظَاهِرٍ مِّنَ الْقَوْلِ ۗ

"Atau (kamu mendakwanya) dengan cakap-cakap yang dangkal sahaja."(33)

Yakni kamu mendakwa adanya tuhan-tuhan yang lain dengan kata-kata yang mendatar sahaja tanpa mengandungi sesuatu tujuan dan pengertian? Adakah persoalan ketuhanan suatu persoalan yang remeh-temeh atau main-mainan sahaja hingga dibicarakan orang, dengan kata-kata dangkal (yang tidak bererti).

Kemudian kecaman ini diakhiri dengan sebuah pernyataan yang serius dan tegas.

بَلْ زُيِّنَ لِلَّذِينَ كَفَرُوا مَكْرُهُمْ وَصُدُّوا عَنِ السَّبِيلِ ۗ
وَمَن يُضْلِلِ اللَّهُ فَمَا لَهُ مِنْ هَادٍ ﴿٣٣﴾

"Malah orang-orang kafir itu telah dipesonakan oleh tipu daya mereka sendiri dan mereka telah dihalangkan dari jalan

Allah dan barang siapa yang disesatkan Allah, maka tiada siapa lagi yang dapat memberi hidayat kepadanya."(33)

Yang menjadi masalah yang sebenar di sini ialah mereka mengingkar dan menyembunyikan dalil-dalil iman dari diri mereka sendiri atau mereka melindungkan diri mereka dari dalil-dalil hidayat, justeru itulah mereka wajar menerima tindakan Sunnatullah. Nafsu mereka menggambarkan kepada mereka bahawa mereka sentiasa berada di atas kebenaran dan bahawa tipu daya dan rancangan-rancangan jahat mereka terhadap da'wah itu adalah elok belaka. Sikap inilah yang sebenarnya telah menghalangi mereka dari jalan yang lurus yang menyampaikan mereka kepada Allah, dan sikap inilah yang membuat Sunnatullah bertindak menyesatkan mereka kerana mereka memilih jalan yang sesat dan tiada siapa pun lagi yang dapat menyelamatkannya. Sunnatullah tidak akan berhenti bertindak ke atas para hamba-Nya apabila cukup dengan sebab-sebabnya yang wajar.

Kesudahan yang sesuai dengan hati-hati yang sesat ini ialah balasan 'azab:

لَّهُمْ عَذَابٌ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا ۖ

"Mereka mendapat 'azab dalam kehidupan dunia."(34)

Jika malapetaka itu menimpa mereka atau menimpa berhampiran dengan tempat kediaman mereka, maka itulah 'azab dalam bentuk ketakutan, kegelisahan dan menunggu-nunggu berlakunya bala. Dan jika mereka tidak ditimpa malapetaka, maka mereka akan menerima 'azab dalam bentuk kekeringan hati dari kemanisan iman dan 'azab dalam bentuk keresahan hati yang tidak meni'mati ketenteraman iman. Menghadapi segala peristiwa tanpa memahami hikmat yang agung di sebalik peristiwa-peristiwa itu juga merupakan satu bentuk 'azab.

وَلَعَذَابُ الْآخِرَةِ أَشَقُّ ۖ

"Dan sesungguhnya 'azab Akhirat itu lebih dahsyat lagi."(34)

Sebutan 'azab dalam ayat ini ditinggalkan begitu sahaja tanpa ditentukan huraiannya untuk memberi peluang kepada daya khayal menggambarkannya dengan luas tanpa batas.

وَمَا لَهُم مِّنَ اللَّهِ مِن وَاقٍ ﴿٣٤﴾

"Dan mereka tidak akan mendapat sesiapa pun yang akan menjadi pelindung mereka dari 'azab Allah."(34)

Yakni pelindung yang dapat menyelamatkan mereka dari tindakan dan 'azab Allah. Mereka sentiasa terdedah - tanpa sebarang perlindungan - dari ditimpakan 'azab seksa.

Sementara di tebing sebelah lagi kelihatan golongan para Muttaqin iaitu lawan golongan yang tidak mendapat perlindungan dari 'azab Allah. Golongan para Muttaqin ialah orang-orang yang melindungkan diri mereka dengan keimanan dan amalan yang soleh. Oleh kerana itulah mereka terselamat dari 'azab, malah di samping keselamatan mereka memperolehi Syurga yang dijanjikan kepada mereka:

مَّثَلُ الْجَنَّةِ الَّتِي وُعِدَ الْمُتَّقُونَ ۖ تَجْرِي مِن تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ ۖ أُكُلُهَا دَائِمٌ وَظِلُّهَا ۚ

"Sifat Syurga yang dijanjikan kepada orang-orang yang bertaqwa ialah (taman-taman) yang mengalir di bawahnya aneka sungai, buah-buahannya sentiasa mewah dan bayang-bayangnya sentiasa teduh."(35)

Itulah keni'matan dan kerehatan yang sempurna. Pemandangan buah-buahan yang sentiasa mewah dan bayang-bayang yang sentiasa teduh itu memberi ketenteraman dan kerehatan kepada hati. Inilah balasan yang berlawanan dengan balasan 'azab seksa yang terdapat di sana.

Itulah balasan 'azab seksa dan balasan ni'mat Syurga yang sesuai dengan kedua-dua golongan manusia itu:

تِلْكَ عُقْبَى الَّذِينَ اتَّقَوا ۖ وَّعُقْبَى الْكَافِرِينَ النَّارُ ﴿٣٥﴾

"Itulah tempat kesudahan orang-orang yang bertaqwa, sedangkan tempat kesudahan orang-orang yang kafir pula ialah api Neraka."(35)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 36 - 40)

Sikap Ahlil-Kitab Terhadap Al-Qur'an Dan Rasulullah

Ayat-ayat yang berikut memperkatakan tentang persoalan wahyu dan persoalan tauhid. Ia menyebut pendirian Ahlil-Kitab terhadap Al-Qur'an dan Rasulullah s.a.w., dan seterusnya menjelaskan kepada beliau bahawa segala apa yang diturunkan kepadanya itulah keputusan yang muktamad mengenai perkara-perkara yang disebut dalam kitab-kitab suci sebelum Al-Qur'an. Oleh itu Al-Qur'anlah yang menjadi kitab rujukan terakhir, di mana Allah menetapkan peraturan-peraturan agama yang dikehendaki-Nya, iaitu peraturan-peraturan agama-Nya yang dibawa oleh sekalian Rasul, dan menghapuskan mana-mana peraturan yang dikehendaki-Nya kerana pemakaiannya tidak lagi mempunyai apa-apa hikmat. Justeru itu beliau hendaklah berpegang dengan peraturan-peraturan yang diturunkan kepadanya dan janganlah mengikut kehendak hawa nafsu Ahlil-Kitab sama ada dalam perkara kecil atau besar. Adapun orang-orang yang menuntut dari beliau supaya menunjukkan suatu mu'jizat yang lain, maka (katakanlah kepada mereka) bahawa mu'jizat-mu'jizat itu adalah bergantung kepada kehendak dan keizinan Allah, sedangkan tugas seseorang Rasul hanya menyampai sahaja.

وَالَّذِينَ آتَيْنَاهُمُ الْكِتَابَ يَفْرَحُونَ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْكَ ۖ

وَمِنَ ٱلۡأَحۡزَابِ مَن يُنكِرُ بَعۡضَهُۥۚ قُلۡ إِنَّمَآ أُمِرۡتُ
أَنۡ أَعۡبُدَ ٱللَّهَ وَلَآ أُشۡرِكَ بِهِۦٓۚ إِلَيۡهِ أَدۡعُواْ وَإِلَيۡهِ
مَـَٔابِ ٣٦
وَكَذَٰلِكَ أَنزَلۡنَٰهُ حُكۡمًا عَرَبِيّٗاۚ وَلَئِنِ ٱتَّبَعۡتَ أَهۡوَآءَهُم
بَعۡدَ مَا جَآءَكَ مِنَ ٱلۡعِلۡمِ مَا لَكَ مِنَ ٱللَّهِ مِن وَلِيّٖ وَلَا
وَاقٖ ٣٧
وَلَقَدۡ أَرۡسَلۡنَا رُسُلٗا مِّن قَبۡلِكَ وَجَعَلۡنَا لَهُمۡ أَزۡوَٰجٗا
وَذُرِّيَّةٗۚ وَمَا كَانَ لِرَسُولٍ أَن يَأۡتِيَ بِـَٔايَةٍ إِلَّا بِإِذۡنِ ٱللَّهِۗ
لِكُلِّ أَجَلٖ كِتَابٞ ٣٨
يَمۡحُواْ ٱللَّهُ مَا يَشَآءُ وَيُثۡبِتُۖ وَعِندَهُۥٓ أُمُّ ٱلۡكِتَٰبِ ٣٩
وَإِن مَّا نُرِيَنَّكَ بَعۡضَ ٱلَّذِي نَعِدُهُمۡ أَوۡ نَتَوَفَّيَنَّكَ
فَإِنَّمَا عَلَيۡكَ ٱلۡبَلَٰغُ وَعَلَيۡنَا ٱلۡحِسَابُ ٤٠

"Dan orang-orang yang telah Kami kurniakan kitab kepada mereka adalah bergembira dengan wahyu yang telah diturunkan kepadamu (Muhammad) dari Tuhanmu, dan di antara golongan-golongan (Ahlil-Kitab dan Musyrikin) ada yang mengingkari sebahagian darinya. Katakanlah: Sesungguhnya aku diperintah menyembah Allah dan jangan mempersekutukan-Nya. Kepada Allah aku berseru dan kepada-Nya aku kembali(36). Dan demikianlah Kami turunkan Al-Qur'an sebagai hukum-hukum (Allah) di dalam bahasa Arab, dan jika engkau (Muhammad) mengikut kehendak hawa nafsu mereka setelah datang kepadamu pengetahuan yang benar (dari Allah), maka tiada lagi penolong dan pelindung (yang dapat menyelamatkan engkau) dari 'azab Allah(37). Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan rasul-rasul sebelum engkau (Muhammad) dan Kami jadikan untuk mereka isteri-isteri dan zuriat keturunan, dan tiada sebarang kuasa bagi seorang Rasul untuk mengadakan sesuatu mu'jizat melainkan dengan keizinan Allah. Bagi setiap zaman diturunkan kitab yang tertentu(38). Allah menghapus dan menetapkan hukum-hukum yang dikehendaki-Nya, dan di sisi-Nya tersimpan kitab induk(39). Sama ada Kami memperlihatkan kepadamu (wahai Muhammad) sebahagian dari 'azab yang Kami janjikan untuk mereka (orang kafir) atau Kami wafatkanmu sebelum melihatnya, (maka itu bukan urusanmu) kerana sesungguhnya tugasmu ialah menyampaikan da'wah dan tugas Kami ialah menjalankan hisab(40).

Golongan Ahlil-Kitab yang benar-benar berpegang dengan agamanya akan mendapati di dalam Al-Qur'an keterangan-keterangan yang mengesah dan membenarkan dasar-dasar asasi 'aqidah tauhid, di samping keterangan-keterangan yang mengakui agama-agama dan kitab-kitab suci sebelumnya dengan penuh penghormatan, juga mengakui konsep tali hubungan yang sama yang mengikat seluruh orang-orang yang beriman kepada Allah. Justeru itu seluruh mereka bergembira dan beriman. Pernyataan perasaan gembira di sini merupakan satu keadaan kejiwaan yang sebenar yang dirasai oleh hati Ahlil-Kitab yang jernih bersih, iaitu perasaan gembira kerana dapat bertemu di atas landasan kebenaran dan kerana bertambahnya keyakinan terhadap kebenaran yang dipegang mereka dan kerana mendapat sokongan dan pengesahan kitab suci yang baru Al-Qur'an terhadap pegangan mereka.

وَمِنَ ٱلۡأَحۡزَابِ مَن يُنكِرُ بَعۡضَهُۥۚ

"Dan di antara golongan-golongan (Ahlil-Kitab dan Musyrikin) ada yang mengingkari sebahagian darinya."(36)

Ayat ini tidak menyebut bahagian yang diingkarkan oleh setengah-setengah golongan Ahlil-Kitab dan kaum Musyrikin itu, kerana tujuan di sini hanya menyebut keingkaran itu sahaja untuk dijawab (dengan ayat berikut):

قُلۡ إِنَّمَآ أُمِرۡتُ أَنۡ أَعۡبُدَ ٱللَّهَ وَلَآ أُشۡرِكَ بِهِۦٓۚ إِلَيۡهِ
أَدۡعُواْ وَإِلَيۡهِ مَـَٔابِ ٣٦

"Katakanlah: Sesungguhnya aku diperintah menyembah Allah dan jangan mempersekutukan-Nya. Kepada Allah aku berseru dan kepada-Nya juga aku kembali."(36)

Yakni ibadat itu hanya untuk Allah Yang Maha Esa sahaja dan da'wah itu hanya kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan titik kembali itu hanya kepada Allah Yang Maha Esa sahaja.

Allah memerintah Rasulullah s.a.w. supaya mengumumkan cara pegangannya dalam menghadapi mereka yang mengingkarkan setengah-setengah kandungan Al-Qur'an, iaitu beliau tetap berpegang sepenuhnya dengan seluruh Al-Qur'an yang telah diturunkan Allah kepadanya sama ada Ahlil-Kitab bergembira menyambut seluruh Al-Qur'an itu atau di sana terdapat ada segolongan dari mereka yang menolak sebahagiannya. Ini berdasarkan kepada hakikat bahawa Al-Qur'an yang diturunkan Allah kepada beliau itu merupakan sebagai hukum Allah yang terakhir mengenai 'aqidah. Ia diturunkan dengan bahasa Arab yang dapat difahami beliau sepenuhnya dan dijadikannya sebagai kitab rujukan kerana ia merupakan hukum Allah yang terakhir mengenai 'aqidah:

وَكَذَٰلِكَ أَنزَلۡنَٰهُ حُكۡمًا عَرَبِيّٗاۚ

"Dan demikianlah Kami turunkan Al-Qur'an sebagai hukum-hukum (Allah) di dalam bahasa Arab."(37)

وَلَئِنِ ٱتَّبَعۡتَ أَهۡوَآءَهُم بَعۡدَ مَا جَآءَكَ مِنَ ٱلۡعِلۡمِ مَا لَكَ
مِنَ ٱللَّهِ مِن وَلِيّٖ وَلَا وَاقٖ ٣٧

"Dan jika engkau (Muhammad) mengikut kehendak hawa nafsu mereka setelah datang kepadamu pengetahuan yang benar (dari Allah), maka tiada lagi penolong dan pelindung (yang dapat menyelamatkan engkau) dari 'azab Allah."(37)

Ilmu pengetahuan yang datang kepadamu itu adalah ilmu pengetahuan yang diyakin kebenarannya, sedangkan pendapat yang dikatakan oleh golongan-golongan (Ahlil-Kitab dan kaum Musyrikin) adalah pendapat-pendapat hawa nafsu yang tidak berasaskan ilmu pengetahuan dan keyakinan. Ugutan yang dihadapkan Allah kepada Rasulullah s.a.w. ini merupakan satu penjelasan yang lebih berkesan untuk menjelaskan hakikat ini yang menyarankan tiada tolak ansur terhadap sebarang penyelewengan walaupun dari Rasul sendiri. Amatlah jauh kemungkinan beliau berbuat begitu!

Andainya di sana ada bangkangan terhadap konsep rasul dari jenis manusia, maka seluruh rasul yang silam adalah manusia belaka:

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلًا مِّن قَبْلِكَ وَجَعَلْنَا لَهُمْ أَزْوَاجًا وَذُرِّيَّةً

"Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan rasul-rasul sebelum engkau (Muhammad) dan Kami jadikan untuk mereka isteri-isteri dan zuriat keturunan."(38)

Seandainya bantahan itu kerana beliau tidak membawa satu mu'jizat kebendaan yang lain, maka perkara itu bukanlah dari urusannya, malah ia adalah dari urusan Allah:

وَمَا كَانَ لِرَسُولٍ أَن يَأْتِيَ بِآيَةٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ

"Dan tiada sebarang kuasa bagi seorang Rasul untuk mengadakan sesuatu mu'jizat melainkan dengan keizinan Allah."(38)

Yakni mengikut kehendak kebijaksanaan-Nya dan mengikut masa yang dikehedaki-Nya.

Seandainya di sana terdapat kelainan atau perbezaan perincian di antara Al-Qur'an yang diturunkan kepada Rasulullah dengan kitab-kitab suci yang diturunkan kepada Ahlil-Kitab, (maka kelainan itu merupakan satu perkara biasa sahaja) kerana setiap zaman diturunkan (kitab suci yang sesuai dengannya) dan kitab suci Al-Qur'an ini merupakan kitab suci yang terakhir:

لِكُلِّ أَجَلٍ كِتَابٌ ﴿٣٨﴾

"Bagi setiap zaman itu diturunkan kitab yang tertentu."(38)

يَمْحُوا اللَّهُ مَا يَشَاءُ وَيُثْبِتُ وَعِندَهُ أُمُّ الْكِتَابِ ﴿٣٩﴾

"Allah menghapus dan menetapkan hukum-hukum yang dikehendaki-Nya dan disisi-Nya tersimpan kitab induk."(39)

Yakni Allah menghapuskan mana-mana hukum yang tidak bijak lagi dipakai dan menetapkan mana-mana hukum yang berguna dan di sisi Allah tersimpan kitab induk yang mengandungi catatan hukum-hukum yang telah ditetap dan dihapuskan-Nya. Dari Allah terbitnya segala kitab suci. Dialah yang mengendali dan menguruskannya mengikut kebijaksanaan-Nya dan tiada siapa yang berkuasa menolak masyi'ah-Nya dan membuat bantahan terhadap-Nya.

Sama ada Allah menyeksakan orang-orang yang kafir itu semasa hayat Rasulullah s.a.w. atau Allah wafatkan beliau kembali kepada-Nya sebelum itu, maka itu tidak mengubahkan persoalan ini sedikit pun dan tidak pula mengubahkan sifat kerasulan dan sifat ketuhanan:

وَإِن مَّا نُرِيَنَّكَ بَعْضَ الَّذِي نَعِدُهُمْ أَوْ نَتَوَفَّيَنَّكَ فَإِنَّمَا عَلَيْكَ الْبَلَاغُ وَعَلَيْنَا الْحِسَابُ ﴿٤٠﴾

"Sama ada Kami memperlihatkan kepadamu (wahai Muhammad) sebahagian dari 'azab yang Kami janjikan untuk mereka (orang kafir) atau Kami wafatkanmu sebelum melihatnya, (maka itu bukan urusanmu) kerana sesungguhnya tugasmu ialah menyampaikan da'wah dan tugas Kami ialah menjalankan hisab."(40)

Di dalam arahan yang tegas ini diterangkan tabi'at da'wah dan tabi'at para penda'wah, iaitu tugas penda'wah-penda'wah kepada Allah itu ialah menyampaikan segala komitmen-komitmen da'wah di dalam segala peringkat perkembangannya. Tugas mereka hanyalah menyampaikan da'wah yang dikehendaki Allah sahaja. Mereka tidak berhak menggesa agar dipercepatkan langkah-langkah da'wah dan tidak wajar merasa kecewa dan hampa seandainya mereka melihat takdir Allah melambatkan mereka dari mencapai kemenangan dan mendapat kedudukan yang kukuh di bumi, kerana mereka hanya para penda'wah dan tiada lain melainkan hanya para penda'wah sahaja.

(Pentafsiran ayat-ayat 41 - 42)

Tindakan Sunnatullah Terhadap Negeri-negeri Yang Besar

Kekuasaan Allah yang amat kuat dapat dilihat kesan-kesannya yang jelas di sekeliling mereka. Ia menyerang umat-umat yang kuat dan kaya apabila umat-umat ini bertindak liar, kafir dan melakukan kerosakan di bumi. Ia mengurangkan kekuatan mereka dan mengurangkan wilayah-wilayah bumi pesaka mereka di samping mengurangkan kedudukan mereka. Ia menjadikan mereka hanya hidup dalam satu kawasan negeri yang kecil, sedangkan sebelum ini mereka merupakan kuasa-kuasa besar yang mempunyai takluk jajahan yang luas. Kini Allah telah menghukum mereka menjadi negeri yang kecil dan tiada siapa yang boleh membantah keputusan-Nya

kerana setiap keputusan-Nya pasti lulus dan berkuatkuasa.[4]

أَوَلَمْ يَرَوْا۟ أَنَّا نَأْتِى ٱلْأَرْضَ نَنقُصُهَا مِنْ أَطْرَافِهَا ۚ وَٱللَّهُ
يَحْكُمُ لَا مُعَقِّبَ لِحُكْمِهِۦ ۚ وَهُوَ سَرِيعُ ٱلْحِسَابِ ﴿٤١﴾

"Apakah tidak mereka melihat bahawa Kami menyerang negeri (orang-orang kafir) lalu Kami kurangkan daerah-daerah perbatasannya (sedikit demi sedikit). Allahlah yang menentukan keputusan hukum dan tiada siapa yang boleh menolak keputusan-Nya, dan Dialah yang amat cepat menjalankan hisab."(41)

Mereka bukannya lebih pintar dalam mengatur tipu daya dan rancangan-rancangan jahat mereka dari umat-umat yang terdahulu. Justeru itu Allah bertindak membalas tipu daya mereka dan Allah mengaturkan tadbir-Nya dengan sebijak-bijaknya dan dengan sehebat-hebatnya:

وَقَدْ مَكَرَ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ فَلِلَّهِ ٱلْمَكْرُ جَمِيعًا ۖ يَعْلَمُ
مَا تَكْسِبُ كُلُّ نَفْسٍ ۗ وَسَيَعْلَمُ ٱلْكُفَّٰرُ لِمَنْ عُقْبَى
ٱلدَّارِ ﴿٤٢﴾

"Sesungguhnya orang-orang (kafir) sebelum mereka juga pernah mengaturkan rancangan jahat mereka, tetapi semua tipu daya itu adalah dalam kekuasaan Allah. Dia mengetahui apa sahaja yang dilakukan oleh seseorang dan orang-orang kafir akan mengetahui untuk siapakah tempat kesudahan yang baik itu."(42)

Kemudian surah ini ditamatkan dengan sebuah penceritaan yang menjelaskan keingkaran orang-orang kafir terhadap kerasulan sebagaimana di permulaan surah. Ia mulakan dengan pernyataan yang membenarkan kerasulan. Di sini bertautlah awal surah dengan akhir surah. Di sini ia menjadikan Allah sebagai saksi dan cukuplah apabila Allah sendiri menjadi saksi kerana Dialah yang mempunyai ilmu yang lengkap dan sempurna tentang Al-Qur'an dan segala kitab suci yang lain:

وَيَقُولُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَسْتَ مُرْسَلًا ۚ قُلْ كَفَىٰ بِٱللَّهِ
شَهِيدًۢا بَيْنِى وَبَيْنَكُمْ وَمَنْ عِندَهُۥ عِلْمُ ٱلْكِتَٰبِ ﴿٤٣﴾

"Dan orang-orang yang kafir itu berkata: 'Engkau bukanlah seorang Rasul. Katakanlah (kepada mereka): Cukuplah Allah sendiri menjadi saksi di antaraku dengan kamu, juga mereka yang mempunyai ilmu al-kitab."(43)[5]

Di sini berakhirlah surah ini setelah membawa hati manusia menjelajah di merata pelosok alam dan di pendalaman-pendalaman jiwa dan setelah melepaskan nada-nadanya yang meninggalkan kesan-kesan yang amat mendalam. Surah ini pada akhirnya yang yang meninggalkan kesan-kesan yang amat mendalam. Surah ini pada akhirnya meninggalkan hati kepada pengakuan Allah, yang pernah disebut pada awal surah. Itulah pengakuan di awal dan di akhir yang menamatkan segala perdebatan dan pembicaraan.

* * * * * *

Garis-garis Pokok 'Aqidah Islamiyah Dalam Surah Ini

Kemudian di dalam surah ini terdapat garis-garis pokok 'aqidah Islamiyah dan cara Al-Qur'an membentangkan 'aqidah ini. Sepatutnya garis-garis pokok ini dibicarakan di tempatnya masing-masing jika tidak kerana kami memilih tidak mahu memutuskan aliran penjelasan ayat-ayat Al-Qur'an di dalam surah ini dengan hentian-hentian untuk membicarakan garisan-garisan itu. Oleh itu Kami tinggalkan pembicaraan-pembicaraannya di akhir surah ini supaya dapat kami memperkatakannya dengan perlahan-lahan.

Kami telah pun menyentuh garis-garis pokok ini secara sepintas lalu ketika menghuraikan ayat-ayat surah ini. Oleh itu kini kami harap dapat membicarakannya lebih panjang sekadar yang mampu.

Kepada Allah kami pohon pertolongan.

* * * * * *

Pembukaan surah dan isi maudhu' yang dibicarakan-nya serta berbagai-bagai arahan yang termuat di dalamnya adalah semuanya menunjukkan dengan jelas bahawa surah ini adalah Surah Makkiyah dan bukannya Madaniyah seperti yang disebut oleh setengah-setengah riwayat dan mushaf, juga menunjukkan bahawa surah ini adalah diturunkan di suatu masa, di mana memuncaknya penolakan, pembohongan dan cabaran dari kaum Musyrikin, di samping banyaknya cabaran-cabaran yang meminta

4 *Inilah pengertian yang wajar bagi ayat ini bukannya seperti pengertian sewenang-wenang yang dibuat oleh orang-orang yang mendakwa mentafsirkan Al-Qur'an mengikut kajian sains, iaitu mereka mengatakan bahawa pengertian ini bertujuan menunjukkan kawasan kawasan bumi yang kurang di bahagian dua kutub utara dan selatan dan kawasan yang lekuk di garisan khatulistiwa dan sebagainya dari cakap-cakap yang kosong. Sebenarnya konteks penjelasan ayat Al-Qur'an itu sendiri menentukan maksud-maksud ungkapan-ungkapan yang terdapat padanya. Oleh sebab itulah orang-orang yang melakukan pentafsiran yang sewenang-wenang di bidang ini hendaklah merasa takut kepada Allah dan janganlah membuat pentafsiran tanpa memahami tabi'at Al-Qur'an dengan jelas dan teliti.*

5 *Setengah-setengah riwayat dalam tafsir yang ma'thur menyebut bahawa maksud dengan firman Allah "* ومن عنده علم الكتاب *" (mereka yang mempunyai ilmu al-kitab) itu pengakuan-pengakuan dari Ahlil-Kitab yang beriman bahawa Al-Qur'an itu benar. Ini berdasarkan kepada ayat yang terdahulu di dalam surah ini iaitu: "Dan orang-orang yang telah Kami kurniakan kitab kepada mereka adalah bergembira dengan wahyu yang telah diturunkan kepadamu."(36). Inilah yang sebenarnya apa yang terjadi di Makkah kemudian terjadi pula di Madinah. Kami tidak menolak sudut pandangan riwayat ini. Mungkin inilah maksud ayat yang sebenar.*

mu'jizat-mu'jizat dari Rasulullah s.a.w. dan menggesakan agar disegera 'azab Allah yang diancamkan kepada mereka. Semuanya ini memerlukan kepada serangan-serangan balas untuk meneguhkan kedudukan beliau dan para pengikutnya supaya berpegang kukuh kepada ajaran-ajaran Al-Qur'an yang diturunkan Allah kepadanya untuk menghadapi tentangan, penolakan, pendustaan dan cabaran, juga untuk meletakkan agama yang benar ini, di tempat yang unggul serta berlindung pada Allah Yang Maha Esa dan mengisytiharkan Wahdaniyah-Nya sebagai Tuhan yang disembah dan sebagai Tuhan yang memerintah dan mentadbir, eterusnya untuk berdiri teguh di atas hakikat kebenaran Al-Qur'an dan mengi'tiqadkannya sebagai satu-satunya yang benar walaupun didustakan oleh kaum Musyrikin. Serangan-serangan balas itu juga bertujuan untuk menghadapi kaum Musyrikin dengan mengemukakan dalil-dalil kebenarannya yang terdapat di seluruh alam buana, di dalam diri, di dalam sejarah umat-umat manusia dan peristiwa-peristiwanya, di samping mengembelengkan segala faktor yang berkesan dan berbicara secara langsung dengan jiwa manusia dengan pembicaraan yang berkesan dan menarik dan dengan nada-nada yang mendalam dan kuat pengertiannya.

Di bawah ini ialah contoh-contoh ayat yang membawa pernyataan yang tegas bahawa kitab Al-Qur'an ini adalah satu-satunya kitab yang benar dan bahawa penolakan, pendustaan, cabaran, kelambatan mendapat sambutan dan kesukaran jalan perjuangan tidak menjejaskan hakikat Al-Qur'an yang agung itu:

الٓمٓر تِلْكَ ءَايَٰتُ ٱلْكِتَٰبِ وَٱلَّذِىٓ أُنزِلَ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَ
ٱلْحَقُّ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿١﴾

"Alif, Laam, Miim, Raa'. Itulah ayat-ayat kitab (Al-Qur'an). Dan apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu itu adalah benar, tetapi kebanyakan manusia tidak beriman."(1)

وَيَسْتَعْجِلُونَكَ بِٱلسَّيِّئَةِ قَبْلَ ٱلْحَسَنَةِ وَقَدْ
خَلَتْ مِن قَبْلِهِمُ ٱلْمَثُلَٰتُ وَإِنَّ رَبَّكَ لَذُو مَغْفِرَةٍ
لِّلنَّاسِ عَلَىٰ ظُلْمِهِمْ وَإِنَّ رَبَّكَ لَشَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿٦﴾
وَيَقُولُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَوْلَآ أُنزِلَ عَلَيْهِ ءَايَةٌ مِّن
رَّبِّهِۦٓ إِنَّمَآ أَنتَ مُنذِرٌ وَلِكُلِّ قَوْمٍ هَادٍ ﴿٧﴾

"Dan mereka telah meminta kepadamu supaya dipercepatkan 'azab sebelum mereka (meminta) rahmat, sedangkan sebelum mereka telah pun berlaku berbagai-bagai contoh teladan, dan sesungguhnya Tuhanmu itu sentiasa memberi keampunan kepada manusia walaupun mereka zalim, dan sesungguhnya Tuhanmu itu amat berat balasan-Nya."(6) Dan berkatalah orang-orang yang kafir: Mengapakah tidak diturunkan kepadanya suatu bukti (mu'jizat) dari Tuhannya? Sesungguhnya engkau hanya seorang Rasul yang memberi amaran dan setiap kaum mempunyai Rasul yang memberi hidayat."(7)

لَهُۥ دَعْوَةُ ٱلْحَقِّ وَٱلَّذِينَ يَدْعُونَ مِن دُونِهِۦ لَا يَسْتَجِيبُونَ لَهُم
بِشَىْءٍ إِلَّا كَبَٰسِطِ كَفَّيْهِ إِلَى ٱلْمَآءِ لِيَبْلُغَ فَاهُ وَمَا هُوَ بِبَٰلِغِهِۦ
وَمَا دُعَآءُ ٱلْكَٰفِرِينَ إِلَّا فِى ضَلَٰلٍ ﴿١٤﴾

"Do'a yang sebenar itu ialah kepada Allah, sedangkan tuhan-tuhan palsu yang mereka berdo'a kepadanya selain Allah tidak dapat memperkenankan sedikit pun do'a mereka melainkan seperti seorang yang menghulurkan kedua telapak tangannya ke dalam air supaya air sampai ke mulutnya dan tentulah ia tidak akan sampai ke mulutnya. Dan tiada do'a orang-orang yang kafir itu melainkan semuanya berada dalam kesia-siaan belaka."(14)

أَنزَلَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَسَالَتْ أَوْدِيَةٌۢ بِقَدَرِهَا فَٱحْتَمَلَ
ٱلسَّيْلُ زَبَدًا رَّابِيًا وَمِمَّا يُوقِدُونَ عَلَيْهِ فِى ٱلنَّارِ ٱبْتِغَآءَ
حِلْيَةٍ أَوْ مَتَٰعٍ زَبَدٌ مِّثْلُهُۥ كَذَٰلِكَ يَضْرِبُ ٱللَّهُ ٱلْحَقَّ
وَٱلْبَٰطِلَ فَأَمَّا ٱلزَّبَدُ فَيَذْهَبُ جُفَآءً وَأَمَّا مَا يَنفَعُ
ٱلنَّاسَ فَيَمْكُثُ فِى ٱلْأَرْضِ كَذَٰلِكَ يَضْرِبُ ٱللَّهُ
ٱلْأَمْثَالَ ﴿١٧﴾

"Dialah yang telah menurunkan hujan dari langit lalu mengalir di wadi-wadi menurut kadar yang ditentukan-Nya, kemudian banjir membawa buih-buih yang kembang, dan dari logam-logam yang mereka leburkannya di dalam api untuk membuat perhiasan dan perkakas-perkakas itu juga terdapat buih-buih yang sama dengannya. Demikianlah Allah membuat perbandingan di antara kebenaran dan kebatilan. Adapun buih, maka ia akan hilang lenyap terbuang dan adapun yang berguna kepada manusia, maka ia akan tetap di bumi. Demikian-lah Allah membuat perbandingan-perbandingan."(17)

أَفَمَن يَعْلَمُ أَنَّمَآ أُنزِلَ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَ ٱلْحَقُّ كَمَنْ هُوَ أَعْمَىٰٓ إِنَّمَا
يَتَذَكَّرُ أُو۟لُوا۟ ٱلْأَلْبَٰبِ ﴿١٩﴾

"Apakah orang yang mengetahui bahawa apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu itu adalah benar sama dengan orang yang buta? Hanya orang yang berakal sahaja yang dapat mengambil pengajaran."(19)

ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُم بِذِكْرِ ٱللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ ٱللَّهِ
تَطْمَئِنُّ ٱلْقُلُوبُ ﴿٢٨﴾

"Iaitu orang-orang yang beriman dan hati mereka tenteram dengan mengingati Allah. Ingatlah! Hanya dengan mengingati Allah hati menjadi tenang tenteram."(28)

كَذَٰلِكَ أَرْسَلْنَاكَ فِي أُمَّةٍ قَدْ خَلَتْ مِن قَبْلِهَا أُمَمٌ
لِّتَتْلُوَا۟ عَلَيْهِمُ ٱلَّذِىٓ أَوْحَيْنَآ إِلَيْكَ وَهُمْ يَكْفُرُونَ
بِٱلرَّحْمَٰنِ ۚ قُلْ هُوَ رَبِّى لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ
وَإِلَيْهِ مَتَابِ ﴿٣٠﴾

"Demikianlah Kami telah mengutuskan engkau di kalangan satu umat yang telah berlalu sebelumnya beberapa umat yang lain supaya engkau membaca kepada mereka (Al-Qur'an) yang telah Kami wahyukan kepadamu, sedangkan mereka mengingkarkan Allah Yang Maha Penyayang. Katakanlah: Dialah Tuhanku dan tiada Tuhan yang lain melainkan hanya Dia, kepada-Nya aku bertawakkal dan kepada-Nya aku bertaubat."(30)

وَٱلَّذِينَ ءَاتَيْنَٰهُمُ ٱلْكِتَٰبَ يَفْرَحُونَ بِمَآ أُنزِلَ إِلَيْكَ
وَمِنَ ٱلْأَحْزَابِ مَن يُنكِرُ بَعْضَهُۥ ۚ قُلْ إِنَّمَآ أُمِرْتُ
أَنْ أَعْبُدَ ٱللَّهَ وَلَآ أُشْرِكَ بِهِۦٓ ۚ إِلَيْهِ أَدْعُوا۟ وَإِلَيْهِ
مَـَٔابِ ﴿٣٦﴾

وَكَذَٰلِكَ أَنزَلْنَٰهُ حُكْمًا عَرَبِيًّا ۚ وَلَئِنِ ٱتَّبَعْتَ أَهْوَآءَهُم
بَعْدَ مَا جَآءَكَ مِنَ ٱلْعِلْمِ مَا لَكَ مِنَ ٱللَّهِ مِن وَلِىٍّ وَلَا
وَاقٍ ﴿٣٧﴾

"Dan orang-orang yang telah Kami kurniakan kitab kepada mereka adalah bergembira dengan wahyu yang telah diturunkan kepadamu (Muhammad) dari Tuhan-mu, dan di antara golongan-golongan (Ahlil-Kitab dan Musyrikin) ada yang mengingkari sebahagian darinya. Katakanlah: Sesungguhnya aku diperintah menyembah Allah dan jangan mempersekutukan-Nya. Kepada Allah aku berseru dan kepada-Nya juga aku kembali."(36) Dan demikianlah Kami turunkan Al-Qur'an sebagai hukum-hukum (Allah) di dalam bahasa Arab, dan jika engkau (Muhammad) mengikut kehendak hawa nafsu mereka setelah datang kepadamu pengetahuan yang benar (dari Allah), maka tiada lagi penolong dan pelindung (yang dapat menyelamatkan engkau) dari 'azab Allah."(37)

وَإِن مَّا نُرِيَنَّكَ بَعْضَ ٱلَّذِى نَعِدُهُمْ أَوْ نَتَوَفَّيَنَّكَ
فَإِنَّمَا عَلَيْكَ ٱلْبَلَٰغُ وَعَلَيْنَا ٱلْحِسَابُ ﴿٤٠﴾

"Sama ada Kami memperlihatkan kepadamu (wahai Muhammad) sebahagian dari 'azab yang Kami janjikan untuk mereka (orang kafir) atau Kami wafatkanmu sebelum melihatnya, (maka itu bukan urusanmu), kerana sesungguhnya tugasmu ialah menyampaikan da'wah dan tugas Kami ialah menjalankan hisab."(40)

وَيَقُولُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَسْتَ مُرْسَلًا ۚ قُلْ كَفَىٰ بِٱللَّهِ
شَهِيدًۢا بَيْنِى وَبَيْنَكُمْ وَمَنْ عِندَهُۥ عِلْمُ ٱلْكِتَٰبِ ﴿٤٣﴾

"Dan orang-orang yang kafir itu berkata: Engkau bukanlah seorang Rasul. Katakanlah (kepada mereka): Cukuplah Allah sendiri menjadi saksi di antaraku dengan kamu, juga mereka yang mempunyai ilmu al-kitab."(43)

Demikianlah kita dapat mengetahui dari kumpulan ayat-ayat yang telah kami sebutkan tadi bentuk penentangan yang telah digunakan oleh kaum Musyrikin untuk mencabar Rasulullah s.a.w. dan mencabar Al-Qur'an. Kemudian makna cabaran ini dan makna arahan Rabbani untuk menghadapi cabaran itu telah menggambarkan pula tabi'at dan keadaan masa diturunkan surah ini di zaman Makkiyah.

Di antara anjuran yang jelas yang terkandung di dalam arahan Rabbani kepada Rasulullah s.a.w. dalam menghadapi penolakan, pendustaan, cabaran, kelambatan mendapat sambutan dan kesulitan jalan perjuangan ialah menyuruh beliau supaya mengemukakan konsep yang benar yang diperjuangkannya dengan sempurna dan terus terang, iaitu konsep tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah, dan tiada Tuhan yang mentadbir melainkan Allah, tiada Tuhan yang disembah melainkan-Nya dan konsep Allah Maha Esa dan Maha Gagah Perkasa, dan konsep seluruh manusia akan dipulangkan kepada Allah sama ada ke Syurga atau ke Neraka. Itulah sekumpulan hakikat-hakikat yang ditolak dan dicabar oleh kaum Musyrikin. Beliau juga disuruh supaya jangan mengikut kehendak hawa nafsu mereka dengan bertindak mengampu-ngampu dan mengambil hati mereka dengan menyembunyikan sebahagian dari hakikat-hakikat yang benar ini atau menangguhkan pengumumannya, di samping itu beliau juga diancam dengan tindakan dari Allah jika beliau cuba mengikut kehendak hawa nafsu mereka di dalam mana-mana perkara ini setelah beliau mendapat ilmu yang diyakini benarnya dari Allah.

Anjuran yang jelas ini mendedahkan kepada para penda'wah ke jalan Allah tabi'at methodologi da'wah Islamiyah ini yang tidak membolehkan mereka menggunakan ijtihad mereka sendiri, malah mereka harus tampil mengemukakan hakikat-hakikat asasi agama ini dengan terus terang dan tanpa menyembunyi dan menangguhkan pengumuman sesuatu apa pun darinya terutama hakikat-hakikat mengenai konsep tiada Uluhiyah dan tiada Rububiyah melainkan bagi Allah. Lantaran itu tiada keta'atan dan kepatuhan melainkan bagi Allah. Inilah hakikat asasi yang pasti diisytiharkan walau apa sahaja tentangan dan cabaran dan walau apa sahaja penolakan dari para pendusta. Ia pasti diisytiharkan biarpun bagaimana sulit dan sukar jalan perjuangannya. Bukanlah dari ciri hikmat dan pengajaran yang baik menyembunyi atau menangguhkan pengumuman sebahagian dari hakikat-hakikat ini dengan alasan-

alasan kerana para Taghut di bumi ini tidak sukakannya atau akan menindas orang-orang yang mengisytiharkannya atau menolak agama ini dengan sebab pengisytiharan itu atau akan merancangkan tipu daya dan langkah-langkah jahat terhadap agama ini dan terhadap para penda'wahnya. Semuanya ini tidak seharusnya mendorong para penda'wah agama ini bertindak menyembunyikan sesuatu dari hakikat-hakikat asasinya atau menangguhkan pengumumannya, atau memulakannya dengan hanya mengemukakan perkara-perkara syi'ar agama, akhlak, tingkahlaku dan asuhan rohani sahaja untuk menjauhi kemurkaan para Taghut di bumi apabila mereka mula dengan mengumumkan konsep tauhid Uluhiyah dan Rububiyah, dan dari sinilah munculnya konsep tauhid keta'atan dan kepatuhan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja.

Inilah methodologi haraki untuk mempeluangkan 'aqidah Islam sebagaimana yang dikehendaki Allah dan inilah methodologi da'wah kepada Allah sebagaimana yang telah dijalani oleh penghulu kita Nabi Muhammad s.a.w. dengan arahan Allah. Setiap penda'wah kepada Allah tidak seharusnya menyeleweng dari methodologi ini atau mengikuti methodologi yang lain. Selain dari itu Allahlah Penjamin agama ini dan para penda'wah-Nya. Cukuplah Allah sendiri menjadi Penjamin dan Pelindung mereka dari kejahatan para Taghut itu.

* * * * * *

Methodologi Da'wah Al-Qur'an

Methodologi da'wah Al-Qur'an ialah mencantumkan di antara penerangan kitab Allah yang dibaca iaitu Al-Qur'anul-Karim dengan saranan-saranan kitab alam buana yang terbuka. Ia menjadikan seluruh alam buana ini sebagai sumber inspirasi kepada manusia kerana ia mengandungi dalil-dalil dan bukti-bukti yang jelas yang menggambarkan kekuasaan, perencanaan dan pentadbiran Allah Yang Maha Halus. Methodologi ini juga mencantumkan kepada dua kitab ini catatan-catatan sejarah manusia yang merakamkan bukti-bukti yang jelas yang juga menggambarkan kekuasaan, perencanaan dan pentadbiran Allah yang rapi. Dengan seluruh dalil-dalil dan bukti-bukti inilah Al-Qur'an menghadapi entiti manusia dan mengepungi mereka dari segenap penjuru, di mana ia berbicara dengan pancaindera mereka, dengan hati mereka dan dengan akal mereka.

Surah ini mengandungi banyak contoh-contoh yang cantik yang dibentangkan dalam lembaran kitab alam buana selepas dibentangkan oleh Al-Qur'an untuk menghadapi seluruh entiti manusia. Di antara contoh-contoh itu ialah:

الٓمٓرۚ تِلۡكَ ءَايَٰتُ ٱلۡكِتَٰبِۗ وَٱلَّذِيٓ أُنزِلَ إِلَيۡكَ مِن رَّبِّكَ
ٱلۡحَقُّ وَلَٰكِنَّ أَكۡثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يُؤۡمِنُونَ ﴿١﴾

ٱللَّهُ ٱلَّذِي رَفَعَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ بِغَيۡرِ عَمَدٖ تَرَوۡنَهَاۖ ثُمَّ ٱسۡتَوَىٰ
عَلَى ٱلۡعَرۡشِۖ وَسَخَّرَ ٱلشَّمۡسَ وَٱلۡقَمَرَۖ كُلّٞ يَجۡرِي لِأَجَلٖ
مُّسَمّٗىۚ يُدَبِّرُ ٱلۡأَمۡرَ يُفَصِّلُ ٱلۡأٓيَٰتِ لَعَلَّكُم بِلِقَآءِ
رَبِّكُمۡ تُوقِنُونَ ﴿٢﴾
وَهُوَ ٱلَّذِي مَدَّ ٱلۡأَرۡضَ وَجَعَلَ فِيهَا رَوَٰسِيَ وَأَنۡهَٰرٗاۖ وَمِن كُلِّ
ٱلثَّمَرَٰتِ جَعَلَ فِيهَا زَوۡجَيۡنِ ٱثۡنَيۡنِۖ يُغۡشِي ٱلَّيۡلَ ٱلنَّهَارَۚ
إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَأٓيَٰتٖ لِّقَوۡمٖ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٣﴾
وَفِي ٱلۡأَرۡضِ قِطَعٞ مُّتَجَٰوِرَٰتٞ وَجَنَّٰتٞ مِّنۡ أَعۡنَٰبٖ
وَزَرۡعٞ وَنَخِيلٞ صِنۡوَانٞ وَغَيۡرُ صِنۡوَانٖ يُسۡقَىٰ بِمَآءٖ
وَٰحِدٖ وَنُفَضِّلُ بَعۡضَهَا عَلَىٰ بَعۡضٖ فِي ٱلۡأُكُلِۚ إِنَّ
فِي ذَٰلِكَ لَأٓيَٰتٖ لِّقَوۡمٖ يَعۡقِلُونَ ﴿٤﴾

"Alif, Laam, Miim, Raa'. Itulah ayat-ayat kitab (Al-Qur'an). Dan apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu itu adalah benar, tetapi kebanyakan manusia tidak beriman(1). Allahlah yang mengangkatkan langit tanpa tiang yang dapat dilihat oleh kamu, kemudian Dia bersemayam di atas 'Arasy. Dan Dialah yang menundukkan matahari dan bulan, masing-masing beredar mengikut masa yang telah ditentukan. Dialah yang mentadbirkan segala urusan, menjelaskan ayat-ayat dengan terperinci supaya kamu yakin terhadap pertemuan dengan Tuhan kamu(2). Dan Dialah yang membentangkan bumi dan menciptakan padanya gunung-ganang dan sungai-sungai. Dan dari setiap buah-buahan Dia ciptakan jantan betina dua sepasang. Dialah yang menjadikan malam dan siang saling menyelubungi. Sesungguhnya dalam kejadian-kejadian itu terdapat bukti-bukti (kekuasaan Allah) bagi golongan orang-orang yang berfikir(3). Dan di bumi terdapat ruang-ruang tanah yang berdampingan dan kebun-kebun anggur, tanaman-tanaman dan pokok-pokok kurma yang bercabang dan yang tidak bercabang yang disirami dengan air yang sama dan Kami lebihkan satu sama dari segi rasa. Sesungguhnya dalam kejadian-kejadian itu terdapat bukti-bukti (kekuasaan Allah) bagi golongan orang-orang yang mengerti."(4)

Ayat-ayat ini mengumpulkan pemandangan-pemandangan alam untuk menjadikan seluruh alam buana ini sebagai saksi dan bukti yang jelas yang menunjukkan kekuasaan Allah dalam urusan penciptaan, perencanaan dan pentadbiran. Kemudian ia menyatakan kehairanannya terhadap kaum Musyrikin yang melihat seluruh bukti-bukti kekuasaan Allah ini kemudian memustahilkan persoalan kebangkitan selepas mati dan alam Akhirat. Mereka mendustakan wahyu Allah kerana wahyu itu telah menjelaskan hakikat yang amat dekat itu. Ia

merupakan satu hakikat yang amat dekat di bawah bayangan pemandangan-pemandangan alam buana yang mena'jubkan itu.

وَإِن تَعْجَبْ فَعَجَبٌ قَوْلُهُمْ أَءِذَا كُنَّا تُرَابًا أَءِنَّا
لَفِى خَلْقٍ جَدِيدٍ أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟
بِرَبِّهِمْ وَأُوْلَٰٓئِكَ ٱلْأَغْلَٰلُ فِىٓ أَعْنَاقِهِمْ وَأُوْلَٰٓئِكَ
أَصْحَٰبُ ٱلنَّارِ هُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿٥﴾

"Dan jika engkau merasa hairan, maka yang wajar dihairankan lagi ialah perkataan mereka: Seandainya jika kami telah menjadi tanah apakah kami akan diciptakan semula? Merekalah orang-orang yang mengingkarkan Tuhan mereka dan merekalah orang-orang yang dipasang belenggu-belenggu di leher mereka dan merekalah penghuni Neraka, di mana mereka kekal abadi."(5)

هُوَ ٱلَّذِى يُرِيكُمُ ٱلْبَرْقَ خَوْفًا وَطَمَعًا وَيُنشِئُ
ٱلسَّحَابَ ٱلثِّقَالَ ﴿١٢﴾
وَيُسَبِّحُ ٱلرَّعْدُ بِحَمْدِهِۦ وَٱلْمَلَٰٓئِكَةُ مِنْ خِيفَتِهِۦ
وَيُرْسِلُ ٱلصَّوَٰعِقَ فَيُصِيبُ بِهَا مَن يَشَآءُ

"Dialah yang memperlihatkan kilat kepada kamu untuk menimbulkan ketakutan dan harapan dan Dialah yang menciptakan awan-awan yang berat(12). Dan guruh bertasbih memuji-Nya dan malaikat juga (bertasbih) kerana takut kepada-Nya dan Dialah yang melepaskan halilintar lalu mengenai sesiapa yang dikehendaki-Nya."(13)

Ayat yang berikut membentang lembaran alam buana untuk menyatakan kehairanannya terhadap perbuatan kaum Musyrikin yang mempertikaikan keesaan Allah dan mempersekutukan-Nya, sedangkan mereka melihat kesan-kesan Rububiyah Allah, qudrat dan kuasa-Nya, mereka melihat kepatuhan seluruh alam kepada-Nya, dan seterusnya mereka melihat bagaimana Allah mengendali dan mengaturkan tadbir-Nya terhadap urusan para hamba-Nya, dan melihat kelemahan seluruh yang lain dari Allah dalam urusan mencipta dan mengaturkan pentadbiran dan perencanaan itu:

وَهُمْ يُجَٰدِلُونَ فِى ٱللَّهِ وَهُوَ شَدِيدُ ٱلْمِحَالِ ﴿١٣﴾

"Sedangkan mereka mempertikaikan tentang Allah dan Dia amat berat penyeksaan-Nya."(13)

لَهُۥ دَعْوَةُ ٱلْحَقِّ وَٱلَّذِينَ يَدْعُونَ مِن دُونِهِۦ لَا يَسْتَجِيبُونَ لَهُم
بِشَىْءٍ إِلَّا كَبَٰسِطِ كَفَّيْهِ إِلَى ٱلْمَآءِ لِيَبْلُغَ فَاهُ وَمَا هُوَ بِبَٰلِغِهِۦ
وَمَا دُعَآءُ ٱلْكَٰفِرِينَ إِلَّا فِى ضَلَٰلٍ ﴿١٤﴾

وَلِلَّهِ يَسْجُدُ مَن فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ طَوْعًا وَكَرْهًا
وَظِلَٰلُهُم بِٱلْغُدُوِّ وَٱلْءَاصَالِ ﴿١٥﴾
قُلْ مَن رَّبُّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ قُلِ ٱللَّهُ قُلْ أَفَٱتَّخَذْتُم
مِّن دُونِهِۦٓ أَوْلِيَآءَ لَا يَمْلِكُونَ لِأَنفُسِهِمْ نَفْعًا وَلَا
ضَرًّا قُلْ هَلْ يَسْتَوِى ٱلْأَعْمَىٰ وَٱلْبَصِيرُ أَمْ هَلْ تَسْتَوِى
ٱلظُّلُمَٰتُ وَٱلنُّورُ أَمْ جَعَلُوا۟ لِلَّهِ شُرَكَآءَ خَلَقُوا۟ كَخَلْقِهِۦ فَتَشَٰبَهَ
ٱلْخَلْقُ عَلَيْهِمْ قُلِ ٱللَّهُ خَٰلِقُ كُلِّ شَىْءٍ وَهُوَ ٱلْوَٰحِدُ ٱلْقَهَّٰرُ ﴿١٦﴾

"Do'a yang sebenar itu ialah kepada Allah, sedangkan tuhan-tuhan palsu yang mereka berdo'a kepadanya selain Allah itu tidak dapat memperkenankan sedikit pun do'a mereka memperkenankan seperti seorang yang menghulurkan kedua telapak tangannya ke dalam air supaya air sampai ke mulutnya dan tentulah ia tidak akan sampai ke mulutnya. Dan tiada do'a orang-orang yang kafir itu melainkan semuanya berada dalam kesia-siaan belaka(14). Dan hanya kepada Allah jua sujudnya sekalian penghuni langit dan bumi sama ada secara sukarela atau terpaksa, dan bayang-bayang mereka (juga turut sujud) di waktu pagi dan petang(15). Katakanlah: Siapakah Tuhan langit dan bumi? Jawablah: Allah. Katakanlah: Apakah patut kamu mengambil selain Allah pelindung-pelindung yang tidak terdaya menentukan manfa'at dan mudharat kepada diri mereka sendiri? Katakanlah: Apakah sama orang yang buta dengan orang yang celik atau apakah sama gelap-gelita dengan cahaya yang terang? Atau apakah mereka mengadakan bagi Allah sekutu-sekutu yang berkuasa mencipta sama seperti ciptaan-Nya sehingga ia mengerjakan mereka? Katakanlah: Hanya Allah sahaja yang berkuasa menciptakan segala sesuatu dan Dia Maha Esa dan Maha Gagah Perkasa."(16)

Demikianlah seluruh alam berubah menjadi sebuah pameran yang indah yang memperlihatkan bukti-bukti qudrat Allah dan inspirasi-inspirasi ke arah keimanan. Ia berbicara dengan fitrah manusia dengan menggunakan logik yang menyeluruh dan mendalam. Ia berbicara dengan seluruh entiti manusia yang merangkumi segala daya berfikir dan memahami lahir dan batin dengan keselarasan yang menarik.

Kemudian ayat-ayat berikut menambahkan kepada lembaran-lembaran kitab alam buana lembaran-lembaran sejarah manusia, di mana ia menayangkan kesan-kesan qudrat kuasa Allah, perencanaan dan pentadbiran-Nya di dalam kehidupan manusia:

وَيَسْتَعْجِلُونَكَ بِٱلسَّيِّئَةِ قَبْلَ ٱلْحَسَنَةِ وَقَدْ
خَلَتْ مِن قَبْلِهِمُ ٱلْمَثُلَٰتُ

"Dan mereka telah meminta kepadamu supaya dipercepatkan 'azab sebelum mereka (meminta) rahmat, sedangkan sebelum mereka telah pun berlalu berbagai-bagai contoh teladan."(6)

ٱللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَحْمِلُ كُلُّ أُنثَىٰ وَمَا تَغِيضُ ٱلْأَرْحَامُ
وَمَا تَزْدَادُ ۖ وَكُلُّ شَيْءٍ عِندَهُۥ بِمِقْدَارٍ ﴿٨﴾
عَٰلِمُ ٱلْغَيْبِ وَٱلشَّهَٰدَةِ ٱلْكَبِيرُ ٱلْمُتَعَالِ ﴿٩﴾
سَوَآءٌ مِّنكُم مَّنْ أَسَرَّ ٱلْقَوْلَ وَمَن جَهَرَ بِهِۦ
وَمَنْ هُوَ مُسْتَخْفٍۭ بِٱلَّيْلِ وَسَارِبٌۢ بِٱلنَّهَارِ ﴿١٠﴾
لَهُۥ مُعَقِّبَٰتٌ مِّنۢ بَيْنِ يَدَيْهِ وَمِنْ خَلْفِهِۦ
يَحْفَظُونَهُۥ مِنْ أَمْرِ ٱللَّهِ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ
يُغَيِّرُوا۟ مَا بِأَنفُسِهِمْ ۗ وَإِذَآ أَرَادَ ٱللَّهُ بِقَوْمٍ سُوٓءًا
فَلَا مَرَدَّ لَهُۥ ۚ وَمَا لَهُم مِّن دُونِهِۦ مِن وَالٍ ﴿١١﴾

"Allah mengetahui apa yang dikandung setiap perempuan dan setiap kandungan rahim yang kurang dan kandungan rahim yang bertambah. Dan segala sesuatu (diatur) di sisi-Nya dengan ukuran yang rapi(8). Allah Maha Mengetahui segala yang tersembunyi dan segala yang ketara, dan Dia Maha Besar dan Maha Tinggi(9). Sama sahaja (kepada Allah) sesiapa dari kamu yang menyembunyikan perkataannya dan sesiapa yang mengucapkannya dengan lantang dan sesiapa yang bersembunyi di malam hari dan yang muncul pergi di hari siang(10). Setiap manusia mempunyai malaikat-malaikat pengiring dari urusan Allah yang mengikutinya dari hadapan dan dari belakangnya untuk mengawasinya. Sesungguhnya Allah tidak mengubahkan keadaan sesuatu kaum sehingga mereka mengubahkan keadaan yang ada pada diri mereka sendiri, dan apabila Allah menghendaki sesuatu keburukan terhadap sesuatu kaum, maka tiada siapa yang dapat menolakkannya, dan tiada siapa yang dapat menjadi pelindung mereka selain daripada-Nya."(11)

ٱللَّهُ يَبْسُطُ ٱلرِّزْقَ لِمَن يَشَآءُ وَيَقْدِرُ ۚ وَفَرِحُوا۟ بِٱلْحَيَوٰةِ
ٱلدُّنْيَا وَمَا ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَا فِى ٱلْءَاخِرَةِ إِلَّا مَتَٰعٌ ﴿٢٦﴾

"Allahlah yang melapangkan rezeki dan menyempitkannya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Mereka bergembira dengan kehidupan dunia, sedangkan kehidupan dunia itu dibandingkan dengan kehidupan Akhirat hanya sekelumit keni'matan."(26)

وَلَا يَزَالُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ تُصِيبُهُم بِمَا صَنَعُوا۟ قَارِعَةٌ
أَوْ تَحُلُّ قَرِيبًا مِّن دَارِهِمْ حَتَّىٰ يَأْتِىَ وَعْدُ ٱللَّهِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ
لَا يُخْلِفُ ٱلْمِيعَادَ ﴿٣١﴾

"Dan orang-orang yang kafir itu sentiasa ditimpa malapetaka kerana perbuatan mereka yang kufur itu atau malapetaka itu jatuh berhampiran dengan tempat tinggal mereka sehingga tibalah janji Allah. Sesungguhnya Allah tidak memungkiri janji-Nya."(31)

وَلَقَدِ ٱسْتُهْزِئَ بِرُسُلٍ مِّن قَبْلِكَ فَأَمْلَيْتُ لِلَّذِينَ
كَفَرُوا۟ ثُمَّ أَخَذْتُهُمْ ۖ فَكَيْفَ كَانَ عِقَابِ ﴿٣٢﴾

"Dan sesungguhnya para rasul sebelummu juga pernah dipersenda-sendakan lalu Aku memberi tempoh kepada orang-orang yang kafir itu kemudian Aku binasakan mereka, maka bagaimanakah dahsyatnya 'azab keseksaan-Ku itu?"(32)

أَوَلَمْ يَرَوْا۟ أَنَّا نَأْتِى ٱلْأَرْضَ نَنقُصُهَا مِنْ أَطْرَافِهَا ۚ وَٱللَّهُ
يَحْكُمُ لَا مُعَقِّبَ لِحُكْمِهِۦ ۚ وَهُوَ سَرِيعُ ٱلْحِسَابِ ﴿٤١﴾
وَقَدْ مَكَرَ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ فَلِلَّهِ ٱلْمَكْرُ جَمِيعًا ۖ يَعْلَمُ
مَا تَكْسِبُ كُلُّ نَفْسٍ ۗ وَسَيَعْلَمُ ٱلْكُفَّٰرُ لِمَنْ عُقْبَى
ٱلدَّارِ ﴿٤٢﴾

"Apakah tidak mereka melihat bahawa Kami menyerang negeri (orang-orang kafir) lalu Kami kurangkan daerah-daerah perbatasannya (sedikit demi sedikit). Allahlah yang menentukan keputusan dan tiada siapa yang boleh menolak keputusan-Nya dan Dialah yang amat cepat menjalankan hisab(41). Sesungguhnya orang-orang (kafir) sebelum mereka juga pernah mengaturkan rancangan jahat mereka, tetapi semua tipu daya itu adalah dalam kekuasaan Allah. Dia mengetahui apa sahaja yang dilakukan oleh seseorang, dan orang-orang kafir akan mengetahui untuk siapakah tempat kesudahan yang baik itu."(42)

Demikianlah methodologi Al-Qur'an mengumpulkan dalil-dalil dan bukti-bukti dari sejarah manusia dan mengubahkannya menjadi faktor-faktor yang berkesan dan penyaran-penyaran yang berbicara dengan seluruh entiti manusia dengan teratur dan selaras.

Dari kumpulan dalil-dalil dan bukti-bukti ini kita dapat mengetahui salah satu garis pokok dari methodologi berda'wah kepada Allah dengan pandangan yang jelas, iaitu da'wah yang berbicara dengan seluruh entiti manusia bukan hanya berbicara dengan mereka dari aspek daya-daya fikiran dan mental mereka sahaja atau berbicara dengan mereka dari aspek ilham dan mata hati mereka sahaja atau berbicara dengan mereka dari aspek pancaindera dan perasaan mereka sahaja.

Kitab suci Al-Qur'an ini harus dijadikan pedoman da'wah ini, yang wajib dipegang oleh para penda'wah kepada Allah sebelum merujukkan kepada sumber-sumber yang lain, dan mereka harus mempelajari dari Al-Qur'an bagaimana hendak berda'wah kepada orang ramai, bagaimana hendak menyedarkan hati mereka yang lalai dan bagaimana hendak menghidupkan jiwa mereka yang mati.

Yang mewahyukan Al-Qur'an ini ialah Allah Pencipta manusia Yang Maha Mengetahui tabi'at,

kejadian mereka dan amat arif dengan liku-liku hati mereka. Jika para penda'wah kepada Allah itu wajib mengikut methodologi da'wah Allah yang bermula dengan menjelaskan sifat-sifat Uluhiyah Allah S.W.T., Rububiyah-Nya, kuasa Hakimiyah-Nya dan kuatkuasa-Nya, maka begitu juga mereka wajib memasuki hati manusia mengikut cara Al-Qur'an, iaitu dengan cara memperkenalkan kepada manusia Tuhan mereka yang sebenar supaya seluruh hati mereka berakhir dengan memberi keta'atan dan kepatuhan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan mengakui Rububiyah-Nya dan kuatkuasa-Nya yang tunggal sahaja.

* * * * * *

Dalam usaha memperkenalkan kepada manusia Tuhan mereka yang sebenar dan menolak segala bentuk syirik, maka methodologi Al-Qur'an memberi perhatiannya yang berat kepada penjelasan mengenai hakikat kerasulan dan hakikat Rasul, kerana kebanyakan penyelewengan dalam kefahaman i'tikad yang berlaku kepada kaum Ahlil-Kitab sebelum ini adalah berpunca dari perbuatan mencampuradukkan di antara sifat-sifat Uluhiyah dengan sifat-sifat nubuwwah terutama di dalam i'tikad orang-orang Kristian yang telah menyalutkan 'Isa a.s. dengan ciri-ciri Uluhiyah dan Rububiyah menyebabkan para pengikut berbagai-bagai gereja telah terjerumus dalam perselisihan-perselisihan 'aqidah dari berbagai-bagai mazhab yang membingungkan akibat campur aduk yang bertentangan dengan hakikat yang sebenar.

Bukan 'aqidah orang-orang Kristian sahaja yang terjerumus di dalam perselisihan-perselisihan yang membingungkan itu, malah berbagai-bagai kepercayaan paganisme juga telah turut terjerumus dalam perselisihan itu, di mana nubuwwah telah digambarkan dengan sifat-sifat yang kabur, setengah-setengahnya menghubungkan nubuwwah dengan sihir, dan setengah-setengahnya pula menghubungkan nubuwwah dengan ramalan-ramalan ghaib, sementara setengah-setengah yang lain menghubungkan nubuwwah dengan jin dan roh-roh yang tersembunyi.

Banyak di antara kefahaman-kefahaman itu masuk dan bercampuraduk dalam kepercayaan paganisme orang-orang Arab. Oleh sebab itulah setengah-setengah orang Arab mencabar Rasulullah s.a.w. supaya memberitahu kepada mereka perkara-perkara, yang ghaib dan setengahnya pula mencadangkan kepada beliau supaya menunjukkan kepada mereka mu'jizat-mu'jizat fizikal yang tertentu. Di samping itu mereka juga pernah menuduh beliau sebagai "tukang sihir" atau "orang gila" yang ada hubungan dengan makhluk jin. Setengahnya pula menuntut supaya diturunkan malaikat bersama beliau dan sebagainya dari bermacam-macam cadangan, cabaran dan tuduhan-tuduhan yang bercampuraduk dengan kefahaman-kefahaman paganisme terhadap hakikat nabi dan hakikat nubuwwah.

Al-Qur'an ini datang untuk menjelaskan hakikat yang sempurna tentang sifat nubuwwah dan sifat nabi, tentang sifat kerasulan dan sifat Rasul, tentang hakikat Uluhiyah Allah Yang Maha Esa dan hakikat 'Ubudiyah segala makhluk yang telah dijadikan Allah termasuk para Anbiya' dan para rasul-Nya. Mereka adalah golongan hamba-hamba Allah yang soleh dan bukannya makhluk-makhluk yang berlainan dari manusia. Mereka tidak mempunyai ciri-ciri Uluhiyah dan tidak pula mempunyai hubungan dengan alam-alam jin yang ghaib dan terkena sihir. Segala (apa yang disampaikan) adalah wahyu dari Allah S.W.T. Mereka tidak mempunyai sebarang qudrat kuasa-Nya untuk menunjukkan mu'jizat-mu'jizat kecuali dengan keizinan Allah apabila dikehendaki-Nya. Mereka adalah makhluk manusia yang telah dipilih Allah dan sifat basyariyah mereka dan sifat 'Ubudiyah mereka kepada Allah tetap kekal pada mereka seperti makhluk-makhluk Allah yang lain juga.

Di dalam surah ini terdapat contoh-contoh penjelasan mengenai sifat nubuwwah dan kerasulan, garis-garis batas seseorang nabi dan rasul, juga contoh-contoh penjelasan untuk membersihkan akal fikiran manusia dari semua keladak kepercayaan paganisme dan membebaskannya dari dongeng-dongeng yang telah merosakkan 'aqidah-'aqidah Ahlil-Kitab sebelum ini dan memulangkan 'aqidah-'aqidah ini kepada kepercayaan paganisme dengan segala kepercayaannya dan dongeng-dongengnya yang karut- marut.

Penjelasan-penjelasan itu adalah dituju untuk menghadapi cabaran-cabaran kaum Musyrikin yang realistik bukannya berupa perdebatan mental dan bukan pula berupa perbahasan falsafah metafizikal. Penjelasan-penjelasan itu merupakan pergerakan untuk menghadapi "realiti" dan ber-juang menanganinya dengan perjuangan yang realistik waqi'i:

وَيَقُولُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَوْلَآ أُنزِلَ عَلَيْهِ ءَايَةٌ مِّن رَّبِّهِۦٓ ۗ إِنَّمَآ أَنتَ مُنذِرٌ ۖ وَلِكُلِّ قَوْمٍ هَادٍ ﴿٧﴾

"Dan berkatalah orang-orang yang kafir: Mengapakah tidak diturunkan kepadanya suatu bukti (mu'jizat dari Tuhannya)? Sesungguhnya engkau hanya seorang Rasul yang memberi amaran, dan setiap kaum mempunyai Rasul yang memberi hidayat."(7)

وَيَقُولُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَوْلَآ أُنزِلَ عَلَيْهِ ءَايَةٌ مِّن رَّبِّهِۦ ۗ قُلْ إِنَّ ٱللَّهَ يُضِلُّ مَن يَشَآءُ وَيَهْدِىٓ إِلَيْهِ مَنْ أَنَابَ ﴿٢٧﴾

"Dan orang-orang kafir berkata: Mengapa tidak diturunkan kepadanya (Muhammad) suatu bukti (mu'jizat) dari Tuhannya? Katakanlah: Sesungguhnya Allah menyesatkan siapa yang dikehendaki-Nya dan memberi hidayat kepada siapa yang bertaubat kepada-Nya."(27)

كَذَٰلِكَ أَرْسَلْنَٰكَ فِىٓ أُمَّةٍ قَدْ خَلَتْ مِن قَبْلِهَآ أُمَمٌ

لِّتَتْلُوَا۟ عَلَيْهِمُ ٱلَّذِىٓ أَوْحَيْنَآ إِلَيْكَ وَهُمْ يَكْفُرُونَ
بِٱلرَّحْمَٰنِ ۚ قُلْ هُوَ رَبِّى لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ
وَإِلَيْهِ مَتَابِ ﴿٣٠﴾

"Demikianlah, Kami telah mengutuskan engkau di kalangan satu umat yang telah berlalu sebelumnya beberapa umat yang lain supaya engkau membaca kepada mereka (Al-Qur'an) yang telah Kami wahyukan kepadamu, sedangkan mereka mengingkarkan Allah Yang Maha Penyayang. Katakanlah: Dialah Tuhanku dan tiada Tuhan yang lain melainkan hanya Dia, kepada-Nya aku bertawakkal dan kepada-Nya aku bertaubat."(30)

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلًا مِّن قَبْلِكَ وَجَعَلْنَا لَهُمْ أَزْوَٰجًا
وَذُرِّيَّةً ۚ وَمَا كَانَ لِرَسُولٍ أَن يَأْتِىَ بِـَٔايَةٍ إِلَّا بِإِذْنِ ٱللَّهِ ۗ
لِكُلِّ أَجَلٍ كِتَابٌ ﴿٣٨﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan rasul-rasul sebelum engkau (Muhammad) dan Kami jadikan untuk mereka isteri-isteri dan zuriat keturunan dan tiada sebarang kuasa bagi seorang Rasul untuk mengadakan sesuatu mu'jizat melainkan dengan keizinan Allah. Bagi setiap zaman itu diturunkan kitab yang tertentu."(38)

وَإِن مَّا نُرِيَنَّكَ بَعْضَ ٱلَّذِى نَعِدُهُمْ أَوْ نَتَوَفَّيَنَّكَ
فَإِنَّمَا عَلَيْكَ ٱلْبَلَٰغُ وَعَلَيْنَا ٱلْحِسَابُ ﴿٤٠﴾

"Sama ada Kami memperlihatkan kepadamu (wahai Muhammad) sebahagian dari 'azab yang Kami janjikan untuk mereka (orang kafir) atau Kami wafatkanmu sebelum melihatnya, (maka itu bukan urusanmu) kerana sesungguhnya tugasmu ialah menyampaikan da'wah dan tugas Kami ialah menjalankan hisab."(40)

Demikianlah tersingkapnya sifat kerasulan dan garis-garis batas seorang Rasul dengan jelas. Tugas seorang Rasul ialah menyampaikan perutusan Allah. Dia hanya ditugas membaca perutusan-perutusan yang diwahyukan Allah. Dia tidak berkuasa membawa sesuatu mu'jizat melainkan dengan keizinan Allah, kemudian Rasul itu hanya seorang hamba Allah dan Allah itulah Tuhannya dan kepada Allah dia akan kembali. Dia adalah sama dengan manusia-manusia yang lain, dia berkahwin dan beranak-pinak, mempraktikkan sifat-sifat basyariyahnya dengan sempurna dengan segala komitmen basyariyah, di samping menunjukkan 'Ubudiyahnya yang sempurna kepada Allah dengan segala komitmen 'Ubudiyah.

Dengan penjelasan-penjelasan 'aqidah Islam yang terang dan sempurna ini terhapuslah segala kepercayaan dan dongeng-dongeng yang karut-marut yang selama ini meraba-raba dalam ruang kosong dan di dalam gelap-gelita di sekitar sifat nubuwwah dan sifat seseorang nabi, dan bersihlah 'aqidah dari kefahaman-kefahaman yang membingungkan yang memenuhi 'aqidah-'aqidah gereja dan kepercayaan-kepercayaan paganisme. Itulah kefahaman (karut) yang telah menjadikan 'aqidah Kristian sejak abadnya yang pertama lagi sebagai salah satu 'aqidah paganisme baik dari segi tabi'at mahupun dari segi hakikatnya setelah menjadi agama samawi di tangan 'Isa al-Masih a.s., iaitu agama yang menjadikan 'Isa al-Masih sebagai hamba Allah yang tidak berkuasa membawa mu'jizat melainkan dengan keizinan Allah.

Sebelum kami mengakhiri pembicaraan ini, kami ingin menjelaskan perhatian yang ditonjol dalam firman-Nya yang berikut:

وَإِن مَّا نُرِيَنَّكَ بَعْضَ ٱلَّذِى نَعِدُهُمْ أَوْ نَتَوَفَّيَنَّكَ
فَإِنَّمَا عَلَيْكَ ٱلْبَلَٰغُ وَعَلَيْنَا ٱلْحِسَابُ ﴿٤٠﴾

"Sama ada Kami memperlihatkan kepadamu (wahai Muhammad) sebahagian dari 'azab yang Kami janjikan untuk mereka (orang kafir) atau Kami wafatkanmu sebelum melihatnya, (maka itu bukan urusanmu) kerana sesungguhnya tugasmu ialah menyampaikan da'wah dan tugas Kami ialah menjalankan hisab."(40)

Peringatan ini ditujukan kepada Nabi s.a.w, yang menerima wahyu dari Allah dan ditugas, menyampaikan agama ini kepada manusia. Intisari dari peringatan ini ialah urusan agama ini bukan kepunyaan beliau dan kesudahan agama ini juga bukan dari tanggungjawabnya, malah satu-satunya tugas beliau ialah menyampaikan perutusan Allah dan bukannya memberi hidayat kepada manusia, kerana Allah sahaja yang memiliki teraju hidayat. Oleh itu sama ada Allah melaksanakan setengah-setengah janji-Nya kepada beliau untuk menyeksakan kaum Musyrikin itu atau beliau sampai ajal sebelum janji itu disempurnakan Allah, maka kedua-duanya tidak mengubahkan tabi'at tugas beliau, Tugas beliau hanya menyampaikan perutusan Allah dan hisab mereka selepas itu adalah terserah kepada Allah dan ini tidak bererti tabi'at penda'wah itu dilucutkan dan tugasnya dibataskan, kerana tugasnya memang terbatas dan segala urusan dalam da'wah ini dan dalam semua perkara yang lain adalah terpulang oleh Allah.

Dengan penjelasan ayat ini para penda'wah kepada Allah dapat mempelajari peradaban-peradaban terhadap Allah, iaitu mereka tidak berhak menggesa supaya Allah mempercepatkan hasil kejayaan da'wah dan tidak pula berhak menggesa supaya Allah mempercepatkan hasil kejayaan hidayat yang disampaikan kepada orang ramai. Mereka tidak berhak menggesakan Allah supaya segera melaksanakan janji-Nya yang baik terhadap orang-orang yang menerima hidayat dan supaya segera menimpakan janji 'azab-Nya terhadap para pendusta. Mereka tidak berhak bersungut: Kami telah berda'wah sekian banyak, tetapi malangnya ia hanya disambut oleh segelintir manusia sahaja. Atau

bersungut: Kami telah lama bersabar, tetapi Allah belum lagi bertindak ke atas orang yang zalim itu semasa kami masih hidup. (Mereka tidak berhak berkata begitu) kerana tugas mereka hanya menyampaikan perutusan Allah, sedangkan tugas menghisabkan manusia di dunia atau di Akhirat bukanlah urusan para hamba. Ia adalah dari urusan Allah. Oleh itu untuk menghormati adab sopan terhadap Allah dan mengakui 'Ubudiyah kepada Allah, maka persoalan itu seharusnya diserahkan kepada Allah sahaja. Dialah yang akan bertindak mengikut kehendak dan pilihan-Nya.

Surah ini ialah Surah Makkiyah, oleh sebab itulah di dalam surah ini tugas Rasulullah s.a.w. dibataskan dengan "penyampaian da'wah" sahaja, kerana tugas "berjihad" belum lagi difardhukan, tetapi selepas itu beliau ditugaskan pula supaya berjihad selepas menyampaikan perutusan Allah. Inilah yang harus diperhatikan dalam tabi'at harakiyah agama ini, kerana nas-nas mengenai jihad merupakan nas-nas yang bersifat harakiyah untuk diselaraskan dengan pergerakan da'wah dan dengan realiti yang dihadapinya, juga untuk menentukan arah harakat da'wah dan arah realiti yang dihadapinya. Inilah yang diabaikan oleh sebilangan ramai para pengkaji agama Islam di zaman sekarang. Mereka membuat kajian-kajian tetapi mereka tidak mengatur "pergerakan". Oleh sebab itulah mereka tidak memahami kedudukan-kedudukan nas-nas Al-Qur'an dan hubungannya dengan realiti pergerakan agama ini.

Ramai yang membaca nas yang seperti ini:

فَإِنَّمَا عَلَيْكَ ٱلْبَلَٰغُ وَعَلَيْنَا ٱلْحِسَابُ ﴿٤٠﴾

"Sesungguhnya tugasmu ialah menyampaikan da'wah dan tugas Kami ialah menjalankan hisab"(40)

lalu mereka memahami dari nas ini bahawa tugas para penda'wah kepada Allah hanya berakhir setakat menyampaikan da'wah sahaja dan apabila mereka bertindak menyampaikan da'wah, maka bererti mereka telah menunaikan tugas yang terbeban ke atas mereka. Adapun pergerakan "berjihad", maka saya tidak tahu di manakah duduknya di dalam kefahaman mereka.

Begitu juga ramai yang membaca nas yang seperti ini, mereka tidak menghapuskan jihad dengan nas ini, tetapi mereka mengikatkannya tanpa memahami bahawa nas ini ialah nas Makkiyah yang diturun sebelum difardhukan jihad dan tanpa memahami tabi'at hubungan di antara nas-nas Al-Qur'an dengan harakat da'wah Islamiyah. Ini disebabkan kerana mereka tidak mengaturkan harakat memperjuangkan agama ini, malah mereka hanya membaca agama ini di dalam kertas-kertas sahaja sambil duduk, sedangkan agama ini tidak dapat difahami oleh orang-orang yang duduk kerana agama Islam bukanlah agama untuk orang-orang yang duduk.

Walau bagaimanapun, namun tugas "menyampai da'wah" tetap merupakan dasar amalan Rasulullah s.a.w. dan dasar amalan para penda'wah kepada agama ini selepas beliau, kerana usaha menyampaikan da'wah merupakan langkah pertama dari langkah-langkah berjihad. Apabila langkah penyampaian da'wah itu betul dan menjurus ke arah menyampaikan hakikat-hakikat asasi agama sebelum disampaikan hakikat-hakikat far'iyah yang lain, yakni apabila langkah penyampaian da'wah itu menjurus dari langkah yang pertama ke arah menjelaskan bahawa ciri-ciri Uluhiyah, Rububiyah dan Hakimiyah adalah kepunyaan Allah Yang Maha Esa sahaja, di samping menjurus ke arah menjadikan seluruh manusia itu hamba kepada Allah Yang Maha Esa sahaja, di mana mereka membuat keta'atan dan kepatuhan kepada-Nya sahaja serta mencabut keta'atan dan kepatuhan kepada yang lain dari-Nya, maka sudah tentu jahiliyah akan bangkit menentang para penda'wah yang menyampaikan da'wah yang sebenar itu. Mereka akan menolak dan mencabar para penda'wah dan seterusnya akan bertindak menindas dan menghapuskan mereka. Di sini barulah tiba peringkat berjihad pada waktunya yang tepat sebagai hasil yang tabi'i dari penyampaian da'wah yang sebenar:

وَكَذَٰلِكَ جَعَلْنَا لِكُلِّ نَبِيٍّ عَدُوًّا مِّنَ ٱلْمُجْرِمِينَ ۗ
وَكَفَىٰ بِرَبِّكَ هَادِيًا وَنَصِيرًا ﴿٣١﴾

"Demikianlah Kami jadikan bagi setiap nabi itu musuh-musuh dari orang-orang yang berdosa (para Kafirin) dan cukuplah Tuhanmu sendiri menjadi Pemimpin dan Penolong."

(Surah al-Furqan: 31)

Inilah jalan perjuangan da'wah dan tiada jalan yang lain darinya.

* * * * * *

Kemudian marilah kita berhenti pula untuk membicarakan satu lagi garis pokok 'aqidah yang dibicarakan di dalam surah ini di mana Ia memberi kata pemutus mengenai hubungan yang wujud di antara arah tujuan dan pergerakan seseorang manusia dengan penentuan destini dan nasib kesudahannya dan menjelaskan bahawa kehendak masyi'ah Allah adalah terlaksana dalam gerak langkah yang diambil oleh seseorang manusia itu sendiri, di samping menjelaskan bahawa tiap-tiap kejadian adalah berlaku dan terlaksana mengikut perencanaan Allah. Kumpulan nas-nas khusus bagi maudhu' ini yang dibicara di dalam surah ini adalah cukup untuk menjelaskan pandangan Islam terhadap persoalan yang amat penting ini. Inilah di antara contoh-contohnya yang mencukupi:

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا۟ مَا بِأَنفُسِهِمْ ۗ
وَإِذَآ أَرَادَ ٱللَّهُ بِقَوْمٍ سُوٓءًا فَلَا مَرَدَّ لَهُۥ ۚ وَمَا لَهُم
مِّن دُونِهِۦ مِن وَالٍ ﴿١١﴾

"Sesungguhnya Allah tidak mengubahkan keadaan sesuatu kaum sehingga mereka mengubahkan keadaan yang ada pada diri mereka sendiri, dan apabila Allah menghendaki sesuatu keburukan terhadap sesuatu kaum, maka tiada siapa yang dapat menolakkannya, dan tiada siapa yang dapat menjadi pelindung mereka selain daripada-Nya."(11)

لِلَّذِينَ ٱسْتَجَابُوا۟ لِرَبِّهِمُ ٱلْحُسْنَىٰ ۚ وَٱلَّذِينَ لَمْ يَسْتَجِيبُوا۟ لَهُۥ
لَوْ أَنَّ لَهُم مَّا فِى ٱلْأَرْضِ جَمِيعًا وَمِثْلَهُۥ مَعَهُۥ لَٱفْتَدَوْا۟
بِهِۦٓ ۚ أُو۟لَـٰٓئِكَ لَهُمْ سُوٓءُ ٱلْحِسَابِ وَمَأْوَىٰهُمْ جَهَنَّمُ ۖ
وَبِئْسَ ٱلْمِهَادُ ﴿١٨﴾

"Bagi orang-orang yang menyahut seruan Tuhan mereka (dikurniakan) balasan yang terbaik dan bagi orang-orang yang tidak menyahut seruan itu (disediakan 'azab), dan jika mereka memiliki kekayaan yang ada di bumi ini dan (ditambahkan pula) sebanyak itu lagi ber-samanya nescaya mereka akan menebuskan diri mereka dengannya. Merekalah yang akan menghadapi hisab yang berat dan tempat kediaman mereka ialah Neraka Jahannam seburuk-buruk tempat kediaman."(18)

قُلْ إِنَّ ٱللَّهَ يُضِلُّ مَن يَشَآءُ وَيَهْدِىٓ إِلَيْهِ مَنْ أَنَابَ ﴿٢٧﴾

"Katakanlah: Sesungguhnya Allah menyesatkan siapa yang dikehendaki-Nya dan memberi hidayat kepada siapa yang bertaubat kepada-Nya."(27)

ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُم بِذِكْرِ ٱللَّهِ ۗ أَلَا بِذِكْرِ ٱللَّهِ
تَطْمَئِنُّ ٱلْقُلُوبُ ﴿٢٨﴾

"Iaitu orang-orang yang beriman dan hati mereka tenteram dengan mengingati Allah. Ingatlah! Hanya dengan mengingati Allah hati menjadi tenang tenteram."(28)

أَفَلَمْ يَا۟يْـَٔسِ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ أَن لَّوْ يَشَآءُ ٱللَّهُ لَهَدَى
ٱلنَّاسَ جَمِيعًا ۗ

"Tidakkah (sampai masanya kepada) orang-orang yang beriman itu berputus asa (terhadap keimanan kaum Musyrikin). Sesungguhnya jika Allah kehendaki tentulah Dia memberi hidayat kepada semua manusia."(31)

بَلْ زُيِّنَ لِلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مَكْرُهُمْ وَصُدُّوا۟ عَنِ ٱلسَّبِيلِ ۗ
وَمَن يُضْلِلِ ٱللَّهُ فَمَا لَهُۥ مِنْ هَادٍ ﴿٣٣﴾

"Malah bagi orang-orang yang kafir itu telah dipesonakan oleh tipu daya mereka sendiri dan mereka telah dihalangkan dari jalan Allah, dan barang siapa yang disesatkan Allah, maka tiada siapa lagi yang dapat memberi hidayat kepadanya."(33)

Jelaslah dari nas yang pertama dari nas-nas ini bahawa kehendak masyi'ah Allah dalam mengubahkan keadaan satu kaum itu adalah berlaku dan terlaksana dari tindakan yang diambil oleh kaum itu sendiri. Iaitu mereka mengubahkan arah tujuan dan perilaku mereka dengan kesedaran dan amalan. Oleh itu apabila sesuatu kaum itu mengubahkan keadaan diri mereka dari segi arah tujuan dan amalan, maka Allah akan mengubahkan keadaan mereka mengikut perubahan yang telah dilakukan mereka terhadap diri mereka. Apabila keadaan mereka menghendaki iradat Allah bertindak buruk terhadap mereka, maka terlaksanalah iradat Allah dan tiada siapa pun yang dapat menghalanginya dan tiada siapa pun yang dapat melindungi mereka dari 'azab Allah dan mereka tidak akan mendapat sebarang perlindungan dan penolongan selain dari Allah.

Tetapi jika mereka menyambut da'wah Allah dan mengubahkan diri mereka dengan sambutan ini, nescaya iradat Allah menghendaki balasan yang baik kepada mereka dan melaksanakan balasan itu di dunia atau di Akhirat atau kedua-duanya sekali. Dan jika mereka tidak menyambut da'wah Allah nescaya iradat Allah menghendaki balasan yang buruk terhadap mereka dan mereka akan dihisabkan dengan seburuk-buruknya dan tiada sebarang tebusan yang dapat menyelamatkan mereka jika mereka datang menemui Allah pada hari hisab tanpa menyambut da'wah-Nya.

Amatlah jelas dari nas yang kedua itu bahawa tindakan menyambut atau tidak menyambut da'wah Allah adalah terpulang kepada arah tujuan dan gerak langkah yang diambil mereka sendiri dan bahawa kehendak masyi'ah Allah terhadap mereka adalah berlaku atau terlaksana melalui gerak langkah dan arah tujuan yang diambil mereka sendiri.

Mengenai nas yang ketiga pula, maka permulaan nas ini memperkatakan tentang kebebasan kehendak masyi'ah Allah dalam menyesatkan sesiapa sahaja yang dikehendaki-Nya, tetapi Ia iringi pula dengan pernyataan bahawa Allah "memberi hidayat kepada orang yang bertaubat kepada-Nya". Ini menjelaskan bahawa Allah S.W.T. menghendaki memberi hidayat kepada orang yang bertaubat atau kembali kepada-Nya. Keterangan ini membuktikan bahawa Allah hanya menyesatkan mereka yang enggan pulang kepada-Nya dan mereka yang tidak menyambut da'wah-Nya dan Dia tidak sekali-kali menyesatkan orang yang pulang kepada-Nya dan menyambut da'wah-Nya. Ini sesuai dengan janji-Nya yang tersebut di dalam firman-Nya:

وَٱلَّذِينَ جَـٰهَدُوا۟ فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا ۚ

"Dan orang-orang yang berjuang untuk mendapatkan keredhaan Kami, nescaya Kami akan tunjukkan jalan Kami kepada mereka."

(Surah al-Ankabut: 69)

(Di sini jelaslah) bahawa pemberian hidayat dan penyesatan itu kedua-duanya merupakan kehendak masyi'ah Allah belaka terhadap para hamba-Nya dan kehendak masyi'ah Allah itu adalah berlaku dan

terlaksana melalui tindakan mereka sendiri yang mengubahkan keadaan diri mereka dan melalui arah tujuan yang dipilih mereka sendiri sama ada ke arah menyambut atau menolak.

Nas yang keempat menjelaskan bahawa jika Allah kehendaki nescaya Dia memberi hidayat kepada seluruh manusia. Di bawah bayangan nas-nas ini ternyatalah bahawa maksud dari nas ini ialah jika Allah S.W.T. kehendaki nescaya Dia menjadikan seluruh manusia itu mempunyai kesediaan yang sama untuk menerima hidayat atau untuk memaksa mereka menerima hidayat, tetapi Allah S.W.T. menghendaki menjadikan manusia seperti keadaan mereka yang ada sekarang ini, iaitu mereka mempunyai kesediaan untuk memilih hidayat atau memilih kesesatan dan selepas itu Allah tidak berkehendak memaksa mereka memilih hidayat dan tidak pula berkehendak memaksa mereka memilih kesesatan. Maha Sucilah Allah! Allah menjadikan iradat-Nya terhadap manusia berlaku menerusi keputusan mereka menerima atau tidak menerima dalil-dalil hidayat dan penyaran-penyaran keimanan.

Nas yang kelima pula menjelaskan bahawa orang yang kafir itu telah dipesonakan oleh tipu daya mereka sendiri dan mereka dihalang dari jalan yang benar. Mengambil nas-nas yang seperti ini secara berasingan atau menunggal itulah yang telah mengheret kepada perdebatan-perdebatan yang terkenal di dalam sejarah pemikiran Islam di sekitar persoalan terpaksa dan bebas atau al-jabr dan al-ikhtiar, tetapi jika nas ini diambil atau difaham bersama-sama dengan kumpulan nas-nas yang lain seperti yang telah kita lihat tadi, maka ia akan dapat memberi satu kefahaman dan gambaran yang lengkap dan menyeluruh, iaitu keterpesonaan kepada amalan yang buruk dan penghalangan dari jalan yang benar itu adalah akibat dari kekufuran dan keengganan menyambut da'wah Allah yakni akibat dari tindakan orang-orang kafir itu sendiri yang telah mengubahkan keadaan diri mereka kepada keadaan yang menghendaki masyi'ah Allah bertindak terhadap mereka dengan membuat mereka terpesona kepada amalan yang buruk, menghalangkan mereka dari jalan yang benar dan membuat mereka menjadi sesat.

Tinggal lagi satu kata tambahan yang perlu untuk menjelaskan maudhu' ini yang telah menimbulkan banyak perdebatan di dalam semua agama, iaitu arah tujuan yang dipilih oleh manusia tidaklah automatik menentukan kesudahan mereka, kerana nasib-nasib kesudahan itu merupakan kejadian-kejadian yang diciptakan oleh perencanaan-perencanaan Allah. Segala sesuatu yang berlaku di alam buana ini adalah terjadi, berlaku dan terlaksana dengan perencanaan-perencanaan Allah yang khusus yang merealisasi dan menyempurnakan iradat dan masyi'ah Allah. Firman-Nya:

إِنَّا كُلَّ شَيْءٍ خَلَقْنَٰهُ بِقَدَرٍ ﴿٤٩﴾

"Sesungguhnya Kami telah ciptakan segala sesuatu itu dengan perencanaan yang rapi."

(Surah al-Qamar: 49)

Di sana tidak ada gerak automatik di dalam seluruh peraturan alam buana dan tidak ada kepastian bagi penyebab-penyebab yang dapat melahirkan kesan-kesan secara automatik, kerana penyebab itu sama dengan kesan kedua-duanya diciptakan dengan perencanaan Allah. Apa yang dibuat oleh arah tujuan yang dipilih oleh manusia itu ialah memperlakukan kehendak masyi'ah Allah terhadap mereka melalui arah tujuan yang dipilih mereka. Adapun berlakunya kehendak masyi'ah ini dan kesan-kesannya yang waqii, maka ia adalah terlaksana dengan perencanaan yang diatur khusus oleh Allah bagi setiap kejadian. (Firman-Nya):

وَكُلُّ شَيْءٍ عِندَهُۥ بِمِقْدَارٍ ﴿٨﴾

"Dan segala sesuatu (diatur) di sisi-Nya dengan ukuran yang rapi."(8)

Kefahaman yang seperti ini - sebagaimana telah Kami terangkan ketika membicarakan nas ini di dalam rangkaian surah ini - menambahkan lagi beban tanggungjawab yang besar yang terletak di atas bahu makhluk insan di samping menimbulkan lagi darjat kemuliaan insan dalam sistem seluruh alam buana ini, kerana makhluk insan merupakan satu-satunya makhluk, di mana berlakunya kehendak masyi'ah Allah terhadapnya melalui arah tujuan dan gerak langkah yang dipilih mereka. Alangkah beratnya beban tanggungawab itu dan alangkah besarnya kemuliaan manusia! [6]

* * * * * *

Di dalam surah ini juga terdapat kata pemutus bahawa kekufuran dan keengganan menyambut ajaran yang benar yang dibawa oleh agama ini adalah menunjukkan bahawa entiti manusia itu telah rosak, alat penerima semulajadi yang ada padanya tidak lagi berfungsi dan tabi'atnya tidak menentu dan menyeleweng dari jalan yang betul. Tidak mungkin berlaku kepada manusia yang mempunyai struktur jiwa yang normal, tidak mati, tidak rosak dan cacat mengambil sikap enggan menyambut ajaran yang benar dengan beriman dan memeluk Islam apabila dibentangkan kepada mereka dengan penjelasan yang sama dengan penjelasan yang dilakukan Al-Qur'an, kerana tabi'at fitrah manusia sentiasa menerima ajaran yang benar. Oleh sebab itu apabila fitrah mereka dihalangi dari ajaran yang benar, maka itulah tanda bahawa tuannya sendiri yang menghalanginya kerana menghidap sesuatu penyakit yang menyebabkannya memilih jalan yang lain dari jalan hidayat yang benar ini, dan dengan pilihan itu dia wajar mendapat kesesatan dan menerima

---

[6] *Lihat huraian yang lebih luas dalam bab* "حقيقة الإنسان" *dalam bahagian yang kedua kitab* "خصائص التصور الإسلامي ومقوماته".

ke'azaban sebagaimana firman Allah S.W.T. di dalam surah yang lain:

سَأَصْرِفُ عَنْ ءَايَٰتِيَ ٱلَّذِينَ يَتَكَبَّرُونَ فِي ٱلْأَرْضِ
بِغَيْرِ ٱلْحَقِّ وَإِن يَرَوْا۟ كُلَّ ءَايَةٍ لَّا يُؤْمِنُوا۟ بِهَا
وَإِن يَرَوْا۟ سَبِيلَ ٱلرُّشْدِ لَا يَتَّخِذُوهُ سَبِيلًا وَإِن
يَرَوْا۟ سَبِيلَ ٱلْغَيِّ يَتَّخِذُوهُ سَبِيلًا ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ
كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا وَكَانُوا۟ عَنْهَا غَٰفِلِينَ ﴿١٤٦﴾

"Aku akan memalingkan sekalian mereka yang berlagak angkuh di muka bumi ini tanpa alasan yang benar dari bukti-bukti Uluhiyah-Ku dan andainya mereka melihat segala bukti Uluhiyah-Ku nescaya mereka tidak juga beriman dan andainya mereka melihat jalan hidayat, mereka tidak mengambilnya sebagai jalan (yang benar) dan andainya mereka melihat jalan kesesatan, mereka mengambilnya sebagai jalan (jalan yang benar). Itu disebabkan kerana mereka mendustakan ayat-ayat Kami dan kerana mereka sentiasa lalai darinya."

(Surah al-A'raf: 146)

Di dalam surah ini juga terdapat ayat-ayat yang seperti ini yang menerangkan hakikat kekufuran. Ayat-ayat ini menjelaskan bahawa kekufuran itu suatu kebutaan dan kematian matahati. Sementara hidayat menandakan diri manusia itu terselamat dari kebutaan, juga menandakan daya-daya pemikirannya berada dalam keadaan selamat. Ayat-ayat itu juga menerangkan bahawa di dalam lembaran alam buana ini terdapat bukti-bukti yang menunjukkan kebenaran kepada mereka yang berfikir dan menggunakan akal:

أَفَمَن يَعْلَمُ أَنَّمَآ أُنزِلَ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَ ٱلْحَقُّ كَمَنْ هُوَ أَعْمَىٰٓ ۚ إِنَّمَا
يَتَذَكَّرُ أُو۟لُوا۟ ٱلْأَلْبَٰبِ ﴿١٩﴾
ٱلَّذِينَ يُوفُونَ بِعَهْدِ ٱللَّهِ وَلَا يَنقُضُونَ ٱلْمِيثَٰقَ ﴿٢٠﴾
وَٱلَّذِينَ يَصِلُونَ مَآ أَمَرَ ٱللَّهُ بِهِۦٓ أَن يُوصَلَ وَيَخْشَوْنَ
رَبَّهُمْ وَيَخَافُونَ سُوٓءَ ٱلْحِسَابِ ﴿٢١﴾
وَٱلَّذِينَ صَبَرُوا۟ ٱبْتِغَآءَ وَجْهِ رَبِّهِمْ وَأَقَامُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ
وَأَنفَقُوا۟ مِمَّا رَزَقْنَٰهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً وَيَدْرَءُونَ بِٱلْحَسَنَةِ
ٱلسَّيِّئَةَ أُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمْ عُقْبَى ٱلدَّارِ ﴿٢٢﴾

"Apakah orang yang mengetahui bahawa apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu itu adalah benar sama dengan orang yang buta? Hanya orang yang berakal sahaja yang dapat mengambil pengajaran(19). Iaitu orang yang memenuhi janji Allah dan tidak membatalkan perjanjian(20). Dan orang-orang yang menyambungkan apa yang diperintahkan Allah supaya disambungkannya dan mereka takut kepada Tuhan mereka dan takut kepada hisab yang buruk(21). Dan orang-orang yang sabar kerana mencari keredhaan Tuhan mereka dan mendirikan solat dan membelanjakan sebahagian dari rezeki yang Kami kurniakan kepada mereka secara sembunyi-sembunyi dan secara terang-terangan serta menolak kejahatan dengan kebaikan. Merekalah orang-orang yang akan mendapat tempat kesudahan yang baik."(22)

وَيَقُولُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَوْلَآ أُنزِلَ عَلَيْهِ ءَايَةٌ مِّن رَّبِّهِۦ ۗ قُلْ
إِنَّ ٱللَّهَ يُضِلُّ مَن يَشَآءُ وَيَهْدِىٓ إِلَيْهِ مَنْ أَنَابَ ﴿٢٧﴾
ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُم بِذِكْرِ ٱللَّهِ ۗ أَلَا بِذِكْرِ ٱللَّهِ
تَطْمَئِنُّ ٱلْقُلُوبُ ﴿٢٨﴾
ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ طُوبَىٰ لَهُمْ وَحُسْنُ
مَـَٔابٍ ﴿٢٩﴾

"Dan orang-orang kafir berkata: Mengapa tidak diturunkan kepadanya (Muhammad) suatu bukti (mu'jizat) dari Tuhannya? Katakanlah: Sesungguhnya Allah menyesatkan siapa yang dikehendaki-Nya dan memberi hidayat kepada siapa yang bertaubat kepada-Nya(27). Iaitu orang-orang yang beriman dan hati mereka tenteram dengan mengingati Allah. Ingatilah! Hanya dengan mengingati Allah, hati menjadi tenang tenteram(28). Orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh akan memperolehi kebahagiaan dan tempat kembali yang baik."(29)

وَهُوَ ٱلَّذِى مَدَّ ٱلْأَرْضَ وَجَعَلَ فِيهَا رَوَٰسِىَ وَأَنْهَٰرًا ۖ وَمِن كُلِّ
ٱلثَّمَرَٰتِ جَعَلَ فِيهَا زَوْجَيْنِ ٱثْنَيْنِ ۖ يُغْشِى ٱلَّيْلَ ٱلنَّهَارَ ۚ
إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٣﴾
وَفِى ٱلْأَرْضِ قِطَعٌ مُّتَجَٰوِرَٰتٌ وَجَنَّٰتٌ مِّنْ أَعْنَٰبٍ
وَزَرْعٌ وَنَخِيلٌ صِنْوَانٌ وَغَيْرُ صِنْوَانٍ يُسْقَىٰ بِمَآءٍ
وَٰحِدٍ وَنُفَضِّلُ بَعْضَهَا عَلَىٰ بَعْضٍ فِى ٱلْأُكُلِ ۚ إِنَّ
فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿٤﴾

"Dan Dialah yang membentangkan bumi dan menciptakan padanya gunung-ganang dan sungai-sungai. Dan dari setiap buah-buahan Dia ciptakan jantan betina dua sepasang. Dialah yang menjadikan malam dan siang saling menyelubungi. Sesungguhnya dalam kejadian-kejadian itu terdapat bukti-bukti (kekuasaan Allah) bagi golongan orang-orang yang berfikir(3). Dan di bumi terdapat ruang-ruang tanah yang berdampingan dan kebun-kebun anggur, tanaman-tanaman dan pokok-pokok kurma yang bercabang

dan yang tidak bercabang yang disirami dengan air yang sama dan Kami lebihkan satu sama lain dari segi rasa. Sesungguhnya dalam kejadian-kejadian itu terdapat bukti-bukti (kekuasaan Allah) bagi golongan orang-orang yang mengerti."(4)

Demikianlah ternyata dengan pengakuan Allah S.W.T. bahawa orang-orang yang tidak menyambut da'wah yang benar adalah orang-orang yang buta yang tidak berfikir dan menggunakan akal, dan orang-orang yang menyambut da'wah itu adalah orang-orang yang berakal. Mereka mempunyai hati yang tenang tenteram kerana mereka sentiasa mengingati Allah dan berhubung rapat dengan kebenaran yang dikenali dan diterimanya dengan fitrah mereka yang mendalam. Inilah yang membuat hati mereka tenang dan tenteram.

Bukti kebenaran firman ini boleh didapati oleh seseorang pada sesiapa sahaja yang ditemuinya menolak ajaran yang benar yang terkandung di dalam agama Allah dan dibawa Muhammad Rasulullah dalam bentuknya yang sempurna. Penolakan itu adalah terbit dari tabi'at yang sakit dan buta dan terbit dari jiwa yang rosak bahagian-bahagiannya yang terpenting menyebabkannya tidak dapat lagi menerima dan menangkap nada-nada alam buana di sekelilingnya yang bergema bertasbih memuji Allah dan mengakui wahdaniyah-Nya, qudrat kuasa-Nya, pentadbiran dan perencanaan-Nya (yang rapi).

Andainya orang-orang yang tidak beriman kepada ajaran yang benar ini disifatkan sebagai orang-orang buta dengan pengakuan dari Allah S.W.T. sendiri, maka tentulah tidak seharusnya bagi seseorang Muslim, yang mendakwa beriman kepada Rasulullah dan beriman bahawa al-Qur'an ini wahyu dari Allah, menerima sesuatu peraturan dalam mana-mana urusan hidupnya dari manusia yang buta itu terutama dalam urusan yang ada hubungan dengan peraturan-peraturan yang mengendali dan mentadbirkan kehidupan manusia atau dengan nilai-nilai dan ukuran-ukuran yang menjadi asas hidup mereka atau mempunyai hubungan dengan adat resam, tingkahlaku dan adab sopan yang menguasai masyarakat mereka.

Inilah sikap kami terhadap seluruh hasil-hasil pemikiran yang bukan Islam kecuali hasil-hasil pemikiran yang berupa ilmu-ilmu kebendaan semata-mata dan penggunaan-penggunaan amalinya yang dimaksudkan oleh Rasulullah s.a.w. dengan sabdanya:

انتم اعلم بشئون دنياكم

"Kamu lebih tahu tentang urusan-urusan dunia kamu."

Oleh itu tidak seharusnya bagi seorang Muslim yang mengetahui hidayat Allah dan mengetahui ajaran yang benar yang dibawa oleh Rasulullah duduk di bangku sebagai seorang murid untuk menerima ajaran dari sebarang manusia yang tidak menerima hidayat Allah dan tidak mengakuinya sebagai ajaran yang benar, kerana manusia ini adalah manusia yang buta dengan pengakuan dari Allah S.W.T. sendiri. Tiada seorang Muslim yang berani menolak pengakuan Allah kemudian mendakwa dirinya sebagai seorang Muslim.

Kita pastilah mengambil agama ini dengan cara yang sungguh-sungguh dan mengambil segala ketetapannya dengan tegas dan teguh. Segala pendirian yang lembik terhadap persoalan ini mencerminkan pendirian yang lembik dalam 'aqidah itu sendiri jika tidak mencerminkan sebagai penolakan terhadap pengakuan Allah S.W.T. sendiri, dan sudah tentu penolakan ini mengertikan kekufuran yang terus terang.

Yang paling anehnya ada golongan manusia pada hari ini mendakwa diri mereka sebagai orang-orang Islam kemudian dalam waktu yang sama mereka mengambil peraturan-peraturan hidup mereka dari si anu dan si anu, iaitu orang-orang yang disifatkan Allah sebagai orang-orang yang buta dan namun demikian mereka masih menganggap diri mereka sebagai orang-orang Islam.

Agama Islam ini adalah agama yang sungguh-sungguh, yang tidak menerima sikap main-mainan, dan agama yang tegas yang tidak menerima sikap yang lembik, dan agama yang benar dalam setiap nas dan kalimatnya. Oleh itu sesiapa yang tidak menemui dalam dirinya kesungguhan, ketegasan dan kepercayaan yang sekuat ini, maka alangkah terkaya agama ini darinya. Sesungguhnya Allah itu Maha Kaya dari semesta alam. [7]

Tidak seharusnya pengaruh jahiliyah itu menekan begitu berat ke atas hati seorang Muslim sehingga dia sanggup menerima peraturan-peraturan jahiliyah di dalam sistem hidup-nya, sedangkan dia sedar bahawa peraturan yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. itulah peraturan yang benar dan bahawa orang yang tidak mengetahui peraturan yang dibawa beliau itu sebagai peraturan yang benar itu adalah seorang yang buta, kemudian dia masih sanggup mengikut orang yang buta ini dan menerima ajaran-ajaran darinya walau-pun Allah S.W.T. sendiri telah pun memberi pengakuan-Nya.

* * * * * *

Pada akhirnya marilah kita berhenti di hadapan satu garis pokok agama Islam yang terakhir yang digariskan oleh surah ini:

Di sana ada hubungan yang rapat di antara kerosakan yang menimpa kehidupan manusia di dunia ini dengan kebutaan dari memandang ajaran yang benar yang datang dari Allah untuk membimbing manusia ke arah kebenaran, kebaikan dan kebajikan. Orang-orang yang tidak mematuhi perjanjian Allah dengan fitrah mereka dan tidak menyambut ajaran yang benar yang datang dari

---

[7] *Lihat bab* "التصور الإسلامي والثقافة" *dalam buku* "معالم في الطريق".

Allah, sedangkan mereka sedar bahawa itulah satu-satunya ajaran yang benar, maka merekalah golongan manusia yang melakukan kerosakan di bumi, sebaliknya orang-orang yang mengetahui bahawa ajaran yang datang dari Allah itulah satu-satunya ajaran yang benar dan menyambutnya, maka merekalah orang-orang yang melakukan kebaikan di bumi ini dan menyuburkan kehidupan:

أَفَمَن يَعْلَمُ أَنَّمَآ أُنزِلَ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَ ٱلْحَقُّ كَمَنْ هُوَ أَعْمَىٰٓ ۚ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُو۟لُوا۟ ٱلْأَلْبَٰبِ ﴿١٩﴾
ٱلَّذِينَ يُوفُونَ بِعَهْدِ ٱللَّهِ وَلَا يَنقُضُونَ ٱلْمِيثَٰقَ ﴿٢٠﴾
وَٱلَّذِينَ يَصِلُونَ مَآ أَمَرَ ٱللَّهُ بِهِۦٓ أَن يُوصَلَ وَيَخْشَوْنَ رَبَّهُمْ وَيَخَافُونَ سُوٓءَ ٱلْحِسَابِ ﴿٢١﴾
وَٱلَّذِينَ صَبَرُوا۟ ٱبْتِغَآءَ وَجْهِ رَبِّهِمْ وَأَقَامُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَأَنفَقُوا۟ مِمَّا رَزَقْنَٰهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً وَيَدْرَءُونَ بِٱلْحَسَنَةِ ٱلسَّيِّئَةَ أُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمْ عُقْبَى ٱلدَّارِ ﴿٢٢﴾

"Apakah orang yang mengetahui bahawa apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu itu adalah benar sama dengan orang yang buta? Hanya orang yang berakal sahaja yang dapat mengambil pengajaran(19). Iaitu orang yang memenuhi janji Allah dan tidak membatalkan perjanjian(20). Dan orang-orang yang menyambungkan apa yang diperintahkan Allah supaya disambungkannya dan mereka takut kepada Tuhan mereka dan takut kepada hisab yang buruk(21). Dan orang-orang yang sabar kerana mencari keredhaan Tuhan mereka dan mendirikan solat dan membelanjakan sebahagian dari rezeki yang Kami kurniakan kepada mereka secara sembunyi-sembunyi dan secara terang-terangan serta menolak kejahatan dengan kebaikan. Merekalah orang-orang yang akan mendapat tempat kesudahan yang baik."(22)

وَٱلَّذِينَ يَنقُضُونَ عَهْدَ ٱللَّهِ مِنۢ بَعْدِ مِيثَٰقِهِۦ وَيَقْطَعُونَ مَآ أَمَرَ ٱللَّهُ بِهِۦٓ أَن يُوصَلَ وَيُفْسِدُونَ فِى ٱلْأَرْضِ ۙ أُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمُ ٱللَّعْنَةُ وَلَهُمْ سُوٓءُ ٱلدَّارِ ﴿٢٥﴾

"Dan orang-orang yang membatalkan janji Allah setelah diikatkannya dengan teguh dan memutuskan hubungan yang diperintahkan Allah supaya disambungkannya dan melakukan kerosakan di bumi merekalah orang-orang yang mendapat kutukan Allah dan akan memperolehi seburuk-buruk tempat kesudahan."(25)

Teraju kehidupan manusia tidak layak dipimpin melainkan oleh orang-orang yang celik dan berakal yang mengetahui bahawa ajaran yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. itulah ajaran yang benar. Justeru itu mereka mematuhi perjanjian Allah dengan fitrah mereka dan perjanjian Allah dengan 'Adam dan zuriatnya bahawa mereka akan menyembah Allah Yang Maha Esa sahaja dan memberi kepatuhan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan tidak akan mengikut melainkan suruhan dan larangan-Nya sahaja. Oleh sebab itulah mereka menyambung apa yang diperintahkan Allah supaya disambungkannya, mereka takut kepada Allah dan takut berlaku dari mereka sesuatu perbuatan yang dilarangkan Allah atau sesuatu perbuatan yang dimurkai-Nya. Mereka bersabar dengan penuh kejujuran memelihara janji Allah. Mereka mendirikan solat dan membelanjakan sebahagian dari rezeki yang dikurniakan Allah kepada mereka sama ada secara diam-diam atau secara terang-terangan. Mereka menolak kejahatan dan kerosakan di bumi dengan melakukan kebaikan-kebaikan.

Kehidupan manusia di bumi ini tidak akan menjadi baik melainkan dengan kepimpinan yang celik yang berjalan mengikut hidayat Allah Yang Maha Esa sahaja, iaitu kepimpinan yang mengatur dan menyusun seluruh kehidupan mengikut agama dan hidayat Allah. Kehidupan manusia tidak boleh menjadi sihat dengan kepimpinan-kepimpinan yang sesat dan buta, kepimpinan yang tidak mengetahui bahawa peraturan-peraturan yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. itulah satu-satunya peraturan yang benar, kepimpinan yang mengikut sistem-sistem hidup yang lain dari sistem hidup Allah yang dipilih untuk para hamba-Nya yang soleh. Kehidupan manusia tidak boleh menjadi betul dengan sistem feudalis dan kapitalis, tidak juga boleh menjadi baik dengan sistem komunis dan sosialis ilmiyah. Semua sistem ini merupakan sistem-sistem orang-orang yang buta yang tidak sedar bahawa peraturan yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. itulah satu-satunya peraturan yang benar, yang tidak seharusnya dielakkan darinya dan tidak seharusnya pula dibuat apa-apa pindaan kepadanya. Kehidupan manusia tidak akan menjadi baik dengan sistem teokrasi dan tidak pula dengan sistem diktator atau sistem demokrasi. Semuanya sama sahaja, iaitu semuanya dari sistem-sistem orang yang buta yang meletakkan diri sendiri sebagai tuhan-tuhan yang lain dari Allah. Semuanya cuba mengadakan sistem-sistem pemerintahan dan sistem hidup yang tersendiri. Semuanya membuat undang-undang dan peraturan-peraturan yang tidak diizinkan Allah. Semuanya memperhambakan manusia kepada undang-undang yang diciptakan mereka dan semua-nya membuat manusia ta'at kepada yang lain dari Allah.

Sebagai bukti kebenaran perkataan kami yang diambil dari nas Al-Qur'an tadi ialah kerosakan hidup yang meliputi seluruh dunia hari ini yang berada di dalam jahiliyah abad dua puluh, iaitu kecelakaan dan penderitaan hidup yang dialami umat manusia di timur dan di barat sama ada di dalam sistem feudalis, kapitalis, komunis, sosialis ilmiyah, diktator atau

demokrasi. Semuanya sama sahaja, iaitu sama-sama menimbulkan kerosakan, keruntuhan akhlak, kesengsaraan jiwa dan kegelisahan yang dialami oleh manusia. Kerana semuanya dari ciptaan orang-orang yang buta yang tidak tahu bahawa peraturan yang diturunkan Allah kepada Nabi Muhammad s.a.w. itulah satu-satunya peraturan yang benar. Justeru itu sistem-sistem ini tidak mematuhi perjanjian Allah dan syari'at-Nya dan tidak hidup mengikut agama Allah dan hidayat-Nya.

Berdasarkan kepada keimanannya kepada Allah dan kepada kesedarannya bahawa peraturan yang diturunkan Allah kepada Nabi Muhammad itulah satu-satunya peraturan yang benar, maka seorang Muslim menolak segala mazhab sosial dan ekonomi dan menolak segala peraturan politik kecuali satu sistem sahaja, satu mazhab sahaja dan satu undang-undang sahaja yang diatur dan dipilih oleh Allah untuk para hamba-Nya yang soleh.

Perbuatan mengakui kesahihan sesuatu sistem atau sesuatu undang-undang atau suatu sistem pemerintahan yang diciptakan oleh yang lain dari Allah adalah terkeluar dari lingkungan Islam kerana Allah, lantaran Islam kerana Allah ialah menumpukan keta'atan dan kepatuhan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja.

Pengakuan ini selain dari bertentangan secara pasti dengan konsep Islam yang asasi, maka dalam waktu yang sama juga bererti menyerahkan teraju khilafah di bumi ini kepada orang-orang yang buta, iaitu orang-orang yang membatalkan perjanjian Allah yang telah dimeteraikannya dan memutuskan apa yang telah diperintahkan Allah supaya disambungkannya dan melakukan kerosakan di bumi. Oleh kerana itu kerosakan di bumi mempunyai pertalian yang amat rapat dengan kepimpinan orang-orang buta!

Umat manusia telah menderita di sepanjang sejarahnya kerana mereka terumbang-ambing dan meraba-raba di antara berbagai-bagai sistem, berbagai-bagai peraturan dan berbagai-bagai undang-undang yang dipimpin oleh orang-orang yang buta, iaitu orang-orang yang memakai baju ahli falsafah, ahli fikir, ahli undang-undang dan ahli-ahli politik di sepanjang abad. Manusia tidak pernah bahagia dan insaniyah mereka tidak pernah meningkat, mereka tidak pernah mencapai tahap sebagai khalifah Allah di muka bumi melainkan di bawah naungan sistem Rabbani di dalam beberapa waktu ketika mereka kembali kepada sistem yang lurus itu.[8]

Inilah setengah-setengah garis pokok 'aqidah yang menonjol di dalam surah ini, di mana kita membicarakannya dalam hentian-hentian yang pendek ini dan walaupun pembicaraannya tidak sampai ke batas sutnya, tetapi cukuplah ia memberi isyarat kepadanya.

---

[8] *Lihat huraian ini yang lebih luas dalam fasal* "تخبط واضطراب" *dalam buku* "الإسلام ومشكلات الحضارة"

JUZU' KE-13

SURAH IBRAHIM

SURAH KE

14

سُورَةُ إِبْرَاهِيمَ

SURAH IBRAHIM

Surah Ibrahim

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

52

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Muqaddimah surah)

Surah Ibrahim ini ialah Surah Makkiyah. Maudhu' pokoknya ialah sama dengan Maudhu' Surah-surah Makkiyah yang lain, iaitu membicarakan dasar-dasar pokok aqidah mengenai wahyu, kerasulan, tauhid, kebangkitan selepas mati, hisab dan balasan.

Tetapi penjelasan ayat-ayat di dalam surah ini mengikut satu cara yang tersendiri dalam membentangkan maudhu' ini dan hakikat-hakikatnya yang pokok, iaitu cara tersendiri yang berbeza dari yang lain sama seperti cara yang diikuti dalam setiap surah Al-Qur'an yang lain. Ia berbeza dengan suasananya, cara penceritaannya, sorotan-sorotan dan bayangan-bayangan yang tersendiri, di mana ditayangkan hakikat-hakikatnya yang besar. Walaupun warna hakikat ini tidak berbeza dari segi maudhu'nya dari hakikat-hakikat yang sama di dalam surah-surah yang lain, tetapi ia dibentangkan di sini dari sudut yang tersendiri di bawah sorotan-sorotan yang tersendiri dan melahirkan saranan-saranan yang tersendiri. Begitu juga ruang yang diambil oleh pembicaraannya dalam surah ini dan suasananya adalah berbeza dari surah-surah yang lain, di mana terdapat beberapa tokok tambah dan potong kurang yang membuat para pembaca merasa huraiannya sentiasa baru kerana adanya pembaharuan dalam "penggambaran-penggambaran yang seni". Kami menggunakan ungkapan "penggambaran-penggambaran yang seni" kerana ia menekan perhatian kepada gambarannya yang bermu'jizat dalam cara penyampaian Al-Qur'an.

Nampaknya sebahagian dari suasana surah ini adalah diambil dari namanya, iaitu Ibrahim a.s. bapa para Anbia' yang diberkati Allah, yang banyak bersyukur, banyak merayu dan banyak bertaubat kepada Allah. Semua bayangan yang dicetuskan oleh sifat-sifat ini diberi perhatian yang jelas di dalam suasana surah ini dan di dalam hakikat-hakikat yang dibicarakannya, juga di dalam cara penyampaian, pengungkapan dan nada-nadanya.

Surah ini membicarakan beberapa hakikat pokok aqidah, tetapi di sana terdapat dua hakikat pokok yang menaungi seluruh suasana surah ini iaitu dua hakikat yang secucuk dengan bayangan Ibrahim di dalam suasana surah ini, iaitu (pertama) hakikat persamaan risalah dan para rasul, persamaan da'wah mereka dan persamaan pendirian mereka selaku satu umat dalam menghadapi jahiliyah yang mendustakan agama Allah di mana-mana tempat dan zaman. (Kedua) hakikat ni'mat Allah terhadap manusia dan pertambahan ni'mat itu apabila disyukuri dan balasan kebanyakan manusia terhadap ni'mat Allah dengan keingkaran dan kekufuran.

Penonjolan dua hakikat ini atau dua bayangan ini tidak menafikan bahawa di dalam surah ini terdapat pembicaraan mengenai hakikat-hakikat yang lain, tetapi kedua-dua hakikat inilah yang menaungi suasana surah ini dan inilah yang kami ingin sebutkan.

Surah ini dimulakan dengan sebuah penjelasan mengenai tugas seorang rasul dan kitab suci yang diturunkan kepadanya, iaitu untuk mengeluarkan manusia dari kegelapan kepada cahaya yang terang dengan izin Allah:

الٓرۚ كِتَٰبٌ أَنزَلۡنَٰهُ إِلَيۡكَ لِتُخۡرِجَ ٱلنَّاسَ مِنَ ٱلظُّلُمَٰتِ إِلَى ٱلنُّورِ بِإِذۡنِ رَبِّهِمۡ إِلَىٰ صِرَٰطِ ٱلۡعَزِيزِ ٱلۡحَمِيدِ ١

"Alif. Laam. Raa'. (Inilah) kitab yang Kami turunkan kepadamu supaya engkau mengeluarkan manusia dari kegelapan-kegelapan kepada cahaya yang terang dengan keizinan Tuhan mereka menuju ke jalan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Terpuji."(1)

Kemudian diakhiri dengan tujuan yang sama dan menerangkan hakikat agung yang dibawa oleh risalah-risalah iaitu hakikat tauhid:

هَٰذَا بَلَٰغٞ لِّلنَّاسِ وَلِيُنذَرُواْ بِهِۦ وَلِيَعۡلَمُوٓاْ أَنَّمَا هُوَ إِلَٰهٞ وَٰحِدٞ وَلِيَذَّكَّرَ أُوْلُواْ ٱلۡأَلۡبَٰبِ ٥٢

"(Al-Qur'an) ini adalah perutusan yang disampaikan kepada manusia dan supaya mereka sentiasa diberi peringatan dengannya dan supaya mereka mengetahui bahawa Allah adalah Tuhan Yang Maha Esa dan supaya orang-orang yang berakal mengambil pengajaran."(52)

Di celah-celah surah ini disebut bahawa Musa a.s. telah diutus dengan tugas yang sama dengan tugas

Nabi Muhammad s.a.w. yang diutuskan kepada manusia. Beliau disebut dengan ungkapan yang sama:

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا مُوسَىٰ بِآيَاتِنَا أَنْ أَخْرِجْ قَوْمَكَ
مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ

"Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan Musa membawa ayat-ayat Kami (dan berfirman): Keluarkanlah kaummu dari kegelapan-kegelapan kepada cahaya yang terang."(5)

Begitu juga ia menyebut bahawa tugas para rasul secara umumnya ialah memberi penjelasan (kepada manusia):

وَمَا أَرْسَلْنَا مِن رَّسُولٍ إِلَّا بِلِسَانِ قَوْمِهِ
لِيُبَيِّنَ لَهُمْ

"Dan Kami tidak utuskan seseorang rasul melainkan dengan bahasa kaumnya supaya dia dapat memberi penjelasan kepada mereka."(4)

Di samping menjelaskan tugas Rasul, surah ini juga menjelaskan hakikat basyariah seseorang rasul. Hakikat inilah yang membataskan tugas-tugas Rasul. Tugasnya ialah penyampai, pemberi amaran, pemberi nasihat dan pemberi penjelasan, tetapi dia tidak berkuasa mengadakan mu'jizat melainkan dengan izin Allah dan apabila dikehendaki Allah bukannya mengikut kehendaknya atau kaumnya. Dia juga tidak berkuasa memberi hidayat atau menyesatkan kaumnya, kerana hidayat dan kesesatan itu bergantung dengan Sunnatullah yang dikehendaki masyi'ah Allah yang bebas.

Sifat basyariah seseorang rasul itulah yang menjadi titik bangkangan semua kaum yang hidup di dalam jahiliyah. Di sini surah ini menceritakan kata sepakat mereka:

قَالُوا إِنْ أَنتُمْ إِلَّا بَشَرٌ مِّثْلُنَا تُرِيدُونَ أَن تَصُدُّونَا
عَمَّا كَانَ يَعْبُدُ آبَاؤُنَا فَأْتُونَا بِسُلْطَانٍ
مُّبِينٍ ﴿١٠﴾

"Jawab mereka: Kamu tiada lain melainkan hanya manusia seperti kami sahaja. Kamu bertujuan hendak menghalangkan kami dari menyembah apa yang disembahkan datuk nenek kami, kerana itu bawalah kepada kami satu bukti (mu'jizat) yang nyata."(10)

Ia seterusnya menceritakan jawapan sebulat suara para rasul:

قَالَتْ لَهُمْ رُسُلُهُمْ إِن نَّحْنُ إِلَّا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ
وَلَٰكِنَّ اللَّهَ يَمُنُّ عَلَىٰ مَن يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ ۖ وَمَا كَانَ
لَنَا أَن نَّأْتِيَكُم بِسُلْطَانٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ ۚ وَعَلَى اللَّهِ
فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١١﴾

"Jawab para rasul mereka kepada mereka: Kami sememangnya tiada lain melainkan hanya manusia seperti kamu sahaja, tetapi Allah menganugerahkan limpah kurnia-Nya kepada siapa yang dikehendaki-Nya di antara para hamba-Nya, dan kami tidak berkuasa membawa kepada kamu satu bukti yang nyata (mu'jizat) melainkan dengan keizinan Allah, dan hanya kepada Allah hendaklah orang-orang yang beriman itu bertawakkal."(11)

Ayat surah ini juga menyebut bahawa usaha mengeluarkan manusia dari kegelapan kepada cahaya yang terang itu adalah berlaku dengan "keizinan Allah" dan setiap rasul menerangkan kepada kaumnya:

فَيُضِلُّ اللَّهُ مَن يَشَاءُ وَيَهْدِي مَن يَشَاءُ ۚ وَهُوَ
الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٤﴾

"Lalu Allah menyesatkan siapa yang dikehendaki-Nya dan memberi hidayat kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Dia Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(4)

Dengan penjelasan-penjelasan ini ketaralah dengan terang hakikat Rasul, di mana tugasnya terbatas dalam lingkungan hakikat ini. Tiada lagi kesamaran di antara hakikat basyariah para rasul dan sifat-sifat mereka dengan sesuatu dari hakikat zat Ilahiyah dan sifat-sifat-Nya. Begitulah juga ketara dengan jelas hakikat keesaan Allah tanpa sebarang bayangan serupa atau setanding (dengan sesuatu yang lain).

Begitu juga surah ini mengandungi penjelasan tentang bagaimana Allah telah menyempurnakan janji-Nya yang baik terhadap para rasul dan orang-orang yang beriman kepada mereka dengan keimanan yang benar. Janji itu telah ditepati Allah di dunia kepada mereka dengan memberi kemenangan dan kuasa memerintah di bumi dan di Akhirat dengan mengazabkan para pendusta dan mengurniakan ni'mat kepada orang-orang yang beriman.

Ayat yang berikut ini menggambarkan hakikat yang agung ini di akhir perjuangan di antara para rasul dengan kaum mereka masing-masing di dunia:

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لِرُسُلِهِمْ لَنُخْرِجَنَّكُم مِّنْ
أَرْضِنَا أَوْ لَتَعُودُنَّ فِي مِلَّتِنَا ۖ فَأَوْحَىٰ إِلَيْهِمْ
رَبُّهُمْ لَنُهْلِكَنَّ الظَّالِمِينَ ﴿١٣﴾
وَلَنُسْكِنَنَّكُمُ الْأَرْضَ مِن بَعْدِهِمْ ۚ ذَٰلِكَ
لِمَنْ خَافَ مَقَامِي وَخَافَ وَعِيدِ ﴿١٤﴾
وَاسْتَفْتَحُوا وَخَابَ كُلُّ جَبَّارٍ عَنِيدٍ ﴿١٥﴾

"Dan berkatalah orang-orang kafir kepada para rasul mereka: Sesungguhnya kami akan mengusir kamu dari

negeri kami atau kamu kembali semula kepada agama kami. Lalu Allah mewahyukan kepada mereka: Sesungguhnya Kami akan membinasakan orang-orang yang zalim(13). Dan Kami akan menempatkan kamu mendiami negeri itu selepas mereka. (Janji) itu adalah untuk orang-orang yang takut kepada maqam keagungan-Ku dan takut kepada janji seksa-Ku(14) Dan mereka (rasul-rasul) memohon kemenangan (kepada Allah), maka kecewalah setiap orang yang bermaharajalela dan degil."(15)

Dan ayat yang berikut pula menggambarkan hakikat yang agung ini di dalam pemandangan-pemandangan Qiamat di Akhirat:

وَأُدْخِلَ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ جَنَّاتٍ
تَجْرِي مِن تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا بِإِذْنِ رَبِّهِمْ ۖ
تَحِيَّتُهُمْ فِيهَا سَلَامٌ ﴿٢٣﴾

"Dan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh dimasukkan ke dalam Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya aneka sungai, di mana mereka hidup kekal abadi dengan izin Allah. Ucapan penghormatan kepada mereka ialah ucapan salam."(23)

﴿٤٩﴾ وَتَرَى الْمُجْرِمِينَ يَوْمَئِذٍ مُّقَرَّنِينَ فِي الْأَصْفَادِ
سَرَابِيلُهُم مِّن قَطِرَانٍ وَتَغْشَىٰ وُجُوهَهُمُ النَّارُ ﴿٥٠﴾

"Dan pada hari itu engkau melihat orang-orang yang berdosa dipasungkan dengan belenggu-belenggu(49). Pakaian mereka adalah dari belakin dan muka mereka diliputi api Neraka."(50)

Dan ayat yang berikut menggambarkan hakikat yang agung ini di dalam perbandingan-perbandingan di antara dua golongan itu:

أَلَمْ تَرَ كَيْفَ ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا كَلِمَةً طَيِّبَةً كَشَجَرَةٍ
طَيِّبَةٍ أَصْلُهَا ثَابِتٌ وَفَرْعُهَا فِي السَّمَاءِ ﴿٢٤﴾
تُؤْتِي أُكُلَهَا كُلَّ حِينٍ بِإِذْنِ رَبِّهَا ۗ وَيَضْرِبُ اللَّهُ
الْأَمْثَالَ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ﴿٢٥﴾
وَمَثَلُ كَلِمَةٍ خَبِيثَةٍ كَشَجَرَةٍ خَبِيثَةٍ اجْتُثَّتْ
مِن فَوْقِ الْأَرْضِ مَا لَهَا مِن قَرَارٍ ﴿٢٦﴾
يُثَبِّتُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا بِالْقَوْلِ الثَّابِتِ فِي الْحَيَاةِ
الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ ۖ وَيُضِلُّ اللَّهُ الظَّالِمِينَ ۚ
وَيَفْعَلُ اللَّهُ مَا يَشَاءُ ﴿٢٧﴾

"Apakah engkau tidak berfikir bagaimana Allah membuat satu perbandingan, iaitu kalimat yang baik itu laksana pokok yang baik, akar umbinya teguh dan dahan-dahannya menjulang ke langit(24). Ia mengeluarkan buah-buahnya setiap masa dengan keizinan Tuhannya. Allah membuat perbandingan-perbandingan itu untuk manusia supaya mereka berfikir(25). Dan perbandingan kalimat yang buruk itu adalah laksana pokok yang buruk yang telah dicabut akar umbinya dari permukaan bumi. Ia tidak mempunyai apa-apa keteguhan lagi(26). Allah meneguhkan pendirian orang-orang yang beriman itu dengan ucapan yang teguh dalam kehidupan dunia dan di Akhirat, dan Allah menyesatkan orang-orang yang zalim dan Allah melakukan apa sahaja yang dikehendaki-Nya."(27)

مَّثَلُ الَّذِينَ كَفَرُوا بِرَبِّهِمْ ۖ أَعْمَالُهُمْ كَرَمَادٍ
اشْتَدَّتْ بِهِ الرِّيحُ فِي يَوْمٍ عَاصِفٍ ۖ لَّا يَقْدِرُونَ
مِمَّا كَسَبُوا عَلَىٰ شَيْءٍ ۚ ذَٰلِكَ هُوَ الضَّلَالُ
الْبَعِيدُ ﴿١٨﴾

"Perbandingan amalan orang-orang yang kafir terhadap Tuhan mereka samalah dengan abu-abu yang ditiup angin yang kuat pada hari ribut yang kencang. Mereka tidak memperolehi sesuatu apa dari amalan-amalan yang diusahakan mereka. Itulah suatu kesesatan yang amat jauh."(18)

* * * * * *

Adapun dua hakikat yang menaungi suasana surah ini dan secucuk dengan bayangan Ibrahim a.s. sebagai bapa para Anbia' yang banyak bersyukur, merayu dan bertaubat kepada Allah, maka kedua-duanya ialah (pertama) hakikat persamaan risalah, persamaan para rasul, persamaan da'wah mereka dan persamaan pendirian mereka selaku satu umat dalam menghadapi jahiliyah yang mendustakan da'wah. (Kedua) ialah hakikat ni'mat Allah terhadap seluruh manusia dan terutamanya terhadap golongan yang terpilih dari mereka. Marilah kita membincangkan kedua-dua hakikat itu secara khusus di sini.

Hakikat yang pertama dibicarakan dalam surah ini dengan satu cara penyampaian yang unik. Hakikat ini telah dibicarakan oleh setengah-setengah surah yang telah lepas dalam bentuk menjelaskan persamaan da'wah yang dibawa oleh setiap rasul. Di sana setiap rasul masing-masing mengemukakan da'wahnya kepada kaum masing-masing kemudian berlalu, kemudian datang pula rasul demi rasul dan semuanya mengemukakan da'wah yang sama dan menerima jawapan yang sama. Setiap golongan pendusta masing-masing menerima balasan 'azab di dunia. Setengahnya pula diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu di dunia ini atau ke suatu masa pada hari hisab, tetapi di sana ayat-ayat di dalam surah-surah itu menayangkan setiap rasul dalam satu adegan yang tertentu seperti tayangan filem yang bergerak sejak rasul-rasul angkatan pertama dahulu. Sebagai contoh yang lebih hampir bagi penayangan

(kisah para rasul) yang seperti ini ialah penayangan dalam Surah al-A'raf dan Surah Hud.

Tetapi di dalam Surah Ibrahim bapa para Anbia', maka seluruh nabi-nabi itu dikumpulkan dalam satu barisan sahaja dan seluruh manusia jahiliyah juga dikumpulkan dalam satu barisan sahaja, dan di sana berlakulah konflik di antara mereka di bumi, tetapi konflik itu tidak berakhir di sini, malah bersambung-sambung hingga ke hari hisab!

Di sini (dalam ayat yang berikut) kita melihat satu umat para rasul dan satu umat manusia jahiliyah semuanya berada di satu ruang bumi sahaja walaupun zaman dan tempat mereka berjauh-jauhan, kerana zaman dan tempat adalah dua 'aradh yang hilang, sedangkan hakikat agung di alam buana ini, iaitu hakikat keimanan dan kekufuran adalah lebih besar dan lebih nyata dari 'aradh-'aradh zaman dan tempat lagi:

أَلَمْ يَأْتِكُمْ نَبَؤُا۟ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ قَوْمِ نُوحٍ وَعَادٍ
وَثَمُودَ وَٱلَّذِينَ مِنۢ بَعْدِهِمْ لَا يَعْلَمُهُمْ إِلَّا
ٱللَّهُ جَآءَتْهُمْ رُسُلُهُم بِٱلْبَيِّنَٰتِ فَرَدُّوٓا۟ أَيْدِيَهُمْ
فِىٓ أَفْوَٰهِهِمْ وَقَالُوٓا۟ إِنَّا كَفَرْنَا بِمَآ أُرْسِلْتُم بِهِۦ
وَإِنَّا لَفِى شَكٍّ مِّمَّا تَدْعُونَنَآ إِلَيْهِ مُرِيبٍ ﴿٩﴾
قَالَتْ رُسُلُهُمْ أَفِى ٱللَّهِ شَكٌّ فَاطِرِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ
وَٱلْأَرْضِ يَدْعُوكُمْ لِيَغْفِرَ لَكُم مِّن ذُنُوبِكُمْ
وَيُؤَخِّرَكُمْ إِلَىٰٓ أَجَلٍ مُّسَمًّى قَالُوٓا۟ إِنْ أَنتُمْ إِلَّا بَشَرٌ
مِّثْلُنَا تُرِيدُونَ أَن تَصُدُّونَا عَمَّا كَانَ يَعْبُدُ
ءَابَآؤُنَا فَأْتُونَا بِسُلْطَٰنٍ مُّبِينٍ ﴿١٠﴾
قَالَتْ لَهُمْ رُسُلُهُمْ إِن نَّحْنُ إِلَّا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ
وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ يَمُنُّ عَلَىٰ مَن يَشَآءُ مِنْ عِبَادِهِۦ وَمَا كَانَ
لَنَآ أَن نَّأْتِيَكُم بِسُلْطَٰنٍ إِلَّا بِإِذْنِ ٱللَّهِ وَعَلَى ٱللَّهِ
فَلْيَتَوَكَّلِ ٱلْمُؤْمِنُونَ ﴿١١﴾
وَمَا لَنَآ أَلَّا نَتَوَكَّلَ عَلَى ٱللَّهِ وَقَدْ هَدَىٰنَا سُبُلَنَا
وَلَنَصْبِرَنَّ عَلَىٰ مَآ ءَاذَيْتُمُونَا وَعَلَى ٱللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ
ٱلْمُتَوَكِّلُونَ ﴿١٢﴾

وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لِرُسُلِهِمْ لَنُخْرِجَنَّكُم مِّنْ
أَرْضِنَآ أَوْ لَتَعُودُنَّ فِى مِلَّتِنَا فَأَوْحَىٰٓ إِلَيْهِمْ
رَبُّهُمْ لَنُهْلِكَنَّ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٣﴾
وَلَنُسْكِنَنَّكُمُ ٱلْأَرْضَ مِنۢ بَعْدِهِمْ ذَٰلِكَ
لِمَنْ خَافَ مَقَامِى وَخَافَ وَعِيدِ ﴿١٤﴾
وَٱسْتَفْتَحُوا۟ وَخَابَ كُلُّ جَبَّارٍ عَنِيدٍ ﴿١٥﴾
مِّن وَرَآئِهِۦ جَهَنَّمُ وَيُسْقَىٰ مِن مَّآءٍ صَدِيدٍ ﴿١٦﴾
يَتَجَرَّعُهُۥ وَلَا يَكَادُ يُسِيغُهُۥ وَيَأْتِيهِ ٱلْمَوْتُ مِن
كُلِّ مَكَانٍ وَمَا هُوَ بِمَيِّتٍ وَمِن وَرَآئِهِۦ
عَذَابٌ غَلِيظٌ ﴿١٧﴾

"Tidakkah sampai kepada kamu berita orang-orang sebelum kamu, iaitu kaum Nuh, 'Ad dan Thamud dan orang-orang yang kemudian dari mereka, yang tiada siapa mengetahui tentang mereka melainkan Allah. Para Rasul mereka datang kepada mereka membawa bukti-bukti yang amat jelas, lalu mereka meletakkan tangan mereka pada mulut mereka (untuk menyaringkan suara) sambil berkata: Sesungguhnya kami tidak percaya dengan ajaran-ajaran yang diutuskan kamu membawanya dan sesungguhnya kami berada di dalam keraguan yang amat berat terhadap ajaran-ajaran yang kamu seru kami kepadanya(9). Berkatalah para rasul mereka: Apakah ada keraguan terhadap Allah Pencipta langit dan bumi? Dia menyeru kamu untuk memberi keampunan kepada kamu terhadap dosa-dosa kamu dan menangguhkan kamu hingga ke suatu masa yang tertentu. Jawab mereka: Kamu tiada lain melainkan hanya manusia seperti kami sahaja. Kamu bertujuan hendak menghalangkan kami dari menyembah apa yang disembahkan datuk nenek kami, kerana itu bawalah kepada kami satu bukti (mu'jizat) yang nyata(10). Jawab para rasul mereka kepada mereka: Kami sememangnya tiada lain melainkan hanya manusia seperti kamu sahaja, tetapi Allah menganugerahkan limpah kurnia- Nya kepada siapa yang dikehendaki-Nya di antara para hamba-Nya, dan kami tidak berkuasa membawa kepada kamu sesuatu bukti yang nyata (mu'jizat) melainkan dengan keizinan Allah, dan hanya kepada Allah hendaklah orang-orang yang beriman itu bertawakkal(11). Dan mengapakah kami tidak bertawakkal kepada Allah, sedangkan Dialah yang telah menunjukkan jalan (yang benar) kepada kami, dan kami akan tetap bersabar terhadap penindasan yang telah dilakukan kamu terhadap kami, dan hanya kepada Allah hendaklah orang-orang yang bertawakkal itu berserah diri(12). Dan berkatalah orang-orang kafir kepada para rasul mereka: Sesungguhnya kami akan mengusir kamu dari negeri kami atau kamu kembali semula kepada agama kami, lalu Allah mewahyukan kepada mereka: Sesungguhnya Kami akan membinasakan orang-orang yang zalim(13). Dan Kami akan menempatkan kamu mendiami negeri itu selepas mereka. (Janji) itu adalah untuk orang-orang yang takut kepada maqam keagungan-Ku dan takut kepada janji seksa-Ku (14). Dan mereka (rasul-

rasul) memohon kemenangan (kepada Allah), maka kecewalah setiap orang yang bermaharajalela dan degil(15). Di belakangnya Neraka Jahannam dan mereka akan diberi minum dari air danur(16). Dia menghirupnya dan hampir-hampir tidak tertelan olehnya dan maut datang mengepunginya dari segenap tempat, tetapi dia tidak juga mati dan di belakang-nya masih ada lagi 'azab yang amat dahsyat."(17)

Lihatlah di sini seluruh generasi manusia dan seluruh para rasul dari sejak Nuh berkumpul setempat, di mana hilangnya perbezaan zaman dan tempat mereka masing-masing, dan yang kelihatan nyata ialah hakikat yang agung, iaitu hakikat persamaan risalah dan persamaan bangkangan golongan manusia jahiliyah, juga hakikat persamaan pertolongan Allah kepada para Mu'minin, hakikat persamaan bahawa para Solehin dilantik Allah menjadi khalifah di bumi, hakikat persamaan bahawa sekalian orang-orang yang zalim itu ditimpa kekecewaan dan kehampaan dan hakikat persamaan 'azab seksa yang menunggu mereka di Akhirat. Juga persamaan di antara firman Allah yang ditujukan kepada Nabi Muhammad s.a.w:

كِتَٰبٌ أَنزَلْنَٰهُ إِلَيْكَ لِتُخْرِجَ ٱلنَّاسَ مِنَ
ٱلظُّلُمَٰتِ إِلَى ٱلنُّورِ

"(Inilah) kitab yang Kami turunkannya kepadamu supaya engkau mengeluarkan manusia dari kegelapan-kegelapan kepada cahaya yang terang"(1)

dengan firman Allah yang ditujukan kepada Nabi Musa a.s.:

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا مُوسَىٰ بِـَٔايَٰتِنَآ أَنْ أَخْرِجْ قَوْمَكَ
مِنَ ٱلظُّلُمَٰتِ إِلَى ٱلنُّورِ

"Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan Musa membawa ayat-ayat Kami (dan berfirman): Keluarkanlah kaummu dari kegelapan-kegelapan kepada cahaya yang terang."(5)

Konflik di antara keimanan dan kekufuran itu tidaklah berakhir di dunia ini, malah berlarutan sehingga hari Akhirat, di mana ia ditayangkan di dalam berbagai-bagai pemandangan hari Qiamat yang dimuat di dalam surah ini. Di antara contoh-contohnya ialah:

وَبَرَزُوا۟ لِلَّهِ جَمِيعًا فَقَالَ ٱلضُّعَفَٰٓؤُا۟ لِلَّذِينَ
ٱسْتَكْبَرُوٓا۟ إِنَّا كُنَّا لَكُمْ تَبَعًا فَهَلْ أَنتُم مُّغْنُونَ
عَنَّا مِنْ عَذَابِ ٱللَّهِ مِن شَىْءٍ ۚ قَالُوا۟ لَوْ هَدَىٰنَا ٱللَّهُ
لَهَدَيْنَٰكُمْ ۖ سَوَآءٌ عَلَيْنَآ أَجَزِعْنَآ أَمْ صَبَرْنَا مَا
لَنَا مِن مَّحِيصٍ ﴿٢١﴾

وَقَالَ ٱلشَّيْطَٰنُ لَمَّا قُضِىَ ٱلْأَمْرُ إِنَّ ٱللَّهَ وَعَدَكُمْ
وَعْدَ ٱلْحَقِّ وَوَعَدتُّكُمْ فَأَخْلَفْتُكُمْ ۖ وَمَا
كَانَ لِىَ عَلَيْكُم مِّن سُلْطَٰنٍ إِلَّآ أَن دَعَوْتُكُمْ
فَٱسْتَجَبْتُمْ لِى ۖ فَلَا تَلُومُونِى وَلُومُوٓا۟ أَنفُسَكُم ۖ مَّآ أَنَا۠
بِمُصْرِخِكُمْ وَمَآ أَنتُم بِمُصْرِخِىَّ ۖ إِنِّى كَفَرْتُ
بِمَآ أَشْرَكْتُمُونِ مِن قَبْلُ ۗ إِنَّ ٱلظَّٰلِمِينَ لَهُمْ
عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٢٢﴾

وَأُدْخِلَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ جَنَّٰتٍ
تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَا بِإِذْنِ رَبِّهِمْ ۖ
تَحِيَّتُهُمْ فِيهَا سَلَٰمٌ ﴿٢٣﴾

"Dan seluruh mereka muncul mengadap Allah lalu berkatalah pengikut-pengikut yang lemah kepada (pemimpin-pemimpin) yang angkuh: Sesungguhnya kami adalah pengikut-pengikut kamu. Oleh itu dapatkah kamu menghindarkan diri kami sesuatu dari 'azab Allah? Jawab mereka: Jika Allah telah memberi hidayat kepada kami tentulah kami dapat memberi hidayat kepada kamu, (sekarang ini) sama sahaja bagi kita sama ada kita berdukacita atau bersabar kita tidak mempunyai sebarang tempat pelarian lagi(21). Dan berkatalah syaitan setelah selesainya urusan (hisab): Sesungguhnya Allah telah menjanjikan kamu dengan janji yang benar dan aku juga telah menjanjikan kamu, tetapi aku telah memungkirinya. Sebenarnya aku tidak mempunyai kuasa di atas kamu, melainkan sekadar menyeru kamu lalu kamu menyambut seruanku.Oleh sebab itu janganlah kamu menyalahkan diriku, tetapi salahkanlah diri kamu sendiri. Sebenarnya aku tidak dapat menjerit meminta pertolongan kamu dan kamu juga tidak dapat menjerit meminta pertolonganku. Sebenarnya dari dahulu lagi aku telah mengingkarkan perbuatan kamu yang telah mempersekutukan aku dengan Allah. Sesungguhnya orang-orang yang zalim akan memperolehi 'azab yang amat pedih(22). Dan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh dimasukkan ke dalam Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya aneka sungai, di mana mereka hidup kekal abadi dengan izin Allah. Ucapan penghormatan kepada mereka ialah ucapan salam.(23)

وَلَا تَحْسَبَنَّ ٱللَّهَ غَٰفِلًا عَمَّا يَعْمَلُ ٱلظَّٰلِمُونَ ۚ
إِنَّمَا يُؤَخِّرُهُمْ لِيَوْمٍ تَشْخَصُ فِيهِ ٱلْأَبْصَٰرُ ﴿٤٢﴾
مُهْطِعِينَ مُقْنِعِى رُءُوسِهِمْ لَا يَرْتَدُّ إِلَيْهِمْ
طَرْفُهُمْ ۖ وَأَفْـِٔدَتُهُمْ هَوَآءٌ ﴿٤٣﴾

"Dan janganlah sekali-kali kamu menyangka Allah itu lalai dari apa yang dilakukan orang-orang yang zalim. Sesungguhnya Allah memberi tempoh kepada mereka sehingga kepada hari (Qiamat) di mana segala mata membelalak(42). Mereka datang tergesa-gesa (menyahut panggilan) dengan mendongakkan kepala mereka, mata mereka tidak berkelip dan hati mereka hampa."(43)

وَقَدْ مَكَرُوا۟ مَكْرَهُمْ وَعِندَ ٱللَّهِ مَكْرُهُمْ وَإِن
كَانَ مَكْرُهُمْ لِتَزُولَ مِنْهُ ٱلْجِبَالُ ﴿٤٦﴾
فَلَا تَحْسَبَنَّ ٱللَّهَ مُخْلِفَ وَعْدِهِۦ رُسُلَهُۥٓ ۚ إِنَّ
ٱللَّهَ عَزِيزٌ ذُو ٱنتِقَامٍ ﴿٤٧﴾
يَوْمَ تُبَدَّلُ ٱلْأَرْضُ غَيْرَ ٱلْأَرْضِ وَٱلسَّمَٰوَٰتُ ۖ
وَبَرَزُوا۟ لِلَّهِ ٱلْوَٰحِدِ ٱلْقَهَّارِ ﴿٤٨﴾
وَتَرَى ٱلْمُجْرِمِينَ يَوْمَئِذٍ مُّقَرَّنِينَ فِى ٱلْأَصْفَادِ ﴿٤٩﴾
سَرَابِيلُهُم مِّن قَطِرَانٍ وَتَغْشَىٰ وُجُوهَهُمُ ٱلنَّارُ ﴿٥٠﴾

"Dan sesungguhnya mereka telah melakukan tipu daya mereka, sedangkan di sisi Allah (tersedia) balasan terhadap tipu daya mereka walaupun tipu daya mereka dapat menghapuskan gunung-ganang(46). Oleh itu janganlah kamu sekali-kali menyangka bahawa Allah memungkiri janji-Nya kepada para rasul-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa dan Maha Kuasa mengenakan tindakan balasan(47). Pada hari bumi digantikan dengan bumi yang lain dan begitu juga langit, dan mereka semuanya keluar mengadap Allah Yang Maha Esa dan Maha Gagah(48). Dan pada hari itu engkau melihat orang-orang yang berdosa dipasungkan dengan belenggu-belenggu(49). Pakaian mereka adalah dari belakin dan muka mereka diliputi api Neraka."(50)

Semuanya ini menunjukkan bahawa konflik itu adalah satu konflik yang sama yang bermula di dunia dan berakhir di Akhirat, keduanya menyempurnakan satu sama lain tanpa terputus dan terasing.

Perbandingan-perbandingan yang dimulakan di dunia dan berakhir di Akhirat itu menyempurnakan gambaran konflik di antara dua golongan itu dan natijah yang akhir dari konflik itu, dan perbandingan itu ialah kalimat yang baik itu sama dengan pokok yang baik (dan dimaksudkan dengan pokok yang baik ialah) pokok nubuwwah, pokok keimanan dan pokok kebaikan, juga perbandingan kalimat yang buruk itu sama dengan pokok yang buruk (dan dimaksudkan dengannya ialah) pokok jahiliyah, kebatilan, pembohongan, kejahatan dan kezaliman.

* * * * * *

Adapun hakikat yang kedua yang berhubung dengan ni'mat, sikap bersyukur dan tidak bersyukur, maka ia telah mewarnakan seluruh suasana surah dan disebut di sana sini.

Allah membilangkan ni'mat-ni'mat yang dikurniakannya kepada seluruh manusia sama ada yang Mu'min atau yang kafir, yang baik atau yang jahat, yang taat atau yang derhaka supaya mereka bersyukur. Allah membentangkan ni'mat-ni'mat ini dalam bentuk kejadian-kejadian alam buana yang paling besar dan nyata dan meletakkannya dalam frem pemandangan-pemandangan alam al-wujud yang amat besar.

ٱللَّهُ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ وَأَنزَلَ مِنَ
ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَأَخْرَجَ بِهِۦ مِنَ ٱلثَّمَرَٰتِ رِزْقًا لَّكُمْ ۖ
وَسَخَّرَ لَكُمُ ٱلْفُلْكَ لِتَجْرِىَ فِى ٱلْبَحْرِ بِأَمْرِهِۦ ۖ
وَسَخَّرَ لَكُمُ ٱلْأَنْهَٰرَ ﴿٣٢﴾
وَسَخَّرَ لَكُمُ ٱلشَّمْسَ وَٱلْقَمَرَ دَآئِبَيْنِ ۖ وَسَخَّرَ لَكُمُ
ٱلَّيْلَ وَٱلنَّهَارَ ﴿٣٣﴾
وَءَاتَىٰكُم مِّن كُلِّ مَا سَأَلْتُمُوهُ ۚ وَإِن تَعُدُّوا۟
نِعْمَتَ ٱللَّهِ لَا تُحْصُوهَآ ۗ إِنَّ ٱلْإِنسَٰنَ لَظَلُومٌ
كَفَّارٌ ﴿٣٤﴾

"Allahlah yang telah menciptakan langit dan bumi dan menurunkan air hujan dari langit, lalu Dia mengeluarkan dengan siramannya berbagai-bagai buah-buahan sebagai rezeki bagi kamu; Dan Dialah yang telah menundukkan kapal-kapal belayar di dalam laut dengan perintah-Nya dan Dialah juga yang telah menundukkan sungai-sungai untuk kamu(32). Dan Dialah yang telah menundukkan untuk kamu matahari dan bulan yang sentiasa beredar dan menundukkan untuk kamu malam dan siang(33). Dan Dialah yang telah mengurniakan kepada kamu segala apa yang dipinta kamu dan jika kamu menghitungkan ni'mat-ni'mat Allah, tentulah kamu tidak dapat mengirakannya satu persatu, sesungguh-nya manusia itu amat zalim dan amat kufur."(34)

Pengiriman para rasul kepada manusia merupakan suatu ni'mat yang menyamai ni'mat-ni'mat itu atau lebih lagi:

كِتَٰبٌ أَنزَلْنَٰهُ إِلَيْكَ لِتُخْرِجَ ٱلنَّاسَ مِنَ
ٱلظُّلُمَٰتِ إِلَى ٱلنُّورِ

"(Inilah) kitab yang Kami turunkannya kepadamu supaya engkau mengeluarkan manusia dari kegelapan-kegelapan kepada cahaya yang terang."(1)

Cahaya merupakan ni'mat Allah yang paling besar di alam al-wujud ini, dan yang dimaksudkan dengan cahaya di sini ini ialah cahaya yang teragung, yang menerangi jiwa manusia dan menerangi alam al-wujud di dalam hati dan perasaan mereka. Beginilah

juga tugas Musa di kalangan kaumnya dan beginilah juga tugas para rasul yang lain sebagaimana dijelaskan di dalam surah ini.

Dan cahaya yang terdapat dalam ucapan sebulat suara para rasul:

يَدْعُوكُمْ لِيَغْفِرَ لَكُم مِّن ذُنُوبِكُمْ

"Dia menyeru kamu untuk memberi keampunan kepada kamu dari dosa-dosa kamu"(10)

kerana da'wah yang bertujuan untuk mendapat keampunan Allah merupakan satu ni'mat yang menyamai ni'mat cahaya dan amat dekat darinya.

Dalam suasana pembicaraan ni'mat, Musa a.s. mengingatkan kaumnya terhadap ni'mat-ni'mat Allah yang dikurniakan kepada mereka:

وَإِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِ ٱذْكُرُوا۟ نِعْمَةَ ٱللَّهِ
عَلَيْكُمْ إِذْ أَنجَىٰكُم مِّنْ ءَالِ فِرْعَوْنَ
يَسُومُونَكُمْ سُوٓءَ ٱلْعَذَابِ وَيُذَبِّحُونَ أَبْنَآءَكُمْ
وَيَسْتَحْيُونَ نِسَآءَكُمْ ۚ وَفِى ذَٰلِكُم بَلَآءٌ
مِّن رَّبِّكُمْ عَظِيمٌ ﴿٦﴾

"Dan (kenangilah) ketika Musa berkata kepada kaumnya: Kenangilah ni'mat Allah yang dikurniakan kepada kamu ketika Dia menyelamatkan kamu dari kuncu-kuncu Fir'aun yang menyeksakan kamu dengan keseksaan yang teruk. Mereka banyak menyembelih anak-anak lèlaki kamu dan membiarkan anak-anak perempuan kamu hidup. Peristiwa-peristiwa itu merupakan ujian yang besar dari Tuhan kamu."(6)

Di dalam suasana inilah Allah mengingatkan janji-Nya kepada para rasul-Nya:

فَأَوْحَىٰٓ إِلَيْهِمْ رَبُّهُمْ لَنُهْلِكَنَّ ٱلظَّـٰلِمِينَ ﴿١٣﴾

"Lalu Allah mewahyukan kepada mereka: Sesungguhnya Kami akan membinasakan orang-orang yang zalim."(13)

وَلَنُسْكِنَنَّكُمُ ٱلْأَرْضَ مِنۢ بَعْدِهِمْ ۚ ذَٰلِكَ
لِمَنْ خَافَ مَقَامِى وَخَافَ وَعِيدِ ﴿١٤﴾

"Dan Kami akan menempatkan kamu mendiami negeri itu selepas mereka. (Janji) itu adalah untuk orang-orang yang takut kepada maqam keagungan-Ku dan takut kepada janji seksa-Ku."(14)

Itulah satu ni'mat dari ni'mat-ni'mat Allah yang limpah dan besar.

Ayat yang berikut menjelaskan hakikat pertambahan ni'mat dengan sebab bersyukur:

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ ۖ
وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِى لَشَدِيدٌ ﴿٧﴾

"Dan (kenangilah) ketika Tuhan kamu mengumumkan: Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan menambahkan lagi ni'mat kepada kamu dan jika kamu kufur, maka sesungguhnya 'azab-Ku amat pedih."(7)

Di samping itu ayat yang berikut pula menyatakan bahawa Allah terkaya dari kesyukuran dan dari orang-orang yang bersyukur:

وَقَالَ مُوسَىٰٓ إِن تَكْفُرُوٓا۟ أَنتُمْ وَمَن فِى ٱلْأَرْضِ
جَمِيعًا فَإِنَّ ٱللَّهَ لَغَنِىٌّ حَمِيدٌ ﴿٨﴾

"Dan ujar Musa: Jika kamu dan sekalian orang-orang yang ada di bumi mengingkari (ni'mat-ni'mat Allah), maka sesungguhnya Allah Maha Kaya dan Maha Terpuji"(8)

Kemudian ayat yang berikut menjelaskan bahawa manusia pada umumnya tidak mensyukuri ni'mat Allah dengan kesyukuran yang sebenar:

وَءَاتَىٰكُم مِّن كُلِّ مَا سَأَلْتُمُوهُ ۚ وَإِن تَعُدُّوا۟
نِعْمَتَ ٱللَّهِ لَا تُحْصُوهَآ ۗ إِنَّ ٱلْإِنسَـٰنَ لَظَلُومٌ
كَفَّارٌ ﴿٣٤﴾

"Dan Dialah yang telah mengurniakan kepada kamu segala apa yang dipinta kamu, dan andainya kamu menghitungakan ni'mat-ni'mat Allah tentulah kamu tidak dapat mengirakannya satu persatu, sesungguhnya manusia itu amat zalim dan amat kufur."(34)

Akan tetapi orang-orang yang memikirkan ayat-ayat Allah dan matahati mereka terbuka kepadanya akan menghadapi kesusahan dengan sabar dan akan bersyukur apabila mendapat kesenangan.

إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَـَٔايَـٰتٍ لِّكُلِّ صَبَّارٍ شَكُورٍ ﴿٥﴾

"Sesungguhnya dalam peristiwa-peristiwa itu terdapat bukti-bukti (pengajaran) untuk setiap orang yang banyak bersabar dan bersyukur."(5)

Ayat yang berikut pula menggambarkan kesabaran dan kesyukuran Ibrahim a.s. yang sedang berada dalam keadaan khusyu' dan berdo'a dengan perasaan yang gementar berhampiran Baitullahil-Haram. Seluruh pengucapannya menyatakan kepujian, kesyukuran, kesabaran dan do'a (kepada Allah):

وَإِذْ قَالَ إِبْرَٰهِيمُ رَبِّ ٱجْعَلْ هَـٰذَا ٱلْبَلَدَ ءَامِنًا
وَٱجْنُبْنِى وَبَنِىَّ أَن نَّعْبُدَ ٱلْأَصْنَامَ ﴿٣٥﴾
رَبِّ إِنَّهُنَّ أَضْلَلْنَ كَثِيرًا مِّنَ ٱلنَّاسِ ۖ فَمَن تَبِعَنِى
فَإِنَّهُۥ مِنِّى ۖ وَمَنْ عَصَانِى فَإِنَّكَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٣٦﴾

رَّبَّنَآ إِنِّيٓ أَسۡكَنتُ مِن ذُرِّيَّتِي بِوَادٍ غَيۡرِ ذِي زَرۡعٍ
عِندَ بَيۡتِكَ ٱلۡمُحَرَّمِ رَبَّنَا لِيُقِيمُواْ ٱلصَّلَوٰةَ
فَٱجۡعَلۡ أَفۡـِٔدَةٗ مِّنَ ٱلنَّاسِ تَهۡوِيٓ إِلَيۡهِمۡ وَٱرۡزُقۡهُم
مِّنَ ٱلثَّمَرَٰتِ لَعَلَّهُمۡ يَشۡكُرُونَ ٣٧
رَبَّنَآ إِنَّكَ تَعۡلَمُ مَا نُخۡفِي وَمَا نُعۡلِنُۗ وَمَا يَخۡفَىٰ عَلَى
ٱللَّهِ مِن شَيۡءٖ فِي ٱلۡأَرۡضِ وَلَا فِي ٱلسَّمَآءِ ٣٨
ٱلۡحَمۡدُ لِلَّهِ ٱلَّذِي وَهَبَ لِي عَلَى ٱلۡكِبَرِ إِسۡمَٰعِيلَ
وَإِسۡحَٰقَۚ إِنَّ رَبِّي لَسَمِيعُ ٱلدُّعَآءِ ٣٩
رَبِّ ٱجۡعَلۡنِي مُقِيمَ ٱلصَّلَوٰةِ وَمِن ذُرِّيَّتِيۚ رَبَّنَا
وَتَقَبَّلۡ دُعَآءِ ٤٠
رَبَّنَا ٱغۡفِرۡ لِي وَلِوَٰلِدَيَّ وَلِلۡمُؤۡمِنِينَ يَوۡمَ يَقُومُ
ٱلۡحِسَابُ ٤١

"Dan (kenangilah) ketika Ibrahim berdo'a: Wahai Tuhanku! Jadikanlah negeri ini (Makkah) sebuah negeri yang aman dan jauhkan daku dan anak-anak cucuku dari menyembah berhala-berhala(35). Wahai Tuhanku! Sesungguhnya berhala-berhala itu telah menyesatkan sebilangan manusia yang ramai. Oleh itu sesiapa yang mengikutku, maka dia adalah dari golonganku dan sesiapa yang menderhaka kepadaku, maka sesungguhnya Engkau adalah Maha Pengampun dan Maha Pengasih (36). Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku telah menempatkan sebahagian dari zuriatku di suatu lembah yang tidak mempunyai tanaman berhampiran dengan rumah-Mu yang dihormati, wahai Tuhan kami, supaya mereka mendirikan solat. Oleh itu jadikanlah hati sebahagian manusia cenderung kepada mereka dan kurniakanlah kepada mereka dari berbagai-bagai buah-buahan semoga mereka bersyukur(37). Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau mengetahui segala apa yang kami sembunyi dan segala apa yang kami nyatakan, dan tiada suatu pun yang tersembunyi kepada Allah baik di bumi mahupun di langit(38). Segala kepujian terpulang kepada Allah yang telah mengurniakan kepadaku di masa tua Ismail dan Ishaq. Sesungguhnya Tuhanku Maha Mendengar do'a(39). Wahai Tuhanku! Jadikan daku dan anak-anak cucuku orang-orang yang tetap mendirikan solat. Wahai Tuhan kami! Perkenankanlah do'aku(40). Wahai Tuhan kami! Kurniakanlah keampunan kepadaku dan kepada dua ibubapaku dan sekalian para Mu'minin pada hari berlakunya hisab."(41)

Oleh sebab ni'mat-ni'mat kesyukuran dan kekufuran terhadap ni'mat-ni'mat itu menguasai suasana surah, maka segala pengungkapan dan ulasan disusun sesuai dengan suasana ini:

وَٱرۡزُقۡهُم مِّنَ ٱلثَّمَرَٰتِ لَعَلَّهُمۡ يَشۡكُرُونَ ٣٧

"Dan kurniakanlah rezeki kepada mereka dari berbagai-bagai buah-buahan semoga mereka bersyukur."(37)

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَأٓيَٰتٖ لِّكُلِّ صَبَّارٖ شَكُورٖ ٥

"Sesungguhnya dalam peristiwa-peristiwa itu terdapat bukti-bukti (pengajaran) untuk setiap orang yang banyak bersabar dan bersyukur."(5)

أَلَمۡ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ بَدَّلُواْ نِعۡمَتَ ٱللَّهِ كُفۡرٗا وَأَحَلُّواْ
قَوۡمَهُمۡ دَارَ ٱلۡبَوَارِ ٢٨

"Tidakkah engkau melihat orang-orang yang telah menukarkan ni'mat Allah dengan kekafiran dan menjatuhkan kaum mereka ke dalam tempat kebinasaan?"(28)

ٱذۡكُرُواْ نِعۡمَةَ ٱللَّهِ عَلَيۡكُمۡ

"Kenangilah ni'mat Allah yang dikurniakan kepada kamu."(6)

ٱلۡحَمۡدُ لِلَّهِ ٱلَّذِي وَهَبَ لِي عَلَى ٱلۡكِبَرِ إِسۡمَٰعِيلَ
وَإِسۡحَٰقَۚ

"Segala kepujian terpulang kepada Allah yang telah mengurniakan kepadaku di masa tua Ismail dan Ishaq."(39)

Dan di dalam jawapan para nabi terhadap bangkangan para pendusta kerana mereka dari jenis manusia, maka ayat yang berikut menyebut:

وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ يَمُنُّ عَلَىٰ مَن يَشَآءُ مِنۡ عِبَادِهِۦۖ

"Tetapi Allah menganugerahkan limpah kurnia-Nya kepada siapa yang dikehendaki-Nya di antara para hamba-Nya."(11)

Ayat-ayat tadi menzahirkan limpah kurnia Allah untuk menyesuaikan jawapan dengan seluruh suasana surah, iaitu suasana ni'mat, limpah kurnia, kesyukuran dan kekufuran. Demikianlah sejajarnya pengungkapan kata-kata dengan bayangan suasana umum surah ini mengikut kaedah keseimbangan yang seni di dalam Al-Qur'an.

* * * * * *

Surah ini terbahagi kepada dua bahagian yang mempunyai hubungan yang rapat:

Bahagian yang pertama mengandungi penjelasan tentang hakikat kerasulan dan hakikat Rasul. Ia menggambarkan pertarungan di antara para rasul dengan golongan para pendusta di dunia dan di Akhirat, kemudian diiringi dengan perbandingan di antara kalimat yang baik dengan kalimat yang jahat.

Bahagian yang kedua memperkatakan tentang ni'mat-ni'mat Allah yang dikurniakan kepada manusia, juga tentang orang-orang yang kufur terhadap ni'mat-ni'mat ini dan tentang orang-orang yang beriman yang mensyukuri ni'mat Allah dengan mengemukakan Ibrahim a.s. sebagai contoh utama mereka. Bahagian ini juga menggambarkan nasib kesudahan orang-orang yang zalim yang tidak

mensyukuri ni'mat-ni'mat Allah dalam satu rangkaian pemandangan-pemandangan Qiamat yang paling dahsyat dan paling sibuk untuk menamatkan surah ini dengan satu penamatan yang sesuai dengan bahagian pertamanya:

هَٰذَا بَلَٰغٌ لِّلنَّاسِ وَلِيُنذَرُوا۟ بِهِۦ وَلِيَعْلَمُوٓا۟ أَنَّمَا هُوَ
إِلَٰهٌ وَٰحِدٌ وَلِيَذَّكَّرَ أُو۟لُوا۟ ٱلْأَلْبَٰبِ ﴿٥٢﴾

"(Al-Qur'an) ini adalah penjelasan kepada manusia dan supaya mereka sentiasa diberi peringatan dengannya dan supaya mereka mengetahui bahawa Allah adalah Tuhan Yang Maha Esa dan supaya orang-orang yang berakal mengambil pengajaran."(52)

Sekarang marilah kita ikuti huraian bahagian yang pertama:

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 27)

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

الٓر ۚ كِتَٰبٌ أَنزَلْنَٰهُ إِلَيْكَ لِتُخْرِجَ ٱلنَّاسَ مِنَ
ٱلظُّلُمَٰتِ إِلَى ٱلنُّورِ بِإِذْنِ رَبِّهِمْ إِلَىٰ صِرَٰطِ
ٱلْعَزِيزِ ٱلْحَمِيدِ ﴿١﴾
ٱللَّهِ ٱلَّذِى لَهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۗ
وَوَيْلٌ لِّلْكَٰفِرِينَ مِنْ عَذَابٍ شَدِيدٍ ﴿٢﴾
ٱلَّذِينَ يَسْتَحِبُّونَ ٱلْحَيَوٰةَ ٱلدُّنْيَا عَلَى ٱلْءَاخِرَةِ
وَيَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ وَيَبْغُونَهَا عِوَجًا ۚ
أُو۟لَٰٓئِكَ فِى ضَلَٰلٍۭ بَعِيدٍ ﴿٣﴾
وَمَآ أَرْسَلْنَا مِن رَّسُولٍ إِلَّا بِلِسَانِ قَوْمِهِۦ
لِيُبَيِّنَ لَهُمْ ۖ فَيُضِلُّ ٱللَّهُ مَن يَشَآءُ وَيَهْدِى
مَن يَشَآءُ ۚ وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٤﴾
وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا مُوسَىٰ بِـَٔايَٰتِنَآ أَنْ أَخْرِجْ قَوْمَكَ
مِنَ ٱلظُّلُمَٰتِ إِلَى ٱلنُّورِ وَذَكِّرْهُم بِأَيَّىٰمِ
ٱللَّهِ ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّكُلِّ صَبَّارٍ
شَكُورٍ ﴿٥﴾
وَإِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِ ٱذْكُرُوا۟ نِعْمَةَ ٱللَّهِ
عَلَيْكُمْ إِذْ أَنجَىٰكُم مِّنْ ءَالِ فِرْعَوْنَ
يَسُومُونَكُمْ سُوٓءَ ٱلْعَذَابِ وَيُذَبِّحُونَ أَبْنَآءَكُمْ
وَيَسْتَحْيُونَ نِسَآءَكُمْ ۚ وَفِى ذَٰلِكُم بَلَآءٌ
مِّن رَّبِّكُمْ عَظِيمٌ ﴿٦﴾
وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ ۖ
وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِى لَشَدِيدٌ ﴿٧﴾
وَقَالَ مُوسَىٰٓ إِن تَكْفُرُوٓا۟ أَنتُمْ وَمَن فِى ٱلْأَرْضِ
جَمِيعًا فَإِنَّ ٱللَّهَ لَغَنِىٌّ حَمِيدٌ ﴿٨﴾
أَلَمْ يَأْتِكُمْ نَبَؤُا۟ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ قَوْمِ نُوحٍ وَعَادٍ
وَثَمُودَ ۛ وَٱلَّذِينَ مِنۢ بَعْدِهِمْ ۛ لَا يَعْلَمُهُمْ إِلَّا
ٱللَّهُ ۚ جَآءَتْهُمْ رُسُلُهُم بِٱلْبَيِّنَٰتِ فَرَدُّوٓا۟ أَيْدِيَهُمْ
فِىٓ أَفْوَٰهِهِمْ وَقَالُوٓا۟ إِنَّا كَفَرْنَا بِمَآ أُرْسِلْتُم بِهِۦ
وَإِنَّا لَفِى شَكٍّ مِّمَّا تَدْعُونَنَآ إِلَيْهِ مُرِيبٍ ﴿٩﴾

"Alif. Laam. Raa". (Inilah) kitab yang Kami turunkan kepadamu supaya engkau mengeluarkan manusia dari kegelapan-kegelapan kepada cahaya yang terang dengan keizinan Tuhan mereka menuju ke jalan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Terpuji(1). Dialah Allah yang memiliki segala apa yang ada di langit dan segala apa yang ada di bumi. Dan celakalah bagi orang-orang yang kafir dari "azab yang amat dahsyat(2). Iaitu orang-orang yang menyintai hidup dunia lebih dari hidup Akhirat dan mereka menghalangi (orang lain) dari jalan Allah dan mengingininya supaya menjadi jalan yang bengkok. Mereka berada di dalam suatu kesesatan yang amat jauh (3). Dan Kami tidak utuskan seseorang rasul melainkan dengan bahasa kaumnya supaya dia dapat memberi penjelasan kepada mereka, lalu Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendaki-Nya dan memberi hidayat kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Dia Maha Perkasa dan Maha Bijaksana(4). Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan Musa membawa ayat-ayat kami (dan berfirman): Keluarkanlah kaummu dari kegelapan-kegelapan kepada cahaya yang terang dan ingatkan mereka dengan (peristiwa-peristiwa) hari-hari Allah (yang bersejarah). Sesungguhnya dalam peristiwa-peristiwa itu terdapat bukti-bukti (pengajaran) untuk setiap orang yang banyak bersabar dan bersyukur(5). Dan (kenangilah) ketika Musa berkata kepada kaumnya: Kenangilah ni'mat

Allah yang dikurniakan kepada kamu ketika Dia menyelamatkan kamu dari kuncu-kuncu fir'aun yang menyeksakan kamu dengan keseksaan yang teruk. Mereka banyak menyembelih anak-anak lelaki kamu dan membiarkan anak-anak perempuan kamu hidup. Peristiwa-peristiwa itu merupakan ujian yang besar dari Tuhan kamu(6). Dan (kenangilah) ketika Tuhan kamu mengumumkan: Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan menambahkan lagi ni'mat kepada kamu dan jika kamu kufur, maka sesungguhnya 'azab-Ku amat pedih(7). Dan ujar Musa: Jika kamu dan sekalian orang-orang yang ada di bumi mengingkari (ni'mat-ni'mat Allah), maka sesungguhnya Allah Maha Kaya dan Maha Terpuji (8). Tidakkah sampai kepada kamu berita orang-orang sebelum kamu, iaitu kaum Nuh, 'Ad dan Thamud dan orang-orang yang kemudian dari mereka, yang tiada siapa mengetahui tentang mereka melainkan Allah. Para Rasul mereka datang kepada mereka membawa bukti-bukti yang amat jelas, lalu mereka meletakkan tangan mereka pada mulut mereka (untuk menyaringkan suara) sambil berkata: Sesungguhnya kami tidak percaya dengan ajaran-ajaran yang diutuskan kamu membawanya dan sesungguhnya kami berada di dalam keraguan yang amat berat terhadap ajaran-ajaran yang kamu seru kami kepadanya".(9)

قَالَتْ رُسُلُهُمْ أَفِي ٱللَّهِ شَكٌّ فَاطِرِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ
وَٱلْأَرْضِ يَدْعُوكُمْ لِيَغْفِرَ لَكُم مِّن ذُنُوبِكُمْ
وَيُؤَخِّرَكُمْ إِلَىٰٓ أَجَلٍ مُّسَمًّى قَالُوٓا۟ إِنْ أَنتُمْ إِلَّا بَشَرٌ
مِّثْلُنَا تُرِيدُونَ أَن تَصُدُّونَا عَمَّا كَانَ يَعْبُدُ
ءَابَآؤُنَا فَأْتُونَا بِسُلْطَٰنٍ مُّبِينٍ ﴿١٠﴾
قَالَتْ لَهُمْ رُسُلُهُمْ إِن نَّحْنُ إِلَّا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ
وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ يَمُنُّ عَلَىٰ مَن يَشَآءُ مِنْ عِبَادِهِۦ وَمَا كَانَ
لَنَآ أَن نَّأْتِيَكُم بِسُلْطَٰنٍ إِلَّا بِإِذْنِ ٱللَّهِ وَعَلَى ٱللَّهِ
فَلْيَتَوَكَّلِ ٱلْمُؤْمِنُونَ ﴿١١﴾
وَمَا لَنَآ أَلَّا نَتَوَكَّلَ عَلَى ٱللَّهِ وَقَدْ هَدَىٰنَا سُبُلَنَا
وَلَنَصْبِرَنَّ عَلَىٰ مَآ ءَاذَيْتُمُونَا وَعَلَى ٱللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ
ٱلْمُتَوَكِّلُونَ ﴿١٢﴾
وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لِرُسُلِهِمْ لَنُخْرِجَنَّكُم مِّنْ
أَرْضِنَآ أَوْ لَتَعُودُنَّ فِي مِلَّتِنَا فَأَوْحَىٰٓ إِلَيْهِمْ
رَبُّهُمْ لَنُهْلِكَنَّ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٣﴾
وَلَنُسْكِنَنَّكُمُ ٱلْأَرْضَ مِنۢ بَعْدِهِمْ ذَٰلِكَ
لِمَنْ خَافَ مَقَامِي وَخَافَ وَعِيدِ ﴿١٤﴾
وَٱسْتَفْتَحُوا۟ وَخَابَ كُلُّ جَبَّارٍ عَنِيدٍ ﴿١٥﴾
مِّن وَرَآئِهِۦ جَهَنَّمُ وَيُسْقَىٰ مِن مَّآءٍ صَدِيدٍ ﴿١٦﴾
يَتَجَرَّعُهُۥ وَلَا يَكَادُ يُسِيغُهُۥ وَيَأْتِيهِ ٱلْمَوْتُ مِن
كُلِّ مَكَانٍ وَمَا هُوَ بِمَيِّتٍ وَمِن وَرَآئِهِۦ
عَذَابٌ غَلِيظٌ ﴿١٧﴾
مَّثَلُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِرَبِّهِمْ أَعْمَٰلُهُمْ كَرَمَادٍ
ٱشْتَدَّتْ بِهِ ٱلرِّيحُ فِي يَوْمٍ عَاصِفٍ لَّا يَقْدِرُونَ
مِمَّا كَسَبُوا۟ عَلَىٰ شَيْءٍ ذَٰلِكَ هُوَ ٱلضَّلَٰلُ
ٱلْبَعِيدُ ﴿١٨﴾

"Berkatalah para rasul mereka: Apakah ada keraguan terhadap Allah Pencipta langit dan bumi? Dia menyeru kamu untuk memberi keampunan kepada kamu terhadap dosa-dosa kamu dan menangguhkan kamu hingga ke suatu masa yang tertentu. Jawab mereka: Kamu tiada lain melainkan hanya manusia seperti kami sahaja. Kamu bertujuan hendak menghalangkan kami dari menyembah apa yang disembahkan datuk nenek kami, kerana itu bawalah kepada kami satu bukti (mu'jizat) yang nyata(10). Jawab para rasul mereka kepada mereka: Kami sememangnya tiada melainkan hanya manusia seperti kamu sahaja, tetapi Allah menganugerahkan limpah kurnia-Nya kepada siapa yang dikehendaki-Nya di antara para hamba-Nya, dan kami tidak berkuasa membawa kepada kamu satu bukti yang nyata (mu'jizat) melainkan dengan keizinan Allah, dan hanya kepada Allah hendaklah orang-orang yang beriman itu bertawakkal(11). Dan mengapakah kami tidak bertawakkal kepada Allah, sedangkan Dialah yang telah menunjukkan jalan (yang benar) kepada kami, dan kami akan tetap bersabar terhadap penindasan yang telah dilakukan kamu terhadap kami, dan hanya kepada Allah hendaklah orang-orang yang bertawakkal itu berserah diri (12). Dan berkatalah orang-orang kafir kepada para rasul mereka: Sesungguhnya kami akan mengusir kamu dari negeri kami atau kamu kembali semula kepada agama kami, lalu Allah mewahyukan kepada mereka: Sesungguh-nya Kami akan membinasakan orang-orang yang zalim (13). Dan Kami akan menempatkan kamu mendiami negeri itu selepas mereka. (Janji) itu adalah untuk orang-orang yang takut kepada maqam keagungan-Ku dan takut kepada janji seksa-Ku(14). Dan mereka (rasul-rasul) memohon kemenangan (kepada Allah), maka kecewalah setiap orang yang bermaharajalela dan degil(15). Di belakangnya Neraka Jahannam dan mereka akan diberi minum dari air danur(16). Dia menghirupnya dan hampir-hampir tidak tertelan olehnya dan maut datang mengepunginya dari segenap tempat, tetapi dia tidak juga mati, dan di belakangnya masih ada lagi 'azab yang amat dahsyat(17). Perbandingan amalan orang-orang yang kafir terhadap Tuhan mereka samalah dengan abu-abu yang ditiup angin yang kuat pada hari ribut yang kencang. Mereka tidak memperolehi sesuatu apa dari amalan-amalan yang diusahakan mereka. Itulah suatu kesesatan yang amat jauh."(18)

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ بِالْحَقِّ ۚ
إِن يَشَأْ يُذْهِبْكُمْ وَيَأْتِ بِخَلْقٍ جَدِيدٍ ﴿١٩﴾
وَمَا ذَٰلِكَ عَلَى اللَّهِ بِعَزِيزٍ ﴿٢٠﴾
وَبَرَزُوا لِلَّهِ جَمِيعًا فَقَالَ الضُّعَفَاءُ لِلَّذِينَ
اسْتَكْبَرُوا إِنَّا كُنَّا لَكُمْ تَبَعًا فَهَلْ أَنتُم مُّغْنُونَ
عَنَّا مِنْ عَذَابِ اللَّهِ مِن شَيْءٍ ۚ قَالُوا لَوْ هَدَانَا اللَّهُ
لَهَدَيْنَاكُمْ ۖ سَوَاءٌ عَلَيْنَا أَجَزِعْنَا أَمْ صَبَرْنَا مَا
لَنَا مِن مَّحِيصٍ ﴿٢١﴾
وَقَالَ الشَّيْطَانُ لَمَّا قُضِيَ الْأَمْرُ إِنَّ اللَّهَ وَعَدَكُمْ
وَعْدَ الْحَقِّ وَوَعَدتُّكُمْ فَأَخْلَفْتُكُمْ ۖ وَمَا
كَانَ لِيَ عَلَيْكُم مِّن سُلْطَانٍ إِلَّا أَن دَعَوْتُكُمْ
فَاسْتَجَبْتُمْ لِي ۖ فَلَا تَلُومُونِي وَلُومُوا أَنفُسَكُم ۖ مَّا أَنَا
بِمُصْرِخِكُمْ وَمَا أَنتُم بِمُصْرِخِيَّ ۖ إِنِّي كَفَرْتُ
بِمَا أَشْرَكْتُمُونِ مِن قَبْلُ ۗ إِنَّ الظَّالِمِينَ لَهُمْ
عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٢٢﴾
وَأُدْخِلَ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ جَنَّاتٍ
تَجْرِي مِن تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا بِإِذْنِ رَبِّهِمْ ۖ
تَحِيَّتُهُمْ فِيهَا سَلَامٌ ﴿٢٣﴾
أَلَمْ تَرَ كَيْفَ ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا كَلِمَةً طَيِّبَةً كَشَجَرَةٍ
طَيِّبَةٍ أَصْلُهَا ثَابِتٌ وَفَرْعُهَا فِي السَّمَاءِ ﴿٢٤﴾
تُؤْتِي أُكُلَهَا كُلَّ حِينٍ بِإِذْنِ رَبِّهَا ۗ وَيَضْرِبُ اللَّهُ
الْأَمْثَالَ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ﴿٢٥﴾
وَمَثَلُ كَلِمَةٍ خَبِيثَةٍ كَشَجَرَةٍ خَبِيثَةٍ اجْتُثَّتْ
مِن فَوْقِ الْأَرْضِ مَا لَهَا مِن قَرَارٍ ﴿٢٦﴾

يُثَبِّتُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا بِالْقَوْلِ الثَّابِتِ فِي الْحَيَاةِ
الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ ۖ وَيُضِلُّ اللَّهُ الظَّالِمِينَ ۚ
وَيَفْعَلُ اللَّهُ مَا يَشَاءُ ﴿٢٧﴾

"Tidakkah kamu melihat bahawa Allah telah menciptakan langit dan bumi dengan (hikmat) yang benar? Jika Dia kehendaki Dia berkuasa menghapuskan kamu dan mengadakan angkatan manusia yang baru(19). Semuanya itu tidak sukar kepada Allah(20). Dan seluruh mereka muncul mengadap Allah lalu berkatalah pengikut-pengikut yang lemah kepada (pemimpin-pemimpin) yang angkuh: Sesungguhnya kami adalah pengikut-pengikut kamu. Oleh itu dapatkah kamu menghindarkan dari kami sesuatu dari 'azab Allah? Jawab mereka: Jika Allah telah memberi hidayat kepada kami tentulah kami dapat memberi hidayat kepada kamu, (sekarang ini) sama sahaja bagi kita sama ada kita berdukacita atau bersabar kita tidak mempunyai sebarang tempat pelarian lagi(21). Dan berkatalah syaitan setelah selesainya urusan (hisab): Sesungguhnya Allah telah menjanjikan kamu dengan janji yang benar dan aku juga telah menjanjikan kamu, tetapi aku telah memungkirinya. Sebenarnya aku tidak mempunyai kuasa di atas kamu, melainkan sekadar menyeru kamu lalu kamu menyambut seruanku. Oleh sebab itu janganlah kamu menyalahkan diriku, tetapi salahkanlah diri kamu sendiri. Sebenarnya aku tidak dapat menjerit meminta pertolongan kamu dan kamu juga tidak dapat menjerit meminta pertolonganku. Sebenarnya dari dahulu, lagi aku telah mengingkarkan perbuatan kamu yang telah mempersekutukan aku dengan Allah. Sesungguhnya orang-orang yang zalim akan memperolehi "azab yang amat pedih(22). Dan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh dimasukkan ke dalam Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya aneka sungai, di mana mereka hidup kekal abadi dengan izin Allah. Ucapan penghormatan kepada mereka ialah ucapan salam(23). Apakah engkau tidak berfikir bagaimana Allah membuat satu perbandingan, iaitu kalimat yang baik itu laksana pokok yang baik, akar umbinya teguh dan dahan-dahannya menjulang ke langit(24). Ia mengeluarkan buah-buahnya setiap masa dengan keizinan Tuhannya. Allah membuat perbandingan-perbandingan itu untuk manusia supaya mereka berfikir(25). Dan perbandingan kalimat yang buruk itu adalah laksana pokok yang buruk yang telah dicabut akar umbinya dari permukaan bumi. Ia tidak mempunyai apa-apa keteguhan lagi(26). Allah meneguhkan pendirian orang-orang yang beriman itu dengan ucapan yang teguh dalam kehidupan dunia dan di Akhirat, dan Allah menyesatkan orang-orang yang zalim dan Allah melakukan apa sahaja yang dikehendaki-Nya".(27)

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 4)

الر ۚ كِتَابٌ أَنزَلْنَاهُ إِلَيْكَ لِتُخْرِجَ النَّاسَ مِنَ
الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ بِإِذْنِ رَبِّهِمْ إِلَىٰ صِرَاطِ
الْعَزِيزِ الْحَمِيدِ ﴿١﴾
اللَّهِ الَّذِي لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ ۗ

وَوَيْلٌ لِّلْكَٰفِرِينَ مِنْ عَذَابٍ شَدِيدٍ ﴿٢﴾
ٱلَّذِينَ يَسْتَحِبُّونَ ٱلْحَيَوٰةَ ٱلدُّنْيَا عَلَى ٱلْـَٔاخِرَةِ
وَيَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ وَيَبْغُونَهَا عِوَجًا ۚ
أُو۟لَٰٓئِكَ فِى ضَلَٰلٍۭ بَعِيدٍ ﴿٣﴾
وَمَآ أَرْسَلْنَا مِن رَّسُولٍ إِلَّا بِلِسَانِ قَوْمِهِۦ
لِيُبَيِّنَ لَهُمْ ۖ فَيُضِلُّ ٱللَّهُ مَن يَشَآءُ وَيَهْدِى
مَن يَشَآءُ ۚ وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٤﴾

"Alif. Laam. Raa'. (Inilah) kitab yang Kami turunkan kepadamu supaya engkau mengeluarkan manusia dari kegelapan-kegelapan kepada cahaya yang terang dengan keizinan Tuhan mereka menuju ke jalan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Terpuji(1). Dialah Allah yang memiliki segala apa yang ada di langit dan segala apa yang ada di bumi. Dan celakalah bagi orang-orang yang kafir dari "azab yang amat dahsyat(2). Iaitu orang-orang yang menyintai hidup dunia lebih dari hidup Akhirat dan mereka menghalangi (orang lain) dari jalan Allah dan mengingininya supaya menjadi jalan yang bengkok. Mereka berada di dalam suatu kesesatan yang amat jauh(3). Dan Kami tidak utuskan seseorang rasul melainkan dengan bahasa kaumnya supaya dia dapat memberi penjelasan kepada mereka, lalu Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendaki-Nya dan memberi hidayat kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Dia Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(4)

الٓر ۚ كِتَٰبٌ أَنزَلْنَٰهُ إِلَيْكَ

"Alif. Laam. Raa'. (Inilah) kitab yang Kami turunkan kepadamu." (1)

Maksudnya, kita yang digubahkan dari jenis huruf-huruf potongan ini adalah sebuah kitab yang diturunkan kepadamu. Ia bukannya dikarang olehmu. Kami turunkan kitab ini kepadamu dengan tujuan :

لِتُخْرِجَ ٱلنَّاسَ مِنَ ٱلظُّلُمَٰتِ إِلَى ٱلنُّورِ

"Supaya engkau mengeluarkan manusia dari kegelapan-kegelapan kepada cahaya yang terang."(1)

Sorotan Nur Keimanan

Maksudnya, supaya engkau menyelamatkan manusia dari kegelapan-kegelapan, kepercayaan-kepercayaan dan khurafat-khurafat yang karut, dari kegelapan-kegelapan peraturan dan adat resam, dari kegelapan kebingungan dan kesesatan di padang gurun berbagai-bagai tuhan palsu dan di dalam hiruk-pikuk berbagai-bagai kefahaman, nilai-nilai dan ukuran-ukuran, kepada cahaya yang terang, yang menghapuskan kegelapan-kegelapan itu, menghapuskan kegelapan dalam dunia hati nurani dan dunia pemikiran, menghapuskan kegelapan-kegelapan dalam realiti kehidupan, nilai-nilai, peraturan-peraturan dan adat resam.

Keimanan kepada Allah inilah nur yang menerangi hati. Ia menerangi entiti manusia yang terjadi dari tanah yang kasar dan dari tiupan roh ciptaan Allah. Apabila entiti manusia sunyi dari nur tiupan roh itu dan nur pancaran tiupan ini padam di dalam entiti manusia, maka ia akan berubah menjadi tanah yang gelap, iaitu tanah yang terdiri dari daging dan darah seperti haiwan. Daging dan darah sahaja adalah dari jenis tanah bumi dan bahannya. Jika tidak kerana pancaran nur yang menerangi entiti manusia dari sorotan roh ciptaan Allah yang ditambahkan pula dengan cahaya keimanan yang cerah yang turut menerangi entiti manusia yang gelap itu.

Keimanan kepada Allah itulah nur yang menerangi hati. Dengan nur ini ia dapat melihat jalan menuju kepada Allah dengan terang tidak di selubungi bayang-bayang gelap dan tidak pula dilindungi kabus, iaitu kabus bayang-bayang gelap kepercayaan-kepercayaan yang karut dan kabus-kabus khurafat, atau kabus bayang-bayang gelap nafsu keinginan dan kabus-kabus dari perasaan-perasaan tamak haloba. Apabila hati dapat melihat cahaya yang terang, maka ia akan dapat berjalan mengikut jalan yang betul tanpa teragak-agak, ragu-ragu dan bingung.

Keimanan kepada Allah itulah nur yang menerangi kehidupan, di mana semua manusia yang beriman berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah selaku hamba-hamba Allah belaka. Mereka terikat sesama mereka dengan tali hubungan kerana Allah dan seluruh mereka hanya memberi ketaatan dan kepatuhan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja. Mereka tidak dibahagikan kepada golongan hamba abdi dan golongan penguasa-penguasa yang zalim. Mereka terikat dengan alam buana dengan tali perkenalan, iaitu mereka mengenal dan mengetahui undang-undang yang menjalankan alam buana ini dengan segala isi dan penghuninya. Dengan pengenalan ini mereka dapat hidup aman damai bersama alam buana dengan segala isi dan penghuninya.

Keimanan kepada Allah itulah nur yang terang, iaitu nur keadilan, nur kebebasan, nur ma'rifat dan nur kemesraan berdamping dengan Allah, nur ketenteraman dan keyakinan terhadap keadilan Allah, rahmat dan hikmat-Nya sama ada di dalam kesenangan atau kesusahan. Itulah ketenteraman yang mencetuskan kesabaran dalam menghadapi kesusahan dan mencetuskan kesyukuran ketika berada dalam kesenangan berkat sorotan nur yang membuat seseorang itu memahami hikmat di sebalik kesusahan itu.

Cara Hidup Yang Sempurna

Keimanan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja selaku Tuhan yang disembah dan selaku Tuhan pentadbir itulah satu-satunya cara hidup yang sempurna. Ia bukannya semata-mata i'tikad yang memenuhi hati dan mencurahkan nur. Ia merupakan satu cara hidup yang ditegakkan di atas prinsip 'Ubudiyah kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan

dasar ketaatan kepada Rububiyah atau Pentadbiran Allah Yang Maha Esa sahaja. Ia ditegakkan di atas prinsip menolak pentadbiran-pentadbiran hamba (makhluk) dan bersikap unggul terhadap kuasa Hakimiyah hamba (makhluk).

Cara hidup yang sesuai dengan fitrah manusia dan dengan keperluan-keperluannya yang haqiqi ini dapat menjadikan hidup ini penuh bahagia dan penuh dengan nur, penuh dengan ketenteraman dan kerehatan, di samping kemantapan dan kestabilan yang terpelihara dari perubahan-perubahan yang menimbulkan huru-hara seperti yang dialami oleh masyarakat-masyarakat yang tunduk kepada Rububiyah dan Hakimiyah manusia, tunduk kepada sistem-sistem politik, pemerintahan, ekonomi dan kemasyarakatan ciptaan manusia, tunduk kepada akhlak, tingkahlaku dan adat resam ciptaan manusia. Selain dari itu cara hidup ini dapat memelihara manusia dari pembaziran tenaga yang digunakan dalam usaha mempertuhankan sesama manusia dan memalu gendang kecapi dan meniup serunai untuk memuja tuhan-tuhan palsu.

Di sebalik ungkapan yang pendek ini:

لِتُخْرِجَ ٱلنَّاسَ مِنَ ٱلظُّلُمَٰتِ إِلَى ٱلنُّورِ

"Supaya engkau mengeluarkan manusia dari kegelapan-kegelapan kepada cahaya yang terang"

terbentang ufuk-ufuk yang jauh yang mencakupi berbagai-bagai hakikat yang besar dari mendalam di alam akal dan hati, di alam kehidupan dan realiti yang tidak dapat dijangkau oleh ungkapan manusia selain dari memberi isyarat kepadanya.

لِتُخْرِجَ ٱلنَّاسَ مِنَ ٱلظُّلُمَٰتِ إِلَى ٱلنُّورِ بِإِذْنِ رَبِّهِمْ

"Supaya engkau mengeluarkan manusia dari kegelapan-kegelapan kepada cahaya yang terang dengan keizinan Tuhan mereka."

Maksudnya, kuasa seseorang rasul hanya menyampaikan da'wah. Tugasnya ialah memberi penjelasan. Adapun kerja mengeluarkan manusia dari kegelapan-kegelapan kepada nur yang terang hanya dapat dilaksanakan dengan keizinan Allah menurut undang-undang yang dikehendaki oleh masyi'ah-Nya sedangkan rasul itu tetap rasul.

لِتُخْرِجَ ٱلنَّاسَ مِنَ ٱلظُّلُمَٰتِ إِلَى ٱلنُّورِ بِإِذْنِ رَبِّهِمْ إِلَىٰ صِرَٰطِ ٱلْعَزِيزِ ٱلْحَمِيدِ ﴿١﴾

"Supaya engkau mengeluarkan manusia dari kegelapan-kegelapan kepada cahaya yang terang dengan keizinan Tuhan mereka menuju ke jalan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Terpuji."(1)

Jalan Allah itu "بدل" (kata ganti) dari "cahaya yang terang". Erti jalan Allah ialah peraturan-peraturan dan undang-undangnya yang mengendalikan perjalanan alam al-wujud dan syari'at-Nya yang mengatur kehidupan manusia. Cahaya yang terang itu menunjuk ke jalan Allah atau cahaya yang terang itulah "jalan Allah", ini lebih kuat dari segi makna. Jadi cahaya yang menerangi hati manusia itulah cahaya yang menerangi alam buana, itulah undang-undang dan syari'at Allah. Hati yang hidup dalam cahaya ini tidak tersilap pemahamannya dan tanggapannya dan tidak tersasul tingkahlakunya kerana ia berada di jalan yang lurus iaitu jalan:

صِرَٰطِ ٱلْعَزِيزِ ٱلْحَمِيدِ ﴿١﴾

"Jalan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Terpuji."(1)

Yakni jalan Allah yang memiliki kekuatan dan kekuasaan, yang disanjung tinggi dan disyukuri.

Dalam ayat ini ditonjolkan unsur "kekuatan" untuk mengancam orang-orang yang kafir dan ditonjolkan pula unsur "kepercayaan" untuk mengingatkan orang-orang yang bersyukur. Kemudian di dalam ayat yang berikut diperkenalkan Allah sebagai Tuhan yang memiliki segala isi langit dan segala isi bumi, yang terkaya dari manusia dan yang menguasai seluruh penghuni alam buana.

ٱللَّهِ ٱلَّذِى لَهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۗ

"Dialah Allah yang memiliki segala apa yang ada di langit dan segala apa yang ada di bumi."(2)

Ayat yang berikut tidak menyebut apa-apa tentang balasan orang-orang yang keluar dari kegelapan dan menerima hidayat, malah ia terus mengancam orang-orang kafir dengan kecelakaan dan "azab yang amat pedih sebagai balasan terhadap perbuatan mereka mengkufurkan ni'mat Allah itu, iaitu ni'mat pengiriman rasul membawa kitab yang dapat mengeluarkan mereka dari kegelapan-kegelapan kepada nur yang terang. Itulah satu ni'mat yang paling besar tiada seorang manusia pun yang mampu mensyukuri-nya, apatah lagi mengingkarinya:

وَوَيْلٌ لِّلْكَٰفِرِينَ مِنْ عَذَابٍ شَدِيدٍ ﴿٢﴾

"Dan celakalah bagi orang-orang kafir dari "azab yang amat dahsyat."(2)

Kemudian ayat yang berikut mendedahkan suatu sifat yang menjadi sebab yang membawa orang-orang kafir itu mengingkari ni'mat Allah yang dibawa oleh Rasul-Nya yang budiman:

Kecintaan Kepada Keni'matan Dunia Merupakan Punca Kekufuran

ٱلَّذِينَ يَسْتَحِبُّونَ ٱلْحَيَوٰةَ ٱلدُّنْيَا عَلَى ٱلْءَاخِرَةِ وَيَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ وَيَبْغُونَهَا عِوَجًا ۚ

أُوْلَٰٓئِكَ فِي ضَلَٰلِۭ بَعِيدٖ ٣

"Iaitu orang-orang yang menyintai hidup dunia lebih dari hidup Akhirat dan mereka menghalangi (orang lain) dari jalan Allah dan mengingininya supaya menjadi jalan yang bengkok. Mereka berada di dalam suatu kesesatan yang amat jauh."(3)

Kecintaan kepada kehidupan dunia lebih dari kehidupan Akhirat adalah bertentangan dengan tugas-tugas keimanan, di samping bertentangan dengan dasar kejujuran menjalani jalan yang lurus. Hal ini tidak berlaku apabila seseorang itu menyintai kehidupan Akhirat kerana kecintaan Akhirat dapat membetulkan kehidupan dunia dan dapat meni'matinya secara sederhana dengan tujuan mendapat keredhaan Allah. Justeru itu tidak berlaku pertentangan di antara kecintaan kepada Akhirat dengan keni'matan hidup dunia.

Orang-orang yang menumpukan hatinya kepada Akhirat tidak menghilangkan keni'matan hidup dunia sebagaimana yang tergambar di dalam khayalan-khayalan yang sesat kerana kebaikan kehidupan Akhirat itu memerlukan kepada kebaikan kehidupan dunia. Keimanan kepada Allah memerlukan kepada kebaikan pentadbiran khilafah di bumi, dan kebaikan pentadbiran khilafah di bumi ialah berusaha memajukan bumi ini dan meni'mati rezeki-rezekinya yang baik dan bukannya melumpuhkan kehidupan dunia kerana menunggu Akhirat, malah berusaha memakmurkan kehidupan dunia dengan cara yang benar, adil dan jujur demi mencari keredhaan Allah dan demi mengadakan persediaan untuk kehidupan Akhirat. inilah yang diperjuangkan oleh Islam.

Orang-orang yang menyintai kehidupan dunia lebih dari kehidupan Akhirat mereka tidak dapat menahan diri mereka dari berusaha mencapaikan matlamat-matlamat mereka dengan tindakan membolot punca-punca rezeki yang baik di bumi dan melakukan kerja-kerja yang haram, menindas orang ramai, menipu dan memperhambakan mereka. Mereka tidak dapat mengawal diri mereka supaya berusaha mencapaikan matlamat-matlamat mereka di bawah panduan nur keimanan kepada Allah dan di bawah naungan sifat kejujuran mematuhi hidayat Allah. Lantaran itulah mereka menghalang diri mereka dan orang ramai dari jalan Allah dan memilih jalan yang bengkok yang tidak jujur dan adil. Apabila mereka berjaya menahan diri mereka dan orang lain dari jalan Allah dan apabila mereka berjaya mengelakkan diri mereka dari jalan Allah yang jujur dan adil, maka di waktu itulah sahaja mereka dapat bertindak sewenang-wenang, menindas, menipu dan memperdayakan orang ramai dengan kerosakan-kerosakan, dan dengan ini tercapailah tujuan mereka hendak membolot kesenangan-kesenangan dunia, pendapatan-pendapatan yang haram, keni'matan-keni'matan yang hina, kesombongan di bumi, dan memperhambakan manusia tanpa sebarang tentangan dan bangkangan.

Sistem hidup yang berlandaskan keimanan merupakan jaminan kepada keselamatan kehidupan dan keselamatan manusia dari ketamakan orang-orang yang cintakan kehidupan dunia dan kelobaan mereka membolot punca-punca rezeki yang lumayan di bumi ini.

وَمَآ أَرۡسَلۡنَا مِن رَّسُولٍ إِلَّا بِلِسَانِ قَوۡمِهِۦ لِيُبَيِّنَ لَهُمۡۖ

"Dan Kami tidak utuskan seseorang rasul melainkan dengan bahasa kaumnya supaya dia dapat memberi penjelasan kepada mereka."(4)

Rasul Diutuskan Dengan Bahasa Kaumnya

Inilah satu ni'mat yang meliputi semua manusia di dalam setiap kerasulan. Untuk membolehkan seseorang rasul mengeluarkan kaumnya dari kegelapan kepada nur yang terang, maka pastilah setiap rasul itu diutuskan dengan bahasa kaumnya masing-masing supaya dia dapat memberi penerangan dan penjelasan kepada mereka dan supaya mereka dapat memahami da'wahnya dan dengan ini tercapailah tujuan diutuskan Rasul itu.

Nabi Muhammad s.a.w. telah diutuskan dengan bahasa kaumnya walaupun beliau diutuskan untuk seluruh manusia, kerana kaum beliaulah yang akan membawa risalah beliau kepada seluruh manusia. Usia Rasulullah s.a.w. adalah terbatas dan beliau telah diperintah supaya mula-mula menyeru kaumnya sehingga seluruh Semenanjung Tanah Arab memeluk Islam. Justeru itu Semenanjung Tanah Arab merupakan buaian yang melahirkan pembawa-pembawa risalah Muhammad ke merata pelosok bumi. Apa yang sebenarnya telah berlaku - dengan perencanaan Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Mendalam ilmu Pengetahuan-Nya - ialah Rasulullah s.a.w. telah diwafatkan Allah ketika penyebaran Islam sampai ke akhir perbatasan Semenanjung Tanah Arab dan ketika angkatan bala tentera Islam di bawah pimpinan Usamah hendak dikirim ke hujung-hujung daerah Semenanjung Tanah Arab. Di waktu inilah Rasulullah s.a.w. diwafatkan sedangkan angkatan itu belum lagi berlepas. Sebenarnya Rasulullah s.a.w. telah pun mengirim surat-surat da'wahnya keluar semenanjung tanahair menyeru manusia kepada Islam sebagai bukti bahawa beliau adalah diutuskan kepada seluruh umat manusia, tetapi apa yang telah direncanakan Allah kepada beliau sesuai dengan keadaan umur manusia yang terbatas ialah beliau hanya sempat menyampaikan da'wahnya kepada kaumnya sahaja menerusi bahasa kaumnya, dan kesempurnaan risalah beliau kepada seluruh manusia adalah melalui pendokong-pendokong dan pembawa-pembawa risalah ini yang menyebarkannya ke merata pelosok dunia. Dan inilah yang telah berlaku. Oleh sebab itu di sini tidak ada pertentangan di antara risalahnya kepada seluruh manusia dengan risalahnya kepada kaumnya dengan bahasa kaumnya dalam perencanaan Allah dan realiti hidup.

Peranan Da'wah Dan Peranan Hidayat

وَمَآ أَرْسَلْنَا مِن رَّسُولٍ إِلَّا بِلِسَانِ قَوْمِهِۦ
لِيُبَيِّنَ لَهُمْ ۖ فَيُضِلُّ ٱللَّهُ مَن يَشَآءُ وَيَهْدِى
مَن يَشَآءُ ۚ

"Dan Kami tidak utuskan seseorang rasul melainkan dengan bahasa kaumnya supaya dia dapat memberi penjelasan kepada mereka, lalu Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendaki-Nya dan memberi hidayat kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya."(4)

Maksudnya tugas Rasulullah s.a.w. dan setiap rasul adalah berakhir setakat memberi penjelasan. Adapun hasil, dari penjelasan itu sama ada berupa hidayat atau kesesatan, maka itu adalah di luar kuasa seseorang rasul. Ia tidak tunduk kepada kehendak keinginannya. Ia adalah dari urusan Allah yang telah mengaturkan undang-undang untuknya, iaitu undang-undang yang diredhai oleh kehendak masyi'ah-Nya yang bebas. Oleh itu sesiapa yang berjalan di jalan kesesatan dia akan sesat, dan sesiapa yang berjalan di jalan hidayat ia akan sampai kepada hidayat. Semuanya mengikut kehendak masyi'ah Allah yang telah mengaturkan undang-undang dan peraturan-Nya di dalam hidup manusia.

وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ٤

"Dan Dia Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(4)

Maksudnya, Allah berkuasa mengendalikan manusia dan kehidupannya. Dia mengurus dan mengendalikan urusan mereka dengan bijaksana dan dengan perencanaan yang rapi. Segala urusan mereka bukannya dibiarkan secara serampangan sahaja tanpa sebarang panduan dan sebarang pentadbiran.

Begitulah juga risalah Musa a.s. diutuskan dengan bahasa kaumnya:

(Pentafsiran ayat-ayat 5 - 8)

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا مُوسَىٰ بِـَٔايَٰتِنَآ أَنْ أَخْرِجْ قَوْمَكَ
مِنَ ٱلظُّلُمَٰتِ إِلَى ٱلنُّورِ وَذَكِّرْهُم بِأَيَّىٰمِ
ٱللَّهِ ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّكُلِّ صَبَّارٍ
شَكُورٍ ٥
وَإِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِ ٱذْكُرُوا۟ نِعْمَةَ ٱللَّهِ
عَلَيْكُمْ إِذْ أَنجَىٰكُم مِّنْ ءَالِ فِرْعَوْنَ
يَسُومُونَكُمْ سُوٓءَ ٱلْعَذَابِ وَيُذَبِّحُونَ أَبْنَآءَكُمْ
وَيَسْتَحْيُونَ نِسَآءَكُمْ ۚ وَفِى ذَٰلِكُم بَلَآءٌ
مِّن رَّبِّكُمْ عَظِيمٌ ٦
وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ ۖ
وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِى لَشَدِيدٌ ٧
وَقَالَ مُوسَىٰٓ إِن تَكْفُرُوٓا۟ أَنتُمْ وَمَن فِى ٱلْأَرْضِ
جَمِيعًا فَإِنَّ ٱللَّهَ لَغَنِىٌّ حَمِيدٌ ٨

"Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan Musa membawa ayat-ayat kami (dan berfirman): Keluarkan-lah kaummu dari kegelapan-kegelapan kepada cahaya yang terang dan ingatkan mereka dengan (peristiwa-peristiwa) hari-hari Allah (yang bersejarah). Sesungguhnya dalam peristiwa-peristiwa itu terdapat bukti-bukti (pengajaran) untuk setiap orang yang banyak bersabar dan bersyukur(5). Dan (kenangilah) ketika Musa berkata kepada kaumnya: Kenangilah ni'mat Allah yang dikurniakan kepada kamu ketika Dia menyelamatkan kamu dari kuncu-kuncu fir'aun yang menyeksakan kamu dengan keseksaan yang teruk. Mereka banyak menyembelih anak-anak lelaki kamu dan membiarkan anak-anak perempuan kamu hidup. Peristiwa-peristiwa itu merupakan ujian yang besar dari Tuhan kamu(6). Dan (kenangilah) ketika Tuhan kamu mengumumkan: Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan menambahkan lagi ni'mat kepada kamu dan jika kamu kufur maka sesungguhnya "azab-Ku amat pedih(7). Dan ujar Musa: Jika kamu dan sekalian orang-orang yang ada di bumi mengingkari (ni'mat-ni'mat Allah), maka sesungguhnya Allah Maha Kaya dan Maha Terpuji."(8)

Ungkapan ayat ini menyamakan di antara bunyi perintah yang dikeluarkan kepada Musa dengan bunyi perintah yang dikeluarkan kepada Muhammad alayhima Salatullahi wasalamu-Hu untuk disesuaikan dengan cara penyampaian di dalam surah ini sebagaimana telah kami huraikan sebelum ini. Bunyi perintah di sana ialah:

لِتُخْرِجَ ٱلنَّاسَ مِنَ ٱلظُّلُمَٰتِ إِلَى ٱلنُّورِ

"Supaya engkau mengeluarkan manusia dari kegelapan-kegelapan kepada cahaya yang terang."(1)

Dan bunyi perintah di sini pula ialah:

أَنْ أَخْرِجْ قَوْمَكَ مِنَ ٱلظُّلُمَٰتِ إِلَى ٱلنُّورِ

"Keluarkanlah kaummu dari kegelapan-kegelapan kepada cahaya yang terang."(5)

Perintah pertama mencakup seluruh manusia, sedangkan perintah yang kedua hanya mencakup kaum Musa sahaja, tetapi matlamatnya sama sahaja:

أَنْ أَخْرِجْ قَوْمَكَ مِنَ ٱلظُّلُمَٰتِ إِلَى ٱلنُّورِ
وَذَكِّرْهُم بِأَيَّىٰمِ ٱللَّهِ ۚ

"Keluarkanlah kaummu dari kegelapan-kegelapan kepada cahaya yang terang dan ingatkan mereka dengan (peristiwa-peristiwa) hari-hari Allah (yang bersejarah)."(5)

Maksud Hari-hari Allah

Sebenarnya seluruh hari itu adalah hari-hari Allah belaka, tetapi yang dimaksudkan di sini ialah mengingatkan mereka dengan hari-hari yang dipandang manusia atau kelompok mereka sebagai peristiwa-peristiwa besar yang luar biasa, sama ada yang membawa ni'mat atau membawa kemurkaan Allah sebagaimana akan diterangkan kelak apabila disebut cerita bagaimana Musa memberi peringatan kepada kaumnya. Beliau telah mengingatkan mereka dengan peristiwa-peristiwa hari-hari mereka yang bersejarah, juga peristiwa-peristiwa hari-hari yang bersejarah kepada kaum-kaum Nuh, 'Ad, Thamud dan kaum-kaum selepas mereka. Inilah yang dimaksudkan dengan hari-hari Allah itu.

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَٰتٍ لِّكُلِّ صَبَّارٍ شَكُورٍ ٥

"Sesungguhnya di dalam peristiwa-peristiwa itu terdapat bukti-bukti (pengajaran) untuk setiap orang yang banyak bersabar dan bersyukur."(5)

Di antara hari-hari yang bersejarah itu ada hari kesusahan dan hari ini merupakan hari bukti pengajaran kepada kesabaran, dan ada pula hari kesenangan dan ia merupakan hari bukti pengajaran kepada kesyukuran. "Orang yang banyak bersabar dan bersyukur", itu ialah orang-orang yang dapat memahami bukti-bukti pengajaran ini dan hikmat-hikmat di sebaliknya, serta menjadikannya contoh teladan di samping menjadikannya sebagai hiburan dan peringatan.

Musa a.s. berjuang menunaikan tugas kerasulan dan mengingatkan kaumnya:

وَإِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِ ٱذْكُرُوا۟ نِعْمَةَ ٱللَّهِ
عَلَيْكُمْ إِذْ أَنجَىٰكُم مِّنْ ءَالِ فِرْعَوْنَ
يَسُومُونَكُمْ سُوٓءَ ٱلْعَذَابِ وَيُذَبِّحُونَ أَبْنَآءَكُمْ
وَيَسْتَحْيُونَ نِسَآءَكُمْ ۚ وَفِي ذَٰلِكُم بَلَآءٌ
مِّن رَّبِّكُمْ عَظِيمٌ ٦

"Dan (kenangilah) ketika Musa berkata kepada kaumnya: Kenangilah ni'mat Allah yang dikurniakan kepada kamu ketika Dia menyelamatkan kamu dari kuncu-kuncu Fir'aun yang menyeksakan kamu dengan keseksaan yang teruk. Mereka banyak menyembelih anak-anak lelaki kamu dan membiarkan anak-anak perempuan kamu hidup. Peristiwa-peristiwa itu merupakan ujian yang besar dari Tuhan kamu."(6)

Beliau mengingatkan mereka terhadap ni'mat-ni'mat Allah yang telah dikurniakan kepada mereka, iaitu ni'mat keselamatan dari keseksaan dan penindasan yang diterima mereka dari kuncu-kuncu Fir'aun. Mereka berturut-turut dan bertubi-tubi di'azabkan Fir'aun tanpa berhenti. Di antara keseksaan-keseksaan itu ialah anak-anak lelaki mereka dibunuh dan hanya anak-anak perempuan sahaja yang dibenarkan hidup dengan tujuan untuk melemahkan kekuatan pertahanan mereka dan mengekalkan kelemahan dan kehinaan mereka, lalu Allah menyelamatkan mereka dari penindasan ini sebagai satu ni'mat yang patut dikenangkan mereka untuk bersyukur kepada Allah.

وَفِي ذَٰلِكُم بَلَآءٌ مِّن رَّبِّكُمْ عَظِيمٌ ٦

"Peristiwa-peristiwa itu merupakan ujian yang besar dari Tuhan kamu."(6)

Pertama ujian dengan keseksaan dan penindasan untuk menduga kesabaran, ketabahan, daya ketahanan, keazaman untuk menyelamatkan diri dan bertindak ke arah itu. Kesabaran bukannya kesanggupan menanggung kehinaan dan penindasan sahaja, kesabaran yang sebenar ialah kesanggupan menanggung keseksaan tanpa patah semangat dan tanpa kekalahan jiwa, dan kesanggupan untuk terus berjuang menyelamatkan diri dan bersedia untuk menentang kezaliman dan kekejaman. Sikap menyerah diri kepada penghinaan itu bukanlah merupakan sifat kesabaran yang dipuji. Yang kedua ialah ujian dengan keselamatan untuk menduga kesyukuran dan pengakuan terhadap ni'mat Allah, juga menduga kejujuran mematuhi hidayat sebagai balasan terhadap ni'mat keselamatan.

Musa a.s. berusaha memberi penjelasan kepada kaumnya selepas beliau mengingatkan mereka dengan peristiwa-peristiwa hari-hari mereka yang bersejarah. Beliau menunjukkan kepada mereka matlamat ujian dengan keseksaan dan matlamat ujian dengan keselamatan itu, iaitu untuk menduga kesabaran menanggung keseksaan dan menduga kesyukuran terhadap ni'mat keselamatan. Beliau selanjutnya menjelaskan kepada kaumnya balasan-balasan yang telah diaturkan Allah terhadap kesyukuran dan kekufuran mereka:

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ ۖ
وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ ٧

"Dan (kenangilah) ketika Tuhan kamu mengumumkan: Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan menambahkan lagi ni'mat kepada kamu dan jika kamu kufur maka sesungguhnya 'azab-Ku amat pedih."(7)

Balasan Mensyukuri Dan Mengingkari Ni'mat-ni'mat Allah

Marilah kita berhenti sejenak di hadapan hakikat yang besar ini, iaitu hakikat bertambahnya ni'mat Allah apabila disyukuri dan hakikat balasan 'azab yang dahsyat terhadap kekufuran ni'mat.

Dari awal lagi hati kita merasa tenang dan tenteram sebaik sahaja kita berhenti di hadapan hakikat ini, kerana ia adalah dari janji Allah dan janji Allah tetap

akan terlaksana biar bagaimana sekalipun. Apabila kita hendak melihat bukti kebenaran janji ini dalam kehidupan kita dan menyelidiki sebab-sebabnya, maka ia tidaklah begitu jauh dari kita.

Kesyukuran terhadap ni'mat Allah itu merupakan bukti adanya kejujuran neraca pertimbangan di dalam hati manusia. Sesuatu yang baik itu disyukuri kerana kesyukuran merupakan suatu balasan yang tabii mengikut fitrah yang lurus.

Ini satu alasan dan alasan yang lain lagi ialah hati yang bersyukur kepada Allah kerana ni'mat yang dikurniakannya itu sentiasa bermuraqabah dengan Allah apabila ia menggunakan ni'mat itu tanpa takbur dan berlagak angkuh terhadap orang lain dan tanpa menggunakan ni'mat itu untuk tujuan melakukan penindasan, kejahatan, tindakan-tindakan yang kotor dan perbuatan-perbuatan yang merosakkan.

Kedua-dua alasan ini dapat membersihkan hati manusia dan mendorongkannya ke arah amalan yang soleh, ke arah penggunaan ni'mat dengan cara-cara yang baik yang dapat menyubur dan menambahkan keberkatan ni'mat itu. Ia membuat orang ramai berpuas hati dengan ni'mat itu dan berpuas hati terhadap tuan yang meni'matinya dan membuat mereka suka membantunya. Ini menambahkan lagi kebaikan hubungan di dalam masyarakat dan menambahkan kekayaan-kekayaannya secara aman dan sebagainya dari sebab kebaikan tabii yang ternampak kepada kita dalam kehidupan ini. Walau bagaimanapun, namun janji Allah itu sudah cukup untuk menimbulkan keyakinan dan ketenteraman dalam hati orang yang beriman sama ada ia dapat memahami sebab-sebab itu atau tidak, kerana janji itu tetap akan ditepati kerana ia adalah janji Allah.

Kekufuran terhadap ni'mat Allah terkadang-kadang berlaku dengan perbuatan tidak mensyukurinya atau dengan mengingkarkan Allah sebagai Pengurnianya atau dengan menghubungkan pencapaian ni'mat itu kepada ilmu kepandaian, kepada pengalaman, kerja keras dan usaha peribadi seseorang seolah-olah tenaga-tenaga itu bukannya salah satu ni'mat dari ni'mat-ni'mat Allah. Begitu juga kekufuran terhadap ni'mat Allah itu terkadang-kadang berlaku dengan perbuatan menyalahgunakan ni'mat-ni'mat itu sendiri, iaitu ia digunakan untuk maksud menunjukkan keangkuhan dan kesombongan terhadap orang lain atau untuk maksud memuaskan hawa nafsu yang liar dan melakukan perbuatan-perbuatan yang merosakkan masyarakat. Semuanya itu merupakan perbuatan-perbuatan mengingkarkan ni'mat-ni'mat Allah.

'Azab keseksaan Allah yang berat itu kadang-kadang berlaku dalam bentuk penghapusan ni'mat itu sendiri atau penghapusan kesan-kesan yang baik di dalam perasaan seseorang. Berapa banyak ni'mat bertukar menjadi bala yang menyusahkan seseorang dan menimbulkan hasad dengki orang-orang yang tidak mendapat ni'mat itu. Kadang-kadang 'azab keseksaan itu ditempoh ke suatu masa yang tertentu di dunia atau di Akhirat sebagaimana yang dikehendaki Allah, tetapi ia akan tetap menimpa mereka kerana perbuatan mengingkarkan ni'mat Allah adalah satu kesalahan yang tidak akan terlepas tanpa balasan.

Tetapi faedah kesyukuran itu tidak kembali kepada Allah dan kesan kekufuran itu juga tidak menjejaskan Allah kerana Allah itu Maha Kaya dan Maha Terpuji dengan zat-Nya, bukannya kerana Dia dipuji dan disyukuri manusia terhadap limpah kurnia-Nya.

وَقَالَ مُوسَىٰٓ إِن تَكۡفُرُوٓاْ أَنتُمۡ وَمَن فِي ٱلۡأَرۡضِ
جَمِيعٗا فَإِنَّ ٱللَّهَ لَغَنِيٌّ حَمِيدٌ ٨

"Dan ujar Musa: Jika kamu dan sekalian orang-orang yang ada di bumi mengingkari (ni'mat-ni'mat Allah), maka sesungguhnya Allah Maha Kaya dan Maha Terpuji."(8)

Sebenarnya kebaikan kehidupan akan tercapai apabila manusia mensyukuri ni'mat Allah dan hati manusia akan menjadi bersih dengan sebab ia bertawajjuh kepada Allah dan menjadi jujur dengan sebab ia mensyukuri segala kebajikan, dan seterusnya menjadi tenang dan tenteram kerana terjalinnya hubungan yang mesra dengan Allah yang telah menganugerahkan ni'mat-ni'mat. Mereka tidak merasa takut dan bimbang kehilangan ni'mat dan tidak merasa menyesal dan kecewa kerana perbelanjaan-perbelanjaan yang telah dikorbankan mereka atau kerana kehilangan sebahagian dari ni'mat-ni'mat itu, kerana Allah pemberi ni'mat itu tetap wujud dan ni'mat-ni'mat itu akan tetap bertambah apabila mereka mensyukurinya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 9 - 17)

Kisah Pertarungan Di Antara Para Anbia' Dengan Jahiliyah

Musa a.s. terus memberi penjelasan-penjelasan dan peringatan-peringatan kepada kaumnya, tetapi beliau menghilangkan diri dari pemandangan yang berikut untuk menonjolkan pertarungan agung di antara para Anbia' dengan kaum-kaum jahiliyah yang mendustakan sekalian rasul dan segala risalah. Itulah salah satu cara penyampaian Al-Qur'an yang indah untuk menghidupkan pemandangan-pemandangan yang ditayangkannya dan untuk memindahkannya dari satu cerita yang dikisahkan kepada satu pemandangan yang ditonton dan didengar, di mana watak-wataknya bergerak dan berlakon memperlihatkan sifat-sifat dan emosi-emosi.

Sekarang marilah kita ke medan pertarungan agung, di mana lenyapnya batas-batas zaman dan tempat:

أَلَمْ يَأْتِكُمْ نَبَؤُا۟ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ قَوْمِ نُوحٍ وَعَادٍ
وَثَمُودَ وَٱلَّذِينَ مِنۢ بَعْدِهِمْ لَا يَعْلَمُهُمْ إِلَّا
ٱللَّهُ ۚ جَآءَتْهُمْ رُسُلُهُم بِٱلْبَيِّنَٰتِ فَرَدُّوٓا۟ أَيْدِيَهُمْ
فِىٓ أَفْوَٰهِهِمْ وَقَالُوٓا۟ إِنَّا كَفَرْنَا بِمَآ أُرْسِلْتُم بِهِۦ
وَإِنَّا لَفِى شَكٍّ مِّمَّا تَدْعُونَنَآ إِلَيْهِ مُرِيبٍ ﴿٩﴾

"Tidakkah sampai kepada kamu berita orang-orang sebelum kamu, iaitu kaum Nuh, 'Ad dan Thamud dan orang-orang yang kemudian dari mereka, yang tiada siapa mengetahui tentang mereka melainkan Allah. Para Rasul mereka datang kepada mereka membawa bukti-bukti yang amat jelas, lalu mereka meletakkan tangan mereka pada mulut mereka (untuk menyaringkan suara) sambil berkata: Sesungguhnya kami tidak percaya dengan ajaran-ajaran yang diutuskan kamu membawanya dan sesungguhnya kami berada di dalam keraguan yang amat berat terhadap ajaran-ajaran yang kamu seru kami kepadanya."(9)

Peringatan ini adalah dari sabda Musa a.s., tetapi ayat-ayat ini telah membuat Musa menghilangkan dirinya untuk membolehkannya meneruskan tayangan kisah para rasul, risalah-risalah dan hakikatnya dari seluruh zaman yang berjuang menentang jahiliyah dan akibat-akibat yang diterima oleh para pendustanya di berbagai-bagai zaman dan tempat. Di sini Nabi Musa a.s. bertindak selaku rawi atau pencerita yang memulakan ceritanya dengan menyebut peristiwa-peristiwa yang agung itu, kemudian beliau meninggalkan hero-hero cerita itu sendiri bercerita dan bertindak. Ini adalah salah satu cara pembentangan cerita di dalam Al-Qur'an, iaitu ia mengubahkan cerita yang dikisahkan itu kepada satu cerita yang hidup bergerak sebagaimana telah kami terangkan tadi. Di sini kita dapat melihat para rasul yang mulia itu berada dalam satu perarakan angkatan iman menentang angkatan manusia jahiliyah yang bersatupadu, di mana lenyapnya segala batas-batas perbezaan zaman di antara generasi-generasi dan kaum-kaum mereka, dimana munculnya hakikat-hakikat agung yang terlepas dari zaman dan tempat sama seperti hakikatul-wujud di sebalik batas-batas zaman dan tempat:

أَلَمْ يَأْتِكُمْ نَبَؤُا۟ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ قَوْمِ نُوحٍ وَعَادٍ
وَثَمُودَ وَٱلَّذِينَ مِنۢ بَعْدِهِمْ لَا يَعْلَمُهُمْ إِلَّا ٱللَّهُ ۚ

"Tidakkah sampai kepada kamu berita orang-orang sebelum kamu, iaitu kaum Nuh, 'Ad dan Thamud dan orang-orang yang kemudian dari mereka, yang tiada siapa mengetahui tentang mereka melainkan Allah."(9)

Jadi, kaum-kaum itu memang banyak, tetapi di sana ada lagi kaum-kaum yang lain dari kaum-kaum yang disebut Al-Qur'an, iaitu kaum-kaum yang muncul di antara kaum Thamud dan kaum Musa. Ayat-ayat di sini tidak menghuraikan keadaan mereka dengan terperinci. Apa yang ditonjolkan di sana ialah persamaan da'wah para rasul dan persamaan penentangan yang dihadapinya:

جَآءَتْهُمْ رُسُلُهُم بِٱلْبَيِّنَٰتِ

"Para Rasul mereka datang kepada mereka membawa bukti-bukti yang amat jelas."(9)

Yakni dalil-dalil yang amat terang yang tidak menimbulkan kesamaran kepada pemahaman yang betul dan sihat.

فَرَدُّوٓا۟ أَيْدِيَهُمْ فِىٓ أَفْوَٰهِهِمْ وَقَالُوٓا۟ إِنَّا كَفَرْنَا بِمَآ
أُرْسِلْتُم بِهِۦ وَإِنَّا لَفِى شَكٍّ مِّمَّا تَدْعُونَنَآ إِلَيْهِ
مُرِيبٍ ﴿٩﴾

"Lalu mereka meletakkan tangan mereka pada mulut mereka (untuk menyaringkan suara) sambil berkata: Sesungguhnya kami tidak percaya dengan ajaran-ajaran yang diutuskan kamu membawanya dan sesungguhnya kami berada di dalam keraguan yang amat berat terhadap ajaran-ajaran yang kamu seru kami kepadanya"(9)

Mereka meletakkan tangan mereka pada mulut mereka seperti kebiasaan yang dilakukan oleh orang yang mahu mengalun dan menguatkan suaranya supaya dapat didengar dari tempat yang jauh, iaitu dengan menggerak-gerakkan tapak tangannya berulang-alik di hadapan mulutnya ketika ia mengangkatkan suaranya. Ini membuat suaranya kedengaran mengalun-ngalun tinggi. Ayat ini menggambarkan harakat ini, iaitu harakat yang menunjukkan mereka melaungkan pendustaan dan keraguan mereka dengan suara yang lantang. Mereka memperlihatkan kelantangan itu dengan cara yang buruk dan dengan gerak-geri yang kasar, tidak bersopan-santun untuk menyatakan kekufuran mereka dengan terus-terang dan sepenuh hati.

Oleh sebab ajaran yang diseru oleh rasul-rasul mereka ialah supaya mereka beriman kepada Uluhiyah dan Rububiyah Allah Yang Maha Esa sahaja tanpa sebarang sekutu dari para hamba-Nya, maka keraguan mereka terhadap hakikat yang terang yang diakui fitrah serta disokong oleh bukti-bukti yang bertebaran di merata lembaran alam buana ini merupakan satu perbuatan yang keji dan jelik. Para rasul telah mencela keraguan ini kerana kebenaran hakikat ini telah disaksikan oleh langit dan bumi.

قَالَتْ رُسُلُهُمْ أَفِى ٱللَّهِ شَكٌّ فَاطِرِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ
وَٱلْأَرْضِ ۖ

"Berkatalah para rasul mereka: Apakah ada keraguan terhadap Allah Pencipta langit dan bumi?"(10)

Maksudnya, apakah mereka ragu terhadap Allah, sedangkan langit dan bumi menjelaskan kepada fitrah bahawa Allahlah yang menciptakan keduanya dengan ciptaan yang amat indah. Pertanyaan ini dikemukakan

oleh rasul-rasul mereka kerana langit dan bumi merupakan dua bukti yang amat besar dan jelas. Semata-mata menyebut dua bukti ini sahaja sudah cukup untuk segera mengembalikan orang yang sesat ke jalan yang betul. Mereka menyebut dua bukti ini tanpa menambahkan apa-apa penjelasan yang lain kerana kedua-duanya sahaja sudah memadai menjadi bukti. Kemudian para rasul membentangkan ni'mat-ni'mat Allah yang dikurniakan kepada manusia - iaitu ni'mat mengajak mereka kepada keimanan, juga ni'mat menangguhkan mereka ke suatu masa yang tertentu, di mana mereka mendapat kesempatan berfikir dengan teliti dan berusaha menjauhkan diri mereka dari 'azab Allah:

أَفِي ٱللَّهِ شَكٌّ فَاطِرِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ يَدْعُوكُمْ لِيَغْفِرَ لَكُم مِّن ذُنُوبِكُمْ

"Apakah ada keraguan terhadap Allah Pencipta langit dan bumi? Dia menyeru kamu untuk memberi keampunan kepada kamu terhadap dosa-dosa kamu."(10)

Da'wah pada asalnya ialah da'wah kepada keimanan yang membawa kepada keampunan, tetapi ayat ini menjadikan da'wah itu secara langsung membawa kepada keampunan supaya ni'mat Allah dan limpah kurnia-Nya dapat dilihat dengan jelas, dan di waktu inilah kelihatan amat aneh apabila satu kaum itu diajak kepada mencapai keampunan ini tiba-tiba mereka menyambut da'wah itu dengan cara (yang kasar).

يَدْعُوكُمْ لِيَغْفِرَ لَكُم مِّن ذُنُوبِكُمْ وَيُؤَخِّرَكُمْ إِلَىٰٓ أَجَلٍ مُّسَمًّى

"Dia menyeru kamu untuk memberi keampunan kepada kamu terhadap dosa-dosa kamu dan menangguhkan kamu hingga ke suatu masa yang tertentu."(10)

Maksudnya, walaupun Allah S.W.T. menyeru kamu untuk memberi keampunan kepada kamu, namun Dia tidak menggesakan kamu beriman terus selepas da'wah itu disampaikan kamu dan tidak pula menimpakan 'azab ke atas kamu sebaik sahaja kamu mendustakan da'wah itu, malah Allah kurniakan satu ni'mat yang lain, iaitu Dia menangguhkan kamu ke suatu masa yang tertentu sama ada di dunia ini atau sehingga ke hari hisab supaya kamu mendapat kesempatan berfikir dan merenungi ayat-ayat Allah dan penjelasan-penjelasan yang disampaikan oleh para rasul yang diutuskan kepada kamu. Ini adalah suatu rahmat dan kemurahan yang dikira termasuk dalam kumpulan ni'mat. Tetapi adakah patut da'wah Allah Yang Maha Pengasih dan Maha Limpah Kurnia-Nya itu dibalas dengan jawapan (yang kasar ini)?

Di sini kaum yang jahil itu kembali mengemukakan bangkangan yang kasar:

قَالُوٓا۟ إِنْ أَنتُمْ إِلَّا بَشَرٌ مِّثْلُنَا تُرِيدُونَ أَن تَصُدُّونَا عَمَّا كَانَ يَعْبُدُ ءَابَآؤُنَا

"Jawab mereka: Kamu tiada lain melainkan hanya manusia seperti kami sahaja. Kamu bertujuan hendak menghalangkan kami dari menyembah apa yang disembahkan datuk nenek kami."(10)

Sepatutnya manusia merasa bangga apabila seorang dari mereka telah dipilih Allah untuk membawa agama-Nya, tetapi kerana kejahilan, mereka telah membantah pilihan itu dan menjadikannya sebagai punca keraguan terhadap para rasul yang terpilih itu. Mereka memberi sebab bahawa da'wah para rasul itu adalah bertujuan untuk memesongkan mereka dari tuhan-tuhan yang disembah datuk nenek mereka, tetapi mereka tidak pernah menanya diri mereka: Mengapa para rasul itu hendak memesongkan mereka? Sebenarnya kebekuan pemikiran yang diserapkan kepercayaan-kepercayaan paganisme di dalam akal manusia telah menyebabkan mereka tidak dapat memikirkan tentang tuhan-tuhan yang disembahkan datuk nenek mereka. Apakah nilainya? Apakah hakikatnya? Setinggi mana nilainya apabila ia didedahkan kepada kritikan dan pemikiran? Sebenarnya kebekuan pemikiran itu juga yang telah menyebabkan mereka tidak dapat memikir tentang da'wah yang baru itu, malah mereka sebaliknya menuntut satu bukti mu'jizat yang dapat memaksa mereka mempercayai da'wah itu:

فَأْتُونَا بِسُلْطَٰنٍ مُّبِينٍ ﴿١٠﴾

"Kerana itu bawalah kepada kami satu bukti (mu'jizat) yang nyata."(10)

Para rasul itu juga menjawab bahawa mereka tidak menafikan sifat basyariah mereka, malah mereka tetap mengakuinya, tetapi mereka menarik perhatian kepada ni'mat Allah yang telah memilih rasul-rasul-Nya dari bangsa manusia dan mengurniakan kepada mereka kebolehan-kebolehan yang melayakkan mereka untuk memikul amanah Allah yang agung itu:

قَالَتْ لَهُمْ رُسُلُهُمْ إِن نَّحْنُ إِلَّا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ يَمُنُّ عَلَىٰ مَن يَشَآءُ مِنْ عِبَادِهِۦ

"Jawab para rasul mereka kepada mereka: Kami sememangnya tiada lain melainkan hanya manusia seperti kamu sahaja, tetapi Allah menganugerahkan limpah kurnia-Nya kepada siapa yang dikehendaki-Nya di antara para hamba-Nya."(11)

Ayat ini menyebut kata-kata "يمن" (menganugerahkan limpah kurnia) untuk menyesuaikan dialog ini dengan suasana surah ini, iaitu suasana menyebut ni'mat-ni'mat Allah dan di antaranya termasuk anugerah pilihan menjadi rasul yang dikurniakan Allah kepada sesiapa sahaja yang

dikehendaki-Nya di antara para hamba-Nya. Itulah satu anugerah yang amat besar bukan sahaja kepada peribadi rasul-rasul itu sahaja, malah kepada bangsa manusia seluruhnya yang telah mendapat kehormatan kerana sekumpulan individu mereka telah dipilih Allah untuk melaksanakan tugas yang agung ini, iaitu tugas berhubung dan menerima perutusan dari alam al-Malaul-A'la. Itulah satu anugerah kepada umat manusia untuk menyedarkan fitrah mereka yang telah diselimuti karat kesesatan supaya mereka dapat keluar dari kegelapan-kegelapan kepada nur yang terang, juga untuk menghidupkan alat-alat penerima yang ada dalam jiwa mereka supaya mereka dapat keluar dari maut yang tidak bergerak kepada hayat yang berkembang subur. Kemudian itulah satu anugerah yang amat besar kepada umat manusia kerana ia dapat menyelamatkan mereka dari kepatuhan dan ketaatan, kepada sesama manusia kepada kepatuhan dan ketaatan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja tanpa sebarang sekutu, di samping menyelamatkan kehormatan dan tenaga-tenaga mereka dari kehinaan dan pembaziran dalam usaha-usaha menunjukkan ketaatan dan kepatuhan kepada sesama manusia, iaitu kehinaan tunduk kepada sesama manusia dan pembaziran yang menggunakan tenaga manusia untuk mempertuhankan manusia yang sama dengan mereka.

Adapun persoalan menunjukkan bukti yang nyata dan kekuatan yang luar biasa (mu'jizat), maka para rasul telah menjelaskan kepada kaum mereka bahawa persoalan itu adalah dari urusan Allah supaya mereka dapat membezakan di dalam pemikiran mereka yang kabur dan gelap di antara zat Allah yang mempunyai kuasa Uluhiyah dengan zat para rasul yang bersifat basyariah, juga supaya mereka memeriksa dengan cermat gambaran tauhid yang tulen yang tidak bercampuraduk dengan kepercayaan-kepercayaan yang menyamakan Allah dengan makhluk sama ada dari segi zat atau dari segi sifat. Itulah padang gurun di mana sesatnya kepercayaan-kepercayaan paganisme dan kefahaman-kefahaman gereja Kristian terhadap sifat al-Masih apabila ia bercampuraduk dengan kepercayaan-kepercayaan paganisme Greek, Roman, Mesir dan India. Titik pertama kesesatan itu bermula dari perbuatan menghubungkan kejadian-kejadian yang luar biasa kepada 'Isa a.s. itu sendiri, dan dari kekeliruan di antara Uluhiyah Allah dengan 'Ubudiyah 'Isa a.s.

وَمَا كَانَ لَنَآ أَن نَّأْتِيَكُم بِسُلْطَٰنٍ إِلَّا بِإِذْنِ ٱللَّهِ ۚ

"Dan kami tidak berkuasa membawa kepada kamu sesuatu bukti yang nyata (mu'jizat) melainkan dengan keizinan Allah."(11)

Mereka tidak mempunyai kekuatan yang lain dari kekuatan Allah.

وَعَلَى ٱللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ ٱلْمُؤْمِنُونَ ﴿١١﴾

"Dan hanya kepada Allah hendaklah orang-orang yang beriman itu bertawakkal."(11)

Kata-kata ini diucapkan oleh rasul-rasul itu sebagai satu hakikat yang kekal abadi. Oleh itu setiap Mu'min hendaklah bertawakkal kepada Allah Yang Maha Esa dan janganlah membiarkan hatinya berpaling kepada yang lain dari Allah, janganlah mengharapkan pertolongan dari yang lain dari Allah dan janganlah mencari perlindungan melainkan di bawah naungan-Nya.

Kemudian rasul-rasul itu menentang kezaliman dengan keimanan yang kukuh dan menghadapi penindasan-penindasan dengan tabah dan mereka bertanya untuk menguat dan mengukuhkan penjelasan mereka:

وَمَا لَنَآ أَلَّا نَتَوَكَّلَ عَلَى ٱللَّهِ وَقَدْ هَدَىٰنَا سُبُلَنَا ۚ وَلَنَصْبِرَنَّ عَلَىٰ مَآ ءَاذَيْتُمُونَا ۚ وَعَلَى ٱللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ ٱلْمُتَوَكِّلُونَ ﴿١٢﴾

"Dan mengapakah kami tidak bertawakkal kepada Allah, sedangkan Dialah yang telah menunjukkan jalan (yang benar) kepada kami, dan kami akan tetap bersabar terhadap penindasan yang telah dilakukan kamu terhadap kami, dan hanya kepada Allah hendaklah orang-orang yang bertawakkal itu berserah diri."(12)

وَمَا لَنَآ أَلَّا نَتَوَكَّلَ عَلَى ٱللَّهِ وَقَدْ هَدَىٰنَا سُبُلَنَا ۚ

"Dan mengapakah kami tidak bertawakkal kepada Allah, sedangkan Dialah yang telah menunjukkan jalan (yang benar) kepada kami?"(12)

Itulah kata-kata yang terbit dari hati orang yang benar-benar yakin kepada pendirian dan jalannya yang benar dan yakin kepada penaung dan penolongnya. Orang yang yakin bahawa Allah itulah yang telah menunjukkan jalan yang benar kepadanya tentulah yakin bahawa Dia akan menolong dan membantunya. Apabila seseorang hamba dijamin mendapat jalan yang betul, maka segala suatu yang lain tidak lagi penting kepadanya walaupun pertolongan itu tidak terlaksana di dalam kehidupan dunia ini.

Hati yang merasa bahawa tangan hidayat Allah S.W.T. sentiasa memimpin setiap gerak langkahnya dan menunjukkannya ke jalan yang lurus itulah hati yang berhubung rapat dengan Allah, hati yang sentiasa sedar terhadap kewujudan dan Uluhiyah Allah yang berkuasa penuh dan tidak pernah teragak-agak untuk meneruskan perjuangan da'wah biarpun bagaimana hebat halangan-halangan di tengah jalan dan biar bagaimana besar kekuatan para Taghut yang menunggu di jalan itu. Justeru itulah hubungan ini disebut di dalam jawapan para rasul - Salawatullahi wasalamu-Hu alayhim - di antara kesedaran mereka terhadap hidayat Allah kepada mereka dengan sikap tawakkal mereka kepada Allah dalam menghadapi ancaman-ancaman yang terbuka dari para Taghut, dan kesanggupan mereka untuk terus berjuang menentang segala ancaman di jalan perjuangan itu.

Hakikat ini, iaitu hakikat hubungan yang wujud di dalam hati orang yang beriman di antara kesedarannya terhadap hidayat Allah kepadanya dengan kesanggupannya bertawakkal kepada benar, adalah satu hakikat yang tidak dapat dirasakan melainkan oleh hati orang-orang yang benar-benar terlibat dalam pergerakan menentang jahiliyah, iaitu hati orang-orang yang benar-benar merasa bahawa tangan hidayat Allah S.W.T. sentiasa membuka lubang-lubang cahaya di mana mereka dapat melihat ufuk-ufuk yang terang, di samping merasa hembusan bayu-bayu iman dan ma'rifat, dan keni'matan kemesraan berdamping dengan Allah. Ketika ini mereka tidak lagi mempedulikan ancaman para Taghut di bumi dan tidak lagi menyambut sebarang godaan dan ugutan. Mereka tetap memandang kecil kepada para Taghut di bumi dan segala alat penindasan dan penyeksaan yang ada di tangan mereka. Apakah lagi yang hendak ditakuti hati yang mempunyai hubungan yang serapat ini dengan Allah? Apakah lagi yang hendak ditakuti mereka dari manusia-manusia yang sama dengan mereka?

وَمَا لَنَآ أَلَّا نَتَوَكَّلَ عَلَى ٱللَّهِ وَقَدْ هَدَىٰنَا سُبُلَنَا

"Dan mengapakah kami tidak bertawakkal kepada Allah, sedangkan Dialah yang telah menunjukkan jalan (yang benar) kepada kami?"(12)

وَلَنَصْبِرَنَّ عَلَىٰ مَآ ءَاذَيْتُمُونَا

"Dan kami tetap akan bersabar terhadap penindasan yang telah dilakukan kamu terhadap kami."(12)

Yakni kami akan tetap tabah dan sabar, kami tidak akan berganjak dan lemah, kami tidak akan undur dan mengaku kalah, kami tidak akan gentar, tidak akan ragu-ragu dan teragak-agak dan kami tidak akan mengaku lemah dan tidak akan menyimpang dari jalan yang benar.

وَعَلَى ٱللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ ٱلْمُتَوَكِّلُونَ ﴿١٢﴾

"Dan hanya kepada Allah hendaklah orang-orang yang bertawakkal itu berserah diri."(12)

Sampai di sini barulah kuasa yang zalim itu menunjukkan mukanya yang sebenar. Dia tidak lagi mengacah untuk berbahas dan berdebat dan tidak lagi berfikir dan menggunakan akalnya, kerana kini dia benar-benar merasa tewas kepada kekuatan 'aqidah. Oleh kerana itu dia terus bertindak menunjukkan kekuatan fizikalnya yang ganas dan kejam dan itulah satu-satunya kekuatan yang dimiliki orang-orang yang zalim dan bermaharajalela:

وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لِرُسُلِهِمْ لَنُخْرِجَنَّكُم مِّنْ
أَرْضِنَآ أَوْ لَتَعُودُنَّ فِى مِلَّتِنَا

"Dan berkatalah orang-orang kafir kepada para rasul mereka: Sesunggahnya kami akan mengusir kamu dari negeri kami atau kamu kembali semula kepada agama kami."(13)

Di sinilah ketaranya hakikat dan tabiat pertarungan di antara jahiliyah dan Islam. Jahiliyah tidak rela Islam mempunyai identiti yang terpisah darinya, jahiliyah tidak sanggup melihat Islam mempunyai kewujudan yang terasing dari kewujudannya. Jahiliyah tidak sanggup hidup bersama Islam walaupun Islam boleh hidup di sampingnya. Oleh sebab itulah Islam pastilah muncul dalam bentuk kelompok yang bergerak dan bebas di bawah satu kepimpinan yang bebas dan kepatuhan yang bebas. Inilah yang tidak sanggup diterima oleh jahiliyah. Oleh kerana itu orang-orang yang tidak percaya kepada rasul-rasul mereka tidak hanya sekadar meminta rasul-rasul itu supaya berhenti berda'wah, malah mereka menuntut rasul-rasul itu supaya pulang semula kepada agama mereka dan bergabung semula di dalam masyarakat jahiliyah itu dan melarutkan diri di dalamnya supaya mereka tidak lagi mempunyai identiti yang tersendiri dan bebas. Tetapi inilah yang ditolak oleh agama Islam dan para rasul-Nya. Justeru itu seseorang Muslim tidak harus menggabungkan dirinya sekali lagi dalam kelompok jahiliyah.

Apabila kekuatan golongan yang zalim itu menunjukkan wajahnya yang garang dan kejam, maka tiada ruang lagi untuk berda'wah dan berhujjah, tetapi Allah tidak akan menyerahkan para rasul-Nya kepada jahiliyah.

Sebenarnya kelompok jahiliyah dengan tabiat strukturnya yang organik tidak akan membenarkan seseorang Muslim pun bergerak di dalam kalangan mereka kecuali orang ini bekerja dan mengorbankan daya tenaga untuk kepentingan kelompok jahiliyah dan untuk menguatkan kedudukannya. Orang-orang yang menyangka bahawa mereka boleh bekerja meninggikan agama Islam dengan cara menyusup ke dalam masyarakat jahiliyah dan menghancurkan diri mereka di dalam organisasi-organisasi dan mekanisme-mekanismenya, maka orang-orang ini adalah orang-orang yang tidak memahami tabiat organik sifat-sifat bagi sesebuah masyarakat, yang memaksa setiap anggota masyarakat itu supaya bekerja untuk kepentingan masyarakat itu bukannya untuk kepentingan agama dan kefahamannya. Justeru itu para rasul yang mulia menolak tuntutan supaya kembali semula ke dalam agama kaum mereka selepas mereka diselamatkan Allah dari kesesatan agama itu.

Sampai di sini barulah kekuatan Ilahi yang agung akan turut campur tangan lalu menurunkan 'azab yang membinasakan mereka, iaitu 'azab yang tidak dapat dihalang oleh kekuatan manusia yang kerdil walaupun mereka penguasa-penguasa yang zalim dan bermaharajalela:

فَأَوْحَىٰٓ إِلَيْهِمْ رَبُّهُمْ لَنُهْلِكَنَّ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٣﴾

"Lalu Allah mewahyukan kepada mereka: Sesungguhnya Kami akan membinasakan orang-orang yang zalim."(13)

وَلَنُسْكِنَنَّكُمُ ٱلْأَرْضَ مِنۢ بَعْدِهِمْ ۚ ذَٰلِكَ
لِمَنْ خَافَ مَقَامِى وَخَافَ وَعِيدِ ﴿١٤﴾

"Dan Kami akan menempatkan kamu mendiami negeri itu selepas mereka. (Janji) itu adalah untuk orang-orang yang takut kepada maqam keagunganKu dan takut kepada janji seksa-Ku."(14)

Kita pastilah memahami bahawa campur tangan kekuatan Ilahi yang agung untuk menyelesaikan pertarungan di antara para rasul dengan kaum mereka adalah selama-lamanya berlaku selepas para rasul itu bertindak berpisah dari kaum mereka, yakni selepas kaum Muslimin bertindak menolak untuk kembali kepada agama kaum mereka setelah mereka diselamatkan Allah dari kesesatannya, dan selepas mereka berdiri teguh mempertahankan identiti agama dan kelompok Islam mereka yang tersendiri yang membezakan mereka dari kaum mereka di bawah kepimpinan mereka yang tersendiri, dan selepas mereka berpisah dari kaum mereka di atas asas 'aqidah. Dengan ini kaum yang satu itu berpecah menjadi dua umat yang berlainan 'aqidah, cara hidup, kepimpinan dan masyarakat. Di waktu inilah sahaja kekuatan Ilahi yang agung turut campur tangan menimpakan pukulan 'azab yang penentu yang membinasakan para Taghut yang mengancam keselamatan para Mu'minin dan memperkukuhkan kedudukan mereka di bumi serta melaksanakan janji Allah yang menjanjikan kemenangan dan kedudukan yang kuat kepada rasul-rasul-Nya. Campur tangan ini tidak akan berlaku andainya orang-orang Islam melarutkan diri mereka di dalam masyarakat jahiliyah dan bekerja di bawah peraturan-peraturan dan organisasi-organisasinya tanpa terpisah dan terbeza darinya dengan mewujudkan satu kelompok pergerakan yang bebas di bawah satu kepimpinan Islamiyah yang bebas.

فَأَوْحَىٰٓ إِلَيْهِمْ رَبُّهُمْ لَنُهْلِكَنَّ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٣﴾

"Lalu Allah mewahyukan kepada mereka: Sesungguhnya Kami akan membinasakan orang-orang yang zalim."(13)

"نون" yang pada kata-kata "لنهلكن" ialah "نون" yang menunjukkan kepada keagungan dan ketegasan. Kedua-duanya memberi bayangan dan nada dalam suasana yang gawat ini. Yakni kami tetap akan membinasakan sekalian orang-orang yang zalim yang mengancam para Mu'minin, iaitu sekalian kaum Musyrikin yang menganiayai diri mereka sendiri, menganiayai kebenaran dan menganiayai para rasul dan orang ramai dengan ancaman-ancaman mereka.

وَلَنُسْكِنَنَّكُمُ ٱلْأَرْضَ مِنۢ بَعْدِهِمْ ۚ

"Dan kami akan menempatkan kamu mendiami negeri itu selepas mereka."(14)

Ini bukannya pilih kasih dan bukannya pula tindakan sembarangan, malah itulah undang-undang Allah yang berkuatkuasa dan adil:

ذَٰلِكَ لِمَنْ خَافَ مَقَامِى وَخَافَ وَعِيدِ ﴿١٤﴾

"(Janji) itu adalah untuk orang-orang yang takut kepada maqam keagungan-Ku dan takut kepada janji seksa-Ku."(14)

Ni'mat penempatan dan menjadi khalifah di bumi itu adalah dikurniakan kepada mereka yang takut kepada kebesaran dan keagungan-Ku, iaitu mereka yang tidak sombong, takbur dan bertindak sewenang-wenang serta takut kepada janji seksa-Ku. Oleh sebab itulah mereka berwaspada dan menjauhi segala sebab-sebabnya, mereka tidak melakukan perbuatan-perbuatan yang merosak di bumi dan tidak pula bertindak menganiayakan manusia dan kerana itu mereka wajar menerima ni'mat menjadi pemerintah di bumi.

Demikianlah bertembungnya kekuatan manusia yang kerdil, iaitu kekuatan orang-orang yang zalim dengan kekuatan Allah Yang Maha Gagah, Maha Kuasa dan Maha Agung. Kini tugas para rasul telah tamat setakat memberi penjelasan dan melakukan pemisahan yang membezakan orang-orang Mu'min dari orang-orang yang mendustakan da'wah.

Di sini golongan orang-orang zalim yang bermaharajalela dengan kekuatan mereka yang lemah itu berdiri dalam satu barisan dan para rasul yang berjuang mengembangkan da'wah dan bersifat rendah diri adalah berdiri dengan kekuatan Allah dalam satu barisan yang lain pula, dan kedua-dua golongan itu masing-masing berdo'a untuk mendapat pertolongan dan kemenangan. Tetapi akibatnya berlaku mengikut peraturan-Nya yang wajar:

وَٱسْتَفْتَحُوا۟ وَخَابَ كُلُّ جَبَّارٍ عَنِيدٍ ﴿١٥﴾
مِّن وَرَآئِهِۦ جَهَنَّمُ وَيُسْقَىٰ مِن مَّآءٍ صَدِيدٍ ﴿١٦﴾
يَتَجَرَّعُهُۥ وَلَا يَكَادُ يُسِيغُهُۥ وَيَأْتِيهِ ٱلْمَوْتُ مِن
كُلِّ مَكَانٍ وَمَا هُوَ بِمَيِّتٍ ۖ وَمِن وَرَآئِهِۦ
عَذَابٌ غَلِيظٌ ﴿١٧﴾

"Dan mereka (Rasul) memohon kemenangan (kepada Allah), maka kecewalah setiap orang yang bermaharaja-lela dan degil."(15) Di belakangnya Neraka Jahannam dan mereka akan diberi minum dari air danur(16). Dia menghirupnya dan hampir-hampir tidak tertelan olehnya dan maut datang mengepunginya dari segenap tempat, tetapi dia tidak juga mati, dan di belakangnya masih ada lagi 'azab yang amat dahsyat."(17)

Pemandangan ini amat menarik. Ia menggambarkan kekecewaan yang menimpa setiap orang zalim yang degil di dunia ini. Tetapi ketika mereka berada di dalam keadaan ini kelihatan pula di belakang mereka gambaran Neraka, di mana mereka berada di dalamnya dan sedang diberi minuman dari air danur yang keluar dari tubuh-tubuh manusia. Mereka diberi minum secara kasar dan mereka menghirupkannya dengan jijik hampir-hampir tidak tertelan olehnya

kerana terlalu kotor dan pahit. Kejijikan mereka kelihatan begitu jelas hingga hampir-hampir kita dapat melihatnya dari celah-celah kata-kata ayat ini. Mereka dikepung maut dari segenap penjuru, tetapi mereka tidak juga mati supaya mereka merasa 'azab itu sepenuhnya dan di belakang mereka ada lagi 'azab yang amat dahsyat.

Itulah pemandangan yang menarik yang menggambarkan kedudukan orang-orang zalim yang kecewa dan kalah dan di belakang mereka ditunjukkan pula nasib kesudahan mereka yang ngeri dan dahsyat. Kata-kata "غليظ" yang bererti "kasar" atau "dahsyat" itu turut serta menjadikan pemandangan ini begitu menakutkan. Ini untuk disesuaikan dengan kekuatan mereka yang zalim yang digunakan untuk mengancam penda'wah-penda'wah yang memperjuangkan kebenaran, kebaikan dan keyakinan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 18 - 20)

Dalam suasana nasib kesudahan yang buruk ini, ayat yang berikut membuat ulasan dalam bentuk satu perbandingan yang menggambarkan keadaan orang-orang yang kafir, juga dalam bentuk menarik perhatian kepada qudrat Allah yang berkuasa menghapuskan para pendusta dan menggantikan mereka dengan angkatan manusia yang baru. Ini dibuat sebelum ayat-ayat selanjutnya menayangkan pemandangan-pemandangan cerita mereka di Akhirat setelah tirai dilabuhkan menutup babaknya yang akhir di bumi ini dan menunjukkan alam Akhirat:

مَّثَلُ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ بِرَبِّهِمْۖ أَعۡمَٰلُهُمۡ كَرَمَادٍ ٱشۡتَدَّتۡ بِهِ ٱلرِّيحُ فِي يَوۡمٍ عَاصِفٍۖ لَّا يَقۡدِرُونَ مِمَّا كَسَبُواْ عَلَىٰ شَيۡءٍۚ ذَٰلِكَ هُوَ ٱلضَّلَٰلُ ٱلۡبَعِيدُ ﴿١٨﴾

"Perbandingan amalan orang-orang yang kafir terhadap Tuhan mereka samalah dengan abu-abu yang ditiup angin yang kuat pada hari ribut yang kencang. Mereka tidak memperolehi sesuatu apa dari amalan-amalan yang diusahakan mereka. Itulah suatu kesesatan yang amat jauh."(18)

Pemandangan abu-abu yang ditiupkan angin pada hari ribut yang amat kencang merupakan satu pemandangan biasa yang dilihat umum. Ayat ini menggunakan pemandangan ini untuk menjelaskan konsep kesesiaan amalan, iaitu amalan-amalan itu adalah sia-sia dan hilang percuma tidak dapat dipegang dan dimanfa'atkan oleh tuan-tuannya. Konsep ini digambarkan dengan jelas di dalam sebuah pemandangan ribut yang bergerak kencang. Pemandangan ini dapat menggerakkan perasaan-perasaan manusia yang tidak dapat digerakkan oleh ungkapan mental sahaja untuk menggambarkan kesesiaan dan kehilangan amalan dengan percuma.

Pemandangan ini mengandungi hakikat amalan-amalan orang-orang kafir yang sebenar, iaitu amalan-amalan yang tidak berpijak di atas landasan keimanan dan tidak diikat dengan tali iman yang kukuh yang menghubungkan amalan itu dengan motif yang menggerakkannya dengan Allah, maka amalan itu akan berkecai dan bertaburan seperti debu-debu dan abu-abu yang tidak mantap dan berperaturan. Yang dipegang bukannya amalan, tetapi motif amalan itu. Amalan itu hanya merupakan satu gerakan automatik sahaja, di mana manusia tidak berbeza dari alat melainkan dengan adanya motif, kehendak dan matlamat.

Demikianlah pemandangan ini bertemu dengan hakikat yang amat mendalam. Ia menyampaikan konsep hakikat ini dengan cara yang amat menarik. Kemudian pemandangan dan hakikat ini bertemu pula dengan kata-kata kesimpulan berikut:

ذَٰلِكَ هُوَ ٱلضَّلَٰلُ ٱلۡبَعِيدُ ﴿١٨﴾

"Itulah suatu kesesatan yang amat jauh."(18)

Itulah kata-kata kesimpulan yang secucuk dengan bayangan abu-abu yang berterbangan pada hari ribut yang kencang, iaitu ia diterbangkan angin begitu jauh.

Kemudian kata-kata kesimpulan itu bersama-sama dengan pemandangan abu-abu yang berterbangan secucuk pula dengan bayangan yang terkandung di dalam ayat yang berikut, di mana Al-Qur'an mengalihkan pembicaraannya dari pemandangan golongan pendusta-pendusta zaman lampau kepada golongan pendusta-pendusta kaum Quraysy (zaman sekarang), di mana ia mengancamkan mereka dengan penghapusan mereka dari dunia dan membawa angkatan kaum yang baru sebagai ganti mereka:

أَلَمۡ تَرَ أَنَّ ٱللَّهَ خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضَ بِٱلۡحَقِّۚ إِن يَشَأۡ يُذۡهِبۡكُمۡ وَيَأۡتِ بِخَلۡقٖ جَدِيدٖ ﴿١٩﴾ وَمَا ذَٰلِكَ عَلَى ٱللَّهِ بِعَزِيزٖ ﴿٢٠﴾

"Tidakkah kamu melihat bahawa Allah telah menciptakan langit dan bumi dengan (hikmat) yang benar? Jika Dia kehendaki Dia berkuasa menghapuskan kamu dan mengadakan angkatan manusia yang baru(19). Semuanya itu tidak sukar kepada Allah."(20)

Perpindahan dari pembicaraan mengenai keimanan dan kekufuran, dari persoalan para rasul dan golongan jahiliyah kepada pembicaraan mengenai pemandangan-pemandangan langit dan bumi adalah suatu perpindahan yang biasa dalam methodologi penerangan Al-Qur'an di samping merupakan perpindahan biasa di dalam perasaan-perasaan fitrah

manusia yang membuktikan bahawa methodologi Al-Qur'an ini adalah suatu methodologi Rabbani.

Sebenarnya hubungan di antara fitrah manusia dengan alam buana ini mempunyai bahasa rahsia yang dapat difahami. Fitrah manusia secara langsung bertemu dengan rahsia yang tersembunyi di sebalik alam buana ini sebaik sahaja ia memikirkannya dan menerima nada dan makna-maknanya.

Orang-orang yang melihat alam buana ini kemudian fitrah mereka tidak dapat mendengar nada-nada dan saranan-saranannya, maka mereka adalah individu-individu yang mempunyai fitrah yang lumpuh. Alat-alat penerima semulajadi telah rosak di dalam jiwa mereka. Ia adalah sama dengan pancaindera yang lumpuh dengan sebab menghidapi sesuatu penyakit. Ia sama dengan mata yang ditimpa buta, telinga yang ditimpa tuli dan lidah yang ditimpa bisu. Mereka merupakan alat-alat yang rosak yang tidak layak untuk menerima perutusan Allah dan lebih tidak layak lagi untuk memegang teraju kepimpinan. Termasuk dalam golongan ini ialah ahli-ahli fakir kebendaan yang menamakan aliran fikiran mereka sebagai "aliran-aliran ilmiyah" secara bohong dan dusta. Ilmu yang sebenar tidak sesuai dengan manusia yang telah rosak alat penerima semulajadinya dan rosak alat perhubungan insaniyahnya dengan seluruh alam buana. Merekalah orang-orang yang digelarkan Al-Qur'an sebagai orang-orang yang buta dan sudah tentu kehidupan insaniyah tidak boleh ditegakkan di atas satu aliran pemikiran atau satu sistem yang difikir oleh orang-orang buta.

Kejadian langit dan bumi yang diciptakan dengan hikmat yang benar itu membayangkan qudrat ilahi di samping membayangkan keteguhan sesuatu yang benar, kerana sesuatu yang benar tetap teguh dan mantap hingga pada bunyi kata-katanya ini sendiri iaitu "الحق". Gambaran ini untuk ditandingkan dengan gambaran abu-abu yang berterbangan jauh, juga dengan gambaran kesesatan yang jauh. Dalam sorotan cahaya yang menyuluh nasib kesudahan orang-orang kafir yang degil dan zalim di dalam pertarungan di antara kebenaran dan kebatilan itu, Al-Qur'an mengancam mereka:

إِن يَشَأْ يُذْهِبْكُمْ وَيَأْتِ بِخَلْقٍ جَدِيدٍ ﴿١٩﴾

"Jika Dia kehendaki Dia berkuasa menghapuskan kamu dan mengadakan angkatan manusia yang baru."(19)

Maksudnya, Allah yang berkuasa menciptakan langit dan bumi adalah berkuasa pula menggantikan satu bangsa dengan satu bangsa yang lain dan menggantikan satu kaum dengan satu kaum yang lain dari kaum-kaum bangsa itu. Bayangan penghapusan kaum itu dari jauh adalah secucuk dengan banyangan abu-abu yang berterbangan menuju kehapusan.

وَمَا ذَٰلِكَ عَلَى ٱللَّهِ بِعَزِيزٍ ﴿٢٠﴾

"Semuanya itu tidak sukar bagi Allah."(20)

Ini disaksikan oleh Penciptaan langit dan bumi, disaksikan oleh kebinasaan para pendusta di zaman silam dan disaksikan oleh debu-debu yang berterbangan jauh.

Bukankah ini suatu penerangan yang berdaya mu'jizat dalam menyusun pemandangan-pemandangan, gambaran-gambaran dan bayangan-bayangan di dalam Al-Qur'an.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 21 - 23)

Pemimpin-pemimpin Anti Para Rasul, Syaitan Dan Pengikut-pengikut Mereka Bersemuka Di Padang Mahsyar

Kemudian kita meningkat ke satu ufuk lagi dari ufuk-ufuk penerangan Al-Qur'an yang mu'jiz dalam cara mengemukakan gambaran, penyampaian dan penyelarasan. Baru sekejap tadi kita berada bersama-sama orang-orang yang zalim dan degil yang telah menemui kegagalan dan kekecewaan. Mereka digambarkan berada di dalam Neraka di belakang mereka, sedangkan mereka masih berada di dunia. Kini kita dapati mereka sedang berada di sana apabila ayat-ayat berikut meneruskan langkah-langkahnya menceritakan cerita yang amat besar itu, iaitu cerita umat manusia dengan para rasul-Nya di dalam adegan yang terakhir. Itulah suatu pemandangan Qiamat yang amat menarik, penuh dengar harakat, penuh dengan emosi dan penuh dengan dialog di antara orang-orang yang lemah dengan orang-orang yang bongkak dan di antara syaitan dengan mereka sekalian:

وَبَرَزُوا۟ لِلَّهِ جَمِيعًا فَقَالَ ٱلضُّعَفَٰٓؤُا۟ لِلَّذِينَ
ٱسْتَكْبَرُوٓا۟ إِنَّا كُنَّا لَكُمْ تَبَعًا فَهَلْ أَنتُم مُّغْنُونَ
عَنَّا مِنْ عَذَابِ ٱللَّهِ مِن شَىْءٍ ۚ قَالُوا۟ لَوْ هَدَىٰنَا ٱللَّهُ
لَهَدَيْنَٰكُمْ ۖ سَوَآءٌ عَلَيْنَآ أَجَزِعْنَآ أَمْ صَبَرْنَا مَا
لَنَا مِن مَّحِيصٍ ﴿٢١﴾
وَقَالَ ٱلشَّيْطَٰنُ لَمَّا قُضِىَ ٱلْأَمْرُ إِنَّ ٱللَّهَ وَعَدَكُمْ
وَعْدَ ٱلْحَقِّ وَوَعَدتُّكُمْ فَأَخْلَفْتُكُمْ ۖ وَمَا
كَانَ لِىَ عَلَيْكُم مِّن سُلْطَٰنٍ إِلَّآ أَن دَعَوْتُكُمْ
فَٱسْتَجَبْتُمْ لِى ۖ فَلَا تَلُومُونِى وَلُومُوٓا۟ أَنفُسَكُم ۖ مَّآ أَنَا۠
بِمُصْرِخِكُمْ وَمَآ أَنتُم بِمُصْرِخِىَّ ۖ إِنِّى كَفَرْتُ
بِمَآ أَشْرَكْتُمُونِ مِن قَبْلُ ۗ إِنَّ ٱلظَّٰلِمِينَ لَهُمْ

عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٢٢﴾
وَأُدْخِلَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ جَنَّٰتٍ
تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَا بِإِذْنِ رَبِّهِمْ ۖ
تَحِيَّتُهُمْ فِيهَا سَلَٰمٌ ﴿٢٣﴾

"Dan seluruh mereka muncul mengadap Allah lalu berkatalah pengikut-pengikut yang lemah kepada (pemimpin-pemimpin) yang angkuh: Sesungguhnya kami adalah pengikut-pengikut kamu. Oleh itu dapatkah kamu menghindarkan dari kami sesuatu dari 'azab Allah? Jawab mereka: Jika Allah telah memberi hidayat kepada kami tentulah kami dapat memberi hidayat kepada kamu, (sekarang ini) sama sahaja bagi kita sama ada kita berdukacita atau bersabar, kita tidak mempunyai sebarang tempat pelarian lagi(21). Dan berkatalah syaitan setelah selesainya urusan (hisab): Sesungguhnya Allah telah menjanjikan kamu dengan janji yang benar dan aku juga telah menjanjikan kamu, tetapi aku telah memungkirinya. Sebenarnya aku tidak mempunyai kuasa di atas kamu, melainkan sekadar menyeru kamu lalu kamu menyambut seruanku. Oleh sebab itu janganlah kamu menyalahkan diriku, tetapi salahkanlah diri kamu sendiri. Sebenarnya aku tidak dapat menjerit meminta pertolongan kamu dan kamu juga tidak dapat menjerit meminta pertolonganku. Sebenarnya dari dahulu lagi aku telah mengingkarkan perbuatan kamu yang telah mempersekutukan aku dengan Allah. Sesungguhnya orang-orang yang zalim akan memperolehi 'azab yang amat pedih(22). Dan orang-orang yang beriman dan mengelakan amalan yang soleh dimasukkan ke dalam Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya aneka sungai, di mana mereka hidup kekal abadi dengan izin Allah. Ucapan penghormatan kepada mereka ialah ucapan salam."(23)

Kini cerita da'wah dan para rasul, cerita para pendusta dan orang-orang yang zalim telah berpindah dari pentas dunia ke pentas Akhirat.

وَبَرَزُوا۟ لِلَّهِ جَمِيعًا

"Dan seluruh mereka muncul mengadap Allah."(21)

Yakni seluruh orang-orang zalim yang mendustakan para rasul dan turut bersama mereka ialah syaitan, para pengikut mereka dari orang-orang yang lemah dan hina-dina serta juga seluruh orang-orang yang beriman kepada para rasul dan risalah-risalah yang dibawa mereka adalah muncul untuk mengadap Allah. Seluruh mereka muncul dengan keadaan terdedah. Sebenarnya mereka sentiasa terdedah kepada Allah, tetapi di waktu ini mereka benar-benar merasa bahawa diri mereka terdedah bulat-bulat tiada sebarang hijab dan tiada sebarang tabir yang melindungi mereka, dan tiada sebarang pelindung yang melindungi mereka. Seluruh mereka muncul dan memenuhi lapangan Mahsyar, kemudian tirai disingkap dan dialog pun bermula:

فَقَالَ ٱلضُّعَفَٰٓؤُا۟ لِلَّذِينَ ٱسْتَكْبَرُوٓا۟ إِنَّا كُنَّا لَكُمْ
تَبَعًا فَهَلْ أَنتُم مُّغْنُونَ عَنَّا مِنْ عَذَابِ ٱللَّهِ مِن شَىْءٍ ۚ

"Lalu berkatalah pengikut-pengikut yang lemah kepada (pemimpin-pemimpin) yang angkuh: Sesungguhnya kami adalah pengikut-pengikut kamu. Oleh itu dapatkah kamu menghindarkan dari kami sesuatu dari 'azab Allah?"(21)

Orang-orang yang lemah itu tetap orang-orang yang lemah. Mereka telah menolak anugerah Allah yang paling istimewa kepada manusia apabila mereka menyerah kebebasan peribadi mereka, iaitu kebebasan berfikir, beri'tikad dan memilih arah tujuan sendiri. Mereka telah menjadikan diri mereka pak turut-pak turut kepada pemimpin-pemimpin yang bongkak dan zalim. Mereka menyerahkan kepatuhan dan ketaatan mereka kepada yang lain dari Allah, iaitu kepada sesama manusia yang menjadi hamba-hamba Allah. Mereka mengutamakan ketaatan kepada mereka dari keta'atan kepada Allah. Kelemahan itu bukannya alasan untuk kemaafan, malah kelemahan itulah suatu jenayah, kerana Allah tidak pernah menyuruh sesiapa pun menjadi lemah. Allah menyeru seluruh manusia supaya berlindung di bawah naungan-Nya, merasa bangga, mulia dan kuat dengan perlindungan-Nya, kerana seluruh kemuliaan dan kekuatan itu adalah milik Allah belaka. Begitu juga Allah tidak pernah menyuruh sesiapa pun supaya menyerah dengan sukarela hak kebebasan peribadinya, iaitu suatu hak istimewanya yang menjadi asas kemuliaan dan kehormatan dirinya, atau menyerah dengan terpaksa. Biar bagaimanapun besarnya kekuatan kebendaan itu, namun kekuatan itu tidak dapat memperhambakan seseorang manusia yang mahu bebas dan mahu mempertahankan kehormatannya sebagai manusia. Apa yang dapat dilakukan oleh kekuatan kebendaan itu ialah memiliki jasadnya sahaja iaitu menindas, menyeksa, merantai dan menyumbatkannya ke dalam penjara. Tetapi jiwa dan akalnya, maka tiada siapa pun yang dapat memenjara dan menundukkannya kecuali tuannya sendiri rela menyerahkannya untuk dipenjara dan dihina.

Siapakah yang boleh menjadikan orang-orang yang lemah itu pak turut-pak turut pemimpin-pemimpin yang bongkak di dalam bidang 'aqidah, pemikiran dan perilaku? Siapakah yang boleh menjadikan orang-orang yang lemah itu memberi keta'atan dan kepatuhan mereka kepada yang lain dari Allah, sedangkan (mereka tahu) Allah itu Pencipta mereka, Pemberi rezeki dan memelihara mereka bukannya orang lain? Tiada siapa pun yang boleh berbuat begitu selain dari jiwa mereka yang lemah itu sendiri. Jadi yang Sebenarnya mereka lemah bukannya kerana mereka mempunyai kekuatan kebendaan yang lebih kecil dari penguasa-penguasa yang zalim dan bukannya kerana mereka mempunyai kedudukan, harta kekayaan, jawatan dan pangkat kebesaran yang lebih kecil, tidak! Kerana semuanya ini adalah ciri-ciri luaran yang tidak penting dan tidak dapat dihitung sebagai kelemahan yang memberi sifat

lemah kepada orang-orang yang lemah, malah Sebenarnya mereka lemah kerana kelemahan itu bersarang di dalam jiwa mereka, di dalam hati mereka, dalam maruah mereka dan dalam perasaan bangga mereka terhadap ciri yang paling istimewa pada manusia.

Jumlah orang-orang yang lemah itu memang ramai, sedangkan jumlah para Taghut itu adalah sedikit. Oleh itu siapakah yang menundukkan jumlah yang ramai kepada jumlah yang kecil? Siapakah gerangannya yang menundukkan mereka? Sebenarnya yang menundukkan mereka ialah kelemahan jiwa, keruntuhan semangat, kekurangan maruah, kekalahan dalaman yang sanggup menyerah kehormatan yang dikurniakan Allah kepada manusia.

Para Taghut tidak dapat menghinakan orang ramai kecuali dengan keinginan orang ramai itu sendiri. Orang ramai selama-lamanya kuat untuk menentang para Taghut jika mereka mahu. Hanya kemahuan yang keras sahaja yang dapat mengurangkan jumlah para Taghut.

Kehinaan itu adalah terbit dari kesediaan hati orang-orang yang lemah untuk menerima kehinaan. Kesediaan hati mereka untuk menerima kehinaan itulah yang digunakan oleh para Taghut.

Di atas pentas Akhirat orang-orang yang lemah dengan kelemahan diri dan semangat pak turut mereka telah bertanya kepada pemimpin-pemimpin mereka yang angkuh:

إِنَّا كُنَّا لَكُمْ تَبَعًا فَهَلْ أَنتُم مُّغْنُونَ عَنَّا مِنْ عَذَابِ اللَّهِ مِن شَيْءٍ

"Sesungguhnya kami adalah pengikut-pengikut kamu. Oleh itu dapatkah kamu menghindarkan dari kami sesuatu dari 'azab Allah."(21)

Maksudnya, dahulu kami telah mengikut kamu dan akibatnya kami memperolehi nasib kesudahan yang amat pedih ini.

Mereka barangkali telah melihat 'azab itu lalu timbul keinginan mereka untuk mencela pemimpin-pemimpin yang angkuh itu yang telah memimpin mereka ini dan mendedahkan mereka kepada 'azab itu. Ayat ini mengisahkan perkataan mereka yang penuh membayangkan rasa hina dan rendah diri mereka, tetapi pertanyaan itu dijawab oleh pemimpin-pemimpin yang angkuh itu:

قَالُوا لَوْ هَدَانَا اللَّهُ لَهَدَيْنَاكُمْ ۖ سَوَاءٌ عَلَيْنَا أَجَزِعْنَا أَمْ صَبَرْنَا مَا لَنَا مِن مَّحِيصٍ ﴿٢١﴾

"Jawab mereka: Jika Allah telah memberi hidayat kepada kami tentulah kami dapat memberi hidayat kepada kamu, (sekarang ini) sama sahaja bagi kita sama ada kita berdukacita atau bersabar, kita tidak mempunyai sebarang tempat pelarian lagi."(21)

Jawapan ini membayangkan perasaan marah dan bosan:

لَوْ هَدَانَا اللَّهُ لَهَدَيْنَاكُمْ ۖ

"Jika Allah telah memberi hidayat kepada kami tentulah kami dapat memberi hidayat kepada kamu."(21)

Maksudnya, atas alasan apa kamu hendak menyalahkan kami, kami dan kamu adalah sejalan dan sama menuju ke nasib kesudahan yang sama? Kami tidak mendapat hidayat, kerana itu kami menyesatkan kamu, dan andainya Allah telah memberi hidayat kepada kami tentulah kami telah memimpin kamu kepada hidayat bersama-sama kami, samalah seperti dulu kami telah mempimpin kamu kepada kesesatan kerana kami sesat. Mereka memulangkan hidayat dan kesesatan mereka kepada Allah. Baru di sa'at ini mereka mengakui kekuasaan Allah, sedangkan sebelum ini mereka mengingkari Allah dan mengingkari hari Qiamat, mereka berlagak begitu angkuh dan sombong terhadap orang-orang yang lemah seolah-olah mereka tidak memperhitungkan qudrat Allah Yang Maha Kuasa dan Maha Gagah Perkasa. Kini mereka melarikan diri dari tanggungjawab kesesatan dan menyesatkan orang lain dengan memulangkan perkara itu kepada Allah, sedangkan Allah tidak pernah menyuruh manusia memilih kesesatan sebagaimana firman-Nya:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَأْمُرُ بِالْفَحْشَاءِ ۖ

"Sesungguhnya Allah tidak sekali-kali menyuruh berbuat kejahatan."

(Surah al-A'raf: 28)

Mereka secara halus mencela orang-orang yang lemah. Mereka mengatakan kepada mereka tidak berguna cemas dan bersedih lagi sebagaimana tidak bergunanya bersabar, kerana hukuman 'azab telah ditetapkan Allah dan tiada apa pun yang dapat menolak 'azab itu sama ada bersedih atau bersabar. Masa telah luput, di mana kedukacitaan terhadap 'azab itu berguna untuk mengembalikan orang-orang yang sesat kepada hidayat dan di mana kesabaran menanggung kesusahan itu berguna untuk mendapatkan rahmat Allah, (tetapi sekarang) segala-galanya telah berakhir dan tidak ada lagi tempat untuk melari dan melindungkan diri:

سَوَاءٌ عَلَيْنَا أَجَزِعْنَا أَمْ صَبَرْنَا مَا لَنَا مِن مَّحِيصٍ ﴿٢١﴾

"Sama sahaja bagi kita sama ada kita berdukacita atau bersabar, kita tidak mempunyai sebarang tempat pelarian lagi."(21)

Kini urusan (hisab) telah selesai, perdebatan telah selesai dan dialog telah tamat. Di sini kita melihat ada sesuatu yang menarik di atas pentas. Kita melihat sang syaitan penipu dan penghasut besar itu berpakaian seperti para kahin atau berpakaian syaitan sendiri, dia mengelirukan seluruh mereka, iaitu orang-orang yang lemah dan pemimpin-pemimpin yang

angkuh dengan mengeluarkan sebuah pernyataan yang lebih menyeksakan mereka dari 'azab itu sendiri:

وَقَالَ ٱلشَّيۡطَٰنُ لَمَّا قُضِيَ ٱلۡأَمۡرُ إِنَّ ٱللَّهَ وَعَدَكُمۡ وَعۡدَ ٱلۡحَقِّ وَوَعَدتُّكُمۡ فَأَخۡلَفۡتُكُمۡۖ وَمَا كَانَ لِيَ عَلَيۡكُم مِّن سُلۡطَٰنٍ إِلَّآ أَن دَعَوۡتُكُمۡ فَٱسۡتَجَبۡتُمۡ لِيۖ فَلَا تَلُومُونِي وَلُومُوٓاْ أَنفُسَكُمۖ مَّآ أَنَا۠ بِمُصۡرِخِكُمۡ وَمَآ أَنتُم بِمُصۡرِخِيَّ إِنِّي كَفَرۡتُ بِمَآ أَشۡرَكۡتُمُونِ مِن قَبۡلُۗ إِنَّ ٱلظَّٰلِمِينَ لَهُمۡ عَذَابٌ أَلِيمٞ ﴿٢٢﴾

"Dan berkatalah syaitan setelah selesainya urusan (hisab): Sesungguhnya Allah telah menjanjikan kamu dengan janji yang benar dan aku juga telah menjanjikan kamu, tetapi aku telah memungkirinya. Sebenarnya aku tidak mempunyai kuasa di atas kamu, melainkan sekadar menyeru kamu lalu kamu menyambut seruanku. Oleh sebab itu janganlah kamu menyalahkan diriku, tetapi salahkanlah diri kamu sendiri. Sebenarnya aku tidak dapat menjerit meminta pertolongan kamu dan kamu juga tidak dapat menjerit meminta pertolonganku. Sebenarnya dari dahulu lagi aku telah mengingkarkan perbuatan kamu yang telah mempersekutukan aku dengan Allah. Sesungguhnya orang-orang yang zalim akan memperolehi 'azab yang amat pedih."(22)

Ya Allah! Sang syaitan ini sungguh syaitan! Peribadi kesyaitanannya benar-benar jelas kelihatan di sini, sebagaimana jelasnya sifat keperibadian orang-orang yang lemah dan sifat keperibadian pemimpin-pemimpin yang bongkak di dalam dialog ini.

Itulah syaitan yang membisik kejahatan-kejahatan di dalam hati manusia, menghasut mereka melakukan maksiat, mendandankan kekufuran dan menghalangi mereka dari mendengar da'wah Allah. Dia mengeluarkan kata-kata yang menikam mereka, kata-kata yang tidak dapat dijawab oleh mereka kerana segala-galanya telah selesai. Dia berkata kepada mereka setelah terluput waktunya:

إِنَّ ٱللَّهَ وَعَدَكُمۡ وَعۡدَ ٱلۡحَقِّ وَوَعَدتُّكُمۡ فَأَخۡلَفۡتُكُمۡۖ

"Sesungguhnya Allah telah menjanjikan kamu dengan janji yang benar, dan aku juga telah menjanjikan kamu, tetapi aku telah memungkirinya."(22)

Kemudian dia menikam mereka sekali lagi dengan menyalahkan mereka kerana menyambut seruan-seruannya, sedangkan dia tidak mempunyai apa-apa kuasa terhadap mereka, malah mereka sendiri yang telah mengabaikan syakhsiyah mereka dan melupakan sejarah permusuhan lama di antara mereka dengan syaitan. Oleh kerana itu mereka menyahut seruannya yang batil dan meninggalkan seruan Allah yang benar:

وَمَا كَانَ لِيَ عَلَيۡكُم مِّن سُلۡطَٰنٍ إِلَّآ أَن دَعَوۡتُكُمۡ فَٱسۡتَجَبۡتُمۡ لِيۖ

"Sebenarnya aku tidak mempunyai kuasa di atas kamu, melainkan sekadar menyeru kamu lalu kamu menyambut seruanku."(22)

Kemudian dia terus mencela mereka dan menyuruh mereka supaya menyalahkan diri sendiri kerana menyambut seruannya:

فَلَا تَلُومُونِي وَلُومُوٓاْ أَنفُسَكُمۖ

"Oleh sebab itu janganlah kamu menyalahkan diriku, tetapi salahkanlah diri kamu sendiri."(22)

Kemudian dia meninggal mereka dan melepaskan diri dari mereka, sedangkan dulunya dialah yang memberi janji-janji yang muluk kepada mereka dan membisikkan kepada mereka bahawa tiada siapa yang dapat mengatasi mereka. Kini dia tidak akan menyahut panggilan mereka jika mereka meminta pertolongan sebagaimana mereka tidak akan dapat menolongnya jika dia meminta pertolongan dari mereka:

مَّآ أَنَا۠ بِمُصۡرِخِكُمۡ وَمَآ أَنتُم بِمُصۡرِخِيَّ

"Sebenarnya aku tidak dapat menjerit meminta pertolongan kamu dan kamu juga tidak dapat menjerit meminta pertolonganku."(22)

Yakni di antara kita sekarang tidak ada apa-apa hubungan kesetiaan lagi.

Kemudian dia melepaskan dirinya dari tanggungjawab perbuatan mereka yang mensyirikkannya dengan Allah dan dia mengingkarkan perbuatan itu:

إِنِّي كَفَرۡتُ بِمَآ أَشۡرَكۡتُمُونِ مِن قَبۡلُۗ

"Sebenarnya dari dahulu lagi aku telah mengingkarkan perbuatan kamu yang telah mempersekutukan aku dengan Allah."(22)

Dan pada akhirnya dia mengakhirkan khutbah syaitaniyahnya dengan kata pemutus yang dilakukannya ke atas pengikut-pengikut setianya:

إِنَّ ٱلظَّٰلِمِينَ لَهُمۡ عَذَابٌ أَلِيمٞ ﴿٢٢﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang zalim akan memperolehi 'azab yang amat pedih."(22)

Alangkah licinnya tipu daya syaitan! Alangkah lihainya penaung mereka yang menyeru mereka kepada kesesatan lalu disambut mereka dengan patuh, sedangkan rasul-rasul menyeru mereka kepada

Allah, tetapi mereka mendustakannya dan mengingkarkan Allah.

Sebelum tirai dilabuh, kita melihat di tebing sebelah lagi angkatan umat Mu'minin yang mendapat kejayaan dan keselamatan:

وَأُدْخِلَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ جَنَّٰتٍ
تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَا بِإِذْنِ رَبِّهِمْ ۖ
تَحِيَّتُهُمْ فِيهَا سَلَٰمٌ ﴿٢٣﴾

"Dan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh dimasukkan ke dalam Syurga- syurga yang mengalir di bawahnya aneka sungai, di mana mereka hidup kekal abadi dengan izin Allah. Ucapan penghormatan kepada mereka ialah ucapan salam."(23)

Alangkah hebatnya pemandangan ini dan alangkah indahnya kesudahan cerita da'wah dan cerita para rasul dengan para pendusta dan para penguasa yang zalim:

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 24 - 27)

Dalam suasana cerita ini dengan segala babaknya di dunia, kita dapat melihat angkatan para rasul berdiri menentang umat-umat jahiliyah yang zalim.

وَٱسْتَفْتَحُوا۟ وَخَابَ كُلُّ جَبَّارٍ عَنِيدٍ ﴿١٥﴾
مِّن وَرَآئِهِۦ جَهَنَّمُ وَيُسْقَىٰ مِن مَّآءٍ صَدِيدٍ ﴿١٦﴾
يَتَجَرَّعُهُۥ وَلَا يَكَادُ يُسِيغُهُۥ وَيَأْتِيهِ ٱلْمَوْتُ مِن
كُلِّ مَكَانٍ وَمَا هُوَ بِمَيِّتٍ ۖ وَمِن وَرَآئِهِۦ
عَذَابٌ غَلِيظٌ ﴿١٧﴾

"Dan mereka (rasul-rasul) memohon kemenangan (kepada Allah), maka kecewalah setiap orang yang bermaharajalela dan degil(15). Di belakangnya Neraka Jahannam dan mereka diberi minum dari air danur(16). Dia menghirupnya dan hampir-hampir tidak tertelan olehnya dan maut datang mengepunginya dari segenap tempat, tetapi dia tidak juga mati, dan di belakangnya masih ada lagi 'azab yang amat dahsyat."(17)

Dan di Akhirat pula, kita melihat satu pemandangan yang unik, iaitu pemandangan pemimpin-pemimpin yang angkuh, pengikut-pengikut yang lemah dan sang syaitan sedang bercakap-cakap dalam satu dialog yang amat menarik.

Dalam suasana cerita ini dan cerita nasib kesudahan umat yang baik dan golongan manusia yang jahat, Allah mengemukakan suatu perbandingan di antara kalimat yang baik dengan kalimat yang buruk untuk menggambarkan undang-undang-Nya yang berlaku perbuatan yang baik dan perbuatan yang buruk dalam hidup dunia ini. Dan perbandingan ini merupakan seolah-olah kata-kata ulasan pencerita terhadap cerita itu setelah dilabuhkan tirainya:

Makna Perbandingan Kalimat Yang Baik Dengan Kalimat Yang Buruk

أَلَمْ تَرَ كَيْفَ ضَرَبَ ٱللَّهُ مَثَلًا كَلِمَةً طَيِّبَةً كَشَجَرَةٍ
طَيِّبَةٍ أَصْلُهَا ثَابِتٌ وَفَرْعُهَا فِى ٱلسَّمَآءِ ﴿٢٤﴾
تُؤْتِىٓ أُكُلَهَا كُلَّ حِينٍۭ بِإِذْنِ رَبِّهَا ۗ وَيَضْرِبُ ٱللَّهُ
ٱلْأَمْثَالَ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ﴿٢٥﴾
وَمَثَلُ كَلِمَةٍ خَبِيثَةٍ كَشَجَرَةٍ خَبِيثَةٍ ٱجْتُثَّتْ
مِن فَوْقِ ٱلْأَرْضِ مَا لَهَا مِن قَرَارٍ ﴿٢٦﴾
يُثَبِّتُ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ بِٱلْقَوْلِ ٱلثَّابِتِ فِى ٱلْحَيَوٰةِ
ٱلدُّنْيَا وَفِى ٱلْءَاخِرَةِ ۖ وَيُضِلُّ ٱللَّهُ ٱلظَّٰلِمِينَ ۚ
وَيَفْعَلُ ٱللَّهُ مَا يَشَآءُ ﴿٢٧﴾

"Apakah engkau tidak berfikir bagaimana Allah membuat satu perbandingan, iaitu kalimat yang baik itu laksana pokok yang baik, akar umbinya teguh dan dahan-dahannya menjulang ke langit(24). Ia mengeluarkan buah-buahnya setiap masa dengan keizinan Tuhannya. Allah membuat perbandingan-perbandingan itu untuk manusia supaya mereka berfikir(25). Dan perbandingan kalimat yang buruk itu adalah laksana pokok yang buruk yang telah dicabut akar umbinya dari permukaan bumi. Ia tidak mempunyai apa-apa keteguhan lagi(26). Allah meneguhkan pendirian orang-orang yang beriman itu dengan ucapan yang teguh dalam kehidupan dunia dan di Akhirat dan Allah menyesatkan orang-orang yang zalim dan Allah melakukan apa sahaja yang dikehendakiNya.(27)

Pemandangan kalimat yang baik itu sama seperti pokok yang baik, akar umbinya teguh dan dahan-dahannya menjulang ke langit, dan kalimat yang buruk itu sama seperti pokok yang buruk yang telah dicabut akar umbinya dari permukaan bumi menyebabkan pokok itu tidak mempunyai apa-apa keteguhan lagi itu adalah suatu pemandangan yang diambil dari suasana penerangan ayat-ayat dan dari cerita para Anbia' dan para pendusta dan khususnya dari cerita nasib kesudahan kedua-dua golongan itu. Di sini gambaran pokok nubuwwah dan bayangan Ibrahim a.s. bapa para Anbia' memayungi pokok itu adalah amat jelas. Pokok nubuwwah ini mengeluarkan sebiji buahan segar yang baik di setiap zaman, iaitu ia melahirkan seorang nabi dari para Anbia' (yang membuahkan) keimanan, kebaikan dan kesegaran.

Tetapi perbandingan-perbandingan ini di samping ia bersesuaian dengan suasana surah dan suasana cerita mempunyai ufuk-ufuk yang lebih jauh, ruang-ruang

yang lebih luas dan hakikat yang lebih mendalam dari ini semua.

Kalimat yang baik, iaitu kalimat yang benar adalah laksana pokok yang baik yang berdiri tegak, teguh dan berbuah. Keteguhannya tidak dapat digoncang angin ribut, tidak dapat dilanda badai kebatilan, tidak lut dimakan cangkul kezaliman, walaupun pada perasaan setengah-setengah orang pokok ini kadang-kadang terdedah kepada bahaya yang boleh menghapuskannya. Kalimat yang benar itu tetap tersergam tinggi. Ia melihat kejahatan dan kezaliman dari tempat yang atas walaupun kadang-kadang pada perasaan setengah-setengah orang, pokok itu akan dilanggar kalimat yang jahat di ruang angkasa. Pokok itu sentiasa berbuah dan tidak putus buahnya kerana benih-benihnya tumbuh di dalam hati manusia yang semakin bertambah banyak dari satu masa ke satu masa.

Kalimat yang buruk iaitu kalimat yang batil adalah laksana pokok yang buruk, yang kadang-kadang kelihatan subur meninggi dan merimbun hingga pada perasaan setengah-setengah orang ia kelihatan lebih besar dan lebih tegak dari pokok yang baik, tetapi ia tetap merupakan pokok yang lembut dan rapuh, kerana akar umbinya tidak jauh bertunjang di dalam bumi, ia seolah-olah berada di atas permukaan tanah dan hanya menunggu masa terbongkar dari atas tanah. Ia tidak mempunyai sebarang keteguhan dan tidak akan hidup lama.

Kedua-dua perbandingan itu bukannya semata-mata perbandingan dan bukannya semata-mata bertujuan untuk memberi hiburan dan perangsang kepada orang-orang yang baik, malah yang sebenarnya itulah hakikat di dalam kehidupan walaupun pada setengah-setengah ketika ia lambat terlaksana.

Kebaikan yang tulen itu tidak akan mati dan tidak akan layu walaupun ia dilanggar dan disekat oleh kejahatan, begitu juga kejahatan ia tidak boleh hidup melainkan sekadar sementara menunggu habisnya kebaikan yang bercampur-aduk dengannya kerana jarang terdapat kejahatan yang tulen. Apabila unsur kebaikan yang bercampuraduk dengannya itu habis, maka diapun akan tumbang dan musnah biarpun bagaimana besar dan kuatnya.

Kebaikan itu tetap berkesudahan dengan kebaikan dan kejahatan juga tetap berakhir dengan keburukan.

وَيَضْرِبُ ٱللَّهُ ٱلْأَمْثَالَ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ
يَتَذَكَّرُونَ ﴿٢٥﴾

"Allah membuat perbandingan-perbandingan itu untuk manusia supaya mereka berfikir."(25)

Itulah perbandingan yang dibuktikan kebenarannya oleh realiti hidup, tetapi manusia seringkali melupakannya dalam kesibukan hidup.

Dalam bayangan pokok yang teguh yang turut menggambarkan konsep keteguhan dan suasananya, di mana dilukiskan akar umbinya yang kuat bertunjang di dalam bumi dan dilukiskan dahan-dahannya yang menjulang tinggi sejauh mata memandang di udara dan tersergam teguh di hadapan mata menyarankan kekuatan dan kemantapan... di dalam bayangan pokok yang teguh yang dijadikan perbandingan dengan kalimat yang baik inilah Allah meneguhkan keimanan orang-orang yang beriman:

يُثَبِّتُ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ بِٱلْقَوْلِ ٱلثَّابِتِ فِى ٱلْحَيَوٰةِ
ٱلدُّنْيَا وَفِى ٱلْءَاخِرَةِ ۖ

"Allah meneguhkan pendirian orang-orang yang beriman itu dengan ucapan yang teguh dalam kehidupan dunia dan di Akhirat"(27)

dan di dalam bayangan pokok yang buruk yang terbongkar akar umbinya dan tidak mempunyai sebarang keteguhan itu, Allah menyesatkan orang-orang yang zalim:

وَيُضِلُّ ٱللَّهُ ٱلظَّٰلِمِينَ ۚ

"Dan Allah menyesatkan orang-orang yang zalim."(27)

Dengan ini sempurnalah keselarasan di antara bayangan-bayangan ungkapan dengan bayangan-bayangan semua maknanya di dalam ayat-ayat itu.

Allah mengukuhkan pendirian orang-orang yang beriman di dalam kehidupan dunia dan Akhirat dengan kalimat keimanan yang tertanam di dalam hati nurani mereka, dan bertunjang di dalam fitrah semulajadi mereka serta membuahkan amalan-amalan yang soleh yang sentiasa membaharu dan kekal di dalam kehidupan mereka. Allah meneguhkan pendirian mereka dengan kalimat-kalimat Al-Qur'an, kalimat-kalimat Rasulullah dan dengan janji Allah yang akan memberi kemenangan kepada kebenaran di dunia dan memberi kejayaan di Akhirat. Semuanya itu adalah kalimat-kalimat yang teguh, benar dan sebenar, tidak mungkir dan tidak menimbulkan jalan-jalan yang bersimpang-siur. Dan orang-orang yang berpegang dengannya tidak dilanda gelisah, bingung dan keluh-kesah.

Sebaliknya pula Allah menyesatkan orang-orang yang zalim dengan sebab kezaliman dan kesyirikan mereka (kata zalim itu sering digunakan di dalam ayat-ayat Al-Qur'an dengan makna syirik dan inilah yang ghalibnya), juga dengan sebab mereka menjauhi diri dari nur hidayat dan terumbang-ambing di dalam kegelapan-kegelapan, kepercayaan-kepercayaan dan khurafat-khurafat yang karut, juga dengan sebab mereka mengikut berbagai-bagai sistem hidup, undang-undang dan peraturan-peraturan dari ciptaan nafsu mereka dan bukannya dari pilihan Allah. Allah menyesatkan mereka mengikut undang-undang-Nya

yang membawa orang-orang yang zalim, orang-orang yang buta dari nur hidayat dan mengikut hawa nafsu kepada kesesatan dan pengelanaan tanpa tujuan.

وَيَفْعَلُ ٱللَّهُ مَا يَشَآءُ ﴿٢٧﴾

"Dan Alllah melakukan apa sahaja yang dikehendaki-Nya"(27)

dengan iradat-Nya yang bebas memilih undang-undang dan undang-undang ini tidak mengikat-Nya tetapi Dia meredhai-Nya hingga hikmat kebijaksanaan memerlukan undang-undang ditukar, maka ia ditukar dalam lingkungan masyi'ah-Nya yang bebas, yang tidak dapat disekat dan dihalangkan oleh mana-mana kekuatan dan halangan sekalipun. Itulah masyi'ah yang menjalankan segala urusan di alam buana ini mengikut apa yang dikehendaki-Nya.

Dengan kata penamat ini selesailah ulasan terhadap cerita agung kerasulan dan da'wah para Anbia'. Cerita ini telah menghabiskan bahagian pertama yang terbesar dari surah ini, iaitu sebuah surah yang dinamakan dengan nama Ibrahim a.s. selaku bapa para Anbia' dan selaku pokok besar yang rendang, teduh, subur dan mengeluarkan sebaik-baik buah, juga selaku kalimat yang baik yang sentiasa membaharu di dalam generasi-generasi manusia yang bersilih ganti dan sentiasa mendokong hakikat yang agung, iaitu hakikat agama yang sama yang tidak pernah berubah, hakikat da'wah yang sama yang tidak pernah bertukar dan hakikat tauhid yang sama terhadap Allah Yang Maha Esa dan Maha Gagah Kuasa.

* * * * * *

Sekarang marilah kita berhenti sebentar di hadapan hakikat-hakikat yang nyata yang dibicarakan di dalam cerita para rasul yang menentang golongan-golongan jahiliyah, iaitu hakikat yang telah kami sentuh secara sepintas lalu ketika menghuraikan penerangan ayat-ayat Al-Qur'an tadi. Pada hemat kami, kita perlu berhenti sekali lagi di hadapannya secara berasingan:

Apakah Agama Tauhid Itu Hasil Evolusi Dari Kepercayaan-kepercayaan Kepada Tuhan Berbilang Tuhan

(Pertama) dari cerita ini kita mengetahui satu hakikat asasi yang nyata yang diceritakan kepada kita oleh Allah Yang Maha Bijaksana dan Maha Mendalam ilmu-Nya, iaitu angkatan iman itu adalah satu angkatan yang sama yang bersambung-sambung sejak permulaan sejarah manusia. Angkatan itu dipimpin oleh para rasul yang mulia. Mereka menyeru kepada satu hakikat yang sama. Mereka menyuarakan da'wah yang sama dan mengikut agama yang sama. Seluruh mereka berda'wah kepada Uluhiyah yang sama dan kepada Rububiyah yang sama. Seluruh mereka tidak mempersekutukan Allah dengan sesiapa pun, tidak bertawakkal kepada yang lain dari Allah, tidak mencari perlindungan pada yang lain dari Allah dan tidak mengenal sandaran yang lain dari Allah.

Jadi (berdasarkan hakikat ini) persoalan 'aqidah tauhid kepada Allah Yang Maha Esa itu bukanlah merupakan hasil perkembangan dan evolusi, seperti yang didakwakan oleh pengkaji-pengkaji perbandingan agama bahawa agama adalah berkembang dari 'aqidah yang mempercayai banyak tuhan, kemudian kepada 'aqidah yang mempercayai dua tuhan dan akhirnya kepada 'aqidah satu Tuhan atau ia berkembang dari 'aqidah menyembah ukiran-ukiran suci (totem), menyembah roh, bintang-bintang dan planet-planet kepada menyembah Allah Yang Maha Esa, atau ia merupakan hasil perkembangan dan evolusi dengan sebab berkembang dan meningkatnya pengalaman-pengalaman dan ilmu pengetahuan manusia dan dengan sebab berkembang dan meningkatnya sistem-sistem politik yang berakhir kepada peraturan-peraturan yang disatukan di bawah satu kuasa.

Sebenarnya 'aqidah kepada Allah Yang Maha Esa itu telah dibawa oleh para rasul sejak permulaan sejarah manusia (di bumi ini lagi) dan hakikat ini tidak pernah berubah dalam mana-mana kerasulan dan dalam mana-mana agama samawi sebagaimana dijelaskan Allah Yang Maha Bijaksana dan Maha Mendalam Ilmu-Nya.

Andainya para pengkaji itu mengatakan bahawa penerimaan manusia terhadap 'aqidah tauhid yang dibawa oleh para rasul itu adalah berkembang dan meningkat dari satu zaman Rasul ke satu zaman Rasul yang lain dan bahawa kepercayaan-kepercayaan paganisme jahiliyah itu terpengaruh kepada 'aqidah-'aqidah tauhid yang berturut-turut dibawa oleh angkatan para rasul yang mulia yang menentang agama-agama paganisme ini dari satu masa ke satu masa hingga datanglah satu zaman, di mana 'aqidah tauhid lebih banyak dapat diterima oleh orang ramai dari masa-masa yang silam kerana berturut-turutnya kebangkitan para rasul yang membawa risalah-risalah tauhid dan kerana pengaruh faktor-faktor lain yang dikemukakan mereka andainya mereka mengatakan begini tentulah pandangan boleh juga ditelan, tetapi malangnya mereka terpengaruh kepada methodologi pengkajian yang dari awal lagi dilandaskan di atas asas permusuhan yang terpendam begitu lama terhadap gereja di Eropah - walaupun hakikat ini tidak diperhatikan oleh para ahli ilmu yang sezaman - juga dilandaskan di atas satu keinginan yang tersembunyi - sama ada sedar atau tidak sedar - untuk menghancurkan methodologi pemikiran agama dan menegakkan kepercayaan bahawa agama itu bukannya wahyu dari Allah, malah agama adalah hasil dari pemikiran manusia yang tunduk kepada hasil perkembangan mereka yang sama dalam bidang pemikiran, pengalaman dan ilmu pengetahuan mereka yang lain. Sebagai hasil dari permusuhan yang lama dan keinginan yang tersembunyi inilah lahirnya methodologi pengkajian perbandingan agama ini. Namun demikian pengkajian yang seperti ini dinamakan sebagai kajian ilmiyah yang mengelirukan orang ramai.

Jika seorang itu boleh mengelirukan orang lain dengan kajian yang seperti ini, maka tidak seharusnya bagi seorang Muslim yang percaya kepada agamanya dan menghormati methodologi agamanya dalam menjelaskan hakikat yang seperti ini mengelirukan orang lain walaupun sesa'at dan mengeluarkan kenyataan yang bercanggah secara langsung dengan lunas-lunas agamanya dan dengan methodologi agamanya yang terang mengenai hakikat yang penting ini.[1]

(Yang kedua) angkatan para rasul yang mulia itu telah menghadapi umat-umat manusia yang sesat dengan da'wah yang sama dan dengan 'aqidah yang sama, begitu juga jahiliyah menentang angkatan para rasul yang mulia, da'wah dan 'aqidah yang sama itu dengan penentangan yang sama sebagaimana diceritakan oleh Al-Qur'an tanpa menyebut zaman dan tempat untuk menonjolkan satu hakikat da'wah yang bersinambung di sebalik zaman dan tempat, dan jika da'wah para rasul itu tidak pernah berubah, maka penentangan jahiliyah juga tidak pernah berubah.

Itulah hakikat yang benar-benar menarik perhatian. Jahiliyah itu tetap jahiliyah di sepanjang zaman, kerana jahiliyah bukanlah suatu masa sejarah yang tertentu, tetapi jahiliyah ialah peraturan, 'aqidah, kefahaman dan kelompok masyarakat organik yang berasaskan nilai-nilai tersebut.

Jahiliyah ditegakkan di atas asas keta'atan terhadap sesama manusia dan mempertuhankan yang lain dari Allah atau mengakui Rububiyah yang lain dari Rububiyah Allah. Kedua-dua asas inilah yang membentuk jahiliyah. Sama ada 'aqidah itu ditegakkan di atas kepercayaan kepada berbilang tuhan atau ditegakkan di atas kepercayaan mentauhidkan Allah di samping mengakui tuhan-tuhan palsu yang lain iaitu para penguasa yang sewenang-wenang, maka ia tetap mewujudkan jahiliyah dengan segala ciri-cirinya yang sekunder.

Punca Konflik Di Antara Jahiliyah Dan Da'wah Islamiyah

Da'wah para rasul adalah ditegak di atas 'aqidah mentauhidkan Allah dan menolak tuhan-tuhan palsu serta memberi keta'atan yang tidak berbelah bahagi kepada Allah yakni memberi kepatuhan yang tulen kepada Allah dan mengakui Rububiyah Allah Yang Maha Esa sahaja, iaitu kuasa Hakimiyah dan kuasa pemerintahan Allah. Oleh sebab itulah da'wah ini bercanggah secara langsung dengan tapak asas jahiliyah dan menjadi ancaman kepada kewujudannya terutama apabila da'wah Islam mengambil bentuk satu kelompok yang tertentu yang menarik anggota-anggotanya dari kelompok jahiliyah dan memisahkan mereka darinya dari segi 'aqidah, segi kepimpinan dan kesetiaan yang diperlukan oleh da'wah Islam di seluruh tempat dan zaman.

Apabila kelompok jahiliyah - selaku kelompok tunggal dan padu - merasa bahaya da'wah Islam itu sedang mengancam tapak asas kewujudannya dari segi 'aqidah, di samping mengancam kewujudannya sendiri setelah 'aqidah Islamiyah itu muncul dalam bentuk satu kelompok yang tertentu yang berasingan dan bertentangan dengannya, maka di waktu inilah kelompok jahiliyah akan menunjukkan belang dan sikapnya yang sebenar terhadap da'wah Islam.

Itulah pertarungan kewujudan di antara dua kelompok yang tidak mungkin hidup bersama atau hidup damai. Itulah pertarungan di antara dua kelompok yang masing-masing mempunyai tapak asas yang bertentangan satu sama lain. Kelompok jahiliyah ditegakkan di atas tapak asas berbilang-bilang tuhan yang disembah atau berbilang-bilang tuhan penguasa, di mana manusia bertuhankan kepada sesama manusia, sedangkan kelompok Islam ditegakkan di atas tapak asas Wahdaniyah Uluhiyah dan Wahdaniyah Rububiyah, di mana tidak ada keta'atan dan kepatuhan kepada sesama manusia.

Dan oleh sebab kelompok Islam dalam peringkat permulaan atau pada tahap pembentukannya setiap hari memakan tubuh kelompok jahiliyah dan kemudian terpaksa pula menentang kelompok jahiliyah itu sendiri untuk merebut teraju kepimpinan darinya dan menyelamatkan orang ramai dari perhambaan kepada sesama manusia kepada perhambaan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja. Oleh sebab perkara-perkara ini merupakan kepastian-kepastian kepada da'wah Islam apabila ia berjalan mengikut jalan yang betul, maka kelompok jahiliyah dari awal lagi tidak sanggup menghadapi da'wah Islam, dan dari sinilah kita dapat memahami mengapa penentangan jahiliyah itu sama dengan penentangan da'wah para rasul yang mulia itu. Itulah penentangan untuk menyelamatkan diri dari kehapusan, dan itulah penentangan untuk mempertahankan kuasa Hakimiyah yang merupakan salah satu dari ciri-ciri Uluhiyah yang dirampas oleh jahiliyah yang memperhambakan manusia sesama manusia.

(Yang ketiga) jika inilah perasaan kelompok jahiliyah terhadap bahaya da'wah Islam, maka lantaran itulah ia bangkit menentang da'wah dalam satu pertarungan hidup mati yang tidak mengenal lemah-lembut, tidak mengenal gencatan senjata, tidak mengenal hidup bersama dan tidak mengenal damai. Kelompok jahiliyah tidak akan menipu diri sendiri terhadap hakikat pertarungan itu, begitu juga para rasul yang mulia Sawalatullahi wasalamu-Hu 'alayhim dan para Mu'minin yang mengikut mereka tidak akan menipu diri sendiri dan para Mu'minin itu terhadap hakikat pertarungan ini.

وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لِرُسُلِهِمْ لَنُخْرِجَنَّكُم مِّنْ

---

[1] *Pernyataan ini ditujukan kepada penulis besar Mesir, Abbas Mahmud al-'Aqqad yang telah mengemukakan kajian asal-usul agama yang mengelirukan orang ramai dalam sebuah bukunya.*

أَرْضِنَآ أَوْ لَتَعُودُنَّ فِي مِلَّتِنَا ۖ

"Dan berkatalah orang-orang kafir kepada para rasul mereka: Sesungguhnya kami akan mengusir kamu dari negeri kami atau kamu kembali semula kepada agama kami."(13)

Mereka tidak dapat menerima sikap para rasul dan para Mu'minin yang mahu berbeza dan berasing dari mereka dengan 'aqidah, kepimpinan dan kelompok mereka yang tersendiri. Mereka menuntut para rasul dan para pengikutnya supaya kembali semula kepada agama mereka dan bergabung di dalam kelompok mereka serta melarutkan diri dalam kelompok mereka atau menghadapi tindakan diusir jauh dan dibuang negeri.

Tetapi para rasul yang mulia tidak dapat menerima permintaan untuk bergabung dan melarutkan diri dalam kelompok jahiliyah dan menghapuskan syakhsiyah kelompok mereka, kerana kelompok mereka ditegakkan di atas tapak asas yang berlainan dari tapak asas kelompok jahiliyah. Para Rasul tidak pernah berkata seperti segolongan orang-orang yang tidak memahami hakikat Islam dan hakikat struktur organik bagi masyarakat-masyarakat yang telah berkata: Eloklah! Marilah kita menyeludup masuk ke dalam agama mereka supaya kita dapat mengembangkan da'wah dan 'aqidah kita dari dalam!

Perbezaan 'aqidah seseorang Muslim di dalam masyarakat jahiliyah pasti diikuti perbezaan kelompok Islam dengan teraju kepimpinan dan kesetiaannya yang tersendiri. Ini bukannya perkara pilihan, malah ia merupakan dari perkara-perkara kepastian bagi struktur organik masyarakat yang membuat kelompok jahiliyah begitu sensitif terhadap da'wah Islamiyah yang ditegakkan di atas tapak asas 'Ubudiyah manusia kepada Allah Yang Maha Esa dan menyingkirkan tuhan-tuhan palsu dari pusat-pusat teraju kekuasaan, di samping menjadikan setiap anggota Muslim yang menggabungkan dirinya dalam masyarakat jahiliyah sebagai pekerja kelompok jahiliyah bukannya sebagai pekerja yang memperjuangkan Islam seperti yang disangkakan oleh setengah-setengah orang yang tertipu.[2]

Kemudian ada pula hakikat qadariah (perencanaan keputusan Allah) yang tidak seharusnya dilupakan para penda'wah kepada Allah, iaitu janji Allah untuk menolong para Mu'minin yang setia kepada-Nya dan untuk memberi kedudukan yang teguh kepada mereka di bumi ini serta menentukan keputusan yang adil di antara mereka dengan kaum mereka tidak terlaksana dan berlaku melainkan setelah pejuang-pejuang da'wah itu membezakan kelompok mereka dari kelompok jahiliyah dan berpisah dari mereka dengan berpegang kepada agama yang benar. Keputusan dari Allah itu tidak berlaku jika pejuang-pejuang da'wah masih berpendirian lembik, dalam masyarakat jahiliyah, masih larut di dalam organisasi-organisasinya dan masih bekerja dalam sistem-sistem peraturannya. Setiap masa, di mana wujudnya pendirian lembik seperti ini, merupakan masa penangguhan janji Allah yang menjanjikan pertolongan dan kedudukan yang teguh (kepada orang-orang yang beriman). Ini adalah tanggungjawab yang amat besar yang harus difikirkan oleh pejuang-pejuang da'wah kepada Allah yang masih mampu berda'wah.

Akhirnya marilah kita berhenti di hadapan keindahan yang gemilang, di mana Allah menayangkan angkatan keimanan sedang menentang jahiliyah yang sesat di sepanjang zaman, iaitu keindahan kebenaran yang semulajadi, yang amat terang dan amat mendalam, yang penuh yakin, tenteram, kukuh dan teguh:

قَالَتْ رُسُلُهُمْ أَفِي ٱللَّهِ شَكٌّ فَاطِرِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ
وَٱلْأَرْضِ ۖ يَدْعُوكُمْ لِيَغْفِرَ لَكُم مِّن ذُنُوبِكُمْ
وَيُؤَخِّرَكُمْ إِلَىٰٓ أَجَلٍ مُّسَمًّى ۚ

"Berkatalah para rasul mereka: Apakah ada keraguan terhadap Allah Pencipta langit dan bumi. Dia menyeru kamu untuk memberi keampunan kepada kamu terhadap dosa-dosa kamu dan menangguhkan kamu hingga ke suatu masa yang tertentu."(10)

قَالَتْ لَهُمْ رُسُلُهُمْ إِن نَّحْنُ إِلَّا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ
وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ يَمُنُّ عَلَىٰ مَن يَشَآءُ مِنْ عِبَادِهِۦ ۖ وَمَا كَانَ
لَنَآ أَن نَّأْتِيَكُم بِسُلْطَٰنٍ إِلَّا بِإِذْنِ ٱللَّهِ ۚ وَعَلَى ٱللَّهِ
فَلْيَتَوَكَّلِ ٱلْمُؤْمِنُونَ ﴿١١﴾
وَمَا لَنَآ أَلَّا نَتَوَكَّلَ عَلَى ٱللَّهِ وَقَدْ هَدَىٰنَا سُبُلَنَا ۚ
وَلَنَصْبِرَنَّ عَلَىٰ مَآ ءَاذَيْتُمُونَا ۚ وَعَلَى ٱللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ
ٱلْمُتَوَكِّلُونَ ﴿١٢﴾

"Jawab para rasul mereka kepada mereka: Kami sememangnya tiada lain melainkan hanya manusia seperti kamu sahaja, tetapi Allah menganugerahkan limpah kurnia-Nya kepada siapa yang dikehendaki-Nya di antara para hamba-Nya dan kami tidak berkuasa membawa kepada kamu sesuatu bukti yang nyata (mu'jizat) melainkan dengan keizinan Allah dan hanya kepada Allah hendaklah orang-orang yang beriman itu bertawakkal(11). Dan mengapakah kami tidak bertawakkal kepada Allah, sedangkan Dialah yang telah menunjukkan jalan (yang benar) kepada kami dan kami akan tetap bersabar terhadap penindasan yang telah dilakukan kamu terhadap kami dan hanya kepada Allah hendaklah orang-orang yang bertawakkal itu berserah diri."(12)

---

[2] *Lihat huraian yang luas dalam bab "* نشأة المجتمع المسلم وخصائص *" dalam "* معالم في الطريق *"*

Keindahan yang gemilang ini adalah lahir dari tayangan Al-Qur'an yang memperlihatkan para rasul selaku angkatan yang bersatu sedang berjuang menentang barisan jahiliyah yang padu. Ia menggambarkan hakikat kebenaran yang kekal abadi di sebalik keadaan-keadaan yang berubah-ubah itu dan menonjolkan ciri-ciri yang membezakan da'wah yang diperjuangkan oleh para rasul itu dan ciri-ciri jahiliyah yang menentangnya di sebalik berbagai-bagai zaman, tempat, bangsa dan kaum itu.

Keindahan itu semakin jelas lagi apabila ia memperlihatkan hubungan di antara kebenaran yang diperjuangkan oleh para rasul yang mulia itu dengan kebenaran yang terpendam di dalam entiti alam buana ini:

قَالَتْ رُسُلُهُمْ أَفِي ٱللَّهِ شَكٌّ فَاطِرِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ
وَٱلْأَرْضِ

"Berkatalah para rasul mereka: Apakah ada keraguan terhadap Allah Pencipta langit dan bumi?"(10)

وَمَا لَنَآ أَلَّا نَتَوَكَّلَ عَلَى ٱللَّهِ وَقَدْ هَدَىٰنَا سُبُلَنَا

"Dan mengapakah kami tidak bertawakkal kepada Allah, sedangkan Dialah yang telah menunjukkan jalan (yang benar) kepada kami."(12)

أَلَمْ تَرَ أَنَّ ٱللَّهَ خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ بِٱلْحَقِّ
إِن يَشَأْ يُذْهِبْكُمْ وَيَأْتِ بِخَلْقٍ جَدِيدٍ ﴿١٩﴾
وَمَا ذَٰلِكَ عَلَى ٱللَّهِ بِعَزِيزٍ ﴿٢٠﴾

"Tidakkah kamu melihat bahawa Allah telah menciptakan langit dan bumi dengan (hikmat) yang benar? Jika Dia kehendaki Dia berkuasa menghapuskan kamu dan mengadakan angkatan manusia yang baru(19). Semuanya itu tidak sukar kepada Allah."(20)

Demikianlah ketaranya perhubungan yang mendalam di antara kebenaran yang wujud di dalam da'wah ini dengan kebenaran yang tersembunyi di dalam seluruh kejadian alam buana, dan memang ketara bahawa kebenaran itu adalah satu kebenaran yang sama, yang bersambung dengan Allah yang benar, iaitu satu kebenaran yang amat teguh dan mempunyai akar umbinya yang dalam laksana:

كَشَجَرَةٍ طَيِّبَةٍ أَصْلُهَا ثَابِتٌ وَفَرْعُهَا فِي
ٱلسَّمَآءِ ﴿٢٤﴾

"Laksana pokok yang baik, akar umbinya teguh dan dahan-dahannya menjulang ke langit."(24)

Dan selain dari kebenaran itu ialah kebatilan yang musnah laksana:

كَشَجَرَةٍ خَبِيثَةٍ ٱجْتُثَّتْ مِن فَوْقِ ٱلْأَرْضِ مَا
لَهَا مِن قَرَارٍ ﴿٢٦﴾

"Laksana pokok yang buruk yang telah dicabut akar umbinya dari permukaan bumi. Ia tidak mempunyai apa-apa keteguhan lagi."(26)

Keindahan itu juga tergambar pada perasaan para rasul terhadap hakikat Allah Tuhan mereka, juga tergambar pada hakikat Uluhiyah, di samping ia tergambar di dalam hati golongan para hamba-Nya yang terpilih:

وَمَا لَنَآ أَلَّا نَتَوَكَّلَ عَلَى ٱللَّهِ وَقَدْ هَدَىٰنَا سُبُلَنَا
وَلَنَصْبِرَنَّ عَلَىٰ مَآ ءَاذَيْتُمُونَا وَعَلَى ٱللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ
ٱلْمُتَوَكِّلُونَ ﴿١٢﴾

"Dan mengapakah kami tidak bertawakkal kepada Allah, sedangkan Dialah yang telah menunjukkan jalan (yang benar) kepada kami dan kami akan tetap bersabar terhadap penindasan yang telah dilakukan kamu terhadap kami dan hanya kepada Allah hendaklah orang-orang yang bertawakkal itu berserah diri."(12)

Semuanya itu merupakan pemandangan-pemandangan sekilas dari keindahan yang gemilang yang tidak dapat diungkapkan oleh kata-kata manusia selain dari memberi isyarat-isyarat sahaja seperti isyarat yang ditujukan kepada bintang yang jauh. Isyarat itu tentulah tidak sampai ke bintang itu, tetapi ia hanya dapat menarik pandangan kepada kedudukannya yang tinggi.

(Kumpulan ayat-ayat 28 - 52)

أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ بَدَّلُوا۟ نِعْمَتَ ٱللَّهِ كُفْرًا وَأَحَلُّوا۟
قَوْمَهُمْ دَارَ ٱلْبَوَارِ ﴿٢٨﴾
جَهَنَّمَ يَصْلَوْنَهَا وَبِئْسَ ٱلْقَرَارُ ﴿٢٩﴾
وَجَعَلُوا۟ لِلَّهِ أَندَادًا لِّيُضِلُّوا۟ عَن سَبِيلِهِۦ قُلْ
تَمَتَّعُوا۟ فَإِنَّ مَصِيرَكُمْ إِلَى ٱلنَّارِ ﴿٣٠﴾
قُل لِّعِبَادِىَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ يُقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَيُنفِقُوا۟
مِمَّا رَزَقْنَٰهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً مِّن قَبْلِ أَن يَأْتِىَ يَوْمٌ
لَّا بَيْعٌ فِيهِ وَلَا خِلَٰلٌ ﴿٣١﴾
ٱللَّهُ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ وَأَنزَلَ مِنَ
ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَأَخْرَجَ بِهِۦ مِنَ ٱلثَّمَرَٰتِ رِزْقًا لَّكُمْ

وَسَخَّرَ لَكُمُ ٱلْفُلْكَ لِتَجْرِيَ فِي ٱلْبَحْرِ بِأَمْرِهِۦ
وَسَخَّرَ لَكُمُ ٱلْأَنْهَٰرَ ﴿٣٢﴾
وَسَخَّرَ لَكُمُ ٱلشَّمْسَ وَٱلْقَمَرَ دَآئِبَيْنِ ۖ وَسَخَّرَ لَكُمُ
ٱلَّيْلَ وَٱلنَّهَارَ ﴿٣٣﴾
وَءَاتَىٰكُم مِّن كُلِّ مَا سَأَلْتُمُوهُ ۚ وَإِن تَعُدُّوا۟
نِعْمَتَ ٱللَّهِ لَا تُحْصُوهَآ ۗ إِنَّ ٱلْإِنسَٰنَ لَظَلُومٌ
كَفَّارٌ ﴿٣٤﴾
وَإِذْ قَالَ إِبْرَٰهِيمُ رَبِّ ٱجْعَلْ هَٰذَا ٱلْبَلَدَ ءَامِنًا
وَٱجْنُبْنِى وَبَنِىَّ أَن نَّعْبُدَ ٱلْأَصْنَامَ ﴿٣٥﴾
رَبِّ إِنَّهُنَّ أَضْلَلْنَ كَثِيرًا مِّنَ ٱلنَّاسِ ۖ فَمَن تَبِعَنِى
فَإِنَّهُۥ مِنِّى ۖ وَمَنْ عَصَانِى فَإِنَّكَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٣٦﴾
رَّبَّنَآ إِنِّىٓ أَسْكَنتُ مِن ذُرِّيَّتِى بِوَادٍ غَيْرِ ذِى زَرْعٍ
عِندَ بَيْتِكَ ٱلْمُحَرَّمِ رَبَّنَا لِيُقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ
فَٱجْعَلْ أَفْـِٔدَةً مِّنَ ٱلنَّاسِ تَهْوِىٓ إِلَيْهِمْ وَٱرْزُقْهُم
مِّنَ ٱلثَّمَرَٰتِ لَعَلَّهُمْ يَشْكُرُونَ ﴿٣٧﴾
رَبَّنَآ إِنَّكَ تَعْلَمُ مَا نُخْفِى وَمَا نُعْلِنُ ۗ وَمَا يَخْفَىٰ عَلَى
ٱللَّهِ مِن شَىْءٍ فِى ٱلْأَرْضِ وَلَا فِى ٱلسَّمَآءِ ﴿٣٨﴾
ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ ٱلَّذِى وَهَبَ لِى عَلَى ٱلْكِبَرِ إِسْمَٰعِيلَ
وَإِسْحَٰقَ ۚ إِنَّ رَبِّى لَسَمِيعُ ٱلدُّعَآءِ ﴿٣٩﴾
رَبِّ ٱجْعَلْنِى مُقِيمَ ٱلصَّلَوٰةِ وَمِن ذُرِّيَّتِى ۚ رَبَّنَا
وَتَقَبَّلْ دُعَآءِ ﴿٤٠﴾

"Tidakkah engkau melihat orang-orang yang telah menukarkan ni'mat Allah dengan kekufuran dan menjatuhkan kaum mereka ke dalam kancah kebinasaan(28). Iaitu Neraka Jahannam yang akan dimasuki mereka dan itulah seburuk-buruk tempat kediaman(29). Mereka telah mengadakan sekutu-sekutu bagi Allah untuk menyesatkan orang ramai dari jalan Allah. Katakanlah: Berpoya-poyalah kamu di dalam keni'matan (dunia), kerana sesungguhnya tempat kesudahan kamu kelak ialah Neraka(30). Katakanlah kepada hamba-hamba-Ku yang beriman: Hendaklah mereka mendirikan solat dan membelanjakan sebahagian dari rezeki yang Kami telah kurniakan kepada mereka sama ada secara diam-diam atau secara terang-terangan sebelum datangnya hari Qiamat, di mana tiada lagi sebarang jualbeli dan sebarang persahabatan(31). Allahlah yang telah menciptakan langit dan bumi dan menurunkan air hujan dari langit, lalu Dia mengeluarkan dengan siramannya berbagai-bagai buah-buahan sebagai rezeki bagi kamu, dan Dialah yang telah menundukkan kapal-kapal belayar di dalam laut dengan perintah-Nya, dan Dialah juga yang telah menundukkan sungai-sungai untuk kamu(32). Dan Dialah yang telah menundukkan untuk kamu matahari dan bulan yang sentiasa beredar, dan menundukkan untuk kamu malam dan siang(33). Dan Dialah yang telah mengurniakan kepada kamu segala apa yang dipinta kamu, dan jika kamu hendak menghitungkan ni'mat-ni'mat Allah tentulah kamu tidak dapat mengirakannya satu persatu, sesungguhnya manusia itu amat zalim dan amat kufur (34). Dan (kenangilah) ketika Ibrahim berdo'a: Wahai Tuhanku! Jadikanlah negeri ini (Makkah) sebuah negeri yang aman dan jauhkan daku dan anak-anak cucuku dari menyembah berhala-berhala(35). Wahai Tuhanku! Sesungguhnya berhala-berhala itu telah menyesatkan sebilangan manusia yang ramai. Oleh itu sesiapa yang mengikutku, maka dia adalah dari golonganku dan sesiapa yang menderhaka kepadaku, maka sesungguhnya Engkau adalah Maha Pengampun dan Maha Pengasih (36). Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku telah menempatkan sebahagian dari zuriatku di suatu lembah yang tidak mempunyai tanaman berhampiran dengan rumah-Mu yang dihormati, wahai Tuhan kami, supaya mereka mendirikan solat. Oleh itu jadikanlah hati sebahagian manusia cenderung kepada mereka dan kurniakanlah rezeki kepada mereka dari berbagai-bagai buah-buahan semoga mereka bersyukur(37). Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau Mengetahui segala apa yang kami sembunyikan dan segala apa yang kami nyatakan dan tiada suatu pun yang tersembunyi kepada Allah baik di bumi mahupun di langit(38). Segala kepujian terpulang kepada Allah yang telah mengurniakan kepadaku di masa tua Ismail dan Ishaq. Sesungguhnya Tuhanku Maha Mendengar do'a(39). Wahai Tuhanku! Jadikan daku dan anak-anak cucuku orang-orang yang tetap mendirikan solat, wahai Tuhan kami, perkenankanlah do'aku!."(40)

رَبَّنَا ٱغْفِرْ لِى وَلِوَٰلِدَىَّ وَلِلْمُؤْمِنِينَ يَوْمَ يَقُومُ
ٱلْحِسَابُ ﴿٤١﴾
وَلَا تَحْسَبَنَّ ٱللَّهَ غَٰفِلًا عَمَّا يَعْمَلُ ٱلظَّٰلِمُونَ ۚ
إِنَّمَا يُؤَخِّرُهُمْ لِيَوْمٍ تَشْخَصُ فِيهِ ٱلْأَبْصَٰرُ ﴿٤٢﴾
مُهْطِعِينَ مُقْنِعِى رُءُوسِهِمْ لَا يَرْتَدُّ إِلَيْهِمْ
طَرْفُهُمْ ۖ وَأَفْـِٔدَتُهُمْ هَوَآءٌ ﴿٤٣﴾
وَأَنذِرِ ٱلنَّاسَ يَوْمَ يَأْتِيهِمُ ٱلْعَذَابُ فَيَقُولُ ٱلَّذِينَ
ظَلَمُوا۟ رَبَّنَآ أَخِّرْنَآ إِلَىٰٓ أَجَلٍ قَرِيبٍ نُّجِبْ دَعْوَتَكَ
وَنَتَّبِعِ ٱلرُّسُلَ ۗ أَوَلَمْ تَكُونُوٓا۟ أَقْسَمْتُم مِّن قَبْلُ

مَا لَكُم مِّن زَوَالٍ ﴿٤٤﴾
وَسَكَنتُمْ فِى مَسَٰكِنِ ٱلَّذِينَ ظَلَمُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ وَتَبَيَّنَ
لَكُمْ كَيْفَ فَعَلْنَا بِهِمْ وَضَرَبْنَا لَكُمُ ٱلْأَمْثَالَ ﴿٤٥﴾
وَقَدْ مَكَرُوا۟ مَكْرَهُمْ وَعِندَ ٱللَّهِ مَكْرُهُمْ وَإِن
كَانَ مَكْرُهُمْ لِتَزُولَ مِنْهُ ٱلْجِبَالُ ﴿٤٦﴾
فَلَا تَحْسَبَنَّ ٱللَّهَ مُخْلِفَ وَعْدِهِۦ رُسُلَهُۥٓ ۚ إِنَّ
ٱللَّهَ عَزِيزٌ ذُو ٱنتِقَامٍ ﴿٤٧﴾
يَوْمَ تُبَدَّلُ ٱلْأَرْضُ غَيْرَ ٱلْأَرْضِ وَٱلسَّمَٰوَٰتُ ۖ
وَبَرَزُوا۟ لِلَّهِ ٱلْوَٰحِدِ ٱلْقَهَّارِ ﴿٤٨﴾
وَتَرَى ٱلْمُجْرِمِينَ يَوْمَئِذٍ مُّقَرَّنِينَ فِى ٱلْأَصْفَادِ ﴿٤٩﴾
سَرَابِيلُهُم مِّن قَطِرَانٍ وَتَغْشَىٰ وُجُوهَهُمُ ٱلنَّارُ ﴿٥٠﴾
لِيَجْزِىَ ٱللَّهُ كُلَّ نَفْسٍ مَّا كَسَبَتْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ سَرِيعُ
ٱلْحِسَابِ ﴿٥١﴾
هَٰذَا بَلَٰغٌ لِّلنَّاسِ وَلِيُنذَرُوا۟ بِهِۦ وَلِيَعْلَمُوٓا۟ أَنَّمَا هُوَ
إِلَٰهٌ وَٰحِدٌ وَلِيَذَّكَّرَ أُو۟لُوا۟ ٱلْأَلْبَٰبِ ﴿٥٢﴾

Wahai Tuhan kami! Kurnialah keampunan kepadaku dan kepada dua ibubapaku dan sekalian para Mu'minin pada hari berlakunya hisab(41). Dan janganlah sekali-kali kamu menyangka Allah itu lalai dari apa yang dilakukan orang-orang yang zalim. Sesungguhnya Allah memberi tempoh kepada mereka sehingga kepada hari (Qiamat), di mana segala mata membelalak(42). Mereka datang tergesa-gesa (menyahut panggilan) dengan mendongakkan kepala mereka, mata mereka tidak berkelip dan hati mereka hampa(43). Berilah peringatan kepada manusia terhadap hari yang akan menimpakan 'azab ke atas mereka, lalu berkatalah orang-orang yang zalim: Wahai Tuhan kami! Berilah tempoh kepada kami ke suatu masa yang dekat nescaya kami menyambut da'wah-Mu dan mengikut para rasul. Bukankah kamu sebelum ini telah bersumpah bahawa kamu tidak akan binasa(44). Dan kamu telah mendiami di tempat-tempat kediaman orang-orang yang menzalimi diri mereka sendiri dan telah ternyata kepada kamu bagaimana Kami telah bertindak terhadap mereka dan Kami telah mengemukakan berbagai perbandingan kepada kamu(45). Dan sesungguhnya mereka telah melakukan tipu daya mereka, sedangkan di sisi Allah (tersedia) balasan terhadap tipu daya mereka walaupun tipu daya mereka dapat menghapuskan gunung-ganang(46). Oleh itu janganlah kamu sekali-kali menyangka bahawa Allah memungkiri janji-Nya kepada para rasul-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa dan Maha Kuasa mengenakan tindakan balasan(47). Pada hari bumi digantikan dengan bumi yang lain dan begitu juga langit, dan mereka semuanya keluar mengadap Allah Yang Maha Esa dan Maha Gagah (48). Dan pada hari itu engkau melihat orang-orang yang berdosa dipasungkan dengan belenggu-belenggu(49). Pakaian mereka adalah dari belakin dan muka mereka diliputi api Neraka(50). Kerana Allah hendak memberi balasan kepada setiap orang terhadap apa yang dilakukannya. Sesungguhnya Allah Maha Cepat hisab-Nya (51). (Al-Qur'an) ini adalah perutusan yang disampaikan kepada manusia dan supaya mereka sentiasa diberi peringatan dengannya dan supaya mereka mengetahui bahawa Allah adalah Tuhan Yang Maha Esa dan supaya orang-orang yang berakal mengambil pengajaran.(52)

Pusingan yang kedua ini dimulai dari penghabisan pusingan yang pertama. Ia menggunakan pusingan yang pertama sebagai asas pembicaraan yang selaras dengannya dan menjadi sumber yang diambil darinya.

Pusingan yang pertama memuat pembicaraan mengenai risalah Rasulullah s.a.w. yang bermatlamat untuk mengeluarkan manusia dari kegelapan-kegelapan kepada nur yang terang dengan keizinan Allah Tuhan mereka, juga mengenai risalah Musa a.s. kepada kaumnya yang bertujuan mengeluarkan mereka dari kegelapan-kegelapan kepada nur yang terang di samping mengingatkan hari-hari tindakan Allah yang bersejarah. Beliau telah memberi penjelasan kepada kaumnya dan mengingatkan ni'mat-ni'mat Allah yang telah dikurniakan kepada mereka serta mengisytiharkan pengumuman Allah:

لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ ۖ وَلَئِن كَفَرْتُمْ
إِنَّ عَذَابِى لَشَدِيدٌ ﴿٧﴾

"Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan menambahkan lagi ni'mat kepada kamu dan jika kamu kufur, maka sesungguhnya 'azab-Ku amat pedih."(7)

Kemudian beliau membentangkan kepada mereka cerita para nabi dan para pendusta. Beliau memulakan cerita itu kemudian menghilangkan diri dari penerangan itu, tetapi cerita itu terus menayangkan babak-babak dan pemandangan-pemandangannya dan akhirnya membawa orang-orang yang kafir kepada suatu babak, di mana mereka mendengar nasihat syaitan yang menarik, sedangkan di waktu itu nasihat-nasihat dan pengajaran-pengajaran tidak berguna apa-apa lagi.

Kini ayat-ayat yang berikut kembali membicarakan tentang para pendusta dari kaum Nabi Muhammad s.a.w. setelah membentangkan cerita yang panjang itu. Ia membicarakan tentang sikap mereka yang telah menerima anugerah Allah dalam bentuk pengiriman seorang rasul untuk mengeluarkan mereka dari kegelapan-kegelapan kepada nur yang terang. Beliau menyeru mereka (ke jalan yang benar) supaya mereka mendapat keampunan Allah, tiba-tiba mereka mengingkar dan mempersenda-sendakan ni'mat Allah

itu dan menukarkannya dengan kekufuran. Mereka memilih kekufuran dari Rasul dan da'wah kepada keimanan.

Oleh sebab itulah pusingan yang kedua ini dimulai dengan pernyataan yang memperlihatkan kehairanan terhadap orang-orang yang tergamak menukarkan ni'mat Allah dengan kekufuran dan memimpin kaum mereka ke dalam kancah kebinasaan sebagaimana orang-orang yang dahulu memimpin pengikut-pengikut mereka ke Neraka dalam kisah-kisah para rasul dengan orang-orang kafir.

Kemudian pusingan yang kedua ini menjelaskan ni'mat-ni'mat Allah yang dikurniakan kepada manusia dalam satu pemandangan alam yang amat besar dan nyata dan mengemukakan Ibrahim al-Khalil a.s. sebagai contoh orang yang mensyukuri ni'mat Allah selepas beliau menyuruh orang-orang yang beriman menunjukkan salah satu dari bentukbentuk menyatakan kesyukuran iaitu mendirikan solat dan berbuat kebajikan kepada para hamba Allah sebelum tiba hari Qiamat, di mana harta kekayaan tidak lagi bertambah, dan di mana tiada lagi jualbeli dan persahabatan.

Adapun orang-orang yang kafir, maka mereka tetap tidak akan dilupa dan diabaikan, malah mereka hanya diberi tangguhan hingga tiba masa Qiamat yang akan membuat segala mata terbelalak. Begitu juga janji Allah kepada para rasul-Nya tetap akan direalisasikan walau bagaimana licin mereka mengaturkan tipu daya mereka dan walaupun tipu daya mereka boleh melenyapkan gunung-ganang.

Demikianlah terjalinnya keseimbangan dan keselarasan pusingan yang kedua dengan pusingan yang pertama.

(Pentafsiran ayat-ayat 28 - 31)

أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ بَدَّلُوا۟ نِعْمَتَ ٱللَّهِ كُفْرًا وَأَحَلُّوا۟
قَوْمَهُمْ دَارَ ٱلْبَوَارِ ﴿٢٨﴾
جَهَنَّمَ يَصْلَوْنَهَا ۖ وَبِئْسَ ٱلْقَرَارُ ﴿٢٩﴾
وَجَعَلُوا۟ لِلَّهِ أَندَادًا لِّيُضِلُّوا۟ عَن سَبِيلِهِۦ ۗ قُلْ
تَمَتَّعُوا۟ فَإِنَّ مَصِيرَكُمْ إِلَى ٱلنَّارِ ﴿٣٠﴾

"Tidakkah engkau melihat orang-orang yang telah menukarkan ni'mat Allah dengan kekufuran dan menjatuhkan kaum mereka ke dalam kancah kebinasaan (28). Iaitu Neraka Jahannam yang akan dimasuki mereka dan itulah seburuk-buruk tempat kediaman(29). Mereka telah mengadakan sekutu-sekutu bagi Allah untuk menyesatkan orang ramai dari jalan Allah. Katakanlah: Berpoya-poyalah kamu di dalam keni'matan (dunia), kerana sesungguhnya tempat kesudahan kamu kelak ialah Neraka."(30)

Yakni tidakkah engkau melihat satu keadaan yang aneh, iaitu keadaan orang-orang yang telah dianugerahi ni'mat Allah dalam bentuk pengiriman seorang rasul, dalam bentuk da'wah kepada keimanan, dalam bentuk kepimpinan ke arah mendapat keampunan Allah dan ke arah kesudahan mendapat Syurga, tiba-tiba mereka menolak semua ni'mat itu dan memilih kekufuran sebagai gantinya. Mereka adalah ketua-ketua dan pemimpin-pemimpin besar kaum engkau. Sikap mereka sama sahaja dengan ketua-ketua dan pemimpin-pemimpin besar setiap kaum. Dengan penukaran yang aneh ini, mereka telah memimpin kaum mereka ke Neraka Jahannam dan menempatkan mereka di dalamnya sebagaimana kita telah saksikan sekejap tadi nasib kaum-kaum di zaman silam. Itulah seburuk-buruk tempat kediaman.

Tidakkah engkau melihat tindak-tanduk kaum yang ganjil itu setelah mereka melihat sendiri akibat yang telah menimpa umat-umat sebelum mereka. Al-Qur'an telah menayangkan peristiwa itu dengan jelas kepada mereka di dalam pemandangan-pemandangan cerita yang telah dibicarakan oleh pusingan pertama surah ini. Al-Qur'an telah menayangkan peristiwa itu seolah-olah ia benar-benar telah berlaku. Memanglah menjadi cara Al-Qur'an menayangkan sesuatu yang tetap akan berlaku itu dalam bentuk sesuatu yang telah berlaku yang dapat disaksikan.

Mereka telah menukar ni'mat pengiriman rasul dan da'wahnya dengan kekufuran, sedangkan rasul menyeru mereka kepada 'aqidah tauhid tetapi mereka menolaknya:

Pemimpin-pemimpin Yang Membantu Kaum Mereka Ke Dalam Kancah Kebinasaan

وَجَعَلُوا۟ لِلَّهِ أَندَادًا لِّيُضِلُّوا۟ عَن سَبِيلِهِۦ ۗ

"Mereka telah mengadakan sekutu-sekutu bagi Allah untuk menyesatkan orang ramai dari jalan Allah."(30)

Yakni mereka mengadakan sekutu-sekutu yang setanding dengan Allah kemudian mereka menyembah mereka sama seperti mereka menyembah Allah. Mereka tunduk kepada kuasa mereka sama seperti mereka tunduk kepada kuasa Allah. Mereka memberi sifat-sifat kepada mereka sama dengan sifat-sifat Uluhiyah Allah S.W.T.

Tujuan mereka mengadakan sekutu-sekutu itu ialah untuk menyesatkan orang ramai dari jalan Allah Yang Maha Esa yang tidak berbilang-bilang dan tidak pula bersimpang-siur.

Ayat ini menuding kepada pembesar-pembesar kaum Quraysy yang sengaja bertujuan untuk menyesatkan kaum mereka dari jalan Allah apabila mereka bertuhankan sekutu-sekutu yang lain dari Allah. 'aqidah tauhid itu merupakan ancaman terhadap kuasa tuhan-tuhan palsu dan kepentingan-kepentingan mereka di setiap zaman, bukan sahaja di zaman jahiliyah yang pertama, malah di setiap zaman

jahiliyah, di mana manusia menyeleweng dari 'aqidah tauhid yang sempurna dalam apa-apa bentuk penyelewengan sekalipun, iaitu mereka menyerah teraju kepimpinan kepada pembesar-pembesar mereka dan mereka mengorbankan kebebasan dan syakhsiyah mereka untuk pembesar-pembesar itu. Mereka tunduk kepada keinginan dan hawa nafsu pembesar-pembesar mereka. Mereka menerima peraturan-peraturan dan undang-undang yang diciptakan oleh hawa nafsu para pembesar itu, bukannya diambil dari wahyu Allah. Di waktu inilah da'wah mentauhidkan Allah menjadi suatu ancaman kepada pembesar-pembesar itu, dan ancaman ini akan dihindari mereka dengan segala sarana. Di antara sarana-sarana itu ialah menyembah tuhan-tuhan yang dijadikan sekutu-sekutu kepada Allah seperti di zaman jahiliyah, dan di antaranya lagi ialah menggunakan undang-undang dan peraturan-peraturan ciptaan manusia seperti di zaman ini, iaitu undang-undang dan peraturan-peraturan yang menyuruh manusia dengan suruhan-suruhan yang tidak disuruhkan Allah dan melarang mereka dengan larangan-larangan yang tidak dilarangkan Allah. Para penggubah undang-undang dan peraturan diletak sejajar dan setanding dengan Allah di dalam jiwa orang-orang yang tersesat dari jalan Allah dan di alam realiti kehidupan.

Oleh itu wahai Rasul katakanlah:

قُلْ تَمَتَّعُوا۟ فَإِنَّ مَصِيرَكُمْ إِلَى ٱلنَّارِ ﴿٣٠﴾

"Katakanlah: Berpoya-poyalah kamu di dalam keni'matan (dunia) kerana sesungguhnya tempat kesudahan kamu kelak ialah Neraka."(30)

Yakni katakanlah kepada kaum Quraysy: Berpoya-poyalah kamu sebentar di dalam kemewahan hidup di dunia ini sehingga sampai kepada tempoh yang telah ditetapkan Allah, di mana akibatnya kamu akan menemui kesudahan terjerumus ke dalam Neraka.

Wahai Rasul: Tinggalkanlah mereka dan perintahlah kepada hamba-hamba-Ku yang beriman dan berilah nasihat dan pengajaran kepada mereka yang berguna diajar, iaitu orang-orang yang menerima ni'mat Allah dan tidak menolaknya dan tidak pula menukarkannya dengan kekufuran. Pergilah kepada mereka dan ajarlah mereka bagaimana hendak bersyukur kepada Allah dengan ibadat, keta'atan dan membuat kebaktian kepada hamba-hamba Allah:

قُل لِّعِبَادِىَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ يُقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَيُنفِقُوا۟
مِمَّا رَزَقْنَٰهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً مِّن قَبْلِ أَن يَأْتِىَ يَوْمٌ
لَّا بَيْعٌ فِيهِ وَلَا خِلَٰلٌ ﴿٣١﴾

"Katakanlah kepada hamba-hamba-Ku yang beriman: Hendaklah mereka mendirikan solat dan membelanjakan sebahagian dari rezeki yang Kami telah kurniakan kepada mereka sama ada secara diam-diam atau secara terang-terangan sebelum datangnya hari Qiamat, di mana tiada lagi sebarang jualbeli dan sebarang persahabatan."(31)

Yakni nasihatlah kepada hamba-hamba-Ku yang beriman supaya bersyukur kepada Allah dengan mendirikan solat, kerana solat merupakan pernyataan syukur kepada Allah yang paling istimewa, juga dengan membelanjakan sebahagian rezeki yang dikurniakan kepada mereka sama ada secara diam-diam atau secara terang-terangan. Pemberian secara diam-diam itu adalah bertujuan untuk memelihara kehormatan pihak yang menerima dan mengawal keangkuhan pihak yang memberi, supaya pemberian itu bukan dengan tujuan untuk berbangga-bangga dan bermegah-megah. Pemberian secara terang-terangan itu adalah bertujuan untuk mengisytiharkan kepatuhan dan keta'atan berkorban dan menunaikan kewajipan dan untuk menjadi contoh teladan yang baik kepada masyarakat. Kedua-dua cara infaq ini adalah terserah kepada kepekaan hati seseorang Mu'min dan kepada pertimbangannya setelah menilaikan latar keadaan.

Nasihatlah kepada mereka supaya menginfaqkan harta mereka untuk menambahkan stok simpanan amalan mereka sebelum tiba hari Qiamat, di mana harta kekayaan tidak dapat ditambah dengan sesuatu perniagaan dan di mana persahabatan tidak berguna sedikit pun. Yang berguna hanya amalan-amalan simpanan sahaja:

مِّن قَبْلِ أَن يَأْتِىَ يَوْمٌ لَّا بَيْعٌ فِيهِ وَلَا خِلَٰلٌ ﴿٣١﴾

"Sebelum datangnya hari Qiamat dimana tiada lagi sebarang jualbeli dan sebarang persahabatan."(31)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 32 - 34)

Manusia Yang Dikongkong Jahiliyah Tidak Pernah Membaca Kitab Alam Buana

Di sini Al-Qur'an membuka kitab alam buana dengan seluas-luasnya, di mana baris-baris tulisannya yang besar memperkatakan tentang ni'mat-ni'mat Allah yang tidak terhitung banyaknya. Lembaran-lembarannya yang lebar itu memuat aneka ni'mat sejauh mata memandang, iaitu ni'mat-ni'mat langit dan bumi, matahari dan bulan, malam dan siang, air hujan yang turun dari langit, buah-buahan dari tumbuh-tumbuhan yang tumbuh di bumi, ni'mat-ni'mat lautan, di mana meluncurnya kapal-kapal dengan lajunya dan ni'mat sungai-sungai yang membawa berbagai-bagai rezeki. Lembaran-lembaran kitab alam buana ini sentiasa terdedah kepada pemandangan mata, tetapi sayang manusia yang sedang tenggelam di dalam jahiliyah itu tidak pernah melihat, membaca, memikir dan bersyukur! Sesungguhnya manusia amat zalim dan amat kufur. Mereka menukarkan ni'mat Allah dengan kekufuran. Mereka mengadakan sekutu-sekutu bagi Allah, sedangkan Allah itu Pencipta, Pemberi rezeki yang menundukkan seluruh alam ini kepada manusia:

ٱللَّهُ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ وَأَنزَلَ مِنَ
ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَأَخْرَجَ بِهِۦ مِنَ ٱلثَّمَرَٰتِ رِزْقًا لَّكُمْ ۖ
وَسَخَّرَ لَكُمُ ٱلْفُلْكَ لِتَجْرِىَ فِى ٱلْبَحْرِ بِأَمْرِهِۦ ۖ
وَسَخَّرَ لَكُمُ ٱلْأَنْهَٰرَ ﴿٣٢﴾
وَسَخَّرَ لَكُمُ ٱلشَّمْسَ وَٱلْقَمَرَ دَآئِبَيْنِ ۖ وَسَخَّرَ لَكُمُ
ٱلَّيْلَ وَٱلنَّهَارَ ﴿٣٣﴾
وَءَاتَىٰكُم مِّن كُلِّ مَا سَأَلْتُمُوهُ ۚ وَإِن تَعُدُّوا۟
نِعْمَتَ ٱللَّهِ لَا تُحْصُوهَآ ۗ إِنَّ ٱلْإِنسَٰنَ لَظَلُومٌ
كَفَّارٌ ﴿٣٤﴾

"Allahlah yang telah menciptakan langit dan bumi dan menurunkan air hujan dari langit, lalu Dia mengeluarkan dengan siramannya berbagai-bagai buah-buahan sebagai rezeki bagi kamu, dan Dialah yang telah menundukkan kapal-kapal belayar di dalam laut dengan perintah-Nya dan Dialah juga yang telah menundukkan sungai-sungai untuk kamu(32). Dan Dialah yang telah menundukkan untuk kamu matahari dan bulan yang sentiasa beredar dan menundukkan untuk kamu malam dan siang(33). Dan Dialah yang telah mengurniakan kepada kamu segala apa yang dipinta kamu dan jika kamu hendak menghitungkan ni'mat-ni'mat Allah tentulah kamu tidak dapat mengirakannya satu persatu, sesungguhnya manusia itu amat zalim dan amat kufur."(34)

Itulah serangan. Itulah sebatan cemeti yang menggigit hati nurani. Itulah serangan dengan senjata-senjata besar langit dan bumi, matahari dan bulan, malam dan siang, laut dan sungai, hujan dan buah-buahan, itulah cemeti-cemeti yang mempunyai nada dan dengung. Itulah sebatan cemeti yang membelasah manusia yang amat zalim dan amat kufur itu.

Di antara mu'jizat Al-Qur'an ialah ia mengikatkan segala pemandangan alam buana dan segala perasaan dan fikiran dengan 'aqidah tauhid, ia mengubahkan setiap pancaran cahaya di alam buana atau di dalam hati nurani manusia menjadi sebuah dalil atau sebuah saranan. Demikianlah alam buana dengan segala isi dan penghuninya berubah menjadi sebuah pameran bukti-bukti keesaan dan kekuasaan Allah, di mana dapat dilihat ciptaan-ciptaan qudrat Allah yang amat seni dan dapat dilihat kesan-kesannya di dalam setiap pemandangannya, dalam setiap gambaran dan bayangan. Al-Qur'an tidak membicarakan persoalan Uluhiyah dan 'Ubudiyah secara perdebatan mental semata-mata dan tidak pula secara perbahasan ilmu ketuhanan yang abstrak dan secara perbahasan falsafah metafizika, iaitu cara-cara perbahasan yang mati dan kering, perbahasan yang tidak menyentuh hati manusia, tidak meninggalkan kesan dan tidak ada apa-apa inspirasi kepadanya, malah Al-Qur'an membicarakan persoalan ini di tengah-tengah kejadian dan pemandangan-pemandangan alam buana yang waqi'i, yang memberi kesan dan inspirasi. Ia membicarakannya di bidang-bidang penciptaan Allah, di bidang-bidang sentuhan-sentuhan fitrah semulajadi dan tanggapan-tanggapan yang jelas. Ia membicarakannya dengan uslub yang indah dan seimbang.

Pemandangan yang besar yang dilukiskan di sini ialah pemandangan ni'mat-ni'mat Allah dan limpah kurnia-Nya, di mana lukisan yang indah itu melukiskan ni'mat-ni'mat itu mengikut hubungannya dengan manusia, misalnya lukisan langit dan bumi diikuti oleh lukisan yang menggambarkan air hujan yang turun dari langit dan buah-buahan dari pokok-pokok yang tumbuh di bumi berkat siraman air hujan itu. Lukisan laut menggambarkan kapal-kapal yang belayar. Lukisan sungai menggambarkan berbagai-bagai rezeki yang dibawa olehnya. Kemudian ditayangkan satu lukisan yang lain yang menggambarkan bumi yang berhubung dengan matahari dan bulan, iaitu lukisan malam dan siang dan akhir sekali menggambar lukisan umum yang mewarna dan membayangi seluruh lembaran alam kepada lukisan itu:

وَءَاتَىٰكُم مِّن كُلِّ مَا سَأَلْتُمُوهُ ۚ وَإِن تَعُدُّوا۟
نِعْمَتَ ٱللَّهِ لَا تُحْصُوهَآ ۗ

"Dan Dialah yang telah mengurniakan kepada kamu segala apa yang dipinta kamu dan andainya kamu hendak menghitungkan ni'mat-ni'mat Allah tentulah kamu tidak dapat mengirakannya satu persatu."(34)

Inilah lukisan Al-Qur'an yang berdaya mu'jizat, di mana setiap sentuhan, setiap garis, setiap warna dan setiap bayang kelihatan seimbang di dalam pemandangan alam buana dan dalam pameran ni'mat-ni'mat Allah itu.

Tidakkah semua ni'mat ini dijadikan untuk manusia? Tidakkah seluruh alam buana yang besar ini dijadikan untuk makhluk insan yang kerdil itu? Langit menurunkan hujan lalu disambut oleh bumi, dan hasil pertemuan di antara ke duanya lahirlah berbagai-bagai buahan. Laut membolehkan kapal belayar dengan keizinan Allah. Sungai-sungai mengalir membawa hayat dan aneka rezeki untuk kepentingan manusia, matahari dan bulan beredar tekun tanpa jemu dan malam dan siang silih berganti. Tidakkah semua ni'mat itu dijadikan untuk manusia? Kemudian mengapa pula mereka tidak bersyukur dan mengingati Allah?

إِنَّ ٱلْإِنسَٰنَ لَظَلُومٌ كَفَّارٌ ﴿٣٤﴾

"Sesungguhnya manusia itu amat zalim dan amat kufur."(34)

ٱللَّهُ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ

"Allahlah yang telah menciptakan langit dan bumi."(32)

Namun demikian manusia masih mengadakan sekutu-sekutu bagi Allah. Bagaimana mereka sanggup membuat penilaian yang zalim ini dan bagaimana mereka sanggup melakukan kezaliman menyembah makhluk-makhluk Allah di langit atau di bumi?

وَأَنزَلَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَأَخْرَجَ بِهِۦ مِنَ ٱلثَّمَرَٰتِ رِزْقًا لَّكُمْ

"Dan menurunkan air hujan dari langit, lalu Dia mengeluarkan dengan siramannya berbagai-bagai buah-buahan sebagai rezeki bagi kamu."(32)

Proses Mengadakan Sesuatu Rezeki

Tanaman-tanaman merupakan sumber rezeki yang pertama dan sumber ni'mat-ni'mat yang zahir. Hujan dan proses penumbuhan adalah kedua-duanya berlangsung mengikut undang-undang Allah yang mengaturkan alam buana ini. Ia mengikut undang-undang Allah yang membenarkan turunnya air hujan, tumbuhnya tanaman-tanaman dan keluarnya buah-buahan. Semuanya disesuaikan untuk faedah manusia. Proses menumbuhkan sebutir bijian memerlukan kepada satu kekuatan yang menguasai seluruh alam buana ini, iaitu kekuatan yang dapat menggunakan seluruh jirim-jirim alam dan gejala-gejalanya untuk menumbuhkan bijian ini dan membantunya dengan faktor-faktor yang menyuburkan hayatnya seperti tanah, air, cahaya dan udara. Apabila seseorang itu mendengar kata-kata "rezeki", maka yang terlintas di dalam benaknya hanyalah gambaran mencari wang, sedangkan pengertian "rezeki" jauh lebih luas dan mendalam dari itu lagi. Sekecil-kecil rezeki yang diterima manusia di alam ini memerlukan kepada proses menggerakkan jirim-jirim alam ini mengikut satu peraturan dan undang-undang yang mengaturkan ratusan ribu penyesuaian dan pengimbangan yang selaras, dan tanpa penyesuaian dan pengimbangan ini, maka makhluk manusia ini dari awal-awal lagi tidak akan wujud, dan selepas wujudnya tidak akan ada lagi hayat dan kelanjutan hayat. Di dalam ayat-ayat ini Al-Qur'an hanya berpada dengan menyebut penciptaan jirim-jirim langit dan gejala-gejala alam agar manusia dapat memahami sendiri bagaimana dirinya itu dipelihara dan dijaga oleh qudrat Allah.

وَسَخَّرَ لَكُمُ ٱلْفُلْكَ لِتَجْرِىَ فِى ٱلْبَحْرِ بِأَمْرِهِۦ

"Dan Dialah yang telah menundukkan kapal-kapal belayar di dalam laut dengan perintah-Nya."(32)

Kapal-kapal itu meluncur di dalam laut dengan ciri-ciri yang dijadikan Allah pada anasir-anasir yang dapat menggerakkan kapal di permukaan air dan ciri-ciri yang dijadikan Allah pada manusia yang membolehkan mereka memahami undang-undang sesuatu. Seluruhnya itu dijadikan dengan perintah Allah untuk kepentingan manusia.

وَسَخَّرَ لَكُمُ ٱلْأَنْهَٰرَ ﴿٣٢﴾

"Dan Dialah juga yang menundukkan sungai-sungai untuk kamu."(32)

Apabila sungai-sungai mengalir, maka hayat pun mengalir dan apabila ia membanjiri, maka kebajikan pun membanjiri. Sungai-sungai itu membawa di dalam perutnya berbagai-bagai jenis ikan, rumput-rampai dan aneka kebajikan. Semuanya untuk faedah manusia dan makhluk-makhluk yang digunakan manusia seperti burung-burung dan haiwan.

وَسَخَّرَ لَكُمُ ٱلشَّمْسَ وَٱلْقَمَرَ دَآئِبَيْنِ

"Dan Dialah yang telah menundukkan untuk kamu matahari dan bulan yang sentiasa beredar."(33)

Manusia tidak menggunakan matahari dan bulan secara langsung sebagaimana mereka menggunakan air, buah-buahan, lautan-lautan, kapal-kapal dan sungai-sungai, tetapi mereka mendapat faedah dari kesan-kesan keduanya. Dari matahari dan bulan mereka mendapat bahan-bahan hayat dan tenaga-tenaganya. Kedua-duanya diciptakan Allah dengan undang-undang alam agar keduanya dapat mengeluarkan hasil-hasil yang boleh digunakan oleh manusia di dalam hidup dan kehidupannya, juga dalam proses pembinaan dan pembaharuan sel-sel tubuhnya.

وَسَخَّرَ لَكُمُ ٱلَّيْلَ وَٱلنَّهَارَ ﴿٣٣﴾

"Dan menundukkan untuk kamu malam dan siang."(33)

Yakni Allah menundukkan kedua-duanya mengikut keperluan manusia dan struktur kejadiannya dan sesuai dengan kegiatan dan kerehatannya. Jika semuanya siang atau semuanya malam tentulah alat-alat jasmani manusia rosak dan segala sesuatu yang ada di sekelilingnya juga rosak dan sudah tentu hidupnya, kegiatannya dan daya pengeluarannya menjadi lumpuh.

Ini hanya garis-garis kasar di atas lembaran ni'mat-ni'mat Allah yang amat banyak itu, sedangkan setiap garis itu mengandungi titik-titik yang tidak terhitung banyaknya.

Oleh sebab itulah ayat yang berikut merangkumkan segala ni'mat-ni'mat yang lain secara menyeluruh sesuai dengan lukisan yang besar dan suasana yang syumul itu:

وَءَاتَىٰكُم مِّن كُلِّ مَا سَأَلْتُمُوهُ

"Dan Dialah yang telah mengurniakan kepada kamu segala apa yang dipinta kamu."(34)

Iaitu dari ni'mat-ni'mat harta kekayaan, zuriat keturunan, kesihatan, perhiasan dan keni'matan.

وَإِن تَعُدُّوا۟ نِعْمَتَ ٱللَّهِ لَا تُحْصُوهَآ

"Dan andainya kamu hendak menghitungkan ni'mat-ni'mat Allah tentulah kamu tidak dapat mengirakannya satu persatu."(34)

Yakni ni'mat-ni'mat Allah itu adalah terlalu banyak untuk dihitungkan oleh sekumpulan manusia atau seluruh manusia, kerana seluruh mereka terbatas di antara dua batas zaman iaitu batas permulaan dan batas akhiran, juga terbatas di antara batas-batas ilmu yang tunduk kepada batas-batas zaman dan tempat, sedangkan ni'mat-ni'mat Allah adalah ni'mat yang mutlak di samping ianya tersangat banyak. Justeru itulah ia tidak dapat diketahui dan diliputi oleh daya-daya pemikiran manusia.

Tetapi selepas menerima ni'mat yang sekian banyak kamu masih mengadakan sekutu-sekutu bagi Allah dan masih tidak mensyukuri ni'mat-ni'mat-Nya, malah kamu tergamak menukarkan ni'mat-ni'mat Allah dengan kekufuran.

إِنَّ ٱلْإِنسَٰنَ لَظَلُومٌ كَفَّارٌ ﴿٣٤﴾

"Sesungguhnya manusia itu amat zalim dan amat kufur."(34)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 35 - 41)

Apabila hati nurani manusia sedar dan melihat alam buana di sekelilingnya, dia akan insaf bahawa alam buana ini diciptakan untuk faedah mereka sama ada secara langsung atau secara kesesuaian undang-undangnya dengan kehidupan dan keperluan-keperluan mereka. Apabila ia merenungi kejadian-kejadian di sekelilingnya dia akan sedar bahawa alam buana ini adalah sahabat manusia dengan naungan rahmat Allah dan pembantu manusia dengan qudrat Allah dan alat yang ta'at kepada manusia setelah ditundukkan Allah kepada mereka. Apabila hati nurani manusia sedar, melihat, merenungi dan berfikir dengan teliti tentulah dia akan gementar, khusyu', sujud dan bersyukur. Dia selama-lamanya akan bertawajjuh kepada Allah yang telah menganugerahi berbagai-bagai ni'mat kepadanya. Dia akan bertawajjuh kepada Allah di waktu susah supaya Allah menggantikan kesusahan itu dengan kesenangan. Ia akan bertawajjuh kepada-Nya di waktu senang supaya Allah mengekalkan ni'mat-ni'mat kesenangannya.

Satu contoh yang kamil bagi manusia yang sentiasa mengingati Allah dan bersyukur kepada-Nya ialah bapa para Anbia' Ibrahim a.s. Sifat-sifat beliau menaungi surah ini sebagaimana ia dinaungi ni'mat-ni'mat Allah dan sikap manusia terhadapnya sama ada bersyukur atau mengkufur. Oleh sebab itulah ayat-ayat berikut memperkatakan hal beliau dalam satu pemandangan yang khusyu', yang dinaungi rasa kesyukuran dan rendah diri, iaitu satu pemandangan di mana suara do'anya bergema dengan nada-nada yang merdu, lembut dan beralun-alun menuju ke langit.

وَإِذْ قَالَ إِبْرَٰهِيمُ رَبِّ ٱجْعَلْ هَٰذَا ٱلْبَلَدَ ءَامِنًا
وَٱجْنُبْنِى وَبَنِىَّ أَن نَّعْبُدَ ٱلْأَصْنَامَ ﴿٣٥﴾
رَبِّ إِنَّهُنَّ أَضْلَلْنَ كَثِيرًا مِّنَ ٱلنَّاسِ ۖ فَمَن تَبِعَنِى
فَإِنَّهُۥ مِنِّى ۖ وَمَنْ عَصَانِى فَإِنَّكَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٣٦﴾
رَّبَّنَآ إِنِّىٓ أَسْكَنتُ مِن ذُرِّيَّتِى بِوَادٍ غَيْرِ ذِى زَرْعٍ
عِندَ بَيْتِكَ ٱلْمُحَرَّمِ رَبَّنَا لِيُقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ
فَٱجْعَلْ أَفْـِٔدَةً مِّنَ ٱلنَّاسِ تَهْوِىٓ إِلَيْهِمْ وَٱرْزُقْهُم
مِّنَ ٱلثَّمَرَٰتِ لَعَلَّهُمْ يَشْكُرُونَ ﴿٣٧﴾
رَبَّنَآ إِنَّكَ تَعْلَمُ مَا نُخْفِى وَمَا نُعْلِنُ ۗ وَمَا يَخْفَىٰ عَلَى
ٱللَّهِ مِن شَىْءٍ فِى ٱلْأَرْضِ وَلَا فِى ٱلسَّمَآءِ ﴿٣٨﴾
ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ ٱلَّذِى وَهَبَ لِى عَلَى ٱلْكِبَرِ إِسْمَٰعِيلَ
وَإِسْحَٰقَ ۚ إِنَّ رَبِّى لَسَمِيعُ ٱلدُّعَآءِ ﴿٣٩﴾
رَبِّ ٱجْعَلْنِى مُقِيمَ ٱلصَّلَوٰةِ وَمِن ذُرِّيَّتِى ۚ رَبَّنَا
وَتَقَبَّلْ دُعَآءِ ﴿٤٠﴾
رَبَّنَا ٱغْفِرْ لِى وَلِوَٰلِدَىَّ وَلِلْمُؤْمِنِينَ يَوْمَ يَقُومُ
ٱلْحِسَابُ ﴿٤١﴾

"Dan (kenangilah) ketika Ibrahim berdo'a: Wahai Tuhanku! Jadikanlah negeri ini (Makkah) sebuah negeri yang aman dan jauhkan daku dan anak-anak cucuku dari menyembah berhala-berhala(35). Wahai Tuhanku! Sesungguhnya berhala-berhala itu telah menyesatkan sebilangan manusia yang ramai. Oleh itu sesiapa yang mengikutku, maka dia adalah dari golonganku dan sesiapa yang menderhaka kepadaku, maka sesungguhnya Engkau adalah Maha Pengampun dan Maha Pengasih (36). Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku telah menempatkan sebahagian dari zuriatku di suatu lembah yang tidak mempunyai tanaman berhampiran dengan rumah-Mu yang dihormati, wahai Tuhan kami, supaya mereka mendirikan solat. Oleh itu jadikanlah hati sebahagian manusia cenderung kepada mereka dan kurniakanlah rezeki kepada mereka dari berbagai-bagai buah-buahan semoga mereka bersyukur(37). Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau Mengetahui segala apa yang kami sembunyi dan segala apa yang kami nyatakan, dan tiada suatu pun yang tersembunyi kepada Allah baik di bumi mahupun di langit(38). Segala kepujian terpulang kepada Allah yang telah mengurniakan kepadaku di masa tua Ismail dan Ishaq. Sesungguhnya Tuhanku Maha Mendengar do'a(39). Wahai Tuhanku! Jadikan daku dan anak-anak cucuku orang-orang yang tetap mendirikan solat. Wahai Tuhan kami! Perkenankanlah do'aku!(40). Wahai Tuhan kami! Kurniakanlah keampunan kepadaku dan kepada dua ibubapaku dan sekalian para Mu'minin pada hari berlakunya hisab."(41)

Do'a Abadi Ibrahim a.s.

Ayat-ayat ini menggambarkan Ibrahim a.s. sedang berada di Baitullah yang telah dibinakannya di negeri Makkah yang kini berada di tangan kaum Quraysy, tetapi di rumah inilah mereka mengkufuri Allah. Mereka bergantung kepada rumah ini, sedangkan pada asalnya ia dibina untuk beribadat kepada Allah. Ayat-ayat ini menggambarkan Ibrahim dalam satu pemandangan yang merendahkan diri, khusyu', mengingati Allah dan bersyukur kepada-Nya untuk mengembalikan orang-orang yang ingkar itu kepada pengakuan dan memulangkan orang-orang yang kufur kepada kesyukuran, memulangkan orang-orang yang lalai kepada mengingati Allah dan seterusnya untuk memulangkan anak-anak cucunya yang sesat itu ke jalan moyang mereka semoga mereka mengikut jejaknya dan menerima hidayat.

Ibrahim a.s. memulakan do'anya:

رَبِّ ٱجْعَلْ هَٰذَا ٱلْبَلَدَ ءَامِنًا

"Wahai Tuhanku! Jadikanlah negeri ini (Makkah) sebuah negeri yang aman."(35)

Ni'mat keamanan adalah satu ni'mat yang benar-benar menyentuh hati manusia. Ia memberi kesan yang amat besar di dalam perasaannya. Ia mempunyai hubungan yang rapat dengan keinginan manusia terhadap keselamatan dirinya. Ayat ini menyebut ni'mat keamanan di sini untuk menyedarkan penduduk negeri Makkah yang telah lupa kepada ni'mat ini dan tidak mensyukurinya lagi. Allah telah memperkenankan do'a moyang mereka Ibrahim lalu menjadikan negeri Makkah ini sebuah negeri yang aman sentosa, tetapi sayang! Mereka telah memilih jalan yang lain dari jalan yang diikuti Ibrahim. Mereka telah mengkufurkan ni'mat Allah, mengadakan sekutu-sekutu bagi Allah dan menahan orang lain dari jalan Allah. Sesungguhnya do'a moyang mereka Ibrahim yang berikut adalah do'a untuk mencapai ni'mat keamanan:

وَٱجْنُبْنِى وَبَنِىَّ أَن نَّعْبُدَ ٱلْأَصْنَامَ ﴿٣٥﴾

"Dan jauhkan daku dan anak-anak cucuku dari menyembah berhala-berhala."(35)

Di dalam do'a Ibrahim yang kedua ini dapatlah dilihat bagaimana beliau menyerahkan dirinya secara mutlaq kepada Allah dan bagaimana beliau memohon mengenal kepada Allah perasaan hatinya yang paling istimewa, iaitu beliau memohon kepada Allah agar menjauhkan dirinya dan anak cucunya dari agama menyembah berhala. Beliau memohon pertolongan dan hidayat dari Allah dengan do'a ini untuk menunjukkan bahawa hidayat itu adalah satu lagi ni'mat dari ni'mat-ni'mat Allah yang besar. Ia sebenarnya merupakan ni'mat kerana ia dapat menyelamatkan manusia dari kegelapan-kegelapan kepercayaan syirik dan ketololan-ketololannya kepada nur keimanan, kepada Allah dan kepada nur tauhid-Nya. Dengan ni'mat ini manusia dapat keluar dari kesesatan, kebingungan dan pengelanaan tanpa tujuan kepada ma'rifat, ketenteraman, kemantapan dan ketenangan, juga dapat keluar dari keta'atan yang hina kepada tuhan-tuhan palsu kepada keta'atan yang mulia kepada Allah. Ni'mat hidayat itulah satu ni'mat yang dipohonkan Ibrahim a.s. kepada Allah agar Allah memelihara hidayat itu kepadanya dan menjauhkan dirinya dan anak cucunya dari menyembah berhala.

Ibrahim a.s. mengangkatkan do'a ini kerana beliau sendiri telah menyaksi dan mengetahui betapa ramainya manusia dari generasinya dan generasi-generasi sebelumnya yang telah sesat dengan penyembahan berhala-berhala itu. Mereka begitu ramai terpesona kepadanya:

رَبِّ إِنَّهُنَّ أَضْلَلْنَ كَثِيرًا مِّنَ ٱلنَّاسِ

"Wahai Tuhanku! Sesungguhnya berhala-berhala itu telah menyesatkan sebilangan manusia yang ramai."(36)

Kemudian beliau menyambung do'anya, iaitu sesiapa yang mengikut agamaku dan tidak terpesona kepada berhala-berhala, maka dia adalah golonganku yang bertemu denganku dalam satu pertalian yang agung iaitu pertalian 'aqidah Islam:

فَمَن تَبِعَنِى فَإِنَّهُۥ مِنِّى

"Oleh itu sesiapa yang mengikutku, maka dia adalah dari golonganku."(36)

Dan sesiapa yang tidak mengikutku, maka aku serahkan urusannya kepada-Mu:

وَمَنْ عَصَانِى فَإِنَّكَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٣٦﴾

"Dan sesiapa yang menderhaka kepadaku, maka sesungguhnya Engkau adalah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(36)

Di sinilah ketaranya sifat-sifat Ibrahim yang penyayang, pengasih, banyak bertaubat dan sabar. Beliau tidak memohon supaya Allah terus membinasakan keturunan-keturunannya yang tidak mengikutinya dan menyimpang dari agamanya. Beliau tidak menggesa Allah supaya segera menimpakan 'azab ke atas mereka, malah beliau sama sekali tidak menyebut perkara 'azab, malah terus menyerahkan mereka kepada keampunan dan rahmat Allah. Beliau menjadikan suasana pemandangan ini dinaungi bayang-bayang keampunan dan rahmat Allah, dan di bawah bayangan inilah hilangnya bayangan kederhakaan. Oleh itu Ibrahim yang pengasih dan sabar tidak lagi mendedahkannya.

Ibrahim a.s meneruskan do'anya, di mana beliau menyebut usaha beliau menempatkan setengah anak cucunya di lembah yang tandus berhampiran dengan Baitullahil-Haram, dan beliau juga menyebut tugas yang kerananya beliau menempatkan mereka di bumi yang tandus ini supaya tugas itu dilaksanakan mereka:

رَّبَّنَآ إِنِّىٓ أَسۡكَنتُ مِن ذُرِّيَّتِى بِوَادٍ غَيۡرِ ذِى زَرۡعٍ عِندَ بَيۡتِكَ ٱلۡمُحَرَّمِ

"Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku telah menempatkan sebahagian dari zuriatku di suatu lembah yang tidak mempunyai tanaman berhampiran dengan rumah-Mu yang dihormati."(37)

Mengapa?

رَبَّنَا لِيُقِيمُواْ ٱلصَّلَوٰةَ

"Wahai Tuhan kami, supaya mereka mendirikan solat."(37)

Inilah tujuan mereka ditempatkan di sana dan kerana tujuan inilah mereka harus sanggup menghadapi keadaan negeri yang tandus yang tidak dapat membeli apa-apa.

فَٱجۡعَلۡ أَفۡـِٔدَةً مِّنَ ٱلنَّاسِ تَهۡوِىٓ إِلَيۡهِمۡ

"Oleh itu jadikanlah hati sebahagian manusia cenderung kepada mereka."(37)

Ungkapan ini membayangkan kelembutan hati dan kehalusan perasaannya yang berkobar-kobar menyintai Baitullah dan keluarganya di lembah yang tandus itu. Itulah satu ungkapan yang amat lembut yang membasahkan suasana tandus dengan kasihan belas hati manusia.

وَٱرۡزُقۡهُم مِّنَ ٱلثَّمَرَٰتِ

"Dan kurniakanlah rezeki kepada mereka dari berbagai-bagai buah-buahan."(37)

Yakni kurniakanlah rezeki buah-buahan itu melalui hati manusia yang menaruh kasih sayang kepada mereka dari merata pelosok negeri, Mengapa? Apakah tujuannya supaya mereka dapat makan dengan penuh ni'mat? Ya, tetapi dari sinilah semoga terbitnya apa yang diharap-harapkan Ibrahim yang sentiasa bersyukur kepada Allah itu, iaitu:

لَعَلَّهُمۡ يَشۡكُرُونَ ﴿٣٧﴾

"Semoga mereka bersyukur."(37)

Demikianlah ayat ini mendedahkan tujuan mereka ditempatkan berhampiran dengan Baitullah, iaitu untuk mengerjakan ibadat solat mengikut peraturan-peraturannya yang sempurna semata-mata kerana Allah. Juga mendedahkan matlamat do'a beliau yang memohon supaya manusia menaruh perasaan kasih mesra terhadap penghuni-penghuni di sekitar Baitullah dan membawa rezeki buah-buahan dari merata dunia, iaitu supaya mereka bersyukur kepada Allah yang menganugerah ni'mat yang melimpah-ruah.

Dalam suasana do'a ini nampak jelas perbezaan sikap kaum Quraysy yang menjadi jiran tetangga Baitullah itu. Mereka tidak mendirikan solat kerana Allah dan tidak bersyukur kepada Allah setelah do'a (moyang mereka) diperkenankan Allah dan setelah hati manusia (di merata pelosok dunia) menaruh perasaan kasih mesra terhadap mereka dan membawa aneka buah-buahan kepada mereka.

Kemudian Ibrahim a.s. iringi do'anya terhadap zuriat keturunannya yang tinggal di sekitar Baitullah dengan tujuan untuk mendirikan ibadat solat dan bersyukur dengan satu pernyataan yang merakamkan ilmu Allah yang mengetahui segala isi hati manusia yang bertawajjuh, bersyukur dan berdo'a kepada-Nya. Tujuan (beribadat kepada Allah di Baitullah itu) bukannya mengadakan perarakan-perarakan, membaca do'a-do'a, bertepuk-tepuk tangan dan bersiul-siulan, malah tujuannya ialah bertawajjuh kepada Allah yang mengetahui segala yang tersembunyi dan segala yang nyata dan tiada suatu pun di bumi dan di langit yang tersembunyi dari ilmu Allah:

رَبَّنَآ إِنَّكَ تَعۡلَمُ مَا نُخۡفِى وَمَا نُعۡلِنُ ۗ وَمَا يَخۡفَىٰ عَلَى ٱللَّهِ مِن شَىۡءٍ فِى ٱلۡأَرۡضِ وَلَا فِى ٱلسَّمَآءِ ﴿٣٨﴾

"Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau Mengetahui segala apa yang kami sembunyikan dan segala apa yang kami nyatakan dan tiada suatu pun yang tersembunyi kepada Allah baik di bumi mahupun di langit."(38)

Ibrahim a.s. menyebut ni'mat Allah yang telah dikurniakan kepada beliau sebelum ini. Ia melafazkan kepujian dan kesyukuran terhadap Allah selaku seorang hamba yang soleh yang sentiasa mengingati Allah dan bersyukur:

Kesyukuran Ibrahim a.s. Kerana Mendapat Zuriat Yang Soleh

ٱلۡحَمۡدُ لِلَّهِ ٱلَّذِى وَهَبَ لِى عَلَى ٱلۡكِبَرِ إِسۡمَٰعِيلَ وَإِسۡحَٰقَ ۚ إِنَّ رَبِّى لَسَمِيعُ ٱلدُّعَآءِ ﴿٣٩﴾

"Segala kepujian terpulang kepada Allah yang telah mengurniakan kepadaku di masa tua Ismail dan Ishaq. Sesungguhnya Tuhanku Maha Mendengar do'a."(39)

Pengurniaan zuriat dalam usia yang tua itu amat mengharukan hati, kerana zuriat adalah kesinambungan keturunan. Alangkah besarnya ni'mat zuriat itu apabila dikurniakan semasa seorang merasa sedang berada berhampiran dengan akhir usianya dan merasa begitu kepingin kepada kelanjutan keturunan. Ibrahim a.s. menyatakan kesyukurannya kepada Allah dan mengharapkan limpah rahmat-Nya:

إِنَّ رَبِّى لَسَمِيعُ ٱلدُّعَآءِ ﴿٣٩﴾

"Sesungguhnya Tuhanku Maha Mendengar do'a."(39)

Kemudian beliau iringi pula dengan do'a agar Allah menjadikannya seorang yang sentiasa bersyukur dengan mengerjakan ibadat dan keta'atan. Di sini beliau menyatakan keazamannya untuk mengerjakan ibadat solat dan kebimbangannya dihalangi dan diselewengkan darinya oleh sesuatu yang lain. Beliau

memohon pertolongan Allah agar keazamannya itu terlaksana dan do'anya terkabul:

رَبِّ ٱجْعَلْنِى مُقِيمَ ٱلصَّلَوٰةِ وَمِن ذُرِّيَّتِى ۚ رَبَّنَا
وَتَقَبَّلْ دُعَآءِ ﴿٤٠﴾

"Wahai Tuhanku! Jadikan daku dan anak-anak cucuku orang-orang yang tetap mendirikan solat. Wahai Tuhan kami! Perkenankanlah do'aku!"(40)

Dalam suasana do'a ini sekali lagi nampak jelas perbezaan sikap kaum Quraysy yang menjadi jiran tetangga Baitullahi itu. Ibrahim menjadikan pertolongan Allah yang membolehkan beliau mengerjakan ibadat solat itu sebagai suatu harapan beliau yang besar kepada Allah, tetapi orang-orang Quraysy menjauhi ibadat solat dan mendustakan Rasul yang mengingatkan mereka terhadap do'a Ibrahim yang memohon pertolongan agar beliau dan anak cucunya yang kemudian dapat mengelakan ibadat solat dengan tekun.

Kemudian Ibrahim a.s. mengakhiri do'anya yang khusyu' dan rendah diri itu dengan memohon keampunan kepada dirinya, kepada ibubapanya dan kepada seluruh orang yang beriman pada hari hisab kelak, di mana hanya amalan-amalan dan keampunan Allah sahaja yang berguna kepada seseorang:

رَبَّنَا ٱغْفِرْ لِى وَلِوَٰلِدَىَّ وَلِلْمُؤْمِنِينَ يَوْمَ يَقُومُ
ٱلْحِسَابُ ﴿٤١﴾

"Wahai Tuhan kami! Kurnialah keampunan kepadaku dan kepada dua ibubapaku dan sekalian para Mu'minin pada hari berlakunya hisab."(41)

Dengan ini berakhirlah pemandangan yang panjang itu, iaitu pemandangan do'a yang khusyu' dan pemandangan penghitungan ni'mat dan kesyukuran terhadap ni'mat dalam nada yang beralun-alun lembut. Ia berakhir setelah ia naungi seluruh suasana dengan bayang-bayang mesra dan lemah-lembut yang membawa hati rindu berlindung kepada Allah dan terkenangkan segala ni'mat-Nya. Ia menggambarkan Ibrahim bapa para Anbia' a.s. itu sebagai contoh seorang hamba yang soleh yang sentiasa mengingati dan bersyukur kepada Allah. Itulah sikap yang seharusnya ditunjukkan oleh hamba-hamba Allah yang ditujukan cerita ini kepada mereka sebelum do'a ini.

Satu perkara yang tidak seharusnya terlepas dari perhatian kita ialah ulangan kata "ابراهيم عليه السلام", "ربنا" atau "رب" dalam setiap do'anya yang khusyu' itu. Ulangan beliau menyebut Rububiyah Allah terhadap dirinya dan anak cucunya itu tentulah mempunyai tujuan yang besar. Beliau tidak menyebut Allah dengan sifat Uluhiyah, malah beliau menyebutnya dengan sifat Rububiyah, kerana sifat Uluhiyah jarang menjadi titik perdebatan di kebanyakan masyarakat-masyarakat jahiliyah terutama masyarakat jahiliyah Arab, tetapi yang selalu menjadi masalah yang dipertikaikan mereka ialah persoalan mengakui Rububiyah Allah, iaitu persoalan kepatuhan kepada Allah dalam kehidupan dunia. Ia merupakan persoalan amali yang berpijak di alam realiti dan berpengaruh dalam kehidupan manusia. Ia merupakan persoalan yang menjadi persimpangan jalan di antara Islam dan jahiliyah, di antara tauhid dan syirik di alam realiti, iaitu sama ada manusia memberi kepatuhan kepada Allah, iaitu mengakui Allah sebagai Tuhan mereka atau memberi kepatuhan kepada yang lain dari Allah, iaitu mengakui yang lain dari Allah sebagai tuhan mereka. Inilah persimpangan jalan di antara tauhid dan syirik, di antara Islam dan jahiliyah dalam realiti kehidupan. Apabila Al-Qur'an menceritakan kepada kaum Musyrikin do'a moyang mereka Ibrahim a.s. dan menekankan dalam do'a itu kata-kata Rububiyah, maka tujuannya ialah untuk menarik perhatian mereka kepada sikap dan amalan mereka yang sangat bertentangan dengan pengertian do'a itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 42 - 45)

Allah Tidak Lalai Terhadap Tindak-tanduk Manusia

Kemudian penjelasan ayat-ayat yang berikut menyempurnakan pembicaraannya mengenai orang-orang yang telah menukarkan ni'mat Allah dengan kekufuran dan memasukkan kaum mereka ke dalam kancah kebinasaan, sedangkan mereka masih lagi berada di dalam kezaliman mereka dan masih lagi belum di'azabkan Allah, iaitu orang-orang yang telah diperintahkan Allah kepada Rasulullah s.a.w. supaya beliau berkata kepada mereka: "Berpoya-poyalah kamu dalam keni'matan hidup dunia kamu kerana nasib kesudahan kamu kelak tetap ke dalam Neraka," dan supaya beliau pergi mendapatkan hamba-hamba Allah yang beriman dan menyuruh mereka mendirikan solat dan membelanjakan harta mereka secara diam-diam dan secara terang-terangan sebelum tiba hari Qiamat, di mana tidak berguna lagi sebarang jualbeli dan sebarang persahabatan.

Ayat yang berikut menyempurnakan pembicaraannya mengenai persediaan-persediaan 'azab yang telah disediakan Allah kepada orang-orang yang mengkufuri ni'mat Allah dan bilakah mereka menerima nasib kesudahan mereka yang tidak dapat dielakkan itu. Persediaan- persediaan itu didedahkan di dalam pemandangan-pemandangan hari Qiamat yang berturut-turut yang membuat kaki dan hati menggelentar.

وَلَا تَحْسَبَنَّ ٱللَّهَ غَٰفِلًا عَمَّا يَعْمَلُ ٱلظَّٰلِمُونَ ۚ
إِنَّمَا يُؤَخِّرُهُمْ لِيَوْمٍ تَشْخَصُ فِيهِ ٱلْأَبْصَٰرُ ﴿٤٢﴾
مُهْطِعِينَ مُقْنِعِى رُءُوسِهِمْ لَا يَرْتَدُّ إِلَيْهِمْ

طَرْفُهُمْ ۖ وَأَفْـِٔدَتُهُمْ هَوَآءٌ ﴿٤٣﴾

"Dan janganlah sekali-kali kamu menyangka Allah itu lalai dari apa yang dilakukan orang-orang yang zalim. Sesungguhnya Allah memberi tempoh kepada mereka sehingga kepada hari (Qiamat), di mana segala mata membelalak(42). Mereka datang tergesa-gesa (menyahut panggilan) dengan mendongakkan kepala mereka, mata mereka tidak berkelip dan hati mereka hampa."(43)

Rasulullah s.a.w. tidak pernah menyangka bahawa Allah itu lalai dari kejahatan-kejahatan yang dilakukan oleh orang-orang yang zalim, tetapi pada lahirnya kelalaian inilah yang kelihatan kepada setengah-setengah orang, kerana melihat orang-orang yang zalim itu terus hidup senang, walaupun mereka mendengar tentang janji Allah yang akan menyeksakan mereka namun mereka belum lagi melihat janji itu telah dilaksanakan ke atas mereka dalam hidup dunia ini. Ayat ini menjelaskan adanya masa yang telah ditetapkan Allah untuk mengazabkan mereka dengan 'azab yang terakhir, yang tiada lagi sebarang tangguhan selepasnya dan tiada lagi peluang mengelakkan diri darinya. 'azab itu akan menimpa mereka pada hari Qiamat yang amat dahsyat, di mana mata manusia membelalak kerana terlalu takut dan cemas. Mata-mata itu terbuka kaget dan tercengang, tidak berkelip dan tidak pula bergerak. Ayat ini juga menggambarkan keadaan mereka yang kelam-kabut. Mereka berjalan tergesa-gesa tanpa menoleh ke sana ke mari dan kepala mereka terdongak-dongak. Ini bukannya dilakukan mereka dengan kemahuan mereka, malah ia berlaku di luar kemahuan mereka. Mereka tidak lagi mempunyai kebebasan bergerak. Mata mereka tertumpu kepada pemandangan-pemandangan ngeri yang menakutkan mereka dan membuat mata mereka tidak berkelip dan hati mereka kosong dan hampa dari sesuatu yang dapat mengingatkan mereka atau sesuatu yang dapat diingatkan mereka.

Inilah hari yang ditempohkan Allah kepada mereka, di mana mereka menghadapi suasana yang dahsyat dan mengerikan, yang tergambar di dalam empat rangkaian ayat yang berikut, di mana mereka kelihatan kaget dan bingung seperti seekor burung yang kecil dalam cengkaman kuku helang yang ngeri:

إِنَّمَا يُؤَخِّرُهُمْ لِيَوْمٍ تَشْخَصُ فِيهِ ٱلْأَبْصَـٰرُ ﴿٤٢﴾

"Sesungguhnya Allah memberi tempoh kepada mereka sehingga kepada hari (Qiamat), di mana segala mata membelalak."(42)

مُهْطِعِينَ مُقْنِعِى رُءُوسِهِمْ لَا يَرْتَدُّ إِلَيْهِمْ
طَرْفُهُمْ ۖ وَأَفْـِٔدَتُهُمْ هَوَآءٌ ﴿٤٣﴾

"Mereka datang tergesa-gesa (menyahut panggilan) dengan mendongakkan kepala mereka, mata mereka tidak berkelip dan hati mereka hampa."(43)

Perjalanan yang termengah-mengah yang ditolak oleh kekuatan luar, dengan kepala yang terdongak di luar kemahuan mereka dan dengan hati yang melayang-layang hampa dari segala ingatan dan pemikiran itu membayangkan betapa dahsyatnya situasi hari Qiamat yang membelalakkan mata manusia itu.

Inilah hari yang ditangguhkan Allah kepada mereka. Inilah hari yang sedang menunggu mereka di Akhirat selepas tangguhan itu. Oleh itu (wahai Muhammad) berilah amaran dan peringatan kepada manusia, kerana apabila tiba hari ini, maka tiada lagi kemaafan dan kesempatan melepaskan diri. Di sini Al-Qur'an melukis satu lagi pemandangan hari yang ngeri yang ditempohkan itu:

وَأَنذِرِ ٱلنَّاسَ يَوْمَ يَأْتِيهِمُ ٱلْعَذَابُ فَيَقُولُ ٱلَّذِينَ
ظَلَمُوا۟ رَبَّنَآ أَخِّرْنَآ إِلَىٰٓ أَجَلٍ قَرِيبٍ نُّجِبْ دَعْوَتَكَ
وَنَتَّبِعِ ٱلرُّسُلَ ۗ أَوَلَمْ تَكُونُوٓا۟ أَقْسَمْتُم مِّن قَبْلُ
مَا لَكُم مِّن زَوَالٍ ﴿٤٤﴾

وَسَكَنتُمْ فِى مَسَـٰكِنِ ٱلَّذِينَ ظَلَمُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ وَتَبَيَّنَ
لَكُمْ كَيْفَ فَعَلْنَا بِهِمْ وَضَرَبْنَا لَكُمُ ٱلْأَمْثَالَ ﴿٤٥﴾

"Berilah peringatan kepada manusia terhadap hari yang akan menimpakan 'azab ke atas mereka, lalu berkatalah orang-orang yang zalim: Wahai Tuhan kami! Berilah tempoh kepada kami ke suatu masa yang dekat nescaya kami menyambut da'wah-Mu dan mengikut para rasul. Bukankah kamu sebelum ini telah bersumpah bahawa kamu tidak akan binasa(44). Dan kamu telah mendiami di tempat-tempat kediaman orang-orang yang menzalimi diri mereka sendiri dan telah ternyata kepada kamu bagaimana Kami telah bertindak terhadap mereka dan Kami telah mengemukakan berbagai perbandingan kepada kamu."(45)

Yakni berilah amaran kepada mereka supaya mengenangkan hari 'azab yang akan menimpa mereka sebagaimana yang digambarkan sekejap tadi. Pada hari itu orang-orang yang zalim akan memohon kepada Allah:

رَبَّنَآ

"Wahai Tuhan kami!"(44)

Sekarang baru mereka memohon kepada Allah, sedangkan dahulunya mereka mengkufurkan Allah dan mengadakan sekutu-sekutu bagi-Nya.

أَخِّرْنَآ إِلَىٰٓ أَجَلٍ قَرِيبٍ نُّجِبْ دَعْوَتَكَ وَنَتَّبِعِ ٱلرُّسُلَ ۗ

"Berilah tempoh kepada kami ke suatu masa yang dekat nescaya kami menyambut da'wah-Mu dan mengikut para rasul."(44)

Di sini penjelasan ayat yang berikut berubah dari cerita kepada ucapan yang ditujukan kepada mereka seolah-olah mereka sedang berada di hadapan kita dan sedang mengemukakan permintaan mereka, dan

seolah-olah kita berada di Akhirat setelah dunia dan segala isinya digulungkan. Ucapan ini dihadapkan oleh malaikat kepada mereka dengan tujuan mencela dan mengecam mereka, juga untuk mengingatkan kesalahan mereka di dalam kehidupan dunia:

أَوَلَمْ تَكُونُوٓا۟ أَقْسَمْتُم مِّن قَبْلُ مَا لَكُم مِّن
زَوَالٍ ﴿٤٤﴾

"Bukankah kamu sebelum ini telah bersumpah bahawa kamu tidak akan binasa?"(44)

Bagaimana kamu lihat sekarang? Apakah kamu binasa atau tidak? Kamu sanggup berkata begitu, sedangkan kesan-kesan umat-umat yang silam terbentang di hadapan kamu sebagai contoh yang terang, bagaimana orang-orang yang zalim itu telah menerima nasib kesudahan yang tidak dapat dielakkan mereka:

وَسَكَنتُمْ فِى مَسَـٰكِنِ ٱلَّذِينَ ظَلَمُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ وَتَبَيَّنَ
لَكُمْ كَيْفَ فَعَلْنَا بِهِمْ وَضَرَبْنَا لَكُمُ ٱلْأَمْثَالَ ﴿٤٥﴾

"Dan kamu telah mendiami di tempat-tempat kediaman orang-orang yang menzalimi diri mereka sendiri dan telah ternyata kepada kamu bagaimana Kami telah bertindak terhadap mereka dan Kami telah mengemukakan berbagai perbandingan kepada kamu."(45)

Amatlah aneh jika kamu telah melihat tempat-tempat kediaman yang ditinggalkan orang-orang yang zalim kemudian kamu tinggal di tempat-tempat itu sebagai ganti mereka dan setelah itu kamu bersumpah:

مَا لَكُم مِّن زَوَالٍ ﴿٤٤﴾

"Bahawa kamu tidak akan binasa."(44)

Dengan kecaman ini berakhirlah pemandangan ini dan fahamlah kita apa yang telah terjadi kepada mereka dan apakah yang telah berlaku selepas gagalnya permintaan mereka.

Contoh-contoh seperti ini sentiasa berulang-ulang dalam kehidupan manusia. Ia berlaku setiap masa. Berapa ramai orang-orang yang zalim yang mengambil tempat orang-orang yang zalim yang telah binasa sebelum mereka atau binasa di tangan mereka, kemudian selepas itu mereka pula menjadi orang-orang yang zalim yang bermaharajalela, dan bertindak menurut jejak penzalim-penzalim yang telah binasa itu setapak demi setapak. Kesan-kesan yang ditinggalkan penzalim-penzalim di tempat-tempat yang didiami mereka itu tidak menggoncangkan hati nurani mereka, iaitu kesan-kesan yang menceritakan sejarah penzalim-penzalim yang binasa itu dan menggambarkan nasib kesudahan yang diterima mereka yang dapat dilihat oleh semua orang. Kemudian akhirnya mereka dibinasakan dengan kebinasaan yang telah menimpa penzalim-penzalim yang silam. Mereka hilang menurut jejak mereka dan negeri-negeri itu pun sunyilah seketika dari mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 46 - 51)

Tindakan Balas Allah

Kemudian ayat yang berikut beralih - selepas dilabuhkan tirai - kepada membicarakan keadaan mereka di zaman sekarang ini, di mana mereka melakukan tipudaya-tipudaya yang besar terhadap Rasulullah s.a.w. dan orang-orang yang beriman. Mereka mengaturkan rancangan-rancangan yang jahat di segenap bidang kehidupan, dan terlintaslah di dalam hati kita bahawa mereka juga lambat-laun akan menerima akibat yang sama biarpun bagaimana kuat dan licin rancangan-rancangan yang diaturkan mereka:

وَقَدْ مَكَرُوا۟ مَكْرَهُمْ وَعِندَ ٱللَّهِ مَكْرُهُمْ وَإِن
كَانَ مَكْرُهُمْ لِتَزُولَ مِنْهُ ٱلْجِبَالُ ﴿٤٦﴾

"Dan sesungguhnya mereka telah melakukan tipu daya mereka, sedangkan di sisi Allah (tersedia) balasan terhadap tipu daya mereka walaupun tipu daya mereka dapat menghapuskan gunung-ganang."(46)

Yakni Allah mengetahui dan menguasai keadaan dan segala tipu daya mereka walaupun tipu daya mereka begitu kuat dan berkesan hingga boleh melenyapkan gunung-ganang yang selama ini merupakan satu kejadian yang paling berat, paling kukuh, paling jauh kemungkinannya untuk digoncang dan dihapuskan, namun tipu daya mereka bukanlah merupakan sesuatu yang majhul dan tersembunyi dan bukanlah pula merupakan sesuatu perkara yang jauh dari pencapaian qudrat Allah, malah ia merupakan sesuatu yang ada di hadapan Allah yang dapat diperlakukan-Nya mengikut bagaimana yang dikehendaki-Nya.

فَلَا تَحْسَبَنَّ ٱللَّهَ مُخْلِفَ وَعْدِهِۦ رُسُلَهُۥٓ ۚ إِنَّ
ٱللَّهَ عَزِيزٌ ذُو ٱنتِقَامٍ ﴿٤٧﴾

"Oleh itu janganlah kamu sekali-kali menyangka bahawa Allah memungkiri janji-Nya kepada para rasul-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa dan Maha Kuasa mengenakan tindakan balasan."(47)

Maksudnya, tipu daya mereka tidak mempunyai apa-apa kesan dan tidak dapat menghalangi perlaksanaan janji Allah untuk menolong rasul-rasul-Nya dan mengazabkan perancang-perancang tipu daya dengan 'azab Allah Yang Maha Kuasa:

إِنَّ ٱللَّهَ عَزِيزٌ ذُو ٱنتِقَامٍ ﴿٤٧﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Perkasa dan Maha Kuasa mengenakan tindakan balas."(47)

Maksudnya, Allah tidak akan membiarkan orang yang zalim itu terlepas dari hukuman dan tidak akan membiarkan perancang-perancang tipu daya itu terselamat. Kata-kata "tindakan balas" memberi bayangan yang sesuai dan tepat dengan perbuatan yang zalim dan perancangan tipu daya yang jahat, kerana orang yang zalim yang merancangkan tipu daya yang jahat itu adalah wajar dikenakan tindakan balas. Tindakan balas dari Allah ialah menimpakan 'azab ke atas mereka sebagai balasan terhadap kezaliman dan tipu daya mereka demi merealisasikan keadilan Allah.

Dan tindakan balas itu tidak syak lagi akan berlaku pada hari:

يَوْمَ تُبَدَّلُ الْأَرْضُ غَيْرَ الْأَرْضِ وَالسَّمَاوَاتُ ۖ

"Pada hari bumi digantikan dengan bumi yang lain dan begitu juga langit."(48)

Kita tidak mengetahui bagaimana cara penggantian itu dan kita juga tidak mengetahui keadaan bumi dan langit yang baru dan di manakah tempatnya, tetapi ayat ini memberi bayangan tentang qudrat Allah yang berkuasa menukarkan bumi dan langit untuk menandingi tipu daya mereka, iaitu biarpun bagaimana besar tipu daya mereka, namun ia tetap kerdil dan lemah (di hadapan qudrat Allah).

Kemudian secara tiba-tiba kita melihat segala-galanya telah terlaksana:

وَبَرَزُوا لِلَّهِ الْوَاحِدِ الْقَهَّارِ ﴿٤٨﴾

"Dan mereka semua keluar mengadap Allah Yang Maha Esa dan Maha Gagah."(48)

Dan kini mereka benar-benar merasa bahawa mereka terdedah bulat-bulat, tiada suatu yang melindungi dan menaungi mereka. Mereka tidak berada di rumah-rumah mereka dan tidak pula di dalam kubur-kubur mereka. Malah mereka berada di padang Mahsyar di hadapan Allah Yang Maha Esa dan Maha Gagah. Kata-kata "Maha Gagah" turut membayangkan ancaman dengan kekuatan Ilahi yang tidak dapat dihalangkan manusia-manusia yang zalim dan bermaharajalela walaupun tipudaya-tipudaya mereka boleh melenyapkan gunung-ganang.

Kemudian kita sekarang sedang berdepan dengan suatu pemandangan dari pemandangan-pemandangan 'azab yang amat dahsyat dan menghina, iaitu 'azab yang sesuai dengan tipu daya dan kezaliman mereka:

وَتَرَى الْمُجْرِمِينَ يَوْمَئِذٍ مُقَرَّنِينَ فِي الْأَصْفَادِ ﴿٤٩﴾
سَرَابِيلُهُم مِّن قَطِرَانٍ وَتَغْشَىٰ وُجُوهَهُمُ النَّارُ ﴿٥٠﴾

"Dan pada hari itu engkau melihat orang-orang yang berdosa dipasungkan dengan belenggu-belenggu(49). Pakaian mereka adalah dari belakin dan muka mereka diliputi api Neraka."(50)

Pemandangan laluan orang-orang yang berdosa yang dibelenggu berdua-duaan sebaris demi sebaris itu adalah suatu pemandangan yang hina di samping menunjukkan qudrat Allah Yang Maha Gagah. Selain dari diikat dengan belenggu, mereka dipakaikan dengan pakaian-pakaian yang dibuat dari bahan yang berdaya nyala dan terbakar yang kuat, dan dalam waktu yang sama ia merupakan satu pemandangan yang kotor dan hitam legam, iaitu ia dibuat dari belakin atau minyak tar. Pakaian yang seperti ini merupakan suatu penghinaan dan membayangkan bahawa ia akan terus terbakar bila mereka mendekati api.

وَتَغْشَىٰ وُجُوهَهُمُ النَّارُ ﴿٥٠﴾

"Dan muka mereka diliputi api Neraka."(50)

Itulah pemandangan 'azab yang penuh menghina dan marak bernyala sebagai balasan terhadap tipu daya dan kesombongan mereka.

لِيَجْزِيَ اللَّهُ كُلَّ نَفْسٍ مَّا كَسَبَتْ ۚ إِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ ﴿٥١﴾

"Kerana Allah hendak memberi balasan kepada setiap orang terhadap apa yang dilakukannya. Sesungguhnya Allah Maha Cepat hisab-Nya."(51)

Mereka telah melakukan tipu daya dan bertindak zalim, maka balasan mereka ialah pembelengguan dan kehinaan. Sesungguhnya Allah amat pantas hisab-Nya. Kepantasan hisab Allah itu sesuai dengan tipu daya dan rancangan jahat yang difikirkan mereka boleh melindung dan menyembunyikan mereka serta menyekatkan orang lain dari mengalahkan mereka. Kini perbuatan-perbuatan jahat yang dilakukan mereka telah dibalas dengan kehinaan, keseksaan dan hisab yang pantas.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 52)

Pada akhirnya surah ini ditamatkan dengan pernyataan yang sama dengan pernyataan yang dimulakannya, tetapi ia dibuat dalam bentuk satu perisytiharan umum yang lantang dan bergema sejauh-jauhnya supaya sampai kepada umat-umat manusia di segenap tempat:

هَٰذَا بَلَاغٌ لِّلنَّاسِ وَلِيُنذَرُوا بِهِ وَلِيَعْلَمُوا أَنَّمَا هُوَ إِلَٰهٌ وَاحِدٌ وَلِيَذَّكَّرَ أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿٥٢﴾

"(Al-Qur'an) ini adalah perutusan yang disampaikan kepada manusia dan supaya mereka sentiasa diberi peringatan dengannya dan supaya mereka mengetahui bahawa Allah adalah Tuhan Yang Maha Esa dan supaya orang-orang yang berakal mengambil pengajaran."(52)

Konsep Perisytiharan Uluhiyah Allah Yang Maha Esa

Tujuan asasi dari perisytiharan dan peringatan ini ialah supaya manusia mengetahui "bahawa Allah

adalah Tuhan Yang Maha Esa". Inilah tapak asas agama Allah di mana ditegakkan sistem-Nya dalam kehidupan manusia.

Tentulah perisytiharan ini bukannya bertujuan supaya mereka hanya mengetahui sahaja, malah supaya mereka membangunkan kehidupan mereka di atas asas pengetahuan itu tujuannya supaya mereka memberi keta'atan dan kepatuhan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja kerana di sana tiada Tuhan yang layak dita'ati melainkan Dia. Allah sahaja yang layak menjadi Tuhan yang memerintah dan menguasai, yang mengendali dan mengurus, yang menggubal undang-undang dan peraturan dan memberi arahan-arahan. Apabila kehidupan manusia dibangunkan di atas tapak asas ini, maka pada pokoknya ia berbeza dari segala bentuk kehidupan yang ditegakkan di atas tapak asas Rububiyah manusia terhadap sesama manusia, iaitu asas Hakimiyah manusia terhadap sesama manusia. Perbezaan ini menyentuh soal 'aqidah dan kefahaman dan membabit syi'ar-syi'ar agama dan upacara-upacara ibadat di samping membabit soal akhlak dan tingkahlaku, soal nilai-nilai dan ukuran-ukuran dan seterusnya membabit peraturan-peraturan politik, ekonomi dan kemasyarakatan dan segala bidang kehidupan individu dan kelompok.

Kepercayaan kepada konsep Uluhiyah Allah Yang Maha Esa merupakan landasan bagi sebuah sistem hidup yang sepadu, tetapi ia bukannya hanya sekadar berupa 'aqidah yang tersemat di dalam hati nurani sahaja, kerana batas-batas 'aqidah adalah lebih jauh dari semata-mata kepercayaan yang beku tidak bergerak itu, malah batas-batas. 'aqidah itu menjangkau begitu luas hingga meliputi segala bidang kehidupan manusia. Persoalan kuasa Hakimiyah dengan segala cabang-cabangnya di dalam Islam merupakan satu persoalan 'aqidah, sebagaimana persoalan akhlak pada keseluruhannya merupakan satu persoalan 'aqidah. Dan dari 'aqidah inilah munculnya sistem hidup yang merangkumi akhlak, nilai-nilai, di samping merangkumi peraturan-peraturan dan undang-undang.

Kita tidak dapat memahami tujuan-tujuan Al-Qur'an ini sebelum kita memahami batas-batas 'aqidah agama ini dan sebelum kita mengerti tujuan dua syahadat لا إله إلا الله dan محمدا رسول الله mengikut tahap pengertiannya yang amat luas itu, dan sebelum kita memahami tujuan kata-kata "ibadat itu hanya untuk Allah Yang Maha Esa sahaja", iaitu kita harus menentukan bahawa tujuan kata-kata ini ialah memberi keta'atan dan kepatuhan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja, bukan sahaja di dalam detik-detik solat malah dalam segala urusan kehidupan mereka.

Penyembahan berhala-berhala yang dipohonkan Ibrahim a.s. supaya dijauhkan dirinya dan anak cucunya darinya itu bukan hanya dalam bentuk menyembah patung-patung yang dilakukan orang-orang Arab di dalam jahiliyah mereka atau dilakukan agama-agama paganisme di dalam berbagai-bagai bentuk rupa sama ada berupa batu-batu, pokok-pokok, binatang, burung, bintang, api, roh-roh dan hantu-hantu sahaja.

Sebenarnya semua gambaran penyembahan berhala yang bersahaja ini belum lagi merangkumi segala bentuk syirik terhadap Allah, juga ia belum lagi merangkumi segala bentuk penyembahan berhala-berhala yang lain dari Allah. Pembatasan pengertian syirik pada gambaran-gambaran penyembahan-penyembahan yang bersahaja ini sahaja akan menghalangkan kita dari melihat bentuk-bentuk syirik yang lain yang tiada batasnya, juga menghalangkan kita dari melihat hakikat bentuk-bentuk syirik dan jahiliyah-jahiliyah moden yang mempengaruhi umat manusia.

Bentuk-bentuk Syirik Yang Tidak Terbatas

Hakikat syirik dan hubungannya dengan berhala-berhala itu pastilah difahami dengan mendalam, begitu juga pengertian berhala-berhala dan penjelmaan bentuk-bentuknya yang berubah-ubah bersama-sama jahiliyah moden itu pastilah difahami secara mendalam.

Konsep syirik terhadap Allah yang bertentangan dengan konsep La ilaha Illallah itu dapat dilihat pada setiap kedudukan dan keadaan, di mana keta'atan dan kepatuhan tidak diberikan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja di dalam segala bidang kehidupan, dan di mana seseorang itu hanya cukup menta'ati Allah di dalam beberapa jurusan kehidupannya sahaja dan dalam waktu yang sama dia menta'ati yang lain dari Allah di dalam jurusan-jurusan kehidupannya yang lain. Dengan ini sahaja sudah cukup untuk melahirkan gambaran dan hakikat syirik. Perbuatan mengemukakan lambang-lambang (keta'atan) merupakan salah satu bentuk dari bentuk-bentuk keta'atan yang berbagai-bagai rupa. Contoh-contoh yang wujud di dalam kehidupan manusia hari ini dapat memberikan contoh- contoh yang waqi'i terhadap sifat-sifat syirik yang sebenar. Seseorang yang bertawajjuh kepada Allah Yang Maha Esa dan mempercayai Uluhiyah-Nya yang tunggal kemudian menta'ati Allah di dalam peraturan-peraturan wuduk, taharah, solat, puasa, haji dan seluruh syi'ar agama yang lain, tetapi dalam waktu yang sama dia menta'ati pula undang-undang dan peraturan yang digubal oleh pihak yang lain dari Allah dalam kehidupan ekonomi, politik dan kemasyarakatannya, juga menundukkan nilai-nilai dan ukuran-ukuran kemasyarakatannya kepada kefahaman-kefahaman dan istilah-istilah dari ciptaan yang lain dari Allah dan seterusnya menundukkan peraturan akhlaknya, tradisi-tradisinya, adat resamnya dan fesyen pakaian-pakaiannya kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan tuhan-tuhan manusia yang telah memaksa akhlak, adat-adat resam dan pakaian-pakaian itu ke atasnya walaupun bertentangan dengan undang-undang Allah dan perintah-Nya. Sebenarnya orang

yang bersikap seperti ini telah mengamalkan teras hakikat syirik itu sendiri dan menentang teras hakikat shayadatnya لا إله إلا الله dan محمدا رسول الله . Inilah (bentuk syirik) yang tidak disedari oleh orang-orang Islam pada hari ini, di mana mereka melakukan perbuatan syirik ini dengan bebas dan dengan sikap yang lembik. Mereka tidak mengirakan perbuatan ini sebagai perbuatan syirik yang diamalkan oleh kaum Musyrikin di setiap zaman dan tempat.

Berhala-berhala itu tidak semestinya menjelma dalam bentuk-bentuk gambarannya yang primitif dan bersahaja, kerana berhala-berhala itu hanya merupakan lambang-lambang tuhan palsu yang bersembunyi di sebaliknya untuk memperhambakan manusia atas nama berhala-berhala itu dan untuk menjamin kepatuhan mereka kepadanya dengan perantaraannya.

Berhala-berhala itu tidak pernah bercakap atau mendengar atau melihat, tetapi hanya sami atau kahin atau orang yang berkuasa yang berada di belakang berhala itu sahaja yang mengumat-gamitkan berbagai jampi mentera kemudian bercakap atas namanya memperkatakan sesuatu yang dikehendaki olehnya untuk memperhamba dan mengeksploitasikan orang ramai.

Apabila ada lambang-lambang yang diangkatkan di mana-mana negeri dan pada bila-bila masa kemudian datang orang-orang yang berkuasa dan para kahin atau sami bercakap di atas nama lambang-lambang ini dan menetapkan di atas namanya peraturan-peraturan, undang-undang, nilai-nilai, ukuran-ukuran, tindakan-tindakan dan amalan-amalan yang tidak diizinkan Allah, maka lambang-lambang inilah merupakan berhala-berhala yang mempunyai sifat, hakikat dan fungsinya.

Lambang-lambang Yang Menjadi Berhala Yang Disembah

Apabila "perkauman" atau "kebangsaan" diangkatkan sebagai lambang atau "negara" diangkatkannya sebagai lambang atau "rakyat" diangkatkannya sebagai lambang atau "kelas" diangkatkannya sebagai lambang, kemudian orang ramai dikehendaki supaya menyembah lambang-lambang yang lain dari Allah ini dan supaya sanggup berkorban untuknya dengan nyawa, harta, akhlak dan maruah dan andainya syari'at Allah, undang-undang-Nya, arahan-arahan-Nya dan pengajaran-pengajaran-Nya bercanggah dengan kehendak lambang-lambang itu, maka yang harus diketepikan ialah syari'at Allah, undang-undang-Nya, arahan-arahan-Nya dan pengajaran-pengajaran-Nya dan yang halus diluluskan ialah kehendak-kehendak lambang-lambang itu, maka perbuatan ini samalah dengan menyembah berhala-berhala, kerana berhala itu bukan semestinya berupa batu atau kayu, malah kadang-kadang ia berupa isme atau lambang.

Islam bukannya datang semata-mata untuk menghancurkan berhala-berhala batu dan kayu. Islam tidak mengorbankan tenaga perjuangan yang bersambung dari angkatan para rasul dan tidak memberi pengorbanan-pengorbanannya yang besar serta menanggung penindasan dan kesengsaraan semata-mata untuk menghancurkan berhala-berhala batu dan kayu itu.

Malah Islam datang untuk menentukan persimpangan jalan di antara keta'atan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja di dalam segala urusan hidup dengan keta'atan kepada yang lain dari Allah dalam segala keadaan dan bentuk rupa. Keadaan-keadaan dan bentuk-bentuk itu perlulah dikaji setiap waktu untuk memahami peraturan-peraturan dan sistem-sistem yang ada dan menentukannya sama ada ia berteraskan tauhid atau syirik? Sama ada ia berteraskan keta'atan dan kepatuhan kepada Allah Yang Maha Esa atau berteraskan keta'atan dan kepatuhan kepada berbagai-bagai tuhan palsu dan berhala.

Orang-orang yang menyangka diri mereka berada "dalam agama Allah" dengan alasan kerana mereka mengucap dua kalimat syahadat لا إله إلا الله dan محمدا رسول الله dan kerana mereka mematuhi dan menta'ati peraturan-peraturan, taharah, peraturan-peraturan ibadat, peraturan perkahwinan dan perceraian, peraturan-peraturan pesaka dan sebagainya dan dalam waktu yang sama mereka mematuhi - di sebalik bidang yang sempit ini - peraturan-peraturan yang diciptakan oleh yang lain dari Allah, iaitu mereka menta'ati undang-undang yang tidak diizinkan Allah dan terang-terang bertentangan dengan syari'at Allah, kemudian mereka bersedia mengorbankan jiwa, harta, maruah dan akhlak mereka - sama ada mereka suka atau tidak suka - untuk melaksanakan kehendak-kehendak yang dituntut dari mereka oleh berhala-berhala yang baru itu. Dan apabila agama atau akhlak atau maruah bercanggah dengan kehendak-kehendak berhala ini, maka yang dibuang ialah perintah-perintah Allah dan yang dilaksanakan ialah kehendak-kehendak berhala-berhala ini.

Orang-orang yang menyangka diri mereka sebagai "kaum Muslimin" dan menyangka berada di dalam "agama Allah", sedangkan mereka hidup dengan keadaan ini, maka hendaklah mereka sedar bahawa mereka sedang berada di dalam syirik yang amat besar!

Sebenarnya agama Allah tidaklah sekecil yang disangkakan oleh orang-orang yang menyangka diri mereka sebagai "kaum Muslimin" di Timur dan di Barat itu. Agama Allah adalah sebuah sistem hidup yang mencakup segala butir-butir dan perincian-perincian kegiatan hidup seharian. Keta'atan dan kepatuhan kepada Allah Yang Maha Esa dalam segala perincian kegiatan hidup seharian selain dari dasar-dasar umumnya itulah agama Allah dan itulah agama Islam yang menjadi satu-satunya agama yang diterima Allah.

Perbuatan syirik terhadap Allah bukan sahaja berupa 'aqidah mempercayai Uluhiyah yang lain di

samping mempercayai Uluhiyah-Nya, tetapi juga berupa penghakiman kepada tuhan-tuhan yang lain di samping penghakiman kepada-Nya.

Penyembahan berhala-berhala bukan sahaja dapat dilihat dalam bentuk mendirikan patung-patung batu dan kayu, malah dapat dilihat dalam bentuk menegakkan lambang-lambang yang mempunyai pengaruh dan kehendak-kehendak yang sama dengan pengaruh-pengaruh dan kehendak-kehendak yang dipunyai oleh berhala.

Oleh itu orang ramai Islam di setiap negeri pastilah memikirkan kepada siapakah ia memberi darjat penghormatan yang paling tinggi di dalam hidup mereka? Kepada siapakah mereka memberi kepatuhan mereka yang sempurna? Kepada siapakah mereka ta'at, mengikut dan menjunjung perintah? Jika semuanya itu diberikan kepada Allah, maka itulah petanda bahawa mereka berada di dalam agama Allah dan jika ia diberikan kepada yang lain dari Allah di samping diberikannya kepada Allah atau diberikan semuanya kepada yang lain dari Allah, maka itulah petanda bahawa mereka berada di dalam agama tuhan-tuhan palsu dan berhala-berhala.

هَٰذَا بَلَٰغٌ لِّلنَّاسِ وَلِيُنذَرُوا۟ بِهِۦ وَلِيَعْلَمُوٓا۟ أَنَّمَا هُوَ
إِلَٰهٌ وَٰحِدٌ وَلِيَذَّكَّرَ أُو۟لُوا۟ ٱلْأَلْبَٰبِ ﴿٥٢﴾

"(Al-Qur'an) ini adalah perutusan yang disampaikan kepada manusia dan supaya mereka sentiasa diberi peringatan dengannya dan supaya mereka mengetahui bahawa Allah adalah Tuhan Yang Maha Esa dan supaya orang-orang yang berakal mengambil pengajaran."(52)

(Tamat Juzu' Yang Ketiga Belas)

JUZU' KE-14

SURAH AL-HIJR

سُورَةُ الحِجۡر

SURAH AL-HIJR

SURAH KE		JUMLAH AYAT
15	Surah Al-Hijr	99

(Makkiyah)
Kecuali Ayat 87 Diturunkan di Madinah

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

**Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih**

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 48)

الٓرۚ تِلۡكَ ءَايَٰتُ ٱلۡكِتَٰبِ وَقُرۡءَانٖ مُّبِينٖ ١
رُّبَمَا يَوَدُّ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ لَوۡ كَانُواْ مُسۡلِمِينَ ٢
ذَرۡهُمۡ يَأۡكُلُواْ وَيَتَمَتَّعُواْ وَيُلۡهِهِمُ ٱلۡأَمَلُۖ فَسَوۡفَ
يَعۡلَمُونَ ٣
وَمَآ أَهۡلَكۡنَا مِن قَرۡيَةٍ إِلَّا وَلَهَا كِتَابٞ مَّعۡلُومٞ ٤
مَّا تَسۡبِقُ مِنۡ أُمَّةٍ أَجَلَهَا وَمَا يَسۡتَـٔۡخِرُونَ ٥
وَقَالُواْ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِي نُزِّلَ عَلَيۡهِ ٱلذِّكۡرُ إِنَّكَ
لَمَجۡنُونٞ ٦
لَّوۡ مَا تَأۡتِينَا بِٱلۡمَلَٰٓئِكَةِ إِن كُنتَ مِنَ ٱلصَّٰدِقِينَ ٧
مَا نُنَزِّلُ ٱلۡمَلَٰٓئِكَةَ إِلَّا بِٱلۡحَقِّ وَمَا كَانُوٓاْ إِذٗا
مُّنظَرِينَ ٨
إِنَّا نَحۡنُ نَزَّلۡنَا ٱلذِّكۡرَ وَإِنَّا لَهُۥ لَحَٰفِظُونَ ٩
وَلَقَدۡ أَرۡسَلۡنَا مِن قَبۡلِكَ فِي شِيَعِ ٱلۡأَوَّلِينَ ١٠

"Alif. Laam. Raa'. Itulah (huruf-huruf yang membentuk) ayat-ayat al-kitab dan Al-Qur'an yang amat jelas(1). Barangkali (ada masanya) orang-orang yang kafir itu bercita-cita jika dulunya mereka telah memeluk Islam(2). Biarkanlah mereka makan dan bersenang-senang dan dilalaikan angan-angan, kerana kelak mereka akan mengetahui (akibatnya)(3). Dan Kami tidak membinasakan sesebuah negeri melainkan setealah sampai waktu yang telah ditetapkan kepadanya (ajal)(4). Dan tiada suatu umat pun yang dapat mendahului ajalnya dan tidak pula dapat menundakannya(5). Dan mereka berkata: Wahai orang yang diturunkan Al-Qur'an kepadanya! Sesungguhnya engkau adalah seorang gila(6). Mengapakah engkau tidak membawa malaikat kepada kami, jika engkau dari golongan orang yang benar?(7). Kami tidak menurunkan malaikat melainkan dengan membawa keputusan yang benar dan ketika itu mereka tidak lagi diberi tangguhan (8). Sesungguhnya Kamilah yang telah menurunkan Al-Qur'an dan Kamilah juga yang memeliharanya(9). Dan sesungguhnya sebelummu Kami telah mengutuskan rasul-rasul di kalangan umat-umat yang dahulu."(10)

وَمَا يَأۡتِيهِم مِّن رَّسُولٍ إِلَّا كَانُواْ بِهِۦ يَسۡتَهۡزِءُونَ ١١
كَذَٰلِكَ نَسۡلُكُهُۥ فِي قُلُوبِ ٱلۡمُجۡرِمِينَ ١٢
لَا يُؤۡمِنُونَ بِهِۦ وَقَدۡ خَلَتۡ سُنَّةُ ٱلۡأَوَّلِينَ ١٣
وَلَوۡ فَتَحۡنَا عَلَيۡهِم بَابٗا مِّنَ ٱلسَّمَآءِ فَظَلُّواْ فِيهِ
يَعۡرُجُونَ ١٤
لَقَالُوٓاْ إِنَّمَا سُكِّرَتۡ أَبۡصَٰرُنَا بَلۡ نَحۡنُ قَوۡمٞ
مَّسۡحُورُونَ ١٥
وَلَقَدۡ جَعَلۡنَا فِي ٱلسَّمَآءِ بُرُوجٗا وَزَيَّنَّٰهَا
لِلنَّٰظِرِينَ ١٦
وَحَفِظۡنَٰهَا مِن كُلِّ شَيۡطَٰنٖ رَّجِيمٍ ١٧
إِلَّا مَنِ ٱسۡتَرَقَ ٱلسَّمۡعَ فَأَتۡبَعَهُۥ شِهَابٞ مُّبِينٞ ١٨
وَٱلۡأَرۡضَ مَدَدۡنَٰهَا وَأَلۡقَيۡنَا فِيهَا رَوَٰسِيَ وَأَنۢبَتۡنَا فِيهَا
مِن كُلِّ شَيۡءٖ مَّوۡزُونٖ ١٩
وَجَعَلۡنَا لَكُمۡ فِيهَا مَعَٰيِشَ وَمَن لَّسۡتُمۡ لَهُۥ بِرَٰزِقِينَ ٢٠

"Dan tiada seorang rasul pun yang datang kepada mereka melainkan mereka mempersendakannya(11). Demikian-lah Kami masukkan (pembawaan itu) ke dalam hati orang-orang yang berdosa(12). Mereka tidak beriman kepadanya (Al-Qur'an) dan sesungguhnya Sunnatullah telah pun berlaku ke atas umat-umat yang dahulu(13). Dan seandainya Kami bukakan kepada mereka pintu langit lalu mereka terus naik melaluinya(14). Nescaya mereka berkata: Sesungguhnya penglihatan-penglihatan kami telah dikelirukan, malah kami adalah orang-orang yang terkena sihir(15). Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan gugusan-gugusan bintang di langit dan Kami hiaskannya untuk orang-orang

yang memandangnya(16). Dan Kami peliharakannya dari setiap syaitan yang terkutuk(17). Melainkan syaitan yang mencuri dengar, maka dia akan diburu oleh panah api yang amat terang(18). Dan bumi Kami telah hamparkannya (dengan luas) dan Kami telah tegakkan di atasnya gunung-ganang yang teguh dan Kami tumbuhkan padanya segala sesuatu dengan ukuran yang rapi(19). Dan Kami telah ciptakan di bum berbagai-bagai keperluan hidup untuk kamu dan (kami ciptakan) berbagai-bagai makhluk yang kamu tidak memberi rezeki kepadanya."(20).

وَإِن مِّن شَيْءٍ إِلَّا عِندَنَا خَزَآئِنُهُۥ وَمَا نُنَزِّلُهُۥٓ إِلَّا
بِقَدَرٍ مَّعْلُومٍ ﴿٢١﴾
وَأَرْسَلْنَا ٱلرِّيَٰحَ لَوَٰقِحَ فَأَنزَلْنَا مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً
فَأَسْقَيْنَٰكُمُوهُ وَمَآ أَنتُمْ لَهُۥ بِخَٰزِنِينَ ﴿٢٢﴾
وَإِنَّا لَنَحْنُ نُحْىِۦ وَنُمِيتُ وَنَحْنُ ٱلْوَٰرِثُونَ ﴿٢٣﴾
وَلَقَدْ عَلِمْنَا ٱلْمُسْتَقْدِمِينَ مِنكُمْ وَلَقَدْ عَلِمْنَا
ٱلْمُسْتَـْٔخِرِينَ ﴿٢٤﴾
وَإِنَّ رَبَّكَ هُوَ يَحْشُرُهُمْ إِنَّهُۥ حَكِيمٌ عَلِيمٌ ﴿٢٥﴾
وَلَقَدْ خَلَقْنَا ٱلْإِنسَٰنَ مِن صَلْصَٰلٍ مِّنْ حَمَإٍ مَّسْنُونٍ ﴿٢٦﴾
وَٱلْجَآنَّ خَلَقْنَٰهُ مِن قَبْلُ مِن نَّارِ ٱلسَّمُومِ ﴿٢٧﴾
وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَٰٓئِكَةِ إِنِّى خَٰلِقٌۢ بَشَرًا مِّن صَلْصَٰلٍ مِّنْ
حَمَإٍ مَّسْنُونٍ ﴿٢٨﴾
فَإِذَا سَوَّيْتُهُۥ وَنَفَخْتُ فِيهِ مِن رُّوحِى فَقَعُوا۟ لَهُۥ
سَٰجِدِينَ ﴿٢٩﴾
فَسَجَدَ ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ كُلُّهُمْ أَجْمَعُونَ ﴿٣٠﴾

"Dan tiada sesuatu melainkan di sisi Kamilah tersimpan khazanah-khazanahnya dan Kami tidak menurunkannya melainkan mengikut kadar yang tertentu(21). Dan Kami telah melepaskan angin-angin pembawa air hujan dan Kami turunkan hujan dari langit, lalu Kami jadikannya air minuman kamu dan kamu bukanlah penyimpan-penyimpannya(22). Dan sesungguhnya Kamilah yang menghidup dan mematikan dan Kamilah pula yang mewarisinya(23). Dan sesungguhnya Kami telah mengetahui mereka yang disegerakan (ajal-ajal mereka) dari kalangan kamu dan sesungguhnya Kami juga telah mengetahui mereka yang ditangguhkan (ajal mereka) (24). Dan sesungguhnya Tuhanmu itulah yang akan menghimpunkan mereka. Sesungguhnya Dia Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui(25). Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia (Adam) dari tanah liat yang kering yang berasal dari lumpur hitam yang berubah(26). Dan jin-jin Kami ciptakannya sebelum (Adam) dari api yang sangat panas(27). Dan (kenangilah) ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menciptakan manusia dari tanah liat yang berasal dari lumpur hitam yang berubah(28). Maka apabila Aku telah menyempurnakan kejadiannya dan meniupkan padanya roh (ciptaan-Ku), maka rebahkanlah diri kamu sujud kepadanya(29). Lalu seluruh malaikat pun sujud."(30)

إِلَّآ إِبْلِيسَ أَبَىٰٓ أَن يَكُونَ مَعَ ٱلسَّٰجِدِينَ ﴿٣١﴾
قَالَ يَٰٓإِبْلِيسُ مَا لَكَ أَلَّا تَكُونَ مَعَ ٱلسَّٰجِدِينَ ﴿٣٢﴾
قَالَ لَمْ أَكُن لِّأَسْجُدَ لِبَشَرٍ خَلَقْتَهُۥ مِن صَلْصَٰلٍ
مِّنْ حَمَإٍ مَّسْنُونٍ ﴿٣٣﴾
قَالَ فَٱخْرُجْ مِنْهَا فَإِنَّكَ رَجِيمٌ ﴿٣٤﴾
وَإِنَّ عَلَيْكَ ٱللَّعْنَةَ إِلَىٰ يَوْمِ ٱلدِّينِ ﴿٣٥﴾
قَالَ رَبِّ فَأَنظِرْنِىٓ إِلَىٰ يَوْمِ يُبْعَثُونَ ﴿٣٦﴾
قَالَ فَإِنَّكَ مِنَ ٱلْمُنظَرِينَ ﴿٣٧﴾
إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْوَقْتِ ٱلْمَعْلُومِ ﴿٣٨﴾
قَالَ رَبِّ بِمَآ أَغْوَيْتَنِى لَأُزَيِّنَنَّ لَهُمْ فِى ٱلْأَرْضِ
وَلَأُغْوِيَنَّهُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٣٩﴾
إِلَّا عِبَادَكَ مِنْهُمُ ٱلْمُخْلَصِينَ ﴿٤٠﴾

"Kecuali Iblis, dia enggan (sujud) bersama-sama mereka yang sujud(31). Allah berfirman: Wahai Iblis! Mengapakah engkau tidak turut (sujud) bersama-sama mereka yang sujud?(32). Jawab Iblis: Aku tidak akan sujud kepada manusia yang Engkau ciptakannya dari tanah liat yang berasal dari lumpur hitam yang berubah(33). Allah berfirman: Keluarlah dari Syurga (ini) kerana sesungguhnya engkau adalah terkutuk.(34) Dan sesungguhnya la'nat itu tetap menimpamu sehingga Hari Balasan(35). Jawab Iblis: Wahai Tuhanku! Berilah tangguhan kepadaku sehingga kepada hari manusia dibangkitkan(36). Firman Allah: Sesungguhnya engkau adalah dari mereka yang diberi tangguhan(37). Sehingga sampai kepada hari, masa yang telah ditetapkan(38). Iblis berkata: Wahai Tuhanku! Oleh sebab Engkau telah memutuskan bahawa aku sesat, maka demi sesungguhnya aku akan hiaskan (maksiat) kepada mereka di bumi ini dan aku akan sesatkan seluruh mereka(39). Melainkan para hamba-Mu yang terpilih."(40)

قَالَ هَٰذَا صِرَٰطٌ عَلَىَّ مُسْتَقِيمٌ ﴿٤١﴾
إِنَّ عِبَادِى لَيْسَ لَكَ عَلَيْهِمْ سُلْطَٰنٌ إِلَّا مَنِ ٱتَّبَعَكَ
مِنَ ٱلْغَاوِينَ ﴿٤٢﴾

وَإِنَّ جَهَنَّمَ لَمَوْعِدُهُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٤٣﴾
لَهَا سَبْعَةُ أَبْوَابٍ لِّكُلِّ بَابٍ مِّنْهُمْ جُزْءٌ مَّقْسُومٌ ﴿٤٤﴾
إِنَّ الْمُتَّقِينَ فِي جَنَّاتٍ وَعُيُونٍ ﴿٤٥﴾
ادْخُلُوهَا بِسَلَامٍ آمِنِينَ ﴿٤٦﴾
وَنَزَعْنَا مَا فِي صُدُورِهِم مِّنْ غِلٍّ إِخْوَانًا عَلَىٰ سُرُرٍ
مُّتَقَابِلِينَ ﴿٤٧﴾
لَا يَمَسُّهُمْ فِيهَا نَصَبٌ وَمَا هُم مِّنْهَا بِمُخْرَجِينَ ﴿٤٨﴾

"Firman Allah: Inilah jalan lurus yang tertanggung ke atas-Ku(41). Sesungguhnya para hamba-Ku (yang terpilih) itu, tiada sebarang kuasa bagimu mempengaruhi mereka kecuali orang-orang yang mengikutmu dari mereka yang sesat(42). Dan sesungguhnya Neraka Jahannam itulah tempat yang dijanjikan kepada seluruh mereka(43). Ia mempunyai tujuh pintu dan setiap pintu mempunyai bahagian yang tertentu untuk setiap golongan dari mereka(44). Sesungguhnya orang-orang yang bertaqwa ditempatkan di taman-taman Syurga dan matair-matair(45). (Mereka dipersilakan:) Masuklah dengan selamat sejahtera dan aman(46). Dan Kami telah mencabutkan segala perasaan dendam di dalam hati mereka dan mereka hidup bersaudara dan duduk beristirehat di atas kerusi-kerusi berhadapan satu sama lain(47). Mereka tidak akan disentuh rasa penat di dalam Syurga dan mereka juga tidak akan dikeluarkan darinya."(48)

(Muqaddimah surah)

Paksi pertama surah ini ialah untuk menunjukkan nasib kesudahan yang ngeri yang menunggu orang-orang kafir yang pendusta, dan di sekitar paksi inilah berlegarnya pembicaraan ayat-ayat di dalam beberapa pusingan yang mencakup berbagai-bagai maudhu' dan bidang, tetapi semuanya dipulangkan kepada paksi yang pertama sama ada di dalam pembicaraan cerita, pemandangan-pemandangan alam, pemandangan-pemandangan Qiamat, arahan-arahan dan kata-kata ulasan dan kesimpulan yang disebut sebelum cerita-cerita atau di tengah-tengahnya atau di akhirnya.

Jadi, jika suasana Surah ar-R'ad mengingatkan kita kepada suasana Surah al-An'am, maka suasana Surah al-Hijr ini pula mengingatkan kita kepada suasana Surah al-A'raf, di mana ia dimulakan dengan memberi amaran dan seluruh penerangannya tepat dengan amaran itu. Di dalam Surah al-Hijr ini juga terdapat keserupaan di antara permulaan surah dengan penerangan ayat cumanya citarasa sahaja yang berlainan.

Amaran di permulaan Surah al-A'raf itu amat jelas:

كِتَابٌ أُنزِلَ إِلَيْكَ فَلَا يَكُن فِي صَدْرِكَ حَرَجٌ مِّنْهُ
لِتُنذِرَ بِهِ وَذِكْرَىٰ لِلْمُؤْمِنِينَ ﴿٢﴾

"(Al-Qur'an) sebuah kitab yang diturunkan kepadamu. Oleh itu janganlah ada sesuatu keraguan lagi di dalam hatimu terhadapnya supaya engkau memberi amaran dengannya dan supaya menjadi peringatan kepada orang-orang Mu'min."

(Surah Al-A'raf : 2)

Ayat yang keempat dari Surah al-A'raf juga menyebut:

وَكَم مِّن قَرْيَةٍ أَهْلَكْنَاهَا فَجَاءَهَا بَأْسُنَا بَيَاتًا
أَوْ هُمْ قَائِلُونَ ﴿٤﴾

"Dan berapa banyak negeri yang telah Kami binasakannya, lalu 'azab Kami telah menimpakannya di malam hari atau ketika mereka sedang berehat di waktu tengahari."

(Surah Al-A'raf : 4)

Kemudian di dalam Surah al-A'raf juga disebut kisah Adam dan Iblis. Ayat-ayat yang berkenaan telah mengikuti kisah ini hingga berakhirnya hidup dunia ini dan semuanya pulang kepada Allah dan di sanalah mereka dapati betapa tepat dan benarnya amaran itu. Selepas itu diiringi pula dengan kisah-kisah kaum Nuh, Huḍ, Soleh, Lut, Syu'ayb dan Musa dan semuanya membenarkan rasul-rasul yang telah memberi peringatan itu.

Di sini di dalam Surah al-Hijr amaran itu juga telah disebut di permulaan surah, tetapi diselubungi dengan bayangan ancaman dan kekaburan:

رُّبَمَا يَوَدُّ الَّذِينَ كَفَرُوا لَوْ كَانُوا مُسْلِمِينَ ﴿٢﴾
ذَرْهُمْ يَأْكُلُوا وَيَتَمَتَّعُوا وَيُلْهِهِمُ الْأَمَلُ فَسَوْفَ
يَعْلَمُونَ ﴿٣﴾
وَمَا أَهْلَكْنَا مِن قَرْيَةٍ إِلَّا وَلَهَا كِتَابٌ مَّعْلُومٌ ﴿٤﴾
مَّا تَسْبِقُ مِنْ أُمَّةٍ أَجَلَهَا وَمَا يَسْتَأْخِرُونَ ﴿٥﴾

"Barangkali (ada masanya) orang-orang yang kafir itu bercita-cita jika dulunya mereka telah memeluk Islam(2). Biarkanlah mereka makan dan bersenang-senang dan dilalaikan angan-angan, kerana kelak mereka akan mengetahui (akibatnya)(3). Dan Kami tidak membinasakan sesebuah negeri melainkan setelah sampai waktu yang telah ditetapkan kepadanya (ajal)(4). Dan tiada suatu umat pun yang dapat mendahului ajalnya dan tidak pula dapat menundakannya."(5)

Kemudian ayat-ayat selanjutnya menayangkan setengah-setengah pemandangan alam buana, iaitu langit dengan gugusan-gugusan bintang, bumi yang terhampar, gunung-ganang yang teguh, tumbuh-tumbuhan yang diatur rapi, angin-angin pembawa air hujan, air minuman, hidup, mati dan penghimpunan seluruh manusia di Mahsyar. Selepas itu diiringi pula dengan kisah Adam dan Iblis dan berakhir dengan menayangkan nasib kesudahan pengikut-pengikut Iblis dan nasib kesudahan orang-orang yang beriman.

Dan di sanalah diceritakan sepintas lalu kisah-kisah Ibrahim, Lut, Syu'ayb dan Soleh dengan tujuan untuk menunjukkan akibat-akibat buruk yang telah menimpa para pendusta.

Paksi pembicaraan di dalam kedua-dua surah ini sama sahaja, tetapi masing-masing mempunyai syakhsiyah yang berbeza. Nada-nada keduanya juga hampir-hampir sama dan serupa mengikut kebiasaan Al-Qur'an apabila ia membicarakan maudhu'-maudhu' yang sama dengan berbagai-bagai cara dan gaya yang berlainan di samping mempunyai titik-titik persamaan, tetapi ia tidak pernah berulang-ulang dan tidak pernah serupa.

Rangkaian ayat-ayat surah ini dapat dibahagi kepada lima pusingan atau lima bahagian dan setiap bahagian mengandungi maudhu'nya dan bidangnya.

Pusingan yang pertama mengandungi penerangan mengenai Sunnatullah yang tidak pernah mungkir terhadap risalah, yang beriman dengannya dan yang mendustakannya. Ia dimulai dengan amaran secara halus yang diselubungi dengan ancaman:

رُّبَمَا يَوَدُّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَوْ كَانُوا۟ مُسْلِمِينَ ﴿٢﴾ ذَرْهُمْ يَأْكُلُوا۟ وَيَتَمَتَّعُوا۟ وَيُلْهِهِمُ ٱلْأَمَلُ فَسَوْفَ يَعْلَمُونَ ﴿٣﴾

"Barangkali (ada masanya) orang-orang yang kafir itu bercita-cita jika dulunya mereka telah memeluk Islam(2). Biarkanlah mereka makan dan bersenang-senang dan dilalaikan angan-angan, kerana kelak mereka akan mengetahui (akibatnya)(3).

Penerangan ini berakhir dengan menyatakan bahawa pendusta-pendusta itu telah melakukan pendustaan itu semata-mata kerana degil bukannya kerana kelemahan atau kekurangan dalil-dalil keimanan:

وَلَوْ فَتَحْنَا عَلَيْهِم بَابًا مِّنَ ٱلسَّمَآءِ فَظَلُّوا۟ فِيهِ يَعْرُجُونَ ﴿١٤﴾

لَقَالُوٓا۟ إِنَّمَا سُكِّرَتْ أَبْصَٰرُنَا بَلْ نَحْنُ قَوْمٌ مَّسْحُورُونَ ﴿١٥﴾

"Dan seandainya Kami bukakan kepada mereka pintu langit lalu mereka terus naik melaluinya(14). Nescaya mereka berkata: Sesungguhnya penglihatan-penglihatan kami telah dikelirukan, malah kami adalah orang-orang yang terkena sihir."(15)

Mereka sekalian adalah dari satu corak manusia yang sama:

لَا يُؤْمِنُونَ بِهِۦ ۖ وَقَدْ خَلَتْ سُنَّةُ ٱلْأَوَّلِينَ ﴿١٣﴾

"Mereka tidak beriman kepadanya (Al-Qur'an) dan sesungguhnya Sunnatullah telah pun berlaku ke atas umat-umat yang dahulu."(13)

Pusingan yang kedua pula menayangkan setengah-setengah ayat Allah di alam buana, iaitu di langit, di bumi dan alam antara keduanya. Semuanya telah diatur dengan hikmat dan diturunkan mengikut kadarnya yang wajar:

وَإِن مِّن شَىْءٍ إِلَّا عِندَنَا خَزَآئِنُهُۥ وَمَا نُنَزِّلُهُۥٓ إِلَّا بِقَدَرٍ مَّعْلُومٍ ﴿٢١﴾

"Dan tiada sesuatu melainkan di sisi Kamilah tersimpan khazanah-khazanahnya dan Kami tidak menurunkannya melainkan mengikut kadar yang tertentu."(21)

Hanya kepada Allah pulangnya segala sesuatu dan pulangnya setiap orang tepat pada waktunya yang telah ditetapkan:

وَإِنَّا لَنَحْنُ نُحْىِۦ وَنُمِيتُ وَنَحْنُ ٱلْوَٰرِثُونَ ﴿٢٣﴾ وَلَقَدْ عَلِمْنَا ٱلْمُسْتَقْدِمِينَ مِنكُمْ وَلَقَدْ عَلِمْنَا ٱلْمُسْتَـْٔخِرِينَ ﴿٢٤﴾

وَإِنَّ رَبَّكَ هُوَ يَحْشُرُهُمْ ۚ إِنَّهُۥ حَكِيمٌ عَلِيمٌ ﴿٢٥﴾

"Dan sesungguhnya Kamilah yang menghidup dan mematikan dan Kamilah pula yang mewarisinya(23). Dan sesungguhnya Kami telah mengetahui mereka yang disegerakan (ajal mereka) dari kalangan kamu dan sesungguhnya Kami juga telah mengetahui mereka yang ditangguhkan (ajal mereka)(24). Dan sesungguhnya Tuhanmu itulah yang akan menghimpunkan mereka. Sesungguhnya Dia Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui."(25)

Pusingan yang ketiga membentangkan kisah manusia, asal-usul, hidayat dan kesesatan dan sebab-sebabnya yang semulajadi serta akibat-akibat buruk dan baik yang diterima pada akhirnya oleh orang-orang yang sesat dan orang-orang yang menerima hidayat, semuanya berpunca dari penciptaan Adam dari tanah liat yang berasal dari lumpur hitam yang berubah, juga berpunca dari tiupan roh ciptaan Allah pada tanah itu. Dan seterusnya berpunca dari kesombongan dan keangkuhan Iblis yang hanya dapat menguasai orang-orang yang sesat sahaja, tetapi tidak dapat menguasai para hamba Allah yang terpilih.

Pusingan yang keempat membicarakan kebinasaan kaum-kaum di zaman dahulu, iaitu kaum Lut, Syu'ayb dan Soleh yang dimulakan dengan firman Allah:

نَبِّئْ عِبَادِىٓ أَنِّىٓ أَنَا ٱلْغَفُورُ ٱلرَّحِيمُ ﴿٤٩﴾

وَأَنَّ عَذَابِى هُوَ ٱلْعَذَابُ ٱلْأَلِيمُ ﴿٥٠﴾

"Khabarkanlah kepada sekalian hamba-Ku bahawa sesungguhnya Aku Maha Pengampun dan Maha Penyayang(49). Dan bahawa 'azab-Ku adalah 'azab yang amat pedih."(50)

Kemudian ia terus membentangkan kisah-kisah itu, dan memperlihatkan bagaimana Allah mengurniakan rahmat-Nya kepada Ibrahim dan Lut, dan bagaimana Allah menimpakan 'azab-Nya ke atas kaum Lut, Syu'ayb dan Soleh.

Pusingan yang kelima dan terakhir mendedahkan rahsia kebenaran yang tersembunyi dalam penciptaan langit dan bumi dan hubungannya dengan Qiamat dan akibat-akibat selepasnya, iaitu balasan pahala dan balasan 'azab, juga hubungannya dengan da'wah Rasulullah s.a.w. Itulah kebenaran yang maha agung yang meliputi seluruh alam buana dan mencakupi permulaan dan kesudahan.

Pelajaran yang pertama ini mengandungi tiga pusingan yang pertama tadi. Marilah kita ikuti huraian ayat-ayat yang berikut.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 15)

الٓرۚ تِلۡكَ ءَايَٰتُ ٱلۡكِتَٰبِ وَقُرۡءَانٖ مُّبِينٖ ١
رُّبَمَا يَوَدُّ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ لَوۡ كَانُواْ مُسۡلِمِينَ ٢
ذَرۡهُمۡ يَأۡكُلُواْ وَيَتَمَتَّعُواْ وَيُلۡهِهِمُ ٱلۡأَمَلُۖ فَسَوۡفَ
يَعۡلَمُونَ ٣
وَمَآ أَهۡلَكۡنَا مِن قَرۡيَةٍ إِلَّا وَلَهَا كِتَابٞ مَّعۡلُومٞ ٤
مَّا تَسۡبِقُ مِنۡ أُمَّةٍ أَجَلَهَا وَمَا يَسۡتَـٔۡخِرُونَ ٥
وَقَالُواْ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِي نُزِّلَ عَلَيۡهِ ٱلذِّكۡرُ إِنَّكَ
لَمَجۡنُونٞ ٦
لَّوۡ مَا تَأۡتِينَا بِٱلۡمَلَٰٓئِكَةِ إِن كُنتَ مِنَ ٱلصَّٰدِقِينَ ٧
مَا نُنَزِّلُ ٱلۡمَلَٰٓئِكَةَ إِلَّا بِٱلۡحَقِّ وَمَا كَانُوٓاْ إِذٗا
مُّنظَرِينَ ٨
إِنَّا نَحۡنُ نَزَّلۡنَا ٱلذِّكۡرَ وَإِنَّا لَهُۥ لَحَٰفِظُونَ ٩
وَلَقَدۡ أَرۡسَلۡنَا مِن قَبۡلِكَ فِي شِيَعِ ٱلۡأَوَّلِينَ ١٠

"Alif. Laam. Raa'. Itulah (huruf-huruf yang membentuk) ayat-ayat Al-kitab dan Al-Qur'an yang amat jelas(1). Barangkali (ada masanya) orang-orang yang kafir itu bercita-cita jika dulunya mereka telah memeluk Islam(2). Biarkanlah mereka makan dan bersenang-senang dan dilalaikan angan-angan, kerana kelak mereka akan mengetahui (akibatnya)(3). Dan Kami tidak membinasakan sesebuah negeri melainkan setelah sampai waktu yang telah ditetapkan kepadanya (ajal)(4). Dan tiada suatu umat pun yang dapat mendahului ajalnya dan tidak pula dapat menundakannya(5). Dan mereka berkata: Wahai orang yang diturunkan Al-Qur'an kepadanya! Sesungguhnya engkau adalah seorang gila(6). Mengapakah engkau tidak membawa malaikat kepada kami, jika engkau dari golongan orang yang benar?(7). Kami tidak menurunkan malaikat melainkan dengan membawa keputusan yang benar dan ketika itu mereka tidak lagi diberi tangguhan (8). Sesungguhnya Kamilah Yang telah menurunkan Al-Qur'an dan Kamilah juga yang memeliharanya(9). Dan sesungguhnya sebelummu Kami telah mengutuskan rasul-rasul di kalangan umat-umat yang dahulu."(10).

وَمَا يَأۡتِيهِم مِّن رَّسُولٍ إِلَّا كَانُواْ بِهِۦ يَسۡتَهۡزِءُونَ ١١
كَذَٰلِكَ نَسۡلُكُهُۥ فِي قُلُوبِ ٱلۡمُجۡرِمِينَ ١٢
لَا يُؤۡمِنُونَ بِهِۦ وَقَدۡ خَلَتۡ سُنَّةُ ٱلۡأَوَّلِينَ ١٣
وَلَوۡ فَتَحۡنَا عَلَيۡهِم بَابٗا مِّنَ ٱلسَّمَآءِ فَظَلُّواْ فِيهِ
يَعۡرُجُونَ ١٤
لَقَالُوٓاْ إِنَّمَا سُكِّرَتۡ أَبۡصَٰرُنَا بَلۡ نَحۡنُ قَوۡمٞ
مَّسۡحُورُونَ ١٥

"Dan tiada seorang rasul pun yang datang kepada mereka melainkan mereka mempersendakannya(11). Demikianlah Kami masukkan (pembawaan itu) ke dalam hati orang-orang yang berdosa(12). Mereka tidak beriman kepadanya (Al-Qur'an) dan sesungguhnya Sunnatullah telah pun berlalu ke atas umat-umat yang dahulu(13). Dan seandainya Kami bukakan kepada mereka pintu langit lalu mereka terus naik melaluinya(14). Nescaya mereka berkata: Sesungguhnya penglihatan-penglihatan kami telah dikelirukan, malah kami adalah orang-orang yang terkena sihir."(15)

الٓرۚ تِلۡكَ ءَايَٰتُ ٱلۡكِتَٰبِ وَقُرۡءَانٖ مُّبِينٖ ١

"Alif. Laam. Raa'. Itulah (huruf-huruf yang membentuk) ayat-ayat Al-kitab dan Al-Qur'an yang amat jelas."(1)

Yakni huruf-huruf ini dan huruf-huruf seumpamanya adalah huruf-huruf kitab suci, huruf-huruf Al-Qur'an. Huruf-huruf ini boleh digunakan oleh semua orang. Huruf-huruf itulah yang membentuk ayat-ayat yang tinggi dan jauh maksudnya. Huruf-huruf inilah yang membentuk susunan ayat-ayat yang berdaya mu'jizat. Huruf-huruf yang tidak mempunyai apa-apa erti itulah yang membentuk Al-Qur'an yang terang dan jelas.

Manusia Dibinasakan Angan-angan

Jika ada kaum yang ingkarkan ayat-ayat Al-Qur'an yang berdaya mu'jizat ini atau mendustakan Al-Qur'an yang amat terang ini, maka akan tiba satu hari, di mana mereka berangan-angan jika mereka dulunya tidak mengingkarkan Al-Qur'an dan bercita-

cita jika mereka dulunya beriman dan mengikut jalan yang benar:

رُّبَمَا يَوَدُّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَوْ كَانُوا۟ مُسْلِمِينَ ﴿٢﴾

"Barangkali (ada masanya) orang-orang yang kafir itu bercita-cita jika dulunya mereka telah memeluk Islam."(2)

"Barangkali (ada masanya)", tetapi di masa itu tidak ada lagi gunanya cita-cita dan angan-angan. Kata-kata "Barangkali (ada masanya)" itu mengandungi ancaman dan sendaan secara halus, di samping menggalakkan mereka supaya mengambil peluang yang terbuka untuk memeluk agama Islam sebelum terluput waktunya, iaitu sebelum datangnya hari Qiamat, di mana mereka akan berangan-angan jika dulunya mereka memeluk Islam, tetapi tidak ada gunanya lagi mereka bercita-cita pada hari itu.

Satu lagi ancaman secara halus (terkandung dalam ayat yang berikut):

ذَرْهُمْ يَأْكُلُوا۟ وَيَتَمَتَّعُوا۟ وَيُلْهِهِمُ ٱلْأَمَلُ فَسَوْفَ يَعْلَمُونَ ﴿٣﴾

"Biarkanlah mereka makan dan bersenang-senang dan dilalaikan angan-angan, kerana kelak mereka akan mengetahui (akibatnya)."(3)

Tinggalkanlah mereka dalam kehidupan mereka, iaitu kehidupan haiwaniyah yang semata-mata hidup untuk makan dan mencari keni'matan, hidup tanpa meneliti, tanpa berfikir dan tanpa menyelidik. Tinggalkanlah mereka hidup dalam arus pusaran itu, iaitu pusaran angan-angan dan keinginan-keinginan yang melalai dan mempesona, di mana umur mereka dan peluang (untuk beriman) berlalu dan hilang sia-sia begitu sahaja. Biarkanlah mereka (dengan kehidupan mereka), janganlah engkau susahkan dirimu memikirkan orang-orang yang akan binasa itu, yang telah sesat di padang angan-angan dan cita-cita. Angan-angan inilah yang terus menggamit mereka dan membuat mereka sibuk dengan cita-cita dan keinginan-keinginan. Angan-angan inilah yang menyarankan bahawa umur mereka masih panjang dan mereka akan tetap berjaya mencapaikan segala cita-cita mereka itu, tiada siapa pun yang dapat menolak dan menghalang dan tiada siapa pun yang akan menghisabkan mereka dan bahawa mereka pada akhirnya akan selamat setelah mencapai segala apa yang dicita-citakan mereka.

Gambaran cita-cita yang melalaikan itu merupakan satu gambaran insan yang hidup dan dinamis. Cita-cita dan angan-angan itu terus mempesonakan manusia yang berkejar-kejar di belakangnya. Ia terus membuat mereka sibuk dengannya sehingga melewati kawasan yang selamat dan sehingga mereka lupakan Allah, lupakan taqdir, lupakan ajal dan lupa bahawa di sana ada kewajipan dan ada larangan, malah sehingga mereka lupa bahawa di sana ada Tuhan, ada maut dan ada kebangkitan selepas maut.

Angan-angan dan cita-cita yang membunuh inilah yang diperintah Allah Rasulullah s.a.w. supaya meninggalkan mereka hidup dengan angan-angan itu dan mereka akan mengetahui:

فَسَوْفَ يَعْلَمُونَ ﴿٣﴾

"Kerana kelak mereka akan mengetahui (akibatnya)." (3)

tetapi sayang pengetahuan dan kesedaran itu tidak lagi berguna kerana waktunya telah terluput. Perintah ayat ini mengandungi ancaman dan cubitan yang keras kepada mereka supaya mereka kembali siuman dari mabuk angan-angan palsu yang melalaikan mereka terhadap nasib kesudahan yang buruk, yang tidak dapat dielakkan itu.

Sunnatullah tetap berjalan dan tidak pernah mungkir dan kebinasaan umat-umat manusia itu bergantung kepada ajal mereka masing-masing yang telah ditetapkan Allah dan bergantung kepada tingkahlaku mereka sendiri yang menjadi sebab Sunnatullah dan kehendak masyi'ah Allah itu bertindak ke atas mereka:

وَمَآ أَهْلَكْنَا مِن قَرْيَةٍ إِلَّا وَلَهَا كِتَابٌ مَّعْلُومٌ ﴿٤﴾
مَّا تَسْبِقُ مِنْ أُمَّةٍ أَجَلَهَا وَمَا يَسْتَـْٔخِرُونَ ﴿٥﴾

"Dan Kami tidak membinasakan sesebuah negeri melainkan setelah sampai waktu yang telah ditetapkan kepadanya (ajal)(4). Dan tiada suatu umat pun yang dapat mendahului ajalnya dan tidak pula dapat menundakannya."(5)

Oleh itu mereka jangan tertipu jika mereka terselamat dari 'azab Allah dalam sesuatu ketika, kerana Sunnatullah itu berjalan mengikut jalannya yang telah ditentukan Allah dan lambat-laun mereka akan mengetahui juga.

Ajal Sesuatu Umat Ditentukan Oleh Corak Hidupnya

Masa dan ajal yang ditentukan itu telah dikurniakan Allah kepada negeri-negeri dan umat-umat supaya ia bekerja dan berusaha, dan mengikut kerja dan usaha inilah ditentukan ajal itu. Oleh itu apabila umat beriman, mengerjakan amalan-amalan yang baik dan berlaku adil, maka Allah akan melanjutkan lagi ajalnya, tetapi apabila ia menyeleweng dari dasar-dasar ini semuanya sehingga tidak ada lagi sesuatu kebaikan yang dapat diharapkan darinya, maka di waktu itulah sampai ajalnya dan berakhirnya kewujudannya secara mutlak iaitu menjadi umat yang binasa, atau secara sementara iaitu menjadi umat yang lemah dan tersisih.

Kadang-kadang pernah dikatakan: Ada umat-umat yang tidak beriman, tidak melakukan kebaikan-kebaikan dan tidak berlaku adil, namun mereka tetap kuat, kaya dan kekal tidak binasa. Ini adalah satu pendapat yang salah, sebenarnya umat-umat ini pastilah masih lagi mempunyai saki-baki kebaikan, walaupun kebaikan dari segi pemerintahan yang dapat membangunkan rakyatnya atau kebaikan dari

segi keadilan dalam batas-batasnya yang sempit terhadap rakyat jelatanya atau kebaikan dari segi kemajuan kebendaan dan kerja-kerja kebajikan yang terbatas. Dengan saki-baki kebaikan-kebaikan yang ada itulah yang melayakkan umat-umat itu masih boleh hidup, tetapi apabila saki-baki kebaikannya itu telah kehabisan dan tidak ada apa-apa yang tinggal, maka umat-umat itu pastilah berakhir kewujudannya.

Sunnatullah itu tidak pernah mungkir dan setiap umat itu mempunyai ajal yang terhenti di atas tindak-tanduknya sendiri:

مَّا تَسۡبِقُ مِنۡ أُمَّةٍ أَجَلَهَا وَمَا يَسۡتَـٔۡخِرُونَ ٥

"Dan tiada suatu umat pun yang dapat mendahului ajalnya dan tidak pula dapat menundakannya."(5)

* * * * * *

Ayat yang berikut menceritakan tentang kebiadaban mereka terhadap Rasulullah s.a.w. Beliau telah membawa kitab suci Al-Qur'an yang amat jelas kepada mereka untuk menyedarkan mereka dari angan-angan yang melalaikan mereka dan mengingatkan mereka terhadap Sunnatullah, tetapi mereka mempersenda-senda dan bertindak biadab terhadap beliau:

وَقَالُواْ يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِي نُزِّلَ عَلَيۡهِ ٱلذِّكۡرُ إِنَّكَ لَمَجۡنُونٞ ٦

لَّوۡ مَا تَأۡتِينَا بِٱلۡمَلَـٰٓئِكَةِ إِن كُنتَ مِنَ ٱلصَّـٰدِقِينَ ٧

"Dan mereka berkata: Wahai orang yang diturun Al-Qur'an kepadanya! Sesungguhnya engkau adalah seorang gila(6). Mengapakah engkau tidak membawa malaikat kepada kami, jika engkau dari golongan orang yang benar?"(7)

Sendaan mereka nampak jelas apabila mereka berseru:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِي نُزِّلَ عَلَيۡهِ ٱلذِّكۡرُ

"Wahai orang yang diturunkan Al-Qur'an kepadanya!"(6)

Mereka sebenarnya tidak percaya kepada wahyu dan kepada kerasulan, tetapi mereka mempermain-mainkan Rasul yang mulia itu dengan perkataan-perkataan ini.

Kebiadaban mereka juga nampak jelas apabila mereka sifatkan Rasul yang amin sebagai orang gila:

إِنَّكَ لَمَجۡنُونٞ ٦

"Sesungguhnya engkau adalah seorang gila."(6)

Perkataan ini adalah sebagai balasan terhadap usaha beliau yang menyeru mereka dengan Al-Qur'an yang amat jelas itu. Mereka membantah dan menuntut malaikat menjadi saksi yang membenarkannya:

لَّوۡ مَا تَأۡتِينَا بِٱلۡمَلَـٰٓئِكَةِ إِن كُنتَ مِنَ ٱلصَّـٰدِقِينَ ٧

"Mengapakah engkau tidak membawa malaikat kepada kami, jika engkau dari golongan orang yang benar?"(7)

Permintaan supaya Allah menurunkan malaikat-malaikat itu adalah berulang-ulang di dalam surah ini dan surah-surah yang lain. Ia berulang-ulang terhadap Rasulullah s.a.w. dan rasul-rasul sebelumnya. Ini - sebagaimana kami telah tegaskan - adalah satu petanda dari petanda-petanda kejahilan terhadap nilai makhluk insan yang telah dimuliakan Allah itu, iaitu Allah memilih nabi-nabi itu dalam kalangan bangsa manusia itu sendiri dengan mengangkatkan individu-individu mereka yang terpilih.

Sebagai jawapan terhadap sendaan, kebiadaban dan kejahilan itu Allah menyebut dasar yang membuktikan kebinasaan umat-umat yang silam iaitu malaikat-malaikat itu tidak diturunkan kepada mana-mana rasul melainkan untuk membinasakan para pendusta dari kaumnya apabila tiba ajal yang telah ditentukan, dan ketika itu tiada lagi sebarang tangguhan dan tempohan:

مَا نُنَزِّلُ ٱلۡمَلَـٰٓئِكَةَ إِلَّا بِٱلۡحَقِّ وَمَا كَانُوٓاْ إِذٗا مُّنظَرِينَ ٨

"Kami tidak menurunkan malaikat melainkan dengan membawa keputusan yang benar dan ketika itu mereka tidak lagi diberi tangguhan."(8)

Apakah mereka mahu dan meminta kebinasaan ini?

* * * * * *

Ayat ini membawa mereka ke arah hidayat dan berfikir dengan teliti, iaitu Allah tidak menurunkan malaikat melainkan dengan membawa keputusan yang benar supaya mereka merealisasi dan melaksanakannya. Keputusan yang benar dalam menghadapi pendustaan ialah menurunkan kebinasaan. Para pendusta itu memang wajar dibinasakan lalu kebinasaan itu pun menimpa ke atas mereka, jadi kebinasaan itu merupakan satu keputusan yang benar yang dibawa turun oleh para malaikat untuk melaksanakannya tanpa sebarang tangguhan lagi. Allah hendak memberikan mereka kebaikan yang lebih dari kebaikan yang dikehendaki oleh mereka sendiri. Oleh sebab itulah Allah menurunkan Al-Qur'an yang dapat dipelajari dan dijadikan panduan kepada mereka, dan ini adalah lebih baik kepada mereka dari menurunkan malaikat membawa keputusan yang benar yang terakhir:

إِنَّا نَحۡنُ نَزَّلۡنَا ٱلذِّكۡرَ وَإِنَّا لَهُۥ لَحَـٰفِظُونَ ٩

"Sesungguhnya Kamilah yang telah menurunkan Al-Qur'an dan Kamilah juga yang memeliharanya."(9)

Oleh itu lebih baik kepada mereka menyambut Al-Qur'an kerana Al-Qur'an sebuah kitab yang kekal terpelihara, tidak akan hapus dan berubah, tidak akan bercampuraduk dengan kebatilan dan tidak akan disentuh oleh sebarang pengubahan. Al-Qur'an akan membawa mereka kepada kebenaran di bawah

ri'ayah dan pemeliharaan Allah, jika mereka mahukan kebenaran. Andainya mereka menuntut diturunkan malaikat untuk mendapat kepastian, maka Allah tidak mahu menurunkan malaikat itu kepada mereka, kerana Allah (dari awal lagi) mahukan kebaikan kepada mereka. Justeru itu Allah menurunkan Al-Qur'an kepada mereka bukannya malaikat yang membawa kebinasaan dan kemusnahan.

Kedegilan Menerima Da'wah Merupakan Resam Dan Budaya Kaum Kafirin

Kemudian Allah S.W.T. menghiburkan Nabi s.a.w. dengan menyatakan kepadanya bahawa beliau bukannya Rasul yang pertama di antara para rasul yang menerima ejekan dan pendustaan, malah beginilah selama-lamanya kelakuan para pendusta menunjukkan kedegilan mereka yang keji:

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا مِن قَبْلِكَ فِي شِيَعِ ٱلْأَوَّلِينَ ﴿١٠﴾
وَمَا يَأْتِيهِم مِّن رَّسُولٍ إِلَّا كَانُوا۟ بِهِۦ يَسْتَهْزِءُونَ ﴿١١﴾

"Dan sesungguhnya sebelummu Kami telah mengutuskan rasul-rasul di kalangan umat-umat yang dahulu(10). Dan tiada seorang rasul pun yang datang kepada mereka melainkan mereka mempersendakannya."(11)

Bagaimana para pendusta (di zaman silam) itu menyambut pengajaran-pengajaran yang dibawa rasul-rasul mereka, beginilah juga cara para pendusta yang berdosa dari kaummu menyambut pengajaran-pengajaran yang dibawamu. Dan beginilah juga Kami masukkan pembawaan itu ke dalam hati mereka yang tidak mahu berfikir dan tidak mahu menyambut dengan baik:

كَذَٰلِكَ نَسْلُكُهُۥ فِي قُلُوبِ ٱلْمُجْرِمِينَ ﴿١٢﴾
لَا يُؤْمِنُونَ بِهِۦ ۖ وَقَدْ خَلَتْ سُنَّةُ ٱلْأَوَّلِينَ ﴿١٣﴾

"Demikianlah Kami masukkan (pembawaan itu) ke dalam hati orang-orang yang berdosa(12). Mereka tidak beriman kepadanya (Al-Qur'an) dan sesungguhnya Sunnatullah telah pun berlalu ke atas umat-umat yang dahulu."(13)

Kami masukkan (pembawaan itu) ke dalam hati mereka, lalu mereka mendusta dan mengejek isi kandungan Al-Qur'an, kerana hati mereka tidak mahu menyambut Al-Qur'an dengan cara yang baik. Beginilah caranya sambutan pendusta itu sama ada di dalam generasi sekarang ini atau di dalam generasi-generasi yang silam. Para pendusta itu adalah satu umat yang sama dan dari asal-usul yang sama:

وَقَدْ خَلَتْ سُنَّةُ ٱلْأَوَّلِينَ ﴿١٣﴾

"Dan sesungguhnya Sunnatullah telah pun berlalu ke atas umat-umat yang dahulu."(13)

Mereka bukannya tidak mendapat dalil-dalil dan bukti-bukti keimanan yang cukup, tetapi mereka sengaja mengambil sikap yang degil dan angkuh. Oleh itu biar apa pun bukti-bukti yang nyata yang sampai kepada mereka, namun mereka tetap berdegil dan berlagak angkuh.

Di sini ayat yang berikut melukiskan satu contoh sikap angkuh dan degil yang keji ini:

وَلَوْ فَتَحْنَا عَلَيْهِم بَابًا مِّنَ ٱلسَّمَآءِ فَظَلُّوا۟ فِيهِ يَعْرُجُونَ ﴿١٤﴾
لَقَالُوٓا۟ إِنَّمَا سُكِّرَتْ أَبْصَٰرُنَا بَلْ نَحْنُ قَوْمٌ مَّسْحُورُونَ ﴿١٥﴾

"Dan seandainya Kami bukakan kepada mereka pintu langit lalu mereka terus naik melaluinya(14). Nescaya mereka berkata: Sesungguhnya penglihatan-penglihatan kami telah dikelirukan, malah kami adalah orang-orang yang terkena sihir."(15)

Cukuplah digambarkan mereka naik ke langit dari pintu yang dibukakan kepada mereka. Mereka naik dengan tubuh mereka dan melihat pintu langit terbuka di hadapan mereka. Mereka benar-benar merasa pergerakan naik itu dan mereka melihat bukti-buktinya, tetapi mereka terus berdegil dan berkata: Tidak, tidak, ini bukannya pemandangan langit yang sebenar, malah ada orang yang telah mengelirukan mata kami dan melumpuhkan fungsinya. Sebenarnya mata kami tidak dapat melihat, tetapi ia hanya menghayalkan sahaja:

بَلْ نَحْنُ قَوْمٌ مَّسْحُورُونَ ﴿١٥﴾

"Malah kami adalah orang-orang yang terkena sihir."(15)

Kami sebenarnya telah disihirkan oleh seorang ahli sihir dan segala apa yang kami lihat, rasa dan bergerak itu hanya merupakan keadaan-keadaan yang disihirkan sahaja.

Cukuplah digambarkan mereka begini untuk memperlihatkan sifat mereka yang amat degil itu dan untuk meyakinkan bahawa tiada gunanya berdebat dengan mereka, juga untuk mempastikan bahawa mereka sebenarnya bukannya tidak mendapat dalil-dalil iman yang cukup dan bukannya tidak mahu beriman kerana malaikat tidak diturunkan kepada mereka, kerana kenaikan mereka ke langit itu merupakan satu bukti yang lebih kuat dan lebih rapat hubungannya dengan mereka dari turunnya malaikat, malah sebenarnya mereka adalah satu kaum yang degil dan angkuh tanpa silu malu, tanpa rasa segan dan tanpa mempedulikan kebenaran yang cukup jelas dan terang.

Itulah satu contoh manusia degil yang dilukiskan Al-Qur'an, iaitu satu contoh yang benar-benar menimbulkan perasaan jijik dan hina.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 16 - 25)

Dari pemandangan sifat degil yang berlaku di langit beralih pula kepada pameran ayat-ayat kauniyah (alam buana) yang dimulakan dengan pemandangan langit, kemudian bumi, kemudian angin-angin yang membawa air, kemudian pemandangan hidup dan mati, kemudian pemandangan kebangkitan selepas mati dan perhimpunan di Mahsyar. Semuanya itu merupakan bukti-bukti yang ditolak oleh orang-orang yang diberi peluang naik ke langit kemudian mendakwa bahawa mereka telah dikeliru dan disihir. Marilah kita tayangkan pemandangan-pemandangan ini satu demi satu sebagaimana ditayangkan di dalam ayat-ayat yang berikut:

وَلَقَدْ جَعَلْنَا فِي ٱلسَّمَآءِ بُرُوجًا وَزَيَّنَّٰهَا لِلنَّٰظِرِينَ ﴿١٦﴾

وَحَفِظْنَٰهَا مِن كُلِّ شَيْطَٰنٍ رَّجِيمٍ ﴿١٧﴾

إِلَّا مَنِ ٱسْتَرَقَ ٱلسَّمْعَ فَأَتْبَعَهُۥ شِهَابٌ مُّبِينٌ ﴿١٨﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan gugusan-gugusan bintang di langit dan Kami hiaskannya untuk orang-orang yang memandangnya(16). Dan Kami peliharakannya dari setiap syaitan yang terkutuk(17). Melainkan syaitan yang mencuri dengar, maka dia akan diburu oleh panah api yang amat terang."(18)

Keindahan Langit

Garis pertama dalam lukisan yang besar ini ialah lukisan alam buana yang memperlihatkan kesan-kesan qudrat Ilahi yang indah dan menyaksikan ciptaan-ciptaan Allah yang mu'jiz yang lebih dari kesaksian yang disaksikan oleh turunnya malaikat itu lagi. Ia juga memperlihatkan betapa rapinya penyusunan dan perencanaan-Nya di samping memperlihatkan betapa agungnya qudrat Allah menciptakan kejadian-kejadian yang besar ini.

Mungkin yang dimaksudkan dengan gugusan itu ialah gugusan bintang-bintang atau planet-planet dengan saiz-saiznya yang amat besar dan mungkin pula dimaksudkan dengannya ialah manzilah-manzilah bintang-bintang atau planet-planet yang berpindah-pindah di dalam peredarannya. Kedua-dua maksud itu menyaksikan kebesaran qudrat Ilahi, kehalusan ciptaan-Nya dan keindahan kejadian-Nya:

وَزَيَّنَّٰهَا لِلنَّٰظِرِينَ ﴿١٦﴾

"Dan Kami hiaskannya untuk orang-orang yang memandangnya."(16)

Di sini ia menarik perhatian kepada keindahan alam buana terutama langit. Ia membayangkan bahawa keindahan itu merupakan suatu yang dimaksudkan di dalam penciptaan alam buana ini bukan kebesaran saiznya dan kehalusannya sahaja yang dimaksudkan, malah turut dimaksudkan bersama ialah keindahannya yang menghiaskan fenomena-fenomena itu dan keindahan yang lahir dari keselarasan seluruh pemandangan langit itu.

Sekilas pandang yang teliti ke langit di malam yang gelap-gelita, di mana planet-planet dan bintang-bintang bertaburan bergemerlapan dengan cahayanya kemudian cahaya itu kelihatan seolah-olah padam sementara mata berpindah pula menyambut panggilan dari sebuah bintang yang jauh. Sekilas pandang yang sama ke langit di malam bulan purnama yang sedang bermimpi, di mana alam buana di sekelilingnya kelihatan mengantuk seolah-olah menahan nafasnya supaya bulan purnama yang sedang bermimpi itu tidak terjaga...... sekilas pandang sahaja sudah cukup untuk memahami hakikat keindahan alam buana ini dan sedalam mana keindahan itu wujud di alam kejadiannya, juga untuk memahami makna ungkapan yang menarik ini:

وَزَيَّنَّٰهَا لِلنَّٰظِرِينَ ﴿١٦﴾

"Dan Kami hiaskannya untuk orang-orang yang memandangnya."(16)

Di samping langit itu dihias dengan indah, maka langit juga dijaga, dikawal dan dipelihara kebersihannya:

وَحَفِظْنَٰهَا مِن كُلِّ شَيْطَٰنٍ رَّجِيمٍ ﴿١٧﴾

"Dan Kami peliharakannya dari setiap syaitan yang terkutuk."(17)

Syaitan Terusir Dari Langit

Yakni syaitan tidak dapat mencemari langit, tidak dapat meniupkan kejahatan, kekotoran dan godaannya, kerana syaitan hanya diberi kebebasan di bumi ini sahaja dan terhadap golongan manusia yang sesat sahaja. Ada pun langit yang menjadi lambang keluhuran dan ketinggian, maka syaitan telah pun diusir darinya dan tidak lagi berpeluang untuk mencemarinya kecuali percubaannya untuk memasuki langit, tetapi setiap percubaannya ditangkis:

إِلَّا مَنِ ٱسْتَرَقَ ٱلسَّمْعَ فَأَتْبَعَهُۥ شِهَابٌ مُّبِينٌ ﴿١٨﴾

"Melainkan syaitan yang mencuri dengar, maka dia akan diburu oleh panah api yang amat terang."(18)

Apakah syaitan itu? Bagaimana ia cuba mencuri dengar? Dan apakah perkara yang hendak dicuri dengar? Semuanya adalah perkara-perkara ghaib yang hanya diketahui oleh Allah sahaja. Tiada jalan lain bagi kita mengetahuinya kecuali dari apa yang tersirat di dalam ayat-ayat itu sahaja, dan tidak ada faedahnya kita membicarakannya secara mendalam, kerana ia tidak menambahkan apa-apa kepada 'aqidah kita dan tidak mendatangkan apa-apa hasil selain dari menyibukkan akal fikiran manusia dengan perkara-perkara di luar ikhtisas mereka, di samping melumpuhkan mereka dari melaksanakan kerja-kerja mereka yang sebenar di dalam kehidupan ini, selain dari itu ia tidak menambahkan sesuatu kefahaman yang baru terhadap suatu hakikat yang baru.

Oleh itu apa yang patut kita ketahui ialah syaitan tidak mendapat sebarang jalan ke langit dan keindahan langit itu tetap terkawal dan terpelihara, dan langit yang menjadi lambang ketinggian dan keluhuran tetap terjaga dari segala kekotoran dan kecemaran dan ia tidak dapat dilintasi syaitan, dan andainya ia cuba melintas, maka ia akan diusir dan disekat dari mendapatkan kehendak-kehendaknya.

Di dalam pemandangan ini, kita jangan lupa kepada keindahan harakat yang terdapat di dalam lukisan gugusan-gususan bintang yang tetap, harakat syaitan yang naik ke langit dan harakat anak-anak panah yang meluncur. Semuanya merupakan keindahan penggambaran di dalam kitab suci yang indah ini.

Keperluan-keperluan Hidup Yang Disediakan Di Bumi

Garis yang kedua di dalam lukisan yang besar ini ialah garis bumi yang terhampar lebar di hadapan mata untuk manusia menghayun langkah dan berjalan, juga kejadian-kejadian yang terdapat di permukaannya, iaitu gunung-ganang, tumbuh-tumbuhan dan aneka rezeki yang disediakan kepada manusia dan hidup-hidupan yang lain:

وَٱلۡأَرۡضَ مَدَدۡنَٰهَا وَأَلۡقَيۡنَا فِيهَا رَوَٰسِيَ وَأَنۢبَتۡنَا فِيهَا
مِن كُلِّ شَيۡءٖ مَّوۡزُونٖ ١٩
وَجَعَلۡنَا لَكُمۡ فِيهَا مَعَٰيِشَ وَمَن لَّسۡتُمۡ لَهُۥ بِرَٰزِقِينَ ٢٠

"Dan bumi Kami telah hamparkannya (dengan luas) dan Kami telah tegakkan di atasnya gunung-ganang yang teguh dan Kami tumbuhkan padanya segala sesuatu dengan ukuran yang rapi(19). Dan Kami telah ciptakan di bumi berbagai-bagai keperluan hidup untuk kamu dan (Kami ciptakan) berbagai-bagai makhluk yang kamu tidak memberi rezeki kepadanya."(20)

Bayangan saiz-saiz besar amat jelas di dalam rangkaian ayat-ayat ini. Misalnya tudingan ke langit yang menunjukkan gugusan bintang-bintang itu menampakkan betapa besarnya gugusan bintang-bintang itu hingga kebesaran saiznya itu dapat dirasa pada bunyi kata-kata buruj (gugusan bintang-bintang) itu sendiri. Dan hingga panah-panah api itu juga disifatkan sebagai "amat terang" sementara tudingan ke bumi yang menunjukkan gunung-ganang itu menampakkan betapa besarnya dan beratnya gunung-ganang itu apabila diungkapkan dengan firman-Nya:

وَأَلۡقَيۡنَا فِيهَا رَوَٰسِيَ

"Dan Kami telah tegakkan di atasnya gunung-ganang yang teguh."(19)

Tudingan kepada kejadian tumbuh-tumbuhan juga disifatkan dengan "ukuran yang rapi". Ungkapan ini membawa pengertian yang besar, iaitu setiap tumbuhan di bumi ini diciptakan dengan ukuran yang rapi dan perencanaan yang halus, dan turut sama menggambarkan bayangan "besar" itu ialah kata-kata majmu' yang umum:

مَعَٰيِشَ

"Keperluan-keperluan hidup"(20)

yang disediakan Allah di bumi ini, juga kata-kata:

وَمَن لَّسۡتُمۡ لَهُۥ بِرَٰزِقِينَ ٢٠

"Dan (Kami ciptakan) berbagai-bagai makhluk yang kamu tidak memberi rezeki kepadanya"(20)

iaitu merangkumi seluruh makhluk yang hidup di bumi secara menyeluruh dan umum. Semuanya menyalutkan bayangan "besar" yang mengindahkan pemandangan yang dilukiskan itu.

Ayat-ayat kauniyah di sini melangkau langit bumi kepada diri manusia. Dari langit yang saujana untuk dilihat kepada bumi yang terhampar lebar untuk dihayunkan langkah, dari gunung-ganang yang ditegakkan di bumi kepada tumbuh-tumbuhan yang diciptakan dengan ukuran yang rapi dan kepada keperluan-keperluan hidup yang disediakan Allah di bumi ini, iaitu dalam bentuk aneka jenis rezeki untuk hidup. Rezeki-rezeki itu amat banyak. Oleh itu ia disebut secara umum untuk memberi bayangan "besar" sebagaimana telah dihuraikan tadi. Yakni Kami telah sediakan berbagai-bagai keperluan hidup di bumi untuk kamu dan untuk makhluk-makhluk hidup yang lain. Mereka semuanya hidup dengan rezeki-rezeki yang disediakan Allah kepada mereka di bumi ini, sedangkan kamu manusia hanya merupakan salah satu dari umat-umat makhluk yang tidak terhingga ini, iaitu satu umat yang bukan diberi rezeki oleh umat yang lain, malah Allahlah yang menyediakan rezeki untuknya dan untuk umat-umat yang lain, kemudian Dialah yang memberi limpah kurnia kepada umat manusia dan menjadikan, untuk kegunaan mereka, untuk keni'matan mereka dan untuk memberi khidmat kepada mereka, umat-umat dari makhluk yang lain yang hidup dengan rezeki yang disediakan Allah tanpa apa-apa sumbangan dari mereka.

Semua rezeki ini adalah sama dengan segala kejadian yang lain, iaitu ia diatur dengan rapinya di dalam ilmu Allah dan tunduk kepada perintah dan kehendak Allah belaka. Allah mengendali dan menguruskan pembahagian rezeki itu mengikut bagaimana yang dikehendaki-Nya dan dalam masa yang ditetapkannya mengikut undang-undangnya yang telah diatur dan dikuatkuasakan di atas manusia dan rezeki-rezeki itu:

وَإِن مِّن شَيۡءٍ إِلَّا عِندَنَا خَزَآئِنُهُۥ وَمَا نُنَزِّلُهُۥٓ إِلَّا
بِقَدَرٖ مَّعۡلُومٖ ٢١

"Dan tiada sesuatu melainkan di sisi Kamilah tersimpan khazanah-khazanahnya dan Kami tidak menurunkannya melainkan mengikut kadar yang tertentu."(21)

Tiada satu makhluk pun yang menguasai atau memiliki rezeki, malah khazanah-khazanah segala rezeki itu, iaitu punca-punca dan sumber-sumbernya hanya berada di tangan Allah sahaja. Allahlah yang menurunkannya kepada makhluk-makhluk di alam masing-masing "mengikut kadar yang tertentu". Tiada suatu rezeki yang diturunkan secara serampangan dan tiada suatu yang dilakukan secara sembarangan.

Di antara rezeki yang diturunkan dengan kadar yang tertentu itu ialah angin dan air:

وَأَرْسَلْنَا ٱلرِّيَٰحَ لَوَٰقِحَ فَأَنزَلْنَا مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً
فَأَسْقَيْنَٰكُمُوهُ وَمَآ أَنتُمْ لَهُۥ بِخَٰزِنِينَ ﴿٢٢﴾

"Dan Kami telah melepaskan angin-angin pembawa air hujan dan Kami turunkan hujan dari langit, lalu Kami jadikannya air minuman kamu dan kamu bukanlah penyimpan-penyimpannya."(22)

Kami telah melepaskan angin-angin sebagai pembawa-pembawa air hujan sebagaimana unta membawa anak kandungannya, lalu Kami turunkan dari langit air hujan yang dibawa angin dan Kami jadikannya bekalan minuman untuk kamu dan dapatlah kamu hidup dengannya:

وَمَآ أَنتُمْ لَهُۥ بِخَٰزِنِينَ ﴿٢٢﴾

"Dan kamu bukanlah penyimpan-penyimpannya."(22)

Air itu bukannya datang dari tangki-tangki simpanan kamu, malah ia datang dari khazanah simpanan Allah. Dari sinilah ia turun mengikut kadar yang tertentu.

Angin-angin itu bertiup mengikut faktor-faktor falaqiyah / astrologikal dan udara. Ia membawa air hujan mengikut faktor-faktor ini dan ia juga gugur mengikut faktor-faktor yang sama.[1] Tetapi siapakah yang mengaturkan semuanya ini dari awal-awal lagi? Ia diatur oleh Allah Yang Maha Pencipta dan Dialah yang mengatur undang-undang amnya yang melahirkan faktor-faktor dan fenomena-fenomena itu:

وَإِن مِّن شَىْءٍ إِلَّا عِندَنَا خَزَآئِنُهُۥ وَمَا نُنَزِّلُهُۥٓ إِلَّا
بِقَدَرٍ مَّعْلُومٍ ﴿٢١﴾

"Dan tiada sesuatu melainkan di sisi Kamilah tersimpan khazanah-khazanahnya dan Kami tidak menurunkannya melainkan mengikut kadar yang tertentu."(21)

Di sini kita dapat memperhatikan bahawa ayat ini memulangkan segala harakat itu kepada Allah sehingga kepada harakat mengambil air untuk diminum:

فَأَسْقَيْنَٰكُمُوهُ

"Lalu Kami jadikannya air minuman kamu."(22)

Maksudnya, Kami telah ciptakan kejadian kamu memerlukan kepada air, dan Kami ciptakan air supaya memenuhi keperluan kamu, dan kedua-duanya itu Kami telah aturkan belaka. Pengungkapan ayat ini dibuat begini untuk menyelaraskan seluruh suasana dan memulangkan segala-galanya kepada Allah hingga gerakan mengambil air untuk diminum, kerana suasana di sini ialah suasana menggantungkan segala sesuatu di alam ini secara langsung kepada iradat Allah. Sunnatullah di sini yang mengatur pergerakan cakerawala sama dengan Sunnatullah di sana yang mengatur pergerakan makhluk yang hidup. Bahagian yang pertama dari surah ini (ayat 4 - 5) mengemukakan Sunnatullah yang bertindak terhadap para pendusta, dan bahagian yang kedua (mulai ayat 16) pula mengemukakan Sunnatullah yang bertindak mengatur di langit dan di bumi, angin, air dan minum air. Semuanya mengikut Sunnatullah yang tidak pernah mungkir dan menyimpang. Kedua-dua bahagian itu mempunyai hubungan dengan kebenaran agung (الحق المبين) yang dengannya Allah ciptakan langit, bumi, manusia, dan seluruh kejadian yang lain.

Kemudian ayat yang berikut menyempurnakan konsep kepulangan segala sesuatu itu kepada Allah iaitu ia memulangkan kepada Allah urusan hidup dan mati, urusan makhluk-makhluk yang hidup dan yang mati dan seterusnya urusan kebangkitan selepas mati:

وَإِنَّا لَنَحْنُ نُحْىِۦ وَنُمِيتُ وَنَحْنُ ٱلْوَٰرِثُونَ ﴿٢٣﴾
وَلَقَدْ عَلِمْنَا ٱلْمُسْتَقْدِمِينَ مِنكُمْ وَلَقَدْ عَلِمْنَا
ٱلْمُسْتَـْٔخِرِينَ ﴿٢٤﴾
وَإِنَّ رَبَّكَ هُوَ يَحْشُرُهُمْ ۚ إِنَّهُۥ حَكِيمٌ عَلِيمٌ ﴿٢٥﴾

"Dan sesungguhnya Kamilah yang menghidup dan mematikan dan Kamilah pula yang mewarisinya(23). Dan sesungguhnya Kami telah mengetahui mereka yang disegerakan ajal mereka dari kalangan kamu dan sesungguhnya Kami juga telah mengetahui mereka yang ditangguhkan ajal mereka(24). Dan sesungguhnya Tuhanmu itulah yang akan menghimpunkan mereka. Sesungguhnya Dia Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui."(25)

---

[1] *Setengah-setengah orang mahu mentafsirkan kata-kata "لواقح" dengan makna "pengawin-pengawin tumbuhan", iaitu makna ilmiyah yang telah ditemui, iaitu angin itu membawa debunga-debunga dari satu pokok ke satu pokok untuk dikawinkan, tetapi ayat di sini menudingkan bahawa yang dimaksudkan dengan kata-kata itu disini ialah pembawa-pembawa air hujan dan bukannya maksud lain. Ini dapat difahamkan dari ayat "lalu Kami jadikannya air minuman kamu". Di sini tidak disebut langsung perkara penumbuhan tanaman-tanaman walaupun dari jauh hingga dapat dikatakan bahawa pemandangan itu memberi bayangan kepada tumbuhan-tumbuhan, sedangkan pengungkapana al-Qur'an amat halus dalam menggambarkan bayangan-bayangan bagi sesuatu pemandangan sama ada dari dekat atau dari jauh.*

Di sinilah bertemunya bahagian yang kedua dengan bahagian yang pertama. Ayat di dalam bahagian yang pertama di sana berbunyi:

وَمَآ أَهۡلَكۡنَا مِن قَرۡيَةٍ إِلَّا وَلَهَا كِتَابٞ مَّعۡلُومٞ ﴿٤﴾

مَّا تَسۡبِقُ مِنۡ أُمَّةٍ أَجَلَهَا وَمَا يَسۡتَـٔۡخِرُونَ ﴿٥﴾

"Dan Kami tidak membinasakan sesebuah negeri melainkan setelah sampai waktu yang telah ditetapkan kepadanya (ajal)(4). Dan tiada suatu umat pun yang dapat mendahului ajalnya dan tidak pula dapat menundakannya."(5)

Tetapi ayat di sini pula menjelaskan bahawa hidup dan mati itu di tangan Allah dan Allah itulah pewaris selepas hidup, dan Allahlah yang Mengetahui sekalian mereka yang telah ditetapkannya sebagai orang-orang yang disegera ajal mereka lalu mereka pun diwafatkan segera, dan sekalian mereka yang telah ditetapkannya sebagai orang-orang yang ditangguhkan ajal mereka lalu mereka pun dilambatkan ajal mereka, dan pada akhirnya Allahlah yang akan mengumpulkan sekalian mereka dan kepada-Nyalah kembalinya seluruh mereka:

إِنَّهُۥ حَكِيمٌ عَلِيمٞ ﴿٢٥﴾

"Sesungguhnya Dia Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui."(25)

Allah menentukan ajal setiap umat dengan kebijaksanaan-Nya dan Dialah yang mengetahui bilakah umat itu akan mati dan bilakah akan dikumpulkan, dan mengetahui segala perkara yang berlaku di antara dua masa itu?

Dalam bahagian ini dan bahagian sebelumnya kita dapat memperhatikan keselarasan dan persamaan dalam pergerakan pemandangan, iaitu dalam pergerakan menurunkan Al-Qur'an, pergerakan menurunkan malaikat, pergerakan menurunkan panah-panah api kepada syaitan-syaitan dan pergerakan menurunkan air hujan dari langit, juga keselarasan dan persamaan dalam bidang-bidang yang melingkungi peristiwa-peristiwa dan konsep-konsep itu, iaitu bidang alam buana yang besar, yakni langit, gugusan-gugusan bintang, panah-panah api, bumi, gunung-ganang, tumbuh-tumbuhan, angin dan air hujan. Apabila bahagian ini membuat perbandingan sifat degil ia memilih maudhu' naik ke langit dari bumi menerusi pintu yang terbuka di langit itu sendiri. Itulah di antara keindahan-keindahan gambaran di dalam kitab suci yang amat menakjubkan ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 26 - 48)

Penciptaan Makhluk Insan

Kemudian tibalah pula kita kepada kisah manusia yang teragung, iaitu kisah fitrah yang pertama, kisah hidayat dan kesesatan dan faktor-faktornya yang semulajadi, iaitu kisah Adam. Dari bahan apakah Adam diciptakan? Dan apakah peristiwa-peristiwa yang berlaku ketika ia diciptakan dan selepasnya?

Kita dapati kisah ini telah dibentangkan dua kali sebelum ini, iaitu ia dibentangkan di dalam Surah al-Baqarah dan Surah al-A'raf, tetapi ia dibentangkan pada setiap kalinya untuk satu tujuan yang khusus, di tempat tayangannya yang khusus dan di dalam suasananya yang khusus. Oleh sebab itulah babak-babak yang ditayangkan berlain-lainan pada setiap tempat, bayangan-bayangan dan nada-nadanya juga turut berbeza walaupun terdapat persamaan pada setengah-setengah kata pendahuluan dan kata kesimpulan dan ulasannya sekadar wujudnya persamaan pada matlamat-matlamatnya.

Kata-kata pendahuluan kisah ini hampir-hampir sama di dalam ketiga-tiga surah.

Kata-kata pendahuluan kisah ini di dalam Surah al-Baqarah berbunyi:

هُوَ ٱلَّذِي خَلَقَ لَكُم مَّا فِي ٱلۡأَرۡضِ جَمِيعٗا ثُمَّ
ٱسۡتَوَىٰٓ إِلَى ٱلسَّمَآءِ فَسَوَّىٰهُنَّ سَبۡعَ سَمَٰوَٰتٖۚ
وَهُوَ بِكُلِّ شَيۡءٍ عَلِيمٞ ﴿٢٩﴾

"Allahlah yang telah menciptakan untuk kamu segala yang ada di bumi kemudian Dia menuju ke langit lalu menjadikan tujuh langit dengan sempurnanya dan Dia Maha Mengetahui segala sesuatu."

(Surah al-Baqarah : 29)

Kata pendahuluan kisah ini di dalam Surah al-A'raf pula berbunyi:

وَلَقَدۡ مَكَّنَّٰكُمۡ فِي ٱلۡأَرۡضِ وَجَعَلۡنَا لَكُمۡ فِيهَا
مَعَٰيِشَۗ قَلِيلٗا مَّا تَشۡكُرُونَ ﴿١٠﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepada kamu kedudukan yang teguh di bumi dan Kami jadikannya untuk kamu berbagai-bagai keperluan hidup, tetapi sedikit sekali kamu bersyukur."(10)

Di dalam surah ini pula kata pendahuluan kisah itu berbunyi:

وَٱلۡأَرۡضَ مَدَدۡنَٰهَا وَأَلۡقَيۡنَا فِيهَا رَوَٰسِيَ وَأَنۢبَتۡنَا فِيهَا
مِن كُلِّ شَيۡءٖ مَّوۡزُونٖ ﴿١٩﴾
وَجَعَلۡنَا لَكُمۡ فِيهَا مَعَٰيِشَ وَمَن لَّسۡتُمۡ لَهُۥ بِرَٰزِقِينَ ﴿٢٠﴾

"Dan bumi Kami telah hamparkannya (dengan luas) dan Kami telah tegakkan di atasnya gunung-ganang yang teguh dan Kami tumbuhkan padanya segala sesuatu dengan ukuran yang rapi(19). Dan Kami telah ciptakan di bumi berbagai-bagai keperluan hidup untuk kamu dan (Kami ciptakan) berbagai-bagai makhluk yang kamu tidak memberi rezeki kepadanya."(20)

Tetapi ayat-ayat yang menceritakan kisah ini di dalam tiap-tiap surah mempunyai tujuan yang berlainan.

Di dalam Surah al-Baqarah tujuan yang ditekankan ialah perlantikan Adam selaku khalifah di bumi, di mana Allah ciptakan segala isinya untuk makhluk manusia:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَٰٓئِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي ٱلْأَرْضِ
خَلِيفَةً

"Dan (kenangilah) ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: Sesungguhnya Aku hendak melantikkan seorang khalifah di bumi.

(Surah al-Baqarah : 30)

Oleh sebab itulah ayat-ayat di sana membentangkan kisah ini dari segi rahsia-rahsia perlantikan khalifah yang menghairankan para malaikat yang tidak mengetahui rahsianya:

وَعَلَّمَ ءَادَمَ ٱلْأَسْمَآءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى
ٱلْمَلَٰٓئِكَةِ فَقَالَ أَنۢبِـُٔونِى بِأَسْمَآءِ هَٰٓؤُلَآءِ إِن كُنتُمْ
صَٰدِقِينَ ﴿٣١﴾
قَالُوا۟ سُبْحَٰنَكَ لَا عِلْمَ لَنَآ إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَآ ۖ إِنَّكَ أَنتَ ٱلْعَلِيمُ
ٱلْحَكِيمُ ﴿٣٢﴾
قَالَ يَٰٓـَٔادَمُ أَنۢبِئْهُم بِأَسْمَآئِهِمْ ۖ فَلَمَّآ أَنۢبَأَهُم بِأَسْمَآئِهِمْ
قَالَ أَلَمْ أَقُل لَّكُمْ إِنِّىٓ أَعْلَمُ غَيْبَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ
وَأَعْلَمُ مَا تُبْدُونَ وَمَا كُنتُمْ تَكْتُمُونَ ﴿٣٣﴾

"Dan Dia (Allah) mengajar kepada Adam nama-nama benda seluruhnya kemudian Dia bentangkan kepada para malaikat lalu berfirman: Ceritakanlah nama-nama benda itu jika kamu dari golongan yang benar (mengetahui) (31). Jawab mereka: Ya Allah Maha Sucilah Engkau! Kami tidak mempunyai apa-apa ilmu pengetahuan selain dari apa yang telah diajarkan oleh Engkau kepada kami. Sesungguhnya Engkau Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana (32). Allah berfirman: Wahai Adam! Ceritakanlah nama-nama benda itu. Dan setelah Adam menceritakan nama-nama benda itu Allah pun berfirman: Bukankah telah Aku katakan kepada kamu bahawa Aku Mengetahui rahsia langit dan bumi dan Mengetahui apa yang kamu nyata dan apa yang kamu sembunyi."(33)

(Surah al-Baqarah : 31 – 33)

Kemudian dibentangkan pula kisah malaikat sujud kepada Adam dan keengganan syaitan dan keangkuhannya (untuk turut sujud), juga cerita Adam dan isterinya tinggal di dalam Syurga dan bagaimana syaitan menggelincir dan mengeluarkan kedua-duanya dari Syurga, kemudian kisah Adam turun ke bumi untuk menjadi khalifah setelah dibekalkan dengan pengalaman-pengalaman yang pahit dan setelah beliau memohon ampun dan Allah menerima taubatnya. Dan selepas kisah ini diiringi pula dengan seruan yang ditujukan kepada Bani Israel supaya mereka mengingati ni'mat-ni'mat Allah yang dikurniakan kepada mereka dan supaya menunaikan janji mereka kepada Allah. Ini mempunyai hubungan dengan perlantikan moyang agung mereka Adam menjadi khalifah di bumi dan janji Allah dengannya serta pengalaman pahit yang telah diterima oleh bapa manusia itu.

Tetapi yang ditekankan di dalam Surah al-A'raf ialah perjalanan yang jauh Adam dari Syurga dan pulang kembali kepada Syurga, juga menonjolkan perseteruan Iblis terhadap manusia dari permulaan perjalanan hingga ke akhirnya, iaitu sehingga manusia pulang semula ke padang Mahsyar, di mana sebahagian dari mereka akan pulang ke Syurga, di mana syaitan telah mengeluarkan dua moyang mereka darinya. (Mereka dapat kembali ke Syurga) kerana mereka telah memusuhi dan menentang syaitan, sementara sebahagian lagi akan masuk ke dalam Neraka kerana mereka mengikut jejak langkah syaitan musuh mereka yang ketat. Oleh sebab itulah di sini dibentangkan cerita malaikat sujud kepada Adam dan keengganan dan keangkuhan Iblis untuk sujud bersama serta permohonannya kepada Allah supaya diberi tempoh kepadanya sehingga kepada hari kebangkitan semula untuk membolehkannya menyesatkan anak-anak zuriat Adam yang kerananya ia diusirkan dari Syurga, kemudian cerita Adam dan isterinya ditempatkan di dalam Syurga dan diberi kebebasan memakan segala buah-buahan yang ada di dalamnya kecuali buah-buahan dari sepohon pokok sahaja yang dilarang. Pokok ini menjadi lambang perkara terlarang untuk menguji kemahuan dan keta'atan, kemudian cerita godaan syaitan terhadap keduanya dengan panjang lebar dan membuat kedua-duanya termakan buah pokok ini dan menyebabkan aurat keduanya terdedah. Akibatnya kedua-duanya ditegur oleh Allah dan akhirnya cerita mereka diturunkan ke bumi untuk bekerja di bumi perjuangan yang besar.

قَالَ ٱهْبِطُوا۟ بَعْضُكُمْ لِبَعْضٍ عَدُوٌّ ۖ وَلَكُمْ فِى ٱلْأَرْضِ
مُسْتَقَرٌّ وَمَتَٰعٌ إِلَىٰ حِينٍ ﴿٢٤﴾
قَالَ فِيهَا تَحْيَوْنَ وَفِيهَا تَمُوتُونَ وَمِنْهَا تُخْرَجُونَ ﴿٢٥﴾

"Allah berfirman: Turunlah kamu sekalian. Kamu akan berseteru terhadap satu sama lain, dan kamu akan mendapat di bumi ini tempat kediaman dan kesenangan hingga ke suatu masa yang tertentu. (24). Allah berfirman lagi: Dibumi inilah kamu hidup dan dibumi inilah kamu mati dan dari bumilah juga kamu dikeluarkan (dibangkitkan kembali)."(25)

(Surah al-A'raf : 24 - 25)

Kemudian rangkaian ayat-ayat itu menyambung perjalanannya sehingga seluruh mereka dihidupkan kembali dan dibawa ke padang Mahsyar dengan huraian yang terperinci dan dialog-dialog. Kemudian cerita itu berakhir, di mana segolongan dari mereka dimasukkan ke dalam Syurga dan segolongan yang lain dimasukkan ke dalam Neraka:

وَنَادَىٰٓ أَصۡحَٰبُ ٱلنَّارِ أَصۡحَٰبَ ٱلۡجَنَّةِ أَنۡ أَفِيضُواْ عَلَيۡنَا
مِنَ ٱلۡمَآءِ أَوۡ مِمَّا رَزَقَكُمُ ٱللَّهُۚ قَالُوٓاْ إِنَّ ٱللَّهَ
حَرَّمَهُمَا عَلَى ٱلۡكَٰفِرِينَ ﴿٥٠﴾

"Dan penghuni-penghuni Neraka memanggil penghuni-penghuni Syurga: Berilah sedikit air kepada kami atau sedikit makanan yang dikurniakan Allah kepada kamu. Jawab penghuni-penghuni Syurga: Sesungguhnya Allah telah mengharamkan minuman dan makanan itu kepada orang-orang yang kafir."

(Surah al-A'raf: 50)

Setakat ini tirai dilabuhkan.

Tetapi yang ditekankan di dalam surah ini ialah rahsia penciptaan Adam dan rahsia hidayat dan kesesatan dan faktor-faktornya yang semulajadi di dalam diri manusia. Oleh sebab itulah dari awal lagi ayat-ayat di sini menjelaskan bahawa Adam itu diciptakan Allah dari tanah liat yang berasal dari lumpur hitam yang berubah dan Allah telah meniupkan roh ciptaan-Nya yang gemilang dan mulia di dalam dirinya, dan sebelum ini Allah telah menciptakan syaitan dari api yang amat panas, kemudian dibentangkan pula cerita malaikat sujud kepada Adam dan keengganan Iblis sujud kepada manusia yang dijadikan dari tanah liat yang berasal dari lumpur hitam yang berubah, juga cerita ia diusir dari rahmat Allah dan dila'nat, dan cerita ia memohon tangguhan sehingga kepada hari kebangkitan dan permohonannya telah diperkenankan Allah, di samping membuat penjelasan tambahan bahawa Iblis telah membuat pengakuan bahawa dia tidak mempunyai kuasa di atas para hamba Allah yang terpilih, malah dia hanya mempunyai pengaruh di atas manusia yang ta'at kepadanya sahaja dan tidak ta'at kepada Allah, kemudian berakhir dengan menjelaskan nasib kesudahan kedua-dua golongan tanpa sebarang dialog dan huraian yang panjang lebar sesuai dengan tujuan penekanan di sini yang telah menerangkan dengan jelas tentang dua unsur kejadian dan tentang bidang kuasa syaitan.

Marilah kita ikuti pemandangan kisah Adam itu di bidang ini:

Perbezaan Tabi'at Manusia Dan Jin

وَلَقَدۡ خَلَقۡنَا ٱلۡإِنسَٰنَ مِن صَلۡصَٰلٖ مِّنۡ حَمَإٖ مَّسۡنُونٖ ﴿٢٦﴾
وَٱلۡجَآنَّ خَلَقۡنَٰهُ مِن قَبۡلُ مِن نَّارِ ٱلسَّمُومِ ﴿٢٧﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia (Adam) dari tanah liat yang kering yang berasal dari lumpur hitam yang berubah(26). Dan jin-jin Kami ciptakannya sebelum (Adam) dari api yang sangat panas."(27)

Di dalam pembukaan ini diterangkan perbezaan di antara dua tabi'at, iaitu di antara tabi'at tanah liat yang kering yang mengeluarkan bunyi apabila dipalu iaitu tanah liat yang berasal dari tanah basah yang berubah - dengan tabi'at api yang memusnahkan segala sesuatu, iaitu api yang amat panas. Dan selepas ini kita akan mengetahui bahawa tabi'at manusia telah dimasukkan pula satu unsur yang baru iaitu tiupan dari roh Allah, sedangkan tabi'at syaitan tetap dengan tabi'at api yang amat panas.

وَلَقَدۡ خَلَقۡنَا ٱلۡإِنسَٰنَ مِن صَلۡصَٰلٖ مِّنۡ حَمَإٖ مَّسۡنُونٖ ﴿٢٦﴾
وَٱلۡجَآنَّ خَلَقۡنَٰهُ مِن قَبۡلُ مِن نَّارِ ٱلسَّمُومِ ﴿٢٧﴾
وَإِذۡ قَالَ رَبُّكَ لِلۡمَلَٰٓئِكَةِ إِنِّي خَٰلِقُۢ بَشَرٗا مِّن صَلۡصَٰلٖ مِّنۡ
حَمَإٖ مَّسۡنُونٖ ﴿٢٨﴾
فَإِذَا سَوَّيۡتُهُۥ وَنَفَخۡتُ فِيهِ مِن رُّوحِي فَقَعُواْ لَهُۥ
سَٰجِدِينَ ﴿٢٩﴾
فَسَجَدَ ٱلۡمَلَٰٓئِكَةُ كُلُّهُمۡ أَجۡمَعُونَ ﴿٣٠﴾
إِلَّآ إِبۡلِيسَ أَبَىٰٓ أَن يَكُونَ مَعَ ٱلسَّٰجِدِينَ ﴿٣١﴾
قَالَ يَٰٓإِبۡلِيسُ مَا لَكَ أَلَّا تَكُونَ مَعَ ٱلسَّٰجِدِينَ ﴿٣٢﴾
قَالَ لَمۡ أَكُن لِّأَسۡجُدَ لِبَشَرٍ خَلَقۡتَهُۥ مِن صَلۡصَٰلٖ
مِّنۡ حَمَإٖ مَّسۡنُونٖ ﴿٣٣﴾
قَالَ فَٱخۡرُجۡ مِنۡهَا فَإِنَّكَ رَجِيمٞ ﴿٣٤﴾
وَإِنَّ عَلَيۡكَ ٱللَّعۡنَةَ إِلَىٰ يَوۡمِ ٱلدِّينِ ﴿٣٥﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia (Adam) dari tanah liat yang kering yang berasal dari lumpur hitam yang berubah (26). Dan jin-jin Kami ciptakannya sebelum (Adam) dari api yang sangat panas (27). Dan (kenangilah) ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menciptakan manusia dari tanah liat yang berasal dari lumpur hitam yang berubah(28). Maka apabila Aku telah menyempurnakan kejadiannya dan meniupkan padanya roh (ciptaan-Ku), maka rebahkanlah diri kamu sujud kepadanya (29). Lalu seluruh malaikat pun sujud(30). Kecuali Iblis. Dia enggan (sujud) bersama-sama mereka yang sujud(31). Allah berfirman: Wahai Iblis! Mengapakah engkau tidak turut (sujud) bersama-sama mereka yang sujud (32). Jawab Iblis: Aku tidak akan sujud kepada manusia yang Engkau ciptakannya

dari tanah liat yang berasal dari lumpur hitam yang berubah (33). Allah berfirman: Keluarlah dari Syurga (ini) kerana sesungguhnya engkau adalah terkutuk (34). Dan sesungguhnya la'nat itu tetap menimpamu sehingga Hari Balasan."(35)

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَٰٓئِكَةِ

"Dan (kenangilah) ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat."(28)

Bilakah Allah berfirman? Di manakah Allah berfirman? Dan bagaimana cara Allah berfirman? Semuanya telah kami jawab di dalam Surah al-Baqarah Juzu' yang pertama dari tafsir Fi Zilal ini, iaitu tidak ada jalan untuk mendapat jawapan kerana kita tidak mempunyai nas-nas untuk menjawabnya. Tiada jalan bagi kita untuk membicarakan persoalan-persoalan ghaib melainkan dengan nas. Tanpa nas, maka pembicaraan itu hanya merupakan satu pengembaraan di padang gurun tanpa pemandu.

Bagaimanakah manusia diciptakan dari tanah liat yang berasal dari tanah lumpur yang berubah itu? Dan bagaimana ditiupkan roh ciptaan Allah pada manusia itu? Kita tidak mengetahui cara penciptaan dan tiupan itu, dan kita tidak mempunyai sebarang jalan untuk menentukan cara penciptaan dan tiupan itu.

Mungkin juga disarankan supaya persoalan ini dirujukkan kepada nas-nas Al-Qur'an yang lain yang membicarakan persoalan yang sama terutama kepada firman-firman yang berikut:

وَلَقَدْ خَلَقْنَا ٱلْإِنسَٰنَ مِن سُلَٰلَةٍ مِّن طِينٍ ﴿١٢﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari saripati tanah."

(Surah al-Mu'minun: 12)

ثُمَّ جَعَلَ نَسْلَهُۥ مِن سُلَٰلَةٍ مِّن مَّآءٍ مَّهِينٍ ﴿٨﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari saripati air yang hina."

(Surah as-Sajadah: 8)

Ternyatalah bahawa asal-usul manusia dan asal-usul seluruh hayat adalah dari tanah bumi ini, iaitu dari unsur-unsur asasinya yang terdapat pada struktur kejadian jasad manusia dan seluruh hidup-hidupan yang lain, juga ternyata bahawa di sana terdapat peringkat-peringkat perkembangan yang tertentu yang ditunjukkan oleh kata-kata "سلالة" (saripati). Sampai di sini berakhirlah maksud nas-nas itu. Sebarang tokok tambah di atasnya merupakan satu perbuatan yang tidak sebenar, yang tidak diperlukan oleh Al-Qur'an. Kajian ilmiyah boleh meneruskan usahanya dengan saranan-saranan yang boleh didapati untuk mewujudkan andaian-andaian dan teori-teori yang boleh dicapai olehnya, dan untuk merealisasikan apa yang dapat direalisasikannya mengikut mana-mana jalan yang terjamin dan seterusnya untuk menukarkan mana-mana andaian dan teori-teori yang tidak dapat ditegakkan setelah dikaji dan diselidik. Selama hasil-hasil kajian itu tidak bertentangan dengan hakikat asasi yang dikandungi oleh Al-Qur'an, iaitu permulaan ciptaan saripati itu secara yakin adalah dari unsur-unsur tanah dan air yang masuk di dalam struktur kejadiannya. Jadi, bahagian yang diyakinkan kebenarannya melalui Al-Qur'an adalah tetap kekal tidak dapat digugatkan oleh semua teori hingga sekarang dan selepas sekarang.

Bagaimana proses tanah itu meningkat mula-mulanya dari sifat keunsurannya yang terkenal itu ke puncak hayat organik, kemudian akhirnya meningkat pula ke puncak hayat insaniyah? Di sinilah terletaknya rahsia yang tidak dapat dihuraikan oleh manusia seluruhnya. Rahsia hayat dalam sel yang pertama - mengikut teori evolusi - adalah tetap menjadi rahsia dan tiada siapa pun yang sanggup mendakwa bahawa dia telah mengetahui rahsia itu. Sementara rahsia hayat insaniyah yang tinggi termasuk daya-daya intelektual, wawasan-wawasan rohaniyah dan tenaga-tenaga yang berbeza dari makhluk-makhluk haiwaniyah yang lain itu masih lagi menjadi bahan-bahan tekaan teori-teori, sedangkan Al-Qur'anul-Karim telah mentafsirkannya dengan ringkas, jelas dan mudah kepada kita:

فَإِذَا سَوَّيْتُهُۥ وَنَفَخْتُ فِيهِ مِن رُّوحِى

"Maka apabila Aku telah menyempurnakan kejadiannya dan meniupkan padanya roh (ciptaan-Ku)....."(29)

Jadi, roh dari ciptaan Allah itulah yang telah memindahkan kejadian organik yang rendah itu ke tahap insan yang mulia.

Bagaimana? Bilakah makhluk insan ini mampu memahami bagaimana Allah Yang Maha Pencipta dan Maha Besar itu mencipta?

Di sini sampailah kita ke bumi yang pejal, di mana kita dapat duduk dengan tenteram.

Sebelum ini syaitan telah diciptakan dari api yang amat panas. Dia lebih dahulu diciptakan dari manusia. Sekadar inilah sahaja yang kita tahu, tetapi bagaimana syaitan, bagaimana dia diciptakan, maka ini adalah suatu persoalan yang lain yang kita tidak dapat membincangkannya. Kita hanya mengetahui sebahagian dari sifat-sifat syaitan itu dari sifat-sifat api yang amat panas, kemudian dari celah-celah kisah penciptaan Adam kita dapat mengetahui pula sifat-sifatnya yang angkuh dan sombong dan sifat-sifat ini tidak jauh dari tabi'at api.

Manusia Diciptakan Dari Unsur Tanah Dan Roh

Manusia mula-mula telah diciptakan dari unsur-unsur tanah yang melekit yang berubah kepada tanah liat yang kering dan dari tiupan Ilahi yang luhur yang membezakan manusia dari makhluk-makhluk hidup yang lain dan memberikan kepadanya ciri-ciri insaniyahnya terutamanya ciri kebolehan meningkat ke darjat-darjat yang tinggi dan istimewa di alam manusia.

Tiupan Ilahi yang luhur inilah yang menghubungkan manusia dengan alam al-Mala'ul-A'la dan melayakkannya untuk berhubung dengan Allah dan untuk menerima perutusan dari Allah, dan seterusnya untuk melewati alam kebendaan, yang menjadi bidang komunikasi otot-otot anggota dan pancaindera kepada alam abstrak, yang menjadi bidang kegiatan hati dan akal. Tiupan Ilahi ini juga yang membelikan kepada manusia rahsia sulit yang membolehkannya menembusi di sebalik zaman dan tempat dan di sebalik tenaga otot-otot dan pancaindera kepada berbagai-bagai persepsi dan kefahaman yang tidak terbatas pada setengah-setengah ketika.

Semuanya dapat dilakukan oleh manusia walaupun dia mempunyai ciri berat tanah pada tabi'atnya dan walaupun dia terpaksa tunduk kepada kehendak-kehendak dan keperluan-kepertuan tanah, seperti makanan, minuman, pakaian dan nafsu keinginan, kelemahan dan kekurangan dan akibat dari kelemahan dan kekurangan yang melahirkan kefahaman-kefahaman, kecenderungan-kecenderungan dan pergerakan-pergerakan.

Kedudukan yang imbang di antara ciri-ciri unsur-unsur tanah dengan ciri tiupan Ilahi yang luhur itulah kemuncak yang dituntut dari manusia supaya berjuang mencapaikannya. dan itulah tahap kesempurnaan yang ditetapkan kepada manusia. Ini bermakna bahawa manusia tidak dituntut supaya meninggalkan salah satu dari dua unsur kejadiannya dan keperluan-keperluannya untuk menjadi malaikat atau untuk menjadi haiwan, kerana salah satu dari dua unsurnya itu bukanlah merupakan tahap kesempurnaan yang dicari manusia. Peningkatan yang merosakkan imbangan yang sempurna itu merupakan suatu kekurangan kepada manusia dan kepada ciri-cirinya yang semulajadi, juga kepada hikmat manusia diciptakan sedemikian rupa.

Manusia yang cuba melumpuhkan tenaga-tenaga jasmaninya yang dinamis itu samalah dengan manusia yang cuba melumpuhkan tenaga rohaninya yang bebas. Kedua-duanya mengeluarkan dirinya dari fitrahnya yang saksama dan mahu menjadikan dirinya bertentangan dengan apa yang dikehendaki Allah Penciptanya. Kedua-duanya membinasakan diri sendiri dengan memusnahkan sebahagian dari dirinya yang semulajadi, dan oleh kerana itu dia dianggap bertanggungjawab di hadapan Allah kerana melakukan pemusnahan itu.

Justeru itulah Rasulullah s.a.w. telah melarang sahabatnya yang mahu hidup selaku rahib tanpa mendekati perempuan dan sahabatnya yang mahu puasa sepanjang setiap hari tanpa berbuka dan sahabatnya yang mahu terus beribadat di waktu malam tanpa tidur. Beliau melarang dan membantah kehendak-kehendak sahabat-sahabat itu sebagaimana tersebut di dalam hadith Aisyah r.a.:

فمن رغب عن سنتي فليس مني

"Sesiapa yang tidak suka kepada sunnahku, maka dia bukanlah dari golonganku."

Matlamat Syari'at Islam Ialah Mewujudkan Imbangan Antara Dua Unsur Kejadiannya

Islam telah menegakkan syari'atnya kepada manusia berdasarkan kepada sifat-sifat kejadiannya yang seperti itu. Ia menegakkan satu sistem hidup manusia yang tidak memusnahkan sesuatu tenaga pun dari tenaga-tenaga manusia. Kemuncak tujuan sistem ini ialah mewujudkan imbangan di antara tenaga-tenaga itu supaya semuanya bekerja tanpa keterlaluan dan lemah, tanpa mencerobohi satu sama lain, kerana setiap pencerobohan mengakibatkan kelumpuhan dan setiap keterlaluan mengakibatkan kemusnahan. Seseorang manusia itu berkewajipan memelihara ciri-ciri semulajadinya dan bertanggungjawab terhadapnya di hadapan Allah. Sistem hidup yang ditegakkan Islam untuk manusia itu adalah bertujuan memelihara ciri-ciri ini, iaitu ciri-ciri yang bukan dikurniakan kepada manusia secara serampangan sahaja.

Inilah beberapa fikiran yang terdetik di dalam hati yang ditimbulkan oleh hakikat kejadian manusia sebagaimana yang dijelaskan oleh Al-Qur'an.

Marilah kita terus mengikuti pemandangan-pemandangan kisah penciptaan Adam dalam ayat berikut:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَـٰٓئِكَةِ إِنِّى خَـٰلِقٌۢ بَشَرًا مِّن صَلْصَـٰلٍ مِّنْ
حَمَإٍ مَّسْنُونٍ ﴿٢٨﴾
فَإِذَا سَوَّيْتُهُۥ وَنَفَخْتُ فِيهِ مِن رُّوحِى فَقَعُوا۟ لَهُۥ
سَـٰجِدِينَ ﴿٢٩﴾

"Dan (kenangilah) ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menciptakan manusia dari tanah liat yang berasal dari lumpur hitam yang berubah(28). Maka apabila Aku telah menyempurnakan kejadiannya dan meniupkan padanya roh (ciptaan-Ku), maka rebahkanlah diri kamu sujud kepadanya."(29)

Dengan firman ini wujudlah Adam kerana firman Allah merupakan iradat-Nya dan berlakunya iradat itu mewujudkan makhluk yang dikehendaki-Nya. Kita tidak dapat bertanya bagaimana tiupan Allah Yang Azali dan Maha Kekal itu dapat bercantum dengan tanah liat makhluk insan yang fana itu, kerana perdebatan dan perbahasan yang seperti ini merupakan satu permainan akal yang sia-sia, malah mempersenda-sendakan akal itu sendiri dan mengeluarkannya dari lingkungan yang dapat difikir dan diputuskan olehnya. Segala perbahasan yang telah dan sedang berlangsung di sekitar maudhu' ini adalah terbit dari kejahilan terhadap hakikat akal manusia, ciri-cirinya dan batas-batasnya. Ia

merupakan perbuatan memasukkan akal ke dalam bidang yang bukan menjadi bidangnya untuk mengukur ciptaan Allah dengan ukuran pemikiran manusia. Ini merupakan suatu ketololan kerana membuang tenaga akal fikiran dan suatu kesalahan methodologi dari asas kajian lagi, kerana dia bertanya bagaimana yang kekal boleh bercantum dengan yang fana dan bagaimana yang azali boleh berpadu dengan yang baru? Kemudian dia sendiri pula menolak atau menthabit dan memberi sebab-sebabnya, sedangkan akal manusia sama sekali tidak dijemput untuk memutuskan persoalan ini kerana Allah telah pun menerangkan bahawa Adam ini telah wujud, dan bukannya menerangkan bagaimana dia diwujudkan. Jadi perkara ini telah pun thabit dan akal tidak mampu lagi untuk menafikannya. Begitu juga akal tidak mampu untuk menthabitkannya dengan suatu pentafsiran dari dirinya sendiri - selain dari menerima keterangan dari nas - kerana akal tidak mempunyai sarana untuk menghukumkan yang azali itu sendiri dan tidak pula untuk menghukumkan percantumannya dengan yang baru. Penerimaan akal dari awal lagi terhadap hakikat yang amat jelas ini, iaitu yang baru tidak mempunyai sarana untuk menghukumkan yang azali dalam apa-apa bentuk sekalipun sudah cukup untuk menahankan akal dari membuang tenaganya dengan sia-sia di dalam bidang yang bukan menjadi bidangnya.

Saya telah menghuraikan persoalan ini dengan panjang lebar yang luar biasa di dalam Tafsir ini dengan tujuan meletakkan satu dasar umum untuk menghadapi persoalan-persoalan ghaib yang seperti ini, iaitu dasar yang dapat diterima oleh akal dengan tenang di samping hati mendapat kerehatan dengan keimanan.

Sekarang marilah kita melihat apakah yang telah berlaku selepas itu?

فَسَجَدَ ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ كُلُّهُمْ أَجْمَعُونَ ﴿٣٠﴾

"Lalu seluruh malaikat pun sujud."(30)

Itulah selama-lamanya sifat makhluk malaikat. Mereka sentiasa menunjukkan sifat ta'at yang mutlak tanpa membantah dan melambat-lambat.

إِلَّآ إِبْلِيسَ أَبَىٰٓ أَن يَكُونَ مَعَ ٱلسَّٰجِدِينَ ﴿٣١﴾

"Kecuali Iblis. Dia enggan (sujud) bersama-sama mereka yang sujud."(31)

Iblis adalah satu makhluk yang amat berlainan dari malaikat. Dia dijadikan dari api, sedangkan malaikat diciptakan dari nur. Meraka tidak melanggar sebarang perintah Allah dan menjunjung segala apa yang disuruh Allah, sedangkan Iblis sentiasa menderhaka. Oleh itu secara yakin dan pasti ia bukan dari jenis malaikat. Pengecualian di sini bukannya mengikut caranya yang biasa. Ia sama seperti anda berkata; "Suku si anu itu telah datang kecuali Ahmad", sedangkan Ahmad bukan dari suku itu, malah dia kebetulan berada bersama mereka di suatu tempat atau kerana suatu sebab. Bukankah perintah di dalam firman:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَٰٓئِكَةِ

"(Kenangilah) ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat."(28)

dituju kepada malaikat sahaja, bagaimana ia merangkumi Iblis sama? Sebenarnya perintah itu juga ditujukan kepada Iblis sebagaimana telah ditunjukkan oleh ayat selepasnya, malah perintah ini telah disebut secara terang di dalam Surah al-A'raf yang berbunyi:

قَالَ مَا مَنَعَكَ أَلَّا تَسْجُدَ إِذْ أَمَرْتُكَ

"Allah berfirman: Apakah yang menghalangkan engkau sujud (kepada Adam) ketika Aku menyuruhmu?

(Surah al-A'raf : 12)

Keangkuhan Iblis

Uslub Al-Qur'an berpada dengan indikasi yang disebut kemudian di dalam berbagai-bagai tempat. Oleh itu firman Allah di atas adalah memberi kepastian bahawa perintah sujud itu telah dikeluarkan kepada Iblis dan tidak semestinya perintah ini merupakan perintah Allah yang sama kepada malaikat. Boleh jadi perintah ini dikeluarkan kepada Iblis bersama malaikat kerana Iblis berkumpul dengan mereka kerana sesuatu sebab, dan boleh jadi juga dikeluarkan kepada Iblis secara bersendiri tetapi sengaja tidak disebut dengan tujuan untuk memperkecilkan kedudukannya dan menonjolkan kedudukan malaikat di tempat itu. Tetapi yang dapat difaham dengan yakin dari nas-nas itu dan dari gejala-gejala tindak-tanduknya ialah Iblis ini bukannya dari kalangan malaikat. Inilah fahaman yang kami pilih.

Walau bagaimanapun kita sekarang sedang membicarakan kepercayaan-kepercayaan ghaib yang kita tidak mampu memahami hakikat-hakikatnya dan kaifiyat-kaifiyatnya di luar batas nas-nas Al-Qur'an, kerana - seperti kami telah jelaskan - akal kita sama sekali tidak mempunyai jalan untuk menerokai bidang ini.

Sama ada nama-nama yang dibicarakan itu berupa benda-benda ('ain) atau berupa sifat-sifat atau berupa lambang kekuatan makhluk-makhluk Allah, namun semuanya adalah sama sahaja kepada akal manusia yang terbatas.

إِلَّآ إِبْلِيسَ أَبَىٰٓ أَن يَكُونَ مَعَ ٱلسَّٰجِدِينَ ﴿٣١﴾
قَالَ يَٰٓإِبْلِيسُ مَا لَكَ أَلَّا تَكُونَ مَعَ ٱلسَّٰجِدِينَ ﴿٣٢﴾
قَالَ لَمْ أَكُن لِّأَسْجُدَ لِبَشَرٍ خَلَقْتَهُۥ مِن صَلْصَٰلٍ
مِّنْ حَمَإٍ مَّسْنُونٍ ﴿٣٣﴾

"Kecuali Iblis. Dia enggan (sujud) bersama-sama mereka yang sujud(31). Allah berfirman: Wahai Iblis! Mengapakah engkau tidak turut (sujud) bersama-sama mereka yang

sujud?(32). Jawab Iblis: Aku tidak akan sujud kepada manusia yang Engkau ciptakannya dari tanah liat yang berasal dari lumpur hitam yang berubah."(33)

Di sini nampak jelas tabi'at angkuh, takabbur dan menderhaka pada makhluk Iblis yang dijadikan dari api yang amat panas itu. Di sini Iblis hanya menyebut tanah liat dan lumpur hitam sahaja tanpa menyebut tiupan Ilahi yang luhur yang tercantum dengan tanah itu dan terus mengangkat kepalanya yang bongkak seraya berkata: Bukan tarafnya untuk sujud kepada manusia yang diciptakan Allah dari tanah liat yang berasal dari lumpur hitam yang berubah itu.

Oleh itu jawapan yang wajar ialah:

قَالَ فَٱخۡرُجۡ مِنۡهَا فَإِنَّكَ رَجِيمٌ ﴿٣٤﴾

وَإِنَّ عَلَيۡكَ ٱللَّعۡنَةَ إِلَىٰ يَوۡمِ ٱلدِّينِ ﴿٣٥﴾

"Allah berfirman: Keluarlah dari Syurga (ini) kerana sesungguhnya engkau adalah terkutuk(34). Dan sesungguhnya la'nat itu tetap menimpamu sehingga Hari Balasan."(35)

sebagai balasan terhadap penderhakaan dan kejahatannya.

Di waktu inilah nampak jelas tabi'at-tabi'at hasad dengki, dendam dan jahatnya.

قَالَ رَبِّ فَأَنظِرۡنِيٓ إِلَىٰ يَوۡمِ يُبۡعَثُونَ ﴿٣٦﴾

قَالَ فَإِنَّكَ مِنَ ٱلۡمُنظَرِينَ ﴿٣٧﴾

"Jawab Iblis: Wahai Tuhanku! Berilah tangguhan kepada-ku sehingga kepada hari manusia dibangkitkan(36). Firman Allah: Sesungguhnya engkau adalah dari mereka yang diberi tangguhan."(37)

Dia meminta tangguh sehingga kepada hari kebangkitan semula bukan kerana menyesali kesalahannya di hadapan Allah Yang Maha Pencipta dan Maha Agung, dan bukan pula kerana hendak bertaubat kepada Allah dan menebuskan dosanya yang besar itu, tetapi kerana hendak membalas dendam terhadap Adam dan zuriatnya sebagai balasan kerana Adamlah dia telah dikutuk dan diusir dari hidayat Allah. Dia telah menghubungkan la'nat Allah terhadap dirinya dengan sebab Adam, tetapi dia tidak menghubungkannya dengan sebab dia telah menderhakakan Allah dengan kesombongannya yang keji itu.

Perisytiharan Perang Syaitan Terhadap Manusia

قَالَ رَبِّ بِمَآ أَغۡوَيۡتَنِي لَأُزَيِّنَنَّ لَهُمۡ فِي ٱلۡأَرۡضِ

وَلَأُغۡوِيَنَّهُمۡ أَجۡمَعِينَ ﴿٣٩﴾

إِلَّا عِبَادَكَ مِنۡهُمُ ٱلۡمُخۡلَصِينَ ﴿٤٠﴾

"Iblis berkata: Wahai Tuhanku! Oleh sebab Engkau telah memutuskan bahawa aku sesat, maka demi sesungguhnya aku akan hiaskan (maksiat) kepada mereka di bumi ini dan aku akan sesatkan seluruh mereka(39). Melainkan para hamba-Mu yang terpilih."(40)

(Di sini) Iblis telah menentukan bumi sebagai medan peperangannya (dengan manusia):

لَأُزَيِّنَنَّ لَهُمۡ فِي ٱلۡأَرۡضِ

"Demi sesungguhnya aku akan hiaskan (maksiat) kepada mereka di bumi ini."(39)

(Di sini) Iblis telah menentukan senjatanya di dalam peperangan itu iaitu menghias dan mendandankan perbuatan-perbuatan yang buruk dan menggoda manusia dengan hiasan-hiasan palsu itu supaya melakukannya. Demikianlah seseorang manusia itu tidak melakukan sesuatu kejahatan melainkan setelah kejahatan itu dihias dan didandan dengan cantiknya oleh Iblis sehingga kejahatan itu tidak lagi kelihatan dengan rupa dan pakaiannya yang sebenar. Oleh sebab itulah manusia harus berhati-hati dan berwaspada terhadap senjata syaitan. Mereka harus berhati-hati apabila mereka dapati sesuatu perbuatan itu kelihatan begitu cantik dan bagus atau mereka dapati hati mereka begitu kepingin untuk melakukannya kerana boleh jadi syaitan berada di sana, kecuali mereka berhubung rapat dengan Allah dan beribadat kepada-Nya dengan ibadat yang tulen, maka mengikut syarat syaitan sendiri, dia tidak mempunyai jalan untuk mempengaruhi dan menguasai hamba-hamba Allah yang ikhlas:

وَلَأُغۡوِيَنَّهُمۡ أَجۡمَعِينَ ﴿٣٩﴾ إِلَّا عِبَادَكَ مِنۡهُمُ

ٱلۡمُخۡلَصِينَ ﴿٤٠﴾

"Dan aku akan sesatkan seluruh mereka melainkan para hamba-Mu yang ikhlas."(39-40)

Allah memilih untuk diri-Nya para hamba-Nya yang mengikhlaskan hati mereka kepada-Nya dan beribadat kepada-Nya dengan ihsan (seolah-olah mereka nampak Allah). Inilah hamba-hamba Allah yang tidak dapat dikuasai dan dipengaruhi syaitan.

Syarat yang diakui Iblis yang terkutuk itu adalah dibuat setelah dia menyedari tiada jalan lain dari syarat itu, kerana ia merupakan Sunnatullah yang memilih untuk diri-Nya para hamba-Nya yang mengikhlaskan hati mereka kepada-Nya, di samping melindung dan menjaga mereka. Justeru itu Allah menjawab:

قَالَ هَٰذَا صِرَٰطٌ عَلَيَّ مُسۡتَقِيمٌ ﴿٤١﴾

"Inilah jalan lurus yang tertanggung ke atas-Ku."(41)

إِنَّ عِبَادِي لَيۡسَ لَكَ عَلَيۡهِمۡ سُلۡطَٰنٌ إِلَّا مَنِ ٱتَّبَعَكَ

مِنَ ٱلۡغَاوِينَ ﴿٤٢﴾

"Sesungguhnya para hamba-Ku (yang terpilih) itu, tiada sebarang kuasa bagimu mempengaruhi mereka kecuali orang-orang yang mengikutmu dari mereka yang sesat."(42)

Inilah jalan yang lurus. Inilah undang-undang dan inilah Sunnatullah yang dikehendaki Allah untuk menjadi undang-undang dan peraturan hidayat dan kesesatan.

إِنَّ عِبَادِى

"Sesungguhnya para hamba-Ku (yang ikhlas)."(42)

Engkau tidak dapat memberi apa-apa kesan terhadap mereka dan engkau tidak dapat menghiaskan perbuatan-perbuatan maksiat kepada mereka, kerana engkau telah dihalangi dari mereka, kerana mereka berada di dalam perlindungan Allah dan kerana jalan-jalan untuk engkau memasuki ke dalam jiwa mereka telah tertutup dan matahati mereka sentiasa tertumpu kepada Allah dan mereka memahami undang-undang Allah dengan fitrah mereka yang menghubungkan mereka dengan Allah. Kuasa dan pengaruh engkau hanya boleh bertindak ke atas orang-orang yang sesat sahaja yang memang menjadi pengikut-pengikut engkau. Pengecualian (istithna') di sini ialah istithna' munqati' (pengecualian terasing) kerana orang-orang yang sesat itu bukanlah sebahagian dari hamba-hamba Allah yang ikhlas. Syaitan tidak menyerang melainkan orang-orang yang sesat sahaja sebagaimana serigala hanya menyerang kambing-kambing yang sesat dari kumpulannya. Adapun orang-orang yang mengikhlaskan hati mereka kepada Allah, maka Allah tidak membiarkan mereka sesat. Allah sentiasa memberi rahmat-Nya yang luas kepada mereka dan jika mereka menyeleweng mereka pulang ke pangkal jalan dengan segera.

Adapun akibat yang akan diterima oleh orang-orang yang sesat itu, maka akibat itu telah pun diumumkan sejak awal-awal lagi:

وَإِنَّ جَهَنَّمَ لَمَوْعِدُهُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٤٣﴾

لَهَا سَبْعَةُ أَبْوَٰبٍ لِّكُلِّ بَابٍ مِّنْهُمْ جُزْءٌ مَّقْسُومٌ ﴿٤٤﴾

"Dan sesungguhnya Neraka Jahannam itulah tempat yang dijanjikan kepada seluruh mereka(43). Ia mem-punyai tujuh pintu dan setiap pintu mempunyai bahagian yang tertentu untuk setiap golongan dari mereka."(44)

Tujuh pintu itu mungkin dimaksudkan untuk semata-mata menunjukkan bilangan yang banyak dan mungkin pula dimaksudkan untuk menyatakan bilangannya yang sebenar. Kedua-dua pengertian itu tidak mengubahkan perkara ini sedikit pun, kerana orang-orang yang sesat itu terdiri dari berbagai-bagai jenis darjat sebagaimana kesesatan itu mempunyai berbagai-bagai jenis dan bentuk rupa. Oleh itu setiap pintu itu diperuntukkan kepada setiap golongan dari mereka mengikut keadaan dan kejahatan yang dilakukan mereka.

Pemandangan berakhir apabila penjelasan kisah sampai kepada titik penekanan dan tempat pengajaran dan kini jelaslah bagaimana cara syaitan menyelinap ke dalam jiwa manusia dan bagaimana unsur tanah pada manusia itu mengatasi unsur tiupan Ilahi kecuali mereka yang berhubung rapat dengan Allah dan memelihara tiupan-Nya, maka syaitan tidak dapat mempengaruhi mereka.

Sesuai dengan mengumumkan nasib kesudahan orang-orang yang sesat, maka diumumkan pula nasib kesudahan orang-orang yang ikhlas kepada Allah.

إِنَّ ٱلْمُتَّقِينَ فِى جَنَّٰتٍ وَعُيُونٍ ﴿٤٥﴾

ٱدْخُلُوهَا بِسَلَٰمٍ ءَامِنِينَ ﴿٤٦﴾

وَنَزَعْنَا مَا فِى صُدُورِهِم مِّنْ غِلٍّ إِخْوَٰنًا عَلَىٰ سُرُرٍ مُّتَقَٰبِلِينَ ﴿٤٧﴾

لَا يَمَسُّهُمْ فِيهَا نَصَبٌ وَمَا هُم مِّنْهَا بِمُخْرَجِينَ ﴿٤٨﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang bertaqwa ditempatkan di taman-taman Syurga dan matair-matair(45). (Mereka dipersilakan): Masuklah dengan selamat sejahtera dan aman(46). Dan Kami telah mencabutkan segala perasaan dendam di dalam hati mereka dan mereka hidup bersaudara dan duduk beristirehat di atas kerusi-kerusi berhadapan satu sama lain(47). Mereka tidak akan disentuh rasa penat di dalam Syurga dan mereka juga tidak akan dikeluarkan darinya."(48)

Para Muttaqin itu ialah orang-orang yang sentiasa bermuraqabah dengan Allah dan memelihara diri mereka dari 'azab Allah dan dari sebab-sebab yang boleh membawa kepadanya. Matair-matair di dalam Syurga itu mungkin disebutkan di sini untuk ditandingkan dengan pintu-pintu Neraka di dalam pemandangan itu. Kemasukan mereka ke dalam Syurga dengan selamat dan aman, ditandingkan dengan keadaan orang-orang yang sesat yang berada di dalam ketakutan. Pernyataan yang berbunyi: Kami telah mencabutkan segala perasaan dendam yang ada di dalam hati mereka ditandingkan dengan dendam dan hasad dengki yang mendidih di dalam dada Iblis yang telah disebut di dalam ayat-ayat yang lepas. Mereka tidak diganggu oleh sebarang perasaan letih-lesu dan tidak pula menaruh apa-apa kebimbangan dikeluarkan dari Syurga kelak. Itulah balasan ketakutan dan ketaqwaan mereka di dunia. Mereka memang wajar menerima kedudukan yang tenang dan aman di sisi Allah Yang Maha Mulia.

(Kumpulan ayat-ayat 49 - 84)

نَبِّئْ عِبَادِىٓ أَنِّىٓ أَنَا ٱلْغَفُورُ ٱلرَّحِيمُ ﴿٤٩﴾

وَأَنَّ عَذَابِى هُوَ ٱلْعَذَابُ ٱلْأَلِيمُ ﴿٥٠﴾

وَنَبِّئْهُمْ عَن ضَيْفِ إِبْرَٰهِيمَ ﴿٥١﴾

إِذْ دَخَلُوا۟ عَلَيْهِ فَقَالُوا۟ سَلَـٰمًا قَالَ إِنَّا مِنكُمْ وَجِلُونَ ﴿٥٢﴾

قَالُوا۟ لَا تَوْجَلْ إِنَّا نُبَشِّرُكَ بِغُلَـٰمٍ عَلِيمٍ ﴿٥٣﴾

قَالَ أَبَشَّرْتُمُونِى عَلَىٰٓ أَن مَّسَّنِىَ ٱلْكِبَرُ فَبِمَ
تُبَشِّرُونَ ﴿٥٤﴾

قَالُوا۟ بَشَّرْنَـٰكَ بِٱلْحَقِّ فَلَا تَكُن مِّنَ ٱلْقَـٰنِطِينَ ﴿٥٥﴾

قَالَ وَمَن يَقْنَطُ مِن رَّحْمَةِ رَبِّهِۦٓ إِلَّا ٱلضَّآلُّونَ ﴿٥٦﴾

قَالَ فَمَا خَطْبُكُمْ أَيُّهَا ٱلْمُرْسَلُونَ ﴿٥٧﴾

قَالُوٓا۟ إِنَّآ أُرْسِلْنَآ إِلَىٰ قَوْمٍ مُّجْرِمِينَ ﴿٥٨﴾

إِلَّآ ءَالَ لُوطٍ إِنَّا لَمُنَجُّوهُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٥٩﴾

إِلَّا ٱمْرَأَتَهُۥ قَدَّرْنَآ إِنَّهَا لَمِنَ ٱلْغَـٰبِرِينَ ﴿٦٠﴾

فَلَمَّا جَآءَ ءَالَ لُوطٍ ٱلْمُرْسَلُونَ ﴿٦١﴾

قَالَ إِنَّكُمْ قَوْمٌ مُّنكَرُونَ ﴿٦٢﴾

"Khabarkanlah kepada sekalian hamba-Ku bahawa sesungguhnya Aku Maha Pengampun dan Maha Penyayang(49). Dan bahawa 'azab-Ku adalah 'azab yang amat pedih(50). Dan khabarkanlah kepada mereka tentang dhif-dhif Ibrahim(51). Ketika mereka masuk menemuinya lalu mengucapkan salam. Jawab Ibrahim: Sesungguhnya kami takut kepada kamu(52). Kata mereka: Janganlah engkau takut sesungguhnya kami (datang untuk) menyampaikan berita gembira kepada engkau (bahawa engkau akan mendapat) seorang anak lelaki yang alim(53). Berkata Ibrahim: Apakah kamu hendak menyampaikan berita gembira kepadaku, sedangkan aku telah dijamah umur yang tua. Oleh itu bagaimana kamu hendak menyampaikan berita gembira kepadaku?(54). Jawab mereka: Kami menyampaikan berita gembira ini dengan benar. Oleh itu janganlah engkau termasuk di dalam golongan orang yang berputus asa(55). Ibrahim berkata: Tiada orang yang berputus asa dari rahmat Allah melainkan orang-orang yang sesat(56). Ibrahim berkata pula: Apakah lagi urusan kamu yang penting, wahai para utusan Allah?(57). Jawab mereka: Sesungguh-nya kami telah diutuskan kepada satu kaum yang berdosa (untuk membinasakan mereka)(58). Kecuali keluarga Lut sesungguhnya kami akan menyelamatkan mereka semuanya(59). Kecuali isterinya, kami telah menetapkannya termasuk dalam golongan orang-orang yang tertinggal di belakang (yang akan dibinasakan)(60). Apabila para utusan itu datang kepada keluarga Lut(61). Kata Lut: Sesungguhnya kamu adalah orang-orang yang tidak dikenali."(62).

قَالُوا۟ بَلْ جِئْنَـٰكَ بِمَا كَانُوا۟ فِيهِ يَمْتَرُونَ ﴿٦٣﴾

وَأَتَيْنَـٰكَ بِٱلْحَقِّ وَإِنَّا لَصَـٰدِقُونَ ﴿٦٤﴾

فَأَسْرِ بِأَهْلِكَ بِقِطْعٍ مِّنَ ٱلَّيْلِ وَٱتَّبِعْ أَدْبَـٰرَهُمْ وَلَا
يَلْتَفِتْ مِنكُمْ أَحَدٌ وَٱمْضُوا۟ حَيْثُ تُؤْمَرُونَ ﴿٦٥﴾

وَقَضَيْنَآ إِلَيْهِ ذَٰلِكَ ٱلْأَمْرَ أَنَّ دَابِرَ هَـٰٓؤُلَآءِ مَقْطُوعٌ
مُّصْبِحِينَ ﴿٦٦﴾

وَجَآءَ أَهْلُ ٱلْمَدِينَةِ يَسْتَبْشِرُونَ ﴿٦٧﴾

قَالَ إِنَّ هَـٰٓؤُلَآءِ ضَيْفِى فَلَا تَفْضَحُونِ ﴿٦٨﴾

وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَلَا تُخْزُونِ ﴿٦٩﴾

قَالُوٓا۟ أَوَلَمْ نَنْهَكَ عَنِ ٱلْعَـٰلَمِينَ ﴿٧٠﴾

قَالَ هَـٰٓؤُلَآءِ بَنَاتِىٓ إِن كُنتُمْ فَـٰعِلِينَ ﴿٧١﴾

لَعَمْرُكَ إِنَّهُمْ لَفِى سَكْرَتِهِمْ يَعْمَهُونَ ﴿٧٢﴾

فَأَخَذَتْهُمُ ٱلصَّيْحَةُ مُشْرِقِينَ ﴿٧٣﴾

"Jawab mereka: Sebenarnya kami datang menemui engkau membawa ('azab) yang selalu didustai oleh mereka(63). Dan kami datang menemui engkau membawa berita yang benar, sesungguhnya kami adalah orang-orang yang benar(64). Oleh itu bawalah keluar keluargamu di waktu malam dan ikutilah mereka dari belakang dan jangan ada seseorang dari kamu yang menoleh ke belakang dan teruskanlah perjalananmu ke tempat yang diperintahkan kepada kamu(65). Dan Kami telah mewahyukan perkara itu kepadanya (Lut) bahawa seluruh mereka akan ditumpaskan di waktu pagi(66). Dan datanglah penduduk bandar itu dengan gembira(67). Kata Lut: Sesungguhnya mereka sekalian adalah dhif-dhifku. Oleh itu janganlah kamu memalukan aku(68). Dan bertaqwalah kepada Allah dan janganlah kamu mengecewakan aku(69). Mereka berkata: Bukankah kami telah melarang engkau dari (menerima tamu) orang-orang asing?(70). Lut berkata: Inilah puteri-puteriku: Jika kamu hendak melakukan (secara tabi'i)(71). Allah berfirman: Demi usiamu (Muhammad) sesungguhnya mereka terumbang-ambing di dalam kesesatan mereka (72). Lalu mereka dibinasakan oleh bahana yang amat kuat di waktu matahari terbit."(73).

فَجَعَلْنَا عَـٰلِيَهَا سَافِلَهَا وَأَمْطَرْنَا عَلَيْهِمْ حِجَارَةً مِّن
سِجِّيلٍ ﴿٧٤﴾

إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَـَٔايَـٰتٍ لِّلْمُتَوَسِّمِينَ ﴿٧٥﴾

وَإِنَّهَا لَبِسَبِيلٍ مُّقِيمٍ ﴿٧٦﴾

إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَـَٔايَةً لِّلْمُؤْمِنِينَ ﴿٧٧﴾

وَإِن كَانَ أَصْحَٰبُ ٱلْأَيْكَةِ لَظَٰلِمِينَ ﴿٧٨﴾
فَٱنتَقَمْنَا مِنْهُمْ وَإِنَّهُمَا لَبِإِمَامٍ مُّبِينٍ ﴿٧٩﴾
وَلَقَدْ كَذَّبَ أَصْحَٰبُ ٱلْحِجْرِ ٱلْمُرْسَلِينَ ﴿٨٠﴾
وَءَاتَيْنَٰهُمْ ءَايَٰتِنَا فَكَانُوا۟ عَنْهَا مُعْرِضِينَ ﴿٨١﴾
وَكَانُوا۟ يَنْحِتُونَ مِنَ ٱلْجِبَالِ بُيُوتًا ءَامِنِينَ ﴿٨٢﴾
فَأَخَذَتْهُمُ ٱلصَّيْحَةُ مُصْبِحِينَ ﴿٨٣﴾
فَمَآ أَغْنَىٰ عَنْهُم مَّا كَانُوا۟ يَكْسِبُونَ ﴿٨٤﴾

"Lalu Kami jadikan negeri itu tunggang balik dan kami hujankan ke atas mereka batu-batu dari tanah yang keras (74). Sesungguhnya peristiwa itu mengandungi bukti-bukti bagi orang-orang yang berfikir dan mengambil pengajaran(75). Dan sesungguhnya negeri itu terletak di tengah jalan yang masih tetap (dilalui orang)(76). Sesungguhnya peristiwa-peristiwa itu merupakan suatu bukti kepada orang-orang yang beriman(77). Dan sesungguhnya penduduk al-Aykah itu amat zalim(78). Lalu Kami timpakan balasan kebinasaan ke atas mereka dan sesungguhnya kedua-dua negeri terletak di lebuhraya yang amat terang(79). Dan sesungguhnya penduduk al-Hijr telah mendustakan para rasul(80). Dan Kami telah membawa ayat-ayat Kami kepada mereka tetapi mereka telah berpaling darinya(81). Mereka memahat bukit-bukit dan menjadikannya rumah-rumah kediaman mereka yang aman(82). Lalu mereka dibinasakan dengan bahana yang amat kuat di waktu pagi hari(83). Dan mereka tidak lagi dapat diselamatkan oleh segala apa yang telah diusahakan mereka."(84).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Pelajaran ini mengandungi contoh-contoh rahmat dan 'azab Allah yang digambarkan di dalam kisah-kisah Ibrahim dan berita gembira yang disampaikan kepada beliau ketika dalam usia yang tua bahawa beliau akan mendapat seorang anak lelaki yang alim, juga dalam kisah Lut dan bagaimana beliau dan keluarganya terselamat dari 'azab Allah kecuali isterinya termasuk di dalam golongan orang-orang yang zalim (yang dibinasakan), dan seterusnya di dalam kisah penduduk al-Aykah dan al-Hijr dan bagaimana mereka telah ditimpa 'azab Allah yang amat pedih.

Kisah-kisah ini diceritakan selepas Muqaddimah berikut:

نَبِّئْ عِبَادِىٓ أَنِّىٓ أَنَا ٱلْغَفُورُ ٱلرَّحِيمُ ﴿٤٩﴾
وَأَنَّ عَذَابِى هُوَ ٱلْعَذَابُ ٱلْأَلِيمُ ﴿٥٠﴾

"Khabarkanlah kepada sekalian hamba-Ku bahawa sesungguhnya Aku Maha Pengampun dan Maha Penyayang(49). Dan bahawa 'azab-Ku adalah 'azab yang amat pedih."(50)

Sebahagian dari cerita itu membenarkan berita rahmat dan sebahagian lagi membenarkan berita 'azab. Ia juga merujukkan kepada bahagian-bahagian permulaan surah untuk membenarkan amaran yang terkandung di dalam ayat-ayat yang berikut:

ذَرْهُمْ يَأْكُلُوا۟ وَيَتَمَتَّعُوا۟ وَيُلْهِهِمُ ٱلْأَمَلُ ۖ فَسَوْفَ
يَعْلَمُونَ ﴿٣﴾
وَمَآ أَهْلَكْنَا مِن قَرْيَةٍ إِلَّا وَلَهَا كِتَابٌ مَّعْلُومٌ ﴿٤﴾
مَّا تَسْبِقُ مِنْ أُمَّةٍ أَجَلَهَا وَمَا يَسْتَـْٔخِرُونَ ﴿٥﴾

"Biarkanlah mereka makan dan bersenang-senang dan dilalaikan angan-angan, kerana kelak mereka akan mengetahui (akibatnya)(3). Dan Kami tidak membinasakan sesebuah negeri melainkan setelah sampai waktu yang telah ditetapkan kepadanya (ajal)(4). Dan tiada suatu umat pun yang dapat mendahului ajalnya dan tidak pula dapat menundakannya."(5)

Inilah contoh-contoh negeri yang telah dibinasakan Allah selepas diberi amaran dan selepas habis tempoh yang diberikan (kepada penduduk-penduduknya). Begitu juga kisah-kisah ini membenarkan keterangan yang disebut di bahagian-bahagian permulaan surah ini tentang kebinasaan yang dibawa oleh malaikat apabila mereka dikirimkan kepada (sesuatu negeri):

وَقَالُوا۟ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِى نُزِّلَ عَلَيْهِ ٱلذِّكْرُ إِنَّكَ
لَمَجْنُونٌ ﴿٦﴾
لَّوْ مَا تَأْتِينَا بِٱلْمَلَٰٓئِكَةِ إِن كُنتَ مِنَ ٱلصَّٰدِقِينَ ﴿٧﴾
مَا نُنَزِّلُ ٱلْمَلَٰٓئِكَةَ إِلَّا بِٱلْحَقِّ وَمَا كَانُوٓا۟ إِذًا
مُّنظَرِينَ ﴿٨﴾

"Dan mereka berkata: Wahai orang yang diturunkan Al-Qur'an kepadanya! Sesungguhnya engkau adalah seorang gila(6). Mengapakah engkau tidak membawa malaikat kepada kami, jika engkau dari golongan orang yang benar?(7). Kami tidak menurunkan malaikat melainkan dengan membawa keputusan yang benar dan ketika itu mereka tidak lagi diberi tangguhan."(8)

Demikianlah kandungan surah ini kelihatan merupakan satu kesatuan ayat-ayat yang selaras, iaitu ayat-ayatnya menyinggung satu sama lain, sedangkan kita semua tahu bahawa surah-surah Al-Qur'an ini tidak diturunkan sekaligus melainkan jarang-jarang sahaja dan susunan tertib ayat-ayat di dalam surah-surah itu adalah susunan tertib taufiq (yang diatur oleh Rasulullah s.a.w. dengan taufiq Allah). Oleh itu tentulah di sana ada hikmat mengapakah ayat-ayat itu disusun dengan tertib seperti ini. Sehingga sekarang berbagai-bagai sudut hikmat ini telah didedahkan kepada kita di dalam surah-surah yang telah kami bicarakannya, di mana diperlihatkan

adanya paduan susunan ayat-ayat surah-surah itu dan adanya persamaan suasana dan bayangan di dalam setiap surah itu. Dan ilmu selanjutnya terpulanglah kepada Allah dan (apa yang kami katakan ini) hanya hasil dari ijtihad sahaja dan semoga Allah memberi taufiq ke jalan yang benar.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 49 - 77)

نَبِّئْ عِبَادِي أَنِّي أَنَا الْغَفُورُ الرَّحِيمُ ﴿٤٩﴾
وَأَنَّ عَذَابِي هُوَ الْعَذَابُ الْأَلِيمُ ﴿٥٠﴾

"Khabarkanlah kepada sekalian hamba-Ku bahawa sesungguhnya Aku Maha Pengampun dan Maha Penyayang(49). Dan bahawa 'azab-Ku adalah 'azab yang amat pedih."(50)

Perintah ini disampaikan kepada Rasulullah s.a.w. setelah diterangkan balasan orang-orang yang sesat dan balasan para Muttaqin di dalam ayat-ayat sebelum ini, dan hubungan di antara perintah ini dengan ayat-ayat sebelumnya adalah amat jelas. Allah mendahulukan berita keampunan dan rahmat ke atas berita 'azab mengikut dasar yang dikehendaki oleh iradat-Nya, kerana Allah telah mewajibkan rahmat ke atas diri-Nya. Kadang-kadang ada juga Allah menyebut 'azab sahaja atau mendahulukannya dalam sebutan ayat, tetapi ini dibuat kerana sesuatu tujuan yang khusus yang diperlukan oleh kehendak penerangan ayat-ayat itu sama ada menyebut 'azab sahaja atau mendahulukan sebutannya.

Kemudian dibawa cerita Ibrahim dengan para malaikat yang diutuskan kepada kaum Lut. Babak kisah Ibrahim dan kisah Lut ini telah diceritakan di berbagai-bagai surah dengan berbagai-bagai gaya yang sesuai dengan kehendak ayat-ayat yang menceritakannya. Di tempat-tempat yang lain hanya diceritakan kisah Lut sahaja.

Kita telah mengikuti sebabak dari kisah Lut di dalam Surah al-A'raf dan sebabak lagi dari kisah Ibrahim dan Lut di dalam Surah Hud. Babak yang pertama (di dalam Surah al- A'raf mengandungi kecaman dan bantahan Lut terhadap kaumnya yang melakukan kejahatan seksual (yang abnormal) dan jawab kaumnya yang berbunyi:

Rombongan Malaikat Menemui Ibrahim a.s.

أَخْرِجُوهُم مِّن قَرْيَتِكُمْ إِنَّهُمْ أُنَاسٌ يَتَطَهَّرُونَ ﴿٨٢﴾

"Usirkan mereka (Lut dan pengikut-pengikutnya) dari negeri kamu ini kerana mereka adalah orang-orang yang berpura-pura membersihkan diri"

(Surah al-A'raf: 82)

juga mengandungi cerita beliau dan keluarganya yang telah diselamatkan dari kebinasaan kecuali isteri beliau sahaja yang turut tertinggal dalam golongan mereka yang dibinasakan Allah. Di sini tidak disebut cerita kedatangan malaikat menemui beliau dan bagaimana kaumnya berpakat untuk mengganggu malaikat-malaikat itu. Di dalam babak yang kedua (dalam Surah Hud) pula disebut kisah para malaikat dengan Ibrahim dan Lut, tetapi cara pembentangannya adalah berbeza, di sana (dalam Surah Hud) diceritakan dengan terperinci kisah Ibrahim yang disampaikan berita gembira akan mendapat anak lelaki dan berita ini turut didengar oleh isterinya yang sedang berdiri di situ, juga cerita Ibrahim berbantah dengan malaikat mengenai Lut dan kaumnya yang tidak disebut di sini. Begitu juga tertib peristiwa-peristiwa turut berbeza di bahagian kisah Lut di dalam dua surah tersebut. Di dalam Surah Hud, hakikat para malaikat itu tidak didedahkan melainkan setelah kaumnya menyerbu ke arah beliau, sedangkan beliau meminta mereka jangan mengganggu dhif-dhif beliau, tetapi mereka menolak permintaan beliau sehingga beliau merasa amat tidak senang terhadap dhif-dhifnya dan mengeluarkan kata-kata yang sedih.

لَوْ أَنَّ لِي بِكُمْ قُوَّةً أَوْ آوِي إِلَىٰ رُكْنٍ شَدِيدٍ ﴿٨٠﴾

"Seandainya aku mempunyai kekuatan atau dapat berlindung pada keluarga yang kuat (tentulah aku menentang kamu)..."

(Surah Hud: 80)

Tetapi di dalam surah ini hakikat malaikat itu telah didedahkan pada permulaan cerita lagi, dan pada akhirnya barulah dicerita tentang pakatan jahat kaum Lut untuk menceroboh dhif-dhif Lut, kerana yang menjadi matlamat di sini bukanlah kisah dan tertib peristiwa-peristiwanya yang berlaku, malah yang menjadi matlamat ialah membuktikan kebenaran amaran Allah bahawa apabila para malaikat turun kepada sesuatu kaum membawa 'azab, maka mereka tidak akan diberi tempoh lagi.

وَنَبِّئْهُمْ عَن ضَيْفِ إِبْرَاهِيمَ ﴿٥١﴾
إِذْ دَخَلُوا عَلَيْهِ فَقَالُوا سَلَامًا قَالَ إِنَّا مِنكُمْ وَجِلُونَ ﴿٥٢﴾
قَالُوا لَا تَوْجَلْ إِنَّا نُبَشِّرُكَ بِغُلَامٍ عَلِيمٍ ﴿٥٣﴾
قَالَ أَبَشَّرْتُمُونِي عَلَىٰ أَن مَّسَّنِيَ الْكِبَرُ فَبِمَ تُبَشِّرُونَ ﴿٥٤﴾
قَالُوا بَشَّرْنَاكَ بِالْحَقِّ فَلَا تَكُن مِّنَ الْقَانِطِينَ ﴿٥٥﴾
قَالَ وَمَن يَقْنَطُ مِن رَّحْمَةِ رَبِّهِ إِلَّا الضَّالُّونَ ﴿٥٦﴾

"Dan khabarkanlah kepada mereka tentang dhif-dhif Ibrahim(51). Ketika mereka masuk menemuinya lalu mengucapkan salam. Jawab Ibrahim: Sesungguhnya kami takut kepada kamu(52). Kata mereka: Janganlah engkau takut sesungguhnya kami (datang untuk) menyampaikan berita gembira kepada engkau (bahawa engkau akan mendapat) seorang anak lelaki yang alim(53). Berkata Ibrahim: Apakah kamu hendak menyampaikan berita gembira kepadaku, sedangkan aku telah dijamah oleh umur yang tua. Oleh itu bagaimana kamu hendak menyampaikan berita gembira kepadaku?(54). Jawab mereka: Kami menyampaikan berita gembira ini dengan benar. Oleh itu janganlah engkau termasuk di dalam golongan orang yang berputus asa(55). Ibrahim berkata: Tiada orang yang berputus asa dari rahmat Allah melainkan orang-orang yang sesat."(56).

فَقَالُواْ سَلَٰمٗا قَالَ إِنَّا مِنكُمۡ وَجِلُونَ ٥٢

"Lalu mengucapkan salam. Jawab Ibrahim: Sesungguh-nya kami takut kepada kamu."(52)

Di sini ayat ini tidak menyebut sebab mengapa Ibrahim berkata begini, begitu juga ia tidak menyebut tentang Ibrahim menghidangkan kepada mereka (malaikat-malaikat) sajian daging anak lembu panggang sebagaimana yang diceritakan di dalam Surah Hud.

فَلَمَّا رَءَآ أَيۡدِيَهُمۡ لَا تَصِلُ إِلَيۡهِ نَكِرَهُمۡ وَأَوۡجَسَ مِنۡهُمۡ خِيفَةٗۚ

"Apabila dia (Ibrahim) melihat tangan mereka (malaikat) tidak menjamah hidangan itu, dia pun merasa hairan terhadap mereka dan merasa takut kepada mereka."

(Surah Hud: 70)

Ini ialah kerana bidang pembicaraan di dalam surah ini (al-Hijr) ialah untuk membuktikan kebenaran rahmat yang diberitakan Allah kepada para hamba-Nya menerusi utusan-Nya bukannya untuk menghuraikan perincian kisah Ibrahim.

قَالُواْ لَا تَوۡجَلۡ إِنَّا نُبَشِّرُكَ بِغُلَٰمٍ عَلِيمٖ ٥٣

"Kata mereka: Janganlah engkau takut sesungguhnya kami (datang untuk) menyampaikan berita gembira kepada engkau (bahawa engkau akan mendapat) seorang anak lelaki yang alim."(53)

Demikianlah para malaikat itu menyampaikan berita gembira itu dengan segera kepada beliau dan ayat ini juga menyatakannya dengan segera tanpa menghuraikan cerita ini dengan panjang lebar.

Begitu juga di sini ayat-ayat tadi hanya menyebut jawapan Ibrahim sahaja tanpa memasukkan isterinya dan dialognya dengan para malaikat itu dalam babak ini:

قَالَ أَبَشَّرۡتُمُونِي عَلَىٰٓ أَن مَّسَّنِيَ ٱلۡكِبَرُ فَبِمَ تُبَشِّرُونَ ٥٤

"Berkata Ibrahim: Apakah kamu hendak menyampaikan berita gembira kepadaku, sedangkan aku telah dijamah umur yang tua. Oleh itu bagaimana kamu hendak menyampaikan berita gembira kepadaku?"(54)

Mula-mulanya Ibrahim merasa mustahil terhadap kemungkinan beliau akan mendapat anak kerana beliau sudah tua (begitu juga isterinya bukan sahaja sudah tua, tetapi mandul pula sebagaimana diterangkan di dalam surah yang lain), lalu para malaikat itu pun mengembalikan beliau kepada keyakinan:

قَالُواْ بَشَّرۡنَٰكَ بِٱلۡحَقِّ فَلَا تَكُن مِّنَ ٱلۡقَٰنِطِينَ ٥٥

"Jawab mereka: Kami menyampaikan berita gembira ini dengan benar. Oleh itu janganlah engkau termasuk di dalam golongan orang yang berputus asa."(55)

Lalu beliau dengan segera kembali kepada keyakinan dan terus menolak dari dirinya sikap putus asa terhadap rahmat Allah:

قَالَ وَمَن يَقۡنَطُ مِن رَّحۡمَةِ رَبِّهِۦٓ إِلَّا ٱلضَّآلُّونَ ٥٦

"Ibrahim berkata: Tiada orang yang berputus asa dari rahmat Allah melainkan orang-orang yang sesat."(56)

Kata-kata رحمة (rahmat) ditonjolkan dalam perkataan Ibrahim selaras dengan pendahuluan ayat-ayat ini, dan dengan kata-kata itu ketaralah satu hakikat umumnya iaitu tiada yang putus asa dari rahmat Allah melainkan orang-orang yang sesat sahaja, iaitu mereka yang menyimpang dari jalan Allah, tidak menyedut angin rahmat-Nya, tidak merasa kasihan belas dan mengecap kebaikan dan pemeliharaan-Nya. Ada pun hati yang beriman dan berhubung rapat dengan Allah Yang Maha Penyayang, maka ia tidak akan berputus asa biarpun bagaimana dahsyat ia dikepungi kesusahan, biarpun bagaimana hebat malapetaka menghitam di sekelilingnya, biarpun bagaimana mendungnya suasana di sekitarnya dan biarpun bagaimana samarnya harapan di dalam kegelapan yang menyelubungi sekarang, kerana rahmat Allah amat dekat kepada hati orang-orang yang beriman dan mendapat hidayat.

Sampai di sini Ibrahim a.s. menaruh kepercayaan penuh kepada para malaikat dan merasa tenang dan tenteram terhadap berita gembira yang disampaikan mereka kepada beliau, lalu beliau pun bertanya tentang sebab dan tujuan kedatangan mereka:

قَالَ فَمَا خَطۡبُكُمۡ أَيُّهَا ٱلۡمُرۡسَلُونَ ٥٧

قَالُوٓاْ إِنَّآ أُرۡسِلۡنَآ إِلَىٰ قَوۡمٖ مُّجۡرِمِينَ ٥٨

إِلَّآ ءَالَ لُوطٍ إِنَّا لَمُنَجُّوهُمۡ أَجۡمَعِينَ ٥٩

إِلَّا ٱمۡرَأَتَهُۥ قَدَّرۡنَآ إِنَّهَا لَمِنَ ٱلۡغَٰبِرِينَ ٦٠

"Ibrahim berkata pula: Apakah lagi urusan kamu yang penting, wahai para utusan Allah?(57). Jawab mereka: Sesungguhnya kami telah diutuskan kepada satu kaum yang

berdosa (untuk membinasakan mereka)(58). Kecuali keluarga Lut sesungguhnya kami akan menyelamatkan mereka semuanya(59). Kecuali isterinya, kami telah menetapkannya termasuk dalam golongan orang-orang yang tertinggal di belakang (yang akan dibinasakan)."(60)

Di sini ayat ini tidak menyebut perdebatan Ibrahim mengenai Lut dan kaumnya sebagaimana disebut di dalam Surah Hud, malah ia terus menceritakan bagaimana malaikat-malaikat itu menyampaikan segala berita itu kepada beliau untuk membuktikan kebenaran bahawa Allah mengurniakan rahmat-Nya kepada Lut dan keluarganya dan menimpakan 'azab ke atas isterinya dan kaumnya. Dengan ini berakhirlah tugas malaikat-malaikat itu dengan Ibrahim dan mereka terus berlalu dari situ untuk melaksanakan tugas mereka terhadap kaum Lut pula.

Kaum Lut Menerima Balasan

فَلَمَّا جَآءَ ءَالَ لُوطٍ ٱلْمُرْسَلُونَ ﴿٦١﴾
قَالَ إِنَّكُمْ قَوْمٌ مُّنكَرُونَ ﴿٦٢﴾
قَالُوا۟ بَلْ جِئْنَٰكَ بِمَا كَانُوا۟ فِيهِ يَمْتَرُونَ ﴿٦٣﴾
وَأَتَيْنَٰكَ بِٱلْحَقِّ وَإِنَّا لَصَٰدِقُونَ ﴿٦٤﴾
فَأَسْرِ بِأَهْلِكَ بِقِطْعٍ مِّنَ ٱلَّيْلِ وَٱتَّبِعْ أَدْبَٰرَهُمْ وَلَا
يَلْتَفِتْ مِنكُمْ أَحَدٌ وَٱمْضُوا۟ حَيْثُ تُؤْمَرُونَ ﴿٦٥﴾
وَقَضَيْنَآ إِلَيْهِ ذَٰلِكَ ٱلْأَمْرَ أَنَّ دَابِرَ هَٰٓؤُلَآءِ مَقْطُوعٌ
مُّصْبِحِينَ ﴿٦٦﴾

"Apabila para utusan itu datang kepada keluarga Lut(61). Kata Lut: Sesungguhnya kamu adalah orang-orang yang tidak dikenali(62). Jawab mereka: Sebenarnya kami datang menemui engkau membawa ('azab) yang selalu didustai oleh mereka(63). Dan kami datang menemui engkau membawa berita yang benar, sesungguhnya kami adalah orang-orang yang benar(64). Oleh itu bawalah keluar keluargamu di waktu malam dan ikutilah mereka dari belakang dan jangan ada seseorang dari kamu yang menoleh ke belakang dan teruskanlah perjalananmu ke tempat yang diperintahkan kepada kamu(65). Dan Kami telah mewahyukan perkara itu kepadanya (Lut), bahawa seluruh mereka akan ditumpaskan di waktu pagi."(66)

Demikianlah ayat ini menjelaskan dengan segera bagaimana cara para malaikat memberitahu Lut bahawa mereka adalah makhluk malaikat yang datang menemui beliau dengan tujuan untuk membinasakan kaumnya sebagai balasan terhadap dosa-dosa yang telah dilakukan mereka, iaitu 'azab yang selama ini disangsikan mereka. Balasan itu untuk membuktikan kebenaran 'azab Allah dan untuk meyakinkan bahawa 'azab itu pasti berlaku tanpa sebarang tempoh lagi apabila para malaikat itu telah turun.

قَالَ إِنَّكُمْ قَوْمٌ مُّنكَرُونَ ﴿٦٢﴾

"Kata Lut: Sesungguhnya kamu adalah orang-orang yang tidak dikenali."(62)

Beliau mengeluarkan kata-kata ini dengan perasaan yang tidak senang kerana beliau mengetahui (tabi'at dan kelakuan ganjil) kaumnya dan mengetahui tindakan-tindakan yang akan dilakukan mereka terhadap dhif-dhif itu. Kedudukan beliau begitu dagang dalam kalangan kaumnya kerana mereka semuanya jahat dan bernafsu liar. Justeru itulah beliau berkata kepada malaikat:) Kamu adalah orang-orang yang tidak dikenali yang datang ke negeri ini, sedangkan penduduk-penduduknya terkenal dengan nafsu-nafsu yang jahat yang akan melakukan perbuatan keji terhadap orang-orang yang seperti kamu yang datang ke sini.

قَالُوا۟ بَلْ جِئْنَٰكَ بِمَا كَانُوا۟ فِيهِ يَمْتَرُونَ ﴿٦٣﴾
وَأَتَيْنَٰكَ بِٱلْحَقِّ وَإِنَّا لَصَٰدِقُونَ ﴿٦٤﴾

"Jawab mereka: Sebenarnya kami datang menemui engkau membawa ('azab) yang selalu didustai oleh mereka(63). Dan kami datang menemui engkau membawa berita yang benar, sesungguhnya kami adalah orang-orang yang benar."(64)

Semua kata-kata penegasan ini membayangkan betapa cemas dan susahnya hati Lut a.s. Beliau benar-benar berada dalam keadaan serba salah di antara kewajipannya terhadap dhif-dhif dengan kedudukannya yang lemah untuk melindungi mereka dari kejahatan kaumnya, justeru itu beliau diberi kata-kata penegasan itu satu demi satu untuk memasukkan ketenteraman dan keyakinan ke dalam hati beliau sebelum disampaikan arahan-arahan berikut:

فَأَسْرِ بِأَهْلِكَ بِقِطْعٍ مِّنَ ٱلَّيْلِ وَٱتَّبِعْ أَدْبَٰرَهُمْ وَلَا
يَلْتَفِتْ مِنكُمْ أَحَدٌ وَٱمْضُوا۟ حَيْثُ تُؤْمَرُونَ ﴿٦٥﴾

"Oleh itu bawalah keluar keluargamu di waktu malam dan ikutilah mereka dari belakang dan jangan ada seseorang dari kamu yang menoleh ke belakang dan teruskanlah perjalananmu ke tempat yang diperintahkan kepada kamu."(65)

Kata-kata "**فأسر**" ialah perintah melakukan perjalanan keluar di waktu malam. Kata-kata " **بقطع من الليل**" ialah sebelah malam. Yakni Lut diperintah supaya membawa kaumnya keluar di waktu malam sebelum Subuh dan supaya beliau mengikuti di belakang mereka untuk memeriksa mereka agar tiada seseorang pun yang tertinggal atau teragak-agak atau menoleh-noleh ke kampung halaman mereka sebagaimana kebiasaan yang berlaku kepada orang-orang yang berpindah yang merasa begitu sayang kepada kampung halaman yang ditinggalkan mereka

menyebabkan mereka menoleh-noleh kepadanya dan teragak-agak untuk meninggalkannya. Masa perjanjian itu ialah waktu Subuh dan waktu itu sudah dekat:

وَقَضَيْنَآ إِلَيْهِ ذَٰلِكَ ٱلْأَمْرَ أَنَّ دَابِرَ هَٰٓؤُلَآءِ مَقْطُوعٌ مُّصْبِحِينَ ﴿٦٦﴾

"Dan Kami telah mewahyukan perkara itu kepadanya (Lut), bahawa seluruh mereka akan ditumpaskan di waktu pagi."(66)

Kami telah memberitahu kepada Lut hakikat yang penting, bahawa kaumnya akan ditumpaskan habis-habisan di waktu Subuh dan ungkapan " وهو دابر هم - مقطوع في الصبح" (secara harfinya bermakna barisan akhir mereka akan dicantas semuanya) ialah apabila barisan akhir mereka telah dicantas semuanya, maka barisan awal mereka juga dicantas belaka. Maksud ungkapan ini menggambarkan kebinasaan mereka yang menyeluruh, tiada seorang pun dari mereka yang terselamat. Oleh sebab itulah beliau perlu berhati-hati dan waspada supaya tiada seorang pun (dari keluarga dan pengikut-pengikutnya) yang tertinggal atau teragak-agak agar mereka tidak ditimpa kebinasaan yang menimpa penduduk-penduduk negeri yang tertinggal itu.

Ayat (surah ini) mendahulukan peristiwa ini di dalam kisah itu kerana ia lebih sesuai dengan seluruh maudhuk surah ini, kemudian ia menyempurnakannya dengan peristiwa yang telah berlaku di kalangan kaum Lut sebelumnya, iaitu mereka telah mendapat berita bahawa di rumah Lut ada anak-anak muda yang tampan - mengikut satu cerita, isteri beliau sendiri yang menceritakan hal ini kepada mereka - oleh itu mereka amat bergembira mendapat buruan (yang baru):

وَجَآءَ أَهْلُ ٱلْمَدِينَةِ يَسْتَبْشِرُونَ ﴿٦٧﴾

"Dan datanglah penduduk bandar itu dengan gembira."(67)

Ungkapan sedemikian rupa membayangkan sejauh mana keji dan buruknya kaum Lut itu bergelimang di dalam kekotoran kejahatan seksual yang ganjil dan sakit itu. Ini jelas digambarkan oleh pemandangan penduduk-penduduk bandar itu yang datang berduyun-duyun (ke rumah Lut). Mereka kelihatan gembira kerana memperolehi anak-anak muda yang dapat dicabuli mereka secara terang-terangan. Perlakuan seks secara terbuka yang memalukan itu merupakan satu perkara yang amat buruk yang hampir-hampir tidak dapat dikhayalkan jika tidak perkara itu telah berlaku. Biasanya apabila seseorang itu mendapat penyakit seksual yang ganjil dia akan menyembunyikan dirinya untuk menutup keganjilan kelakuan dan penyakit itu dan akan berusaha mendapatkan keni'matannya yang kotor ini secara rahsia kerana dia malu diketahui orang. (Manusia yang mempunyai) fitrah yang sihat akan menyembunyikan perlakuan seks walaupun ia merupakan perlakuan seks yang tabi'i, malah walaupun ia merupakan perlakuan seks yang halal, dan setengah-setengah haiwan juga menyembunyikan perlakuan seks itu, tetapi kaum Lut yang jahat itu sanggup melakukan kejahatan seks secara terbuka dan mereka berhimpun beramai-ramai untuk mendapatkan keni'matan itu. Mereka datang berduyun- duyun dengan gembira dan menjilat bibir itulah gambaran keruntuhan akhlak yang tiada tandingannya.

Adapun Lut a.s., beliau berdiri sedih dan susah hati untuk mempertahankan dhif-dhifnya dan kehormatannya. Beliau berusaha membangkitkan perasaan menghormati maruah manusia yang ada pada mereka dan merangsangkan kesedaran taqwa kepada Allah walaupun beliau tahu bahawa mereka tidak bertaqwa kepada Allah dan bahawa jiwa mereka yang runtuh dan buta tidak lagi mempunyai maruah dan perasaan kemanusiaan yang dapat dirangsangkan, tetapi di dalam sa'at-sa'at kesusahan dan kesulitan itu, beliau berbuat apa sahaja yang dapat dilakukan beliau:

قَالَ إِنَّ هَٰٓؤُلَآءِ ضَيْفِى فَلَا تَفْضَحُونِ ﴿٦٨﴾ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَلَا تُخْزُونِ ﴿٦٩﴾

"Kata Lut: Sesungguhnya mereka sekalian adalah dhif-dhifku. Oleh itu janganlah kamu memalukan aku(68). Dan bertaqwalah kepada Allah dan janganlah kamu mengecewakan aku."(69)

Maruah ini tidak dapat merangsangkan keladak-keladak perasaan menghormati maruah dan perasaan segan dan malu di dalam hati mereka, malah mereka menunjukkan keangkuhan dan mengecam Lut kerana menerima dhif-dhif lelaki ini, seolah-olah beliaulah yang bersalah kerana menyediakan sebab-sebab kesalahan dan menarik mereka ke arah perbuatan itu. Mereka tidak memberi peluang kepada Lut mempertahankan dirinya.

قَالُوٓا۟ أَوَلَمْ نَنْهَكَ عَنِ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٧٠﴾

"Mereka berkata: Bukankah kami telah melarang engkau dari (menerima tamu) orang-orang asing?"(70)

Lut terus berusaha menunjukkan mereka ke arah fitrah yang sihat iaitu menunjukkan kepada kaum perempuan yang telah dijadikan Allah untuk memenuhi keinginan seks mereka, yang mempunyai peranan yang amat mendalam dalam sistem hidup manusia, iaitu keinginan yang dapat mewujudkan zuriat keturunan yang melanjutkan kewujudan manusia. Allah telah menjadikan pemuasan keinginan seks dengan kaum perempuan itu sebagai tempat tabi'i untuk mencapai keni'matan yang sihat dan selesa bagi lelaki dan perempuan untuk menjamin kesinambungan hidup dengan dorongan keinginan peribadi yang mendalam. Dalam usaha itu beliau terus menyarankan:

قَالَ هَٰٓؤُلَآءِ بَنَاتِىٓ إِن كُنتُمْ فَٰعِلِينَ ﴿٧١﴾

"Lut berkata: Inilah puteri-puteriku, jika kamu hendak melakukan (secara tabi'i)."(71)

Nabi Lut a.s. bukanlah menawarkan anak-anak perempuan beliau kepada manusia-manusia yang fasiq itu supaya mengambil mereka (sebagai ganti) untuk memuaskan nafsu mereka secara zina, malah tujuan beliau ialah untuk menunjukkan kepada mereka jalan tabi'i yang diredhai oleh fitrah yang sihat dan untuk menyedarkan fitrah ini di dalam jiwa mereka, kerana beliau tahu jika mereka kembali kepada fitrah yang sihat mereka tidak akan mencari perempuan secara zina. Tawaran Lut itu hanya merupakan satu seruan kepada fitrah yang sihat di dalam jiwa mereka supaya menyedari (kebaikan) tawaran ini yang sememangnya tidak dipedulikan mereka.

Ketika pemandangan itu ditayangkan, ketika kaum Lut sedang berada dalam kegilaan seks yang sakit, ketika mereka bergembira dan menjilat-jilat bibir, ketika Lut berusaha menolak keinginan mereka, merangsangkan kesedaran mereka terhadap maruah, membangkitkan perasaan kemanusiaan mereka dan menggerakkan keinginan-keinginan fitrah yang sihat di dalam jiwa mereka, ketika pemandangan yang buruk ini ditayangkan dengan cara yang amat mengharukan ini tiba-tiba ayat yang berikut berubah dari cerita kepada percakapan yang ditujukan kepada para penonton yang melihat pemandangan itu mengikut cara orang-orang Arab yang bercakap dengan menggunakan sumpah:

لَعَمْرُكَ إِنَّهُمْ لَفِي سَكْرَتِهِمْ يَعْمَهُونَ ٧٢

"Allah berfirman: Demi usiamu (Muhammad), sesungguhnya mereka terumbang-ambing di dalam kesesatan mereka."(72)

(Tujuan ayat) ini untuk menggambarkan keadaan mereka yang sebenar yang tidak berubah dan tidak dapat diharap bahawa mereka akan sedar dan akan mendengar seruan ke arah menghormati maruah, bertaqwa dan mengikut fitrah yang sihat.

Kemudian cerita mereka tamat dengan terlaksananya keputusan Allah membinasakan mereka:

مَا نُنَزِّلُ الْمَلَائِكَةَ إِلَّا بِالْحَقِّ وَمَا كَانُوا إِذًا مُنْظَرِينَ ٨

"Kami tidak menurunkan malaikat melainkan dengan membawa keputusan yang benar, dan ketika itu mereka tidak lagi diberi tangguhan."(8)

Dan kini kita sedang berada di hadapan pemandangan kebinasaan, keruntuhan, ketenteraman di dalam bumi dan kemusnahan yang sesuai dengan tabi'at dan kelakuan seks mereka yang terbalik songsang itu:

فَأَخَذَتْهُمُ الصَّيْحَةُ مُشْرِقِينَ ٧٣

فَجَعَلْنَا عَالِيَهَا سَافِلَهَا وَأَمْطَرْنَا عَلَيْهِمْ حِجَارَةً مِنْ سِجِّيلٍ ٧٤

"Lalu mereka dibinasakan oleh bahana yang amat kuat di waktu matahari terbit(73). Lalu Kami jadikan negeri itu tunggang balik dan kami hujankan ke atas mereka batu-batu dari tanah yang keras."(74)

Negeri Lut telah dibinasakan dengan bencana yang seakan-akan bencana gempa bumi dan gunung berapi dan kadang-kadang disertai dengan bencana ditelan bumi dan runtuhan batu-batu yang bercampur tanah dan tenggelamnya seluruh bandar-bandar itu ke dalam bumi. Menurut cerita, Tasik Lut yang ada sekarang ini adalah wujud selepas peristiwa ini, iaitu setelah tenggelamnya Amurah dan Sadum ke dalam bumi kemudian tempat itu dipenuhi air.

Negeri Lut itu terletak di jalan di antara Hijaz dan Syam yang masih dilalui orang. Negeri Lut yang binasa ini mengandungi banyak pengajaran kepada orang yang berfikir dan menjadi contoh teladan dari kemusnahan-kemusnahan yang telah menimpa umat-umat yang terdahulu, walaupun kesan-kesan pengajaran itu hanya berguna kepada hati-hati yang beriman, iaitu hati-hati yang terbuka dan bersedia untuk menerima, berfikir dan percaya dengan penuh keyakinan:

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَاتٍ لِلْمُتَوَسِّمِينَ ٧٥

وَإِنَّهَا لَبِسَبِيلٍ مُقِيمٍ ٧٦

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَةً لِلْمُؤْمِنِينَ ٧٧

"Sesungguhnya peristiwa itu mengandungi bukti-bukti bagi orang-orang yang berfikir dan mengambil pengajaran(75). Dan sesungguhnya negeri itu terletak di tengah jalan yang masih tetap (dilalui orang)(76). Sesungguhnya peristiwa-peristiwa itu merupakan suatu bukti kepada orang-orang yang beriman."(77)

Demikianlah bukti kebenaran amaran rasul dan turunnya para malaikat itu mengalamatkan kedatangan 'azab Allah yang tidak dapat ditolak, ditangguh dan ditempoh.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 78 - 84)

Begitulah juga keadaan yang telah berlaku kepada kaum Syu'ayb - penduduk al-Aykah - dan kaum Soleh penduduk al-Hijr:

وَإِنْ كَانَ أَصْحَابُ الْأَيْكَةِ لَظَالِمِينَ ٧٨

فَانْتَقَمْنَا مِنْهُمْ وَإِنَّهُمَا لَبِإِمَامٍ مُبِينٍ ٧٩

وَلَقَدْ كَذَّبَ أَصْحَابُ الْحِجْرِ الْمُرْسَلِينَ ٨٠

وَءَاتَيْنَٰهُمْ ءَايَٰتِنَا فَكَانُوا۟ عَنْهَا مُعْرِضِينَ ﴿٨١﴾
وَكَانُوا۟ يَنْحِتُونَ مِنَ ٱلْجِبَالِ بُيُوتًا ءَامِنِينَ ﴿٨٢﴾
فَأَخَذَتْهُمُ ٱلصَّيْحَةُ مُصْبِحِينَ ﴿٨٣﴾
فَمَآ أَغْنَىٰ عَنْهُم مَّا كَانُوا۟ يَكْسِبُونَ ﴿٨٤﴾

"Dan sesungguhnya penduduk al-Aykah itu amat zalim(78). Lalu Kami timpakan balasan kebinasaan ke atas mereka dan sesungguhnya kedua-dua negeri terletak di lebuhraya yang amat terang(79). Dan sesungguhnya penduduk al-Hijr telah mendustakan para rasul(80). Dan Kami telah membawa ayat-ayat Kami kepada mereka tetapi mereka telah berpaling darinya(81). Mereka memahat bukit-bukit dan menjadikannya rumah-rumah kediaman mereka yang aman(82). Lalu mereka dibinasakan dengan bahana yang amat kuat di waktu pagi hari(83). Dan mereka tidak lagi dapat diselamatkan oleh segala apa yang telah, diusahakan mereka."(84)

Al-Qur'an telah menghuraikan dengan terperinci kisah Syu'ayb dengan kaumnya, iaitu penduduk Madyan dan penduduk al-Aykah di dalam berbagai-bagai surah yang lain, tetapi di sini Al-Qur'an hanya menyebut tentang kezaliman dan kebinasaan mereka sahaja untuk membuktikan kebenaran berita 'azab dalam pusingan (bahagian) ini, juga membuktikan kebenaran pemusnahan negeri-negeri itu setelah habis tempoh-nya yang tertentu yang disebut dalam ayat-ayat permulaan surah ini. Negeri Madyan dan al-Aykah terletak berhampiran dengan negeri Lut. Isyarat Al-Qur'an yang disebut di sini:

وَإِنَّهُمَا لَبِإِمَامٍ مُّبِينٍ ﴿٧٩﴾

"Dan sesungguhnya kedua-dua negeri itu terletak di lebuhraya yang amat terang"(79)

mungkin ditujukan kepada Madyan dan al-Aykah kerana kedua-duanya terletak di lebuh raya yang terang dan belum lagi terhapus, dan mungkin juga ditujukan kepada negeri Lut yang telah diterangkan sebelum ini dan negeri Syu'ayb. Al-Qur'an mengumpulkan kedua-dua negeri itu sekali kerana kedua-duanya terletak di satu jalan sahaja di antara Hijaz dan Syam. Wujudnya negeri-negeri yang binasa di lebuhraya yang dilalui ramai itu dapat memberi pengajaran yang lebih berkesan, kerana negeri-negeri itu merupakan bukti yang tersergam yang dapat dilihat oleh setiap orang yang pergi dan datang, sedangkan kegiatan hidup berlangsung rancak di sekelilingnya. Kini kedua-dua negeri itu kelihatan musnah dan seolah-olah tidak pernah ma'mur pada suatu hari pun, tetapi kegiatan hidup manusia di sekelilingnya terus berlangsung tanpa menghiraukannya.

Penduduk al-Hijr pula ialah kaum Nabi Soleh a.s. Negeri itu terletak di antara Hijaz dan Syam menuju Wadil-Qura dan ia masih wujud dan boleh dilihat dengan jelas sehingga hari ini. Rumah-rumahnya dipahat dan diukir di batu-batu di zaman purba, yang membuktikan kekuatan, kepandaian dan tamadun penduduk-penduduknya.

وَلَقَدْ كَذَّبَ أَصْحَٰبُ ٱلْحِجْرِ ٱلْمُرْسَلِينَ ﴿٨٠﴾

"Dan sesungguhnya penduduk al-Hijr telah mendustakan para rasul."(80)

Walaupun mereka hanya mendustakan Rasul mereka Soleh seorang sahaja, tetapi Soleh adalah mewakili seluruh rasul yang lain. Oleh itu apabila beliau didustakan oleh kaumnya, maka Al-Qur'an menyifatkan perbuatan mereka sebagai mendustakan sekalian rasul berdasarkan persamaan risalah, persamaan rasul-rasul dan para pendusta di sepanjang zaman sejarah di seluruh negeri di dunia ini dalam berbagai-bagai masa, tempat, tokoh dan kaum.

وَءَاتَيْنَٰهُمْ ءَايَٰتِنَا فَكَانُوا۟ عَنْهَا مُعْرِضِينَ ﴿٨١﴾

"Dan Kami telah membawa ayat-ayat Kami kepada mereka tetapi mereka telah berpaling darinya."(81)

Bukti mu'jizat Nabi Soleh a.s. ialah unta betina, tetapi di alam buana dan di dalam diri manusia sendiri terdapat berbagai-bagai bukti mu'jizat yang amat banyak dan semua bukti itu tersergam di hadapan mata dan fikiran mereka. Bukti mu'jizat yang ditunjukkan oleh Soleh kepada kaumnya itu bukanlah merupakan satu-satunya bukti mu'jizat yang dibawa Allah kepada mereka. Mereka tidak mempedulikan semua ayat-ayat atau bukti-bukti kekuasaan Allah itu. Mereka tidak pernah membuka mata dan hati mereka (untuk memikirkannya). Akal dan hati nurani mereka tidak pernah merasakannya.

وَكَانُوا۟ يَنْحِتُونَ مِنَ ٱلْجِبَالِ بُيُوتًا ءَامِنِينَ ﴿٨٢﴾
فَأَخَذَتْهُمُ ٱلصَّيْحَةُ مُصْبِحِينَ ﴿٨٣﴾
فَمَآ أَغْنَىٰ عَنْهُم مَّا كَانُوا۟ يَكْسِبُونَ ﴿٨٤﴾

"Mereka memahat bukit-bukit dan menjadikannya rumah-rumah kediaman mereka yang aman(82). Lalu mereka dibinasakan dengan bahana yang amat kuat di waktu pagi hari(83). Dan mereka tidak lagi dapat diselamatkan oleh segala apa yang telah diusahakan mereka."(84)

Pemandangan sekilas terhadap kedudukan yang aman damai di rumah-rumah yang kukuh yang dipahat di bukit-bukau dan terhadap peristiwa bahana yang membinasakan mereka sehingga segala apa yang dikumpul, diusaha, dibangun dan dipahat mereka selama ini tidak memberi apa-apa kegunaan kepada mereka dan tidak dapat menolak kebinasaan yang menimpa mereka dalam sekelip mata itu. Pemandangan sekilas ini amat mengharukan hati manusia. Tiada keamanan yang lebih besar yang dapat dirasakan oleh sesuatu kaum dari keamanan yang dini'mati mereka di rumah-rumah kediaman mereka yang dipahat di dalam batu-batu yang pejal, dan tiada ketenteraman yang lebih nyaman yang dapat dikecapi mereka dari ketenteraman yang dini'mati mereka di waktu pagi hari yang cerah dan lembut gemelai, tetapi lihatlah apa yang telah berlaku

kepada kaum Soleh. Mereka telah dibinasakan bahana yang amat kuat di waktu pagi hari ketika mereka sedang berada di rumah-rumah kediaman mereka yang kuat dan aman damai. (Dalam sekelip mata sahaja) segala sesuatu hilang dan musnah. Segala perlindungan dan pertahanan gagal belaka dan segala kubu runtuh semuanya. Tiada suatu pun yang dapat menyelamatkan mereka dari bahana yang amat kuat itu, iaitu bahana ribut taufan atau bahana petir yang menyambar mereka dan membinasakan mereka dalam rongga-rongga batu pejal yang kukuh itu.

Demikianlah berakhirnya babak-babak sepintas lalu dari kisah-kisah yang disebut di dalam surah ini, iaitu babak-babak yang membuktikan kebenaran Sunnatullah yang membinasakan para pendusta setelah habisnya tempoh yang diberikan kepada mereka. Penghabisan pusingan ini selaras dengan penghabisan tiga pusingan pertama yang telah lepas, iaitu semuanya membuktikan kebenaran Sunnatullah yang tidak pernah mungkir.

(Kumpulan ayat-ayat 85 - 99)

وَمَا خَلَقْنَا ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَآ إِلَّا
بِٱلْحَقِّ ۗ وَإِنَّ ٱلسَّاعَةَ لَءَاتِيَةٌ ۖ فَٱصْفَحِ ٱلصَّفْحَ
ٱلْجَمِيلَ ﴿٨٥﴾
إِنَّ رَبَّكَ هُوَ ٱلْخَلَّٰقُ ٱلْعَلِيمُ ﴿٨٦﴾
وَلَقَدْ ءَاتَيْنَٰكَ سَبْعًا مِّنَ ٱلْمَثَانِى وَٱلْقُرْءَانَ
ٱلْعَظِيمَ ﴿٨٧﴾
لَا تَمُدَّنَّ عَيْنَيْكَ إِلَىٰ مَا مَتَّعْنَا بِهِۦٓ أَزْوَٰجًا مِّنْهُمْ وَلَا تَحْزَنْ
عَلَيْهِمْ وَٱخْفِضْ جَنَاحَكَ لِلْمُؤْمِنِينَ ﴿٨٨﴾
وَقُلْ إِنِّىٓ أَنَا ٱلنَّذِيرُ ٱلْمُبِينُ ﴿٨٩﴾
كَمَآ أَنزَلْنَا عَلَى ٱلْمُقْتَسِمِينَ ﴿٩٠﴾
ٱلَّذِينَ جَعَلُوا۟ ٱلْقُرْءَانَ عِضِينَ ﴿٩١﴾
فَوَرَبِّكَ لَنَسْـَٔلَنَّهُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٩٢﴾
عَمَّا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿٩٣﴾
فَٱصْدَعْ بِمَا تُؤْمَرُ وَأَعْرِضْ عَنِ ٱلْمُشْرِكِينَ ﴿٩٤﴾
إِنَّا كَفَيْنَٰكَ ٱلْمُسْتَهْزِءِينَ ﴿٩٥﴾
ٱلَّذِينَ يَجْعَلُونَ مَعَ ٱللَّهِ إِلَٰهًا ءَاخَرَ ۚ فَسَوْفَ يَعْلَمُونَ ﴿٩٦﴾
وَلَقَدْ نَعْلَمُ أَنَّكَ يَضِيقُ صَدْرُكَ بِمَا يَقُولُونَ ﴿٩٧﴾
فَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ وَكُن مِّنَ ٱلسَّٰجِدِينَ ﴿٩٨﴾
وَٱعْبُدْ رَبَّكَ حَتَّىٰ يَأْتِيَكَ ٱلْيَقِينُ ﴿٩٩﴾

"Dan Kami tidak ciptakan langit dan bumi dan segala makhluk yang ada di antara keduanya melainkan dengan lunas kebenaran. Dan sesungguhnya hari Qiamat itu tetap akan datang. Oleh itu berilah kemaafan yang baik(85). Sesungguhnya Tuhanmu itulah Pencipta Yang Maha Mengetahui(86). Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu tujuh ayat yang dibaca berulang-ulang kali dan seluruh Al-Qur'an yang agung (87). Janganlah engkau memanjangkan kedua matamu kepada kesenangan hidup yang Kami berikan kepada beberapa golongan lelaki dan perempuan di antara mereka dan janganlah engkau bersedih hati terhadap mereka dan hendaklah engkau rendahkan dirimu kepada orang-orang yang beriman(88). Dan katakanlah: Sesungguhnya Aku adalah penyampai amaran yang amat jelas(89). Sebagaimana Kami telah menurunkan (kitab suci) kepada orang-orang yang membahagi-bahagikan (Al-Qur'an) itu(90). Iaitu orang-orang yang telah menjadikan Al-Qur'an terbahagi kepada beberapa bahagian(91). Demi Tuhanmu kami tetap akan bertanya kepada mereka sekalian(92). Tentang perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan mereka(93). Oleh itu sampaikanlah segala apa yang diperintahkan kepada kamu itu dengan terus terang dan berpalinglah dari orang-orang Musyrikin(94). Sesungguhnya Kamilah yang telah memeliharamu dari orang-orang yang mempersenda-sendakanmu(95). Iaitu orang-orang yang mempertuhankan tuhan yang lain di samping Allah dan mereka kelak akan mengetahui (akibatnya)(96). Dan sesungguhnya Kami mengetahui bahawa hatimu tidak senang dengan cemuhan-cemuhan yang dikatakan mereka(97). Oleh itu bertasbihlah memuji Tuhanmu dan jadikanlah (dirimu) bersama-sama mereka yang sujud(98). Dan beribadatlah kepada Tuhanmu sehingga engkau didatangi ajal."(99).

Lunas Kebenaran Mendasari Seluruh Ciptaan Allah

Undang-undang am Allah yang tidak pernah mungkir yang mengendalikan alam buana dan kehidupan, mengendalikan kelompok-kelompok manusia dan risalah-risalah, mengendalikan hidayat dan kesesatan, mengendalikan kesudahan-kesudahan hidup manusia dan mengendalikan urusan hisab dan balasan, undang-undang yang dibuktikan kebenarannya oleh setiap bahagian ayat surah ini dan ditayangkan contoh-contohnya di dalam berbagai-bagai bidang... undang-undang ini adalah membuktikan wujudnya hikmat kebijaksanaan dalam setiap ciptaan Allah dan membuktikan kebenaran yang teguh yang menjadi landasan tegak tabi'at penciptaan alam ini.

Oleh sebab itulah penjelasan ayat-ayat yang berikut di akhir surah ini diiringi dengan sebuah pernyataan mengenai al-Haq Yang Maha Agung itu yang dapat dilihat pada tabi'at penciptaan langit dan bumi dan

makhluk-makhluk yang wujud di antara keduanya, pada tabi'at hari Qiamat yang tetap akan datang itu, juga pada tabi'at da'wah yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. dan para rasul sebelumnya. Pernyataan itu mengumpulkan semua kejadian itu dalam lingkaran al-Haq Yang Maha Agung yang mengikatnya dan menjelma di dalamnya. Pernyataan itu membayangkan bahawa lunas kebenaran itu bersebati dengan penciptaan alam dan terbit dari hakikat bahawa Allahlah yang menciptakan alam al-wujud ini:

إِنَّ رَبَّكَ هُوَ ٱلْخَلَّٰقُ ٱلْعَلِيمُ ﴿٨٦﴾

"Sesungguhnya Tuhanmu itulah Pencipta Yang Maha Mengetahui."(86)

Oleh itu biarkanlah al-Haq Yang Maha Agung meneruskan perjalanan-Nya, hendaklah da'wah yang bersandar kepada al-Haq Yang Maha Agung itu menyusuri jalannya dan hendaklah penda'wah kepada lunas kebenaran mara terus kepada kebenaran tanpa mempedulikan kaum Musyrikin yang mempersenda-sendakan mereka.

فَٱصْدَعْ بِمَا تُؤْمَرُ وَأَعْرِضْ عَنِ ٱلْمُشْرِكِينَ ﴿٩٤﴾

"Oleh itu sampaikanlah segala apa yang diperintahkan kepada kamu itu dengan terus terang dan berpalinglah dari orang-orang Musyrikin"(94)

kerana Sunnatullah tetap berjalan mengikut relnya tidak pernah mungkir dan al-Haq Yang Maha Agung yang berada di sebalik Sunnatullah itu berhubung rapat dengan da'wah dengan hari Qiamat dan dengan penciptaan langit dan bumi dan dengan setiap makhluk yang wujud yang terbit dari Allah Yang Maha Pencipta dan Maha Mengetahui. Itulah suatu tarikan perhatian yang amat besar yang dijadikan penamat surah ini. Ia menarik perhatian kepada al-Haq Yang Maha Agung yang menegakkan kewujudan alam buana ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 85 - 99)

وَمَا خَلَقْنَا ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَآ إِلَّا بِٱلْحَقِّ ۗ وَإِنَّ ٱلسَّاعَةَ لَءَاتِيَةٌ ۖ فَٱصْفَحِ ٱلصَّفْحَ ٱلْجَمِيلَ ﴿٨٥﴾

إِنَّ رَبَّكَ هُوَ ٱلْخَلَّٰقُ ٱلْعَلِيمُ ﴿٨٦﴾

"Dan Kami tidak ciptakan langit dan bumi dan segala makhluk yang ada di antara keduanya melainkan dengan lunas kebenaran. Dan sesungguhnya hari Qiamat itu tetap akan datang. Oleh itu berikan kemaafan yang baik(85). Sesungguhnya Tuhanmu itulah Pencipta Yang Maha Mengetahui."(86)

Kata kesimpulan yang menjelaskan lunas kebenaran yang menjadi tapak tegak langit dan bumi - atau lunas kebenaran yang mendasari ciptaan langit dan bumi serta makhluk-makhluk yang ada di antara keduanya - adalah satu kesimpulan yang membawa erti yang amat besar dan mendalam. Itulah satu ungkapan yang amat menarik. Apakah yang dimaksudkan dengan ungkapan ini?

وَمَا خَلَقْنَا ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَآ إِلَّا بِٱلْحَقِّ ۗ

"Dan Kami tidak ciptakan langit dan bumi dan segala makhluk yang ada di antara keduanya melainkan dengan lunas kebenaran."(85)

Ungkapan ini menyarankan bahawa lunas kebenaran itu amat mendalam dalam penciptaan alam buana ini, amat mendalam dalam struktur kejadiannya, amat mendalam dalam urusan pentadbirannya dan amat mendalam dalam kesudahan alam buana ini dengan segala isi dan penghuninya.

Maksud lunas kebenaran itu amat mendalam dalam penciptaan alam buana ini ialah ia tidak diciptakan secara main-mainan dan sembarangan. Penciptaannya tidak bercampuraduk dengan sebarang penipuan, kepalsuan dan kebatilan. Kebatilan merupakan pendatang baru kepadanya bukannya merupakan salah satu unsur penciptaannya.

Maksud lunas kebenaran itu amat mendalam dalam struktur kejadian alam ialah asasnya yang terdiri dari unsur-unsur yang membentukkannya itu adalah asas yang benar bukannya fantasi dan bukannya ilusi, dan undang-undang yang mengendalikan unsur-unsur ini dan menggabungkannya adalah undang-undang yang benar, tidak pernah goyah dan bergoyang, tidak pernah berubah-ubah dan tidak pernah bercampuraduk dengan hawa nafsu, tidak pernah rosak perjalanannya atau bercanggah.

Maksud lunas kebenaran itu amat mendalam dalam urusan tadbirnya ialah alam buana itu ditadbir dan dikendalikan dengan betul mengikut undang-undang yang benar dan adil, bukan mengikut hawa nafsu, malah selama-lamanya mengikut kebenaran dan keadilan.

Maksud lunas kebenaran itu amat mendalam dalam kesudahan alam buana ialah segala akibat dan natijah adalah berlakunya mengikut undang-undang yang tetap dan adil. Segala perubahan yang berlaku di langit dan di bumi dan di ruang antara keduanya adalah berlangsung dengan kebenaran dan kerana kebenaran dan segala balasan yang diterima adalah mengikut Sunnatullah yang tidak memilih kasih.

Dari sinilah lunas kebenaran yang dengannya Allah menciptakan langit dan bumi dan makhluk yang ada di antara keduanya mempunyai hubungan dengan hari Qiamat yang tetap akan datang tanpa mungkir, kerana ia merupakan sebahagian dari lunas kebenaran yang mendasari alam al-wujud ini dan Qiamat itu sendiri merupakan satu kebenaran yang datang untuk menegakkan kebenaran.

فَٱصۡفَحِ ٱلصَّفۡحَ ٱلۡجَمِيلَ ﴿٨٥﴾

"Oleh itu berilah kemaafan yang baik"(85)

janganlah engkau sibukkan hatimu dengan dendam kesumat, kerana kebenaran itu tetap akan tegak:

إِنَّ رَبَّكَ هُوَ ٱلۡخَلَّٰقُ ٱلۡعَلِيمُ ﴿٨٦﴾

"Sesungguhnya Tuhanmu itulah Pencipta Yang Maha Mengetahui."(86)

Allah Maha Mengetahui tentang rahsia makhluk-makhluk yang telah diciptakan-Nya dan Mengetahui apa dan siapa yang telah dijadikan-Nya. Oleh kerana segala makhluk adalah dari ciptaan-Nya, maka sudah tentu lunas kebenaran merupakan suatu yang teguh pada segala ciptaan-Nya dan sudah tentu setiap kejadian itu berakhir kepada kebenaran yang menjadi titik tolak dan tapak tegaknya, kebenaran itu merupakan satu sifatnya yang teguh, dan selain dari kebenaran ialah kebatilan dan kepalsuan yang datang kemudian hilang. Tiada yang kekal melainkan al-Haq Yang Maha Agung, syumul dan teguh (Allah) dalam dhamir alam al-wujud.

Dan turut mempunyai hubungan yang rapat dengan al-Haq Yang Maha Agung ini ialah risalah yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. dan Al-Qur'an yang dikurniakan kepadanya:

Anugerah Surah Al-Fatihah Dan Al-Qur'anul-'Azim

وَلَقَدۡ ءَاتَيۡنَٰكَ سَبۡعٗا مِّنَ ٱلۡمَثَانِي وَٱلۡقُرۡءَانَ ٱلۡعَظِيمَ ﴿٨٧﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu tujuh ayat yang dibaca berulang-ulang kali dan seluruh Al-Qur'an yang agung."(87)

Menurut pendapat yang rajih, yang dimaksudkan dengan "سبعا من المثاني" (tujuh ayat yang dibaca berulang-ulang kali itu) ialah tujuh ayat Surah al-Fatihah sebagaimana disebut di dalam al-Athar. Ayat-ayat itu dibaca berulang-ulang kali di dalam solat atau dipuji Allah dengannya,[2] dan dimaksudkan dengan "والقرآن الكريم" ialah seluruh Al-Qur'an.

Yang penting di sini ialah penghubung ayat ini dengan ayat-ayat mengenai penciptaan langit dan bumi serta makhluk-makhluk yang wujud di antara keduanya dengan kebenaran dan dengan hari Qiamat yang tetap akan datang itu membayangkan adanya hubungan yang rapat di antara Al-Qur'an dan lunas kebenaran yang teguh dan mendasari penciptaan alam al-wujud dan kedatangan Qiamat, kerana Al-Qur'an adalah dari unsur-unsur kebenaran yang teguh. Ia mendedahkan undang-undang Allah dan menarik hati manusia kepadanya. Ia membentangkan bukti-bukti kekuasaan Allah yang wujud pada diri manusia dan yang bertaburan di merata pelosok alam. Ia merangsangkan hati manusia supaya memahaminya dan menampilkan punca-punca hidayat dan kesesatan, kesudahan kebenaran dan kebatilan, kebaikan dan kejahatan, kesolehan dan kefasiqan. Oleh itu Al-Qur'an adalah dari bahan kebenaran dan dari sarana-sarana untuk mengetahui dan menjelaskan kebenaran. Al-Qur'an adalah kitab suci yang teguh sama teguh dengan lunas kebenaran yang mendasari penciptaan langit dan bumi. Al-Qur'an adalah kitab suci yang teguh sama teguh dengan undang-undang alam buana dan berhubung rapat dengannya. Al-Qur'an bukannya kitab sementara yang akan hilang, malah ia tetap kekal sebagai satu faktor yang berpengaruh dalam menerajui dan mengubahkan kehidupan manusia biarpun ia didustakan para pendusta dan diejek para pengejek dan biarpun ia terus ditentangkan pejuang-pejuang kebatilan yang berpegang kepada fikiran-fikiran dan kepercayaan-kepercayaan yang karut, kerana kebatilan merupakan pendatang sementara yang lambat- laun akan lenyap dari alam al-wujud ini.

Oleh sebab itu, sesiapa yang dikurniakan ayat-ayat yang dibaca berulang-ulang kali dan seluruh Al-Qur'an yang diambil dari al-Haq Yang Maha Agung dan berhubung rapat dengannya janganlah memanjangkan pandangan matanya dan membiarkan hatinya kepingin kepada ni'mat-ni'mat kesenangan dunia yang fana dan musnah, dan janganlah dia menghiraukan nasib kesudahan golongan manusia yang sesat, kerana segala urusan mereka tidak penting dan tidak kena-mengena dengannya sama ada banyak atau sedikit, malah hendaklah dia teruskan sahaja perjalanannya mengikut jalan kebenaran yang teguh:

لَا تَمُدَّنَّ عَيۡنَيۡكَ إِلَىٰ مَا مَتَّعۡنَا بِهِۦٓ أَزۡوَٰجٗا مِّنۡهُمۡ وَلَا تَحۡزَنۡ عَلَيۡهِمۡ وَٱخۡفِضۡ جَنَاحَكَ لِلۡمُؤۡمِنِينَ ﴿٨٨﴾
وَقُلۡ إِنِّيٓ أَنَا ٱلنَّذِيرُ ٱلۡمُبِينُ ﴿٨٩﴾

"Janganlah engkau memanjangkan kedua matamu kepada kesenangan hidup yang Kami berikan kepada beberapa golongan lelaki dan perempuan di antara mereka dan janganlah engkau bersedih hati terhadap mereka dan hendaklah engkau rendahkan dirimu kepada orang-orang yang beriman(88). Dan katakanlah: Sesungguhnya Aku adalah penyampai amaran yang amat jelas."(89)

لَا تَمُدَّنَّ عَيۡنَيۡكَ إِلَىٰ مَا مَتَّعۡنَا بِهِۦٓ أَزۡوَٰجٗا مِّنۡهُمۡ

"Janganlah engkau memanjangkan kedua matamu kepada kesenangan hidup yang Kami berikan kepada beberapa golongan lelaki dan perempuan di antara mereka."(88)

---

[2] *Setengah tafsir yang ma'thur berkata yang dimaksudkan dengan' tujuh' itu ialah tujuh surah-surah yang panjang, iaitu al-Baqarah, Aali-'Imran, an-Nisa', al-Ma'idah, al-An'am, al-A'raf, al-Anfal dan at-Taubat dengan sifat kedua-duanya sebagai satu surah.*

Jangan Terpikat Kepada Kemakmuran Hidup Kaum Kafirin

Mata sudah tentu tidak dapat menghulur atau memanjang, tetapi yang dapat memanjang ialah pandangan dan penglihatannya. Maksud ungkapan ini ialah jangan memberi perhatian. Pengungkapan Al-Qur'an secara ilustrasi melukiskan gambar mata itu sendiri memanjang atau menghulur kepada ni'mat-ni'mat kesenangan itu. Ini adalah satu gambaran baru yang menarik apabila dilihat dengan daya khayal. Tujuan ungkapan ini menyarankan kepada Rasulullah s.a.w. supaya beliau jangan menghiraukan ni'mat-ni'mat kesenangan yang dikurniakan Allah kepada setengah-setengah manusia lelaki dan perempuan untuk menduga dan menguji mereka.

Janganlah beliau memandang ni'mat-ni'mat kesenangan itu dengan pandangan yang penuh minat atau pandangan berkenan atau pandangan penuh bernilai, kerana ni'mat-ni'mat kesenangan ini adalah sesuatu yang hilang dan batil, sedangkan bersama beliau ialah kebenaran yang kekal iaitu ayat-ayat yang berulang-ulang dan Al-Qur'anul-'Azim.

Saranan ini bukanlah bermaksud supaya golongan yang tidak berada itu berpada dengan keadaan mereka yang tidak berada dan membiarkan golongan yang berada sahaja meni'mati kesenangan ketika rosaknya neraca pertimbangan sosial yang menyebabkan masyarakat terbahagi kepada golongan yang tidak berada dan golongan yang berada akibat dari kezaliman dan penindasan, kerana Islam yang ditegakkan di atas kebenaran dan menegaskan lunas kebenaran itu sebagai landasan penciptaan alam al-wujud sama sekali tidak merelai kezaliman itu.

Saranan ini mempunyai tujuan khusus di dalam ayat ini, iaitu ia bertujuan membuat perbandingan di antara kebenaran yang besar dan pengurniaan yang besar yang diberikan kepada Rasulullah sa.w. dengan keni'matan hidup yang kecil yang berkilau-kilauan cahayanya sedangkan ianya amat sedikit, dan perbandingan itu pula bertujuan untuk mengarahkan Rasulullah s.a.w. supaya jangan mempedulikan kaum Musyrikin yang hidup mewah itu dan memberi perhatian kepada orang-orang yang beriman kerana merekalah pengikut-pengikut kebenaran yang dibawa beliau, iaitu kebenaran yang menjadi landasan penciptaan langit, bumi dan segala apa yang wujud di antara keduanya, sedangkan orang-orang yang hidup senang-lenang itu adalah pengikut-pengikut kebatilan yang tidak mantap dan hanya menjadi pendatang sementara sahaja di alam al-wujud:

وَلَا تَحْزَنْ عَلَيْهِمْ

"Dan janganlah engkau bersedih hati terhadap mereka"(88)

dan janganlah engkau memandang berat kepada nasib kesudahan mereka yang buruk yang engkau mengetahui bahawa itulah nasib kesudahan yang tepat dengan kehendak keadilan Allah dan tepat dengan kehendak kebenaran hari Qiamat. Biarkanlah mereka menerima nasib kesudahan mereka yang benar:

وَٱخْفِضْ جَنَاحَكَ لِلْمُؤْمِنِينَ ﴿٨٨﴾

"Dan hendaklah engkau rendahkan dirimu kepada orang-orang yang beriman."(88)

Pengungkapan sikap yang lemah lembut dan kasih mesra dengan kata-kata merendahkan diri itu merupakan satu pengungkapan ilustrasi yang menggambarkan tutur kata yang lembut, layanan dan pergaulan yang baik dan kehalusan budi bahasa dalam bentuk gambaran yang boleh dilihat mengikut cara pengungkapan seni Al-Qur'an.

وَقُلْ إِنِّىٓ أَنَا ٱلنَّذِيرُ ٱلْمُبِينُ ﴿٨٩﴾

"Dan katakanlah: Sesungguhnya Aku adalah penyampai amaran yang amat jelas."(89)

Itulah cara da'wah yang teguh. Ayat ini hanya menyebut penyampaian amaran sahaja tanpa menyebut penyampaian berita gembira kerana inilah yang lebih sesuai dengan kaum Musyrikin yang mendusta, mempersenda-sendakan Rasul dan asyik berpoya-poya dalam kemewahan yang gilang-gemilang hingga tidak tergerak hati untuk memikirkan kebenaran yang menjadi asas da'wah, asas hari Qiamat dan asas alam buana yang besar ini.

Sesuai dengan sebutan ni'mat ayat-ayat yang dibaca berulang-ulang kali dan Al-Qur'anul-'Azim yang dikurniakan kepada Rasulullah s.a.w., maka ayat yang berikut menyebut ni'mat kitab suci yang dikurniakan kepada setengah-setengah rasul sebelum beliau, yang mana pengikut-pengikut mereka kini mempertikaikan (kesahihan) Al-Qur'an dan membahagikannya kepada beberapa bahagian. Setengah bahagiannya diterima mereka dan setengahnya ditolak. Mana-mana yang sesuai dengan kitab suci mereka diterima, dan mana-mana yang lebih atau bertentangan ditolak, sedangkan Al-Qur'an adalah kitab suci terakhir yang sempurna. Ia menyempurnakan segala agama samawi sebelumnya berdasarkan hakikatnya sebagai kitab suci yang terakhir.

كَمَآ أَنزَلْنَا عَلَى ٱلْمُقْتَسِمِينَ ﴿٩٠﴾
ٱلَّذِينَ جَعَلُوا۟ ٱلْقُرْءَانَ عِضِينَ ﴿٩١﴾
فَوَرَبِّكَ لَنَسْـَٔلَنَّهُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٩٢﴾
عَمَّا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿٩٣﴾

"Sebagaimana Kami telah menurunkan (kitab-kitab suci) kepada orang-orang (Ahlil-Kitab) yang membahagi-bahagikan (Al-Qur'an) itu(90). Iaitu orang-orang yang telah menjadikan Al-Qur'an terbahagi kepada beberapa bahagian(91). Demi Tuhanmu Kami tetap akan bertanya kepada mereka sekalian(92). Tentang perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan mereka."(93)

Sebagaimana Kami telah mengurniakan kepadamu tujuh ayat al-Fatihah dan al-Qur'anul-'Azim begitulah juga Kami telah kurniakan kitab suci kepada orang-

orang (Ahlil-Kitab) yang membahagi-bahagikan Al-Qur'an itu. Engkau bukannya seorang rasul yang julung-julung kali di antara para rasul yang kami telah mengurniakan kitab suci kepada mereka, kerana asal kitab suci itu satu dan yang menurunkannya juga satu. Kamilah yang telah menurunkan semua kitab-kitab suci itu. Oleh itu tidaklah harus kepada mereka yang telah Kami kurniakan kitab suci sebelum ini mengingkarkan sebahagian kandungan kitab suci yang lain (Al-Qur'an), kerana Allah yang menurunkan kitab-kitab suci ini lebih mengetahui keperluan-keperluan manusia di setiap zaman. Orang-orang (Ahlil-Kitab) yang membeza-bezakan (kandungan) Al-Qur'an dan membahagi-bahagikannya kepada beberapa bahagian, iaitu satu bahagian diterima dan satu bahagian yang lain ditolak.... telah menyalahi tujuan diberikan kitab Al-Qur'an kepada mereka.

فَوَرَبِّكَ لَنَسْـَٔلَنَّهُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٩٢﴾

عَمَّا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿٩٣﴾

"Demi Tuhanmu Kami tetap akan bertanya kepada mereka sekalian(92). Tentang perbuatan-perbuatan yang dilakukan mereka."(93)

Akibat di sebalik pertanyaan itu adalah diketahui umum.

Apabila penjelasan ayat-ayat itu sampai ke tahap ini, maka satu perintah ditujukan kepada Rasulullah s.a.w. agar beliau terus berjuang mengisytiharkan dengan terus terang segala apa yang diperintahkan Allah supaya disampaikan kepada manusia, iaitu berjuang dengan penuh kekuatan dan keazaman dan tidak tergugat oleh tentangan mana-mana individu musyrik, kerana kaum Musyrikin akan mengetahui akibat perbuatan mereka, dan tidak pula tergugat oleh sendaan mana-mana pengejek kerana Allah telah memelihara beliau dari kejahatan para pengejek hingga ejekan mereka tidak memberi apa-apa kesan kepada perjalanan da'wah:

فَٱصْدَعْ بِمَا تُؤْمَرُ وَأَعْرِضْ عَنِ ٱلْمُشْرِكِينَ ﴿٩٤﴾

إِنَّا كَفَيْنَٰكَ ٱلْمُسْتَهْزِءِينَ ﴿٩٥﴾

ٱلَّذِينَ يَجْعَلُونَ مَعَ ٱللَّهِ إِلَٰهًا ءَاخَرَ ۚ فَسَوْفَ يَعْلَمُونَ ﴿٩٦﴾

"Oleh itu sampaikanlah segala apa yang diperintahkan kepada kamu itu dengan terus terang dan berpalinglah dari orang-orang Musyrikin(94). Sesungguhnya Kamilah yang telah memeliharamu dari orang-orang yang mempersenda-sendakanmu(95). Iaitu orang-orang yang mempertuhankan tuhan yang lain di samping Allah dan mereka kelak akan mengetahui (akibatnya)."(96)

Sebagai seorang manusia Rasulullah s.a.w. tidak dapat menahankan hatinya dari perasaan bosan dan tidak senang apabila beliau mendengar ada orang mensyirikkan Allah dan mempersenda-sendakan da'wah yang benar. Beliau amat memandang berat kepada da'wah dan kebenaran dan merasa bosan dan marah kepada kesesatan dan syirik itu. Oleh sebab itulah beliau diperintah supaya bertasbih memuji Allah dan beribadat kepada-Nya supaya beliau berlindung dengan tasbih, tahmid dan ibadat ini dari segala keburukan yang telah didengar dari kaum Musyrikin dan supaya beliau tidak jemu-jemu bertasbih memuji Allah di sepanjang hidupnya sehingga beliau didatangi ajal dan pulang kepada Tuhannya Yang Maha Mulia:

وَلَقَدْ نَعْلَمُ أَنَّكَ يَضِيقُ صَدْرُكَ بِمَا يَقُولُونَ ﴿٩٧﴾

فَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ وَكُن مِّنَ ٱلسَّٰجِدِينَ ﴿٩٨﴾

وَٱعْبُدْ رَبَّكَ حَتَّىٰ يَأْتِيَكَ ٱلْيَقِينُ ﴿٩٩﴾

"Dan sesungguhnya Kami mengetahui bahawa hatimu tidak senang dengan cemuhan-cemuhan yang dikatakan mereka(97). Oleh itu bertasbihlah memuji Tuhanmu dan jadikanlah (dirimu) bersama-sama mereka yang sujud(98). Dan beribadatlah kepada Tuhanmu sehingga engkau didatangi ajal."(99)

Demikianlah surah ini ditamatkan dengan suatu perintah supaya tidak menghiraukan orang-orang kafir dan supaya berlindung pada Allah Yang Maha Mulia. Akan datang suatu hari, di mana orang-orang kafir ini bercita-cita jika mereka telah menjadi orang-orang Islam.

JUZU' KE-14

SURAH AN-NAHL

سُورَةُ النَّحۡلِ

SURAH KE **16**

SURAH AN-NAHL

Surah Lebah

(Makkiyah)

Kecuali 3 Ayat Akhir Diturunkan di Madinah

JUMLAH AYAT **128**

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 21)

أَتَىٰٓ أَمۡرُ ٱللَّهِ فَلَا تَسۡتَعۡجِلُوهُۚ سُبۡحَٰنَهُۥ وَتَعَٰلَىٰ عَمَّا
يُشۡرِكُونَ ١
يُنَزِّلُ ٱلۡمَلَٰٓئِكَةَ بِٱلرُّوحِ مِنۡ أَمۡرِهِۦ عَلَىٰ مَن
يَشَآءُ مِنۡ عِبَادِهِۦٓ أَنۡ أَنذِرُوٓاْ أَنَّهُۥ لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنَا۠
فَٱتَّقُونِ ٢
خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضَ بِٱلۡحَقِّۚ تَعَٰلَىٰ عَمَّا
يُشۡرِكُونَ ٣
خَلَقَ ٱلۡإِنسَٰنَ مِن نُّطۡفَةٖ فَإِذَا هُوَ خَصِيمٞ مُّبِينٞ ٤
وَٱلۡأَنۡعَٰمَ خَلَقَهَاۖ لَكُمۡ فِيهَا دِفۡءٞ وَمَنَٰفِعُ
وَمِنۡهَا تَأۡكُلُونَ ٥
وَلَكُمۡ فِيهَا جَمَالٌ حِينَ تُرِيحُونَ وَحِينَ
تَسۡرَحُونَ ٦
وَتَحۡمِلُ أَثۡقَالَكُمۡ إِلَىٰ بَلَدٖ لَّمۡ تَكُونُواْ بَٰلِغِيهِ
إِلَّا بِشِقِّ ٱلۡأَنفُسِۚ إِنَّ رَبَّكُمۡ لَرَءُوفٞ رَّحِيمٞ ٧
وَٱلۡخَيۡلَ وَٱلۡبِغَالَ وَٱلۡحَمِيرَ لِتَرۡكَبُوهَا وَزِينَةٗۚ
وَيَخۡلُقُ مَا لَا تَعۡلَمُونَ ٨
وَعَلَى ٱللَّهِ قَصۡدُ ٱلسَّبِيلِ وَمِنۡهَا جَآئِرٞۚ وَلَوۡ شَآءَ
لَهَدَىٰكُمۡ أَجۡمَعِينَ ٩

هُوَ ٱلَّذِيٓ أَنزَلَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءٗۖ لَّكُم مِّنۡهُ
شَرَابٞ وَمِنۡهُ شَجَرٞ فِيهِ تُسِيمُونَ ١٠

"Perintah Allah (mengenai masa Qiamat) telah pun datang. Oleh itu janganlah kamu menggesa supaya disegerakannya. Maha Suci dan Maha Tinggilah Allah dari segala apa yang dipersekutukan mereka(1). Dia menurunkan malaikat membawa roh (wahyu) dari urusan-Nya kepada siapa yang dikehendaki-Nya di antara para hamba-Nya (dan intisarinya ialah): Sampaikanlah peringatan bahawa tiada Tuhan melainkan Aku. Oleh itu bertaqwalah kepada-Ku(2). Dia telah menciptakan langit dan bumi dengan lunas kebenaran. Maha Sucilah Allah dari segala sesuatu yang dipersekutukan mereka(3). Dia telah menciptakan manusia dari nutfah, tiba-tiba ia menjadi musuh yang nyata(4). Binatang-binatang ternakan juga telah diciptakan-Nya untuk kamu. Padanya terdapat benda-benda yang menghangatkan tubuh dan berbagai-bagai manfa'at dan darinya juga kamu mendapat makanan(5). Padanya juga kamu memperolehi pemandangan yang indah ketika kamu membawanya kembali ke kandang dan ketika kamu melepaskannya (di padang ragut)(6). Dan ia dapat membawa barang-barang kamu ke mana-mana negeri yang tidak dapat kamu sampai kepadanya melainkan dengan susah payah. Sesungguhnya Tuhan kamu Maha Penyayang dan Maha Pengasih(7). Dan Dia menciptakan kuda, baghal dan keldai supaya kamu dapat menunggangnya dan menjadikannya sebagai perhiasan, dan Dia menciptakan alat-alat (pengangkutan) yang tidak diketahui kamu(8). Dan tugas Allah ialah menerangkan jalan yang lurus dan di antara jalan-jalan itu terdapat jalan yang menyeleweng. Dan jika Allah kehendaki tentulah Dia memberi hidayat kepada seluruh kamu(9). Dialah yang menurunkan air hujan dari langit untuk kamu. Sebahagiannya menjadi minuman bagi kamu dan sebahagiannya lagi untuk menyuburkan pokok-pokok tempat kamu melepaskan ternakan"(10).

يُنۢبِتُ لَكُم بِهِ ٱلزَّرۡعَ وَٱلزَّيۡتُونَ وَٱلنَّخِيلَ
وَٱلۡأَعۡنَٰبَ وَمِن كُلِّ ٱلثَّمَرَٰتِۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ
لَأٓيَةٗ لِّقَوۡمٖ يَتَفَكَّرُونَ ١١
وَسَخَّرَ لَكُمُ ٱلَّيۡلَ وَٱلنَّهَارَ وَٱلشَّمۡسَ
وَٱلۡقَمَرَۖ وَٱلنُّجُومُ مُسَخَّرَٰتُۢ بِأَمۡرِهِۦٓۚ إِنَّ فِي
ذَٰلِكَ لَأٓيَٰتٖ لِّقَوۡمٖ يَعۡقِلُونَ ١٢
وَمَا ذَرَأَ لَكُمۡ فِي ٱلۡأَرۡضِ مُخۡتَلِفًا أَلۡوَٰنُهُۥٓۚ

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَةً لِّقَوْمٍ يَذَّكَّرُونَ ﴿١٣﴾
وَهُوَ الَّذِي سَخَّرَ الْبَحْرَ لِتَأْكُلُوا مِنْهُ لَحْمًا
طَرِيًّا وَتَسْتَخْرِجُوا مِنْهُ حِلْيَةً تَلْبَسُونَهَا وَتَرَى
الْفُلْكَ مَوَاخِرَ فِيهِ وَلِتَبْتَغُوا مِن فَضْلِهِ
وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٤﴾
وَأَلْقَىٰ فِي الْأَرْضِ رَوَاسِيَ أَن تَمِيدَ بِكُمْ وَأَنْهَارًا
وَسُبُلًا لَّعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٥﴾
وَعَلَامَاتٍ ۚ وَبِالنَّجْمِ هُمْ يَهْتَدُونَ ﴿١٦﴾
أَفَمَن يَخْلُقُ كَمَن لَّا يَخْلُقُ ۗ أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ﴿١٧﴾
وَإِن تَعُدُّوا نِعْمَةَ اللَّهِ لَا تُحْصُوهَا ۗ إِنَّ اللَّهَ لَغَفُورٌ
رَّحِيمٌ ﴿١٨﴾
وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تُسِرُّونَ وَمَا تُعْلِنُونَ ﴿١٩﴾
وَالَّذِينَ يَدْعُونَ مِن دُونِ اللَّهِ لَا يَخْلُقُونَ شَيْئًا
وَهُمْ يُخْلَقُونَ ﴿٢٠﴾
أَمْوَاتٌ غَيْرُ أَحْيَاءٍ ۖ وَمَا يَشْعُرُونَ أَيَّانَ يُبْعَثُونَ ﴿٢١﴾

"Dia menumbuhkan untuk kamu dengan air hujan itu tanaman-tanaman, pokok-pokok zaitun, pokok-pokok tamar, pokok-pokok anggur dan segala macam buah-buahan. Sesungguhnya ciptaan-ciptaan itu menjadi bukti (kekuasaan Allah) bagi golongan orang-orang yang berfikir(11). Dan untuk kamu juga Allah tundukkan malam dan siang, matahari dan bulan, dan seluruh bintang adalah ditundukkan dengan perintah-Nya. Sesungguhnya ciptaan-ciptaan itu menjadi bukti-bukti (kekuasaan Allah) bagi golongan orang-orang yang berakal(12). Dan (Dia tundukkan pula) segala logam yang beraneka jenis yang telah dijadikan-Nya untuk kamu di bumi ini. Sesungguhnya ciptaan-ciptaan itu menjadi bukti (kekuasaan Allah) bagi golongan orang-orang yang mengambil pengajaran(13). Dan Allahlah yang telah menundukkan lautan supaya kamu dapat memakan daging-daging yang segar dan mengeluarkan darinya perhiasan-perhiasan yang dipakai kamu, dan kamu melihat di dalamnya kapal-kapal yang belayar dan supaya kamu mencari sebahagian dari limpah kurnia-Nya dan supaya kamu bersyukur(14). Dan Dialah yang menegakkan gunung-ganang di bumi supaya ia tidak menggoyang-goyangkan kamu, juga mengadakan sungai-sungai dan jalan-jalan supaya kamu mendapat pedoman yang betul(15). Dan (Dia mengadakan) berbagai-bagai tanda-tanda jalan, dan dengan perantaraan bintang-bintang juga mereka mendapat pedoman yang betul(16). Apakah sama yang berkuasa mencipta dengan yang tidak berkuasa mencipta. Mengapakah kamu tidak mengambil pengajaran?(17). Dan jika kamu menghitungkan ni'mat-ni'mat Allah tentulah kamu tidak dapat mengirakannya satu persatu. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih(18). Dan Allah Mengetahui segala apa yang disembunyikan kamu dan segala apa yang dilahirkan kamu(19). Dan sembahan-sembahan yang mereka sembah selain dari Allah itu tidak pernah menciptakan sesuatu apa pun, sedangkan mereka sendiri diciptakan Allah(20). Mereka adalah (sembahan-sembahan) yang mati bukannya hidup, dan mereka tidak mengetahui bilakah mereka akan dibangkitkan"(21).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah ini membawa nada-nada yang tenang dan biasa, tetapi padat dan penuh. Pokok-pokok pembicaraannya banyak. Bidang-bidang tayangan-nya amat luas. Tali-tali nada yang dipalukannya beraneka bunyi dan menarik. Bayangan-bayangan yang mewarnakannya mempunyai garisan-garisan yang amat mendalam.

Ia adalah sama dengan Surah Makkiyah yang lain, iaitu memperkatakan persoalan-persoalan 'aqidah yang agung: Uluhiyah, wahyu dan kebangkitan selepas mati. Tetapi surah ini memperkatakan juga persoalan-persoalan sampingan yang lain yang ada kaitan dengan pokok pembicaraannya. Misalnya ia memperkatakan tentang hakikat 'aqidah tauhid yang agung yang menghubungkan di antara agama Ibrahim a.s. dengan agama Muhammad s.a.w., juga memperkatakan tentang hakikat iradat Allah dan hakikat iradat manusia yang berkaitan dengan keimanan dan kekufuran, hidayat dan kesesatan, juga memperkatakan tentang tugas para rasul dan Sunnatullah terhadap orang-orang yang mendustakan mereka, juga memperkatakan tentang perkara-perkara yang halal dan yang haram dan kepercayaan-kepercayaan paganisme yang karut di sekitar persoalan ini, dan seterusnya memperkatakan tentang Hijrah fi Sabilillah, tentang ujian-ujian yang diterima oleh orang-orang yang beriman di dalam agama mereka dan tentang kekufuran selepas beriman dan balasan-balasan-Nya di sisi Allah. Kemudian di samping membicarakan maudhu'-maudhu' 'aqidah itu ditokokkan pula dengan maudhu'-maudhu' mu'amalat, iaitu maudhu'-maudhu' keadilan, infaq pada jalan Allah, menyempurnakan perjanjian dan sebagainya dari maudhu'-maudhu' yang berkaitan dengan tingkahlaku yang ditegakkan di atas 'aqidah. Demikianlah surah ini penuh tepu dari segi persoalan-persoalan yang dibicarakannya.

Makhluk-makhluk yang dijadikan frem atau bingkai, di mana dibicarakan persoalan-persoalan itu dan di mana berlakunya peristiwa-peristiwa itu adalah amat luas, iaitu langit, bumi, hujan yang lebat, pokok yang subur, malam dan siang, matahari, bulan, bintang-bintang, lautan-lautan, gunung-ganang, tanda-tanda jalan, liku-liku jalan dan sungai-sungai. Pendeknya ia meliputi alam dunia dengan segala peristiwa dan

kesudahan-kesudahannya, meliputi alam Akhirat dengan segala kedudukan dan pemandangannya dan seterusnya meliputi segala kejadian yang ghaib dengan segala keragamannya, pendalaman-pendalamannya di dalam diri manusia dan di merata pelosok alam.

Dalam bidang-bidang dan lapangan-lapangan yang amat luas ini, penerangan ayat-ayat surah ini kelihatan seolah-olah satu gerakan kempen yang besar untuk menarik, mempengaruhi dan merangsangkan akal dan hati nurani manusia, satu gerakan kempen yang bernada tenang tetapi menggunakan tali-tali nada yang beraneka bunyi. Suaranya tidak sekeras bunyi lagu-lagu dan guruh. Dengan nadanya yang tenang itulah dia berbicara dengan setiap perasaan, pancaindera dan anggota manusia. Ia berbicara dengan akal sedar dan perasaan mereka yang sensitif. Ia berbicara dengan mata supaya melihat, berbicara dengan telinga supaya mendengar, berbicara dengan deria sentuh supaya merasa, berbicara dengan hati kecil supaya insaf dan berbicara dengan akal supaya berfikir. Ia mengemblengkan seluruh alam buana, langit dan buminya, matahari dan bulannya, siang dan malamnya, gunung-ganangnya, lautan-lautannya, sungai-sungainya, bayang-bayangnya, tumbuh-tumbuhan dan buah-buahannya, haiwan dan unggasnya di samping mengemblengkan alam dunia dan alam Akhirat dan rahsia-rahsianya yang ghaib. Semuanya dijadikan alat-alat untuk memalukan tali-tali rasa pancaindera, anggota, akal dan hati dengan berbagai-bagai irama yang memikat. Hanya akal yang tertutup, hati yang mati dan perasaan yang kebas sahaja yang tidak terpikat dan terpengaruh dengan irama-irama itu.

Nada-nada penerangan itu adalah merangkumi arahan supaya meneliti bukti-bukti kekuasaan Allah di alam buana dan ni'mat-ni'mat-Nya yang dikurniakan kepada manusia, di samping merangkumi pemandangan-pemandangan Qiamat, pemandangan-pemandangan di dalam nazak maut, kebinasaan-kebinasaan umat-umat yang terdahulu disertakan dengan sentuhan-sentuhan perasaan yang meresap ke dalam rahsia-rahsia jiwa, ke dalam keadaan-keadaan kejadian manusia semasa mereka berupa bayi-bayi di dalam perut, semasa mereka muda, tua dan tua bangka, semasa mereka berada dalam keadaan lemah dan kuat dan semasa mereka berada dalam suasana-suasana senang dan susah. Begitu juga surah ini telah menggunakan perbandingan-perbandingan, pemandangan-pemandangan, dialog-dialog dan kisah-kisah ringan sebagai alat penayangan dan penerangan.

Yang menjadi bayangan yang mendalam yang mewarnakan seluruh suasana surah ini pula ialah ayat-ayat mengenai alam buana yang memperlihatkan keagungan penciptaan, kebesaran ni'mat dan keagungan ilmu dan tadbir Ilahi semuanya berkaitan satu sama lain. Semua makhluk yang agung yang ditadbirkan dengan ilmu dan perencanaan yang halus ini adalah bertujuan supaya menjadi ni'mat kepada manusia, bukan sahaja untuk memenuhi keperluan-keperluan mereka, malah juga untuk memenuhi keinginan-keinginan mereka. Ia dapat memenuhi keperluan dan dapat dijadikan hiasan yang menyenangkan tubuh badan mereka dan merehatkan jiwa mereka supaya mereka bersyukur.

Justeru itulah di dalam surah ini dapat dilihat dengan jelas bayang-bayang ni'mat dan bayang-bayang kesyukuran, arahan-arahan supaya mengingati ni'mat dan bersyukur dan ulasan-ulasan dengan menyebut ni'mat dan kesyukurun di berbagai-bagai bahagian surah, di samping diberikan perbandingan-perbandingan dan contoh-contoh ni'mat dan kesyukuran itu. Dan di antara contoh-contoh yang paling jelas ialah contoh Nabi Ibrahim a.s.:

شَاكِرًا لِّأَنْعُمِهِ ۚ اجْتَبَاهُ وَهَدَاهُ إِلَىٰ صِرَاطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿١٢١﴾

"Dia bersyukur kepada ni'mat-ni'mat-Nya, dan Allah telah memilihnya dan memberi hidayat kepadanya ke jalan yang lurus."(121).

Semuanya diterangkan dengan teratur dan selaras dan keselarasan ini dapat diperhatikan dengan jelas di antara gambaran-gambaran dengan bayangan-bayangan, rangkaian-rangkaian kata, nada-nada, persoalan-persoalan dan pokok-pokok pembicaraan yang kita harap dapat kita membicarakan beberapa contoh darinya dalam masa kita mentafsirkan ayat-ayat itu kelak.

Marilah kita mulakan dengan pusingan pertama. Maudhu' pusingan ini ialah tauhid. Alat-alat penerangannya ialah bukti-bukti kekuasaan Allah yang terdapat pada makhluk-Nya, pada ni'mat-ni'mat-Nya yang melimpah-ruah dan pada ilmu-Nya yang sempurna, yang mengetahui segala yang tersembunyi dan segala yang terang, juga alam dunia dan alam Akhirat. Sekarang marilah kita huraikan dengan terperinci:

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 2)

أَتَىٰ أَمْرُ اللَّهِ فَلَا تَسْتَعْجِلُوهُ ۚ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿١﴾

يُنَزِّلُ الْمَلَائِكَةَ بِالرُّوحِ مِنْ أَمْرِهِ عَلَىٰ مَن يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ أَنْ أَنذِرُوا أَنَّهُ لَا إِلَٰهَ إِلَّا أَنَا فَاتَّقُونِ ﴿٢﴾

"Perintah Allah (mengenai masa Qiamat) telah pun datang. Oleh itu janganlah kamu menggesa supaya disegerakannya. Maha Suci dan Maha Tinggilah Allah dari segala apa yang dipersekutukan mereka(1). Dia menurunkan malaikat

membawa roh (wahyu) dari urusan-Nya kepada siapa yang dikehendaki-Nya di antara para hamba-Nya (dan intisarinya ialah): Sampaikanlah peringatan bahawa tiada Tuhan melainkan Aku. Oleh itu bertaqwalah kepada-Ku."(2)

Kaum Musyrikin telah menggesa Rasulullah s.a.w. supaya menimpakan 'azab dunia atau 'azab Akhirat dengan segera ke atas mereka, semakin lama masa berjalan, sedangkan 'azab yang diancamkan itu belum juga menimpa mereka, semakin kuat mereka menggesa supaya dipercepatkan 'azab itu, semakin menjadi-jadi mereka mengejek dan menyenda dan semakin berleluasa mereka bertindak. Mereka menyangka Nabi Muhammad s.a.w. menakut-nakutkan mereka dengan 'azab-'azab yang tidak wujud dan tidak mempunyai hakikat dengan tujuan supaya mereka beriman dan menyerah kepada beliau. Mereka sama sekali tidak memahami hikmat dan rahmat Allah yang telah memberi tangguhan itu kepada mereka. Mereka tidak cuba memikirkan bukti-bukti kekuasaan yang terdapat di alam buana dan ayat-ayat pengajarannya yang terdapat di dalam Al-Qur'an. Semua bukti-bukti dan ayat-ayat Al-Qur'an yang dapat berbicara dengan akal dan hati mereka ini adalah lebih baik dari ancaman-ancaman dengan 'azab. Ia lebih layak dengan manusia yang telah dimuliakan Allah dengan ni'mat akal dan perasaan, ni'mat kebebasan kemahuan dan berfikir.

Bunyi permulaan surah ini amat tegas sekali:

أَتَىٰٓ أَمۡرُ ٱللَّهِ

"Perintah Allah (mengenai masa Qiamat) telah pun datang."(1)

Ungkapan ini menyarankan bahawa perintah Allah telah dikeluarkan dan iradat Allah telah menetapkan. Ini sudah cukup meyakinkan bahawa perintah itu akan tetap terlaksana tepat pada masa yang telah ditetapkan Allah:

فَلَا تَسۡتَعۡجِلُوهُۚ

"Oleh itu janganlah kamu menggesa supaya disegerakannya"(1)

Masa Hari Qiamat Telah Ditetapkan Allah

kerana undang-undang Allah bertindak mengikut kehendak Allah. Ia tidak dapat didahulukan oleh gesaan supaya disegerakan dan tidak dapat ditangguhkan oleh permohonan yang mengharapkan supaya ia ditangguhkan. Perintah Allah mengenai 'azab dan Qiamat itu telah pun berlalu dan selesai. Ia akan berlaku tepat pada waktunya yang telah ditetapkan Allah, ia tidak akan didahulu dan ditangguhkan walaupun sesa'at.

Ungkapan yang tegas itu memberi kesan di dalam jiwa seseorang walaupun bagaimana keras dan sombong. Di samping itu ia juga sesuai dengan realiti, kerana perintah Allah tetap terlaksana. Keputusan dari Allah itu sahaja telah dikira sebagai telah diluluskan dan tetap akan terlaksana. Oleh itu ungkapan ini tidak mengandungi penerangan yang keterlaluan atau menyimpang dari hakikat yang sebenar. Dan dalam waktu yang sama ia mencapai tujuannya, iaitu ia dapat memberi kesan yang mendalam di dalam hati manusia.

Adapun segala kepercayaan syirik mereka terhadap Allah dan kefahaman-kefahaman mereka yang karut yang diambil dari kepercayaan syirik itu, maka Allah adalah Maha Suci dan Maha Tinggi darinya:

سُبۡحَٰنَهُۥ وَتَعَٰلَىٰ عَمَّا يُشۡرِكُونَ ﴿١﴾

"Maha Suci dan Maha Tinggilah Allah dari segala apa yang disekutukan mereka"(1)

yakni dari segala rupa dan bentuk syirik yang timbul dari akibat kerendahan cara berfikir.

Perintah Allah Yang Maha Suci dan Maha Tinggi dari segala apa yang dipersekutukan manusia itu telah pun datang. Allah yang tidak membiarkan manusia hanyut di dalam kesesatan, malah telah menurunkan dari langit roh (wahyu) yang dapat menghidup dan menyelamatkan mereka dari kesesatan:

يُنَزِّلُ ٱلۡمَلَٰٓئِكَةَ بِٱلرُّوحِ مِنۡ أَمۡرِهِۦ عَلَىٰ مَن يَشَآءُ مِنۡ عِبَادِهِۦٓ

"Dia menurunkan maut membawa roh (wahyu) dari urusan-Nya kepada siapa yang dikehendaki-Nya di antara para hamba-Nya."(2)

Wahyu Allah Merupakan Roh Penggerak Manusia Dan Masyarakat

Inilah ni'mat utama dan ni'mat agung-Nya. Allah bukan sahaja menurunkan dari langit air hujan yang menghidupkan bumi dan jisim, malah Dia menurunkan malaikat membawa roh (wahyu) dari urusan-Nya. Pengungkapan dengan kata-kata roh itu mengandungi bayangan dan tujuannya, kerana wahyu itu adalah hayat dan pencetus hayat, iaitu hayat di dalam jiwa, di dalam hati nurani, di dalam akal dan di dalam perasaan, juga ia mencetuskan hayat di dalam masyarakat manusia dan memeliharanya dari kerosakan, kehancuran dan keruntuhan. Ia merupakan ni'mat utama yang diturunkan Allah dari langit kepada manusia dan ni'mat pertama yang dikurniakan-Nya kepada hamba-hamba-Nya para rasul. Ia dibawa turun oleh malaikat selaku makhluk-Nya yang paling suci kepada hamba-hamba pilihan-Nya iaitu para rasul. Dan intisarinya ialah:

أَنۡ أَنذِرُوٓاْ أَنَّهُۥ لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنَا۠ فَٱتَّقُونِ ﴿٢﴾

"Sampaikanlah peringatan bahawa tiada Tuhan melainkan Aku. Oleh itu bertaqwalah kepada Aku."(2)

Wahdaniyah Uluhiyah itulah yang menjadi roh 'aqidah dan hayat kepada jiwa. Itulah persimpangan jalan yang memisahkan di antara arah aliran yang

membawa hayat dan arah aliran yang membawa kebinasaan. Jiwa yang tidak mentauhidkan Allah adalah jiwa yang terumbang-ambing dan rosak binasa. Ia ditarik oleh berbagai-bagai jalan yang sesat, dilambung-lambung anggapan-anggapan yang karut, dicaing-caingkan kefahaman-kefahaman yang bertentangan dan diserang berbagai-bagai keraguan dan was-was. Ia tidak dapat bertindak dan bergerak dengan padu menuju kepada sesuatu matlamat yang tertentu.

Pengungkapan dengan kata-kata roh itu merangkumi segala pengertian tersebut. Ia menyebut roh di bahagian permulaan surah yang mengandungi berbagai-bagai ni'mat. Ia memulakan dengan ni'mat roh (wahyu) mendahului segala ni'mat yang lain, kerana ni'mat roh (wahyu) itu adalah satu ni'mat yang agung dan tanpa ni'mat ini segala ni'mat yang lain tidak mempunyai nilai. Jiwa manusia tidak dapat mengambil manfa'at dari seluruh ni'mat bumi jika ia tidak dikurniakan ni'mat wahyu atau 'aqidah yang menghidupkannya.

Ayat ini hanya menyebut tugas penyampaian peringatan (inzar) sahaja sebagai intisari wahyu dan risalah, kerana kebanyakan huraian surah ini berkisar di sekitar cerita para pendusta yang mempersekutui Allah, mengingkari ni'mat-ni'mat-Nya, mengharamkan apa yang dihalalkan-Nya dan melanggar janji-Nya, juga berkisar di sekitar orang-orang yang murtad dari keimanan. Justeru itulah tugas penyampaian peringatan itu lebih sesuai ditonjolkan di sini, dan langkah berda'wah kepada taqwa dan takut kepada Allah lebih baik di tempat ini.

* * * * * *

Kemudian Al-Qur'an mulai menghuraikan ayat-ayat penciptaan yang membuktikan Wahdaniyah Allah selaku Pencipta dan ayat-ayat ni'mat yang menunjukkan sifat Wahdaniyah Allah selaku Pengurnia ni'mat. Ayat-ayat itu dibentangkan sekelompok demi sekelompok dimulai dengan ayat penciptaan langit, bumi dan manusia.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 3 - 16)

خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ بِٱلْحَقِّ تَعَٰلَىٰ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٣﴾

خَلَقَ ٱلْإِنسَٰنَ مِن نُّطْفَةٍ فَإِذَا هُوَ خَصِيمٌ مُّبِينٌ ﴿٤﴾

"Dia telah menciptakan langit dan bumi dengan tunas kebenaran. Maha Sucilah Allah dari segala sesuatu yang dipersekutukan mereka(3). Dia telah menciptakan manusia dari nutfah, tiba-tiba ia menjadi musuh yang nyata."(4)

خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ بِٱلْحَقِّ

"Dia telah menciptakan langit dan bumi dengan tunas kebenaran."(3)

Lunas benar itulah yang menjadi asas penciptaan dan pentadbiran keduanya. Ia merupakan unsur yang teguh dalam pengendalian keduanya, juga dalam pengendalian sekalian penghuni dan segala isi keduanya. Tiada sesuatu pun yang dijadikan secara main-mainan dan serampangan, malah segala sesuatu ditegakkan di atas lunas kebenaran, mendokong lunas kebenaran, membawa kepada lunas kebenaran dan berakhir kepada lunas kebenaran.

تَعَٰلَىٰ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٣﴾

"Maha Sucilah Allah dari segala sesuatu yang dipersekutukan mereka."(3)

Maha Sucilah Allah dari kepercayaan syirik mereka dan dari segala sesuatu yang dipersekutukan mereka dari makhluk-makhluk Allah. Dialah yang telah menciptakan langit dan bumi, menciptakan sekalian penghuni dan segala isi keduanya. Tiada siapa dan tiada sesuatu pun yang menjadi sekutu-Nya. Dia Pencipta Yang Maha Esa tanpa sebarang kongsi.

Perubahan Mendadak Dari Nutfah Yang Lemah Kepada Manusia Yang Berani Melawan

خَلَقَ ٱلْإِنسَٰنَ مِن نُّطْفَةٍ فَإِذَا هُوَ خَصِيمٌ مُّبِينٌ ﴿٤﴾

"Dia telah menciptakan manusia dari nutfah, tiba-tiba ia menjadi musuh yang nyata."(4)

Alangkah besarnya perpindahan dan perubahan yang berlaku kepada manusia di antara keadaannya pada permulaan jadinya dengan keadaan perkembangannya pada akhir perubahan di antara nutfah yang bersahaja dengan manusia yang pandai melawan dan berani menentang Tuhannya, berani mengingkarkan-Nya, mempertikaikan kewujudan-Nya atau mempersoalkan Wahdaniyah-Nya, sedangkan di antara masa permulaan jadinya dari nutfah dengan akhir perkembangannya menjadi seorang manusia yang berani menentang Tuhannya, tidak dipisahkan oleh suatu apa dan tidak pula oleh suatu tempoh. Demikianlah ia digambarkan oleh ayat ini. Al-Qur'an memendekkan masa di antara permulaan jadinya dengan akhir perkembangannya supaya perbezaan itu nampak begitu jelas dan perpindahan atau nampak begitu jauh. Ia membuat seseorang itu berdiri menghadapi dua pemandangan dan dua zaman yang bertentangan; iaitu pemandangan nutfah yang hina dan bersahaja dan pemandangan seorang manusia yang bermusuh ketat dengan Tuhannya. Pemendekan masa itu memang direncanakan dalam penggambaran ini.

Di tengah-tengah ruang yang amat luas ini, iaitu ruang alam buana: Langit dan bumi, di mana berdirinya manusia, Al-Qur'an mulai menayangkan makhluk-makhluk Allah yang telah diciptakan-Nya untuk kegunaan manusia. Mula-mula ia menyebut binatang ternakan:

وَٱلْأَنْعَٰمَ خَلَقَهَا لَكُمْ فِيهَا دِفْءٌ وَمَنَٰفِعُ

وَمِنْهَا تَأْكُلُونَ ﴿٥﴾
وَلَكُمْ فِيهَا جَمَالٌ حِينَ تُرِيحُونَ وَحِينَ
تَسْرَحُونَ ﴿٦﴾
وَتَحْمِلُ أَثْقَالَكُمْ إِلَىٰ بَلَدٍ لَّمْ تَكُونُوا بَالِغِيهِ
إِلَّا بِشِقِّ الْأَنفُسِ ۚ إِنَّ رَبَّكُمْ لَرَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿٧﴾
وَالْخَيْلَ وَالْبِغَالَ وَالْحَمِيرَ لِتَرْكَبُوهَا وَزِينَةً ۚ
وَيَخْلُقُ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٨﴾

"Binatang-binatang ternakan juga telah diciptakan-Nya untuk kamu. Padanya terdapat benda-benda yang menghangatkan tubuh dan berbagai-bagai manfa'at dan darinya juga kamu mendapat makanan(5). Padanya juga kamu memperolehi pemandangan yang indah ketika kamu membawanya kembali ke kandang dan ketika kamu melepaskannya (di padang ragut)(6). Dan ia dapat membawa barang-barang kamu ke mana-mana negeri yang tidak dapat kamu sampai kepadanya melainkan dengan susah payah. Sesungguhnya Tuhan kamu Maha Penyayang dan Maha Pengasih(7). Dan Dia menciptakan kuda, baghal dan keldai supaya kamu dapat menunggangnya dan menjadikannya sebagai perhiasan, dan Dia menciptakan alat-alat (pengangkutan) yang tidak diketahui kamu."(8)

Ni'mat Binatang Ternakan

Di dalam sebuah masyarakat seperti masyarakat Makkah, di mana Al-Qur'an diturunkan bagi pertama kalinya dan di dalam lain-lain masyarakat yang sama sepertinya, di dalam setiap masyarakat pertanian, yang paling banyak terdapat di dunia sehingga hari ini, maka ni'mat binatang ternakan merupakan ni'mat yang amat penting, di sana umat manusia tidak dapat hidup tanpa binatang ternakan. Jenis-jenis binatang ternakan yang terkenal di Semenanjung Tanah Arab ialah unta, lembu, biri-biri dan kambing. Kuda, baghal dan keldai untuk tunggangan dan perhiasan dan bukan untuk dimakan[1]. Ketika memperkatakan ni'mat ternakan di sini Al-Qur'an menyebut kegunaan-kegunaan yang dapat memenuhi keperluan-keperluan manusia, juga memenuhi keinginan-keinginan mereka. Kulit-kulit dan bulu-bulu yang terdapat pada binatang-binatang ternakan dapat memanaskan badan mereka di samping memberi kegunaan-kegunaan yang lain. Di antaranya ialah memakan daging, susu dan minyak sapi, mengangkut barang-barang ke tempat-tempat yang jauh yang tidak dapat sampai melainkan dengan susuh payah. Ia juga memberi pemandangan yang indah ketika ia dibawa pulang di waktu petang dan ketika ia dilepaskan di padang ragut di waktu pagi, iaitu keindahan meni'mati pemandangan binatang ternakan yang kelihatan cergas, cantik, segar dan gemuk. Penduduk-penduduk kampung desa dapat menangkap pengertian ini dengan sepenuh hati dan perasaan mereka, lebih dari pengertian yang dapat ditangkapkan penduduk-penduduk bandar. Kuda, baghal dan keldai bukan sahaja dapat memenuhi keperluan-keperluan untuk kenderaan manusia, malah dapat memenuhi tuntutan deria keindahan yang inginkan perhiasan:

لِتَرْكَبُوهَا وَزِينَةً ۚ

"Supaya kamu dapat menunggangnya dan menjadikannya sebagai perhiasan."(8)

Keterangan ini mempunyai nilainya dalam menjelaskan pandangan Al-Qur'an dan Islam terhadap hayat, iaitu keindahan merupakan unsur yang kuat dalam pandangan Al-Qur'an. Ni'mat bukannya semata-mata untuk memenuhi keperluan seperti makanan, minuman dan kenderaan, malah untuk memenuhi keinginan-keinginan yang lebih dari keperluan-keperluan, iaitu memenuhi keinginan deria keindahan, rasa kesukaan dan perasaan insan yang lebih tinggi dari keinginan dan keperluan haiwan.

إِنَّ رَبَّكُمْ لَرَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿٧﴾

"Sesungguhnya Tuhan kamu Maha Penyayang dan Maha Pengasih."(7)

Pernyataan ini merupakan ulasan kepada pernyataan tentang kegunaan binatang ternakan yang dapat membawa barang-barang ke tempat-tempat yang tidak boleh sampai melainkan dengan susah payah dengan tujuan untuk menunjukkan bahawa penciptaan binatang ternakan itu menjadi ni'mat yang mengandungi banyak rahmat.

وَيَخْلُقُ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٨﴾

"Dan Dia juga menciptakan alat-alat (pengangkutan) yang tidak diketahui kamu."(8)

Al-Qur'an Membuka Bidang Pengangkutan Dengan Seluas-luasnya

Pernyataan ini merupakan pernyataan iringan kepada kenyataan yang menjelaskan bahawa tujuan penciptaan binatang-binatang ternakan itu ialah untuk dijadikan makanan, alat pengangkutan dan meni'mati pemandangan-pemandangan yang indah dan tujuan penciptaan kuda, baghal dan keldai untuk dijadikan alat-alat pengangkutan kenderaan dan perhiasan supaya lapangan ini terbuka lebar di dalam fikiran manusia untuk menerima alat-alat baru dari alat-alat pengangkutan, kenderaan dan perhiasan. Dengan demikian mereka tidak menutup fikiran

---

[1] *Perselisihan fiqhiyah telah berbangkit mengenai kuda. Abu Hanifah mengharamkan makan dagingnya kerana berpegang dengan ayat ini yang menentukan kuda itu untuk tunggangan dan perhiasan, juga berpegang dengan beberapa hadith, sedangkan jumhur ulama' menghalalkannya kerana berpegang dengan hadith-hadith yang sahih dan sunnah amali.*

mereka di luar perbatasan alam sekitar mereka dan di luar perbatasan zaman yang menaungi mereka, kerana di sebalik alat-alat yang ada di setiap tempat dan zaman itu terdapat berbagai-bagai bentuk alat yang lain, dan Allah mahu mereka berangan-angan mendapatkan alat-alat itu supaya fikiran dan pemahaman mereka bertambah luas, Allah juga mahu mereka bermesra dengan alat-alat yang baru itu apabila ia didapati dan ditemui mereka supaya mereka jangan menentang penggunaannya atau mengambil sikap jumud tidak mahu mengguna dan mengambil manfa'at darinya dengan alasan kerana datuk nenek kami hanya menggunakan binatang-binatang ternakan, kuda, baghal dan keldai, kerana itu kami tidak mahu mengguna alat-alat kenderaan dan pengangkutan yang lain darinya dan Al-Qur'an juga hanya menentukan alat-alat kenderaan dan pengangkutan dari jenis ini sahaja, oleh itu kami tidak mahu menggunakan alat-alat yang lain darinya.

Islam adalah satu 'aqidah yang terbuka dan lunak. Ia dapat menerima segala tenaga dan alat-alat yang meninggikan kehidupan. Oleh sebab itulah Al-Qur'an menyediakan fikiran dan hati (manusia) untuk membolehkan mereka menerima segala apa yang dapat dilahirkan oleh qudrat kepandaian, ilmu pengetahuan dan kemajuan masa depan manusia agar mereka sanggup menerimanya dengan semangat keagamaan yang sentiasa terbuka dan bersedia untuk menyambut segala sesuatu yang baru dari alat-alat yang menakjubkan yang dilahirkan oleh reka cipta, ilmu pengetahuan dan kehidupan manusia.

Berbagai-bagai alat pengangkutan, kenderaan dan perhiasan yang baru telah muncul, sedangkan alat-alat ini tidak pernah diketahui oleh manusia di zaman dahulu dan akan terus muncul lagi alat-alat baru yang lain yang tidak diketahui oleh manusia di zaman sekarang. Al-Qur'an telah pun menyediakan hati dan Fikiran (manusia) untuk membolehkan mereka menerima alat-alat yang baru itu tanpa mengambil sikap jumud dan membatu.

وَيَخۡلُقُ مَا لَا تَعۡلَمُونَ ٨

"Dan Dia Menciptakan alat-alat (pengangkutan) yang tidak diketahui kamu.(8)

Jalan Menuju Kepada Allah

Ketika memperkatakan tentang pengangkutan, kenderaan dan perjalanan untuk menuju ke destinasi-destinasi yang tertentu di bumi ini, Al-Qur'an memasukkan pula destinasi-destinasi, perjalanan dan jalan-jalan niskala, iaitu jalan menuju Allah, satu jalan yang lurus, tidak bengkok dan tidak menyeleweng dari destinasinya dan jalan-jalan lain yang sesat dan tidak menyampaikan kepada Allah. Adapun jalan yang lurus itu, maka Allah telah mewajibkan dirinya menunjuk dan menjelaskan jalan itu kepada manusia melalui bukti-bukti kekuasaan-Nya yang terdapat di alam buana dan melalui para rasul-Nya yang diutuskan kepada manusia:

وَعَلَى ٱللَّهِ قَصۡدُ ٱلسَّبِيلِ وَمِنۡهَا جَآئِرٞۚ وَلَوۡ شَآءَ لَهَدَىٰكُمۡ أَجۡمَعِينَ ٩

"Dan tugas Allah ialah menerangkan jalan yang lurus dan di antara jalan-jalan itu terdapat jalan yang menyeleweng. Dan jika Allah kehendaki tentulah Dia memberi hidayat kepada seluruh kamu."(9)

Jalan yang lurus ialah jalan yang betul, tidak berbelok-belok. Ia terus menuju ke matlamatnya tanpa menyimpang darinya, sedangkan jalan yang menyeleweng ialah jalan yang menyimpang dari matlamatnya, tidak sampai dan tidak berhenti pada matlamat.

وَلَوۡ شَآءَ لَهَدَىٰكُمۡ أَجۡمَعِينَ ٩

"Dan jika Allah kehendaki tentulah Dia memberi hidayat kepada seluruh kamu."(9)

Tetapi telah menjadi kehendak Allah bahawa Dia menciptakan manusia dengan dua kebolehan dan kesediaan, iaitu menerima hidayat dan menerima kesesatan. Allah menyerah kepada kemahuan manusia sama ada mereka mahu memilih jalan hidayat atau jalan kesesatan. Oleh kerana itu di antara mereka ada golongan yang menurut jalan yang lurus dan ada golongan yang mengikut jalan yang sesat. Kedua-duanya tidak keluar dari kehendak masyi'ah Allah yang telah memutus untuk memberi kebebasan memilih kepada manusia.

Ni'mat Air Hujan

Kelompok yang kedua dari ayat-ayat penciptaan dan ni'mat ialah:

هُوَ ٱلَّذِيٓ أَنزَلَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءٗۖ لَّكُم مِّنۡهُ شَرَابٞ وَمِنۡهُ شَجَرٞ فِيهِ تُسِيمُونَ ١٠ يُنۢبِتُ لَكُم بِهِ ٱلزَّرۡعَ وَٱلزَّيۡتُونَ وَٱلنَّخِيلَ وَٱلۡأَعۡنَٰبَ وَمِن كُلِّ ٱلثَّمَرَٰتِۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَأٓيَةٗ لِّقَوۡمٖ يَتَفَكَّرُونَ ١١

"Dialah yang menurunkan air hujan dari langit untuk kamu. Sebahagiannya menjadi minuman bagi kamu dan sebahagiannya lagi untuk menyuburkan pokok-pokok tempat kamu melepaskan ternakan(10). Dia menumbuhkan untuk kamu dengan air hujan itu tanaman-tanaman, pokok-pokok zaitun, pokok-pokok tamar, pokok-pokok anggur dan segala macam buah-buahan. Sesungguhnya ciptaan-ciptaan itu menjadi bukti (kekuasaan Allah) bagi golongan orang-orang yang berfikir."(11)

Air hujan diturunkan dari langit mengikut undang-undang yang telah diciptakan Allah di alam buana ini. Undang-undang inilah yang mengatur harakat alam dan mengeluarkan natijah-natijahnya mengikut iradat dan pentadbiran Allah. Dalam ayat ini air hujan

disebut sebagai salah satu ni'mat dari ni'mat-ni'mat Allah:

لَّكُم مِّنْهُ شَرَابٌ

"Sebahagiannya menjadi minuman bagi kamu."(10)

Di sini ditonjolkan keistimewaan air hujan sebagai minuman kemudian disebut keistimewaannya sebagai penyubur padang-padang ragut:

وَمِنْهُ شَجَرٌ فِيهِ تُسِيمُونَ ﴿١٠﴾

"Dan sebahagiannya lagi untuk menyuburkan pokok-pokok tempat kamu melepaskan ternakan"(10)

iaitu padang-padang ragut tempat kamu membela ternakan-ternakan. Ia disebut di sini kerana sesuai dengan binatang-binatang ternakan yang disebut sebelumnya, juga kerana menyelaraskan suasana umum di antara padang-padang ragut dengan binatang-binatang ternakan. Setelah itu disebut pula tanaman-tanaman yang dimakan manusia serta pokok-pokok zaitun, pokok-pokok tamar, pokok-pokok anggur dan sebagainya dari pokok-pokok yang mengeluarkan buah-buahan.

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَةً لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿١١﴾

"Sesungguhnya ciptaan-ciptaan itu menjadi bukti-bukti (kekuasaan Allah) bagi golongan orang-orang yang berfikir"(11)

yang memikirkan pentadbiran Allah yang mengendalikan alam buana dan undang-undang-Nya yang sesuai dengan kehidupan manusia. Mereka sudah tentu tidak dapat hidup di atas planet bumi ini jika undang-undang alam buana tidak sesuai dengan kehidupan dan fitrah mereka dan tidak dapat memenuhi keperluan-keperluan mereka. Bukanlah suatu perkara kebetulan manusia diciptakan di atas planet bumi ini. Begitu juga nisbah-nisbah (jauh dekat dan besar kecil) yang wujud sekarang ini di antara planet bumi dengan bintang-bintang yang lain, juga fenomena-fenomena cuaca dan falaqiyah yang ada sekarang. Perkara-perkara kebetulan dan semuanya membolehkan manusia hidup dan dapat memenuhi keperluan-keperluan mereka sebagaimana yang dapat kita lihat sekarang.

Orang-orang yang berfikir itulah sahaja yang dapat memahami kebijaksanaan tadbir Ilahi. Merekalah yang dapat menghubungkan di antara sesuatu gejala - seperti gejala hujan dan kesan-kesannya di bumi yang melahirkan hayat, pokok-pokok tanaman dan buah-buahan - dengan undang-undang tertinggi alam al-wujud. Merekalah yang dapat memahami bahawa gejala-gejala itu membuktikan kewujudan Allah yang mencipta, di samping membuktikan keesaan zat-Nya, keesaan iradat-Nya dan keesaan tadbir-Nya. Adapun orang-orang yang lalai mereka hanya melihat bukti-bukti ini pagi dan petang, di musim panas dan dingin, tetapi ia tidak membangkitkan minat mereka, tidak merangsangkan naluri ingin tahu mereka dan tidak menghgharukan hati nurani mereka untuk mencari Tuhan yang mencipta peraturan yang unik ini.

Ni'mat Malam Siang

Kelompok ayat-ayat ni'mat yang ketiga ialah:

وَسَخَّرَ لَكُمُ ٱلَّيْلَ وَٱلنَّهَارَ وَٱلشَّمْسَ وَٱلْقَمَرَ ۖ وَٱلنُّجُومُ مُسَخَّرَٰتٌۢ بِأَمْرِهِۦٓ ۗ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿١٢﴾

"Dan untuk kamu juga Allah tundukkan malam dan siang, matahari dan bulan, dan seluruh bintang adalah ditundukkan dengan perintah-Nya. Sesungguhnya ciptaan-ciptaan itu menjadi bukti-bukti (kekuasaan Allah) bagi golongan orang-orang yang berakal."(12)

Di antara manifestasi-manifestasi pentadbiran Ilahi pada makhluk-Nya dan gejala-gejala ni'mat kepada manusia serentak dalam waktu yang sama ialah kejadian malam dan siang, matahari, bulan dan bintang-bintang. Semua kejadian ini memenuhi keperluan manusia di bumi. Ia tidak diciptakan untuk manusia tetapi ditundukkan untuk memberi manfa'at-manfa'at kepada manusia. Kejadian malam dan siang mempunyai kesan yang amat besar di dalam kehidupan manusia. Cuba khayalkan siang tanpa malam atau malam tanpa siang dan di samping itu khayalkan pula apakah yang akan terjadi kepada hidup manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan di bumi ini?

Begitulah juga matahari dan bulan dan hubungan keduanya dengan makhluk-makhluk yang hidup di atas planet bumi, juga hubungan hayat dengan keduanya dari segi asalnya dan kesuburannya dengan kedua-duanya:

وَٱلنُّجُومُ مُسَخَّرَٰتٌۢ بِأَمْرِهِۦٓ ۗ

"Dan seluruh bintang adalah ditundukkan dengan perintah-Nya"(12)

untuk faedah manusia dan lainnya dari makhluk-makhluk yang diketahui Allah.

Semuanya itu merupakan sebahagian dari kebijaksanaan tadbir Ilahi dan keselarasan undang-undang di seluruh alam buana yang dapat difaham oleh orang-orang yang berakal, yang sentiasa meneliti dan memikirkan peraturan-peraturan dan undang-undang yang wujud di sebalik gejala-gejala itu:

إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿١٢﴾

"Sesungguhnya ciptaan-ciptaan itu menjadi bukti-bukti (kekuasaan Allah) bagi golongan orang-orang yang berakal."(12)

Ni'mat Logam

Kelompok ayat yang keempat mengenai ni'mat-ni'mat yang dijadikan Allah untuk manusia ialah:

وَمَا ذَرَأَ لَكُمْ فِي الْأَرْضِ مُخْتَلِفًا أَلْوَانُهُ ۗ
إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَةً لِقَوْمٍ يَذَّكَّرُونَ ﴿١٣﴾

"Dan (Dia tundukkan pula) segala logam yang beraneka jenis yang telah dijadikan-Nya untuk kamu di bumi ini. Sesungguhnya ciptaan-ciptaan itu menjadi bukti (kekuasaan Allah) bagi golongan orang-orang yang mengambil pengajaran."(13)

Yakni segala aneka logam yang telah dijadi dan disimpankan oleh Allah di bumi dan di dalam bumi untuk kegunaan manusia. Logam-logam itu menjadi asas kehidupan manusia di setengah-setengah tempat dan zaman. Lihatlah selayang pandang kepada logam-logam yang tersimpan di dalam bumi. Ia di simpan untuk mereka sehingga mereka mencapai kematangan mereka sehari demi sehari dan dapat mengeluarkan logam-logam itu tepat pada waktu yang diperlukan mereka. Sering dikatakan: Apabila satu logam kehabisan timbul pula satu logam yang lain yang kaya. Semuanya itu adalah dari rezeki Allah yang disimpan untuk manusia:

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَةً لِقَوْمٍ يَذَّكَّرُونَ ﴿١٣﴾

"Sesungguhnya ciptaan-ciptaan itu menjadi bukti (kekuasaan Allah) bagi golongan orang-orang yang mengambil pengajaran"(13)

dan mereka tidak lupa bahawa qudrat Ilahilah yang menyimpankan logam-logam itu untuk mereka.

Ni'mat Lautan Dan Isi Kandungannya

Kelompok ayat yang kelima mengenai ayat-ayat penciptaan dan pengurniaan ni'mat di dalam lautan masin yang tidak boleh diminum dan disiramkan tanaman tetapi mengandungi berbagai-bagai ni'mat Allah kepada manusia:

وَهُوَ الَّذِي سَخَّرَ الْبَحْرَ لِتَأْكُلُوا مِنْهُ لَحْمًا
طَرِيًّا وَتَسْتَخْرِجُوا مِنْهُ حِلْيَةً تَلْبَسُونَهَا وَتَرَى
الْفُلْكَ مَوَاخِرَ فِيهِ وَلِتَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ
وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٤﴾

"Dan Allahlah yang telah menundukkan lautan supaya kamu dapat memakan daging-daging yang segar dan mengeluarkan darinya perhiasan-perhiasan yang dipakai kamu, dan kamu melihat di dalamnya kapal-kapal yang belayar dan supaya kamu mencari sebahagian dari limpah kurnia-Nya dan supaya kamu bersyukur."(14)

Ni'mat lautan dan hidup-hidupannya juga dapat memenuhi keperluan dan keinginan-keinginan manusia. Di antaranya ialah bekalan daging segar dari ikan-ikan dan lain-lainnya untuk dijadikan makanan, dan di samping itu ialah bahan-bahan perhiasan dari mutiara dan marjan dan lainnya dari gewang-gewang, kerang-kerangan dan siput-siput yang menjadi bahan-bahan perhiasan berbagai-bagai kaum sehingga sekarang ini. Penjelasan mengenai kapal-kapal itu membayangkan bahawa ia bukan sahaja dapat memenuhi keperluan kenderaan dan pelayaran, malah ia juga dapat memenuhi kehendak-kehendak keinginan deria keindahan (pada manusia):

وَتَرَى الْفُلْكَ مَوَاخِرَ فِيهِ

"Dan kamu melihat di dalamnya kapal-kapal yang belayar."(14)

Ayat ini menunjukkan kepada ni'mat melihat keindahan pemandangan di lautan iaitu pemandangan kapal-kapal yang meredah air lautan dan memecahkan ombak-ombaknya. Di sini sekali lagi kita dapati diri kita berada di hadapan arahan Al-Qur'an supaya meni'mati keindahan pemandangan-pemandangan alam di samping memenuhi keperluan agar kita dapat meni'mati keindahan itu dengan sepuasnya dan tidak lagi mengurungkan diri di dalam tembok-tembok keperluan sahaja.

Ayat-ayat ini juga mengarahkan kita - di hadapan pemandangan lautan dan pemandangan kapal-kapal yang memecahkan gelombang-gelombangnya - supaya mencari limpah kurnia Allah dan bersyukur kepada-Nya atas segala kemurahan-Nya menciptakan makanan, perhiasan dan keindahan di dalam lautan yang masin itu:

وَلِتَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٤﴾

"Dan supaya kamu mencari sebahagian dari limpah kurnia-Nya dan supaya kamu bersyukur."(14)

Kelompok ayat yang akhir di dalam bahagian ini ialah:

Ni'mat Gunung-ganang Dan Jalan-jalan Dan Bintang-bintang Untuk Perhubungan

وَأَلْقَىٰ فِي الْأَرْضِ رَوَاسِيَ أَنْ تَمِيدَ بِكُمْ وَأَنْهَارًا
وَسُبُلًا لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٥﴾
وَعَلَامَاتٍ ۚ وَبِالنَّجْمِ هُمْ يَهْتَدُونَ ﴿١٦﴾

"Dan Dialah yang menegakkan gunung-ganang di bumi supaya ia tidak menggoyang-goyangkan kamu, juga mengadakan sungai-sungai dan jalan-jalan supaya kamu mendapat pedoman yang betul(15). Dan (Dia mengadakan) berbagai-bagai tanda jalan, dan dengan perantaraan bintang-bintang juga mereka mendapat pedoman yang betul."(16)

Sains moden hanya membuat pentafsiran mengenai kewujudan bukit dan gunung-ganang yang teguh itu, tetapi ia tidak menyebut fungsinya seperti yang disebut oleh Al-Qur'an. Ia mentafsirkan kewujudannya dengan berbagai-bagai teori yang bercanggah. Di antara teori yang terpenting ialah perut bumi yang bernyala itu menjadi sejuk dan kecut menyebabkan kulit bumi di atas berkerut dan berkedut melahirkan gunung-ganang, bukit-bukau, kawasan-kawasan tanah tinggi dan kawasan-kawasan

tanah rendah. Tetapi Al-Qur'an hanya menyebut bahawa gunung-ganang itu berfungsi sebagai penimbal yang mengawal imbangan bumi, sedangkan fungsi ini tidak pernah disebut oleh sains moden.

Sehubungan dengan gunung-ganang itu, Al-Qur'an menarik pandangan manusia kepada sungai-sungai yang mengalir dan jalan-jalan yang dilalui. Sungai-sungai itu mempunyai hubungan yang tabii dengan gunung-ganang, kerana di gunung-ganang, biasanya wujud sumber-sumber air sungai, di mana gugurnya air hujan. Jalan-jalan juga mempunyai hubungan dengan gunung-ganang dan ia juga mempunyai hubungan dengan suasana binatang-binatang ternakan, pengangkutan dan perjalanan berpindah-randah. Di samping itu disebut pula tanda-tanda jalan yang menjadi pedoman kepada para perantau di bumi, iaitu bukit-bukau, gunung-ganang, tanah-tanah tinggi dan kawasan-kawasan terbuka. Di langit pula terdapat bintang yang menjadi pedoman kepada para musafir sama ada di daratan atau di lautan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 17 - 21)

Setelah selesai membentangkan ayat-ayat penciptaan, ayat-ayat ni'mat dan pentadbiran di dalam bahagian ini, Al-Qur'an iringi pula dengan pernyataan yang menjelaskan tujuan mengapa ayat-ayat itu dibentangkan. Ia telah membuat pernyataan itu ketika memperkatakan persoalan tauhid dan membersihkan Allah S.W.T. dari segala sesuatu yang dipersekutukan kaum Musyrikin:

أَفَمَن يَخْلُقُ كَمَن لَّا يَخْلُقُ ۗ أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ﴿١٧﴾
وَإِن تَعُدُّوا نِعْمَةَ اللَّهِ لَا تُحْصُوهَا ۗ إِنَّ اللَّهَ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٨﴾
وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تُسِرُّونَ وَمَا تُعْلِنُونَ ﴿١٩﴾
وَالَّذِينَ يَدْعُونَ مِن دُونِ اللَّهِ لَا يَخْلُقُونَ شَيْئًا وَهُمْ يُخْلَقُونَ ﴿٢٠﴾
أَمْوَاتٌ غَيْرُ أَحْيَاءٍ ۖ وَمَا يَشْعُرُونَ أَيَّانَ يُبْعَثُونَ ﴿٢١﴾

"Apakah sama yang berkuasa mencipta dengan yang tidak berkuasa mencipta. Mengapakah kamu tidak mengambil pengajaran?(17). Dan jika kamu menghitungkan ni'mat-ni'mat Allah tentulah kamu tidak dapat mengirakannya satu persatu. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih(18). Dan Allah Mengetahui segala apa yang disembunyikan kamu dan segala apa yang dilahirkan kamu(19). Dan sembahan-sembahan yang mereka sembah sekalian dari Allah itu tidak pernah menciptakan sesuatu apa pun, sedangkan mereka sendiri diciptakan Allah(20). Mereka adalah (sembahan-sembahan) yang mati bukannya hidup dan mereka tidak mengetahui bilakah mereka akan dibangkitkan."(21)

Pernyataan (dalam bentuk pernyataan ini) telah dikemukakan tepat dengan waktunya, iaitu ketika hati telah bersedia untuk mengakui isi kandungannya:

أَفَمَن يَخْلُقُ كَمَن لَّا يَخْلُقُ ۗ أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ﴿١٧﴾

"Apakah sama yang berkuasa mencipta dengan yang tidak berkuasa mencipta?"(17)

Tentulah tiada lain lagi jawapan melainkan tidak, tidak sekali-kali tidak. Apakah wajar bagi seseorang manusia menyamakan di dalam hati dan penilaiannya di antara yang berkuasa menciptakan seluruh makhluk itu dengan yang tidak berkuasa menciptakan sesuatu apa sama ada besar atau kecil?

أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ﴿١٧﴾

"Mengapakah kamu tidak mengambil pengajaran?"(17)

Yakni persoalan ini tidak memerlukan sesuatu yang lebih banyak dari kesanggupan mengambil pengajaran sahaja. Ketika itu keadaan yang sebenar akan jelas dan keyakinan akan muncul.

Al-Qur'an telah membentangkan berbagai-bagai jenis ni'mat kemudian ia iringi dengan sebuah pernyataan:

وَإِن تَعُدُّوا نِعْمَةَ اللَّهِ لَا تُحْصُوهَا ۗ

"Dan jika kamu menghitungkan ni'mat-ni'mat Allah tentulah kamu tidak dapat mengirakannya satu persatu."(18)

Apatah lagi untuk mensyukurinya. Kebanyakan ni'mat itu tidak diketahui manusia kerana dia terlalu biasa dengannya. Dia tidak menyedari ni'mat-ni'mat itu melainkan apabila ia hilang darinya. Lihatlah struktur jasadnya dan fungsi-fungsinya, dia tidak merasa ni'mat-ni'mat ini melainkan apabila dia diserang sakit dan merasa perjalanan jasadnya tidak menentu. Hanya keampunan dan rahmat Allah sahaja yang dapat memaafkan kecuaian dan kelemahan manusia itu.

إِنَّ اللَّهَ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٨﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(18)

Allah Pencipta itu mengetahui segala apa yang telah diciptakannya. Dia mengetahui segala yang tersembunyi dan segala yang nyata:

وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تُسِرُّونَ وَمَا تُعْلِنُونَ ﴿١٩﴾

"Dan Allah Mengetahui segala apa yang disembunyikan kamu dan segala apa yang dilahirkan kamu."(19)

Oleh itu bagaimana mereka sanggup menyamakan Allah di dalam hati dan penilaian mereka dengan tuhan-tuhan palsu yang didakwa mereka, sedangkan tuhan-tuhan ini tidak pernah menciptakan sesuatu apa dan tidak mengetahui sesuatu apa, bahkan mereka adalah sembahan-sembahan yang mati yang

sama sekali tidak pernah menerima hayat dan kerana itu mereka tidak mengetahui:

وَٱلَّذِينَ يَدۡعُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ لَا يَخۡلُقُونَ شَيۡـٔٗا
وَهُمۡ يُخۡلَقُونَ ﴿٢٠﴾
أَمۡوَٰتٌ غَيۡرُ أَحۡيَآءٖۖ وَمَا يَشۡعُرُونَ أَيَّانَ يُبۡعَثُونَ ﴿٢١﴾

"Dan sembahan-sembahan yang mereka sembah selain dari Allah itu tidak pernah menciptakan sesuatu apa pun, sedangkan mereka sendiri diciptakan Allah(20). Mereka adalah (sembahan-sembahan) yang mati bukannya hidup, dan mereka tidak mengetahui bilakah mereka akan dibangkitkan."(21)

Kebangkitan semula dan masanya yang diisyaratkan di dalam ayat ini menjelaskan bahawa Allah Pencipta pastilah mengetahui masa kebangkitan itu kerana kebangkitan itu bertujuan memberi kesempurnaan kepada manusia. Pada hari kebangkitan itu setiap manusia diberi balasan yang sempurna terhadap segala amalan yang telah dilakukan mereka. Oleh sebab itulah tuhan-tuhan yang tidak mengetahui bilakah para hamba mereka akan dibangkit tidak wajar dijadikan tuhan-tuhan, malah mereka hanya layak menjadi sendaan khalayak yang ramai sahaja. Tuhan Pencipta yang sebenar akan membangkitkan makhluk-makhluk-Nya dan mengetahui pula dengan pasti bilakah dia akan membangkitkan mereka.

(Kumpulan ayat-ayat 22 - 50)

إِلَٰهُكُمۡ إِلَٰهٞ وَٰحِدٞۚ فَٱلَّذِينَ لَا يُؤۡمِنُونَ بِٱلۡأٓخِرَةِ
قُلُوبُهُم مُّنكِرَةٞ وَهُم مُّسۡتَكۡبِرُونَ ﴿٢٢﴾
لَا جَرَمَ أَنَّ ٱللَّهَ يَعۡلَمُ مَا يُسِرُّونَ وَمَا يُعۡلِنُونَۚ
إِنَّهُۥ لَا يُحِبُّ ٱلۡمُسۡتَكۡبِرِينَ ﴿٢٣﴾
وَإِذَا قِيلَ لَهُم مَّاذَآ أَنزَلَ رَبُّكُمۡ قَالُوٓاْ أَسَٰطِيرُ
ٱلۡأَوَّلِينَ ﴿٢٤﴾
لِيَحۡمِلُوٓاْ أَوۡزَارَهُمۡ كَامِلَةٗ يَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِ وَمِنۡ
أَوۡزَارِ ٱلَّذِينَ يُضِلُّونَهُم بِغَيۡرِ عِلۡمٍۗ أَلَا سَآءَ مَا يَزِرُونَ ﴿٢٥﴾
قَدۡ مَكَرَ ٱلَّذِينَ مِن قَبۡلِهِمۡ فَأَتَى ٱللَّهُ بُنۡيَٰنَهُم مِّنَ
ٱلۡقَوَاعِدِ فَخَرَّ عَلَيۡهِمُ ٱلسَّقۡفُ مِن فَوۡقِهِمۡ
وَأَتَىٰهُمُ ٱلۡعَذَابُ مِنۡ حَيۡثُ لَا يَشۡعُرُونَ ﴿٢٦﴾
ثُمَّ يَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِ يُخۡزِيهِمۡ وَيَقُولُ أَيۡنَ شُرَكَآءِيَ
ٱلَّذِينَ كُنتُمۡ تُشَٰٓقُّونَ فِيهِمۡۚ قَالَ ٱلَّذِينَ أُوتُواْ
ٱلۡعِلۡمَ إِنَّ ٱلۡخِزۡيَ ٱلۡيَوۡمَ وَٱلسُّوٓءَ عَلَى ٱلۡكَٰفِرِينَ ﴿٢٧﴾
ٱلَّذِينَ تَتَوَفَّىٰهُمُ ٱلۡمَلَٰٓئِكَةُ ظَالِمِيٓ أَنفُسِهِمۡۖ فَأَلۡقَوُاْ
ٱلسَّلَمَ مَا كُنَّا نَعۡمَلُ مِن سُوٓءِۭۚ بَلَىٰٓۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمُۢ
بِمَا كُنتُمۡ تَعۡمَلُونَ ﴿٢٨﴾
فَٱدۡخُلُوٓاْ أَبۡوَٰبَ جَهَنَّمَ خَٰلِدِينَ فِيهَاۖ فَلَبِئۡسَ مَثۡوَى
ٱلۡمُتَكَبِّرِينَ ﴿٢٩﴾
وَقِيلَ لِلَّذِينَ ٱتَّقَوۡاْ مَاذَآ أَنزَلَ رَبُّكُمۡۚ قَالُواْ خَيۡرٗاۗ
لِّلَّذِينَ أَحۡسَنُواْ فِي هَٰذِهِ ٱلدُّنۡيَا حَسَنَةٞۚ وَلَدَارُ
ٱلۡأٓخِرَةِ خَيۡرٞۚ وَلَنِعۡمَ دَارُ ٱلۡمُتَّقِينَ ﴿٣٠﴾

"Tuhan kamu ialah Tuhan Yang Maha Esa. Oleh itu orang-orang yang tidak percaya kepada hari Akhirat mempunyai hati yang mengingkari (ayat-ayat Allah) dan mereka adalah berlagak angkuh(22). Tidak syak lagi bahawa Allah mengetahui segala apa yang disembunyikan mereka dan segala apa yang dilahirkan mereka. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang sombong(23). Dan apabila ditanyakan kepada mereka: Apakah yang telah diturunkan Tuhan kamu? Mereka menjawab: Dongeng-dongeng orang-orang purbakala(24). (Jawapan itu mengakibatkan) mereka memikul beban-beban dosa mereka sepenuhnya pada hari Qiamat dan sebahagian dari beban-beban dosa orang-orang yang disesatkan mereka tanpa sebarang pengetahuan. Ingatlah! Amatlah buruk dosa-dosa yang ditanggung mereka(25). Sesungguhnya orang-orang sebelum mereka juga telah mengatur rancangan yang jahat (terhadap agama Allah), maka Allah telah menghancurkan rumah-rumah mereka dari tapak-tapaknya lalu bumbung-bumbungnya runtuh menimpa ke atas mereka. Dan mereka telah ditimpa 'azab seksa dari arah yang tidak disedari mereka?(26). Kemudian pada hari Qiamat pula Allah akan menghinakan mereka seraya berfirman: Di manakah sekutu-sekutu-Ku yang kamu menentang (rasul-rasul) kerana mereka? Berkatalah orang-orang yang dikurniakan ilmu: Sesungguhnya kehinaan dan 'azab yang buruk pada hari ini ditimpakan ke atas orang-orang yang kafir (27). Iaitu orang-orang yang dimatikan malaikat dalam keadaan menganiayai diri mereka sendiri lalu mereka menyerah diri (sambil berkata): Kami tidak pernah melakukan sesuatu kejahatan pun (lalu dijawab): Sebenarnya kamu telah melakukannya. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala perbuatan yang dilakukan kamu(28). Oleh itu masuklah pintu-pintu Neraka Jahannam, di mana kamu akan tinggal kekal abadi. Amatlah buruk tempat kediaman orang-orang yang angkuh(29). Dan telah ditanya kepada orang-orang yang bertaqwa: Apakah yang telah diturunkan Tuhan kamu? Jawab mereka: Kebaikan. Iaitu orang-orang yang memalukan kebaikan di dunia ini akan mendapat balasan yang baik, dan sesungguhnya negeri Akhirat itu adalah lebih baik, dan ialah sebaik-baik negeri bagi orang-orang yang bertaqwa"(30).

جَنَّٰتُ عَدۡنٖ يَدۡخُلُونَهَا تَجۡرِي مِن تَحۡتِهَا
ٱلۡأَنۡهَٰرُۖ لَهُمۡ فِيهَا مَا يَشَآءُونَۚ كَذَٰلِكَ يَجۡزِي
ٱللَّهُ ٱلۡمُتَّقِينَ ﴿٣١﴾
ٱلَّذِينَ تَتَوَفَّىٰهُمُ ٱلۡمَلَٰٓئِكَةُ طَيِّبِينَ يَقُولُونَ سَلَٰمٌ
عَلَيۡكُمُ ٱدۡخُلُواْ ٱلۡجَنَّةَ بِمَا كُنتُمۡ تَعۡمَلُونَ ﴿٣٢﴾
هَلۡ يَنظُرُونَ إِلَّآ أَن تَأۡتِيَهُمُ ٱلۡمَلَٰٓئِكَةُ أَوۡ يَأۡتِيَ
أَمۡرُ رَبِّكَۚ كَذَٰلِكَ فَعَلَ ٱلَّذِينَ مِن قَبۡلِهِمۡۚ وَمَا ظَلَمَهُمُ
ٱللَّهُ وَلَٰكِن كَانُوٓاْ أَنفُسَهُمۡ يَظۡلِمُونَ ﴿٣٣﴾
فَأَصَابَهُمۡ سَيِّـَٔاتُ مَا عَمِلُواْ وَحَاقَ بِهِم مَّا كَانُواْ بِهِۦ
يَسۡتَهۡزِءُونَ ﴿٣٤﴾
وَقَالَ ٱلَّذِينَ أَشۡرَكُواْ لَوۡ شَآءَ ٱللَّهُ مَا عَبَدۡنَا مِن
دُونِهِۦ مِن شَيۡءٖ نَّحۡنُ وَلَآ ءَابَآؤُنَا وَلَا حَرَّمۡنَا مِن
دُونِهِۦ مِن شَيۡءٖۚ كَذَٰلِكَ فَعَلَ ٱلَّذِينَ مِن قَبۡلِهِمۡۚ فَهَلۡ
عَلَى ٱلرُّسُلِ إِلَّا ٱلۡبَلَٰغُ ٱلۡمُبِينُ ﴿٣٥﴾
وَلَقَدۡ بَعَثۡنَا فِي كُلِّ أُمَّةٖ رَّسُولًا أَنِ ٱعۡبُدُواْ
ٱللَّهَ وَٱجۡتَنِبُواْ ٱلطَّٰغُوتَۖ فَمِنۡهُم مَّنۡ هَدَى ٱللَّهُ
وَمِنۡهُم مَّنۡ حَقَّتۡ عَلَيۡهِ ٱلضَّلَٰلَةُۚ فَسِيرُواْ فِي ٱلۡأَرۡضِ
فَٱنظُرُواْ كَيۡفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلۡمُكَذِّبِينَ ﴿٣٦﴾
إِن تَحۡرِصۡ عَلَىٰ هُدَىٰهُمۡ فَإِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهۡدِي مَن
يُضِلُّۖ وَمَا لَهُم مِّن نَّٰصِرِينَ ﴿٣٧﴾
وَأَقۡسَمُواْ بِٱللَّهِ جَهۡدَ أَيۡمَٰنِهِمۡ لَا يَبۡعَثُ ٱللَّهُ مَن
يَمُوتُۚ بَلَىٰ وَعۡدًا عَلَيۡهِ حَقّٗا وَلَٰكِنَّ أَكۡثَرَ ٱلنَّاسِ
لَا يَعۡلَمُونَ ﴿٣٨﴾
لِيُبَيِّنَ لَهُمُ ٱلَّذِي يَخۡتَلِفُونَ فِيهِ وَلِيَعۡلَمَ ٱلَّذِينَ
كَفَرُوٓاْ أَنَّهُمۡ كَانُواْ كَٰذِبِينَ ﴿٣٩﴾
إِنَّمَا قَوۡلُنَا لِشَيۡءٍ إِذَآ أَرَدۡنَٰهُ أَن نَّقُولَ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ ﴿٤٠﴾

"Itulah Syurga-syurga 'Adni yang akan dimasuki mereka, yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, di sana mereka akan mendapat segala apa yang mereka sukai. Demikianlah Allah memberi balasan kepada orang-orang yang bertaqwa(31). Iaitu orang-orang yang diwafatkan malaikat dalam keadaan yang senang-lenang, sambil mengucapkan kepada mereka: Selamat sejahtera ke atas kamu, masuklah ke dalam Syurga dengan amalan-amalan yang telah yang dilakukan kamu(32). Mereka (orang-orang kafir) tidak menunggu melainkan kedatangan malaikat kepada mereka atau kedatangan 'azab Tuhanmu. Demikianlah apa yang telah dilakukan orang-orang (kafir) sebelum mereka. Dan Allah sama sekali tidak menganiayai mereka, tetapi merekalah yang telah menganiayai diri mereka sendiri(33). Lalu mereka ditimpa 'azab dari kejahatan-kejahatan yang telah dilakukan mereka dan mereka telah dikepung 'azab yang telah dipersenda-sendakan mereka(34). Dan berkatalah orang-orang yang telah mempersekutui Allah: Jika Allah kehendaki tentulah kami tidak menyembah sesuatu apa pun selain Dia, baik kami mahupun datuk nenek kami dan tentulah kami tidak mengharamkan sesuatu apa pun selain dari apa yang telah diharamkan-Nya. Demikianlah apa yang telah dilakukan orang-orang (Musyrikin) sebelum mereka. Tiada tugas para rasul melainkan ialah menyampaikan perutusan Allah dengan jelas(35). Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan Rasul di kalangan setiap umat (untuk menyeru): Sembahlah Allah dan jauhilah Taghut! Di antara mereka ada orang-orang yang dihidayatkan Allah dan ada pula di antara mereka orang-orang yang telah diputuskan mendapat kesesatan. Oleh itu jelajahilah di muka bumi ini dan lihatlah bagaimana akibat yang telah menimpa para pendusta(36). Jika engkau (Muhammad) begitu kepingin untuk memberi hidayat kepada mereka, maka sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada orang-orang yang memang wajar disesatkan-Nya dan mereka tidak akan mendapat penolong-penolong(37). Dan mereka telah bersumpah dengan nama Allah dengan sumpah mereka yang .sungguh-sungguh: Allah tidak akan membangkitkan orang yang mati (tidak sekali-kali begitu) bahkan Allah telah menjanjikan kebangkitan itu dengan janji yang benar, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui(38). Supaya dia dapat menjelaskan kepada mereka perkara yang dipertikaikan mereka dan supaya orang-orang yang kafir itu mengetahui bahawa mereka adalah pembohong-pembohong(39). Sesungguhnya firman Kami kepada sesuatu apabila Kami mahu mengadakannya ialah Kami hanya berkata kepadanya: Kun! (Jadilah). Maka ia pun terus jadi"(40).

وَٱلَّذِينَ هَاجَرُواْ فِي ٱللَّهِ مِنۢ بَعۡدِ مَا ظُلِمُواْ لَنُبَوِّئَنَّهُمۡ
فِي ٱلدُّنۡيَا حَسَنَةٗۖ وَلَأَجۡرُ ٱلۡأٓخِرَةِ أَكۡبَرُۚ لَوۡ كَانُواْ
يَعۡلَمُونَ ﴿٤١﴾
ٱلَّذِينَ صَبَرُواْ وَعَلَىٰ رَبِّهِمۡ يَتَوَكَّلُونَ ﴿٤٢﴾
وَمَآ أَرۡسَلۡنَا مِن قَبۡلِكَ إِلَّا رِجَالٗا نُّوحِيٓ إِلَيۡهِمۡۖ

فَسْـَٔلُوٓاْ أَهْلَ ٱلذِّكْرِ إِن كُنتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ٤٣
بِٱلْبَيِّنَٰتِ وَٱلزُّبُرِ ۗ وَأَنزَلْنَآ إِلَيْكَ ٱلذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ
مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ ٤٤
أَفَأَمِنَ ٱلَّذِينَ مَكَرُواْ ٱلسَّيِّـَٔاتِ أَن يَخْسِفَ ٱللَّهُ بِهِمُ
ٱلْأَرْضَ أَوْ يَأْتِيَهُمُ ٱلْعَذَابُ مِنْ حَيْثُ لَا
يَشْعُرُونَ ٤٥
أَوْ يَأْخُذَهُمْ فِى تَقَلُّبِهِمْ فَمَا هُم بِمُعْجِزِينَ ٤٦
أَوْ يَأْخُذَهُمْ عَلَىٰ تَخَوُّفٍ فَإِنَّ رَبَّكُمْ لَرَءُوفٌ رَّحِيمٌ ٤٧
أَوَلَمْ يَرَوْاْ إِلَىٰ مَا خَلَقَ ٱللَّهُ مِن شَىْءٍ يَتَفَيَّؤُاْ ظِلَٰلُهُۥ عَنِ
ٱلْيَمِينِ وَٱلشَّمَآئِلِ سُجَّدًا لِّلَّهِ وَهُمْ دَٰخِرُونَ ٤٨
وَلِلَّهِ يَسْجُدُ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ مِن
دَآبَّةٍ وَٱلْمَلَٰٓئِكَةُ وَهُمْ لَا يَسْتَكْبِرُونَ ٤٩
يَخَافُونَ رَبَّهُم مِّن فَوْقِهِمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ٥٠

"Dan orang-orang yang berhijrah kerana Allah sesudah mereka dianiyai, maka Kami tetap memberi tempat yang baik kepada mereka di dunia, dan sesungguhnya pahala di Akhirat adalah lebih besar jika mereka mengetahui(41). (Iaitu) orang-orang yang sabar dan bertawakkal kepada Tuhan mereka(42). Dan Kami tidak utuskan sebelum engkau melainkan orang-orang lelaki yang Kami wahyukan kepada mereka. Oleh itu bertanyalah kepada Ahlil-Kitab jika kamu tidak mengetahui(43). (rasul-rasul itu) membawa mu'jizat-mu'jizat dan kitab-kitab suci, dan Kami turunkan kepadamu Al-Qur'an agar engkau menjelaskan kepada umat manusia segala apa yang telah diturunkan kepada mereka dan supaya mereka berfikir (44). Apakah orang-orang yang mengaturkan rancangan-rancangan yang jahat itu merasa aman dari malapetaka ditelan bumi atau ditimpa 'azab kebinasaan dari arah yang tidak disedari mereka?(45). Atau mereka ditimpa 'azab kebinasaan semasa mereka di dalam perjalanan. Mereka tidak sekali-kali dapat melemahkan Allah(46). Atau mereka ditimpa 'azab kebinasaan dalam keadaan mereka yang amat berhati-hati. Kerana sesungguhnya Tuhan kamu Maha Penyayang dan Maha Pengasih(47). Apakah tidak mereka memperhatikan segala sesuatu yang telah diciptakan Allah, yang mana bayang-bayangnya berbalik-balik ke kanan dan ke kiri kerana sujud kepada Allah dan mereka sentiasa merendahkan diri(48). Dan hanya kepada Allah sahaja sujudnya segala isi langit dan segala isi bumi dari makhluk-makhluk yang bergerak dan malaikat-malaikat dan seluruh mereka tidak berlagak angkuh(49). Mereka takut kepada Tuhan mereka yang berkuasa di atas mereka dan mereka melaksanakan segala apa yang diperintahkan kepada mereka"(50).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Di dalam pelajaran yang silam kita telah berhenti setakat pembentangan ayat-ayat mengenai Penciptaan Allah dan ni'mat-ni'mat-Nya terhadap para hamba-Nya, juga mengenai ilmu Allah yang mengetahui segala yang rahsia dan segala yang nyata, sedangkan tuhan-tuhan palsu yang didakwakan (kaum Musyrikin) tidak menciptakan sesuatu apa, malah mereka adalah makhluk-makhluk yang tidak mengetahui sesuatu apa. Mereka adalah sembahan-sembahan mati yang tidak dapat diharap hidup. Mereka tidak mengetahui bilakah para hambanya akan dibangkit untuk menerima balasan. Semuanya ini merupakan bukti pemutus terhadap kekarutan menyembah mereka dan kekarutan seluruh kepercayaan syirik. Inilah pusingan pertama perbincangan mengenai persoalan tauhid di dalam surah ini di samping menyinggung persoalan kebangkitan selepas mati.

Sekarang kita masuk pula ke dalam pelajaran yang baru yang dimulakan pada titik berhenti kita di dalam pelajaran yang silam. Kita masuk ke dalam satu pusingan yang baru yang memulakan dengan penjelasan mengenai konsep keesaan Allah, di samping menerangkan bahawa sebab tidak berimannya mereka kepada hari Akhirat ialah kerana hati mereka mengambil sikap pengingkar. Sikap ini telah bertunjang di dalam hati mereka dan menghalang mereka dari mengakui ayat-ayat Allah yang amat jelas, dan seterusnya menjadikan mereka juga bersifat sombong dan angkuh dan keangkuhan inilah yang menghalangkan mereka dari beriman dan menyerah kepada Allah. Pusingan ini ditamatkan dengan satu pemandangan yang berkesan, iaitu pemandangan bayang-bayang di bumi sujud kepada Allah bersama-sama segala isi langit dan segala isi bumi yang terdiri dari makhluk-makhluk yang bergerak dan para malaikat yang bersih dari sifat sombong dan penuh dengan perasaan takut kepada Allah dan patuh menjunjung segala perintah-Nya tanpa membantah sesuatu apa. Pemandangan yang merendah diri ini bertentangan dengan pemandangan manusia-manusia yang sombong yang berhati ingkar yang disebut pada permulaan pusingan yang baru ini.

Di antara permulaan dan penghabisan pusingan ini Al-Qur'an membentangkan perkataan-perkataan golongan yang angkuh yang menolak wahyu dan Al-Qur'an. Mereka mengatakan Al-Qur'an itu ialah dongeng-dongeng orang-orang purbakala, juga perkataan-perkataan mereka mengenai sebab-sebab kepercayaan syirik mereka terhadap Allah dan sebab-sebab mereka mengharamkan benda-benda yang tidak diharamkan Allah. Mereka mendakwa bahawa Allah telah menghendaki dan meredhai kejahatan mereka, juga pendapat-pendapat mereka mengenai kebangkitan selepas mati dan hari Qiamat. Mereka bersumpah dengan sekeras-kerasnya bahawa Allah tidak akan membangkitkan lagi orang-orang yang telah mati. Segala perkataan ini telah dijawab oleh Al-Qur'an sambil menayangkan pemandangan-

pemandangan mereka yang sedang menghadapi maut, juga pemandangan mereka yang dibangkitkan dari maut dan di dalam pemandangan-pemandangan itu mereka berlepas diri dari perkataan-perkataan yang karut itu, di samping itu ditayangkan juga beberapa pemandangan kebinasaan yang telah berlaku kepada orang-orang yang terdahulu dari mereka yang terdiri dari para pendusta seperti mereka. Al-Qur'an juga menakutkan mereka terhadap balasan Allah yang mungkin menimpakan mereka pada bila-bila waktu sahaja pada hari siang atau malam tanpa disedari mereka, atau ketika mereka sedang di dalam perjalanan menuju negeri-negeri tertentu atau ketika mereka berhati-hati dan menunggu-nunggu balasan 'azab itu. Selain dari itu Al-Qur'an juga membentangkan beberapa bentuk perkataan-perkataan para Mu'minin yang bertaqwa dan balasan-balasan baik yang menunggu mereka ketika hendak mati dan masa mereka dibangkitkan. Kemudian diakhiri dengan pemandangan yang khusyu' dan patuh ta'at, iaitu pemandangan bayang-bayang, makhluk-makhluk yang bergerak dan para malaikat di langit dan di bumi yang sujud kepada Allah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 22 - 29)

إِلَٰهُكُمْ إِلَٰهٌ وَاحِدٌ ۚ فَالَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِالْآخِرَةِ
قُلُوبُهُم مُّنكِرَةٌ وَهُم مُّسْتَكْبِرُونَ ﴿٢٢﴾
لَا جَرَمَ أَنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا يُسِرُّونَ وَمَا يُعْلِنُونَ ۚ
إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْتَكْبِرِينَ ﴿٢٣﴾

"Tuhan kamu ialah Tuhan Yang Maha Esa. Oleh itu orang-orang yang tidak percaya kepada hari Akhirat mempunyai hati yang mengingkari (ayat-ayat Allah) dan mereka adalah berlagak angkuh(22). Tidak syak lagi bahawa Allah mengetahui segala apa yang disembunyikan mereka dan segala apa yang dilahirkan mereka. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang sombong."(23)

Ayat ini mengumpulkan di antara keimanan kepada keesaan Allah dengan keimanan kepada hari Akhirat, malah ia menjadikan salah satu dari dua keimanan itu sebagai bukti yang membenarkan wujudnya keimanan kepada yang satu lagi itu, kerana ibadat kepada Allah Yang Maha Esa itu mempunyai hubungan yang rapat dengan kepercayaan kepada kebangkitan dan balasan selepas mati. Dengan adanya hari Akhirat terlaksanalah hikmat ciptaan Allah Yang Maha Esa dan ketaralah keadilan-Nya dalam mengaturkan pembalasan.

Konsep Wahdaniyah Allah

إِلَٰهُكُمْ إِلَٰهٌ وَاحِدٌ ۚ

"Tuhan kamu ialah Tuhan Yang Maha Esa."(22)

Semua ayat-ayat penciptaan, ayat-ayat ni'mat dan ayat-ayat ilmu yang telah disebut di dalam surah ini adalah membawa kepada hakikat tauhid yang agung dan jelas ini, yang mana kesan-kesannya dapat dilihat di dalam undang-undang alam buana yang selaras dan serasi serta saling bekerjasama dengan rapinya sebagaimana telah dijelaskan sebelum ini.

Orang-orang yang tidak menerima hakikat tauhid ini dan tidak beriman kepada hari Akhirat - yang merupakan cabang dari kepercayaan kepada keesaan Allah, kebijaksanaan dan keadilan-Nya - maka mereka bukanlah orang-orang yang tidak mendapat bukti-bukti dan dalil-dalil yang cukup, tetapi sebab yang sebenarnya terletak di dalam hati dan tabiat mereka yang buruk. Hati mereka ialah hati pengingkar yang sengaja tidak mahu mengakui bukti-bukti yang dilihatnya. Dan mereka bersikap takbur tidak mahu menerima dalil-dalil dan menyerah diri kepada Allah dan Rasul-Nya. Itulah sebab dan penyakit yang sebenar yang tersembunyi di dalam tabiat dan hati mereka.

Allah yang telah Menciptakan mereka amatlah mengetahui keadaan mereka yang sedemikian itu. Dia Mengetahui segala apa yang disembunyi dan dinyatakan mereka. Dia Mengetahuinya tanpa sebarang keraguan dan dia bencikan mereka:

إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْتَكْبِرِينَ ﴿٢٣﴾

"Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang sombong."(23)

Kerana hati yang sombong itu tidak dapat diharap boleh berpuas hati dan menerima. Oleh sebab itulah mereka dibencikan Allah kerana sifat mereka yang angkuh. Sifat ini telah diketahui Allah yang memang arif dengan hakikat mereka dan dengan segala apa yang disembunyi dan dinyatakan mereka.

وَإِذَا قِيلَ لَهُم مَّاذَا أَنزَلَ رَبُّكُمْ ۙ قَالُوا أَسَاطِيرُ
الْأَوَّلِينَ ﴿٢٤﴾
لِيَحْمِلُوا أَوْزَارَهُمْ كَامِلَةً يَوْمَ الْقِيَامَةِ ۙ وَمِنْ
أَوْزَارِ الَّذِينَ يُضِلُّونَهُم بِغَيْرِ عِلْمٍ ۗ أَلَا سَاءَ مَا يَزِرُونَ ﴿٢٥﴾

"Dan apabila ditanyakan kepada mereka: Apakah yang telah diturunkan Tuhan kamu? Mereka menjawab: Dongeng-dongeng orang-orang purbakala(24). (Jawapan itu mengakibatkan) mereka memikul beban-beban dosa mereka sepenuhnya pada hari Qiamat dan sebahagian dari beban-beban dosa orang-orang yang disesatkan mereka tanpa sebarang pengetahuan. Ingatlah! Amatlah buruk dosa-dosa yang ditanggung mereka."(25)

Orang-orang yang angkuh dan berhati pengingkar yang tidak berpuas hati dan menerima itu apabila ditanya:

مَّاذَآ أَنزَلَ رَبُّكُمۡ

"Apakah yang telah diturunkan Tuhan kamu?"(24)

mereka tidak memberi jawapan secara langsung yang jujur, iaitu dengan membaca sesuatu ayat Al-Qur'an atau mengintisarikan maksud-maksudnya. Dengan demikian mereka dapat memperlihatkan kejujuran mereka terhadap Al-Qur'an walaupun mereka tidak berfirman kepadanya, malah mereka sengaja menyimpang dari jawapan yang jujur dengan berkata:

قَالُوٓاْ أَسَٰطِيرُ ٱلۡأَوَّلِينَ ٢٤

"Dongeng-dongeng orang-orang purbakala."(24)

Dongeng-dongeng ialah hikayat-hikayat karut yang penuh dengan khurafat. Demikianlah cara mereka menyifatkan Al-Qur'an yang mengubati jiwa dan akal manusia itu, Al-Qur'an yang memperkatakan peraturan-peraturan hidup, tingkahlaku manusia, hubungan-hubungan dalam masyarakat dan keperihalan-keperihalan manusia di zaman lampau, zaman sekarang dan zaman depan. Demikianlah mereka menyifatkan Al-Qur'an yang memuat kisah-kisah orang-orang di zaman dahulu dan demikianlah perbuatan mereka yang ingkar dan sewenang-wenang telah membawa mereka terpaksa menanggung dosa-dosa mereka sendiri dan sebahagian dari dosa orang-orang yang telah disesatkan mereka dengan jawapan mereka itu, jawapan itulah yang telah menghalang orang-orang ini dari Al-Qur'an dan keimanan, sedangkan mereka tidak mengetahui hakikat yang sebenar. Ayat ini menggambarkan dosa-dosa itu dengan bebanan-bebanan yang berat, iaitu bebanan yang amat buruk dan berat. Bebanan itu amat memberatkan jiwa sama seperti ia memberatkan belakang. Ia memberatkan hati sama seperti ia memberatkan bahu dan leher. Ia memenat dan menyusahkan seseorang sama seperti barang-barang yang berat memenat dan menyusahkan para pemikulnya, malah lebih dahsyat dan lebih sengsara lagi.

Kempen-kempen Memburukkan Rasulullah

Menurut riwayat Ibn Abu Hatim dari as-Suddi katanya: Kaum Quraysy telah berkumpul lalu mereka berkata: Muhammad itu adalah seorang yang bermulut manis. Sesiapa yang bercakap dengannya akan hilang akalnya, oleh itu carilah sekumpulan orang dari kaum bangsawan kamu yang terkenal dengan keturunan-keturunan mereka kemudian hantarkan mereka di setiap jalan ke Makkah selama semalam atau dua malam. Apabila ada orang datang hendak menemui Muhammad, maka hendaklah kamu halangnya. Lalu kumpulan itu pun keluar menunggu di setiap jalan. Apabila ada orang datang sebagai utusan kaumnya untuk meneliti apa yang dikatakan oleh Muhammad dan tiba di tempat mereka, maka salah seorang dari mereka akan berkata kepadanya: Saya ini si anu bin si anu dan keturunan si anu kemudian terus menceritakan kepadanya: Biarlah saya ceritakan hal Muhammad kepada awak. Dia adalah seorang pendusta. Tiada siapa yang mengikutnya melainkan hanya orang-orang yang bodoh, hamba-hamba abdi dan orang-orang yang tidak mempunyai apa-apa kebaikan sahaja, sedangkan ketua-ketua kaum dan orang-orang yang terbilang dari mereka semuanya menentang dia. (Setelah mendengar penerangan ini) orang yang datang itu pun pulang (kepada kaumnya), inilah yang dimaksudkan dengan firman Allah Ta'ala:

وَإِذَا قِيلَ لَهُم مَّاذَآ أَنزَلَ رَبُّكُمۡ قَالُوٓاْ أَسَٰطِيرُ
ٱلۡأَوَّلِينَ ٢٤

"Dan apabila ditanyakan kepada mereka: Apakah yang telah diturunkan Tuhan kamu? Mereka menjawab: Dongeng-dongeng orang-orang purbakala."(24)

Tetapi jika yang datang itu dari orang-orang yang telah ditetapkan Allah wajar mendapat hidayat dan mereka berkata begitu kepadanya, maka dia akan menjawab: "Amatlah tidak baik kepadaku sebagai utusan kaumku, jika aku datang dan berjalan hingga sejauh sehari perjalanan kemudian aku balik semula sebelum menemui orang ini (Muhammad) dan meneliti sendiri apa yang dikatakan oleh beliau serta membawa pulang kepada kaumku segala keterangan mengenai beliau". Lalu dia pun terus masuk ke Makkah dan menemui orang-orang Mu'min dan bertanya kepada mereka perkara-perkara yang telah diterangkan Muhammad, maka mereka pun memberi penerangan yang baik kepadanya....

Peperangan propaganda atau di'ayah yang teratur terhadap da'wah sentiasa dijalankan oleh kaum Quraysy. Ia juga sentiasa diatur oleh pihak-pihak yang seperti Quraysy di setiap tempat dan zaman, yang terdiri dari golongan manusia yang angkuh, yang tidak mahu tunduk kepada kebenaran dan dalil-dalil yang betul, kerana sifat angkuh yang ada pada mereka itulah menghalangi mereka dari tunduk kepada kebenaran dan dalil-dalil yang betul. Golongan yang angkuh dari kaum Quraysy itu bukanlah merupakan golongan pertama yang ingkar dan merancangkan tindakan-tindakan jahat terhadap da'wah. Ayat yang berikut menayangkan kepada mereka akibat kebinasaan yang telah menimpa para perancang tindakan-tindakan yang jahat sebelum mereka dan nasib kesudahan mereka pada hari Qiamat, malah nasib kesudahan mereka sejak roh mereka meninggalkan jasad-jasad mereka sehingga mereka menemui balasan mereka pada hari Akhirat. Hal ini dibentangkan kepada mereka dalam bentuk pemandangan-pemandangan yang digambarkan mengikut cara Al-Qur'an yang ma'thur:

قَدۡ مَكَرَ ٱلَّذِينَ مِن قَبۡلِهِمۡ فَأَتَى ٱللَّهُ بُنۡيَٰنَهُم مِّنَ
ٱلۡقَوَاعِدِ فَخَرَّ عَلَيۡهِمُ ٱلسَّقۡفُ مِن فَوۡقِهِمۡ
وَأَتَىٰهُمُ ٱلۡعَذَابُ مِنۡ حَيۡثُ لَا يَشۡعُرُونَ ٢٦

ثُمَّ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ يُخْزِيهِمْ وَيَقُولُ أَيْنَ شُرَكَآءِىَ
ٱلَّذِينَ كُنتُمْ تُشَٰٓقُّونَ فِيهِمْ ۚ قَالَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟
ٱلْعِلْمَ إِنَّ ٱلْخِزْىَ ٱلْيَوْمَ وَٱلسُّوٓءَ عَلَى ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٢٧﴾
ٱلَّذِينَ تَتَوَفَّىٰهُمُ ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ ظَالِمِىٓ أَنفُسِهِمْ ۖ فَأَلْقَوُا۟
ٱلسَّلَمَ مَا كُنَّا نَعْمَلُ مِن سُوٓءٍۭ ۚ بَلَىٰٓ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌۢ
بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٢٨﴾
فَٱدْخُلُوٓا۟ أَبْوَٰبَ جَهَنَّمَ خَٰلِدِينَ فِيهَا ۖ فَلَبِئْسَ مَثْوَى
ٱلْمُتَكَبِّرِينَ ﴿٢٩﴾

"Sesungguhnya orang-orang sebelum mereka juga telah mengatur rancangan yang jahat (terhadap agama Allah), maka Allah telah menghancurkan rumah-rumah mereka dari tapak-tapaknya lalu bumbung-bumbungnya runtuh menimpa ke atas mereka. Dan mereka telah ditimpa 'azab seksa dari arah yang tidak disedari mereka.(26) Kemudian pada hari Qiamat pula Allah akan menghinakan mereka seraya berfirman: Di manakah sekutu-sekutu-Ku yang kamu menentang (rasul-rasul) kerana mereka? Berkatalah orang-orang yang dikurniakan ilmu: Sesungguhnya kehinaan dan 'azab yang buruk pada hari ini ditimpakan ke atas orang-orang yang kafir(27). Iaitu orang-orang yang dimatikan malaikat dalam keadaan menganiayai diri mereka sendiri lalu mereka menyerah diri (sambil berkata): Kami tidak pernah melakukan sesuatu kejahatan pun (lalu dijawab): Sebenarnya kamu telah melakukannya. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala perbuatan yang dilakukan kamu(28). Oleh itu masuklah pintu-pintu Neraka Jahannam, di mana kamu akan tinggal kekal abadi. Amatlah buruk tempat kediaman orang-orang yang angkuh."(29)

Tindakan Sunnatullah Yang Tidak Pernah Mungkir

قَدْ مَكَرَ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ

"Sesungguhnya orang-orang sebelum mereka juga telah mengatur rancangan-rancangan yang jahat (terhadap agama Allah)"(26)

Ayat ini menggambarkan tindakan jahat dalam bentuk bangunan rumah yang mempunyai tapak-tapak, tiang-tiang dan bumbung untuk menunjukkan betapa halus, rapi, kukuh dan besarnya rancangan-rancangan jahat itu. Tetapi semuanya tidak dapat berdiri di hadapan kekuatan dan tadbir Allah:

فَأَتَى ٱللَّهُ بُنْيَٰنَهُم مِّنَ ٱلْقَوَاعِدِ فَخَرَّ عَلَيْهِمُ
ٱلسَّقْفُ مِن فَوْقِهِمْ

"Maka Allah telah menghancurkan rumah-rumah mereka dari tapak-tapaknya, lalu bumbung-bumbungnya runtuh menimpa ke atas mereka."(26)

Itulah pemandangan kebinasaan yang menyeluruh, yang menimpa mereka dari atas dan bawah, di mana tapak-tapak bangunan habis runtuh dan bumbung-bumbung jatuh menimpa mereka menyebabkan mereka tertimbus:

وَأَتَىٰهُمُ ٱلْعَذَابُ مِنْ حَيْثُ لَا يَشْعُرُونَ ﴿٢٦﴾

"Dan mereka telah ditimpa 'azab seksa dari arah yang tidak disedari mereka."(26)

Rumah yang dibina mereka dengan kukuh untuk menjadi tempat perlindungan mereka tiba-tiba menjadi kubur mereka dan tempat kebinasaan yang menimpa mereka dari atas dan bawah. Mereka tidak pernah terfikir bahawa bahaya 'azab seksa itu datang dari rumah yang dibangunkan mereka.

Itulah pemandangan kebinasaan yang menyeluruh dan pemandangan sendaan terhadap orang-orang yang merancangkan tindakan-tindakan jahat dan menentang da'wah Allah. Mereka menyangka bahawa rancangan-rancangan jahat mereka tidak dapat ditolak, tetapi Allah mengepung di belakang mereka.

Pemandangan ini berulang-ulang di sepanjang zaman sama ada sebelum Quraysy atau selepas Quraysy, tetapi da'wah Allah tetap berjalan walaupun diganggu-gugatkan oleh rancangan-rancangan jahat yang diatur oleh musuh-musuhnya. Dari satu masa ke satu masa orang ramai akan berpaling dan terkenang kepada pemandangan yang berkesan yang dilukiskan oleh Al-Qur'anul-Karim:

قَدْ مَكَرَ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ فَأَتَى ٱللَّهُ بُنْيَٰنَهُم مِّنَ
ٱلْقَوَاعِدِ فَخَرَّ عَلَيْهِمُ ٱلسَّقْفُ مِن فَوْقِهِمْ
وَأَتَىٰهُمُ ٱلْعَذَابُ مِنْ حَيْثُ لَا يَشْعُرُونَ ﴿٢٦﴾

"Sesungguhnya orang-orang sebelum mereka juga telah mengatur rancangan yang jahat (terhadap agama Allah), maka Allah telah menghancurkan rumah-rumah mereka dari tapak-tapaknya lalu bumbung-bumbungnya runtuh menimpa ke atas mereka. Dan mereka telah ditimpa 'azab seksa dari arah yang tidak disedari mereka."(26)

Inilah yang berlaku di dunia atau di alam kenyataan bumi:

Tindakan Sunnatullah Pada Hari Akhirat

ثُمَّ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ يُخْزِيهِمْ وَيَقُولُ أَيْنَ شُرَكَآءِىَ
ٱلَّذِينَ كُنتُمْ تُشَٰٓقُّونَ فِيهِمْ

"Kemudian pada hari Qiamat pula Allah akan menghinakan mereka seraya berfirman: Di manakah sekutu-sekutu-Ku yang kamu menentang (rasul-rasul) kerana mereka?"'(27)

Dalam ayat ini tergambar satu pemandangan hari Qiamat, di mana golongan manusia yang sombong

dan merancang tindakan-tindakan jahat berada dalam satu keadaan yang hina. Kini zaman keangkuhan dan tipu daya jahat mereka telah berakhir dan kini mereka datang mengadap Allah Tuhan yang memiliki segala makhluk dan segala urusan. Di sini Allah mengemukakan satu pertanyaan yang penuh kecaman: "Di manakah sekutu-sekutu-Ku yang kamu menentang (rasul-rasul) kerana mereka?" Yakni di manakah sekutu-sekutu-Ku yang kerana mereka kamu telah menentang Rasul dan para Mu'minin dan kerana mereka kamu berdebat dengan orang-orang yang beriman yang berpegang dengan 'aqidah tauhid?

Mereka terdiam hina dan hampa. Sementara itu golongan yang dikurniakan ilmu pula yang bercakap. Mereka telah diizinkan Allah pada hari itu menjadi jurucakap yang lantang:

إِنَّ ٱلْخِزْيَ ٱلْيَوْمَ وَٱلسُّوٓءَ عَلَى ٱلْكَـٰفِرِينَ ﴿٢٧﴾

"Sesungguhnya kehinaan dan 'azab yang buruk pada hari ini ditimpakan ke atas orang-orang yang kafir."(27)

ٱلَّذِينَ تَتَوَفَّىٰهُمُ ٱلْمَلَـٰٓئِكَةُ ظَالِمِىٓ أَنفُسِهِمْ

"Iaitu orang-orang yang dimatikan malaikat dalam keadaan menganiayai diri mereka sendiri."(28)

Ayat ini membawa mereka pulang selangkah ke belakang, iaitu selangkah sebelum berlakunya hari Qiamat. Ia membawa mereka pulang kepada detik-detik waktu mereka sedang dalam nazak maut, di mana malaikat matikan mereka dalam keadaan menganiayai diri mereka sendiri dengan sebab perbuatan mereka mengharamkan diri mereka dari keimanan dan keyakinan dan membawa diri mereka ke jalan kebinasaan dan pada akhirnya mengheret mereka ke dalam Neraka dan 'azab seksa.

Al-Qur'an menggambarkan mereka di sa'at nazak maut, di mana mereka masih baru dengan suasana-suasana dunia dan dengan tindak-tanduk mereka melakukan pendustaan, rancangan-rancangan jahat dan tipu daya:

فَأَلْقَوُا۟ ٱلسَّلَمَ مَا كُنَّا نَعْمَلُ مِن سُوٓءٍۭ

"Lalu mereka menyerah diri (sambil berkata): Kami tidak pernah melakukan sesuatu kejahatan pun."(28)

Orang-orang yang angkuh itu tiba-tiba menyerah diri tidak mahu lagi bergaduh atau bertengkar. Mereka menawarkan penyerahan diri kemudian mereka berdusta - ini mungkin sebahagian dari tipu daya mereka semasa di dunia - mereka berkata dengan menyerah kalah: "Kami tidak pernah melakukan sesuatu kejahatan pun". Ini adalah satu pemandangan dan pendirian yang amat hina bagi orang-orang yang sombong dan angkuh itu.

Kemudian perkataan mereka dijawab:

بَلَىٰٓ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌۢ بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٢٨﴾

"Sebenarnya kamu telah melakukannya. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala perbuatan yang dilakukan kamu."(28)

Itulah jawapan dari Allah Yang Maha Mengetahui keadaan mereka yang sebenar dan tidak ada sesuatu jalan lagi untuk berbohong, berdalih dan berdolak-dalih.

Kemudian tibalah masanya mereka menerima balasan orang-orang yang angkuh dan sombong:

فَٱدْخُلُوٓا۟ أَبْوَٰبَ جَهَنَّمَ خَـٰلِدِينَ فِيهَا ۖ فَلَبِئْسَ مَثْوَى ٱلْمُتَكَبِّرِينَ ﴿٢٩﴾

"Oleh itu masuklah pintu-pintu Neraka Jahannam, di mana kamu akan tinggal kekal abadi. Amatlah buruk tempat kediaman orang-orang yang angkuh."(29)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 30 - 32)

Sementara di tebing sebelah lagi terdapat pula orang-orang yang bertaqwa yang bertentangan titik-tolak dan nasib kesudahan mereka dengan golongan pengingkar dan angkuh itu.

وَقِيلَ لِلَّذِينَ ٱتَّقَوْا۟ مَاذَآ أَنزَلَ رَبُّكُمْ ۚ قَالُوا۟ خَيْرًا ۗ لِّلَّذِينَ أَحْسَنُوا۟ فِى هَـٰذِهِ ٱلدُّنْيَا حَسَنَةٌ ۚ وَلَدَارُ ٱلْـَٔاخِرَةِ خَيْرٌ ۚ وَلَنِعْمَ دَارُ ٱلْمُتَّقِينَ ﴿٣٠﴾

جَنَّـٰتُ عَدْنٍ يَدْخُلُونَهَا تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَـٰرُ ۖ لَهُمْ فِيهَا مَا يَشَآءُونَ ۚ كَذَٰلِكَ يَجْزِى ٱللَّهُ ٱلْمُتَّقِينَ ﴿٣١﴾

ٱلَّذِينَ تَتَوَفَّىٰهُمُ ٱلْمَلَـٰٓئِكَةُ طَيِّبِينَ ۙ يَقُولُونَ سَلَـٰمٌ عَلَيْكُمُ ٱدْخُلُوا۟ ٱلْجَنَّةَ بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٣٢﴾

"Dan telah ditanya kepada orang-orang yang bertaqwa: Apakah yang telah diturunkan Tuhan kamu? Jawab mereka: Kebaikan. Iaitu orang-orang yang melakukan kebaikan di dunia ini akan mendapat balasan yang baik, dan sesungguhnya negeri Akhirat itu adalah lebih baik, dan ialah sebaik-baik negeri bagi orang-orang yang bertaqwa(30). Itulah Syurga-syurga 'Adni yang akan dimasuki mereka, yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, di sana mereka akan mendapat segala apa yang mereka sukai. Demikianlah Allah memberi balasan kepada orang-orang yang bertaqwa(31). Iaitu orang-orang yang diwafatkan malaikat dalam keadaan yang senang-lenang, sambil mengucapkan kepada mereka: Selamat sejahtera ke atas kamu, masuklah ke dalam Syuga dengan amalan-amalan yang telah yang dilakukan kamu."(32)

Oleh kerana orang-orang yang bertaqwa itu menyedari bahawa "kebaikan" itulah asas da'wah Islam dan asas segala perintah, segala larangan, segala arahan dan segala perundangan yang diturunkan Allah, maka mereka telah menyimpulkan keseluruhan tujuan da'wah dalam sepatah kata sahaja:

قَالُوا۟ خَيْرًا ۗ

"Jawab mereka: Kebaikan"(30)

Kemudian mereka memperincikan kebaikan ini sejauh yang mereka mengetahui dari keterangan-keterangan yang telah diturunkan Allah:

لِّلَّذِينَ أَحْسَنُوا۟ فِى هَٰذِهِ ٱلدُّنْيَا حَسَنَةٌ ۚ

"Iaitu orang-orang yang melakukan kebaikan di dunia ini akan mendapat, balasan yang baik"(30)

iaitu kehidupan yang baik, kesenangan yang baik dan kedudukan yang baik

وَلَدَارُ ٱلْءَاخِرَةِ خَيْرٌ ۚ

"Dan sesungguhnya negeri Akhirat itu adalah lebih baik"(30)

dari negeri dunia ini.

وَلَنِعْمَ دَارُ ٱلْمُتَّقِينَ ﴿٣٠﴾

"Dan ialah sebaik-baik negeri bagi orang-orang yang bertaqwa."(30)

Kemudian Al-Qur'an memperincikan keterangan umum mengenai negeri Akhirat itu dengan firman-Nya:

جَنَّٰتُ عَدْنٍ

"Itulah Syurga-syurga 'Adni"(31)

untuk kediaman mereka:

تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ ۖ

"Yang mengalir di bawahnya sungai-sungai"(31)

yang mencerminkan kemewahan hidup mereka.

لَهُمْ فِيهَا مَا يَشَآءُونَ ۚ

"Di sana mereka akan mendapat segala apa yang mereka sukai."(31)

Yakni di sana tiada sebarang penafian dan penat lelah dan tiada sebarang sekatan rezeki sebagaimana yang terdapat di dalam kehidupan dunia.

كَذَٰلِكَ يَجْزِى ٱللَّهُ ٱلْمُتَّقِينَ ﴿٣١﴾

"Demikianlah Allah memberi balasan kepada orang-orang yang bertaqwa."(31)

Kemudian Al-Qur'an membawa orang-orang yang bertaqwa pulang selangkah ke belakang sebagaimana ia telah membawa pendusta-pendusta sebelum mereka pulang selangkah ke belakang. Di sana mereka berada dalam satu pemandangan yang menggambarkan keadaan nazak maut yang senang, lemah-lembut dan mesra:

ٱلَّذِينَ تَتَوَفَّىٰهُمُ ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ طَيِّبِينَ ۙ

"Iaitu orang-orang yang diwafatkan malaikat dalam keadaan yang senang-lenang."(32)

Yakni hati mereka senang dan riang kerana dapat bertemu dengan Allah dan kerana terlepas dari kesusahan dan kesengsaraan maut.

يَقُولُونَ سَلَٰمٌ عَلَيْكُمُ

"Sambil mengucapkan kepada mereka: Selamat sejahtera ke atas kamu"(32)

dengan tujuan mententeramkan hati mereka dari mengalu-alukan kedatangan mereka:

ٱدْخُلُوا۟ ٱلْجَنَّةَ بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٣٢﴾

"Masuklah ke dalam Syurga dengan amalan-amalan yang telah dilakukan kamu."(32)

Ini bertujuan untuk menyampaikan berita bahagia dengan segera kepada mereka ketika mereka sedang melalui ambang Akhirat sebagai balasan yang setimpal dengan amalan-amalan baik yang telah dilakukan mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 33 - 34)

Di bawah bayangan dua pemandangan ini, iaitu pemandangan ketika dalam nazak maut dan pemandangan kebangkitan selepas mati, Al-Qur'an mengumumkan satu pernyataan kepada kamu Musyrikin Quraysy apakah yang ditunggu mereka? Apakah mereka menunggu malaikat mematikan mereka? Atau menunggu perintah Allah membangkitkan mereka? Inilah yang ditunggu-tunggu mereka ketika mati dan yang ditunggu-tunggu mereka pada hari mereka dibangkitkan Allah! Atau tidakkah sepatutnya nasib kesusahan para pendusta sebelum mereka yang telah disaksikan mereka tergambar di dalam dua pemandangan ini menjadi contoh teladan dan pengajaran kepada mereka?

Balasan Yang Setimpal

هَلْ يَنظُرُونَ إِلَّآ أَن تَأْتِيَهُمُ ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ أَوْ يَأْتِىَ
أَمْرُ رَبِّكَ ۚ كَذَٰلِكَ فَعَلَ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ ۚ وَمَا ظَلَمَهُمُ
ٱللَّهُ وَلَٰكِن كَانُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ ﴿٣٣﴾
فَأَصَابَهُمْ سَيِّـَٔاتُ مَا عَمِلُوا۟ وَحَاقَ بِهِم مَّا كَانُوا۟ بِهِۦ
يَسْتَهْزِءُونَ ﴿٣٤﴾

"Mereka (orang-orang kafir) tidak menunggu melainkan kedatangan malaikat kepada mereka atau kedatangan 'azab Tuhanmu. Demikianlah apa yang telah dilakukan orang-orang (kafir) sebelum mereka. Dan Allah sama sekali tidak menganiayai mereka, tetapi merekalah yang telah menganiayai diri mereka sendiri(33). Lalu mereka ditimpa 'azab dari kejahatan-kejahatan yang telah dilakukan mereka dan mereka telah dikepung 'azab yang telah dipersenda-sendakan mereka."(34)

Sungguh aneh keadaan manusia. Mereka telah melihat akibat yang telah menimpa orang-orang yang terdahulu dari mereka yang mengikuti jalan yang sama dengan mereka, tetapi mereka masih terus lalai mengikuti jalan itu tanpa memikirkan bahawa akibat yang telah menimpa orang lain itu mungkin akan menimpa mereka pula, dan tanpa menginsafi bahawa Sunnatullah tetap berjalan mengikut peraturannya yang teratur, bahawa muqaddimah tetap melahirkan natijahnya, bahawa amalan-amalan itu tetap menerima balasannya dan bahawa Sunnatullah tetap tidak akan bertolak unsur dengan mereka, tetap tidak akan berhenti bertindak terhadap mereka dan tetap tidak akan menyimpang dari jalan mereka.

وَمَا ظَلَمَهُمُ ٱللَّهُ وَلَٰكِن كَانُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ ﴿٣٣﴾

"Dan Allah sama sekali tidak menganiayai mereka, tetapi merekalah yang telah menganiayai diri mereka sendiri."(33)

Kerana Allah mengurniakan kebebasan berfikir dan memilih kepada mereka di samping membentangkan kepada mereka bukti-bukti kekuasaan-Nya di merata pelosok alam dan pada kejadian diri mereka sendiri, juga mengingatkan mereka kepada akibatnya yang buruk dan menyerahkan mereka kepada amalan mereka sendiri dan kepada peraturan-Nya yang sedang berjalan. Oleh sebab itulah Allah sama sekali tidak menganiayakan mereka dalam menentukan akibat yang tetap menimpa mereka, tetapi merekalah yang telah menganiayai diri mereka sendiri.

Allah sama sekali tidak berlaku kejam dalam penentuan balasan ke atas mereka, malah amalan-amalan mereka yang jahatlah yang telah berlaku kejam terhadap mereka kerana mereka telah menerima hasil dan balasan dari dosa-dosa mereka sendiri.

فَأَصَابَهُمْ سَيِّـَٔاتُ مَا عَمِلُوا۟ وَحَاقَ بِهِم مَّا كَانُوا۟ بِهِۦ
يَسْتَهْزِءُونَ ﴿٣٤﴾

"Lalu mereka ditimpa 'azab dari kejahatan-kejahatan yang telah dilakukan mereka dan mereka telah dikepung 'azab yang telah dipersenda-sendakan mereka."(34)

Ayat ini dan ayat-ayat seumpamanya menyampaikan pengertian bahawa mereka tidak dibalaskan dengan balasan di luar dari hasil amalan mereka sendiri, malah mereka menerima balasan dengan sebab kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan mereka dengan sukarela mereka sendiri. Mereka telah menjatuhkan diri mereka ke darjat manusia yang paling rendah dengan sebab dosa-dosa yang telah dilakukan mereka dan kerana itu mereka dibalaskan dengan darjat manusia yang paling rendah di dalam tingkatan 'azab Neraka yang paling bawah yang amat hina dan pedih.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 35 - 37)

Ini adalah satu alasan baru dari alasan-alasan kaum Musyrikin tentang sebab kesyirikan mereka dan hubungan-hubungannya:

وَقَالَ ٱلَّذِينَ أَشْرَكُوا۟ لَوْ شَآءَ ٱللَّهُ مَا عَبَدْنَا مِن
دُونِهِۦ مِن شَىْءٍ نَّحْنُ وَلَآ ءَابَآؤُنَا وَلَا حَرَّمْنَا مِن
دُونِهِۦ مِن شَىْءٍ ۚ كَذَٰلِكَ فَعَلَ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ ۚ فَهَلْ
عَلَى ٱلرُّسُلِ إِلَّا ٱلْبَلَٰغُ ٱلْمُبِينُ ﴿٣٥﴾
وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِى كُلِّ أُمَّةٍ رَّسُولًا أَنِ ٱعْبُدُوا۟
ٱللَّهَ وَٱجْتَنِبُوا۟ ٱلطَّٰغُوتَ ۖ فَمِنْهُم مَّنْ هَدَى ٱللَّهُ
وَمِنْهُم مَّنْ حَقَّتْ عَلَيْهِ ٱلضَّلَٰلَةُ ۚ فَسِيرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ
فَٱنظُرُوا۟ كَيْفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلْمُكَذِّبِينَ ﴿٣٦﴾

"Dan berkatalah orang-orang yang telah mempersekutui Allah: Jika Allah kehendaki tentulah kami tidak menyembah sesuatu apa pun selain Dia, baik kami mahupun datuk nenek kami dan tentulah kami tidak mengharamkan sesuatu apa pun selain dari apa yang telah diharamkan-Nya. Demikianlah apa yang telah dilakukan orang-orang (Musyrikin) sebelum mereka. Tiada tugas para rasul melainkan ialah menyampaikan perutusan Allah dengan jelas(35). Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan Rasul di kalangan setiap umat (untuk menyeru): Sembahlah Allah dan jauhilah Taghut. Di antara mereka ada orang-orang yang dihidayatkan Allah dan ada pula di antara mereka orang-orang yang telah diputuskan mendapat kesesatan. Oleh itu jelajahilah di muka bumi ini dan lihatlah bagaimana akibat yang telah menimpa para pendusta."(36)

Logik Yang Songsang

Mereka memulangkan perkara kesyirikan dan penyembahan tuhan-tuhan yang lain dari Allah yang dilakukan mereka dan datuk nenek mereka, juga kepercayaan-kepercayaan paganisme yang diamalkan mereka seperti mengharamkan setengah-setengah sembelihan dan makanan kepada diri mereka tanpa direstukan oleh syari'at Allah... mereka memulangkan semua perkara ini kepada kehendak Allah belaka. Pada hemat mereka andainya Allah kehendaki supaya mereka jangan melakukan sesuatu dari perkara-perkara tersebut tentulah Allah telah menghalangi mereka dari melakukannya.

Ini adalah suatu pemikiran yang salah dalam memahami konsep kehendak Allah, juga suatu

perbuatan melucutkan manusia dari cirinya yang dikurniakan Allah kepada mereka untuk digunakan di dalam kehidupan mereka.

Allah sama sekali tidak mahukan para hamba-Nya melakukan perbuatan syirik dan sama sekali tidak mengizinkan mereka mengharamkan makanan-makanan yang baik yang telah dihalalkan untuk mereka. Kehendak Allah yang seperti ini disebut dengan jelas di dalam syari'at-Nya melalui lidah para rasul-Nya yang ditugaskan menyampaikannya kepada hamba-Nya dan mereka telah menunaikan tugas ini (dengan sebaik-baiknya):

وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَّسُولًا أَنِ اعْبُدُوا اللَّهَ وَاجْتَنِبُوا الطَّاغُوتَ ۖ

"Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan Rasul di kalangan setiap umat (untuk menyeru): Sembahlah Allah dan jauhilah Taghut"(36)

Manusia Mempunyai Kebebasan Memilih

Inilah perintah dan kehendak Allah kepada para hamba-Nya. Allah S.W.T. sama sekali tidak menyuruh manusia melakukan sesuatu yang Dia tahu bahawa Dia telah melarang mereka melakukannya atau Allah S.W.T. sama sekali tidak mendorong manusia melanggar perintah-Nya secara paksa dan bukti Allah tidak redha manusia melanggar perintah-Nya ialah balasan 'azab yang ditimpakannya ke atas para pendusta:

فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكَذِّبِينَ ﴿٣٦﴾

"Oleh itu jelajahilah di muka bumi ini dan lihatlah bagaimana akibat yang telah menimpa para pendusta."(36)

Sebenarnya apa yang telah dikehendaki Allah selaku Pencipta Yang Maha Bijaksana ialah Dia menjadikan manusia mempunyai kesediaan dan kebolehan untuk memilih hidayat atau memilih kesesatan. Dia memberi kebebasan yang penuh kepada kemahuan mereka untuk memilih di antara dua jalan itu. Di samping itu Allah mengurniakan akal kepada mereka untuk membolehkan mereka membuat penentuan di antara dua jalan itu. Setelah Dia membentangkan di merata pelosok alam buana ini bukti-bukti hidayat yang jelas, yang menarik mata, telinga, perasaan, hati dan akal, di mana sahaja mereka pergi di waktu malam atau siang. Di samping itu semua, rahmat Allah yang limpah terhadap hamba-Nya menghendaki Dia tidak akan membiarkan manusia kepada bimbingan akal mereka sahaja, lalu Allah meletakkan neraca yang tetap untuk perambangan akal di dalam menilaikan syari'at-syari'at-Nya yang di bawa oleh para rasul-Nya. Dengan wujudnya neraca ini dapatlah akal menggunakannya apabila berlaku sesuatu kekeliruan supaya dia dapat pastikan sama ada penilaiannya itu betul atau salah mengikut pertimbangan neraca yang tetap, yang tidak dapat dipermain-mainkan oleh hawa nafsunya. Allah tidak pernah menjadikan para rasul-Nya orang-orang zalim yang bertindak memaksa manusia dengan melipat leher mereka supaya beriman, tetapi Allah jadikan para rasul itu hanya sebagai para penyampai sahaja. Tugas mereka ialah menyampai, iaitu menyuruh manusia beribadat kepada Allah yang tunggal sahaja dan menjauhi penyembahan tuhan-tuhan yang lain yang terdiri dari berhala-berhala, hawa nafsu dan kuasa:

وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَّسُولًا أَنِ اعْبُدُوا اللَّهَ وَاجْتَنِبُوا الطَّاغُوتَ ۖ

"Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan Rasul di kalangan setiap umat (untuk menyeru): Sembahlah Allah dan jauhilah Taghut"(36)

Segolongan manusia menyambut seruan itu:

فَمِنْهُم مَّنْ هَدَى اللَّهُ

"Di antara mereka ada orang-orang yang dihidayatkan Allah"(36)

Sementara segolongan yang lain lari ke jalan yang sesat:

وَمِنْهُم مَّنْ حَقَّتْ عَلَيْهِ الضَّلَالَةُ ۚ

"Dan ada pula di antara mereka orang-orang yang telah diputuskan mendapat kesesatan."(36)

Kedua golongan ini tidak terkeluar dari kehendak Allah. Kedua-dua golongan tidak dipaksa oleh Allah menerima hidayat atau kesesatan, malah mereka telah menjalani jalan pilihan mereka sendiri, iaitu jalan yang telah dikehendaki Allah dengan menjadikan kemahuan mereka bebas memilihnya setelah membekalkan mereka dengan panduan-panduan mengenai tanda-tanda jalan yang benar yang dibentangkan pada kejadian diri mereka sendiri dan di merata pelosok alam buana.

Demikianlah Al-Qur'anul-Karim menafikan dengan ayat ini anggapan paksaan yang karut yang dibayangkan oleh kaum Musyrikin dan dijadikan alasan oleh sebilangan ramai para penderhaka dan penyeleweng dari jalan Allah. 'Aqidah Islam adalah satu 'aqidah yang amat jelas dan terang di dalam perkara ini. Allah menyeru para hamba-Nya melakukan amalan yang baik dan melarang mereka melakukan amalan yang jahat. Di dunia lagi kadang-kadang Allah mengenakan hukuman-hukuman ke atas orang-orang yang berdosa, iaitu dalam bentuk balasan-balasan yang jelas memperlihatkan kemurkaan-Nya terhadap mereka. Oleh itu dengan pernyataan ini tidak ada sebarang ruang untuk dikatakan bahawa iradat Allah turut campurtangan untuk memaksa mereka menyeleweng kemudian menghukum mereka, malah sebenarnya mereka ditinggal bebas untuk memilih jalan mereka. Inilah kehendak iradat Allah: Segala amalan yang terbit dari

mereka sama ada baik atau jahat, hidayat atau kesesatan adalah berlangsung mengikut kehendak Allah berdasarkan konsep yang telah kami huraikan tadi.

Oleh sebab itu Al-Qur'an mengulaskan pernyataan ini dengan satu keterangan yang ditujukan kepada Rasulullah s.a.w. untuk menjelaskan undang-undang Allah mengenai hidayat dan kesesatan itu:

إِن تَحْرِصْ عَلَىٰ هُدَاهُمْ فَإِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهْدِي مَن
يُضِلُّ ۖ وَمَا لَهُم مِّن نَّٰصِرِينَ ﴿٣٧﴾

"Jika engkau (Muhammad) begitu kepingin untuk memberi hidayat kepada mereka, maka sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada orang-orang yang memang wajar disesatkan-Nya dan mereka tidak akan mendapat penolong-penolong."(37)

Hidayat dan kesesatan itu bukanlah bergantung kepada kehendak dan hasrat Rasul agar kaumnya mendapat hidayat, kerana tugas beliau hanya menyampaikan (perutusan Allah) sahaja. Adapun perkara hidayat atau kesesatan, maka ia berlangsung mengikut undang-undang Allah yang tidak pernah mungkir dan berubah. Orang yang telah disesatkan Allah kerana ia memang wajar mendapat kesesatan itu mengikut undang-undang Allah, maka Allah tidak memberi hidayat kepadanya. Allah mempunyai peraturan-peraturan dan undang-undang yang kemas yang melahirkan natijah-natijah-Nya. Demikianlah kehendak iradat Allah dan Allah Maha Berkuasa melakukan segala apa yang dikehendaki-Nya:

وَمَا لَهُم مِّن نَّٰصِرِينَ ﴿٣٧﴾

"Dan mereka tidak akan mendapat penolong-penolong" (37)

yang dapat menolong mereka selain dari Allah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 38 - 40)

Ini pula satu alasan yang ketiga dari alasan-alasan yang dikemukakan oleh para pengingkar yang angkuh:

وَأَقْسَمُوا۟ بِٱللَّهِ جَهْدَ أَيْمَٰنِهِمْ ۙ لَا يَبْعَثُ ٱللَّهُ مَن
يَمُوتُ ۚ بَلَىٰ وَعْدًا عَلَيْهِ حَقًّا وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ
لَا يَعْلَمُونَ ﴿٣٨﴾

لِيُبَيِّنَ لَهُمُ ٱلَّذِى يَخْتَلِفُونَ فِيهِ وَلِيَعْلَمَ ٱلَّذِينَ
كَفَرُوٓا۟ أَنَّهُمْ كَانُوا۟ كَٰذِبِينَ ﴿٣٩﴾

إِنَّمَا قَوْلُنَا لِشَىْءٍ إِذَآ أَرَدْنَٰهُ أَن نَّقُولَ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ ﴿٤٠﴾

"Dan mereka telah bersumpah dengan nama Allah dengan sumpah mereka yang sungguh-sungguh: Allah tidak akan membangkitkan orang yang mati (tidak sekali-kali begitu), bahkan Allah telah menjanjikan kebangkitan itu dengan janji yang benar, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui(38). Supaya dia dapat menjelaskan kepada mereka perkara yang dipertikaikan mereka dan supaya orang-orang yang kafir itu mengetahui bahawa mereka adalah pembohong-pembohong(39). Sesungguhnya firman Kami kepada sesuatu apabila Kami mahu mengadakannya ialah Kami hanya berkata kepadanya: Kun! (Jadilah!). Maka ia pun terus jadi."(40)

Kebangkitan Selepas Mati Merupakan Kemusykilan Sepanjang Zaman

Persoalan kebangkitan selepas mati selalu menjadi kemusykilan 'aqidah pada kebanyakan umat manusia sejak Allah mengutuskan para rasul-Nya kepada mereka untuk menyuruh mereka melakukan amalan-amalan yang baik, melarang mereka melakukan amalan-amalan yang jahat dan menakutkan mereka dengan hisab Allah pada hari kebangkitan dan hisab.

Kaum Musyrikin Quraysy telah bersumpah dengan nama Allah dengan bersungguh-sungguh bahawa Allah tidak akan membangkitkan orang yang telah mati. Mereka mengakui kewujudan Allah, tetapi mereka menafikan bahawa Allah akan membangkitkan kembali orang-orang yang mati dari dalam kubur-kubur mereka. Mereka memikirkan kebangkitan itu suatu perkara yang amat sukar selepas seorang itu mati dan hancur-lebur menjadi debu-debu tanah.

Mereka lupa kepada mu'jizat hayat yang pertama. Mereka lupa kepada sifat qudrat Allah, yang tidak dapat dibandingkan dengan kefahaman-kefahaman manusia dan daya tenaga mereka. Qudrat Allah tidak memerlukan sesuatu apabila dia hendak mewujudkan sesuatu. Hanya dengan adanya iradat-Nya sahaja sudah cukup untuk membawa sesuatu ke alam al-wujud.

Mereka juga lupa kepada hikmat Allah mengadakan kebangkitan itu. Sebenarnya di dunia ini tidak ada suatu yang dapat mencapai kesempurnaannya. Manusia sentiasa berselisih dan bertikai tentang kebenaran dan kebatilan, tentang hidayat dan kesesatan, kebaikan dan kejahatan. Kadang-kadang perselisihan mereka tidak dapat diputuskan di antara mereka di dunia ini kerana iradat Allah mahu memanjangkan umur setengah-setengah mereka dan tidak mahu mereka ditimpakan 'azab hukuman pemutus di dunia ini supaya balasan mereka dapat diputuskan pada hari Akhirat dan supaya segala perkara dapat mencapai kesempurnaannya di sana.

Ayat tadi menjawab alasan orang-orang yang kafir itu dan mendedahkan kekeliruan yang menyelubungi hati mereka. Mula-mula ia membuat penjelasan:

وَعْدًا عَلَيْهِ حَقًّا

"(Tidak sekali-kali begitu) bahkan Allah telah menjanjikan kebangkitan itu dengan janji yang benar"(38)

dan apabila Allah telah menjanjikan sesuatu, maka janji-Nya akan tetap ditepati tanpa sebarang kemungkiran.

وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٣٨﴾

"Tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui"(38)

hakikat perjanjian Allah. Kebangkitan itu mempunyai hikmatnya iaitu:

لِيُبَيِّنَ لَهُمُ ٱلَّذِى يَخْتَلِفُونَ فِيهِ وَلِيَعْلَمَ ٱلَّذِينَ
كَفَرُوٓا۟ أَنَّهُمْ كَانُوا۟ كَٰذِبِينَ ﴿٣٩﴾

"Supaya dia dapat menjelaskan kepada mereka perkara yang dipertikaikan mereka dan supaya orang-orang yang kafir itu mengetahui bahawa mereka adalah pembohong-pembohong."(39)

Mereka telah berbohong (di dunia) ketika mereka mendakwa telah menerima hidayat dan ketika mereka mengatakan bahawa para rasul itu dusta dan ketika mereka menolak kepercayaan kepada hari Akhirat. (Kebangkitan itu juga bertujuan mendedahkan) kepercayaan dan kerosakan mereka.

Urusan penciptaan Allah itu amat mudah:

إِنَّمَا قَوْلُنَا لِشَىْءٍ إِذَآ أَرَدْنَٰهُ أَن نَّقُولَ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ ﴿٤٠﴾

"Sesungguhnya firman Kami kepada sesuatu apabila Kami mahu mengadakannya ialah Kami hanya berkata kepadanya: Kun! (Jadilah!). Maka ia pun terus jadi."(40)

Urusan kebangkitan juga termasuk dalam perkara-perkara yang dapat diwujudkan segera tanpa sebarang kelewatan sebaik sahaja iradat Allah menghendakinya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 41 - 42)

Kedudukan Istimewa Golongan Muhajirin

Kemudian di sini pula Allah bentangkan perihal golongan yang menjadi lawan kepada golongan pengingkar yang tidak beriman, iaitu golongan para Mu'minin yang yakin dan percaya, dan keyakinan mereka kepada Allah dan hari Akhirat itulah yang mendorong mereka sanggup meninggalkan kampung halaman dan harta benda mereka kerana Allah dan kerana Sabilullah:

وَٱلَّذِينَ هَاجَرُوا۟ فِى ٱللَّهِ مِنۢ بَعْدِ مَا ظُلِمُوا۟ لَنُبَوِّئَنَّهُمْ
فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً ۖ وَلَأَجْرُ ٱلْءَاخِرَةِ أَكْبَرُ ۚ لَوْ كَانُوا۟
يَعْلَمُونَ ﴿٤١﴾
ٱلَّذِينَ صَبَرُوا۟ وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ﴿٤٢﴾

"Dan orang-orang yang berhijrah kerana Allah sesudah mereka dianiyai, maka Kami tetap memberi tempat yang baik kepada mereka di dunia dan sesungguhnya pahala di Akhirat adalah lebih besar jika mereka mengetahui(41). (Iaitu) orang-orang yang sabar dan bertawakkal kepada Tuhan mereka."(42)

Orang-orang yang telah meninggalkan kampung halaman dan harta benda mereka, melucutkan milik mereka dari segala sesuatu yang dimiliki dan disayangi mereka, mengorbankan rumah kediaman, hubungan kekeluargaan yang rapat dan hubungan kasih sayang dari kenangan mereka, maka mereka berharap mendapat gantirugi di Akhirat dari segala harta benda dan segala sesuatu yang telah ditinggalkan mereka. Mereka telah menderita kezaliman dan penindasan kemudian menjauhkan diri darinya. Oleh itu jika mereka telah kehilangan dan kerugian kampung halaman mereka, maka:

لَنُبَوِّئَنَّهُمْ فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً ۖ

"Maka Kami tetap memberi tempat yang baik kepada mereka di dunia"(41)

yakni Kami tetap memberi tempat kediaman yang lebih baik dari tempat kediaman yang hilang dari mereka.

وَلَأَجْرُ ٱلْءَاخِرَةِ أَكْبَرُ ۚ لَوْ كَانُوا۟ يَعْلَمُونَ ﴿٤١﴾

"Dan sesungguhnya pahala di Akhirat adalah lebih besar"(41)

jika manusia mengetahui.

Mereka ialah:

ٱلَّذِينَ صَبَرُوا۟ وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ﴿٤٢﴾

"Orang-orang yang sabar dan bertawakkal kepada Tuhan mereka."(42)

Mereka tabah menderita berbagai-bagai kesusahan dan berserah mutlak kepada Allah tanpa mempersekutui sesiapa pun.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 43 - 44)

Jenis Rasul Dan Tugas Utamanya

Kemudian Al-Qur'an kembali menghuraikan tugas para rasul yang telah disinggung ketika menjawab alasan kaum Musyrikin yang mengatakan bahawa kesyirikan mereka dan datuk nenek mereka adalah dari kehendak Allah. Ia kembali kepada tugas para rasul itu untuk menjelaskan tugas Rasul yang akhir Muhammad Salawatullah alayhi wasalamu-Hu dan kitab suci yang akhir yang diturunkan kepadanya. Ini ialah sebagai persediaan untuk memberi amaran kepada orang-orang yang mendustakan beliau dengan 'azab yang mengancam mereka sebagai balasan pendustaan itu:

وَمَآ أَرْسَلْنَا مِن قَبْلِكَ إِلَّا رِجَالًا نُّوحِىٓ إِلَيْهِمْ ۚ

فَسْـَٔلُوٓا۟ أَهْلَ ٱلذِّكْرِ إِن كُنتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿٤٣﴾
بِٱلْبَيِّنَٰتِ وَٱلزُّبُرِ ۗ وَأَنزَلْنَآ إِلَيْكَ ٱلذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ
مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٤٤﴾

"Dan Kami tidak utuskan sebelum engkau melainkan orang-orang lelaki yang Kami wahyukan kepada mereka. Oleh itu bertanyalah kepada Ahlil-Kitab jika kamu tidak mengetahui(43). (Rasul-rasul itu) membawa mu'jizat-mu'jizat dan kitab-kitab suci dan Kami turunkan kepadamu Al-Qur'an agar engkau menjelaskan kepada umat manusia segala apa yang telah diturunkan kepada mereka dan supaya mereka berfikir."(44)

Kami hanya mengutuskan lelaki (dari jenis manusia) sahaja. Kami tidak pernah mengutuskan malaikat dan tidak pula pernah mengutuskan makhluk yang lain. Mereka adalah golongan lelaki yang terpilih "yang Kami wahyukan kepada mereka" sebagaimana Kami wahyukan kepada engkau dan Kami menyerahkan tugas tabligh kepada mereka sebagaimana Kami menyerahkannya kepada engkau.

فَسْـَٔلُوٓا۟ أَهْلَ ٱلذِّكْرِ

"Oleh itu bertanyalah kepada Ahlil-Kitab"(43)

iaitu Ahlil-Kitab yang telah didatangi para rasul di zaman dahulu, adakah rasul-rasul itu dari jenis manusia lelaki atau dari jenis malaikat atau dari jenis makhluk yang lain? Bertanyalah kepada mereka "jika kamu tidak mengetahui". Kami mengutuskan mereka membawa mu'jizat-mu'jizat dan kitab-kitab suci.

وَأَنزَلْنَآ إِلَيْكَ ٱلذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ

"Dan turunkan kepadamu Al-Qur'an agar engkau menjelaskan kepada umat manusia segala apa yang telah diturunkan kepada mereka."(44)

Sama ada mereka dari golongan Ahlil-Kitab yang terdahulu yang telah berselisih faham mengenai kitab suci mereka lalu datang Al-Qur'an untuk menyelesaikan perselisihan itu dan menjelaskan hakikat yang sebenar, atau mereka dari golongan Ahlil-Kitab sezaman yang telah didatangi Al-Qur'an, di mana Rasulullah s.a.w. telah menjelas dan mentafsirkannya kepada mereka dengan perbuatan dan perkataan:

وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٤٤﴾

"Dan supaya mereka berfikir"(44)

iaitu memikirkan ayat-ayat Allah dan ayat-ayat Al-Qur'an kerana Al-Qur'an sentiasa menyeru kepada berfikir, mengambil pengajaran, menyedarkan akal fikiran dan menggerakkan perasaan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 45 - 50)

Tiada Keamanan Dari 'azab Kebinasaan

Pelajaran ini yang dimulakan dengan menyebut orang-orang yang angkuh dan mengatur rancangan-rancangan jahat ini diakhiri dengan penjelasan yang mencubit perasaan mereka sekali demi sekali. Pertama untuk menakutkan mereka dari tindakan balasan Allah yang tidak boleh dirasa aman oleh sesiapa pun dan mungkin menimpa mereka pada bila-bila waktu sahaja sama ada malam atau siang. Yang kedua (untuk mengajak mereka) menyertai alam al-wujud untuk sama-sama beribadat dan bertasbih kepada Allah, kerana selama ini hanya manusia sahaja yang menunjukkan keangkuhan dan mengaturkan rancangan jahat, sedangkan seluruh makhluk yang lain di sekeliling mereka sentiasa memuji dan bertasbih kepada Allah.

أَفَأَمِنَ ٱلَّذِينَ مَكَرُوا۟ ٱلسَّيِّـَٔاتِ أَن يَخْسِفَ ٱللَّهُ بِهِمُ
ٱلْأَرْضَ أَوْ يَأْتِيَهُمُ ٱلْعَذَابُ مِنْ حَيْثُ لَا
يَشْعُرُونَ ﴿٤٥﴾
أَوْ يَأْخُذَهُمْ فِى تَقَلُّبِهِمْ فَمَا هُم بِمُعْجِزِينَ ﴿٤٦﴾
أَوْ يَأْخُذَهُمْ عَلَىٰ تَخَوُّفٍ فَإِنَّ رَبَّكُمْ لَرَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿٤٧﴾
أَوَلَمْ يَرَوْا۟ إِلَىٰ مَا خَلَقَ ٱللَّهُ مِن شَىْءٍ يَتَفَيَّؤُا۟ ظِلَٰلُهُۥ عَنِ
ٱلْيَمِينِ وَٱلشَّمَآئِلِ سُجَّدًا لِّلَّهِ وَهُمْ دَٰخِرُونَ ﴿٤٨﴾
وَلِلَّهِ يَسْجُدُ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ مِن
دَآبَّةٍ وَٱلْمَلَٰٓئِكَةُ وَهُمْ لَا يَسْتَكْبِرُونَ ﴿٤٩﴾
يَخَافُونَ رَبَّهُم مِّن فَوْقِهِمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٥٠﴾

"Apakah orang-orang yang mengaturkan rancangan-rancangan yang jahat itu merasa aman dari malapetaka ditelan bumi atau ditimpa 'azab kebinasaan dari arah yang tidak disedari mereka?(45). Atau mereka ditimpa 'azab kebinasaan semasa mereka di dalam perjalanan. Mereka tidak sekali-kali dapat melemahkan Allah(46). Atau mereka ditimpa 'azab kebinasaan dalam keadaan mereka yang amat berhati-hati. Kerana sesungguhnya Tuhan kamu Maha Penyayang dan Maha Pengasih(47). Apakah tidak mereka memperhatikan segala sesuatu yang telah diciptakan Allah, yang mana bayang-bayangnya berbalik-balik ke kanan dan ke kiri kerana sujud kepada Allah dan mereka sentiasa merendahkan diri(48). Dan hanya kepada Allah sahaja sujudnya segala isi langit dan segala isi bumi, dari makhluk-makhluk yang bergerak dan malaikat-malaikat dan seluruh mereka tidak berlagak angkuh(49). Mereka takut kepada Tuhan mereka yang berkuasa di atas mereka dan mereka melaksanakan segala apa yang diperintahkan kepada mereka."(50)

Yang paling indah pada manusia ialah walaupun tangan qudrat Ilahi bertindak di sekeliling mereka dan menyeksa setengah-setengah mereka dengan 'azab kebinasaan yang dahsyat sehingga segala daya tadbir mereka tidak memberi apa-apa faedah kepada mereka dan segala kekuatan, ilmu pengetahuan dan harta kekayaan mereka tidak dapat menyelamatkan mereka, namun mereka terus merancangkan tindakan-tindakan jahat, sementara orang-orang yang terselamat dari 'azab kebinasaan Allah terus hidup aman damai tanpa kebimbangan bahawa mereka akan ditimpa 'azab kebinasaan Allah seperti yang berlaku kepada kaum-kaum yang dahulu dan kepada kaum-kaum di sekeliling mereka. Mereka tidak merasa khuatir bahawa tangan qudrat Ilahi akan mengenakan malapetaka 'azab ke atas mereka sama ada dalam masa mereka jaga atau tidur, sama ada dalam masa kelalaian atau kesedaran mereka. Al-Qur'anul-Karim mencubit perasaan mereka dari segi ini untuk menggerakkan kepekaan mereka terhadap bahaya 'azab Allah yang mungkin berlaku, iaitu satu kemungkinan yang tidak akan dilupai melainkan oleh orang-orang yang rugi sahaja:

أَفَأَمِنَ ٱلَّذِينَ مَكَرُوا۟ ٱلسَّيِّـَٔاتِ أَن يَخْسِفَ ٱللَّهُ بِهِمُ ٱلْأَرْضَ أَوْ يَأْتِيَهُمُ ٱلْعَذَابُ مِنْ حَيْثُ لَا يَشْعُرُونَ ﴿٤٥﴾

"Apakah orang-orang yang mengaturkan rancangan-rancangan yang jahat itu merasa aman dari malapetaka ditelan bumi atau ditimpa 'azab kebinasaan dari arah yang tidak disedari mereka?"(45)

Atau mereka ditimpa 'azab kebinasaan ketika mereka sedang di dalam perjalanan dari sebuah negeri ke sebuah negeri kerana urusan perniagaan atau pelancongan:

فَمَا هُم بِمُعْجِزِينَ ﴿٤٦﴾

"Mereka tidak sekali-kali dapat melemahkan Allah."(46)

Segala tempat duduk mereka tidak menjadi jauh kepada Allah sama ada mereka tinggal di dalam negeri atau keluar negeri.

أَوْ يَأْخُذَهُمْ عَلَىٰ تَخَوُّفٍ

"Atau mereka ditimpa 'azab kebinasaan dalam keadaan mereka yang amat berhati-hati."(47)

Kerana kewaspadaan dan dugaan mereka sama sekali tidak dapat menolak 'azab, kebinasaan Allah. Dia Berkuasa meng'azabkan mereka walaupun mereka cukup bersedia sebagaimana Dia Berkuasa menimpakan 'azab kebinasaan tanpa disedari mereka. Tetapi walau bagaimanapun Allah Maha Penyayang dan Maha Pengasih.

Apakah orang-orang yang merancangkan tindakan-tindakan jahat merasa aman dari di'azabkan Allah? Mereka sentiasa lalai di dalam kejahatan-kejahatan dan kesesatan mereka. Mereka tidak sedar dan berhati-hati.

Mereka berada dalam keadaan itu, sedangkan alam buana di sekeliling mereka dengan segala undang-undang alam dan fenomena-fenomenanya menyatakan keimanan dan khusyu' kepada Allah:

Seluruh Kejadian Menyatakan Keta'atan Kepada Allah Kecuali Manusia

أَوَلَمْ يَرَوْا۟ إِلَىٰ مَا خَلَقَ ٱللَّهُ مِن شَىْءٍ يَتَفَيَّؤُا۟ ظِلَـٰلُهُۥ عَنِ ٱلْيَمِينِ وَٱلشَّمَآئِلِ سُجَّدًا لِّلَّهِ وَهُمْ دَٰخِرُونَ ﴿٤٨﴾

"Apakah tidak mereka memperhatikan segala sesuatu yang telah diciptakan Allah, yang mana bayang-bayangnya berbalik-balik ke kanan dan ke kiri kerana sujud kepada Allah dan mereka sentiasa merendahkan diri?"(48)

Pemandangan bayang-bayang yang memanjang dan memendek, tetap dan bergoyang-goyang merupakan satu pemandangan yang amat menarik kepada orang yang membuka pintu hatinya, menyedarkan perasaannya dan saling berkomunikasi dengan alam buana di sekelilingnya.

Ayat ini mengungkapkan kepatuhan segala kejadian alam kepada undang-undang Allah dengan kata-kata sujud, yang mengungkapkan pernyataan, tunduk dan patuh yang paling tinggi. Ia juga menarik perhatian kepada harakat bayang memanjang dan memendek yang amat seni, halus dan meniti begitu mendalam di dalam perasaan manusia. Ayat ini juga melukiskan makhluk-makhluk itu sentiasa patuh dan ta'at, diikuti pula oleh segala isi langit dan bumi dan ditambahkan pula dengan para malaikat. Semuanya membentuk satu pemandangan yang amat menarik yang menggabungkan segala kejadian-kejadian, bayang-bayang dan makhluk-makhluk yang bergerak dan para malaikat pada satu maqam yang melahirkan khusyu', rendah diri, ibadat dan sujud. Mereka tidak pernah sombong dari menyembah Allah dan tidak pernah melanggar perintah-Nya. Hanya pengingkar-pengingkar yang sombong dari makhluk manusia sahaja yang sombong dan ganjil di maqam yang amat menarik ini.

Dengan pemandangan ini berakhirlah pelajaran yang dimulai dengan menyebut para pengingkar yang angkuh ini menunjukkan pada akhir pelajaran ini bahawa hanya manusia sahaja yang ingkar dan berlagak angkuh di dalam pemandangan alam al-wujud.

(Kumpulan ayat-ayat 51 - 76)

وَقَالَ ٱللَّهُ لَا تَتَّخِذُوٓا۟ إِلَـٰهَيْنِ ٱثْنَيْنِ ۖ إِنَّمَا هُوَ إِلَـٰهٌ وَٰحِدٌ ۖ فَإِيَّـٰىَ فَٱرْهَبُونِ ﴿٥١﴾

وَلَهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَلَهُ ٱلدِّينُ وَاصِبًا ۚ أَفَغَيْرَ

ٱللَّهِ تَتَّقُونَ ٥٢
وَمَا بِكُم مِّن نِّعْمَةٍ فَمِنَ ٱللَّهِ ۖ ثُمَّ إِذَا مَسَّكُمُ ٱلضُّرُّ فَإِلَيْهِ
تَجْـَٔرُونَ ٥٣
ثُمَّ إِذَا كَشَفَ ٱلضُّرَّ عَنكُمْ إِذَا فَرِيقٌ مِّنكُم بِرَبِّهِمْ
يُشْرِكُونَ ٥٤
لِيَكْفُرُوا۟ بِمَآ ءَاتَيْنَٰهُمْ ۚ فَتَمَتَّعُوا۟ ۖ فَسَوْفَ تَعْلَمُونَ ٥٥
وَيَجْعَلُونَ لِمَا لَا يَعْلَمُونَ نَصِيبًا مِّمَّا رَزَقْنَٰهُمْ ۗ تَٱللَّهِ
لَتُسْـَٔلُنَّ عَمَّا كُنتُمْ تَفْتَرُونَ ٥٦
وَيَجْعَلُونَ لِلَّهِ ٱلْبَنَٰتِ سُبْحَٰنَهُۥ ۙ وَلَهُم مَّا يَشْتَهُونَ ٥٧
وَإِذَا بُشِّرَ أَحَدُهُم بِٱلْأُنثَىٰ ظَلَّ وَجْهُهُۥ مُسْوَدًّا وَهُوَ
كَظِيمٌ ٥٨
يَتَوَٰرَىٰ مِنَ ٱلْقَوْمِ مِن سُوٓءِ مَا بُشِّرَ بِهِۦٓ ۚ أَيُمْسِكُهُۥ
عَلَىٰ هُونٍ أَمْ يَدُسُّهُۥ فِى ٱلتُّرَابِ ۗ أَلَا سَآءَ مَا يَحْكُمُونَ ٥٩

"Dan Allah telah berfirman: Janganlah kamu menyembah dua tuhan, kerana sesungguhnya Tuhan yang sebenar itu ialah Tuhan Yang Maha Esa. Oleh kerana itu hendaklah kamu takut kepada-Ku sahaja(51). Dia memiliki segala isi langit dan bumi dan untuk-Nya sahaja keta'atan yang tetap buat selama-lamanya. Mengapakah kamu takut kepada yang lain dari Allah?(52). Dan apa sahaja ni'mat yang ada padamu adalah dari Allah belaka dan apabila kamu ditimpa bala bencana, maka hanya kepada Dia sahaja kamu memohon pertolongan(53). Kemudian apabila Dia menghapuskan bala bencana itu dari kamu, tiba-tiba sebahagian dari kamu mempersekutukan Tuhan mereka(54). Kerana mereka mengkufuri ni'mat-ni'mat yang telah dikurniakan Allah kepada mereka. Oleh itu bersenang-senanglah kamu dengan ni'mat-ni'mat itu dan kelak kamu akan mengetahui (akibatnya)(55). Dan mereka (kaum Musyrikin) memperuntukkan kepada sembahan-sembahan yang tidak diketahui mereka sebahagian dari rezeki yang telah Kami kurniakan kepada mereka. Demi Allah! Kamu tetap akan ditanyakan tentang pembohongan-pembohongan yang diada-adakan kamu itu(56). Dan mereka memperuntukkan anak-anak perempuan itu kepada Allah. Maha Sucilah Allah, sedangkan peruntukan bagi mereka ialah anak lelaki yang disukai mereka(57). Dan apabila seorang dari mereka disampaikan berita (kelahiran) anak perempuan nescaya hitam muramlah wajahnya dan dia memendamkan kemarahannya(58). Dia menyembunyi-kan dirinya dari orang ramai kerana keburukan berita yang disampaikan kepadanya. Apakah dia hendak memeliharanya dengan keadaan penuh kehinaan atau menanamkannya (hidup-hidup) ke dalam tanah? Alangkah buruknya keputusan yang dibuat mereka."(59).

لِلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِٱلْءَاخِرَةِ مَثَلُ ٱلسَّوْءِ ۖ وَلِلَّهِ ٱلْمَثَلُ
ٱلْأَعْلَىٰ ۚ وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ٦٠
وَلَوْ يُؤَاخِذُ ٱللَّهُ ٱلنَّاسَ بِظُلْمِهِم مَّا تَرَكَ عَلَيْهَا مِن
دَآبَّةٍ وَلَٰكِن يُؤَخِّرُهُمْ إِلَىٰٓ أَجَلٍ مُّسَمًّى ۖ فَإِذَا جَآءَ أَجَلُهُمْ
لَا يَسْتَـْٔخِرُونَ سَاعَةً ۖ وَلَا يَسْتَقْدِمُونَ ٦١
وَيَجْعَلُونَ لِلَّهِ مَا يَكْرَهُونَ ۚ وَتَصِفُ أَلْسِنَتُهُمُ
ٱلْكَذِبَ أَنَّ لَهُمُ ٱلْحُسْنَىٰ ۖ لَا جَرَمَ أَنَّ لَهُمُ ٱلنَّارَ
وَأَنَّهُم مُّفْرَطُونَ ٦٢
تَٱللَّهِ لَقَدْ أَرْسَلْنَآ إِلَىٰٓ أُمَمٍ مِّن قَبْلِكَ فَزَيَّنَ لَهُمُ
ٱلشَّيْطَٰنُ أَعْمَٰلَهُمْ فَهُوَ وَلِيُّهُمُ ٱلْيَوْمَ وَلَهُمْ
عَذَابٌ أَلِيمٌ ٦٣
وَمَآ أَنزَلْنَا عَلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ إِلَّا لِتُبَيِّنَ لَهُمُ ٱلَّذِى
ٱخْتَلَفُوا۟ فِيهِ ۙ وَهُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ٦٤
وَٱللَّهُ أَنزَلَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَأَحْيَا بِهِ ٱلْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَآ ۚ
إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَةً لِّقَوْمٍ يَسْمَعُونَ ٦٥
وَإِنَّ لَكُمْ فِى ٱلْأَنْعَٰمِ لَعِبْرَةً ۖ نُّسْقِيكُم مِّمَّا فِى بُطُونِهِۦ مِنۢ
بَيْنِ فَرْثٍ وَدَمٍ لَّبَنًا خَالِصًا سَآئِغًا لِّلشَّٰرِبِينَ ٦٦
وَمِن ثَمَرَٰتِ ٱلنَّخِيلِ وَٱلْأَعْنَٰبِ تَتَّخِذُونَ مِنْهُ سَكَرًا
وَرِزْقًا حَسَنًا ۗ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَةً لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ٦٧
وَأَوْحَىٰ رَبُّكَ إِلَى ٱلنَّحْلِ أَنِ ٱتَّخِذِى مِنَ ٱلْجِبَالِ بُيُوتًا
وَمِنَ ٱلشَّجَرِ وَمِمَّا يَعْرِشُونَ ٦٨

"Orang-orang yang tidak beriman kepada hari Akhirat itu mempunyai sifat yang buruk dan Allah jua yang mempunyai sifat Yang Maha Tinggi dan Dialah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana(60). Dan jika Allah terus menyeksakan manusia kerana kezaliman mereka tentulah tiada satu makhluk yang bergerak pun yang ditinggalkannya di atas muka bumi ini, tetapi Allah menangguhkan mereka hingga kepada waktu yang tertentu, oleh itu apabila waktu yang telah ditetapkan kepada mereka itu telah tiba, maka mereka tidak dapat memohon supaya ditundakannya walaupun

sesa'at dan tidak pula dapat memohon supaya didahulukannya(61). Dan mereka memperuntukkan kepada Allah apa yang dibencikan mereka dan lidah mereka memerikan dusta bahawa mereka akan memperolehi balasan yang terbaik. Tidak diragukan lagi bahawa mereka akan memperolehi Neraka dan akan dimasukkan ke dalamnya dengan segera(62). Demi Allah! Sesungguhnya Kami telah pun mengutuskan para rasul kepada umat-umat sebelum engkau, lalu syaitan memperelokkan perbuatan-perbuatan mereka yang buruk pada pandangan mereka, oleh itu syaitanlah yang menjadi pemimpin mereka pada hari ini dan mereka akan memperolehi 'azab yang amat pedih(63). Dan Kami tidak menurunkan Al-Qur'an kepadamu melainkan supaya engkau menjelaskan kepada mereka segala apa yang dipertikaikan mereka, juga supaya menjadi hidayat dan rahmat kepada golongan orang-orang yang beriman(64). Dan Allah menurunkan air hujan dari langit, lalu dengannya Dia hidupkan bumi sesudah matinya. Sesungguhnya pada kejadian itu terdapat bukti (kekuasaan Allah) bagi golongan orang-orang yang mendengar(65). Dan sesungguhnya pada kejadian binatang ternakan itu terdapat pengajaran bagi kamu. Kami jadikan minuman kamu (dikeluarkan) dari sesuatu yang ada di dalam perutnya, iaitu (dikeluarkan) dari antara tahi dan darah susu bersih yang enak bagi peminum-peminumnya(66). Dan dari buah kurma dan anggur kamu jadikan minuman arak dan rezeki yang baik. Sesungguhnya pada kejadian itu terdapat bukti (kekuasaan Allah) bagi kaum yang mengerti(67). Dan Tuhanmu mewahyukan kepada lebah: Buatlah sarang-sarang di bukit-bukau, di pokok-pokok kayu dan di para-para yang dibuat manusia."(68).

ثُمَّ كُلِى مِن كُلِّ ٱلثَّمَرَٰتِ فَٱسْلُكِى سُبُلَ رَبِّكِ ذُلُلًا ۚ يَخْرُجُ
مِنۢ بُطُونِهَا شَرَابٌ مُّخْتَلِفٌ أَلْوَٰنُهُۥ فِيهِ شِفَآءٌ لِّلنَّاسِ ۗ
إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَةً لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٦٩﴾
وَٱللَّهُ خَلَقَكُمْ ثُمَّ يَتَوَفَّىٰكُمْ ۚ وَمِنكُم مَّن يُرَدُّ إِلَىٰٓ أَرْذَلِ
ٱلْعُمُرِ لِكَىْ لَا يَعْلَمَ بَعْدَ عِلْمٍ شَيْـًٔا ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌ
قَدِيرٌ ﴿٧٠﴾
وَٱللَّهُ فَضَّلَ بَعْضَكُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ فِى ٱلرِّزْقِ ۚ فَمَا ٱلَّذِينَ
فُضِّلُوا۟ بِرَآدِّى رِزْقِهِمْ عَلَىٰ مَا مَلَكَتْ أَيْمَٰنُهُمْ فَهُمْ
فِيهِ سَوَآءٌ ۚ أَفَبِنِعْمَةِ ٱللَّهِ يَجْحَدُونَ ﴿٧١﴾
وَٱللَّهُ جَعَلَ لَكُم مِّنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَٰجًا وَجَعَلَ
لَكُم مِّنْ أَزْوَٰجِكُم بَنِينَ وَحَفَدَةً وَرَزَقَكُم مِّنَ
ٱلطَّيِّبَٰتِ ۚ أَفَبِٱلْبَٰطِلِ يُؤْمِنُونَ وَبِنِعْمَتِ ٱللَّهِ هُمْ
يَكْفُرُونَ ﴿٧٢﴾

وَيَعْبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ مَا لَا يَمْلِكُ لَهُمْ رِزْقًا مِّنَ
ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ شَيْـًٔا وَلَا يَسْتَطِيعُونَ ﴿٧٣﴾
فَلَا تَضْرِبُوا۟ لِلَّهِ ٱلْأَمْثَالَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يَعْلَمُ وَأَنتُمْ لَا
تَعْلَمُونَ ﴿٧٤﴾
ضَرَبَ ٱللَّهُ مَثَلًا عَبْدًا مَّمْلُوكًا لَّا يَقْدِرُ عَلَىٰ
شَىْءٍ وَمَن رَّزَقْنَٰهُ مِنَّا رِزْقًا حَسَنًا فَهُوَ يُنفِقُ مِنْهُ
سِرًّا وَجَهْرًا ۖ هَلْ يَسْتَوُۥنَ ۚ ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ ۚ بَلْ
أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٧٥﴾
وَضَرَبَ ٱللَّهُ مَثَلًا رَّجُلَيْنِ أَحَدُهُمَآ أَبْكَمُ
لَا يَقْدِرُ عَلَىٰ شَىْءٍ وَهُوَ كَلٌّ عَلَىٰ مَوْلَىٰهُ أَيْنَمَا
يُوَجِّههُّ لَا يَأْتِ بِخَيْرٍ ۖ هَلْ يَسْتَوِى هُوَ وَمَن يَأْمُرُ
بِٱلْعَدْلِ ۙ وَهُوَ عَلَىٰ صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٧٦﴾

"Kemudian makanlah dari segala macam buah-buahan dan ikutilah jalan-jalan Tuhanmu yang selesa. Dari perutnya keluar minuman madu yang beraneka warna yang mengandungi penawar untuk manusia. Sesungguhnya pada kejadian itu terdapat bukti (kekuasaan Allah) bagi golongan orang-orang yang berfikir(69). Dan Allah telah menciptakan kamu kemudian mematikan kamu, dan di antara kamu ada yang dikembalikan kepada usia yang paling lemah sehingga dia tidak mengetahui sesuatu yang pernah diketahuinya. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Berkuasa(70). Dan Allah telah melebihkan setengah kamu dari setengah yang yang lain dalam (pendapatan) rezeki, tetapi orang-orang yang dikurniakan kelebihan itu tidak mahu memberi rezeki mereka kepada hamba-hamba yang dimiliki mereka supaya mereka meni'matinya bersama. Mengapakah mereka mengingkari ni'mat Allah?(71). Dan Allah telah menjadikan untuk kamu isteri-isteri dari jenis kamu sendiri dan dari para isteri kamu Dia jadikan untuk kamu anak dan cucu-cucu dan mengurniakan rezeki kepada kamu dari keperluan-keperluan yang baik. Oleh itu (apakah wajar) mereka beriman kepada kepercayaan yang batil dan mengkufuri ni'mat Allah?(72). Mereka menyembah selain Allah sembahan-sembahan yang tidak memiliki rezeki untuk mereka sedikit pun dari langit dan bumi dan tidak pula berkuasa (memiliki) rezeki(73). Oleh itu janganlah kamu membuat perbandingan-perbandingan terhadap Allah, kerana sesungguhnya Allah itu amat mengetahui, sedangkan kamu tidak mengetahui(74). Allah telah membuat satu perbandingan; seorang hamba yang dimiliki orang, yang tidak mampu berbuat apa dengan seorang (tuanmas) yang Kami kurniakannya rezeki yang baik dari Kami dan kerana itu dia dapat membelanjakannya secara rahsia dan terang, apakah kedua-duanya sama? Segala kepujian terpulang

kepada Allah, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui(75). Dan Allah telah membuat satu lagi perbandingan dengan dua orang lelaki; seorang bisu tidak mampu berbuat apa-apa dan sentiasa menjadi beban kepada tuannya, ke mana sahaja diarah dia tidak dapat melakukan sesuatu yang baik, apakah orang ini sama dengan (orang yang dapat bercakap) yang dapat menyuruh (orang lain) berbuat keadilan dan dia pula berada di atas jalan yang lurus?."(76).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Inilah pusingan ketiga yang memperkatakan persoalan Uluhiyah yang tunggal, yang tidak berbilang. Ia dimulakan dengan menjelaskan keesaan Tuhan yang disembah, keesaan Tuhan yang memilik dan keesaan Tuhan yang mengurniakan ni'mat di dalam tiga ayat pertama yang berturut-turut. Kemudian ditamatkan dengan membuat dua perbandingan di antara seorang tuanmas yang mempunyai kuasa memilik dan boleh memberi rezeki dengan seorang hamba abdi yang tidak mampu berbuat sesuatu apa dan tidak memilik sesuatu apa, apakah kedua-duanya sama? Jika tidak, mengapakah mereka menyamakan Allah Yang Maha Pemilik dan Maha Pemberi Rezeki dengan sembahan-sembahan mereka yang tidak berkuasa berbuat sesuatu, tidak memiliki sesuatu apa pun dan tidak boleh memberi rezeki, hingga sanggup mereka mengatakan ini tuhan dan itu juga tuhan?

Di celah-celah pelajaran ini dibentangkan contoh tabiat manusia untuk pelajaran kepada manusia, iaitu apabila mereka ditimpa kesusahan mereka memohon pertolongan kepada Allah Yang Maha Esa tetapi apabila Allah menghapuskan kesusahan yang dialaminya itu mereka terus mempersekutukan Allah dengan sembahan-sembahan yang lain.

Ia juga membentangkan berbagai-bagai gambaran kepercayaan-kepercayaan dan khurafat-khurafat agama paganisme yang karut seperti memperuntukkan kepada tuhan-tuhan mereka yang palsu sebahagian dari rezeki yang dikurniakan Allah kepada mereka, sedangkan dalam waktu yang sama mereka tidak pernah memberi sesuatu apa pun dari harta benda milik mereka kepada hamba-hamba abdi mereka. Mereka tidak pernah membahagi-bahagikan harta kekayaan mereka kepada hamba-hamba abdi mereka, juga seperti perbuatan mereka mengatakan Allah mempunyai anak-anak perempuan, sedangkan mereka sendiri tidak suka mendapat anak-anak perempuan:

وَإِذَا بُشِّرَ أَحَدُهُم بِٱلْأُنثَىٰ ظَلَّ وَجْهُهُۥ مُسْوَدًّا وَهُوَ كَظِيمٌ ۝٥٨

"Dan apabila seorang dari mereka disampaikan berita (kelahiran) anak perempuan nescaya hitam muramlah wajahnya dan dia memendamkan kemarahannya."(58)

Dalam masa yang sama juga mereka mengatakan Allah mempunyai anak-anak perempuan yang dibencikan mereka itu dan lidah mereka bersungguh-sungguh mengatakan bahawa mereka akan mendapat balasan Syurga dan segala amalan yang telah dilakukan mereka akan mendapat balasan yang baik. Kepercayaan-kepercayaan karut ini yang diwarisi, mereka dari generasi Musyrikin sebelum mereka itulah yang menjadi sebab diutuskan Rasulullah s.a.w. kepada mereka untuk menerangkan hakikat yang sebenar supaya menjadi petunjuk dan rahmat kepada orang-orang yang beriman.

Kemudian ia mula membentangkan beberapa contoh ciptaan Allah yang sebenar yang dapat memberi pengajaran kepada orang yang memikirkannya. Hanya Allah sahaja yang berkuasa mengadakan ciptaan-ciptaan itu yang menjadi bukti-bukti ketuhanan-Nya. Allah menurunkan air hujan dari langit dan menyuburkan bumi dengannya sesudah ia tandus dan kering. Allah mengadakan minuman susu selain air kepada manusia, Dia menciptakan susu yang enak itu dari perut binatang ternakan di antara tahi dan darah. Allah mengadakan untuk manusia buah-buah kurma dan anggur yang dijadikan mereka minuman keras dan sumber rezeki yang baik. Allah mewahyukan kepada lebah-lebah supaya membuat sarang-sarangnya di bukit-bukau, di atas pokok-pokok dan di para-para rumah yang dibuat manusia, kemudian lebah-lebah mengeluarkan madu yang menjadi penawar kepada manusia. Kemudian Allah juga yang menciptakan manusia, mematikan mereka dan melanjutkan umur setengah-setengah mereka sehingga tua bangka tidak dapat mengingati apa yang telah diketahui mereka selama ini. Mereka kembali menjadi dungu, tidak mengetahui sesuatu apa. Dan Allah juga yang melebihkan setengah-setengah manusia dari setengah yang lain dalam pengagihan rezeki. Allah telah mengadakan untuk mereka pasangan-pasangan hidup yang sejenis dengan mereka dan dari pasangan-pasangan itu Allah melahirkan untuk mereka anak-anak dan cucu-cucu, tetapi di samping semua ni'mat-ni'mat ini manusia masih menyembah tuhan-tuhan palsu selain Allah, yang tidak memiliki rezeki mereka di langit dan di bumi dan tidak berkuasa mencipta sesuatu apa. Mereka terus mengadakan perbandingan-perbandingan terhadap Allah.

Semua sentuhan-sentuhan ini dipusatkan pada kejadian diri mereka dan kejadian-kejadian di sekeliling mereka. Al-Qur'an menarik perhatian mereka kepada kejadian-kejadian itu supaya mereka benar-benar menginsafi qudrat Allah yang sentiasa bertindak pada tubuh badan mereka, rezeki-rezeki mereka, makanan dan minuman mereka dan pada segala sesuatu di sekeliling mereka. Pada akhirnya ditamatkan dengan menyebut dua contoh perbandingan yang amat jelas yang telah kami terangkan sebentar tadi. Semua sentuhan itu merupakan penerangan-penerangan yang ditujukan untuk merangsangkan kesedaran dan akal manusia. Penerangan-penerangan itu mempunyai nada-nada yang memberi kesan yang mendalam kerana ia memukul tali-tali rasa yang peka di dalam jiwa

manusia yang sukar baginya untuk tidak terpengaruh kepadanya dan untuk tidak menyambutnya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 51 - 55)

وَقَالَ ٱللَّهُ لَا تَتَّخِذُوٓا۟ إِلَٰهَيْنِ ٱثْنَيْنِ ۖ إِنَّمَا هُوَ إِلَٰهٌ وَٰحِدٌ ۖ فَإِيَّٰىَ فَٱرْهَبُونِ ﴿٥١﴾

وَلَهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَلَهُ ٱلدِّينُ وَاصِبًا ۚ أَفَغَيْرَ ٱللَّهِ تَتَّقُونَ ﴿٥٢﴾

وَمَا بِكُم مِّن نِّعْمَةٍ فَمِنَ ٱللَّهِ ۖ ثُمَّ إِذَا مَسَّكُمُ ٱلضُّرُّ فَإِلَيْهِ تَجْـَٔرُونَ ﴿٥٣﴾

ثُمَّ إِذَا كَشَفَ ٱلضُّرَّ عَنكُمْ إِذَا فَرِيقٌ مِّنكُم بِرَبِّهِمْ يُشْرِكُونَ ﴿٥٤﴾

لِيَكْفُرُوا۟ بِمَآ ءَاتَيْنَٰهُمْ ۚ فَتَمَتَّعُوا۟ ۖ فَسَوْفَ تَعْلَمُونَ ﴿٥٥﴾

"Dan Allah telah berfirman: Janganlah kamu menyembah dua tuhan, kerana sesungguhnya Tuhan yang sebenar itu ialah Tuhan Yang Maha Esa. Oleh kerana itu hendaklah kamu takut kepada-Ku sahaja(51). Dia memiliki segala isi langit dan bumi dan untuk-Nya sahaja keta'atan yang tetap buat selama-lamanya. Mengapakah kamu takut kepada yang lain dari Allah?(52) Dan apa sahaja ni'mat yang ada padamu adalah dari Allah belaka, dan apabila kamu ditimpa bala bencana, maka hanya kepada Dia sahaja kamu memohon pertolongan(53). Kemudian apabila Dia menghapuskan bala bencana itu dari kamu, tiba-tiba sebahagian dari kamu mempersekutukan Tuhan mereka(54). Kerana mereka mengkufuri ni'mat-ni'mat yang telah dikurniakan Allah kepada mereka. Oleh itu bersenang-senanglah kamu dengan ni'mat-ni'mat itu dan kelak kamu akan mengetahui (akibatnya)."(55)

Kepercayaan Tauhid Mendasari 'aqidah Islam

Allah menyuruh supaya manusia jangan bertuhankan dua tuhan, kerana sesungguhnya Tuhan yang sebenar itu hanya Tuhan Yang Maha Esa sahaja tiada dua bagi-Nya. Al-Qur'an menggunakan uslub penegasan dan ulangan iaitu ia menyebut kata-kata "الهين" (dua tuhan) kemudian ia iringkan dengan kata-kata ulangan "اثنين" (dua). Begitu juga ia iringkan ungkapan larangan "ألا يتخذ" dengan ungkapan penentuan "إنما هو إله واحد" iaitu sesungguhnya Tuhan yang sebenar itu hanya Tuhan Yang Maha Esa sahaja. Kemudian ia iringi larangan dan penentuan itu dengan satu penentuan yang lain pula iaitu:

فَإِيَّٰىَ فَٱرْهَبُونِ ﴿٥١﴾

"Oleh kerana itu hendaklah kamu takut kepada-Ku sahaja"(51)

jangan takut kepada yang lain dari-Ku yang tiada bandingan dan tandingan dengan sesiapa pun. Ayat ini menyebut kata-kata (takut) untuk menekankan lagi amaran dan peringatan itu kerana tauhid merupakan persoalan yang asasi 'aqidah Islam seluruhnya. Ia tidak boleh ditegakkan melainkan apabila wujudnya dalam hati manusia pegangan tauhid yang jelas, sempurna dan halus, tanpa sebarang kekaburan dan kekeliruan.

Sesungguhnya Tuhan yang sebenar itu ialah Tuhan Yang Maha Esa sahaja dan Dialah Pemilik alam buana Yang Maha Esa:

وَلَهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ

"Dia memiliki segala isi langit dan bumi."(52)

Dan untuknya sahaja agama atau keta'atan:

وَلَهُ ٱلدِّينُ وَاصِبًا

"Dan untuk-Nya sahaja keta'atan yang tetap buat selama-lamanya"(52)

yakni sejak wujudnya agama. Oleh itu tiada agama yang sah melainkan agama-Nya. Dan Dialah Pengurnia ni'mat Yang Maha Esa:

وَمَا بِكُم مِّن نِّعْمَةٍ فَمِنَ ٱللَّهِ

"Dan apa sahaja ni'mat yang ada padamu adalah dari Allah belaka."(53)

Fitrah kamu juga hanya mencari perlindungan pada Allah Yang Maha Esa sahaja ketika kamu dilanda kesusahan dan kesulitan. Ketika itulah fitrah kamu menolak segala kepercayaan syirik yang karut dan kamu tidak bertawajjuh melainkan hanya kepada Allah sahaja tanpa sebarang sekutu yang lain:

ثُمَّ إِذَا مَسَّكُمُ ٱلضُّرُّ فَإِلَيْهِ تَجْـَٔرُونَ ﴿٥٣﴾

"Kemudian apabila kamu ditimpa bala bencana, maka hanya kepada Dia sahaja kamu memohon pertolongan"(53)

dan kepada-Nya kamu berseru supaya menyelamatkan kamu dari bala bencana yang sedang dideritai kamu.

Demikianlah Allah Yang Maha Esa sahaja yang memiliki sifat Uluhiyah, kuasa pemilikan alam buana, kuasa keagamaan, kuasa pengurniaan ni'mat dan hak tawajjuh dan semuanya ini disaksikan oleh fitrah manusia sendiri ketika ia dihancurkan bala bencana, di mana ia menolak segala kepercayaan syirik yang karut. Namun demikian, masih ada segolongan manusia yang tergamak mempersekutukan Allah setelah mereka mentauhidkan-Nya sebaik sahaja mereka terselamat dari bala bencana yang membinasakan itu. Oleh itu mereka kembali semula mengkufuri ni'mat dan hidayat yang dikurniakan kepada mereka. Jika demikian, bolehlah mereka

tunggu apa yang akan menimpa mereka selepas merasa keni'matan dunia yang pendek itu:

فَتَمَتَّعُوا۟ فَسَوْفَ تَعْلَمُونَ ﴿٥٥﴾

"Oleh itu bersenang-senanglah kamu dengan ni'mat-ni'mat itu dan kelak kamu akan mengetahui (akibatnya)."(55)

Contoh manusia yang digambarkan oleh ayat-ayat berikut:

ثُمَّ إِذَا مَسَّكُمُ ٱلضُّرُّ فَإِلَيْهِ تَجْـَٔرُونَ ﴿٥٣﴾ ثُمَّ إِذَا كَشَفَ ٱلضُّرَّ عَنكُمْ إِذَا فَرِيقٌ مِّنكُم بِرَبِّهِمْ يُشْرِكُونَ ﴿٥٤﴾

"Dan apabila kamu ditimpa bala bencana, maka hanya kepada Dia sahaja kamu memohon pertolongan, kemudian apabila Dia menghapuskan bala bencana itu dari kamu, tiba-tiba sebahagian dari kamu mempersekutukan Tuhan mereka"(53-54)

Memohon Pertolongan Kepada Wali-wali Merosakkan Tauhid

merupakan satu contoh yang berulang-ulang di kalangan umat manusia. Dalam masa menghadapi kesusahan, hati mereka bertawajjuh bulat kepada Allah, kerana dengan fitrah mereka merasa tiada yang dapat menyelamatkan mereka melainkan hanya Allah. Tetapi dalam masa kesenangan, hati mereka terlalai dengan ni'mat-ni'mat. Kesenangan menyebabkan hubungan mereka dengan Allah menjadi lemah dan berlakulah berbagai-bagai penyelewengan dari Allah dalam bentuk kepercayaan syirik dan berbagai-bagai bentuk pendewaan seperti pendewaan nilai-nilai dan undang-undang walaupun tidak dicapkan dengan nama Tuhan.

Kadang-kadang apabila fitrah manusia terlalu banyak menyeleweng dan rosak, maka setengah-setengah mereka apabila dilanda kesusahan tidak terus mencari perlindungan pada Allah, malah mereka mencari perlindungan pada setengah-setengah makhluk Allah, di mana mereka memohon pertolongan dan keselamatan dengan alasan kerana makhluk-makhluk ini mempunyai kedudukan yang tinggi di sisi Allah atau kadang-kadang tanpa bersandarkan alasan ini, seperti orang-orang yang memohon pada para wali supaya menyelamatkan mereka dari sesuatu penyakit atau sesuatu kesusahan. Oleh itu mereka adalah jauh lebih sesat dari kaum Musyrikin di zaman jahiliyah, yang mana keadaan mereka telah digambarkan oleh Al-Qur'an di dalam contoh yang kita lihat tadi.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 56)

وَيَجْعَلُونَ لِمَا لَا يَعْلَمُونَ نَصِيبًا مِّمَّا رَزَقْنَٰهُمْ ۗ

"Dan mereka (kaum Musyrikin) memperuntukkan kepada sembahan-sembahan yang tidak diketahui mereka sebahagian dari rezeki yang telah Kami kurniakan kepada mereka."(56)

Mereka mengharamkan kepada diri mereka setengah-setengah binatang ternakan, mereka tidak menungganginya dan tidak pula merasakan dagingnya atau mereka menghalalkannya kepada kaum perempuan sahaja tanpa kaum lelaki sebagaimana telah kami huraikan di dalam Surah al-An'am. (Mereka melakukan pengharaman) itu atas nama tuhan-tuhan palsu yang tidak diketahui mereka sedikit pun, sedangkan yang sebenarnya itulah kepercayaan-kepercayaan karut yang diwarisi dari jahiliyah zaman purba lagi. Allah jua yang telah mengurniakan kepada mereka ni'mat rezeki yang diperuntukkan mereka sebahagiannya kepada sembahan-sembahan yang tidak diketahui mereka. Rezeki itu bukanlah pemberian dari tuhan-tuhan palsu yang didakwa mereka supaya mereka memulangkannya kembali kepada tuhan-tuhan itu, malah rezeki itu adalah dari pem-berian Allah yang menyeru mereka supaya mentauhidkan-Nya, tetapi malangnya mereka mempersekutukan Allah dengan tuhan-tuhan yang lain.

Demikianlah pertentangan itu kelihatan begitu jelas dalam pemikiran dan tindak-tanduk mereka. Semua rezeki itu adalah pemberian Allah dan Allah menyuruh supaya mereka jangan menyembah selain dari Dia, tetapi mereka melanggar perintah Allah dengan mempertuhankan tuhan-tuhan yang palsu. Mereka memperuntukkan sebahagian dari rezeki yang telah dikurniakan Allah kepada tuhan-tuhan palsu yang dilarang oleh-Nya. Di sinilah pertentangan itu kelihatan amat ketara, aneh dan keji.

Masih ada lagi golongan manusia - setelah datang dan tegaknya 'aqidah tauhid yang memperuntukkan sebahagian dari rezeki yang telah dikurniakan Allah kepada mereka sebagai waqaf kepada pujaan-pujaan yang serupa dengan tuhan-tuhan jahiliyah. Setengah-setengah mereka masih menamakan lembu dengan nama "lembu Sayyid al-Badawi" yang bebas makan di mana sahaja ia suka tanpa diganggu gugat oleh sesiapa pun, dan tidak pula boleh dimanfa'atkan oleh sesiapa pun sehingga ia disembelih dengan nama as-Sayyid al-Badawi bukan dengan nama Allah. Masih ada setengah mereka yang menazarkan sembelihan-sembelihan untuk wali-wali yang mereka tunaikannya bukan kerana Allah dan bukan dengan nama Allah, tetapi dengan nama wali-wali tersebut, iaitu sama seperti orang-orang jahiliyah yang membahagikan sebahagian rezeki yang telah dikurniakan Allah kepada mereka untuk tuhan-tuhan palsu tidak diketahui mereka. Nazar yang seperti ini adalah haram dan dagingnya juga haram dimakan kerana ia disembelihkan dengan nama yang lain dari Allah!

تَٱللَّهِ لَتُسْـَٔلُنَّ عَمَّا كُنتُمْ تَفْتَرُونَ ﴿٥٦﴾

"Demi Allah! Kamu tetap akan ditanyakan tentang pembohongan-pembohongan yang diada-adakan kamu itu."(56)

Pernyataan ini dibuat dengan sumpah dan penekanan yang sungguh-sungguh. Itu adalah satu pembohongan yang meruntuhkan 'aqidah Islam dari akar umbinya kerana ia telah meleburkan konsep tauhid.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 57 - 62)

وَيَجْعَلُونَ لِلَّهِ ٱلْبَنَٰتِ سُبْحَٰنَهُۥ وَلَهُم مَّا يَشْتَهُونَ ﴿٥٧﴾
وَإِذَا بُشِّرَ أَحَدُهُم بِٱلْأُنثَىٰ ظَلَّ وَجْهُهُۥ مُسْوَدًّا وَهُوَ
كَظِيمٌ ﴿٥٨﴾
يَتَوَٰرَىٰ مِنَ ٱلْقَوْمِ مِن سُوٓءِ مَا بُشِّرَ بِهِۦٓ ۚ أَيُمْسِكُهُۥ
عَلَىٰ هُونٍ أَمْ يَدُسُّهُۥ فِى ٱلتُّرَابِ ۗ أَلَا سَآءَ مَا يَحْكُمُونَ ﴿٥٩﴾

"Dan mereka memperuntukkan anak-anak perempuan itu kepada Allah. Maha Sucilah Allah, sedangkan peruntukan bagi mereka ialah anak lelaki yang disukai mereka(57). Dan apabila seorang dari mereka disampaikan berita (kelahiran) anak perempuan nescaya hitam muramlah wajahnya dan dia memendamkan kemarahannya(58). Dia menyembunyikan dirinya dari orang ramai kerana keburukan berita yang disampaikan kepadanya. Apakah dia hendak memeliharanya dengan keadaan penuh kehinaan atau menanamkannya (hidup-hidup) ke dalam tanah? Alangkah buruknya keputusan yang dibuat mereka?"(59)

Pandangan Jahiliyah Terhadap Kaum Perempuan

Kesan penyelewengan 'aqidah itu bukannya terhenti setakat batasan-batasan 'aqidah sahaja, malah menjangkau dalam peraturan-peraturan dan adat resam kehidupan masyarakat, kerana 'aqidah merupakan daya penggerak kehidupan yang pertama sama ada zahir atau batin. Orang-orang Arab jahiliyah menganggap bahawa Allah mempunyai anak-anak perempuan, iaitu para malaikat, sedangkan mereka sendiri tidak suka mendapat anak perempuan. Anak-anak perempuan diperuntukkan mereka kepada Allah, sedangkan mereka memperuntukkan kepada diri mereka anak-anak lelaki yang amat diidami mereka.

Penyelewengan mereka dari 'aqidah yang betul telah mendorong mereka tergamak menanamkan anak-anak perempuan mereka hidup-hidup atau membiarkan mereka hidup dalam keadaan yang hina, iaitu mereka diberi layanan yang buruk dan dipandang hina. Ini berpunca kerana mereka takut mendapat malu dan takut jadi miskin apabila mendapat anak-anak perempuan kerana anak-anak perempuan tidak dapat berperang dan mencari makan. Kadang-kadang mereka jatuh ke tangan musuh menjadi tawanan-tawanan yang memalukan mereka atau mereka hidup menjadi beban yang ditanggung keluarga mereka dan kerana itu mereka boleh membawa kemiskinan kepada keluarga.

'Aqidah yang betul dapat mengawal semua penyelewengan ini, kerana rezeki itu di tangan Allah. Dialah yang mengurniakan rezeki kepada semua orang dan tiada yang menimpa seseorang melainkan apa yang telah ditetapkan Allah kepadanya. Di samping itu manusia sama ada lelaki atau perempuan adalah mulia belaka di sisi Allah. Perempuan dari segi kemanusiaannya adalah menjadi kembaran lelaki dan belahan badannya sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Islam.

Al-Qur'an melukis satu gambaran buruk 'adat jahiliyah:

وَإِذَا بُشِّرَ أَحَدُهُم بِٱلْأُنثَىٰ ظَلَّ وَجْهُهُۥ مُسْوَدًّا وَهُوَ
كَظِيمٌ ﴿٥٨﴾

"Dan apabila seorang dari mereka disampaikan berita (kelahiran) anak perempuan nescaya hitam muramlah wajahnya dan dia memendamkan kemarahannya."(58)

Wajahnya hitam muram kerana terlalu dukacita dan susah hati. Dia memendamkan perasaan marah dan dukacitanya seolah-olah anak perempuan itu suatu bala yang besar, sedangkan anak perempuan juga merupakan satu pengurniaan Allah sama seperti anak lelaki. Di samping itu dia bukannya berkuasa membentuk di dalam rahim ibu rupa anak perempuan dan rupa anak lelaki dan bukannya berkuasa meniupkan roh yang menghidupkannya. Pendeknya dia tidak berkuasa menjadikan seorang manusia yang sempurna dari setitis nutfah yang bersahaja itu. Dengan hanya mengenang-kan hayat seorang insan yang berkembang subur dengan keizinan Allah dari setitis nutfah kepada seseorang manusia sudah cukup untuk kita menyambut bayi yang lahir itu dengan penuh riang dan gembira biar apa pun jantinanya. Ia merupakan mu'jizat Allah yang sentiasa berulang tetapi kebaharuannya tidak pernah melusuh. Oleh itu mengapa orang yang disampaikan berita kelahiran anak perempuan itu menjadi dukacita dan menyembunyikan dirinya dari orang ramai setelah menerima berita yang buruk itu, sedangkan dia tidak pernah mencipta dan membentuk rupa bayi itu, malah dia hanya merupakan alat qudrat Ilahi dalam proses kelahiran mu'jizat yang gemilang itu.

Fungsi 'Aqidah Islamiyah Membetulkan Penyelewengan

Hikmat Allah dan peraturan hidup telah menentukan bahawa anak itu adalah terjadi dari pasangan lelaki dan perempuan. Oleh kerana itu perempuan merupakan unsur pokok di dalam peraturan hidup sama seperti lelaki juga, malah perempuan lebih besar lagi kerana dia merupakan wadah (pertumbuhan dan perkembangan bayi). Oleh itu mengapa orang yang disampaikan berita kelahiran anak perempuan merasa dukacita dan

menyembunyikan diri dari orang ramai kerana menerima berita yang amat buruk itu, sedangkan peraturan hidup selama-lamanya ditegakkan di atas pasangan lelaki dan perempuan?

Itulah akibat dari penyelewengan 'aqidah yang melahirkan kesan-kesannya di dalam penyelewengan masyarakat, kefahaman-kefahamannya dan adat resamnya:

أَلَا سَاءَ مَا يَحْكُمُونَ ٥٩

"Alangkah buruknya keputusan yang dibuat mereka."(59)

Demikianlah dapat dilihat dengan jelas bagaimana nilai 'aqidah Islam dapat membetulkan kefahaman-kefahaman dan peraturan-peraturan masyarakat. Begitu juga dapat dilihat dengan jelas betapa tingginya pandangan Islam yang lurus yang dicetuskan di dalam jiwa dan masyarakat terhadap kaum perempuan, malah terhadap jenis manusia itu sendiri. Sebenarnya kaum perempuan bukanlah satu-satunya pihak yang dianiayakan dalam masyarakat jahiliyah, malah kemanusiaan dalam ertikatanya yang istimewa itu sendiri turut dianiayakan sama, kerana perempuan merupakan satu jiwa insani dan perbuatan menghina perempuan bererti menghinakan unsur insani yang mulia dan perbuatan menanam anak perempuan hidup-hidup itu sama dengan perbuatan membunuh jiwa bangsa manusia dan mempersia-siakan separuh hayat, dan sama dengan menentang hikmat penciptaan Allah yang semulajadi, yang telah menentukan bahawa seluruh makhluk yang hidup - bukannya manusia sahaja - adalah terdiri dari lelaki dan perempuan (atau jantan dan betina).

Setiap kali masyarakat-masyarakat manusia menyeleweng dari 'aqidah yang benar setiap kali pula kembalinya kefahaman-kefahaman jahiliyah menunjuknya tinduk-tanduknya yang buruk. Kini kefahaman-kefahaman jahiliyah itu telah kembali semula di dalam banyak masyarakat manusia, di mana kelahiran anak perempuan tidak dialu-alukan oleh banyak kalangan dan tidak disambut gembira oleh sebilangan ramai anggota masyarakat. Ia tidak diberi layanan dan penghormatan yang sama seperti yang diberikan kepada anak lelaki. Inilah salah satu bentuk paganisme jahiliyah, yang terjadi dari akibat penyelewengan yang telah menimpa 'aqidah Islam.

Yang anehnya dalam persoalan kaum perempuan ini mereka secara lantang mengancam 'aqidah dan syari'at Islam sebagai hasil dari apa yang dilihat mereka di dalam masyarakat-masyarakat Islam yang menyeleweng ini. Mereka tidak cuba menyusahkan diri mereka menyemak pandangan Islam yang sebenar yang telah melahirkan revolusi yang mempengaruhi perkembangan-perkembangan, peraturan-peraturan, perasaan dan hati nurani manusia. Di samping itu pandangan Islam merupakan pandangan Ilahi yang luhur, ia bukannya pandangan yang dilahirkan oleh keperluan alam kenyataan, keperluan bumi dan keperluan sosial atau keperluan ekonomi, malah ia dilahirkan oleh 'aqidah Ilahi yang terbit dari Allah yang telah memuliakan makhluk manusia, dan penghormatan-Nya kepada manusia telah diiringi dengan penghormatan-Nya kepada kaum perempuan yang disifatkannya sebagai separuh jiwa insani di mana tiada perbezaan kelebihan di antara dua bahagian manusia yang mulia itu di sisi Allah.

Perbezaan di antara tabiat pandangan jahiliyah dengan tabiat pandangan Islam adalah sama dengan perbezaan di antara sifat orang-orang yang tidak beriman kepada hari Akhirat dengan sifat Allah S.W.T. Yang Maha Sempurna:

لِلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِالْآخِرَةِ مَثَلُ السَّوْءِ ۖ وَلِلَّهِ الْمَثَلُ
الْأَعْلَىٰ ۚ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ٦٠

"Orang-orang yang tidak beriman kepada hari Akhirat itu mempunyai sifat yang buruk dan Allah jua yang mempunyai sifat Yang Maha Tinggi dan Dialah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(60)

Dalam ayat ini persoalan syirik digandingkan dengan persoalan mengingkari hari Akhirat kerana kedua-dua persoalan itu lahir dari sumber yang sama dan penyelewengan yang sama. Kedua-duanya bercampuraduk di dalam hati nurani manusia dan melahirkan kesan-kesannya yang buruk di dalam jiwa, di dalam kehidupan, di dalam masyarakat dan peraturan-peraturannya. Apabila orang-orang yang tidak percaya kepada hari Akhirat itu dibuat perbandingan, maka perbandingan itu adalah satu perbandingan yang amat buruk, iaitu keburukan yang mutlak dalam segala sesuatu; dalam perasaan dan tingkahlaku, dalam i'tikad dan amalan, dalam pemikiran dan mu'amalat, di langit dan di bumi:

وَلِلَّهِ الْمَثَلُ الْأَعْلَىٰ ۚ

"Dan Allah jua yang mempunyai sifat Yang Maha Tinggi."(60)

Allah tidak boleh dibanding dan ditanding dengan sesiapa pun apalah lagi dengan orang-orang yang tidak beriman kepada hari Akhirat.

وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ٦٠

"Dan Dialah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(60)

Allah mempunyai kekuatan dan kebijaksanaan serta berkuasa penuh meletakkan segala sesuatu di tempat-Nya yang wajar dan menetapkan keputusan-Nya supaya segala sesuatu itu tetap di tempatnya dengan benar, saksama dan betul.

Allah memang berkuasa menghukumkan manusia dengan setiap kezaliman yang dilakukan mereka, dan andainya Allah bertindak begitu sudah tentu manusia akan menerima kebinasaan yang amat besar, tetapi Allah sengaja menangguhkan hukumannya sehingga ke suatu masa yang tertentu dan Dia Maha Perkasa dan Maha Bijaksana:

Hikmat Ditangguhkan Hukuman Ke Atas Orang-orang Yang Berdosa

وَلَوْ يُؤَاخِذُ ٱللَّهُ ٱلنَّاسَ بِظُلْمِهِم مَّا تَرَكَ عَلَيْهَا مِن دَآبَّةٍ وَلَٰكِن يُؤَخِّرُهُمْ إِلَىٰٓ أَجَلٍ مُّسَمًّى ۖ فَإِذَا جَآءَ أَجَلُهُمْ لَا يَسْتَـْٔخِرُونَ سَاعَةً ۖ وَلَا يَسْتَقْدِمُونَ ﴿٦١﴾

"Dan jika Allah terus menyeksakan manusia kerana kezaliman mereka tentulah tiada satu makhluk yang bergerak pun yang ditinggalkannya di atas muka bumi ini, tetapi Allah menangguhkan mereka hingga kepada waktu yang tertentu, oleh itu apabila waktu yang telah ditetapkan kepada mereka itu telah tiba, maka mereka tidak dapat memohon supaya ditundakannya walaupun sesa'at dan tidak pula dapat memohon supaya didahulukannya."(61)

Allah telah menciptakan makhluk manusia dan mengurniakan mereka berbagai-bagai ni'matnya, tetapi manusialah sahaja yang tergamak melakukan kerosakan dan kezaliman di bumi. Merekalah sahaja yang tergamak menyeleweng dari Allah dan mempersekutukan-Nya; mereka bertindak zalim terhadap satu sama lain dan menyakiti makhluk-makhluk yang lain. Walaupun demikian tindak-tanduk manusia, namun Allah tetap bersabar dan kasihan belas terhadap mereka. Dia menangguhkan hukuman-Nya ke atas mereka, tetapi Dia tidak mengabaikannya. Itulah hikmat kebijaksanaan yang ditemani kekuatan dan itulah rahmat kasihan yang ditemani keadilan, tetapi manusia selalu tertipu dengan penangguhan hukuman itu. Oleh sebab itu hati mereka tidak menyedari rahmat kasihan dan hikmat kebijaksanaan Allah itu sehingga mereka dihukum keadilan dan kekuatan Allah pada masa yang telah ditetapkan-Nya kerana sesuatu hikmat yang besar, dan ditangguhkan hukuman itu kerana rahmat kasihan belas kepada mereka:

فَإِذَا جَآءَ أَجَلُهُمْ لَا يَسْتَـْٔخِرُونَ سَاعَةً ۖ وَلَا يَسْتَقْدِمُونَ ﴿٦١﴾

"Oleh itu apabila waktu yang telah ditetapkan kepada mereka itu telah tiba, maka mereka tidak dapat memohon supaya ditundakannya walaupun sesa'at, dan tidak pula dapat memohon supaya didahulukannya."(61)

Yang anehnya kaum Musyrikin itu tergamak memperuntukkan kepada Allah apa yang tidak disukai mereka, iaitu anak perempuan dan lainnya, kemudian secara dusta mereka mendakwa pula bahawa mereka akan mendapat kebajikan dan kebaikan sebagai balasan atas apa yang diperuntuk dan didakwakan mereka. Al-Qur'an menjelaskan balasan yang sebenar yang menunggu mereka ialah balasan yang berlainan dari balasan yang didakwakan mereka:

وَيَجْعَلُونَ لِلَّهِ مَا يَكْرَهُونَ ۚ وَتَصِفُ أَلْسِنَتُهُمُ ٱلْكَذِبَ أَنَّ لَهُمُ ٱلْحُسْنَىٰ ۖ لَا جَرَمَ أَنَّ لَهُمُ ٱلنَّارَ وَأَنَّهُم مُّفْرَطُونَ ﴿٦٢﴾

"Dan mereka memperuntukkan kepada Allah apa yang dibencikan mereka dan lidah mereka memerikan dusta bahawa mereka akan memperolehi balasan yang terbaik. Tidak diragukan lagi bahawa mereka akan memperolehi Neraka dan akan dimasukkan ke dalamnya dengan segera."(62)

Ayat ini menggambarkan lidah mereka seolah-olah dusta itu sendiri atau gambaran kepada dusta, iaitu lidah yang memerikan dusta dan berkata dusta. Gambaran ini sama dengan gambaran apabila anda berkata: Tubuhnya memerikan kecantikan atau matanya memerikan kecantikan kerana tubuh dan mata itu sendiri mengungkapkan kecantikan dan kejelitaan. Demikianlah juga firman Allah "lidah mereka memerikan dusta" yakni lidah itu sendiri mengungkapkan dusta, iaitu menjelas dan menggambarkan dusta kerana lidah itu terlalu lama berdusta dan menggambarkan dusta hingga ia menjadi lambang dan penunjuk kepada dusta.

Perkataan mereka yang menerangkan "bahawa mereka akan memperolehi balasan yang terbaik" merupakan dusta yang diperikan lidah mereka sahaja, sedangkan balasan yang sebenar yang dikemukakan oleh ayat ini kepada mereka ialah mereka akan memperolehi balasan Neraka Jahannam tanpa apa-apa keraguan lagi, mereka memang wajar dan berhak memperolehinya:

لَا جَرَمَ أَنَّ لَهُمُ ٱلنَّارَ

"Tidak diragukan lagi bahawa mereka akan memperolehi Neraka"(62)

dan di samping itu mereka akan dimasukkan ke dalam Neraka dengan segera tanpa tangguh dan tempoh.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 63 - 64)

Di samping itu kaum Musyrikin (Makkah) itu bukanlah merupakan golongan manusia yang pertama menyeleweng dan mengingkarkan ni'mat Allah, malah sebelum mereka terdapat golongan-golongan manusia yang menyeleweng dan mengingkarkan ni'mat Allah kerana ditipu dan dihasut oleh syaitan yang telah memperelokkan pada pandangan mereka fikiran dan tindak-tanduk mereka yang buruk, kerana itu syaitanlah yang telah menjadi pemimpin yang membimbing dan mengendalikan tindak-tanduk mereka. Tujuan Allah mengutuskan Rasul-Nya Muhammad s.a.w. ialah untuk menyelamatkan mereka, menjelaskan yang hak dan yang batil kepada mereka, memberi kata pemutus dalam perkara yang dipertikaikan mereka mengenai 'aqidah-'aqidah dan kitab-kitab suci mereka, juga supaya menjadi sumber hidayat dan rahmat kepada orang-orang yang beriman:

تَٱللَّهِ لَقَدْ أَرْسَلْنَآ إِلَىٰٓ أُمَمٍ مِّن قَبْلِكَ فَزَيَّنَ لَهُمُ ٱلشَّيْطَٰنُ أَعْمَٰلَهُمْ فَهُوَ وَلِيُّهُمُ ٱلْيَوْمَ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٦٣﴾

وَمَآ أَنزَلْنَا عَلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ إِلَّا لِتُبَيِّنَ لَهُمُ ٱلَّذِى ٱخْتَلَفُوا۟ فِيهِ ۙ وَهُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿٦٤﴾

"Demi Allah! Sesungguhnya Kami telah pun mengutuskan para rasul kepada umat-umat sebelum engkau lalu syaitan memperelokkan perbuatan-perbuatan mereka yang buruk pada pandangan mereka, oleh itu syaitanlah yang menjadi pemimpin mereka pada hari ini dan mereka akan memperolehi 'azab yang amat pedih(63). Dan Kami tidak menurunkan Al-Qur'an kepadamu melainkan supaya engkau menjelaskan kepada mereka segala apa yang dipertikaikan mereka, juga supaya menjadi hidayat dan rahmat kepada golongan orang-orang yang beriman."(64)

Tugas kitab suci yang terakhir (Al-Qur'an) dan kerasulan yang terakhir (Muhammad s.a.w.) ialah untuk memberi kata pemutus dalam perkara-perkara yang menjadi bahan pertikaian di antara penganut-penganut kitab-kitab suci yang silam dan puak-puak mereka, kerana hakikat yang asal ialah kepercayaan tauhid dan segala kekeliruan dan campur aduk kepercayaan syirik dalam segala bentuknya, juga kepercayaan tasybih (penyerupaan Allah dengan makhluk) yang baru datang menggugat 'aqidah tauhid adalah tidak benar atau karut belaka, dan kerana inilah Al-Qur'anul-Karim diturunkan untuk menjelaskan hakikat yang sebenar dan menolakkan kepercayaan yang karut ini, juga supaya menjadi sumber hidayat dan rahmat kepada mereka yang mempunyai hati yang bersedia untuk menerima keimanan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 65 - 69)

Sampai di sini Al-Qur'an memulakan pula dengan membentangkan bukti-bukti Uluhiyah Yang Maha Esa yang terdapat pada makhluk-makhluk yang diciptakan Allah di alam buana ini, juga pada sifat-sifat dan bakat-bakat kesediaan kebolehan yang dilengkapkan Allah pada manusia serta pada ni'mat-ni'mat pemberian-Nya yang tiada siapa pun berkuasa mengurniakannya kecuali Allah.

Di dalam ayat yang silam telah disebut ni'mat turunnya kitab suci Al-Qur'an, iaitu sebaik-baik ni'mat yang diturunkan Allah kepada manusia kerana ia dapat memberi hayat kepada roh. Setelah itu diiringi pula dengan menyebut ni'mat turunnya air hujan dari langit yang memberi hayat kepada jisim-jisim:

وَٱللَّهُ أَنزَلَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَأَحْيَا بِهِ ٱلْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَآ ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَةً لِّقَوْمٍ يَسْمَعُونَ ﴿٦٥﴾

"Dan Allah menurunkan air hujan dari langit, lalu dengannya Dia hidupkan bumi sesudah matinya. Sesungguhnya pada kejadian itu terdapat bukti (kekuasaan Allah) bagi golongan orang-orang yang mendengar."(65)

Air merupakan nyawa kepada setiap yang hidup, tetapi ayat ini menjadikan air sebagai hayat kepada bumi seluruhnya, iaitu hayat kepada segala isi dan penghuni bumi. Dan zat yang berkuasa mengubahkan maut kepada hayat, maka dialah yang wajar dan berhak menjadi Tuhan:

إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَةً لِّقَوْمٍ يَسْمَعُونَ ﴿٦٥﴾

"Sesungguhnya pada kejadian itu terdapat bukti (kekuasaan Allah) bagi golongan orang-orang yang mendengar."(65)

Orang-orang yang mendengar yang memikir dan mengambil pengajaran dari apa yang didengar mereka. Persoalan ayat-ayat Uluhiyah dan dalil-dalilnya seperti hidup selepas mati amat banyak disebut oleh Al-Qur'an. Al-Qur'an seringkali menarik perhatian manusia kepada ayat-ayat itu kerana ia mengandungi bukti yang jelas kepada mereka yang mendengar, berfikir dan mengambil pengajaran dari apa yang difirmankan Allah kepada mereka.

Satu pengajaran lagi terdapat pada kejadian binatang-binatang ternakan yang menunjukkan kepada penciptaan Allah yang amat mengkagumkan dan membuktikan sifat ketuhanan-Nya dengan penciptaan-Nya yang mena'jubkan itu:

وَإِنَّ لَكُمْ فِى ٱلْأَنْعَٰمِ لَعِبْرَةً ۖ نُّسْقِيكُم مِّمَّا فِى بُطُونِهِۦ مِنۢ بَيْنِ فَرْثٍ وَدَمٍ لَّبَنًا خَالِصًا سَآئِغًا لِّلشَّٰرِبِينَ ﴿٦٦﴾

"Dan sesungguhnya pada kejadian binatang ternakan itu terdapat pengajaran bagi kamu. Kami jadikan minuman kamu (dikeluarkan) dari sesuatu yang ada di dalam perutnya, iaitu (dikeluarkan) dari antara tahi dan darah, susu bersih yang enak bagi peminum-peminumnya."(66)

Rahsia Kejadian Air Susu

Air susu yang dikeluarkan labu susu binatang ternakan itu dijadikan dari apa? Ia dikeluarkan di antara tahi dan darah. Tahi ialah saki-baki makanan yang tinggal di dalam perut setelah dicernakannya. Cecair yang diperahkan dari makanan itu disedut oleh tali-tali perut kemudian berubah menjadi darah yang mengalir ke segenap sel di dalam tubuh. Apabila darah itu sampai kepada kelenjar-kelenjar (kilang-kilang) susu di labu susu, maka ia akan berubah menjadi air susu dengan ciptaan Allah yang indah dan mengkagumkan dan tiada siapa yang mengetahui bagaimana ia boleh jadi begitu.

Proses perubahan cecair makanan di dalam tubuh kepada darah dan proses pembekalan makanan kepada setiap sel tubuh dengan bahan yang diperlukannya dari bahan-bahan darah ini merupakan satu proses yang amat menakjubkan. Ia berlangsung di dalam tubuh pada setiap detik di samping berlakunya proses-proses pembakaran yang lain.

Pendeknya dalam setiap sa'at alat yang aneh ini melakukan kerja-kerja meruntuh dan membina yang berterusan tidak pernah berhenti sehingga nyawa bercerai dengan badan. Tiada seorang manusia pun yang berdiri di hadapan kerja-kerja yang aneh ini melainkan setiap zarah badannya bertasbih memuji Allah yang menciptakan alat manusia ini, yang tidak boleh dibandingkan dengan secanggih-canggih alat yang diciptakan manusia dan tidak boleh diukurkan dengan mana-mana sel dari sel-sel tubuh manusia yang tidak terbilang banyaknya.

Di sebalik keterangan secara umum mengenai proses-proses penyedutan, perubahan dan pembakaran itu terdapat pula perincian-perincian yang lain yang memeningkan akal, di mana kerja satu sel sahaja di dalam proses ini memperlihatkan keanehan yang tidak habis-habis menarik perhatian seseorang.

Hal ini (kejadian air susu) semuanya tinggal menjadi rahsia yang tertutup sehingga sampai kepada zaman kebelakangan yang baru sahaja berlalu. Hakikat ilmiyah yang disebut oleh Al-Qur'an di sini, iaitu hakikat bagaimana air susu itu dikeluarkan dari antara tahi dan darah itu merupakan satu hakikat yang tidak pernah diketahui manusia. Tiada seorang pun manusia di zaman itu pernah memikirkannya apatah lagi menjelaskannya dengan cara ilmiyah yang halus dan sempurna ini. Tiada seorang manusia yang menghormati akalnya sanggup menyangkal atau mempertikaikannya. Wujudnya satu hakikat dari jenis hakikat seperti ini sudah cukup untuk membuktikan bahawa Al-Qur'an ini adalah wahyu dari Allah, kerana seluruh manusia di waktu itu tidak pernah mengetahui hakikat ini.

Al-Qur'an - yang menerangkan hakikat ilmiyah yang tulen ini - membawa dalil-dalil wahyu dari Allah mengenai ciri-ciri wahyu yang lain bagi mereka yang memahami dan menghargai ciri-ciri itu, tetapi wujudnya satu hakikat dari jenis hakikat ilmiyah yang halus seperti ini dapat membongkamkan para penentang-penentang Al-Qur'an yang degil.

وَمِن ثَمَرَٰتِ ٱلنَّخِيلِ وَٱلۡأَعۡنَٰبِ تَتَّخِذُونَ مِنۡهُ سَكَرٗا وَرِزۡقًا حَسَنًاۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَأٓيَةٗ لِّقَوۡمٖ يَعۡقِلُونَ ﴿٦٧﴾

"Dan dari buah kurma dan anggur kamu jadikan minuman arak dan rezeki yang baik. Sesungguhnya pada kejadian itu terdapat bukti (kekuasaan Allah) bagi kaum yang mengerti."(67)

Minuman Keras Bukannya Rezeki Yang Baik

Buah-buahan yang keluar dari hayat yang disebarkan oleh air hujan yang turun dari langit itu telah digunakan mereka untuk membuat minuman keras (yang belum lagi diharamkan ketika ayat ini diturunkan), juga untuk mencari rezeki yang baik. Ayat ini membayangkan bahawa rezeki yang baik itu adalah lain dari arak dan bahawa arak itu bukannya rezeki yang baik. Penjelasan ini merupakan pengantar bagi ayat Al-Qur'an yang kemudian yang akan mengharamkan arak itu. Ayat ini hanya menerangkan kenyataan yang berlaku pada masa itu, di mana mereka membuat arak dari buah-buah kurma dan anggur, bukannya menerangkan bahawa arak itu halal, malah ayat ini merupakan semata-mata pengantar untuk mengharamkan arak selepas ini.

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَأٓيَةٗ لِّقَوۡمٖ يَعۡقِلُونَ ﴿٦٧﴾

"Sesungguhnya pada kejadian itu terdapat bukti (kekuasaan Allah) bagi kaum yang mengerti."(67)

Mereka tentulah dapat memahami bahawa zat yang berkuasa mengadakan rezeki ini itulah zat yang wajar disembah, iaitu Allah:

وَأَوۡحَىٰ رَبُّكَ إِلَى ٱلنَّحۡلِ أَنِ ٱتَّخِذِي مِنَ ٱلۡجِبَالِ بُيُوتٗا وَمِنَ ٱلشَّجَرِ وَمِمَّا يَعۡرِشُونَ ﴿٦٨﴾ ثُمَّ كُلِي مِن كُلِّ ٱلثَّمَرَٰتِ فَٱسۡلُكِي سُبُلَ رَبِّكِ ذُلُلٗاۚ يَخۡرُجُ مِنۢ بُطُونِهَا شَرَابٞ مُّخۡتَلِفٌ أَلۡوَٰنُهُۥ فِيهِ شِفَآءٞ لِّلنَّاسِۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَأٓيَةٗ لِّقَوۡمٖ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٦٩﴾

"Dan Tuhanmu mewahyukan kepada lebah: Buatlah sarang-sarang di bukit-bukau, di pokok-pokok kayu dan di para-para yang dibuat manusia(68). Kemudian makanlah dari segala macam buah-buahan dan ikutilah jalan-jalan Tuhanmu yang selesa. Dari perutnya keluar minuman madu yang beraneka warna yang mengandungi penawar untuk manusia. Sesungguhnya pada kejadian itu terdapat bukti (kekuasaan Allah bagi golongan orang yang berfikir."(69)

Lebah-lebah itu bekerja dengan ilham dari fitrahnya yang dijadikan Allah. Ilham itu sejenis wahyu yang mendorong lebah bekerja mengikut perintahnya. Ia bekerja dengan kehalusan yang melemahkan akal yang berfikir untuk bekerja sehalus itu, sama ada di dalam cara-cara membina sarang-sarangnya atau di dalam cara-cara pembahagian kerja di antara kumpulan-kumpulan atau di dalam cara ia mengeluarkan madu yang bersih.

Lebah membuat sarang-sarangnya - mengikut bimbingan fitrahnya - di bukit-bukau, di pokok-pokok kayu dan di para-para yang dibuat manusia seperti para-para anggur dan lainnya. Allah telah memudahkan cara-cara kehidupannya dengan mengadakan penyesuaian dan keselarasan di antara kehendak fitrah-Nya dengan keadaan alam di sekelilingnya. Keterangan ayat ini yang menyatakan madu itu merupakan penawar kepada manusia telah pun diulas secara teknikal oleh setengah-setengah

pakar perubatan.[2] Hakikat ini memang terbukti benarnya dengan berlandaskan nas Al-Qur'an ini semata-mata. Beginilah yang seharusnya dipercayai seorang Muslim kerana berpegang dengan keterangan umum yang benar di dalam kitab suci Al-Qur'an di samping keterangan hadith dari Rasulullah s.a.w. yang berikut.

Menurut riwayat al-Bukhari dan Muslim dari Abu Said al-Khudri ada seorang lelaki datang menemui Rasulullah s.a.w. lalu berkata kepada beliau: "Saudara hamba mengidap cerah perut."Jawab Rasulullah s.a.w.: "Berikannya minum madu." Lalu dia pun memberikannya madu. Kemudian dia datang lagi menemui beliau dan berkata: "Wahai Rasulullah! Hamba telah memberikannya madu tetapi cerah perutnya semakin bertambah." Sabda beliau: "Pergilah dan berikannya madu." Dia pun pulang memberikan saudaranya madu kemudian dia datang lagi menemui beliau sambil berkata: "Wahai Rasulullah! Cerah perutnya semakin bertambah lagi." Lalu Rasulullah s.a.w. pun bersabda: "Allah tetap benar dan perut saudaramu sahaja yang bohong, pergilah dan berikannya madu." Dia pun balik memberikan saudaranya madu, lalu dia pun sembuh.

Yang menarik kita di dalam riwayat ini ialah keyakinan Rasulullah s.a.w. yang tidak berbelah bagi walaupun menghadapi kenyataan bahawa pengidapan cerah perut lelaki itu semakin bertambah berat setiap kali dia diberikan madu oleh saudaranya dan keyakinan itu pada akhirnya menjadi kenyataan. Begitulah keyakinan yang seharusnya seorang Muslim terhadap setiap persoalan dan setiap hakikat yang diterangkan Kitabullah biarpun pada lahirnya bertentangan dengan apa yang dinamakan kenyataan, kerana keterangan kitab Allah lebih benar dari kenyataan yang lahir itu yang lambat-laun pada akhirnya akan tunduk juga mengakui kebenarannya.

Ketika dibentangkan ni'mat-ni'mat ini, kita berdepan dengan gejala keseimbangan di antara turunnya air hujan dari langit dan keluarnya air susu dari antara tahi dan darah, juga di antara keluarnya minuman-minuman keras dan rezeki yang baik dari buah-buah kurma dan anggur dan keluarnya madu dari perut-perut lebah. Semuanya merupakan minuman-minuman yang dikeluarkan dari jisim-jisim yang berlainan bentuk. Oleh sebab suasana ayat ini ialah suasana minuman belaka, maka bahagian yang disebut dari ni'mat binatang ternakan hanya bahagian susunya sahaja di ruangan ini untuk menyamakan butir-butir perincian pandangan-pandangan itu. Di dalam pelajaran yang berikut kita akan melihat Al-Qur'an akan membentangkan ni'mat binatang ternakan dengan menyebut kulit-kulit dan bulu-bulunya kerana suasana dalam ayat yang akan datang itu ialah suasana tempat-tempat perlindungan, rumah-rumah dan pakaian-pakaian. Oleh itu amatlah sesuai disebutkan bahagian-bahagian ternakan yang sesuai dengan butir-butir perincian pemandangan itu. Itulah salah satu kemuncak dari kemuncak keseimbangan yang seni di dalam Al-Qur'an.[3]

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 70 - 76)

Beralih dari ni'mat-ni'mat binatang ternakan, buah-buahan, lebah dan madu kepada ni'mat-ni'mat yang ada pada diri manusia sendiri yang memberi sentuhan yang lebih dekat, kerana ni'mat-ni'mat itu terletak pada diri mereka sendiri, iaitu terletak pada usia-usia mereka, rezeki-rezeki mereka, pasangan-pasangan hidup mereka dan anak-anak serta cucu-cucu mereka. Orang-orang ini merupakan golongan manusia yang mempunyai hubungan sangat peka dan responsif kepada mereka:

وَٱللَّهُ خَلَقَكُمْ ثُمَّ يَتَوَفَّىٰكُمْ ۚ وَمِنكُم مَّن يُرَدُّ إِلَىٰٓ أَرْذَلِ
ٱلْعُمُرِ لِكَىْ لَا يَعْلَمَ بَعْدَ عِلْمٍ شَيْـًٔا ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌ
قَدِيرٌ ٧٠
وَٱللَّهُ فَضَّلَ بَعْضَكُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ فِى ٱلرِّزْقِ ۚ فَمَا ٱلَّذِينَ
فُضِّلُوا۟ بِرَآدِّى رِزْقِهِمْ عَلَىٰ مَا مَلَكَتْ أَيْمَٰنُهُمْ فَهُمْ
فِيهِ سَوَآءٌ ۚ أَفَبِنِعْمَةِ ٱللَّهِ يَجْحَدُونَ ٧١
وَٱللَّهُ جَعَلَ لَكُم مِّنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَٰجًا وَجَعَلَ
لَكُم مِّنْ أَزْوَٰجِكُم بَنِينَ وَحَفَدَةً وَرَزَقَكُم مِّنَ
ٱلطَّيِّبَٰتِ ۚ أَفَبِٱلْبَٰطِلِ يُؤْمِنُونَ وَبِنِعْمَتِ ٱللَّهِ هُمْ
يَكْفُرُونَ ٧٢
وَيَعْبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ مَا لَا يَمْلِكُ لَهُمْ رِزْقًا مِّنَ
ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ شَيْـًٔا وَلَا يَسْتَطِيعُونَ ٧٣

"Dan Allah telah menciptakan kamu kemudian mematikan kamu, dan di antara kamu ada orang yang dikembalikan kepada usia yang paling lemah sehingga dia tidak mengetahui sesuatu yang pernah diketahuinya. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Berkuasa(70). Dan Allah telah melebihkan setengah kamu dari setengah yang lain dalam (pendapatan) rezeki, tetapi orang-orang yang dikurniakan kelebihan itu tidak mahu memberi rezeki mereka kepada hamba-hamba yang mereka supaya mereka meni'matinya bersama. Mengapakah mereka

---

[2] *Di antaranya ialah Dr. Abdul Aziz Ismail dalam bukunya* "الإسلام والطب الحديث".

[3] *Lihat bab* "التناسق الفني" *dalam buku* "التصوير الفني في القرآن"

mengingkari ni'mat Allah?(71). Dan Allah telah menjadikan untuk kamu isteri-isteri dari jenis kamu sendiri dan dari para isteri kamu Dia jadikan untuk kamu anak dan cucu-cucu dan mengurniakan rezeki kepada kamu dari keperluan-keperluan yang baik. Oleh itu (apakah wajar) mereka beriman kepada kepercayaan yang batil dan mengkufuri ni'mat Allah?(72). Mereka menyembah selain Allah sembahan-sembahan yang tidak memiliki rezeki untuk mereka sedikit pun dari langit dan bumi dan mereka tidak pula berkuasa (memiliki) rezeki."(73)

Sentuhan pertama ialah mengenai hidup dan mati, iaitu satu persoalan yang berkaitan dengan setiap individu dan setiap yang bernyawa. Hidup disayangi semua orang. Memikirkan persoalan hidup dan mati boleh mengubahkan hati yang keras menjadi sedikit lembut dan peka terhadap kekuasaan Allah, ni'mat-ni'mat pengurniaan-Nya dan daya qudrat-Nya. Takut mati kadang-kadang merangsangkan kesedaran bertaqwa, berwaspada dan mencari perlindungan pada Allah yang mengurniakan hidup. Gambaran umur tua yang mengembalikan seseorang kepada paras tua bangka, di mana dia lupa apa yang diketahuinya selama ini kadang-kadang boleh membawa seseorang kepada memikirkan peringkat-peringkat perkembangan hidupnya dan kadang-kadang boleh mengurangkan kesombongan dan keangkuhannya dengan kekuatan dan kuasanya, dengan ilmu pengetahuan dan kebolehannya. Kemudian diiringi dengan ulasan:

إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌ قَدِيرٌ ﴿٧٠﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Berkuasa."(70)

Ulasan ini bertujuan untuk mengembalikan seseorang kepada hakikat yang agung bahawa ilmu yang sempurna, azali dan kekal abadi itu hanya dimiliki Allah sahaja, dan qudrat yang sempurna yang tidak dijejaskan zaman itu hanya qudrat Allah sahaja, sedangkan ilmu dan qudrat manusia hanya tahan untuk satu tempoh yang tertentu sahaja dan kedua-duanya hanya merupakan ilmu dan qudrat yang bersifat juz'i yang terbatas sahaja.

Persoalan Rezeki Dan Pengagihannya

Sentuhan yang kedua ialah mengenai rezeki. Perbezaan habuan rezeki di antara seorang dengan seorang yang lain itu amat ketara sekali. Ayat ini mengembalikan perbezaan itu kepada perbezaan pemberian Allah yang melebihkan setengah-setengah orang dari setengah-setengah yang lain dan perbezaan pemberian rezeki itu mempunyai sebab-sebabnya yang tertentu yang tunduk kepada Sunnatullah. Ia bukan dilakukan secara serampangan tanpa sebab yang wajar. Kadang-kadang seorang itu menjadi tokoh ahli fikir yang alim dan bijak, tetapi kebolehannya untuk mendapatkan rezeki dan melaburkannya terbatas kerana dia mempunyai kebolehan-kebolehan di bidang-bidang yang lain. Kadang-kadang seorang itu kelihatan bodoh jahil dan bersahaja tetapi mempunyai kebolehan mencari wang dan melaburkannya. Manusia mempunyai kebolehan dan daya tenaga yang berbeza-beza, tetapi orang yang tidak berfikir dengan teliti menyangka bahawa rezeki itu tidak mempunyai apa-apa hubungan dengan bakat-bakat kebolehan, malah ia hanya merupakan bakat kebolehan khas dalam salah satu bidang hidup sahaja. Kadang-kadang keluasan rezeki itu merupakan ujian dari Allah. Begitu juga di sebalik kesempitan rezeki itu ada hikmat yang dikehendaki Allah melalui ujian itu. Walau bagaimanapun, perbezaan pendapatan rezeki itu merupakan gejala yang mengikut perbezaan bakat-bakat kebolehan apabila tidak wujud sebab-sebab dari bikinan manusia yang zalim yang biasa terdapat di dalam masyarakat-masyarakat yang pincang. Ayat ini menuding kepada perbezaan pendapat yang berlaku di dalam masyarakat Arab dan Allah menggunakan fakta ini untuk membetulkan setengah-setengah kepercayaan paganisme jahiliyah yang karut yang diamalkan oleh kaum Musyrikin sebagaimana telah diterangkan sebelum ini, iaitu mereka mengasingkan sebahagian dari rezeki yang telah dikurniakan Allah kepada mereka dan memperuntukkannya kepada tuhan-tuhan palsu yang didakwakan mereka. Allah mengecam perbuatan itu di sini dengan mengatakan bahawa mereka tidak memberi sebahagian dari harta kekayaan mereka kepada hamba-hamba abdi yang dimiliki mereka supaya mereka dapat sama-sama mengecapi ni'mat rezeki itu. (Hal ini berlaku sebelum kedatangan Islam) jadi, mengapakah mereka memberi sebahagian dari harta kekayaan yang dikurniakan Allah itu kepada tuhan-tuhan mereka yang palsu?

أَفَبِنِعْمَةِ ٱللَّهِ يَجْحَدُونَ ﴿٧١﴾

"Mengapakah mereka mengingkari ni'mat Allah?"(71)

Mengapa mereka membalas ni'mat itu dengan syirik bukannya dengan kesyukuran kepada Allah yang memberi limpah kurnia-Nya?

Persoalan Pasangan Hidup Dan Anak Cucu

Sentuhan yang ketiga mengenai diri manusia, pasangan-pasangan hidup mereka, anak-anak dan cucu-cucu mereka. Ia dimulakan dengan menjelaskan hubungan yang dinamis di antara lelaki dan perempuan:

وَٱللَّهُ جَعَلَ لَكُم مِّنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَٰجًا

"Dan Allah telah menjadikan untuk kamu isteri-isteri dari jenis kamu sendiri."(72)

Mereka adalah dari jenis kamu dan sebahagian dari kamu bukannya dari jenis yang lebih rendah martabatnya sehingga menyebabkan orang yang disampaikan berita kelahirannya bersembunyi dari orang ramai dan merasa sedih!

وَجَعَلَ لَكُم مِّنْ أَزْوَٰجِكُم بَنِينَ وَحَفَدَةً

"Dan dari para isteri kamu Dia jadikan untuk kamu anak-anak dan cucu-cucu."(72)

Makhluk manusia yang fana ini merasakan kesinambungan hidupnya pada anak-anak dan cucunya. Menyentuh perkara ini menimbulkan perasaan yang amat peka di dalam jiwa manusia. Kemudian ayat ini juga mencantumkan pengurniaan anak cucu dengan pengurniaan rezeki-rezeki yang baik untuk menyamakan di antara dua rezeki itu, kemudian diiringi dengan pertanyaan mengecam:

Menyembah Yang Lain Dari Allah Suatu Kebodohan

أَفَبِٱلْبَٰطِلِ يُؤْمِنُونَ وَبِنِعْمَتِ ٱللَّهِ هُمْ يَكْفُرُونَ ﴿٧٢﴾

"Oleh itu (apakah wajar) mereka beriman kepada kepercayaan yang batil dan mengkufuri ni'mat Allah?(72)

Iaitu mereka mempersekutukan Allah dan melanggar perintah-Nya, sedangkan semua ni'mat ini adalah dari limpah kurnia-Nya dan semuanya merupakan bukti-bukti Uluhiyah yang berlaku dalam kehidupan mereka dan berhubung dengan mereka pada setiap masa.

Mengapakah mereka beriman kepada kepercayaan yang batil? Semua kepercayaan terhadap yang lain dari Allah adalah batil dan dusta belaka. Semua sembahan-sembahan yang didakwa mereka dan semua kepercayaan yang dipegang mereka adalah karut belaka, semuanya tidak wujud dan tidak benar. Mengapa mereka mengkufuri ni'mat Allah? Sedangkan ni'mat-ni'mat itu benar-benar dirasa dan dini'mati mereka kemudian mereka mengingkarinya.

وَيَعْبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ مَا لَا يَمْلِكُ لَهُمْ رِزْقًا مِّنَ
ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ شَيْـًٔا وَلَا يَسْتَطِيعُونَ ﴿٧٣﴾

"Mereka menyembah selain Allah sembahan-sembahan yang tidak memiliki rezeki untuk mereka sedikit pun dari langit dan bumi dan mereka tidak pula berkuasa (memiliki) rezeki."(73)

Amatlah aneh fitrah manusia boleh menyeleweng ke paras ini hingga mereka sanggup menyembah sembahan-sembahan yang tidak memiliki rezeki mereka dan tidak pernah memilikinya satu hari pun dan dalam keadaan apa sekali pun. Mereka meninggalkan Allah yang mencipta dan memberi rezeki kepada mereka, sedangkan ni'mat-ni'mat-Nya melimpah-ruah di hadapan mereka dan tidak dapat diingkari mereka, kemudian mereka mengadakan bandingan-bandingan dan tandingan-tandingan bagi Allah.

فَلَا تَضْرِبُوا۟ لِلَّهِ ٱلْأَمْثَالَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يَعْلَمُ وَأَنتُمْ لَا
تَعْلَمُونَ ﴿٧٤﴾

"Oleh itu janganlah kamu membuat perbandingan-perbandingan terhadap Allah, kerana sesungguhnya Allah itu amat mengetahui, sedangkan kamu tidak mengetahui."(74)

Sebenarnya tiada suatu bandingan dan tandingan bagi Allah sehingga mereka wajar mengadakan perbandingan-perbandingan itu.

Kemudian Al-Qur'an membentangkan dua perbandingan, seorang tuanmas yang memiliki harta kekayaan dan seorang hamba abdi yang tidak punya sesuatu apa dan tidak dapat mencari rezeki dengan tujuan untuk mendekatkan hakikat agung yang dilupai mereka, iaitu hakikat Allah itu tiada bandingan dan tandingan bagi-Nya dan tidak harus bagi mereka menyamakan ibadat di antara Allah dengan mana-mana makhluk-makhluk-Nya kerana seluruhnya adalah hamba Allah belaka:

ضَرَبَ ٱللَّهُ مَثَلًا عَبْدًا مَّمْلُوكًا لَّا يَقْدِرُ عَلَىٰ
شَىْءٍ وَمَن رَّزَقْنَٰهُ مِنَّا رِزْقًا حَسَنًا فَهُوَ يُنفِقُ مِنْهُ
سِرًّا وَجَهْرًا ۖ هَلْ يَسْتَوُۥنَ ۚ ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ ۚ بَلْ
أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٧٥﴾
وَضَرَبَ ٱللَّهُ مَثَلًا رَّجُلَيْنِ أَحَدُهُمَآ أَبْكَمُ
لَا يَقْدِرُ عَلَىٰ شَىْءٍ وَهُوَ كَلٌّ عَلَىٰ مَوْلَىٰهُ أَيْنَمَا
يُوَجِّههُّ لَا يَأْتِ بِخَيْرٍ ۖ هَلْ يَسْتَوِى هُوَ وَمَن يَأْمُرُ
بِٱلْعَدْلِ ۙ وَهُوَ عَلَىٰ صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٧٦﴾

"Allah telah membuat satu perbandingan; seorang hamba yang dimiliki orang, yang tidak mampu berbuat apa dengan seorang (tuanmas) yang Kami kurniakannya rezeki yang baik dari Kami dan kerana itu dia dapat membelanjakannya secara rahsia dan terang, apakah kedua-duanya sama? Segala kepujian terpulang kepada Allah, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui(75). Dan Allah telah membuat satu lagi perbandingan dengan dua orang lelaki; seorang bisu tidak mampu berbuat apa-apa dan sentiasa menjadi beban kepada tuannya, ke mana sahaja diarah tuannya dia tidak dapat melakukan sesuatu yang baik, apakah orang ini sama dengan (orang yang dapat bercakap) yang dapat menyuruh (orang lain) berbuat keadilan dan dia pula berada di atas jalan yang lurus?"(76)

Perbandingan pertama diambil dari alam hidup mereka sendiri, di mana mereka memiliki hamba-hamba abdi yang tidak memiliki sesuatu apa dan tidak dapat berbuat sesuatu apa. Mereka tidak menyamakan di antara hamba abdi yang lemah dengan tuanmas yang mempunyai hak memilik, bebas dan berkuasa. Oleh itu mengapa mereka menyamakan di antara Allah yang menguasai dan memiliki seluruh hamba dengan seseorang atau dengan sesuatu dari makhluk-makhluk yang diciptakan-Nya, sedangkan seluruh makhluk itu adalah hamba Allah belaka?

Perbandingan yang kedua menggambarkan seorang lelaki yang bisu, lemah dan bodoh tidak mengetahui sesuatu apa dan tidak membawa apa-apa kebaikan, dan seorang lagi kuat, dapat bercakap dan menyuruh orang lain berlaku adil, dia juga seorang pekerja yang jujur yang mengikuti jalan yang baik. Tentulah tidak ada seorang yang berakal pun yang menyamakan di antara dua orang ini. Oleh itu bagaimana mereka mungkin menyamakan di antara berhala atau batu dengan Allah S.W.T. Yang Maha Berkuasa, Maha Mengetahui, yang menyuruh manusia melakukan kebaikan dan menunjuk kepada mereka jalan hidup yang lurus.

Dengan dua perbandingan ini berakhirlah pusingan ini yang telah memulakan dengan menyuruh manusia supaya jangan bertuhankan dua tuhan dan menamatkan dengan sebuah pernyataan yang menyatakan kehairanan terhadap kaum Musyrikin yang menyembah dua tuhan.

(Kumpulan ayat-ayat 77 - 89)

وَلِلَّهِ غَيْبُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۚ وَمَآ أَمْرُ
ٱلسَّاعَةِ إِلَّا كَلَمْحِ ٱلْبَصَرِ أَوْ هُوَ أَقْرَبُ ۚ
إِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿٧٧﴾
وَٱللَّهُ أَخْرَجَكُم مِّنۢ بُطُونِ أُمَّهَٰتِكُمْ لَا
تَعْلَمُونَ شَيْـًٔا وَجَعَلَ لَكُمُ ٱلسَّمْعَ وَٱلْأَبْصَٰرَ
وَٱلْأَفْـِٔدَةَ ۙ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٧٨﴾
أَلَمْ يَرَوْا۟ إِلَى ٱلطَّيْرِ مُسَخَّرَٰتٍ فِى جَوِّ ٱلسَّمَآءِ
مَا يُمْسِكُهُنَّ إِلَّا ٱللَّهُ ۗ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ
يُؤْمِنُونَ ﴿٧٩﴾
وَٱللَّهُ جَعَلَ لَكُم مِّنۢ بُيُوتِكُمْ سَكَنًا وَجَعَلَ لَكُم
مِّن جُلُودِ ٱلْأَنْعَٰمِ بُيُوتًا تَسْتَخِفُّونَهَا يَوْمَ ظَعْنِكُمْ
وَيَوْمَ إِقَامَتِكُمْ ۙ وَمِنْ أَصْوَافِهَا وَأَوْبَارِهَا وَأَشْعَارِهَآ
أَثَٰثًا وَمَتَٰعًا إِلَىٰ حِينٍ ﴿٨٠﴾
وَٱللَّهُ جَعَلَ لَكُم مِّمَّا خَلَقَ ظِلَٰلًا وَجَعَلَ لَكُم
مِّنَ ٱلْجِبَالِ أَكْنَٰنًا وَجَعَلَ لَكُمْ سَرَٰبِيلَ
تَقِيكُمُ ٱلْحَرَّ وَسَرَٰبِيلَ تَقِيكُم بَأْسَكُمْ ۚ
كَذَٰلِكَ يُتِمُّ نِعْمَتَهُۥ عَلَيْكُمْ لَعَلَّكُمْ
تُسْلِمُونَ ﴿٨١﴾
فَإِن تَوَلَّوْا۟ فَإِنَّمَا عَلَيْكَ ٱلْبَلَٰغُ ٱلْمُبِينُ ﴿٨٢﴾
يَعْرِفُونَ نِعْمَتَ ٱللَّهِ ثُمَّ يُنكِرُونَهَا وَأَكْثَرُهُمُ
ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿٨٣﴾
وَيَوْمَ نَبْعَثُ مِن كُلِّ أُمَّةٍ شَهِيدًا ثُمَّ لَا يُؤْذَنُ
لِلَّذِينَ كَفَرُوا۟ وَلَا هُمْ يُسْتَعْتَبُونَ ﴿٨٤﴾
وَإِذَا رَءَا ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ ٱلْعَذَابَ فَلَا يُخَفَّفُ عَنْهُمْ
وَلَا هُمْ يُنظَرُونَ ﴿٨٥﴾
وَإِذَا رَءَا ٱلَّذِينَ أَشْرَكُوا۟ شُرَكَآءَهُمْ قَالُوا۟ رَبَّنَا
هَٰٓؤُلَآءِ شُرَكَآؤُنَا ٱلَّذِينَ كُنَّا نَدْعُوا۟ مِن
دُونِكَ ۖ فَأَلْقَوْا۟ إِلَيْهِمُ ٱلْقَوْلَ إِنَّكُمْ لَكَٰذِبُونَ ﴿٨٦﴾
وَأَلْقَوْا۟ إِلَى ٱللَّهِ يَوْمَئِذٍ ٱلسَّلَمَ ۖ وَضَلَّ عَنْهُم مَّا
كَانُوا۟ يَفْتَرُونَ ﴿٨٧﴾
ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ وَصَدُّوا۟ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ زِدْنَٰهُمْ
عَذَابًا فَوْقَ ٱلْعَذَابِ بِمَا كَانُوا۟ يُفْسِدُونَ ﴿٨٨﴾
وَيَوْمَ نَبْعَثُ فِى كُلِّ أُمَّةٍ شَهِيدًا عَلَيْهِم مِّنْ
أَنفُسِهِمْ ۖ وَجِئْنَا بِكَ شَهِيدًا عَلَىٰ هَٰٓؤُلَآءِ ۚ وَنَزَّلْنَا
عَلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ تِبْيَٰنًا لِّكُلِّ شَىْءٍ وَهُدًى
وَرَحْمَةً وَبُشْرَىٰ لِلْمُسْلِمِينَ ﴿٨٩﴾

"Dan Allah memiliki segala urusan ghaib yang tersembunyi di langit dan di bumi dan urusan Qiamat itu tidak berlaku melainkan hanya sekelip mata sahaja atau lebih cepat lagi. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa di atas segala sesuatu (77). Dan Allah telah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dalam keadaan kamu tidak mengetahui sesuatu apa pun dan Dialah yang telah menjadikan untuk kamu pendengaran, penglihatan dan hati nurani supaya kamu bersyukur(78). Apakah mereka tidak melihat burung yang diberi

kemudahan terbang di udara langit. Tiada yang memegangnya melainkan Allah. Sesungguhnya dalam penciptaan itu terdapat bukti-bukti (kekuasaan Allah) bagi golongan orang-orang yang beriman(79). Dan Allah telah mengadakan untuk kamu sebahagian dari rumah-rumah kamu sebagai tempat mencari ketenangan dan mengadakan untuk kamu rumah-rumah khemah dari kulit ternakan yang kamu merasa ringan membawanya pada hari kamu berangkat bermusafir dan pada hari kamu berhenti bermukim. (Dialah yang telah mengadakan untuk kamu) dari bulu-bulu biri-biri, bulu-bulu unta, dan bulu-bulu kambing berbagai-bagai perabut rumah dan barang kegunaan yang dapat dini'mati kamu hingga ke suatu masa yang tertentu(80). Dan Allah telah mengadakan untuk kamu bayang-bayang tempat berteduh dari kejadian-kejadian yang diciptakan-Nya dan Dialah yang mengadakan untuk kamu dari gunung-ganang sebagai tempat-tempat perlindungan dan mengadakan untuk kamu pakaian-pakaian yang memelihara kamu dari panas dan pakaian-pakaian yang memelihara kamu dari bencana peperangan kamu. Demikianlah Allah melengkapkan ni'mat-Nya untuk kamu supaya kamu menyerah diri kepada-Nya(81). Jika mereka berpaling, maka sesungguhnya tugasmu hanyalah menyampaikan (perutusan Allah) dengan jelas (82). Mereka memang mengetahui ni'mat Allah kemudian mereka mengingkarinya dan kebanyakan mereka adalah orang-orang yang kafir(83). Dan (kenanglah) hari Qiamat ketika Kami bangkitkan dari tiap-tiap umat itu seorang saksi (Rasul) kemudian orang-orang yang kafir tidak diizinkan (membela diri) dan tidak pula dibenarkan meminta maaf(84). Dan apabila orang-orang yang zalim itu telah melihat 'azab, maka 'azab itu tidak akan diringankan dari mereka dan mereka tidak akan diberi tangguhan(85). Dan apabila orang-orang yang mempersekutukan Allah melihat sekutu-sekutu mereka, mereka pun berkata: Wahai Tuhan kami! Merekalah sekutu-sekutu kami yang kami sembah selain dari Engkau. Lalu mereka (sekutu-sekutu) melempar jawapan kepada mereka: Sesungguhnya kamu adalah berdusta(86). Dan mereka semua menyerah diri pada hari itu kepada dan lenyaplah dari mereka segala dusta yang diada-adakan mereka(87). Orang-orang yang kafir dan menghalangkan (orang lain) dari jalan Allah, Kami tambahkan kepada mereka keseksaan demi keseksaan dengan sebab kerosakan yang dilakukan mereka(88). Dan (kenangilah) hari Qiamat ketika Kami bangkitkan dari tiap-tiap umat itu seorang saksi terhadap mereka dari kalangan mereka sendiri, dan Kami membawa engkau (Muhammad) pula sebagai saksi terhadap seluruh mereka, dan Kami turunkan kitab Al-Qur'an kepadamu sebagai penjelasan terhadap segala sesuatu dan sebagai petunjuk, rahmat dan berita gembira kepada kaum Muslimin(89).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Ayat-ayat di dalam pelajaran ini masih terus membentangkan bukti-bukti Uluhiyah Yang Maha Esa yang menjadi asas surah ini, iaitu keagungan penciptaan Allah, kelimpahan ni'mat dan kesempurnaan ilmu-Nya. Cuma yang ditekankan di dalam pusingan ini ialah persoalan kebangkitan selepas mati. Hari Qiamat itu merupakan salah satu rahsia ghaib yang tersembunyi yang hanya diketahui Allah sahaja. Oleh itu tiada siapa pun yang mengetahuinya.

Maudhu'-maudhu' yang dibicarakan oleh pelajaran ini merangkumi berbagai-bagai jenis rahsia alam ghaib di langit dan di bumi, di dalam diri manusia dan di merata-rata pelosok alam, iaitu rahsia Qiamat yang tersembunyi yang tidak diketahui sesiapa pun melainkan hanya Allah. Dialah yang berkuasa mengadakan hari itu dengan mudah:

وَمَآ أَمۡرُ ٱلسَّاعَةِ إِلَّا كَلَمۡحِ ٱلۡبَصَرِ أَوۡ هُوَ أَقۡرَبُۚ

"Dan urusan Qiamat itu tidak berlaku melainkan hanya sekelip mata sahaja atau lebih cepat lagi."(77)

Juga rahsia alam rahim yang tersembunyi. Hanya Allah sahaja yang mengeluarkan janin-janin dari alam yang ghaib ini dalam keadaan tidak mengetahui sesuatu apa. Kemudian Allah mengurniakan ni'mat-ni'mat pendengaran, penglihatan dan hati nurani kepada manusia supaya mereka bersyukur. Juga rahsia-rahsia penciptaan yang tersembunyi di antaranya ialah penciptaan burung-burung yang diberi kemudahan terbang berlegar di udara langit dan tiada siapa yang memegangnya melainkan Allah.

Kemudahan pelajaran ini diikuti pula dengan penayangan setengah-setengah ni'mat-ni'mat kebendaan yang dikurniakan kepada manusia di samping rahsia-rahsia ghaib tersebut dan suasana-suasananya iaitu ni'mat-ni'mat ketenangan, ketenteraman dan keteduhan di rumah-rumah kediaman yang dibina dan di rumah-rumah khemah yang diperbuat dari kulit-kulit binatang ternakan untuk kemudahan bermusafir dan bermukim juga perabut-perabut dan barang-barang kegunaan yang diperbuat dari bulu-bulu biri-biri, bulu-bulu unta dan kambing. Juga ni'mat-ni'mat bayang teduh, tempat-tempat perlindungan dan pakaian-pakaian yang memelihara dari tikaman panas dan bencana peperangan:

كَذَٰلِكَ يُتِمُّ نِعۡمَتَهُۥ عَلَيۡكُمۡ لَعَلَّكُمۡ تُسۡلِمُونَ ﴿٨١﴾

"Demikianlah Allah melengkapkan ni'mat-Nya untuk kamu supaya kamu menyerahkan diri kepada-Nya".(81)

Kemudian dihuraikan peristiwa kebangkitan di dalam beberapa pemandangan yang menayangkan kaum Musyrikin dengan sekutu-sekutu mereka dan para rasul yang menjadi saksi terhadap mereka, sedangkan Rasulullah s.a.w. pula menjadi saksi terhadap kaumnya. Dengan huraian ini berakhirlah pusingan ini di dalam suasana kebangkitan dan Qiamat.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 77 - 79)

وَلِلَّهِ غَيۡبُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِۚ وَمَآ أَمۡرُ
ٱلسَّاعَةِ إِلَّا كَلَمۡحِ ٱلۡبَصَرِ أَوۡ هُوَ أَقۡرَبُۚ

إِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٧٧﴾

"Dan Allah memiliki segala urusan ghaib yang tersembunyi di langit dan di bumi dan urusan Qiamat itu tidak berlaku melainkan hanya sekelip mata sahaja atau lebih cepat lagi. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa di atas segala sesuatu."(77)

Manusia Sentiasa Berdepan Dengan Tabir-tabir Ghaib

Persoalan kebangkitan selepas mati merupakan salah satu persoalan 'aqidah yang mendapat tentangan yang hebat pada setiap zaman dan pada setiap kedatangan Rasul. Ia merupakan salah satu perkara ghaib yang hanya diketahui Allah sahaja:

وَلِلَّهِ غَيْبُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ

"Dan Allah memiliki urusan ghaib yang tersembunyi di langit dan di bumi"(77)

sedangkan manusia berdiri lemah di hadapan tabir-tabir ghaib itu walaupun setinggi mana ilmu mereka di dunia ini dan sebanyak mana perbendaharaan bumi dan tenaga-tenaganya terbuka kepada mereka. Sealim-alim ahli ilmu manusia akan berdiri bingung di tempatnya tidak mengetahui apakah yang akan berlaku pada nyawanya sendiri dalam detik waktu yang akan menjelang. Apakah nyawanya yang telah keluar itu akan pulang lagi atau ia keluar tanpa pulang lagi dan ketika itu segala angan-angan dan cita-citanya akan lesap hilang. Suratan takdir ajalnya tersembunyi di belakang tabir ghaib, dia tiada tahu bilakah dia akan dikejut maut dan dia mungkin dikejut maut pada detik itu juga. Satu rahmat Allah kepada manusia ialah mereka tidak mengetahui perkara ghaib yang ada di sebalik detik waktu yang hadir supaya mereka dapat berangan-angan, bercita-cita, bekerja, menghasil, mencipta dan meninggalkan di belakang mereka hasil kerja yang dimulakan mereka supaya disempurnakan pula oleh orang yang kemudian sehingga mereka didatangi ajal yang disembunyikan dari mereka di belakang tabir ghaib yang ngeri.

Mengapa Qiamat Dijadikan Allah Dari Urusan Ghaib?

Peristiwa Qiamat adalah termasuk dalam urusan ghaib yang tersembunyi. Sekiranya manusia mengetahui waktu Qiamat itu, sudah tentu roda kehidupan akan terhenti atau menjadi kacau-bilau, dan sudah tentu kehidupan manusia tidak dapat berlangsung mengikut garis-garis yang telah ditetapkan oleh qudrat Allah, sedangkan manusia sentiasa menghitung tahun-tahun, hari-hari dan bulan-bulan, jam-jam dan sa'at-sa'at hari Qiamat yang dijanjikan itu.

وَمَآ أَمْرُ ٱلسَّاعَةِ إِلَّا كَلَمْحِ ٱلْبَصَرِ أَوْ هُوَ أَقْرَبُ

"Dan urusan Qiamat itu tidak berlaku melainkan hanya sekelip mata sahaja atau lebih cepat lagi."(77)

Qiamat itu memang dekat mengikut hisab yang bukan hisab manusia yang diketahui umum. Urusan mengadakan Qiamat itu tidak memerlukan waktu yang panjang. Ia berlaku dalam sekelip mata sahaja dan segala-gala yang ada hubungan dengannya akan muncul di alam kenyataan:

إِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٧٧﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Kuasa di atas segala sesuatu."(77)

Kerja membangkitkan umat-umat manusia yang amat ramai, yang tidak dapat dikira dan dihitungkan dengan betul oleh manusia di samping kerja-kerja mengumpul, menghisab amalan dan menentukan balasan masing-masing adalah semuanya amat mudah kepada qudrat Allah yang hanya berfirman kepada sesuatu yang hendak dijadikan-Nya: "Jadilah!"(كن) Maka ia pun terus muncul ke alam kenyataan. Kesulitan dan kesukaran mengadakan Qiamat itu hanya dirasakan oleh mereka yang mengira dengan hisab manusia, melihat dengan kaca mata manusia dan mengukur dengan ukuran-ukuran manusia. Dari sinilah berlakunya kesalahan dalam pemahaman dan penilaian mereka.

Untuk memudahkan kefahaman manusia terhadap kejadian Qiamat, Al-Qur'an. membentangkan satu contoh yang kecil dari kejadian hidup mereka sendiri, iaitu kejadian yang tidak dapat dilakukan oleh kekuatan-kekuatan mereka dan tidak dapat difaham oleh daya-daya kefahaman mereka, sedangkan kejadian itu berlaku setiap sa'at sama ada malam hari atau pada siang hari:

Rahsia Ghaib Di Sebalik Kelahiran Seorang Bayi

وَٱللَّهُ أَخْرَجَكُم مِّنۢ بُطُونِ أُمَّهَٰتِكُمْ لَا تَعْلَمُونَ شَيْـًٔا وَجَعَلَ لَكُمُ ٱلسَّمْعَ وَٱلْأَبْصَٰرَ وَٱلْأَفْـِٔدَةَ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٧٨﴾

"Dan Allah telah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dalam keadaan kamu tidak mengetahui sesuatu apa pun dan Dialah yang telah menjadikan untuk kamu pendengaran, penglihatan dan hati nurani supaya kamu bersyukur."(78)

Itulah satu kejadian ghaib yang amat dekat tetapi asal-usulnya amat jauh. Manusia boleh memikirkan tentang peringkat-peringkat perkembangan janin itu tetapi mereka tidak mengetahui bagaimana perkembangan itu berlaku kerana rahsianya ialah rahsia hayat yang tersembunyi. Ilmu pengetahuan yang dibangga-banggakan manusia dan yang mahu digunakan mereka untuk mengkaji dan menguji urusan Qiamat dan urusan ghaib adalah ilmu pengetahuan yang baru diperolehi mereka:

وَٱللَّهُ أَخْرَجَكُم مِّنۢ بُطُونِ أُمَّهَٰتِكُمْ لَا

تَعۡلَمُونَ شَيۡـٔٗا

"Dan Allah telah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dalam keadaan kamu tidak mengetahui sesuatu apa pun"(78)

Kelahiran setiap ahli ilmu dan setiap pakar penyelidik dan bagaimana mereka dikeluarkan dari perut ibu mereka dengan keadaan tidak mengetahui sesuatu apa pun adalah satu kejadian yang amat dekat, selepas itu barulah mereka memperolehi ilmu pengetahuan yang dikurniakan Allah kepada manusia mengikut kadar yang dikehendaki-Nya, iaitu kadar yang cukup untuk membolehkan mereka hidup di planet bumi ini dalam lingkungan alam al-wujud yang terbuka kepada mereka:

وَجَعَلَ لَكُمُ ٱلسَّمۡعَ وَٱلۡأَبۡصَٰرَ وَٱلۡأَفۡـِٔدَةَ

"Dan Dialah yang telah menjadikan untuk kamu pendengaran, penglihatan dan hati"(78)

Al-Qur'an mengungkapkan dengan kata-kata "القلب" dan "الفوائد" (hati) segala pemikiran sedar manusia yang merangkumi apa yang diistilahkan sebagai akal, juga merangkumi daya-daya ilham yang tersembunyi yang tidak diketahui hakikat dan cara ia bekerja. Tujuan Allah menjadikan pendengaran, penglihatan dan hati untuk kamu ialah supaya:

لَعَلَّكُمۡ تَشۡكُرُونَ ٧٨

"Supaya kamu bersyukur"(78)

Apabila kamu mengetahui nilai ni'mat-ni'mat ini dan sebagainya dari ni'mat-ni'mat yang telah dilimpahkan kepada kamu, dan titik pertama kesyukuran itu ialah beriman kepada Allah Tuhan Yang Maha Esa yang layak disembah. Ada satu lagi pemandangan yang menakjubkan dari hasil ciptaan qudrat Allah yang dilihat oleh mereka tetapi tidak difikirkan oleh mereka, iaitu satu pemandangan yang terbuka kepada semua mata:

أَلَمۡ يَرَوۡاْ إِلَى ٱلطَّيۡرِ مُسَخَّرَٰتٖ فِي جَوِّ ٱلسَّمَآءِ
مَا يُمۡسِكُهُنَّ إِلَّا ٱللَّهُۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَأٓيَٰتٖ لِّقَوۡمٖ
يُؤۡمِنُونَ ٧٩

"Apakah mereka tidak melihat burung yang diberi kemudahan terbang di udara langit. Tiada yang memegangnya melainkan Allah. Sesungguhnya dalam penciptaan itu terdapat bukti-bukti (kekuasaan Allah) bagi golongan orang-orang yang beriman."(79)

Rahsia Di Sebalik Penerbangan Burung

Pemandangan burung yang melayang terbang dengan mudah di udara itu merupakan satu pemandangan yang berulang-ulang kali berlaku, tetapi ketakjubannya telah hilang dengan sebab terlalu biasa dengannya. Hati manusia tidak lagi tertarik kepadanya kecuali ketika dia insaf dan sedar dan melihat alam buana dengan mata seorang penyair yang berbakat semulajadi. Penerbangan seekor burung di udara itu dapat merangsangkan hati yang insaf kepada hakikat itu apabila disentuhinya dan mengubahkan pemandangan yang lama itu menjadi baru.

مَا يُمۡسِكُهُنَّ إِلَّا ٱللَّهُۚ

"Tiada yang memegangnya melainkan Allah."(79)

Allah yang memegang burung-burung itu dengan undang-undang-Nya yang ditempatkan pada fitrah burung dan fitrah alam buana di sekelilingnya, iaitu undang-undang yang membolehkan burung itu terbang dan menjadikan udara di sekelilingnya sesuai untuk penerbangan itu. Dengan undang-undang inilah Allah memegang burung itu agar tidak jatuh ketika ia terbang di udara:

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَأٓيَٰتٖ لِّقَوۡمٖ يُؤۡمِنُونَ ٧٩

"Sesungguhnya dalam Penciptaan itu terdapat bukti- bukti (kekuasaan, Allah) bagi golongan orang-orang yang beriman."(79)

Hati yang beriman itulah hati yang dapat merasa keindahan penciptaan Allah dan dapat memahami kecantikannya yang menggoncangkan perasaan dan mengharukan hati nurani. Hati inilah yang mengungkapkan perasaannya terhadap keindahan penciptaan Allah dengan iman, ibadat dan tasbih. Para Mu'minin yang dikurniakan bakat pengungkapan yang seni dapat menggubahkan aneka pengungkapan yang indah untuk menggambarkan keindahan ciptaan Ilahi, iaitu pengungkapan-pengungkapan yang tidak dapat dicapai oleh mana-mana penyair yang hatinya tidak pernah disentuh oleh api pancaran iman yang gemilang.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 80 - 83)

Ayat-ayat berikut melangkah selangkah lagi menghuraikan rahsia-rahsia penciptaan dan kesan-kesan qudrat dan gejala-gejala ni'mat Allah. Ia memasuki ke dalam rumah kediaman mereka menjelaskan ni'mat-ni'mat ketenangan, barang-barang kegunaan, tempat-tempat perlindungan dan bayang-bayang yang teduh yang terdapat di sana dan di sekeliling mereka iaitu ni'mat-ni'mat yang amat menyenangkan hati mereka:

وَٱللَّهُ جَعَلَ لَكُم مِّنۢ بُيُوتِكُمۡ سَكَنٗا وَجَعَلَ لَكُم
مِّن جُلُودِ ٱلۡأَنۡعَٰمِ بُيُوتٗا تَسۡتَخِفُّونَهَا يَوۡمَ ظَعۡنِكُمۡ
وَيَوۡمَ إِقَامَتِكُمۡ وَمِنۡ أَصۡوَافِهَا وَأَوۡبَارِهَا وَأَشۡعَارِهَآ
أَثَٰثٗا وَمَتَٰعًا إِلَىٰ حِينٖ ٨٠
وَٱللَّهُ جَعَلَ لَكُم مِّمَّا خَلَقَ ظِلَٰلٗا وَجَعَلَ لَكُم

مِّنَ ٱلْجِبَالِ أَكْنَٰنًا وَجَعَلَ لَكُمْ سَرَٰبِيلَ
تَقِيكُمُ ٱلْحَرَّ وَسَرَٰبِيلَ تَقِيكُم بَأْسَكُمْ
كَذَٰلِكَ يُتِمُّ نِعْمَتَهُۥ عَلَيْكُمْ لَعَلَّكُمْ
تُسْلِمُونَ ﴿٨١﴾

"Dan Allah telah mengadakan untuk kamu sebahagian dari rumah-rumah kamu sebagai tempat mencari ketenangan dan mengadakan untuk kamu rumah-rumah khemah dari kulit ternakan yang kamu merasa ringan membawanya pada hari kamu berangkat bermusafir dan pada hari kamu berhenti bermukim. (Dialah yang telah mengadakan untuk kamu) dari bulu-bulu biri-biri, bulu-bulu unta, dan bulu-bulu kambing berbagai-bagai perabut rumah dan barang kegunaan yang dapat dini'mati kamu hingga ke suatu masa yang tertentu(80). Dan Allah telah mengadakan untuk kamu bayang-bayang tempat berteduh dari kejadian-kejadian yang diciptakan-Nya dan Dialah yang mengadakan untuk kamu dari gunung-ganang sebagai tempat-tempat perlindungan dan mengadakan untuk kamu pakaian-pakaian yang memelihara kamu dari panas dan pakaian-pakaian yang memelihara kamu dari bencana peperangan kamu. Demikianlah Allah melengkapkan ni'mat-Nya untuk kamu supaya kamu menyerah diri kepada-Nya."(81)

Ni'mat Ketenangan Rumahtangga

Ketenangan dan ketenteraman di rumahtangga merupakan sesuatu ni'mat yang tidak dapat dinilaikan dengan sewajarnya melainkan oleh golongan manusia kutu jalan yang tidak mempunyai rumah kediaman, ketenangan dan ketenteraman hidup. Ni'mat ini disebut selepas dibicarakan urusan ghaib, kerana bayangan ketenangan itu tidak asing dari bayangan ghaib. Kedua-duanya tersembunyi dan terlindung. Membangkitkan ingatan terhadap ni'mat ketenangan itu dapat mencubitkan perasaan manusia yang lalai dari menghargai nilai ni'mat ini.

Di sini kami ingin memperkatakan sedikit pandangan Islam tentang rumahtangga sesuai dengan ayat berikut yang banyak memberi ilham:

وَٱللَّهُ جَعَلَ لَكُم مِّنۢ بُيُوتِكُمْ سَكَنًا

"Dan Allah telah mengadakan untuk kamu sebahagian dari rumah-rumah kamu sebagai tempat mencari ketenangan"(80)

Demikianlah Islam mahukan rumahtangga itu menjadi tempat manusia mencari ketenangan jiwa dan ketenteraman perasaan. Ia mahukan rumahtangga itu menjadi tempat istirehat, di mana manusia merasa tenteram dan tenang. Sama ada dengan kemampuan kebendaannya yang dapat memberi kediaman dan kerehatan atau dengan wujudnya perasaan ketenteraman dan ketenangan dari para penghuninya terhadap satu sama lain. Oleh itu rumahtangga bukanlah tempat pergaduhan, persengketaan dan perbalahan, malah ia adalah tempat kediaman, tempat meni'mati ketentangan, keimanan, ketenteraman dan kedamaian.

Lantaran inilah Islam memelihara kehormatan rumahtangga untuk menjaminkan keamanan, keselamatan dan ketenteramannya. Ia tidak boleh dimasuki melainkan setelah diminta keizinan.Ia tidak boleh dicerobohi seseorang - tanpa sesuatu hak yang benar - atas nama kuasa pemerintah. Tiada sesiapa pun yang boleh mengintai penghuni-penghuninya walau dengan apa sebab sekali pun dan tiada siapa yang dibenarkan mengintip penghuni-penghuninya sama ada secara tidak disedari mereka atau ketika mereka tidak berada di rumah hingga mengganggu keamanan mereka dan merosakkan ketenteraman yang dikehendaki Islam bagi sesebuah rumahtangga sebagaimana yang telah digambarkan oleh ayat yang indah dan membawa pengertian yang amat mendalam ini. Oleh sebab pemandangan di dalam ayat ini menggambarkan pemandangan rumah-rumah kediaman, tempat perlindungan dan pakaian, maka penjelasan ayat ini memperkatakan tentang binatang-binatang ternakan dari sudutnya yang sesuai dengan butir-butir perincian pemandangan itu:

Sumber-sumber Ketenangan Jiwa

وَجَعَلَ لَكُم مِّن جُلُودِ ٱلْأَنْعَٰمِ بُيُوتًا تَسْتَخِفُّونَهَا يَوْمَ
ظَعْنِكُمْ وَيَوْمَ إِقَامَتِكُمْ وَمِنْ أَصْوَافِهَا وَأَوْبَارِهَا
وَأَشْعَارِهَآ أَثَٰثًا وَمَتَٰعًا إِلَىٰ حِينٍ ﴿٨٠﴾

"Dan mengadakan untuk kamu rumah-rumah khemah dari kulit ternakan yang kamu merasa ringan membawanya pada hari kamu berangkat bermusafir dan pada hari kamu berhenti bermukim. (Dialah yang telah mengadakan untuk kamu) dari bulu-bulu biri-biri, bulu-bulu unta, dan bulu-bulu kambing berbagai-bagai perabut rumah dan barang-barang kegunaan yang dapat dini'mati kamu hingga ke suatu masa yang tertentu."(80)

Di sini ia menyebut ni'mat-ni'mat binatang ternakan yang dapat memenuhi keperluan-keperluan dan keinginan-keinginan manusia kemudian ia menyebut tentang "متاع" (barang-barang kegunaan) di samping "أثاث" (perabut-perabut rumah). Walaupun yang dimaksudkan dengan kata-kata itu ialah hamparan-hamparan, selimut-selimut dan alat-alatan yang digunakan dalam persafiran namun kata-kata itu juga membayangkan makna keni'matan dan kesukaan.

Pengungkapan suasana ketenangan dan ketenteraman menjadi begitu halus ketika ia menyebut bayangan, tempat-tempat perlindungan di gunung-ganang dan pakaian-pakaian yang memelihara dari panas dan pakaian-pakaian yang menjadi perisai di dalam peperangan:

وَٱللَّهُ جَعَلَ لَكُم مِّمَّا خَلَقَ ظِلَٰلًا وَجَعَلَ لَكُم
مِّنَ ٱلْجِبَالِ أَكْنَٰنًا وَجَعَلَ لَكُمْ سَرَٰبِيلَ
تَقِيكُمُ ٱلْحَرَّ وَسَرَٰبِيلَ تَقِيكُم بَأْسَكُمْ ۚ

"Dan Allah telah mengadakan untuk kamu bayang-bayang tempat berteduh dari kejadian-kejadian yang diciptakan-Nya dan Dialah yang mengadakan untuk kamu dari gunung-ganang sebagai tempat-tempat perlindungan dan mengadakan untuk kamu pakaian-pakaian yang memelihara kamu dari panas dan pakaian-pakaian yang memelihara kamu dari bencana peperangan kamu."(81)

Berteduh di bawah bayang-bayang memberi kerehatan dan ketenangan kepada jiwa. Berlindung di tempat-tempat perlindungan juga membuat jiwa manusia tenteram dan mengantuk. Pakaian-pakaian yang melindungkan manusia dari panas sama ada berupa kain baju atau selimut-selimut membuat jiwa mereka merasa senang dan rehat. Begitu juga pakaian-pakaian dalam bentuk baju-baju perisai dan sebagainya yang memelihara keselamatan mereka di dalam peperangan dapat memberikan perlindungan kepada mereka. Semuanya serasi dan sejalan dengan ketenteraman, keamanan, kerehatan dan naungan yang diberikan oleh rumahtangga. Justeru itulah diiringi dengan pernyataan:

Islam Menjamin Ketenteraman

كَذَٰلِكَ يُتِمُّ نِعْمَتَهُۥ عَلَيْكُمْ لَعَلَّكُمْ
تُسْلِمُونَ ﴿٨١﴾

"Demikianlah Allah melengkapkan ni'mat-Nya untuk kamu supaya kamu menyerah diri kepada-Nya."(81)

Islam bererti penyerahan diri kepada Allah di samping mendapat ketenangan dan kedamaian.

Demikianlah seluruh suasana pemandangan-pemandangan dalam ayat ini kelihatan serasi belaka mengikut cara penggambaran Al-Qur'an. Oleh itu andainya mereka memeluk Islam, maka itulah sebaik-baik keputusan, tetapi andainya mereka berpaling dan durhaka, maka tugas rasul hanya menyampaikan perutusan sahaja. Biarlah mereka mejadi manusia-manusia yang kufur dan pengingkar setelah mereka mengenal ni'mat-ni'mat Allah yang tidak mungkin disangkal.

فَإِن تَوَلَّوْا۟ فَإِنَّمَا عَلَيْكَ ٱلْبَلَٰغُ ٱلْمُبِينُ ﴿٨٢﴾
يَعْرِفُونَ نِعْمَتَ ٱللَّهِ ثُمَّ يُنكِرُونَهَا وَأَكْثَرُهُمُ
ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿٨٣﴾

"Jika mereka berpaling, maka sesungguhnya tugasmu hanyalah menyampaikan (perutusan Allah) dengan jelas(82). Mereka memang mengetahui ni'mat Allah kemudian mereka mengingkarinya dan kebanyakan mereka adalah orang-orang yang kafir."(83)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 84 - 89)

Kemudian Al-Qur'an menayangkan kesudahan yang menunggu orang-orang kafir ketika berlaku Qiamat yang disebut di permulaan pembicaraan:

وَيَوْمَ نَبْعَثُ مِن كُلِّ أُمَّةٍ شَهِيدًا ثُمَّ لَا يُؤْذَنُ
لِلَّذِينَ كَفَرُوا۟ وَلَا هُمْ يُسْتَعْتَبُونَ ﴿٨٤﴾
وَإِذَا رَءَا ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ ٱلْعَذَابَ فَلَا يُخَفَّفُ عَنْهُمْ
وَلَا هُمْ يُنظَرُونَ ﴿٨٥﴾
وَإِذَا رَءَا ٱلَّذِينَ أَشْرَكُوا۟ شُرَكَآءَهُمْ قَالُوا۟ رَبَّنَا
هَٰٓؤُلَآءِ شُرَكَآؤُنَا ٱلَّذِينَ كُنَّا نَدْعُوا۟ مِن
دُونِكَ ۖ فَأَلْقَوْا۟ إِلَيْهِمُ ٱلْقَوْلَ إِنَّكُمْ لَكَٰذِبُونَ ﴿٨٦﴾
وَأَلْقَوْا۟ إِلَى ٱللَّهِ يَوْمَئِذٍ ٱلسَّلَمَ ۖ وَضَلَّ عَنْهُم مَّا
كَانُوا۟ يَفْتَرُونَ ﴿٨٧﴾
ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ وَصَدُّوا۟ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ زِدْنَٰهُمْ
عَذَابًا فَوْقَ ٱلْعَذَابِ بِمَا كَانُوا۟ يُفْسِدُونَ ﴿٨٨﴾

"Dan (kenanglah) hari Qiamat ketika Kami bangkitkan dari tiap-tiap umat itu seorang saksi (rasul) kemudian orang-orang yang kafir tidak diizinkan (membela diri) dan tidak pula dibenarkan meminta maaf(84). Dan apabila orang-orang yang zalim itu telah melihat 'azab, maka 'azab itu tidak akan diringankan dari mereka dan mereka tidak akan diberi tangguhan(85). Dan apabila orang-orang yang mempersekutukan Allah melihat sekutusekutu mereka, mereka pun berkata: Wahai Tuhan kami! Merekalah sekutu-sekutu kami yang kami sembah selain dari Engkau. Lalu mereka (sekutu-sekutu) melempar jawapan kepada mereka: Sesungguhnya kamu adalah berdusta(86). Dan mereka semua menyerah diri pada hari itu kepada Allah dan lenyaplah dari mereka segala dusta yang diada-adakan mereka(87). Orang-orang yang kafir dan menghalangkan (orang lain) dari jalan Allah, Kami tambahkan kepada mereka keseksaan demi keseksaan dengan sebab kerosakan yang dilakukan mereka."(88)

Para rasul Menjadi Saksi Pada Hari Qiamat

Pemandangan itu dimulakan dengan kedudukan para Anbia' sebagai para saksi yang mengemukakan laporan mengenai tugas penyampaian mereka dan sikap kaum-kaum mereka yang mendustakan mereka di dunia. Ketika itu orang-orang yang kafir berdiri bungkam tidak diizinkan bercakap mengeluarkan hujjah dan memohon syufa'at. Dan mereka juga tidak diperintah supaya memohon keredhaan Allah dengan mengerjakan sesuatu amalan atau mengucapkan sesuatu perkataan kerana masa kecaman dan

meminta keredhaan telah terluput. Kini waktu hisab dan balasan telah pun tiba:

وَإِذَا رَءَا ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ ٱلْعَذَابَ فَلَا يُخَفَّفُ عَنْهُمْ وَلَا هُمْ يُنظَرُونَ ﴿٨٥﴾

"Dan apabila orang-orang yang zalim itu telah melihat 'azab, maka 'azab itu tidak akan diringankan dari mereka dan mereka tidak akan diberi tangguhan."(85)

Kemudian kebungkaman mereka berakhir apabila mereka melihat sekutu-sekutu mereka di padang Mahsyar, iaitu sekutu-sekutu yang dahulunya didakwa mereka sebagai sekutu-sekutu Allah dan sebagai tuhan-tuhan yang disembah mereka di samping Allah atau selain dari Allah. Mereka tiba-tiba menuding kepada mereka sambil berkata:

قَالُوا۟ رَبَّنَا هَٰٓؤُلَآءِ شُرَكَآؤُنَا ٱلَّذِينَ كُنَّا نَدْعُوا۟ مِن دُونِكَ ۖ

"Mereka pun berkata: Wahai Tuhan kami! Merekalah sekutu-sekutu kami yang kami sembah selain dari Engkau."(86)

Pada hari ini mereka mengakui Allah sebagai "Tuhan kami" dan pada hari ini juga mereka mengakui sembahan-sembahan itu sebagai "sekutu-sekutu Allah", malah mereka berkata: "Merekalah sekutu-sekutu kami". Tiba-tiba para sekutu itu terperanjat dan menggigil ketakutan kerana menerima tuduhan yang amat berat itu, lalu mereka dengan tegas mendustakan dakwaan para penyembah mereka:

فَأَلْقَوْا۟ إِلَيْهِمُ ٱلْقَوْلَ إِنَّكُمْ لَكَٰذِبُونَ ﴿٨٦﴾

"Lalu mereka (sekutu-sekutu) melempar jawapan kepada mereka: Sesungguhnya kamu adalah berdusta."(86)

Dan mereka terus bertawajjuh kepada Allah dengan menyerah dan merendahkan diri:

وَأَلْقَوْا۟ إِلَى ٱللَّهِ يَوْمَئِذٍ ٱلسَّلَمَ ۖ

"Dan mereka semua menyerah diri pada hari itu kepada Allah"(87)

Dan ketika itu golongan Musyrikin tidak dapat berpegang dengan sesuatu apa pun dari dakwaan-dakwaan mereka yang dusta dalam masa mereka menghadapi keadaan mereka yang amat gawat itu:

وَضَلَّ عَنْهُم مَّا كَانُوا۟ يَفْتَرُونَ ﴿٨٧﴾

"Dan lenyaplah dari mereka segala dusta yang diada-adakan mereka"(87)

Keadaan itu berakhir dengan sebuah penjelasan yang menerangkan bahawa 'azab keseksaan itu akan dilipat-gandakan terhadap orang-orang yang kafir yang memaksa orang lain mengkufurkan Allah dan menghalangi mereka dari agama Allah:

ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ وَصَدُّوا۟ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ زِدْنَٰهُمْ عَذَابًا فَوْقَ ٱلْعَذَابِ بِمَا كَانُوا۟ يُفْسِدُونَ ﴿٨٨﴾

"Orang-orang yang kafir dan menghalangkan (orang lain) dari jalan Allah, Kami tambahkan kepada mereka keseksaan demi keseksaan dengan sebab kerosakan yang dilakukan mereka."(88)

Perbuatan kufur dan perbuatan menyebabkan orang lain menjadi kufur adalah perbuatan yang membawa fasad. Mereka telah melakukan jenayah kekufuran mereka dan jenayah menahan orang lain dari hidayat. Oleh sebab itu 'azab keseksaan dilipatgandakan terhadap mereka sebagai satu balasan yang setimpal.

Itulah keadaan umum setiap kaum (pada hari Qiamat kelak), kemudian secara khusus Al-Qur'an menyebut satu keadaan istimewa Rasulullah s.a.w. bersama kaumnya:

وَيَوْمَ نَبْعَثُ فِى كُلِّ أُمَّةٍ شَهِيدًا عَلَيْهِم مِّنْ أَنفُسِهِمْ ۖ وَجِئْنَا بِكَ شَهِيدًا عَلَىٰ هَٰٓؤُلَآءِ ۚ وَنَزَّلْنَا عَلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ تِبْيَٰنًا لِّكُلِّ شَىْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً وَبُشْرَىٰ لِلْمُسْلِمِينَ ﴿٨٩﴾

"Dan (kenanglah) hari Qiamat ketika Kami bangkitkan dari tiap-tiap umat itu seorang saksi terhadap mereka dari kalangan mereka sendiri dan Kami membawa engkau (Muhammad) pula sebagai saksi terhadap seluruh mereka, dan Kami turunkan kitab Al-Qur'an kepadamu sebagai penjelasan terhadap segala sesuatu dan sebagai petunjuk, rahmat dan berita gembira kepada kaum Muslimin."(89)

Dalam suasana pemandangan yang ditayangkan kepada kaum Musyrikin dan dalam suasana yang amat gawat, di mana para sekutu mendustakan sekutu-sekutu mereka dan menyerah diri mereka kepada Allah serta menolak dakwaan-dakwaan penyembah-penyembah mereka yang sesat, Al-Qur'an menonjolkan keadaan Rasulullah s.a.w. bersama kaum Musyrikin Arab pada hari Qiamat kelak, di mana dibangkitkan seorang saksi dari setiap kaum. Keterangan ini dibuat tepat dengan waktunya dan sesuai dengan kekuatannya:

وَجِئْنَا بِكَ شَهِيدًا عَلَىٰ هَٰٓؤُلَآءِ ۚ

"Dan Kami membawa engkau (Muhammad) pula sebagai saksi terhadap seluruh mereka"(89)

kemudian Al-Qur'an menyebut bahawa di dalam kitab suci Al-Qur'an yang diturunkan kepada Rasulullah terdapat:

تِبْيَٰنًا لِّكُلِّ شَىْءٍ

"Penjelasan terhadap segala sesuatu"(89)

oleh sebab itu tiada lagi alasan dan keuzuran bagi sesiapa pun yang ingin membantah dan memohon kemaafan:

وَهُدًى وَرَحْمَةً وَبُشْرَىٰ لِلْمُسْلِمِينَ ﴿٨٩﴾

"Dan sebagai hidayat, rahmat dan berita gembira kepada kaum Muslimin."(89)

Oleh itu sesiapa yang berkehendakkan hidayat dan rahmat hendaklah dia memeluk Islam sebelum tiba hari Qiamat yang amat ditakuti itu, di mana orang-orang yang kafir tidak diizinkan membela diri dan meminta ma'af.

Demikianlah pemandangan-pemandangan Qiamat di dalam Al-Qur'an itu ditayang untuk memenuhi tujuan penerangan ayat yang sesuai dengan suasana dan mencapai kehendaknya.

(Kumpulan ayat-ayat 90 - 111)

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ ۚ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

وَأَوْفُوا بِعَهْدِ اللَّهِ إِذَا عَاهَدْتُمْ وَلَا تَنْقُضُوا الْأَيْمَانَ بَعْدَ تَوْكِيدِهَا وَقَدْ جَعَلْتُمُ اللَّهَ عَلَيْكُمْ كَفِيلًا ۚ إِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا تَفْعَلُونَ ﴿٩١﴾

وَلَا تَكُونُوا كَالَّتِي نَقَضَتْ غَزْلَهَا مِنْ بَعْدِ قُوَّةٍ أَنْكَاثًا تَتَّخِذُونَ أَيْمَانَكُمْ دَخَلًا بَيْنَكُمْ أَنْ تَكُونَ أُمَّةٌ هِيَ أَرْبَىٰ مِنْ أُمَّةٍ ۚ إِنَّمَا يَبْلُوكُمُ اللَّهُ بِهِ ۚ وَلَيُبَيِّنَنَّ لَكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مَا كُنْتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ ﴿٩٢﴾

وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَجَعَلَكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَلَٰكِنْ يُضِلُّ مَنْ يَشَاءُ وَيَهْدِي مَنْ يَشَاءُ ۚ وَلَتُسْأَلُنَّ عَمَّا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٩٣﴾

وَلَا تَتَّخِذُوا أَيْمَانَكُمْ دَخَلًا بَيْنَكُمْ فَتَزِلَّ قَدَمٌ بَعْدَ ثُبُوتِهَا وَتَذُوقُوا السُّوءَ بِمَا صَدَدْتُمْ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ ۖ وَلَكُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿٩٤﴾

وَلَا تَشْتَرُوا بِعَهْدِ اللَّهِ ثَمَنًا قَلِيلًا ۚ إِنَّمَا عِنْدَ اللَّهِ هُوَ خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٩٥﴾

مَا عِنْدَكُمْ يَنْفَدُ ۖ وَمَا عِنْدَ اللَّهِ بَاقٍ ۗ وَلَنَجْزِيَنَّ الَّذِينَ صَبَرُوا أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٩٦﴾

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهُ حَيَاةً طَيِّبَةً ۖ وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٩٧﴾

فَإِذَا قَرَأْتَ الْقُرْآنَ فَاسْتَعِذْ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ﴿٩٨﴾

إِنَّهُ لَيْسَ لَهُ سُلْطَانٌ عَلَى الَّذِينَ آمَنُوا وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ﴿٩٩﴾

إِنَّمَا سُلْطَانُهُ عَلَى الَّذِينَ يَتَوَلَّوْنَهُ وَالَّذِينَ هُمْ بِهِ مُشْرِكُونَ ﴿١٠٠﴾

"Sesungguhnya Allah menyuruh (kamu) berlaku adil, berbuat ihsan dan memberi bantuan kepada kaum kerabat dan melarang melakukan pencabulan, kemungkaran dan kezaliman. Dia mengajar kamu supaya kamu mengambil pengajaran(90). Dan sempurnakanlah perjanjian dengan Allah apabila kamu berjanji dan janganlah kamu membatalkan sumpah-sumpah (kamu) setelah diperkuatkan (dengan nama Allah), sedangkan kamu telah menjadikan Allah sebagai saksi terhadap sumpah kamu. Sesungguhnya Allah mengetahui segala apa yang dilakukan kamu(91). Dan janganlah kamu bertindak seperti perempuan yang merombakkan benang-benangnya menjadi terhurai setelah dipintalnya dengan kuat, iaitu dengan menjadikan sumpah-sumpah kamu (perjanjian) itu sebagai suatu tipu daya di antara kamu kerana adanya satu umat yang lebih ramai (kuat) dari umat yang lain. Sesungguhnya Allah hendak menguji kamu dengan perjanjian itu dan sesungguhnya Allah akan menjelaskan kepada kamu pada hari Qiamat kelak segala perkara yang telah dipertikaikan di antara kamu(92). Dan seandainya Allah kehendaki tentulah Dia jadikan seluruh kamu satu umat sahaja, tetapi Allah menyesatkan siapa yang dikehendaki-Nya dan memberi hidayat kepada siapa yang dikehendaki-Nya. Dan sesungguhnya kamu akan ditanya (pada hari Akhirat) segala perbuatan yang dilakukan kamu(93). Dan janganlah kamu jadikan sumpah-sumpah (perjanjian) kamu itu suatu tipu daya di antara kamu menyebabkan kaki (kamu) tergelincir setelah berdiri teguh dan kamu akan merasa akibat yang buruk dengan sebab perbuatan kamu menghalangkan orang lain dari jalan Allah, dan kamu akan memperolehi 'azab yang

amat besar(94). Dan janganlah kamu tukarkan perjanjian dengan Allah dengan harga yang sedikit. Sesungguhnya balasan di sisi Allah itu adalah lebih baik untuk kamu jika kamu mengetahui(95). Segala apa yang ada di sisi kamu akan musnah belaka dan segala apa yang ada di sisi Allah kekal abadi, dan sesungguhnya Kami akan mengurniakan balasan kepada orang-orang yang sabar dengan pahala sebaik-baik amalan yang dikerjakan mereka(96). Barangsiapa yang mengerjakan amalan yang soleh dari lelaki atau perempuan, sedangkan dia seorang yang beriman, maka Kami akan hidupkannya dalam kehidupan yang baik dan Kami akan mengurniakan ganjaran kepada mereka dengan pahala sebaik-baik amalan yang dikerjakan mereka(97). Apabila engkau hendak membaca Al-Qur'an, maka hendaklah engkau memohon perlindungan kepada Allah dari (gangguan) syaitan yang terkutuk(98). Sesungguhnya syaitan itu tidak mempunyai pengaruh ke atas orang-orang yang beriman dan bertawakkal kepada Allah Tuhan mereka(99). Pengaruh syaitan hanya (berlaku) ke atas orang-orang yang menjadikannya sebagai pemimpin mereka dan orang-orang yang mempersekutukannya dengan Allah"(100).

وَإِذَا بَدَّلْنَآ ءَايَةً مَّكَانَ ءَايَةٍ وَٱللَّهُ أَعْلَمُ
بِمَا يُنَزِّلُ قَالُوٓا۟ إِنَّمَآ أَنتَ مُفْتَرٍۭ بَلْ أَكْثَرُهُمْ
لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٠١﴾
قُلْ نَزَّلَهُۥ رُوحُ ٱلْقُدُسِ مِن رَّبِّكَ بِٱلْحَقِّ لِيُثَبِّتَ
ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَهُدًى وَبُشْرَىٰ لِلْمُسْلِمِينَ ﴿١٠٢﴾
وَلَقَدْ نَعْلَمُ أَنَّهُمْ يَقُولُونَ إِنَّمَا يُعَلِّمُهُۥ بَشَرٌ
لِّسَانُ ٱلَّذِى يُلْحِدُونَ إِلَيْهِ أَعْجَمِىٌّ وَهَٰذَا لِسَانٌ
عَرَبِىٌّ مُّبِينٌ ﴿١٠٣﴾
إِنَّ ٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ لَا يَهْدِيهِمُ
ٱللَّهُ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١٠٤﴾
إِنَّمَا يَفْتَرِى ٱلْكَذِبَ ٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ
بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْكَٰذِبُونَ ﴿١٠٥﴾
مَن كَفَرَ بِٱللَّهِ مِنۢ بَعْدِ إِيمَٰنِهِۦٓ إِلَّا مَنْ أُكْرِهَ
وَقَلْبُهُۥ مُطْمَئِنٌّۢ بِٱلْإِيمَٰنِ وَلَٰكِن مَّن
شَرَحَ بِٱلْكُفْرِ صَدْرًا فَعَلَيْهِمْ غَضَبٌ مِّنَ
ٱللَّهِ وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١٠٦﴾

ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمُ ٱسْتَحَبُّوا۟ ٱلْحَيَوٰةَ ٱلدُّنْيَا
عَلَى ٱلْءَاخِرَةِ وَأَنَّ ٱللَّهَ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ
ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿١٠٧﴾
أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ طَبَعَ ٱللَّهُ عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ وَسَمْعِهِمْ
وَأَبْصَٰرِهِمْ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْغَٰفِلُونَ ﴿١٠٨﴾
لَا جَرَمَ أَنَّهُمْ فِى ٱلْءَاخِرَةِ هُمُ ٱلْخَٰسِرُونَ ﴿١٠٩﴾
ثُمَّ إِنَّ رَبَّكَ لِلَّذِينَ هَاجَرُوا۟ مِنۢ بَعْدِ مَا
فُتِنُوا۟ ثُمَّ جَٰهَدُوا۟ وَصَبَرُوٓا۟ إِنَّ رَبَّكَ مِنۢ
بَعْدِهَا لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١١٠﴾
يَوْمَ تَأْتِى كُلُّ نَفْسٍ تُجَٰدِلُ عَن نَّفْسِهَا وَتُوَفَّىٰ
كُلُّ نَفْسٍ مَّا عَمِلَتْ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿١١١﴾

"Dan apabila Kami gantikan satu ayat (Al-Qur'an) di tempat satu ayat (yang dimansuh) - sedangkan Allah amat mengetahui tentang (ayat-ayat yang wajar) diturunkan - maka berkatalah mereka (kaum Musyrikin): Sesungguhnya engkau hanya seorang yang mengada-adakan sahaja bahkan sebenarnya kebanyakan mereka tidak mengetahui (hikmatnya)(101) Katakanlah: Al-Qur'an itu telah diturunkannya oleh Ruhul-Qudus (Jibril) dari Tuhanmu dengan lunas kebenaran untuk meneguhkan (pegangan) orang-orang yang beriman dan untuk menjadi sumber hidayat dan berita gembira kepada kaum Muslimin(102). Dan sesungguhnya Kami mengetahui bahawa mereka (kaum Musyrikin) berkata: Sebenarnya yang mengajarnya ialah seorang manusia sahaja, dan bahasa orang yang ditudingkan mereka itu ialah bahasa asing sedangkan bahasa Al-Qur'an ini ialah bahasa Arab yang amat fasih(103). Sesungguhnya orang-orang yang tidak beriman kepada ayat-ayat Allah (Al-Qur'an) tidak akan diberikan hidayat oleh Allah dan mereka akan memperolehi 'azab yang amat pedih(104). Sesungguhnya orang-orang yang mengada-adakan pembohongan itu hanyalah orang-orang yang tidak beriman kepada ayat-ayat Allah, dan merekalah para pendusta yang sebenar(105). Barang siapa yang mengkufurkan Allah sesudah ia beriman, (akan mendapat kemurkaan Allah) kecuali orang yang dipaksa (mengkufurkannya) sedangkan hatinya tetap dengan keimanan, tetapi barangsiapa yang melapangkan dadanya menerima kekufuran, maka mereka akan mendapat kemurkaan dari Allah dan mereka akan memperolehi 'azab yang amat besar(106). Hal sedemikian disebabkan kerana mereka menyintai kehidupan dunia lebih dari kehidupan Akhirat dan sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada golongan orang-orang yang kafir(107). Merekalah orang-orang yang telah dimeteraikan Allah hati mereka, pendengaran mereka dan penglihatan mereka dan merekalah orang-orang yang lalai(108). Tidak syak lagi di Akhirat ketak merekalah orang-orang yang

rugi(109). Kemudian sesungguhnya Tuhanmu (melindungi) orang-orang yang berhijrah setelah mereka ditindas kemudian mereka berjihad dan sabar, sesungguhnya Tuhanmu sesudah itu Maha Pengampun dan Maha Pengasih(110). (Kenangilah) hari Qiamat ketika setiap orang datang untuk membela dirinya sendiri dan setiap orang diberi balasan yang sempurna terhadap segala amalan yang telah dilakukannya dan mereka tidak dianiayai"(111).

Pelajaran yang silam ditamatkan dengan firman Allah Ta'ala:

وَنَزَّلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ تِبْيَانًا لِّكُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً وَبُشْرَىٰ لِلْمُسْلِمِينَ ﴿٨٩﴾

"Dan Kami turunkan kitab Al-Qur'an kepadamu sebagai penjelasan terhadap segala sesuatu dan sebagai menjadi petunjuk, rahmat dan berita gembira kepada kaum Muslimin"(89)

Di dalam pelajaran ini dihuraikan sebahagian dari penjelasan, petunjuk, rahmat dan berita gembira yang terkandung di dalam kitab suci Al-Qur'an itu, di mana dinyatakan perintah supaya berlaku adil, membuat kebaikan, memberi bantuan kepada kaum kerabat, melarang melakukan kejahatan, kemungkaran dan kezaliman, juga perintah supaya menepati janji dan melarang membatalkan sumpah yang telah diikatkan. Semuanya merupakan dasar-dasar perilaku atau akhlak yang asasi yang dibawa oleh kitab suci Al-Qur'an ini.

Di sana juga dijelaskan balasan yang telah ditetapkan ke atas perbuatan memungkiri perjanjian dan menggunakan sumpah sebagai alat tipu daya dan pengeliruan. Balasan itu ialah 'azab yang amat besar. Dan seterusnya dijelaskan berita gembira kepada orang-orang yang sabar, di mana mereka akan mendapat balasan sebaik-baik amalan baik yang telah dikerjakan mereka.

Kemudian dijelaskan pula sebahagian dari adab membaca kitab suci Al-Qur'an iaitu lebih dahulu hendaklah memohon perlindungan kepada Allah dari gangguan syaitan yang terkutuk untuk menghalaukannya dari majlis membaca Al-Qur'an di samping menjelaskan sebahagian dari perkataan-perkataan kaum Musyrikin yang mencemuh kitab suci Al-Qur'an. Di antara mereka ada yang menuduh Rasulullah s.a.w. mengadakan pembohongan-pembohongan terhadap Allah, dan ada pula yang mengatakan bahawa di sana ada seorang belia dari bangsa asing yang mengajar Al-Qur'an ini kepada beliau!

(Pentafsiran ayat-ayat 90 - 93)

Pada penghabisan pelajaran ini dijelaskan balasan orang yang kembali menjadi kafir setelah dia beriman dan hukum orang yang dipaksa kafir sedangkan hatinya tetap dengan keimanan, juga balasan terhadap orang-orang yang ditindas kerana agama mereka kemudian mereka berhijrah dan berjihad serta sabar. Semuanya ini merupakan penjelasan, petunjuk, rahmat dan berita gembira kepada kaum Muslimin.

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنكَرِ وَالْبَغْيِ ۚ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

وَأَوْفُوا بِعَهْدِ اللَّهِ إِذَا عَاهَدتُّمْ وَلَا تَنقُضُوا الْأَيْمَانَ بَعْدَ تَوْكِيدِهَا وَقَدْ جَعَلْتُمُ اللَّهَ عَلَيْكُمْ كَفِيلًا ۚ إِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا تَفْعَلُونَ ﴿٩١﴾

وَلَا تَكُونُوا كَالَّتِي نَقَضَتْ غَزْلَهَا مِن بَعْدِ قُوَّةٍ أَنكَاثًا تَتَّخِذُونَ أَيْمَانَكُمْ دَخَلًا بَيْنَكُمْ أَن تَكُونَ أُمَّةٌ هِيَ أَرْبَىٰ مِنْ أُمَّةٍ ۚ إِنَّمَا يَبْلُوكُمُ اللَّهُ بِهِ ۚ وَلَيُبَيِّنَنَّ لَكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مَا كُنتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ ﴿٩٢﴾

وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَجَعَلَكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَلَٰكِن يُضِلُّ مَن يَشَاءُ وَيَهْدِي مَن يَشَاءُ ۚ وَلَتُسْأَلُنَّ عَمَّا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٩٣﴾

"Sesungguhnya Allah menyuruh (kamu) berlaku adil, berbuat ihsan dan memberi bantuan kepada kaum kerabat dan melarang melakukan pencabulan, kemungkaran dan kezaliman. Dia mengajar kamu supaya kamu mengambil pengajaran(90). Dan sempurnakanlah perjanjian dengan Allah apabila kamu berjanji dan janganlah kamu membatalkan sumpah-sumpah (kamu) setelah diperkuatkan (dengan nama Allah), sedangkan kamu telah menjadikan Allah sebagai saksi terhadap sumpah kamu. Sesungguhnya Allah mengetahui segala apa yang dilakukan kamu(91). Dan janganlah kamu bertindak seperti perempuan yang merombakkan benang-benangnya menjadi terhurai setelah dipintalnya dengan kuat, iaitu dengan menjadikan sumpah-sumpah kamu (perjanjian) itu sebagai suatu tipu daya di antara kamu kerana adanya satu umat yang lebih ramai (kuat) dari umat yang lain. Sesungguhnya Allah hendak menguji kamu dengan perjanjian itu dan sesungguhnya Allah akan menjelaskan kepada kamu pada hari Qiamat kelak segala perkara yang telah dipertikaikan di antara kamu(92). Dan seandainya Allah kehendaki tentulah Dia jadikan seluruh kamu satu umat sahaja, tetapi Allah menyesatkan siapa yang dikehendaki-Nya dan memberi hidayat kepada siapa yang dikehendaki-Nya. Dan sesungguhnya kamu akan ditanya (pada hari Akhirat) segala perbuatan yang dilakukan kamu."(93)

Islam Da'wah Global

Kitab suci Al-Qur'an ini datang untuk mewujudkan satu umat dan mengaturkan sebuah masyarakat dan

seterusnya untuk mewujudkan sebuah alam dan menegakkan satu sistem hidup. Ia datang sebagai satu da'wah global dan da'wah insaniyah yang tidak memperjuangkan taksub kepada sesuatu suku kaum atau sesuatu umat atau sesuatu bangsa. Hanya 'aqidah sahaja yang satu-satunya menjadi pengikat, penambat, perkauman dan 'asabiyah.

Dasar Keadilan Dan Ihsan

Justeru itulah Al-Qur'an membawa dasar-dasar yang menjamin perpaduan kelompok dan kelompok-kelompok, menjamin ketenteraman individu-individu, umat-umat, bangsa-bangsa dan seterusnya memelihara kepercayaan terhadap mu'amalat-mu'amalat dan perjanjian-perjanjian.

Al-Qur'an membawa dasar "keadilan" yang menjamin setiap individu, setiap kelompok dan setiap kaum, sebagai satu dasar yang tetap teguh bagi setiap urusan hubungan dan mu'amalat, satu dasar yang tidak cenderung kerana hawa nafsu, tidak terpengaruh dengan emosi kasih dan benci, tidak berubah kerana memelihara hubungan persemendaan dan hubungan keturunan, tidak berubah kerana kaya dan miskin dan kerana kuat dan lemah. Malah ia tetap berjalan lurus memberi sukatan dan pertimbangan yang sama kepada semua orang.

Di samping dasar keadilan ia memperjuangkan pula dasar ihsan (membuat kebaikan), yang dapat melembutkan kekerasan dasar keadilan yang ketat dan tegas, membuka pintu kepada orang-orang yang ingin bertoleransi dalam setengah-setengah hak mereka kerana mengutamakan semangat kasih sayang dan menghapuskan perasaan dendam kesumat dari hati mereka. Ia membuka pintu kepada orang-orang yang ingin menunjukkan sikap yang lebih dari dasar keadilan untuk mengubati hati yang luka atau untuk mendapat kelebihan.

Ihsan mempunyai pengertian yang amat luas. Setiap perbuatan yang baik adalah ihsan belaka. Perintah berbuat ihsan dalam ayat itu merangkumi segala perbuatan dan mu'amalat. Ia merangkumi segala ruang kehidupan yang berkaitan dengan hubungan-hubungan seorang hamba dengan Allah, hubungan-hubungan dengan keluarganya, hubungan-hubungannya dengan masyarakatnya dan hubungan-hubungannya dengan seluruh manusia yang lain.[4]

Di antara amalan-amalan ihsan ialah "memberi bantuan kepada kaum kerabat". Perintah ini ditonjolkan untuk menunjukkan kepentingan hubungan kekeluargaan dan menguatkannya. Ia bukan ditegakkan di atas semangat 'asabiyah keluarga, malah ia ditegakkan di atas dasar takaful atau saling membantu yang dimulakan oleh Islam dari lingkungan setempat kepada lingkungan umum mengikut teorinya dalam penyusunan dasar takaful.[5]

Pencabulan, Kemungkaran Dan Kezaliman

وَيَنْهَىٰ عَنِ ٱلْفَحْشَآءِ وَٱلْمُنكَرِ وَٱلْبَغْيِ

"Dan melarang melakukan pencabulan, kemungkaran dan kezaliman."(90)

Kata-kata "فحشا" (pencabulan) bererti setiap perbuatan jahat yang melampaui batas dan di antaranya ialah kejahatan yang biasanya dikhususkan kepada kejahatan mencabul kehormatan, kerana ia merupakan satu perbuatan jahat yang mengandungi ciri pencabulan dan keterlaluan yang melampaui batas sehingga perbuatan itu merupakan perbuatan fahsya' (فحشا) yang tertentu dengannya. Kata-kata kemungkaran pula bererti setiap perbuatan yang dijijik oleh fitrah dan justeru itu ia dijijik oleh syari'at Islam kerana syari'at Islam ialah syari'at fitrah. Kadang-kadang fitrah menyeleweng tetapi syari'at tetap teguh menunjukkan kepada fitrah yang asal sebelum ia menyeleweng. Kata-kata kezaliman bererti perbuatan aniaya yang melampaui batas kebenaran dan keadilan.

Tiada masyarakat yang dapat tegak di atas pencabulan, kemungkaran dan kezaliman. Tiada sebuah masyarakat pun yang dapat berdiri jika perlakuan pencabulan, kemungkaran dan kezaliman tersebar dengan berleluasa dengan segala ertikatanya, segala sebab dan akibatnya.

Fitrah manusia tetap akan bangkit memberontak selepas satu tempoh yang tertentu untuk menentang faktor-faktor peruntuh ini biarpun bagaimana besar kekuatannya dan biar apa pun sarana dan alat yang digunakan oleh pemerintah-pemerintah yang zalim untuk melindunginya. Seluruh sejarah manusia penuh dengan pemberontakan-pemberontakan menentang pencabulan, kemungkaran dan kezaliman. Oleh sebab itu adanya zaman-zaman dan kerajaan-kerajaan yang dapat berdiri untuk beberapa waktu itu tidaklah penting, kerana wujudnya pemberontakan menentang faktor-faktor peruntuh itu menunjukkan bahawa faktor-faktor itu merupakan anasir-anasir asing yang wujud di atas badan hayat. Fitrah manusia akan bangkit menentangnya sebagaimana sesuatu yang hidup akan bangkit menentang apa sahaja benda asing yang masuk ke dalamnya. Perintah Allah

---

4 *Setengah-setengah tafsir mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan keadilan itu ialah perkara-perkara yang wajib, dan ihsan ialah perkara-perkara yang sunat di dalam urusan-urusan ibadat sahaja dengan alasan kerana ayat ini diturunkan di Makkah di mana perkara-perkara perundangan belum lagi diturunkan, tetapi ungkapan yang umum itu memberi pengertian yang umum kepada kata-kata keadilan dan ihsan, lebih-lebih lagi keadilan dan ihsan itu merupakan dua dasar umum dari segi akhlak dan bukannya semata-mata menjadi dasar perundangan semata-mata.*

5 *Lihat bab "فصل التكافل الإجتماعي" di dalam buku "دراسات إسلامية".*

supaya berlaku adil dan bersikap ihsan dan larangan Allah dari melakukan pencabulan, kemungkaran dan kezaliman itu, adalah sesuai dengan fitrah manusia yang sihat. Perintah dan larangan itu dapat menguat dan menggerakkan fitrah manusia melawan faktor-faktor peruntuh atas nama Allah. Justeru itu ayat ini diiringi dengan sebuah pernyataan:

يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

"Dia mengajar kamu supaya kamu mengambil pengajaran."(90)

Allah memberi pengajaran yang membuat seseorang itu dapat mengingati ilham fitrah semulajadi mereka yang lurus.

Perjanjian Dalam Islam

وَأَوْفُوا۟ بِعَهْدِ ٱللَّهِ إِذَا عَٰهَدتُّمْ وَلَا تَنقُضُوا۟
ٱلْأَيْمَٰنَ بَعْدَ تَوْكِيدِهَا وَقَدْ جَعَلْتُمُ ٱللَّهَ
عَلَيْكُمْ كَفِيلًا ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يَعْلَمُ مَا تَفْعَلُونَ ﴿٩١﴾

"Dan sempurnakanlah perjanjian dengan Allah apabila kamu berjanji dan janganlah kamu membatalkan sumpah-sumpah kamu setelah diikrarkannya (dengan nama Allah), sedangkan kamu telah menjadikan Allah sebagai penjamin di atas sumpah kamu. Sesungguhnya Allah mengetahui segala apa yang dilakukan kamu."(91)

Penepatan atau penunaian perjanjian dengan Allah meliputi perjanjian orang-orang Islam dengan Rasulullah s.a.w. dan meliputi segala bentuk perjanjian mengenai segala sesuatu yang baik yang disuruh Allah. Penunaian perjanjian merupakan jaminan untuk mengekalkan unsur kepercayaan di dalam urusan perhubungan timbal balik di antara orang ramai. Tanpa kepercayaan ini masyarakat dan insaniyah tidak akan dapat berdiri. Saranan ayat ini membuat dua pihak yang mengadakan perjanjian itu merasa segan dan malu untuk membatalkan sumpah yang telah diikrarkan mereka kerana mereka telah menjadikan Allah sebagai penjamin dan saksi bahawa mereka akan memenuhi perjanjian itu. Kemudian Al-Qur'an memberi ancaman yang halus kepada mereka:

إِنَّ ٱللَّهَ يَعْلَمُ مَا تَفْعَلُونَ ﴿٩١﴾

"Sesungguhnya Allah mengetahui segala apa yang dilakukan kamu."(91)

Islam mengetatkan peraturan penunaian perjanjian-perjanjian itu dan ia selama-lamanya tidak pernah bertolak ansur di dalam persoalan ini, kerana penunaian perjanjian merupakan asas kepercayaan dan tanpa asas ini ikatan masyarakat akan putus dan runtuh. Ayat-ayat Al-Qur'an di sini bukan hanya sekadar menyuruh menunaikan perjanjian dan melarang membatalkannya, malah membuat perbandingan-perbandingan dan mengeji perbuatan memungkiri perjanjian dan menolakkan sebab-sebab yang mungkin digunakan sebagai alasan-alasan pembatalan perjanjian oleh setengah-setengah orang:

وَلَا تَكُونُوا۟ كَٱلَّتِى نَقَضَتْ غَزْلَهَا مِنۢ بَعْدِ قُوَّةٍ
أَنكَٰثًا تَتَّخِذُونَ أَيْمَٰنَكُمْ دَخَلًۢا بَيْنَكُمْ
أَن تَكُونَ أُمَّةٌ هِىَ أَرْبَىٰ مِنْ أُمَّةٍ ۚ إِنَّمَا يَبْلُوكُمُ ٱللَّهُ
بِهِۦ ۚ وَلَيُبَيِّنَنَّ لَكُمْ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ مَا كُنتُمْ فِيهِ
تَخْتَلِفُونَ ﴿٩٢﴾

"Dan janganlah kamu bertindak seperti perempuan yang merombakkan benang-benangnya menjadi terurai setelah dipintalkannya dengan kuat, iaitu dengan menjadikan sumpah-sumpah kamu (perjanjian) itu sebagai suatu tipu daya di antara kamu kerana adanya satu umat yang lebih ramai (kuat) dari umat yang lain. Sesungguhnya Allah hanya hendak menguji kamu dengan perjanjian itu, dan sesungguhnya Allah akan menjelaskan kepada kamu pada hari Qiamat kelak segala perkara yang telah dipertikaikan di antara kamu."(92)

Al-Qur'an membandingkan orang yang membatalkan perjanjian itu dengan seorang perempuan yang tolol, lemah keazaman dan pemikiran. Dia menenunkan benang-benang tenunannya kemudian dia merombakkannya semula dan menjadikannya kucar-kacir dan terhurai. Semua unsur perbandingan ini membayangkan penghinaan dan menyatakan kehairanan terhadap perbuatan itu. Ia menggambarkan di dalam jiwa dan hati manusia betapa buruknya perbuatan memungkiri perjanjian itu. Itulah yang dimaksudkan dengan perbandingan. Dan sudah tentu seseorang yang bermaruah tidak merelakan dirinya menjadi seperti perempuan yang lemah kemahuan dan pemikiran, yang menghabiskan masa hidupnya dalam kerja-kerja yang tidak berguna.

Setengah-setengah mereka membatalkan perjanjiannya dengan Rasulullah s.a.w. dengan membuat alasan kerana Nabi Muhammad dan pengikut-pengikutnya merupakan kumpulan yang kecil dan lemah, sedangkan kaum Quraysy merupakan satu kumpulan yang ramai dan kuat. Oleh sebab itu Al-Qur'an mengingatkan mereka bahawa sebab yang seperti ini tidak boleh dijadikan alasan untuk menggunakan sumpah-sumpah mereka sebagai tipu helah untuk mengelakkan diri darinya.

تَتَّخِذُونَ أَيْمَٰنَكُمْ دَخَلًۢا بَيْنَكُمْ أَن تَكُونَ
أُمَّةٌ هِىَ أَرْبَىٰ مِنْ أُمَّةٍ ۚ

"Iaitu dengan menjadikan sumpah-sumpah kamu (perjanjian) itu sebagai suatu tipu daya di antara kamu kerana adanya satu umat yang lebih ramai (kuat) dari umat yang lain."(92)

Yakni dengan sebab satu umat itu lebih ramai dan lebih kuat dari umat yang lain dan kerana mencari muslihat dengan umat yang lebih ramai.

Perjanjian Antara Negara Dalam Islam

Turut termasuk dalam pengertian ayat ini ialah pembatalan perjanjian yang dibuat untuk mencapai apa yang diistilahkan sekarang sebagai "kepentingan negara" di mana sebuah negara mengadakan perjanjian dengan sebuah negara yang lain kemudian membatalkan perjanjian itu dengan sebab di sana adanya satu negara yang lebih kuat atau adanya blok negara-negara yang lebih kuat di satu barisan yang lain demi menjaga kepentingan negara. Islam tidak membenarkan alasan-alasan yang seperti ini, malah mewajibkan menunaikan perjanjian dan melarang menggunakan sumpah sebagai sarana untuk menipu sebagaimana Islam tidak membenar mengadakan perjanjian dan persetujuan kerjasama dalam perkara-perkara yang tidak berlandaskan kebajikan dan taqwa. slam tidak membenarkan membuat perjanjian dan persetujuan kerjasama untuk melakukan dosa-dosa kejahatan dan maksiat, memakan hak-hak orang lain, mempergunakan negeri-negeri dan bangsa-bangsa yang lain untuk kepentingan negara mereka. Di atas asas-asas inilah ditegakkan masyarakat Islam dan dibangunkan negara Islam. Seluruh dunia akan meni'mati ketenteraman, kepercayaan dan kebersihan di dalam hubungan-hubungan timbal balik di antara individu-individu dan negara-negara apabila teraju kepimpinan manusia diserahkan kepada Islam.

Nas Al-Qur'an di sini mengingatkan supaya jangan menggunakan alasan yang seperti ini, juga mengingatkan bahawa wujudnya keadaan "adanya satu umat yang lebih ramai dari umat yang lain" itu merupakan suatu ujian dari Allah untuk menduga kemahuan, kesetiaan, kehormatan dan harga diri mereka serta rasa segan dan malu mereka untuk membatalkan perjanjian yang mereka jadikan Allah sebagai saksinya:

إِنَّمَا يَبْلُوكُمُ ٱللَّهُ بِهِۦ

"Sesungguhnya Allah hanya hendak menguji kamu dengan perjanjian itu."(92)

Kemudian Al-Qur'an menyerahkan perkara perselisihan-perselisihan yang berlaku di antara kumpulan-kumpulan dan kaum-kaum itu kepada Allah pada hari Qiamat kelak yang akan memberi keputusan-Nya yang muktamad.

وَلَيُبَيِّنَنَّ لَكُمْ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ مَا كُنتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ ﴿٩٢﴾

"Dan sesungguhnya Allah akan menjelaskan kepada kamu pada hari Qiamat kelak segala perkara yang telah dipertikaikan di antara kamu."(92)

Dengan ayat ini Allah membuka jalan untuk menarik hati manusia supaya menunaikan janji-janji mereka walaupun kepada orang-orang yang bertentangan dengan mereka dari segi fikiran dan 'aqidah.

وَلَوْ شَآءَ ٱللَّهُ لَجَعَلَكُمْ أُمَّةً وَٰحِدَةً وَلَٰكِن يُضِلُّ مَن يَشَآءُ وَيَهْدِى مَن يَشَآءُ ۚ وَلَتُسْـَٔلُنَّ عَمَّا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٩٣﴾

"Dan seandainya Allah kehendaki tentulah Dia jadikan seluruh kamu satu umat sahaja, tetapi Allah menyesatkan siapa yang dikehendaki-Nya dan memberi hidayat kepada siapa yang dikehendaki-Nya. Dan sesungguhnya kamu akan ditanya (pada hari Akhirat) segala perbuatan yang dilakukan kamu."(93)

Seandainya Allah kehendaki tentulah Dia ciptakan manusia dengan bakat-bakat kesediaan dan kebolehan yang sama, tetapi Allah telah menciptakan mereka dengan bakat-bakat kesediaan dan kebolehan yang berbeza-beza, iaitu dalam bentuk naskhah-naskhah yang tidak sama atau berulang-ulang dan Allah telah mengadakan undang-undang hidayat dan kesesatan dan dengan undang-undang inilah Allah memperlakukan kehendak masyi'ah-Nya terhadap manusia dan menjadikan setiap orang itu bertanggungjawab terhadap amalan dan perbuatannya. Oleh sebab itu perbezaan 'aqidah tidak seharusnya dijadikan alasan untuk membatalkan perjanjian-perjanjian kerana perbezaan-perbezaan itu mempunyai sebab-sebabnya yang ada kaitan dengan kehendak masyi'ah Allah. Perjanjian ini pasti ditepati walau-pun terdapat perbezaan 'aqidah. Inilah kemuncak kebersihan dalam hubungan mu'amalat dan toleransi agama, yang tidak dapat dilaksanakannya di dalam alam kenyataan kecuali oleh Islam yang berada di bawah naungan Al-Qur'an ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 94 - 96)

Al-Qur'an terus menguatkan gesaannya supaya menunaikan perjanjian-perjanjian dan melarang menggunakan sumpah untuk tujuan menipu dan membangkitkan rasa ketenteraman yang palsu bagi mendapatkan faedah-faedah dunia yang fana, di samping mengingatkan mereka terhadap akibat-akibat yang buruk yang boleh menggoncangkan asas-asas keamanan dalam kehidupan kejiwaan dan kemasyarakatan, serta meng-goncangkan 'aqidah-'aqidah, perhubungan-perhubungan dan mu'amalat-mu'amalat. Ia memberi amaran dengan balasan 'azab yang amat besar pada hari Akhirat dan mengemukakan balasan-balasan yang baik yang disediakan di sisi Allah sebagai pampasan bagi faedah-faedah yang kecil yang terluput dari mereka kerana menunaikan perjanjian-perjaniian itu. Ia juga menjelaskan hakikat kemusnahan segala apa yang ada di dalam milik mereka dan hakikat keabadian segala balasan baik yang ada di sisi Allah, yang tidak pernah kehabisan khazanah kekayaan-Nya dan tidak pernah putus pengurniaan rezeki-Nya:

وَلَا تَتَّخِذُوٓا أَيْمَـٰنَكُمْ دَخَلًا بَيْنَكُمْ فَتَزِلَّ
قَدَمٌ بَعْدَ ثُبُوتِهَا وَتَذُوقُوا ٱلسُّوٓءَ بِمَا صَدَدتُّمْ
عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ وَلَكُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿٩٤﴾
وَلَا تَشْتَرُوا بِعَهْدِ ٱللَّهِ ثَمَنًا قَلِيلًا إِنَّمَا عِندَ ٱللَّهِ
هُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٩٥﴾
مَا عِندَكُمْ يَنفَدُ وَمَا عِندَ ٱللَّهِ بَاقٍ وَلَنَجْزِيَنَّ
ٱلَّذِينَ صَبَرُوٓا أَجْرَهُم بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا
يَعْمَلُونَ ﴿٩٦﴾

"Dan janganlah kamu jadikan sumpah-sumpah kamu (perjanjian) itu suatu tipu daya di antara kamu menyebabkan kaki (kamu) tergelincir setelah berdiri teguh dan kamu akan merasa akibat yang buruk dengan sebab perbuatan kamu menghalangkan orang lain dari jalan Allah, dan kamu akan memperolehi 'azab yang amat besar(94). Dan janganlah kamu tukarkan perjanjian dengan Allah dengan harga yang sedikit. Sesungguhnya balasan di sisi Allah itu adalah lebih baik untuk kamu jika kamu mengetahui(95). Segala apa yang ada di sisi kamu akan musnah belaka dan segala apa yang ada di sisi Allah tetap kekal abadi dan sesungguhnya Kami akan mengurniakan balasan kepada orang-orang yang sabar dengan pahala sebaik-baik amalan yang dikerjakan mereka."(96)

Perbuatan menggunakan sumpah sebagai alat menipu akan menggoncangkan 'aqidah Islam di dalam hati nurani seseorang dan merosakkan imejnya di dalam hati nurani orang lain. Seorang yang bersumpah, sedangkan dia mengetahui bahawa dia membuat sumpah yang palsu dan tipu, tidak mungkin mempunyai 'aqidah Islam yang kukuh dan tidak mungkin berdiri teguh di atas jalan 'aqidah Islam yang lurus, dan dalam waktu yang sama dia merosakkan imej 'aqidah Islam di sisi orang-orang yang menerima sumpah palsunya itu apabila mereka mengetahui bahawa sumpah-sumpahnya itu adalah bertujuan untuk menipu mereka sahaja. Ini bererti dia menghalangkan mereka dari agama Allah dengan contoh yang buruk ini yang ditunjukkannya kepada orang-orang yang beriman kepada Allah.

Berbagai-bagai kumpulan dan berbagai-bagai bangsa telah menganut Islam dengan sebab mereka melihat betapa setianya orang-orang Islam menunaikan perjanjian mereka, betapa benarnya kata-kata mereka apabila mereka berjanji, betapa ikhlasnya mereka apabila mereka bersumpah dan betapa bersihnya mereka di dalam mu'amalat-mu'amalat mereka. Keuntungan mereka adalah jauh lebih besar dari kerugian sementara yang lahir yang dialami mereka kerana kesetiaan mereka kepada perjanjian-perjanjian mereka.

Al-Qur'an dan sunnah Rasulullah s.a.w. telah meninggalkan satu kesan yang amat kukuh dan satu ciri umum di dalam hati orang-orang Islam dari segi penunaian perjanjian ini hingga ia terus menjadi ciri istimewa perhubungan Islam sama ada di peringkat perjanjian antara individu atau di peringkat perjanjian antara negara. Menurut riwayat (pada suatu masa) ada satu tempoh perjanjian (gencatan senjata) di antara Muawiyah bin Abu Sufyan dan Seri Maharaja Rom dan pada akhir tempoh perjanjian itu Muawiyah memimpin angkatan bala tenteranya menuju ke arah angkatan tentera Rom (dengan tujuan apabila sahaja tempoh perjanjian itu berakhir, sedangkan angkatan tenteranya berada di tempat yang berhampiran dengan tentera Rom beliau dapat menyerang mereka tanpa disedari mereka), lalu ditegur oleh 'Umar bin Utbah katanya: "Allahu Akbar! Wahai Muawiyah janji pasti ditepati dan tidak boleh dimungkiri. Aku dengar Rasulullah s.a.w. bersabda: "Barang siapa mengadakan tempoh perjanjian di antaranya dengan satu kaum yang lain, maka janganlah sekali-kali perjanjian itu dirombakkan sehingga tempoh perjanjian itu berakhir". Mendengar nasihat ini Muawiyah pun berpatah balik dengan angkatan tenteranya. Riwayat-riwayat mengenai kesetiaan orang-orang Islam menepati janji-janji mereka merupakan riwayat-riwayat yang mutawatir dan masyhur. Mereka menepati janji-janji mereka biar bagaimana besar kepentingan-kepentingan secara langsung yang boleh dicapai mereka dari pembatalan perjanjian-perjanjian itu.

Al-Qur'an telah meninggalkan ciri Islam yang menonjol itu di dalam jiwa kaum Muslimin apabila ia menggalak, menakut dan memberi amaran, apabila ia menjadikan perjanjian itu sebagai perjanjian dengan Allah dan menggambarkan faedah yang diperolehi mereka dari pembatalan perjanjian itu dengan gambaran yang amat kecil dan sedikit, sedangkan balasan kerana menepati perjanjian yang disediakan di sisi Allah itu amat besar:

وَلَا تَشْتَرُوا بِعَهْدِ ٱللَّهِ ثَمَنًا قَلِيلًا إِنَّمَا عِندَ ٱللَّهِ
هُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٩٥﴾

"Dan janganlah kamu tukarkan perjanjian dengan Allah dengan harga yang sedikit. Sesungguhnya balasan di sisi Allah itu adalah lebih baik untuk kamu jika kamu mengetahui."(95)

Kemudian Al-Qur'an menyebut bahawa segala apa yang ada pada manusia walaupun dimiliki individu adalah fana dan musnah belaka dan hanya apa yang ada di sisi Allah sahaja yang kekal abadi:

مَا عِندَكُمْ يَنفَدُ وَمَا عِندَ ٱللَّهِ بَاقٍ

"Segala apa yang ada di sisi kamu akan musnah belaka dan segala apa yang ada di sisi Allah kekal abadi."(96)

Kemudian Al-Qur'an menguatkan keazaman mereka supaya menepati perjanjian dan sabar

menanggung pahit getirnya dan menjanjikan orang-orang yang sabar itu dengan pahala yang baik:

وَلَنَجْزِيَنَّ ٱلَّذِينَ صَبَرُوٓاْ أَجْرَهُم بِأَحْسَنِ مَا كَانُواْ يَعْمَلُونَ ﴿٩٦﴾

"Dan sesungguhnya Kami akan mengurniakan balasan kepada orang-orang yang sabar dengan pahala sebaik-baik amalan yang dikerjakan mereka"(96)

serta mengurniakan kema'afan terhadap perbuatan-perbuatan yang tidak baik yang terkeluar dari mereka supaya ia mendapat balasan di atas amalan yang terbaik.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 97)

Sehubungan dengan persoalan amalan dan balasan, Al-Qur'an iringi dengan mengemukakan dasar umum mengenai kedua-dua persoalan itu:

مَنْ عَمِلَ صَٰلِحًا مِّن ذَكَرٍ أَوْ أُنثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهُۥ حَيَوٰةً طَيِّبَةً ۖ وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُم بِأَحْسَنِ مَا كَانُواْ يَعْمَلُونَ ﴿٩٧﴾

"Barang siapa yang mengerjakan amalan yang soleh dari lelaki atau perempuan, sedangkan dia seorang yang beriman, maka Kami akan hidupkannya dalam kehidupan yang baik, dan Kami akan mengurniakan ganjaran kepada mereka dengan pahala sebaik-baik amalan yang dikerjakan mereka."(97)

Dasar Amalan Dan Balasan

Kaum lelaki dan perempuan itu adalah sama sahaja di bawah dasar amalan dan balasan. Kedua-duanya adalah sama dalam hubungan mereka dengarlah dan dalam mendapatkan balasan mereka di sisi Allah walaupun makna kata-kata "مَن" (man) atau "barang siapa" itu telah pun meliputi lelaki dan perempuan, namun ayat ini menghuraikannya pula dengan keterangan "dari lelaki dan perempuan" untuk menambahkan lagi penjelasan hakikat ini. Penjelasan ini tepat dibuat di dalam surah ini, di mana telah dibentangkan bagaimana buruknya pandangan jahiliyah terhadap perempuan, bagaimana masyarakat jahiliyah tidak senang dengan anak perempuan dan bagaimana sedih dan dukacitanya sibapa menerima berita kelahiran anak perempuan yang disampaikan kepadanya hingga ia menyembunyikan diri dari orang ramai kerana sedih dan malu. Amalan yang soleh itu pastilah mempunyai landasan yang kukuh iaitu landasan keimanan kepada Allah:

وَهُوَ مُؤْمِنٌ

"Sedangkan dia seorang yang beriman."(97)

Tanpa landasan keimanan, bangunan amalan yang soleh tidak mungkin wujud. Tanpa pengikat keimanan, bahagian-bahagian amalan yang soleh tidak mungkin tercantum, malah amalan-amalan itu hanya menjadi sia-sia sahaja laksana abu-abu yang diterbangi angin pada hari ribut yang kencang. 'Aqidah itulah yang menjadi paksi, di mana diikatkan segala benang-benang amalan. Tanpa paksi ini seluruh benang-benang amalan menjadi terurai. 'Aqidah itulah yang menjadi pendorong dan matlamat amalan yang soleh. Ia menjadikan amalan yang baik itu sesuatu yang teguh kukuh dan bertapak pada tunjang yang besar, bukan suatu amalan kebetulan yang terumbang-ambing dan terikut-ikut kepada kecenderungan hawa nafsu.

Balasan amalan yang soleh yang bergabung dengan keimanan ialah kehidupan yang baik di dunia ini. Kehidupan yang baik itu tidak semestinya berupa kehidupan yang senang-lenang dan kaya-raya dengan harta. Ia mungkin dengan kekayaan harta benda dan mungkin pula tanpa kekayaan harta benda, kerana dalam kehidupan dunia masih banyak perkara-perkara yang lain dari harta kekayaan yang banyak yang dapat menjadikan hidup itu baik, selesa dan cukup, di mana wujudnya perhubungan dan kepercayaan kepada Allah, dan wujudnya keyakinan kepada naungan dan keredhaan Allah, serta wujudnya kesihatan, ketenangan, kesenangan hati, keberkatan, kedamaian rumahtangga dan hubungan kasih mesra dengan orang lain, juga wujudnya keghairahan mengerjakan amalan yang soleh dan kesannya yang baik di dalam hati nurani dan dalam kehidupan. Harta kekayaan hanya merupakan satu unsur kesenangan yang sedikit darinya sahaja boleh cukup apabila hati seorang itu mempunyai hubungan dengan sesuatu yang lebih besar, lebih murni dan lebih kekal di sisi Allah.

Kehidupan yang baik dan senang-lenang di dunia ini tidak mengurangkan pahala yang baik di Akhirat. Dan pahala yang baik ini dikurniakan atas bentuk pahala sebaik-baik amalan yang dikerjakan oleh orang-orang Mu'min di dunia termasuk kemaafan Allah terhadap dosa-dosa mereka. Alangkah besarnya balasan dari Allah!

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 98 - 105)

Kemudian Al-Qur'an menerangkan sesuatu mengenai kitab suci Al-Qur'an iaitu mengenai adab-adab membacanya dan kata-kata cemuhan kaum Musyrikin terhadapnya:

فَإِذَا قَرَأْتَ ٱلْقُرْءَانَ فَٱسْتَعِذْ بِٱللَّهِ مِنَ ٱلشَّيْطَٰنِ ٱلرَّجِيمِ ﴿٩٨﴾

إِنَّهُۥ لَيْسَ لَهُۥ سُلْطَٰنٌ عَلَى ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ﴿٩٩﴾

إِنَّمَا سُلْطَٰنُهُۥ عَلَى ٱلَّذِينَ يَتَوَلَّوْنَهُۥ وَٱلَّذِينَ هُم بِهِۦ
مُشْرِكُونَ ﴿١٠٠﴾

"Apabila engkau (hendak) membaca Al-Qur'an, maka hendaklah engkau memohon perlindungan kepada Allah dari (gangguan) syaitan yang terkutuk(98). Sesungguhnya syaitan itu tidak mempunyai pengaruh ke atas orang-orang yang beriman dan bertawakkal kepada Tuhan mereka(99). Pengaruh syaitan hanya (berlaku) ke atas orang-orang yang menjadikannya sebagai pemimpin mereka dan orang-orang yang mempersekutukannya dengan Allah."(100)

Menjauhi Diri Dari Gangguan Syaitan

Adab memohon perlindungan kepada Allah dari gangguan syaitan yang terkutuk itu merupakan langkah menyediakan suasana untuk membaca Kitabullah dan merupakan langkah membersihkan suasana dari gangguan-gangguan bisikan syaitan dan menumpukan seluruh perasaan bertawajjuh kepada Allah semata-mata tanpa diganggu-gugatkan oleh godaan dari alam kekotoran dan kejahatan yang diwakilkan syaitan.

Pohonlah perlindungan kepada Allah dari gangguan syaitan yang terkutuk.

إِنَّهُۥ لَيْسَ لَهُۥ سُلْطَٰنٌ عَلَى ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَلَىٰ
رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ﴿٩٩﴾

"Sesungguhnya syaitan itu tidak mempunyai pengaruh ke atas orang-orang yang beriman dan bertawakkal kepada Allah Tuhan mereka."(99)

Orang-orang yang bertawajjuh kepada Allah Yang Maha Esa dan mengikhlaskan hati mereka kepada-Nya tidak akan dapat dipengaruhi syaitan biar bagaimana hebat ia mengganggu mereka kerana hubungan mereka yang kukuh dengan Allah dapat melindungkan mereka dari hanyut bersama syaitan dan terikut-ikut kepada godaannya. Mereka mungkin melakukan kesilapan tetapi mereka tidak menyerah kalah, malah mereka mengusir syaitan dari mereka dan terus kembali kepada Allah dengan segera.

إِنَّمَا سُلْطَٰنُهُۥ عَلَى ٱلَّذِينَ يَتَوَلَّوْنَهُۥ وَٱلَّذِينَ هُم بِهِۦ
مُشْرِكُونَ ﴿١٠٠﴾

"Pengaruh syaitan hanya (berlaku) ke atas orang-orang yang menjadikannya sebagai pemimpin mereka dan orang-orang yang mempersekutukannya dengan Allah."(100)

Orang-orang inilah yang telah menjadikan syaitan sebagai pemimpin mereka. Mereka menyerah diri kepada syaitan dengan mengikut nafsu-nafsu syahwat dan keinginan-keinginan mereka yang liar. Di antara mereka ada yang mempersekutukan Allah dengan syaitan. Agama menyembah syaitan dan menyembah tuhan kejahatan memang terkenal di kalangan setengah-setengah kaum, tetapi perbuatan mereka mengikut syaitan itu merupakan sejenis perbuatan syirik yang menta'ati dan mengikut syaitan.

Sesuai dengan menyebut kelakuan kaum Musyrikin dalam ayat ini, ia menyebut pula kata-kata cemuhan mereka terhadap Al-Qur'anul-Karim:

وَإِذَا بَدَّلْنَآ ءَايَةً مَّكَانَ ءَايَةٍ ۙ وَٱللَّهُ أَعْلَمُ
بِمَا يُنَزِّلُ قَالُوٓا۟ إِنَّمَآ أَنتَ مُفْتَرٍۭ ۚ بَلْ أَكْثَرُهُمْ
لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٠١﴾
قُلْ نَزَّلَهُۥ رُوحُ ٱلْقُدُسِ مِن رَّبِّكَ بِٱلْحَقِّ لِيُثَبِّتَ
ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَهُدًى وَبُشْرَىٰ لِلْمُسْلِمِينَ ﴿١٠٢﴾
وَلَقَدْ نَعْلَمُ أَنَّهُمْ يَقُولُونَ إِنَّمَا يُعَلِّمُهُۥ بَشَرٌ ۗ
لِّسَانُ ٱلَّذِى يُلْحِدُونَ إِلَيْهِ أَعْجَمِىٌّ وَهَٰذَا لِسَانٌ
عَرَبِىٌّ مُّبِينٌ ﴿١٠٣﴾
إِنَّ ٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ لَا يَهْدِيهِمُ
ٱللَّهُ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١٠٤﴾
إِنَّمَا يَفْتَرِى ٱلْكَذِبَ ٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ
بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ ۖ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْكَٰذِبُونَ ﴿١٠٥﴾

"Dan apabila Kami gantikan satu ayat (Al-Qur'an) di tempat satu ayat (yang dimansuh) - sedangkan Allah amat mengetahui tentang (ayat-ayat yang wajar) diturunkan - maka berkatalah mereka (kaum Musyrikin): Sesungguhnya engkau hanya seorang yang mengada-adakan pembohongan sahaja. Bahkan sebenarnya kebanyakan mereka tidak mengetahui (hikmatnya)(101). Katakanlah: Al-Qur'an itu telah diturunkannya oleh Ruhul-Qudus (Jibril) dari Tuhanmu dengan lunas kebenaran untuk meneguhkan (pegangan) orang-orang yang beriman dan untuk menjadi sumber hidayat dan berita gembira kepada kaum Muslimin(102). Dan sesungguhnya Kami mengetahui bahawa mereka (kaum Musyrikin) berkata: Sebenarnya yang mengajarnya ialah seorang manusia sahaja, dan bahasa orang yang ditudingkan mereka itu ialah bahasa asing sedangkan bahasa Al-Qur'an ini ialah bahasa Arab yang amat fasih(103). Sesungguhnya orang-orang yang tidak beriman kepada ayat-ayat Allah (Al-Qur'an) tidak akan diberikan hidayat oleh Allah dan mereka akan memperolehi 'azab yang amat pedih(104). Sesungguhnya orang-orang yang mengada-adakan pembohongan itu hanyalah orang-orang yang tidak beriman kepada ayat-ayat Allah, dan merekalah para pendusta yang sebenar."(105)

Hikmat Penmansukhan Ayat-ayat

Kaum Musyrikin tidak memahami tugas kitab suci Al-Qur'an. Mereka tidak memahami bahawa Al-

Qur'an ini datang untuk menegakkan sebuah masyarakat insaniyah sejagat dan untuk membina satu umat yang dapat memimpin masyarakat sejagat ini. Mereka tidak memahami bahawa Al-Qur'an ini merupakan risalah terakhir dari langit dan tiada lagi sebarang risalah yang lain selepasnya. Mereka tidak memahami bahawa Allah yang telah menciptakan manusia adalah Tuhan yang amat mengetahui dengan dasar-dasar dan undang-undang yang boleh mendatangkan kebaikan kepada manusia. Apabila Allah menukarkan sesuatu ayat yang telah habis tempoh penggunaan dan tujuannya, maka Dia akan menggantikannya dengan satu ayat yang lain yang lebih sesuai untuk menghadapi keadaan yang baru yang ditempuh umat manusia dan lebih sesuai untuk tinggal kekal dalam masa yang amat panjang yang tidak diketahui batasnya melainkan Allah. Oleh itu urusan penukaran ayat-ayat itu adalah urusan Allah semata-mata. Perbandingan ayat-ayat Al-Qur'an ini samalah dengan ubat. Ia hanya diberikan beberapa teguk kepada pesakit sehingga dia mencapai kesembuhan, kemudian dia dinasihatkan pula supaya memakan makanan-makanan yang lain yang sesuai dengan keadaan fizikal biasa dalam keadaan-keadaan yang biasa.

Semuanya ini tidak difahami sedikit pun oleh kaum Musyrikin, dan justeru itu mereka tidak dapat memahami hikmat penukaran mana-mana ayat dengan sesuatu ayat yang lain semasa hayat Rasulullah s.a.w. lalu mereka menyangka bahawa penukaran itu hanya suatu pembohongan yang diada-adakan beliau sahaja sedangkan beliau seorang yang bercakap benar dan amanah yang tidak pernah sama sekali diketahui bercakap bohong.

بَلْ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٠١﴾

"Bahkan sebenarnya kebanyakan mereka tidak mengetahui hikmatnya."(101)

قُلْ نَزَّلَهُۥ رُوحُ ٱلْقُدُسِ مِن رَّبِّكَ بِٱلْحَقِّ

"Katakanlah: Al-Qur'an itu telah diturunkan oleh Ruhul-Qudus (Jibril) dari Tuhanmu dengan lunas kebenaran."(102)

Al-Qur'an tidak mungkin merupakan pendustaan yang diada-adakan kerana ia diturunkan oleh Ruhul-Qudus iaitu Jibril a.s. "dari Tuhanmu", bukannya dari sisi engkau, "dengan lunas kebenaran" yang tidak boleh dikelirukan dengan yang batil.

لِيُثَبِّتَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟

"Untuk meneguhkan (pegangan) orang-orang yang beriman"(102)

iaitu orang-orang yang hati mereka sentiasa berhubung rapat dengan Allah, kerana itu mereka menginsafi bahawa Al-Qur'an itu dari Allah dan membuat mereka berpegang kukuh dan penuh yakin kepada kebenaran.

وَهُدًى وَبُشْرَىٰ لِلْمُسْلِمِينَ ﴿١٠٢﴾

"Dan untuk menjadi sumber hidayat dan berita gembira kepada kaum Muslimin."(102)

Yakni sumber hidayat yang membawa mereka ke jalan yang lurus dan membawa berita gembira bahawa mereka akan mencapai kemenangan dan kedudukan yang teguh.

وَلَقَدْ نَعْلَمُ أَنَّهُمْ يَقُولُونَ إِنَّمَا يُعَلِّمُهُۥ بَشَرٌ ۗ
لِّسَانُ ٱلَّذِى يُلْحِدُونَ إِلَيْهِ أَعْجَمِىٌّ وَهَٰذَا لِسَانٌ
عَرَبِىٌّ مُّبِينٌ ﴿١٠٣﴾

"Dan sesungguhnya Kami mengetahui bahawa mereka (kaum Musyrikin) berkata: Sebenarnya yang mengajarnya ialah seorang manusia sahaja, dan bahasa orang yang ditudingkan mereka itu ialah bahasa asing sedangkan bahasa Al-Qur'an ini ialah bahasa Arab yang amat fasih."(103)

Al-Qur'an Dituduh Kalam Manusia Sahaja

Ada satu lagi pembohongan yang didakwa mereka, iaitu orang yang mengajar Al-Qur'an ini kepada Rasulullah s.a.w. ialah manusia yang mereka sebutkan namanya. Riwayat-riwayat tidak sepakat dalam menentukan nama-nama ini. Menurut satu riwayat mereka maksudkan dengan seorang asing (bukan bangsa Arab) yang hidup di kalangan mereka. Orang ini adalah seorang hamba kepada beberapa suku Quraysy. Dia seorang penjual yang menjual barangnya berhampiran Bukit Safa. Mungkin Rasulullah s.a.w. pernah berhenti dan duduk bercakap-cakap sejenak dengan orang ini. Dia seorang yang bertutur dengan bahasa asing dan tidak mengetahui bahasa Arab atau mengetahui sedikit-sedikit sahaja, iaitu sekadar untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan yang perlu.

Ujar Muhammad ibn Ishaq di dalam as-Sirah: Mengikut cerita yang sampai kepada saya Rasulullah s.a.w. sering duduk berhampiran dengan Bukit al-Marwah hingga ke Sabi'ah, iaitu duduk bercakap dengan seorang hamba yang beragama Kristian bernama Jabr iaitu hamba kepada orang-orang dari Bani al-Hadhrami, lalu Allah menurunkan ayat (103) Surah An-Nahl ini.

Ujar Abdullah ibn Kathir dari 'Ikrimah dan Qatadah, nama hamba ini ialah Ya'isy. Ibn Jarir pula meriwayatkan dengan sanadnya dari Ibn Abbas katanya: Rasulullah s.a.w. mengajar seorang hamba di Makkah bernama Bal'aam. Dia seorang yang bertutur dalam bahasa asing. Kaum Musyrikin melihat Rasulullah s.a.w. keluar masuk menemuinya lalu mereka menuduh bahawa beliau belajar pada Bal'aam, kerana itu Allah menurunkan ayat tadi.

Tuduhan itu telah dijawab Allah dengan jawapan yang amat mudah dan jelas, tidak memerlukan apa-apa perdebatan iaitu:

لِّسَانُ ٱلَّذِى يُلْحِدُونَ إِلَيْهِ أَعْجَمِىٌّ وَهَٰذَا لِسَانٌ عَرَبِىٌّ مُّبِينٌ ﴿١٠٣﴾

"Dan bahasa orang yang ditudingkan mereka itu ialah bahasa asing, sedangkan bahasa Al-Qur'an ini ialah bahasa Arab yang amat fasih."(103)

Oleh itu bagaimana orang yang hanya dapat bertutur dalam bahasa asing boleh mengajar kitab suci Al-Qur'an dalam bahasa Arab yang fasih?

Tuduhan mereka itu sukar hendak diterima secara serius. Andaian yang paling kuat ialah tuduhan itu merupakan salah satu dari tipu daya yang dirancangkan mereka, sedangkan mereka sendiri sedar bahawa tuduhan itu adalah dusta semata-mata. Jika tidak bagaimana mereka sanggup berkata - sedangkan mereka lebih tahu tentang nilai kitab Al-Qur'an dan ciri-ciri mu'jizatnya - bahawa seorang asing dapat mengajar kitab Al-Qur'an ini kepada Muhammad. Andainya orang ini dapat berbuat demikian tentulah dia menampilkan Al-Qur'an ini untuk menonjolkan dirinya sendiri.

Kini setelah umat manusia mendapat banyak kemajuan dan setelah bakat-bakat kebolehan mereka berjaya mengeluarkan berbagai-bagai buku dan karangan, berbagai-bagai peraturan dan undang-undang, tentulah setiap orang yang dapat memahami perkataan dan setiap orang yang memahami dasar-dasar sistem kemasyarakatan dan perundangan-perundangan itu memahami bahawa kitab yang seperti Al-Qur'an ini tidak mungkin merupakan hasil ciptaan manusia.

Hingga kaum materialis yang tidak percayakan Tuhan di negeri Komunis Rusia apabila mereka mahu mengkritikkan agama Islam di Kongres para orientalis dalam tahun 1954 terpaksa mendakwa bahawa Al-Qur'an ini tidak mungkin merupakan hasil ciptaan seorang sahaja, iaitu Muhammad, malah pastilah dari hasil usaha satu kumpulan yang ramai dan Al-Qur'an itu tidak mungkin ditulis di Semenanjung Tanah Arab sahaja, malah setengah-setengah bahagiannya ditulis di luar semenanjung itu!!!

Mereka terpaksa mengatakan begitu, kerana pada hemat mereka Al-Qur'an ini adalah terlalu besar untuk diciptakan oleh seorang manusia sahaja dan oleh ilmu pengetahuan satu umat sahaja. Mereka tidak mahu mengatakan menurut saranan logik tabii yang lurus bahawa Al-Qur'an ini adalah wahyu dari Allah Tuhan semesta alam, kerana mereka menolak kewujudan Tuhan yang menciptakan alam buana ini, juga menolak wahyu-wahyu, para rasul dan para Anbiya'.

Oleh itu bagaimana mungkin - inilah pandangan sekumpulan para ilmiawan di abad dua puluh - Al-Qur'an ini diajar oleh seorang manusia yang bertutur dalam bahasa asing dan berkedudukan selaku hamba kepada salah satu suku di Semenanjung Tanah Arab?

Al-Qur'an menjelaskan sebab tuduhan yang mengelirukan itu dengan firman Allah:

إِنَّ ٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ لَا يَهْدِيهِمُ ٱللَّهُ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١٠٤﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang tidak beriman kepada ayat-ayat Allah (Al-Qur'an) tidak akan diberikan hidayat oleh Allah dan mereka akan memperolehi 'azab yang amat pedih."(104)

Mereka yang tidak beriman kepada ayat-ayat Allah tidak akan dihidayatkan Allah terhadap hakikat kitab suci Al-Qur'an ini. Mereka tidak akan dihidayatkan Allah terhadap hakikat itu sedikit pun dengan sebab kekufuran dan penolakan mereka terhadap ayat-ayat yang boleh membawa mereka kepada hidayat "dan mereka akan memperolehi 'azab yang amat pedih" setelah tersasul di dalam kesesatan yang abadi itu.

Kemudian ia iringi pula dengan sebuah penjelasan bahawa perbuatan mengada-adakan pembohongan terhadap Allah hanya keluar dari orang-orang yang tidak beriman seperti mereka sahaja dan tidak mungkin keluar dari seorang rasul yang bersifat amanah:

إِنَّمَا يَفْتَرِى ٱلْكَذِبَ ٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْكَٰذِبُونَ ﴿١٠٥﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang mengada-adakan pembohongan itu, hanyalah orang-orang yang tidak beriman kepada ayat-ayat Allah dan merekalah para pendusta yang sebenar."(105)

Perbuatan berdusta adalah suatu jenayah yang keji, yang tidak sanggup dilakukan oleh seorang Mu'min. Di dalam sebuah hadith, Rasulullah s.a.w. menafikan kemungkinan terbitnya perbuatan berdusta itu dari seorang Muslim walaupun dosa-dosa yang lain mungkin terbit darinya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 106 - 109)

Kemudian ayat-ayat berikut beralih pula kepada penjelasan hukum-hukum orang-orang yang kufur selepas beriman:

مَن كَفَرَ بِٱللَّهِ مِنۢ بَعْدِ إِيمَٰنِهِۦٓ إِلَّا مَنْ أُكْرِهَ وَقَلْبُهُۥ مُطْمَئِنٌّۢ بِٱلْإِيمَٰنِ وَلَٰكِن مَّن شَرَحَ بِٱلْكُفْرِ صَدْرًا فَعَلَيْهِمْ غَضَبٌ مِّنَ ٱللَّهِ وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١٠٦﴾

ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمُ ٱسْتَحَبُّوا۟ ٱلْحَيَوٰةَ ٱلدُّنْيَا

عَلَى ٱلْـَٔاخِرَةِ وَأَنَّ ٱللَّهَ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ
ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿١٠٧﴾
أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ طَبَعَ ٱللَّهُ عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ وَسَمْعِهِمْ
وَأَبْصَٰرِهِمْ ۖ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْغَٰفِلُونَ ﴿١٠٨﴾
لَا جَرَمَ أَنَّهُمْ فِى ٱلْـَٔاخِرَةِ هُمُ ٱلْخَٰسِرُونَ ﴿١٠٩﴾

"Barang siapa yang mengkufurkan Allah sesudah ia beriman, (akan mendapat kemurkaan Allah) kecuali orang yang dipaksa (mengkufurkannya) sedangkan hatinya tetap dengan keimanan, tetapi barang siapa yang melapangkan dadanya menerima kekufuran, maka mereka akan mendapat kemurkaan dari Allah dan mereka akan memperolehi 'azab yang amat besar(106). Hal sedemikian disebabkan kerana mereka menyintai kehidupan dunia lebih dari kehidupan Akhirat dan sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada golongan orang-orang yang kafir(107). Merekalah orang-orang yang telah dimeteraikan Allah di hati mereka, pendengaran mereka dan penglihatan mereka dan merekalah orang-orang yang lalai(108). Tidak syak lagi di Akhirat kelak merekalah orang-orang yang rugi." (109)

Dosa Kembali Kepada Kekufuran

Kaum Muslimin angkatan pertama di Makkah telah menderita berbagai-bagai penindasan yang tidak sanggup dihadapinya melainkan oleh orang-orang yang berniat mahu mati syahid dan mengutamakan kehidupan Akhirat. Mereka redha menerima 'azab seksa di dunia dari kembali kepada agama kafir dan sesat.

Ayat ini mengenakan balasan yang berat kepada orang-orang yang kembali mengkufurkan Allah setelah mereka beriman kerana mereka telah pun mengenal iman dan mengecapi rasanya kemudian murtad kembali kerana mengutamakan kehidupan dunia lebih dari kehidupan Akhirat. Justeru itu ayat ini mengenakan mereka dengan balasan kemurkaan dari Allah, 'azab keseksaan yang amat besar dan penafian dari hidayat serta mengecapkan mereka dengan sifat-sifat lalai, buta mata hati, pekak pendengaran dan buta penglihatan dan seterusnya menghukum mereka sebagai golongan yang mendapat kerugian pada hari Akhirat. Semuanya itu kerana persoalan 'aqidah tidak seharusnya dijadikan landasan tawar-menawar dan perhitungan untung rugi. Apabila hati telah beriman kepada Allah, maka ia tidak seharusnya diganggu oleh mana-mana pengaruh kehidupan dunia. Kehidupan dunia mempunyai perhitungannya dan kehidupan Akhirat juga mempunyai perhitungannya. Kedua-duanya tidak boleh bercampuraduk. Persoalan 'aqidah bukanlah persoalan main-mainan dan senda gurau dan bukan pula suatu urusniaga yang boleh diterus dan ditolak, malah ia lebih luhur dan lebih mulia dari itu lagi. Justeru itu jenayah murtad dikenakan hukuman dan balasan yang seberat itu.

Hukuman yang berat itu hanya dikecualikan kepada orang yang dipaksa murtad sedangkan hatinya tetap beriman, iaitu orang yang berpura-pura menunjukkan kekufurannya dengan pengakuan lidahnya untuk menyelamatkan nyawanya, sedangkan hatinya tetap teguh di atas keimanan. Menurut riwayat, ayat ini diturun dalam peristiwa 'Ammar bin Yasir.

Kisah Keluarga 'Ammar, Hubayb, Abdullah bin Huzayfah Mempertahankan Keimanan Mereka

Ibn Jarir telah meriwayatkan dengan sanadnya dari Abu Ubaydah Muhammad bin 'Ammar bin Yasir katanya: Kaum Musyrikin telah menangkap 'Ammar bin Yasir lalu mereka meng'azabkannya sehingga dia terpaksa mengikut setengah-setengah kehendak mereka (iaitu mengucap perkataan-perkataan kufur). Lalu dia mengadu perbuatannya kepada Nabi s.a.w. beliau pun bertanya: "Bagaimana hatimu?" Jawabnya: "Hati hamba tetap yakin dengan keimanan". Sabda Nabi s.a.w. "Jika mereka kembali meng'azabkan engkau, maka bolehlah engkau ulangi perbuatan itu". Ini adalah suatu kebenaran untuk menghadapi keadaan yang seperti ini.

Setengah-setengah orang-orang Islam enggan meng-ucapkan kata-kata kufur dengan lidah mereka. Mereka memilih lebih baik mati dari mengucapkan kata-kata kufur itu sebagaimana yang telah dilakukan oleh Sumayah ibn Yasir ketika dia ditikam dengan lembing di bahagian kehormatannya hingga mati, juga sebagaimana yang telah dilakukan oleh bapanya Yasir.

Bilal r.a. telah diseksa oleh kaum Musyrikin dengan berbagai-bagai keseksaan sehingga mereka pernah meletakkan sebiji batu yang besar di atas dadanya di tengah panas yang terik, kemudian mereka menyuruhnya mengucapkan kata-kata syirik terhadap Allah, tetapi dia enggan dan terus mengucap "Allah Yang Maha Esa, Allah Yang Maha Esa" kemudian berkata: "Demi Allah, jika aku tahu ada satu kalimat yang lebih dimurkai kamu nescaya aku ucapkannya".

Demikianlah juga telah dilakukan oleh Hubayb bin Ziad al-Ansari. Apabila dia dicabar oleh Musaylamatul-Kazzab: "Adakah awak mengaku Muhammad itu Rasulullah?" Jawabnya: "Ya". Kemudian Musaylamatul-Kazzab bertanya lagi: "Adakah awak mengaku bahawa aku ini adalah Rasulullah?" Jawabnya: "Saya tidak dengar". Lalu Musaylamatul-Kazzab memotong anggotanya satu demi satu, sedangkan dia tetap mempertahankan keimanannya.

Al-Hafiz ibn Asakir dalam tulisannya mengenai riwayat hidup Abdullah bin Huzayfah as-Sahmi salah seorang sahabat r.a. telah menceritakan bahawa Abdullah ini telah ditawan oleh askar-askar Rom. Lalu mereka membawanya mengadap Seri Maharaja mereka, lalu baginda bertitah kepadanya: "Jika awak masuk agama Kristian aku akan kongsikan kerajaanku dengan awak dan aku akan kahwinkan awak dengan puteriku". Jawab Abdullah: "Jika anda berikan

kepada saya segala apa yang dimiliki anda dan segala apa yang dimiliki orang-orang Arab supaya saya meninggalkan agama Muhammad s.a.w. selama sekelip mata sahaja, nescaya saya tidak akan lakukan". Baginda pun bertitah, "Jika begitu aku akan bunuh awak". Jawab Abdullah: "Itu terserah kepada anda". Kata Ibn 'Asakir: Seri Maharaja itu pun memerintah supaya dia disalibkan, kemudian baginda menyuruh pasukan pemanah memanahnya, lalu mereka memanahnya dan anak panah itu mengena dekat dengan kedua tangan dan kakinya, sedangkan baginda terus membuat tawaran supaya dia memeluk agama Kristian, tetapi Abdullah tetap menolak. Kemudian baginda memerintah supaya menurunkannya dari tiang salib itu dan memerintah supaya dibawa periuk besar. Mengikut satu riwayat yang lain, sebuah kawah tembaga, lalu dipanaskan, kemudian dibawa seorang tawanan Islam dan dicampakkan ke dalamnya, di mana Abdullah dapat melihat tulang orang itu kelihatan putih. Baginda pun membuat tawaran supaya dia memeluk agama Kristian, tetapi dia tetap menolak. Baginda terus memerintah supaya dia dicampakkan ke dalam kawah itu, lalu dia pun diangkat dengan takal untuk dihumbankannya ke dalamnya. Dia pun menangis dan kali ini baginda menaruh harapan (Abdullah akan mengalah) lalu baginda memanggilnya (dan bertanya mengapa dia menangis) dia menjawab: "Saya menangis kerana mengenangkan nyawa saya hanya satu sahaja yang akan dicampak ke dalam kawah ini sekarang kerana Allah. Saya bercita-cita saya mempunyai nyawa sebanyak urat rambut di badan supaya saya di'azabkan dengan 'azab seperti ini kerana Allah".

Dalam satu riwayat yang lain Seri Maharaja itu telah mempenjarakan Abdullah dan menahankan makan minum selama beberapa hari kemudian baginda menyuruh supaya dibawa kepadanya arak dan daging babi, tetapi dia tidak mendekatinya, lalu baginda memanggil supaya mengadapnya dan bertanya: "Mengapa awak tidak makan?" Jawab Abdullah, "Makanan itu telah menjadi halal kepada saya, tetapi saya tidak mahu menjadikan anda bergembira dengan penderitaan saya". Lalu baginda pun berkata, "Kucuplah kepalaku dan aku akan bebaskan awak". Abdullah terus bertanya, "Adakah anda sanggup membebaskan bersama saya sekalian tawanan orang-orang Islam yang lain?" Jawab baginda: "Ya". Lalu Abdullah pun mengucup kepala baginda dan baginda terus membebaskan bersama Abdullah sekalian tawanan orang-orang Islam yang ditahan baginda. Apabila dia pulang, 'Umar ibn al-Khattab r.a. pun berkata: "Setiap orang Islam wajar mengucup kepala Abdullah bin Huzayfah dan saya sendiri akan memulakannya". Lalu 'Umar pun bangun dan mengucup kepalanya Radhiallahu 'anhuma.[6]

Ini disebabkan kerana 'aqidah merupakan persoalan yang amat besar, yang tidak menerima tolak ansur dan kompromi. Harga untuk mempertahankan 'aqidah memang amat berat, tetapi 'aqidah itulah yang dipandang lebih berat dalam hati orang yang beriman, juga dipandang lebih berat di sisi Allah. 'Aqidah merupakan amanah yang tidak dapat dipelihara melainkan oleh orang yang sanggup menebuskannya dengan nyawanya dan memandang kecil kepada hidup dunia dan kepada segala keni'matan dan kesenangannya.

(Pentafsiran ayat-ayat 110 - 111)

ثُمَّ إِنَّ رَبَّكَ لِلَّذِينَ هَاجَرُوا مِنۢ بَعْدِ مَا
فُتِنُوا ثُمَّ جَٰهَدُوا وَصَبَرُوٓا إِنَّ رَبَّكَ مِنۢ
بَعْدِهَا لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١١٠﴾
يَوْمَ تَأْتِي كُلُّ نَفْسٍ تُجَٰدِلُ عَن نَّفْسِهَا وَتُوَفَّىٰ
كُلُّ نَفْسٍ مَّا عَمِلَتْ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿١١١﴾

"Kemudian sesungguhnya Tuhanmu (melindungi) orang-orang yang berhijrah setelah mereka ditindas, kemudian mereka berjihad dan sabar sesungguhnya Tuhanmu sesudah itu Maha Pengampun dan Maha Pengasih(110). (Kenangilah) hari Qiamat ketika setiap orang datang untuk membela dirinya sendiri dan setiap orang diberi balasan yang sempurna terhadap segala amalan yang telah dilakukannya dan mereka sekali-kali tidak dianiayai."(111)

Berhijrah Kerana Agama Allah

Mereka adalah terdiri dari orang-orang Arab yang lemah. Mereka ditindas oleh kaum Musyrikin yang zalim supaya meninggalkan agama Islam yang telah dianuti mereka. Mereka ditindas dengan 'azab seksa dan lainnya, tetapi mereka telah berpindah dari Makkah selepas penindasan-penindasan itu setelah mereka mendapat peluang berbuat begitu dan setelah keislaman mereka mencapai tahap yang baik. Mereka telah berjihad kerana agama Allah dengan sabar dan gigih memikul tugas-tugas da'wah. Oleh itu Allah menyampaikan berita gembira kepada mereka bahawa Dia akan mengurniakan keampunan dan limpah rahmat-Nya kepada mereka:

إِنَّ رَبَّكَ مِنۢ بَعْدِهَا لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١١٠﴾

"Sesungguhnya Tuhanmu sesudah itu Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(110)

Iaitu pada hari di mana setiap orang menumpukan seluruh perhatian kepada keselamatan dirinya sahaja dan tidak menghiraukan sesuatu yang lain:

يَوْمَ تَأْتِي كُلُّ نَفْسٍ تُجَٰدِلُ عَن نَّفْسِهَا وَتُوَفَّىٰ
كُلُّ نَفْسٍ مَّا عَمِلَتْ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿١١١﴾

---

[6] *Tafsir Ibn Kathir.*

"(Kenangilah) hari Qiamat ketika setiap orang datang untuk membela dirinya sendiri dan setiap orang diberi balasan yang sempurna terhadap segala amalan yang telah dilakukannya dan mereka tidak dianiayai."(111)

Ungkapan ini menyorotkan bayangan keadaan kehuru-haraan yang sibuk difikir oleh setiap orang. Mereka berdebat dan berbantah mengenai hari itu dengan harapan untuk mendapat keselamatan dari 'azab, sedangkan kesibukan dan perdebatan itu tidak memberi apa-apa faedah. Sesungguhnya itulah hari pembalasan, di mana setiap orang, dibalas mengikut amalannya "dan mereka sekali-kali tidak dianiayai".

(Kumpulan ayat-ayat 112 - 128)

وَضَرَبَ ٱللَّهُ مَثَلًا قَرْيَةً كَانَتْ ءَامِنَةً مُّطْمَئِنَّةً
يَأْتِيهَا رِزْقُهَا رَغَدًا مِّن كُلِّ مَكَانٍ فَكَفَرَتْ
بِأَنْعُمِ ٱللَّهِ فَأَذَٰقَهَا ٱللَّهُ لِبَاسَ ٱلْجُوعِ وَٱلْخَوْفِ
بِمَا كَانُوا۟ يَصْنَعُونَ ﴿١١٢﴾
وَلَقَدْ جَآءَهُمْ رَسُولٌ مِّنْهُمْ فَكَذَّبُوهُ فَأَخَذَهُمُ
ٱلْعَذَابُ وَهُمْ ظَٰلِمُونَ ﴿١١٣﴾
فَكُلُوا۟ مِمَّا رَزَقَكُمُ ٱللَّهُ حَلَٰلًا طَيِّبًا وَٱشْكُرُوا۟
نِعْمَتَ ٱللَّهِ إِن كُنتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ ﴿١١٤﴾
إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ ٱلْمَيْتَةَ وَٱلدَّمَ وَلَحْمَ
ٱلْخِنزِيرِ وَمَآ أُهِلَّ لِغَيْرِ ٱللَّهِ بِهِۦ ۖ فَمَنِ ٱضْطُرَّ غَيْرَ
بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَإِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١١٥﴾
وَلَا تَقُولُوا۟ لِمَا تَصِفُ أَلْسِنَتُكُمُ ٱلْكَذِبَ
هَٰذَا حَلَٰلٌ وَهَٰذَا حَرَامٌ لِّتَفْتَرُوا۟ عَلَى ٱللَّهِ
ٱلْكَذِبَ ۚ إِنَّ ٱلَّذِينَ يَفْتَرُونَ عَلَى ٱللَّهِ ٱلْكَذِبَ لَا
يُفْلِحُونَ ﴿١١٦﴾
مَتَٰعٌ قَلِيلٌ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١١٧﴾
وَعَلَى ٱلَّذِينَ هَادُوا۟ حَرَّمْنَا مَا قَصَصْنَا عَلَيْكَ مِن قَبْلُ ۖ وَمَا
ظَلَمْنَٰهُمْ وَلَٰكِن كَانُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ ﴿١١٨﴾

ثُمَّ إِنَّ رَبَّكَ لِلَّذِينَ عَمِلُوا۟ ٱلسُّوٓءَ بِجَهَٰلَةٍ ثُمَّ تَابُوا۟
مِنۢ بَعْدِ ذَٰلِكَ وَأَصْلَحُوٓا۟ إِنَّ رَبَّكَ مِنۢ بَعْدِهَا
لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١١٩﴾
إِنَّ إِبْرَٰهِيمَ كَانَ أُمَّةً قَانِتًا لِّلَّهِ حَنِيفًا وَلَمْ يَكُ
مِنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ﴿١٢٠﴾
شَاكِرًا لِّأَنْعُمِهِ ۚ ٱجْتَبَىٰهُ وَهَدَىٰهُ إِلَىٰ صِرَٰطٍ
مُّسْتَقِيمٍ ﴿١٢١﴾
وَءَاتَيْنَٰهُ فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً ۖ وَإِنَّهُۥ فِى ٱلْءَاخِرَةِ لَمِنَ
ٱلصَّٰلِحِينَ ﴿١٢٢﴾
ثُمَّ أَوْحَيْنَآ إِلَيْكَ أَنِ ٱتَّبِعْ مِلَّةَ إِبْرَٰهِيمَ حَنِيفًا ۖ
وَمَا كَانَ مِنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ﴿١٢٣﴾
إِنَّمَا جُعِلَ ٱلسَّبْتُ عَلَى ٱلَّذِينَ ٱخْتَلَفُوا۟ فِيهِ ۚ وَإِنَّ
رَبَّكَ لَيَحْكُمُ بَيْنَهُمْ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ فِيمَا
كَانُوا۟ فِيهِ يَخْتَلِفُونَ ﴿١٢٤﴾
ٱدْعُ إِلَىٰ سَبِيلِ رَبِّكَ بِٱلْحِكْمَةِ وَٱلْمَوْعِظَةِ ٱلْحَسَنَةِ ۖ
وَجَٰدِلْهُم بِٱلَّتِى هِىَ أَحْسَنُ ۚ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ
بِمَن ضَلَّ عَن سَبِيلِهِۦ ۖ وَهُوَ أَعْلَمُ بِٱلْمُهْتَدِينَ ﴿١٢٥﴾
وَإِنْ عَاقَبْتُمْ فَعَاقِبُوا۟ بِمِثْلِ مَا عُوقِبْتُم بِهِۦ ۖ
وَلَئِن صَبَرْتُمْ لَهُوَ خَيْرٌ لِّلصَّٰبِرِينَ ﴿١٢٦﴾
وَٱصْبِرْ وَمَا صَبْرُكَ إِلَّا بِٱللَّهِ ۚ وَلَا تَحْزَنْ عَلَيْهِمْ
وَلَا تَكُ فِى ضَيْقٍ مِّمَّا يَمْكُرُونَ ﴿١٢٧﴾
إِنَّ ٱللَّهَ مَعَ ٱلَّذِينَ ٱتَّقَوا۟ وَّٱلَّذِينَ هُم مُّحْسِنُونَ ﴿١٢٨﴾

"Dan Allah telah membuat satu perbandingan dengan sebuah negeri yang dahulunya aman tenteram, rezekinya datang melimpah-ruah dari segenap tempat, tetapi (penduduknya) telah mengkufuri ni'mat-ni'mat Allah, lalu Allah rasakan mereka pakaian kelaparan dan ketakutan

dengan sebab perbuatan-perbuatan yang dilakukan mereka(112). Dan sesungguhnya telah datang kepada mereka seorang rasul dari kalangan mereka sendiri, lalu mereka mendustakannya, maka kerana itu mereka telah ditimpakan 'azab dan mereka adalah orang-orang yang zalim(113). Makanlah kamu segala makanan yang halal dan baik dari rezeki yang dikurniakan Allah kepada kamu dan syukuri ni'mat Allah jika kamu benar-benar menyembah-Nya(114). Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan ke atas kamu memakan bangkai, darah, daging babi dan sembelihan yang disembelih dengan menyebut nama yang lain dari Allah. Tetapi barang siapa yang terpaksa memakannya sedangkan dia tidak mencabul (dasar pengharaman) dan tidak pula melampaui batas, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih(115). Dan janganlah kamu berkata mengikut pembohongan yang diperikan lidah kamu ini halal dan ini haram untuk membuat pembohongan terhadap Allah. Sesungguhnya orang-orang yang mengada-adakan pembohongan terhadap Allah tidak akan beruntung(116). (Faedahnya) hanya keni'matan yang sedikit sahaja dan mereka akan memperolehi 'azab yang amat pedih(117). Dan Kami telah mengharamkan ke atas orang-orang Yahudi makanan-makanan yang telah Kami ceritakan kepadamu sebelum ini,[7] dan Kami sekali-kali tidak menganiayai mereka, tetapi merekalah yang menganiayai diri mereka sendiri(118). Kemudian sesungguhnya Tuhanmu mengampunkan orang-orang yang melakukan kejahatan kerana kejahilan kemudian mereka bertaubat selepas itu dan memperbaiki (diri mereka). Sesungguhnya Tuhanmu sesudah itu Maha Pengampun dan Maha Pengasih(119). Sesungguhnya Ibrahim itu adalah satu umat yang patuh kepada Allah serta hanif dan dia bukan dari golongan Musyrikin(120). Ia sentiasa mensyukuri ni'mat-ni'mat-Nya. Allah telah memilihnya dan menghidayatkannya ke jalan yang lurus(121). Dan Kami kurniakan kepadanya kebaikan di dunia, dan sesungguhnya dia di Akhirat kelak di dalam golongan orang-orang yang soleh(122). Kemudian Kami wahyukan kepadamu: Ikutlah agama Ibrahim yang hanif, dan dia bukan dari golongan Musyrikin(123). Sesungguhnya hari Sabtu itu hanya dijadikan (hari kelepasan yang wajib dipatuhi) ke atas orang-orang (Yahudi) yang telah berselisihan mengenainya. Dan sesungguhnya Tuhanmu akan mengadili di antara mereka dalam perkara-perkara yang dipertikaikan di antara mereka(124). Berda'wahlah ke jalan Tuhanmu dengan hikmat kebijaksanaan dan pengajaran yang baik, dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang terbaik. Sesungguhnya Tuhanmu lebih mengetahui tentang mereka yang sesat dari jalan-Nya dan juga lebih mengetahui tentang orang-orang yang mendapat hidayat(125). Dan jika kamu membalas, maka hendaklah kamu membalas setimpal dengan tindakan yang telah dilakukan mereka terhadap kamu, tetapi jika kamu bersabar, maka itulah sikap yang sebaik-baiknya bagi orang-orang yang sabar(126). Bersabarlah (wahai Muhammad) dan kesabaranmu itu tidak tercapai melainkan dengan pertolongan Allah, dan janganlah engkau bersedih di atas (kekufuran mereka) dan janganlah engkau merasa bosan terhadap tipu daya yang dilakukan mereka(127). Sesungguhnya Allah bersama orang-orang yang bertaqwa dan orang-orang Muhsinin".(128)

Sebelum ini Allah telah mengemukakan dua perbandingan di dalam surah ini untuk mendekatkan kefahaman terhadap salah satu hakikat dari hakikat-hakikat 'aqidah, dan di sini pula Allah mengemukakan satu lagi perbandingan untuk menggambarkan keadaan negeri Makkah dan penduduknya kaum Musyrikin yang telah mengingkari ni'mat-ni'mat Allah yang telah dikurniakan kepada mereka. Tujuan perbandingan ini ialah supaya mereka melihat nasib kesusahan yang mengancam mereka di celah-celah perbandingan yang dibentangkan kepada mereka itu.

Setelah menyebut ni'mat Allah dalam perbandingan itu, iaitu ni'mat rezeki yang melimpah-ruah, Al-Qur'an berpindah pula kepada memperkatakan tentang rezeki-rezeki yang baik yang telah diharamkan mereka ke atas diri mereka sendiri kerana mengikut kepercayaan-kepercayaan paganisme yang karut, sedangkan rezeki-rezeki itu telah dihalalkan Allah kepada mereka. Allah telah pun menentukan segala makanan-makanan yang haram dan menerangkannya dengan jelas, tetapi makanan yang diharamkan mereka ini tidak termasuk di dalam makanan-makanan yang diharamkan Allah. Itulah salah satu bentuk kekufuran terhadap ni'mat Allah dan sikap tidak bersyukur kepada-Nya, oleh itu Allah mengancam mereka dengan 'azab keseksaan kerana perbuatan itu merupakan pembohongan terhadap Allah yang tidak pernah menurunkan apa-apa hukum mengenainya.

Sehubungan dengan penjelasan mengenai makanan-makanan yang tidak baik yang diharamkan kepada orang-orang Islam, Al-Qur'an menyebut makanan-makanan yang baik yang telah diharamkan Allah kepada orang-orang Yahudi dengan sebab kezaliman mereka. Pengharaman makanan-makanan telah dijadikan Allah sebagai balasan terhadap kederhakaan mereka, sedangkan makanan-makanan itu tidak pernah diharamkan kepada datuk nenek mereka di zaman Ibrahim yang merupakan satu umat yang patuh kepada Allah dan berpegang kukuh kepada agama yang benar. Beliau bukanlah dari golongan Musyrikin. Beliau amat bersyukur kepada ni'mat Allah yang telah memilihnya (menjadi Rasul) dan menunjukkannya ke jalan yang lurus. Makanan-makanan yang baik adalah halal kepada beliau dan kepada anak cucu-cicit selepasnya sehingga Allah haramkan setengah-setengahnya kepada orang-orang Yahudi sebagai satu bentuk balasan terhadap mereka khususnya. Adapun orang yang bertaubat selepas kejahilannya, maka Allah adalah Maha Pengampun dan Maha Pengasih.

Kemudian datanglah agama yang dibawa oleh Muhammad sebagai lanjutan dan ikutan kepada agama yang di bawa Ibrahim, lalu segala makanan-makanan yang baik itu pun kembali menjadi halal. Demikianlah juga hari Sabtu yang menjadi hari larangan menangkap ikan kepada orang-orang Yahudi (kembali menjadi halal). Hari Sabtu telah diharamkan kepada orang Yahudi yang telah berselisih sesama mereka mengenainya. Segolongan dari mereka berhenti menangkap ikan pada hari itu, sedangkan segolongan yang lain pula membatalkan perjanjian mereka lalu Allah mengubahkan kejadian

---

[7] *Ayat 146 Surah al-An'am.*

mereka dan akibatnya mereka terbalik jatuh dari taraf insaniyah yang mulia.

Surah ini ditamatkan dengan pembicaraan ini. Ia diakhiri dengan penyampaian perintah kepada Rasulullah s.a.w. supaya beliau menyeru manusia kepada jalan Allah dengan hikmat kebijaksanaan dan pengajaran yang baik, dan supaya beliau berdebat dengan cara yang terbaik, dan seterusnya supaya beliau mematuhi dasar keadilan dalam tindak-tanduk menolak pencerobohan dengan tindak balas yang setimpal tanpa melampaui (batas keadilan), namun demikian kesabaran dan kemaafan adalah lebih baik. Selepas itu akibat yang baik akan diperolehi oleh orang-orang yang bertaqwa yang sentiasa melakukan kebaikan kerana Allah bersama mereka. Allah yang menolong mereka, menaungi mereka dan menunjuk kepada mereka jalan kebaikan dan keberuntungan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 112 - 116)

وَضَرَبَ ٱللَّهُ مَثَلًا قَرْيَةً كَانَتْ ءَامِنَةً مُّطْمَئِنَّةً يَأْتِيهَا رِزْقُهَا رَغَدًا مِّن كُلِّ مَكَانٍ فَكَفَرَتْ بِأَنْعُمِ ٱللَّهِ فَأَذَاقَهَا ٱللَّهُ لِبَاسَ ٱلْجُوعِ وَٱلْخَوْفِ بِمَا كَانُوا۟ يَصْنَعُونَ ﴿١١٢﴾

وَلَقَدْ جَآءَهُمْ رَسُولٌ مِّنْهُمْ فَكَذَّبُوهُ فَأَخَذَهُمُ ٱلْعَذَابُ وَهُمْ ظَـٰلِمُونَ ﴿١١٣﴾

"Dan Allah telah membuat satu perbandingan dengan sebuah negeri yang dahulunya aman tenteram, rezekinya datang melimpah-ruah dari segenap tempat, tetapi (penduduknya) telah mengkufuri ni'mat-ni'mat Allah, lalu Allah rasakan mereka pakaian kelaparan dan ketakutan dengan sebab perbuatan-perbuatan yang dilakukan mereka(112). Dan sesungguhnya telah datang kepada mereka seorang rasul dari kalangan mereka sendiri, lalu mereka mendustakannya, maka kerana itu mereka telah ditimpakan 'azab dan mereka adalah orang-orang yang zalim."(113)

Cerita Negeri Makkah Dan Penduduk-penduduknya

Negeri itu samalah dengan keadaan negeri Makkah, di mana Allah jadikan Baitullah dan sebuah negeri yang aman. Barang siapa yang memasukinya dia mendapat jaminan keamanan dan ketenteraman. Tiada siapa yang boleh mengganggunya walaupun dia seorang pembunuh, dan tiada siapa yang berani menyakitinya semasa dia berada di Baitullah yang mulia itu. Penduduk-penduduk negeri-negeri di sekeliling Baitullah dirompak dan disamun, sedangkan penduduk Makkah aman damai di bawah jagaan dan perlindungan Allah. Begitu juga rezeki mereka datang melimpah-ruah kepada mereka dari segenap tempat bersama jamaah-jamaah haji dan angkatan-angkatan kafilah yang aman, sedangkan mereka hidup di satu perlembahan yang tandus, kering dan tidak mempunyai kawasan tanaman. Segala jenis buah-buahan dibawa kepada mereka. Oleh itu mereka dapat meni'mati keamanan dan kemewahan sejak da'wah Nabi Ibrahim al-Khalil lagi.

Kemudian lahirlah seorang rasul dari kalangan mereka, yang terkenal kepada mereka sebagai seorang yang benar dan amanah. Mereka tidak pernah mengetahui sesuatu yang tidak baik mengenai dirinya. Beliaulah Rasul yang dibangkitkan dari kalangan mereka untuk menjadi rahmat kepada mereka dan kepada semesta alam. Agama yang dibawa oleh beliau ialah agama Ibrahim pembina rumah suci Ka'bah, di mana mereka dapat meni'mati keamanan, ketenteraman dan kehidupan yang mewah. Tiba-tiba mereka bangkit mendustakan beliau dan mengadakan berbagai-bagai tohmah yang bohong terhadap beliau. Mereka bertindak melakukan berbagai-bagai penindasan terhadap beliau dan pengikut-pengikutnya. Mereka adalah orang-orang yang zalim.

Perbandingan yang dikemukakan Allah kepada mereka adalah menepati dan sama dengan keadaan mereka. Akibat perbandingan itu dibentangkan di hadapan mereka. Mereka dibandingkan dengan sebuah negeri yang aman damai, di mana rezekinya yang mewah datang dari segenap tempat, tetapi mereka telah mengkufuri ni'mat-ni'mat Allah dan mendustakan Rasul-Nya:

فَأَذَاقَهَا ٱللَّهُ لِبَاسَ ٱلْجُوعِ وَٱلْخَوْفِ بِمَا كَانُوا۟ يَصْنَعُونَ ﴿١١٢﴾

"Lalu Allah rasakan mereka pakaian kelaparan dan ketakutan dengan sebab perbuatan-perbuatan yang dilakukan mereka"(112)

dan penduduknya telah ditimpa 'azab keseksaan kerana mereka adalah orang-orang yang zalim.

Ayat ini menggambarkan kelaparan dan ketakutan itu dalam bentuk fizikal iaitu ia menjadikannya sebagai pakaian dan menjadikan mereka benar-benar dapat merasakan keseksaan pakaian itu, kerana rasa pakaian yang menyentuh kulit itu memberi kesan yang amat mendalam di dalam hati. Ungkapan ayat ini menimbulkan berbagai-bagai reaksi pancaindera yang membuat cubitan dan kesan perasaan kelaparan dan ketakutan itu bertambah hebat di dalam jiwa mereka supaya mereka merasa takut kepada akibat buruk yang akan menimpa mereka kerana perbuatan mereka yang zalim.

Dalam suasana perbandingan ini, di mana terbayangnya ni'mat dan rezeki (yang melimpah-ruah) dan terbayangnya pengharaman dan penafian, Allah memerintah mereka supaya makan segala makanan yang baik yang dihalalkan kepada mereka dan supaya mensyukuri ni'mat Allah jika mereka mahu berdiri

teguh di atas keimanan yang sebenar kepada Allah. Dan membulatkan Ubudiyah mereka kepada Allah dengan 'Ubudiyah yang bersih dari segala bentuk syirik yang membayangkan perbuatan mereka yang mengharamkan setengah-setengah makanan yang baik ke atas diri mereka atas nama tuhan-tuhan palsu:

فَكُلُوا۟ مِمَّا رَزَقَكُمُ ٱللَّهُ حَلَٰلًا طَيِّبًا وَٱشْكُرُوا۟
نِعْمَتَ ٱللَّهِ إِن كُنتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ ﴿١١٤﴾

"Makanlah kamu segala makanan yang halal dan baik dari rezeki yang dikurniakan Allah kepada kamu dan syukuri ni'mat Allah jika kamu benar-benar menyembah-Nya."(114)

Kemudian secara menyeluruh Allah menerangkan kepada mereka segala makanan yang haram, namun demikian tidak tersebut rezeki-rezeki Allah yang diharamkan mereka ke atas diri mereka sendiri iaitu Bahirah atau Sa'ibah atau Wasilah atau Ham:

Makanan-makanan Yang Diharamkan Allah

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ ٱلْمَيْتَةَ وَٱلدَّمَ وَلَحْمَ
ٱلْخِنزِيرِ وَمَآ أُهِلَّ لِغَيْرِ ٱللَّهِ بِهِۦ ۖ

"Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan ke atas kamu memakan bangkai, darah, daging babi dan sembelihan yang disembelih dengan menyebut nama yang lain dari Allah."(115)

Makanan-makanan ini diharamkan sama ada kerana ia mengandungi sesuatu yang membahayakan kesihatan badan dan perasaan seperti bangkai, darah dan daging babi atau membahayakan kesucian jiwa dan 'aqidah seperti sembelihan-sembelihan yang diniatkan oleh penyembelihnya kepada yang lain dari Allah.

فَمَنِ ٱضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَإِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ
رَّحِيمٌ ﴿١١٥﴾

"Tetapi barang siapa yang terpaksa memakannya sedangkan dia tidak mencabul (dasar pengharaman) dan tidak pula melampaui batas, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(115)

Agama Islam ini mudah bukannya payah. Barang siapa yang takut mati atau takut mendapat sakit akibat kelaparan dan kedahagaan, maka tidak menjadi apa-apa kesalahan baginya memakan makanan-makanan yang diharamkan itu sekadar yang boleh menghindarkannya dari bahaya-bahaya yang ditakutinya itu (tertakluk kepada perbezaan pendapat ahli fekah yang telah kami jelaskan sebelum ini) dan tanpa mencabul dasar pengharaman dan tanpa melampaui kadar darurat yang mengharuskan sesuatu yang terlarang itu.

Itulah batas halal dan haram yang dikanunkan Allah dalam perkara makanan-makanan. Oleh itu janganlah kamu melanggar kanun ini kerana mengikut kepercayaan-kepercayaan paganisme yang karut, dan janganlah kamu berdusta dengan dakwaan-dakwaan yang mengharamkan makanan-makanan yang telah dihalalkan oleh Allah. Pengharaman dan penghalalan tidak boleh dilakukan melainkan dengan perintah dari Allah kerana kedua-duanya merupakan urusan mengatur perundangan, sedangkan urusan ini hanya dimiliki Allah sahaja dan tidak dimiliki seorang manusia pun. Tiada siapa yang sanggup mendakwa mempunyai kuasa mengatur perundangan tanpa perintah dari Allah melainkan pendusta, dan para pendusta yang mengada-adakan pembohongan terhadap Allah tidak akan beruntung:

وَلَا تَقُولُوا۟ لِمَا تَصِفُ أَلْسِنَتُكُمُ ٱلْكَذِبَ
هَٰذَا حَلَٰلٌ وَهَٰذَا حَرَامٌ لِّتَفْتَرُوا۟ عَلَى ٱللَّهِ
ٱلْكَذِبَ ۚ

"Dan janganlah kamu berkata mengikut pembohongan yang diperikan lidah kamu ini halal dan ini haram untuk membuat pembohongan terhadap Allah."(116)

Sesungguhnya orang-orang yang mengada-adakan pembohongan terhadap Allah tidak akan beruntung.

Yakni janganlah kamu berkata mengikut pembohongan yang dikarangkan oleh lidah kamu itu: Ini halal, itu haram. Perkataan ini halal dan ini haram tanpa berlandaskan nas merupakan pembohongan yang dilakukan kamu terhadap Allah. Dan orang-orang yang berani mengada-adakan pembohongan terhadap Allah hanya mendapat faedah yang sedikit sahaja di dunia, sedangkan di Akhirat mereka akan memperolehi 'azab yang amat pedih, kekecewaan dan kerugian.

Kemudian selepas itu manusia masih berani membuat undang-undang tanpa keizinan Allah dan tanpa berlandaskan nas di dalam syari'at Allah untuk menegakkan undang-undang yang digubalkan mereka, kemudian mereka menunggu mendapat keuntungan di dunia atau keuntungan di sisi Allah!

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 118 - 119)

Adapun makanan-makanan yang diharamkan Allah kepada orang-orang Yahudi yang diterangkan sebelum ini di dalam Surah al-An'am:

وَعَلَى ٱلَّذِينَ هَادُوا۟ حَرَّمْنَا كُلَّ ذِى ظُفُرٍ ۖ وَمِنَ
ٱلْبَقَرِ وَٱلْغَنَمِ حَرَّمْنَا عَلَيْهِمْ شُحُومَهُمَآ إِلَّا مَا
حَمَلَتْ ظُهُورُهُمَآ أَوِ ٱلْحَوَايَآ أَوْ مَا ٱخْتَلَطَ بِعَظْمٍ ۚ

"Dan Kami haramkan kepada orang-orang Yahudi segala binatang yang berkuku[8] dan dari lembu dan kambing pula Kami haramkan kepada mereka lemak-lemaknya kecuali lemak yang ada pada belakangnya atau membalut perkakas-perkakas di dalam perutnya atau yang bercampur dengan tulang"(146)

(Surah al-An'am : 146)

maka pengharaman ini merupakan satu balasan terhadap mereka sahaja dan tidak berkuatkuasa ke atas orang-orang Islam:

وَعَلَى ٱلَّذِينَ هَادُواْ حَرَّمۡنَا مَا قَصَصۡنَا عَلَيۡكَ مِن قَبۡلُۖ وَمَا ظَلَمۡنَٰهُمۡ وَلَٰكِن كَانُوٓاْ أَنفُسَهُمۡ يَظۡلِمُونَ ١١٨

ثُمَّ إِنَّ رَبَّكَ لِلَّذِينَ عَمِلُواْ ٱلسُّوٓءَ بِجَهَٰلَةٖ ثُمَّ تَابُواْ مِنۢ بَعۡدِ ذَٰلِكَ وَأَصۡلَحُوٓاْ إِنَّ رَبَّكَ مِنۢ بَعۡدِهَا لَغَفُورٞ رَّحِيمٌ ١١٩

"Dan Kami telah mengharamkan ke atas orang-orang Yahudi makanan-makanan yang telah Kami ceritakan kepadamu sebelum ini,[9] dan Kami sekali-kali tidak menganiayai mereka, tetapi merekalah yang menganiayai diri mereka sendiri(118). Kemudian sesungguhnya Tuhanmu mengampunkan orang-orang yang melaku-kan kejahatan kerana kejahilan kemudian mereka bertaubat selepas itu dan memperbaiki (diri mereka). Sesungguhnya Tuhanmu sesudah itu Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(119)

Orang-orang Yahudi memang wajar menerima balasan Allah yang mengharamkan. makanan-makanan yang baik ini kepada mereka kerana perbuatan mereka yang melampaui batas dan melanggar perintah Allah. Ini bererti mereka sendiri telah menzalimi diri mereka dan bukannya Allah yang menzalimi mereka. Oleh itu sesiapa yang bertaubat dari mereka yang telah melakukan kejahatan kerana kejahilan dan tidak terus berdegil mengerjakan maksiat atau tidak terus bergelimang di dalam maksiat sehingga mati kemudian dia iringi taubat hati itu dengan amalan-amalan yang soleh, maka keampunan Allah dan rahmat-Nya akan merangkulinya.

Nas-nas pengampunan ini merangkumi seluruh orang yang bertaubat sama ada dari orang-orang Yahudi atau lainnya sehingga hari Qiamat.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 120 - 124)

Sesuai dengan pengharaman beberapa makanan kepada orang-orang Yahudi, dan sesuai dengan dakwaan kaum Musyrikin Quraysy bahawa mereka mengikut agama Ibrahim mengenai perkara makanan yang diharamkan kepada diri mereka dan diperuntukkan mereka kepada berhala-berhala itu, ayat berikut memperkatakan tentang Nabi Ibrahim a.s. untuk menjelaskan hakikat agama beliau dan menghubungkannya dengan agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w., juga menjelaskan larangan-larangan yang terkhusus kepada orang-orang Yahudi sahaja yang tidak ada di zaman Ibrahim a.s:

Hubungan Agama Ibrahim Dengan Agama Yang Dibawa Muhammad

إِنَّ إِبۡرَٰهِيمَ كَانَ أُمَّةٗ قَانِتٗا لِّلَّهِ حَنِيفٗا وَلَمۡ يَكُ مِنَ ٱلۡمُشۡرِكِينَ ١٢٠

شَاكِرٗا لِّأَنۡعُمِهِۚ ٱجۡتَبَىٰهُ وَهَدَىٰهُ إِلَىٰ صِرَٰطٖ مُّسۡتَقِيمٖ ١٢١

وَءَاتَيۡنَٰهُ فِي ٱلدُّنۡيَا حَسَنَةٗۖ وَإِنَّهُۥ فِي ٱلۡأٓخِرَةِ لَمِنَ ٱلصَّٰلِحِينَ ١٢٢

ثُمَّ أَوۡحَيۡنَآ إِلَيۡكَ أَنِ ٱتَّبِعۡ مِلَّةَ إِبۡرَٰهِيمَ حَنِيفٗاۖ وَمَا كَانَ مِنَ ٱلۡمُشۡرِكِينَ ١٢٣

إِنَّمَا جُعِلَ ٱلسَّبۡتُ عَلَى ٱلَّذِينَ ٱخۡتَلَفُواْ فِيهِۚ وَإِنَّ رَبَّكَ لَيَحۡكُمُ بَيۡنَهُمۡ يَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِ فِيمَا كَانُواْ فِيهِ يَخۡتَلِفُونَ ١٢٤

"Sesungguhnya Ibrahim itu adalah satu umat yang patuh kepada Allah serta hanif dan dia bukan dari golongan Musyrikin(120). Ia sentiasa mensyukuri ni'mat-ni'mat-Nya. Allah telah memilihnya dan menghidayatkannya ke jalan yang lurus(121). Dan Kami kurniakan kepadanya kebaikan di dunia, dan sesungguhnya dia di Akhirat kelak di dalam golongan orang-orang yang soleh(122). Kemudian Kami wahyukan kepadamu: Ikutlah agama Ibrahim yang hanif dan dia bukan dari golongan Musyrikin(123). Sesungguhnya hari Sabtu itu hanya dijadikan (hari kelepasan yang wajib dipatuhi) ke atas orang-orang (Yahudi) yang telah berselisihan mengenainya. Dan sesungguhnya Tuhanmu akan mengadili di antara mereka dalam perkara-perkara yang dipertikaikan di antara mereka."(124)

Al-Qur'anul-Karim menggambarkan Ibrahim a.s. sebagai contoh teladan hidayat, keta'atan, kesyukuran dan taubat kepada Allah. Di dalam ayat

---

[8] *Binatang-binatang yang jari kukunya tidak terbelah seperti unta dan lain-lainnya.*

[9] *Ayat 146 Surah al-An'am.*

ini Allah sifatkan beliau sebagai "أمة" (satu ummah). Kata-kata ini mungkin bermaksud menyatakan bahawa nilai beliau menyamai satu umat yang sempurna dengan segala kebaikan, keta'atan dan keberkatan yang ada pada mereka, dan mungkin juga kata-kata itu diertikan dengan "pemimpin" yang diikuti di dalam segala perkara yang baik. Kedua-dua pengertian ini terdapat dalam tafsir-tafsir yang ma'thur. Kedua-dua pengertian itu berhampiran sahaja kerana pemimpin yang diikuti di dalam segala perkara yang baik itu ialah pemimpin satu umat yang akan memperolehi pahalanya sendiri dan pahala orang-orang yang mengikut bimbingannya. Oleh itu beliau seolah-olah satu umat manusia yang sempurna dari segi kebaikannya dan pahalanya dan bukan hanya sebagai seorang individu sahaja.

قَانِتًا لِّلَّهِ

"Yang patuh kepada Allah"(120)

yakni ta'at, khusyu' dan banyak beribadat kepada Allah.

حَنِيفًا

"Serta hanif."(120)

Beliau sentiasa menjurus dan cenderung kepada kebenaran.

وَلَمْ يَكُ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿١٢٠﴾

"Dan dia bukan dari golongan Musyrikin."(120)

Oleh itu kaum Musyrikin jangan cuba bergantung dengan beliau dan membabit-babitkan beliau kerana mengambil keberkatannya.

شَاكِرًا لِّأَنْعُمِهِ

"Ia sentiasa mensyukuri ni'mat-ni'mat-Nya."(121)

Beliau menyatakan kesyukurannya dengan perkataan dan amalan. Sikap beliau bukannya seperti sikap kaum Musyrikin yang mengingkari ni'mat-ni'mat Allah dengan perkataan dan perbuatan. Mereka mempersekutukan Allah dengan tuhan-tuhan palsu yang didakwa mereka dalam urusan rezeki yang dikurniakan Allah kepada mereka, dan mereka mengharamkan ni'mat-ni'mat Allah yang dihalalkan kepada mereka kerana mengikut kepercayaan-kepercayaan yang karut dan hawa nafsu mereka.

اجْتَبَاهُ وَهَدَاهُ إِلَىٰ صِرَاطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿١٢١﴾

"Allah telah memilihnya dan menghidayatkannya ke jalan yang lurus."(121)

Iaitu jalan tauhid yang tulen dan betul.

Demikianlah sifat Nabi Ibrahim yang sebenar yang dijadikan kaum Yahudi sebagai tempat mereka bergantung dan dijadikan kaum Musyrikin Makkah sebagai nabi yang dibabit-babitkan mereka dengannya.

ثُمَّ أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ أَنِ اتَّبِعْ مِلَّةَ إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا ۖ

وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿١٢٣﴾

"Kemudian Kami wahyukan kepadamu: Ikutlah agama Ibrahim yang hanif dan dia bukan dari golongan Musyrikin."(123)

(Perintah mengikut agama Ibrahim) itu merupakan sambungan 'aqidah tauhid yang telah terputus, dan hakikat 'aqidah ini telah ditegaskan nas Al-Qur'an semula bahawa Ibrahim:

وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿١٢٣﴾

"Bukan dari golongan Musyrikin."(123)

Oleh itu yang haqiqi ialah hubungan agama yang baru.

Adapun pengharaman hari Sabtu itu adalah khusus kepada kaum Yahudi sahaja yang telah berselisih faham mengenai hari itu. Pengharaman itu bukannya dari peraturan agama Ibrahim dan bukan pula dari peraturan agama Muhammad yang mengikut agama Ibrahim:

إِنَّمَا جُعِلَ السَّبْتُ عَلَى الَّذِينَ اخْتَلَفُوا فِيهِ ۚ

"Sesungguhnya hari Sabtu itu hanya dijadikan (hari kelepasan yang wajib dipatuhi) ke atas orang-orang (Yahudi) yang telah berselisihan mengenainya."(124)

Perkara perselisihan mereka adalah terserah kepada pengadilan Allah:

وَإِنَّ رَبَّكَ لَيَحْكُمُ بَيْنَهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

فِيمَا كَانُوا فِيهِ يَخْتَلِفُونَ ﴿١٢٤﴾

"Dan sesungguhnya Tuhanmu akan mengadili di antara mereka dalam perkara-perkara yang dipertikaikan di antara mereka."(124)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 125 - 128)

Itulah penjelasan terhadap kekeliruan-kekeliruan mengenai hubungan di antara 'aqidah tauhid yang dibawa oleh Nabi Ibrahim a.s. sebelum ini dan telah disempurnakan di dalam agama yang akhir (yang di bawa oleh Nabi Muhammad s.a.w.) dengan 'aqidah-'aqidah yang menyeleweng yang dipegang oleh kaum Yahudi dan Musyrikin. Ia merupakan sebahagian dari tujuan Al-Qur'an yang diturunkan untuk menjelaskannya. Oleh itu Rasulullah s.a.w. hendaklah meneruskan perjuangannya berda'wah kepada agama Allah, iaitu agama tauhid dengan hikmat kebijaksanaan dan pengajaran yang baik, dan berdebat dengan penentang-penentangnya dengan cara yang sebaik-baiknya. Andainya mereka melakukan pencerobohan terhadap dirinya dan terhadap orang-orang Islam, maka hendaklah beliau membalas dengan tindakan yang setimpal dengan pencerobohan mereka kecuali beliau memberi kemaafan dan bersabar walaupun beliau boleh melakukan tindakan balas yang setimpal, kerana yakin bahawa akibat yang baik tetap diperolehi oleh para

Muttaqin dan Muhsinin. Oleh itu beliau tidak usah berdukacita terhadap mereka yang enggan menerima hidayat dan tidak usah merasa bosan dengan tipu daya mereka terhadap beliau dan para Mu'minin:

ٱدۡعُ إِلَىٰ سَبِيلِ رَبِّكَ بِٱلۡحِكۡمَةِ وَٱلۡمَوۡعِظَةِ ٱلۡحَسَنَةِۖ
وَجَٰدِلۡهُم بِٱلَّتِي هِيَ أَحۡسَنُۚ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعۡلَمُ
بِمَن ضَلَّ عَن سَبِيلِهِۦ وَهُوَ أَعۡلَمُ بِٱلۡمُهۡتَدِينَ ١٢٥
وَإِنۡ عَاقَبۡتُمۡ فَعَاقِبُواْ بِمِثۡلِ مَا عُوقِبۡتُم بِهِۦۖ
وَلَئِن صَبَرۡتُمۡ لَهُوَ خَيۡرٞ لِّلصَّٰبِرِينَ ١٢٦
وَٱصۡبِرۡ وَمَا صَبۡرُكَ إِلَّا بِٱللَّهِۚ وَلَا تَحۡزَنۡ عَلَيۡهِمۡ
وَلَا تَكُ فِي ضَيۡقٖ مِّمَّا يَمۡكُرُونَ ١٢٧
إِنَّ ٱللَّهَ مَعَ ٱلَّذِينَ ٱتَّقَواْ وَّٱلَّذِينَ هُم مُّحۡسِنُونَ ١٢٨

"Berda'wahlah ke jalan Tuhanmu dengan hikmat kebijaksanaan dan pengajaran yang baik, dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang terbaik. Sesungguhnya Tuhanmu lebih mengetahui tentang mereka yang sesat dari jalan-Nya dan juga lebih mengetahui tentang orang-orang yang mendapat hidayat(125). Dan jika kamu membalas, maka hendaklah kamu membalas setimpal dengan tindakan yang telah dilakukan mereka terhadap kamu, tetapi jika kamu bersabar, maka itulah sikap yang sebaik-baiknya bagi orang-orang yang sabar(126). Bersabarlah (wahai Muhammad) dan kesabaranmu itu tidak tercapai melainkan dengan pertolongan Allah, dan janganlah engkau bersedih di atas (kekufuran mereka) dan janganlah engkau merasa bosan terhadap tipu daya yang dilakukan mereka(127). Sesungguhnya Allah bersama orang-orang yang bertaqwa dan orang-orang Muhsinin."(128)

Peraturan Da'wah Yang Digariskan Allah

Di atas asas-asas inilah Al-Qur'anul-Karim meletakkan da'wah dan dasar-dasarnya, menentukan sarana-sarana dan cara-cara perjuangannya, menggariskan peraturan da'wah kepada Rasulullah yang budiman dan kepada para penda'wah selepasnya dalam rangka usaha menyampaikan agama Allah yang lurus. Marilah kita teliti peraturan da'wah yang digariskan Allah di dalam Al-Qur'an.

Yang dimaksudkan dengan da'wah ialah da'wah untuk agama Allah bukan untuk kepentingan penda'wah atau kepentingan kaumnya. Tiada matlamat lain bagi penda'wah dalam segala usaha da'wahnya selain dari menunaikan kewajipannya terhadap Allah. Tiada suatu jasanya yang boleh diperkatakannya sama ada terhadap da'wah dan tidak pula terhadap orang-orang yang mendapat hidayat melalui da'wahnya. Selain dari itu dia menyerahkan ganjarannya kepada Allah.

Da'wah hendaklah dilakukan dengan cara-cara yang bijaksana dan memberi perhatian yang teliti terhadap keadaan-keadaan dan suasana-suasana yang melingkungi orang-orang yang hendak disampaikan da'wah itu kepada mereka, juga memberi perhatian yang teliti terhadap kadar da'wah setiap kali disampaikan kepada mereka supaya ia tidak memberatkan mereka. Dia tidak seharusnya menyulitkan mereka dengan taklif-taklif yang berat sebelum mereka bersedia untuk menerimanya. Juga memberi perhatian yang teliti terhadap cara berbicara dengan mereka dan mempelbagaikan cara-cara penyampaian ini mengikut kehendak-kehendak keadaannya yang sesuai. Dia tidak seharusnya dikongkong oleh semangat yang berkobar-kobar dan keghairahan yang terburu-buru hingga melampaui batas hikmat kebijaksanaan dalam melaksanakan semua langkah-langkah tersebut atau lainnya.

Da'wah itu hendaklah dilakukan dengan pengajaran yang baik yang meresap ke dalam hati secara halus dan menembusi perasaan-perasaan manusia dengan lemah lembut bukan dengan menggunakan serkahan yang kasar dan kecaman-kecaman yang tidak perlu, dan bukan pula dengan mendedahkan kesalahan-kesalahan yang mungkin berlaku, kerana kejahilan atau dengan niatnya baik. Cara yang lemah lembut dalam menyampaikan pengajaran-pengajaran itu banyak sekali dapat memberi petunjuk kepada hati-hati yang liar dan dapat menjinakkan hati yang buas. Ia menghasilkan kebaikan yang tidak mungkin dihasilkan dengan menggunakan serkahan, kecaman dan celaan-celaan yang buruk.

Da'wah hendaklah dilakukan dengan menggunakan perdebatan yang sebaik-baiknya tanpa tekanan yang zalim terhadap pihak lawan, tanpa menghina dan memburuk-burukkan mereka supaya mereka yakin kepada kejujuran penda'wah dan merasa bahawa matlamatnya yang sebenar bukannya untuk memenangi perdebatan, tetapi untuk memberi keyakinan dan mencapai kebenaran. Jiwa manusia mempunyai sifat-sifat angkuh dan degil; ia enggan mengalah dari pendapat-pendapat yang dipertahankannya melainkan dengan cara yang lemah lembut supaya ia tidak merasa kalah. Nilai diri dan nilai pendapat di sisi orang ramai begitu cepat bercampuraduk dalam jiwa seseorang. Tindakan mengalah terhadap sesuatu pendapat dianggap sebagai suatu tindakan mengalah terhadap kehormatan dan maruah dirinya. Hanya cara perdebatan yang sebaik-baiknya sahaja dapat menundukkan perasaan angkuh yang amat peka ini, di mana pihak lawan merasa bahawa kehormatan dirinya terpelihara (tidak tersentuh) dan nilai dirinya tetap mulia (tidak tergores) dan merasa bahawa penda'wah itu benar-benar bertujuan untuk menunjukkan kebenaran dan untuk membawa ke jalan Allah bukannya ke arah kepentingan dirinya, kemenangan fikirannya dan kekalahan fikiran orang lain.

Untuk merendahkan tekanan semangat penda'wah yang berkobar-kobar dan keghairahannya yang terburu-buru itu, Al-Qur'an menunjukkan kepada hakikat iaitu hanya Allah sahaja yang lebih mengetahui tentang orang-orang yang sesat dari jalan-Nya dan tentang orang-orang yang boleh menerima hidayat. Oleh itu tidaklah perlu menggunakan perdebatan yang kasar dan berlarut-larut, malah yang perlu ialah memberi penerangan yang jelas kemudian serahkan sahaja urusan selepas itu kepada Allah.

Inilah peraturan dan undang-undang perlembagaan da'wah selama da'wah itu berada dalam lingkungan da'wah dengan lidah dan berdebat dengan hujjah. Tetapi apabila pencerobohan dilakukan ke atas para penda'wah, maka keadaan turut berubah. Oleh sebab pencerobohan itu merupakan satu tindakan fizikal, maka ia pasti dibalas dengan tindakan fizikal yang setimpal untuk mempertahankan kehormatan kebenaran dan menolak kemenangan kebatilan, dengan syarat tindakan itu tidak melampaui batasnya hingga ke darjat mencaing-caing dan memotong-motong anggota lawan. Islam agama keadilan dan kesaksamaan, agama damai dan berdamai. Islam berjuang mempertahankan keselamatan dirinya dan penganut-penganutnya tetapi Islam tidak bertindak zalim:

وَإِنْ عَاقَبْتُمْ فَعَاقِبُوا۟ بِمِثْلِ مَا عُوقِبْتُم بِهِۦ

"Dan jika kamu membalas, maka hendaklah kamu membalas setimpal dengan tindakan yang telah dilakukan mereka ke atas kamu."(126)

Melakukan tindakan balas itu bukanlah merupakan sesuatu yang jauh dari kehendak perlembagaan da'wah, malah ia merupakan sebahagian dari perlembagaan itu, kerana tindakan mempertahankan keselamatan da'wah dalam batas yang sederhana dan adil dapat memelihara kehormatan dan menjaga maruahnya. Ia tidak boleh dipandang kecil dan hina di sisi orang ramai kerana da'wah yang dipandang kecil dan hina itu tidak akan dianuti oleh sesiapa dan tidak akan dipercayai sebagai da'wah dari Allah. Oleh kerana itu Allah tidak membiarkan da'wah-Nya terhina dan tidak berdaya mempertahankan keselamatan dirinya. Orang-orang yang beriman kepada Allah tidak sanggup menerima kezaliman kerana mereka adalah penda'wah-penda'wah Allah dan kerana seluruh kemuliaan itu adalah milik Allah. Di samping itu mereka adalah para pemegang amanah untuk menegakkan agama yang benar di bumi ini di samping menegakkan keadilan di antara manusia dan membimbing mereka ke jalan yang lurus. Oleh itu bagaimana mereka dapat melaksanakan semua tugas ini jika mereka diceroboh, sedangkan mereka tidak dapat bertindak balas, atau mereka dicabul, sedangkan mereka tidak dapat membalas pencabulan itu?

Walaupun Al-Qur'an menetapkan dasar balasan yang setimpal, namun Al-Qur'anul-Karim menyeru kepada kemaafan dan kesabaran ketika orang-orang Islam mampu mencegahkan kejahatan dan pencerobohan, iaitu dalam keadaan-keadaan tertentu, di mana kemaafan dan kesabaran lebih mendatangkan kesannya yang mendalam dan lebih berfaedah untuk perkembangan da'wah. Tubuh mereka tidak lagi diberi apa-apa nilai andainya kepentingan da'wah itu memerlukan kepada sikap maaf dan sabar, tetapi andainya kemaafan dan kesabaran itu menyebabkan da'wah dipandang hina dan murah, maka dasar pertama iaitu balasan yang setimpal itulah yang lebih baik digunakan.

Oleh sebab kesabaran itu memerlukan kepada pencegahan emosi, pengawalan sentimen dan penekanan terhadap fitrah, maka Al-Qur'an menghubungkan kesabaran itu dengan Allah dan memuji akibatnya yang baik:

وَلَئِن صَبَرْتُمْ لَهُوَ خَيْرٌ لِّلصَّٰبِرِينَ ﴿١٢٦﴾ وَٱصْبِرْ وَمَا صَبْرُكَ إِلَّا بِٱللَّهِ

"Tetapi jika kamu bersabar, maka itulah sikap yang sebaik-baiknya bagi orang-orang yang sabar. Bersabarlah (wahai Muhammad) dan kesabaranmu itu tidak tercapai melainkan dengan pertolongan Allah."(126-127)

Hanya Allah yang dapat menolong seorang itu bersabar dan mengawal dirinya. Bertawajjuh kepada Allah dapat menundukkan keinginan semulajadi yang mahu melakukan tindakan balas yang setimpal.

Kemudian Al-Qur'an menyampaikan pesanan kepada Rasulullah s a.w., dan pesanan ini juga merupakan pesanan bagi setiap penda'wah selepas beliau, iaitu janganlah beliau, berdukacita apabila melihat orang ramai tidak mahu menerima hidayat, kerana yang menjadi tugasnya hanya menunaikan kewajipannya, sedangkan persoalan hidayat dan kesesatan itu adalah di tangan Allah mengikut peraturan-Nya yang telah ditetapkan pada fitrah manusia, pada kesediaan-kesediaan dan bakat-bakat kebolehannya, pada arah-arah tujuannya dan perjuangannya menuju hidayat atau menuju kesesatan. Begitu juga beliau jangan merasa bosan menghadapi tipu daya mereka kerana tugas beliau hanya berda'wah kerana Allah dan Allah akan memeliharanya dari segala tipu daya dan tindakan jahat, Allah tidak akan membiarkan beliau menjadi mangsa kepada tipu daya para penentangnya, sedangkan beliau berda'wah dengan ikhlas dan tidak mengingini sesuatu faedah untuk kepentingan diri-Nya di sebalik da'wah itu.

Beliau mungkin ditimpa penindasan yang menyakitinya untuk menguji kesabarannya, dan mungkin lambat menerima kemenangan atau pertolongan Allah untuk menduga keyakinan dan kepercayaannya kepada Allah, tetapi akibatnya tetap terjamin dan diketahui umum iaitu:

إِنَّ ٱللَّهَ مَعَ ٱلَّذِينَ ٱتَّقَوا۟ وَّٱلَّذِينَ هُم مُّحْسِنُونَ ﴿١٢٨﴾

"Sesungguhnya Allah bersama orang-orang yang bertaqwa dan orang-orang Muhsinin."(128)

Barang siapa yang Allah bersamanya, maka dia tidak perlu takut dan bimbang terhadap orang-orang yang melakukan tindakan-tindakan jahat dan tipu daya kepadanya.

Inilah peraturan atau perlembagaan da'wah kepada Allah yang digariskan oleh Allah dan kejayaannya bergantung kepada kepatuhan mengikuti peraturan ini sebagaimana yang telah dijanjikan Allah. Dan siapakah yang lebih benar dari Allah?

(Tamat Juzu' Yang Keempat Belas)

JUZU' KE-15

SURAH AL-ISRA'

SURAH KE 17

سُورَةُ الإِسْرَاءِ

SURAH AL-ISRA'

JUMLAH AYAT 111

Surah Isra'

(Makkiyah)

Kecuali Ayat 26, 32, 33, 57, 73 – 80 Madaniyah

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 21)

سُبْحَٰنَ ٱلَّذِىٓ أَسْرَىٰ بِعَبْدِهِۦ لَيْلًا مِّنَ ٱلْمَسْجِدِ
ٱلْحَرَامِ إِلَى ٱلْمَسْجِدِ ٱلْأَقْصَا ٱلَّذِى بَٰرَكْنَا حَوْلَهُۥ
لِنُرِيَهُۥ مِنْ ءَايَٰتِنَآ ۚ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْبَصِيرُ ١
وَءَاتَيْنَا مُوسَى ٱلْكِتَٰبَ وَجَعَلْنَٰهُ هُدًى لِّبَنِىٓ
إِسْرَٰٓءِيلَ أَلَّا تَتَّخِذُوا۟ مِن دُونِى وَكِيلًا ٢
ذُرِّيَّةَ مَنْ حَمَلْنَا مَعَ نُوحٍ ۚ إِنَّهُۥ كَانَ عَبْدًا
شَكُورًا ٣
وَقَضَيْنَآ إِلَىٰ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ فِى ٱلْكِتَٰبِ لَتُفْسِدُنَّ فِى
ٱلْأَرْضِ مَرَّتَيْنِ وَلَتَعْلُنَّ عُلُوًّا كَبِيرًا ٤
فَإِذَا جَآءَ وَعْدُ أُولَىٰهُمَا بَعَثْنَا عَلَيْكُمْ عِبَادًا لَّنَآ
أُو۟لِى بَأْسٍ شَدِيدٍ فَجَاسُوا۟ خِلَٰلَ ٱلدِّيَارِ ۚ وَكَانَ
وَعْدًا مَّفْعُولًا ٥
ثُمَّ رَدَدْنَا لَكُمُ ٱلْكَرَّةَ عَلَيْهِمْ وَأَمْدَدْنَٰكُم بِأَمْوَٰلٍ
وَبَنِينَ وَجَعَلْنَٰكُمْ أَكْثَرَ نَفِيرًا ٦
إِنْ أَحْسَنتُمْ أَحْسَنتُمْ لِأَنفُسِكُمْ ۖ وَإِنْ أَسَأْتُمْ فَلَهَا ۚ
فَإِذَا جَآءَ وَعْدُ ٱلْءَاخِرَةِ لِيَسُۥٓـُٔوا۟ وُجُوهَكُمْ وَلِيَدْخُلُوا۟
ٱلْمَسْجِدَ كَمَا دَخَلُوهُ أَوَّلَ مَرَّةٍ وَلِيُتَبِّرُوا۟ مَا
عَلَوْا۟ تَتْبِيرًا ٧
عَسَىٰ رَبُّكُمْ أَن يَرْحَمَكُمْ ۚ وَإِنْ عُدتُّمْ عُدْنَا ۘ وَجَعَلْنَا جَهَنَّمَ
لِلْكَٰفِرِينَ حَصِيرًا ٨
إِنَّ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانَ يَهْدِى لِلَّتِى هِىَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ
ٱلْمُؤْمِنِينَ ٱلَّذِينَ يَعْمَلُونَ ٱلصَّٰلِحَٰتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا
كَبِيرًا ٩
وَأَنَّ ٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِٱلْءَاخِرَةِ أَعْتَدْنَا لَهُمْ عَذَابًا
أَلِيمًا ١٠

"Maha Suci Allah yang telah membawa hamba-Nya berjalan pada malam hari dari al-Masjidil-Haram ke al-Masjidil-Aqsa yang telah Kami berkati sekelilingnya agar Kami memperlihatkan kepadanya sebahagian dari bukti-bukti (kekuasaan) Kami. Sesungguhnya Dia Maha Mendengar dan Maha Melihat(1). Dan Kami telah mengurniakan kepada Musa kitab (Taurat) dan Kami jadikannya hidayat kepada Bani Israel (serta memerintah mereka): Janganlah kamu mengambil mana-mana penguasa selain dari-Ku(2). (Wahai) zuriat orang-orang yang telah Kami bawakan mereka bersama Nuh (dalam bahteranya), sesungguhnya dia seorang hamba yang amat bersyukur(3). Dan Kami telah menyatakan kepada Bani Israel dalam kitab (Taurat) (bahawa sesungguhnya kamu) akan melakukan kerosakan di bumi (Baitul-Maqdis) dua kali dan melakukan kezaliman yang amat besar(4). Oleh itu apabila tiba masa kezaliman yang pertama dari keduanya Kami datangkan hamba-hamba Kami yang gagah perkasa dan bengis menyerang kamu lalu mereka menggelidah rumah-rumah kamu. Dan sesungguhnya peristiwa itu merupakan suatu janji yang tetap terlaksana(5). Kemudian Kami memberi giliran kepada kamu menyerang dan mengalahkan mereka, dan Kami telah membantu kamu dengan harta kekayaan yang banyak dan anak-anak yang ramai dan Kami jadikan kamu lebih ramai bilangannya (dari musuh kamu)(6). Jika kamu berbuat baik bererti kamu berbuat baik kepada diri kamu sendiri, dan jika kamu berbuat jahat, maka akibatnya menimpa diri kamu sendiri juga. Oleh itu apabila tiba masa kezaliman yang kedua (Kami datangkan kaum yang lain menyerang kamu) supaya mereka memuramkan muka kamu dan memasuki Masjid Baitul-Maqdis sebagaimana mereka telah memasukinya pada kali yang pertama dan supaya mereka menghancurleburkan apa sahaja yang dikuasai mereka(7). Semoga Tuhan kamu melimpahkan rahmat-Nya ke atas kamu, dan sekiranya kamu kembali lagi (melakukan kerosakan) nescaya Kami kembali (mengazabkan kamu), dan Kami telah menjadikan Neraka Jahannam itu penjara kepada orang-orang yang kafir(8). Sesungguhnya Al-Qur'an ini

memberi hidayat ke jalan yang amat lurus dan menyampaikan berita gembira kepada para Mu'minin yang mengerjakan amalan-amalan yang soleh bahawa mereka akan memperolehi pahala yang amat besar(9). Sesungguhnya orang-orang yang tidak beriman kepada hari Akhirat telah Kami sediakan untuk mereka 'azab yang amat pedih"(10).

وَيَدْعُ ٱلْإِنسَٰنُ بِٱلشَّرِّ دُعَآءَهُۥ بِٱلْخَيْرِ ۖ وَكَانَ ٱلْإِنسَٰنُ
عَجُولًا ﴿١١﴾
وَجَعَلْنَا ٱلَّيْلَ وَٱلنَّهَارَ ءَايَتَيْنِ ۖ فَمَحَوْنَآ ءَايَةَ ٱلَّيْلِ
وَجَعَلْنَآ ءَايَةَ ٱلنَّهَارِ مُبْصِرَةً لِّتَبْتَغُوا۟ فَضْلًا مِّن رَّبِّكُمْ
وَلِتَعْلَمُوا۟ عَدَدَ ٱلسِّنِينَ وَٱلْحِسَابَ ۚ وَكُلَّ شَىْءٍ
فَصَّلْنَٰهُ تَفْصِيلًا ﴿١٢﴾
وَكُلَّ إِنسَٰنٍ أَلْزَمْنَٰهُ طَٰٓئِرَهُۥ فِى عُنُقِهِۦ ۖ وَنُخْرِجُ لَهُۥ يَوْمَ
ٱلْقِيَٰمَةِ كِتَٰبًا يَلْقَىٰهُ مَنشُورًا ﴿١٣﴾
ٱقْرَأْ كِتَٰبَكَ كَفَىٰ بِنَفْسِكَ ٱلْيَوْمَ عَلَيْكَ حَسِيبًا ﴿١٤﴾
مَّنِ ٱهْتَدَىٰ فَإِنَّمَا يَهْتَدِى لِنَفْسِهِۦ ۖ وَمَن ضَلَّ فَإِنَّمَا
يَضِلُّ عَلَيْهَا ۚ وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ ۗ وَمَا كُنَّا
مُعَذِّبِينَ حَتَّىٰ نَبْعَثَ رَسُولًا ﴿١٥﴾
وَإِذَآ أَرَدْنَآ أَن نُّهْلِكَ قَرْيَةً أَمَرْنَا مُتْرَفِيهَا فَفَسَقُوا۟ فِيهَا
فَحَقَّ عَلَيْهَا ٱلْقَوْلُ فَدَمَّرْنَٰهَا تَدْمِيرًا ﴿١٦﴾
وَكَمْ أَهْلَكْنَا مِنَ ٱلْقُرُونِ مِنۢ بَعْدِ نُوحٍ ۗ وَكَفَىٰ بِرَبِّكَ
بِذُنُوبِ عِبَادِهِۦ خَبِيرًۢا بَصِيرًا ﴿١٧﴾
مَّن كَانَ يُرِيدُ ٱلْعَاجِلَةَ عَجَّلْنَا لَهُۥ فِيهَا مَا نَشَآءُ
لِمَن نُّرِيدُ ثُمَّ جَعَلْنَا لَهُۥ جَهَنَّمَ يَصْلَىٰهَا مَذْمُومًا
مَّدْحُورًا ﴿١٨﴾
وَمَنْ أَرَادَ ٱلْءَاخِرَةَ وَسَعَىٰ لَهَا سَعْيَهَا وَهُوَ مُؤْمِنٌ
فَأُو۟لَٰٓئِكَ كَانَ سَعْيُهُم مَّشْكُورًا ﴿١٩﴾
كُلًّا نُّمِدُّ هَٰٓؤُلَآءِ وَهَٰٓؤُلَآءِ مِنْ عَطَآءِ رَبِّكَ ۚ
وَمَا كَانَ عَطَآءُ رَبِّكَ مَحْظُورًا ﴿٢٠﴾
ٱنظُرْ كَيْفَ فَضَّلْنَا بَعْضَهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ ۚ وَلَلْءَاخِرَةُ
أَكْبَرُ دَرَجَٰتٍ وَأَكْبَرُ تَفْضِيلًا ﴿٢١﴾

"Dan (ketika putus asa) manusia berdo'a memohon malapetaka sama seperti dia berdo'a memohon kebaikan, dan sesungguhnya manusia itu bersifat amat gopoh(11). Dan Kami telah jadikan malam dan siang sebagai dua tanda (kekuasaan kami), lalu Kami hapuskan tanda malam (yang gelap) dan Kami jadikan tanda siang terang benderang supaya kamu dapat mencari limpah kurnia (rezeki) dari Tuhan kamu dan supaya kamu dapat mengetahui bilangan tahun-tahun dan hisab, dan segala sesuatu telah Kami jelaskannya dengan terperinci(12). Setiap orang manusia Kami lekatkan di lehernya kalung amalannya masing-masing. Dan pada hari Qiamat kelak Kami akan keluarkan kepadanya buku (laporan amalan) yang akan didapatinya terbuka (untuk dibacakan nya)(13). Bacalah buku laporan amalanmu (ini) cukuplah dirimu sendiri pada hari ini menjadi jurukira amalanmu sendiri(14). Barang siapa yang menerima hidayat, maka sesungguhnya dia menerima kebaikan hidayat itu untuk dirinya sendiri, dan barang siapa yang sesat, maka sesungguhnya dia menerima akibat kesesatan itu ke atas dirinya sendiri juga. Dan seseorang itu tidak dapat menanggung dosa orang lain, dan Kami tidak akan mengenakan 'azab sehingga Kami mengutuskan rasul(15). Dan jika Kami hendak membinasakan sesuatu negeri, maka Kami (lebih dahulu) perintahkan golongan penduduknya yang mewah (supaya menta'ati Allah) lalu mereka terus melakukan kefasiqan di sana, maka kerana itu wajarlah keputusan 'azab dijatuhkan ke atas negeri itu lalu Kami hancurkannya sehancur-hancurnya(16). Dan berapa banyak umat yang telah Kami binasakan sesudah Nuh dan cukuplah (wahai Muhammad) Tuhanmu sendiri mengetahui dan melihat dosa-dosa sekalian hamba-Nya(17). Siapa yang mahukan (keni'matan) dunia (sahaja), Kami akan segerakan (pemberian) Kami kepadanya di dunia ini segala keni'matan yang Kami kehendaki kepada orang yang Kami kehendaki, kemudian Kami sediakan untuknya Neraka Jahannam yang akan dimasukinya dalam keadaan tercela dan tersingkir dari rahmat Allah(18). Dan sesiapa yang mahukan (keni'matan) Akhirat dan berusaha untuknya dengan usahanya (yang wajar), sedangkan dia beriman, maka orang-orang yang sedemikian usaha-usaha mereka tetap akan disyukuri (19). Setiap golongan itu dan golongan ini Kami hulurkan kepada mereka rezeki dari pemberian Tuhanmu. Dan pemberian Tuhanmu itu (selama-lamanya) tidak pernah tersekat(20). Lihatlah (di dunia) bagaimana Kami telah melebihkan setengah mereka dari setengah yang lain, dan demi sesungguhnya (pengurniaan) di Akhirat kelak lebih tinggi (perbezaan) darjat-darjatnya dan lebih besar (perbezaan) keutamaan-keutamaannya"(21).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah al-Isra' ini ialah Surah Makkiyah. Ia dimulai dengan ucapan tasbih dan diakhiri dengan ucapan tahmid. Ia merangkuli berbagai-bagai maudhu' dan kebanyakannya mengenai persoalan 'aqidah dan setengah-setengahnya mengenai persoalan dasar-dasar suluk atau perilaku individu dan kelompok serta peradaban-peradabannya yang berlandaskan 'aqidah, di samping memuatkan sebahagian kecil kisah-kisah

Bani Israel yang ada kaitan dengan al-Masjidil-Aqsa yang menjadi tempat destinasi Isra' serta sedikit kisah Adam dengan iblis dan penghormatan Allah kepada makhluk insan.

Tetapi yang menjadi unsur yang menonjol dalam surah ini dan yang menjadi paksi maudhu'-maudhu' pembicaraannya yang amat penting ialah peribadi Rasulullah s.a.w. dan sikap kaum Musyrikin di Makkah terhadap beliau, iaitu persoalan Al-Qur'an yang dibawa beliau, persoalan tabi'at Al-Qur'an dan matlamat-matlamatnya yang mahu dipimpin kepadanya, juga sambutan kaum Musyrikin terhadapnya. Sehubungan dengan pembicaraan-pembicaraan ini ia menanggung persoalan tabi'at risalah dan para rasul di samping memperkatakan tentang keistimewaan risalah Muhammad yang mempunyai ciri yang berlainan dari ciri-ciri mu'jizat fizikal dan akibat-akibatnya yang membinasakan orang-orang yang mendustakannya. Seterusnya ia juga menyentuh tentang persoalan penetapan dasar tanggung-jawab individu terhadap hidayat dan kesesatan 'aqidah dan dasar tanggungjawab kelompok terhadap perilaku amali di dalam lingkungan masyarakat. Semua tanggungjawab ini dikenakan keatas mereka selepas Allah menerangkan alasan-Nya kepada manusia dengan mengutuskan para rasul-Nya kepada mereka untuk menyampaikan berita gembira, amaran dan peringatan, penjelasan dan perincian:

وَكُلَّ شَيْءٍ فَصَّلْنَاهُ تَفْصِيلًا ﴿١٢﴾

"Dan segala sesuatu telah Kami jelaskan dengan terperinci."(12)

Di dalam penjelasan surah ini berulang-ulang kali disebut pernyataan mentanzih dan mentasbihkan Allah serta memuji dan mensyukuri ni'mat-ni'mat-Nya. Pada permulaan surah disebut:

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَىٰ بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ
الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا

"Maha Suci Allah yang telah membawa hamba-Nya berjalan pada malam hari dari al-Masjidil-Haram ke al-Masjidil-Aqsa."(1)

Dan ketika menyuruh Bani Israel supaya mentauhidkan Allah, ia menyebut sejarah mereka yang berasal dari zuriat keturunan orang-orang yang beriman yang ada bersama Nuh:

إِنَّهُ كَانَ عَبْدًا شَكُورًا ﴿٣﴾

"Sesungguhnya dia seorang hamba yang amat bersyukur."(3)

Dan ketika menyebut dakwaan-dakwaan kaum Musyrikin tentang tuhan-tuhan palsu ia iringi dengan ucapannya:

سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ عَمَّا يَقُولُونَ عُلُوًّا كَبِيرًا ﴿٤٣﴾

تُسَبِّحُ لَهُ السَّمَاوَاتُ السَّبْعُ وَالْأَرْضُ وَمَن فِيهِنَّ وَإِن مِّن
شَيْءٍ إِلَّا يُسَبِّحُ بِحَمْدِهِ وَلَٰكِن لَّا تَفْقَهُونَ تَسْبِيحَهُمْ
إِنَّهُ كَانَ حَلِيمًا غَفُورًا ﴿٤٤﴾

"Maha Suci dan Maha Tinggilah Allah setinggi-tingginya dari kekarutan yang dikatakan mereka(43). Tujuh langit dan bumi serta sekalian penghuninya sentiasa bertasbih kepada Allah dan tiada suatu kejadian pun melainkan seluruhnya bertasbih memuji Allah, tetapi kamu tidak mengerti (bahasa) tasbih mereka."(44)

Dan ketika menceritakan tentang perkataan setengah-setengah Ahlil-Kitab apabila dibicarakan Al-Qur'an kepada mereka:

وَيَقُولُونَ سُبْحَانَ رَبِّنَا إِن كَانَ وَعْدُ رَبِّنَا لَمَفْعُولًا ﴿١٠٨﴾

"Dan mereka berkata: Maha Suci Tuhan kami. Sesungguhnya janji Tuhan kami itu tetap terlaksana."(108)

Dan surah ini ditamatkan dengan ayat:

وَقُلِ الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي لَمْ يَتَّخِذْ وَلَدًا وَلَمْ يَكُن لَّهُ شَرِيكٌ فِي
الْمُلْكِ وَلَمْ يَكُن لَّهُ وَلِيٌّ مِّنَ الذُّلِّ وَكَبِّرْهُ تَكْبِيرًا ﴿١١١﴾

"Dan ucapkanlah: Segala kepujian itu terpulang kepada Allah yang tidak pernah mempunyai anak dan tidak pernah mempunyai sekutu dalam urusan kerajaan alam dan tidak pernah mempunyai pelindung yang melindunginya dari kehinaan, dan hendaklah engkau agungkan-Nya dengan sebesar-besar-Nya."(111)

Dalam berbagai-bagai maudhu' pembicaraan di sekitar paksi yang tunggal, yang telah kami terangkan itu, ayat-ayat surah ini membuat pengolahannya dalam empat pusingan yang berturut-turut.

Pusingan pertama dimulai dengan menyebut peristiwa Isra':

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَىٰ بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ
الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي بَارَكْنَا حَوْلَهُ

"Maha Suci Allah yang telah membawa hamba-Nya berjalan pada malam hari dari al-Masjidil-Haram ke al-Masjidil-Aqsa yang telah Kami berkati sekelilingnya"(1)

serta mendedahkan hikmat Isra':

لِنُرِيَهُ مِنْ آيَاتِنَا

"Agar Kami memperlihatkan kepadanya sebahagian dari bukti-bukti (kekuasaan) Kami."(1)

Sesuai dengan menyebut al-Masjidil-Aqsa, ia menyebut pula tentang kitab Taurat yang dikurniakan kepada Musa, di mana telah diberitakan bahawa Bani Israel akan menerima malapetaka, kebinasaan dan pengusiran sebanyak dua kali kerana kezaliman-kezaliman dan kerosakan-kerosakan yang telah

dilakukan mereka serta menyampaikan amaran bahawa mereka akan terus menerima malapetaka itu bagi kali yang ketiga dan yang keempat:

وَإِنْ عُدتُّمْ عُدْنَا

"Dan sekiranya kamu kembali lagi (melakukan kerosakan) nescaya Kami kembali (mengazabkan kamu)."(8)

Kemudian dijelaskan bahawa kitab suci yang terakhir, iaitu Al-Qur'an memberi hidayat ke jalan yang amat lurus, sementara tabi'at manusia pula selalu gopoh dan terburu-buru tidak dapat mengawal emosi-emosinya. Seterusnya dijelaskan dasar tanggungjawab individu dalam urusan hidayat dan kesesatan, juga dasar tanggungjawab kelompok dalam urusan tingkahlaku-tingkahlaku atau suluk.

Pusingan yang kedua dimulakan dengan dasar tauhid untuk ditegakkan seluruh binaan kemasyarakatan, peradaban-peradaban dan perilaku. Semuanya diikatkan kepada paksi tauhid, di mana binaan kehidupan tidak dapat ditegakkan melainkan di atas landasannya.

Dalam pusingan yang ketiga ia memperkatakan tentang kepercayaan-kepercayaan paganisme jahiliyah yang karut yang menghubungkan anak-anak perempuan dan sekutu-sekutu kepada Allah, juga tentang isu kebangkitan semula dan pendapat kaum Musyrikin yang memustahilkannya, juga tentang sambutan mereka terhadap Al-Qur'an dan tohmah-tohmah mereka terhadap Rasulullah s.a.w., sambil menyuruh orang-orang yang beriman supaya mengeluarkan perkataan yang baik dan bercakap dengan adab cara yang sebaik-baiknya.

Di dalam pusingan yang keempat ia menerangkan sebab mengapa Allah tidak mengutus Nabi Muhammad s.a.w. dengan membawa mu'jizat-mu'jizat fizikal iaitu mu'jizat-mu'jizat yang telah didustakan oleh umat-umat yang dahulu yang menyebabkan mereka wajar dibinasakan mengikut Sunnatullah. Di samping itu ia memperkatakan tentang pendirian kaum Musyrikin yang telah mendustakan pemandangan-pemandangan yang dilihat oleh Rasulullah (pada malam Isra') dan tindak-tanduk mereka yang melampau, dan di dalam penjelasan ini dibawa sekelumit kisah Iblis yang telah membuat perisytiharan bahawa dia akan terus memerangi zuriat keturunan Adam. Pembentangan kisah ini seolah-olah bertujuan menerangkan faktor-faktor kesesatan yang diperlihatkan oleh kaum Musyrikin, kemudian diiringi dengan amaran kepada manusia supaya takut kepada 'azab Allah serta mengingatkan mereka kepada ni'mat Allah yang telah memuliakan makhluk insan, juga mengingatkan mereka kepada akibat-akibat yang menunggu orang-orang yang ta'at dan orang-orang yang derhaka pada hari Qiamat kelak, iaitu hari setiap umat akan dipanggil bersama pemimpin mereka masing-masing:

فَمَنْ أُوتِيَ كِتَٰبَهُۥ بِيَمِينِهِۦ فَأُو۟لَٰٓئِكَ يَقْرَءُونَ
كِتَٰبَهُمْ وَلَا يُظْلَمُونَ فَتِيلًا ﴿٧١﴾

"Oleh itu barang siapa yang diserahkan buku laporan amalannya di tangan kanannya, maka merekalah yang dapat membaca buku laporan amalan mereka (dengan gembira) dan mereka tidak akan dianiayai seurat benang pun."(71)

وَمَن كَانَ فِى هَٰذِهِۦٓ أَعْمَىٰ فَهُوَ فِى ٱلْءَاخِرَةِ أَعْمَىٰ
وَأَضَلُّ سَبِيلًا ﴿٧٢﴾

"Barang siapa di dunia ini buta, maka di Akhirat kelak ia lebih buta lagi dan lebih sesat jalannya."(72)

Pusingan yang akhir ini juga memperkatakan tentang tipu daya kaum Musyrikin terhadap Rasulullah s.a.w. dan percubaan mereka memfitnahkan beliau mengenai ayat-ayat yang diturunkan kepada beliau, juga percubaan mereka untuk mengusir beliau dari negeri Makkah. Andainya mereka bertindak mengusir beliau secara paksa - bukannya beliau sendiri keluar berhijrah dengan perintah Allah - tentulah mereka akan ditimpa kebinasaan yang telah menimpa negeri-negeri yang lain sebelum mereka apabila penduduk-penduduknya mengusir rasul-rasul yang diutuskan kepada mereka atau membunuh mereka. Allah memerintah Rasulullah s.a.w. supaya meneruskan perjuangannya, membaca Al-Qur'an yang diturunkan kepadanya, mengerjakan solatnya dan berdo'a kepada Allah supaya masuk dan keluarnya di dalam segala perjuangannya adalah benar belaka. Pusingan ini juga mengumumkan kedatangan kebenaran dan kehapusan kebatilan kemudian diiringi dengan pernyataan bahawa ayat-ayat Al-Qur'an yang mahu difitnahkan kaum Musyrikin itu adalah sebenarnya penawar dan sumber hidayat kepada orang-orang yang beriman. Manusia hanya mempunyai sekelumit ilmu pengetahuan sahaja:

وَمَآ أُوتِيتُم مِّنَ ٱلْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٨٥﴾

"Dan kamu tidak dikurniakan ilmu pengetahuan melainkan hanya sedikit sahaja."(85)

Ia juga meneruskan pembicaraannya mengenai Al-Qur'an dan unsur-unsur mu'jizatnya yang melemahkan manusia, sedangkan kaum Musyrikin menuntut mu'jizat-mu'jizat fizikal dan menuntut diturunkan malaikat-malaikat serta menyaran agar Rasulullah s.a.w. itu dikurniakan Allah rumah yang berhias indah atau sebuah ladang kurma dan anggur yang dialirkan di celahnya anak-anak sungai yang penuh dengan air, atau agar beliau mengeluarkan untuk mereka matair dari bumi, atau beliau naik sendiri ke langit kemudian membawa bersamanya sebuah kitab yang berbentuk fizikal yang dapat mereka bacakannya dan lain-lain saranan lagi yang direncanakan oleh tabi'at kedegilan semata-mata bukannya bertujuan mencari hidayat dan keyakinan. Semua saranan itu ditolak kerana ia terkeluar dari bidang tugas seorang rasul dan terkeluar dari tabi'at

risalah, kemudian Al-Qur'an, menyerah urusan itu kepada Allah. Seterusnya Al-Qur'an mengecam orang-orang yang mengemukakan saranan-saranan itu dan menyatakan andainya mereka memiliki khazanah-khazanah rahmat Allah yang amat luas dan tak kunjung habis itu, nescaya mereka tahankan semua khazanah itu kerana takut kehabisan dibelanja. Sebenarnya cukuplah kepada mereka menyedari bahawa alam buana dan seluruh isi kandungannya adalah bertasbih kepada Allah belaka dan bahawa mu'jizat-mu'jizat fizikal telah pun ditunjukkan oleh Nabi Musa a.s. sebelum ini, namun mu'jizat itu tidak juga dapat membawa orang-orang yang degil itu kepada keimanan. Mereka telah mencabar beliau dari merata pelosok negeri Mesir lalu Allah menimpa 'azab kebinasaan ke atas mereka.

Surah ini diakhiri dengan pembicaraan mengenai Al-Qur'an dan kebenarannya yang semulajadi. Ia diturunkan secara beransur-ansur supaya Rasulullah s.a.w. dapat membaca kepada kaum di zaman itu dalam masa yang panjang sesuai dengan keadaan-keadaan yang memerlukannya dan supaya mereka dapat menghayati pengaruhnya dan menerimanya dengan penerimaan yang dinamis, penerimaan yang berpijak di alam kenyataan dan penerimaan yang amali. Al-Qur'an telah diterima oleh orang-orang yang telah dikurniakan ilmu sebelum itu dengan penuh khusyu' dan terharu hingga kepada tahap menangis dan sujud. Kemudian surah ini ditamatkan dengan ucapan kepujian:

وَقُلِ ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ ٱلَّذِى لَمْ يَتَّخِذْ وَلَدًا وَلَمْ يَكُن لَّهُۥ شَرِيكٌ فِى
ٱلْمُلْكِ وَلَمْ يَكُن لَّهُۥ وَلِىٌّ مِّنَ ٱلذُّلِّ وَكَبِّرْهُ تَكْبِيرًا ﴿١١١﴾

"Dan ucapkanlah: Segala kepujian itu terpulang kepada Allah yang tidak pernah mempunyai anak dan tidak pernah mempunyai sekutu dalam urusan kerajaan alam dan tidak pernah mempunyai pelindung yang melindunginya dari kehinaan, dan hendaklah engkau agungkan-Nya dengan sebesar-besar-Nya"(111)

sebagaimana surah ini dimulakan dengan ucapan tasbih dan tanzih.

* * * * * *

Peristiwa Isra' Mi'raj

Kisah Isra' termasuk juga kisah Mi'raj kerana kedua-dua peristiwa itu telah berlaku pada malam yang sama. Perjalanan Isra' ialah dari al-Masjidil-Haram ke al-Masjidil-Aqsa di Baitul-Maqdis, dan perjalanan Mi'raj ialah dari Baitul-Maqdis kepada langit-langit yang tinggi dan Sidratul Muntaha, iaitu alam ghaib yang tidak diketahui oleh kita. Kisah Isra' dan Mi'raj telah diceritakan oleh berbagai-bagai riwayat. Banyak perdebatan telah berlaku di sekitar riwayat-riwayat ini dan sehingga hari ini perdebatan itu masih lagi berlarutan.

Perselisihan pendapat telah berlaku dalam menentukan tempat yang menjadi titik tolak perjalanan Isra' itu. Satu pendapat mengatakan tempat itu ialah al-Masjidil-Haram itu sendiri dan inilah pendapat yang jelas, kerana menurut satu riwayat dari Nabi s.a.w. telah menceritakan begini: "Ketika aku berada di al-Masjidil-Haram di Hijr (Ismail) berhampiran Baitullah di antara tidur dan jaga tiba-tiba Jibril a.s. datang kepada aku membawa Buraq. " Dan satu pendapat yang lain mengatakan bahawa beliau telah diisra'kan dari rumah Ummu Hani' binti Abu Talib, dan yang dimaksudkan dengan al-Masjidil-Haram (di dalam Al-Qur'an) ialah kawasan tanah haram kerana ia merangkumi masjid dan berkait rapat dengannya. Menurut ibn 'Abbas: "Kawasan tanah haram semuanya masjid".

Telah diriwayatkan bahawa beliau sedang tidur di rumah Ummu Hani' selepas sembahyang Isyak lalu beliau diIsra'kan dan balik pada malam itu juga, dan beliau telah menceritakan kisah Isra' itu kepada Ummu Hani' dan bersabda: "Para Anbia' telah bertemu dengan aku dan aku bersembahyang mengimamkan mereka." Kemudian beliau bangun hendak keluar ke masjid, lalu Ummu Hani' memegang bajunya dan beliau terus bertanya: "Mengapa?" Jawab Ummu Hani': "Aku takut kaummu akan mendustakanmu jika engkau ceritakan hal ini kepada mereka." Jawab beliau: "(Aku tetap keluar) walaupun mereka dustakan aku." Kemudian beliau terus keluar ke masjid dan di sana beliau ditemui Abu Jahl, lalu beliau menceritakan kepadanya kisah perjalanan Isra'nya. Abu Jahl pun (mendapatkan orang ramai) dan berseru: "Wahai sekalian Bani K'ab ibn Lu'ay! Marilah ke sini." Lalu dia menceritakan kepada mereka (apa yang telah diceritakan oleh Nabi s.a.w. kepadanya). Di antara mereka ada bertepuk-tepuk tangan dan ada pula yang meletakkan tangan di atas kepalanya kerana hairan dan tidak percaya, banyak di antara orang-orang yang telah beriman kepada beliau kembali murtad, dan beberapa orang telah pergi menemui Abu Bakr r.a. (dan menceritakan hal ini kepadanya), lalu dia pun bertanya: "Betulkah beliau berkata begitu?" Jawab mereka "Ya". Lalu dia pun berkata: " Aku akui. Jika beliau berkata begitu beliau adalah bercakap benar". Mereka terus mendesak: "Apakah engkau percaya ceritanya bahawa dia telah pergi ke negeri Syam dalam satu malam sahaja kemudian pulang ke Makkah sebelum menjelang waktu pagi?" Jawab Abu Bakr: "Ya. Aku percayakan beliau lebih dari itu lagi iaitu aku telah percaya bahawa beliau membawa wahyu dari langit (Allah)." Oleh sebab inilah Abu Bakr digelarkan as-Siddiq (orang yang sangat percaya). Oleh kerana di antara mereka ada orang-orang yang telah pergi ke Baitul-Maqdis, mereka telah meminta kepada beliau supaya menceritakan kepada mereka rupa bentuk masjid, lalu dijelmakan masjid itu kepada beliau, dan beliau pun melihat kepadanya dan terus menceritakan rupa bentuknya kepada mereka. Lalu mereka berkata: "Tentang rupa bentuk masjid itu memang dia dapat menceritakannya dengan betul". Oleh itu mereka pun berkata: "Baiklah! Ceritakan kepada kami tentang angkatan-angkatan kafilah unta kami". Lalu beliau menceritakan kepada mereka bilangan unta dalam

kafilah-kafilah itu dan keadaan-keadaannya masing-masing kemudian bersabda: "Pada hari anu akan tiba satu kafilah ketika matahari terbit dan akan didahului oleh unta berwarna kelabu." Lalu mereka pun segera keluar pada hari itu menuju ath-Thaniyah untuk menunggu ketibaan kafilah itu. Seorang dari mereka telah berkata: "Demi Allah matahari telah terbit." Kemudian seorang yang lain pula berkata: "Demi Allah, itu dia kafilah! Ia telah sampai didahului oleh unta yang berwarna kelabu tepat seperti yang telah dikatakan oleh Muhammad." Tetapi mereka tidak juga beriman. Pada malam yang sama beliau telah diMi'rajkan ke langit dari Baitul-Maqdis.

Perselisihan pendapat juga telah berlaku sama ada Isra' itu berlaku dalam waktu jaga atau dalam masa tidur. Daripada 'Aisyah r.a. katanya: "Demi Allah, jasad Rasulullah s.a.w. tidak hilang, tetapi beliau telah diMi'rajkan dengan rohnya." Menurut al-Hassan, Isra' itu berlaku dalam masa tidur dalam bentuk mimpi-mimpi yang dilihat olehnya. Di dalam riwayat-riwayat yang lain, Isra' itu dilakukan dengan roh dan jasadnya sekali dan tempat tidur Rasulullah s.a.w. belum pun sejuk (masih hangat) ketika beliau pulang.

Pendapat yang rajih daripada riwayat-riwayat yang banyak itu ialah Rasulullah s.a.w. telah meninggalkan tempat tidurnya di rumah Ummu Hani' menuju ke al-Masjidil-Haram, dan apabila beliau berada di Hijr (Ismail) berhampiran Baitullah di antara tidur dan jaga beliau di Isra' dan Mi'rajkan kemudian pulang semula ke tempat tidurnya sebelum ia sejuk.

Tetapi pada hemat kami adalah tidak wajar diberi tempat kepada perdebatan-perdebatan yang berlarutan yang telah timbul di zaman dahulu dan terus timbul di zaman kebelakangan mengenai hakikat peristiwa Isra' Mi'raj yang telah dipastikan berlaku dalam masa hidup Rasulullah s.a.w. itu, kerana jarak di antara Isra' Mi'raj dengan roh atau dengan jasad, atau jarak di antara melihat dalam masa tidur atau melihat dalam masa jaga adalah jarak yang tidak jauh. Ia tidak sedikit pun menjejaskan hakikat peristiwa ini sebagai satu peristiwa yang telah mendedah dan membuka kepada Rasulullah s.a.w. tempat-tempat yang jauh-jauh dan alam-alam yang amat jauh dalam masa yang sekilas pendek sahaja. Orang-orang yang memahami sesuatu dari hakikat qudrat Ilahi dan hakikat nubuwwah tidak sedikit pun memandang ganjil kepada peristiwa itu. Segala kerja yang kelihatan berbeza-beza dari segi mudah dan payah pada pandangan manusia mengikut ukuran qudrat dan pemikiran mereka atau mengikut apa yang dibiasa dan difikirkan mereka adalah sama sahaja di hadapan qudrat Ilahi. Sesuatu kebiasaan yang dilihat di alam manusia itu tidak boleh dijadikan hukum dalam penilaian segala perkara dibandingkan kepada qudrat Allah. Hakikat nubuwwah pula ialah perhubungan dengan al-Mala'ul-A'la, iaitu perhubungan yang bukan menjadi ukuran atau kebiasaan kepada insan-insan yang lain (daripada para rasul). Kebolehan menjelma di tempat yang jauh atau di alam yang jauh atau kebolehan sampai di tempat yang jauh dengan wasilah yang diketahui umum atau dengan wasilah yang tidak diketahui umum bukanlah merupakan sesuatu perkara yang lebih pelik daripada perhubungan dengan alam al-Mala'ul-A'la dan menerima wahyu darinya. Abu Bakr r.a. telah berkata benar apabila dia memulangkan perkara yang dirasakan pelik dan ganjil oleh kaum Musyrikin kepada hakikatnya yang mudah dan biasa dengan katanya: "Aku percayakan beliau lebih dari itu lagi, iaitu aku telah percaya bahawa beliau membawa wahyu dari langit (Allah)!"

Di antara perkara yang menarik perhatian sehubungan dengan peristiwa ini, yang mana kebenarannya ternyata kepada kaum Musyrikin dengan bukti fizikal yang dipinta mereka, iaitu bukti kafilah (dalam perjalanan balik ke Makkah) dan sifat-sifatnya, ialah Rasulullah s.a.w. tidak mendengar nasihat Ummu Hani' yang menyatakan kebimbangannya bahawa beliau akan didustakan oleh kaum Musyrikin kerana peristiwa itu sangat ganjil. Kepercayaan Rasulullah s.a.w. kepada kebenaran yang dibawa olehnya dan kebenaran yang berlaku kepadanya membuat beliau sanggup menceritakan nya kepada mereka dengan terus-terang tanpa mempedulikan apa sahaja pendapat mereka terhadap dirinya. Setengah mereka telah bertindak keluar dari Islam dan setengah pula menggunakan peristiwa itu sebagai bahan ejekan dan menanamkan keraguan, tetapi semuanya itu tidak dapat mematahkan keazaman Rasulullah s.a.w. untuk mengumumkan secara lantang kebenaran yang dipercayainya. Ini adalah menjadi contoh teladan kepada para penda'wah agar sanggup menerangkan da'wah yang benar itu dengan berterus-terang tanpa menaruh kebimbangan terhadap kesannya di dalam hati manusia, tanpa mengampu-ampu untuk mengambil hati mereka dan tanpa berusaha mencari titik-titik kerelaan dan kesukaan mereka apabila bertentangan dengan kalimat kebenaran yang hendak dikemukakan kepada mereka.

Satu perkara lagi yang menarik perhatian ialah Rasulullah s.a.w. tidak mengguna peristiwa ini sebagai mu'jizat untuk membenarkan kerasulannya sedangkan kaum Musyrikin, mendesak beliau supaya menunjukkan mu'jizat-mu'jizat - dan kini sekurang-kurangnya telah terbukti kepada mereka kebenaran peristiwa Isra' itu. Ini disebabkan kerana da'wah Islam tidak bergantung kepada mu'jizat-mu'jizat, malah bergantung kepada tabi'at da'wah dan kepada cara da'wah itu sendiri yang diambil dari fitrah manusia yang lurus, yang sesuai dengan daya-daya pemikiran mereka setelah ia dibetulkannya. Pengumuman peristiwa ini yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. dengan terus-terang itu bukanlah terbit kerana beliau berpegang kepadanya untuk membuktikan sesuatu dari kerasulannya, malah ia merupakan pengumuman hakikat yang diyakini benar oleh beliau, iaitu pengumuman semata-mata kerana ianya benar.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 1)

Sekarang marilah kita mempelajari pelajaran yang pertama dengan terperinci:

سُبْحَٰنَ ٱلَّذِىٓ أَسْرَىٰ بِعَبْدِهِۦ لَيْلًا مِّنَ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ إِلَى ٱلْمَسْجِدِ ٱلْأَقْصَا ٱلَّذِى بَٰرَكْنَا حَوْلَهُۥ لِنُرِيَهُۥ مِنْ ءَايَٰتِنَآ ۚ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْبَصِيرُ ﴿١﴾

"Maha Suci Allah yang telah membawa hamba-Nya berjalan pada malam hari dari al-Masjidil-Haram ke al-Masjidil-Aqsa yang telah Kami berkati sekelilingnya agar Kami memperlihatkan kepadanya sebahagian dari bukti-bukti (kekuasaan) Kami. Sesungguhnya Dia Maha Mendengar dan Maha Melihat."(1)

Surah ini memulakan dengan ucapan tasbih yang merupakan satu harakat jiwa yang paling sesuai dengan suasana Isra' yang amat halus, juga merupakan satu hubungan yang paling sesuai di antara hamba dengan Allah di ufuk yang gemilang itu.

Ayat ini menyebut sifat 'Ubudiyah:

أَسْرَىٰ بِعَبْدِهِۦ

"Membawa hambanya berjalan"(1)

Maqam Uluhiyah Dan Maqam 'Ubudiyah

untuk memantap dan menekankan sifat 'Ubudiyah itu di maqam Isra' dan Mi'raj kepada darjat-darjat yang amat tinggi yang tidak pernah dicapai oleh mana-mana manusia. Tujuannya supaya sifat 'Ubudiyah itu tidak dilupai dan supaya maqam 'Ubudiyah itu tidak terkeliru dengan maqam Uluhiyah sebagaimana kekeliruan di antara dua maqam itu telah berlaku dalam 'aqidah-'aqidah Kristian selepas Isa a.s. dengan sebab-sebab yang menyelubungi suasana kelahiran dan kewafatan beliau, juga dengan sebab-sebab beberapa mu'jizat yang dikurniakan kepada beliau, lalu digunakan oleh setengah-setengah penganut Kristian sebagai sebab untuk mencampuradukkan di antara maqam 'Ubudiyah dengan maqam Uluhiyah. Dengan demikian 'aqidah Islam dapat mengekalkan sifatnya yang bersahaja, mudah, jelas dan dapat membersihkan zat Allah dari segala kekeliruan syirik atau penyerupaan dengan makhluk sama ada dari dekat atau dari jauh.

Kata-kata "Isra'" bererti perjalanan di waktu malam. Kata-kata "أسرى" itu sendiri membawa makna masa perjalanan di waktu malam tanpa perlu disebutkan lagi waktu malam, tetapi ayat ini menyebut waktu malam itu:

سُبْحَٰنَ ٱلَّذِىٓ أَسْرَىٰ بِعَبْدِهِۦ لَيْلًا

"Maha Sucilah Allah yang telah membawa hamba-Nya berjalan pada hari malam"(1)

untuk memberi bayangan dan gambaran mengikut cara penjelasan Al-Qur'anul-Karim. Di sini ia menyorotkan bayangan waktu malam yang tenang dan menyelubungi jiwa dengan suasananya yang lembut ketika meni'mati dan mengikuti harakat perjalanan Isra' yang amat seni itu.

Perjalanan dari al-Masjidil-Haram ke al-Masjidil-Aqsa itu adalah satu perjalanan yang telah dipilih Allah Yang Maha Halus dan Maha Mendalam ilmu-Nya. Perjalanan itu merupakan tali penghubung yang menghubungkan di antara 'aqidah-'aqidah tauhid yang besar dari sejak Ibrahim dan Ismail a.s. sehingga kepada Muhammad penamat para Anbia' s.a.w., juga menghubungkan di antara tempat-tempat suci bagi seluruh agama tauhid. Perjalanan yang amat menarik ini seolah bertujuan untuk mengisytiharkan bahawa Rasul yang terakhir inilah yang mewarisi kepercayaan-kepercayaan suci para rasul sebelumnya dan bahawa agama yang dibawa oleh beliau adalah mencakupi segala kepercayaan-kepercayaan suci itu dan berhubung rapat dengannya. Ia adalah satu perjalanan yang melambangkan sejauh-jauh lebih dari batas-batas zaman dan tempat. Ia merangkumi waktu-waktu dan ufuk-ufuk yang lebih luas dari seluruh zaman dan tempat. Ia mengandungi konsep-konsep yang lebih besar dari konsep-konsep dekat yang dapat dilihat pada pandangan pertama.

Al-Qur'an menyebut al-Masjidil-Aqsa dengan sifat:

ٱلَّذِى بَٰرَكْنَا حَوْلَهُۥ

"Yang telah Kami berkati sekelilingnya"(1)

Iaitu satu sifat yang menggambarkan keberkatan yang mengelilingi dan melimpah ke atas masjid itu. Ini adalah satu bayangan pengertian yang tidak dapat disampaikan oleh ungkapan secara langsung yang lain seperti yang disampaikan oleh kata-kata "**بركناه**" atau "**بركنا فيه**" (Kami berkatinya) atau (Kami berkati padanya). Itulah di antara ciri-ciri kehalusan pengungkapan Al-Qur'an yang mengkagumkan itu.

Isra' merupakan satu bukti (kekuasaan) Allah yang ditemani oleh berbagai-bagai bukti (kekuasaan) Allah yang lain:

Rahsia-rahsia Di Sebalik Isra' Dan Mi'raj

لِنُرِيَهُۥ مِنْ ءَايَٰتِنَآ ۚ

"Agar Kami memperlihatkan kepadanya sebahagian dari bukti-bukti (kekuasaan) Kami."(1)

Perjalanan yang mena'jubkan di antara al-Masjidil-Haram dan al-Masjidil-Aqsa dalam masa yang amat singkat, di mana kehangatan tempat tidur Rasulullah s.a.w. belum lagi sejuk, biarpun perjalanan itu dengan apa rupa dan cara, namun ia merupakan satu bukti dari bukti-bukti (kekuasaan Allah) yang membuka hati manusia hingga dapat melihat daerah-daerah yang jauh di alam buana ini, juga mendedahkan daya-daya tenaga yang tersembunyi di dalam diri makhluk insan dan bakat-bakat kebolehan laduni yang terdapat pada

tokoh-tokoh insan yang terpilih untuk menerima limpah qudrat Ilahi selaku makhluk yang telah dimuliakan Allah dan diutamakan Allah ke atas kebanyakan makhluk-makhluk-Nya yang lain, juga selaku makhluk yang disimpankan Allah padanya rahsia-rahsia yang amat halus ini.

إِنَّهُۥ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْبَصِيرُ ﴿١﴾

"Sesungguhnya Dia Maha Mendengar dan Maha Melihat."(1)

Yakni Allah Maha Mendengar dan Maha Melihat segala sesuatu yang amat seni dan halus dan segala rahsia yang tersembunyi kepada pendengaran dan penglihatan manusia.

Susunan penerangan pada ayat pembukaan ini berpindah dari bentuk ucapan tasbih kepada Allah iaitu:

سُبْحَٰنَ ٱلَّذِىٓ أَسْرَىٰ بِعَبْدِهِۦ لَيْلًا

"Maha Sucilah Allah yang telah membawa hamba-Nya berjalan pada hari malam"(1)

kepada bentuk penjelasan dari Allah iaitu:

لِنُرِيَهُۥ مِنْ ءَايَٰتِنَآ

"Agar Kami memperlihatkan kepadanya sebahagian dari bukti-bukti (kekuasaan) Kami"(1)

dan kepada bentuk pernyataan sifat-sifat Allah iaitu:

إِنَّهُۥ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْبَصِيرُ ﴿١﴾

"Sesungguhnya Dia Maha Mendengar dan Maha Melihat."(1)

Semuanya itu mengikut kehalusan-kehalusan makna-makna pengungkapan yang disusun dengan neraca pertimbangan yang halus dan peka. Ucapan tasbih yang menjulang tinggi ditujukan kepada zat Allah Yang Maha Suci, penjelasan tujuan Isra' adalah datang dari Allah Ta'ala sendiri dan pernyataan sifat mendengar dan melihat adalah datang dalam bentuk penceritaan yang thabit bagi zat Allah. Bentuk-bentuk penerangan yang beraneka-ragam ini adalah terkumpul dalam satu ayat untuk menyampaikan makna dan pengertiannya dengan kehalusan yang sempurna.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 2 - 8)

Peristiwa Isra' salah satu bukti dari bukti-bukti kekuasaan Allah. Ia merupakan satu perjalanan yang amat menakjubkan dibandingkan dengan peristiwa-peristiwa yang biasa pada manusia. Al-Masjidil-Aqsa merupakan tempat perhentian perjalanan itu dan ia juga merupakan jantung tanah suci, di mana Allah telah menjadikannya tempat kediaman Bani Israel kemudian mengusirkan mereka keluar darinya. Oleh itu sirah Musa a.s. dan Bani Israel disebutkan di sini sesuai dengan tempatnya di dalam ayat-ayat berikut:

وَءَاتَيْنَا مُوسَى ٱلْكِتَٰبَ وَجَعَلْنَٰهُ هُدًى لِّبَنِىٓ
إِسْرَٰٓءِيلَ أَلَّا تَتَّخِذُوا۟ مِن دُونِى وَكِيلًا ﴿٢﴾
ذُرِّيَّةَ مَنْ حَمَلْنَا مَعَ نُوحٍ ۚ إِنَّهُۥ كَانَ عَبْدًا
شَكُورًا ﴿٣﴾
وَقَضَيْنَآ إِلَىٰ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ فِى ٱلْكِتَٰبِ لَتُفْسِدُنَّ فِى
ٱلْأَرْضِ مَرَّتَيْنِ وَلَتَعْلُنَّ عُلُوًّا كَبِيرًا ﴿٤﴾
فَإِذَا جَآءَ وَعْدُ أُولَىٰهُمَا بَعَثْنَا عَلَيْكُمْ عِبَادًا لَّنَآ
أُو۟لِى بَأْسٍ شَدِيدٍ فَجَاسُوا۟ خِلَٰلَ ٱلدِّيَارِ ۚ وَكَانَ
وَعْدًا مَّفْعُولًا ﴿٥﴾
ثُمَّ رَدَدْنَا لَكُمُ ٱلْكَرَّةَ عَلَيْهِمْ وَأَمْدَدْنَٰكُم بِأَمْوَٰلٍ
وَبَنِينَ وَجَعَلْنَٰكُمْ أَكْثَرَ نَفِيرًا ﴿٦﴾
إِنْ أَحْسَنتُمْ أَحْسَنتُمْ لِأَنفُسِكُمْ ۖ وَإِنْ أَسَأْتُمْ فَلَهَا ۚ
فَإِذَا جَآءَ وَعْدُ ٱلْءَاخِرَةِ لِيَسُۥٓـُٔوا۟ وُجُوهَكُمْ وَلِيَدْخُلُوا۟
ٱلْمَسْجِدَ كَمَا دَخَلُوهُ أَوَّلَ مَرَّةٍ وَلِيُتَبِّرُوا۟ مَا
عَلَوْا۟ تَتْبِيرًا ﴿٧﴾
عَسَىٰ رَبُّكُمْ أَن يَرْحَمَكُمْ ۚ وَإِنْ عُدتُّمْ عُدْنَا ۘ وَجَعَلْنَا جَهَنَّمَ
لِلْكَٰفِرِينَ حَصِيرًا ﴿٨﴾

"Dan Kami telah mengurniakan kepada Musa kitab (Taurat) dan Kami jadikannya hidayat kepada Bani Israel (serta memerintah mereka): Janganlah kamu mengambil mana-mana penguasa selain dari-Ku(2). (Wahai) zuriat orang-orang yang telah Kami bawakan mereka bersama Nuh (dalam bahteranya), sesungguhnya dia seorang hamba yang amat bersyukur(3). Dan Kami telah menyatakan kepada Bani Israel dalam kitab (Taurat) (bahawa sesungguhnya kamu) akan melakukan kerosakan di bumi (Baitul-Maqdis) dua kali dan melakukan kezaliman yang amat besar(4). Oleh itu apabila tiba masa kezaliman yang pertama dari keduanya Kami datangkan hamba-hamba Kami yang gagah perkasa dan bengis menyerang kamu lalu mereka menggelidah rumah-rumah kamu. Dan sesungguhnya peristiwa itu merupakan suatu janji yang tetap terlaksana(5). Kemudian Kami memberi giliran kepada kamu menyerang dan mengalahkan mereka, dan Kami telah membantu kamu dengan harta

kekayaan yang banyak dan anak-anak yang ramai dan Kami jadikan kamu lebih ramai bilangannya (dari musuh kamu)(6). Jika kamu berbuat baik bererti kamu berbuat baik kepada diri kamu sendiri, dan jika kamu berbuat jahat, maka akibatnya menimpa diri kamu sendiri juga. Oleh itu apabila tiba masa kezaliman yang kedua (Kami datangkan kaum yang lain menyerang kamu) supaya mereka memuramkan muka kamu dan memasuki Masjid Baitul-Maqdis sebagaimana mereka telah memasukinya pada kali yang pertama dan supaya mereka menghancurleburkan apa sahaja yang dikuasai mereka(7). Semoga Tuhan kamu melimpahkan rahmat-Nya ke atas kamu, dan sekiranya kamu kembali lagi (melakukan kerosakan) nescaya Kami kembali (mengazabkan kamu) dan Kami telah menjadikan Neraka Jahannam itu penjara kepada orang-orang yang kafir."(8)

Kisah Jatuh Bangun Bani Israel

Babak ini, iaitu satu babak dari sejarah Bani Israel adalah tidak disebut di dalam Al-Qur'an melainkan di dalam surah ini sahaja. Ia memuatkan cerita kesudahan Bani Israel dan pancaroba jatuh bangun yang berlaku kepada mereka. Ia juga mendedahkan hubungan secara langsung di antara kebinasaan umat-umat dengan kerosakan akhlak yang menular di kalangan mereka mengikut Sunnatullah yang akan disebut sebentar lagi di dalam surah ini, iaitu apabila Allah telah menetapkan kebinasaan kepada sesuatu negeri, maka ia jadikan kerosakan-kerosakan akhlak yang dilakukan oleh golongan mewah penduduk negeri itu sebagai sebab dan punca kebinasaan dan kehancuran mereka.

Babak ini memulakan pembicaraannya dengan menyebut kitab Musa, iaitu kitab Taurat dan sebahagian dari isi kandungannya yang memberi amaran kepada Bani Israel dan mengingatkan mereka kepada moyang mereka yang tertua iaitu Nuh a.s. seorang hamba kesayangan Allah yang banyak bersyukur, juga mengingatkan mereka kepada nenek moyang mereka di zaman purbakala yang diangkut bersama Nuh di dalam bahteranya, dan beliau tidak mengangkut melainkan hanya orang-orang yang beriman sahaja"

وَءَاتَيْنَا مُوسَى ٱلْكِتَٰبَ وَجَعَلْنَٰهُ هُدًى لِّبَنِىٓ
إِسْرَٰٓءِيلَ أَلَّا تَتَّخِذُوا۟ مِن دُونِى وَكِيلًا ﴿٢﴾
ذُرِّيَّةَ مَنْ حَمَلْنَا مَعَ نُوحٍ ۚ إِنَّهُۥ كَانَ عَبْدًا
شَكُورًا ﴿٣﴾

"Dan Kami telah mengurniakan kepada Musa kitab (Taurat) dan Kami jadikannya hidayat kepada Bani Israel (serta memerintah mereka): Janganlah kamu mengambil mana-mana penguasa selain dari-Ku(2). (Wahai) zuriat orang-orang yang telah Kami bawakan mereka bersama Nuh (dalam bahteranya), sesungguhnya dia seorang hamba yang amat bersyukur."(3)

Amaran dan peringatan ini tepat dengan janji Allah yang akan diterangkan oleh rangkaian penjelasan surah ini sebentar lagi, iaitu Allah tidak mengazabkan sesuatu kaum sehingga lebih dahulu Dia mengutuskan rasul yang memberi amaran dan peringatan kepada mereka.

Al-Qur'an menjelaskan tujuan pertama dari pengurniaan kitab Taurat kepada Musa iaitu:

هُدًى لِّبَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ أَلَّا تَتَّخِذُوا۟ مِن دُونِى وَكِيلًا ﴿٢﴾

"Hidayat kepada Bani Israel (serta memerintah mereka): Jangan kamu mengambil mana-mana penguasa selain dari-Ku."(2)

Mereka jangan bergantung selain kepada Allah sahaja dan jangan bertawajjuh melainkan hanya kepada Allah sahaja. Itulah hidayat Allah dan itulah keimanan. Oleh itu sesiapa yang mengambil mana-mana penguasa selain dari Allah bererti ia tidak beriman dan tidak mengikut hidayat Allah.

Al-Qur'an berbicara dengan mereka atas nama nenek moyang mereka yang diangkutkan bersama Nabi Nuh a.s. (dalam sebuah bahtera). Mereka merupakan manusia pilihan di zaman Rasul pertama di muka bumi ini. Allah berbicara dengan mereka atas nama keturunan ini dengan tujuan supaya mereka mengenangkan ni'mat Allah yang telah menyelamatkan nenek moyang mereka yang dahulu kala bersama Nabi Nuh a.s. seorang hamba kesayangan Allah yang banyak bersyukur kepada Allah, juga dengan tujuan untuk memulangkan mereka kepada keturunan orang-orang yang beriman di zaman berzaman.

Al-Qur'an menyifatkan Nuh dengan sifat 'Ubudiyah kerana tujuan ini atau tujuan yang lain, iaitu untuk menyelaraskan sifat para rasul yang terpilih dan menonjolkannya. Sebelum ini Nabi Muhammad s.a.w. juga telah disifatkan dengan sifat yang sama mengikut peraturan keseimbangan Al-Qur'an di dalam suasana surah dan susunan ayat-ayatnya.

Di dalam kitab suci Taurat yang dikurniakan kepada Musa untuk menjadi sumber petunjuk kepada Bani Israel itu Allah telah menerangkan kepada mereka tentang keputusannya untuk menghancurkan mereka dengan sebab kerosakan-kerosakan yang telah dilakukan mereka di bumi. Penghancuran itu berulang sebanyak dua kali kerana sebab-sebab dari perbuatan mereka yang membawa penghancuran itu telah berulang sebanyak dua kali, dan seterusnya Allah memberi amaran kepada mereka bahawa Dia akan terus menghancurkan mereka lagi setiap kali mereka berulang melakukan kerosakan-kerosakan di bumi, tepat dengan peraturan Sunnatullah yang tidak pernah mungkir itu:

وَقَضَيْنَآ إِلَىٰ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ فِى ٱلْكِتَٰبِ لَتُفْسِدُنَّ فِى
ٱلْأَرْضِ مَرَّتَيْنِ وَلَتَعْلُنَّ عُلُوًّا كَبِيرًا ﴿٤﴾

"Dan Kami telah menyatakan kepada Bani Israel dalam kitab (Taurat) (bahawa sesungguhnya kamu) akan melakukan kerosakan di bumi (Baitul-Maqdis) dua kali dan melakukan kezaliman yang amat besar."(4)

(Maksud "قضينا" bukannya "membuat keputusan", malah maksudnya) ialah menyata atau menyampaikan pemberitaan dari Allah kepada mereka mengenai tindakan-tindakan masa depan mereka mengikut ilmu Allah yang mengetahui masa depan mereka, bukannya merupakan sesuatu ketetapan atau keputusan Allah yang dipaksakan ke atas mereka, yang mana dari keputusan inilah berlakunya tindakan mereka, kerana Allah S.W.T. tidak sekali-kali menetap atau memutuskan ke atas sesiapa supaya melakukan kerosakan. Firman-Nya:

قُلۡ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَأۡمُرُ بِٱلۡفَحۡشَآءِۖ

"Sesungguhnya Allah tidak sekali-kali menyuruh (manusia) melakukan pencabulan."(28)

(Surah al-A'raf)

Allah hanya bermaksud memberitahu tentang ilmu-Nya yang mengetahui segala yang wujud, kerana segala sesuatu yang akan berlaku itu merupakan sesuatu yang telah wujud mengikut ilmu Allah walaupun mengikut ilmu manusia ia belum lagi wujud dan belum lagi dibukakan tirainya.

Allah telah menyatakan kepada Bani Israel dalam kitab Taurat yang dikurniakan kepada Nabi Musa a.s. bahawa mereka akan melakukan kerosakan di bumi (Baitul-Maqdis) sebanyak dua kali dan mereka akan menguasainya dengan sewenang-wenang. Setiap kali mereka meningkat maju dan tinggi, mereka menggunakan ketinggian mereka sebagai alat untuk melakukan kerosakan, lalu Allah melepaskan ke atas mereka hamba-hamba-Nya yang menewaskan mereka, mencabul kehormatan-kehormatan mereka dan menghancur-leburkan mereka:

فَإِذَا جَآءَ وَعۡدُ أُولَىٰهُمَا بَعَثۡنَا عَلَيۡكُمۡ عِبَادٗا لَّنَآ
أُوْلِي بَأۡسٖ شَدِيدٖ فَجَاسُواْ خِلَٰلَ ٱلدِّيَارِۚ وَكَانَ
وَعۡدٗا مَّفۡعُولٗا ٥

"Oleh itu apabila tiba masa kezaliman yang pertama dari keduanya Kami datangkan hamba-hamba Kami yang gagah perkasa dan bengis menyerang kamu lalu mereka menggeledah rumah-rumah kamu. Dan sesungguhnya peristiwa itu merupakan suatu janji yang tetap terlaksana."(5)

Ini ialah peristiwa kezaliman mereka yang pertama, di mana mereka melakukan kezaliman di tanah suci dengan kekuatan dan kekuasaan yang dimiliki mereka, lalu Allah bangkitkan hamba-hamba-Nya yang sangat kuat dan gagah menyerang mereka, menceroboh kampung-kampung kediaman mereka dan bertindak sewenang-wenang pagi dan petang. Mereka memijak apa sahaja dan siapa sahaja yang ada di sana tanpa takut dan gentar.

وَكَانَ وَعۡدٗا مَّفۡعُولٗا ٥

"Persitiwa itu merupakan suatu janji yang tetap terlaksana."(5)

Yakni suatu janji yang tepat, tidak mungkir dan tidak bohong.

Sehingga apabila Bani Israel telah mengecapi pahit getir malapetaka kekalahan dan kehinaan dan bertaubat kepada Allah, membetulkan semula keadaan diri mereka dan mengambil pengajaran dari malapetaka yang menimpa mereka dan sehingga apabila kaum penakluk itu pula bertindak angkuh dan terpesona dengan kekuatan mereka lalu mereka melakukan kezaliman dan kerosakan di negeri itu, maka Allah memberi giliran kepada Bani Israel yang kalah itu menewaskan kaum penakluk itu dan meneguhkan kedudukan mereka yang lemah supaya mengalahkan kaum penakluk yang angkuh itu:

ثُمَّ رَدَدۡنَا لَكُمُ ٱلۡكَرَّةَ عَلَيۡهِمۡ وَأَمۡدَدۡنَٰكُم بِأَمۡوَٰلٖ
وَبَنِينَ وَجَعَلۡنَٰكُمۡ أَكۡثَرَ نَفِيرًا ٦

"Kemudian Kami memberi giliran kepada kamu menyerang dan mengalahkan mereka, dan Kami telah membantu kamu dengan harta kekayaan yang banyak dan anak-anak yang ramai dan Kami jadikan kamu lebih ramai bilangannya (dari musuh kamu)."(6)

Kemudian kisah itu berulang sekali lagi.

Dan sebelum ayat-ayat selanjutnya menghabiskan ramalan yang benar dan janji yang tetap terlaksana itu, Al-Qur'an menjelaskan dasar tindakan dan balasan:

إِنۡ أَحۡسَنتُمۡ أَحۡسَنتُمۡ لِأَنفُسِكُمۡۖ وَإِنۡ أَسَأۡتُمۡ فَلَهَاۚ

"Jika kamu berbuat baik bererti kamu berbuat baik kepada diri kamu sendiri dan jika kamu berbuat jahat, maka akibatnya menimpa diri kamu sendiri juga."(7)

Dasar ini tidak berubah sama ada di dunia atau di Akhirat. Dasar ini menjadikan segala tindakan dan amalan seorang itu terpulang kepadanya dengan segala hasil dan buruk baiknya. Ia menjadikan balasan itu sebagai hasil tabi'i dari tindakan dan amalannya. Tindakan dan amalan inilah yang melahirkan hasil dan natijah dan membuat seseorang terikat dengannya dan bertanggungjawab terhadap dirinya sendiri. Ia boleh memberi kebaikan dan keburukan kepada dirinya jika ia mahu. Oleh sebab itu dia tidak boleh menyalahkan sesiapa melainkan dirinya sendiri apabila dia menerima balasan.

Setelah selesai menjelaskan dasar tindakan dan balasan itu, Al-Qur'an melengkapkan ramalannya yang benar itu:

فَإِذَا جَآءَ وَعۡدُ ٱلۡأٓخِرَةِ لِيَسُـُٔواْ وُجُوهَكُمۡ وَلِيَدۡخُلُواْ
ٱلۡمَسۡجِدَ كَمَا دَخَلُوهُ أَوَّلَ مَرَّةٖ وَلِيُتَبِّرُواْ مَا
عَلَوۡاْ تَتۡبِيرًا ٧

"Oleh itu apabila tiba masa kezaliman yang kedua (Kami datangkan kaum yang lain menyerang kamu) supaya mereka memuramkan muka kamu dan memasuki Masjid Baitul-Maqdis sebagaimana mereka telah memasukinya pada kali yang pertama dan supaya mereka menghancurleburkan apa sahaja yang dikuasai mereka."(7)

Ayat ini tidak menyebut kerosakan yang telah dilakukan oleh Bani Israel selepas kejadian yang pertama kerana memadai dengan keterangan sebelumnya:

لَتُفْسِدُنَّ فِي ٱلْأَرْضِ مَرَّتَيْنِ

"Kamu akan melakukan kerosakan di bumi (Baitul-Maqdis) dua kali"(4)

tetapi ia menyebut malapetaka yang telah ditimpa ke atas mereka di dalam kejadian yang kedua ini:

فَإِذَا جَآءَ وَعْدُ ٱلْأَخِرَةِ لِيَسُـۥٓـُٔوا۟ وُجُوهَكُمْ

"Oleh itu apabila tiba masa kezaliman yang kedua (Kami datangkan kaum yang lain menyerang kamu) supaya mereka memuramkan muka kamu"(7)

mereka memuramkan muka kamu dengan tindakan yang memberi pengajaran kepada mereka, iaitu balasan yang membuat hati mereka begitu sedih sehingga kesannya melimpah ke muka mereka atau kaum itu memuramkan muka mereka dengan tindakan-tindakan yang menghina dan mencabulkan kehormatan-kehormatan mereka.

وَلِيَدْخُلُوا۟ ٱلْمَسْجِدَ كَمَا دَخَلُوهُ أَوَّلَ مَرَّةٍ

"Dan memasuki Masjid Baitul-Maqdis sebagaimana mereka telah memasukinya pada kali yang pertama"(7)

serta membinasakan segala harta benda dan kampung halaman yang dikuasai mereka.

وَلِيُتَبِّرُوا۟ مَا عَلَوْا۟ تَتْبِيرًا ﴿٧﴾

"Dan supaya mereka menghancur-leburkan apa sahaja yang dikuasai mereka."(7)

Itulah gambaran kebinasaan yang merangkumi segala-galanya. Tiada suatu pun yang selamat.

Ramalan itu berlaku tepat seperti yang dijanjikan Allah. Pada kali yang pertama Allah bangkitkan satu kaum menyerang dan mengalahkan Bani Israel dan pada kali yang kedua Allah bangkitkan pula satu kaum yang mengusir mereka keluar (dari tanah suci) sebagai pelarian di merata ceruk dunia dan menghancurleburkan kerajaan mereka.

Al-Qur'an tidak menjelaskan apakah bangsa kaum yang telah dibangkitkan Allah untuk menyerang Bani Israel itu kerana penjelasan itu tidak menambah apa-apa dari segi pengajaran, sedangkan pengajaran itulah sahaja yang dikehendaki di sini. Begitu juga yang dimaksudkan (dengan cerita ini) ialah untuk menerangkan peraturan Sunnatullah yang diperlakukan ke atas manusia.

Kemudian ramalan yang benar dan janji yang terlaksana itu diiringi pula dengan sebuah pernyataan bahawa kebinasaan yang telah menimpa mereka mungkin merupakan jalan untuk mendapatkan rahmat Allah:

عَسَىٰ رَبُّكُمْ أَن يَرْحَمَكُمْ

"Semoga Tuhan kamu melimpahkan rahmat-Nya ke atas kamu"(8)

jika kamu mengambil pengajaran dari peristiwa-peristiwa itu.

Tetapi jika Bani Israel mengulangi lagi perbuatan-perbuatan yang merosakkan di bumi ini, maka balasan tetap disediakan dan Sunnatullah tetap bertindak:

وَإِنْ عُدتُّمْ عُدْنَا

"Dan sekiranya kamu kembali lagi (melakukan kerosakan) nescaya Kami kembali (mengazabkan kamu)."(8)

Mereka telah kembali semula melakukan kerosakan, lalu Allah bangkitkan orang-orang Islam menguasai mereka dan mengusirkan mereka keluar dari seluruh Semenanjung Tanah Arab. Kemudian mereka kembali lagi melakukan kerosakan, lalu Allah bangkitkan kaum yang lain bertindak ke atas mereka hingga ke zaman moden, di mana Hitler telah menguasai dan menindas mereka. Pada hari ini pula mereka kembali melakukan kerosakan dalam bentuk negara Israel yang telah menimpakan berbagai-bagai kecelakaan ke atas orang-orang Arab yang menjadi bumiputera bumi Palestin, dan sudah tentu Allah akan membangkitkan satu kaum yang akan bertindak menimpakan ke atas mereka 'azab keseksaan yang dahsyat tepat dengan janji Allah yang tegas dan selari dengan Sunnatullah yang tidak pernah mungkir, dan sesungguhnya hari esok amat dekat kepada yang menunggunya.

Ayat ini ditamatkan dengan penerangan tentang masa depan orang-orang kafir di Akhirat kerana masa depan mereka mempunyai titik persamaan dengan masa depan orang-orang yang melakukan kerosakan:

وَجَعَلْنَا جَهَنَّمَ لِلْكَٰفِرِينَ حَصِيرًا ﴿٨﴾

"Dan Kami telah menjadikan Neraka Jahannam itu penjara kepada orang-orang yang kafir"(8)

yakni penjara yang akan mengurung mereka dan tiada seorang pun dari mereka yang dapat melepaskan dirinya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 9 - 11)

Dari babak sejarah Bani Israel dan kitab suci Taurat yang dikurniakan kepada Musa supaya mereka berpandu dengannya, tetapi mereka tidak berpandu dengannya, malah mereka menurut jalan yang sesat hingga menyebabkan mereka binasa, ayat-ayat berikut berpindah pula kepada memperkatakan tentang Al-Qur'an yang memberi hidayat ke jalan yang amat lurus:

إِنَّ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانَ يَهْدِى لِلَّتِى هِىَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ ٱلْمُؤْمِنِينَ ٱلَّذِينَ يَعْمَلُونَ ٱلصَّٰلِحَٰتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا ﴿٩﴾
وَأَنَّ ٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِٱلْءَاخِرَةِ أَعْتَدْنَا لَهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿١٠﴾

"Sesungguhnya Al-Qur'an ini memberi hidayat ke jalan yang amat lurus dan menyampaikan berita gembira kepada para Mu'minin yang mengerjakan amalan-amalan yang soleh bahawa mereka akan memperolehi pahala yang amat besar(9). Sesungguhnya orang-orang yang tidak beriman kepada hari Akhirat telah Kami sediakan untuk mereka 'azab yang amat pedih(10).

Skop Hidayat Al-Qur'an

إِنَّ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانَ يَهْدِى لِلَّتِى هِىَ أَقْوَمُ

"Sesungguhnya Al-Qur'an ini memberi hidayat ke jalan yang amat lurus."(9)

Demikianlah Al-Qur'an itu memberi hidayat yang amat lurus secara menyeluruh kepada manusia yang merangkumi berbagai-bagai kaum dan generasi umat manusia tanpa dibataskan zaman dan tempat. Hidayatnya merangkumi segala peraturan dan cara hidup dan segala kebaikan yang dapat memandu manusia di setiap zaman dan tempat.

Ia memberi hidayat ke jalan yang amat lurus di alam hati nurani dan perasaan dengan membawa 'aqidah yang jelas dan mudah, 'aqidah yang tidak mengandungi sebarang kepercayaan yang berbelit-belit dan kabur, 'aqidah yang membebaskan jiwa dari beban-beban kepercayaan yang karut dan khurafat-khurafat, 'aqidah yang membebaskan daya-daya tenaga manusia yang baik untuk bertindak dan membangun dan 'aqidah yang menghubung dan menyelaraskan di antara undang-undang alam tabi'i dengan undang-undang fitrah manusia.

Ia memberi hidayat ke jalan yang amat lurus yang menyelaraskan di antara zahir dan batin manusia, di antara perasaan-perasaan dan tingkahlakunya dan di antara 'aqidah dan amalannya, di mana seluruhnya disimpulkan pada tali yang kukuh, yang tidak akan putus dan di mana manusia tetap memandang ke langit walaupun kakinya berpijak kukuh di bumi, dan ketika itu segala kerja dan amalan akan menjadi ibadat apabila seorang melakukannya kerana Allah walaupun kerja dan amalan itu berupa kerja dan kegiatan mencari keni'matan hidup dunia.

Ia memberi hidayat ke jalan yang amat lurus di alam ibadat dengan memperseimbangkan di antara taklif dan daya tenaga supaya taklif-taklif itu tidak menjadi terlalu berat kepada seseorang sehingga menyebabkan ia merasa jemu dan berputus asa dari menunaikannya, supaya taklif-taklif itu tidak menjadi terlalu mudah dan senang sehingga menyebabkan seseorang itu menjadi lembik dan sewenang-wenang dan supaya taklif-taklif itu tidak melampaui batas kesederhanaan dan keupayaan.

Ia memberi hidayat ke jalan yang amat lurus di dalam perhubungan-perhubungan manusia di antara satu sama lain, iaitu di antara individu-individu, pasangan-pasangan suami isteri, kerajaan-kerajaan, bangsa-bangsa, negara-negara dan kaum-kaum. Ia menegakkan hubungan-hubungan ini di atas asas-asas yang kukuh teguh, yang tidak terpengaruh kepada pendapat dan hawa nafsu, tidak condong kerana kasih dan marah dan tidak dijejaskan oleh kepentingan-kepentingan dan tujuan-tujuan peribadi itu-lah asas-asas perhubungan yang telah diaturkan oleh Allah Yang Maha Mengetahui untuk para makhluk-Nya dan Dia amat mengetahui tentang kehendak-kehendak makhluk yang telah diciptakan-Nya dan amat arif dengan kehendak kepentingan mereka di setiap tempat di bumi dan setiap generasi mereka. Tegasnya Al-Qur'an memberi hidayat ke jalan yang amat lurus di dalam sistem pemerintahan, sistem kewangan, sistem kemasyarakatan dan sistem mu'amalat antarabangsa yang layak dengan dunia manusia.

Ia memberi hidayat ke jalan yang amat lurus dalam mendokong semua agama samawi dan menghubungkaitkan di antara semua agama itu serta memulia dan memelihara kesucian-kesucian dan kehormatan-kehormatannya agar seluruh manusia dengan agama-agama samawi mereka dapat hidup dalam suasana aman damai.

إِنَّ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانَ يَهْدِى لِلَّتِى هِىَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ ٱلْمُؤْمِنِينَ ٱلَّذِينَ يَعْمَلُونَ ٱلصَّٰلِحَٰتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا ﴿٩﴾
وَأَنَّ ٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِٱلْءَاخِرَةِ أَعْتَدْنَا لَهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿١٠﴾

"Sesungguhnya Al-Qur'an ini memberi hidayat ke jalan yang amat lurus dan menyampaikan berita gembira kepada para Mu'minin yang mengerjakan amalan-amalan yang soleh bahawa mereka akan memperolehi pahala yang amat besar(9). Sesungguhnya orang-orang yang tidak beriman kepada hari Akhirat telah Kami sediakan untuk mereka 'azab yang amat pedih."(10)

Hubungan Keimanan Dengan Amalan

Inilah dasar Al-Qur'an yang asasi mengenai tindakan dan balasan. Ia menegakkan binaannya di atas keimanan dan amalan yang soleh. Oleh itu tiada keimanan tanpa amalan dan tiada amalan tanpa

keimanan. Keimanan tanpa amalan ialah keimanan yang terbantut dan tidak mencapai kesempurnaannya, sedangkan amalan tanpa keimanan ialah amalan yang terputus dan tanpa asas. Hanya dengan keimanan dan amalan sahaja kehidupan manusia dapat berlangsung di atas jalan yang amat lurus. Hanya dengan keimanan dan amalan sahaja hidayat dapat dicapai dengan Al-Qur'an ini.

Orang-orang yang tidak berpandu dengan hidayat Al-Qur'an akan ditinggal menjadi mangsa hawa nafsu manusia, iaitu manusia yang gopoh dan jahil yang tidak mengetahui apa yang akan memberi manfa'at dan mudharat kepada dirinya, dan manusia yang terburu-buru yang tidak dapat mengawal emosi-emosinya walaupun terdapat akibat yang buruk di sebaliknya:

وَيَدْعُ ٱلْإِنسَٰنُ بِٱلشَّرِّ دُعَآءَهُۥ بِٱلْخَيْرِ ۖ وَكَانَ ٱلْإِنسَٰنُ
عَجُولًا ﴿١١﴾

"Dan (ketika putus asa) manusia berdo'a memohon malapetaka sama seperti dia berdo'a memohon kebaikan, dan sesungguhnya manusia itu bersifat amat gopoh."(11)

Itu adalah berpunca kerana manusia tidak mengetahui akibat dan kesudahan urusan-urusannya. Kadang-kadang dia melakukan sesuatu tindakan, sedangkan tindakan itu tidak baik dan dia melakukannya dengan terburu-buru sedangkan dia tidak mengetahui keburukannya, atau dia mengetahui keburukannya tetapi dia tidak berupaya menahan desakan keinginannya dan mengawalkan terajunya. Hawa nafsu manusia sama sekali tidak dapat dibandingkan dengan hidayat Al-Qur'an yang teguh, tenang dan memberi bimbingan. Kedua-duanya merupakan dua arah jalan yang bertentangan, kedua-duanya hidayat Al-Qur'an dan hawa nafsu manusia itu amat jauh perbezaannya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 12 - 21)

Setelah menyentuh kisah Isra' dan bukti-bukti (kekuasaan Allah) yang terdapat di dalamnya, setelah menyentuh kisah Nuh dan kumpulan orang-orang Mu'minin yang diangkut bersama (di dalam bahteranya), setelah menyentuh kisah Bani Israel dan pemberitaan Allah yang telah disebut di dalam kitab Taurat serta maksud dari pemberitaan itu yang membayangkan undang-undang Allah terhadap para hamba-Nya, juga dasar-dasar tindakan dan balasan, setelah menyentuh kitab suci Al-Qur'an yang memberi hidayat ke jalan yang amat lurus.....

Dan dari sentuhan-sentuhan ini hingga kepada pembicaraan-pembicaraan ayat-ayat Allah yang dikurniakan kepada para rasul, maka ayat-ayat berikut telah berpindah pula kepada pembicaraan tentang gejala-gejala kekuasaan Allah yang terdapat di alam buana. Dengan gejala-gejala inilah ia menghubungkan segala kegiatan manusia, tindak-tanduk mereka, usaha-usaha dan ganjaran yang diperolehi mereka, usaha-usaha dan hisab amalan mereka. Di sini jelaslah bahawa undang-undang tindakan dan balasan, usaha dan hisab amalan itu mempunyai hubungan yang amat rapat dengan undang-undang besar alam buana. Ia tertakluk kepada undang-undang besar itu sendiri. Ia ditegakkan di atas dasar-dasar dan peraturan-peraturan tetap dan tidak mungkir. Ia diatur rapi sama dengan kerapian peraturan alam buana yang mengendalikan peredaran malam dan siang dan seluruhnya adalah ditadbirkan oleh iradat Allah yang menciptakan malam dan siang itu:

وَجَعَلْنَا ٱلَّيْلَ وَٱلنَّهَارَ ءَايَتَيْنِ ۖ فَمَحَوْنَآ ءَايَةَ ٱلَّيْلِ
وَجَعَلْنَآ ءَايَةَ ٱلنَّهَارِ مُبْصِرَةً لِّتَبْتَغُوا۟ فَضْلًا مِّن رَّبِّكُمْ
وَلِتَعْلَمُوا۟ عَدَدَ ٱلسِّنِينَ وَٱلْحِسَابَ ۚ وَكُلَّ شَىْءٍ
فَصَّلْنَٰهُ تَفْصِيلًا ﴿١٢﴾
وَكُلَّ إِنسَٰنٍ أَلْزَمْنَٰهُ طَٰٓئِرَهُۥ فِى عُنُقِهِۦ ۖ وَنُخْرِجُ لَهُۥ يَوْمَ
ٱلْقِيَٰمَةِ كِتَٰبًا يَلْقَىٰهُ مَنشُورًا ﴿١٣﴾
ٱقْرَأْ كِتَٰبَكَ كَفَىٰ بِنَفْسِكَ ٱلْيَوْمَ عَلَيْكَ حَسِيبًا ﴿١٤﴾
مَّنِ ٱهْتَدَىٰ فَإِنَّمَا يَهْتَدِى لِنَفْسِهِۦ ۖ وَمَن ضَلَّ فَإِنَّمَا
يَضِلُّ عَلَيْهَا ۚ وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ ۗ وَمَا كُنَّا مُعَذِّبِينَ
حَتَّىٰ نَبْعَثَ رَسُولًا ﴿١٥﴾
وَإِذَآ أَرَدْنَآ أَن نُّهْلِكَ قَرْيَةً أَمَرْنَا مُتْرَفِيهَا فَفَسَقُوا۟ فِيهَا
فَحَقَّ عَلَيْهَا ٱلْقَوْلُ فَدَمَّرْنَٰهَا تَدْمِيرًا ﴿١٦﴾
وَكَمْ أَهْلَكْنَا مِنَ ٱلْقُرُونِ مِنۢ بَعْدِ نُوحٍ ۗ وَكَفَىٰ بِرَبِّكَ
بِذُنُوبِ عِبَادِهِۦ خَبِيرًۢا بَصِيرًا ﴿١٧﴾
مَّن كَانَ يُرِيدُ ٱلْعَاجِلَةَ عَجَّلْنَا لَهُۥ فِيهَا مَا نَشَآءُ
لِمَن نُّرِيدُ ثُمَّ جَعَلْنَا لَهُۥ جَهَنَّمَ يَصْلَىٰهَا مَذْمُومًا
مَّدْحُورًا ﴿١٨﴾
وَمَنْ أَرَادَ ٱلْءَاخِرَةَ وَسَعَىٰ لَهَا سَعْيَهَا وَهُوَ مُؤْمِنٌ
فَأُو۟لَٰٓئِكَ كَانَ سَعْيُهُم مَّشْكُورًا ﴿١٩﴾
كُلًّا نُّمِدُّ هَٰٓؤُلَآءِ وَهَٰٓؤُلَآءِ مِنْ عَطَآءِ رَبِّكَ ۚ

وَمَا كَانَ عَطَآءُ رَبِّكَ مَحۡظُورًا ﴿٢٠﴾
ٱنظُرۡ كَيۡفَ فَضَّلۡنَا بَعۡضَهُمۡ عَلَىٰ بَعۡضٖۚ وَلَلۡأٓخِرَةُ
أَكۡبَرُ دَرَجَٰتٖ وَأَكۡبَرُ تَفۡضِيلٗا ﴿٢١﴾

"Dan Kami telah jadikan malam dan siang sebagai dua tanda (kekuasaan kami), lalu Kami hapuskan tanda malam (yang gelap) dan Kami jadikan tanda siang terang benderang supaya kamu dapat mencari limpah kurnia (rezeki) dari Tuhan kamu dan supaya kamu dapat mengetahui bilangan tahun-tahun dan hisab, dan segala sesuatu telah Kami jelaskannya dengan terperinci(12). Setiap orang manusia Kami lekatkan di lehernya kalung amalannya masing-masing. Dan pada hari Qiamat kelak Kami akan keluarkan kepadanya buku (laporan amalan) yang akan didapatinya terbuka (untuk dibacakan-nya)(13). Bacalah buku laporan amalanmu (ini) cukuplah dirimu sendiri pada hari ini menjadi jurukira amalanmu sendiri(14). Barang siapa yang menerima hidayat, maka sesungguhnya dia menerima kebaikan hidayat itu untuk dirinya sendiri dan barang siapa yang sesat, maka sesungguhnya dia menerima akibat kesesatan itu ke atas dirinya sendiri juga. Dan seseorang itu tidak dapat menanggung dosa orang lain, dan Kami tidak akan mengenakan 'azab sehingga Kami mengutuskan rasul (15). Dan jika Kami hendak membinasakan sesuatu negeri, maka Kami (lebih dahulu) perintahkan golongan penduduknya yang mewah (supaya menta'ati Allah) lalu mereka terus melakukan kefasiqan di sana, maka kerana itu wajarlah keputusan 'azab dijatuhkan ke atas negeri itu lalu Kami hancurkannya sehancur-hancurnya(16). Dan berapa banyak umat yang telah Kami binasakan sesudah Nuh, dan cukuplah (wahai Muhammad) Tuhanmu sendiri mengetahui dan melihat dosa-dosa sekalian hamba-Nya(17). Siapa yang mahukan (keni'matan) dunia (sahaja), Kami akan segerakan (pemberian) Kami kepadanya di dunia ini segala keni'matan yang Kami kehendaki kepada orang yang Kami kehendaki, kemudian Kami sediakan untuknya Neraka Jahannam yang akan dimasukinya dalam keadaan tercela dan tersingkir dari rahmat Allah(18). Dan sesiapa yang mahukan (keni'matan) Akhirat dan berusaha untuknya dengan usahanya (yang wajar), sedangkan dia beriman, maka orang-orang yang sedemikian usaha-usaha mereka tetap akan disyukuri (19). Setiap golongan itu dan golongan ini Kami hulurkan kepada mereka rezeki dari pemberian Tuhanmu. Dan pemberian Tuhanmu itu (selama-lamanya) tidak pernah tersekat(20). Lihatlah (di dunia) bagaimana Kami telah melebihkan setengah mereka dari setengah yang lain, dan demi sesungguhnya (pengurniaan) di Akhirat kelak lebih tinggi (perbezaan) darjat-darjatnya dan lebih besar (perbezaan) keutamaan-keutamaannya."(21)

Undang-undang alam buana yang mengendalikan peredaran malam dan siang itu mempunyai pertalian dengan usaha-usaha manusia untuk mencari rezeki, juga mempunyai pertalian dengan ilmu perkiraan tahun dan hisab. Ia mempunyai pertalian dengan usaha-usaha dan tindak-tanduk manusia yang baik dan yang jahat serta balasannya yang baik dan yang buruk. Ia mempunyai pertalian dengan akibat-akibat hidayat dan kesesatan, juga dengan dasar tanggungjawab peribadi, di mana seseorang tidak menanggung dosa orang yang lain. Ia mempunyai pertalian dengan janji Allah bahawa Dia tidak akan mengazabkan manusia melainkan setelah diutuskan Rasul kepada mereka. Ia mempunyai pertalian dengan Sunnatullah yang membinasakan negeri-negeri apabila golongan penduduknya yang mewah melakukan kefasiqan-kefasiqan. Ia mempunyai pertalian dengan nasib kesudahan golongan yang memilih kesenangan hidup dunia dan golongan yang memilih kesenangan hidup Akhirat, juga mempunyai pertalian dengan pemberian Allah kepada dua golongan itu di dunia dan Akhirat. Semuanya berlangsung mengikut satu undang-undang yang tetap dan peraturan-peraturan yang tidak berubah-ubah. Tiada sesuatu pun dari persoalan-persoalan tersebut berlaku secara serampangan sahaja.

وَجَعَلۡنَا ٱلَّيۡلَ وَٱلنَّهَارَ ءَايَتَيۡنِۖ فَمَحَوۡنَآ ءَايَةَ ٱلَّيۡلِ
وَجَعَلۡنَآ ءَايَةَ ٱلنَّهَارِ مُبۡصِرَةٗ لِّتَبۡتَغُواْ فَضۡلٗا مِّن رَّبِّكُمۡ
وَلِتَعۡلَمُواْ عَدَدَ ٱلسِّنِينَ وَٱلۡحِسَابَۚ وَكُلَّ شَيۡءٖ
فَصَّلۡنَٰهُ تَفۡصِيلٗا ﴿١٢﴾

"Dan Kami telah jadikan malam dan siang sebagai dua tanda (kekuasaan kami), lalu Kami hapuskan tanda malam (yang gelap) dan Kami jadikan tanda siang terang benderang supaya kamu dapat mencari limpah kurnia (rezeki) dari Tuhan kamu dan supaya kamu dapat mengetahui bilangan tahun-tahun dan hisab, dan segala sesuatu telah Kami jelaskannya dengan terperinci."(12)

Malam dan siang merupakan dua gejala alam yang amat besar, yang membayangkan betapa rapinya perjalanan undang-undang alam yang tidak pernah kacau dan rosak walau sekalipun dan sentiasa bekerja dengan tekun siang dan malam. Apakah maksud dari penghapusan gejala malam yang disebut di dalam ayat ini, sedangkan gejala malam tetap wujud seperti gejala siang juga? Nampaknya - Wallahu 'alam - yang dimaksudkan dengan penghapusan gejala malam itu ialah penghapusan gelap, di mana segala sesuatu terlindung dari penglihatan dan segala harakat dan tubuh diam dan tenang. Malam itu seolah-olah terhapus apabila dibandingkan dengan cahaya siang dan dibandingkan dengan harakat segala makhluk yang hidup dan benda-benda, dan siang itu sendiri seolah-olah memancarkan cahaya yang menerangi segala sesuatu pada penglihatan mata.

Tujuan dari penghapusan malam dan kelahiran siang ialah:

لِّتَبۡتَغُواْ فَضۡلٗا مِّن رَّبِّكُمۡ وَلِتَعۡلَمُواْ عَدَدَ ٱلسِّنِينَ
وَٱلۡحِسَابَۚ

"Supaya kamu dapat mencari limpah kurnia (rezeki) dari Tuhan kamu dan supaya kamu dapat mengetahui bilangan tahun-tahun dan hisab."(12)

Hari malam itu untuk beristirehat, mencari ketenangan dan memulihkan kekuatan dan tenaga, sedangkan hari siang untuk berusaha mencari rezeki. Dan dari peredaran malam dan siang manusia dapat mengetahui kiraan bilangan tahun dan kiraan masa-masa perjanjian, musim-musim dan perkiraan urusniaga-urusniaga.

وَكُلَّ شَيْءٍ فَصَّلْنَٰهُ تَفْصِيلًا ﴿١٢﴾

"Dan segala sesuatu telah Kami jelaskannya dengan terperinci."(12)

Tiada suatu dan tiada sebarang urusan di alam buana ini ditinggalkan kepada kebetulan dan serampangan. Kehalusan undang-undang alam yang mengendalikan peredaran malam dan siang mengutarakan betapa halusnya pentadbiran dan perincian Ilahi. Undang-undang itulah yang menjadi saksi dan bukti.

Kalung Dan Buku Laporan Amalan

Dengan undang-undang alam buana inilah terikatnya dasar amalan dan balasan:

وَكُلَّ إِنسَٰنٍ أَلْزَمْنَٰهُ طَٰٓئِرَهُۥ فِى عُنُقِهِۦ ۖ وَنُخْرِجُ لَهُۥ يَوْمَ
ٱلْقِيَٰمَةِ كِتَٰبًا يَلْقَىٰهُ مَنشُورًا ﴿١٣﴾
ٱقْرَأْ كِتَٰبَكَ كَفَىٰ بِنَفْسِكَ ٱلْيَوْمَ عَلَيْكَ حَسِيبًا ﴿١٤﴾

"Setiap orang manusia Kami lekatkan di lehernya kalung amalannya masing-masing. Dan pada hari Qiamat kelak Kami akan keluarkan kepadanya buku (laporan amalan) yang akan didapatinya terbuka (untuk dibacakannya)(13). Bacalah buku laporan amalanmu (ini) cukuplah dirimu sendiri pada hari ini menjadi jurukira amalanmu sendiri."(14)

Kalung amalan setiap manusia ialah bahagian-bahagian amalan yang dilakukannya. Pelekatan kalung amalan pada leher seseorang itu menggambarkan bahawa kalung itu tidak bercerai tanggal dengannya mengikut ilustrasi Al-Qur'an apabila ia menggambarkan konsep-konsep dalam bentuk gambaran fizikal. Amalan seseorang itu tetap tidak terpisah darinya dan dia tetap tidak dapat melepaskan diri darinya. Begitu juga tujuan pengungkapan mengenai buku laporan amalan seseorang yang dikeluarkan dengan keadaan terbuka ialah menggambarkan amalan-amalannya itu terdedah dan terbuka, di mana seorang itu tidak dapat menyembunyikannya, atau berpura-pura tidak tahu atau menipu. Konsep ini digambarkan secara fizikal yang terbuka. Gambaran ini meninggalkan kesan yang lebih mendalam dan kuat di dalam jiwa dan perasaan. Ia menjadikan daya khayal seseorang itu tertumpu kepada kalung amalan itu dan memikirkan buku laporan itu dengan perasaan yang amat cemas dan takut kepada hari Qiamat yang gawat itu, di mana segala rahsia yang tersembunyi akan terbuka dan terdedah tanpa memerlukan saksi dan jurukira:

ٱقْرَأْ كِتَٰبَكَ كَفَىٰ بِنَفْسِكَ ٱلْيَوْمَ عَلَيْكَ حَسِيبًا ﴿١٤﴾

"Cukuplah dirimu sendiri pada hari ini menjadi jurukira amalanmu."(14)

Dengan undang-undang alam buana yang halus inilah terikatnya dasar amalan dan balasan:

مَّنِ ٱهْتَدَىٰ فَإِنَّمَا يَهْتَدِى لِنَفْسِهِۦ ۖ وَمَن ضَلَّ فَإِنَّمَا
يَضِلُّ عَلَيْهَا ۚ وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ ۗ

"Barang siapa yang menerima hidayat, maka sesungguhnya dia menerima kebaikan hidayat itu untuk dirinya sendiri dan barang siapa yang sesat, maka sesungguhnya dia menerima akibat kesesatan itu ke atas dirinya sendiri juga. Dan seseorang itu tidak dapat menanggung dosa orang lain."(15)

Undang-undang Tindakan Dan Balasan

Itulah tanggungjawab individu yang mengikatkan setiap orang dengan dirinya. Jika dia memilih jalan hidayat, maka kebaikannya akan terpulang kepada dirinya sendiri, dan jika dia memilih jalan yang sesat, maka akibatnya akan menimpa ke atas dirinya sendiri, dan tiada siapa pun yang dapat menanggung dosa orang lain· dan tiada siapa pun yang dapat meringankan bebanan orang lain, malah setiap orang bertanggungjawab terhadap amalannya dan setiap orang dibalas mengikut amalannya. Dan (pada hari itu) kawan yang akrab tidak akan mempedulikan kawan akrabnya.

Rahmat Allah telah menghendaki bahawa Dia tidak akan mempersalahkan manusia dengan bukti-bukti kekuasaan-Nya yang bertaburan di merata ceruk alam buana, dan tidak pula mempersalahkan mereka dengan perjanjian semulajadi yang dimeteraikan dengan benih keturunan manusia semasa mereka masih berada di sulbi datuk nenek mereka, malah Allah lebih dahulu mengutuskan para rasul-Nya kepada mereka untuk memberi amaran dan peringatan:

وَمَا كُنَّا مُعَذِّبِينَ حَتَّىٰ نَبْعَثَ رَسُولًا ﴿١٥﴾

"Dan Kami tidak akan mengenakan 'azab sehingga Kami mengutuskan rasul."(15)

Itulah rahmat Allah memberi alasannya kepada manusia sebelum Dia mengenakan 'azab ke atas mereka.

Demikianlah penguatkuasaan Sunnatullah yang membinasakan negeri-negeri dan mempersalahkan para penduduknya itu mempunyai pertalian yang rapat dengan undang-undang alam yang mengendalikan peredaran malam dan siang:

وَإِذَآ أَرَدْنَآ أَن نُّهْلِكَ قَرْيَةً أَمَرْنَا مُتْرَفِيهَا فَفَسَقُوا۟ فِيهَا
فَحَقَّ عَلَيْهَا ٱلْقَوْلُ فَدَمَّرْنَٰهَا تَدْمِيرًا ﴿١٦﴾

"Dan jika Kami hendak membinasakan sesuatu negeri, maka Kami (lebih dahulu) perintahkan golongan penduduknya yang mewah (supaya menta'ati Allah) lalu mereka terus

melakukan kefasiqan di sana, maka kerana itu wajarlah keputusan 'azab dijatuhkan ke atas negeri itu lalu Kami hancurkannya sehancur-hancurnya."(16)

Golongan Mewah Punca Kebinasaan Umat

Golongan mewah di dalam suatu umat itu ialah golongan pembesar-pembesar yang senang-lenang. Mereka memiliki harta kekayaan, orang-orang gaji dan kerehatan. Mereka meni'mati kehidupan yang tenang dan selesa, juga meni'mati kuasa, sehingga jiwa mereka menjadi lemah dan rosak, mereka bergelimang di dalam kefasiqan dan kejahatan tanpa malu segan, mereka mencabul nilai-nilai, perkara-perkara yang suci dan mulia, maruah, dan kehormatan-kehormatan. Oleh kerana tidak ada orang-orang yang dapat memukul tangan mereka yang ganas itu, maka mereka hidup sewenang-wenang melakukan kerosakan di bumi, mereka mengembangkan kejahatan di kalangan rakyat jelata dan memandang rendah kepada nilai-nilai yang luhur, iaitu nilai-nilai yang menjadi asas dan matlamat kehidupan umat. Justeru itulah umat menjadi lemah, hilang daya kecergasannya dan, hilang unsur-unsur kekuatan dan punca-punca hidupnya, dan akhirnya umat itu binasa dan menutup lembaran riwayat hidupnya.

Ayat ini menjelaskan Sunnatullah iaitu apabila Allah menetapkan kebinasaan kepada sesebuah negeri kerana penduduk-penduduknya telah melakukan perbuatan-perbuatan yang menjadi sebab kebinasaan itu, di mana munculnya golongan mewah yang ramai (yang melakukan kejahatan dengan sewenang-wenang) tanpa dihalang dan ditahan, maka Allah membiarkan golongan ini terus melakukan kefasiqan-kefasiqan yang meluas di negeri itu hingga menyebabkannya menjadi lemah dan kerana itu ia wajar menerima tindakan Sunnatullah yang menimpakan kehancuran dan kebinasaan ke atasnya. Jadi negeri itu sendiri yang bertanggungjawab terhadap kebinasaan yang telah menimpanya kerana ia tidak bertindak menghalangkan kefasiqan golongan orang-orang yang mewah itu dan tidak membetulkan sistem hidupnya yang membolehkan wujudnya golongan itu, kerana kewujudan golongan inilah yang menjadi sebab tindakan Allah membiarkan mereka terus melakukan kefasiqan-kefasiqan. Andainya negeri itu bertindak membendungkan kemunculan golongan mewah ini, sudah tentu ia tidak wajar menerima kebinasaan dan sudah tentu Allah tidak membiarkan mereka melakukan kefasiqan dan kerosakan hingga membawanya kepada kebinasaan.

Iradat Allah telah menjadikan undang-undang yang tetap dan peraturan-peraturan yang tidak berubah kepada kehidupan manusia. Apabila sebab-sebabnya wujud, maka natijah-natijah akan mengikutinya dan ketika itu berlakulah iradat dan ketetapan undang-undang Allah. Allah tidak menyuruh melakukan kefasiqan kerana Allah tidak pernah menyuruh manusia melakukan perbuatan-perbuatan yang keji, tetapi kewujudan golongan mewah itu sendiri menunjukkan umat itu telah rosak dan lemah dan sedang menuju ke arah kehancuran, dan ia akan menerima ketetapan hukuman Allah sebagai balasan yang setimpal. Ia telah melanggar undang-undang Allah apabila ia membenarkan golongan mewah itu wujud dan hidup segar.

Iradat Allah yang diterangkan di sini (dalam ayat ini) bukanlah iradat yang mengarah dan membimbing secara paksa yang melahirkan sebab, malah hanya iradat yang mengaturkan natijah di atas sebab sahaja. Begitu juga perintah (di dalam ayat ini) merupakan perintah yang tidak dapat dielak kerana undang-undang telah memperlakukan nya, kerana perintah itu bukanlah perintah yang memimpin kepada kefasiqan, tetapi perintah itu merupakan tindakan melahirkan natijah yang tabi'i hasil dari kewujudan golongan mewah yang melakukan kefasiqan.

Di sini ketaralah tanggungjawab kelompok yang telah membiarkan peraturan-peraturan yang rosak melahirkan kesan-kesannya yang tidak dapat dielak dan tidak bertindak mencegah golongan mewah itu dari melakukan kefasiqan, dan akibatnya menyebabkan umat itu berhak menerima hukuman Allah yang menghancurleburkannya.

Undang-undang ini telah berlaku pada umat-umat di zaman purbakala selepas Nabi Nuh a.s. generasi demi generasi. Setiap kali dosa-dosa itu berleluasa di kalangan satu umat, maka ia akan membawa umat itu kepada nasib kesudahan itu. Allah Maha Mengetahui segala dosa para hamba-Nya:

وَكَمۡ أَهۡلَكۡنَا مِنَ ٱلۡقُرُونِ مِنۢ بَعۡدِ نُوحٖۗ وَكَفَىٰ بِرَبِّكَ
بِذُنُوبِ عِبَادِهِۦ خَبِيرَۢا بَصِيرٗا ﴿١٧﴾

"Dan berapa banyak umat yang telah Kami binasakan sesudah Nuh, dan cukuplah (wahai Muhammad) Tuhanmu sendiri mengetahui dan melihat dosa-dosa sekalian hamba-Nya."(17)

Selepas itu barang siapa yang ingin hidup untuk dunia sahaja tanpa mengharapkan kehidupan yang lebih tinggi dari kehidupan di bumi, di mana dia hidup, maka Allah akan memberi bahagiannya di dunia ini dengan segera apabila Dia kehendaki, kemudian di Akhirat kelak dia akan ditunggu oleh Neraka Jahannam. Orang-orang yang tidak mengharapkan kehidupan yang lebih jauh dari kehidupan di dunia ini akan terus bergelumang di dalam lumpurnya, nodanya dan kekotorannya. Mereka mencari keni'matan-keni'matan dunia seperti binatang-binatang ternakan. Mereka menyerah diri kepada hawa nafsu. Mereka sanggup melakukan segala kejahatan yang membawa mereka ke Neraka Jahannam demi untuk mencapaikan keni'matan hidup dunia:

Pencinta Hidup Dunia Dan Pencinta Hidup Akhirat

مَّن كَانَ يُرِيدُ ٱلْعَاجِلَةَ عَجَّلْنَا لَهُۥ فِيهَا مَا نَشَآءُ
لِمَن نُّرِيدُ ثُمَّ جَعَلْنَا لَهُۥ جَهَنَّمَ يَصْلَىٰهَا مَذْمُومًا
مَّدْحُورًا ﴿١٨﴾

"Siapa yang mahukan (keni'matan) dunia (sahaja), Kami akan segerakan (pemberian) Kami kepadanya di dunia ini segala keni'matan yang Kami kehendaki kepada orang yang Kami kehendaki, kemudian Kami sediakan untuknya Neraka Jahannam yang akan dimasukinya dalam keadaan tercela dan tersingkir dari rahmat Allah."(18)

Mereka tercela kerana kejahatan-kejahatan yang telah dilakukan mereka dan tersingkir dari rahmat Allah dengan balasan 'azab yang diterima mereka.

وَمَنْ أَرَادَ ٱلْءَاخِرَةَ وَسَعَىٰ لَهَا سَعْيَهَا وَهُوَ مُؤْمِنٌ
فَأُو۟لَٰٓئِكَ كَانَ سَعْيُهُم مَّشْكُورًا ﴿١٩﴾

"Dan sesiapa yang mahukan (keni'matan) Akhirat dan berusaha untuknya dengan usahanya (yang wajar), sedangkan dia beriman, maka orang-orang yang sedemikian usaha-usaha mereka tetap akan disyukuri."(19)

Orang yang mengingini Akhirat pastilah berusaha melakukan amalan-amalan Akhirat iaitu menunaikan segala tugas dan tanggungjawabnya dan menegakkan segala amalannya di atas keimanan. Dan keimanan itu bukanlah dengan berangan-angan, malah keimanan yang sebenar ialah keyakinan yang teguh di dalam hati dan membuktikannya dengan amalan. Beramal dan berusaha untuk Akhirat tidak menafikan seseorang dari mengecapi keni'matan-keni'matan dunia yang baik. Dia hanya dikehendaki memandang ke ufuk yang lebih tinggi dan tidak menjadikan hidup dunia ini sebagai matlamat hidupnya, dan selepas itu dia bebas mengecapi keni'matan-keni'matan hidup dengan syarat dia mengawalkan hawa nafsunya dan tidak menjadikan dirinya hamba kepada keni'matan dunia.

Jika orang yang mengingini kesenangan hidup dunia sahaja itu berakhir dengan masuk Neraka Jahannam dengan keadaan tercela dan tersingkir dari rahmat Allah, maka orang yang mengingini kesenangan hidup Akhirat akan berakhir dengan mendapat kesenangan Akhirat, di mana dia akan menerima balasan dan penghormatan di alam al-Mala'ul-A'la, sebagai balasan kerana usahanya yang mulia untuk mencapai matlamat yang mulia dan sebagai balasan kerana dia sentiasa melihat dengan penuh harapan kepada ufuk hidup Akhirat yang jauh dan gemilang.

Hidup untuk dunia semata adalah hidup yang hanya layak dengan ulat-ulat, binatang-binatang merangkak, serangga, hama-hama, binatang-binatang buas dan binatang-binatang ternakan sahaja, tetapi hidup untuk Akhirat adalah satu-satunya hidup yang layak dengan makhluk insan yang dimuliakan di sisi Allah. Dia diciptakan Allah dengan ciptaan yang elok dan seimbang, dia ditiupkan Allah dengan roh ciptaan-Nya yang merupakan rahsia Allah yang membuat manusia cenderung ke langit walaupun dua kakinya berpijak di bumi. Walau bagaimanapun kedua-dua golongan (pencinta dunia dan pencinta Akhirat) itu masing-masing mendapat habuan kurnia dari Allah belaka. Golongan yang menuntut dunia diberikan kesenangan dunia, dan golongan yang menuntut kesenangan Akhirat akan memperolehinya kelak. Limpah kurnia Allah tidak dapat ditahan dan dihalang oleh sesiapa pun. Ia adalah bebas dan tertakluk kepada masyi'ah(kehendak) Allah yang bebas:

كُلًّا نُّمِدُّ هَٰٓؤُلَآءِ وَهَٰٓؤُلَآءِ مِنْ عَطَآءِ رَبِّكَ ۚ
وَمَا كَانَ عَطَآءُ رَبِّكَ مَحْظُورًا ﴿٢٠﴾

"Setiap golongan itu dan golongan ini Kami hulurkan kepada mereka rezeki dari pemberian Tuhanmu. Dan pemberian Tuhanmu itu (selama-lamanya) tidak pernah tersekat."(20)

Perbezaan pendapatan dan kedudukan di bumi dapat diperhatikan dengan jelas di antara manusia mengikut masing-masing sarana dan punca pencarian rezeki, juga mengikut masing-masing kecenderungan dan pekerjaan, sedangkan ruang dan lapangan bumi ini hanya sempit dan terbatas sahaja. Bagaimana nanti perbezaan itu akan berlaku kepada mereka di ruang yang luas dan masa yang panjang, bagaimana nanti perbezaan mereka di alam Akhirat, di mana seluruh keni'matan dunia apabila ditimbang tidak mencapai seberat sebelah sayap nyamuk pun?

ٱنظُرْ كَيْفَ فَضَّلْنَا بَعْضَهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ ۚ وَلَلْءَاخِرَةُ
أَكْبَرُ دَرَجَٰتٍ وَأَكْبَرُ تَفْضِيلًا ﴿٢١﴾

"Lihatlah (di dunia) bagaimana Kami telah melebihkan setengah mereka dari setengah yang lain, dan demi sesungguhnya (pengurniaan) di Akhirat kelak lebih tinggi (perbezaan) darjat-darjatnya dan lebih besar (perbezaan) keutamaan-keutamaannya."(21)

Oleh itu sesiapa yang inginkan perbezaan yang sebenar dan perbezaan yang amat besar, maka ia boleh didapati di Akhirat, iaitu di ruang alam yang amat luas dan ruang zaman yang amat panjang yang tiada siapa mengetahui batas-batas sempadannya melainkan hanya Allah sahaja. Untuk inilah orang-orang yang ingin berlumba-lumba patut berlumba, bukannya berlumba-lumba untuk yang merebut keni'matan dunia yang sedikit dan sekelumit.

(Kumpulan ayat-ayat 22 - 39)

لَّا تَجْعَلْ مَعَ ٱللَّهِ إِلَٰهًا ءَاخَرَ فَتَقْعُدَ مَذْمُومًا مَّخْذُولًا ﴿٢٢﴾
وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوٓا۟ إِلَّآ إِيَّاهُ وَبِٱلْوَٰلِدَيْنِ إِحْسَٰنًا ۚ
إِمَّا يَبْلُغَنَّ عِندَكَ ٱلْكِبَرَ أَحَدُهُمَآ أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا

تَقُل لَّهُمَآ أُفّٖ وَلَا تَنۡهَرۡهُمَا وَقُل لَّهُمَا قَوۡلٗا كَرِيمٗا ﴿٢٣﴾
وَٱخۡفِضۡ لَهُمَا جَنَاحَ ٱلذُّلِّ مِنَ ٱلرَّحۡمَةِ وَقُل رَّبِّ
ٱرۡحَمۡهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي صَغِيرٗا ﴿٢٤﴾
رَّبُّكُمۡ أَعۡلَمُ بِمَا فِي نُفُوسِكُمۡۚ إِن تَكُونُواْ صَٰلِحِينَ
فَإِنَّهُۥ كَانَ لِلۡأَوَّٰبِينَ غَفُورٗا ﴿٢٥﴾
وَءَاتِ ذَا ٱلۡقُرۡبَىٰ حَقَّهُۥ وَٱلۡمِسۡكِينَ وَٱبۡنَ ٱلسَّبِيلِ
وَلَا تُبَذِّرۡ تَبۡذِيرًا ﴿٢٦﴾
إِنَّ ٱلۡمُبَذِّرِينَ كَانُوٓاْ إِخۡوَٰنَ ٱلشَّيَٰطِينِۖ وَكَانَ ٱلشَّيۡطَٰنُ
لِرَبِّهِۦ كَفُورٗا ﴿٢٧﴾
وَإِمَّا تُعۡرِضَنَّ عَنۡهُمُ ٱبۡتِغَآءَ رَحۡمَةٖ مِّن رَّبِّكَ تَرۡجُوهَا
فَقُل لَّهُمۡ قَوۡلٗا مَّيۡسُورٗا ﴿٢٨﴾
وَلَا تَجۡعَلۡ يَدَكَ مَغۡلُولَةً إِلَىٰ عُنُقِكَ وَلَا تَبۡسُطۡهَا كُلَّ
ٱلۡبَسۡطِ فَتَقۡعُدَ مَلُومٗا مَّحۡسُورًا ﴿٢٩﴾

"Janganlah engkau mengadakan Tuhan yang lain di samping Allah menyebabkan engkau terselepoh dengan keadaan tercela dan kecewa(22). Dan Tuhanmu telah memutuskan supaya kamu jangan menyembah melainkan hanya Dia sahaja dan supaya memberi layanan yang baik kepada dua ibubapa. Jika salah seorang di antara keduanya atau kedua-duanya meningkat usia tua dalam jagaanmu, maka janganlah sekali-kali engkau mengucapkan sebarang kata-kata yang kasar kepada keduanya dan janganlah sekali-kali engkau menyergahkan keduanya dan ucapkanlah kepada keduanya dengan kata-kata yang mulia(23). Dan hendaklah engkau merendahkan sayap rendah diri kepada keduanya kerana kasih sayang dan berdo'alah: Ya Tuhanku! Limpahkanlah rahmat ke atas keduanya sebagaimana mereka membelaku di masa kecil(24). Tuhan kamu lebih mengetahui segala niat yang tersemat di dalam hati kamu, jika kamu orang-orang yang berniat baik, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun terhadap orang-orang yang sentiasa bertaubat(25). Berikanlah kepada kerabatmu haknya masing-masing, juga kepada orang miskin dan orang musafir (yang terlantar) dan janganlah engkau berbelanja dengan membazir(26). Sesungguhnya para pembazir itu adalah saudara-saudara syaitan dan syaitan amat kufur terhadap (ni'mat) Tuhannya(27). Dan jika engkau tidak dapat melayani mereka kerana (masih) mencari rahmat (rezeki) yang engkau harapkannya dari Tuhanmu, maka ucapkanlah kepada mereka dengan kata-kata yang lemah-lembut(28). Dan janganlah engkau jadikan tanganmu terbelenggu di lehermu (bersikap bakhil) dan janganlah pula engkau membukanya dengan seluas-luasnya (bersikap boros) menyebabkan engkau terselepoh dengan keadaan tercela dan lemah"(29).

إِنَّ رَبَّكَ يَبۡسُطُ ٱلرِّزۡقَ لِمَن يَشَآءُ وَيَقۡدِرُۚ إِنَّهُۥ كَانَ
بِعِبَادِهِۦ خَبِيرَۢا بَصِيرٗا ﴿٣٠﴾
وَلَا تَقۡتُلُوٓاْ أَوۡلَٰدَكُمۡ خَشۡيَةَ إِمۡلَٰقٖۖ نَّحۡنُ نَرۡزُقُهُمۡ وَإِيَّاكُمۡۚ
إِنَّ قَتۡلَهُمۡ كَانَ خِطۡـٔٗا كَبِيرٗا ﴿٣١﴾
وَلَا تَقۡرَبُواْ ٱلزِّنَىٰٓۖ إِنَّهُۥ كَانَ فَٰحِشَةٗ وَسَآءَ
سَبِيلٗا ﴿٣٢﴾
وَلَا تَقۡتُلُواْ ٱلنَّفۡسَ ٱلَّتِي حَرَّمَ ٱللَّهُ إِلَّا بِٱلۡحَقِّۗ
وَمَن قُتِلَ مَظۡلُومٗا فَقَدۡ جَعَلۡنَا لِوَلِيِّهِۦ سُلۡطَٰنٗا فَلَا
يُسۡرِف فِّي ٱلۡقَتۡلِۖ إِنَّهُۥ كَانَ مَنصُورٗا ﴿٣٣﴾
وَلَا تَقۡرَبُواْ مَالَ ٱلۡيَتِيمِ إِلَّا بِٱلَّتِي هِيَ أَحۡسَنُ حَتَّىٰ يَبۡلُغَ
أَشُدَّهُۥۚ وَأَوۡفُواْ بِٱلۡعَهۡدِۖ إِنَّ ٱلۡعَهۡدَ كَانَ مَسۡـُٔولٗا ﴿٣٤﴾
وَأَوۡفُواْ ٱلۡكَيۡلَ إِذَا كِلۡتُمۡ وَزِنُواْ بِٱلۡقِسۡطَاسِ ٱلۡمُسۡتَقِيمِۚ
ذَٰلِكَ خَيۡرٞ وَأَحۡسَنُ تَأۡوِيلٗا ﴿٣٥﴾
وَلَا تَقۡفُ مَا لَيۡسَ لَكَ بِهِۦ عِلۡمٌۚ إِنَّ ٱلسَّمۡعَ وَٱلۡبَصَرَ وَٱلۡفُؤَادَ
كُلُّ أُوْلَٰٓئِكَ كَانَ عَنۡهُ مَسۡـُٔولٗا ﴿٣٦﴾
وَلَا تَمۡشِ فِي ٱلۡأَرۡضِ مَرَحًاۖ إِنَّكَ لَن تَخۡرِقَ ٱلۡأَرۡضَ
وَلَن تَبۡلُغَ ٱلۡجِبَالَ طُولٗا ﴿٣٧﴾
كُلُّ ذَٰلِكَ كَانَ سَيِّئُهُۥ عِندَ رَبِّكَ مَكۡرُوهٗا ﴿٣٨﴾
ذَٰلِكَ مِمَّآ أَوۡحَىٰٓ إِلَيۡكَ رَبُّكَ مِنَ ٱلۡحِكۡمَةِۗ وَلَا تَجۡعَلۡ مَعَ
ٱللَّهِ إِلَٰهًا ءَاخَرَ فَتُلۡقَىٰ فِي جَهَنَّمَ مَلُومٗا مَّدۡحُورًا ﴿٣٩﴾

"Sesungguhnya Tuhanmu yang melapang dan menyempitkan rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Sesungguhaya Allah Maha Mengetahui dan Maha Melihat keadaan hamba-hamba-Nya(30). Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takutkan kepapaan. Kamilah yang memberi rezeki kepada mereka dan kepada kamu. Sesungguhnya perbuatan membunuh mereka adalah satu kesalahan yang amat besar(31). Dan janganlah kamu hampiri perbuatan zina, kerana sesungguhnya zina itu suatu pencabulan yang keji dan suatu jalan yang buruk akibatnya(32). Dan janganlah kamu membunuh seseorang manusia yang diharamkan Allah membunuhnya melainkan

dengan sebab yang benar. Dan barang siapa dibunuh secara zalim, maka sesungguhnya Kami telah memberikan kepada walinya kuasa (menuntut qisas atau diyat), oleh itu janganlah si wali itu bertindak melampaui batas dalam tuntutan balas bunuh, sesungguhnya dia tetap diberi pertolongan(33). Dan janganlah kamu hampiri harta anak yatim melainkan dengan cara yang sebaik-baiknya sehingga dia meningkat umur dewasa. Dan sempurnakanlah segala perjanjian, kerana perjanjian itu akan ditanya(34). Dan sempurnakanlah sukatan jika kamu menyukat dan timbanglah dengan timbangan yang adil, itulah yang lebih baik dan lebih elok akibatnya(35). Dan janganlah kamu ikut sesuatu yang kamu tidak tahu. Sesungguhnya telinga, mata dan hati itu semuanya akan ditanya(36). Dan janganlah engkau berjalan di bumi ini dengan lagak yang angkuh, kerana sesungguhnya engkau tidak akan menembusi bumi (dengan jejakmu) dan tidak pula akan sampai setinggi gunung(37). Semua (larangan) itu adalah keburukannya amat dibenci di sisi Tuhanmu(38). Itulah sebahagian dari hikmat yang diwahyukan Tuhanmu kepadamu, dan janganlah engkau mengadakan Tuhan yang lain di samping Allah menyebabkan kamu dicampakkan ke dalam Neraka Jahannam dengan keadaan tercela dan tersingkir dari rahmat Allah"(39).

Di dalam pelajaran yang silam peraturan-peraturan amalan dan balasan, hidayat dan kesesatan, usaha dan hisab telah dihubungkan dengan undang-undang alam buana yang mengendalikan peredaran malam dan siang, dan di dalam pelajaran ini peraturan-peraturan tingkahlaku, adab-adab susila, tugat-tugas individu dan kelompok dihubungkan dengan 'aqidah keesaan Allah selaku ikatan yang kukuh, di mana dihubungkan segala pertalian di dalam keluarga, masyarakat dan kehidupan.

Dalam pelajaran yang silam diterangkan:

إِنَّ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانَ يَهْدِى لِلَّتِى هِىَ أَقْوَمُ

"Sesungguhnya Al-Qur'an ini memberi hidayat ke jalan yang amat lurus"(9)

juga diterangkan:

وَكُلَّ شَىْءٍ فَصَّلْنَٰهُ تَفْصِيلًا ﴿١٢﴾

"Dan segala sesuatu telah Kami jelaskannya dengan terperinci."(12)

Oleh itu di dalam pelajaran ini dijelaskan sebahagian dari perintah-perintah dan larangan-larangan Al-Qur'an yang membawa ke jalan yang amat lurus, juga memperincikan sebahagian dari peraturan tingkahlaku dalam kehidupan di alam kenyataan.

Pelajaran ini dimulakan dengan larangan terhadap syirik dan pengumuman perintah Allah supaya manusia menyembah-Nya sahaja, kemudian dimulakan penjelasan mengenai perintah-perintah dan tugas-tugas, memberi layanan yang baik kepada dua ibubapa, memberi bantuan kepada kerabat, orang miskin dan orang musafir yang terlantar tanpa memboros dan membazir. Pengharaman membunuh anak, pengharaman zina, pengharaman membunuh orang, penjagaan harta anak yatim, penunaian janji, penyempurnaan sukatan dan timbangan, pemeriksaan yang teliti untuk mempastikan kebenaran sesuatu, larangan berlagak angkuh dan sombong, kemudian diakhiri pula dengan amaran terhadap syirik. Seluruh perintah, larangan dan taklif-taklif itu terkumpul di antara awal pelajaran dengan akhirnya dan semuanya dihubungkan dan disimpulkan kepada 'aqidah tauhid yang menjadi tapak asas binaan kehidupan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 22 - 24)

لَّا تَجْعَلْ مَعَ ٱللَّهِ إِلَٰهًا ءَاخَرَ فَتَقْعُدَ مَذْمُومًا مَّخْذُولًا ﴿٢٢﴾

"Janganlah engkau mengadakan Tuhan yang lain di samping Allah menyebabkan engkau terselepoh dengan keadaan tercela dan kecewa."(22)

Itulah larangan terhadap kepercayaan syirik dan amaran terhadap akibatnya.

Walaupun perintah ini merupakan suatu perintah umum, tetapi ia dihadapkan dalam bentuk perintah kepada individu supaya setiap orang merasa dan sedar bahawa, perintah ini adalah suatu perintah khusus mengenai dirinya atau khusus dikeluarkan kepadanya. Kepercayaan merupakan perkara peribadi, di mana setiap orang bertanggungjawab kepadanya dengan dirinya sendiri. Akibat yang menunggu setiap orang yang menyeleweng dari 'aqidah tauhid ialah dia akan:

مَذْمُومًا

"Tercela....."(22)

kerana perbuatan keji yang dilakukannya.

مَّخْذُولًا ﴿٢٢﴾

"Dan kecewa......"(22)

Dia tidak akan ditolongi Allah, dan barang siapa yang tidak ditolongi Allah akan menjadi seorang yang kecewa walaupun penolongan-penolongnya ramai. Kata:

فَتَقْعُدَ مَذْمُومًا

"Menyebabkan engkau terselepoh dengan keadaan tercela"(22)

menggambarkan keadaan seorang yang terhina dan kecewa hingga dia terduduk atau jatuh terselepoh. Gambaran ini membayangkan betapa lemah kedudukannya, kerana duduk terselepoh itu merupakan keadaan seorang yang amat lemah dan hina diri. Kata-kata itu juga membayangkan keadaan terbiar dan kecewa yang berterusan, kerana perbuatan duduk itu tidak membayangkan pergerakan dan perubahan keadaan. Kata-kata ini memanglah dimaksudkan di tempat ini.

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوٓا۟ إِلَّآ إِيَّاهُ

"Dan Tuhanmu telah memutuskan supaya kamu jangan menyembah melainkan hanya Dia sahaja."(23)

Ini merupakan perintah supaya mentauhidkan Allah selepas dilarang melakukan perbuatan syirik. Perintah ini disampaikan dengan kata-kata keputusan, kerana ia merupakan satu perintah yang pasti sama dengan kepastian sesuatu keputusan atau Qadha' Allah. Kata-kata "قضى" (memutus) menyalutkan perintah itu dengan pengertian ketegasan di samping pengertian pembatasan yang memberi makna penafian dan pegecualian iaitu:

أَلَّا تَعْبُدُوٓا۟ إِلَّآ إِيَّاهُ

"Supaya kamu jangan menyembah melainkan hanya Dia sahaja"(23)

kerana itu seluruh suasana ayat ini membayangkan ketegasan dan kepastian.

Setelah ditegakkan asas tauhid barulah diterangkan pula tugas-tugas keindividuan dan tugas-tugas kemasyarakatan, iaitu tugas-tugas yang berasaskan 'aqidah tauhid yang bertapak dalam jiwa, iaitu 'aqidah yang menyatukan motif dan matlamat dari segala tugas dan tindakan.

Hubungan pertama selepas hubungan 'aqidah ialah hubungan keluarga, oleh kerana itu penjelasan ayat ini menghubungkan kewajipan berbuat baik kepada ibubapa dengan kewajipan menyembah Allah untuk menerangkan betapa tingginya nilai berbuat baik kepada ibubapa itu di sisi Allah.

Hubungan Anak Dan Ibubapa

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوٓا۟ إِلَّآ إِيَّاهُ وَبِٱلْوَٰلِدَيْنِ إِحْسَٰنًا ۚ
إِمَّا يَبْلُغَنَّ عِندَكَ ٱلْكِبَرَ أَحَدُهُمَآ أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا
تَقُل لَّهُمَآ أُفٍّ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُل لَّهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا ﴿٢٣﴾
وَٱخْفِضْ لَهُمَا جَنَاحَ ٱلذُّلِّ مِنَ ٱلرَّحْمَةِ وَقُل رَّبِّ
ٱرْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيَانِى صَغِيرًا ﴿٢٤﴾

"Dan supaya memberi layanan yang baik kepada dua ibubapa. Jika salah seorang di antara keduanya atau kedua-duanya meningkat usia tua dalam jagaanmu, maka janganlah sekali-kali engkau mengucapkan sebarang kata-kata yang kasar kepada keduanya dan janganlah sekali-kali engkau menyergahkan keduanya dan ucapkanlah kepada keduanya dengan kata-kata yang mulia(23). Dan hendaklah engkau merendahkan sayap rendah diri kepada keduanya kerana perasaan kasih sayang dan berdo'alah: Ya Tuhanku! Limpahkanlah rahmat ke atas keduanya sebagaimana mereka membelaku di masa kecil."(24)

Dengan ungkapan-ungkapan yang lemah-lembut dan gambaran-gambaran yang memberi inspirasi inilah Al-Qur'anul-Karim merangsangkan kesedaran berbuat baik dan perasaan kasih sayang di dalam hati anak-anak. Ini disebabkan kerana hidup yang terus mara membawa makhluk-makhluk yang hidup itu sentiasa menarik perhatian mereka supaya memandang ke depan, iaitu memandang kepada zuriat keturunan, memandang kepada generasi baru dan generasi masa depan. Perhatian mereka sangat sedikit memandang ke belakang, iaitu memandang kepada orang tua-orang tua, memandang kepada generasi-generasi yang sedang mengundur diri. Oleh sebab inilah generasi anak-anak perlu membangkitkan kesedaran mereka supaya berpusing ke belakang dan menoleh kepada ayah-ayah dan ibu-ibu mereka.

Fitrah semulajadi yang mendorong kedua ibubapa berusaha membela anak-anak mereka dan membuat mereka sanggup berkorban apa sahaja walaupun diri mereka sendiri. Jika tunas tumbuhan yang hijau menyedut segala makanan yang terdapat pada biji benih hingga akhirnya menjadi hancur, dan jika anak ayam dalam telur itu menyedut segala makanan yang terdapat dalam telur hingga akhirnya tinggal kulit, maka begitulah juga anak-anak manusia menyedut segala madu, segala kesihatan, segala daya usaha dan segala perhatian ibubapa mereka hingga akhirnya mereka menjadi tua renta jika kedua-duanya dipanjangkan umur, namun begitu kedua-duanya tetap merasa bahagia dan senang hati.

Tetapi bagi anak-anak pula mereka cepat melupakan semua pengorbanan-pengorbanan ibubapa. Mereka mengambil giliran mereka berkejar ke depan dan menumpu perhatian mereka kepada isteri-isteri dan anak-anak mereka pula. Demikianlah kemaraan hidup.

Justeru itu para ibubapa tidak perlu berpesan supaya anak-anaknya menjaga dan membela anak-anak mereka, malah para anaklah yang perlu dibangkitkan kesedaran mereka dengan sungguh-sungguh supaya mereka mengingatkan kewajipan mereka terhadap ibubapa yang telah memberi seluruh madu kepada mereka hingga kering (tua renta).

Di sinilah diterangkan perintah supaya berbuat baik kepada ibubapa dalam bentuk keputusan dari Allah yang mendokong pengertian perintah yang wajib setelah menerangkan perintah yang wajib supaya menyembah Allah.

Penjelasan ayat itu memayungi seluruh suasana dengan bayangan yang selembut-lembutnya dan merangsangkan kesedaran supaya mengingati kenangan-kenangan zaman kecil dan perasaan-perasaan kasih sayang dan rindu mesra:

إِمَّا يَبْلُغَنَّ عِندَكَ ٱلْكِبَرَ أَحَدُهُمَآ أَوْ كِلَاهُمَا

"Jika salah seorang di antara keduanya atau kedua-duanya meningkat umur tua dalam jagaanmu."(23)

Umur yang tua itu mempunyai kehormatan dan kelemahannya, umur yang tua itu mempunyai makna dan saranannya. Kata-kata "عندك" (di bawah jagaanmu) menggambarkan pengertian berlindung dan menumpang ketika tua dan lemah.

فَلَا تَقُل لَّهُمَآ أُفّٖ وَلَا تَنۡهَرۡهُمَا

"Maka janganlah sekali-kali engkau mengucapkan sebarang kata-kata yang kasar kepada keduanya dan janganlah sekali-kali engkau menyergahkan keduanya."(23)

Inilah peringkat pertama dari peringkat-peringkat memelihara dan menjaga adab sopan terhadap ibubapa, iaitu si anak jangan sekali-kali mengeluarkan kata-kata yang membayangkan rasa bosan dan marah atau kata-kata yang membayangkan penghinaan dan budi bahasa yang kasar.

وَقُل لَّهُمَا قَوۡلٗا كَرِيمٗا ٢٣

"Dan ucapkanlah kepada keduanya dengan kata-kata yang mulia."(23)

Inilah peringkat budi bahasa positif yang tertinggi, iaitu si anak hendaklah bercakap dengan kedua-dua orang tuanya dengan menggunakan kata-kata yang membayangkan sikap mulia dan menghormati mereka.

وَٱخۡفِضۡ لَهُمَا جَنَاحَ ٱلذُّلِّ مِنَ ٱلرَّحۡمَةِ

"Dan hendaklah engkau merendahkan sayap rendah diri kepada keduanya kerana kasih sayang."(24)

Di sini ayat ini mengungkapkan dengan uslub yang begitu lembut dan halus. Ia menyentuh lubuk hati dan perasaan. Itulah perasaan kasih sayang yang amat halus hingga ia merupakan seolah-olah sikap rendah diri yang tidak sanggup mengangkat mata dan menolak perintah, dan seolah-olah sikap rendah diri itu mempunyai sayap yang boleh direndahkan untuk menyatakan rasa damai dan menyerah ta'at.

وَقُل رَّبِّ ٱرۡحَمۡهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي صَغِيرٗا ٢٤

"Dan berdo'alah: Ya Tuhanku! Limpahkanlah rahmat ke atas keduanya sebagaimana mereka membelaku di masa kecil."(24)

Itulah kenangan mesra, iaitu kenangan zaman kecil yang lemah di bawah belaan dua ibubapa dan kini kedua-duanya sedang berada dalam keadaan yang lemah dan memerlukan belaan dan kasih mesra sama seperti anak-anak itu memerlukannya di zaman kecil. Itulah do'a si anak kepada Allah supaya melimpahkan rahmat ke atas ibubapa, kerana rahmat dan pemeliharaan Allah itu lebih luas dan syumul dan pekarangan-Nya lebih lapang dan kerana Allahlah yang lebih berkuasa membalas budi baik mereka yang telah memberi darah dan hatinya yang tidak dapat dibalas oleh anak-anak.

Ujar al-Hafiz al-Bazzar dengan sanadnya dari Buraydah dari bapanya: Ada seorang lelaki sedang bertawaf dengan mengendungkan ibunya lalu dia bertanya Nabi s.a.w., "Adakah hamba telah menunaikan haknya (hak ibunya)?" Jawab beliau: "Tidak. Tidak dengan hanya sekali pandang sahaja sampai satu keluhan pun".

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 25)

Oleh sebab di dalam ayat ini segala perasaan dan harakat telah dihubungkan dengan 'aqidah, maka ia diiringi dengan pernyataan yang memulangkan segala urusan kepada Allah yang mengetahui segala niat hati dan mengetahui segala rahsia di sebalik perkataan-perkataan dan perbuatan-perbuatan.

رَّبُّكُمۡ أَعۡلَمُ بِمَا فِي نُفُوسِكُمۡۚ إِن تَكُونُواْ صَٰلِحِينَ
فَإِنَّهُۥ كَانَ لِلۡأَوَّٰبِينَ غَفُورٗا ٢٥

"Tuhan kamu lebih mengetahui segala niat yang tersemat di dalam hati kamu, jika kamu orang-orang yang berniat baik, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun terhadap orang-orang yang sentiasa bertaubat."(25)

Pernyataan ini disebut sebelum menghuraikan taklif-taklif, kewajipan-kewajipan dan peradaban-peradaban yang lain untuk dijadikan rujukan bagi setiap perkataan dan perbuatan dan untuk dibukakan pintu taubat dan kasihan belas kepada orang yang melakukan kesalahan atau cuai menunaikan kewaiipannya, kemudian dia kembali semula kepada Allah dan bertaubat dari kesalahan dan kecuaiannya.

Selama hati itu baik, maka pintu keampunan itu tetap terbuka. Para "Awwabin" ialah orang-orang yang apabila mereka melakukan kesalahan mereka kembali semula kepada Allah memohon keampunan-Nya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 26 - 28)

Setelah berbicara mengenai kebaktian kepada ibubapa, ayat berikut memperkatakan pula tentang kebaktian kepada seluruh kerabat dan terus menyambung dengan orang-orang miskin dan orang musafir dengan tujuan memperluaskan hubungan kerabat itu supaya merangkumi hubungan-hubungan insaniyah dalam ertikatanya yang luas:

Hubungan Dengan Ahli Kerabat, Orang-orang Miskin Dan Musafir Yang Terlantar

وَءَاتِ ذَا ٱلۡقُرۡبَىٰ حَقَّهُۥ وَٱلۡمِسۡكِينَ وَٱبۡنَ ٱلسَّبِيلِ
وَلَا تُبَذِّرۡ تَبۡذِيرًا ٢٦
إِنَّ ٱلۡمُبَذِّرِينَ كَانُوٓاْ إِخۡوَٰنَ ٱلشَّيَٰطِينِۖ وَكَانَ ٱلشَّيۡطَٰنُ
لِرَبِّهِۦ كَفُورٗا ٢٧
وَإِمَّا تُعۡرِضَنَّ عَنۡهُمُ ٱبۡتِغَآءَ رَحۡمَةٖ مِّن رَّبِّكَ تَرۡجُوهَا
فَقُل لَّهُمۡ قَوۡلٗا مَّيۡسُورٗا ٢٨

"Berikanlah kepada kerabatmu haknya masing-masing, juga kepada orang miskin dan orang musafir (yang terlantar) dan janganlah engkau berbelanja dengan membazir(26). Sesungguhnya para pembazir itu adalah saudara-saudara

syaitan dan syaitan amat kufur terhadap ni'mat Tuhannya(27). Dan jika engkau tidak dapat melayani mereka kerana (masih mencari rahmat (rezeki) yang engkau harapkannya dari Tuhanmu, maka ucapkanlah kepada mereka dengan kata-kata yang lemah-lembut."(28)

Al-Qur'an menjadikan kerabat, orang miskin dan orang musafir yang terlantar itu mempunyai hak di atas orang-orang Islam yang harus ditunaikan dengan menghulurkan bantuan yang terhak kepada mereka. Dan bantuan ini bukanlah merupakan suatu pemberian kemurahan hati dari seorang kepada seorang yang lain, malah merupakan suatu hak yang difardhukan Allah serta dihubungkan-Nya dengan kewajipan menyembah dan mentauhidkan-Nya. Ia merupakan suatu kewajipan yang pasti ditunaikan untuk melepaskan tanggungjawabnya dan untuk menghubungkan kasih mesra di antaranya dengan orang yang diberikan bantuan itu. Apa yang dilakukannya itu merupakan pelaksanaan kewajipan yang terletak di atas bahunya.

Pengertian Membazir

Al-Qur'an melarang perbuatan membazir, dan yang dimaksudkan dengan pembaziran - mengikut pentafsiran Ibn Mas'ud dan ibn 'Abbas - ialah perbelanjaan yang dibelanjakan pada jalan yang tidak sebenar. Ujar Mujahid, sekiranya seseorang itu membelanjakan seluruh harta kekayaannya pada jalan yang sebenar, maka dia tidak disifatkan sebagai seorang pembazir, tetapi sebaliknya jika dia membelanjakan secupak makanan pada jalan yang tidak sebenar, maka dia disifatkan sebagai seorang pembazir.

Jadi, yang diperhitungkan di sini bukannya banyak sedikit perbelanjaan itu, tetapi ialah tempat dibelanjakan harta itu. Oleh sebab itulah orang-orang yang membazir itu dianggap saudara-saudara syaitan kerana mereka membelanjakan harta mereka ke jalan kebatilan, kejahatan dan maksiat. Mereka benar-benar merupakan saudara-saudara dan rakan-rakan sejawat syaitan:

وَكَانَ ٱلشَّيْطَٰنُ لِرَبِّهِۦ كَفُورًا ﴿٢٧﴾

"Dan syaitan-syaitan amat kufur terhadap ni'mat Tuhannya."(27)

Dan andaikata seorang itu belum lagi mempunyai keluasan harta yang membolehkannya untuk menunaikan hak kerabat, orang-orang miskin dan orang-orang musafir dan merasa malu untuk menghadapi mereka lalu dia berdo'a kepada Allah agar mengurniakan rezeki kepadanya dan kepada mereka, maka hendaklah dia janjikan mereka hingga ke masa dia mendapat keluasan dan hendaklah dia bercakap dengan mereka dengan perkataan-perkataan yang lemah-lembut, dan janganlah menaruh perasaan bosan terhadap mereka dan janganlah pula diam membisu sahaja menyebabkan mereka merasa tidak senang dan marah, kerana kata-kata yang lemah-lembut dan menyenangkan itu dapat memberi pampasan, harapan dan kesabaran kepada mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 29 - 30)

Sehubungan dengan pembaziran dan larangan melakukannya, Al-Qur'an menyuruh supaya mengamalkan sikap bersederhana dalam semua perbelanjaan:

وَلَا تَجْعَلْ يَدَكَ مَغْلُولَةً إِلَىٰ عُنُقِكَ وَلَا تَبْسُطْهَا كُلَّ ٱلْبَسْطِ فَتَقْعُدَ مَلُومًا مَّحْسُورًا ﴿٢٩﴾

"Dan janganlah engkau jadikan tanganmu terbelenggu di lehermu (bersikap bakhil) dan janganlah pula engkau membukanya dengan seluas-luasnya (bersikap boros) menyebabkan engkau terselepoh dengan keadaan tercela dan lemah."(29)

Perimbangan merupakan asas yang pokok dalam sistem hidup Islam, dan keterlaluan merosakkan perimbangan. Pengungkapan di sini berlangsung dengan cara gambaran, di mana sifat bakhil digambarkan dengan tangan yang terbelenggu di leher dan sifat memboros digambarkan dengan tangan yang terbuka dengan seluasnya hingga tidak dapat memegang sesuatu apa, dan seterusnya menggambarkan kesudahan bakhil dan boros itu dengan duduk terselepoh yang membayangkan kedudukan orang yang tercela dan lemah. Kata-kata "الحسير" dari segi bahasa bererti binatang yang tidak dapat berjalan dan berhenti kerana lemah, demikianlah juga si bakhil menjadi lemah dengan sebab tabi'at kikirnya menyebabkannya tidak dapat bergerak. Begitulah juga nasib pemboros lambat-laun dia akan ber-akhir dengan kelumpuhan dan terselepoh lemah. Dan kedua-dua sifat bakhil dan pemboros itu adalah sifat yang hina dan tercela belaka, dan sebaik-baik sikap ialah bersederhana.

Kemudian perintah bersederhana itu diiringi pula dengan pernyataan bahawa pemberi rezeki itu ialah Allah. Dialah yang meluas dan melapangkan rezeki dan Dialah juga yang menyempit dan mengetatkan rezeki dan Allah yang memberi rezeki itulah yang menyuruh manusia supaya bersederhana di dalam perbelanjaan:

إِنَّ رَبَّكَ يَبْسُطُ ٱلرِّزْقَ لِمَن يَشَآءُ وَيَقْدِرُ ۚ إِنَّهُۥ كَانَ بِعِبَادِهِۦ خَبِيرًۢا بَصِيرًا ﴿٣٠﴾

"Sesungguhnya Tuhanmu yang melapang dan menyempitkan rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Melihat keadaan hamba-hamba-Nya."(30)

Allah yang meluaskan rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dengan ilmu dan penglihatan-Nya yang amat mendalam, begitu juga Dia menyempitkan rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dengan

ilmu dan penglihatan-Nya yang mendalam. Allah menyuruh bersederhana di dalam perbelanjaan dan melarang bersikap kikir dan pemboros. Dialah Yang Maha Mengetahui dan melihat sesuatu yang paling baik dalam segala keadaan dan Dialah yang telah menurunkan Al-Qur'an yang memberi hidayat ke jalan yang amat lurus di dalam segala keadaan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 31 - 32)

Membunuh Anak Perempuan Kerana Takut Miskin

Setengah-setengah orang Arab di zaman jahiliyah membunuh anak-anak perempuan mereka kerana takut kepada kemiskinan dan kepapaan, oleh sebab di dalam ayat yang silam telah dijelaskan bahawa Allahlah yang meluas dan menyempitkan rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya, maka (kini) diiringi pula dengan larangan membunuh anak kerana takut miskin dan papa. Ini adalah amat sesuai dengan tempatnya dalam penjelasan ayat-ayat ini, kerana selama rezeki itu di tangan Allah, maka sudah tentu tiada apa-apa hubungan di antara kepapaan dengan keramaian anak-anak atau dengan jantina anak-anak, malah segala urusan adalah terpulang kepada Allah belaka. Apabila hubungan di antara kepapaan dan keramaian anak-anak itu telah terhapus dari pemikiran manusia dan dapat membetulkan 'aqidah mereka dari segi ini, maka dengan sendiri pula akan terhapusnya motif dan dorongan untuk melakukan perbuatan liar yang bertentangan dengan fitrah makhluk-makhluk yang bernyawa dan undang-undang hayat itu:

وَلَا تَقْتُلُوٓاْ أَوْلَٰدَكُمْ خَشْيَةَ إِمْلَٰقٍۖ نَّحْنُ نَرْزُقُهُمْ وَإِيَّاكُمْۚ إِنَّ قَتْلَهُمْ كَانَ خِطْـًٔا كَبِيرًا ﴿٣١﴾

"Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takutkan kepapaan. Kamilah yang memberi rezeki kepada mereka dan kepada kamu. Sesungguhnya perbuatan membunuh mereka adalah satu kesalahan yang amat besar."(31)

Penyelewengan dan kerosakan 'aqidah menimbulkan kesan-kesannya yang buruk di dalam kehidupan masyarakat. Ia tidak terhenti setakat kerosakan 'aqidah dan upacara-upacara beribadat sahaja. Justeru itu pembetulan 'aqidah melahirkan kesan-kesannya yang baik. Ia dapat membetulkan perasaan-perasaan manusia dan memelihara kesejahteraan-nya juga memelihara kesejahteraan dan kelurusan kehidupan masyarakat. Contoh penanaman anak-anak perempuan merupakan satu contoh yang jelas yang membuktikan kesan-kesan 'aqidah terhadap kehidupan masyarakat manusia dan membuktikan bahawa hidup manusia itu tetap terpengaruh kepada 'aqidah dan 'aqidah tidak pernah hidup terpencil dari kehidupan.

Sekarang marilah kita berhenti sejenak memperhatikan kehalusan-kehalusan pengungkapan Al-Qur'an yang amat mengkagumkan itu.

Di tempat ini Al-Qur'an mendahulukan sebutan rezeki anak-anak di atas rezeki-rezeki bapa-bapa iaitu:

نَّحْنُ نَرْزُقُهُمْ وَإِيَّاكُمْۚ

"Kamilah yang memberi rezeki kepada mereka dan kepada kamu"(31)

tetapi di dalam Surah al-An'am Al-Qur'an mendahulukan sebutan rezeki bapa-bapa di atas anak-anak:

نَّحْنُ نَرْزُقُكُمْ وَإِيَّاهُمْۖ

"Kamilah yang memberi rezeki kepada kamu dan kepada mereka (anak-anak)."

(Surah al-An'am: 151)

Perbezaan ini disebabkan adanya satu perbezaan yang lain di dalam pengertian dua ayat itu. Ayat (surah) ini berbunyi:

وَلَا تَقْتُلُوٓاْ أَوْلَٰدَكُمْ خَشْيَةَ إِمْلَٰقٍۖ نَّحْنُ نَرْزُقُهُمْ وَإِيَّاكُمْۚ

"Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takutkan kepapaan. Kamilah yang memberi rezeki kepada mereka dan kepada kamu."(31)

Sementara ayat (Surah al-An'am) yang satu lagi berbunyi:

وَلَا تَقْتُلُوٓاْ أَوْلَٰدَكُم مِّنْ إِمْلَٰقٍ نَّحْنُ نَرْزُقُكُمْ وَإِيَّاهُمْۖ

"Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana kepapaan. Kamilah yang memberi rezeki kepada kamu dan kepada mereka."

(Surah al-An'am: 151)

Di dalam surah ini membunuh anak kerana takut jatuh ke dalam kepapaan dengan sebab anak-anak dan kerana itu didahulukan sebutan rezeki anak-anak, sedangkan di dalam Surah al-An'am pula membunuh anak dengan sebab bapa-bapa berada di dalam kepapaan yang sebenar, maka kerana itulah didahulukan sebutan rezeki bapa-bapa. Jadi, mendahulu atau mengemudiankan sebutan rezeki anak dan bapa itu adalah disusun mengikut kehendak-kehendak yang sesuai dengan maksud ungkapan-ungkapan di dalam dua surah itu masing-masing.

Dari larangan membunuh anak berpindah pula kepada larangan melakukan zina:

وَلَا تَقْرَبُواْ ٱلزِّنَىٰٓۖ إِنَّهُۥ كَانَ فَٰحِشَةً وَسَآءَ سَبِيلًا ﴿٣٢﴾

"Dan janganlah kamu hampiri perbuatan zina kerana sesungguhnya zina itu suatu pencabulan yang keji dan suatu jalan yang buruk akibatnya."(32)

Jenayah Berzina

Di antara perbuatan membunuh anak dan melakukan zina itu terdapat hubungan dan persesuaian. Larangan melakukan zina disebut di tengah-tengah, iaitu di antara larangan membunuh anak dengan larangan membunuh manusia yang lain kerana wujudnya hubungan dan persesuaian yang sama.

Perbuatan zina mengandungi pembunuhan dari berbagai-bagai sudut. Zina merupakan perbuatan membunuh dari awal-awal lagi, kerana zina itu menumpahkan benih hayat pada bukan tempatnya yang sebenar dan diikuti pula oleh keinginan mahu menghindarkan diri dari kesan-kesannya dengan membunuh janin sebelum ia membentuk rupa atau selepas ia membentuk rupa sama ada sebelum ia dilahirkan atau selepas ia dilahirkan di dunia. Andai kata janin itu dibiarkan hidup, maka biasanya ia dibiarkan hidup dalam satu kehidupan yang buruk atau kehidupan yang hina, iaitu satu kehidupan yang disia-siakan dalam masyarakat di dalam mana-mana aspeknya, dan zina itu juga merupakan satu bentuk pembunuhan terhadap masyarakat, di mana berkembangnya kejahatan zina yang menyebabkan kehilangan hubungan keturunan dan percampuran darah keturunan dan seterusnya kehilangan kepercayaan terhadap kehormatan dan anak dan mengakibatkan kehancuran ikatan-ikatan masyarakat dan akhirnya membawa kepada keruntuhan yang menyerupai maut di kalangan kelompok-kelompok masyarakat.

Dari sudut yang lain zina merupakan satu pembunuhan kepada masyarakat kerana kemudahan memuaskan nafsu syahwat melalui zina menjadikan kehidupan secara suami isteri merupakan perkara sekundar bukannya perkara yang perlu, dan menjadikan keluarga suatu tanggungjawab yang tidak mustahak, sedangkan keluarga merupakan tapak semaian yang baik bagi anak-anak yang kecil, di mana fitrah dan didikan mereka tidak akan sihat dan betul melainkan apabila mereka dibelakan di sana.

Tiada satu umat di mana kejahatan zina tersebar meluas dalam kalangan masyarakatnya melainkan umat itu tetap menuju ke arah keruntuhan. Ini berlaku sejak zaman purbakala hingga ke zaman moden.

Mungkin setengah orang terkeliru dengan kedudukan Eropah dan Amerika pada hari ini, di mana kedua negara itu memegang teraju kekuatan kebendaan walaupun amalan kejahatan zina berleluasa di dalam kedua masyarakat itu. Tetapi kesan-kesan keruntuhan pada umat-umat yang tua seperti Perancis tidak syak amat ketara. Adapun di kalangan umat-umat yang masih muda seperti Amerika Syarikat, maka kesan-kesan keruntuhan itu belum lagi timbul kerana umat Amerika masih lagi baru dan sumber-sumber kekayaan alamnya sangat luas. Amerika laksana seorang pemuda yang sedang rakus dan keterlaluan memuaskan hawa nafsunya dan kesan-kesan keterlaluan itu belum lagi nampak pada tubuh badannya kerana dia masih muda, tetapi lambat-laun dia akan menghadapi keruntuhan apabila dia melangkah kepada usia yang tua, ketika itu dia tidak lagi berupaya menanggung kesan-kesan umur tua itu sekuat yang dapat ditanggung oleh rakan-rakan sejawatnya yang sederhana.

Al-Qur'an memberi amaran jangan mendekati perbuatan zina. Ini merupakan penekanan supaya menjauhi perbuatan itu, kerana perbuatan zina itu didorongkan oleh keinginan nafsu yang kuat, justeru itu menjauhi dari mendekati itu adalah lebih selamat. Perbuatan mendekati sebab-sebab yang membawa kepada zina itu tidak memberi jaminan yang selamat.

Justeru itulah Islam menyekat jalan zina dengan menjauhi sebab-sebab yang mendorong ke arahnya untuk menjaga supaya seseorang itu tidak terjerumus ke dalamnya. Kerana itu Islam melarang percampuran bebas di antara lelaki dan perempuan yang tidak perlu, mengharamkan khalwat dan perbuatan bersolek secara berlebih-lebihan. Islam menggalakkan perkahwinan kepada yang mampu, dan berpuasa kepada yang tidak mampu, dan melarang mengadakan halangan-halangan yang boleh menyekat perkahwinan seperti meletakkan maskahwin yang terlalu tinggi. Islam menafikan ketakutan kepada kemiskinan dan kepapaan kerana mempunyai anak-anak yang ramai. Ia menggalakkan supaya diberi subsidi kepada orang-orang yang ingin berkahwin untuk memelihara kesucian diri mereka. Ia menjatuhkan hukuman yang paling berat ke atas jenayah zina apabila berlaku, juga ke atas kesalahan menuduh perempuan-perempuan yang baik tanpa bukti dan lain-lain sarana untuk mencegah perbuatan zina dan mengubatinya agar masyarakat Islam terpelihara dari keruntuhan dan kehancuran.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 33)

Larangan membunuh anak dan melakukan perbuatan zina itu diakhiri dengan larangan membunuh orang melainkan dengan sebab yang benar:

وَلَا تَقْتُلُوا۟ ٱلنَّفْسَ ٱلَّتِى حَرَّمَ ٱللَّهُ إِلَّا بِٱلْحَقِّ ۗ وَمَن قُتِلَ مَظْلُومًا فَقَدْ جَعَلْنَا لِوَلِيِّهِۦ سُلْطَٰنًا فَلَا يُسْرِف فِّى ٱلْقَتْلِ ۖ إِنَّهُۥ كَانَ مَنصُورًا ﴿٣٣﴾

"Dan janganlah kamu membunuh seseorang manusia yang diharamkan Allah membunuhnya melainkan dengan sebab yang benar. Dan barang siapa dibunuh secara zalim, maka sesungguhnya Kami telah memberikan kepada walinya kuasa (menuntut qisas atau diyat), oleh itu janganlah si wali

itu bertindak melampaui batas (dalam tuntutan balas bunuh), sesungguhnya dia tetap diberi pertolongan."(33)

Jenayah Membunuh Dan Sebab Yang Menghalalkannya

Islam adalah agama hidup dan agama damai. Membunuh orang merupakan suatu dosa besar di sisi Islam selepas dosa syirik terhadap Allah. Oleh sebab Allah yang mengurniakan hayat, maka tiada siapa selain Allah yang berhak meragutkan hayat kecuali dengan kebenaran-Nya mengikut batas-batasnya yang digaris oleh-Nya. Setiap nyawa itu suci tidak boleh disentuh dan diceroboh melainkan dengan sebab yang benar, dan sebab yang benar yang mengharuskan membunuh orang itu telah ditentukan Allah dengan jelas tanpa sebarang kekeliruan lagi. Ia bukannya ditinggalkan kepada keputusan fikiran manusia dan tidak pula dibiarkan terpengaruh kepada hawa nafsu manusia. Tersebut di dalam Sahih al-Bukhari dan Muslim bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

لايحل دم امريء مسلم يشهد أن لا إله إلا الله وأن محمّدا رسول الله ، إلا بإحدى ثلاث : النّفس بالنّفس ، الزّاني المحصن ، والتارك لدينه المفارق للجماعة

"Tidak halal darah seorang Muslim yang mengaku tiada Tuhan yang lain melainkan Allah dan Muhammad itu pesuruh Allah kecuali dengan salah satu dari tiga sebab: Nyawa dibalas dengan nyawa, penzina yang muhsan, orang yang meninggalkan agamanya dan berpisah dari kelompok Muslimin."

Sebab-sebab yang pertama ialah pembunuhan balas yang adil. Hukuman nyawa di balas dengan nyawa itu dapat menjamin keselamatan nyawa-nyawa orang lain:

وَلَكُمْ فِي ٱلْقِصَاصِ حَيَوٰةٌ

"Dalam hukuman qisas itu terdapat jaminan hidup bagi kamu"

(Surah al-Baqarah: 179)

kerana qisas dapat menghalangkan orang-orang yang ingin menceroboh terhadap nyawa orang lain. Hukuman qisas yang menunggu mereka akan mencegah mereka sebelum mereka tampil melakukan jenayah itu. Ia dapat memberi jaminan hidup dengan menahan pihak yang menuntut hutang darah dari bertindak sewenang-wenang menuntut bela yang tidak berhenti setakat si pembunuh sahaja, malah melampaui orang lain menyebabkan timbulnya pertumpahan darah yang tidak hanya membabitkan dua pihak itu sahaja. Ia dapat memberi jaminan hidup kerana setiap orang merasa aman terhadap keselamatan diri dan merasa yakin terhadap keadilan hukuman qisas. Oleh sebab itu dia dapat keluar dengan bebas untuk bekerja dan bergiat menghasilkan pengeluaran-pengeluaran. Demikianlah seluruh umat dapat hidup dengan aman dan selamat.

Sebab yang kedua ialah untuk menolak kerosakan yang membawa pembunuhan akibat tersebarnya maksiat zina, kerana zina merupakan satu bentuk pembunuhan sebagaimana kami telah terangkan tadi.

Sebab yang ketiga ialah untuk menolak kerosakan jiwa yang boleh menimbulkan keadaan kacau-bilau di dalam masyarakat Islam, mengancamkan keamanan dan sistem hidupnya yang telah dipilih oleh Allah dan menyerahkannya kepada golongan yang mahu membunuh masyarakat Islam. Orang yang meninggalkan agamanya (murtad) dan berpisah dengan masyarakat Islam itu pada hakikatnya dia membunuh (masyarakat Islam) kerana (pada mulanya) dia telah memilih agama Islam tanpa dipaksa dan terus masuk menjadi anggota masyarakat Islam, di mana dia mengetahui segala rahsia-rahsianya. Oleh sebab itu apabila dia keluar dari agama Islam sesudah itu, maka perbuatan itu merupakan ancaman kepada keselamatan masyarakat Islam. Andainya (dari awal lagi) dia tinggal di luar masyarakat Islam, tiada seorang pun akan memaksanya memeluk agama Islam, malah Islam menjamin akan memberi perlindungan kepadanya jika dia dari golongan Ahlil-Kitab, dan menjamin keamanan dan keselamatannya jika dia dari golongan Musyrikin, dan selepas ini tiada lagi samahah (toleransi) kepada orang-orang yang menentang 'aqidah Islam.

وَلَا تَقْتُلُوا۟ ٱلنَّفْسَ ٱلَّتِى حَرَّمَ ٱللَّهُ إِلَّا بِٱلْحَقِّ وَمَن قُتِلَ مَظْلُومًا فَقَدْ جَعَلْنَا لِوَلِيِّهِۦ سُلْطَٰنًا فَلَا يُسْرِف فِّى ٱلْقَتْلِ إِنَّهُۥ كَانَ مَنصُورًا ﴿٣٣﴾

"Dan janganlah kamu membunuh seseorang manusia yang diharamkan Allah membunuhnya melainkan dengan sebab yang benar. Dan barang siapa dibunuh secara zalim, maka sesungguhnya Kami telah memberikan kepada walinya kuasa (menuntut qisas atau diat), oleh itu janganlah Si wali itu bertindak melampaui batas (dalam tuntutan balas bunuh), sesungguhnya dia tetap diberi pertolongan."(33)

Itulah tiga sebab yang mengharuskan pembunuhan. Oleh itu sesiapa yang dibunuh dengan zalim tanpa salah satu dari tiga sebab tersebut, maka Allah telah memberi kuasa (menuntut qisas atau diat) kepada walinya - waris yang terdekat kepadanya - terhadap si pembunuh itu, jika wali itu suka dia boleh menuntut hak balas bunuh, dan jika dia suka dia boleh memaafkannya dengan menuntut bayaran diat, dan jika dia kehendaki dia boleh memaafkannya tanpa membayar diat. Pendeknya dialah pihak yang berkuasa menentukan keputusannya terhadap si pembunuh itu kerana hutang darah itu berada dalam bidang kuasanya.

Wali Mangsa Yang Terbunuh Diberi Kuasa Menuntut Qisas Atau Diat

Walaupun si wali itu diberi kuasa yang amat besar, namun Islam melarangnya dari bertindak melakukan pembunuhan yang melampaui batas kerana

menggunakan kuasa yang telah dikurniakan kepadanya. Pembunuhan yang melampaui batas ialah pembunuhan yang melampaui si pembunuh, dan membabit orang-orang yang lain darinya yang tidak berdosa, sebagaimana yang berlaku dalam tradisi menuntut bela di zaman jahiliyah, di mana bapa-bapa, saudara-saudara lelaki, anak-anak lelaki dan kaum kerabat yang tidak berdosa itu turut sama dibabitkan di dalam pembunuhan itu semata-mata kerana mereka tergolong di dalam keluarga si pembunuh. Pembunuhan yang melampaui batas juga ialah pembunuhan dalam bentuk memotong dan mencaing-caingkan anggota si pembunuh. Pihak wali hanya diberi kuasa menuntut hutang darah ke atas pembunuh itu tanpa pencaingan anggota-anggotanya, kerana Allah bencikan perbuatan itu dan Rasulullah s.a.w. telah melarangkannya.

فَلَا يُسْرِف فِّي ٱلْقَتْلِ إِنَّهُۥ كَانَ مَنصُورًا ﴿٣٣﴾

"Oleh itu janganlah si wali itu bertindak melampaui batas (dalam tuntutan balas bunuh), sesungguhnya dia tetap diberi pertolongan."(33)

Allah tetap memberi kuasa kepadanya dan dia tetap dibantu oleh undang-undang syara' dan ditolong oleh hakim. Oleh sebab itulah dia harus berlaku adil dalam tuntutan qisasnya. Seluruh pihak yang berkuasa akan menolongnya dan berusaha mendapatkan haknya.

Pemberian kuasa kepada wali menuntut hak qisas terhadap si pembunuh dan pengemblengan kuasa undang-undang syara' dan kuasa hakim untuk membantunya merupakan langkah-langkah untuk memenuhi keinginan fitrah manusia dan menenangkan gelora kemarahan yang dialami pihak wali yang mungkin mendorongnya bertindakbalas dengan sewenang-wenang dalam suasana dendam dan emosi yang berkobar-kobar tanpa garis panduan. Tetapi jika pihak wali itu (dari awal lagi) sedar bahawa Allah telah memberi kuasa kepadanya untuk menuntut hak qisas terhadap darah si pembunuh dan sedar bahawa para hakim telah ditugas untuk membantunya dalam mendapatkan hak qisas, itu tentulah kemarahannya yang berkobar-kobar itu menjadi tenang dan hatinya kembali tenteram dan dia akan berhenti setakat menuntut hak qisas yang adil dan tenang.

Manusia tetap dengan sifat-sifat manusianya, oleh itu dia tidak boleh dituntut dan disuruh melakukan sesuatu yang bertentangan dengan keinginan fitrahnya yang begitu gemar menuntut hak qisas. Kerana itulah Islam mengakui keinginan fitrah ini dan memenuhi tuntutannya dalam batas-batas yang aman. Islam tidak mengabaikan kehendak-kehendak fitrah itu dengan mewajibkan sikap tasamuh/bertolak ansur secara paksa, malah Islam hanya menyeru dan menggalakkan mereka ke arah sikap bertolak ansur dan mengutamakannya, kemudian menjanjikannya dengan balasan pahala tetapi selepas mereka diberi kuasa menuntut hak qisas. Ketika itu pihak wali bebas sama ada hendak menuntut hak qisas atau memberi kemaafan. Kesedaran pihak wali bahawa dia mempunyai kuasa penuh dalam perkara ini kadang-kadang boleh mendorongnya ke arah memaaf dan bertolak ansur, tetapi jika dia sedar bahawa dia dipaksa memberi kema'afan, maka ini mungkin membangkitkan kemarahannya dan mendorongnya ke arah tindakan-tindakan yang melampaui batas dan liar.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 34)

Setelah selesai membicarakan tentang kehormatan maruah dan nyawa, maka Al-Qur'an memperkatakan pula tentang kehormatan harta benda anak yatim dan kehormatan perjanjian:

Penjagaan Harta Anak Yatim

وَلَا تَقْرَبُوا۟ مَالَ ٱلْيَتِيمِ إِلَّا بِٱلَّتِى هِىَ أَحْسَنُ حَتَّىٰ يَبْلُغَ أَشُدَّهُۥ ۚ وَأَوْفُوا۟ بِٱلْعَهْدِ ۖ إِنَّ ٱلْعَهْدَ كَانَ مَسْـُٔولًا ﴿٣٤﴾

"Dan janganlah kamu hampiri harta anak yatim melainkan dengan cara yang sebaik-baiknya sehingga dia meningkat umur dewasa. Dan sempurnakanlah segala perjanjian kerana perjanjian itu akan ditanya."(34)

Islam memelihara kehormatan darah, maruah dan harta benda setiap Muslim. Sabda Rasulullah s.a.w.:

كلّ المسلم على المسلم حرام دمه وعرضه وماله

"Setiap Muslim terhadap Muslim yang lain adalah diharamkan darahnya, maruahnya dan harta bendanya." [1]

Tetapi Islam menekankan penjagaan harta benda anak yatim dan menonjolkan larangan itu dengan kata-kata jangan menghampiri harta benda mereka melainkan dengan cara yang sebaik-baiknya. Ini disebabkan kerana anak-anak yatim itu tidak mampu menguruskan harta benda mereka dan mempertahankannya. Masyarakat Islam adalah diwajibkan memelihara dan menjaga anak yatim dan harta benda mereka sehingga mereka meningkat usia dewasa, cerdik dan mampu menguruskan sendiri harta benda mereka dan mempertahankannya.

Di antara perkara-perkara yang menarik perhatian mengenai perintah-perintah dan larangan-larangan (di dalam Al-Qur'an) ialah kewajipan-kewajipan yang diwajibkan ke atas setiap individu itu diungkapkan suruhan dan larangannya dengan sighah mufrad/susun kata tunggal, sedangkan kewajipan-kewajipan yang diwajibkan ke atas masyarakat diungkapkan suruhan dan larangan-larangannya dengan sighah jama'/susun kata majmuk. Misalnya kewajipan-kewajipan berbakti kepada dua ibubapa,

---

[1] *Dikeluarkan oleh Malik, al-Bukhari, Muslim, Abu Daud dan at-Tirmizi.*

memberi bantuan kepada kerabat, orang miskin, orang musafir, larangan membazirkan harta, suruhan mengamalkan sikap sederhana dalam urusan perbelanjaan, iaitu sikap sederhana di antara kikir dan memboros, suruhan mempastikan kebenaran sesuatu perkara dan larangan bersikap takbur dan angkuh adalah semuanya diungkapkan dengan sighah mufrad/susun kata tunggal kerana kewajipan-kewajipan itu merupakan kewajipan individu. Sementara larangan-larangan membunuh anak, melakukan perbuatan zina, membunuh orang dan suruhan-suruhan menjaga harta benda anak yatim, menunaikan perjanjian, menyempurnakan sukatan dan timbangan diungkapkan dengan sighah jama/susun kata majmuk kerana kewajipan-kewajipan ini merupakan kewajipan kelompok.

Oleh sebab itulah larangan mendekati harta anak yatim kecuali dengan cara yang sebaik-baiknya itu diungkapkan dengan sighah majmuk supaya seluruh orang ramai Islam bertanggungjawab terhadap anak-anak yatim dan harta benda mereka. Ini adalah tanggungjawab mereka selaku orang Islam terhadap anak-anak yatim.

Oleh kerana penjagaan harta anak-anak yatim itu merupakan kewajipan orang ramai Islam, maka Al-Qur'an telah menghubungkan kewajipan ini dengan kewajipan menunaikan perjanjian secara umum:

وَأَوْفُوا۟ بِٱلْعَهْدِ ۖ إِنَّ ٱلْعَهْدَ كَانَ مَسْـُٔولًا ﴿٣٤﴾

"Dan sempurnakanlah segala perjanjian kerana perjanjian itu akan ditanya.(34)"

Allah Jalla JalaluHu akan menyoal tentang penunaian perjanjian itu dan akan menghisab setiap mereka yang memungkiri dan membatalkan perjanjian itu.

Pengotaan Perjanjian

Islam menekan berat terhadap kewajipan menyempurnakan perjanjian, kerana penunaian perjanjian merupakan tempat pergantungan kejujuran, kepercayaan dan kebersihan di dalam hati nurani individu dan di dalam kehidupan orang ramai. Pembicaraan mengenai kewajipan menunaikan perjanjian ini telah dikemukakan berulang-ulang kali dengan berbagai-bagai bentuk di dalam Al-Qur'an dan al-Hadith, sama ada perjanjian dengan Allah atau perjanjian dengan manusia, perjanjian individu, perjanjian kelompok, perjanjian negara, perjanjian pemerintah dan perjanjian rakyat yang diperintah. Di dalam sejarah realiti, Islam telah mencapai tahap yang amat tinggi dalam kejujuran menyempurnakan perjanjian, iaitu tahap yang tidak dapat dicapai oleh manusia melainkan di bawah naungan Islam[2].

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 35)

Dari kewajipan menyempurnakan perjanjian beralih pula kepada kewajipan menyempurnakan sukatan dan timbangan:

وَأَوْفُوا۟ ٱلْكَيْلَ إِذَا كِلْتُمْ وَزِنُوا۟ بِٱلْقِسْطَاسِ ٱلْمُسْتَقِيمِ ۚ ذَٰلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٣٥﴾

"Dan sempurnakanlah sukatan jika kamu menyukat dan timbanglah dengan timbangan yang adil, itulah yang lebih baik dan lebih elok akibatnya."(35)

Penyempurnaan Sukatan Dan Timbangan

Titik persamaan di antara kewajipan menyempurnakan perjanjian dengan kewajipan menyempurnakan sukatan dan timbangan adalah jelas dari segi makna dan kata-kata. Oleh itu peralihan pembicaraan di dalam susunan ayat diselaraskan dengan jelas.

Penyempurnaan sukatan dan kejujuran dalam timbangan merupakan amanah di dalam mu'amalat dan kebersihan di dalam hati. Ia dapat menegakkan kejujuran bermu'amalat di dalam masyarakat, memberi kepercayaan kepada orang ramai dan menyempurnakan keberkatan di dalam kehidupan:

ذَٰلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٣٥﴾

"Itulah Yang lebih baik dan lebih elok akibatnya."(35)

Ia mendatangkan hasil yang amat baik di dunia dan akibat yang amat elok di Akhirat.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

لا يقدر رجل على حرام ثم يدعه ، ليس به إلاّ مخافة
الله، إلاّ أبدله الله به في عاجل الدنيا قبل الآخرة ما هو
خير من ذلك

"Tiada seorang yang mampu melakukan sesuatu perbuatan yang haram kemudian dia meninggalkan perbuatan itu, sedangkan tiada sesuatu yang menghalangkannya selain dari perasaan takut kepada Allah, nescaya Allah gantikannya di dunia ini lagi sebelum Akhirat dengan kebaikan yang lebih baik dari itu (yakni dari keuntungan dari perbuatan yang haram itu)."

Ketamakan dalam sukatan dan timbangan itu membayangkan kekotoran dan kehinaan hati. Penipuan dan pengkhianatan di dalam mu'amalat itu menggoncangkan kepercayaan orang ramai dan mengakibatkan kelembapan dan kemelesetan urusniaga dan mengurangkan keberkatan di dalam masyarakat menyebabkan akibat yang buruk ini kembali menimpa individu-individu itu sendiri. Mereka mengira mereka telah mendapat keuntungan dari perbuatan mengurangkan sukatan dan timbangan itu, sedangkan keuntungan itu hanya merupakan satu keuntungan lahir yang sebentar sahaja, kerana akibat kelembapan dan kemelesetan urusniaga di dalam masyarakat ini tidak lama akan kembali menimpa individu-individu itu sendiri.

---

2 *Lihat buku* "السلام العالمي والإسلام" *bab* "السلام المجتمع" *dan bab* "سلام العالم" *bahagian* "العنصر الأخلاقي في المعاملات"

Ini adalah satu hakikat yang memang disedari oleh orang-orang yang mempunyai pandangan yang jauh di alam perniagaan dan kerana itu mereka telah mematuhinya. Kepatuhan mereka bukanlah terbit dari dorongan akhlak atau motif keagamaan, malah oleh semata-mata kesedaran mereka dari pengalaman-pengalaman amali di dunia pasaran niaga.

Perbezaan di antara mereka yang mematuhi sukatan dan timbangan yang sempurna berdasarkan kepentingan perniagaan dengan mereka yang mematuhinya berdasarkan pegangan agama ialah mereka yang mematuhi berdasarkan pegangan agama dapat merealisasi matlamat perniagaan dan serentak itu juga dapat menambahkan kebersihan hatinya dan meninggikan pandangan dan hasratnya di dalam kegiatan amalinya ke ufuk yang lebih tinggi dari alam bumi, dan memberikan kefahaman yang lebih luas dalam memahami dan menghayati kehidupan.

Demikianlah Islam sentiasa menegakkan matlamat-matlamat hidup yang amali di sepanjang perjalanan menuju kepada ufuk-ufuk yang gemilang, di sepanjang masanya yang jauh dan seluruh bidang-bidangnya yang amat luas.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 36)

'Aqidah Islam adalah satu 'aqidah yang amat jelas, lurus dan terang. Tiada suatu di dalam 'aqidah Islam yang dilandaskan di atas andaian atau prasangka atau pendapat yang mengelirukan:

Methodologi Mempastikan Kebenaran Sesuatu Perkara Dan Tanggungjawabnya

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِۦ عِلْمٌ ۚ إِنَّ ٱلسَّمْعَ وَٱلْبَصَرَ وَٱلْفُؤَادَ كُلُّ أُو۟لَٰٓئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْـُٔولًا ﴿٣٦﴾

"Dan janganlah kamu ikut sesuatu yang kamu tidak tahu. Sesungguhnya telinga, mata dan hati itu semuanya akan ditanya."(36)

Ayat yang pendek ini membentuk satu pendekatan atau methodologi yang sempurna bagi hati dan akal manusia termasuk methodologi ilmiyah yang baru sahaja diketahui manusia, di samping ditokokkan pula dengan unsur kejujuran hati dan murakabah dengan Allah yang merupakan ciri keistimewaan Islam yang mengatasi methodologi-methodologi aqliyah lain yang kering.

Amalan mempastikan kebenaran sesuatu berita, sesuatu gejala dan sesuatu pergerakan sebelum menghukumkannya merupakan anjuran Al-Qur'an-Karim dan methodologi Islam yang halus dan hemat. Apabila hati dan akal manusia mengikut methodologi ini dengan jujur, maka tiada lagi ruang di alam 'aqidah yang dapat dimasuki prasangka dan kepercayaan khurafat, dan tiada lagi ruang di alam penghakiman, pengadilan dan mu'amalat yang dapat dimasuki oleh andaian-andaian dan pendapat-pendapat yang keliru, dan seterusnya tiada lagi ruang di alam penyelidikan-penyelidikan, ujian-ujian dan ilmu pengetahuan yang dapat dimasuki oleh pendapat-pendapat yang dangkal dan andaian-andaian yang karut.

Amanah ilmiyah yang dibangga-banggakan oleh manusia di zaman moden ini tidak lain dan tidak bukan melainkan merupakan sebahagian dari amanah aqliyah dan hati yang diumumkan tanggungjawabnya yang agung oleh Al-Qur'an. Pengumuman itu menjadikan setiap orang bertanggungjawab terhadap pendengaran, penglihatan dan hatinya di hadapan Allah yang mengurniakan telinga, mata dan hati itu.

Itulah amanah anggota dan pancaindera, amanah akal dan hati. Inilah amanah yang dipertanggungjawabkan kepada setiap orang, amanah yang dipertanggungjawabkan kepada anggota-anggota, pancaindera, akal dan hati semuanya. Itulah amanah yang membuat hati gementar kerana kehalusan dan keberatannya setiap kali lidah melafazkan satu perkataan, setiap kali seseorang itu mengesahkan satu cerita dan setiap kali dia mengeluarkan satu pendapat atau hukuman terhadap seorang lain atau terhadap suatu perkara atau peristiwa.

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِۦ عِلْمٌ

"Dan janganlah kamu ikut sesuatu yang kamu tidak tahu."(36)

Janganlah kamu ikut sesuatu yang kamu tidak mengetahuinya dengan yakin dan belum kamu pastikan kesahihannya sama ada berupa perkataan yang digembar-gemburkan orang atau berupa cerita yang diperikan atau berupa suatu gejala yang ditafsirkan atau berupa sesuatu kejadian yang diberikan sebabnya atau berupa hukum syara' atau berupa persoalan 'aqidah.

Tersebut di dalam al-Hadith (sabda Rasulullah s.a.w.):

إيّاكم والظّنّ فإن الظّنّ أكذب الحديث

"Awasilah prasangka kerana prasangka itu sebohong-bohong percakapan."

Tersebut dalam Sunan Abu Daud (sabda Rasulullah s.a.w.):

بئس مطيّة الرّجل: زعموا

"Seburuk-buruk alasan seseorang ialah perkataannya: Kata orang begini begini." [3]

---

[3] *Iaitu bercakap mengenai sesuatu tanpa alasan dan bukti selain dari bersandarkan kepada cerita-cerita dan desas-desus yang diperkatakan orang.*

Dalam sebuah hadith yang lain (sabda Rasulullah s.a.w.):

إن أفرى الفري أن يري الرجل عينيه مالم تريا

"Sesungguhnya dusta yang paling dusta ialah seseorang itu mengaku melihat sesuatu yang tidak pernah dilihatnya."

Demikianlah terdapat banyak ayat-ayat Al-Qur'an dan hadith-hadith yang menegakkan methodologi yang sempurna dan sepadu ini yang bukan sahaja mewajibkan akal supaya berhemat mengeluarkan pendapat-pendapatnya dan mempastikan kesahihan dalam penyiasatan-penyiasatannya, malah hati juga pasti hemat melayani lintasan-lintasan fikiran, kefahaman-kefahaman, perasaan-perasaan dan pendapat-pendapatnya. Oleh sebab itu lidah tidak harus mengeluarkan sesuatu perkataan, tidak harus menceritakan sesuatu peristiwa, tidak harus mengutip sesuatu riwayat, dan akal tidak harus mengeluarkan sesuatu hukuman dan seseorang itu tidak harus membuat sesuatu keputusan melainkan setelah ia pastikan kebenarannya dari segenap perinciannya, segenap hubungannya dan segenap hasil natijahnya sehingga di sana tidak ada lagi sebarang keraguan dan kesamaran terhadap kebenarannya.

إِنَّ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانَ يَهْدِى لِلَّتِى هِىَ أَقْوَمُ

"Sesungguhnya Al-Qur'an ini memberi hidayat ke jalan yang amat lurus"(9)

amatlah benar keterangan ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 37)

Sifat Angkuh Dan Takbur

Suruhan-suruhan dan larangan-larangan yang mempunyai hubungan yang rapat dengan 'aqidah tauhid ini diakhiri dengan larangan berlagak angkuh yang kosong dan congkak bongkak yang palsu:

وَلَا تَمْشِ فِى ٱلْأَرْضِ مَرَحًا ۖ إِنَّكَ لَن تَخْرِقَ ٱلْأَرْضَ وَلَن تَبْلُغَ ٱلْجِبَالَ طُولًا ﴿٣٧﴾

"Dan janganlah engkau berjalan di bumi ini dengan lagak yang angkuh, kerana sesungguhnya engkau tidak akan menembusi bumi (dengan jejakmu) dan tidak pula akan sampai setinggi gunung."(37)

Apabila hati seseorang sunyi dari kesedaran bahawa Allah Yang Maha Kuasa menguasai para hamba-Nya, maka dia akan dipengaruhi perasaan takbur dan sombong kerana kekayaan atau kekuasaan atau kekuatan atau kecantikannya, tetapi jika ia ingat bahawa segala ni' mat yang ada padanya adalah dari pemberian Allah dan ingat bahawa dia amat lemah di hadapan kekuasaan Allah tentulah dia akan merendahkan perasaan takburnya dan menurunkan rasa kesombongannya dan akan berjalan di bumi dengan langkah-langkah yang lemah-lembut tanpa lagak-lagak yang angkuh dan bongkak.

Al-Qur'an menghadapi orang yang takbur dan sombong itu dengan mengemukakan kelemahan dan kekerdilannya:

إِنَّكَ لَن تَخْرِقَ ٱلْأَرْضَ وَلَن تَبْلُغَ ٱلْجِبَالَ طُولًا ﴿٣٧﴾

"Kerana sesungguhnya engkau tidak akan menembusi bumi (dengan jejakmu) dan tidak pula akan sampai setinggi gunung."(37)

Tubuh manusia sangat kecil, tidak sebesar kejadian-kejadian besar yang lain yang telah diciptakan Allah. Dia hanya kuat dengan kekuatan yang dikurniakan Allah dan mulia dengan kemuliaan yang dianugerahi Allah. Dia hanya mulia dengan roh ciptaan Allah yang dihembuskan ke dalam dirinya untuk membolehkannya membuat perhubungan dan bermurakabah dengan Allah agar tidak melupainya.

Sifat tawadhu' dan rendah diri yang diserukan Al-Qur'an dengan mencelakan sifat takbur dan sombong itu merupakan peradaban terhadap Allah, peradaban terhadap sesama manusia, ia merupakan peradaban individu dan peradaban sosial. Tiada yang meninggalkan peradaban ini kepada sifat takbur dan sombong melainkan manusia yang berhati yang kecil dan berminat remeh. Manusia yang takbur dibencikan Allah kerana kesombongan dan kelupaannya terhadap ni'mat-Nya dan dia dibencikan orang ramai kerana gaya hidupnya yang angkuh.

Tersebut di dalam hadith (sabda Rasulullah s.a.w.):

من تواضع للّه رفعه فهو في نفسه حقير وعنده الناس كبير. ومن استكبر وضعه اللّه . فهو في نفسه كبير وعنده الناس حقير. حتّى لهو أبغض إليهم من الكلب والخنزير

"Barang siapa yang merendahkan dirinya kepada Allah nescaya diangkatkan Allah. Oleh itu dia merasa kecil di sisi dirinya, tetapi dipandang besar di sisi orang ramai, dan barang siapa yang berlagak takbur nescaya dia dihinakan Allah. Oleh itu dia merasa besar di sisi dirinya, tetapi dipandang kecil di sisi orang ramai sehingga dia lebih dibenci di sisi mereka dari anjing dan babi."[4]

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 38 - 39)

Suruhan-suruhan dan larangan-larangan dan yang biasa ditekan ialah larangan-larangan terhadap perbuatan dan sifat yang keji itu diakhiri dengan pengumuman yang menyatakan kebencian Allah terhadap segala perbuatan dan sifat yang buruk itu:

كُلُّ ذَٰلِكَ كَانَ سَيِّئُهُۥ عِندَ رَبِّكَ مَكْرُوهًا ﴿٣٨﴾

"Semua (larangan) itu adalah keburukannya amat dibenci di sisi Tuhanmu."(38)

Pengumuman ini merupakan intisari dan peringatan terhadap akibat suruhan dan larangan itu, iaitu kebencian Allah terhadap perbuatan-perbuatan dan

---

4 *Diriwayatkan oleb Ibn Kathir di dalam tafsirnya.*

sifat-sifat yang buruk itu. Di sini Al-Qur'an tidak menyatakan tentang perbuatan-perbuatan yang baik yang disuruh itu kerana yang biasa ditekan dalam perkara-perkara itu ialah larangan terhadap perbuatan-perbuatan dan sifat-sifat yang buruk sebagai-mana telah kami terangkan tadi.

Suruhan-suruhan dan larangan-larangan itu juga diakhiri sama seperti dimulakannya iaitu dengan menghubungkannya kepada Allah dan kepada 'aqidah tauhid serta memberi amaran terhadap perbuatan syirik, juga dengan menyatakan bahawa suruhan-suruhan dan larangan-larangan itu merupakan sebahagian dari hikmat yang dikemukakan Al-Qur'an yang diwahyukan Allah kepada Rasulullah s.a.w.:

ذَٰلِكَ مِمَّآ أَوۡحَىٰٓ إِلَيۡكَ رَبُّكَ مِنَ ٱلۡحِكۡمَةِۗ وَلَا تَجۡعَلۡ مَعَ
ٱللَّهِ إِلَٰهًا ءَاخَرَ فَتُلۡقَىٰ فِي جَهَنَّمَ مَلُومًا مَّدۡحُورًا ﴿٣٩﴾

"Itulah sebahagian dari hikmat yang diwahyukan Tuhanmu kepadamu dan janganlah engkau mengadakan Tuhan yang lain di samping Allah menyebabkan kamu dicampakkan ke dalam Neraka Jahannam dengan keadaan tercela dan tersingkir dari rahmat Allah."(39)

Itulah pengakhiran yang serupa dengan permulaan, di mana dua hujungnya tersimpul kukuh dan bersambung dengan tapak asas yang agung, di mana Islam menegakkan binaan kehidupan, iaitu tapak asas tauhid dan ibadat kepada Allah Yang Maha Esa sahaja.

(Kumpulan ayat-ayat 40 - 57)

أَفَأَصۡفَىٰكُمۡ رَبُّكُم بِٱلۡبَنِينَ وَٱتَّخَذَ مِنَ ٱلۡمَلَٰٓئِكَةِ
إِنَٰثًاۚ إِنَّكُمۡ لَتَقُولُونَ قَوۡلًا عَظِيمًا ﴿٤٠﴾
وَلَقَدۡ صَرَّفۡنَا فِي هَٰذَا ٱلۡقُرۡءَانِ لِيَذَّكَّرُواْ وَمَا يَزِيدُهُمۡ إِلَّا
نُفُورًا ﴿٤١﴾
قُل لَّوۡ كَانَ مَعَهُۥٓ ءَالِهَةٞ كَمَا يَقُولُونَ إِذٗا لَّٱبۡتَغَوۡاْ إِلَىٰ ذِي ٱلۡعَرۡشِ
سَبِيلٗا ﴿٤٢﴾
سُبۡحَٰنَهُۥ وَتَعَٰلَىٰ عَمَّا يَقُولُونَ عُلُوّٗا كَبِيرٗا ﴿٤٣﴾
تُسَبِّحُ لَهُ ٱلسَّمَٰوَٰتُ ٱلسَّبۡعُ وَٱلۡأَرۡضُ وَمَن فِيهِنَّۚ وَإِن مِّن
شَيۡءٍ إِلَّا يُسَبِّحُ بِحَمۡدِهِۦ وَلَٰكِن لَّا تَفۡقَهُونَ تَسۡبِيحَهُمۡۗ
إِنَّهُۥ كَانَ حَلِيمًا غَفُورٗا ﴿٤٤﴾
وَإِذَا قَرَأۡتَ ٱلۡقُرۡءَانَ جَعَلۡنَا بَيۡنَكَ وَبَيۡنَ ٱلَّذِينَ لَا يُؤۡمِنُونَ
بِٱلۡأٓخِرَةِ حِجَابٗا مَّسۡتُورٗا ﴿٤٥﴾
وَجَعَلۡنَا عَلَىٰ قُلُوبِهِمۡ أَكِنَّةً أَن يَفۡقَهُوهُ وَفِيٓ ءَاذَانِهِمۡ وَقۡرٗاۚ
وَإِذَا ذَكَرۡتَ رَبَّكَ فِي ٱلۡقُرۡءَانِ وَحۡدَهُۥ وَلَّوۡاْ عَلَىٰٓ أَدۡبَٰرِهِمۡ
نُفُورٗا ﴿٤٦﴾
نَّحۡنُ أَعۡلَمُ بِمَا يَسۡتَمِعُونَ بِهِۦٓ إِذۡ يَسۡتَمِعُونَ إِلَيۡكَ
وَإِذۡ هُمۡ نَجۡوَىٰٓ إِذۡ يَقُولُ ٱلظَّٰلِمُونَ إِن تَتَّبِعُونَ إِلَّا رَجُلٗا
مَّسۡحُورًا ﴿٤٧﴾
ٱنظُرۡ كَيۡفَ ضَرَبُواْ لَكَ ٱلۡأَمۡثَالَ فَضَلُّواْ فَلَا يَسۡتَطِيعُونَ
سَبِيلٗا ﴿٤٨﴾

"Apakah wajar Tuhan kamu memilih anak-anak lelaki untuk kamu, sedangkan dia sendiri memilih anak-anak perempuan dari kalangan malaikat? Sesungguhnya kamu telah menuturkan satu perkataan yang amat besar(40). Dan sesungguhnya kami telah berulang-ulang kali membuat penjelasan dengan berbagai-bagai cara dalam Al-Qur'an ini supaya mereka mengambil pengajaran, tetapi semuanya tidak menambahkan sesuatu kepada mereka kecuali semakin jauh (dari kebenaran)(41). (Wahai Muhammad) katakanlah (kepada mereka): Kalau di samping Allah itu ada tuhan-tuhan yang lain seperti yang dikatakan mereka tentulah tuhan-tuhan itu juga akan mencari jalan (mendampingkan diri) kepada Allah yang memiliki 'Arasy(42). Maha Suci dan Maha Tinggilah Allah setinggi-tinggi-Nya dari (kekarutan) yang dikatakan mereka(43). Langit yang tujuh dan bumi serta sekalian penghuninya adalah sentiasa bertasbih kepada Allah, dan tiada sesuatu kejadian pun melainkan seluruhnya bertasbih memuji Allah, tetapi kamu tidak mengerti (bahasa) tasbih mereka. Sesungguhnya Allah Maha Sabar dan Maha Pengampun(44). (Wahai Muhammad!) Apabila engkau membaca Al-Qur'an, kami jadikan di antaramu dengan orang-orang yang tidak beriman kepada hari Akhirat itu suatu dinding yang tersembunyi(45). Dan Kami jadikan penutup-penutup di atas hati mereka yang menyebabkan mereka tidak dapat memahaminya (Al-Qur'an) dan (menjadikan) penyumbat di dalam telinga mereka. Dan apabila engkau menyebut nama (Allah) Tuhanmu sahaja di dalam Al-Qur'an, mereka terus berpaling mengundurkan diri kerana benci (46). Kami lebih mengetahui tentang tujuan mereka mendengar Al-Qur'an ketika mereka mendengar bacaanmu dan ketika mereka berbisik-bisik sewaktu orang-orang yang zalim itu berkata: Kamu tidak ikut melainkan seorang yang terkena sihir(47). (Wahai Muhammad!) Lihatlah bagaimana mereka membandingkan engkau dengan berbagai-bagai bandingan kerana itu mereka sesat dan tidak dapat mencari jalan yang benar"(48).

وَقَالُوٓاْ أَءِذَا كُنَّا عِظَٰمٗا وَرُفَٰتًا أَءِنَّا لَمَبۡعُوثُونَ خَلۡقٗا
جَدِيدٗا ﴿٤٩﴾

قُلۡ كُونُواْ حِجَارَةً أَوۡ حَدِيدًا ﴿٥٠﴾
أَوۡ خَلۡقٗا مِّمَّا يَكۡبُرُ فِي صُدُورِكُمۡۚ فَسَيَقُولُونَ
مَن يُعِيدُنَاۖ قُلِ ٱلَّذِي فَطَرَكُمۡ أَوَّلَ مَرَّةٖۚ فَسَيُنۡغِضُونَ
إِلَيۡكَ رُءُوسَهُمۡ وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هُوَۖ قُلۡ عَسَىٰٓ أَن يَكُونَ
قَرِيبٗا ﴿٥١﴾
يَوۡمَ يَدۡعُوكُمۡ فَتَسۡتَجِيبُونَ بِحَمۡدِهِۦ وَتَظُنُّونَ إِن
لَّبِثۡتُمۡ إِلَّا قَلِيلٗا ﴿٥٢﴾
وَقُل لِّعِبَادِي يَقُولُواْ ٱلَّتِي هِيَ أَحۡسَنُۚ إِنَّ ٱلشَّيۡطَٰنَ
يَنزَغُ بَيۡنَهُمۡۚ إِنَّ ٱلشَّيۡطَٰنَ كَانَ لِلۡإِنسَٰنِ عَدُوّٗا
مُّبِينٗا ﴿٥٣﴾
رَّبُّكُمۡ أَعۡلَمُ بِكُمۡۖ إِن يَشَأۡ يَرۡحَمۡكُمۡ أَوۡ إِن يَشَأۡ
يُعَذِّبۡكُمۡۚ وَمَآ أَرۡسَلۡنَٰكَ عَلَيۡهِمۡ وَكِيلٗا ﴿٥٤﴾
وَرَبُّكَ أَعۡلَمُ بِمَن فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِۗ وَلَقَدۡ
فَضَّلۡنَا بَعۡضَ ٱلنَّبِيِّـۧنَ عَلَىٰ بَعۡضٖۖ وَءَاتَيۡنَا دَاوُۥدَ
زَبُورٗا ﴿٥٥﴾
قُلِ ٱدۡعُواْ ٱلَّذِينَ زَعَمۡتُم مِّن دُونِهِۦ فَلَا يَمۡلِكُونَ
كَشۡفَ ٱلضُّرِّ عَنكُمۡ وَلَا تَحۡوِيلًا ﴿٥٦﴾
أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ يَدۡعُونَ يَبۡتَغُونَ إِلَىٰ رَبِّهِمُ ٱلۡوَسِيلَةَ
أَيُّهُمۡ أَقۡرَبُ وَيَرۡجُونَ رَحۡمَتَهُۥ وَيَخَافُونَ عَذَابَهُۥٓۚ
إِنَّ عَذَابَ رَبِّكَ كَانَ مَحۡذُورٗا ﴿٥٧﴾

"Dan mereka berkata: Jika kami menjadi tulang-tulang dan bahan hancuran apakah kami akan dibangkitkan kembali sebagai satu makhluk yang baru?(49). (Wahai Muhammad!) Katakanlah: Jadilah kamu apa sahaja; batu atau besi(50). Atau sesuatu makhluk lain dari makhluk-makhluk yang dipandang tidak mungkin hidup di dalam hati kamu (nescaya kamu tetap juga akan dibangkitkan kembali). Mereka akan terus berkata: Siapakah yang akan menghidupkan kami kembali? Jawablah: Ialah Allah yang telah menciptakan kamu pada kali yang pertama. Mereka akan mengangguk-nganggukkan kepala mereka kepadamu dan bertanya (mengejek): Bilakah kebangkitan itu? Jawablah: Mungkin tidak lama lagi(51). (Ingatlah) hari Allah akan menyeru kamu (di dalam kubur) dan kamu akan menyahut seruannya dengan memuji-Nya dan (ketika itu) kamu menyangka kamu tidak tinggal (di dunia ini) melainkan hanya sebentar sahaja(52). Dan katakanlah kepada hamba-hamba-Ku (yang Mu'min) supaya mereka bercakap dengan kata-kata yang lebih baik, sesungguhnya syaitan sentiasa menghasut untuk menimbulkan perbalahan di antara mereka. Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh manusia yang amat nyata(53). Tuhan kamu amat mengetahui tentang (masa depan) kamu. Jika Dia kehendaki Dia merahmatkan kamu atau jika Dia kehendaki Dia mengazabkan kamu. Dan Kami tidak utuskan engkau sebagai penguasa di atas mereka(54). Dan Tuhanmu lebih mengetahui tentang seluruh penghuni langit dan bumi. Dan sesungguhnya Kami telah melebihkan setengah-setengah nabi dari setengah nabi-nabi yang lain, dan Kami telah mengurniakan kitab Zabur kepada Daud(55). Katakanlah: Panggillah kamu orang-orang yang kamu dakwa (sebagai tuhan-tuhan) selain dari Allah itu, maka sudah tentu mereka tidak berkuasa menolak malapetaka dari kamu dan tidak pula berkuasa memindahkannya (kepada orang yang lain)(56). Mereka yang diserukan sebagai sekutu-sekutu Allah itu sendiri masing-masing mencari jalan untuk mendampingkan dirinya kepada Allah Tuhan mereka, agar setiap mereka lebih dekat kepada-Nya dan mereka mengharapkan limpah rahmat-Nya dan takutkan 'azab-Nya. Sesungguhnya 'azab Tuhanmu amat ditakuti(57).

Pelajaran yang kedua bermula dan berakhir dengan pembicaraan tauhid dan larangan syirik terhadap Allah, dan di antara mula dan akhir itu dikumpulkan berbagai-bagai taklif, perintah, larangan dan peradaban-peradaban yang semuanya ditegakkan di atas tapak asas tauhid yang kuat. Pelajaran ini bermula dan berakhir dengan mengecam konsep anak dan sekutu dan menyatakan bahawa konsep itu mengandungi fikiran yang kacau dan karut, di samping menjelaskan persamaan arah tujuan seluruh alam buana menuju kepada Allah Pencipta Yang Maha Esa:

وَإِن مِّن شَيۡءٍ إِلَّا يُسَبِّحُ بِحَمۡدِهِۦ

"Dan tiada suatu kejadian pun melainkan seluruhnya bertasbih kepada Allah."(44)

Juga persamaan nasib kesudahan dan kepulangan yang akhir kepada Allah di Akhirat, di samping kesatuan ilmu Allah yang merangkumi seluruh penghuni langit dan bumi dan kesatuan pentadbiran Allah yang mengendalikan seluruh urusan makhluk secara mutlaq:

إِن يَشَأۡ يَرۡحَمۡكُمۡ أَوۡ إِن يَشَأۡ يُعَذِّبۡكُمۡ

"Jika Dia kehendaki Dia cucurkan rahmat ke atas kamu atau jika dia kehendaki Dia mengazabkan kamu."(54)

Di celah-celah penjelasan ayat-ayat itulah gugur dan runtuhnya kepercayaan-kepercayaan syirik dan munculnya zat Ilahiyah Yang Maha Esa yang satu-satunya menjadi tumpuan ibadat dan arah tujuan para makhluk di samping satu-satunya pemegang kuasa, pentadbiran dan pemerintahan di alam al-wujud ini sama ada yang nyata dan yang tersembunyi, sama ada alam dunia dan alam Akhirat, dan seluruh alam al-wujud kelihatan menuju dan bertumpu kepada pencipta-Nya dalam satu ucapan tasbih yang

panjang dan syumul yang disertai oleh seluruh makhluk hidupan dan seluruh makhluk bendaan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 40 - 44)

أَفَأَصْفَىٰكُمْ رَبُّكُم بِٱلْبَنِينَ وَٱتَّخَذَ مِنَ ٱلْمَلَٰٓئِكَةِ إِنَٰثًا ۚ إِنَّكُمْ لَتَقُولُونَ قَوْلًا عَظِيمًا ﴿٤٠﴾

"Apakah wajar Tuhan kamu memilih anak-anak lelaki untuk kamu, sedangkan dia sendiri memilih anak-anak perempuan dari kalangan malaikat? Sesungguhnya kamu telah menuturkan satu perkataan yang amat besar."(40)

Kepercayaan Lucu Tentang Puteri Allah

Pertanyaan ini merupakan satu pertanyaan mengecam dan mencela, iaitu mengecam dakwaan kaum Musyrikin bahawa malaikat-malaikat itu puteri Allah. Maha Suci Allah dari mempunyai anak dan isteri sebagaimana Maha Suci-Nya Allah dari sebarang tandingan dan sekutu, dan mencela perbuatan mereka yang menghubungkan anak-anak perempuan kepada Allah, sedangkan mereka sendiri menganggapkan anak-anak perempuan itu lebih rendah martabatnya dari anak-anak lelaki, dan di samping itu mereka juga membunuh anak-anak perempuan kerana takut papa dan malu. Namun demikian, mereka tergamak menjadikan malaikat-malaikat itu sebagai anak-anak perempuan dan menghubungkan anak-anak perempuan ini kepada Allah. Jika Allah yang mengurniakan anak-anak lelaki dan anak-anak perempuan, apakah wajar Dia memilih anak-anak lelaki yang mempunyai martabat yang utama itu untuk mereka dan memilih anak-anak perempuan yang mempunyai martabat yang rendah itu untuk diri-Nya sendiri?

Semua pertanyaan ini dibuat semata-mata untuk mengikuti jalan fikiran mereka sahaja yang telah membuat dakwaan-dakwaan itu untuk menjelaskan bahawa dakwaan-dakwaan itu adalah mengandungi fikiran-fikiran yang kacau dan karut. Jika tidak, maka seluruh persoalan ini adalah tertolak pada asasnya lagi:

إِنَّكُمْ لَتَقُولُونَ قَوْلًا عَظِيمًا ﴿٤٠﴾

"Sesungguhnya kamu telah menuturkan satu perkataan yang amat besar."(40)

Amat buruk dan amat keji, amat berani dan amat biadab, amat besar pembohongannya hingga terkeluar dari batas yang boleh difikir dan diterima.

وَلَقَدْ صَرَّفْنَا فِي هَٰذَا ٱلْقُرْءَانِ لِيَذَّكَّرُوا۟ وَمَا يَزِيدُهُمْ إِلَّا نُفُورًا ﴿٤١﴾

"Dan sesungguhnya kami telah berulang-ulang kali membuat penjelasan dengan berbagai-bagai cara dalam Al-Qur'an ini supaya mereka mengambil pengajaran, tetapi semuanya tidak menambahkan sesuatu kepada mereka kecuali semakin jauh (dari kebenaran)."(41)

Al-Qur'an membawa 'aqidah tauhid dan untuk menjelaskan 'aqidah ini ia menggunakan berbagai-bagai uslub dan sarana supaya:

لِيَذَّكَّرُوا۟

"Supaya mereka mengambil pengajaran."(41)

Kepercayaan tauhid tidak memerlukan lebih dari kesanggupan seseorang untuk mengambil pengajaran dan kembali kepada fitrah dan logiknya serta kesanggupan untuk kembali kepada ayat-ayat kauniyah/kebuanaan dan maknanya, tetapi malangnya mereka bertambah liar dan benci setiap kali mereka mendengar Al-Qur'an. Mereka bertambah liar, dan benci terhadap 'aqidah tauhid yang dibawa oleh Al-Qur'an dan mereka bertambah liar dan benci kepada Al-Qur'an itu sendiri, kerana takut 'aqidah mereka yang batil, iaitu 'aqidah-'aqidah syirik dan kepercayaan-kepercayaan mereka yang karut itu akan digugat dan ditewaskan Al-Qur'an.

Begitu juga Al-Qur'an mengikuti jalan fikiran mereka mengenai dakwaan-dakwaan mereka tentang anak-anak perempuan yang dihubungkan mereka kepada Allah untuk mendedahkan bahawa dakwaan-dakwaan itu mengandungi fikiran yang kacau dan karut. Al-Qur'an juga mengikuti jalan fikiran mereka mengenai tuhan-tuhan palsu untuk menjelaskan bahawa tuhan-tuhan palsu itu kalau betul ada tentulah mereka juga akan berusaha mendampingkan diri kepada Allah dan berusaha mendapatkan apa-apa sahaja sarana yang boleh membawa kepada Allah:

قُل لَّوْ كَانَ مَعَهُۥٓ ءَالِهَةٌ كَمَا يَقُولُونَ إِذًا لَّٱبْتَغَوْا۟ إِلَىٰ ذِى ٱلْعَرْشِ سَبِيلًا ﴿٤٢﴾

"(Wahai Muhammad!) Katakanlah (kepada mereka): Kalau di samping Allah itu ada tuhan-tuhan yang lain seperti yang dikatakan mereka tentulah, tuhan-tuhan itu juga akan mencari jalan (mendampingkan diri) kepada Allah yang memiliki 'Arasy."(42)

Kata-kata "kalau" mengikut ahli tata bahasa Arab ialah kata-kata kemustahilan untuk menyatakan sesuatu kemustahilan. Oleh itu seluruh persoalan ini adalah mustahil belaka, iaitu di sana tidak ada tuhan-tuhan yang lain di samping Allah sebagaimana yang telah didakwakan mereka, tuhan-tuhan yang lain yang didakwakan mereka tidak lain melainkan hanya makhluk-makhluk dari ciptaan Allah belaka sama ada berupa bintang atau planet, manusia atau haiwan, tumbuhan-tumbuhan atau benda-benda bekuan yang tidak bernyawa. Semua makhluk ini adalah bertawajjuh kepada Allah Pencipta belaka mengikut undang-undang fitrah alam buana, dan semuanya tunduk kepada iradat Allah yang mengendali dan mentadbirkannya. Semuanya masing-masing mencari

jalan menuju kepada Allah melalui kepatuhannya kepada undang-undang Allah dan iradat-Nya.

إِذًا لَّٱبْتَغَوْا۟ إِلَىٰ ذِى ٱلْعَرْشِ سَبِيلًا ﴿٤٢﴾

"Tentulah tuhan-tuhan itu juga akan mencari jalan (mendampingkan diri) kepada Allah yang memiliki 'Arasy."(42)

Sebutan 'Arasy dalam ayat ini membayangkan darjah ketinggian Allah dan kemuliaan-Nya yang mengatasi makhluk-makhluk yang didakwakan mereka sebagai tuhan "di samping" Allah. Mereka semuanya berada di bawah 'Arasy-Nya dan bukan di sampingnya. Kemudian diiringi dengan sebuah pernyataan yang membersihkan zat Allah Yang Maha Tinggi:

سُبْحَـٰنَهُۥ وَتَعَـٰلَىٰ عَمَّا يَقُولُونَ عُلُوًّا كَبِيرًا ﴿٤٣﴾

"Maha Suci dan Maha Tinggilah Allah setinggi-tinggi-Nya dari (kekarutan) yang dikatakan mereka."(43)

Seluruh Makhluk Bertasbih Kepada Allah

Kemudian penjelasan ayat berikut melukiskan satu pemandangan yang unik bagi seluruh alam buana yang berada di bawah 'Arasy-Nya, yang mana semuanya bertawajjuh dan bertasbih kepada Allah serta masing-masing mencari jalan menuju kepada-Nya:

تُسَبِّحُ لَهُ ٱلسَّمَـٰوَٰتُ ٱلسَّبْعُ وَٱلْأَرْضُ وَمَن فِيهِنَّ ۚ وَإِن مِّن
شَىْءٍ إِلَّا يُسَبِّحُ بِحَمْدِهِۦ وَلَـٰكِن لَّا تَفْقَهُونَ تَسْبِيحَهُمْ ۗ
إِنَّهُۥ كَانَ حَلِيمًا غَفُورًا ﴿٤٤﴾

"Langit yang tujuh dan bumi serta sekalian penghuninya adalah sentiasa bertasbih kepada Allah dan tiada sesuatu kejadian pun melainkan seluruhnya bertasbih memuji Allah, tetapi kamu tidak mengerti (bahasa) tasbih mereka. Sesungguhnya Allah Maha Sabar dan Maha Pengampun."(44)

Pengungkapan ini membuat setiap zarrah di alam buana yang amat besar ini berdenyut hidup dan ia membongkas menjadi satu roh yang hidup, yang bertasbih kepada Allah. Pengungkapan ini membuat seluruh alam buana itu bergerak dan hidup dan membuat seluruh makhluk yang wujud menjadi sebuah lagu tasbih yang merdu dan lunak, yang mengalun-alun tinggi menuju kepada Allah Pencipta Yang Maha Esa, Yang Maha Besar dan Yang Maha Suci.

Itulah satu pemandangan alam buana yang unik, di mana hati melihat setiap biji batu, setiap biji tumbuhan, setiap helai daun, setiap kuntum bunga, setiap buah-buahan, setiap tumbuh-tumbuhan, setiap pokok kayu, setiap serangga, setiap binatang merangkak/reptilia, setiap haiwan, setiap insan, setiap yang bergerak di bumi dan setiap yang berenang di dalam air dan terbang di udara termasuk penghuni-penghuni langit semuanya bertasbih dan bertawajjuh kepada Allah Yang Maha Tinggi.

Sesungguhnya hati kita benar-benar gementar ketika menyedari bahawa seluruh makhluk yang berada di sekeliling kita sama ada yang boleh dilihat atau tidak boleh dilihat telah bergerak hidup, dan setiap kali tangan kita hendak menyentuh sesuatu atau kaki kita hendak memijak sesuatu tiba-tiba kita mendengarnya bertasbih kepada Allah dan bergerak hidup:

وَإِن مِّن شَىْءٍ إِلَّا يُسَبِّحُ بِحَمْدِهِۦ

"Dan tiada suatu kejadian pun melainkan seluruhnya bertasbih memuji Allah."(44)

Semua kejadian itu masing-masing bertasbih kepada Allah mengikut cara dan bahasanya:

وَلَـٰكِن لَّا تَفْقَهُونَ تَسْبِيحَهُمْ ۗ

"Tetapi kamu tidak mengerti (bahasa) tasbih mereka."(44)

Kamu tidak dapat memahaminya kerana kamu terhijab dengan unsur tanah yang tebal dan kerana kamu tidak cuba mendengar dengan hati kamu dan tidak cuba membimbing-nya ke arah memahami rahsia-rahsia alam al-wujud yang tersembunyi dan memahami undang-undang alam yang menarik kepadanya setiap atom yang ada di dalam alam buana yang amat besar ini serta bertawajjuh dengannya kepada Allah yang menciptakan undang-undang itu dan mentadbirkan alam buana yang amat besar itu.

Apabila jiwa seseorang itu jernih hening hingga dapat mendengar setiap yang bergerak dan setiap yang diam berdenyut hidup dengan roh dan bertawajjuh kepada Allah dengan ucapan tasbih, maka ia mempunyai persediaan untuk berhubung dengan al-Mala'ul-A'la dan memahami rahsia-rahsia alam al-wujud yang tidak dapat difahami insan-insan yang lalai, di mana unsur kejadian tanahnya yang tebal itu telah menjadi hijab yang mendindingi di antara hati mereka dengan rahsia-rahsia hayat yang tersembunyi di dalam hati nurani alam al-wujud, iaitu rahsia-rahsia hayat yang berdenyut di dalam setiap makhluk yang bergerak dan diam dan di dalam segala sesuatu yang ada di alam al-wujud ini.

إِنَّهُۥ كَانَ حَلِيمًا غَفُورًا ﴿٤٤﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Sabar dan Maha Pengampun."(44)

Kesabaran dan keampunan Allah khusus disebutkan di dalam ayat ini kerana ada hubungan dengan ketaqsiran dan kecuaian yang dapat dilihat pada makhluk insan yang berada dalam angkatan alam buana yang bertasbih memuji Allah itu, di mana terdapat di dalam kalangan mereka golongan yang ingkar, mempersekutui Allah, menghubungkan anak-anak perempuan kepada Allah dan lalai cuai dari bertahmid dan bertasbih kepada Allah, sedangkan makhluk insanlah yang lebih wajar dari segala

makhluk yang lain bertasbih dan bertahmid kepada Allah, mendalamkan makrifat dan mentauhidkan Allah. Jika tidak kerana kesabaran dan keampunan Allah tentulah dia menyeksakan mereka dengan keseksaan yang amat berat, tetapi Allah menangguhkan keseksaan itu terhadap mereka dan terus memberi nasihat dan amaran kepada mereka *"Sesungguhnya Allah Maha Sabar dan Maha Pengampun"*.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 45 - 48)

Hijab Di Antara Al-Qur'an Dan Para Penentangnya

Pembesar-pembesar Quraysy memang mendengar bacaan ayat-ayat Al-Qur'an, tetapi mereka bersungguh-sungguh melawan hati mereka supaya jangan berlembut kepadanya dan menentang fitrah mereka supaya jangan terpengaruh kepadanya. Oleh itu Allah jadikan di antara mereka dan Rasulullah s.a.w. satu hijab yang tersembunyi. Dia jadikan hati mereka tertutup tidak dapat memahami Al-Qur'an dan Dia jadikan telinga mereka seakan-akan tuli tidak dapat menanggap panduan-panduan yang terkandung di dalam Al-Qur'an:

وَإِذَا قَرَأْتَ ٱلْقُرْءَانَ جَعَلْنَا بَيْنَكَ وَبَيْنَ ٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ
بِٱلْـَٔاخِرَةِ حِجَابًا مَّسْتُورًا ﴿٤٥﴾
وَجَعَلْنَا عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ أَكِنَّةً أَن يَفْقَهُوهُ وَفِىٓ ءَاذَانِهِمْ وَقْرًا
وَإِذَا ذَكَرْتَ رَبَّكَ فِى ٱلْقُرْءَانِ وَحْدَهُۥ وَلَّوْا۟ عَلَىٰٓ أَدْبَٰرِهِمْ
نُفُورًا ﴿٤٦﴾
نَّحْنُ أَعْلَمُ بِمَا يَسْتَمِعُونَ بِهِۦٓ إِذْ يَسْتَمِعُونَ إِلَيْكَ
وَإِذْ هُمْ نَجْوَىٰٓ إِذْ يَقُولُ ٱلظَّٰلِمُونَ إِن تَتَّبِعُونَ إِلَّا رَجُلًا
مَّسْحُورًا ﴿٤٧﴾
ٱنظُرْ كَيْفَ ضَرَبُوا۟ لَكَ ٱلْأَمْثَالَ فَضَلُّوا۟ فَلَا يَسْتَطِيعُونَ
سَبِيلًا ﴿٤٨﴾

"(Wahai Muhammad!) Apabila engkau membaca Al-Qur'an, kami jadikan di antaramu dengan orang-orang yang tidak beriman kepada hari Akhirat itu suatu dinding yang tersembunyi(45). Dan Kami jadikan penutup-penutup di atas hati mereka yang menyebabkan mereka tidak dapat memahaminya (Al-Qur'an) dan (menjadikan) penyumbat di dalam telinga mereka. Dan apabila engkau menyebut nama (Allah) Tuhanmu sahaja di dalam Al-Qur'an, mereka terus berpaling mengundurkan diri kerana benci(46). Kami lebih mengetahui tentang tujuan mereka mendengar Al-Qur'an ketika mereka mendengar bacaanmu dan ketika mereka berbisik-bisik sewaktu orang-orang yang zalim itu berkata: Kamu tidak ikut melainkan seorang yang terkena sihir(47). (Wahai Muhammad!) Lihatlah bagaimana mereka membandingkan engkau dengan berbagai-bagai bandingan kerana itu mereka sesat dan tidak dapat mencari jalan yang benar."(48)

Pemimpin-pemimpin Mencuri Dengar Al-Qur'an Yang Dibacakan Rasulullah Selama Tiga Malam

Ibn Ishaq telah meriwayatkan di dalam as-Sirah daripada Muhammad bin Muslim bin Syihab daripada az-Zuhri, dia menceritakan bahawa Abu Sufyan bin Harb, Abu Jahl bin Hisyam dan al-Akhnas bin Syurayq bin 'Amir bin Wahb ath-Thaqafi sekutu Bani Zuhrah telah keluar pada suatu malam untuk mendengar bacaan Rasulullah ketika beliau sedang mendirikan solat di rumahnya. Setiap orang dari mereka masing-masing memilih tempat duduk untuk mendengar dan masing-masing tidak mengetahui di mana tempat kawan-kawan mereka duduk mendengar. Sepanjang malam itu mereka mendengar (bacaan Rasulullah s.a.w.) sehingga apabila fajar menyinsing mereka pun berundur dari situ dan apabila mereka terserempak di tengah jalan, mereka mencela dan berkata terhadap satu sama lain: "Jangan ulangi perbuatan ini kerana jika kamu dilihat oleh setengah-setengah orang yang bodoh dari kamu tentulah perbuatan kamu akan menimbulkan sesuatu keraguan di dalam hati mereka." Kemudian mereka pun bersurai sehingga apabila tiba malam yang kedua mereka sekali lagi datang ke tempat mereka masing-masing dan terus mendengar di sepanjang malam itu, dan apabila fajar menyinsing mereka berundur dari situ dan sekali lagi mereka terserempak di tengah jalan dan berkata terhadap satu sama lain sama seperti apa yang dikatakan mereka pada kali yang pertama dahulu. Kemudian mereka bersurai, tetapi apabila tiba malam yang ketiga mereka datang lagi ke tempat itu dan terus mendengar di sepanjang malam itu sehingga apabila fajar menyinsing barulah mereka berundur dari situ dan sekali lagi mereka terserempak di tengah jalan lalu mereka pun berkata terhadap satu sama lain: "Kita tidak akan meninggalkan tempat ini sehingga kita berjanji tidak akan mengulangi perbuatan ini". Lalu mereka pun berjanji tidak akan melakukan perbuatan itu lagi, kemudian mereka bersurai. Pada pagi keesokan al-Akhnas ibn Syurayq mengambil tongkatnya kemudian keluar mendapatkan Abu Sufyan bin Harb di rumahnya lalu berkata kepadanya: "Wahai Abu Hanzalah! Terangkanlah kepada saya, apakah pendapat anda tentang perkataan-perkataan (ayat-ayat Al-Qur'an) yang anda dengar semalam dari Muhammad?" Jawab Abu Sufyan: "Wahai Abu Tha'labah! Demi Allah, aku mendengar banyak perkara (ayat-ayat) yang aku tahu dan tahu pula segala maksudnya, dan aku juga mendengar banyak perkara (ayat-ayat) yang aku tidak mengetahui makna dan tujuannya". Ujar al-Akhnas: "Saya juga begitu, demi Tuhan yang saya bersumpah dengannya". Kata rawi: Kemudian al-Akhnas keluar meninggalkan Abu Sufyan untuk menemui Abu Jahl pula, lalu dia masuk ke dalam rumahnya dan berkata

kepadanya: "Wahai Abu Hakam! Apakah pendapat anda tentang perkataan-perkataan yang anda dengar semalam dari Muhammad?" Tanya Abu al-Hakam: "Apakah yang aku dengar?" Kemudian dia berkata: "Kita dengan keluarga Abdul Manaf itu memang sentiasa berlawan dan bertanding untuk merebut kedudukan yang tinggi. Bila mereka menjamu orang kita turut menjamu, bila mereka menjamin kita ikut menjamin dan jika mereka memberi kita ikut memberi sehingga kita sama dengan mereka. Kita tidak ubah seperti dua kuda lumba yang setanding. Tiba-tiba mereka berkata: Dari golongan kami ada seorang nabi yang menerima wahyu dari langit. Bilakah kita akan dapat peluang yang seperti ini? Demi Allah kita tidak akan beriman dengannya (Muhammad) dan tidak akan percaya kepadanya."

Demikianlah fitrah dan hati kaum Quraysy itu memang terpengaruh dan tertarik kepada Al-Qur'an, tetapi mereka menghalang dan menyekat fitrah dan hati mereka dari mengikuti Al-Qur'an, kerana itu Allah jadikan di antara mereka dengan Rasul itu suatu hijab yang tersembunyi, yang tidak ketara pada penglihatan, tetapi dapat dirasakannya oleh hati menyebabkan mereka tidak dapat mengambil manfa'at dari pengajaran-pengajaran Al-Qur'an dan tidak mendapat hidayat dari ayat-ayatnya yang dibacakan oleh beliau, dan demikian-lah mereka berbisik-bisik sesama mereka mengenai kesan-kesan Al-Qur'an yang mempengaruhi hati mereka kemudian mereka berpakat untuk tidak mendengar ayat-ayat Al-Qur'an yang dibacakan oleh beliau, tetapi kekuatan pengaruh Al-Qur'an telah mengalahkan mereka menyebabkan mereka terpaksa pergi lagi mendengar bacaan beliau; kemudian mereka kembali berbisik-bisik pula sehingga mereka mengadakan perjanjian tidak akan pergi lagi untuk menahankan diri mereka dari mendengar Al-Qur'an yang amat berpengaruh dan menarik hati itu. Ini adalah berpunca kerana 'aqidah tauhid yang dibicarakan oleh Al-Qur'an itu mengecam kedudukan dan hak-hak istimewa mereka serta menggugat perasaan keangkuhan mereka menyebabkan mereka benci dan lari dari Al-Qur'an:

وَإِذَا ذَكَرْتَ رَبَّكَ فِي الْقُرْآنِ وَحْدَهُ وَلَّوْا عَلَىٰ أَدْبَارِهِمْ نُفُورًا ﴿٤٦﴾

"Dan apabila engkau menyebut nama (Allah) Tuhanmu sahaja di dalam Al-Qur'an mereka terus berpaling mengundurkan diri kerana benci."(46)

Mereka bencikan kalimat tauhid yang mengecam kedudukan sosial mereka yang ditegakkan di atas kepercayaan-kepercayaan paganisme yang karut dan adat-adat resam jahiliyah. Jika tidak kerana ini, para pembesar Quraysy itu adalah bijak-bijak belaka, mereka tentulah sedar tentang kelemahan 'aqidah-'aqidah mereka dan tentang kekuatan 'aqidah Islam, mereka cukup arif menilaikan perkataan-perkataan dan tentulah tidak terluput dari pengetahuan mereka tentang keluhuran, ketinggian dan keistimewaan ayat-ayat Al-Qur'an, kerana mereka sendiri tidak dapat menahan diri mereka dari mendengar Al-Qur'an dan terpengaruh kepadanya walaupun mereka bersungguh-sungguh menahan hati mereka.

Fitrah telah mendorong mereka mendengar Al-Qur'an dan terpengaruh kepadanya, tetapi perasaan keangkuhan telah menghalangkan mereka dari menyerah kalah dan mengakui (kebenaran Al-Qur'an), kerana itu mereka bertindak melontarkan berbagai-bagai tohmahan ke atas Rasulullah s.a.w. sebagai alasan dari kesombongan dan kedegilan mereka:

إِذْ يَقُولُ الظَّالِمُونَ إِن تَتَّبِعُونَ إِلَّا رَجُلًا مَّسْحُورًا ﴿٤٧﴾

"Sewaktu orang-orang yang zalim itu berkata: Kamu tidak ikut melainkan seorang yang terkena sihir."(47)

Kata-kata ini sendiri membawa bukti yang tersirat bahawa mereka memang terpengaruh dan tertarik kepada Al-Qur'an. Mereka merasa begitu berat untuk mengatakan di dalam hati kecil mereka bahawa Al-Qur'an ini adalah dari gubahan perkataan manusia, kerana mereka memang sedar bahawa di dalam Al-Qur'an itu ada sesuatu yang bukan dari ciptaan manusia dan mereka merasa pengaruhnya yang halus telah menjalar di dalam hati mereka menyebabkan mereka membuat tuduhan bahawa orang yang melafazkan Al-Qur'an itu adalah seorang yang terkena sihir dengan tujuan untuk menghubungkan keanehan, keistimewaan dan keunggulan susunan ayat Al-Qur'an yang dilafazkan Rasulullah s.a.w. itu kepada kuasa sihir. Jadi Muhammad itu bukannya berkata dari hatinya sendiri, malah ia berkata dari kuasa sihir dengan kekuatan yang bukan kekuatan manusia. Tetapi jika mereka bersikap adil tentulah mereka berkata: Bahawa Al-Qur'an itu adalah dari Allah, kerana Al-Qur'an ini tidak mungkin dari perkataan manusia atau dari perkataan mana-mana makhluk Allah yang lain.

انظُرْ كَيْفَ ضَرَبُوا لَكَ الْأَمْثَالَ فَضَلُّوا فَلَا يَسْتَطِيعُونَ سَبِيلًا ﴿٤٨﴾

"(Wahai Muhammad!) Lihatlah bagaimana mereka membandingkan engkau dengan berbagai-bagai bandingan kerana itu mereka sesat dan tidak dapat mencari jalan yang benar."(48)

Mereka telah membandingkan engkau dengan orang-orang yang terkena sihir, sedangkan engkau bukannya seorang yang terkena sihir, malah sebenarnya engkau adalah seorang rasul. Oleh sebab itulah mereka sesat dan tidak mendapat hidayat. Mereka terpinga-pinga binggung menyebabkan mereka tidak mendapat sesuatu jalan untuk dituju mereka. Mereka tidak dapat menuju ke jalan hidayat dan tidak pula dapat menjelaskan sebab-sebab pendirian mereka yang meragukan itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 49 - 52)

Persoalan Hidup Selepas Mati Merupakan Kemusykilan Pokok Kaum Musyrikin

Itulah tanggapan mereka terhadap Al-Qur'an dan terhadap Rasulullah s.a.w. yang membaca Al-Qur'an kepada mereka. Mereka juga telah mendustakan kebangkitan selepas mati dan tidak percaya kepada alam Akhirat:

وَقَالُوٓا۟ أَءِذَا كُنَّا عِظَٰمًا وَرُفَٰتًا أَءِنَّا لَمَبْعُوثُونَ خَلْقًا
جَدِيدًا ﴿٤٩﴾
قُلْ كُونُوا۟ حِجَارَةً أَوْ حَدِيدًا ﴿٥٠﴾
أَوْ خَلْقًا مِّمَّا يَكْبُرُ فِى صُدُورِكُمْ ۚ فَسَيَقُولُونَ
مَن يُعِيدُنَا ۖ قُلِ ٱلَّذِى فَطَرَكُمْ أَوَّلَ مَرَّةٍ ۚ فَسَيُنْغِضُونَ
إِلَيْكَ رُءُوسَهُمْ وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هُوَ ۖ قُلْ عَسَىٰٓ أَن يَكُونَ
قَرِيبًا ﴿٥١﴾
يَوْمَ يَدْعُوكُمْ فَتَسْتَجِيبُونَ بِحَمْدِهِۦ وَتَظُنُّونَ إِن
لَّبِثْتُمْ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٥٢﴾

"Dan mereka berkata: Jika kami menjadi tulang-tulang dan bahan hancuran apakah kami akan dibangkitkan kembali sebagai satu makhluk yang baru?(49). (Wahai Muhammad!) Katakanlah: Jadilah kamu apa sahaja; batu atau besi (50). Atau sesuatu makhluk lain dari makhluk-makhluk yang dipandang tidak mungkin hidup di dalam hati kamu (nescaya kamu tetap juga akan dibangkitkan kembali). Mereka akan terus berkata: Siapakah yang akan menghidupkan kami kembali? Jawablah: Ialah Allah yang telah menciptakan kamu pada kali yang pertama. Mereka akan mengangguk-nganggukkan kepala mereka kepadamu dan bertanya (mengejek): Bilakah kebangkitan itu? Jawablah: Mungkin tidak lama lagi(51). (Ingatlah) hari Allah akan menyeru kamu (di dalam kubur) dan kamu akan menyahut seruannya dengan memujinya dan (ketika itu) kamu menyangka kamu tidak tinggal (di dunia ini) melainkan hanya sebentar sahaja."(52)

Persoalan kebangkitan selepas mati telah menjadi punca perdebatan yang panjang di antara Rasulullah s.a.w. dengan kaum Musyrikin. Al-Qur'anul-Karim banyak sekali memuatkan perdebatan-perdebatan itu walaupun persoalan ini amat jelas kepada orang yang memahami tabi'at hidup dan mati, tabi'at kebangkitan selepas mati dan tabi'at pengumpulan manusia di Mahsyar. Al-Qur'anul-Karim telah membentangkan hakikat-hakikat ini berkali-kali dengan jelas, tetapi kaum Musyrikin tidak juga memahaminya dengan penjelasannya yang jelas dan mudah itu mereka merasa begitu sukar untuk memahami konsep kebangkitan semula setelah jisim-jisim menjadi hancurlebur dan hilang musnah.

وَقَالُوٓا۟ أَءِذَا كُنَّا عِظَٰمًا وَرُفَٰتًا أَءِنَّا لَمَبْعُوثُونَ خَلْقًا
جَدِيدًا ﴿٤٩﴾

"Dan mereka berkata: Jika kami menjadi tulang-tulang dan bahan hancuran apakah kami akan dibangkitkan kembali sebagai satu makhluk yang baru?"(49)

Ini disebabkan kerana mereka tidak memikirkan bahawa mereka dahulu tidak pernah hidup sama sekali kemudian barulah mereka wujud dan bahawa penciptaan hidup Akhirat itu tidaklah lebih payah dari penciptaan hidup dunia dan bahawa di hadapan qudrat Allah tiada sesuatu yang lebih sukar dari sesuatu yang lain, kerana alat ciptaan Allah hanya satu sahaja apabila hendak menciptakan segala sesuatu iaitu:

كُن فَيَكُونُ ﴿٤٠﴾

"Jadilah, maka iapun terus jadi."(40)

(Surah An-Nahl)

Jadi, semuanya sama sahaja kepada qudrat Allah di antara sesuatu yang senang dan sesuatu yang payah di dalam pandangan manusia apabila ia telah dikehendaki oleh iradat Allah.

Justeru itulah kemusykilan itu dijawab:

قُلْ كُونُوا۟ حِجَارَةً أَوْ حَدِيدًا ﴿٥٠﴾
أَوْ خَلْقًا مِّمَّا يَكْبُرُ فِى صُدُورِكُمْ ۚ

"Jadilah kamu apa sahaja; batu atau besi atau sesuatu makhluk lain dari makhluk-makhluk yang dipandang tidak mungkin hidup di dalam hati kamu."(50-51)

Tulang-tulang dan hancuran-hancuran jisim itu memang membawa bau manusia dan kenangan-kenangan hidup, sedangkan besi dan batu amat jauh dari hidup, kerana itu dijawabkan kepada mereka: Jadilah kamu apa sahaja; batu atau besi atau sesuatu makhluk yang lain dari makhluk-makhluk yang lebih jauh lagi kemungkinan hidupnya dari batu dan besi, iaitu kejadian-kejadian yang dipandang amat sukar ditiupkan nyawa yang menghidupkannya nescaya Allah tetap menghidupkan kamu semula (selepas kamu mati).

Mereka sebenarnya tidak berupaya untuk menjadi batu atau besi atau sesuatu kejadian yang lain, tetapi jawapan itu hanya merupakan suatu cabaran sahaja di samping mengandungi sindiran mengecam dan mencela mereka, kerana batu dan besi itu merupakan pepejal-pepejal yang tidak mempunyai perasaan dan ini merupakan satu sindiran dari jauh terhadap kebekuan dan kejumudan pemikiran mereka.

فَسَيَقُولُونَ مَن يُعِيدُنَا ۖ

"Mereka akan terus berkata: Siapakah yang akan menghidupkan kami kembali."(51)

Siapakah yang akan menghidupkan kami kembali sekiranya kami telah menjadi hancur dan tulang-tulang yang reput atau menjadi satu makhluk yang lain yang lebih sebati dengan sifat mati dan tidak bergerak?

قُلِ ٱلَّذِى فَطَرَكُمْ أَوَّلَ مَرَّةٍۚ

"Jawablah: Ialah Allah yang telah menciptakan kamu pada kali yang pertama."(51)

Jawapan ini merupakan jawapan yang memulangkan kemusyrikilan itu kepada satu kefahaman yang mudah, jelas dan selesa, iaitu Allah yang telah menciptakan mereka pada kali yang pertama adalah berkuasa pula untuk menghidupkan mereka kembali, tetapi malangnya mereka tidak memanfa'atkan jawapan ini dan tidak memperolehi keyakinan darinya:

فَسَيُنْغِضُونَ إِلَيْكَ رُءُوسَهُمْ

"Mereka akan mengangguk-anggukkan kepala mereka kepadamu."(51)

Mereka akan menggerak-gerakkan kepala mereka ke atas ke bawah kerana menolak dan mempersenda-sendakan jawapan itu:

وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هُوَ

"Dan bertanya (mengejek): Bilakah kebangkitan itu?"(51)

Mereka bertanya begitu dengan tujuan memustahil dan menolakkan kemungkinan kebangkitan itu.

قُلْ عَسَىٰٓ أَن يَكُونَ قَرِيبًا ﴿٥١﴾

"Jawablah: Mungkin tidak lama lagi."(51)

Rasulullah s.a.w. sendiri tidak mengetahui masa kebangkitan selepas mati itu dengan tepat, tetapi mungkin masanya lebih dekat dari apa yang difikirkan mereka. Alangkah wajarnya mereka menaruh ketakutan berlakunya peristiwa itu, kerana mereka asyik di dalam kelalaian mereka mendusta dan mempersenda-sendakan (hari kebangkitan).

Kemudian Al-Qur'an melukiskan satu pemandangan sekilas yang menggambarkan hati itu:

يَوْمَ يَدْعُوكُمْ فَتَسْتَجِيبُونَ بِحَمْدِهِۦ وَتَظُنُّونَ إِن لَّبِثْتُمْ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٥٢﴾

"(Ingatlah) hari Allah akan menyeru kamu (di dalam kubur) dan kamu akan menyahut seruannya dengan memujinya dan (ketika itu) kamu menyangka kamu tidak tinggal (di dunia ini) melainkan hanya sebentar sahaja."(52)

Pemandangan ini menggambarkan kaum Musyrikin yang mendusta dan menolak hari kebangkitan, di mana mereka bangkit (dari kubur) kerana menyahuti panggilan juru seru, dan lidah mereka melafazkan ucapan-ucapan memuji Allah, kerana mereka tidak mempunyai perkataan dan jawapan yang lain dari perkataan memuji Allah.

Ini adalah satu jawapan yang aneh dari mereka yang menolak hari kebangkitan dan mengingkarkan Allah. Mereka tidak mempunyai jawapan yang lain dari melafazkan ucapan Alhamdulillah! Alhamdulillah.

Pada hari itu kehidupan dunia telah tergolong bagaikan bayang yang hilang:

وَتَظُنُّونَ إِن لَّبِثْتُمْ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٥٢﴾

"(Dan ketika itu) kamu menyangka kamu tidak tinggal (di dunia ini) melainkan hanya sebentar sahaja."(52)

Perasaan terhadap hidup dunia yang digambarkan seperti ini adalah memperkecilkan nilai hidup dunia di dalam hati mereka yang dihadapkan dengan ayat ini. Ia adalah satu kehidupan yang amat pendek, di mana bayang-bayang dan gambaran-gambarannya tidak terlekat di dalam hati melainkan hanya sekelip mata sahaja, hanya sekelumit zaman yang menghilang, hanya sebatang bayang yang berubah dan hanya kenikmatan yang sebentar sahaja.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 53)

Kemudian penjelasan ayat berikut beralih dari para pendusta hari kebangkitan dan pengumpulan manusia di Mahsyar dan mereka yang mempersenda-sendakan janji Allah dan kata-kata Rasul-Nya dan mereka yang mengangguk-angguk kepala mereka kerana mengejek.... ia beralih dari mereka kepada para hamba Allah yang Mu'minin untuk mengarahkan Rasulullah s.a.w. supaya mengucapkan kata-kata yang baik dan supaya selalu bercakap dengan menggunakan perkataan-perkataan yang seelok-eloknya:

وَقُل لِّعِبَادِى يَقُولُوا۟ ٱلَّتِى هِىَ أَحْسَنُۚ إِنَّ ٱلشَّيْطَٰنَ يَنزَغُ بَيْنَهُمْۚ إِنَّ ٱلشَّيْطَٰنَ كَانَ لِلْإِنسَٰنِ عَدُوًّا مُّبِينًا ﴿٥٣﴾

"Dan katakanlah kepada hamba-hamba-Ku (yang Mu'min) supaya mereka bercakap dengan kata-kata yang lebih baik sesungguhnya syaitan sentiasa menghasut untuk menimbulkan perbalahan di antara mereka. Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh manusia yang amat nyata."(53)

وَقُل لِّعِبَادِى يَقُولُوا۟ ٱلَّتِى هِىَ أَحْسَنُۚ

"Dan katakanlah kepada hamba-hamba-Ku (yang Mu'min) supaya mereka bercakap dengan kata-kata yang lebih baik."(53)

Berbicara Dengan Mengguna Kata-kata Yang Baik

Pada setiap waktu dan tempat. Mereka hendaklah memilih kata-kata yang hendak diucapkan mereka supaya mereka terhindar dari hasutan syaitan yang akan merosakkan hubungan mesra di antara mereka, kerana syaitan sentiasa menggoda di antara para saudara supaya menggunakan kata-kata yang kasar dan jawapan yang kesat yang boleh menyebabkan

suasana kasih mesra dan harmoni itu tiba-tiba tercemar dengan pertengkaran kemudian diikuti dengan sikap tidak bertegur sapa kemudian dengan sikap berseteru dan bermusuh. Perkataan-perkataan yang baik itu dapat mengubati hati yang luka, membasahkan hati yang kering dan menyatukan hati-hati di atas landasan kasih sayang yang mulia:

إِنَّ ٱلشَّيْطَٰنَ كَانَ لِلْإِنسَٰنِ عَدُوًّا مُّبِينًا ﴿٥٣﴾

"Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh manusia yang amat nyata."(53)

Syaitan sentiasa mencari kesalahan-kesalahan mulut dan keterlanjuran-keterlanjuran lidah untuk mencetuskan permusuhan dan perseteruan di antara seseorang dengan saudaranya. Perkataan-perkataan yang baik dapat menutup lubang-lubang dan menyekat jalan-jalan yang dapat dimasuki syaitan. Ia dapat memelihara kehormatan persaudaraan dan menjadikannya aman dan selamat dari godaan-godaan dan hasutan-hasutan Iblis.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 54 - 55)

Selepas beralih kepada pembicaraan ini penjelasan ayat berikut kembali pula memperkatakan tentang nasib kesudahan kaum Musyrikin pada hari kebangkitan, di mana mereka dipanggil juru seru lalu mereka menyahuti panggilan itu dengan mengucapkan kata-kata kepujian kepada Allah. Ketika itu seluruh nasib kesudahan mereka adalah berada di tangan Allah sahaja, jika Dia kehendaki, Dia akan memberi keampunan dan jika Dia kehendak Dia akan mengazabkan mereka. Seluruh mereka adalah ditinggalkan kepada keputusan Allah. Rasul (yang diutuskan kepada mereka) tidak sekali-kali menjadi penguasa di atas mereka, malah dia hanya seorang utusan sahaja:

Keputusan Rahmat Dan 'Azab Ditentukan Allah

رَّبُّكُمْ أَعْلَمُ بِكُمْ ۖ إِن يَشَأْ يَرْحَمْكُمْ أَوْ إِن يَشَأْ يُعَذِّبْكُمْ ۚ وَمَآ أَرْسَلْنَٰكَ عَلَيْهِمْ وَكِيلًا ﴿٥٤﴾

"Tuhan kamu amat mengetahui tentang (masa depan) kamu. Jika Dia kehendaki Dia merahmatkan kamu atau jika Dia kehendaki Dia mengazabkan kamu. Dan Kami tidak utuskan engkau sebagai penguasa di atas mereka."(54)

وَرَبُّكَ أَعْلَمُ بِمَن فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۗ

"Dan Tuhanmu lebih mengetahui tentang seluruh penghuni langit dan bumi."(55)

Ilmu yang mutlaq itu hanya milik Allah. Berdasarkan ilmu-Nya yang sempurna terhadap manusia, Allah mengaturkan rahmat dan 'azab terhadap mereka. Tugas, seseorang rasul berakhir apabila selesai ia menyampaikan (perutusan Allah) kepada manusia.

Ilmu Allah yang sempurna itu merangkumi seluruh penghuni langit dan bumi yang terdiri dari para malaikat, para rasul, manusia, jin dan makhluk-makhluk yang lain. Hanya Allah sahaja yang mengetahui apakah makhluk-makhluk yang lain itu? Bagaimana kedudukan dan darjatnya?

Dengan ilmu-Nya yang mutlaq yang mengetahui segala hakikat segala makhluk itulah Allah melebihkan setengah-setengah nabi dari nabi-nabi yang lain:

وَلَقَدْ فَضَّلْنَا بَعْضَ ٱلنَّبِيِّۦنَ عَلَىٰ بَعْضٍ ۖ

"Dan sesungguhnya Kami telah melebihkan setengah-setengah nabi dari setengah nabi-nabi yang lain."(55)

Hanya Allah sahaja yang mengetahui sebab-sebab perbezaan kelebihan itu. Gejala-gejala dari perbezaan-perbezaan kelebihan ini telah pun dibicarakan di dalam Juzu' yang ketiga tafsir Fi Zilal ini ketika mengulaskan firman Allah:

تِلْكَ ٱلرُّسُلُ فَضَّلْنَا بَعْضَهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ

"Para Rasul itu telah Kami lebihkan setengah-setengah mereka dari setengah-setengah yang lain"

(Surah al-Baqarah: 253)

silalah semak huraian ini di sana.

وَءَاتَيْنَا دَاوُۥدَ زَبُورًا ﴿٥٥﴾

"Dan Kami telah mengurniakan kitab Zabur kepada Daud."(55)

Ini adalah suatu contoh pengurniaan Allah kepada salah seorang dari para Anbiya'-Nya, juga contoh dari gejala-gejala perbezaan kelebihan yang diberikan kepada setengah-setengah nabi, kerana pengurniaan kitab-kitab suci itu lebih kekal dari pengurniaan mu'jizat-mu'jizat kebendaan yang dapat dilihat oleh sebahagian manusia pada waktu-waktu yang tertentu sahaja.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 56 - 57)

Pelajaran ini telah dimulakan dengan pernyataan menolak konsep anak dan sekutu dari Allah, kemudian menyentuh konsep tawajjuh kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan konsep bahawa hanya Allah sahaja yang mengetahui dan mengendalikan nasib kesudahan manusia, kemudian pelajaran ini berakhir dengan satu penerangan yang mencabar orang-orang yang mempersekutui Allah supaya mereka memohon kepada tuhan-tuhan palsu yang didakwakan itu agar menolak malapetaka 'azab dari mereka jika Allah telah memutuskan untuk mengazabkan mereka atau agar mengubahkan 'azab keseksaan itu kepada yang lain dari mereka:

قُلِ ٱدْعُوا۟ ٱلَّذِينَ زَعَمْتُم مِّن دُونِهِۦ فَلَا يَمْلِكُونَ

كَشْفَ ٱلضُّرِّ عَنكُمْ وَلَا تَحْوِيلًا ﴿٥٦﴾

"Katakanlah: Panggillah kamu orang-orang yang kamu dakwa (sebagai tuhan-tuhan) selain dari Allah itu, maka sudah tentu mereka tidak berkuasa menolak malapetaka dari kamu dan tidak pula berkuasa memindahkannya (kepada orang yang lain)."(56)

Sebenarnya tiada seorang pun yang berkuasa menghapuskan malapetaka atau mengubahkannya melainkan hanya Allah sahaja. Dialah sahaja yang mengendalikan nasib kedudukan-kedudukan para hamba-Nya.

Al-Qur'an menjelaskan kepada mereka bahawa tuhan-tuhan yang disembah mereka dari malaikat atau jin atau manusia itu tidak lain melainkan hanya makhluk-makhluk Allah belaka dan mereka semuanya masing- masing berusaha mencari jalan menuju kepada Allah dari berlumba-lumba untuk mendapatkan keredhaan-Nya. Dan mereka sentiasa takut kepada 'azab-Nya. Orang yang takut kepada 'azab Allah ialah orang yang mengetahui hakikat 'azab ini dan merasa gerun terhadapnya:

أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ يَدْعُونَ يَبْتَغُونَ إِلَىٰ رَبِّهِمُ ٱلْوَسِيلَةَ
أَيُّهُمْ أَقْرَبُ وَيَرْجُونَ رَحْمَتَهُۥ وَيَخَافُونَ عَذَابَهُۥٓ ۚ
إِنَّ عَذَابَ رَبِّكَ كَانَ مَحْذُورًا ﴿٥٧﴾

"Mereka yang diserukan sebagai sekutu-sekutu Allah itu sendiri masing-masing mencari jalan untuk mendampingkan dirinya kepada Allah Tuhan mereka, agar setiap mereka lebih dekat kepada-Nya dan mereka mengharapkan limpah rahmat-Nya dan takutkan 'azab-Nya. Sesungguhnya 'azab Tuhanmu amat ditakuti."(57)

Sekutu-sekutu Yang Didakwakan Kaum Musyrikin Sentiasa Mendampingi Allah

Setengah-setengah manusia mendakwa 'Uzayr anak Allah, dan setengahnya pula mendakwa 'Isa anak Allah, setengah lagi mendakwa malaikat-malaikat itu puteri-puteri Allah, sementara yang lain membuat dakwaan-dakwaan yang lain pula. Allah menerangkan kepada sekalian mereka bahawa tuhan-tuhan yang didakwakan kamu itu adalah lebih dekat mendampingkan diri mereka kepada Allah. Mereka mencari jalan menuju kepada Allah, menghampirkan diri kepada Allah dengan amalan ibadat, mengharapkan rahmat Allah dan takutkan 'azab-Nya yang amat dahsyat yang wajar ditakuti. Oleh itu kamu adalah lebih wajar bertawajjuh kepada Allah sebagaimana yang dilakukan oleh mereka yang didakwakan kamu sebagai tuhan-tuhan selain dari Allah itu. Mereka sebenarnya para hamba Allah yang sentiasa berusaha mencari keredhaan-Nya.

Demikianlah pelajaran ini dimula dan ditamatkan dengan pernyataan yang menjelaskan kelemahan 'aqidah-'aqidah syirik dalam segala bentuknya dan menjelaskan bahawa hanya Allah S.W.T. sahaja yang layak dengan sifat Uluhiyah dan layak ditumpukan ibadat dan tawajjuh kepada-Nya sahaja.

(Kumpulan ayat-ayat 58 - 72)

وَإِن مِّن قَرْيَةٍ إِلَّا نَحْنُ مُهْلِكُوهَا قَبْلَ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ
أَوْ مُعَذِّبُوهَا عَذَابًا شَدِيدًا ۚ كَانَ ذَٰلِكَ فِى ٱلْكِتَٰبِ
مَسْطُورًا ﴿٥٨﴾
وَمَا مَنَعَنَآ أَن نُّرْسِلَ بِٱلْءَايَٰتِ إِلَّآ أَن كَذَّبَ بِهَا
ٱلْأَوَّلُونَ ۚ وَءَاتَيْنَا ثَمُودَ ٱلنَّاقَةَ مُبْصِرَةً فَظَلَمُوا۟ بِهَا ۚ
وَمَا نُرْسِلُ بِٱلْءَايَٰتِ إِلَّا تَخْوِيفًا ﴿٥٩﴾
وَإِذْ قُلْنَا لَكَ إِنَّ رَبَّكَ أَحَاطَ بِٱلنَّاسِ ۚ وَمَا جَعَلْنَا ٱلرُّءْيَا
ٱلَّتِىٓ أَرَيْنَٰكَ إِلَّا فِتْنَةً لِّلنَّاسِ وَٱلشَّجَرَةَ ٱلْمَلْعُونَةَ
فِى ٱلْقُرْءَانِ ۚ وَنُخَوِّفُهُمْ فَمَا يَزِيدُهُمْ إِلَّا طُغْيَٰنًا
كَبِيرًا ﴿٦٠﴾
وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَٰٓئِكَةِ ٱسْجُدُوا۟ لِءَادَمَ فَسَجَدُوٓا۟
إِلَّآ إِبْلِيسَ قَالَ ءَأَسْجُدُ لِمَنْ خَلَقْتَ طِينًا ﴿٦١﴾
قَالَ أَرَءَيْتَكَ هَٰذَا ٱلَّذِى كَرَّمْتَ عَلَىَّ لَئِنْ أَخَّرْتَنِ
إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ لَأَحْتَنِكَنَّ ذُرِّيَّتَهُۥٓ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٦٢﴾
قَالَ ٱذْهَبْ فَمَن تَبِعَكَ مِنْهُمْ فَإِنَّ جَهَنَّمَ جَزَآؤُكُمْ
جَزَآءً مَّوْفُورًا ﴿٦٣﴾
وَٱسْتَفْزِزْ مَنِ ٱسْتَطَعْتَ مِنْهُم بِصَوْتِكَ وَأَجْلِبْ
عَلَيْهِم بِخَيْلِكَ وَرَجِلِكَ وَشَارِكْهُمْ فِى ٱلْأَمْوَٰلِ
وَٱلْأَوْلَٰدِ وَعِدْهُمْ ۚ وَمَا يَعِدُهُمُ ٱلشَّيْطَٰنُ إِلَّا
غُرُورًا ﴿٦٤﴾
إِنَّ عِبَادِى لَيْسَ لَكَ عَلَيْهِمْ سُلْطَٰنٌ ۚ وَكَفَىٰ
بِرَبِّكَ وَكِيلًا ﴿٦٥﴾

"Tiada sebuah negeri pun yang fasiq melainkan Kami musnahkannya sebelum Qiamat atau Kami 'azabkannya dengan 'azab yang dahsyat. Semuanya itu tertulis di dalam kitab (Lauh Mahfuz)(58). Dan tiada yang menghalangi Kami

dari mengutuskan (kepadamu) bukti-bukti mu'jizat melainkan kerana bukti-bukti itu telah didustakan oleh umat-umat yang telah lalu. Kami telah kurniakan kepada Thamud seekor unta betina sebagai mu'jizat yang nyata tetapi mereka telah menganiayakan nya, dan Kami tidak mengirimkan bukti-bukti mu'jizat itu melainkan untuk memberi amaran yang menakutkan(59). (Wahai Muhammad!) Kenangilah ketika Kami wahyukan kepadamu bahawa Tuhanmu mengetahui sepenuhnya segala tindak-tanduk manusia. Dan Kami tidak jadikan pemandangan-pemandangan (di malam Isra' dan Mi'raj) yang Kami telah memperlihatkannya kepadamu itu melainkan sebagai suatu ujian kepada manusia, begitu juga pokok zaqqum yang terkutuk (yang disebut) di dalam Al-Qur'an. Kami telah memberi amaran-amaran yang menakutkan mereka, tetapi ia tidak menambahkan mereka suatu apa kecuali keterlaluan yang amat besar(60). Dan kenangilah ketika Kami berfirman kepada para malaikat: Sujudlah kamu kepada Adam. Lalu seluruh mereka sujud kecuali Iblis. Ia telah berkata: Patutkah aku sujud kepada makhluk yang Engkau ciptakannya dari tanah?(61). Dia berkata lagi: Ceritakan kepadaku inikah makhluk yang Engkau muliakannya lebih dariku? Demi sesungguhnya jika Engkau lanjutkan hidupku sampai kepada hari Qiamat nescaya aku akan seretkan keturunannya ke jalan yang sesat kecuali segolongan kecil dari mereka(62). Allah menjawab: Pergilah engkau (melaksanakan hasratmu itu), tetapi barang siapa dari golongan mereka (zuriat Adam) yang mengikutmu, maka sesungguhnya Neraka Jahannamlah balasan untuk kamu sebagai balasan yang amat sempurna(63). Dan hasutkan dengan suaramu siapa sahaja dari mereka yang terdaya olehmu dan lepaskan pasukan berkudamu dan pasukan jalan kakimu untuk menguasai mereka, dan berkongsilah dengan mereka di dalam harta kekayaan dan anak pinak mereka, dan tawarkan janji-janji (yang manis) kepada mereka. Dan sebenarnya tiada apa yang dijanjikan syaitan melainkan hanya tipu daya sahaja(64). Sesungguhnya engkau tidak mempunyai kuasa untuk menguasai para hamba-Ku dan cukuplah Tuhanmu sendiri menjadi penguasa (mereka)"(65).

رَّبُّكُمُ ٱلَّذِي يُزۡجِي لَكُمُ ٱلۡفُلۡكَ فِي ٱلۡبَحۡرِ لِتَبۡتَغُواْ مِن فَضۡلِهِۦٓۚ إِنَّهُۥ كَانَ بِكُمۡ رَحِيمٗا ٦٦

وَإِذَا مَسَّكُمُ ٱلضُّرُّ فِي ٱلۡبَحۡرِ ضَلَّ مَن تَدۡعُونَ إِلَّآ إِيَّاهُۖ فَلَمَّا نَجَّىٰكُمۡ إِلَى ٱلۡبَرِّ أَعۡرَضۡتُمۡۚ وَكَانَ ٱلۡإِنسَٰنُ كَفُورًا ٦٧

أَفَأَمِنتُمۡ أَن يَخۡسِفَ بِكُمۡ جَانِبَ ٱلۡبَرِّ أَوۡ يُرۡسِلَ عَلَيۡكُمۡ حَاصِبٗا ثُمَّ لَا تَجِدُواْ لَكُمۡ وَكِيلًا ٦٨

أَمۡ أَمِنتُمۡ أَن يُعِيدَكُمۡ فِيهِ تَارَةً أُخۡرَىٰ فَيُرۡسِلَ عَلَيۡكُمۡ قَاصِفٗا مِّنَ ٱلرِّيحِ فَيُغۡرِقَكُم بِمَا كَفَرۡتُمۡ ثُمَّ لَا تَجِدُواْ لَكُمۡ عَلَيۡنَا بِهِۦ تَبِيعٗا ٦٩

وَلَقَدۡ كَرَّمۡنَا بَنِيٓ ءَادَمَ وَحَمَلۡنَٰهُمۡ فِي ٱلۡبَرِّ وَٱلۡبَحۡرِ وَرَزَقۡنَٰهُم مِّنَ ٱلطَّيِّبَٰتِ وَفَضَّلۡنَٰهُمۡ عَلَىٰ كَثِيرٖ مِّمَّنۡ خَلَقۡنَا تَفۡضِيلٗا ٧٠

يَوۡمَ نَدۡعُواْ كُلَّ أُنَاسِۢ بِإِمَٰمِهِمۡۖ فَمَنۡ أُوتِيَ كِتَٰبَهُۥ بِيَمِينِهِۦ فَأُوْلَٰٓئِكَ يَقۡرَءُونَ كِتَٰبَهُمۡ وَلَا يُظۡلَمُونَ فَتِيلٗا ٧١

وَمَن كَانَ فِي هَٰذِهِۦٓ أَعۡمَىٰ فَهُوَ فِي ٱلۡأٓخِرَةِ أَعۡمَىٰ وَأَضَلُّ سَبِيلٗا ٧٢

"Tuhan kamulah yang menggerakkan kapal-kapal di laut agar kamu dapat mencari sebahagian rezeki dari limpah kurnia-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Penyayang terhadap kamu(66). Dan apabila kamu disentuh malapetaka di laut, maka hilang lesaplah (dari hati kamu) sekalian mereka yang kamu sembah selain dari Allah, tetapi apabila Allah telah menyelamatkan kamu ke darat, kamu terus berpaling (dari mengingatinya) dan sememangnya manusia itu amat mengkufuri (nikmat-nikmat Allah)(67). Apakah kamu merasa aman dari (balasan Allah yang berkuasa) menimpakan kamu dengan gempa bumi di daratan atau melepaskan hujan batu ke atas kamu kemudian (di masa itu) kamu tidak akan mendapat seorang pun yang menjadi pelindung kamu?(68). Atau apakah kamu merasa aman dari (balasan Allah yang berkuasa) mengembalikan kamu ke laut sekali lagi, lalu Dia melepaskan ribut taufan yang kencang, yang menyebabkan kamu tenggelam kerana perbuatan kamu yang kufur, kemudian (di masa itu) kamu tidak akan mendapat seorang penolong yang menuntut bela terhadap kami(69). Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan keturunan Adam dan Kami mengangkutkan mereka (dengan aneka kenderaan) di darat dan di laut dan Kami kurniakan kepada mereka rezeki-rezeki yang baik dan Kami lebihkan mereka dengan kelebihan-kelebihan (yang istimewa) dari kebanyakan makhluk-makhluk lain yang telah Kami ciptakannya(70). (Ingatilah) hari Qiamat, di mana Kami akan memanggil setiap umat dengan nama (rasul) pemimpin mereka. Oleh itu barang siapa yang diserahkan buku laporan amalannya di tangan kanannya, maka merekalah yang dapat membaca buku laporan amalan mereka (dengan gembira) dan mereka tidak akan dianiayai seurat benang pun(71). Dan barang siapa di dunia ini telah pun buta mata hatinya, maka pada hari Akhirat kelak ia akan menjadi lebih buta lagi dan lebih sesat perjalanannya"(72).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Pelajaran yang lepas berakhir dengan penjelasan bahawa hanya Allah sahaja yang mengendalikan nasib kesudahan para hamba-Nya, iaitu jika Dia kehendaki Dia akan memberi rahmat kepada mereka dan jika Dia kehendaki Dia akan mengazab mereka, juga menjelaskan bahawa tuhan-tuhan palsu yang disembah mereka selain daripada Allah itu adalah tidak berupaya menghapuskan malapetaka dari

mereka atau mengubahkannya kepada yang lain dari mereka.

Sekarang rangkaian ayat-ayat berikut menjelaskan pula tentang nasib kesudahan manusia seluruhnya - mengikut sebagaimana yang telah ditetapkan Allah dalam ilmu-Nya dan qadha'-Nya - iaitu seluruh negeri akan berakhir mati dan binasa sebelum hari Qiamat atau setengah-setengah negeri akan ditimpa maut dan kebinasaan jika penduduknya melakukan dosa-dosa yang wajar menerima 'azab Allah. Tiada yang hidup melainkan semuanya akan menemui penghabisannya mengikut salah satu dari dua cara iaitu binasa secara tabi'i atau binasa dengan 'azab Allah.

Sesuai dengan menyebut 'azab yang menimpa setengah-setengah negeri, ayat-ayat berikut menyentuh mu'jizat-mu'jizat yang telah dikurniakan kepada para rasul sebelum ditimpakan 'azab itu, iaitu rasul-rasul yang dibangkitkan sebelum kerasulan Nabi Muhammad s.a.w.. Tetapi mu'jizat-mu'jizat seperti ini tidak lagi dibawakan di dalam kerasulan beliau yang akhir ini, kerana umat-umat zaman dahulu yang telah didatangi mu'jizat-mu'jizat itu telah mendustakan nya dan menolak hidayat hingga menyebabkan mereka ditimpa kebinasaan. Oleh kerana kebinasaan itu tidak ditakdirkan Allah ke atas umat Muhammad, maka kerana itu Allah tidak mengutuskan beliau dengan mengurniakan mu'jizat-mu'jizat fizikal. Tujuan mu'jizat-mu'jizat itu ialah untuk menakutkan umat-umat di zaman dahulu dengan kebinasaan-kebinasaan yang akan menimpa mereka jika mereka mendustakannya selepas mu'jizat-mu'jizat itu datang kepada mereka.

Allah telah menghalangi manusia dari bertindak jahat terhadap Rasulullah s.a.w., Allah telah memelihara beliau dari kejahatan mereka, justeru itu mereka tidak dapat membinasakannya. Allah telah memperlihatkan kepada beliau pemandangan-pemandangan yang benar semasa Isra' untuk menguji manusia, dan beliau tidak menggunakan peristiwa Isra' itu sebagai mu'jizat seperti mu'jizat-mu'jizat para rasul sebelum beliau. Allah menakutkan manusia di dalam Al-Qur'an dengan pokok zaqqum yang telah disaksikan oleh beliau di dasar Neraka Jahannam, tetapi ia tidak menambahkan apa-apa kepada mereka selain dari sikap keterlaluan yang semakin menjadi-jadi. Jadi jelaslah bahawa mu'jizat-mu'jizat itu tidak dapat menambah suatu apa kepada mereka selain dari sikap keterlaluan yang semakin menjadi-jadi.

Di dalam penjelasan ayat ini juga disebut kisah Iblis dengan Adam, di mana Allah telah mengizinkan Iblis menggoda keturunan Adam kecuali para hamba-hamba-Nya yang soleh kerana mereka telah dipeliharakan Allah dari pengaruh godaannya. Jadi kisah ini telah mendedahkan punca-punca kesesatan yang pokok yang telah membawa manusia kepada kekufuran dan keterlaluan serta menjauhkan mereka dari meneliti ayat-ayat Allah.

Penjelasan ayat ini juga menyentuh hati manusia dengan menyebut limpah kurnia Allah kepada keturunan Adam dan bagaimana mereka membalaskan limpah kurnia ini dengan sikap lupa daratan dan kekufuran. Oleb itu mereka tidak mengingati Allah kecuali di sa'at-sa'at kesusahan sahaja. Apabila mereka dilimpa malapetaka di tengah laut barulah mereka mencari pelindungan pada Allah, tetapi apabila Allah selamatkan mereka ke darat mereka terus berpaling dari-Nya, sedangkan Allah berkuasa mengazabkan mereka sama ada di darat atau di laut. Allah telah memuliakan manusia dan melebihkan mereka di atas kebanyakan makhluk yang telah diciptakannya, tetapi mereka masih tidak bersyukur dan mengenangi-Nya.

Kemudian pelajaran ini ditamatkan dengan sebuah pemandangan dari pemandangan-pemandangan hari Qiamat di mana mereka akan menerima balasan terhadap segala perbuatan yang telah dilakukan mereka. Oleh itu di sana tiada lagi peluang bagi sesiapa pun untuk menyelamatkan dirinya dari balasan dosa-dosa yang telah dilakukan mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 58 - 60)

وَإِن مِّن قَرْيَةٍ إِلَّا نَحْنُ مُهْلِكُوهَا قَبْلَ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ أَوْ مُعَذِّبُوهَا عَذَابًا شَدِيدًا ۚ كَانَ ذَٰلِكَ فِى ٱلْكِتَٰبِ مَسْطُورًا ﴿٥٨﴾

"Tiada sebuah negeri pun yang fasiq melainkan Kami musnahkannya sebelum Qiamat atau Kami 'azabkannya dengan 'azab yang dahsyat. Semuanya itu tertulis di dalam kitab (Lauh Mahfuz)."(58)

Kemusnahan Dan Kebinasaan Umat-umat

Allah telah menetap dan merencanakan kedatangan hari Qiamat ketika permukaan bumi ini sunyi dari makhluk yang hidup, kerana kebinasaan dan kemusnahan menunggu setiap yang hidup sebelum hati Qiamat yang dijanjikan itu. Begitu juga Allah telah menetapkan 'azab ke atas setengah-setengah negeri dengan sebab dosa-dosa yang dilakukan oleh penduduk-penduduknya. Itulah yang tersemat di dalam ilmu Allah dan Allah mengetahui apa yang akan berlaku kepada segala makhluk yang maujud. Dan segala sesuatu yang telah berlaku dan segala sesuatu yang akan berlaku itu adalah sama sahaja kepada ilmu Allah.

Dahulu mu'jizat-mu'jizat telah menemani kerasulan-kerasulan (sebagai bukti) untuk membenarkan para Rasul dan untuk menakutkan manusia kepada akibat pendustaan, iaitu kebinasaan ditimpa 'azab Allah, tetapi golongan orang-orang yang beriman kepada mu'jizat-mu'jizat ini hanyalah golongan dari orang-orang yang mempunyai hati yang bersedia untuk beriman sahaja, sedangkan golongan orang-orang yang ingkar mereka tetap mendustakannya di zaman mereka. Oleh sebab itulah risalah Muhammad yang

akhir ini tidak lagi ditemani dengan mu'jizat-mu'jizat itu:

وَمَا مَنَعَنَآ أَن نُّرۡسِلَ بِٱلۡأٓيَٰتِ إِلَّآ أَن كَذَّبَ بِهَا
ٱلۡأَوَّلُونَۚ وَءَاتَيۡنَا ثَمُودَ ٱلنَّاقَةَ مُبۡصِرَةٗ فَظَلَمُواْ بِهَاۚ
وَمَا نُرۡسِلُ بِٱلۡأٓيَٰتِ إِلَّا تَخۡوِيفٗا ﴿٥٩﴾

"Dan tiada yang menghalangi Kami dari mengutuskan (kepadamu) bukti-bukti mu'jizat melainkan kerana bukti-bukti itu telah didustakan oleh umat-umat yang telah lalu. Kami telah kurniakan kepada Thamud seekor unta betina sebagai mu'jizat yang nyata tetapi mereka telah menganiayakannya dan Kami tidak mengirimkan bukti-bukti mu'jizat itu melainkan untuk memberi amaran yang menakutkan."(59)

Di Antara Mu'jizat Fizikal Dan Mu'jizat Al-Qur'an

Sebenarnya mu'jizat Islam ialah Al-Qur'an, iaitu sebuah kitab yang menggariskan satu sistem hidup yang lengkap. Al-Qur'an berbicara dengan fikiran dan hati manusia serta memenuhi kehendak fitrah manusia yang lurus. Al-Qur'an sentiasa terbuka kepada semua generasi manusia yang bersilih ganti dan mereka dapat membacanya dan beriman kepadanya sehingga hari Qiamat. Adapun mu'jizat fizikal, maka ia hanya berbicara dengan satu generasi manusia sahaja dan dapat disaksikan oleh generasi itu sahaja.

Di samping itu kebanyakan mereka yang menyaksikan mu'jizat-mu'jizat itu tidak juga beriman kepadanya. Di dalam ayat tadi telah dikemukakan contoh kaum Thamud yang telah didatangi mu'jizat unta sejajar dengan permintaan dan saranan mereka yang mahukan satu mu'jizat yang nyata, tetapi mereka telah menganiayai dan membawa diri mereka kepada kebinasaan dan kemusnahan sesuai dengan janji Allah yang tetap membinasakan orang-orang yang mendustakan mu'jizat-mu'jizat, kerana mu'jizat-mu'jizat itu merupakan amaran dan peringatan terhadap kepastian berlakunya 'azab kebinasaan apabila mu'jizat-mu'jizat itu telah dikemukakan kepada mereka.

Pengalaman-pengalaman manusia menghendaki agar risalah Muhammad yang akhir ini tidak perlu lagi ditemani dengan mu'jizat-mu'jizat, kerana risalah Muhammad adalah risalah untuk seluruh generasi manusia yang akan datang bukannya risalah untuk satu generasi yang melihatnya sahaja, juga kerana risalah Muhammad merupakan risalah untuk umat manusia yang matang, yang dapat berbicara dengan daya-daya pemikiran manusia generasi demi generasi. Ia adalah risalah yang menghormati daya pemikiran manusia yang menjadi ciri istimewa kemanusiaannya dan kerana ciri inilah Allah memulia dan melebihkan manusia dari kebanyakan makhluk yang telah diciptakannya.

Apakah Peristiwa Isra' Dan Mi'raj Digunakan Sebagai Mu'jizat

Ada pun mu'jizat-mu'jizat yang berlaku kepada Rasulullah s.a.w. terutamanya mu'jizat Isra' dan Mi'raj, maka ia tidak digunakan sebagai mu'jizat untuk membuktikan kebenaran kerasulan beliau, malah ia hanya dijadikan ujian untuk menguji keimanan mereka.

وَإِذۡ قُلۡنَا لَكَ إِنَّ رَبَّكَ أَحَاطَ بِٱلنَّاسِۚ وَمَا جَعَلۡنَا ٱلرُّءۡيَا
ٱلَّتِيٓ أَرَيۡنَٰكَ إِلَّا فِتۡنَةٗ لِّلنَّاسِ وَٱلشَّجَرَةَ ٱلۡمَلۡعُونَةَ
فِي ٱلۡقُرۡءَانِۚ وَنُخَوِّفُهُمۡ فَمَا يَزِيدُهُمۡ إِلَّا طُغۡيَٰنٗا
كَبِيرٗا ﴿٦٠﴾

"(Wahai Muhammad!) Kenangilah ketika Kami wahyukan kepadamu bahawa Tuhanmu mengetahui sepenuhnya segala tindak-tanduk manusia. Dan Kami tidak jadikan pemandangan-pemandangan (di malam Isra' dan Mi'raj) yang Kami telah memperlihatkannya kepadamu itu melainkan sebagai suatu ujian kepada manusia, begitu juga pokok zaqqum yang terkutuk (yang disebut) di dalam Al-Qur'an. Kami telah memberi amaran-amaran yang menakutkan mereka, tetapi ia tidak menambahkan mereka suatu apa kecuali keterlaluan yang amat besar."(60)

Setengah-setengah orang yang telah beriman kepada Rasulullah s.a.w. telah kembali menjadi murtad selepas berlakunya peristiwa Isra', sementara setengah-setengah yang lain tetap teguh dengan keimanan dan bertambah teguh keyakinan mereka. Justeru itulah pemandangan-pemandangan yang telah diperlihatkan Allah kepada hamba-Nya Muhammad di malam itu merupakan ujian untuk menguji keimanan mereka. Pernyataan bahawa Allah mengetahui segala tindak-tanduk yang dilakukan manusia merupakan suatu janji dari Allah untuk membantu Rasul-Nya dan untuk melindunginya dari tindakan-tindakan mereka yang jahat.

Al-Qur'an telah menceritakan kepada mereka mengenai janji Allah kepada beliau dan mengenai pemandangan-pemandangan yang jelas dan benar yang telah diperlihatkan kepada beliau. Di antaranya ialah pokok zaqqum yang diancamkan Allah kepada para pendusta, tetapi mereka telah mendustakan pokok itu sehingga Abu Jahl berkata mengejek: "Bawakan tamar dan mentega". Lalu dia pun makan tamar dengan mentega sambil berkata: "Makanlah kamu buah zaqqum itu, kami tidak tahu makna zaqqum selain dari makanan ini."

Apakah kesan mu'jizat itu kepada kaum Musyrikin jika ia dijadikan sebagai bukti untuk membenarkan risalah beliau sebagaimana mu'jizat-mu'jizat yang lain pernah dijadikan tanda kebenaran risalah-risalah sebelum beliau dan mu'jizat kepada para Rasul sekalian? Sebenarnya mu'jizat Isra' dan ancaman dengan pokok zaqqum itu tidak menambah apa-apa

kepada mereka kecuali sikap keterlaluan yang semakin bertambah besar.

Allah tidak merencana untuk membinasakan (kaum Musyrikin Quraysy) dengan 'azab secara langsung daripada-Nya. Oleh sebab itulah Allah tidak mengutuskan Rasul kepada mereka dengan membawa satu mu'jizat yang tertentu kerana iradat Allah telah menetapkan bahawa para pendusta yang menolak mu'jizat itu akan dibinasakan, tetapi iradat Allah telah menangguhkan 'azab terhadap kaum Quraysy dan dia tidak mengazabkan mereka dengan 'azab penghapusan seperti yang telah dilakukannya ke atas kaum-kaum Nuh, Hud, Soleh, Lut dan Syu'ayb. Di antara golongan pendusta-pendusta Quraysy ada yang beriman selepas (peristiwa Isra') itu dan telah menggolongkan diri mereka dalam kumpulan tentera-tentera Islam yang setia. Di antara mereka pula ada yang melahirkan zuriat orang-orang yang beriman yang setia. Al-Qur'an selaku satu-satunya mu'jizat Islam sentiasa menjadi sebuah kitab yang terbuka kepada generasi Nabi Muhammad s.a.w. dan kepada generasi-generasi selepas beliau, di mana orang-orang yang tidak sempat melihat beliau dan zamannya serta para sahabatnya telah beriman kepada Al-Qur'an semata-mata kerana mereka dapat membacanya atau kerana mereka bersahabat dengan orang yang membacanya dan Al-Qur'an akan kekal menjadi sebuah kitab Allah yang terbuka kepada seluruh generasi manusia, di mana angkatan manusia yang masih berada di dalam alam ghaib akan memperolehi hidayat darinya, dan di antara mereka ada yang lebih kuat keimanan, lebih soleh amalan mereka dan lebih berguna kepada Islam dari kebaikan orang-orang Islam yang berada dalam angkatan sebelum mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 61 - 65)

Di tengah-tengah suasana pemandangan-pemandangan Isra' yang dilihat oleh Rasulullah s.a.w. dan pemandangan berbagai-bagai alam yang diperlihatkan kepada beliau termasuk pemandangan pokok zaqqum yang terkutuk yang dijadikan makanan kepada pengikut-pengikut syaitan itu dibawa pula pemandangan iblis yang terkutuk sedang mengancam untuk menyesatkan orang-orang yang sesat:

Iblis Mengisytiharkan Perang Ke Atas Manusia Di Hadapan Allah

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَٰٓئِكَةِ ٱسْجُدُوا۟ لِءَادَمَ فَسَجَدُوٓا۟
إِلَّآ إِبْلِيسَ قَالَ ءَأَسْجُدُ لِمَنْ خَلَقْتَ طِينًا ﴿٦١﴾
قَالَ أَرَءَيْتَكَ هَٰذَا ٱلَّذِى كَرَّمْتَ عَلَىَّ لَئِنْ أَخَّرْتَنِ
إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ لَأَحْتَنِكَنَّ ذُرِّيَّتَهُۥٓ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٦٢﴾
قَالَ ٱذْهَبْ فَمَن تَبِعَكَ مِنْهُمْ فَإِنَّ جَهَنَّمَ جَزَآؤُكُمْ
جَزَآءً مَّوْفُورًا ﴿٦٣﴾
وَٱسْتَفْزِزْ مَنِ ٱسْتَطَعْتَ مِنْهُم بِصَوْتِكَ وَأَجْلِبْ
عَلَيْهِم بِخَيْلِكَ وَرَجِلِكَ وَشَارِكْهُمْ فِى ٱلْأَمْوَٰلِ
وَٱلْأَوْلَٰدِ وَعِدْهُمْ ۚ وَمَا يَعِدُهُمُ ٱلشَّيْطَٰنُ إِلَّا
غُرُورًا ﴿٦٤﴾
إِنَّ عِبَادِى لَيْسَ لَكَ عَلَيْهِمْ سُلْطَٰنٌ ۚ وَكَفَىٰ
بِرَبِّكَ وَكِيلًا ﴿٦٥﴾

"Dan kenangilah ketika Kami berfirman kepada para malaikat: Sujudlah kamu kepada Adam. Lalu seluruh mereka sujud kecuali Iblis. Ia telah berkata: Patutkah aku sujud kepada makhluk yang Engkau ciptakannya dari tanah?(61). Dia berkata lagi: Ceritakan kepadaku inikah makhluk yang Engkau muliakannya lebih dariku? Demi sesungguhnya jika Engkau lanjutkan hidupku sampai kepada hari Qiamat nescaya aku akan seretkan keturunannya ke jalan yang sesat kecuali segolongan kecil dari mereka(62). Allah menjawab: Pergilah engkau (melaksanakan hasratmu itu), tetapi barang siapa dari golongan mereka (zuriat Adam) yang mengikutmu, maka sesungguhnya Neraka Jahannamlah balasan untuk kamu sebagai balasan yang amat sempurna(63). Dan hasutkan dengan suaramu siapa sahaja dari mereka yang terdaya olehmu dan lepaskan pasukan berkudamu dan pasukan jalan kakimu untuk menguasai mereka, dan berkongsilah dengan mereka di dalam harta kekayaan dan anak pinak mereka, dan tawarkan janji-janji (yang manis) kepada mereka, dan sebenarnya tiada apa yang dijanjikan syaitan melainkan hanya tipu daya sahaja(64). Sesungguhnya engkau tidak mempunyai kuasa untuk menguasai para hamba-Ku dan cukuplah Tuhanmu sendiri menjadi penguasa (mereka)."(65)

Penjelasan ayat ini mendedahkan sebab-sebab yang sebenar bagi kesesatan orang-orang yang sesat. Ia menayangkan pemandangan ini di sini untuk mengingatkan manusia agar mereka melihat sendiri sebab-sebab kesesatan itu dan melihat sendiri Iblis musuh mereka dan musuh moyang mereka sedang mengancam mereka dengan penuh azam dari zaman berzaman lagi.

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَٰٓئِكَةِ ٱسْجُدُوا۟ لِءَادَمَ فَسَجَدُوٓا۟
إِلَّآ إِبْلِيسَ قَالَ ءَأَسْجُدُ لِمَنْ خَلَقْتَ طِينًا ﴿٦١﴾

"Dan kenangilah ketika Kami berfirman kepada para malaikat: Sujudlah kamu kepada Adam. Lalu seluruh mereka sujud kecuali Iblis. Ia telah berkata: Patutkah aku sujud kepada makhluk yang Engkau ciptakannya dari tanah?"(61)

Itulah hasad dengki Iblis terhadap Adam hingga ia membangkit-bangkitkan perkara tanah, tetapi ia lupa bahawa Allah telah meniupkan roh dari ciptaan-Nya pada tanah itu.

Iblis menunjukkan kelemahan makhluk Adam dan kesediaannya untuk menerima kesesatan, kerana itu ia berkata dengan angkuh:

أَرَءَيْتَكَ هَٰذَا ٱلَّذِى كَرَّمْتَ عَلَىَّ

"Ceritakan kepadaku inikah makhluk yang Engkau muliakannya lebih dariku"(62)

Inikah makhluk yang Engkau telah jadikannya lebih mulia dariku sisi Engkau?

لَئِنْ أَخَّرْتَنِ إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ لَأَحْتَنِكَنَّ ذُرِّيَّتَهُۥٓ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٦٢﴾

"Demi sesungguhnya jika Engkau lanjutkan hidupku sampai kepada hari Qiamat nescaya aku akan seretkan keturunannya ke jalan yang sesat, kecuali segolongan kecil dari mereka."(62)

Aku akan menguasai mereka, memegang teraju hidup mereka dan meletakkan mereka di dalam genggaman untuk mengendalikan segala urusan mereka.

Ciri-ciri Keistimewaan Manusia Dari Makhluk Yang Lain

Iblis lupa tentang tabi'at manusia yang mempunyai bakat kesediaan untuk menerima kebaikan dan hidayat sama dengan bakat kesediaannya untuk menerima kejahatan dan kesesatan. Iblis lupakan keadaan manusia yang dapat mengadakan hubungan dengan Allah, ketika mana dia dapat meluhurkan jiwanya dan mengangkatkannya ke martabat yang tinggi di samping melindungkan dirinya dari kejahatan dan kesesatan. Iblis lupa bahawa inilah sifat istimewa makhluk insan yang mengangkatkannya ke darjah yang mengatasi makhluk-makhluk yang hanya mempunyai satu tabi'at sahaja dan hanya mengetahui satu jalan sahaja yang dilaluinya tanpa iradat, sedangkan iradat atau kemahuan itulah rahsia keistimewaan makhluk insan yang aneh ini.

Telah menjadi kehendak iradat Allah memberi kebebasan kepada Iblis selaku utusan kejahatan dan kesesatan itu bertindak menggoda keturunan insan:

قَالَ ٱذْهَبْ فَمَن تَبِعَكَ مِنْهُمْ فَإِنَّ جَهَنَّمَ جَزَآؤُكُمْ جَزَآءً مَّوْفُورًا ﴿٦٣﴾

"Allah menjawab: Pergilah engkau (melaksanakan hasratmu itu), tetapi barang siapa dari golongan mereka (zuriat Adam) yang mengikutmu, maka sesungguhnya Neraka Jahannamlah balasan untuk kamu sebagai balasan yang amat sempurna."(63)

Pergilah engkau dan bertindaklah sesuka engkau. Pergilah! Engkau telah diberi keizinan untuk menggoda mereka, kerana mereka telah dilengkapkan dengan akal dan iradat. Mereka boleh mengikut engkau dan boleh pula berpaling dari engkau.

فَمَن تَبِعَكَ مِنْهُمْ

"Barang siapa dari golongan mereka (zuriat Adam) yang mengikutimu."(63)

Maksudnya, mengutamakan aspek kesesatan di dalam jiwa mereka dari aspek hidayat atau berpaling dari seruan Allah Yang Maha Rahmat kepada seruan syaitan dengan mengabaikan ayat-ayat Allah di alam buana dan ayat-ayat Allah yang menemani risalah-risalah mereka:

فَإِنَّ جَهَنَّمَ جَزَآؤُكُمْ

"Maka sesungguhnya Neraka Jahannamlah balasan untuk kamu."(63)

untukmu dan para pengikutmu.

جَزَآءً مَّوْفُورًا ﴿٦٣﴾

"Sebagai balasan yang amat sempurna."(63)

وَٱسْتَفْزِزْ مَنِ ٱسْتَطَعْتَ مِنْهُم بِصَوْتِكَ وَأَجْلِبْ عَلَيْهِم بِخَيْلِكَ وَرَجِلِكَ

"Dan hasutkan dengan suaramu siapa sahaja dari mereka yang terdaya olehmu dan lepaskan pasukan berkudamu dan pasukan jalan kakimu."(64)

Inilah gambaran yang bertujuan memfizikalkan sarana-sarana dan alat-alat kesesatan dan kepungan Iblis dan tindak-tanduknya untuk menguasai hati, perasaan dan akal fikiran manusia. Itulah gambaran perjuangan yang gegak gempita, di mana digunakan suara-suara bunyi, pasukan berkuda dan pasukan berjalan kaki sebagaimana digunakan di dalam pertempuran-pertempuran dan pertarungan-pertarungan biasa. Bunyi yang kuat dilepaskan untuk menakutkan musuh dan untuk mengeluarkan mereka dari kubu-kubu mereka atau untuk menarik mereka supaya memasuki perangkap yang telah dipasang dan supaya mereka terjebak dalam tipu daya yang telah diatur. Apabila mereka keluar ke tanah lapang mereka akan diserang oleh angkatan berkuda dan dikepung oleh pasukan berjalan kaki.

وَشَارِكْهُمْ فِى ٱلْأَمْوَٰلِ وَٱلْأَوْلَٰدِ

"Dan berkongsilah dengan mereka di dalam harta kekayaan dan anak pinak mereka."(64)

Perkongsian ini dapat dilihat di dalam kepercayaan-kepercayaan paganisme jahiliyah yang karut-karut, di mana mereka telah memperuntukkan sebahagian dari harta benda mereka untuk tuhan-tuhan yang disembah mereka dan ini merupakan suatu peruntukan untuk s yaitan, juga dapat dilihat pada anak-anak mereka yang dinazarkan kepada tuhan-tuhan atau dijadikan hamba kepada tuhan-tuhan itu seperti 'Abdul-Lat, 'Abdul-Manat, dan kadang-kadang mereka jadikannya terus sebagai hamba syaitan seperti 'Abdul-Harith.

Perkongsian ini juga dapat dilihat pada setiap harta yang diperolehi dari pendapatan yang haram atau yang dikendalikan secara yang tidak sebenar, atau dibelanjakan untuk tujuan-tujuan yang berdosa, juga dapat dilihat pada setiap anak yang dilahirkan secara haram. Semuanya ini merupakan hasil perkongsian dengan syaitan.

Pada umumnya ayat ini menggambarkan bentuk perkongsian yang berlaku di antara Iblis dengan para pengikutnya, iaitu suatu perkongsian yang merangkumi harta kekayaan dan anak pinak yang menjadi asas kehidupan dunia.

Iblis telah diizinkan mengguna segala cara dan sarana, dan di antaranya ialah menggunakan janji-janji yang muluk dan palsu:

وَعِدْهُمْۚ وَمَا يَعِدُهُمُ ٱلشَّيْطَٰنُ إِلَّا غُرُورًا ﴿٦٤﴾

"Tawarkan janji-janji (yang manis) kepada mereka, dan sebenarnya tiada apa yang dijanjikan syaitan melainkan hanya tipu daya sahaja."(64)

Seperti janji terlepas dari hukuman dan qisas, janji-janji mendapat kekayaan dengan punca-punca pencarian yang haram dan janji memperolehi kemenangan dan kejayaan dengan sarana-sarana yang kotor dan keji.

Barangkali janji yang paling menarik sekali ialah janji mendapat kemaafan dan keampunan setelah melakukan dosa dan kesalahan. Inilah lubang yang dimasuki syaitan pada kebanyakan hati manusia yang sukar diserang supaya melakukan maksiat dan kedegilan secara terus terang. Ketika ini syaitan akan menggoda hati-hati yang peka itu dengan cara halus dan lemah-lembut, iaitu dengan menunjuk-nunjukkan kepada mereka betapa luasnya rahmat Allah, kemaafan dan keampunan-Nya.

Pergilah engkau! Engkau telah diberi keizinan untuk menyesatkan mereka yang cenderung mengikutmu, tetapi ingat di sana ada golongan manusia yang tidak dapat dikuasaimu kerana mereka telah dilengkapkan dengan pertahanan yang dapat melindungi mereka dari godaanmu dan dari serangan pasukan berkuda dan pasukan berjalan kakimu.

إِنَّ عِبَادِى لَيْسَ لَكَ عَلَيْهِمْ سُلْطَٰنٌۚ وَكَفَىٰ بِرَبِّكَ وَكِيلًا ﴿٦٥﴾

"Sesungguhnya engkau tidak mempunyai kuasa untuk menguasai para hamba-Ku dan cukuplah Tuhanmu sendiri menjadi penguasa (mereka)."(65)

Apabila hati manusia membuat hubungan dengan Allah dan bertawajjuh kepada-Nya dengan amat ibadat, apabila ia terikat dengan tali keimanan yang kukuh dan tak kunjung putus dan apabila ia menggerakkan dalam rohnya tiupan Ilahi yang luhur itu lalu mengeluarkan pancaran cahaya keimanan yang gemilang dan terang, maka di waktu itu syaitan tidak berupaya lagi untuk menguasai hati yang telah berhubung dengan Allah itu dan menguasai roh yang terang benderang dengan nur iman itu.

وَكَفَىٰ بِرَبِّكَ وَكِيلًا ﴿٦٥﴾

"Dan cukuplah Tuhanmu sendiri menjadi penguasa (mereka)."(65)

Yakni menjadi penguasa yang melindungi, membantu dan menggagalkan tipu daya syaitan.

Syaitan terus bertindak melaksanakan ancamannya menguasai golongan manusia yang menjadi hambanya, tetapi ia tidak berani mengganggu para hamba Allah Yang Maha Penyayang kerana ia tidak mempunyai apa-apa kuasa terhadap mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 66 - 72)

Itulah kejahatan dan gangguan-gangguan yang dirancangkan syaitan terhadap manusia. Kemudian di sana terdapat golongan manusia yang mengikut dan mematuhi kehendak-kehendak syaitan. Mereka berpaling dari panggilan Allah dan dari hidayat-Nya. Allah sentiasa bersikap Maha Pengasih terhadap mereka. Allah sentiasa menolong, memberi hidayat, memberi kemudahan-kemudahan hidup kepada mereka, menyelamatkan mereka dari malapetaka dan kesusahan dan menyahuti permohonan mereka di sa'at-sa'at kesusahan dan kesempitan, tetapi mereka tetap berpaling dari Allah dan mengingkarinya:

رَّبُّكُمُ ٱلَّذِى يُزْجِى لَكُمُ ٱلْفُلْكَ فِى ٱلْبَحْرِ لِتَبْتَغُوا۟ مِن فَضْلِهِۦٓۚ إِنَّهُۥ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا ﴿٦٦﴾ وَإِذَا مَسَّكُمُ ٱلضُّرُّ فِى ٱلْبَحْرِ ضَلَّ مَن تَدْعُونَ إِلَّآ إِيَّاهُۖ فَلَمَّا نَجَّىٰكُمْ إِلَى ٱلْبَرِّ أَعْرَضْتُمْۚ وَكَانَ ٱلْإِنسَٰنُ كَفُورًا ﴿٦٧﴾

"Tuhan kamulah yang menggerakkan kapal-kapal di laut agar kamu dapat mencari sebahagian rezeki dari limpah kurnia-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Penyayang terhadap kamu(66). Dan apabila kamu disentuh malapetaka di laut maka hilang lesaplah (dari hati kamu) sekalian mereka yang kamu sembah selain dari Allah, tetapi apabila Allah telah menyelamatkan kamu ke darat, kamu terus berpaling (dari mengingati-Nya) dan sememangnya manusia itu amat mengkufuri (ni'mat-ni'mat Allah)(67).

Tabi'at Manusia Yang Mengingati Allah Dalam Kesusahan Dan Melupakan-Nya Dalam Kesenangan

Ayat ini menayangkan pemandangan kapal-kapal di dalam laut sebagai contoh sa'at-sa'at yang gawat dan susah, di mana kesedaran terhadap kekuasaan Allah di dalam laut yang bergelora itu lebih kuat dan lebih peka dirasakan seseorang, dan di mana selonggok kayu dan logam (yang membentuk kapal itu) kelihatan terumbang-ambing di dalam lautan dilambung gelombang dan arus. Manusia yang

menjadi penumpang hanya berpegang dengan selonggok kayu dan logam itu di atas tapak tangan rahmat Allah Yang Maha Penyayang semata-mata.

Pemandangan ini dapat dirasakan oleh orang yang telah mengalaminya sendiri. Ia dirasakan oleh hati-hati yang berdebar-debar takut dan cemas pada setiap gegaran dan goncangan yang kuat yang berlaku di dalam kapal sama ada kecil atau besar hingga kepada kapal-kapal raksasa yang meredah lautan-lautan yang garang, di mana pada setengah-setengah ketika ia kelihatan tak ubah seperti sehelai bulu ayam yang ditiup angin kencang di tengah-tengah ombak raksasa yang bengis.

Ungkapan ayat ini menyentuh hati manusia dengan sentuhan yang amat kuat. Ia membuat mereka benar-benar merasa bahawa tangan qudrat Allahlah yang menggerakkan kapal-kapal di lautan dan menolaknya berjalan untuk membolehkan mereka mencari limpah kurnia Allah.

إِنَّهُۥ كَانَ بِكُمۡ رَحِيمٗا ٦٦

"Sesungguhnya Allah Maha Penyayang terhadap kamu."(66)

Rahmat kasihan belas dari Allah itulah perasaan yang paling jelas dirasakan oleh hati di masa-masa seperti ini.

Kemudian Al-Qur'an membawa mereka berpindah dari menggerakkan kapal-kapal yang berlangsung dengan lemah-lembut kepada gelombang-gelombang yang garang, di mana para penumpang yang berada di atas kapal yang terumbang-ambing di tengah-tengah ombak-ombak itu lupa segala kekuatan, segala tempat pergantungan dan perlindungan yang lain dari Allah. Mereka hanya bertawajjuh kepada Allah Yang Maha Esa sahaja di sa'at-sa'at bahaya itu dan tidak berdo'a kepada yang lain dari Allah:

ضَلَّ مَن تَدۡعُونَ إِلَّآ إِيَّاهُۖ

"Hilang lesaplah (dari hati kamu) sekalian mereka yang kamu sembah selain dari Allah."(67)

Tetapi manusia tetap manusia juga. Sebaik sahaja masa yang gawat itu berlalu dan kedua kakinya memijak daratan yang teguh, dia pun terus lupakan detik-detik yang gawat itu dan tidak lagi mengingati Allah. Dia terus di lambung-lambung hawa nafsunya dan dihanyutkan arus keinginan-keinginannya yang liar yang menodai fitrahnya yang tadi telah dibersihkan oleh situasi yang merbahaya itu:

فَلَمَّا نَجَّىٰكُمۡ إِلَى ٱلۡبَرِّ أَعۡرَضۡتُمۡۚ وَكَانَ ٱلۡإِنسَٰنُ
كَفُورًا ٦٧

"Tetapi apabila Allah telah menyelamatkan kamu ke darat kamu terus berpaling (dari mengingati-Nya), dan sememangnya manusia itu amat mengkufuri (ni'mat-ni'mat Allah)."(67)

Kecuali mereka yang mempunyai hati yang berhubung dengan Allah lalu menjadi cerah dan berbahaya.

Di sini dalam penjelasan ayat yang berikut Al-Qur'an menggerakkan perasaan orang-orang yang ditujukan ayat-ayat ini kepada mereka dengan menggambarkan situasi bahaya yang telah ditinggalkan mereka di lautan itu kini sedang memburu mereka di daratan pula, atau kini mereka kembali sekali lagi menghadapi situasi bahaya di dalam lautan supaya mereka benar-benar sedar bahawa keamanan dan kemantapan itu tidak mungkin wujud melainkan di dalam perlindungan dan naungan Allah sama ada di lautan atau di daratan, sama ada dalam gelombang yang lembut atau dalam tiupan angin yang selesa, sama ada di tempat perlindungan yang kukuh atau di rumah kediaman yang rehat:

أَفَأَمِنتُمۡ أَن يَخۡسِفَ بِكُمۡ جَانِبَ ٱلۡبَرِّ أَوۡ يُرۡسِلَ
عَلَيۡكُمۡ حَاصِبٗا ثُمَّ لَا تَجِدُواْ لَكُمۡ وَكِيلًا ٦٨
أَمۡ أَمِنتُمۡ أَن يُعِيدَكُمۡ فِيهِ تَارَةً أُخۡرَىٰ فَيُرۡسِلَ
عَلَيۡكُمۡ قَاصِفٗا مِّنَ ٱلرِّيحِ فَيُغۡرِقَكُم بِمَا كَفَرۡتُمۡ ثُمَّ لَا
تَجِدُواْ لَكُمۡ عَلَيۡنَا بِهِۦ تَبِيعٗا ٦٩

"Apakah kamu merasa aman dari (balasan Allah yang berkuasa) menimpakan kamu dengan gempa bumi di daratan atau melepaskan hujan batu ke atas kamu kemudian (di masa itu) kamu tidak mendapat seorang pun yang menjadi pelindung kamu(68). Atau apakah kamu merasa aman dari (balasan Allah yang berkuasa) mengembalikan kamu ke laut sekali lagi lalu Dia melepaskan ribut taufan yang kencang, yang menyebabkan kamu tenggelam kerana perbuatan kamu yang kufur, kemudian (di masa itu) kamu tidak akan mendapat seorang penolong yang menuntut bela terhadap kami."(69)

Manusia tetap berada dalam genggaman qudrat Allah pada setiap sa'at dan tempat. Dia berada di dalam genggaman qudrat Allah ketika berada di daratan atau di lautan, oleh itu bagaimana mereka dapat merasa aman dari ditelan gempa bumi atau ditimbus gunung berapi di daratan atau lain-lainnya dari punca-punca bencana yang tunduk kepada qudrat Allah? Atau merasa aman dari ribut badai yang dilepaskan Allah, iaitu ribut yang mencurahkan debu, air, tanah dan batu-batu ke atas mereka hingga menyebabkan mereka binasa dan tiada seorang pun selain dari Allah yang berkuasa memberi perlindungan dan mempertahankan keselamatan mereka?

Atau bagaimana mereka dapat merasa aman dari dikembalikan Allah sekali lagi ke lautan, di mana Allah akan melepas ribut yang kencang melanda mereka. Meruntuhkan tiang-tiang kapal dan memecahkannya hingga mengaramkan mereka dengan sebab kekufuran dan sikap mereka yang ber-paling dari

hidayat-Nya. Dan mereka akan dapati tiada siapa pun selepas mereka yang sanggup mempersoalkan siapakah yang bertanggungjawab terhadap penenggelaman mereka?

Sebenarnya kelalaian itulah yang menyebabkan manusia berpaling dari Allah dan mengingkarkan-Nya kemudian mereka merasa aman dari 'azab dan balasan-Nya. Mereka bertawajjuh kepada-Nya di sa'at-sa'at kesusahan kemudian mereka lupakan-Nya setelah mereka selamat seolah-olah itulah kesusahan yang terakhir yang dapat Allah binasakan mereka.

Penghormatan Allah Terhadap Makhluk Insan

Allah telah memuliakan makhluk manusia ini melebihi kebanyakan makhluk-makhluk-Nya yang lain. Allah memuliakan manusia dengan menciptakannya dengan rupa bentuknya yang ada sekarang dan dengan fitrahnya yang mengumpulkan di antara tanah dan tiupan roh, dan dengan demikian kejadian manusia mengumpulkan di antara unsur bumi dan unsur langit.

Allah telah memuliakan manusia dengan berbagai-bagai bakat kesediaan dan kebolehan yang diletakkan di dalam fitrahnya, iaitu bakat-bakat kebolehan yang melayakkannya memegang teraju khilafah di bumi, di mana dia dapat mengubah dan menukar, mengeluar dan mencipta, menyusun dan merombak dan seterusnya dengan bakat-bakat kebolehan itu dia dapat mencapai kesempurnaan yang telah ditetapkan Allah kepada manusia.

Allah telah memuliakan manusia dengan menundukkan tenaga-tenaga alam di bumi kepadanya dan membekalkannya dengan bantuan tenaga-tenaga alam di planet-planet dan bintang-bintang.

Allah telah memuliakan manusia dengan sambutan agung alam al-wujud dan dengan angkatan malaikat yang sujud kepadanya dan di sinilah Allah Yang Maha Pencipta dan Maha Mulia mengumumkan penghormatannya kepada makhluk insan ini.

Allah telah memuliakan manusia dengan mengisytiharkan seluruh penghormatan ini di dalam kitab suci-Nya Al-Qur'an yang diturunkan dari alam al-Mala'ul-A'la dan akan terus kekal di bumi ini.

وَلَقَدۡ كَرَّمۡنَا بَنِيٓ ءَادَمَ وَحَمَلۡنَٰهُمۡ فِي ٱلۡبَرِّ وَٱلۡبَحۡرِ
وَرَزَقۡنَٰهُم مِّنَ ٱلطَّيِّبَٰتِ وَفَضَّلۡنَٰهُمۡ عَلَىٰ كَثِيرٖ
مِّمَّنۡ خَلَقۡنَا تَفۡضِيلٗا ٧٠

"Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan keturunan Adam dan Kami mengangkutkan mereka (dengan aneka kenderaan) di darat dan di laut dan Kami kurniakan kepada mereka rezeki-rezeki yang baik dan Kami lebihkan mereka dengan kelebihan-kelebihan (yang istimewa) dari kebanyakan makhluk-makhluk lain yang telah Kami ciptakannya."(70)

وَحَمَلۡنَٰهُمۡ فِي ٱلۡبَرِّ وَٱلۡبَحۡرِ

"Dan Kami mengangkutkan mereka dengan aneka kenderaan) di darat dan di laut."(70)

Pengangkutan di darat dan di laut disempurnakan dengan mempergunakan undang-undang alam dan menyesuaikannya dengan tabi'at hidup manusia dan bakat-bakat kebolehannya. Andainya undang-undang alam ini tidak sesuai dengan tabi'at manusia tentulah kehidupan manusia tidak dapat ditegakkan. Manusia adalah satu makhluk yang lemah dan kerdil dibandingkan dengan faktor-faktor alam di darat dan di laut, tetapi manusia dilengkapkan dengan daya qudrat untuk hidup di bumi ini, juga dilengkapkan dengan bakat-bakat kebolehan yang dapat digunakan olehnya. Semuanya itu adalah dari limpah kurnia Allah belaka.

وَرَزَقۡنَٰهُم مِّنَ ٱلطَّيِّبَٰتِ

"Dan Kami kurniakan kepada mereka rezeki-rezeki yang baik."(70)

Tetapi manusia lupakan rezeki-rezeki yang baik yang dikurniakan Allah kepadanya kerana terlalu biasa. Dia tidak mengenangkan sebahagian besar dari rezeki-rezeki yang baik itu kecuali ketika Allah menafikannya. Di waktu ini barulah dia menyedari betapa besarnya nilai rezeki yang dini'matinya itu, tetapi dalam masa yang sebentar sahaja dia akan lupakannya kembali. matahari ini, udara ini, air ini, sihat wal'afiat ini, daya qudrat bergerak ini, pancaindera ini, akal ini, makanan-makanan, minuman-minuman dan pemandangan-pemandangan ini, alam buana yang panjang lebar ini, di mana dia dilantikkan sebagai khalifah Allah yang mentadbirnya adalah semuanya mengandungi rezeki-rezeki yang baik yang tidak terhitung banyaknya.

وَفَضَّلۡنَٰهُمۡ عَلَىٰ كَثِيرٖ مِّمَّنۡ خَلَقۡنَا تَفۡضِيلٗا ٧٠

"Dan Kami lebihkan mereka dengan kelebihan-kelebihan (yang istimewa) dari kebanyakan makhluk-makhluk lain yang telah Kami ciptakannya."(70)

Yakni kami lebihkan mereka dengan perlantikannya selaku khalifah di dalam kerajaan bumi yang panjang lebar ini, juga dengan berbagai-bagai bakat kebolehan yang dilengkapkan di dalam fitrahnya, iaitu bakat-bakat kebolehan yang menjadikan makhluk manusia ini satu makhluk yang unik di antara makhluk-makhluk yang wujud di dalam kerajaan Allah.

Di antara ciri-ciri penghormatan yang lain ialah Allah jadikan manusia penguasa di atas dirinya sendiri dan bertanggungjawab terhadap segala tindak-tanduknya dan arah tujuannya. Inilah ciri utama yang menjadikan makhluk manusia itu manusia. Inilah ciri kebebasan memilih arah tujuan dan tanggungjawab individu dan dengan ciri inilah manusia dilantikkan selaku khalifah di Negeri Kerja (dunia). Oleh itu adalah amat adil manusia itu menerima balasan terhadap pemilihan

arah tujuannya dan terhadap hasil-hasil amalan dan kerjanya di Negeri Hisab (Akhirat) kelak.

يَوْمَ نَدْعُوا كُلَّ أُنَاسٍ بِإِمَامِهِمْ ۖ فَمَنْ أُوتِيَ كِتَابَهُ
بِيَمِينِهِ فَأُولَٰئِكَ يَقْرَءُونَ كِتَابَهُمْ وَلَا يُظْلَمُونَ
فَتِيلًا ﴿٧١﴾
وَمَن كَانَ فِي هَٰذِهِ أَعْمَىٰ فَهُوَ فِي الْآخِرَةِ أَعْمَىٰ
وَأَضَلُّ سَبِيلًا ﴿٧٢﴾

"(Ingatilah) hari Qiamat di mana Kami akan memanggil setiap umat dengan nama (Rasul) pemimpin mereka. Oleh itu barang siapa yang diserahkan buku laporan amalannya di tangan kanannya, maka merekalah yang dapat membaca buku laporan amalan mereka (dengan gembira) dan mereka tidak akan dianiayai seurat benang pun(71). Dan barang siapa di dunia ini telah pun buta mata hatinya, maka pada hari Akhirat kelak ia akan menjadi lebih buta lagi dan lebih sesat perjalanannya."(72)

Pemandangan ini menggambarkan bagaimana makhluk manusia dikumpulkan di padang Mahsyar, di mana setiap kelompok akan diseru dengan nama agama yang diikutinya, atau dengan nama Rasul yang menjadi ikutannya, atau dengan nama pemimpin yang diikutinya dalam kehidupan dunia. Mereka diseru supaya tampil menerima buku laporan amalan dan balasannya di negeri Akhirat. Oleh itu sesiapa yang menerima buku laporan amalannya dengan tangan kanannya, dia akan menyambutnya dengan gembira dan membaca buku itu dengan riang dan senang hati, dan seterusnya dia akan mendapat balasan yang sempurna, tidak akan dikurangi barang sedikit pun walau sebesar seurat benang selaput yang terdapat dalam biji benih. Sesiapa yang buta di dunia dan tidak dapat melihat tanda-tanda hidayat, maka di Akhirat kelak dia akan jadi lebih buta dari jalan kebaikan dan lebih sesat lagi dan balasannya memang diketahui umum, tetapi ayat ini hanya menggambarkannya dalam satu pemandangan perhimpunan manusia yang penuh sesak sebagai seorang buta yang berjalan meraba-raba tiada siapa yang memandunya dan tiada suatu apa yang dapat dijadikan panduannya. Dia dibiarkan Allah begitu tanpa ditentukan sesuatu keputusan mengenainya, kerana pemandangan buta dan sesat di sa'at yang amat gawat itu sahaja sudah cukup menjadi balasan yang ngeri dan berkesan di dalam hati.

(Kumpulan ayat-ayat 73 - 111)

وَإِن كَادُوا لَيَفْتِنُونَكَ عَنِ الَّذِي أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ
لِتَفْتَرِيَ عَلَيْنَا غَيْرَهُ ۖ وَإِذًا لَّاتَّخَذُوكَ خَلِيلًا ﴿٧٣﴾
وَلَوْلَا أَن ثَبَّتْنَاكَ لَقَدْ كِدتَّ تَرْكَنُ إِلَيْهِمْ شَيْئًا قَلِيلًا ﴿٧٤﴾
إِذًا لَّأَذَقْنَاكَ ضِعْفَ الْحَيَاةِ وَضِعْفَ الْمَمَاتِ
ثُمَّ لَا تَجِدُ لَكَ عَلَيْنَا نَصِيرًا ﴿٧٥﴾
وَإِن كَادُوا لَيَسْتَفِزُّونَكَ مِنَ الْأَرْضِ لِيُخْرِجُوكَ
مِنْهَا ۖ وَإِذًا لَّا يَلْبَثُونَ خِلَافَكَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٧٦﴾
سُنَّةَ مَن قَدْ أَرْسَلْنَا قَبْلَكَ مِن رُّسُلِنَا ۖ وَلَا تَجِدُ
لِسُنَّتِنَا تَحْوِيلًا ﴿٧٧﴾
أَقِمِ الصَّلَاةَ لِدُلُوكِ الشَّمْسِ إِلَىٰ غَسَقِ اللَّيْلِ
وَقُرْآنَ الْفَجْرِ ۖ إِنَّ قُرْآنَ الْفَجْرِ كَانَ مَشْهُودًا ﴿٧٨﴾
وَمِنَ اللَّيْلِ فَتَهَجَّدْ بِهِ نَافِلَةً لَّكَ عَسَىٰ أَن يَبْعَثَكَ
رَبُّكَ مَقَامًا مَّحْمُودًا ﴿٧٩﴾
وَقُل رَّبِّ أَدْخِلْنِي مُدْخَلَ صِدْقٍ وَأَخْرِجْنِي مُخْرَجَ
صِدْقٍ وَاجْعَل لِّي مِن لَّدُنكَ سُلْطَانًا نَّصِيرًا ﴿٨٠﴾
وَقُلْ جَاءَ الْحَقُّ وَزَهَقَ الْبَاطِلُ ۚ إِنَّ الْبَاطِلَ كَانَ زَهُوقًا ﴿٨١﴾
وَنُنَزِّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ ۙ
وَلَا يَزِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا ﴿٨٢﴾

"Dan mereka sebenarnya hampir-hampir hendak memesongkan engkau dari apa yang telah Kami wahyukan kepadamu supaya engkau mengadakan perkara-perkara yang dusta yang berlainan darinya terhadap kami, dan jika (engkau melayani kehendak mereka) nescaya mereka akan mengambil engkau sebagai sahabat(73). Dan jika tidak kerana Kami telah meneguhkan imanmu tentulah engkau akan condong sedikit kepada mereka(74). Jika (terjadi demikian) nescaya Kami rasakan engkau keseksaan hidup yang berlipat ganda dan keseksaan mati yang berlipat ganda kemudian engkau tidak akan mendapat seorang penolong pun yang sanggup menentang Kami(75). Dan mereka sebenarnya hampir-hampir berjaya menimbulkan kegelisahan kepadamu di bumi (Makkah) dengan tujuan untuk mengusirmu darinya dan jika (engkau terusir) nescaya mereka tidak akan tinggal di sana sesudahmu melainkan hanya sebentar sahaja(76). Itulah undang-undang yang berlaku kepada Rasul-Rasul yang telah Kami utuskan sebelummu dan engkau tidak akan dapati sebarang perubahan dalam undang-undang Kami(77). Dirikanlah solat di waktu matahari condong ke arah jatuh sehingga waktu menjelang malam dan bacalah Al-Qur'an di waktu fajar, kerana membaca Al-Qur'an di waktu fajar itu adalah disaksikan kesannya (yang amat mendalam)(78). Dan di sebahagian malam bangunlah dari tidurmu mendirikan solat

tahajjud dengan membaca Al-Qur'an sebagai ibadat tambahan kepadamu semoga engkau dibangkitkan Tuhanmu (pada hari Akhirat kelak) ke maqam yang terpuji(79). Dan berdo'alah: Wahai Tuhanku! Masukkan daku dengan langkah masuk yang benar dan keluarkan daku dengan langkah keluar yang benar dan kurniakanlah kepadaku dari sisi-Mu kekuatan yang dapat menolongku(80). Dan katakanlah: Kebenaran telah datang dan kebatilan telah hapus. Sesungguhnya kebatilan itu tetap hapus(81). Dan dari Al-Qur'an Kami turunkan ayat-ayat yang menjadi penawar dan rahmat kepada para Mu'minin dan ia tidak menambahkan sesuatu apa kepada orang-orang yang zalim kecuali kerugian semata-mata"(82).

وَإِذَآ أَنۡعَمۡنَا عَلَى ٱلۡإِنسَٰنِ أَعۡرَضَ وَنَـَٔا بِجَانِبِهِۦ
وَإِذَا مَسَّهُ ٱلشَّرُّ كَانَ يَـُٔوسٗا ٨٣
قُلۡ كُلّٞ يَعۡمَلُ عَلَىٰ شَاكِلَتِهِۦ فَرَبُّكُمۡ أَعۡلَمُ بِمَنۡ هُوَ
أَهۡدَىٰ سَبِيلٗا ٨٤
وَيَسۡـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلرُّوحِۖ قُلِ ٱلرُّوحُ مِنۡ أَمۡرِ رَبِّي وَمَآ أُوتِيتُم
مِّنَ ٱلۡعِلۡمِ إِلَّا قَلِيلٗا ٨٥
وَلَئِن شِئۡنَا لَنَذۡهَبَنَّ بِٱلَّذِيٓ أَوۡحَيۡنَآ إِلَيۡكَ ثُمَّ لَا تَجِدُ
لَكَ بِهِۦ عَلَيۡنَا وَكِيلًا ٨٦
إِلَّا رَحۡمَةٗ مِّن رَّبِّكَۚ إِنَّ فَضۡلَهُۥ كَانَ عَلَيۡكَ كَبِيرٗا ٨٧
قُل لَّئِنِ ٱجۡتَمَعَتِ ٱلۡإِنسُ وَٱلۡجِنُّ عَلَىٰٓ أَن يَأۡتُواْ بِمِثۡلِ
هَٰذَا ٱلۡقُرۡءَانِ لَا يَأۡتُونَ بِمِثۡلِهِۦ وَلَوۡ كَانَ بَعۡضُهُمۡ
لِبَعۡضٖ ظَهِيرٗا ٨٨
وَلَقَدۡ صَرَّفۡنَا لِلنَّاسِ فِي هَٰذَا ٱلۡقُرۡءَانِ مِن كُلِّ مَثَلٖ
فَأَبَىٰٓ أَكۡثَرُ ٱلنَّاسِ إِلَّا كُفُورٗا ٨٩
وَقَالُواْ لَن نُّؤۡمِنَ لَكَ حَتَّىٰ تَفۡجُرَ لَنَا مِنَ ٱلۡأَرۡضِ
يَنۢبُوعًا ٩٠
أَوۡ تَكُونَ لَكَ جَنَّةٞ مِّن نَّخِيلٖ وَعِنَبٖ فَتُفَجِّرَ
ٱلۡأَنۡهَٰرَ خِلَٰلَهَا تَفۡجِيرًا ٩١
أَوۡ تُسۡقِطَ ٱلسَّمَآءَ كَمَا زَعَمۡتَ عَلَيۡنَا كِسَفًا أَوۡ
تَأۡتِيَ بِٱللَّهِ وَٱلۡمَلَٰٓئِكَةِ قَبِيلًا ٩٢

"Dan apabila Kami kurniakan kesenangan kepada manusia nescaya ia membelakangi dan menjauhkan diri dengan angkuh dari Kami, dan apabila dia disentuh kesusahan dia terus menjadi putus asa(83). Katakanlah: Tiap-tiap seorang itu bertindak mengikut bakat dan kecenderungan masing-masing dan Tuhan kamulah yang lebih mengetahui siapakah yang lebih betul perjalanan hidupnya(84). Dan mereka bertanya kepadamu tentang hakikat roh, jawablah: Roh itu dari urusan Tuhanku dan kamu tidak dikurniakan ilmu pengetahuan melainkan hanya sedikit sahaja(85). Dan jika Kami kehendaki tentulah Kami boleh hapuskan apa yang telah Kami wahyukan kepadamu itu, kemudian engkau tidak akan mendapat seorang pembela pun yang boleh menentang kehendak Kami(86). (Kami tidak berkehendak begitu) semata-mata kerana rahmat dari Tuhanmu, sesungguhnya limpah kurnia-Nya kepadamu amatlah besar(87). Katakanlah: Jika manusia dan jin berkumpul untuk mengadakan sesuatu yang setanding dengan Al-Qur'an ini nescaya mereka tidak berupaya mengadakan sama sepertinya walaupun mereka saling membantu satu sama lain(88). Dan sesungguhnya Kami ulangi penerangan-penerangan Kami kepada manusia di dalam Al-Qur'an ini dengan segala macam perbandingan, namun kebanyakan manusia enggan menerima selain dari kekufuran(89). Dan Mereka berkata: Kami tidak akan beriman kepadamu sehingga engkau alirkan untuk Kami sebuah mata air dari bumi(90). Atau engkau memiliki sebuah kebun kurma dan anggur dan engkau alirkan di celah-celah kebun itu sungai-sungai yang mengalirkan air yang banyak(91). Atau engkau gugurkan langit berkeping-kepingan ke atas kami sebagaimana engkau pernah katakan kepada kami atau engkau membawa Allah dan malaikat berhadapan (dengan kami)"(92).

أَوۡ يَكُونَ لَكَ بَيۡتٞ مِّن زُخۡرُفٍ أَوۡ تَرۡقَىٰ فِي ٱلسَّمَآءِ
وَلَن نُّؤۡمِنَ لِرُقِيِّكَ حَتَّىٰ تُنَزِّلَ عَلَيۡنَا كِتَٰبٗا نَّقۡرَؤُهُۥۗ
قُلۡ سُبۡحَانَ رَبِّي هَلۡ كُنتُ إِلَّا بَشَرٗا رَّسُولٗا ٩٣
وَمَا مَنَعَ ٱلنَّاسَ أَن يُؤۡمِنُوٓاْ إِذۡ جَآءَهُمُ ٱلۡهُدَىٰٓ إِلَّآ
أَن قَالُوٓاْ أَبَعَثَ ٱللَّهُ بَشَرٗا رَّسُولٗا ٩٤
قُل لَّوۡ كَانَ فِي ٱلۡأَرۡضِ مَلَٰٓئِكَةٞ يَمۡشُونَ مُطۡمَئِنِّينَ
لَنَزَّلۡنَا عَلَيۡهِم مِّنَ ٱلسَّمَآءِ مَلَكٗا رَّسُولٗا ٩٥
قُلۡ كَفَىٰ بِٱللَّهِ شَهِيدَۢا بَيۡنِي وَبَيۡنَكُمۡۚ إِنَّهُۥ كَانَ
بِعِبَادِهِۦ خَبِيرَۢا بَصِيرٗا ٩٦
وَمَن يَهۡدِ ٱللَّهُ فَهُوَ ٱلۡمُهۡتَدِۖ وَمَن يُضۡلِلۡ فَلَن تَجِدَ لَهُمۡ
أَوۡلِيَآءَ مِن دُونِهِۦۖ وَنَحۡشُرُهُمۡ يَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِ عَلَىٰ
وُجُوهِهِمۡ عُمۡيٗا وَبُكۡمٗا وَصُمّٗاۖ مَّأۡوَىٰهُمۡ جَهَنَّمُۖ
كُلَّمَا خَبَتۡ زِدۡنَٰهُمۡ سَعِيرٗا ٩٧

ذَٰلِكَ جَزَآؤُهُم بِأَنَّهُمْ كَفَرُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا وَقَالُوٓا۟ أَءِذَا كُنَّا
عِظَٰمًا وَرُفَٰتًا أَءِنَّا لَمَبْعُوثُونَ خَلْقًا جَدِيدًا ٩٨
أَوَلَمْ يَرَوْا۟ أَنَّ ٱللَّهَ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ
قَادِرٌ عَلَىٰٓ أَن يَخْلُقَ مِثْلَهُمْ وَجَعَلَ لَهُمْ أَجَلًا لَّا رَيْبَ
فِيهِ فَأَبَى ٱلظَّٰلِمُونَ إِلَّا كُفُورًا ٩٩
قُل لَّوْ أَنتُمْ تَمْلِكُونَ خَزَآئِنَ رَحْمَةِ رَبِّىٓ إِذًا لَّأَمْسَكْتُمْ
خَشْيَةَ ٱلْإِنفَاقِ ۚ وَكَانَ ٱلْإِنسَٰنُ قَتُورًا ١٠٠
وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا مُوسَىٰ تِسْعَ ءَايَٰتٍۭ بَيِّنَٰتٍ ۖ فَسْـَٔلْ بَنِىٓ
إِسْرَٰٓءِيلَ إِذْ جَآءَهُمْ فَقَالَ لَهُۥ فِرْعَوْنُ إِنِّى لَأَظُنُّكَ
يَٰمُوسَىٰ مَسْحُورًا ١٠١
قَالَ لَقَدْ عَلِمْتَ مَآ أَنزَلَ هَٰٓؤُلَآءِ إِلَّا رَبُّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ
وَٱلْأَرْضِ بَصَآئِرَ وَإِنِّى لَأَظُنُّكَ يَٰفِرْعَوْنُ مَثْبُورًا ١٠٢

"Atau engkau memiliki sebuah rumah dari emas atau engkau naik ke langit. Dan kami tidak akan percayakan kenaikanmu itu sehingga engkau membawa turun sebuah kitab yang dapat kami bacakannya. Katakanlah: Maha Suci Tuhanku, aku ini hanya seorang manusia yang menjadi utusan sahaja(93). Dan tiada yang menghalangkan manusia dari beriman ketika mereka didatangi hidayat melainkan mereka berkata: Apakah benar Allah telah mengutuskan manusia menjadi Rasul?(94). Katakanlah: Jika di bumi ada malaikat-malaikat penghuni yang berjalan dengan tetap tenteram tentulah Kami turunkan kepada mereka dari langit seorang malaikat untuk menjadi Rasul(95). Katakanlah: Cukuplah Allah sendiri menjadi saksi di antaraku dengan kamu, sesungguhnya Allah itu Maha Mengetahui dan Maha Melihat(96). Dan sesiapa yang dihidayatkan Allah, maka dialah orang yang mendapat hidayat (yang sebenar), dan sesiapa yang disesatkan Allah, nescaya engkau tidak akan dapati mereka mempunyai penaung-penaung selain dari-Nya, dan pada hari Qiamat kelak Kami akan kumpulkan mereka (dan mereka diseret) di atas muka mereka dalam keadaan buta, bisu dan pekak. Tempat kediaman mereka ialah Neraka Jahannam, setiap kali apinya hampir padam Kami tambahkan mereka api yang marak(97). Itulah balasan mereka kerana mereka mengingkari ayat-ayat Kami dan berkata: Apakah benar sesudah kami hancur menjadi tulang-tulang dan bahan reputan kami akan dibangkitkan kembali sebagai makhluk yang baru?(98). Apakah mereka tidak berfikir bahawa Allah yang berkuasa menciptakan langit dan bumi berkuasa pula menciptakan makhluk yang seperti mereka, sedangkan Allah telah pun menentukan bagi mereka tempoh ajal yang tidak dapat diragui lagi, tetapi orang-orang yang zalim enggan menerima kecuali kekufuran semata-mata(99). Katakanlah: Seandainya kamu memiliki khazanah-khazanah rezeki Tuhanku nescaya kamu akan tahankan khazanah-khazanah itu kerana takut kehabisan, dan manusia itu sememangnya amat kikir(100). Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepada Musa sembilan mu'jizat yang jelas. Oleh itu tanyalah (perkara ini) kepada Bani Israel ketika Musa datang kepada mereka, lalu Fir'aun berkata kepadanya: Wahai Musa! Sesungguhnya aku fikir engkau ini adalah seorang yang terkena sihir(101). Jawab Musa: Sesungguhnya engkau sendiri mengetahui bahawa tiada siapa yang berkuasa menurunkan mu'jizat-mu'jizat itu melainkan Tuhan yang memiliki langit dan bumi sebagai bukti-bukti yang jelas. Sesungguhnya wahai Fir'aun aku fikir engkau akan binasa"(102).

فَأَرَادَ أَن يَسْتَفِزَّهُم مِّنَ ٱلْأَرْضِ فَأَغْرَقْنَٰهُ وَمَن
مَّعَهُۥ جَمِيعًا ١٠٣
وَقُلْنَا مِنۢ بَعْدِهِۦ لِبَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ ٱسْكُنُوا۟ ٱلْأَرْضَ فَإِذَا
جَآءَ وَعْدُ ٱلْـَٔاخِرَةِ جِئْنَا بِكُمْ لَفِيفًا ١٠٤
وَبِٱلْحَقِّ أَنزَلْنَٰهُ وَبِٱلْحَقِّ نَزَلَ ۗ وَمَآ أَرْسَلْنَٰكَ إِلَّا مُبَشِّرًا
وَنَذِيرًا ١٠٥
وَقُرْءَانًا فَرَقْنَٰهُ لِتَقْرَأَهُۥ عَلَى ٱلنَّاسِ عَلَىٰ مُكْثٍ وَنَزَّلْنَٰهُ
تَنزِيلًا ١٠٦
قُلْ ءَامِنُوا۟ بِهِۦٓ أَوْ لَا تُؤْمِنُوٓا۟ ۚ إِنَّ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْعِلْمَ مِن
قَبْلِهِۦٓ إِذَا يُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ يَخِرُّونَ لِلْأَذْقَانِ سُجَّدًا ١٠٧
وَيَقُولُونَ سُبْحَٰنَ رَبِّنَآ إِن كَانَ وَعْدُ رَبِّنَا لَمَفْعُولًا ١٠٨
وَيَخِرُّونَ لِلْأَذْقَانِ يَبْكُونَ وَيَزِيدُهُمْ خُشُوعًا ۩ ١٠٩
قُلِ ٱدْعُوا۟ ٱللَّهَ أَوِ ٱدْعُوا۟ ٱلرَّحْمَٰنَ ۖ أَيًّا مَّا تَدْعُوا۟ فَلَهُ
ٱلْأَسْمَآءُ ٱلْحُسْنَىٰ ۚ وَلَا تَجْهَرْ بِصَلَاتِكَ وَلَا تُخَافِتْ
بِهَا وَٱبْتَغِ بَيْنَ ذَٰلِكَ سَبِيلًا ١١٠
وَقُلِ ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ ٱلَّذِى لَمْ يَتَّخِذْ وَلَدًا وَلَمْ يَكُن لَّهُۥ شَرِيكٌ فِى
ٱلْمُلْكِ وَلَمْ يَكُن لَّهُۥ وَلِىٌّ مِّنَ ٱلذُّلِّ ۖ وَكَبِّرْهُ تَكْبِيرًا ١١١

'Dia mahu mengusir mereka dari negeri (Mesir) lalu Kami tenggelamkannya bersama seluruh pengikutnya(103). Dan Kami telah berkata kepada Bani Israel selepas kebinasaan Fir'aun: Tinggallah kamu di negeri ini dan apabila tiba masa Akhirat Kami akan membawa kamu sekalian berkumpul bercampur-baur (di Mahsyar)(104). Dan Kami telah turunkan Al-Qur'an dengan tunas kebenaran dan dengan tunas

kebenaran turunnya Al-Qur'an. Dan Kami tidak utuskan engkau melainkan sebagai penyampai berita gembira dan pemberi amaran(105). Dan Kami telah turunkan Al-Qur'an dengan berdikit-dikit supaya engkau membacakannya kepada manusia dengan perlahan-lahan dan telah turunkannya secara beransur-ansur(106). Katakanlah: Berimanlah kamu kepada Al-Qur'an atau tidak beriman. Sesungguhnya orang-orang yang dikurniakan ilmu pengetahuan sebelum Al-Qur'an apabila dibacakan kepada mereka Al-Qur'an mereka terus menyembamkan muka mereka sujud (kepada Allah)(107). Dan mereka berkata: Maha Suci Tuhan kami. Sesungguhnya janji Tuhan kami itu tetap terkota(108). Dan mereka menyembamkan muka mereka menangis dan ia membuat mereka bertambah khusyu'(109). Katakanlah: Berdo'alah dengan nama Allah atau nama ar-Rahman apa sahaja nama yang kamu seru (adalah baik belaka) kerana Allah mempunyai nama-nama yang paling indah, dan janganlah engkau terlalu nyaringkan bacaan do'a dan solat dan jangan pula terlalu memperlahankannya. Carilah bacaan yang sederhana di antara keduanya(110). Dan ucapkanlah: Segala kepujian itu terpulang kepada Allah yang tidak pernah mempunyai anak dan tidak pernah mempunyai sekutu dalam urusan kerajaan alam dan tidak pernah mempunyai pelindung yang melindungi-Nya dari kehinaan dan takbirkan-Nya dengan sebesar-besar takbir."(111)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Inilah pelajaran terakhir Surah al-Isra'. Ia memperkatakan paksi utama surah ini, iaitu peribadi Rasulullah s.a.w., sikap kaumnya terhadap beliau dan Al-Qur'an yang dibawa oleh beliau dan ciri-cirinya.

Ia dimulai dengan menyebut percubaan-percubaan kaum Musyrikin untuk memesongkan Rasulullah s.a.w. dari setengah-setengah wahyu yang diturunkan kepadanya, juga menyebut usaha-usaha mereka yang merancang untuk mengusir beliau dari negeri Makkah dan bagaimana Allah melindungi beliau dari pujuk rayu dan gangguan-gangguan mereka. Ini ialah mengikut keputusan yang telah ditetapkan di dalam ilmu Allah, iaitu keputusan penangguhan 'azab terhadap mereka dan keputusan tidak mengazabkan mereka dengan 'azab penghapusan seperti yang telah dilakukan ke atas umat-umat sebelum mereka. Andainya mereka menghalaukan Rasulullah s.a.w. keluar dari Makkah tentulah mereka akan dibinasakan Allah mengikut Sunnatullah yang tidak pernah berubah terhadap umat-umat yang telah menghalaukan Rasul-Rasul mereka.

Justeru itu Rasulullah s.a.w. diperintah supaya meneruskan perjuangannya dengan mendirikan solat dan membaca Al-Qur'an yang diturunkan-Nya serta berdo'a kepada Allah agar memasukkannya dengan langkah masuk yang benar dan mengeluarkannya dengan langkah keluar yang benar dan mengurniakan kepadanya kekuatan yang menolongnya, juga mengumumkan tentang ketibaan kebenaran dan kehapusan kebatilan. Perhubungan dengan Allah merupakan senjata yang melindungi beliau dari penindasan dan menjaminkannya memperolehi kemenangan dan kekuasaan.

Kemudian dijelaskan pula tentang fungsi Al-Qur'an sebagai penawar dan rahmat kepada mereka yang beriman kepadanya dan sebagai 'azab dan bala kepada mereka yang mendustakannya. Di dunia mereka terseksa dengan sebab Al-Qur'an dan di Akhirat pula mereka akan menemui keseksaan dengan sebab Al-Qur'an juga.

Sehubungan dengan menyebut rahmat dan 'azab di sini, maka penjelasan ayat ini juga menyambut sepintas lalu mengenai sifat manusia yang menerima rahmat dan 'azab itu, iaitu ketika menerima rahmat, mereka menjadi angkuh dan berpaling dari hidayat, dan ketika ditimpa 'azab kemurkaan, mereka menjadi putus asa, kemudian keterangan ini diiringi dengan satu ancaman yang halus supaya membiarkan sahaja setiap orang itu bertindak dan beramal mengikut tabi'at masing-masing sehingga mereka menerima balasannya di Akhirat.

Begitu juga dijelaskan bahawa ilmu manusia itu amat sedikit sehubungan dengan pertanyaan mereka tentang roh, kerana roh itu adalah salah satu perkara ghaib dari urusan-urusan sulit Ilahi, sedangkan manusia tidak mempunyai keupayaan untuk memahaminya. Ilmu yang jelas dan yakin ialah ilmu yang diturunkan Allah kepada Rasul--Nya. Ilmu ini adalah pemberian dari limpah kurnia Allah kepada beliau dan jika Allah kehendaki Dia boleh menghapuskan pemberian itu dan tiada siapa yang boleh membantahkannya, tetapi pemberian itu telah dijadikan suatu rahmat Allah dan limpah kurnia-Nya kepada Rasul-Nya.

Kemudian disebutkan pula bahawa Al-Qur'an yang mempunyai ciri-ciri mu'jizat yang tidak dapat digubah sepertinya oleh manusia dan jin walaupun mereka saling membantu satu sama lain, Al-Qur'an yang telah mengulang-ngulangkan penerangannya dengan membawa berbagai-bagai dalil hidayat untuk berbicara dengan setiap akal dan hati itu.... Al-Qur'an yang sebegini rupa masih tidak cukup kepada orang-orang kafir Quraysy. Kerana itu mereka masih menuntut Rasulullah s.a.w. supaya menunjukkan mu'jizat-mu'jizat kebendaan lain yang dungu seperti mengadakan matair-matair di bumi, memiliki sebuah rumah yang diperbuat dari emas. Begitu juga mereka terus berdegil dan menuntut agar beliau melakukan sesuatu yang di luar dari kemampuan sifat-sifat manusia seperti naik ke langit di hadapan mereka dan membawa turun sebuah kitab yang dapat dibaca oleh mereka atau menggugurkan ke atas mereka kepingan-kepingan langit yang membinasakan mereka. Malah mereka semakin degil dan kufur hingga mereka tergamak menuntut agar beliau membawa Allah dan malaikat berdepan dengan mereka.

Di sini rangkaian ayat ini menayangkan pula sebuah pemandangan dari pemandangan-pemandangan Qiamat, di mana digambarkan akibat dahsyat yang menunggu mereka sebagai balasan terhadap kedegilan mereka dan balasan terhadap perbuatan mereka yang telah mendustakan hari Akhirat dan

mengingkarkan kebangkitan selepas mati setelah mereka hancurlebur menjadi tulang dan reputan.

Seterusnya ia mengecam pengesyoran-pengesyoran yang degil itu dengan mengatakan jika mereka menjadi penjaga perbendaharaan rahmat Allah tentulah mereka akan dikongkong tabi'at , kikir manusia dan mereka akan menahankan perbendaharaan itu kerana takut kehabisan sedangkan perbendaharaan itu tak kunjung habis, namun demikian mereka sendiri masih membuat tuntutan-tuntutan dan pengesyoran-pengesyoran yang tidak terbatas (kepada Rasulullah).

Sehubungan dengan tuntutan mereka supaya ditunjukkan mujizat-mu'jizat fizikal, Al-Qur'an mengingatkan mereka dengan mu'jizat-mu'jizat yang dibawa oleh Nabi Musa a.s. lalu didustakan oleh Fir'aun dan kaumnya menyebabkan mereka dibinasakan Allah mengikut undang-undang-Nya yang menetapkan hukuman kebinasaan ke atas para pendusta.

Al-Qur'an merupakan satu-satunya mu'jizat-mujizat yang benar-benar kekal. Ia diturunkan berdikit-dikit mengikut keperluan umat Muslimin, kerana ia diturun untuk mendidik dan melengkapkan mereka dengan kesediaan-kesediaan yang wajar. Orang-orang yang dikurniakan ilmu pengetahuan sebelum Al-Qur'an dari para Mu'min, umat-umat yang dahulu dapat memahami kebenaran yang terkandung di dalam Al-Qur'an. Mereka tunduk dan khusyu' apabila mendengarnya. Mereka percaya dan beriman kepadanya.

Surah ini diakhiri dengan memerintah Rasulullah s.a.w. supaya mengabdikan diri kepada Allah Yang Maha Esa sahaja serta bertasbih memuji-Nya sebagaimana ia dimulakan dengan tasbih dan tanzih.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 73 - 77)

وَإِن كَادُوا۟ لَيَفْتِنُونَكَ عَنِ ٱلَّذِىٓ أَوْحَيْنَآ إِلَيْكَ
لِتَفْتَرِىَ عَلَيْنَا غَيْرَهُۥ ۖ وَإِذًا لَّٱتَّخَذُوكَ خَلِيلًا ﴿٧٣﴾
وَلَوْلَآ أَن ثَبَّتْنَٰكَ لَقَدْ كِدتَّ تَرْكَنُ إِلَيْهِمْ شَيْـًٔا قَلِيلًا ﴿٧٤﴾
إِذًا لَّأَذَقْنَٰكَ ضِعْفَ ٱلْحَيَوٰةِ وَضِعْفَ ٱلْمَمَاتِ
ثُمَّ لَا تَجِدُ لَكَ عَلَيْنَا نَصِيرًا ﴿٧٥﴾
وَإِن كَادُوا۟ لَيَسْتَفِزُّونَكَ مِنَ ٱلْأَرْضِ لِيُخْرِجُوكَ
مِنْهَا ۖ وَإِذًا لَّا يَلْبَثُونَ خِلَٰفَكَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٧٦﴾
سُنَّةَ مَن قَدْ أَرْسَلْنَا قَبْلَكَ مِن رُّسُلِنَا ۖ وَلَا تَجِدُ
لِسُنَّتِنَا تَحْوِيلًا ﴿٧٧﴾

"Dan mereka sebenarnya hampir-hampir hendak memesongkan engkau dari apa yang telah Kami wahyukan kepadamu supaya engkau mengadakan perkara-perkara yang dusta yang berlainan darinya terhadap Kami dan jika (engkau melayani kehendak mereka) nescaya mereka akan mengambil engkau sebagai sahabat(73). Dan jika tidak kerana Kami telah meneguhkan imanmu tentulah engkau akan condong sedikit kepada mereka(74). Jika (terjadi demikian) nescaya Kami rasakan engkau keseksaan dunia yang berlipat ganda dan keseksaan Akhirat yang berlipat ganda kemudian engkau tidak akan mendapat seorang penolong pun yang sanggup menentang Kami(75). Dan mereka sebenarnya hampir-hampir berjaya menimbulkan kegelisahan kepadamu di bumi (Makkah) dengan tujuan untuk mengusirmu darinya, dan jika (engkau terusir) nescaya mereka tidak akan tinggal di sana sesudahmu melainkan hanya sebentar sahaja(76). Itulah undang-undang yang berlaku kepada Rasul-Rasul yang telah Kami utuskan sebelummu dan engkau tidak akan dapati sebarang perubahan dalam undang-undang Kami."(77)

Percubaan-percubaan Memesongkan Rasulullah

Penjelasan ayat-ayat ini menyebut percubaan-percubaan kaum Musyrikin terhadap Rasulullah s.a.w. Percubaan pertama ialah usaha mereka hendak memesongkan beliau dari Al-Qur'an yang diwahyukan kepadanya supaya beliau mengadakan perkara-perkara dusta yang berlainan dari Al-Qur'an, sedangkan beliau seorang yang sentiasa bercakap benar dan amanah.

Percubaan ini telah dilakukan mereka .dengan berbagai-bagai bentuk, di antaranya ialah mereka tawar menawar dengan beliau, iaitu mereka bersetuju menyembah Tuhan beliau dengan syarat beliau tidak mencela tuhan-tuhan mereka dan tradisi-tradisi datuk nenek mereka. Di antaranya lagi ialah tawar menawar setengah-setengah mereka agar beliau membenarkan mereka menjadikan satu kawasan tempat mereka sebagai tanah haram seperti kawasan Baitullah yang telah dijadikan Allah sebagai tanah haram itu. Di antaranya pula ialah setengah-setengah pembesar mereka meminta beliau mengadakan satu majlis yang berasingan dari majlis yang dihadhiri oleh golongan Mu'minin yang miskin.

Ayat-ayat ini hanya menyentuh percubaan-percubaan itu secara ringkas sahaja tanpa, memperincikannya untuk menyebut limpah kurnia Allah kepada Rasulullah s.a.w., iaitu limpah kurnia meneguhkan pendirian beliau di atas kebenaran dan memelihara beliau dari pujuk rayu mereka yang jahat. Andainya Allah tidak meneguhkan pendirian beliau dan memelihara beliau dari godaan pujuk rayu itu tentulah beliau akan condong kepada mereka dan mereka akan menjadikan beliau sebagai sahabat mereka, dan tentulah beliau akan menerima akibat buruk kerana tunduk kepada pujuk rayu kaum Musyrikin itu, iaitu menerima 'azab yang berlipat ganda dunia dan Akhirat tanpa mendapat sesiapa pun

dari mereka yang sanggup menjadi penolong untuk melindungkan beliau dari 'azab Allah.

Percubaan-percubaan terhadap Rasulullah s.a.w. yang telah dipeliharakan Allah itu merupakan percubaan-percubaan yang sentiasa berlaku di antara pemegang-pemegang kuasa dengan pemimpin-pemimpin da'wah, iaitu percubaan yang bertujuan menggoda penda'wah-penda'wah supaya menyeleweng - walaupun sedikit - dari da'wah yang lurus dan kukuh itu dan supaya berpuas hati dengan penyelesaian-penyelesaian jalan tengah yang disogokkan kepada mereka dengan menawarkan keuntungan-keuntungan yang banyak. Di antara pejuang-pejuang da'wah ada yang tertarik dengan tawaran ini dan terus berkompromi dengan da'wahnya kerana ia melihat perkara ini hanya perkara kecil sahaja. Pemegang-pemegang kuasa biasanya tidak menuntut penda'wah supaya meninggalkan da'wah itu secara keseluruhannya, malah mereka hanya menuntut pindaan-pindaan yang kecil dan sedikit sahaja untuk membolehkan kedua-dua pihak itu bertemu di jalan tengah. Kadang-kadang dari lubang inilah syaitan masuk menggoda pejuang da'wah hingga dia menganggap bahawa da'wah yang paling baik ialah da'wah yang berjaya memenangi hati pemegang-pemegang kuasa walaupun terpaksa melepaskan sebahagian kecil dari da'wah itu.

Tetapi penyelewengan yang sedikit di permulaan jalan itu boleh membawa kepada penyelewengan yang sempurna di penghabisan jalan. Perjuangan da'wah yang sanggup menyerah atau mengabaikan sebahagian dari da'wah itu, walaupun kecil, tidak akan berupaya berhenti pada titik penyerahannya pada kali yang pertama itu, kerana kesediaannya untuk menyerah itu semakin bertambah kuat setiap kali dia melangkah ke belakang.

Persoalan di sini ialah persoalan iman terhadap keseluruhan da'wah. Oleh itu sesiapa yang sanggup menyerah atau sanggup mendiamkan diri dari sebahagian da'wah, walaupun kecil, maka dia tidak boleh disifatkan sebagai orang yang beriman kepada da'wahnya dengan keimanan yang sebenar, kerana setiap aspek da'wah pada pandangan orang yang beriman adalah satu aspek yang benar sama dengan aspek-aspek yang lain. Tidak ada di dalam da'wah aspek yang lebih dan aspek yang kurang. Tidak ada di dalam da'wah aspek yang perlu dan aspek yang bersifat tambahan. Tidak ada di dalam da'wah sesuatu aspek yang boleh ditinggalkan kerana da'wah merupakan suatu keseluruhan yang sepadu yang akan hilang seluruh ciri-cirinya apabila hilang salah satu dari bahagian-bahagiannya sama seperti sesuatu campuran atau sebatian yang akan hilang seluruh ciri-cirinya apabila salah satu dari unsur-unsurnya itu hilang.

Pemegang-pemegang kuasa menarik pejuang-pejuang da'wah dengan cara yang halus dan apabila pejuang boleh menyerah atau mengalah dalam sesuatu bahagian da'wah, maka kehebatan dan ketahanan mereka akan terus hilang, dan pemegang-pemegang kuasa dapat mengetahui andainya tawar menawar dan kenaikan harga itu terus dilakukan, maka lambat laun seluruh da'wah akan menyerah kalah.

Menyerah atau melepaskan sesuatu aspek da'wah walaupun kecil dengan tujuan untuk mendapat sokongan pemegang-pemegang kuasa merupakan satu kekalahan jiwa, kerana ia berpegang dengan mereka untuk menjayakan da'wah, sedangkan Allah Yang Maha Esa sahaja yang seharusnya menjadi tempat pergantungan para Mu'minin dalam perjuangan da'wah mereka. Apabila kekalahan bertapak di seluruh pendalaman hati, maka kekalahan itu tidak akan berubah menjadi kemenangan.

Oleh sebab itulah Allah membangkitkan ni'mat-Nya kepada Rasulullah s.a.w. yang telah meneguhkan pendirian beliau berdasarkan apa yang telah diwahyukan Allah kepadanya, dan memelihara beliau dari terpengaruh kepada pujuk rayu kaum Musyrikin serta menyelamatkan beliau dari menunjukkan kecenderungannya kepada mereka walaupun sedikit, dan seterusnya menyelamatkan beliau dari akibat kecenderungan itu, iaitu 'azab yang berlipat ganda dunia dan Akhirat dan kehilangan penolong dan pembela.

Apabila kaum Musyrikin gagal menarik Rasulullah s.a.w. kepada fitnah pujuk rayu ini, mereka berusaha pula untuk mengusir beliau dari negeri Makkah, tetapi Allah telah memerintah beliau keluar dari negeri Makkah selaku penghijrah, kerana keputusan yang telah ditetapkan di dalam ilmu-Nya bahawa dia tidak akan mengazabkan kaum Quraysy dengan 'azab penghapusan dan andainya mereka mengusir Rasulullah s.a.w. keluar dari Makkah secara kekerasan dan paksaan nescaya mereka akan ditimpa 'azab penghapusan itu.

وَإِذًا لَّا يَلْبَثُونَ خِلَٰفَكَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٧٦﴾

"Dan jika (engkau terusir) nescaya mereka tidak akan tinggal di sana sesudahmu melainkan hanya sebentar sahaja."(76)

Itulah undang-undang Allah yang sentiasa berkuatkuasa:

سُنَّةَ مَن قَدْ أَرْسَلْنَا قَبْلَكَ مِن رُّسُلِنَا ۖ وَلَا تَجِدُ لِسُنَّتِنَا تَحْوِيلًا ﴿٧٧﴾

"Itulah undang-undang yang berlaku kepada Rasul-Rasul yang telah Kami utuskan sebelummu dan engkau tidak akan dapati sebarang perubahan dalam undang-undang Kami."(77)

Allah telah menjadikan undang-undang ini suatu undang-undang yang berterusan kuatkuasanya dan tidak pernah berubah kerana perlembangan peribadi. Pelaksanaan secara kebetulan tidak pernah menguasai perjalanan alam buana ini, malah yang berkuatkuasa ialah undang-undang Allah yang tetap dan

berterusan. Oleh sebab Allah tidak mahu membinasakan kaum Quraysy dengan 'azab penghabisan sebagaimana Dia telah mengazabkan umat-umat pendusta sebelum mereka kerana sesuatu hikmat yang tinggi, maka Allah tidak mengutuskan Rasulullah s.a.w. dengan membawa mu'jizat-mu'jizat maddi dan tidak mentakdir kaum Quraysy itu mengusir beliau secara kekerasan dan paksaan-paksaan malah Allah memerintah beliau berhijrah (secara sukarela). Demikianlah undang-undang Allah itu berjalan terus tanpa berubah:

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 78 - 81)

Selepas itu Allah memerintah Rasulullah s.a.w. supaya sentiasa membuat perhubungan dengan-Nya dan memohon pertolongan kepada-Nya serta meneruskan perjuangannya dan mengumumkan kemenangan kebenaran dan kehapusan kebatilan:

أَقِمِ ٱلصَّلَوٰةَ لِدُلُوكِ ٱلشَّمْسِ إِلَىٰ غَسَقِ ٱلَّيْلِ
وَقُرْءَانَ ٱلْفَجْرِ ۖ إِنَّ قُرْءَانَ ٱلْفَجْرِ كَانَ مَشْهُودًا ﴿٧٨﴾
وَمِنَ ٱلَّيْلِ فَتَهَجَّدْ بِهِۦ نَافِلَةً لَّكَ عَسَىٰٓ أَن يَبْعَثَكَ
رَبُّكَ مَقَامًا مَّحْمُودًا ﴿٧٩﴾
وَقُل رَّبِّ أَدْخِلْنِى مُدْخَلَ صِدْقٍ وَأَخْرِجْنِى مُخْرَجَ
صِدْقٍ وَٱجْعَل لِّى مِن لَّدُنكَ سُلْطَٰنًا نَّصِيرًا ﴿٨٠﴾
وَقُلْ جَآءَ ٱلْحَقُّ وَزَهَقَ ٱلْبَٰطِلُ ۚ إِنَّ ٱلْبَٰطِلَ كَانَ زَهُوقًا ﴿٨١﴾

"Dirikanlah solat di waktu matahari condong ke arah jatuh sehingga waktu menjelang malam dan bacalah Al-Qur'an di waktu fajar, kerana membaca Al-Qur'an di waktu fajar itu adalah disaksikan kesannya (yang amat mendalam) (78). Dan di sebahagian malam bangunlah dari tidurmu mendirikan solat tahajjud dengan membaca Al-Qur'an sebagai ibadat tambahan kepadamu semoga engkau dibangkitkan Tuhanmu (pada hari Akhirat kelak) ke maqam yang terpuji(79). Dan berdo'alah: Wahai Tuhanku! Masukkan daku dengan langkah masuk yang benar dan keluarkan daku dengan langkah keluar yang benar dan kurniakanlah kepadaku dari sisi-Mu kekuatan yang dapat menolongku(80). Dan katakanlah: Kebenaran telah datang dan kebatilan telah hapus. Sesungguhnya kebatilan itu tetap hapus(81).

Perintah Solat

Kata-kata "دلوك الشمس" ialah kecondongan matahari jatuh ke arah membenam diri. Perintah solat di waktu ini hanya khusus untuk Rasulullah s.a.w. sahaja. Adapun solat fardhu, maka ia mempunyai waktu-waktunya yang tersendiri yang ditentukan oleh hadith-hadith Rasulullah s.a.w. dan Sunnah-sunnah amalinya yang mutawatir. Setengah-setengah mufassirin mentafsirkan "دلوك الشمس" dengan kegelinciran matahari dari tengah langit dan kata-kata "غسق" dengan awal malam, dan mentafsirkan " قرآن الفجر" dengan solat Subuh, dan dari ayat inilah mereka mengambil waktu-waktu solat fardhu iaitu Zohor, Asar, Maghrib dan 'Isya' mulai dari gelincir matahari dari tengah langit sehingga waktu malam dan seterusnya waktu fajar. Mereka juga menjadikan solat tahajjud itu sebagai satu-satunya solat yang khusus untuk Rasulullah s.a.w., yang mana beliau diperintah mengerjakannya sebagai solat Sunnah baginya. Kami lebih cenderung kepada pendapat yang pertama, iaitu segala perintah yang disebut di dalam ayat ini adalah khusus untuk Rasulullah s.a.w. dan waktu-waktu solat fardhu itu adalah ditetapkan dengan hadith-hadith dan Sunnah-sunnah amali beliau.

أَقِمِ ٱلصَّلَوٰةَ لِدُلُوكِ ٱلشَّمْسِ إِلَىٰ غَسَقِ ٱلَّيْلِ

"Dirikanlah solat di waktu matahari condong ke arah jatuh sehingga waktu menjelang malam."(78)

Yakni dirikanlah solat di antara waktu matahari condong ke arah jatuh dengan waktu menjelang kedatangan malam dan kegelapannya dan bacalah Al-Qur'an di waktu fajar kerana:

إِنَّ قُرْءَانَ ٱلْفَجْرِ كَانَ مَشْهُودًا ﴿٧٨﴾

"Kerana membaca Al-Qur'an di waktu fajar itu adalah disaksikan kesannya (yang amat mendalam)."(78)

Kedua-dua waktu ini mempunyai keistimewaannya, iaitu waktu pengunduran siang dan kedatangan malam dan waktu pengunduran malam dan kedatangan siang. Kedua dua waktu ini memberi kesan-kesannya yang mendalam di dalam jiwa manusia kerana kedatangan malam dan engsotan kegelapan sama dengan permulaan keserlahan cahaya dan kehilangan kegelapan. Kedua-duanya menimbulkan perasaan khusyu' di dalam hati. Kedua-duanya menyingkapkan lapangan untuk berfikir dan meneliti undang-undang alam buana yang tidak pernah terkandas walau sesa'at pun dan tidak pernah mungkir walau sekali pun. Membaca Al-Qur'an sama dengan mendirikan solat, kedua-duanya menimbulkan kesan yang baik di dalam hati di waktu fajar menyingsing dengan suasananya yang lembap, bayunya yang lembut gemalai, ketenteramannya yang menyerap, cahayanya yang terserlah, harakat hidup yang mendenyut dan nyawanya yang menarik nafas.

وَمِنَ ٱلَّيْلِ فَتَهَجَّدْ بِهِۦ نَافِلَةً لَّكَ

"Dan di sebahagian malam bangunlah dari tidurmu mendirikan solat tahajjud dengan membaca Al-Qur'an sebagai ibadat tambahan kepadamu."(79)

Solat tahajjud ialah solat selepas tidur di awal malam. Gantinama pada kata-kata "فتهجدبه" itu kembali kepada Al-Qur'an (yakni dengan membaca Al-Qur'an) kerana Al-Qur'an itu merupakan roh dan tiang seri solat.

عَسَىٰٓ أَن يَبۡعَثَكَ رَبُّكَ مَقَامٗا مَّحۡمُودٗا ٧٩

"Semoga engkau dibangkitkan Tuhanmu (pada hari Akhirat kelak) ke maqam yang terpuji"(79)

dengan berkat ibadat solat, tilawatil-Qur'an, solat tahajjud dan dengan perhubungan yang berkekalan dengan Allah. Inilah jalan yang membawa ke maqam yang terpuji. Jika Rasulullah s.a.w. diperintah mendirikan solat, mengerjakan tahajjud dan membaca Al-Qur'an supaya beliau dibangkitkan Allah ke maqam yang terpuji yang diizinkan kepadanya[5], sedangkan beliau adalah Rasul yang terpilih, maka tentulah orang-orang yang lain dari beliau lebih memerlukan kepada wasilah-wasilah untuk mencapai darjat yang diizinkan kepada mereka mengikut darjat-darjat mereka masing-masing. Inilah jalan menuju ke darjat itu dan inilah bekalan untuk menjalani jalan itu.

وَقُل رَّبِّ أَدۡخِلۡنِي مُدۡخَلَ صِدۡقٖ وَأَخۡرِجۡنِي مُخۡرَجَ صِدۡقٖ وَٱجۡعَل لِّي مِن لَّدُنكَ سُلۡطَٰنٗا نَّصِيرٗا ٨٠

"Dan berdo'alah: Wahai Tuhanku! Masukkan daku dengan langkah masuk yang benar dan keluarkan daku dengan langkah keluar yang benar dan kurniakanlah kepadaku dari sisi-Mu kekuatan yang dapat menolongku."(80)

Perintah Berdo'a Memohon Langkah Yang Benar Sepanjang Perjalanan

Inilah do'a yang diajarkan Allah kepada nabi-Nya supaya berdo'a dengannya dan supaya umatnya belajar bagaimana cara berdo'a kepada Allah dan ke mana arah yang hendak ditujui mereka, iaitu do'a masuk dengan langkah yang benar dan keluar dengan langkah yang benar yang melambangkan perjalanan yang benar dari permulaan sehingga penghabisan atau dari awal sehingga akhir dan di antara awal dengan akhir. Kebenaran yang disebut di sini mempunyai nilainya kerana adanya percubaan kaum Musyrikin hendak memesongkan beliau dari wahyu Allah supaya beliau mengadakan pembohongan-pembohongan yang berlainan darinya. Kebenaran ini juga memberi bayangan-bayangannya iaitu bayangan kemantapan, ketenteraman, kebersihan dan keikhlasan.

وَٱجۡعَل لِّي مِن لَّدُنكَ سُلۡطَٰنٗا نَّصِيرٗا ٨٠

"Dan kurniakanlah kepadaku dari sisi-Mu kekuatan yang dapat menolong-ku."(80)

Perintah Memohon Kekuatan Dari Allah

Maksudnya, kekuatan dan kehebatan yang dapat aku atasi kuasa di bumi dan kekuatan kaum Musyrikin. Kata-kata "من لدنك" (dari sisi-Mu) menggambarkan kehampiran dan perhubungan yang rapat dengan Allah, juga menggambarkan usaha mencari bekalan pertolongan dari Allah secara langsung dan berlindung di bawah naungan-Nya.

Pejuang da'wah tidak seharusnya meminta kekuatan melainkan kepada Allah. Dia tidak seharusnya digeruni melainkan dengan kekuatan Allah. Dia tidak seharusnya meminta perlindungan kepada pemerintah atau kepada pembesar supaya menolong dan membelanya selama pemerintah dan pembesar itu tidak pernah bertawajjuh kepada Allah sebelum ini, tetapi da'wah kadang-kadang berjaya menembusi hati pemerintah dan pembesar dan mengubahkannya menjadi pejuang dan pekerja da'wah dan akhirnya dia mendapat kejayaan dan keberuntungan (dunia dan Akhirat). Da'wah tidak berjaya sekiranya dia dijadikan alat kepada pemerintah, kerana da'wah adalah dari urusan Allah dan ia lebih tinggi dari para pemerintah dan pembesar.

وَقُلۡ جَآءَ ٱلۡحَقُّ وَزَهَقَ ٱلۡبَٰطِلُۚ إِنَّ ٱلۡبَٰطِلَ كَانَ زَهُوقٗا ٨١

"Dan katakanlah: Kebenaran telah datang dan kebatilan telah hapus. Sesungguhaya kebatilan itu tetap hapus."(81)

Dengan kekuatan yang diambil dari Allah inilah beliau mengumumkan kedatangan kebenaran dengan kekuatan dan keteguhannya dan mengumumkan kehapusan, keruntuhan dan kekalahan kebatilan, kerana tabi'at kebenaran ialah ia sentiasa hidup dan bertapak kukuh, sedangkan tabi'at kebatilan ialah ia mudah hilang dan hapus.

إِنَّ ٱلۡبَٰطِلَ كَانَ زَهُوقٗا ٨١

"Sesungguhnya kebatilan itu tetap hapus."(81)

Kekuatan Kebenaran Dan Kehancuran Kebatilan

Ini adalah suatu hakikat Laduniyah yang dijelaskan dengan ungkapan yang tegas walaupun pada pandangan pertama kebatilan itu kelihatan mempunyai kekuatan dan kekuasaan. Kebatilan itu berlagak sombong dan bongkak kerana ia tidak bersandar kepada sesuatu hakikat dan kerana itu ia berusaha untuk mengaburi mata supaya ia kelihatan besar, agung dan teguh, sedangkan sebenarnya ia adalah sesuatu yang amat rapuh dan mudah binasa. Kebatilan laksana pucuk api batang-batang lalang yang menjulang tinggi ke udara kemudian dengan cepat ia padam menjadi abu, sedangkan api bara tahan bernyala dan memberi kehangatan. Kebatilan laksana buih yang terapung di atas air tetapi ia akan tercampak hilang dan yang tinggal hanya air.

"Sesungguhnya kebatilan itu tetap hapus" kerana ia tidak mempunyai unsur-unsur ketahanan di dalam dirinya. Ia hanya mempunyai nyawa sementara yang diambil dari kuasa-kuasa luaran dan kekuatan sandaran-sandaran yang tidak semulajadi. Apabila kuasa-kuasa luaran itu bergoyang dan kekuatan sandaran-sandaran itu lemah, maka ia akan terus runtuh dan tumbang. Ada pun kebenaran ia mengambil unsur-unsur hayat dan kewujudannya dari dalam dirinya sendiri. Ia mungkin ditentang hawa

---

[5] *Mengikut riwayat-riwayat, maqam itu ialah maqam syafa'at pada hari Qiamat.*

nafsu, ditentang keadaan-keadaan dan ditentang kuasa, tetapi kedudukannya yang kukuh dan teguh itu menjadikannya menang pada akhirnya dan terjamin ketahanannya, kerana kebenaran itu datang dari Allah Tuhan yang telah menamakan dirinya dengan nama "الحق" (Yang Maha Benar), Yang Maha Hidup dan Maha Kekal tidak akan hilang selama-lamanya.

"Sesungguhnya kebatilan itu tetap hapus" walaupun di belakangnya ia dibantu syaitan dan kuasa, namun janji Allah tetap benar dan kekuasaan Allah lebih kuat lagi. Tiada seorang Mu'min yang telah mencapai kemanisan iman melainkan dia mencapai sama kemanisan janji Allah, dan siapakah yang lebih benar janji-Nya dan perkataan-Nya dari Allah?

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 82)

Al-Qur'an Penawar Matahati Yang Ampuh

وَنُنَزِّلُ مِنَ ٱلْقُرْءَانِ مَا هُوَ شِفَآءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ

"Dan dari Al-Qur'an kami turunkan ayat-ayat yang menjadi penawar dan rahmat kepada para Mu'minin."(82)

Al-Qur'an mengandungi penawar dan rahmat kepada mereka yang mempunyai hati yang telah mencapai kemanisan iman. Hati-hati ini menjadi terang dan terbuka untuk menerima ketenangan, ketenteraman dan kedamaian yang terkandung di dalam Al-Qur'an.

Di dalam Al-Qur'an terdapat penawar yang menghapuskan perasaan-perasaan was-was, resah gelisah dan perasaan yang tidak menentu. Al-Qur'an menghubungkan hati manusia dengan Allah dan dengan hubungan ini ia merasa tenang dan tenteram, merasa mendapat perlindungan dan keamanan, merasa puas dan redha, iaitu merasa puas dengan keredhaan dari Allah dan keredhaan terhadap kehidupannya. Kegelisahan dan perasaan yang tidak menentu merupakan penyakit dan seterusnya perasaan was-was juga penyakit. Justeru itulah Al-Qur'an menjadi rahmat kepada para Mu'minin.

Di dalam Al-Qur'an terdapat penawar yang dapat mengubati hawa nafsu, perasaan-perasaan yang kotor, tamak haloba, hasad dengki dan bisikan-bisikan syaitan. Perasaan-perasaan ini merupakan penyakit-penyakit hati yang boleh menyebabkannya merana, lemah dan letih lesu. Ia membawa hati ke arah kehancuran, kemusnahan dan keruntuhan. Justeru itulah Al-Qur'an menjadi rahmat kepada para Mu'minin.

Di dalam Al-Qur'an terdapat penawar yang dapat membetulkan arah-arah tujuan yang tidak betul di dalam perasaan dan pemikiran seseorang. Ia boleh melindungkan akal dari kesesatan dan membebaskannya bergiat cegas di dalam bidang-bidangnya yang mendatangkan faedah. Ia menahan akal dari membuang tenaganya dalam bidang-bidang kegiatan yang tidak berguna. Ia memandu akal dengan garis panduan sebuah sistem hidup yang sihat dan betul. Ia membuat kegiatan akal mengeluarkan hasil-hasil yang baik dan terjamin. Ia memelihara akal dari kesesatan dan kegelinciran. Di dalam alam jasad juga Al-Qur'an menjadikan akal menggunakan tenaga-tenaganya dalam bentuk yang sederhana tanpa tekanan dan penyelewengan agar tetap dalam keadaan yang sihat dan 'afiat, dan dapat menyimpankan tenaga-tenaganya untuk pengeluaran-pengeluaran yang berguna. Justeru itulah Al-Qur'an menjadi rahmat kepada para Mu'minin.

Di dalam Al-Qur'an terdapat penawar yang dapat menyembuhkan penyakit-penyakit masyarakat yang melemahkan kekuatan perpaduan kelompok-kelompok masyarakat, menghapuskan kesejahteraan, keamanan dan ketenteramannya agar masyarakat hidup di bawah naungan sistemnya yang adil dan syumul dalam keadaan yang selamat, aman dan tenteram. Justeru itulah Al-Qur'an menjadi rahmat kepada para Mu'minin.

وَلَا يَزِيدُ ٱلظَّٰلِمِينَ إِلَّا خَسَارًا ﴿٨٢﴾

"Dan ia tidak menambahkan sesuatu apa kepada orang-orang yang zalim kecuali kerugian semata-mata"(82)

kerana mereka tidak mengambil apa-apa manfa'at dari isi Al-Qur'an yang mengandungi penawar dan rahmat itu. Mereka dikongkong oleh perasaan marah kerana orang-orang yang beriman dapat mengatasi mereka dengan Al-Qur'an. Mereka memilih sikap degil dan angkuh dan bersimpang-siur di dalam kezaliman dan kerosakan. Di dalam dunia mereka telah dikalahkan pendokong-pendokong Al-Qur'an dan mendapat kerugian, dan Akhirat pula mereka akan di'azabkan kerana mereka menolak Al-Qur'an dan berdegil di dalam kezaliman. Mereka sentiasa mendapat kerugian *"Dan ia tidak menambahkan sesuatu apa kepada orang-orang yang zalim kecuali kerugian semata-mata"*.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 83 - 84)

Kesenangan Dan Kesusahan Boleh Mengubahkan Syakhsiyah Manusia

Apabila seseorang itu dibiarkan tanpa penawar dan rahmat, apabila dia dibiarkan kepada kongkongan hawa nafsu dan keinginannya yang terburu-buru di mana di waktu senang dia menjadi manusia yang angkuh, tidak menghiraukan Allah, tidak bersyukur dan tidak mengingati Allah, dan di waktu susah dia menjadi manusia yang putus asa dari rahmat Allah, maka ketika itu jalan-jalan hidup akan menjadi gelap di hadapannya:

وَإِذَآ أَنْعَمْنَا عَلَى ٱلْإِنسَٰنِ أَعْرَضَ وَنَـَٔا بِجَانِبِهِۦ

وَإِذَا مَسَّهُ ٱلشَّرُّ كَانَ يَـُٔوسًا ﴿٨٣﴾

"Dan apabila Kami kurniakan kesenangan kepada manusia nescaya ia membelakangi dan menjauhkan diri dengan angkuh dari Kami, dan apabila dia disentuh kesusahan dia terus menjadi putus asa."(83)

Ni'mat kesenangan boleh menjadikan seorang itu melampau dan angkuh jika dia tidak mengingati Allah mengurniakan ni'mat kesenangan itu dengan memuji dan bersyukur kepada-Nya, dan kesusahan pula boleh membuat seseorang itu putus asa jika dia tidak berhubung dengan Allah dengan meletakkan harapan dan menaruh keyakinan kepada rahmat Allah dan limpah kurnia-Nya agar ia bersikap optimis atau memandang cerah kepada masa depannya.

Di sinilah munculnya nilai keimanan dan rahmatnya sama ada di waktu senang atau di waktu susah.

Kemudian ayat berikut menjelaskan bahawa setiap individu dan setiap kelompok itu bertindak dan bekerja mengikut cara dan arah tujuan masing-masing dan hanya terserah kepada Allah sahaja menilaikan arah-arah tujuan dan amalan-amalan yang dilakukan mereka:

قُلْ كُلٌّ يَعْمَلُ عَلَىٰ شَاكِلَتِهِۦ فَرَبُّكُمْ أَعْلَمُ بِمَنْ هُوَ أَهْدَىٰ سَبِيلًا ﴿٨٤﴾

"Katakanlah: Tiap-tiap seorang itu bertindak mengikut bakat dan kecenderungan masing-masing dan Tuhan kamulah yang lebih mengetahui siapakah yang lebih betul perjalanan hidupnya."(84)

Penjelasan ini mengandungi amaran yang halus terhadap akibat amalan-amalan dan arah-arah tujuan supaya setiap orang harus berhati-hati dan berusaha memilih jalan hidayat dan jalan menuju kepada Allah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 85 - 87)

Hakikat Roh

Setengah dari mereka bertanya Rasulullah s.a.w. mengenai hakikat roh, apakah hakikatnya? Cara yang paling baik yang diikuti Al-Qur'an ialah memberi jawapan kepada pertanyaan-pertanyaan yang perlu diketahui mereka dan dapat difahami dan dimengerti oleh daya-daya pemikiran mereka selaku manusia. Dengan cara itu tenaga akal fikiran yang dikurniakan Allah kepada mereka tidak terbuang percuma kerana memikirkan perkara-perkara yang tidak mendatangkan apa-apa hasil atau memikirkan perkara-perkara di luar bidang kuasa akal, iaitu bidang-bidang yang diketahui dan dimiliki alat-alatnya. Apabila mereka bertanya beliau mengenai roh, maka Allah memerintah beliau supaya memberi jawapan kepada mereka bahawa roh itu adalah dari urusan Allah. Hanya ilmu Allah sahaja yang mengetahuinya dan tiada siapa pun yang mengetahui selain dari Allah:

وَيَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلرُّوحِ ۖ قُلِ ٱلرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّى وَمَآ أُوتِيتُم مِّنَ ٱلْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٨٥﴾

"Dan mereka bertanya kepadamu tentang hakikat roh, jawablah: Roh itu dari urusan Tuhanku dan kamu tidak dikurniakan ilmu pengetahuan melainkan hanya sedikit sahaja."(85)[6]

Keterangan di dalam ayat ini bukannya bertujuan untuk menghalangkan akal manusia dari bergiat dan bertindak, tetapi ia bertujuan memberi bimbingan kepada akal agar bergiat dan bertindak di dalam ruang batas dan bidang yang dapat difahaminya; kerana tidak ada gunanya meraba-raba di padang gurun dan membuang tenaga di dalam perkara-perkara yang tidak terdaya difahami akal kerana ia tidak mempunyai alat-alat untuk memahaminya. Roh merupakan satu urusan ghaib yang hanya diketahui oleh Allah sahaja. Tiada siapa pun yang lain dari Allah dapat memahaminya. Ia merupakan rahsia dari rahsia-rahsia Allah yang suci yang disimpankan pada makhluk manusia dan setengah-setengah makhluk yang lain yang kita tidak mengetahui hakikatnya. Ilmu pengetahuan manusia amat terbatas dibandingkan dengan ilmu Allah Yang Maha Sempurna, dan rahsia-rahsia alam al-wujud ini lebih luas dari yang dapat diketahui oleh akal manusia yang terbatas. Oleh sebab manusia tidak mentadbirkan alam buana ini, maka daya-daya tenaganya adalah tidak sempurna dan meliputi. Manusia hanya dikurniakan sebahagian daya tenaga sekadar ruang lingkupnya dan sekadar keperluannya untuk melakukan tugas khilafah di bumi ini dan untuk melaksanakan apa yang dikehendaki Allah supaya dilaksanakan mereka dalam lingkungan batas ilmunya yang sedikit itu.

Manusia dapat menunjukkan berbagai-bagai kejayaan yang gemilang di bumi ini, tetapi dia berdiri lemah di hadapan rahsia roh yang amat seni itu. Dia tidak mengetahui apakah hakikatnya bagaimana ia datang dan bagaimana ia pergi, di mana ia berada dahulu dan di mana pula ia berada sekarang. Dia tidak mengetahui hakikat roh melainkan sekadar yang dijelaskan Allah Yang Maha Mengetahui di dalam kitab sucinya Al-Qur'an.

Apa yang dijelaskan di dalam Al-Qur'an itu merupakan ilmu yang diyakinkan benarnya kerana ia datang dari Allah Yang Maha Mengetahui. Dan jika Allah kehendaki Dia boleh menafikan umat manusia dari mendapat kitab suci dan Dia boleh menghapuskan wahyu-wahyu yang telah diwahyukan kepada Rasul-Nya, tetapi itulah rahmat Allah dan limpah kurnia-Nya.

وَلَئِن شِئْنَا لَنَذْهَبَنَّ بِٱلَّذِىٓ أَوْحَيْنَآ إِلَيْكَ ثُمَّ لَا تَجِدُ

---

[6] *Menurut pendapat yang lebih rajih pertanyaan ini datangnya daripada golongan Ahlil-Kitab dan ayat ini bersama tujuh ayat yang lain selepasnya adalah diturunkan di Madinah.*

لَكَ بِهِۦ عَلَيْنَا وَكِيلًا ﴿٨٦﴾
إِلَّا رَحْمَةً مِّن رَّبِّكَ ۚ إِنَّ فَضْلَهُۥ كَانَ عَلَيْكَ كَبِيرًا ﴿٨٧﴾

"Dan jika Kami kehendaki tentulah Kami hapuskan apa yang telah Kami wahyukan kepadamu itu, kemudian engkau tidak akan mendapat seorang pembela pun yang boleh menentang kehendak Kami(86). (Kami tidak berkehendak begitu) semata-mata kerana rahmat dari Tuhanmu, sesungguhnya limpah kurnia-Nya kepadamu amatlah besar."(87)

Allah membangkitkan limpah kurnianya ini terhadap Rasulullah s.a.w., iaitu limpah kurnia menurunkan wahyu dan mengekalkan apa yang diwahyukan itu. Limpah kurnia ini lebih besar lagi ertinya kepada umat manusia, kerana dengan Al-Qur'an mereka memperolehi rahmat, hidayat dan ni'mat generasi demi generasi.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 88 - 93)

Al-Qur'an Ciptaan Allah Yang Tidak Mungkin Ditiru

Jika roh tergolong di dalam rahsia-rahsia yang hanya diketahui oleh Allah sahaja, maka Al-Qur'an juga merupakan gubahan Allah yang tidak dapat ditiru oleh para makhluk. Manusia dan jin yang mewakili makhluk zahir dan makhluk ghaib tidak sekali-kali berupaya untuk menggubah atau mengadakan kitab seperti Al-Qur'an walaupun kedua-dua jenis makhluk itu bekerjasama dan saling membantu satu sama lain dalam usaha itu:

قُل لَّئِنِ ٱجْتَمَعَتِ ٱلْإِنسُ وَٱلْجِنُّ عَلَىٰٓ أَن يَأْتُوا۟ بِمِثْلِ
هَـٰذَا ٱلْقُرْءَانِ لَا يَأْتُونَ بِمِثْلِهِۦ وَلَوْ كَانَ بَعْضُهُمْ
لِبَعْضٍ ظَهِيرًا ﴿٨٨﴾

"Katakanlah: Jika manusia dan jin berkumpul untuk mengadakan sesuatu yang setanding dengan Al-Qur'an ini nescaya mereka tidak berupaya mengadakan sama sepertinya walaupun mereka saling membantu satu sama lain."(88)

Al-Qur'an bukannya kata-kata dan ungkapan-ungkapan yang dapat ditiru manusia dan jin, malah Al-Qur'an sama dengan ciptaan-ciptaan Allah yang lain yang tidak dapat ditiru oleh para makhluk. Al-Qur'an sama seperti hakikat roh, iaitu ia dari urusan Allah. Para makhluk tidak dapat mengetahui rahsia-rahsianya yang sempurna dan syumul walaupun mereka memahami setengah sifat-sifat, ciri-ciri dan kesan-kesannya.

Selain dari itu Al-Qur'an merupakan satu sistem hidup yang sempurna yang memberi perhatian kepada undang-undang fitrah yang mengendalikan jiwa manusia dalam setiap keadaan dan peringkat perkembangannya dan mengendalikan masyarakat masyarakat manusia dalam setiap keadaan dan peringkat perkembangannya. Justeru itulah sistem ini menangani dan melayani jiwa individu dan jiwa kelompok yang rumit itu dengan undang--undang yang sesuai dengan fitrah yang bertunjang dalam berbagai-bagai hubungan dan liku-likunya. Ia menangani fitrah itu dengan cara yang sepadu dan dengan langkah-langkah yang seimbang dalam setiap sudut serentak dalam waktu yang sama. Oleh itu tiada suatu kemungkinan dari berbagai-bagai kemungkinan dan tiada satu hubungan dari berbagai--bagai hubungan yang bertentangan di dalam hidup individu dan hidup masyarakat yang terluput dari perhitungan sistem ini, kerana Allah yang mengaturkan undang-undang ini adalah Maha Mengetahui dengan fitrah manusia dalam setiap keadaan dan hubungannya yang rumit itu.

Adapun sistem-sistem hidup yang diciptakan manusia, maka ia terpengaruh kepada kelemahan manusia dan suasana-suasana hidupnya. Oleh sebab ini sistem-sistem itu tidak dapat merangkumi segala kemungkinan dalam waktu yang sama. Kadang-kadang ia merawat satu penyakit individu atau penyakit masyarakat dengan ubat yang boleh menimbulkan satu penyakit yang lain yang memerlukan kepada suatu rawatan yang baru.

Mu'jizat Al-Qur'an lebih jauh dari mujizat susunan-susunan dan makna-maknanya. Bagaimana lemahnya manusia untuk menciptakan sesuatu yang serupa dengan susunan dan makna-makna Al-Qur'an, begitulah juga betapa lemahnya manusia untuk mencipta satu sistem hidup yang serupa dengan sistem hidup Al-Qur'an yang merangkumi segala-galanya itu.

Cabaran-cabaran Yang Dungu Terhadap Rasulullah

وَلَقَدْ صَرَّفْنَا لِلنَّاسِ فِى هَـٰذَا ٱلْقُرْءَانِ مِن كُلِّ مَثَلٍ
فَأَبَىٰٓ أَكْثَرُ ٱلنَّاسِ إِلَّا كُفُورًا ﴿٨٩﴾
وَقَالُوا۟ لَن نُّؤْمِنَ لَكَ حَتَّىٰ تَفْجُرَ لَنَا مِنَ ٱلْأَرْضِ
يَنۢبُوعًا ﴿٩٠﴾
أَوْ تَكُونَ لَكَ جَنَّةٌ مِّن نَّخِيلٍ وَعِنَبٍ فَتُفَجِّرَ
ٱلْأَنْهَـٰرَ خِلَـٰلَهَا تَفْجِيرًا ﴿٩١﴾
أَوْ تُسْقِطَ ٱلسَّمَآءَ كَمَا زَعَمْتَ عَلَيْنَا كِسَفًا أَوْ
تَأْتِىَ بِٱللَّهِ وَٱلْمَلَـٰٓئِكَةِ قَبِيلًا ﴿٩٢﴾

"Dan sesungguhnya Kami ulangi penerangan-penerangan Kami kepada manusia di dalam Al-Qur'an ini dengan segala macam perbandingan, namun kebanyakan manusia enggan menerima selain dari kekufuran(89). Dan mereka berkata: Kami tidak akan beriman kepadamu sehingga engkau alirkan

untuk kami sebuah mata air dari bumi(90). Atau engkau memiliki sebuah kebun kurma dan anggur dan engkau alirkan di celah-celah kebun itu sungai-sungai yang mengalirkan air yang banyak(91). Atau engkau gugurkan langit berkeping-kepingan ke atas kami sebagaimana engkau pernah katakan kepada kami atau engkau membawa Allah dan malaikat berhadapan (dengan kami)"(92).

أَوْ يَكُونَ لَكَ بَيْتٌ مِّن زُخْرُفٍ أَوْ تَرْقَىٰ فِي السَّمَاءِ وَلَن نُّؤْمِنَ لِرُقِيِّكَ حَتَّىٰ تُنَزِّلَ عَلَيْنَا كِتَابًا نَّقْرَؤُهُ

"Atau engkau memiliki sebuah rumah dari emas atau engkau naik ke langit. Dan kami tidak akan percayakan kenaikanmu itu sehingga engkau membawa turun sebuah kitab yang dapat kami bacakannya."(93)

Demikianlah kelemahan daya pemikiran mereka dari melihat ufuk-ufuk mu'jizat Al-Qur'an kerana itu mereka masih menuntut mu'jizat-mu'jizat fizikal dan secara degil mengemukakan berbagai-bagai cadangan yang menunjukkan cara pemikiran mereka yang keanak-anakan atau mereka memperlihatkan sikap yang angkuh dan sombong terhadap zat Ilahiyah tanpa sopan santun dan silu malu. Penerangan Al-Qur'an yang dilakukan berulang-ulang kali dengan menggunakan berbagai-bagai contoh perbandingan, juga menggunakan berbagai-bagai cara dan gaya untuk membentangkan hakikat yang sesuai dengan akal dan perasaan dan sesuai dengan berbagai-bagai generasi dan peringkat perkembangan manusia, namun....

فَأَبَىٰ أَكْثَرُ النَّاسِ إِلَّا كُفُورًا ﴿٨٩﴾

"Namun kebanyakkan manusia enggan menerima selain dari kekufuran."(89)

Mereka mensyaratkan keimanan mereka kepada Rasulullah s.a.w. dengan kebolehan beliau mengeluarkan untuk mereka matair dari bumi, atau dengan kemampuan beliau memiliki ladang-ladang kurma dan anggur, di mana anak-anak sungai mengalir mewah di celah-celah ladang itu, atau dengan kebolehan beliau menimpakan 'azab dari langit yang digugurkan berkeping-kepingan ke atas mereka sebagaimana pernah diancam beliau kepada mereka pada hari Qiamat kelak, atau dengan kesanggupan beliau membawa Allah dan malaikat sebagai pembela yang akan mempertahankan keselamatannya sebagaimana yang dilakukan mereka di dalam qabilah-qabilah mereka, atau dengan kemampuan beliau memiliki sebuah rumah yang diperbuat dari logam yang mahal, atau dengan kesanggupan beliau naik ke langit, tetapi tidak cukup dengan naik ke langit sahaja sambil diperhatikan oleh mereka, malah pastilah sanggup pula membawa turun bersamanya sebuah kitab yang dapat dibacakan mereka.

Ciri-ciri berfikir secara keanak-anakan dan ciri-ciri kedegilan nampak jelas di dalam cadangan-cadangan mereka yang dungu ini, di mana mereka menyamakan di antara rumah yang diperbuat dari emas dengan naik ke langit atau menyamakan di antara mengeluarkan matair dari bumi dengan kedatangan Allah S.W.T. dan para malaikat berdepan dengan mereka. Asas yang mengumpulkan pemikiran dan kefahaman mereka dalam semua cadangan itu ialah semuanya dipandang sebagai mu'jizat-mu'jizat maddiyah, dan andainya beliau dapat menunjukkan mu'jizat-mu'jizat ini kepada mereka, maka barulah mereka akan berfikir untuk beriman kepada beliau dan membenarkan (kerasulannya).

Mereka abaikan mu'jizat Al-Qur'an yang kekal abadi, sedangkan mereka tidak berupaya untuk mengadakan sebuah kitab seperti Al-Qur'an dari segi susunan-susunan dan makna-maknanya, juga dari segi sistem hidup yang dikemukakannya. Mereka tidak dapat merasakan mu'jizat ini dengan pancaindera mereka dan kerana itu mereka menuntut jenis mu'jizat-mu'jizat yang dapat ditangkap oleh pancaindera mereka.

Mu'jizat itu bukanlah dari ciptaan Rasul dan bukan pula dari urusannya, malah ia adalah dari urusan Allah S.W.T. mengikut perencanaan dan hikmat-Nya, dan bukannya dari urusan seorang Rasul memohon mu'jizat apabila ia tidak dikurniakan Allah. Adab sopan kerasulan dan kefahaman beliau terhadap hikmat kebijaksanaan Allah dalam urusan pentadbiran-Nya telah menghalangkan Rasulullah dari mencadangkan mu'jizat-mu'jizat kepada Allah, selama Allah tidak mengizinkan beliau.

قُلْ سُبْحَانَ رَبِّي هَلْ كُنتُ إِلَّا بَشَرًا رَّسُولًا ﴿٩٣﴾

"Katakanlah: Maha Suci Tuhanku! Aku ini hanya seorang manusia yang menjadi utusan sahaja."(93)

Yakni seorang Rasul yang harus berhenti di perbatasan sifat-sifat kemanusiaannya dan harus bertindak mengikut tugas-tugas kerasulannya sahaja bukannya bertindak mengemukakan cadangan-cadangan kepada Allah dan menambahkan tugas-tugas yang lain dari tugas-tugas yang telah diletakkan ke atas bahunya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 94 - 99)

Memang telah menjadi satu kemusykilan yang pernah dihadapi berbagai-bagai umat sebelum kedatangan Nabi s.a.w. dan selepas kedatangannya dan kemusykilan ini telah menghalang mereka dari beriman kepada para Rasul dan hidayat yang telah dibawa mereka. Ia berpunca kerana mereka memustahilkan Rasul itu dipilih dari bangsa manusia dan bukannya dari bangsa malaikat:

وَمَا مَنَعَ النَّاسَ أَن يُؤْمِنُوا إِذْ جَاءَهُمُ الْهُدَىٰ إِلَّا أَن قَالُوا أَبَعَثَ اللَّهُ بَشَرًا رَّسُولًا ﴿٩٤﴾

"Dan tiada yang menghalangkan manusia dari beriman ketika mereka didatangi hidayat melainkan mereka berkata:

Apakah benar Allah telah mengutuskan manusia menjadi Rasul?"(94)

Fahaman yang keliru ini adalah terbit kerana manusia tidak mahu memahami nilai dan kedudukan mereka yang tinggi di sisi Allah. Oleh itu mereka merasa suatu keterlaluan untuk mempercayai bahawa manusia boleh menjadi utusan dari Allah, juga terbit kerana mereka tidak memahami tabi'at alam buana dan tabi'at malaikat yang bukannya diciptakan dengan persediaan untuk tinggal di bumi dengan rupa paras kemalaikatan mereka hingga dapat dicam dan dikenal manusia bahawa mereka adalah malaikat.

قُل لَّوْ كَانَ فِي الْأَرْضِ مَلَائِكَةٌ يَمْشُونَ مُطْمَئِنِّينَ لَنَزَّلْنَا عَلَيْهِم مِّنَ السَّمَاءِ مَلَكًا رَّسُولًا ﴿٩٥﴾

"Katakanlah: Jika di bumi ada malaikat-malaikat penghuni yang berjalan dengan tetap tenteram tentulah Kami turunkan kepada mereka dari langit seorang malaikat untuk menjadi Rasul."(95)

Andainya Allah merencanakan malaikat itu hidup di bumi tentulah Allah menciptakan mereka dengan bentuk rupa manusia, kerana bentuk rupa inilah yang sesuai dengan undang-undang ciptaan dan tabi'at alam buana sebagaimana telah dijelaskan Allah dalam satu ayat yang lain:

وَلَوْ جَعَلْنَاهُ مَلَكًا لَّجَعَلْنَاهُ رَجُلًا

"Dan jika Kami jadikan Rasul itu malaikat tentulah Kami jadikannya seorang lelaki."

(Surah al-An'am: 9)

Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu, tetapi Allah telah menciptakan undang-undang dan menjadikan para makhluknya mengikut undang-undang ini dengan qudrat dan pilihan-Nya yang bebas dan seterusnya menetapkan bahawa undang-undang itu terus berkuatkuasa tanpa berubah dan bertukar supaya terlaksana hikmat kebijaksanaan-Nya dalam urusan penciptaan-Nya, tetapi kaum Musyrikin tidak memahami hakikat ini.

Selama undang-undang ini telah menjadi Sunnatullah dalam urusan penciptaan-Nya, maka Allah memerintah Rasulullah s.a.w. supaya menamatkan perdebatan dengan mereka dan menyerahkan urusannya dan urusan mereka kepada Allah dan menjadikan-Nya sebagai saksi di atas mereka, di samping menyerahkan kepada-Nya urusan bertindak ke atas mereka kerana Dialah sahaja yang mengetahui keadaan seluruh hamba-Nya:

قُلْ كَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا بَيْنِي وَبَيْنَكُمْ ۚ إِنَّهُ كَانَ بِعِبَادِهِ خَبِيرًا بَصِيرًا ﴿٩٦﴾

"Katakanlah: Cukuplah Allah sendiri menjadi saksi di antaraku dengan kamu, sesungguhnya Allah itu Maha Mengetahui dan Maha Melihat."(96)

Ungkapan ini membawa bau ancaman dan amaran. Kemudian akibat amaran ini digambarkan dengan sebuah pemandangan dari pemandangan-pemandangan Qiamat yang menakutkan:

وَمَن يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ ۖ وَمَن يُضْلِلْ فَلَن تَجِدَ لَهُمْ أَوْلِيَاءَ مِن دُونِهِ ۖ وَنَحْشُرُهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ عَلَىٰ وُجُوهِهِمْ عُمْيًا وَبُكْمًا وَصُمًّا ۖ مَّأْوَاهُمْ جَهَنَّمُ ۖ كُلَّمَا خَبَتْ زِدْنَاهُمْ سَعِيرًا ﴿٩٧﴾ ذَٰلِكَ جَزَاؤُهُم بِأَنَّهُمْ كَفَرُوا بِآيَاتِنَا وَقَالُوا أَإِذَا كُنَّا عِظَامًا وَرُفَاتًا أَإِنَّا لَمَبْعُوثُونَ خَلْقًا جَدِيدًا ﴿٩٨﴾ أَوَلَمْ يَرَوْا أَنَّ اللَّهَ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ قَادِرٌ عَلَىٰ أَن يَخْلُقَ مِثْلَهُمْ وَجَعَلَ لَهُمْ أَجَلًا لَّا رَيْبَ فِيهِ فَأَبَى الظَّالِمُونَ إِلَّا كُفُورًا ﴿٩٩﴾

"Dan sesiapa yang dihidayatkan Allah, maka dialah orang yang mendapat hidayat (yang sebenar), dan sesiapa yang disesatkan Allah, nescaya engkau tidak akan dapati mereka mempunyai penaung-penaung selain dari-Nya, dan pada hari Qiamat kelak Kami akan kumpulkan mereka (dan mereka diseret) di atas muka mereka dalam keadaan buta, bisu dan pekak. Tempat kediaman mereka ialah Neraka Jahannam, setiap kali apinya hampir padam Kami tambahkan mereka api yang marak(97). Itulah balasan mereka kerana mereka mengingkari ayat-ayat Kami dan berkata: Apakah benar sesudah kami hancur menjadi tulang-tulang dan bahan reputan kami akan dibangkitkan kembali sebagai makhluk yang baru?(98) Apakah mereka tidak berfikir bahawa Allah yang berkuasa menciptakan langit dan bumi berkuasa pula menciptakan makhluk yang seperti mereka, sedangkan Allah telah pun menentukan bagi mereka tempoh ajal yang tidak dapat diragui lagi, tetapi orang-orang yang zalim enggan menerima kecuali kekufuran semata-mata."(99)

Allah telah mengadakan peraturan-peraturan hidayat dan kesesatan dan Allah membebaskan manusia berjalan mengikut peraturan-peraturan ini dan menanggung akibat-akibatnya. Di antara peraturan-peraturan ini ialah manusia diperlengkapkan dengan kesediaan untuk menerima hidayat dan kesesatan mengikut daya usahanya memilih sendiri jalan hidayat atau jalan kesesatan. Oleh itu orang yang wajar menerima hidayat Allah akan mendapat hidayat dari Allah apabila ia berusaha dan menjurus ke arahnya dan dialah orang yang mendapat hidayat yang sebenar kerana dia mengikut hidayat Allah, dan orang yang wajar mendapat kesesatan kerana berpaling dari dalil-dalil dan ayat-ayat hidayat, maka tiada siapapun yang akan dapat melindungkannya dari 'azab Allah:

فَلَن تَجِدَ لَهُمْ أَوْلِيَآءَ مِن دُونِهِۦ ۖ

"Nescaya engkau tidak akan dapati mereka mempunyai penaung-penaung selain dari-Nya"(97)

dan Allah akan mengumpul mereka pada hari Qiamat dengan keadaan yang hina dan menggerunkan, iaitu mereka diseret di atas muka mereka dan mereka terhuyung-hayang kerana buta, pekak dan tuli:

وَنَحْشُرُهُمْ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ عَلَىٰ وُجُوهِهِمْ عُمْيًا وَبُكْمًا وَصُمًّا ۖ

"Dan pada hari Qiamat kelak Kami akan kumpulkan mereka (dan mereka diseretkan) di atas muka mereka dalam keadaan buta, bisu dan pekak."(97)

Mereka tidak dapat melihat dan tidak dapat menggunakan anggota-anggota pancaindera mereka dalam kumpulan manusia yang penuh sesak sebagai balasan terhadap kesalahan mereka yang tidak mahu mempergunakan anggota-anggota pancaindera mereka di dunia ini untuk memahami dalil-dalil hidayat.

مَّأْوَىٰهُمْ جَهَنَّمُ ۖ

"Tempat kediaman mereka ialah Neraka Jahannam....."(97)

Penghabisan hidup mereka ialah Neraka Jahannam yang tidak pernah sejuk dan malap nyalaan apinya:

كُلَّمَا خَبَتْ زِدْنَٰهُمْ سَعِيرًا ﴿٩٧﴾

"Setiap kali apinya hampir padam Kami tambahkan mereka api yang marak."(97)

Itulah kesudahan dan balasan yang menakut dan menggerunkan, tetapi itulah balasan yang wajar diterima mereka kerana menolak ayat-ayat Allah dan mengingkarkan kebangkitan dan menganggapkannya sebagai sesuatu yang jauh dari kemungkinan berlaku:

ذَٰلِكَ جَزَآؤُهُم بِأَنَّهُمْ كَفَرُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا وَقَالُوٓا۟ أَءِذَا كُنَّا
عِظَٰمًا وَرُفَٰتًا أَءِنَّا لَمَبْعُوثُونَ خَلْقًا جَدِيدًا ﴿٩٨﴾

"Itulah balasan mereka kerana mereka mengingkari ayat-ayat Kami dan berkata: Apakah benar sesudah kami hancur menjadi tulang-tulang dan bahan reputan kami akan dibangkitkan kembali sebagai makhluk yang baru?"(98)

Al-Qur'an menayangkan pemandangan ini seolah-olah ia wujud di hadapan mata mereka sekarang ini dan seolah-olah alam dunia mereka telah digolong lembaran riwayatnya dan telah menjadi catatan sejarah lama. Ini ialah mengikut cara penggambaran Al-Qur'an yang membentangkan pemandangan-pemandangan itu seolah-olah peristiwa yang hidup di alam realiti dan mempengaruhi hati dan perasaan manusia sebelum terluput waktunya.

Kemudian Al-Qur'an kembali mendebati mereka dengan logik realiti yang dilihat mereka tetapi diabaikannya:

أَوَلَمْ يَرَوْا۟ أَنَّ ٱللَّهَ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ
قَادِرٌ عَلَىٰٓ أَن يَخْلُقَ مِثْلَهُمْ

"Apakah mereka tidak berfikir bahawa Allah yang berkuasa menciptakan langit dan bumi berkuasa pula menciptakan makhluk yang seperti mereka."(99)

Apakah keganjilan yang ada pada kebangkitan semula manusia selepas mati, sedangkan Allah yang telah berkuasa menciptakan langit dan bumi tentulah berkuasa pula menciptakan semula makhluk seperti mereka iaitu berkuasa menjadikan mereka hidup kembali:

وَجَعَلَ لَهُمْ أَجَلًا لَّا رَيْبَ فِيهِ فَأَبَى ٱلظَّٰلِمُونَ إِلَّا
كُفُورًا ﴿٩٩﴾

"Sedangkan Allah telah pun menentukan bagi mereka tempoh ajal yang tidak dapat diragui lagi, tetapi orang-orang yang zalim enggan menerima kecuali kekufuran semata-mata."(99)

Allah telah menetapkan ajal mereka masing-masing menurut waktunya, tetapi mereka tetap kufur juga. Oleh itu mereka dikenakan hukuman yang adil setelah (gagal) wajar dengan lojik dalil-dalil, bukti-bukti dari kejadian alam buana dan ayat-ayat yang jelas.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 100)

Tabi'at Bakhil

Tetapi mereka yang mengemukakan cadangan-cadangan yang degil kepada Rasulullah s.a.w. supaya mengadakan rumah-rumah dari emas, ladang-ladang kurma dan anggur dan matair yang mengalir mewah itu adalah sebenarnya orang-orang yang bakhil dan kedekut sehingga andainya khazanah rahmat Allah ini diserahkan kepada mereka tentulah mereka akan menjadi kedekut dan bakhil juga kerana takut khazanah itu kehabisan, sedangkan rahmat Allah tak kunjung habis dan kurang:

قُل لَّوْ أَنتُمْ تَمْلِكُونَ خَزَآئِنَ رَحْمَةِ رَبِّىٓ إِذًا لَّأَمْسَكْتُمْ
خَشْيَةَ ٱلْإِنفَاقِ ۚ وَكَانَ ٱلْإِنسَٰنُ قَتُورًا ﴿١٠٠﴾

"Katakanlah: Seandainya kamu memiliki khazanah-khazanah rezeki Tuhanku nescaya kamu akan tahankan khazanah-khazanah itu kerana takut kehabisan, dan manusia itu sememangnya amat kikir."(100)

Itulah gambaran kebakhilan yang amat besar kerana rahmat Allah meliputi dan mencakupi segala sesuatu, tidak pernah dibimbang habis dan kurang, tetapi jiwa mereka yang amat bakhil itu akan menahan rahmat ini dengan kedekutnya andainya mereka menjadi penjaga dan pentadbir khazanah rahmat Allah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 101 - 104)

Sikap Manusia Yang Ingkar Terhadap Mu'jizat

Walau bagaimanapun, mu'jizat-mu'jizat yang banyak tidak dapat mewujudkan keimanan di dalam hati yang ingkar. Lihatlah Musa a.s. yang telah dikurniakan sembilan mu'jizat yang amat nyata tetapi telah didustakan Fir'aun dan kaumnya dan justeru itulah seluruh mereka telah ditimpakan kebinasaan:

وَلَقَدۡ ءَاتَيۡنَا مُوسَىٰ تِسۡعَ ءَايَٰتِۭ بَيِّنَٰتٖۖ فَسۡـَٔلۡ بَنِيٓ
إِسۡرَٰٓءِيلَ إِذۡ جَآءَهُمۡ فَقَالَ لَهُۥ فِرۡعَوۡنُ إِنِّي لَأَظُنُّكَ
يَٰمُوسَىٰ مَسۡحُورٗا ١٠١
قَالَ لَقَدۡ عَلِمۡتَ مَآ أَنزَلَ هَٰٓؤُلَآءِ إِلَّا رَبُّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ
وَٱلۡأَرۡضِ بَصَآئِرَ وَإِنِّي لَأَظُنُّكَ يَٰفِرۡعَوۡنُ مَثۡبُورٗا ١٠٢
فَأَرَادَ أَن يَسۡتَفِزَّهُم مِّنَ ٱلۡأَرۡضِ فَأَغۡرَقۡنَٰهُ وَمَن
مَّعَهُۥ جَمِيعٗا ١٠٣
وَقُلۡنَا مِنۢ بَعۡدِهِۦ لِبَنِيٓ إِسۡرَٰٓءِيلَ ٱسۡكُنُواْ ٱلۡأَرۡضَ فَإِذَا
جَآءَ وَعۡدُ ٱلۡأٓخِرَةِ جِئۡنَا بِكُمۡ لَفِيفٗا ١٠٤

"Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepada Musa sembilan mu'jizat yang jelas. Oleh itu tanyalah (perkara ini) kepada Bani Israel ketika Musa datang kepada mereka, lalu Fir'aun berkata kepadanya: Wahai Musa! Sesungguhnya aku fikir engkau ini adalah seorang yang terkena sihir(101). Jawab Musa: Sesungguhnya engkau sendiri mengetahui bahawa tiada siapa yang berkuasa menurunkan mujizat-mu'jizat itu melainkan Tuhan yang memiliki langit dan bumi sebagai bukti-bukti yang jelas. Sesungguhnya, wahai Fir'aun, aku fikir engkau akan binasa(102). Dia mahu mengusir mereka dari negeri (Mesir) lalu Kami tenggelamkannya bersama seluruh pengikutnya(103). Dan Kami telah berkata kepada Bani Israel selepas kebinasaan Fir'aun: Tinggallah kamu di negeri ini dan apabila tiba masa Akhirat Kami akan membawa kamu sekalian berkumpul dengan bercampur-baur (di Mahsyar)."(104)

Contoh-contoh dari kisah Musa a.s. dan Bani Israel ini disebut di sini kerana sesuai dengan penerangan surah dan dengan sebutan al-Masjidil-Aqsa di awal surah dan dengan sebahagian dari kisah Bani Israel dengan Musa a.s. Begitu juga ia iringi kisah ini dengan menyebut alam Akhirat di mana Fir'aun dan kaumnya dibawa (ke muka pengadilan Ilahi) kerana ada hubungan dengan pemandangan Qiamat yang baru lepas tadi dalam surah ini, juga ada hubungan dengan akibat yang diterima oleh para pendusta hari kebangkitan yang digambarkan oleh pemandangan ini.

Sembilan mu'jizat yang disebutkan di sini ialah mu'jizat tangan keluar putih melepak, mu'jizat tongkat dan mu'jizat-mu'jizat 'azab yang menimpa Fir'aun dan kaumnya iaitu 'azab kemarau, kekurangan hasil buah-buahan, bala banjir besar, belalang, kutu, katak-katak dan darah:

فَسۡـَٔلۡ بَنِيٓ إِسۡرَٰٓءِيلَ إِذۡ جَآءَهُمۡ

"Oleh itu tanyalah (perkara ini) kepada Bani Israel ketika Musa datang kepada mereka."(101)

Mentaliti Pemerintah Fir'aun Yang Zalim

Merekalah saksi-saksi yang melihat apa yang telah berlaku di antara Musa dan Fir'aun:

فَقَالَ لَهُۥ فِرۡعَوۡنُ إِنِّي لَأَظُنُّكَ يَٰمُوسَىٰ مَسۡحُورٗا ١٠١

"Lalu Fir'aun berkata kepadanya: Wahai Musa! Sesungguhnya aku fikir engkau ini adalah seorang yang terkena sihir."(101)

Pada hemat pemerintah-pemerintah yang zalim, kalimat kebenaran, konsep mentauhidkan Allah, konsep menyeru manusia supaya meninggalkan kezaliman, pencabulan dan penindasan itu adalah tidak terbit melainkan dari seorang yang terkena sihir yang tidak mengerti apa yang dikatakannya. Oleh sebab itu pemerintah-pemerintah yang zalim seperti Fir'aun tidak berupaya untuk memahami konsep-konsep ini, dan tiada seorang pun dari mereka yang sanggup memperkatakan tentang konsep-konsep ini selama dia masih memiliki daya kekuatan akalnya.

Adapun Musa a.s. beliau merasa begitu yakin dengan kebenaran yang gilang-gemilang ditugaskan kepada beliau menyampaikannya kepada manusia. Beliau merasa begitu yakin bahawa Allah tetap menolongnya dan menghukum perintah-perintah yang zalim:

قَالَ لَقَدۡ عَلِمۡتَ مَآ أَنزَلَ هَٰٓؤُلَآءِ إِلَّا رَبُّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ
وَٱلۡأَرۡضِ بَصَآئِرَ وَإِنِّي لَأَظُنُّكَ يَٰفِرۡعَوۡنُ مَثۡبُورٗا ١٠٢

"Jawab Musa: Sesungguhnya engkau sendiri mengetahui bahawa tiada siapa yang berkuasa menurunkan mu'jizat-mu'jizat itu melainkan Tuhan yang memiliki langit dan bumi sebagai bukti-bukti yang jelas. Sesungguhnya, wahai Fir'aun, aku fikir engkau akan binasa."(102)

Engkau akan musnah dan binasa sebagai balasan terhadap perbuatan engkau yang telah mendustakan mu'jizat-mu'jizat Allah, sedangkan engkau mengetahui tiada siapa selain dari Allah yang berkuasa menciptakan mu'jizat-mu'jizat ini. Di samping itu mu'jizat-mu'jizat ini adalah amat jelas dan terang kepada segala matahati nurani hingga seolah-olah mu'jizat-mu'jizat ini merupakan matahati-matahati nurani yang begitu jelas mendedahkan hakikat-hakikat itu.

Di waktu itulah Fir'aun yang zalim bertindak menggunakan kekuatan fizikalnya dan berazam untuk menghapuskan Bani Israel dari bumi Mesir:

فَأَرَادَ أَن يَسْتَفِزَّهُم مِّنَ ٱلْأَرْضِ

"Dia mahu mengusir mereka dari negeri Mesir."(103)

Demikianlah mentaliti pemerintah-pemerintah yang zalim untuk menentang dan menolak kalimat kebenaran.

Di waktu itulah juga berlakunya keputusan Allah ke atas pemerintah yang zalim, dan terlaksananya Sunnatullah yang membinasakan orang-orang yang zalim dan menyerahkan warisan negeri kepada golongan Mu'minin yang lemah dan sabar:

فَأَغْرَقْنَٰهُ وَمَن مَّعَهُۥ جَمِيعًا ﴿١٠٣﴾

"Lalu Kami tenggelamkannya bersama seluruh pengikutnya."(103)

وَقُلْنَا مِنۢ بَعْدِهِۦ لِبَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ ٱسْكُنُوا۟ ٱلْأَرْضَ فَإِذَا
جَآءَ وَعْدُ ٱلْأَخِرَةِ جِئْنَا بِكُمْ لَفِيفًا ﴿١٠٤﴾

"Dan Kami telah berkata kepada Bani Israel selepas kebinasaan Fir'aun: Tinggallah kamu di negeri ini dan apabila tiba masa Akhirat Kami akan membawa kamu sekalian berkumpul bercampur-baur (di Mahsyar)."(104)

Demikianlah akibat pendustaan terhadap mu'jizat-mu'jizat, dan demikianlah caranya Allah mewariskan sesebuah negeri kepada golongan orang yang lemah di mana segala-galanya bergantung kepada tindak-tanduk dan tingkahlaku mereka. Di awal surah ini kita telah pun mengetahui bagaimana kesudahan Bani Israel dan di sini penjelasan ayat menyerahkan mereka dan musuh-musuh mereka kepada balasan-balasan Akhirat:

فَإِذَا جَآءَ وَعْدُ ٱلْأَخِرَةِ جِئْنَا بِكُمْ لَفِيفًا ﴿١٠٤﴾

"Dan apabila tiba masa Akhirat Kami akan membawa kamu sekalian berkumpul bercampur-baur (di Mahsyar)."(104)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 105 - 109)

Itulah contoh-contoh mu'jizat dan bagaimana ia disambut oleh para pendusta dan bagaimana Sunnatullah bertindak terhadap mereka. Adapun kitab suci Al-Qur'an, maka ia telah membawa kebenaran supaya menjadi mu'jizat yang kekal dan ia diturunkan berdikit-dikit supaya ia dibaca perlahan-lahan dalam waktu yang panjang:

Lunas Dan Cara Al-Qur'an Diturunkan

وَبِٱلْحَقِّ أَنزَلْنَٰهُ وَبِٱلْحَقِّ نَزَلَ ۗ وَمَآ أَرْسَلْنَٰكَ إِلَّا مُبَشِّرًا
وَنَذِيرًا ﴿١٠٥﴾

وَقُرْءَانًا فَرَقْنَٰهُ لِتَقْرَأَهُۥ عَلَى ٱلنَّاسِ عَلَىٰ مُكْثٍ وَنَزَّلْنَٰهُ
تَنزِيلًا ﴿١٠٦﴾

"Dan Kami telah turunkan Al-Qur'an dengan lunas kebenaran dan dengan lunas kebenaran turunnya Al-Qur'an. Dan Kami tidak utuskan engkau melainkan sebagai penyampai berita gembira dan pemberi amaran(105). Dan Kami telah turunkan Al-Qur'an dengan berdekit-dekit supaya engkau membacakannya kepada manusia dengan perlahan-lahan dan Kami telah turunkannya secara beransur-ansur."(106)

Al-Qur'an ini datang untuk mendidik umat dan menegakkan sistem hidup, kemudian umat inilah yang akan membawa Al-Qur'an ke merata pelosok bumi Timur dan Barat dan mengajar sistem ini kepada seluruh manusia mengikut methodologi yang sempurna dan sepadu. Justeru itulah Al-Qur'an diturunkan berdikit-dikit mengikut keperluan-keperluan umat Muslimin yang realistik dan mengikut keadaan-keadaan yang wujud dalam tempoh didikan yang pertama. Proses pendidikan itu telah berlangsung dalam waktu yang lama dan dengan ujian-ujian amali dalam waktu yang lama. Al-Qur'an diturun untuk membentuk satu sistem hidup yang amali yang dilaksanakan sebabak demi sebabak di peringkat penyediaan. Ia bukannya suatu kefahaman secara teori dan bukan pula suatu gagasan abstrak yang dikemukakan untuk tujuan tatapan dan mendapat keni'matan mental!

Itulah hikmat Al-Qur'an itu diturunkan beransur-ansur bukannya diturunkan sebuah kitab sekali gus dari detik pertama lagi.

Atas konsep inilah Al-Qur'an telah diterima oleh generasi Muslimin yang pertama. Mereka telah menerimanya sebagai suatu bimbingan yang dilaksanakan di alam realiti hidup setiap kali mereka menerima sesuatu perintah dan larangan darinya atau menerima sesuatu peraturan adab susila atau kewajipan yang difardhukan ke atas mereka. Mereka tidak menerima Al-Qur'an selaku bahan keni'matan akliyah atau keni'matan kejiwaan sebagaimana mereka menerima sajak-sajak dan karya-karya sastera, dan bukan pula sebagai hiburan dan penglipurlara seperti mereka membaca cerita-cerita dan dongeng-dongeng. Mereka mencorakkan kehidupan seharian mereka dengan Al-Qur'an. Mereka mencorakkan perasaan-perasaan dan hati nurani mereka dengan Al-Qur'an. Mereka mencorakkan tingkah laku, kegiatan hidup, rumahtangga dan kehidupan mereka dengan Al-Qur'an. Justeru itu Al-Qur'an merupakan satu-satunya cara hidup mereka, di mana mereka membuang cara hidup yang lain yang diwarisi mereka atau cara-cara hidup yang diketahui dan diamalkan mereka sebelum kedatangan Al-Qur'an kepada mereka.

Ujar Ibn Mas'ud r.a.: Biasanya seorang dari angkatan kami apabila dia mempelajari sepuluh ayat Al-Qur'an, dia tidak akan melebihi sepuluh ayat

sehingga dia telah memahami segala makna dan tujuannya serta beramal dengannya.

Allah telah menurunkan Al-Qur'an ini berlandaskan lunas kebenaran ((وبالحق أنزلنه)) *"Dan Kami telah turunkan Al-Qur'an dengan lunas kebenaran .....(105)"*.

Maksudnya, Al-Qur'an diturun untuk menegakkan kebenaran di bumi.

((وبالحق نزل)) - "Dan dengan lunas kebenaran turunnya Al-Qur'an....."(105)

Lunas kebenaran menjadi bahan pembicaraan Al-Qur'an dan lunas kebenaran menjadi matlamatnya. Tiang seri Al-Qur'an ialah lunas kebenaran dan pusat perhatiannya ialah lunas kebenaran, iaitu lunas kebenaran semulajadi yang bertapak kukuh di dalam undang-undang alam al-wujud, kebenaran yang menjadi tapak asas penciptaan langit dan bumi yang telah dijadikan Allah dan bersebati dengan keduanya. Al-Qur'an berhubung rapat dengan undang-undang seluruh alam buana, Al-Qur'an menyebut dan menunjuk kepada undang-undang itu dan ia sendiri merupakan sebahagian dari undang-undang itu. Justeru itu lunas kebenaran merupakan darah daging Al-Qur'an dan merupakan bahan dan matlamat pembicaraan Al-Qur'an, sedangkan Rasulullah s.a.w. adalah ditugaskan membawa berita gembira dan amaran mengenai lunas kebenaran yang dibawa oleh Al-Qur'an.

Di sini Allah memerintah Rasulullah s.a.w. supaya menghadapi kaum Musyrikin dengan lunas kebenaran ini dan meninggalkan mereka bebas memilih jalan mereka masing-masing. Jika mereka mahu, mereka boleh beriman kepada Al-Qur'an dan jika mereka mahu, mereka boleh menolaknya, tetapi mereka harus memikul tanggungjawab terhadap pilihan itu. Kemudian Allah meletakkan di hadapan mata mereka satu contoh yang menunjukkan bagaimana kaum Mu'minin Ahlil-Kitab dari Yahudi dan Nasara yang dikurniakan ilmu pengetahuan sebelum Al-Qur'an itu menerima dan menyambut Al-Qur'an, semoga kisah mereka menjadi contoh teladan yang baik kepada mereka kerana mereka kaum yang ummi yang tidak pernah diberikan ilmu dan kitab suci:

قُلْ ءَامِنُوا۟ بِهِۦٓ أَوْ لَا تُؤْمِنُوٓا۟ ۚ إِنَّ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْعِلْمَ مِن
قَبْلِهِۦٓ إِذَا يُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ يَخِرُّونَ لِلْأَذْقَانِ سُجَّدًا ﴿١٠٧﴾
وَيَقُولُونَ سُبْحَـٰنَ رَبِّنَآ إِن كَانَ وَعْدُ رَبِّنَا لَمَفْعُولًا ﴿١٠٨﴾
وَيَخِرُّونَ لِلْأَذْقَانِ يَبْكُونَ وَيَزِيدُهُمْ خُشُوعًا ۩ ﴿١٠٩﴾

"Katakanlah: Berimanlah kamu kepada Al-Qur'an atau tidak beriman. Sesungguhnya orang-orang yang dikurniakan ilmu pengetahuan sebelum Al-Qur'an apabila dibacakan kepada mereka Al-Qur'an mereka terus menyembamkan muka mereka sujud (kepada Allah) (107). Dan mereka berkata: Maha Suci Tuhan kami. Sesungguhnya janji Tuhan kami tu tetap terkota(108). Dan mereka menyembamkan muka mereka menangis dan mereka bertambah khusyu'."(109)

Itulah satu pemandangan yang amat menarik yang menyentuh hati, iaitu pemandangan (kaum Ahlil-Kitab) yang dikurniakan ilmu pengetahuan sebelum Al-Qur'an. Mereka mendengar Al-Qur'an dengan penuh khusyu' dan:

يَخِرُّونَ لِلْأَذْقَانِ سُجَّدًا ﴿١٠٧﴾

"Dan mereka terus menyembamkan muka mereka sujud (kepada Allah)."(107)

Yakni mereka tidak dapat lagi mengawal dan menahan diri mereka. Mereka tidak melakukan gerak sujud biasa tetapi mereka menyembamkan muka mereka sujud kemudian lidah mereka meluahkan pula perasaan-perasaan yang berkecamuk di dalam hati mereka terhadap kebesaran Allah dan kebenaran janji-Nya:

وَيَقُولُونَ سُبْحَـٰنَ رَبِّنَآ إِن كَانَ وَعْدُ رَبِّنَا لَمَفْعُولًا ﴿١٠٨﴾

"Dan mereka berkata: Maha Suci Tuhan kami. Sesungguhnya janji Tuhan kami itu tetap terkota."(108)

Mereka amat terharu dan seluruh kata-kata tidak cukup untuk menggambarkan perasaan yang berkecamuk di dalam dada mereka, tiba-tiba air mata mereka bercucuran mengungkapkan perasaan-perasaan yang tidak dapat digambarkan dengan kata-kata.

وَيَخِرُّونَ لِلْأَذْقَانِ يَبْكُونَ

"Dan mereka menyembamkan muka mereka menangis."(109)

وَيَزِيدُهُمْ خُشُوعًا ﴿١٠٩﴾

"Dan mereka bertambah khusyu'."(109)

Yakni perasaan khusyu' mereka semakin bertambah mendalam melebihi perasaan khusyu' ketika mereka menyambut ayat-ayat Al-Qur'an itu.

Adab Berdo'a Dengan Nama-nama Allah

Itulah pemandangan yang menggambarkan perasaan yang penuh terharu. Ia menggambarkan kesan Al-Qur'an di dalam hati yang terbuka untuk menerima pancarannya, iaitu hati yang mengenal hakikat dan nilai Al-Qur'an kerana ia telah dikurniakan ilmu pengetahuan sebelum Al-Qur'an. Dan ilmu pengetahuan yang dimaksudkan itu ialah ilmu yang telah diturunkan Allah di dalam kitab suci sebelum Al-Qur'an kerana ilmu yang sebenar ialah ilmu yang datang dari sisi Allah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 110)

Pemandangan yang menarik yang menggambarkan sifat orang-orang yang telah dikurniakan ilmu pengetahuan sebelum Al-Qur'an ditayangkan di dalam ayat-ayat ini selepas Allah memberi pilihan yang bebas kepada kaum Musyrikin sama ada mereka mahu beriman atau tidak terhadap Al-Qur'an. Kemudian Allah iringi pula dengan sebuah pernyataan yang memberi kebebasan kepada mereka berdo'a kepada Allah dengan mana-mana nama-Nya yang disukai mereka, kerana menurut anggapan-anggapan jahiliyah mereka yang karut, mereka tidak suka menamakan Allah dengan nama ar-Rahman dan mereka tidak menafikan nama itu sebagai nama Allah, sedangkan nama itu adalah nama Allah dan mereka adalah bebas berdo'a dengan mana-mana nama Allah yang disukai mereka:

قُلِ ادْعُوا اللَّهَ أَوِ ادْعُوا الرَّحْمَٰنَ ۖ أَيًّا مَا تَدْعُوا فَلَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ

"Katakanlah: Berdo'alah dengan nama Allah atau nama ar-Rahman apa sahaja nama yang kamu seru (adalah baik belaka) kerana Allah mempunyai nama-nama yang paling indah."(110)

Itulah anggapan-anggapan karut jahiliyah dan kepercayaan paganisme yang tidak mempunyai daya ketahanan untuk menghadapi perdebatan dan perbahasan.

Begitu juga Rasulullah s.a.w. telah diperintah supaya membaca dalam solatnya dengan suara yang sederhana di antara nyaring dan perlahan, kerana kaum Musyrikin selalu mempermain-mainkan solatnya dan menyakiti beliau atau kerana mereka selalu memperlihatkan kebencian dan sikap menjauhkan diri. Itu mungkin kerana bacaan yang sederhana di antara nyaring dan perlahan merupakan bacaan yang lebih sesuai untuk mengadap Allah:

وَلَا تَجْهَرْ بِصَلَاتِكَ وَلَا تُخَافِتْ بِهَا وَابْتَغِ بَيْنَ ذَٰلِكَ سَبِيلًا ﴿١١٠﴾

"Dan janganlah engkau terlalu nyaringkan bacaan do'a dan solat dan jangan pula terlalu memperlahankannya. Carilah bacaan yang sedarhana di antara keduanya."(110)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 111)

Surah ini ditamatkan dengan memuji Allah - sama seperti ia dimulakan - dan dengan menjelaskan konsep wahdaniyah Allah tanpa anak dan sekutu dan membersihkan Allah dari keperluan kepada penaung dan pembantu, kerana Allah Maha Tinggi dan Maha Agung. Ayat penamat ini menyaringkan pembicaraan pokok surah ini yang dimula dan diakhiri dengannya:

وَقُلِ الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي لَمْ يَتَّخِذْ وَلَدًا وَلَمْ يَكُن لَّهُ شَرِيكٌ فِي الْمُلْكِ وَلَمْ يَكُن لَّهُ وَلِيٌّ مِّنَ الذُّلِّ ۖ وَكَبِّرْهُ تَكْبِيرًا ﴿١١١﴾

"Dan ucapkanlah: Segala kepujian itu terpulang kepada Allah yang tidak pernah mempunyai anak dan tidak pernah mempunyai sekutu dalam urusan kerajaan alam dan tidak pernah mempunyai pelindung yang melindungi-Nya dari kehinaan, dan takbirkan-Nya dengan sebesar-besar takbir."(111)

JUZU' KE-15

SURAH AL-KAHFI

SURAH KE

18

سُورَةُ الكَهْف

SURAH AL-KAHFI

Surah Gua

(Madaniyah)

Kecuali Ayat 28 dan dari Ayat 83 hingga akhir

JUMLAH AYAT

110

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 27)

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ ٱلَّذِىٓ أَنزَلَ عَلَىٰ عَبْدِهِ ٱلْكِتَٰبَ وَلَمْ يَجْعَل
لَّهُۥ عِوَجَا ﴿١﴾
قَيِّمًا لِّيُنذِرَ بَأْسًا شَدِيدًا مِّن لَّدُنْهُ وَيُبَشِّرَ
ٱلْمُؤْمِنِينَ ٱلَّذِينَ يَعْمَلُونَ ٱلصَّٰلِحَٰتِ أَنَّ لَهُمْ
أَجْرًا حَسَنًا ﴿٢﴾
مَّٰكِثِينَ فِيهِ أَبَدًا ﴿٣﴾
وَيُنذِرَ ٱلَّذِينَ قَالُوا۟ ٱتَّخَذَ ٱللَّهُ وَلَدًا ﴿٤﴾
مَّا لَهُم بِهِۦ مِنْ عِلْمٍ وَلَا لِءَابَآئِهِمْ ۚ كَبُرَتْ كَلِمَةً
تَخْرُجُ مِنْ أَفْوَٰهِهِمْ ۚ إِن يَقُولُونَ إِلَّا كَذِبًا ﴿٥﴾
فَلَعَلَّكَ بَٰخِعٌ نَّفْسَكَ عَلَىٰٓ ءَاثَٰرِهِمْ إِن لَّمْ يُؤْمِنُوا۟
بِهَٰذَا ٱلْحَدِيثِ أَسَفًا ﴿٦﴾
إِنَّا جَعَلْنَا مَا عَلَى ٱلْأَرْضِ زِينَةً لَّهَا لِنَبْلُوَهُمْ أَيُّهُمْ
أَحْسَنُ عَمَلًا ﴿٧﴾
وَإِنَّا لَجَٰعِلُونَ مَا عَلَيْهَا صَعِيدًا جُرُزًا ﴿٨﴾
أَمْ حَسِبْتَ أَنَّ أَصْحَٰبَ ٱلْكَهْفِ وَٱلرَّقِيمِ كَانُوا۟
مِنْ ءَايَٰتِنَا عَجَبًا ﴿٩﴾

"Segala sanjungan terpulang kepada Allah yang telah menurunkan kitab Al-Qur'an kepada hamba-Nya (Muhammad) dan tidak menjadikan padanya sebarang ajaran yang berbelit-belit(1). Sebuah kitab yang begitu lurus untuk menyampaikan amaran keseksaan yang amat keras dari sisi Allah dan menyampaikan berita gembira kepada para Mu'minin yang mengerjakan amalan-amalan yang soleh bahawa mereka akan memperolehi pahala yang baik(2). Iaitu pahala Syurga, di mana mereka akan tinggal tetap untuk selama-lamanya(3). Dan untuk memberi amaran kepada orang-orang yang telah berkata bahawa Allah mempunyai anak(4). (Sebenarnya) mereka tidak mempunyai sebarang ilmu pengetahuan mengenainya (perkataan itu) dan datuk nenek mereka juga tidak mempunyai ilmu pengetahuan. Alangkah besarnya kata-kata yang terkeluar dari mulut mereka sedangkan apa yang dikatakan mereka tidak lain melainkan hanya dusta semata-mata (5). Mungkin engkau hendak membunuh dirimu kerana dukacita terhadap kesan-kesan perbuatan mereka yang tidak mahu beriman kepada penerangan (Al-Qur'an) ini(6). Sesungguhnya Kami telah jadikan segala apa yang ada di bumi sebagai hiasan-hiasan yang indah dengan tujuan untuk Kami ujikan mereka siapakah di antara mereka yang lebih baik amalannya(7). Dan sesungguh-nya (ketika Qiamat kelak) Kami akan jadikan segala apa yang ada di atas bumi ini tanah rata yang keras dan tandus (8). Apakah engkau mengira kisah Ashabul-Kahfi dan ar-Raqim itu sahaja merupakan satu bukti yang mena'jubkan di antara bukti-bukti (kekuasaan) Kami yang lain?"(9).

إِذْ أَوَى ٱلْفِتْيَةُ إِلَى ٱلْكَهْفِ فَقَالُوا۟ رَبَّنَآ ءَاتِنَا
مِن لَّدُنكَ رَحْمَةً وَهَيِّئْ لَنَا مِنْ أَمْرِنَا رَشَدًا ﴿١٠﴾
فَضَرَبْنَا عَلَىٰٓ ءَاذَانِهِمْ فِى ٱلْكَهْفِ سِنِينَ
عَدَدًا ﴿١١﴾
ثُمَّ بَعَثْنَٰهُمْ لِنَعْلَمَ أَىُّ ٱلْحِزْبَيْنِ أَحْصَىٰ لِمَا لَبِثُوٓا۟
أَمَدًا ﴿١٢﴾
نَّحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ نَبَأَهُم بِٱلْحَقِّ ۚ إِنَّهُمْ فِتْيَةٌ ءَامَنُوا۟
بِرَبِّهِمْ وَزِدْنَٰهُمْ هُدًى ﴿١٣﴾
وَرَبَطْنَا عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ إِذْ قَامُوا۟ فَقَالُوا۟ رَبُّنَا رَبُّ
ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ لَن نَّدْعُوَا۟ مِن دُونِهِۦٓ إِلَٰهًا ۖ
لَّقَدْ قُلْنَآ إِذًا شَطَطًا ﴿١٤﴾
هَٰٓؤُلَآءِ قَوْمُنَا ٱتَّخَذُوا۟ مِن دُونِهِۦٓ ءَالِهَةً ۖ لَّوْلَا يَأْتُونَ

عَلَيْهِم بِسُلْطَٰنٍۭ بَيِّنٍۢ ۖ فَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ ٱفْتَرَىٰ عَلَى
ٱللَّهِ كَذِبًا ﴿١٥﴾
وَإِذِ ٱعْتَزَلْتُمُوهُمْ وَمَا يَعْبُدُونَ إِلَّا ٱللَّهَ فَأْوُۥٓا۟ إِلَى
ٱلْكَهْفِ يَنشُرْ لَكُمْ رَبُّكُم مِّن رَّحْمَتِهِۦ وَيُهَيِّئْ
لَكُم مِّنْ أَمْرِكُم مِّرْفَقًا ﴿١٦﴾
وَتَرَى ٱلشَّمْسَ إِذَا طَلَعَت تَّزَٰوَرُ عَن كَهْفِهِمْ
ذَاتَ ٱلْيَمِينِ وَإِذَا غَرَبَت تَّقْرِضُهُمْ ذَاتَ ٱلشِّمَالِ
وَهُمْ فِى فَجْوَةٍ مِّنْهُ ۚ ذَٰلِكَ مِنْ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ ۗ مَن يَهْدِ
ٱللَّهُ فَهُوَ ٱلْمُهْتَدِ ۖ وَمَن يُضْلِلْ فَلَن تَجِدَ لَهُۥ وَلِيًّا
مُّرْشِدًا ﴿١٧﴾
وَتَحْسَبُهُمْ أَيْقَاظًا وَهُمْ رُقُودٌ ۚ وَنُقَلِّبُهُمْ ذَاتَ
ٱلْيَمِينِ وَذَاتَ ٱلشِّمَالِ ۖ وَكَلْبُهُم بَٰسِطٌ ذِرَاعَيْهِ
بِٱلْوَصِيدِ ۚ لَوِ ٱطَّلَعْتَ عَلَيْهِمْ لَوَلَّيْتَ مِنْهُمْ فِرَارًا
وَلَمُلِئْتَ مِنْهُمْ رُعْبًا ﴿١٨﴾

"(Kenangilah) ketika pemuda-pemuda itu berlindung di sebuah gua lalu mereka berdo'a: Wahai Tuhan kami! Kurniakan kami rahmat-Mu yang limpah dan sediakan untuk kami kemudahan dan taufiq dalam urusan kami(10). Lalu Kami pertidurkan mereka di dalam gua itu bertahun-tahun lamanya(11). Kemudian kami bangkitkan mereka dari tidur itu untuk Kami ujikan siapakah di antara dua golongan itu yang lebih tepat kiraannya tentang selama mana mereka tinggaldi sana(12). Kami mahu mengisahkan kepadamu cerita mereka yang sebenar. Mereka adalah sekumpulan pemuda-pemuda yang telah beriman kepada Allah Tuhan mereka dan kami telah menambahkan lagi hidayat kepada mereka(13). Dan Kami telah meneguhkan hati mereka ketika mereka bangkit lalu berkata: Tuhan kami ialah Tuhan yang memiliki langit dan bumi. Kami tidak akan menyembah tuhan yang lain dari-Nya. (Seandainya kami menyembah yang lain dari-Nya), bererti kami telah mengatakan satu penyelewengan yang amat jauh(14). Mereka adalah kaum kami yang telah menyembah tuhan-tuhan yang lain dari Allah. Cubalah mereka buktikan (sifat ketuhanan) tuhan-tuhan yang lain itu dengan hujjah yang jelas. Tidak ada orang yang lebih zalim dari orang-orang yang melakukan pembohongan terhadap Allah(15). Dan oleh sebab kamu telah mengasingkan diri dari mereka dan dari sembahan-sembahan yang disembah mereka selain dari Allah, maka (pergilah) kamu berlindung di dalam gua nescaya Allah Tuhan kamu menghamburkan rahmat-Nya ke atas kamu dan menyediakan pertolongan terhadap urusan kamu(16). Dan engkau dapat melihat apabila matahari naik di sebelah timur cahayanya menyimpang ke sebelah kanan gua dan apabila matahari membenam, cahayanya melampaui mereka ke sebelah kiri, sedangkan mereka berada di lapangan gua itu. Itulah di antara tanda-tanda kekuasaan Allah. Barang siapa yang dihidayatkan Allah, maka dialah orang yang mendapat hidayat yang sebenar, dan barang siapa yang telah disesatkannya nescaya engkau tidak akan mendapati sesiapa pun lagi yang sanggup menjadi pelindung yang memberi bimbingan kepadanya(17). Dan engkau mengira mereka sedang jaga, sedangkan mereka sebenarnya tidur nyenyak. Kami membalik-balikkan badan mereka sekali ke kanan dan sekali ke kiri, sedangkan anjing mereka menghulurkan dua kakinya ke depan di halaman pintu gua dan jika engkau melihat mereka tentulah engkau akan berpaling melarikan diri dan tentulah hatimu dipenuhi perasaan takut kepada mereka"(18).

وَكَذَٰلِكَ بَعَثْنَٰهُمْ لِيَتَسَآءَلُوا۟ بَيْنَهُمْ ۚ قَالَ قَآئِلٌ
مِّنْهُمْ كَمْ لَبِثْتُمْ ۖ قَالُوا۟ لَبِثْنَا يَوْمًا أَوْ بَعْضَ يَوْمٍ ۚ
قَالُوا۟ رَبُّكُمْ أَعْلَمُ بِمَا لَبِثْتُمْ فَٱبْعَثُوٓا۟ أَحَدَكُم
بِوَرِقِكُمْ هَٰذِهِۦٓ إِلَى ٱلْمَدِينَةِ فَلْيَنظُرْ أَيُّهَآ أَزْكَىٰ
طَعَامًا فَلْيَأْتِكُم بِرِزْقٍ مِّنْهُ وَلْيَتَلَطَّفْ وَلَا
يُشْعِرَنَّ بِكُمْ أَحَدًا ﴿١٩﴾
إِنَّهُمْ إِن يَظْهَرُوا۟ عَلَيْكُمْ يَرْجُمُوكُمْ أَوْ يُعِيدُو
كُمْ فِى مِلَّتِهِمْ وَلَن تُفْلِحُوٓا۟ إِذًا أَبَدًا ﴿٢٠﴾
وَكَذَٰلِكَ أَعْثَرْنَا عَلَيْهِمْ لِيَعْلَمُوٓا۟ أَنَّ وَعْدَ ٱللَّهِ
حَقٌّ وَأَنَّ ٱلسَّاعَةَ لَا رَيْبَ فِيهَآ إِذْ يَتَنَٰزَعُونَ بَيْنَهُمْ
أَمْرَهُمْ ۖ فَقَالُوا۟ ٱبْنُوا۟ عَلَيْهِم بُنْيَٰنًا ۖ رَّبُّهُمْ أَعْلَمُ
بِهِمْ ۚ قَالَ ٱلَّذِينَ غَلَبُوا۟ عَلَىٰٓ أَمْرِهِمْ لَنَتَّخِذَنَّ
عَلَيْهِم مَّسْجِدًا ﴿٢١﴾
سَيَقُولُونَ ثَلَٰثَةٌ رَّابِعُهُمْ كَلْبُهُمْ وَيَقُولُونَ
خَمْسَةٌ سَادِسُهُمْ كَلْبُهُمْ رَجْمًۢا بِٱلْغَيْبِ ۖ وَيَقُولُونَ
سَبْعَةٌ وَثَامِنُهُمْ كَلْبُهُمْ ۚ قُل رَّبِّىٓ أَعْلَمُ بِعِدَّتِهِم
مَّا يَعْلَمُهُمْ إِلَّا قَلِيلٌ ۗ فَلَا تُمَارِ فِيهِمْ إِلَّا مِرَآءً
ظَٰهِرًا وَلَا تَسْتَفْتِ فِيهِم مِّنْهُمْ أَحَدًا ﴿٢٢﴾
وَلَا تَقُولَنَّ لِشَا۟ىْءٍ إِنِّى فَاعِلٌ ذَٰلِكَ غَدًا ﴿٢٣﴾

إِلَّآ أَن يَشَآءَ ٱللَّهُ وَٱذْكُر رَّبَّكَ إِذَا نَسِيتَ وَقُلْ
عَسَىٰٓ أَن يَهْدِيَنِ رَبِّى لِأَقْرَبَ مِنْ هَٰذَا رَشَدًا ﴿٢٤﴾
وَلَبِثُوا۟ فِى كَهْفِهِمْ ثَلَٰثَ مِا۟ئَةٍ سِنِينَ وَٱزْدَادُوا۟
تِسْعًا ﴿٢٥﴾
قُلِ ٱللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا لَبِثُوا۟ لَهُۥ غَيْبُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ
أَبْصِرْ بِهِۦ وَأَسْمِعْ مَا لَهُم مِّن دُونِهِۦ مِن وَلِىٍّ
وَلَا يُشْرِكُ فِى حُكْمِهِۦٓ أَحَدًا ﴿٢٦﴾
وَٱتْلُ مَآ أُوحِىَ إِلَيْكَ مِن كِتَابِ رَبِّكَ لَا مُبَدِّلَ
لِكَلِمَٰتِهِۦ وَلَن تَجِدَ مِن دُونِهِۦ مُلْتَحَدًا ﴿٢٧﴾

"Dan demikianlah Kami telah membangkitkan mereka kembali supaya mereka bertanya sesama mereka. Ujar salah seorang dari mereka: Berapa lama kamu telah tidur? Jawab mereka: Kita telah tidur kira-kira sehari atau separuh hari. Ujar mereka: Allah Tuhan kamu sahaja yang lebih mengetahui berapa lama kamu telah tidur. Hantarkanlah seorang dari kamu ke bandar membawa wang perak kamu ini dan hendaklah dia carikan apa sahaja makanan yang baik dan bawakan kepada kamu sedikit rezeki darinya, tetapi hendaklah dia berhati-hati dan janganlah sekali-kali dia melakukan sesuatu yang boleh menyedarkan sesiapa pun terhadap rahsia kamu(19). Kerana jika mereka mengetahui rahsia kamu tentulah mereka akan merejamkan kamu sampai mati atau mereka memaksa kamu kembali kepada agama mereka. Dan kamu tidak akan mendapat keberuntungan untuk selama-lamanya(20). Dan demikianlah kami dedahkan hal mereka kepada orang ramai agar mereka mengetahui bahawa janji Allah (untuk menghidupkan manusia selepas mati) itu adalah benar dan bahawa Qiamat tetap berlaku tanpa sebarang keraguan lagi, (pendedahan itu berlaku) ketika orang ramai itu berbantah-bantahan sesama mereka tentang (apakah yang harus dibuat) terhadap pemuda-pemuda itu. Lalu mereka berkata: Dirikanlah sebuah bangunan di atas mereka..Tuhan mereka lebih mengetahui tentang hakikat mereka. Ujar orang-orang yang berkuasa dalam urusan mereka: Kami akan membina sebuah masjiddi atas mereka(21). Mereka (satu golongan Ahlil-Kitab) akan berkata bahawa jumlah mereka (Ashabul-Kahfi) tiga orang dan yang keempat ialah anjing mereka. Satu golongan pula berkata jumlah mereka lima orang dan yang keenam ialah anjing mereka semuanya meneka-neka perkara ghaib. Segolongan yang lain lagi berkata jumlah mereka tujuh orang dan yang kelapan ialah anjing mereka. Katakanlah: Tuhanku lebih mengetahui tentang bilangan mereka (yang sebenar) dan tiada yang mengetahui bilangan mereka melainkan hanya segelintir orang sahaja. Oleh itu janganlah engkau berdebat dengan mereka mengenai penghuni-penghuni gua itu kecuali perdebatan yang lahir sahaja dan janganlah engkau tanyakan seorang pun dari mereka mengenai penghuni-penghuni gua itu(22). Dan janganlah engkau berkata mengenai sesuatu (yang engkau kehendaki): Aku tetap melaksanakannya besok.(23). Melainkan disertai dengan menyebut"Insya' Allah", dan kenangkan Tuhanmu jika engkau terlupa dan berdo'alah: Semoga Allah memberi petunjuk kepadaku ke jalan yang lebih dekat dari ini(24). Mereka (pemuda-pemuda itu) tidur didalam gua mereka selama tiga ratus tahun (mengikut kiraan tahun Syamsiyah) dan mereka menambah sembilan tahun (mengikut kiraan tahun Qamariyah)(25). Katakanlah: Hanya Allah sahaja yang lebih mengetahui selama mana mereka tidur (di dalam gua itu), kerana Dialah sahaja yang memiliki segala urusan ghaib di langit dan di bumi, alangkah jauh penglihatan dan pendengaran-Nya. Mereka tidak mempunyai sebarang penaung selain dari Allah dan Allah tidak pernah berkongsi dengan sesiapa pun dalam urusan pentadbiran-Nya(26). Dan bacalah apa yang telah Aku wahyukan kepadamu dari kitab suci Tuhanmu. Tiada siapa pun yang berkuasa mengubahkan kalimat-kalimat-Nya dan engkau tidak akan mendapat tempat perlindungan selain dari Allah"(27).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Kisah-kisah merupakan unsur yang dominan di dalam surah ini. Pada permulaannya diceritakan kisah Ashabul-Kahfi, kemudian kisah dua ladang, kemudian seimbas kisah Adam dan Iblis. Di tengah surah pula disebut kisah Musa dengan hamba Allah yang soleh dan pada akhirnya dimuatkan kisah Zul-Qarnayn. Kebanyakan ayat surah ini memperkatakan kisah-kisah tersebut, iaitu ia diceritakan dalam tujuh puluh satu ayat dari seratus sepuluh ayat. Kebanyakan ayat-ayat yang tinggal lagi itu merupakan ulasan atau kesimpulan terhadap kisah-kisah itu. Di samping kisah-kisah itu ditayangkan pula beberapa pemandangan Qiamat dan beberapa pemandangan hidup yang menggambarkan sesuatu gagasan atau konsep mengikut cara Al-Qur'an yang mengungkapkan sesuatu dengan ilustrasi.

Yang menjadi paksi yang mengikatkan maudhu'-maudhu' pembicaraan surah ini dan membuat seluruh penerangannya berlegar di sekelilingnya ialah pembetulan 'aqidah, pembetulan methodologi berfikir dan pembetulan nilai-nilai dengan neraca 'aqidah ini.

Pembetulan 'aqidah itu dijelaskan di awal dan di akhir surah.

Penjelasan di awal surah ialah:

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ ٱلَّذِىٓ أَنزَلَ عَلَىٰ عَبْدِهِ ٱلْكِتَٰبَ وَلَمْ يَجْعَل
لَّهُۥ عِوَجَا ۜ ﴿١﴾
قَيِّمًا لِّيُنذِرَ بَأْسًا شَدِيدًا مِّن لَّدُنْهُ وَيُبَشِّرَ
ٱلْمُؤْمِنِينَ ٱلَّذِينَ يَعْمَلُونَ ٱلصَّٰلِحَٰتِ أَنَّ لَهُمْ
أَجْرًا حَسَنًا ﴿٢﴾
مَّٰكِثِينَ فِيهِ أَبَدًا ﴿٣﴾

وَيُنذِرَ ٱلَّذِينَ قَالُوا۟ ٱتَّخَذَ ٱللَّهُ وَلَدًا ﴿٤﴾
مَّا لَهُم بِهِۦ مِنْ عِلْمٍ وَلَا لِءَابَآئِهِمْ ۚ كَبُرَتْ كَلِمَةً
تَخْرُجُ مِنْ أَفْوَٰهِهِمْ ۚ إِن يَقُولُونَ إِلَّا كَذِبًا ﴿٥﴾

"Segala sanjungan terpulang kepada Allah yang telah menurunkan kitab Al-Qur'an kepada hamba-Nya (Muhammad) dan tidak menjadikan padanya sebarang ajaran yang berbelit-belit(1). Sebuah kitab yang begitu lurus untuk menyampaikan amaran keseksaan yang amat keras dari sisi Allah dan menyampaikan berita gembira kepada para Mu'minin yang mengerjakan amalan-amalan yang soleh bahawa mereka akan memperolehi pahala yang baik(2). Iaitu pahala Syurga, di mana mereka akan tinggal tetap untuk selama-lamanya(3). Dan untuk memberi amaran kepada orang-orang yang telah berkata bahawa Allah mempunyai anak(4). (Sebenarnya) mereka tidak mempunyai sebarang ilmu pengetahuan mengenainya (perkataan itu) dan datuk nenek mereka, juga tidak mempunyai ilmu pengetahuan. Alangkah besarnya kata-kata yang terkeluar dari mulut mereka, sedangkan apa yang dikatakan mereka tidak lain melainkan hanya dusta semata-mata."(5)

Penjelasan di akhir surah ialah:

قُلْ إِنَّمَآ أَنَا۠ بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰٓ إِلَىَّ أَنَّمَآ إِلَٰهُكُمْ إِلَٰهٌ وَٰحِدٌ ۖ
فَمَن كَانَ يَرْجُوا۟ لِقَآءَ رَبِّهِۦ فَلْيَعْمَلْ عَمَلًا صَٰلِحًا وَلَا
يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِۦٓ أَحَدًۢا ﴿١١٠﴾

"Katakanlah: Aku hanya seorang manusia seperti kamu sahaja yang telah diwahyukan kepadaku bahawa Allah Tuhan kamu itu adalah Tuhan Yang Maha Esa. Oleh itu barang siapa yang mengharapkan pertemuan dengan Tuhannya, maka hendaklah dia mengerjakan amalan yang soleh dan janganlah dia mempersekutukan Allah dengan seseorang pun dalam ibadat kepada Tuhannya."(110)

Demikianlah permulaan dan penghabisan surah ini turut sama mengumumkan 'aqidah Wahdaniyah dan menolak 'aqidah syirik, menthabitkan wahyu dan menggariskan perbezaan yang mutlak di antara zat Ilahiyah dengan zat-zat makhluk yang baru.

Maudhu' ini sering kali disentuh oleh surah ini dengan berbagai-bagai cara dan gaya. Misalnya di dalam kisah Ashabul-Kahfi, pemuda-pemuda yang beriman kepada Allah itu, berkata:

وَرَبَطْنَا عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ إِذْ قَامُوا۟ فَقَالُوا۟ رَبُّنَا رَبُّ
ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ لَن نَّدْعُوَا۟ مِن دُونِهِۦٓ إِلَٰهًا ۖ
لَّقَدْ قُلْنَآ إِذًا شَطَطًا ﴿١٤﴾

"Tuhan kami ialah Tuhan yang memiliki langit dan bumi. Kami tidak akan menyembah tuhan yang lain dari-Nya. (Seandainya kami menyembah yang lain darinya) bererti kami telah mengatakan satu kepercayaan penyelewengan yang amat jauh."(14)

مَا لَهُم مِّن دُونِهِۦ مِن وَلِىٍّ وَلَا يُشْرِكُ فِى حُكْمِهِۦٓ
أَحَدًا ﴿٢٦﴾

"Mereka tidak mempunyai sebarang penaung selain dari Allah dan Allah tidak pernah berkongsi dengan sesiapa pun dalam urusan pentadbiran-Nya."(26)

Di dalam kisah dua ladang pula lelaki yang beriman berkata kepada temannya ketika dia berbual-bual dengannya:

أَكَفَرْتَ بِٱلَّذِى خَلَقَكَ مِن تُرَابٍ ثُمَّ مِن نُّطْفَةٍ ثُمَّ
سَوَّىٰكَ رَجُلًا ﴿٣٧﴾

"Apakah engkau tidak percaya lagi kepada Tuhan yang telah menciptakan engkau dari tanah kemudian dari nutfah kemudian dia menjadikan engkau seorang lelaki (yang sempurna)."(37)

لَّٰكِنَّا۠ هُوَ ٱللَّهُ رَبِّى وَلَآ أُشْرِكُ بِرَبِّىٓ أَحَدًا ﴿٣٨﴾

"Tetapi bagi kami Allah itulah Tuhanku dan aku tidak sekali-kali mempersekutukan Tuhanku dengan sesiapa pun."(38)

Di dalam kesimpulan kisah ini ia menyebut:

وَلَمْ تَكُن لَّهُۥ فِئَةٌ يَنصُرُونَهُۥ مِن دُونِ ٱللَّهِ وَمَا كَانَ
مُنتَصِرًا ﴿٤٣﴾

"Dan tiada satu kumpulan manusia pun yang dapat menolongnya selain dari Allah dan dia juga tidak dapat membela dirinya sendiri."(43)

هُنَالِكَ ٱلْوَلَٰيَةُ لِلَّهِ ٱلْحَقِّ ۚ هُوَ خَيْرٌ ثَوَابًا وَخَيْرٌ عُقْبًا ﴿٤٤﴾

"Di sana seluruh kuasa memberi perlindungan hanya menjadi milik Allah Yang Maha Benar sahaja. Dialah sebaik-baik pemberi ganjaran dan sebaik-baik pemberi balasan."(44)

Di dalam sebuah pemandangan dari pemandangan-pemandangan Qiamat ia menyebut:

وَيَوْمَ يَقُولُ نَادُوا۟ شُرَكَآءِىَ ٱلَّذِينَ زَعَمْتُمْ فَدَعَوْهُمْ
فَلَمْ يَسْتَجِيبُوا۟ لَهُمْ وَجَعَلْنَا بَيْنَهُم مَّوْبِقًا ﴿٥٢﴾

"Dan (kenangilah) pada hari Allah berfirman: Panggillah sekalian sekutu-sekutuku yang telah kamu dakwakan itu. Lalu mereka pun memanggil mereka, tetapi sekutu-sekutu itu tidak menyahuti panggilan mereka. Dan Kami telah jadikan di antara mereka satu tempat kebinasaan (yang dahsyat)."(52)

Di dalam satu ulasan mengenai sebuah pemandangan Qiamat yang lain ia menyebut:

أَفَحَسِبَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ أَن يَتَّخِذُوا۟ عِبَادِى مِن دُونِىٓ
أَوْلِيَآءَ ۚ إِنَّآ أَعْتَدْنَا جَهَنَّمَ لِلْكَٰفِرِينَ نُزُلًا ﴿١٠٢﴾

"Apakah orang-orang yang kafir itu menyangka bahawa mereka boleh mengambil hamba-hamba-Ku sebagai

pelindung-pelindung selain dariKu, sesungguhnya Kami telah pun menyediakan Neraka Jahannam kepada orang-orang yang kafir sebagai tempat keraian."(102)

* * * * * *

Pembetulan methodologi berfikir dapat dilihat dalam penerangan-penerangan yang mengecam dakwaan-dakwaan kaum Musyrikin yang memperkatakan sesuatu yang tidak diketahui mereka, dan mereka tidak mengemukakan sebarang hujjah terhadap fikiran yang dikatakan mereka, juga dapat dilihat pada arahan yang ditujukan kepada manusia supaya menghukumkan sesuatu mengikut apa yang diketahuinya sahaja dan tidak melebihi dari itu, dan segala perkara yang tidak diketahuinya, maka hendaklah diserahkannya kepada Allah.

Di permulaan surah ia menyebut:

وَيُنذِرَ ٱلَّذِينَ قَالُوا۟ ٱتَّخَذَ ٱللَّهُ وَلَدًا ﴿٤﴾

"Dan untuk memberi amaran kepada orang-orang yang telah berkata bahawa Allah mempunyai anak."(4)

مَّا لَهُم بِهِۦ مِنْ عِلْمٍ وَلَا لِءَابَآئِهِمْ ۚ

"(Sebenarnya) mereka tidak mempunyai sebarang ilmu pengetahuan mengenainya (perkataan itu) dan datuk nenek mereka juga tidak mempunyai ilmu pengetahuan."(5)

Pemuda-pemuda Ashabul-Kahfi berkata:

هَٰٓؤُلَآءِ قَوْمُنَا ٱتَّخَذُوا۟ مِن دُونِهِۦٓ ءَالِهَةً ۖ لَّوْلَا يَأْتُونَ
عَلَيْهِم بِسُلْطَٰنٍۭ بَيِّنٍ ۖ

"Mereka adalah kaum kami yang telah menyembah tuhan-tuhan yang lain dari Allah. Cubalah mereka buktikan (sifat ketuhanan) tuhan-tuhan yang lain itu dengan hujjah yang jelas."(15)

Ketika pemuda-pemuda itu tertanya-tanya satu sama lain tentang selama mana mereka tidur di gua itu mereka memulangkan perkara itu kepada ilmu Allah:

قَالُوا۟ رَبُّكُمْ أَعْلَمُ بِمَا لَبِثْتُمْ

"Ujar mereka: Allah Tuhan kamu sahaja yang lebih mengetahui berapa lama kamu telah tidur."(19)

Di tengah kisah itu Allah mengecam mereka yang memperkatakan tentang bilangan penghuni gua itu secara meraba-raba di dalam urusan ghaib:

سَيَقُولُونَ ثَلَٰثَةٌ رَّابِعُهُمْ كَلْبُهُمْ وَيَقُولُونَ
خَمْسَةٌ سَادِسُهُمْ كَلْبُهُمْ رَجْمًۢا بِٱلْغَيْبِ ۖ وَيَقُولُونَ
سَبْعَةٌ وَثَامِنُهُمْ كَلْبُهُمْ ۚ قُل رَّبِّىٓ أَعْلَمُ بِعِدَّتِهِم
مَّا يَعْلَمُهُمْ إِلَّا قَلِيلٌ ۗ فَلَا تُمَارِ فِيهِمْ إِلَّا مِرَآءً
ظَٰهِرًا وَلَا تَسْتَفْتِ فِيهِم مِّنْهُمْ أَحَدًا ﴿٢٢﴾

"Mereka (satu golongan Ahlil-Kitab) akan berkata bahawa jumlah mereka (Ashabul-Kahfi) tiga orang dan yang keempat ialah anjing mereka. Satu golongan pula berkata jumlah mereka lima orang dan yang keenam ialah anjing mereka semuanya meneka-neka perkara ghaib. Segolongan yang lain lagi berkata jumlah mereka tujuh orang dan yang kelapan ialah anjing mereka. Katakanlah: Tuhanku lebih mengetahui tentang bilangan mereka (yang sebenar) dan tiada yang mengetahui bilangan mereka melainkan hanya segelintir orang sahaja. Oleh itu janganlah engkau berdebat dengan mereka mengenai penghuni-penghuni gua itu kecuali perdebatan yang lahir sahaja dan janganlah engkau tanyakan seorang pun dari mereka mengenai penghuni-penghuni gua itu."(22)

Dan di dalam kisah Musa dengan hamba Allah yang soleh ketika dia menerangkan kepada beliau rahsia tindakan-tindakannya yang dikritik oleh beliau katanya:

رَحْمَةً مِّن رَّبِّكَ ۚ وَمَا فَعَلْتُهُۥ عَنْ أَمْرِى ۚ

"Sebagai rahmat dari Tuhanmu. Dan aku tidak lakukan semuanya ini mengikut fikiranku sendiri."(82)

Di sini hamba Allah yang soleh itu menyerahkan tindakan-tindakannya kepada Allah.

* * * * * *

Pembetulan nilai-nilai dengan menggunakan neraca 'aqidah telah disebut di berbagai-bagai tempat yang berasingan, di mana nilai-nilai yang haqiqi dikembalikan kepada keimanan dan amalan yang soleh, dan seluruh nilai-nilai duniawi yang lain yang menarik pemandangan manusia adalah kecil dan kerdil belaka.

Seluruh hiasan dan keindahan di muka bumi adalah diciptakan Allah untuk ujian dan dugaan, dan semuanya berakhir dengan kemusnahan belaka:

إِنَّا جَعَلْنَا مَا عَلَى ٱلْأَرْضِ زِينَةً لَّهَا لِنَبْلُوَهُمْ أَيُّهُمْ
أَحْسَنُ عَمَلًا ﴿٧﴾
وَإِنَّا لَجَٰعِلُونَ مَا عَلَيْهَا صَعِيدًا جُرُزًا ﴿٨﴾

"Sesungguhnya Kami telah jadikan segala apa yang ada di bumi sebagai hiasan-hiasan yang indah dengan tujuan untuk Kami ujikan mereka siapakah di antara mereka yang lebih baik amalannya(7). Dan sesungguhnya (ketika Qiamat kelak) Kami akan jadikan segala apa yang ada di atas bumi ini tanah rata yang keras dan tandus."(8)

Naungan Allah itu amat luas dan lapang walaupun seseorang itu berlindung di sebuah gua yang kasar dan sempit. Pemuda-pemuda yang beriman yang menjadi penghuni-penghuni gua itu berkata setelah mereka mengasingkan diri dari kaum mereka:

وَإِذِ ٱعْتَزَلْتُمُوهُمْ وَمَا يَعْبُدُونَ إِلَّا ٱللَّهَ فَأْوُۥٓا۟ إِلَى

ٱلْكَهْفِ يَنشُرْ لَكُمْ رَبُّكُم مِّن رَّحْمَتِهِۦ وَيُهَيِّئْ
لَكُم مِّنْ أَمْرِكُم مِّرْفَقًا ﴿١٦﴾

"Dan oleh sebab kamu telah mengasingkan diri dari mereka dan dari sembahan-sembahan yang disembah mereka selain dari Allah, maka (pergilah) kamu berlindung di dalam gua nescaya Allah Tuhan kamu menghamburkan rahmat-Nya ke atas kamu dan menyediakan pertolongan terhadap urusan kamu."(16)

Allah mengarahkan Rasulullah s.a.w. supaya menetapkan dirinya bersahabat setia dengan orang-orang yang beriman tanpa menghiraukan kesenangan hidup dunia dan keindahannya dan tanpa mempedulikan pencinta-pencinta hidup dunia yang lalai dari Allah:

وَٱصْبِرْ نَفْسَكَ مَعَ ٱلَّذِينَ يَدْعُونَ رَبَّهُم بِٱلْغَدَوٰةِ
وَٱلْعَشِىِّ يُرِيدُونَ وَجْهَهُۥ ۖ وَلَا تَعْدُ عَيْنَاكَ عَنْهُمْ
تُرِيدُ زِينَةَ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۖ وَلَا تُطِعْ مَنْ أَغْفَلْنَا قَلْبَهُۥ
عَن ذِكْرِنَا وَٱتَّبَعَ هَوَىٰهُ وَكَانَ أَمْرُهُۥ فُرُطًا ﴿٢٨﴾

"Dan tetapkan dirimu bersama orang-orang yang beribadat kepada Tuhan mereka pagi dan petang semata-mata kerana hendak mendapat keredhaan-Nya. Dan janganlah kedua matamu menjauhkan pandangannya dari mereka kerana berkehendak kepada kesenangan hidup dunia, dan janganlah engkau tunduk kepada kehendak orang yang telah kami lalaikan hatinya dari mengingati kami serta mengikut hawa nafsunya dan seluruh tindak-tanduknya melampaui belaka."(28)

وَقُلِ ٱلْحَقُّ مِن رَّبِّكُمْ ۖ فَمَن شَآءَ فَلْيُؤْمِن وَمَن شَآءَ
فَلْيَكْفُرْ ۚ

"Katakanlah: Kebenaran itu adalah datang dari Allah Tuhan kamu, sesiapa yang mahukan keimanan dia boleh beriman dan sesiapa yang mahu kekufuran dia boleh kufur."(29)

Kisah dua buah ladang menggambarkan bagaimana seorang yang beriman itu lebih berbangga dengan keimanannya dari harta kekayaan, pangkat kebesaran dan kesenangan hidup dunia, dan bagaimana dia menghadapi rakannya yang angkuh dan sombong terhadap kebenaran dan mengecamkannya kerana lupakan Allah:

قَالَ لَهُۥ صَاحِبُهُۥ وَهُوَ يُحَاوِرُهُۥٓ أَكَفَرْتَ بِٱلَّذِى خَلَقَكَ
مِن تُرَابٍ ثُمَّ مِن نُّطْفَةٍ ثُمَّ سَوَّىٰكَ رَجُلًا ﴿٣٧﴾
لَّٰكِنَّا۠ هُوَ ٱللَّهُ رَبِّى وَلَآ أُشْرِكُ بِرَبِّىٓ أَحَدًا ﴿٣٨﴾
وَلَوْلَآ إِذْ دَخَلْتَ جَنَّتَكَ قُلْتَ مَا شَآءَ ٱللَّهُ لَا قُوَّةَ إِلَّا
بِٱللَّهِ ۚ إِن تَرَنِ أَنَا۠ أَقَلَّ مِنكَ مَالًا وَوَلَدًا ﴿٣٩﴾
فَعَسَىٰ رَبِّىٓ أَن يُؤْتِيَنِ خَيْرًا مِّن جَنَّتِكَ وَيُرْسِلَ عَلَيْهَا
حُسْبَانًا مِّنَ ٱلسَّمَآءِ فَتُصْبِحَ صَعِيدًا زَلَقًا ﴿٤٠﴾
أَوْ يُصْبِحَ مَآؤُهَا غَوْرًا فَلَن تَسْتَطِيعَ لَهُۥ طَلَبًا ﴿٤١﴾

"Lalu temannya berkata kepadanya ketika dia berdialog dengannya: Apakah engkau tidak percaya lagi kepada Tuhan yang telah menciptakan engkau dari tanah kemudian dari nutfah kemudian Dia menjadikan engkau seorang lelaki (yang sempurna)?(37). Tetapi bagi kami Allah itulah Tuhanku dan aku tidak sekali-kali mempersekutukan Tuhanku dengan sesiapa pun(38). Sepatutnya engkau berkata sewaktu engkau memasuki ladang engkau tadi: Masya' Allah (semuanya ini adalah kurnia yang telah dikehendaki Allah) tiada daya upaya (bagiku) melainkan dengan pertolongan Allah. Jika engkau memandang aku mempunyai harta kekayaan dan anak pinak yang lebih sedikit dari-Mu(39). Maka aku harap semoga Tuhanku mengurniakan satu ni'mat yang lebih baik dari ladangmu dan menimpakannya dengan satu bencana dari langit hingga menyebabkan ladang-ladang itu menjadi tanah yang tandus licin(40). Atau air sungai ladang itu menjadi kering ditelan bumi menyebabkan engkau tidak akan dapat mencarinya lagi."(41)

Dan selepas kisah ini Al-Qur'an mengemukakan satu perbandingan mengenai kehidupan dunia yang indah dan bagaimana cepatnya ia hilang dan musnah setelah ia berkembang dengan gemilangnya.

وَٱضْرِبْ لَهُم مَّثَلَ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا كَمَآءٍ أَنزَلْنَٰهُ مِنَ
ٱلسَّمَآءِ فَٱخْتَلَطَ بِهِۦ نَبَاتُ ٱلْأَرْضِ فَأَصْبَحَ هَشِيمًا
تَذْرُوهُ ٱلرِّيَٰحُ ۗ وَكَانَ ٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ مُّقْتَدِرًا ﴿٤٥﴾

"Dan berilah satu perbandingan tentang kehidupan dunia. Ia laksana air yang Kami turunkan dari langit lalu tumbuhlah aneka tumbuhan bumi yang bersebati dengannya, kemudian ianya menjadi kering dan hancur ditiup angin dan Allah adalah Maha Kuasa di atas segala sesuatu."(45)

Kemudian Al-Qur'an iringi dengan satu kesimpulan yang menerangkan nilai-nilai yang musnah dan nilai-nilai yang kekal abadi:

ٱلْمَالُ وَٱلْبَنُونَ زِينَةُ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۖ وَٱلْبَٰقِيَٰتُ
ٱلصَّٰلِحَٰتُ خَيْرٌ عِندَ رَبِّكَ ثَوَابًا وَخَيْرٌ أَمَلًا ﴿٤٦﴾

"Harta kekayaan dan anak pinak adalah hiasan kehidupan dunia, sedangkan amalan-amalan soleh yang kekal adalah lebih baik di sisi Allah Tuhanmu dari segi balasan dan lebih baik dari segi harapan."(46)

Zul-Qarnayn tidak disebut kerana beliau seorang raja, tetapi beliau disebut kerana amalan-amalannya yang soleh. Ketika satu kaum yang ditemui beliau tinggal di antara dua tembok itu menawarkan kepada beliau supaya beliau membina sebuah tembok untuk

melindungi mereka dari serangan Ya'juj dan Ma'juj dengan upahan sekian banyak harta, beliau telah menolak upahan itu kerana kedudukan beliau yang kuat yang telah dikurniakan Allah kepadanya adalah lebih baik dari harta mereka.

قَالَ مَا مَكَّنِّي فِيهِ رَبِّي خَيْرٌ

"Ujar Zul-Qarnayn: Ni'mat kedudukan yang kuat yang dikurniakan Tuhanku kepadaku itu adalah lebih baik (dari bayaran upahan)."(95)

Apabila pembinaan tembok itu selesai beliau memulangkan perkara itu kepada Allah bukannya kepada kekuatan beliau sebagai manusia:

قَالَ هَٰذَا رَحْمَةٌ مِّن رَّبِّي ۖ فَإِذَا جَاءَ وَعْدُ رَبِّي جَعَلَهُ دَكَّاءَ ۖ وَكَانَ
وَعْدُ رَبِّي حَقًّا ﴿٩٨﴾

"Ujar Zul-Qarnayn: (Tembok) ini adalah rahmat dari Tuhanku. Dan apabila tiba janji Tuhanku Dia akan jadikannya hancur lebur, dan sesungguhnya janji Tuhanku itu adalah benar."(98)

Pada penghabisan surah ini Al-Qur'an menjelaskan bahawa manusia yang paling rugi dan sia-sia amalannya ialah orang-orang yang tidak percaya kepada ayat-ayat Allah dan kepada pertemuan dengan-Nya. Merekalah manusia yang tidak mendapat sebarang pertimbangan dan penilaian dari Allah walaupun mereka menyangka bahawa mereka telah melaksanakan kerja-kerja yang baik:

قُلْ هَلْ نُنَبِّئُكُم بِالْأَخْسَرِينَ أَعْمَالًا ﴿١٠٣﴾
الَّذِينَ ضَلَّ سَعْيُهُمْ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَهُمْ يَحْسَبُونَ أَنَّهُمْ
يُحْسِنُونَ صُنْعًا ﴿١٠٤﴾
أُولَٰئِكَ الَّذِينَ كَفَرُوا بِآيَاتِ رَبِّهِمْ وَلِقَائِهِ فَحَبِطَتْ
أَعْمَالُهُمْ فَلَا نُقِيمُ لَهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَزْنًا ﴿١٠٥﴾

"Katakanlah: Adakah kamu suka Kami memberitahu kepada kamu tentang orang-orang yang paling rugi amalan-amalannya(103). Iaitu orang-orang yang sia-sia segala usaha mereka dalam kehidupan dunia, sedangkan mereka menyangka bahawa mereka telah melakukan amalan-amalan yang baik(104). Merekalah orang-orang yang tidak mempercayai ayat-ayat Allah Tuhan mereka dan pertemuan mereka dengan-Nya lalu sia-sialah amalan-amalan mereka, oleh itu Kami tidak akan memberi apa-apa penilaian terhadap mereka."(105)

Demikianlah kita dapati bahawa yang menjadi paksi maudhu'-maudhu' pembicaraan surah ini ialah pembetulan 'aqidah, pembetulan methodologi berfikir dan pembetulan nilai-nilai dengan menggunakan neraca 'aqidah.

* * * * * *

Penerangan-penerangan surah ini berlegar di sekitar maudhu'-maudhu' yang pokok ini dalam empat pusingan yang berturut-turut.

Surah ini dimulai dengan memuji Allah S.W.T. yang telah menurunkan kitab suci kepada hamba-Nya untuk menyampaikan amaran dan berita gembira, iaitu menyampaikan berita gembira kepada orang-orang yang beriman dan menyampaikan amaran kepada orang-orang yang berkata bahawa Allah itu mempunyai anak. Kemudian menjelaskan bahawa segala hiasan dan keindahan di atas muka bumi ini adalah untuk ujian dan dugaan. Segala-galanya itu pada akhirnya akan hilang dan musnah belaka. Kemudian diiringi dengan kisah Ashabul-Kahfi. Kisah ini merupakan satu contoh pengutamaan iman dari keindahan hidup dunia yang palsu dan bagaimana kesanggupan mereka berlindung pada rahmat Allah di dalam sebuah gua kerana menyelamatkan keimanan mereka dari diganggu gugat.

Pusingan yang kedua dimulai dengan memerintah Rasulullah s.a.w. supaya menetapkan dirinya bersahabat setia dengan orang-orang yang patuh berdo'a kepada Allah Tuhan mereka pagi dan petang untuk mencari keredhaan-Nya dan supaya jangan memperdulikan orang-orang yang lalai dari menyebut Allah. Kemudian diceritakan pula kisah dua buah ladang yang menggambarkan bagaimana kebanggaan hati seorang yang beriman kepada Allah dan bagaimana dia memandang kecil kepada segala nilai-nilai keduniaan. Setelah itu pusingan ini ditamatkan dengan menjelaskan nilai-nilai haqiqi yang kekal abadi.

Pusingan yang ketiga mengandungi beberapa pemandangan yang berhubung rapat dengan pemandangan-pemandangan Qiamat yang diselingi dengan imbasan kisah Adam dan Iblis. Kemudian ia berakhir dengan penjelasan mengenai Sunnatullah yang tetap membinasakan orang-orang yang zalim, juga tentang rahmat Allah dan tangguhan 'azab-Nya terhadap orang-orang yang berdosa sehingga kepada masa yang tertentu.

Kisah Musa a.s. dengan hamba yang soleh dimuatkan dalam pusingan yang keempat sementara kisah Zul-Qarnayn dimuat di dalam pusingan yang kelima.

Kemudian surah ini ditamatkan dengan penerangan yang sama dengan penerangan di permulaan surah iaitu penerangan yang menyampaikan berita gembira kepada orang-orang yang beriman dan amaran kepada orang-orang yang kafir di samping menthabitkan wahyu dan membersihkan Allah dari syirik.

Marilah kita huraikan pusingan pertama dengan terperinci:

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 8)

ٱلۡحَمۡدُ لِلَّهِ ٱلَّذِيٓ أَنزَلَ عَلَىٰ عَبۡدِهِ ٱلۡكِتَٰبَ وَلَمۡ يَجۡعَل
لَّهُۥ عِوَجَاۜ ١
قَيِّمٗا لِّيُنذِرَ بَأۡسٗا شَدِيدٗا مِّن لَّدُنۡهُ وَيُبَشِّرَ
ٱلۡمُؤۡمِنِينَ ٱلَّذِينَ يَعۡمَلُونَ ٱلصَّٰلِحَٰتِ أَنَّ لَهُمۡ
أَجۡرًا حَسَنٗا ٢
مَّٰكِثِينَ فِيهِ أَبَدٗا ٣
وَيُنذِرَ ٱلَّذِينَ قَالُواْ ٱتَّخَذَ ٱللَّهُ وَلَدٗا ٤
مَّا لَهُم بِهِۦ مِنۡ عِلۡمٖ وَلَا لِأٓبَآئِهِمۡۚ كَبُرَتۡ كَلِمَةٗ
تَخۡرُجُ مِنۡ أَفۡوَٰهِهِمۡۚ إِن يَقُولُونَ إِلَّا كَذِبٗا ٥
فَلَعَلَّكَ بَٰخِعٞ نَّفۡسَكَ عَلَىٰٓ ءَاثَٰرِهِمۡ إِن لَّمۡ يُؤۡمِنُواْ
بِهَٰذَا ٱلۡحَدِيثِ أَسَفًا ٦
إِنَّا جَعَلۡنَا مَا عَلَى ٱلۡأَرۡضِ زِينَةٗ لَّهَا لِنَبۡلُوَهُمۡ أَيُّهُمۡ
أَحۡسَنُ عَمَلٗا ٧
وَإِنَّا لَجَٰعِلُونَ مَا عَلَيۡهَا صَعِيدٗا جُرُزًا ٨

"Segala sanjungan terpulang kepada Allah yang telah menurunkan kitab Al-Qur'an kepada hamba-Nya (Muhammad) dan tidak menjadikan padanya sebarang ajaran yang berbelit-belit(1). Sebuah kitab yang begitu lurus untuk menyampaikan amaran keseksaan yang amat keras dari sisi Allah dan menyampaikan berita gembira kepada para Mu'minin yang mengerjakan amalan-amalan yang soleh bahawa mereka akan memperolehi pahala yang baik(2). Iaitu pahala Syurga, di mana mereka akan tinggal tetap untuk selama-lamanya(3). Dan untuk memberi amaran kepada orang-orang yang telah berkata bahawa Allah mempunyai anak(4). (Sebenarnya) mereka tidak mempunyai sebarang ilmu pengetahuan mengenainya (perkataan itu) dan datuk nenek mereka juga tidak mempunyai ilmu pengetahuan. Alangkah besar kata-kata yang terkeluar dari mulut mereka sedangkan apa yang dikatakan(5). Mungkin engkau hendak membunuh dirimu kerana dukacita terhadap kesan-kesan perbuatan mereka yang tidak mahu beriman kepada Al-Qur'an ini(6). Sesungguhnya Kami telah jadikan segala apa yang ada di bumi sebagai hiasan-hiasan yang indah dengan tujuan untuk Kami ujikan mereka siapakah di antara mereka yang lebih baik amalannya(7). Dan sesungguhnya (ketika Qiamat kelak) Kami akan jadikan segala apa yang ada di atas bumi ini tanah rata yang keras dan tandus."(8)

Ayat permulaan mengandungi penonjolan sifat lurus dan tegas di samping memuji Allah yang telah menurunkan kitab suci Al-Qur'an kepada hamba-Nya yang membawa, ajaran yang lurus tanpa berbelit-belit dan menyeleweng dan tanpa bertujuan mengambil hati sesiapa, malah bertujuan:

لِّيُنذِرَ بَأۡسٗا شَدِيدٗا مِّن لَّدُنۡهُ

"Untuk menyampaikan amaran keseksaan yang amat keras dari sisi Allah."(2)

Dari ayat pertama lagi sudah ternyata garis-garis sifatnya yang jelas, iaitu tidak ada sebarang kekeliruan dan kesamaran di dalam 'aqidah. Allahlah yang telah menurunkan Al-Qur'an ini dan segala sanjungan terpulang kepada-Nya yang telah menurunkannya. Muhammad itulah yang dimaksudkan dengan hamba Allah. Seluruh makhluk insan adalah hamba Allah belaka dan Allah sama sekali tidak mempunyai anak dan tidak pula mempunyai sekutu.

Al-Qur'an tidak membawa sebarang ajaran yang berbelit-belit. Ajarannya adalah:

قَيِّمٗا

"Sebuah kitab yang begitu lurus."(2)

Konsep kelurusan Al-Qur'an ini sekali dinyatakan dengan ungkapan yang menafikan sifat yang berbelit-belit, dan sekali pula dengan ungkapan yang menegaskan sifat kelurusan itu sendiri untuk menguat dan menekankan konsep kelurusan ini.

Tujuan diturunkan kitab suci Al-Qur'an itu amat jelas sekali iaitu:

لِّيُنذِرَ بَأۡسٗا شَدِيدٗا مِّن لَّدُنۡهُ وَيُبَشِّرَ
ٱلۡمُؤۡمِنِينَ ٱلَّذِينَ يَعۡمَلُونَ ٱلصَّٰلِحَٰتِ أَنَّ لَهُمۡ
أَجۡرًا حَسَنٗا ٢

"Untuk menyampaikan amaran keseksaan yang amat keras dari sisi Allah dan menyampaikan berita gembira kepada para Mu'minin yang mengerjakan amalan-amalan yang soleh bahawa mereka akan memperolehi pahala yang baik."(2)

Suasana amaran yang keras itu menyelubungi seluruh penerangan ayat itu. Mula-mula amaran itu dibuat secara umum iaitu:

لِّيُنذِرَ بَأۡسٗا شَدِيدٗا مِّن لَّدُنۡهُ

"Untuk menyampaikan amaran keseksaan yang amat keras dari sisi Allah"(2)

kemudian ia kembali pula membuat amaran secara khusus:

وَيُنذِرَ ٱلَّذِينَ قَالُواْ ٱتَّخَذَ ٱللَّهُ وَلَدٗا ٤

"Dan untuk memberi amaran kepada orang-orang yang telah berkata bahawa Allah mempunyai anak."(4)

Dan di antara dua amaran itu diselitkan penyampaian berita kepada orang-orang yang beriman:

ٱلَّذِينَ يَعْمَلُونَ ٱلصَّٰلِحَٰتِ

"Yang mengerjakan amalan-amalan yang soleh."(2)

Sifat inilah yang menjadikan iman itu mempunyai bukti-bukti amali yang ketara yang bersandarkan realiti yang kuat.

Kemudian Al-Qur'an mula menjelaskan methodologi yang salah digunakan oleh mereka dalam memutus dan menilaikan persoalan yang paling besar dan penting, iaitu persoalan 'aqidah:

مَّا لَهُم بِهِۦ مِنْ عِلْمٍ وَلَا لِءَابَآئِهِمْ ۚ

"(Sebenarnya) mereka tidak mempunyai sebarang ilmu pengetahuan mengenainya (perkataan itu) dan datuk nenek mereka juga tidak mempunyai ilmu."(5)

Alangkah keji dan buruknya perbuatan mereka meluahkan perkataan ini tanpa berpedomankan ilmu pengetahuan, malah secara serampangan sahaja:

كَبُرَتْ كَلِمَةً تَخْرُجُ مِنْ أَفْوَٰهِهِمْ ۚ إِن يَقُولُونَ إِلَّا كَذِبًا ﴿٥﴾

"Alangkah besar kata-kata yang terkeluar dari mulut mereka sedangkan apa yang dikatakan mereka tidak lain melainkan hanya dusta semata-mata."(5)

Semua kata-kata di dalam susunan ungkapan ini dan semua bunyinya dalam pertuturan adalah turut bekerjasama membesar-besarkan kejelikan perkataan yang diucapkan mereka. Ia dimulakan dengan kata-kata ((كبرت)) - *"Alangkah besar...(5)"* untuk mengemukakan kepada pendengar betapa besarnya kejelikan perkataan itu hingga memenuhi suasana. Kemudian ia menjadikan kalimat (perkataan yang besar) itu sebagai tamyiz (kata penjelasan mengikut kaedah ilmu nahu) iaitu ((كبرت كلمة)) - *"Alangkah besarnya kata-kata....(5)"* untuk menambahkan tekanan bagi menarik perhatian mereka. Ia menjadikan perkataan itu terlancar keluar dari mulut mereka secara serampangan dan terburu-buru ((تخرج من أفواههم)) - *"Terkeluar dari mulut mereka.(5)"*.

Kata-kata "أفواههم" memberi sumbangan dengan bunyinya yang istimewa dalam membesarkan kejelikan kata-kata itu diluahkan mereka, kerana orang yang melafazkan kata-kata "أفواههم" itu akan membuka mulutnya membunyikan mad pada potongan pertamanya "afwa...." kemudian membunyikan dua Ha'nya yang berturut-turut menyebabkan seluruh mulutnya dipenuhi dua Ha'(ه) itu sebelum ditutupkannya kerana membunyikan huruf Mim(م) di akhir kata-kata itu "أفواههم". Dengan itu seluruh susunan rangkaian ayat ini dengan bunyi kata-katanya turut serta dalam menggambarkan maksud dan melukiskan suasana. Kemudian diiringi dengan sebuah pernyataan yang tegas melalui penafian "النفي" dan pengecualian "الإستثناء":

إِن يَقُولُونَ إِلَّا كَذِبًا ﴿٥﴾

"Sedangkan apa yang dikatakan mereka tidak lain melainkan hanya dusta semata-mata."(5)

Ia memilih kata-kata "إن" bukan kata-kata "ما" kerana kata-kata pertama mempunyai bunyi mati yang keras dan jelas, sedangkan kata-kata "ma"(ما) mempunyai bunyi yang agak lembut dengan sebab mad. Tujuan pemilihan itu untuk menambahkan kekerasan kecaman itu dan menambahkan ketegasan pembohongan perkataan yang amat besar itu.

* * * * * *

Dengan ungkapan yang seakan-akan menegur, Allah berbicara dengan Rasulullah s.a.w. yang sedang merasasedih kerana kaumnya mendustakan Al-Qur'an, menolak hidayat dan memilih jalan yang diketahui oleh beliau sebagai jalan yang akan membawa mereka kepada kebinasaan.... dengan ungkapan yang seakan-akan menegur, Allah berfirman kepada Rasulullah s.a.w.:

فَلَعَلَّكَ بَٰخِعٌ نَّفْسَكَ عَلَىٰٓ ءَاثَٰرِهِمْ إِن لَّمْ يُؤْمِنُوا۟ بِهَٰذَا ٱلْحَدِيثِ أَسَفًا ﴿٦﴾

"Mungkin engkau hendak membunuh dirimu kerana dukacita terhadap kesan-kesan perbuatan mereka yang tidak mahu beriman kepada Al-Qur'an ini."(6)

Maksudnya, boleh jadi engkau hendak membunuh dirimu kerana sedih dan dukacita terhadap mereka yang tidak beriman kepada Al-Qur'an, sedangkan mereka tidak wajar dukacitakan engkau, malah tinggalkan mereka begitu, kerana kami telah menjadikan seluruh keindahan dan keni'matan yang ada di muka bumi ini termasuk harta kekayaan dan anak-anak untuk menguji penghuni-penghuninya supaya ternyata siapakah di antara mereka yang melakukan amalan-amalan yang baik di dunia ini dan wajar menerima ni'mat-ni'matnya sebagaimana mereka wajar pula menerima ni'mat di Akhirat kelak:

إِنَّا جَعَلْنَا مَا عَلَى ٱلْأَرْضِ زِينَةً لَّهَا لِنَبْلُوَهُمْ أَيُّهُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا ﴿٧﴾

"Sesungguhnya Kami telah jadikan segala apa yang ada di bumi sebagai hiasan-hiasan yang indah dengan tujuan untuk Kami ujikan mereka siapakah di antara mereka yang lebih baik amalannya."(7)

Dan hanya Allah sahaja yang mengetahui (siapakah mereka?), tetapi Allah tetap membalas setiap perbuatan dan amalan yang telah dilakukan oleh para hamba-Nya dalam hidup dunia ini.

Al-Qur'an tidak menyebut apa-apa tentang mereka yang tidak mengerjakan amalan-amalan yang baik kerana pengertian yang dapat difaham dari ungkapan ini amat jelas.

Kesudahan keindahan dan hiasan hidup dunia ini telah pun ditentukan, iaitu bumi akan kembali kosong darinya dan seluruh penghuninya akan binasa dan bumi akan jadi tandus, gersang, kasar dan kering kontang menjelang hari Qiamat.

وَإِنَّا لَجَٰعِلُونَ مَا عَلَيْهَا صَعِيدًا جُرُزًا ﴿٨﴾

"Dan sesungguhnya (ketika Qiamat kelak) Kami akan jadikan segala apa yang ada di atas bumi ini tanah rata yang keras dan tandus."(8)

Ungkapan dan pemandangan yang dilukiskan ini membayangkan satu keadaan yang dahsyat. Kata "جرزاً" membayangkan pengertian tandus dengan bunyi kata-kata itu sendiri, begitu juga kata-kata "صعيداً" menggambarkan pemandangan tanah rata dan keras.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 9 - 18)

Cerita Ashabul-Kahfi Mengikut Al-Qur'an

Kemudian diceritakan pula kisah Ashabul-Kahfi, di mana ditayangkan contoh keimanan yang unggul di dalam jiwa para Mu'minin. Bagaimana mereka begitu kukuh dan yakin dengan keimanan itu hingga mereka mengutamakannya dari segala hiasan dan kesenangan hidup di dunia dan sanggup mencari perlindungan di dalam sebuah gua apabila mereka merasa sulit untuk hidup dengan keimanan itu bersama orang ramai, dan bagaimana Allah memelihara orang-orang yang beriman ini dan menyelamatkan mereka dari penindasan serta menyelubungi mereka dengan limpah rahmat-Nya.

Kisah Ashabul-Kahfi ini mempunyai berbagai-bagai riwayat dan pendapat. Ia diceritakan di dalam buku-buku lama dan di dalam dongeng-dongeng dengan berbagai cerita, tetapi dalam memperkatakan kisah ini kami hanya berhenti setakat apa yang telah diterangkan oleh Al-Qur'an sahaja, kerana ia adalah satu-satunya sumber yang diyakinkan kebenarannya dan kami ketepikan segala riwayat-riwayat dan dongeng-dongeng yang telah menyusup ke dalam kitab-kitab tafsir tanpa sanad yang sahih kerana Al-Qur'anul-Karim sendiri melarang bertanya kepada pihak yang lain dari Al-Qur'an mengenai kisah ini. Dan melarang dari berbahas dan berdebat secara meraba-raba di dalam urusan ghaib.

Ada riwayat yang menyebut sebab turunnya kisah ini dan sebab turunnya kisah Zul-Qarnayn, iaitu orang-orang Yahudi telah menghasut orang-orang Makkah supaya bertanya kepada Rasulullah s.a.w. mengenai dua kisah itu juga mengenai hakikat roh, atau orang-orang Makkah telah meminta orang-orang Yahudi mengadakan soalan-soalan untuk mereka supaya mereka dapat menguji Rasulullah s.a.w. Mungkin semuanya atau separuhnya benar kerana pada permulaan kisah Zul-Qarnayn disebut:

وَيَسْـَٔلُونَكَ عَن ذِى ٱلْقَرْنَيْنِ ۖ قُلْ سَأَتْلُوا۟ عَلَيْكُم مِّنْهُ ذِكْرًا ﴿٨٣﴾

"Dan mereka bertanya kepadamu tentang Zul-Qarnayn, jawablah: Aku akan bacakan kepadamu sebahagian dari ceritanya."(83)

Tetapi isyarat yang seperti ini tidak disebut pada kisah Ashabul-Kahfi. Oleh itu kita akan terus menceritakan kisah itu sendiri dan ia mempunyai pertalian yang rapat dengan paksi surah ini sebagaimana telah kami terangkan.

* * * * * *

Cara yang diikuti dalam pembentangan kisah ini dari sudut kesenian ialah pertama cara penyaringan kisah secara umum dan pada akhirnya ialah pembentangan kisah secara terperinci. Ia dibentangkan dalam bentuk pemandangan-pemandangan dan di celah-celah pemandangan-pemandangan itu ditinggalkan ruang-ruang kosong yang dapat dimengerti sendiri dari susunan ayat-ayat itu.[1] Ia dimulakan begini:

أَمْ حَسِبْتَ أَنَّ أَصْحَٰبَ ٱلْكَهْفِ وَٱلرَّقِيمِ كَانُوا۟ مِنْ ءَايَٰتِنَا عَجَبًا ﴿٩﴾
إِذْ أَوَى ٱلْفِتْيَةُ إِلَى ٱلْكَهْفِ فَقَالُوا۟ رَبَّنَآ ءَاتِنَا مِن لَّدُنكَ رَحْمَةً وَهَيِّئْ لَنَا مِنْ أَمْرِنَا رَشَدًا ﴿١٠﴾
فَضَرَبْنَا عَلَىٰٓ ءَاذَانِهِمْ فِى ٱلْكَهْفِ سِنِينَ عَدَدًا ﴿١١﴾
ثُمَّ بَعَثْنَٰهُمْ لِنَعْلَمَ أَىُّ ٱلْحِزْبَيْنِ أَحْصَىٰ لِمَا لَبِثُوٓا۟ أَمَدًا ﴿١٢﴾

"Apakah engkau mengira kisah Ashabul-Kahfi dan ar-Raqim itu sahaja merupakan satu bukti yang mena'jubkan di antara bukti-bukti (kekuasaan) Kami yang lain? (9). (Kenangilah) ketika pemuda-pemuda itu berlindung di sebuah gua lalu mereka berdo'a: Wahai Tuhan kami! Kurniakan kami rahmat-Mu yang limpah dan sediakan untuk kami kemudahan dan taufiq dalam urusan kami (10). Lalu Kami pertidurkan mereka di dalam gua itu bertahun-tahun lamanya(11). Kemudian kami bangkitkan mereka dari tidur itu untuk Kami ujikan siapakah di antara dua golongan itu yang lebih tepat kiraannya tentang selama mana mereka tinggal di sana."(12)

Inilah saringan kisah secara umum, di mana dilukiskan garis-garis pokok kisah yang panjang lebar itu. Dari saringan ini kita dapat mengetahui bahawa para penghuni gua itu adalah terdiri daripada pemuda-pemuda yang kita tidak mengetahui bilangan

---

[1] *Lihat bab* القصة في القرآن *dalam buku* التصوير الفني في القرآن

mereka. Mereka adalah pemuda-pemuda yang beriman yang berlindung di sebuah gua dan Allah telah menidurkan mereka bertahun-tahun lamanya dan kita tidak tahu berapa banyak jumlahnya, kemudian mereka dibangkitkan semula dari tidur mereka yang lama itu, dan di sana terdapat dua golongan yang bertelingkah pendapat mengenai mereka. Setelah mereka tidur dalam gua itu sekian lama, mereka dibangunkan kembali supaya dapat diketahui manakah di antara dua golongan itu yang lebih halus kiraannya? Walaupun kisah mereka merupakan satu kisah yang ajaib dan aneh, namun ia bukanlah merupakan bukti-bukti kekuasaan Allah yang paling ajaib dan aneh, kerana di lembaran-lembaran dan di celah-celah alam buana ini terdapat berbagai-bagai keajaiban dan keanehan yang mengatasi kisah Ashabul-Kahfi dan ar-Raqim[2] itu lagi.

Setelah dibentangkan saringan kisah yang menarik ini, mulailah ayat-ayat berikut menghuraikan kisah itu dengan terperinci. Ia dimulai dengan penjelasan bahawa segala apa yang akan dikisahkan Allah itu merupakan keterangan muktamad di antara berbagai-bagai cerita yang bertentangan satu sama lain itu. Ia merupakan keterangan benar yang diyakinkan kebenarannya:

نَّحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ نَبَأَهُم بِالْحَقِّ ۚ إِنَّهُمْ فِتْيَةٌ آمَنُوا
بِرَبِّهِمْ وَزِدْنَاهُمْ هُدًى ﴿١٣﴾
وَرَبَطْنَا عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ إِذْ قَامُوا فَقَالُوا رَبُّنَا رَبُّ
السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ لَن نَّدْعُوَ مِن دُونِهِ إِلَٰهًا ۖ
لَّقَدْ قُلْنَا إِذًا شَطَطًا ﴿١٤﴾
هَٰؤُلَاءِ قَوْمُنَا اتَّخَذُوا مِن دُونِهِ آلِهَةً ۖ لَّوْلَا يَأْتُونَ
عَلَيْهِم بِسُلْطَانٍ بَيِّنٍ ۖ فَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ افْتَرَىٰ عَلَى
اللَّهِ كَذِبًا ﴿١٥﴾
وَإِذِ اعْتَزَلْتُمُوهُمْ وَمَا يَعْبُدُونَ إِلَّا اللَّهَ فَأْوُوا إِلَى
الْكَهْفِ يَنشُرْ لَكُمْ رَبُّكُم مِّن رَّحْمَتِهِ وَيُهَيِّئْ
لَكُم مِّنْ أَمْرِكُم مِّرْفَقًا ﴿١٦﴾

"Kami mahu mengisahkan kepadamu cerita mereka yang sebenar. Mereka adalah sekumpulan pemuda-pemuda yang telah beriman kepada Allah Tuhan mereka dan kami telah menambahkan lagi hidayat kepada mereka(13). Dan Kami telah meneguhkan hati mereka ketika mereka bangkit lalu berkata: Tuhan kami ialah Tuhan yang memiliki langit dan bumi. Kami tidak akan menyembah tuhan yang lain dari-Nya. (Seandainya kami menyembah yang lain dari-Nya) bererti kami telah mengatakan satu penyelewengan yang amat jauh(14). Mereka adalah kaum kami yang telah menyembah tuhan-tuhan yang lain dari Allah. Cubalah mereka buktikan (sifat ketuhanan) tuhan-tuhan yang lain itu dengan hujjah yang jelas. Tidak ada orang yang lebih zalim dari orang-orang yang melakukan pembohongan terhadap Allah(15). Dan oleh sebab kamu telah mengasingkan diri dari mereka dan dari sembahan-sembahan yang disembah mereka selain dari Allah, maka (pergilah) kamu berlindung di dalam gua nescaya Allah Tuhan kamu menghamburkan rahmat-Nya ke atas kamu dan menyediakan pertolongan terhadap urusan kamu."(16)

Inilah pemandangan pertama dari pemandangan-pemandangan kisah itu:

إِنَّهُمْ فِتْيَةٌ آمَنُوا بِرَبِّهِمْ

"Mereka adalah sekumpulan pemuda-pemuda yang telah beriman kepada Allah Tuhan mereka"(13)

dan:

وَزِدْنَاهُمْ هُدًى ﴿١٣﴾

"Dan kami telah menambahkan lagi hidayat kepada mereka"(13)

dengan memberi ilham dan bimbingan kepada mereka bagai-mana seharusnya mereka mengendalikan urusan mereka:

وَرَبَطْنَا عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ

"Dan Kami telah meneguhkan hati mereka..."(14)

hati mereka menjadi kukuh, teguh, yakin kepada kebenaran yang dikecapinya dan berbangga dengan keimanan yang dipilih mereka.

إِذْ قَامُوا

"Ketika mereka bangkit."(14)

Pergerakan bangun merupakan satu harakat yang membayangkan keazaman dan ketabahan.

فَقَالُوا رَبُّنَا رَبُّ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ

"Lalu berkata: Tuhan kami ialah Tuhan memiliki langit dan bumi."

Dia adalah Tuhan semesta alam buana ini:

لَن نَّدْعُوَ مِن دُونِهِ إِلَٰهًا

"Kami tidak akan menyembah tuhan yang lain dari-Nya."(14)

Yakni dia adalah Tuhan Yang Maha Esa tanpa sebarang sekutu.

لَّقَدْ قُلْنَا إِذًا شَطَطًا ﴿١٤﴾

---

2 *"الرقيم"(Ar-Raqim) biasanya ialah batu bersurat yang mencatatkan nama-nama mereka dan mungkin batu ini diletakkan di atas pintu gua di tempat mereka ditemui.*

"....(Seandainya kami menyembah yang lain dari-Nya), bererti kami telah mengatakan satu penyelewengan yang amat jauh."(14)

Bererti kami telah melampaui kebenarannya dan menyeleweng dari jalan yang betul.

Kemudian mereka menoleh kepada kepercayaan yang dipegang oleh kaum mereka lalu mereka mengecamkannya dan mengecamkan cara berfikir yang digunakan mereka dalam membentuk 'aqidah mereka:

هَٰٓؤُلَآءِ قَوۡمُنَا ٱتَّخَذُواْ مِن دُونِهِۦٓ ءَالِهَةٗۖ لَّوۡلَا يَأۡتُونَ
عَلَيۡهِم بِسُلۡطَٰنِۢ بَيِّنٖۖ

"Mereka adalah kaum kami yang telah menyembah tuhan-tuhan yang dari Allah. Cubalah mereka buktikan (sifat ketuhanan) tuhan-tuhan yang lain itu dengan hujjah yang jelas."(15)

Inilah jalan 'aqidah yang sebenar. Seorang itu hendaklah mempunyai hujjah yang kuat yang dapat dijadikan sandarannya dan mempunyai dalil dan bukti yang dapat mempengaruhi hati dan akal. Jika tidak, maka ia hanya merupakan satu pembohongan yang amat keji kerana ia merupakan satu pembohongan terhadap Allah:

فَمَنۡ أَظۡلَمُ مِمَّنِ ٱفۡتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبٗا ﴿١٥﴾

"Tidak ada orang yang lebih zalim dari orang-orang yang melakukan pembohongan terhadap Allah."(15)

Di sini ternyatalah bagaimana jelas dan tegasnya pendirian pemuda-pemuda itu. Mereka tidak ragu-ragu dan teragak-agak. Mereka adalah anak-anak muda yang kuat tubuh badan, kuat iman dan pendirian. Mereka membantah dan mengecam kepercayaan yang dipegang oleh kaum mereka.

Kini perbezaan di antara dua jalan itu telah ternyata begitu jelas, kedua-dua cara i'tikad itu telah bercanggah begitu nyata. Oleh itu di sana tiada lagi titik-titik pertemuan dan jalan hidup bersama. Mereka pasti melarikan diri menyelamatkan 'aqidah mereka, kerana mereka bukannya rasul-rasul yang diutuskan Allah kepada kaum mereka untuk menghadapi mereka dengan 'aqidah yang benar dan menyeru mereka kepadanya serta bersedia menerima segala akibat yang biasa diterima olehpara rasul, tetapi mereka hanya pemuda-pemuda yang mendapat hidayat dalam masyarakat yang zalim dan kafir, di mana mereka tidak dapat hidup jika mereka mengisytiharkan 'aqidah mereka secara terang-terangan. Di samping itu mereka juga tidak sanggup menurut liut dan bermuka-muka dengan kaum mereka, iaitu dengan menyembah sembahan-sembahan yang disembah mereka dengan tujuan menyelamatkan diri dan menyembunyikan ibadat mereka kepada Allah. Menurut pendapat yang lebih rajih rahsia keimanan mereka telah terbuka dan tiada jalan yang lain bagi mereka melainkan melarikan diri mencari perlindungan Allah untuk menyelamatkan agama mereka. Mereka redha memilih gua dari kesenangan dan keni'matan hidup yang indah. Mereka telah mengambil kata sepakat ketika mereka berbincang secara sulit sesama mereka:

وَإِذِ ٱعۡتَزَلۡتُمُوهُمۡ وَمَا يَعۡبُدُونَ إِلَّا ٱللَّهَ فَأۡوُۥٓاْ إِلَى
ٱلۡكَهۡفِ يَنشُرۡ لَكُمۡ رَبُّكُم مِّن رَّحۡمَتِهِۦ وَيُهَيِّئۡ
لَكُم مِّنۡ أَمۡرِكُم مِّرۡفَقٗا ﴿١٦﴾

"Dan oleh sebab kamu telah mengasingkan diri dari mereka dan dari sembahan-sembahan yang disembah mereka selain dari Allah, maka (pergilah) kamu berlindung di dalam gua nescaya Allah Tuhan kamu menghamburkan rahmat-Nya ke atas kamu dan menyediakan pertolongan terhadap urusan kamu."(16)

Di sinilah terdedahnya ketakjuban mengenai hati pemuda-pemuda yang beriman yang telah mengasingkan diri dari kaum mereka, meninggalkan kampung halaman mereka, berpisah dari kaum keluarga mereka dan membuang segala keindahan dan keni'matan hidup dunia lalu berlindung di gua yang sempit, kasar dan gelap itu .... mereka sebenarnya merasa begitu senang dengan rahmat Allah. Mereka merasa rahmat itu begitu teduh, selesa dan luas:

يَنشُرۡ لَكُمۡ رَبُّكُم مِّن رَّحۡمَتِهِۦ

".....nescaya Allah Tuhan kamu menghamburkan rahmat-Nya ke atas kamu....."(16)

Kata-kata "ينشر" (menghamburkan) membayangkan suasana luas, selesa dan lega, iaitu gua (yang sempit itu) menjadi tempat yang lapang, di mana terhamburnya rahmat Allah, terhurai benang-benangnya yang panjang dan terkembang bayang-bayangnya yang teduh merangkuli mereka dengan rangkulan yang lemah-lembut. Batas-batas gua yang sempit terbuka luas dan dinding-dindingnya yang keras menjadi lembut dan suasana sunyi sepi menjadi suasana tenang yang jernih hening. Seluruhnya membayangkan rahmat, kelembutan, kerehatan dan keselesaan.

Itulah keimanan.

Apakah harga kulit-kulit hidup yang lahir? Apakah harga nilai-nilai hidup, undang-undang, peraturan-peraturan dan pengertian-pengertian yang lumrah diikuti orang ramai di dalam kehidupan mereka di dunia ini? Sebenarnya di sana ada sebuah alam yang lain di ruang hati manusia yang dipenuhi keimanan dan hubungan mesra dengan Allah Yang Maha Penyayang, iaitu sebuah alam yang dinaungi rahmat, kelembutan, ketenteraman dan kerelaan.

Kemudian tirai dilabuhkan menutupi pemandangan ini dan disingkapkan kembali untuk menayangkan satu senario yang lain, di mana anak-anak muda itu telah dipertidurkan Allah.

وَتَرَى ٱلشَّمۡسَ إِذَا طَلَعَت تَّزَٰوَرُ عَن كَهۡفِهِمۡ
ذَاتَ ٱلۡيَمِينِ وَإِذَا غَرَبَت تَّقۡرِضُهُمۡ ذَاتَ ٱلشِّمَالِ
وَهُمۡ فِي فَجۡوَةٖ مِّنۡهُۚ ذَٰلِكَ مِنۡ ءَايَٰتِ ٱللَّهِۗ مَن يَهۡدِ
ٱللَّهُ فَهُوَ ٱلۡمُهۡتَدِۖ وَمَن يُضۡلِلۡ فَلَن تَجِدَ لَهُۥ وَلِيّٗا
مُّرۡشِدٗا ﴿١٧﴾
وَتَحۡسَبُهُمۡ أَيۡقَاظٗا وَهُمۡ رُقُودٞۚ وَنُقَلِّبُهُمۡ ذَاتَ
ٱلۡيَمِينِ وَذَاتَ ٱلشِّمَالِۖ وَكَلۡبُهُم بَٰسِطٞ ذِرَاعَيۡهِ
بِٱلۡوَصِيدِۚ لَوِ ٱطَّلَعۡتَ عَلَيۡهِمۡ لَوَلَّيۡتَ مِنۡهُمۡ فِرَارٗا
وَلَمُلِئۡتَ مِنۡهُمۡ رُعۡبٗا ﴿١٨﴾

"Dan engkau dapat melihat apabila matahari naikdi sebelah timur cahayanya menyimpang ke sebelah kanan gua dan apabila matahari membenam, cahayanya melampaui mereka ke sebelah kiri, sedangkan mereka berada di lapangan gua itu. Itulah di antara tanda-tanda kekuasaan Allah. Barang siapa yang dihidayatkan Allah, maka dialah orang yang mendapat hidayat yang sebenar dan barang siapa yang telah disesatkan-Nya nescaya engkau tidak akan mendapati sesiapa pun lagi yang sanggup menjadi pelindung yang memberi bimbingan kepadanya(17). Dan engkau mengira mereka sedang jaga, sedangkan mereka sebenarnya tidur nyenyak. Kami membalik-balikkan badan mereka sekali ke kanan dan sekali ke kiri, sedangkan anjing mereka menghulurkan dua kakinya ke depan di halaman pintu gua dan jika engkau melihat mereka tentulah engkau akan berpaling melarikan diri dan tentulah hatimu dipenuhi perasaan takut kepada mereka."(18)

Itulah satu pemandangan ilustrasi yang menarik. Ia merakamkan keadaan pemuda-pemuda yang berada di dalam gua itu dengan kata-kata yang sama dengan rakaman tali pita filem yang bergerak. Ia menggambarkan matahari naik menjenguk gua itu kemudian cahayanya menyimpang darinya seolah-olah dilakukannya dengan sengaja. Kata "تزاور" (menyimpang) menggambarkan maknanya yang membayangkan tindakan cahaya matahari itu dilakukan dengan iradat. Ia juga menggambarkan pergerakan matahari jatuh yang melewati mereka ke arah kiri, semasa mereka berada di lapangan gua itu.

Dan sebelum ia menghabiskan rakaman pemandangan yang menarik itu, ia mengulaskan keadaan mereka dengan salah satu dari ulasan-ulasan Al-Qur'an yang biasa diselangi di dalam perjalanan kisah-kisah untuk menyedarkan hati manusia di sa'at yang sesuai:

ذَٰلِكَ مِنۡ ءَايَٰتِ ٱللَّهِۗ

"...Itulah di antara tanda-tanda kekuasaan Allah...."(17)

Yakni Allah telah meletakkan mereka dengan keadaan yang seperti ini di dalam gua itu, di mana mereka didekatkan kepada cahaya matahari tetapi pancaran sinarnya tidak membahang tubuh mereka: Mereka berada di tempat mereka tidak mati dan tidak pula bergerak:

مَن يَهۡدِ ٱللَّهُ فَهُوَ ٱلۡمُهۡتَدِۖ وَمَن يُضۡلِلۡ فَلَن تَجِدَ لَهُۥ
وَلِيّٗا مُّرۡشِدٗا ﴿١٧﴾

"...Barang siapa yang dihidayatkan Allah, maka dialah orang yang mendapat hidayat yang sebenar, dan barang siapa yang telah disesatkan-Nya, nescaya engkau tidak akan mendapati sesiapa pun lagi yang sanggup menjadi pelindung yang memberi bimbingan kepadanya"(17)

Hidayat dan kesesatan itu mempunyai undang-undangnya, iaitu sesiapa yang mendapat hidayat dari ayat-ayat Allah bererti dia telah diberi hidayat oleh Allah mengikut undang-undang-Nya dan dialah orang yang mendapat hidayat yang sebenar, dan sebaliknya sesiapa yang tidak berpegang dengan punca-punca hidayat, maka dia akan sesat dan kesesatannya itu adalah mengikut undang-undang Ilahi dan ini bererti dia telah disesatkan Allah. Dan engkau tidak akan mendapati sesiapa pun selepas itu yang sanggup menjadi petunjuk yang dapat memberi hidayat kepadanya.

Kemudian penjelasan ayat-ayat itu meneruskan penggambarannya untuk menyempurnakan pemandangan yang mengkagumkan itu, di mana pemuda-pemuda itu dibalik-balikkan tubuh mereka dari satu lambung ke satu lambung selama mereka berada dalam tidur yang amat lama itu sehingga orang yang melihat mereka menyangka bahawa mereka sedang jaga, sedangkan sebenarnya mereka tidur. Anjing mereka pula - mengikut kebiasaan anjing - sedang menghulurkan dua kakinya di pekarangan yang berhampiran dengan pintu gua itu seolah-olah menjaga mereka. Pemandangan mereka yang berada di dalam keadaan itu boleh menimbulkan perasaan takut di dalam hati orang yang melihat mereka kerana dia melihat mereka tidurseperti orang jaga berbalik-balik tetapi tidak jaga. Itulah tadbir Allah supaya tidak ada orang yang dapatmengganggu mereka sehingga sampai kepada masa yang telah ditentukan Allah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 19 - 24)

Dan secara mendadak mereka bangun dengan cergas. Oleh itu marilah kita lihat dan mendengar mereka bercakap:

وَكَذَٰلِكَ بَعَثۡنَٰهُمۡ لِيَتَسَآءَلُواْ بَيۡنَهُمۡۚ قَالَ قَآئِلٞ
مِّنۡهُمۡ كَمۡ لَبِثۡتُمۡۖ قَالُواْ لَبِثۡنَا يَوۡمًا أَوۡ بَعۡضَ يَوۡمٖۚ
قَالُواْ رَبُّكُمۡ أَعۡلَمُ بِمَا لَبِثۡتُمۡ فَٱبۡعَثُوٓاْ أَحَدَكُم

بِوَرِقِكُمْ هَٰذِهِۦٓ إِلَى ٱلْمَدِينَةِ فَلْيَنظُرْ أَيُّهَآ أَزْكَىٰ
طَعَامًا فَلْيَأْتِكُم بِرِزْقٍ مِّنْهُ وَلْيَتَلَطَّفْ وَلَا
يُشْعِرَنَّ بِكُمْ أَحَدًا ﴿١٩﴾
إِنَّهُمْ إِن يَظْهَرُوا۟ عَلَيْكُمْ يَرْجُمُوكُمْ أَوْ يُعِيدُ
وكُمْ فِى مِلَّتِهِمْ وَلَن تُفْلِحُوٓا۟ إِذًا أَبَدًا ﴿٢٠﴾

"Dan demikianlah Kami telah membangkitkan mereka kembali supaya mereka bertanya sesama mereka. Ujar salah seorang dari mereka: Berapa lama kamu telah tidur? Jawab mereka: Kita telah tidur kira-kira sehari atau separuh hari. Ujar mereka: Allah Tuhan kamu sahaja yang lebih mengetahui berapa lama kamu telah tidur. Hantarkanlah seorang dari kamu ke bandar membawa wang perak kamu ini dan hendaklah dia carikan apa sahaja makanan yang baik dan bawakan kepada kamu sedikit rezeki darinya, tetapi hendaklah dia berhati-hati dan janganlah sekali-kali dia melakukan sesuatu yang boleh menyedarkan sesiapa pun terhadap rahsia kamu(19). Kerana jika mereka mengetahui rahsia kamu tentulah mereka akan merejamkan kamu sampai mati atau mereka memaksa kamu kembali kepada agama mereka. Dan kamu tidak akan mendapat keberuntungan untuk selama-lamanya."(20)

Terjaga Setelah Ratusan Tahun Tertidur

Penjelasan ayat ini menggunakan unsur mendadak di dalam membentangkan kisah ini. Oleh kerana itu ia menayangkan pemandangan ini yang menunjukkan bagaimana pemuda-pemuda itu secara mendadak bangkit dari tidur mereka, sedangkan mereka tidak mengetahui berapa lama mereka telah tidur sejak mereka merasa mengantuk dahulu. Mereka menggosok-gosok mata mereka dan berpaling memandang satu sama lain sambil bertanya berapa lama kamu tidur? Iaitu pertanyaan yang biasa dibuat oleh orang-orang yang jaga dari tidur yang lama. Tentulah mereka merasa kesan-kesan tidur mereka yang lama itu.

قَالُوا۟ لَبِثْنَا يَوْمًا أَوْ بَعْضَ يَوْمٍ

"...Jawab mereka: Kita telah tidur kira-kira sehari atau separuh hari...."(19)

Kemudian mereka fikir lebih baik mereka ketepikan sahaja persoalan yang tidak ada faedahnya dibicarakan dengan panjang dan menyerahkan sahaja perkara itu kepada Allah - menurut adat orang Mu'min yang menghadapi perkara-perkara yang tidak diketahui mereka - dan mereka lebih baik memikirkan perkara yang amali yang sedang dihadapi mereka, iaitu mereka sekarang sedang lapar dan mereka mempunyai duit-duit perak yang mereka bawa keluar dari bandar itu:

قَالُوا۟ رَبُّكُمْ أَعْلَمُ بِمَا لَبِثْتُمْ فَٱبْعَثُوٓا۟ أَحَدَكُم
بِوَرِقِكُمْ هَٰذِهِۦٓ إِلَى ٱلْمَدِينَةِ فَلْيَنظُرْ أَيُّهَآ أَزْكَىٰ
طَعَامًا فَلْيَأْتِكُم بِرِزْقٍ مِّنْهُ

"...Ujar mereka: Allah Tuhan kamu sahaja yang lebih mengetahui berapa lama kamu telah tidur. Hantarkanlah seorang dari kamu ke bandar membawa wang perak kamu ini dan hendaklah ia carikan apa sahaja makanan yang baik dan bawakan kepada kamu sedikit rezeki darinya...."(19)

Yakni hendaklah dia memilih makanan yang terbaik di bandar itu dan bawakan kepada kamu sedikit darinya.

Mereka takut rahsia mereka terbuka dan tempat persembunyian mereka diketahui orang. Dan akibatnya mereka akan ditangkap oleh pihak yang berkuasa di bandar itu dan dihukum bunuh dengan rejam - kerana kesalahan mereka meninggalkan agama (negeri) dan menyembah Allah yang tunggal di negeri yang mempersekutukan Allah - atau mereka akan ditindas dengan 'azab keseksaan supaya mereka meninggalkan 'aqidah mereka. Inilah perkara-perkara yang ditakuti mereka. Oleh sebab itulah mereka berpesan kepada utusan itu supaya berhati-hati:

وَلْيَتَلَطَّفْ وَلَا يُشْعِرَنَّ بِكُمْ أَحَدًا ﴿١٩﴾ إِنَّهُمْ
إِن يَظْهَرُوا۟ عَلَيْكُمْ يَرْجُمُوكُمْ أَوْ يُعِيدُوكُمْ
فِى مِلَّتِهِمْ وَلَن تُفْلِحُوٓا۟ إِذًا أَبَدًا ﴿٢٠﴾

".......Tetapi hendaklah dia berhati-hati dan janganlah sekali-kali dia melakukan sesuatu yang boleh menyedarkan sesiapa pun terhadap rahsia kamu (19). Kerana jika mereka mengetahui rahsia kamu tentulah mereka akan merejamkan kamu sampai mati atau mereka memaksa kamu kembali kepada agama mereka. Dan kamu tidak akan mendapat keberuntungan untuk selama-lamanya."(20)

Maksudnya, sesiapa yang murtad dari iman kepada syirik, maka dia tidak akan mendapat sebarang keberuntungan dan itulah suatu kerugian yang paling besar.

Demikianlah kita melihat bagaimana pemuda-pemuda itu berbincang secara sulit bersama-sama mereka dengan begitu hati-hati dan takut. Mereka tidak sedar tahun-tahun telah banyak berlalu dan roda zaman telah sekian lama berputar. Mereka tidak sedar bahawa generasi-generasi telah bersilih ganti dan negeri mereka telah berubah rupa dan pihak berkuasa yang ditakuti mereka terhadap keselamatan 'aqidah mereka telah lama bertukar. Mereka tidak sedar bahawa kisah mereka selaku kumpulan anak-anak muda yang lari menyelamatkan agama mereka di zaman seorang raja yang zalim itu telah menjadi cerita turun-temurun, di mana timbulnya berbagai-bagai pendapat yangbercanggah mengenai hakikat mereka, mengenai agama mereka dan mengenai lama masa yang telah berlalu sejak mereka menghilangkan diri.

Di sini tirai dilabuhkan menutup pemandangan mereka yang sedang berada di dalam gua kemudian disingkapkan kembali untuk menunjukkan satu

adegan yang lain dan di antara dua adegan itu terdapat satu ruang kosong yang ditinggalkan di dalam penerangan Al-Qur'an.

Di sini kita dapat menangkap bahawa penduduk negeri ini sekarang telah beriman belaka. Mereka amat menghormati dan memuliakan anak-anak muda yang beriman itu setelah terbuka rahsia mereka apabila salah seorang dari mereka keluar untuk membeli makanan. Dia telah dapat dikenali orang ramai sebagai salah seorang anak muda yang telah melarikan diri untuk menyelamatkan agama mereka di zaman dahulu.

Di sini dapatlah kita gambarkan betapa besarnya rasa terperanjat yang telah dialami pemuda-pemuda itu setelah mereka diyakinkan teman mereka bahawa negeri itu telah dilalui zaman yang lama sejak mereka telah meninggalkannya dan dunia di sekeliling mereka pun berubah segala-galanya; segala apa yang tidak disukai mereka dan segala apa yang diketahui mereka tidak ada lagi. Mereka kini merupakan satu generasi lama yang telah dilalui beberapa abad. Mereka merupakan kumpulan manusia aneh pada pandangan dan perasaan orang ramai. Oleh sebab itu orang ramai kini tidak dapat melayani mereka seperti kumpulan manusia yang biasa. Segala perhubungan kerabat, muamalah, perasaan dan adat resam yang menghubungi mereka dengan generasi mereka telah pun terputus belaka. Mereka lebih menyerupai kenangan-kenangan yang masih hidup dari orang-orang yang sebenar di alam kenyataan. Oleh itu Allah mewafatkan mereka kembali kerana kasihan kepada mereka menghadapi semua realiti (yang pahit) ini.

Semua ini dapat kita gambarkan sendiri. Ayat yang berikut menayangkan adegan yang akhir, iaitu adegan kematian mereka, sedangkan orang ramai yang berada di luar gua itu masih berbalah mengenai kedudukan mereka, apakah agama yang dianuti mereka dan bagaimana seharusnya mereka mengabadikan mereka untuk kenangan generasi-generasi yang akan datang. Begitu juga (dalam ayat berikut) disebut secara langsung titik pengajaran yang dapat diambil dari peristiwa yang aneh ini:.

وَكَذَٰلِكَ أَعْثَرْنَا عَلَيْهِمْ لِيَعْلَمُوٓا۟ أَنَّ وَعْدَ ٱللَّهِ حَقٌّ وَأَنَّ ٱلسَّاعَةَ لَا رَيْبَ فِيهَآ إِذْ يَتَنَٰزَعُونَ بَيْنَهُمْ أَمْرَهُمْ ۖ فَقَالُوا۟ ٱبْنُوا۟ عَلَيْهِم بُنْيَٰنًا ۖ رَّبُّهُمْ أَعْلَمُ بِهِمْ ۚ قَالَ ٱلَّذِينَ غَلَبُوا۟ عَلَىٰٓ أَمْرِهِمْ لَنَتَّخِذَنَّ عَلَيْهِم مَّسْجِدًا ﴿٢١﴾

"Dan demikianlah Kami dedahkan hal mereka kepada orang ramai agar mereka mengetahui bahawa janji Allah (untuk menghidupkan manusia selepas mati) itu adalah benar dan bahawa Qiamat tetap berlaku tanpa sebarang keraguan lagi, (pendedahan itu berlaku) ketika orang ramai itu berbantah-bantahan sesama mereka tentang (apakah yang harus dibuat) terhadap pemuda-pemuda itu. Lalu mereka berkata: Dirikanlah sebuah bangunan di atas mereka. Tuhan mereka lebih mengetahui tentang hakikat mereka. Ujar orang-orang yang berkuasa dalam urusan mereka: Kami akan membina sebuah masjid di atas mereka."(21)

Titik pengajaran dari penghabisan kisah anak-anak muda itu ialah kisah itu mengemukakan dalil bagi kebangkitan selepas mati dengan satu contoh yang berlaku di alam kenyataan yang dapat dilihat dan difaham secara dekat. Kisah ini dapat memudahkan manusia memahami persoalan kebangkitan selepas mati dan meyakinkanmereka bahawa janji Allah itu benar dan hari Qiamat itu tidak diselubungi sebarang keraguan. Beginilah Allah membangkitkan pemuda-pemuda itu dari tidur mereka dan mendedahkan hakikat mereka kepada kaum mereka.

Setengah orang ramai berpendapat:

ٱبْنُوا۟ عَلَيْهِم بُنْيَٰنًا ۖ

"...Dirikanlah sebuah bangunan di atas mereka...."(21)

Iaitu sebuah bangunan yang tidak menentukan agama mereka:

رَّبُّهُمْ أَعْلَمُ بِهِمْ ۚ

"...Tuhan mereka lebih mengetahui tentang hakikat mereka..."(21)

yakni tentang agama yang dianuti mereka. Sementara pihak yang berkuasa pada masa itu pula berpendapat:

لَنَتَّخِذَنَّ عَلَيْهِم مَّسْجِدًا ﴿٢١﴾

"...Kami akan membina sebuah masjid di atas mereka."(21)

Yang dimaksudkan dengan masjid di sini ialah tempat ibadat mengikut adat orang-orang Yahudi dan orang-orang Kristian yang mendirikan rumah-rumah ibadat di atas kubur para nabi-nabi dan wali-wali, juga sebagaimana yang dilakukan oleh setengah-tengah orang Islam yang mengikut contoh teladan Ahlil-Kitab dengan melanggar petunjuk Rasulullah s.a.w. yang telah bersabda:

لعن اللّه اليحود والنصرى ، اتخذوا قبور أنبيائهم وصالحيهم مساجد

"Allah telah melaknatkan orang-orang Yahudi dan Nasara yang telah membangunkan masjid-masjid di atas kubur-kubur nabi-nabi dan orang-orang mereka yang soleh." [3]

Kemudian tirai dilabuhkan menutup adegan ini dan setelah itu disingkapkan kembali untuk kita mendengar perdebatan mengenai penghuni-penghuni gua itu mengikut kebiasaan orang-orang yang memindahkan cerita-cerita dan berita-berita

---

[3] *Hadith ini telah disebut oleh Ibn Kathir dalam tafsir.*

dengan menambah dan mengurang, mereka menokok khayalan-khayalan mereka kepada cerita-cerita itu dari satu generasi ke satu generasi sehingga cerita-cerita itu menjadi begitu besar dan berubah-ubah. Berbagai-bagai pendapat telah diberikan mengenai suatu cerita atau peristiwa yang sama setelah bersilih ganti dilalui abad:

سَيَقُولُونَ ثَلَٰثَةٌ رَّابِعُهُمْ كَلْبُهُمْ وَيَقُولُونَ
خَمْسَةٌ سَادِسُهُمْ كَلْبُهُمْ رَجْمًۢا بِٱلْغَيْبِ ۖ وَيَقُولُونَ
سَبْعَةٌ وَثَامِنُهُمْ كَلْبُهُمْ ۚ قُل رَّبِّىٓ أَعْلَمُ بِعِدَّتِهِم
مَّا يَعْلَمُهُمْ إِلَّا قَلِيلٌ ۗ فَلَا تُمَارِ فِيهِمْ إِلَّا مِرَآءً
ظَٰهِرًا وَلَا تَسْتَفْتِ فِيهِم مِّنْهُمْ أَحَدًا ﴿٢٢﴾

"Mereka (satu golongan Ahlil-Kitab) akan berkata bahawa jumlah mereka (Ashabul-Kahfi) tiga orang dan yang keempat ialah anjing mereka. Satu golongan pula berkata jumlah mereka lima orang dan yang keenam ialah anjing mereka semuanya meneka-neka perkara ghaib. Segolongan yang lain lagi berkata jumlah mereka tujuh orang dan yang kelapan ialah anjing mereka. Katakanlah: Tuhanku lebih mengetahui tentang bilangan mereka (yang sebenar) dan tiada yang mengetahui bilangan mereka (yang sebenar)melainkan hanya segelintir orang sahaja. Oleh itu janganlah engkau berdebat dengan mereka mengenai penghuni-penghuni gua itu kecuali perdebatan yang lahir sahaja dan janganlah engkau tanyakan seorang pun dari mereka mengenai penghuni-penghuni gua itu."(22)

Bilangan Pemuda-pemuda Ashabul-Kahfi

Perdebatan di sekitar bilangan pemuda-pemuda itu tidak memberi apa-apa faedah. Sama sahaja sama ada bilangan mereka tiga orang atau empat orang atau tujuh orang atau lebih banyak dari itu lagi. Bilangan mereka yang sebenar terserah kepada Allah dan hakikat mereka yang sebenar berada di dalam ilmu Allah dan di dalam pengetahuan segelintir manusia yang meneliti sesuatu peristiwa semasa berlakunya atau mempastikannya dari riwayatnya yang sahih. Titik pengajaran dari kisah mereka adalah tercapai sama ada dengan bilangan yang sedikit atau dengan bilangan yang banyak. Oleh sebab itulah Al-Qur'an mengarahkan Rasulullah s.a.w. supaya meninggalkan perdebatan mengenai perkara ini dan supaya jangan bertanya kepada sesiapa pun dari para pendebat itu mengenai kedudukan penghuni-penghuni gua itu. Arahan ini sesuai dengan methodologi Islam yang mahu memelihara daya tenaga akal dari dibuang percuma di dalam perkara-perkara yang tidak berfaedah, juga supaya seorang itu tidak mengikuti sesuatu yang tidak diketahuinya dengan penuh keyakinan. Peristiwa Ashabul-Kahfi yang telah digolong zaman itu adalah dari perkara-perkara ghaib yang terserah kepada ilmu Allah. Oleh itu hendaklah beliau tinggalkan sahaja perkara ini kepada ilmu Allah.

Sesuai dengan larangan berdebat mengenai perkara-perkara ghaib yang silam, maka ayat berikut mengharamkan perbuatan menentu perkara-perkara ghaib di masa mendatang atau perkara-perkara yang akan berlaku di masa akan datang, kerana manusia tidak mengetahui perkara-perkara yang mendatang dan sudah tentu dia tidak dapat menentukannya dengan pasti:

وَلَا تَقُولَنَّ لِشَاْىْءٍ إِنِّى فَاعِلٌ ذَٰلِكَ غَدًا ﴿٢٣﴾

"Dan janganlah engkau berkata mengenai sesuatu (yang engkau kehendaki): Aku tetap melaksanakannya besok......."(23).

إِلَّآ أَن يَشَآءَ ٱللَّهُ ۚ وَٱذْكُر رَّبَّكَ إِذَا نَسِيتَ وَقُلْ
عَسَىٰٓ أَن يَهْدِيَنِ رَبِّى لِأَقْرَبَ مِنْ هَٰذَا رَشَدًا ﴿٢٤﴾

"Melainkan disertai dengan menyebut "Insya Allah" dan kenangkan Tuhanmu jika engkau terlupa dan berdo'alah: Semoga Allah memberi petunjuk kepadaku ke jalan yang lebih dekat dari ini."(24)

Sikap Mu'min Menghadapi Masa Depan

Setiap gerak dan setiap diam, malah setiap nafas dari nafas-nafas yang hidup adalah tergantung kepada iradat Allah. Tabir ghaib yang dilabuhkan itu adalah melindungi segala sesuatu di sebalik detik yang wujud sekarang ini, dan mata manusia juga tidak dapat menjangkau di sebalik tabir yang dilabuhkan itu dan ia tetap lemah biar pun bagaimana banyak ilmunya. Oleh itu janganlah ia berkata, "Aku tetap akan melaksanakannya besok", kerana hari esok adalah dari urusan ghaib Allah dan tabir urusan ghaib Allah melindungkan akibat-akibat sesuatu.

Arahan ini bukanlah bertujuan supaya seorang itu duduk mendiamkan diri sahaja tanpa memikir dan merancangkan masa depannya dan supaya dia hidup di atas asas sehari demi sehari atau untuk sesa'at demi sesa'at sahaja atau supaya dia jangan menyambungkan masa hidupnya yang silam dengan masa hidupnya sekarang dan masa hidupnya yang mendatang. Tidak sekali-kali begitu, tetapi tujuannya yang sebenar ialah supaya dia turut membuat perhitungan kepada perkara yang ghaib dan mengambil kira kehendak iradat Allah yang mentadbirkannya, juga supaya dia berpegang kukuh kepada keputusan yang telah diazamkannya dan memohon pertolongan kepada masyi'ah(kehendak) Allah untuk menjayakan apa yang telah diazamkannya itu serta menyedari bahawa kuasa Allah mengatasi kuasanya. Oleh kerana itu janganlah dia merasa mustahil bahawa tadbir Allah berlainan dengan perancangannya. Andainya dia berjaya melaksanakan apa yang telah diazamkan, (maka hendaklah dia bersyukur) dan andainya masyi'ah Allah berlainan dari apa yang dirancangkannya, maka janganlah dia bersedih dan berputus asa, kerana seluruh urusan itu di bawah kuasa Allah awal dan akhir.

Seseorang itu harus berfikir dan merancang, tetapi dia harus sedar bahawa dia hanya boleh berfikir dan merancangkan (dengan betul) dengan pertolongan dan taufiq dari Allah, dan dia tidak berupaya berfikir dan merancang melainkan dengan daya-daya berfikir dan merancang yang dikurniakan Allah kepadanya. Sikap ini tidak akan membawa seseorang kepada kemalasan, kelengahan dan kelemahan-kelemahan, malah sebaliknya ia membekalkannya dengan keyakinan, kekuatan, ketenteraman dan keazaman yang kukuh. Oleh itu apabila tersingkapnya tabir ghaib yang menunjukkan bahawa tadbir Allah itu berlainan dari perancangannya, maka hendaklah dia menerima keputusan Allah itu dengan penuh keredhaan, ketenangan dan penyerahan diri, kerana itulah keputusan asal yang tidak diketahui olehnya dan baru sekarang disingkapkan tabirnya.

Inilah methodologi Islam yang menguasai hati seorang Muslim, oleh kerana itu dia tidak merasa keseorangan dan kesepian apabila dia berfikir dan merancang, tidak merasa angkuh dan sombong apabila dia berjaya dan tidak merasa putus asa apabila dia gagal, malah dia tetap berhubung dengan Allah dalam segala keadaan, tetap bergantung kepada-Nya, bersyukur kepada taufik-Nya dan tetap menerima qadha' dan qadar-Nya tanpa angkuh dan tanpa putus asa.

وَٱذۡكُر رَّبَّكَ إِذَا نَسِيتَ

"Dan kenangkan Tuhanmu jika engkau terlupa."(24)

Maksudnya, apabila engkau lupa kepada arahan dan pedoman ini, maka hendaklah engkau ingat kepada Allah dan kembali kepadanya.

وَقُلۡ عَسَىٰٓ أَن يَهۡدِيَنِ رَبِّي لِأَقۡرَبَ مِنۡ هَٰذَا رَشَدٗا ﴿٢٤﴾

"Dan berdo'alah: Semoga Allah memberi petunjuk kepadaku ke jalan yang lebih dekat dari ini."(24)

Yakni ke jalan lebih dekat yang sentiasa menghubungkan hatinya dengan Allah dalam segala pekerjaan yang hendak dilakukannya dan segala jalan yang hendak ditujukannya.

Kata-kata "عسى" (semoga) dan kata-kata "لأقرب" (lebih dekat) digunakan di sini untuk menunjukkan betapa tingginya maqam ini dan betapa perlunya seseorang itu berusaha secara berterusan untuk mencapaikannya dalam semua keadaan hidupnya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 25)

Setakat ini kita belum lagi mengetahui berapa lama pemuda-pemuda itu tidur di dalam gua itu. Oleh itu marilah kita mengetahuinya sekarang secara yakin:

وَلَبِثُواْ فِي كَهۡفِهِمۡ ثَلَٰثَ مِاْئَةٖ سِنِينَ وَٱزۡدَادُواْ تِسۡعٗا ﴿٢٥﴾

"Mereka (pemuda-pemuda itu) tidur di dalam gua mereka selama tiga ratus tahun (mengikut kiraan tahun Syamsiyah) dan mereka menambah sembilan tahun (mengikut kiraan tahun Qamariah)."(25)

قُلِ ٱللَّهُ أَعۡلَمُ بِمَا لَبِثُواْۖ لَهُۥ غَيۡبُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِۖ أَبۡصِرۡ بِهِۦ وَأَسۡمِعۡۚ

"Katakanlah: Hanya Allah sahaja yang lebih mengetahui selama mana mereka tidur (di dalam gua itu), kerana Dialah sahaja yang memiliki segala urusan ghaib di langit dan di bumi, alangkah jauh penglihatan dan pendengaran-Nya."(26)

Inilah penjelasan muktamad mengenai pemuda-pemuda itu yang diterangkan Allah yang mengetahui segala urusan ghaib di langit dan di bumi. Alangkah jauh penglihatan dan pendengaran Allah S.W.T. Oleh itu sebarang perdebatan dan pertengkaran tidak lagi diperlukan selepas penjelasan ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 26 - 27)

Kemudian kisah ini diiringi dengan sebuah pernyataan yang mengumumkan ciri wahdaniyah yang amat ketara kesannya di dalam perjalanan kisah ini dan peristiwa-peristiwanya:

مَا لَهُم مِّن دُونِهِۦ مِن وَلِيّٖ وَلَا يُشۡرِكُ فِي حُكۡمِهِۦٓ أَحَدٗا ﴿٢٦﴾

"Mereka tidak mempunyai sebarang penaung selain dari Allah dan Allah tidak pernah berkongsi dengan sesiapapun dalam urusan pentadbiran-Nya."(26)

Juga diiringi dengan mengarahkan Rasulullah s.a.w. supaya membaca ayat-ayat Al-Qur'an yang diwahyukan Allah kepadanya yang mengandungi penjelasan muktamad - penjelasan yang benar yang tidak digugatkan kebatilan - dan supaya bertawajjuh kepada Allah Yang Maha Esa, kerana tiada tempat perlindungan yang sebenar melainkan perlindungan Allah, di mana penghuni-penghuni gua telah berlindung dengan mendapat rahmat dan hidayat-Nya:

وَٱتۡلُ مَآ أُوحِيَ إِلَيۡكَ مِن كِتَابِ رَبِّكَۖ لَا مُبَدِّلَ لِكَلِمَٰتِهِۦ وَلَن تَجِدَ مِن دُونِهِۦ مُلۡتَحَدٗا ﴿٢٧﴾

"Dan bacalah apa yang telah Aku wahyukan kepadamu dari kitab suci Tuhanmu. Tiada siapa pun yang berkuasa mengubahkan kalimat-kalimat-Nya dan engkau tidak akan mendapat tempat perlindungan selain dari-Nya."(27)

Demikianlah berakhirnya kisah ini. Ia didahului, di selingi dan di akhiri dengan arahan-arahan yang kerananya diceritakan segala kisah dalam Al-Qur'an di samping diwujudkan keselarasan yang sempurna di

antara arahan agama dengan pembentangan yang seni di dalam penjelasan ayat-ayat itu.

(Kumpulan ayat-ayat 28 - 46)

وَٱصْبِرْ نَفْسَكَ مَعَ ٱلَّذِينَ يَدْعُونَ رَبَّهُم بِٱلْغَدَوٰةِ
وَٱلْعَشِيِّ يُرِيدُونَ وَجْهَهُۥ ۖ وَلَا تَعْدُ عَيْنَاكَ عَنْهُمْ
تُرِيدُ زِينَةَ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۖ وَلَا تُطِعْ مَنْ أَغْفَلْنَا قَلْبَهُۥ
عَن ذِكْرِنَا وَٱتَّبَعَ هَوَىٰهُ وَكَانَ أَمْرُهُۥ فُرُطًا ﴿٢٨﴾
وَقُلِ ٱلْحَقُّ مِن رَّبِّكُمْ ۖ فَمَن شَآءَ فَلْيُؤْمِن وَمَن شَآءَ
فَلْيَكْفُرْ ۚ إِنَّآ أَعْتَدْنَا لِلظَّٰلِمِينَ نَارًا أَحَاطَ بِهِمْ سُرَادِقُهَا ۚ
وَإِن يَسْتَغِيثُوا۟ يُغَاثُوا۟ بِمَآءٍ كَٱلْمُهْلِ يَشْوِى ٱلْوُجُوهَ ۚ
بِئْسَ ٱلشَّرَابُ وَسَآءَتْ مُرْتَفَقًا ﴿٢٩﴾
إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ إِنَّا لَا نُضِيعُ
أَجْرَ مَنْ أَحْسَنَ عَمَلًا ﴿٣٠﴾
أُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمْ جَنَّٰتُ عَدْنٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهِمُ ٱلْأَنْهَٰرُ
يُحَلَّوْنَ فِيهَا مِنْ أَسَاوِرَ مِن ذَهَبٍ وَيَلْبَسُونَ ثِيَابًا خُضْرًا
مِّن سُندُسٍ وَإِسْتَبْرَقٍ مُّتَّكِـِٔينَ فِيهَا عَلَى ٱلْأَرَآئِكِ ۚ نِعْمَ
ٱلثَّوَابُ وَحَسُنَتْ مُرْتَفَقًا ﴿٣١﴾
وَٱضْرِبْ لَهُم مَّثَلًا رَّجُلَيْنِ جَعَلْنَا لِأَحَدِهِمَا جَنَّتَيْنِ مِنْ
أَعْنَٰبٍ وَحَفَفْنَٰهُمَا بِنَخْلٍ وَجَعَلْنَا بَيْنَهُمَا زَرْعًا ﴿٣٢﴾
كِلْتَا ٱلْجَنَّتَيْنِ ءَاتَتْ أُكُلَهَا وَلَمْ تَظْلِم مِّنْهُ شَيْـًٔا ۚ وَفَجَّرْنَا
خِلَٰلَهُمَا نَهَرًا ﴿٣٣﴾
وَكَانَ لَهُۥ ثَمَرٌ فَقَالَ لِصَٰحِبِهِۦ وَهُوَ يُحَاوِرُهُۥٓ أَنَا۠
أَكْثَرُ مِنكَ مَالًا وَأَعَزُّ نَفَرًا ﴿٣٤﴾
وَدَخَلَ جَنَّتَهُۥ وَهُوَ ظَالِمٌ لِّنَفْسِهِۦ قَالَ مَآ أَظُنُّ أَن
تَبِيدَ هَٰذِهِۦٓ أَبَدًا ﴿٣٥﴾
وَمَآ أَظُنُّ ٱلسَّاعَةَ قَآئِمَةً وَلَئِن رُّدِدتُّ إِلَىٰ رَبِّى لَأَجِدَنَّ
خَيْرًا مِّنْهَا مُنقَلَبًا ﴿٣٦﴾

"Dan tetapkan dirimu bersama orang-orang yang beribadat kepada Tuhan mereka pagi dan petang semata-mata kerana hendak mendapat keredhaan-Nya. Dan janganlah kedua matamu menjauhkan pandangannya dari mereka kerana berkehendak kepada kesenangan hidup dunia, dan janganlah engkau tunduk kepada kehendak orang yang telah Kami lalaikan hatinya dari mengingati Kami serta mengikut hawa nafsunya dan seluruh tindak-tanduknya melampaui belaka(28). Katakanlah: Kebenaran ini adalah datang dari Allah Tuhan kamu, sesiapa yang mahukan keimanan dia boleh beriman dan sesiapa yang mahukan kekufuran dia boleh kufur. Sesungguhnya Kami telah menyediakan untuk orang-orang yang zalim itu Neraka yang gejolaknya melingkungi mereka, dan jika mereka meminta pertolongan, maka mereka akan diberi pertolongan dengan air seperti air danor yang membakarkan muka. Itulah minuman yang paling dahsyat dan itulah tempat kediaman yang paling buruk(29). Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh, Kami tetap tidak akan mensia-siakan pahala siapa sahaja yang telah melakukan amalan yang baik(30). Merekalah yang akan memperolehi Syurga-syurga 'Adni yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, dan di dalam Syurga-syurga itu mereka akan dihiaskan dengan gelang-gelang emas dan memakai pakaian-pakaian hijau yang diperbuat dari sutera yang halus dan sutera yang tebal bersulam sambil duduk bersandar di atas peterana-peterana yang indah. Itulah sebaik-baik balasan dan sebaik-baik tempat kediaman(31). Dan berikanlah kepada mereka satu perbandingan, iaitu cerita dua orang lelaki, salah seorang dari keduanya Kami telah kurniakan kepadanya dua ladang anggur dan Kami kelilingi ladang-ladang itu dengan pokok tamar dan di antara dua ladang itu pula Kami mengadakan tanaman-tanaman yang lain(32). Kedua-dua ladang itu telah menghasilkan buah-buahan yang sempurna, tiada sedikit pun yang kurang, dan Kami alirkan pula dicelah-celah kedua ladang itu anak-anak sungai(33). Dan dia juga mempunyai hasil buahan yang lain lalu dia berkata kepada temannya ketika dia berdialog dengannya: Aku mempunyai harta kekayaan yang lebih banyak dari engkau dan mempunyai pengikut-pengikut yang lebih kuat(34). Dan dia memasuki ladangnya dengan sikap yang menganiayai dirinya sendiri seraya berkata: Aku fikir ladang-ladang ini tidak akan musnah buat selama-lamanya(35). Dan aku juga fikir Qiamat tidak akan berlaku dan andainya aku dikembalikan kepada Tuhanku tentulah aku akan memperolehi tempat kediaman yang lebih baik dari ini"(36).

قَالَ لَهُۥ صَاحِبُهُۥ وَهُوَ يُحَاوِرُهُۥٓ أَكَفَرْتَ بِٱلَّذِى خَلَقَكَ
مِن تُرَابٍ ثُمَّ مِن نُّطْفَةٍ ثُمَّ سَوَّىٰكَ رَجُلًا ﴿٣٧﴾
لَّٰكِنَّا۠ هُوَ ٱللَّهُ رَبِّى وَلَآ أُشْرِكُ بِرَبِّىٓ أَحَدًا ﴿٣٨﴾
وَلَوْلَآ إِذْ دَخَلْتَ جَنَّتَكَ قُلْتَ مَا شَآءَ ٱللَّهُ لَا قُوَّةَ إِلَّا
بِٱللَّهِ ۚ إِن تَرَنِ أَنَا۠ أَقَلَّ مِنكَ مَالًا وَوَلَدًا ﴿٣٩﴾
فَعَسَىٰ رَبِّىٓ أَن يُؤْتِيَنِ خَيْرًا مِّن جَنَّتِكَ وَيُرْسِلَ عَلَيْهَا
حُسْبَانًا مِّنَ ٱلسَّمَآءِ فَتُصْبِحَ صَعِيدًا زَلَقًا ﴿٤٠﴾
أَوْ يُصْبِحَ مَآؤُهَا غَوْرًا فَلَن تَسْتَطِيعَ لَهُۥ طَلَبًا ﴿٤١﴾

وَأُحِيطَ بِثَمَرِهِۦ فَأَصْبَحَ يُقَلِّبُ كَفَّيْهِ عَلَىٰ
مَآ أَنفَقَ فِيهَا وَهِيَ خَاوِيَةٌ عَلَىٰ عُرُوشِهَا وَيَقُولُ
يَٰلَيْتَنِي لَمْ أُشْرِكْ بِرَبِّيٓ أَحَدًا ﴿٤٢﴾
وَلَمْ تَكُن لَّهُۥ فِئَةٌ يَنصُرُونَهُۥ مِن دُونِ ٱللَّهِ وَمَا كَانَ
مُنتَصِرًا ﴿٤٣﴾
هُنَالِكَ ٱلْوَلَٰيَةُ لِلَّهِ ٱلْحَقِّ هُوَ خَيْرٌ ثَوَابًا وَخَيْرٌ عُقْبًا ﴿٤٤﴾
وَٱضْرِبْ لَهُم مَّثَلَ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا كَمَآءٍ أَنزَلْنَٰهُ مِنَ
ٱلسَّمَآءِ فَٱخْتَلَطَ بِهِۦ نَبَاتُ ٱلْأَرْضِ فَأَصْبَحَ هَشِيمًا
تَذْرُوهُ ٱلرِّيَٰحُ وَكَانَ ٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ مُّقْتَدِرًا ﴿٤٥﴾
ٱلْمَالُ وَٱلْبَنُونَ زِينَةُ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا وَٱلْبَٰقِيَٰتُ
ٱلصَّٰلِحَٰتُ خَيْرٌ عِندَ رَبِّكَ ثَوَابًا وَخَيْرٌ أَمَلًا ﴿٤٦﴾

"Lalu temannya berkata kepadanya ketika dia berdialog dengannya: Apakah engkau tidak percaya lagi kepada Tuhan yang telah menciptakan engkau dari tanah kemudian dari nutfah kemudian Dia menjadikan engkau seorang lelaki (yang sempurna)(37). Tetapi bagi kami Allah itulah Tuhanku dan aku tidak sekali-kali mempersekutukan Tuhanku dengan sesiapa pun(38). Sepatutnya engkau berkata sewaktu engkau memasuki ladang engkau tadi: Masya' Allah (semuanya ini adalah kurnia yang telah dikehendaki Allah) tiada daya upaya (bagiku) melainkan dengan pertolongan Allah. Jika engkau memandang aku mempunyai harta kekayaan dan anak pinak yang lebih sedikit darimu(39). Maka aku harap semoga Tuhanku mengurniakan satu ni'mat yang lebih baik dari ladangmu (dan lambat-laun Dia akan) menimpakan ladangmu dengan satu bencana dari langit menyebabkan ladang-ladang itu menjadi tanah yang tandus licin(40). Atau air sungai ladang itu menjadi kering ditelan bumi menyebabkan engkau tidak akan dapat mencarinya lagi(41). Dan seluruh hasil tanamannya dibinasakan menyebabkannya membalik-balikkan kedua tangannya (kerana menyesal) perbelanjaan-perbelanjaan yang telah dihabiskan kerana ladang-ladang itu, sedangkan semuanya telah roboh bersama junjung-junjungnya sambil berkata: Alangkah baiknya jika aku tidak mempersekutukan Allah Tuhanku dengan sesiapa pun(42). Dan tiada satu kumpulan manusia pun yang dapat menolongnya selain dari Allah dan dia juga tidak dapat membela dirinya sendiri(43). Di sana seluruh kuasa memberi perlindungan hanya menjadi milik Allah Yang Maha Benar sahaja. Dialah sebaik-baik pemberi ganjaran dan sebaik-baik pemberi balasan(44). Dan berilah satu perbandingan tentang kehidupan dunia. Ia laksana air hujan yang Kami turunkan dari langit kemudian tumbuhlah aneka tumbuhan bumi yang bersebati dengannya, kemudian ia menjadi kering dan hancur ditiup angin dan Allah adalah Maha Kuasa di atas segala sesuatu(45). Harta kekayaan dan anak pinak hanya merupakan hiasan kehidupan dunia sahaja, sedangkan amalan-amalan soleh yang kekal adalah lebih baik di sisi Allah Tuhanmu dari segi balasan dan lebih baik dari segi harapan"(46).

Seluruh pelajaran ini menjelaskan nilai-nilai di dalam neraca 'aqidah, iaitu nilai-nilai yang haqiqi itu bukannya harta kekayaan, bukannya pangkat kebesaran, bukannya kuasa dan bukannya kelazatan-kelazatan dan keni'matan-keni'matan dalam kehidupan. Semua nilai-nilai ini adalah nilai-nilai palsu dan nilai-nilai yang hilang belaka. Islam tidak mengharamkan segala yang baik dari nilai-nilai itu tetapi ia tidak menjadikan nilai-nilai itu sebagai matlamat akhir hidup manusia. Sesiapa sahaja yang ingin meni'matinya dia boleh meni'matinya, tetapi dia harus mengingati Allah yang telah mengurniakannya dan dia harus bersyukur kepada-Nya dengan mengerjakan amalan yang soleh, kerana amalan-amalan soleh itu adalah lebih baik dan lebih kekal.

Pelajaran ini dimulai dengan mengarahkan Rasulullah s.a.w. supaya menyabarkan dirinya bersahabat baik dengan orang-orang Mu'min yang sentiasa bertawajjuh kepadaAllah dan mengabaikan orang-orang kafir yang lalai dari mengingati Allah. Kemudian pelajaran ini membandingkan dua golongan ini dengan dua orang lelaki. Salah seorangnya berbangga dengan harta kekayaan, kemuliaan dan kesenangan hidup, sedangkan yang seorang lagi berbangga dengan keimanan yang tulen dan mengharapkan sesuatu yang lebih baik di sisi Allah, kemudian diiringi pula dengan satu perbandingan mengenai hakikat seluruh kehidupan dunia, iaitu kehidupan dunia ini adalah pendek dan musnah hilang laksana daun-daun kering yang hancur ditiup angin. Setelah itu ia mengakhiri dengan menjelaskan hakikat yang kekal abadi:

ٱلْمَالُ وَٱلْبَنُونَ زِينَةُ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا وَٱلْبَٰقِيَٰتُ
ٱلصَّٰلِحَٰتُ خَيْرٌ عِندَ رَبِّكَ ثَوَابًا وَخَيْرٌ أَمَلًا ﴿٤٦﴾

Harta kekayaan dan anak pinak hanya merupakan hiasan kehidupan dunia sahaja, sedangkan amalan-amalan soleh yang kekal adalah lebih baik di sisi Allah Tuhanmu dari segi balasan dan lebih baik dari segi harapan.(46)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 28 - 31)

وَٱصْبِرْ نَفْسَكَ مَعَ ٱلَّذِينَ يَدْعُونَ رَبَّهُم بِٱلْغَدَوٰةِ
وَٱلْعَشِيِّ يُرِيدُونَ وَجْهَهُۥ وَلَا تَعْدُ عَيْنَاكَ عَنْهُمْ
تُرِيدُ زِينَةَ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا وَلَا تُطِعْ مَنْ أَغْفَلْنَا قَلْبَهُۥ
عَن ذِكْرِنَا وَٱتَّبَعَ هَوَىٰهُ وَكَانَ أَمْرُهُۥ فُرُطًا ﴿٢٨﴾

"Dan tetapkan dirimu bersama orang-orang yang beribadat kepada Tuhan mereka pagi dan petang semata-mata kerana

hendak mendapat keredhaan-Nya. Dan janganlah kedua matamu menjauhkan pandangannya dari mereka kerana berkehendak kepada kesenangan hidup dunia, dan janganlah engkau tunduk kepada kehendak orang yang telah Kami lalaikan hatinya dari mengingati Kami serta mengikut hawa nafsunya dan seluruh tindak-tanduknya melampaui belaka."(28)

وَقُلِ ٱلْحَقُّ مِن رَّبِّكُمْ ۖ فَمَن شَآءَ فَلْيُؤْمِن وَمَن شَآءَ فَلْيَكْفُرْ

"Katakanlah: Kebenaran itu adalah datang dari Allah Tuhan kamu, sesiapa yang mahukan keimanan dia boleh beriman dan sesiapa yang mahukan kekufuran dia boleh kufur."(29)

Menurut riwayat, ayat-ayat ini diturun mengenai pembesar-pembesar Quraysy apabila mereka meminta kepada Rasulullah s.a.w. supaya mengusir golongan orang-orang Mu'min yang miskin, iaitu seperti Bilal, Suhayb, 'Ammar, Khabab dan ibn Mas'ud sekiranya beliau ingin pembesar-pembesar Quraysy itu beriman atau mengadakan untuk mereka satu majlis yang berasingan dari majlis orang-orang yang miskin itu, kerana mereka berpakaian yang mengeluarkan bau peluh yang hapak yang mengganggu pembesar-pembesar Quraysy itu.

Menurut riwayat, Rasulullah s.a.w. sangat mengharapkan keimanan para pembesar Quraysy itu, kerana itu suara hatinya berbisik-bisik supaya menimbangkan permintaan mereka, lalu Allah Azza-wajalla pun menurunkan ayat berikut:

وَٱصْبِرْ نَفْسَكَ مَعَ ٱلَّذِينَ يَدْعُونَ رَبَّهُم بِٱلْغَدَوٰةِ وَٱلْعَشِىِّ

"Dan tetapkan dirimu bersama orang-orang yang beribadat kepada Tuhan mereka pagi dan petang."(28)

Allah menurunkannya dengan tujuan untuk mengumumkan nilai-nilai yang haqiqi dan menegakkan neraca yang benar dan setelah itu:

فَمَن شَآءَ فَلْيُؤْمِن وَمَن شَآءَ فَلْيَكْفُرْ

"Sesiapa yang mahukan keimanan dia boleh beriman dan sesiapa yang mahukan kekufuran dia boleh kufur."(29)

Islam tidak mahu bermuka-muka dengan sesiapa pun, dan Islam tidak mengukur manusia dengan ukuran-ukuran jahiliyah yang pertama atau ukuran mana-mana jahiliyah yang mengukur manusia dengan ukuran yang lain dari ukurannya.

وَٱصْبِرْ نَفْسَكَ

"Dan tetapkan dirimu."(28)

Da'wah Ditegakkan Di Atas Golongan Para Mu'min Yang Ikhlas

Yakni janganlah engkau merasa bosan dan janganlah engkau bertindak gopoh.

مَعَ ٱلَّذِينَ يَدْعُونَ رَبَّهُم بِٱلْغَدَوٰةِ وَٱلْعَشِىِّ يُرِيدُونَ وَجْهَهُۥ ۖ

"Bersama orang-orang yang beribadat kepada Tuhan mereka pagi dan petang semata-mata kerana hendak mendapat keredhaan-Nya."(28)

Allah itulah matlamat yang ditawajjuhkan mereka pagi dan petang. Mereka tidak menyimpang dari Allah dan tidak menghendaki sesuatu selain dari mencari keredhaan-Nya dan apa yang dicarikan mereka adalah lebih mulia dan lebih tinggi dari segala apa yang dicarikan para pencinta kesenangan hidup dunia.

Tetapkan dirimu bersama mereka, bersahabatlah dengan mereka duduklah bersama mereka dan berilah pengajaran kepada mereka kerana da'wah adalah ditegakkan di atas orang-orang yang seperti mereka. Da'wah tidak ditegakkan di atas orang-orang yang menganutinya kerana kekuatannya dan tidak pula ditegakkan di atas orang-orang yang menganutinya dengan tujuan untuk menjadi pemimpin kepada para pengikutnya, dan tidak juga ditegakkan di atas orang-orang yang menganutinya dengan tujuan untuk memenuhi tamak haloba mereka dengan memperalatkan da'wah dan untuk memperdagangkan da'wah di pasar da'wah-da'wah yang boleh dijual beli dari mereka, malah da'wah adalah ditegakkan di atas hati golongan manusia yang bertawajjuh kepada Allah dengan penuh keikhlasan, iaitu hati yang tidak bermaksud mencari sesuatu pangkat kebesaran, kesenangan dan faedah, malah semata-mata ikhlas kepada Allah dan semata-mata mencari keredhaan-Nya:

وَلَا تَعْدُ عَيْنَاكَ عَنْهُمْ تُرِيدُ زِينَةَ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۖ

"Dan janganlah kedua matamu menjauhkan pandangannya dari mereka kerana berkehendakkan kesenangan hidup dunia."(28)

Janganlah perhatianmu itu beralih dari mereka kepada kelebihan-kelebihan hidup yang dini'mati para pembesar yang senang itu, kerana kesenangan hidup dunia tidak dapat meningkat ke ufuk yang tinggi yang diharapkan oleh orang-orang yang beribadat kepada Allah pagi dan petang dengan penuh keikhlasan.

وَلَا تُطِعْ مَنْ أَغْفَلْنَا قَلْبَهُۥ عَن ذِكْرِنَا وَٱتَّبَعَ هَوَىٰهُ وَكَانَ أَمْرُهُۥ فُرُطًا ﴿٢٨﴾

"Dan janganlah engkau tunduk kepada kehendak orang yang telah Kami lalaikan hatinya dari mengingati Kami serta mengikut hawa nafsunya dan seluruh tindak-tanduknya melampaui belaka."(28)

Janganlah engkau tunduk kepada kehendak mereka supaya engkau membezakan di antara mereka dengan orang-orang yang miskin itu. Andainya mereka mengingati Allah tentulah mereka merendahkan keangkuhan mereka, mengurangkan

keterlaluan mereka, menundukkan kepala mereka yang diangkat begitu tinggi dan tentulah mereka merasakan kebesaran Allah, di mana seluruh kepala manusia sama sahaja di bawah naungan-Nya dan merasakan hubungan 'aqidah yang membuat seluruh manusia itu bersaudara belaka. Tetapi malangnya mereka hanya mengikut hawa nafsu mereka sahaja iaitu hawa nafsu jahiliyah dan menggunakan ukuran-ukurannya dalam menilai harga para hamba Allah. Justeru itu mereka dan pendapat-pendapat mereka adalah karut belaka dan tidak wajar diberi apa-apa perhatian sebagai balasan terhadap kelalaian mereka dari mengingati Allah.

Islam datang untuk menyamakan kepala manusia di hadapan Allah. Tiada perbezaan di antara mereka dengan berlandaskan kelebihan harta kekayaan, keturunan dan pangkat kebesaran kerana nilai-nilai ini semuanya palsu dan hilang belaka, malah perbezaan yang sebenar dilandaskan di atas kelebihan darjat masing-masing di sisi Allah, dan darjat kelebihan di sisi Allah adalah diukur dari sejauh mana tawajjuh seseorang itu kepada Allah dan sejauh mana keikhlasannya. Selain dari ukuran ini adalah ukuran hawa nafsu yang karut belaka.

وَلَا تُطِعْ مَنْ أَغْفَلْنَا قَلْبَهُۥ عَن ذِكْرِنَا

"Dan janganlah engkau tunduk kepada kehendak orang yang telah Kami lalaikan hatinya dari mengingati Kami."(28)

Maksudnya, Kami telah melalaikan hatinya apabila dia menumpukan seluruh perhatiannya kepada dirinya, kepada harta kekayaannya, kepada anak-anaknya dan kepada kesenangan, keni'matan-keni'matan dan keinginan-keinginan nafsu sahaja sehingga di dalam hatinya tiada ruang untuk Allah. Hati yang sibuk dengan urusan-urusan ini dan menjadikannya sebagai matlamat hidupnya sudah tentu terlalai dari mengingati Allah dan kerana itu Allah menambahkan lagi kelalaian itu dan membiarkannya dalam kesibukan itu sehingga hari-hari hidupnya terlepas begitu sahaja di hadapannya dan dia akhirnya menerima 'azab keseksaan yang telah disediakan Allah kepada orang-orang yang seperti mereka yang telah menganiayai diri sendiri dan orang-orang yang lain:

وَقُلِ ٱلْحَقُّ مِن رَّبِّكُمْ ۖ فَمَن شَآءَ فَلْيُؤْمِن وَمَن شَآءَ
فَلْيَكْفُرْ ۚ

"Katakanlah: Kebenaran ini adalah datang dari Allah Tuhan kamu, sesiapa yang mahukan keimanan dia boleh beriman dan sesiapa yang mahukan kekufuran dia boleh kufur."(29)

Katakanlah dengan tegas, terus terang dan keras,kerana kebenaran itu tidak pernah membengkok dan melentur. Ia berjalan lurus tanpa membelok-belok, gagah tanpa lemah dan terus terang tanpa bermuka-muka. Oleh itu sesiapa yang mahukan keimanan dia boleh beriman dan sesiapa yang mahukan kekufuran dia boleh kufur. Sesiapa yang tidak tertarik kepada kebenaran dia boleh pergi. Sesiapa yang tidak mahu menundukkan hawa nafsunya kepada kebenaran yang datang dari Allah, maka tiada dasar kata manis dan ambil hati untuknya atas belanja 'aqidah, dan sesiapa yang tidak mahu menundukkan kepalanya dan merendahkan keangkuhannya di hadapan kebesaran Allah, maka 'aqidah tidak perlu lagi kepadanya.

'Aqidah itu bukannya milik seseorang sehingga perlu digunakan dasar kata manis dan ambil hati, malah 'aqidah adalah milik Allah dan Allah Maha Terkaya dari semesta, alam. 'Aqidah tidak mendapat kekuatan dan pembelaan dari orang-orang yang tidak mahu menganutinya dengan ikhlas dan tidak mahu menerimanya dengan bentuknya yang asal tanpa sebarang pindaan dan penyelewengan. Orang yang berlagak sombong terhadap para Mu'minin yang beribadat kepada Allah pagi dan petang dengan penuh keikhlasan itu tidak dapat diharapkan darinya sebarang kebaikan kepada Islam dan kepada kaum Muslimin.

* * * * * *

Kemudian Al-Qur'an membentangkan balasan-balasan yang telah disediakan untuk orang-orang kafir dan orang-orang Mu'min dalam sebuah pemandangan dari pemandangan-pemandangan hari Qiamat:

إِنَّآ أَعْتَدْنَا لِلظَّٰلِمِينَ نَارًا أَحَاطَ بِهِمْ سُرَادِقُهَا ۚ وَإِن
يَسْتَغِيثُوا۟ يُغَاثُوا۟ بِمَآءٍ كَٱلْمُهْلِ يَشْوِى ٱلْوُجُوهَ ۚ
بِئْسَ ٱلشَّرَابُ وَسَآءَتْ مُرْتَفَقًا ﴿٢٩﴾

"Sesungguhnya Kami telah menyediakan untuk orang-orang yang zalim itu Neraka yang gejolaknya melingkungi mereka, dan jika mereka meminta pertolongan, maka mereka akan diberi pertolongan dengan air seperti air danor yang membakarkan muka. Itulah minuman yang paling dahsyat dan itulah tempat kediaman yang paling buruk."(29)

إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ إِنَّا لَا نُضِيعُ
أَجْرَ مَنْ أَحْسَنَ عَمَلًا ﴿٣٠﴾
أُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمْ جَنَّٰتُ عَدْنٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهِمُ ٱلْأَنْهَٰرُ
يُحَلَّوْنَ فِيهَا مِنْ أَسَاوِرَ مِن ذَهَبٍ وَيَلْبَسُونَ ثِيَابًا خُضْرًا
مِّن سُندُسٍ وَإِسْتَبْرَقٍ مُّتَّكِـِٔينَ فِيهَا عَلَى ٱلْأَرَآئِكِ ۚ نِعْمَ
ٱلثَّوَابُ وَحَسُنَتْ مُرْتَفَقًا ﴿٣١﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh, Kami tetap tidak akan mensia-siakan pahala siapa sahaja yang telah melakukan amalan

yang baik(30). Merekalah yang akan memperolehi Syurga-syurga 'Adni yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, dan di dalam Syurga-syurga itu mereka akan dihiaskan dengan gelang-gelang emas dan memakai pakaian-pakaian hijau yang diperbuat dari sutera yang halus dan sutera yang tebal bersulam sambil duduk bersandar di atas peterana-peterana yang indah. Itulah sebaik-baik balasan dan sebaik-baik tempat kediaman(31).

إِنَّآ أَعۡتَدۡنَا لِلظَّٰلِمِينَ نَارًا

"Sesungguhnya Kami telah menyediakan untuk orang-orang yang zalim itu Neraka."(29)

Kami telah menyiapkan Neraka dan menghadirkannya. Ia tidak memerlukan kepada usaha menghidupkan apinya dan tidak memerlukan satu waktu untuk menyiapkannya. Walaupun penciptaan segala sesuatu itu hanya memerlukan kepada kalimat iradat atau kata-kata "kun" (كن) sahaja lalu sesuatu itu pun terus jadi, namun pengungkapan di sini yang dibuat dengan kata-kata ((أعتدنا)) - "Kami telah menyediakan" - itu adalah membayangkan suasana cepat dan siap sedia, juga membayangkan bahawa (orang-orang yang zalim) itu dibawa terus ke Neraka yang telah disediakan untuk menyambut mereka.

Api Neraka dengan gejolak-gejolaknya melingkungi orang-orang yang zalim, di mana tiada lagi jalan lari, tiada lagi harapan selamat dan tiada lagi angan-angan untuk mendapat lubang-lubang angin yang lembut atau mendapat sebarang keselesaan.

Sekiranya mereka meminta pertolongan dari kebakaran dan kedahagaan, mereka akan diberi pertolongan dengan air yang serupa dengan gelodak minyak yang mendidih - mengikut satu pendapat - dan serupa dengan logam cair yang panas - mengikut satu pendapat yang lain - yang membakar muka sebaik sahaja ia mendekatinya apatah lagi dengan halkum-halkum dan perut-perut yang menelannya!

بِئۡسَ ٱلشَّرَابُ

"Itulah minuman yang paling dahsyat."(29)

Itulah minuman yang disediakan untuk menolong orang-orang yang terseksa dari kebakaran. Alangkah dahsyatnya Neraka dengan gejolak-gejolaknya yang dijadikan sebagai tempat berehat dan bersenang-senang. Menyebut bayangan suasana bersenang di dalam gejolak-gejolak api Neraka (yang melinkungi mereka) itu merupakan satu penghinaan yang amat pahit, kerana mereka berada di sana bukannya untuk bersenang-senang malah untuk dibakar, tetapi itulah tandingan dengan suasana bersenang-senang yang dini'mati oleh orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh di dalam Syurga sana. Alangkah jauh perbezaannya!

Sementara mereka berada di dalam keadaan yang dahsyat itu, di sana terdapat pula orang-orang yang beriman dan mengelakan amalan yang soleh sedang berada di dalam Syurga-syurga 'Adni sebagai tempat kediaman yang kekal, di mana sungai-sungai mengalir di bawahnya dengan pemandangan yang indah dan tiupan bayu yang nyaman. Mereka berada di sana benar-benar untuk bersenang-senang:

مُّتَّكِـِٔينَ فِيهَا عَلَى ٱلۡأَرَآئِكِۚ

"Sambil duduk bersandar di atas peterana-peterana yang indah."(31)

Dan di sanalah mereka berhias dengan pakaian-pakaian yang berwarna-warni yang diperbuat dari sutera yang halus dan nipis dan dari kain sutera bertekat yang tebal, ditambah pula dengan gelang-gelang emas untuk perhiasan dan keni'matan:

نِعۡمَ ٱلثَّوَابُ وَحَسُنَتۡ مُرۡتَفَقًا ﴿٣١﴾

"Itulah sebaik-baik balasan dan sebaik-baik tempat kediaman."(31)

Setiap orang bebas memilih. Sesiapa yang mahukan keimanan dia boleh beriman dan sesiapa yang mahukan kekufuran dia boleh kufur. Sesiapa yang mahu duduk bersama-sama orang-orang Mu'min yang miskin yang berbaju hapak dengan bau peluh dia boleh duduk atau dia boleh lari. Oleh itu sesiapa yang tidak suka menghidu bau peluh hapak dari baju-baju orang-orang miskin yang mempunyai hati yang sentiasa bersih dengan Zikrullah, maka bolehlah dia pergi bersenang-senang di dalam gejolak-gejolak api Neraka dan bersedap-sedap dengan minuman gelodak minyak atau air danor untuk menolong mereka dari kepanasan Neraka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 32 - 44)

Di Antara Nilai Kebendaan Dan Nilai Keimanan

Kemudian dikemukakan kisah dua orang lelaki dan dua ladang yang memberi contoh perbandingan kepada nilai-nilai yang hilang musnah dan nilai-nilai yang kekal abadi serta melukiskannya dua contoh yang jelas bagi jiwa manusia yang berbangga dengan kesenangan hidup dunia dan jiwa manusia yang berbangga dengan Allah. Kedua-duanya merupakan contoh insani bagi segolongan manusia. Lelaki yang memiliki dua buah ladang itu merupakan contoh seorang hartawan yang terpersona dengan harta kekayaannya dan merasa angkuh dengan kehidupannya yang senang hingga lupa kepada kekuatan agung yang menguasai kedudukan dan kehidupan manusia. Dia menganggap ni'mat kesenangan hidup ini kekal tidak musnah. Oleh itu dia tidak akan dikecewakan oleh kekuatan dan darjat kebesarannya. Sementara kawannya pula merupakan contoh seorang Mu'min yang berbangga dengan keimanannya dan sentiasa mengingati Tuhannya. Dia melihat ni'mat kesenangan itu sebagai bukti kemurahan Allah dan pengurniaan-Nya yang wajib disyukuri dan dikenangi bukan diingkari dan dikufuri.

Kisah ini dimulakan dengan senario dua buah ladang yang subur dan indah:

وَٱضْرِبْ لَهُم مَّثَلًا رَّجُلَيْنِ جَعَلْنَا لِأَحَدِهِمَا جَنَّتَيْنِ مِنْ
أَعْنَٰبٍ وَحَفَفْنَٰهُمَا بِنَخْلٍ وَجَعَلْنَا بَيْنَهُمَا زَرْعًا ﴿٣٢﴾
كِلْتَا ٱلْجَنَّتَيْنِ ءَاتَتْ أُكُلَهَا وَلَمْ تَظْلِم مِّنْهُ شَيْـًٔا ۚ وَفَجَّرْنَا
خِلَٰلَهُمَا نَهَرًا ﴿٣٣﴾

"Dan berikanlah kepada mereka satu perbandingan, iaitu cerita dua orang lelaki, salah seorang dari keduanya Kami telah kurniakan kepadanya dua ladang anggur dan Kami kelilingi ladang-ladang itu dengan pokok tamar dan di antara dua ladang itu pula Kami mengadakan tanaman-tanaman yang lain(32). Kedua-dua ladang itu telah menghasilkan buah-buahan yang sempurna, tiada sedikit pun yang kurang, dan Kami alirkan pula dicelah-celah kedua ladang itu anak-anak sungai."(33).

وَكَانَ لَهُۥ ثَمَرٌ

"Dan dia juga mempunyai hasil buahan yang lain."(34)

Itulah dua ladang anggur yang sedang berbuah dikelilingi banjaran pokok-pokok tamar dan di antara keduanya terdapat berbagai-bagai tanaman yang lain dan anak-anak sungai yang mengalir. Itulah satu pemandangan yang indah, menyegar, memberi keni'matan dan kekayaan:

كِلْتَا ٱلْجَنَّتَيْنِ ءَاتَتْ أُكُلَهَا وَلَمْ تَظْلِم مِّنْهُ شَيْـًٔا ۚ

"Kedua-dua ladang itu telah menghasilkan buah-buahan yang sempurna, tiada sedikit pun yang kurang."(33)

Ungkapan ini memilih kata-kata "تظلم" dengan erti "kurang" untuk ditandingkan di antara dua ladang itu dengan pemiliknya yang telah menzalimkan dirinya sendiri dengan sikapnya yang angkuh dan tidak bersyukur.

Lihatlah tuanpunya dua ladang ini begitu bangga dengan ladangnya dan begitu besar hati melihatnya. Dia menunjuk-nunjukkan kesan kebanggaannya laksana ayam jantan yang membuka kepaknya dan laksana merak yang mengembangkan ekornya. Dia mendabik dadanya kepada kawannya yang miskin:

فَقَالَ لِصَٰحِبِهِۦ وَهُوَ يُحَاوِرُهُۥٓ أَنَا۠ أَكْثَرُ مِنكَ
مَالًا وَأَعَزُّ نَفَرًا ﴿٣٤﴾

"Lalu dia berkata kepada temannya ketika dia berdialog dengannya: Aku mempunyai harta kekayaan yang lebih banyak dari engkau dan mempunyai pengikut-pengikut yang lebih kuat."(34)

Kemudian dia berjalan dengan kawannya memasuki salah satu dari dua ladang itu dengan hati yang penuh bangga dan angkuh. Dia telah lupakan Allah dan lupa untuk mensyukuri ni'mat pemberian-Nya. Dia menyangka ladang-ladangnya yang berbuah lebih itu tidak akan musnah buat selama-lamanya dan secara tegas pula dia ingkarkan hari Qiamat, dan andainya hari Qiamat itu berlaku juga, maka dia (percaya) bahawa dia tetap akan mendapat kedudukan yang baik pada hari Akhirat, kerana bukankah di dunia ini dia telah menjadi tuanpunya ladang-ladang dan sudah tentu kedudukannya itu akan dipandang tinggi pula pada hari Akhirat.

وَدَخَلَ جَنَّتَهُۥ وَهُوَ ظَالِمٌ لِّنَفْسِهِۦ قَالَ مَآ أَظُنُّ أَن
تَبِيدَ هَٰذِهِۦٓ أَبَدًا ﴿٣٥﴾
وَمَآ أَظُنُّ ٱلسَّاعَةَ قَآئِمَةً وَلَئِن رُّدِدتُّ إِلَىٰ رَبِّى لَأَجِدَنَّ
خَيْرًا مِّنْهَا مُنقَلَبًا ﴿٣٦﴾

"Dan dia memasuki ladangnya dengan sikap yang menganiayai dirinya sendiri seraya berkata: Aku fikir ladang-ladang ini tidak akan musnah buat selama-lamanya(35). Dan aku juga fikir Qiamat tidak akan berlaku dan andainya aku dikembalikan kepada Tuhanku tentulah aku akan memperolehi tempat kediaman yang lebih baik dari ini."(36)

Itulah perasaan angkuh yang membuat manusia-manusia yang berpangkat, berkuasa, mewah dan kaya itu berfikir bahawa nilai-nilai yang diberikan kepada mereka oleh penduduk dunia yang fana ini akan terus diberikan kepada mereka sehingga di alam al-Mala'ul-A'la. Selama mereka mempunyai kedudukan yang mengatasi penghuni-penghuni bumi ini, maka sudah tentu pula mereka mempunyai kedudukan yang terhormat di langit.

Adapun kawannya yang miskin yang tidak mempunyai sebarang kekayaan, tidak mempunyai pengikut-pengikut, tidak mempunyai ladang dan hasil-hasil yang lain, maka dia berbangga dengan nilai-nilai yang lebih kekal dan lebih tinggi lagi. Dia berbangga dengan 'aqidah dan keimanannya dan dia berbangga dengan Allah yang dipatuhi semua makhluk. Dia menentang pendirian kawannya yang angkuh itu dan mengecam keangkuhannya. Dia mengingatkannya dengan asal-usul kejadiannya yang hina yang diciptakan dari air mani dan tanah. Dia menasihatkannya supaya menunjukkan adab sopan yang wajib terhadap Allah yang mengurniakan ni'mat, dia memberi amaran terhadap akibat keangkuhan dan kesombongannya dan dia sentiasa mengharapkan kurnia di sisi Allah yang lebih baik dari ladang dan buah-buahan itu:

قَالَ لَهُۥ صَاحِبُهُۥ وَهُوَ يُحَاوِرُهُۥٓ أَكَفَرْتَ بِٱلَّذِى خَلَقَكَ
مِن تُرَابٍ ثُمَّ مِن نُّطْفَةٍ ثُمَّ سَوَّىٰكَ رَجُلًا ﴿٣٧﴾
لَّٰكِنَّا۠ هُوَ ٱللَّهُ رَبِّى وَلَآ أُشْرِكُ بِرَبِّىٓ أَحَدًا ﴿٣٨﴾
وَلَوْلَآ إِذْ دَخَلْتَ جَنَّتَكَ قُلْتَ مَا شَآءَ ٱللَّهُ لَا قُوَّةَ إِلَّا
بِٱللَّهِ ۚ إِن تَرَنِ أَنَا۠ أَقَلَّ مِنكَ مَالًا وَوَلَدًا ﴿٣٩﴾

فَعَسَىٰ رَبِّيٓ أَن يُؤۡتِيَنِ خَيۡرٗا مِّن جَنَّتِكَ وَيُرۡسِلَ عَلَيۡهَا
حُسۡبَانٗا مِّنَ ٱلسَّمَآءِ فَتُصۡبِحَ صَعِيدٗا زَلَقًا ﴿٤٠﴾
أَوۡ يُصۡبِحَ مَآؤُهَا غَوۡرٗا فَلَن تَسۡتَطِيعَ لَهُۥ طَلَبٗا ﴿٤١﴾

"Lalu temannya berkata kepadanya ketika dia berdialog dengannya: Apakah engkau tidak percaya lagi kepada Tuhan yang telah menciptakan engkau dari tanah kemudian dari nutfah kemudian Dia menjadikan engkau seorang lelaki (yang sempurna)(37). Tetapi bagi kami Allah itulah Tuhanku dan aku tidak sekali mempersekutukan Tuhanku dengan sesiapa pun(38). Sepatutnya engkau berkata sewaktu engkau memasuki ladang engkau tadi: Masya' Allah (semuanya ini adalah kurnia yang telah dikehendaki Allah) tiada daya upaya (bagiku) melainkan dengan pertolongan Allah. Jika engkau memandang aku mempunyai harta kekayaan dan anak pinak yang lebih sedikit darimu(39). Maka aku harap semoga Tuhanku mengurniakan satu ni'mat yang lebih baik dari ladangmu dan (lambat-laun Dia akan) menimpakan ladangmu dengan satu bencana dari langit menyebabkan ladang-ladang itu menjadi tanah yang tandus licin(40). Atau air sungai ladang itu menjadi kering ditelan bumi menyebabkan engkau tidak akan dapat mencarinya lagi."(41)

Beginilah perasaan bangga dengan keimanan itu membongkas di dalam jiwa yang beriman. Ia tidak menghiraukan harta dan para pengikut, ia tidak peduli kepada kekayaan dan kesombongan. Ia tidak teragak-agak terhadap kebenaran dan tidak akan mengambil hati kawan-kawan untuk mempertahankan kebenaran. Dan beginilah orang yang beriman itu merasa dirinya kuat dan gagah apabila berdepan dengan pangkat kebesaran dan harta kekayaan. Dia memandang limpah kurnia di sisi Allah lebih baik dari segala kesenangan hidup dunia, dan memandang bahawa limpah kurnia Allah itu amat luas dan dia sentiasa bercita-cita mendapatkan limpah kurnia Allah. Seterusnya dia memandang kemurkaan Allah itu amat dahsyat dan lambat-laun akan menimpa ke atas orang-orang yang lalai dan angkuh.

Kemudian secara mendadak ayat-ayat berikut memindahkan kita dari pemandangan kesuburan dan kemakmuran kepada pemandangan kemusnahan dan kehancuran, dari keadaan sombong dan angkuh kepada keadaan menyesal dan memohon keampunan. Itulah keadaan yang telah diduga oleh teman yang beriman itu:

وَأُحِيطَ بِثَمَرِهِۦ فَأَصۡبَحَ يُقَلِّبُ كَفَّيۡهِ عَلَىٰ
مَآ أَنفَقَ فِيهَا وَهِيَ خَاوِيَةٌ عَلَىٰ عُرُوشِهَا وَيَقُولُ
يَٰلَيۡتَنِي لَمۡ أُشۡرِكۡ بِرَبِّيٓ أَحَدٗا ﴿٤٢﴾

"Dan seluruh hasil tanamannya dibinasakan menyebabkannya membalik-balikkan kedua tangannya (kerana menyesali) perbelanjaan-perbelanjaan yang telah dihabiskan kerana ladang-ladang itu, sedangkan semuanya telah roboh bersama junjung-junjungnya sambil berkata: Alangkah baiknya jika aku tidak mempersekutukan Allah Tuhanku dengan sesiapa pun."(42)

Itulah satu pemandangan yang amat jelas terpampang: Segala buah-buahan telah musnah belaka seolah-olah ia diserang dari segala sudutnya dan tiada sedikit pun yang selamat. Segala junjungan ladang anggur itu runtuh dan hancur lebur semuanya, sedangkan pemiliknya kelihatan membalik-balikkan kedua tangannya kerana menyesal dan sedih di atas kehilangan wang perbelanjaannya dan kehilangan usaha tenaganya. Dia menyesali perbuatannya yang telah mempersekutukan Allah, dan baru sekarang dia mengakui Rububiyah dan Wahdaniyah Allah. Walaupun dia tidak pernah mengeluarkan perkataan syirik secara terus terang, namun sikapnya yang berbangga dengan nilai hidup dunia yang lain dari nilai-nilai iman merupakan satu perbuatan syirik yang dikecam dan disesalinya sekarangdi samping memohon perlindungan dari-Nya walaupun setelah terluput waktunya.

Di sini ditonjolkan hanya Allah sahaja yang memiliki perlindungan dan kekuasaan dan tiada kekuatan sebenar melainkan kekuatan Allah dan tiada pertolongan sebenar melainkan pertolongan-Nya. Di samping itu balasan Allah merupakan sebaik-baik balasan, dan segala kebaikan yang ada di sisi Allah untuk seorang itu merupakan sebaik-baik kebaikan yang masih tinggal:

وَلَمۡ تَكُن لَّهُۥ فِئَةٞ يَنصُرُونَهُۥ مِن دُونِ ٱللَّهِ وَمَا كَانَ
مُنتَصِرًا ﴿٤٣﴾
هُنَالِكَ ٱلۡوَلَٰيَةُ لِلَّهِ ٱلۡحَقِّۚ هُوَ خَيۡرٞ ثَوَابٗا وَخَيۡرٌ عُقۡبٗا ﴿٤٤﴾

"Dan tiada satu kumpulan manusia pun yang dapat menolongnya selain dari Allah dan dia juga tidak dapat membela dirinya sendiri(43). Di sana seluruh kuasa memberi perlindungan hanya menjadi milik Allah Yang Maha Benar sahaja. Dialah sebaik-baik pemberi ganjaran dan sebaik-baik pemberi balasan."(44)

Kemudian tirai dilabuhkan menutupi pemandangan ladang-ladang yang runtuh dan musnah dan pemandangan tuanpunya kebun yang membalik-balikkan dua tangannya

kerana sedih dan menyesal, sedangkan di sana kebesaran Allah memayungi seluruh suasana itu dan qudrat kuasa manusia kelihatan hilang lenyap.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 45 - 46)

Di hadapan pemandangan inilah Allah mengemukakan sebuah contoh perbandingan bagi kehidupan dunia seluruhnya, iaitu kehidupan dunia itu laksana kebun yang pendek umur yang telah dikemukakan tadi sebagai contoh perbandingan. Ia tidak kekal dan mantap:

وَٱضۡرِبۡ لَهُم مَّثَلَ ٱلۡحَيَوٰةِ ٱلدُّنۡيَا كَمَآءٍ أَنزَلۡنَٰهُ مِنَ

ٱلسَّمَآءِ فَٱخۡتَلَطَ بِهِۦ نَبَاتُ ٱلۡأَرۡضِ فَأَصۡبَحَ هَشِيمٗا
تَذۡرُوهُ ٱلرِّيَٰحُۗ وَكَانَ ٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ مُّقۡتَدِرًا ﴿٤٥﴾

"Dan berilah satu perbandingan tentang kehidupan dunia. Ia laksana air hujan yang Kami turunkan dari langit, kemudian tumbuhlah aneka tumbuhan bumi yang bersebati dengannya, kemudian ia menjadi kering dan hancur ditiup angin, dan Allah Maha Kuasa di atas segala sesuatu."(45)

Pemandangan ini ditayangkan dengan ringkas dan sepintas lalu sahaja untuk menimbulkan di dalam hati suasana kemusnahan dan kebinasaan. Air hujan turun dari langit tanpa berlari dan mengalir tetapi terus bercampur dan bersebati dengan tumbuhan-tumbuhan di bumi, sementara tumbuhan-tumbuhan pula tidak (digambarkan) subur dan masak, tetapi terus menjadi kering dan hancur lebur di tiup angin. Di antara tiga rangkai ayat yang pendek itu berakhirlah tayangan filem kehidupan itu.

Untuk memendekkan tayangan pemandangan-pemandangan itu, digunakan susunan kata-kata yang diiringi dengan Fa' "الفاء" yang menunjukkan tertib kejadian (yang bererti: Kemudian):

كَمَآءٍ أَنزَلۡنَٰهُ مِنَ ٱلسَّمَآءِ فَٱخۡتَلَطَ بِهِۦ نَبَاتُ ٱلۡأَرۡضِ
فَأَصۡبَحَ هَشِيمٗا تَذۡرُوهُ ٱلرِّيَٰحُۗ

"Laksana air hujan yang Kami turunkan dari langit, kemudian tumbuhlah aneka tumbuhan bumi yang bersebati dengannya, kemudian ia menjadi kering dan hancur ditiup angin."(45)

Alangkah pendek umurnya dan alangkah lemah hidupnya.

Setelah pemandangan kehidupan yang binasa itu mencetuskan kesannya di dalam hati, maka ayat yang berikut menjelaskan pula nilai-nilai hidup yang dicintai manusia di dunia dan nilai-nilai yang kekal abadi yang wajar mendapat perhatian mereka dengan menggunakan neraca 'aqidah:

ٱلۡمَالُ وَٱلۡبَنُونَ زِينَةُ ٱلۡحَيَوٰةِ ٱلدُّنۡيَاۖ وَٱلۡبَٰقِيَٰتُ
ٱلصَّٰلِحَٰتُ خَيۡرٌ عِندَ رَبِّكَ ثَوَابٗا وَخَيۡرٌ أَمَلٗا ﴿٤٦﴾

"Harta kekayaan dan anak pinak hanya merupakan hiasan kehidupan dunia sahaja, sedangkan amalan-amalan soleh yang kekal adalah lebih baik di sisi Allah Tuhanmu dari segi balasan dan lebih baik dari segi harapan."(46)

Harta kekayaan dan anak pinak hanya hiasan kehidupan sahaja, dan Islam tidak melarang manusia meni'mati hiasan-hiasan kehidupan dalam batas hiasan-hiasan yang baik, malah ia memberi nilai hiasan yang wajar kepada kedua-duanya mengikut neraca pertimbangan keni'matan yang kekal abadi dan tidak lebih dari itu.

Kedua-duanya adalah hiasan sahaja bukannya nilai. Oleh sebab itu manusia tidak boleh diukur dan dinilai berdasarkan kedua-duanya di dalam kehidupan ini, malah nilai yang sebenar adalah terletak pada amalan-amalan soleh yang kekal dalam bentuk tindakan-tindakan, perkataan-perkataan dan ibadat-ibadat.

Sekiranya cita-cita dan harapan manusia biasanya dikaitkan dengan harta kekayaan dan anak pinak, maka amalan-amalan soleh yang kekal itu dapat memberi ganjaran dan harapan yang lebih baik lagi pada hari balasan, di mana hati orang-orang yang beriman meletakkan harapan mereka kepadanya dan menunggu-nunggu hasilnya.

* * * * * *

Demikianlah bimbingan Ilahi kepada Rasulullah s.a.w. supaya beliau tetap bersahabat dengan orang-orang Mu'min yang beribadat kepada Allah pagi dan petang itu selaras dengan saranan kisah dua buah ladang itu, juga selaras dengan bayangan contoh perbandingan kehidupan dunia, dan seterusnya selaras dengan penjelasan yang akhir ini, di mana dijelaskan nilai yang sebenar bagi kehidupandi dunia dan kehidupan selepas hidup di dunia. Seluruhnya bekerjasama membetulkan nilai-nilai mengikut neraca 'aqidah, dan seluruhnya berjalan seiringan di dalam surah ini mengikut faedah keseimbangan yang seni dan keseimbangan perasaan di dalam Al-Qur'an. [4]

(Kumpulan ayat-ayat 47 - 59)

وَيَوۡمَ نُسَيِّرُ ٱلۡجِبَالَ وَتَرَى ٱلۡأَرۡضَ بَارِزَةٗ وَحَشَرۡنَٰهُمۡ
فَلَمۡ نُغَادِرۡ مِنۡهُمۡ أَحَدٗا ﴿٤٧﴾
وَعُرِضُواْ عَلَىٰ رَبِّكَ صَفّٗا لَّقَدۡ جِئۡتُمُونَا كَمَا خَلَقۡنَٰكُمۡ
أَوَّلَ مَرَّةِۭۚ بَلۡ زَعَمۡتُمۡ أَلَّن نَّجۡعَلَ لَكُم مَّوۡعِدٗا ﴿٤٨﴾
وَوُضِعَ ٱلۡكِتَٰبُ فَتَرَى ٱلۡمُجۡرِمِينَ مُشۡفِقِينَ مِمَّا
فِيهِ وَيَقُولُونَ يَٰوَيۡلَتَنَا مَالِ هَٰذَا ٱلۡكِتَٰبِ لَا
يُغَادِرُ صَغِيرَةٗ وَلَا كَبِيرَةً إِلَّآ أَحۡصَىٰهَاۚ وَوَجَدُواْ
مَا عَمِلُواْ حَاضِرٗاۗ وَلَا يَظۡلِمُ رَبُّكَ أَحَدٗا ﴿٤٩﴾
وَإِذۡ قُلۡنَا لِلۡمَلَٰٓئِكَةِ ٱسۡجُدُواْ لِأٓدَمَ فَسَجَدُوٓاْ إِلَّآ
إِبۡلِيسَ كَانَ مِنَ ٱلۡجِنِّ فَفَسَقَ عَنۡ أَمۡرِ رَبِّهِۦٓۗ

---

4 *Lihat bab* "القصة في القرآن" *dalam kitab* "التصوير الفني في القرآن"

أَفَتَتَّخِذُونَهُۥ وَذُرِّيَّتَهُۥٓ أَوْلِيَآءَ مِن دُونِى وَهُمْ لَكُمْ
عَدُوٌّۢ ۚ بِئْسَ لِلظَّٰلِمِينَ بَدَلًا ﴿٥٠﴾
مَّآ أَشْهَدتُّهُمْ خَلْقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَلَا خَلْقَ
أَنفُسِهِمْ وَمَا كُنتُ مُتَّخِذَ ٱلْمُضِلِّينَ عَضُدًا ﴿٥١﴾
وَيَوْمَ يَقُولُ نَادُوا۟ شُرَكَآءِىَ ٱلَّذِينَ زَعَمْتُمْ فَدَعَوْهُمْ
فَلَمْ يَسْتَجِيبُوا۟ لَهُمْ وَجَعَلْنَا بَيْنَهُم مَّوْبِقًا ﴿٥٢﴾
وَرَءَا ٱلْمُجْرِمُونَ ٱلنَّارَ فَظَنُّوٓا۟ أَنَّهُم مُّوَاقِعُوهَا وَلَمْ
يَجِدُوا۟ عَنْهَا مَصْرِفًا ﴿٥٣﴾

"(Ingatlah) pada hari Kami bongkarkan segala gunung-ganang dan engkau dapat melihat bumi ini terdedah mendatar begitu nyata dan Kami himpunkan seluruh mereka, Kami tidak tinggal seorang pun dari mereka(47). Dan mereka dibawa di hadapan Tuhanmu dengan berbaris (lalu dikatakan kepada mereka): Sesungguhnya (hari ini) kamu telah datang kepada Kami dengan keadaan yang sama sewaktu Kami ciptakan kamu pada kali yang pertama, malah kamu telah menyangka bahawa Kami tidak akan mengadakan untuk kamu masa (kebangkitan dan pengadilan ini)(48). Dan (pada hari itu) dibentangkan buku laporan amalan, maka (di sana) engkau dapat melihat orang-orang yang berdosa begitu takut kepada apa yang tersurat di dalamnya dan mereka berkata: Amboi malangnya nasib kami! Mengapakah buku ini tidak meninggalkan (sesuatu apa) baik kecil mahupun besar melainkan semuanya dihitung satu persatu? Dan mereka dapati segala apa yang telah dilakukan mereka tercatat belaka. Dan Tuhanmu tidak menganiayai sesiapa pun(49). Dan (kenangilah) ketika Kami berfirman kepada para malaikat: Sujudlah kepada Adam, lalu seluruh mereka sujud belaka kecuali Iblis yang berasal dari bangsa jin maka dialah sahaja yang telah melanggar perintah Tuhannya. Apakah wajar kamu mengambil Iblis dan keturunannya sebagai pemimpin-pemimpin selain dari Aku, sedangkan mereka seteru kamu? Dialah seburuk-buruk pengganti bagi orang-orang yang zalim(50). Aku tidak pernah menghadirkan mereka sebagai saksi dalam penciptaan langit dan bumi dan tidak juga dalam ciptaan diri mereka sendiri dan aku tidak pernah mengambil para penyesat itu sebagai pembantu-pembantu(51). Dan (ingatlah) pada hari Allah berfirman: Panggillah sekalian sekutu-sekutu-Ku yang telah kamu dakwakan itu. Lalu mereka pun memanggil mereka,tetapi sekutu-sekutu itu tidak menyahuti panggilan mereka. Dan Kami telah jadikan di antara mereka satu tempat kebinasaan (Neraka)(52). Dan (pada hari itu) orang-orang yang berdosa akan melihat Neraka lalu yakinlah mereka bahawa mereka akan dihumbankanke dalamnya dan mereka tidak akan menemui sebarang jalan lagi yang dapat menghindarkan mereka darinya"(53).

وَلَقَدْ صَرَّفْنَا فِى هَٰذَا ٱلْقُرْءَانِ لِلنَّاسِ مِن كُلِّ مَثَلٍ ۚ
وَكَانَ ٱلْإِنسَٰنُ أَكْثَرَ شَىْءٍ جَدَلًا ﴿٥٤﴾

وَمَا مَنَعَ ٱلنَّاسَ أَن يُؤْمِنُوٓا۟ إِذْ جَآءَهُمُ ٱلْهُدَىٰ
وَيَسْتَغْفِرُوا۟ رَبَّهُمْ إِلَّآ أَن تَأْتِيَهُمْ سُنَّةُ ٱلْأَوَّلِينَ
أَوْ يَأْتِيَهُمُ ٱلْعَذَابُ قُبُلًا ﴿٥٥﴾
وَمَا نُرْسِلُ ٱلْمُرْسَلِينَ إِلَّا مُبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ ۚ
وَيُجَٰدِلُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِٱلْبَٰطِلِ لِيُدْحِضُوا۟ بِهِ
ٱلْحَقَّ ۖ وَٱتَّخَذُوٓا۟ ءَايَٰتِى وَمَآ أُنذِرُوا۟ هُزُوًا ﴿٥٦﴾
وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّن ذُكِّرَ بِـَٔايَٰتِ رَبِّهِۦ فَأَعْرَضَ عَنْهَا
وَنَسِىَ مَا قَدَّمَتْ يَدَاهُ ۚ إِنَّا جَعَلْنَا عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ أَكِنَّةً
أَن يَفْقَهُوهُ وَفِىٓ ءَاذَانِهِمْ وَقْرًا ۖ وَإِن تَدْعُهُمْ إِلَى
ٱلْهُدَىٰ فَلَن يَهْتَدُوٓا۟ إِذًا أَبَدًا ﴿٥٧﴾
وَرَبُّكَ ٱلْغَفُورُ ذُو ٱلرَّحْمَةِ ۖ لَوْ يُؤَاخِذُهُم بِمَا كَسَبُوا۟
لَعَجَّلَ لَهُمُ ٱلْعَذَابَ ۚ بَل لَّهُم مَّوْعِدٌ لَّن يَجِدُوا۟ مِن
دُونِهِۦ مَوْئِلًا ﴿٥٨﴾
وَتِلْكَ ٱلْقُرَىٰٓ أَهْلَكْنَٰهُمْ لَمَّا ظَلَمُوا۟ وَجَعَلْنَا
لِمَهْلِكِهِم مَّوْعِدًا ﴿٥٩﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah memberi penjelasan kepada manusia di dalam Al-Qur'an ini dengan berbagai-bagai contoh perbandingan, tetapi manusia adalah suatu kejadian yang paling banyak berdebat(54). Dan tiada yang menghalangi manusia dari beriman ketika hidayat sampai kepada mereka dan dari memohon keampunan kepada Tuhan mereka kecuali mereka ditimpa undang-undang keseksaan Allah yang telah menimpa umat-umat yang lalu atau mereka ditimpa 'azab yang dapat dilihat dengan mata kepala mereka(55). Dan Kami tidak utuskanpara rasul itu melainkan hanya sebagai penyampai berita gembira dan pemberi amaran, tetapi orang-orang yang kafir sentiasa membantah dengan alasan yang batil untuk menghapuskan kebenaran, dan mereka telah mempersenda-sendakan ayat-ayatku dan segala amaran yang diberikan kepada mereka(56). Dan siapakah yang lebih zalim dari orang yang telah diperingati dengan ayat-ayat Tuhannya tetapi dia berpaling darinya dan lupakan dosa yang telah dilakukannya. Sesungguhnya Kami telah meletakkan di atas hati mereka penutup-penutup menyebabkan mereka tidak dapat memahaminya dan di dalam telinga mereka penyumbat-penyumbat, kerana itu jika engkau menyeru mereka kepada hidayat, mereka tidak akan menerima hidayat buat selama-lamanya(57). Dan Tuhanmu Maha Pengampun dan Maha Limpah rahmat-Nya. Jika Dia hendak menimpakan 'azab ke atas mereka dengan sebab dosa-dosa yang telah dilakukan mereka nescaya Dia boleh mempercepatkan 'azab itu

menimpa mereka, tetapi untuk mereka telah ditetapkan masa pembalasan, di mana mereka tidak akan menemui sebarang tempat perlindungan darinya(58). Itulah penduduk negeri-negeri yang telah Kami binasakan mereka ketika mereka melakukan kezaliman dan Kami telah menetapkan masa tertentu untuk membinasakan mereka.'(59)

Pelajaran yang lepas telah berakhir dengan pembicaraan mengenai amalan-amalan soleh yang kekal abadi dan di sini Al-Qur'an menyambungkan pula pembicaraannya mengenai hari Qiamat, di mana amalan-amalan yang soleh itu ditimbang dan dihisab. Ia menayangkan hari itu di dalam satu pemandangan dari pemandangan-pemandangan Qiamat. Kemudian ia iringi dengan singgungan sepintas lalu mengenai cerita iblis pada hari ia diperintah sujud kepada Adam, tetapi dia telah melanggar perintah Allah. Kisah ini disinggung untuk menyatakan kehairanan terhadap perbuatan manusia yang mengambil syaitan-syaitan sebagai pemimpin-pemimpin mereka, sedangkan mereka telah mengetahui bahawa syaitan-syaitan itu adalah seteru mereka. Dan kerana perbuatan itu mereka akhirnya mendapat 'azab pada Hari Hisab. Kemudian ia menyebut pula tentang sekutu-sekutu (tuhan-tuhan palsu) yang tidak menyahut seruan para penyembahnya pada hari yang dijanjikan itu.

Di samping itu Allah telah menjelaskan berulang-ulang kali berbagai-bagai perbandingan kepada manusia supaya mereka memelihara diri mereka dari malapetaka hari itu, tetapi malangnya mereka tidak juga mahu beriman, malah mereka mencabar supaya ditimpakan 'azab yang diancamkan itu atau supaya mereka ditimpakan kebinasaan yang telah menimpa umat-umat sebelum mereka. Mereka terus berdebat dengan alasan-alasan yang batil untuk menewaskan kebenaran. Mereka mempermain-mainkan ayat-ayat Allah dan para rasul-Nya. Dan andainya tidak kerana limpah rahmat Allah tentulah dia mempercepatkan 'azab itu kepada mereka.

Pusingan ini yang menayangkan pemandangan-pemandangan Qiamat dan kebinasaan-kebinasaan yang menimpa para pendusta itu adalah mempunyai pertalian yang rapat dengan paksi pembicaraan surah dalam usaha untuk membetulkan 'aqidah dan menerangkan balasan yang menunggu para pendusta supaya mereka mendapat hidayat.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 47 - 49)

وَيَوْمَ نُسَيِّرُ ٱلْجِبَالَ وَتَرَى ٱلْأَرْضَ بَارِزَةً وَحَشَرْنَٰهُمْ
فَلَمْ نُغَادِرْ مِنْهُمْ أَحَدًا ﴿٤٧﴾
وَعُرِضُوا۟ عَلَىٰ رَبِّكَ صَفًّا لَّقَدْ جِئْتُمُونَا كَمَا خَلَقْنَٰكُمْ
أَوَّلَ مَرَّةٍۭ ۚ بَلْ زَعَمْتُمْ أَلَّن نَّجْعَلَ لَكُم مَّوْعِدًا ﴿٤٨﴾
وَوُضِعَ ٱلْكِتَٰبُ فَتَرَى ٱلْمُجْرِمِينَ مُشْفِقِينَ مِمَّا
فِيهِ وَيَقُولُونَ يَٰوَيْلَتَنَا مَالِ هَٰذَا ٱلْكِتَٰبِ لَا
يُغَادِرُ صَغِيرَةً وَلَا كَبِيرَةً إِلَّآ أَحْصَىٰهَا ۚ وَوَجَدُوا۟
مَا عَمِلُوا۟ حَاضِرًا ۗ وَلَا يَظْلِمُ رَبُّكَ أَحَدًا ﴿٤٩﴾

"(Ingatlah) pada hari Kami bongkarkan segala gunung-ganang dan engkau dapat melihat bumi ini terdedah mendatar begitu nyata dan Kami himpunkan seluruh mereka, Kami tidak tinggal seorang pun dari mereka(47). Dan mereka dibawa di hadapan Tuhanmu dengan berbaris (lalu dikatakan kepada mereka): Sesungguhnya (hari ini) kamu telah datang kepada Kami dengan keadaan yang sama sewaktu Kami ciptakan kamu pada kali yang pertama, malah kamu telah menyangka bahawa Kami tidak akan mengadakan untuk kamu masa (kebangkitan dan pengadilan itu)(48). Dan (pada hari itu) dibentangkan buku laporan amalan, maka (di sana) engkau dapat melihat orang-orang yang berdosa begitu takut kepada apa yang tersurat di dalamnya dan mereka berkata: Amboi malangnya nasib Kami! Mengapakah buku ini tidak meninggalkan (sesuatu apa) baik kecil mahupun besar melainkan semuanya dihitung satu persatu? Dan mereka dapati segala apa yang telah dilakukan mereka tercatat belaka. Dan Tuhanmu tidak menganiayai sesiapa pun."(49)

Itulah pemandangan yang diikut serta oleh alam. Kedahsyatan pemandangan itu terlukis jelas di lembaran-lembaran alam dan lembaran-lembaran hati manusia. Ia merupakan suatu pemandangan, di mana bukit-bukau dan gunung-ganang yang kukuh teguh itu kelihatan bergoyang dan berjalan. Bagaimanapun dengan hati manusia? Dan bumi kelihatan tandus, licin dan seluruh permukaannya terdedah, tiada lagi tanah-tanah tinggi dan tanah-tanah gaung, tiada lagi gunung-ganang dan tiada lagi wadi-wadi dan perlembahan-pelembahan. Lubuk-lubuk hati yang tersembunyi juga turut terdedah hingga tiada satu pun yang tersembunyi.

Dan dari pemandangan bumi rata yang terbuka dan tidak melindungi sesuatu apa dan sesiapa pun.....:

وَحَشَرْنَٰهُمْ فَلَمْ نُغَادِرْ مِنْهُمْ أَحَدًا ﴿٤٧﴾

"Kami himpunkan seluruh mereka. Kami tidak tinggal seorang pun dari mereka."(47)

Dan dari pemandangan-perhimpunan agung yang tidak meninggal seorang pun, Al-Qur'an membawa (kita) kepada pemandangan perbarisan seluruh manusia:

وَعُرِضُوا۟ عَلَىٰ رَبِّكَ صَفًّا

"Dan mereka dibawa di hadapan Tuhanmu dengan berbaris"(48)

seluruh manusia yang tidak terhingga bilangannya sejak wujudnya umat manusia di muka bumi ini hingga tamatnya kehidupan dunia ini adalah

dikumpul dan dihimpun dalam barisan-barisan yang berjejal. Tiada seorang pun yang tertinggal. Bumi terdedah rata tidak dapat menyembunyikan seorang pun.

Di sini ayat berikut beralih dari penceritaan kepada percakapan. Kini pemandangan itu terdedah nyata dan segala apa yang berlaku dapat dilihat dan didengar oleh kita. Kini kita melihat tanda kehampaan di atas wajah-wajah mereka yang mengingkari hari kebangkitan itu:

لَّقَدْ جِئْتُمُونَا كَمَا خَلَقْنَٰكُمْ أَوَّلَ مَرَّةٍۭ ۚ بَلْ زَعَمْتُمْ أَلَّن نَّجْعَلَ لَكُم مَّوْعِدًا ﴿٤٨﴾

"Sesungguhnya (hari ini) kamu telah datang kepada Kami dengan keadaan yang sama sewaktu Kami ciptakan kamu pada kali pertama, malah kamu telah menyangka bahawa Kami tidak akan mengadakan untuk kamu masa (kebangkitan dan pengadilan ini)."(48)

Peralihan dari penceritaan kepada percakapan menghidupkan lagi pemandangan itu dan menjadikannya terpampang jelas seolah di hadapan mata di sa'at itu, bukannya pada masa depan di alam ghaib pada Hari Hisab.

Kita hampir-hampir dapat memerhatikan tanda-tanda kecewa dan hina diraut muka mereka ketika suara Ilahi yang amat hebat itu mengecam para pendusta itu:

لَّقَدْ جِئْتُمُونَا كَمَا خَلَقْنَٰكُمْ أَوَّلَ مَرَّةٍۭ

"Sesungguhnya (hari ini) kamu datang kepada Kami dengan keadaan yang sama sewaktu Kami ciptakan kamu pada kali yang pertama"(48)

sedangkan kamu telah menyangka bahawa kebangkitan ini tidak akan berlaku:

بَلْ زَعَمْتُمْ أَلَّن نَّجْعَلَ لَكُم مَّوْعِدًا ﴿٤٨﴾

"Malah kamu telah menyangka bahawa Kami tidak akan mengadakan untuk kamu masa (kebangkitan dan pengadilan ini)."(48)

Setelah menghidup dan menghadirkan pemandangan itu dengan peralihan dari penceritaan kepada percakapan, Al-Qur'an kembali menyambung ceritanya mengenai apa yang berlaku di sana:

وَوُضِعَ ٱلْكِتَٰبُ فَتَرَى ٱلْمُجْرِمِينَ مُشْفِقِينَ مِمَّا فِيهِ

"Dan (pada hari itu) dibentangkan buku laporan amalan-amalan, maka (di sana) engkau dapat melihat orang-orang yang berdosa begitu takut kepada apa yang tersurat di dalamnya."(49)

Itulah buku catatan amalan mereka dibentangkan di hadapan mereka. Mereka membaca dan menyemak buku itu dengan hati-hati, tiba-tiba mereka dapatinya mengandungi catatan-catatan yang lengkap dan halus. Mereka amat takut kepada akibatnya dan merasa geram terhadap buku ini, yang tidak meninggal sesuatu apa pun dan tiada sesuatu pun yang terluput darinya sama ada kecil atau besar:

وَيَقُولُونَ يَٰوَيْلَتَنَا مَالِ هَٰذَا ٱلْكِتَٰبِ لَا يُغَادِرُ صَغِيرَةً وَلَا كَبِيرَةً إِلَّآ أَحْصَىٰهَا ۚ

"Dan mereka berkata: Amboi malangaya nasib kami! Mengapakah buku ini tidak meninggalkan (sesuatu apa) baik kecil mahupun besar melainkan semuanya dihitung satu persatu?"(49)

Itulah keluhan orang yang dendam, marah, takut dan bimbang kepada akibat-akibat yang amat buruk. Dia telah ditangkap dengan keadaan terdedah menyebabkannya tidak berupaya lagi untuk melepas dan melarikan diri, juga tidak berupaya lagi untuk berdalih dan putarbelit:

وَوَجَدُوا۟ مَا عَمِلُوا۟ حَاضِرًا ۗ

"Dan mereka dapati segala apa yang telah dilakukan mereka ada tercatat belaka"(49)

dan kerana itu mereka mendapat balasan yang adil:

وَلَا يَظْلِمُ رَبُّكَ أَحَدًا ﴿٤٩﴾

"Dan Tuhanmu tidak menganiayai sesiapa pun."(49)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 50 - 53)

Para pendosa yang bersikap demikian memang mengetahui bahawa Iblis itu musuh mereka, tetapi mereka masih menjadikannya itu sebagai pemimpin mereka, kerana itu Iblis membawa mereka kepada situasi yang amat gawat. Alangkah anehnya sikap mereka yang berpemimpinkan Iblis dan zuriat keturunannya, sedangkan Iblis musuh ketat mereka sejak tercetusnya perseteruan di antara Adam dan Iblis:

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَٰٓئِكَةِ ٱسْجُدُوا۟ لِءَادَمَ فَسَجَدُوٓا۟ إِلَّآ إِبْلِيسَ كَانَ مِنَ ٱلْجِنِّ فَفَسَقَ عَنْ أَمْرِ رَبِّهِۦٓ ۗ أَفَتَتَّخِذُونَهُۥ وَذُرِّيَّتَهُۥٓ أَوْلِيَآءَ مِن دُونِى وَهُمْ لَكُمْ عَدُوٌّۢ ۚ بِئْسَ لِلظَّٰلِمِينَ بَدَلًا ﴿٥٠﴾

"Dan (kenangilah) ketika Kami berfirman kepada para malaikat: Sujudlah kepada Adam, lalu seluruh mereka sujud belaka kecuali Iblis yang berasal dari bangsa jin, maka dialah sahaja yang telah melanggar perintah Tuhannya. Apakah wajar kamu mengambil Iblis dan keturunannya sebagai pemimpin-pemimpin selain dari Aku, sedangkan mereka seteru kamu? Dialah seburuk-buruk pengganti bagi orang-orang yang zalim."(50)

Singgungan ini ditujukan kepada kisah lama yang diceritakan di sini untuk menyatakan kehairanan terhadap sikap anak-anak Adam yang telah mengambil zuriat keturunan Iblis sebagai pemimpin-

pemimpin mereka selain selepas tercetusnya perseteruan yang amat lama itu.

Pengambilan Iblis dan zuriatnya sebagai pemimpin-pemimpin itu berlaku dalam bentuk mengikuti dorongan-dorongan maksiat dan menjauhi dorongan-dorongan ta'at.

Mengapa manusia menjadikan musuh-musuh mereka sebagai pemimpin-pemimpin, sedangkan musuh-musuh mereka tidak mempunyai ilmu dan kekuatan, kerana Allah tidak pernah menghadirkan mereka untuk berunding dengan mereka dalam urusan penciptaan langit dan bumi, juga dalam urusan penciptaan diri mereka sendiri, dan Allah tidak pernah memperlihatkan kepada mereka urusan ghaibnya. Allah tidak pernah melantik mereka sebagai pembantu-pembantu-Nya hingga mereka mendapat kekuatan:

مَّآ أَشۡهَدتُّهُمۡ خَلۡقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ وَلَا خَلۡقَ
أَنفُسِهِمۡ وَمَا كُنتُ مُتَّخِذَ ٱلۡمُضِلِّينَ عَضُدٗا ٥١

"Aku tidak pernah menghadirkan mereka sebagai saksi dalam penciptaan langit dan bumi dan tidak juga dalam ciptaan diri mereka sendiri dan aku tidak pernah mengambil para penyesat itu sebagai pembantu-pembantu."(51)

Mereka hanya salah satu makhluk dari makhluk-makhluk Allah sahaja. Mereka tidak mengetahui urusan ghaib-Nya dan Allah S.W.T. Juga tidak pernah meminta pertolongan mereka.

وَمَا كُنتُ مُتَّخِذَ ٱلۡمُضِلِّينَ عَضُدٗا ٥١

"Dan aku tidak pernah mengambil para penyesat itu sebagai pembantu-pembantu."(51)

Apakah Allah pernah mengambil makhluk-makhluk yang bukan penyesat sebagai pembantu-Nya?

Maha Suci Allah Yang Maha Terkaya dari semesta alam lagi Maha Gagah dan Maha Kuat! - sebenarnya pengungkapan ini hanya bertujuan mengikuti cara pemikiran karut kaum Musyrikin sahaja untuk mengesan dan membasmikannya, kerana orang-orang yang berpemimpinkan Syaitan dan mempersekutukan Allah dengan Syaitan itu telah mengikuti jalan ini dengan berpedomankan anggapan mereka yang karut bahawa Syaitan mempunyai ilmu yang amat halus dan kekuatan yang luar biasa, sedangkan sebenarnya Syaitan itu penyesat dan Allah bencikan kesesatan dan para penyesat. Jika Allah - sekadar mengikut kaedah andaian dan sepak terajang perdebatan sahaja - mahu menggunakan penolong-penolong tentulah dia tidak akan memilih penolong-penolong itu dari golongan penyesat.

Inilah pengertian yang mahu disampaikan dengan pengungkapan ini. Kemudian ditayangkan pula sebuah pemandangan dari pemandangan-pemandangan Qiamat yang menunjukkan nasib sekutu-sekutu (tuhan-tuhan palsu) dan para pendosa:

وَيَوۡمَ يَقُولُ نَادُواْ شُرَكَآءِيَ ٱلَّذِينَ زَعَمۡتُمۡ فَدَعَوۡهُمۡ
فَلَمۡ يَسۡتَجِيبُواْ لَهُمۡ وَجَعَلۡنَا بَيۡنَهُم مَّوۡبِقٗا ٥٢
وَرَءَا ٱلۡمُجۡرِمُونَ ٱلنَّارَ فَظَنُّوٓاْ أَنَّهُم مُّوَاقِعُوهَا وَلَمۡ
يَجِدُواْ عَنۡهَا مَصۡرِفٗا ٥٣

"Dan (ingatlah) pada hari Allah berfirman: Panggillah sekalian sekutu-sekutu-Ku yang telah kamu dakwakan itu. Lalu mereka pun memanggil mereka, tetapi sekutu-sekutu itu tidak menyahuti panggilan mereka. Dan Kami telah jadikan di antara mereka satu tempat kebinasaan (Neraka)(52). Dan (pada hari itu) orang-orang yang berdosa akan melihat Neraka lalu yakinlah mereka bahawa mereka akan dihumbankan ke dalamnya dan mereka tidak akan menemui sebarang jalan lagi yang dapat menghindarkan mereka darinya."(53)

Mereka kini berada dalam situasi yang tidak berguna lagi kepada mereka membuat dakwaan tanpa dalil dan bukti, kerana Allah mencabar mereka membawa sekutu-sekutu yang telah didakwakan mereka. Allah menyuruh mereka memanggil sekutu-sekutu itu supaya hadir, dan dalam keadaan yang terpinga-pinga itu mereka lupa bahawa mereka sedang berada di Akhirat, lalu mereka pun memanggil para sekutu itu, tetapi mereka tidak menyahut. Sebenarnya mereka hanya dari makhluk-makhluk Allah sahaja yang tidak berupaya melakukan apa-apa terhadap diri mereka dan orang lain di dalam suasana yang menakutkan itu. Allah telah menjadikan di antara sekutu-sekutu dan para penyembah mereka satu tempat kebinasaan yang tidak dapat dilewati kedua-dua golongan itu. Itulah api Neraka.

وَجَعَلۡنَا بَيۡنَهُم مَّوۡبِقٗا ٥٢

"Dan Kami telah jadikan di antara mereka satu tempat kebinasaan (Neraka)."(52)

Para pendosa itu melihat dengan hati yang penuh takut dan cemas, mereka menduga pada setiap sa'at bahawa mereka akan dihumbankan ke dalam Neraka. Alangkah seksanya menunggu 'azab yang telah ada di hadapan mata, sedangkan mereka yakin pula bahawa mereka tidak akan terlepas darinya:

وَرَءَا ٱلۡمُجۡرِمُونَ ٱلنَّارَ فَظَنُّوٓاْ أَنَّهُم مُّوَاقِعُوهَا وَلَمۡ
يَجِدُواْ عَنۡهَا مَصۡرِفٗا ٥٣

"Dan (pada hari itu) orang-orang yang berdosa akan melihat Neraka lalu yakinlah mereka bahawa mereka akan dihumbankan ke dalamnya dan mereka tidak akan menemui sebarang jalan lagi yang dapat menghindarkan mereka darinya."(53)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 54 - 59)

Dahulu mereka mempunyai jalan untuk melepaskan diri dari Neraka jika mereka menumpukan hati mereka kepada Al-Qur'an dan tidak mempertikaikan kebenaran yang dibawanya, di mana Allah telah mengemukakan berbagai-bagai macam perbandingan supaya mencakupi semua keadaan:

وَلَقَدْ صَرَّفْنَا فِي هَٰذَا الْقُرْآنِ لِلنَّاسِ مِن كُلِّ مَثَلٍ ۚ
وَكَانَ الْإِنسَانُ أَكْثَرَ شَيْءٍ جَدَلًا ﴿٥٤﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah memberi penjelasan kepada manusia di dalam Al-Qur'an ini dengan berbagai-bagai contoh perbandingan, tetapi manusia adalah suatu kejadian yang paling banyak berdebat."(54)

Ayat ini menggambarkan manusia di tempat ini sebagai "suatu kejadian" sahaja, iaitu dia merupakan suatu kejadian yang paling banyak berdebat. Tujuannya untuk merendahkan sedikit keangkuhan manusia dan mengurangkan perasaan sombongnya dan supaya dia sedar bahawa dia hanya salah satu dari makhluk-makhluk Allah yang amat banyak, dan bahawa dia adalah satu-satunya makhluk di antara makhluk-makhluk Allah yang paling banyak berdebat setelah Allah mengemukakan segala macam perbandingan di dalam Al-Qur'an.

Kemudian Al-Qur'an membentangkan kekeliruan yang dipegang oleh orang-orang yang tidak beriman yang terdiri dari kebanyakan manusia di sepanjang zaman dan kerasulan:

وَمَا مَنَعَ النَّاسَ أَن يُؤْمِنُوا إِذْ جَاءَهُمُ الْهُدَىٰ
وَيَسْتَغْفِرُوا رَبَّهُمْ إِلَّا أَن تَأْتِيَهُمْ سُنَّةُ الْأَوَّلِينَ
أَوْ يَأْتِيَهُمُ الْعَذَابُ قُبُلًا ﴿٥٥﴾

"Dan tiada yang menghalangi manusia dari beriman ketika hidayat sampai kepada mereka dan dari memohon keampunan kepada Tuhan mereka kecuali mereka ditimpa undang-undang keseksaan Allah yang telah menimpa umat-umat yang lalu atau mereka ditimpa 'azab yang dapat dilihat dengan mata kepala mereka."(55)

Hidayat telah pun sampai kepada mereka dengan kadar yang cukup yang membolehkan mereka menerima hidayat itu, tetapi malangnya mereka mencabar supaya ditimpakan ke atas mereka kebinasaan yang telah ditimpakan ke atas para pendusta sebelum mereka - kerana menganggapkan perkara itu mustahil berlaku dan kerana bersenda-senda - atau ditimpakan 'azab yang datang di hadapan mata mereka dan mereka sendiri melihat 'azab itu akan menimpa mereka. Hanya di waktu inilah sahaja baru mereka yakin dan mahu beriman.

Ini semua bukan urusan para rasul. Penimpaan kebinasaan ke atas para pendusta yang telah menjadi undang-undang Allah pada umat-umat yang dahulu setelah di bawa mu'jizat-mu'jizat yang didustakan mereka atau penghantaran sesuatu 'azab keseksaan adalah semuanya dari urusan Allah belaka, sedangkan tugas para rasul hanya selaku penyampai berita gembira dan pemberi amaran sahaja:

وَمَا نُرْسِلُ الْمُرْسَلِينَ إِلَّا مُبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ ۚ
وَيُجَادِلُ الَّذِينَ كَفَرُوا بِالْبَاطِلِ لِيُدْحِضُوا بِهِ
الْحَقَّ ۖ وَاتَّخَذُوا آيَاتِي وَمَا أُنذِرُوا هُزُوًا ﴿٥٦﴾

"Dan Kami tidak utuskan para rasul itu melainkan hanya sebagai penyampai berita gembira dan pemberi amaran, tetapi orang-orang yang kafir sentiasa membantah dengan alasan yang batil untuk menghapuskan kebenaran dan mereka telah mempersenda-sendakan ayat-ayat-Ku dan segala amaran yang diberikan kepada mereka."(56)

Kebenaran itu memang amat jelas, tetapi orang-orang yang kafir selalu membantahnya dengan alasan-alasan yang batil untuk menewas dan menghapuskannya. Mereka bukannya ingin mencari keyakinan apabila mereka menuntut mu'jizat-mu'jizat atau meminta disegerakan 'azab keseksaan, malah tujuan mereka hanya untuk mempersenda-sendakan ayat-ayat Allah dan amaran-amaran-Nya sahaja.

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّن ذُكِّرَ بِآيَاتِ رَبِّهِ فَأَعْرَضَ عَنْهَا
وَنَسِيَ مَا قَدَّمَتْ يَدَاهُ ۚ إِنَّا جَعَلْنَا عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ أَكِنَّةً
أَن يَفْقَهُوهُ وَفِي آذَانِهِمْ وَقْرًا ۖ وَإِن تَدْعُهُمْ إِلَى
الْهُدَىٰ فَلَن يَهْتَدُوا إِذًا أَبَدًا ﴿٥٧﴾

"Dan siapakah yang lebih zalim dari orang yang telah diperingati dengan ayat-ayat Tuhannya tetapi dia berpaling darinya dan lupakan dosa yang telah dilakukannya. Sesungguhnya Kami telah meletakkan di atas hati mereka penutup-penutup menyebabkan mereka tidak dapat memahaminya dan di dalam telinga mereka menyumbat penyumbat, kerana itu jika engkau menyeru mereka kepada hidayat, mereka tidak akan menerima hidayat buat selamanya."(57)

Mereka yang mempersenda-sendakan ayat-ayat Allah dan amaran-amaran-Nya tidak dapat diharapkan dari mereka memahami Al-Qur'an ini dan mengambil apa-apa manfa'at darinya. Oleh sebab itulah Allah meletakkan penutup-penutup di atas hati mereka, yang menghalangkan mereka dari memahaminya dan memasukkan penyumbat-penyumbat di dalam telinga mereka yang tidak membolehkan mendengar. Allah telah menetapkan kesesatan ke atas mereka dengan sebab sendaan dan perbuatan mereka yang berpaling dari Al-Qur'an. Justeru itu mereka tidak akan mendapat hidayat buat selama-lamanya. Hidayat itu memerlukan hati-hati yang terbuka dan bersedia untuk menerima.

وَرَبُّكَ الْغَفُورُ ذُو الرَّحْمَةِ ۖ لَوْ يُؤَاخِذُهُم بِمَا كَسَبُوا

لَعَجَّلَ لَهُمُ ٱلْعَذَابَ

"Dan Tuhanmu Maha Pengampun dan Maha Limpah rahmat-Nya. Jika Dia hendak menimpakan 'azab ke atas mereka dengan sebab dosa-dosa yang telah dilakukan mereka nescaya Dia boleh mempercepatkan 'azab itu menimpa mereka."(58)

Tetapi Allah menangguhkan 'azab itu terhadap mereka kerana kasihan belas kepada mereka dan Allah menundakan kebinasaan yang mereka tuntut dipercepatkan itu, namun demikian Allah tidak akan mengabaikan mereka:

بَل لَّهُم مَّوْعِدٌ لَّن يَجِدُوا۟ مِن دُونِهِۦ مَوْئِلًا ﴿٥٨﴾

"......., tetapi untuk mereka telah ditetapkan masa pembalasan, di mana mereka tidak akan menemui sebarang tempat perlindungan."(58)

Itulah masa pembalasan di dunia, di mana mereka akan ditimpa sedikit 'azab keseksaan dan masa pembalasan di Akhirat di mana mereka akan dihisab dengan sempurna.

Mereka telah melakukan kezaliman, oleh itu mereka wajar menerima 'azab atau kebinasaan seperti umat-umat sebelum mereka, tetapi Allah telah menagguhkannya hingga ke masa pembalasan yang telah ditetapkan untuk mereka kerana sesuatu hikmat yang dikehendaki iradat-Nya terhadap mereka, oleh itu Allah tidak mengazabkan mereka seperti umat-umat itu, malah menetapkan untuk mereka satu masa pembalasan yang lain yang tidak dapat dihindari mereka:

وَتِلْكَ ٱلْقُرَىٰٓ أَهْلَكْنَٰهُمْ لَمَّا ظَلَمُوا۟ وَجَعَلْنَا
لِمَهْلِكِهِم مَّوْعِدًا ﴿٥٩﴾

"Itulah penduduk negeri-negeri yang telah Kami binasakan mereka ketika mereka melakukan kezaliman dan Kami telah menetapkan masa tertentu untuk membinasakan mereka."(59)

Oleh itu mereka jangan tertipu dengan penangguhan Allah terhadap mereka, kerana masa pembalasan itu lambat-laun akan tiba dan kerana Sunnatullah itu tidak pernah mungkir dan Allah tidak pernah menyalahi janji-Nya.

(Kumpulan ayat-ayat 60 - 82)

وَإِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِفَتَىٰهُ لَآ أَبْرَحُ حَتَّىٰٓ أَبْلُغَ مَجْمَعَ
ٱلْبَحْرَيْنِ أَوْ أَمْضِىَ حُقُبًا ﴿٦٠﴾
فَلَمَّا بَلَغَا مَجْمَعَ بَيْنِهِمَا نَسِيَا حُوتَهُمَا فَٱتَّخَذَ
سَبِيلَهُۥ فِى ٱلْبَحْرِ سَرَبًا ﴿٦١﴾
فَلَمَّا جَاوَزَا قَالَ لِفَتَىٰهُ ءَاتِنَا غَدَآءَنَا لَقَدْ لَقِينَا مِن
سَفَرِنَا هَٰذَا نَصَبًا ﴿٦٢﴾
قَالَ أَرَءَيْتَ إِذْ أَوَيْنَآ إِلَى ٱلصَّخْرَةِ فَإِنِّى نَسِيتُ ٱلْحُوتَ
وَمَآ أَنسَىٰنِيهُ إِلَّا ٱلشَّيْطَٰنُ أَنْ أَذْكُرَهُۥ ۚ وَٱتَّخَذَ سَبِيلَهُۥ
فِى ٱلْبَحْرِ عَجَبًا ﴿٦٣﴾
قَالَ ذَٰلِكَ مَا كُنَّا نَبْغِ ۚ فَٱرْتَدَّا عَلَىٰٓ ءَاثَارِهِمَا قَصَصًا ﴿٦٤﴾
فَوَجَدَا عَبْدًا مِّنْ عِبَادِنَآ ءَاتَيْنَٰهُ رَحْمَةً مِّنْ عِندِنَا
وَعَلَّمْنَٰهُ مِن لَّدُنَّا عِلْمًا ﴿٦٥﴾
قَالَ لَهُۥ مُوسَىٰ هَلْ أَتَّبِعُكَ عَلَىٰٓ أَن تُعَلِّمَنِ مِمَّا عُلِّمْتَ
رُشْدًا ﴿٦٦﴾
قَالَ إِنَّكَ لَن تَسْتَطِيعَ مَعِىَ صَبْرًا ﴿٦٧﴾
وَكَيْفَ تَصْبِرُ عَلَىٰ مَا لَمْ تُحِطْ بِهِۦ خُبْرًا ﴿٦٨﴾
قَالَ سَتَجِدُنِىٓ إِن شَآءَ ٱللَّهُ صَابِرًا وَلَآ أَعْصِى
لَكَ أَمْرًا ﴿٦٩﴾
قَالَ فَإِنِ ٱتَّبَعْتَنِى فَلَا تَسْـَٔلْنِى عَن شَىْءٍ حَتَّىٰٓ أُحْدِثَ
لَكَ مِنْهُ ذِكْرًا ﴿٧٠﴾

"Dan (kenangilah) sewaktu Musa berkata kepada teman pemudanya: Aku tidak akan berhenti berjalan sehingga aku sampai di tempat pertembungan dua lautan atau aku akan terus berjalan (walaupun) bertahun-tahun lamanya(60). Dan apabila kedua-duanya tiba di tempat pertembungan dua lautan itu, mereka lupa kepada ikan (bekalan) mereka, lalu ikan itu berjalan menggelongsor ke dalam laut(61). Apabila kedua-duanya melewati (tempat itu), Musa berkata kepada teman pemudanya: Bawalah ke mari makanan kita. Sesungguhnya kita telah mendapat letih lesu kerana perjalanan kita (yang jauh) ini(62). Jawab temannya: Tidakkah engkau ingat sewaktu kita berhenti di atas batu yang besar tadi, kerana sesungguhnya aku telah terlupa (menceritakan tentang) ikan itu dan tiada yang melupakanku untuk menceritakannya (kepadamu) melainkan syaitan dan (sebenarnya) ikan itu telah berjalan menggelongsor ke dalam laut dengan cara yang aneh sekali(63). Ujar Musa: Itulah tempat yang kita cari, lalu kedua-duanya kembali semula (ke tempat itu) menyusuli jejak-jejak mereka(64). Lalu mereka menemui seorang hamba dari hamba-hamba Kami yang telah Kami kurniakan kepadanya rahmat dari sisi Kami dan Kami telah ajarkan kepadanya pedoman ilmu (ghaib) dari sisi Kami(65). Musa berkata kepadanya: Bolehkah aku mengikut

engkau supaya engkau ajarkan kepada aku sebahagian ilmu pedoman (ghaib) yang telah diajarkan kepadamu?(66) Dia menjawab: Engkau tidak akan mampu bersabar bersamaku(67). Bagaimana engkau hendak bersabar terhadap perkara-perkara yang engkau tidak mengetahuinya secara mendalam(68). Jawab Musa: Insya Allah engkau akan dapatiku sanggup bersabar dan aku tidak akan melanggar sebarang perintahmu(69). Dia menjawab: (Baiklah) jika engkau mahu mengikut aku janganlah engkau bertanya kepadaku sesuatu apa pun sehingga aku sendiri menjelaskannya kepadamu"(70).

فَٱنطَلَقَا حَتَّىٰٓ إِذَا رَكِبَا فِي ٱلسَّفِينَةِ خَرَقَهَا ۖ قَالَ
أَخَرَقۡتَهَا لِتُغۡرِقَ أَهۡلَهَا لَقَدۡ جِئۡتَ شَيۡـًٔا إِمۡرٗا ٧١
قَالَ أَلَمۡ أَقُلۡ إِنَّكَ لَن تَسۡتَطِيعَ مَعِيَ صَبۡرٗا ٧٢
قَالَ لَا تُؤَاخِذۡنِي بِمَا نَسِيتُ وَلَا تُرۡهِقۡنِي مِنۡ أَمۡرِي
عُسۡرٗا ٧٣
فَٱنطَلَقَا حَتَّىٰٓ إِذَا لَقِيَا غُلَٰمٗا فَقَتَلَهُۥ قَالَ أَقَتَلۡتَ نَفۡسٗا
زَكِيَّةَۢ بِغَيۡرِ نَفۡسٖ لَّقَدۡ جِئۡتَ شَيۡـٔٗا نُّكۡرٗا ٧٤
قَالَ أَلَمۡ أَقُل لَّكَ إِنَّكَ لَن تَسۡتَطِيعَ مَعِيَ صَبۡرٗا ٧٥
قَالَ إِن سَأَلۡتُكَ عَن شَيۡءِۭ بَعۡدَهَا فَلَا تُصَٰحِبۡنِي ۖ قَدۡ
بَلَغۡتَ مِن لَّدُنِّي عُذۡرٗا ٧٦
فَٱنطَلَقَا حَتَّىٰٓ إِذَآ أَتَيَآ أَهۡلَ قَرۡيَةٍ ٱسۡتَطۡعَمَآ أَهۡلَهَا
فَأَبَوۡاْ أَن يُضَيِّفُوهُمَا فَوَجَدَا فِيهَا جِدَارٗا يُرِيدُ أَن
يَنقَضَّ فَأَقَامَهُۥ ۖ قَالَ لَوۡ شِئۡتَ لَتَّخَذۡتَ عَلَيۡهِ أَجۡرٗا ٧٧
قَالَ هَٰذَا فِرَاقُ بَيۡنِي وَبَيۡنِكَ ۚ سَأُنَبِّئُكَ بِتَأۡوِيلِ مَا لَمۡ
تَسۡتَطِع عَّلَيۡهِ صَبۡرًا ٧٨
أَمَّا ٱلسَّفِينَةُ فَكَانَتۡ لِمَسَٰكِينَ يَعۡمَلُونَ فِي ٱلۡبَحۡرِ
فَأَرَدتُّ أَنۡ أَعِيبَهَا وَكَانَ وَرَآءَهُم مَّلِكٞ يَأۡخُذُ كُلَّ
سَفِينَةٍ غَصۡبٗا ٧٩
وَأَمَّا ٱلۡغُلَٰمُ فَكَانَ أَبَوَاهُ مُؤۡمِنَيۡنِ فَخَشِينَآ أَن يُرۡهِقَهُمَا
طُغۡيَٰنٗا وَكُفۡرٗا ٨٠
فَأَرَدۡنَآ أَن يُبۡدِلَهُمَا رَبُّهُمَا خَيۡرٗا مِّنۡهُ زَكَوٰةٗ وَأَقۡرَبَ
رُحۡمٗا ٨١
وَأَمَّا ٱلۡجِدَارُ فَكَانَ لِغُلَٰمَيۡنِ يَتِيمَيۡنِ فِي ٱلۡمَدِينَةِ
وَكَانَ تَحۡتَهُۥ كَنزٞ لَّهُمَا وَكَانَ أَبُوهُمَا صَٰلِحٗا فَأَرَادَ
رَبُّكَ أَن يَبۡلُغَآ أَشُدَّهُمَا وَيَسۡتَخۡرِجَا كَنزَهُمَا
رَحۡمَةٗ مِّن رَّبِّكَ ۚ وَمَا فَعَلۡتُهُۥ عَنۡ أَمۡرِي ۚ ذَٰلِكَ تَأۡوِيلُ
مَا لَمۡ تَسۡطِع عَّلَيۡهِ صَبۡرٗا ٨٢

"Lalu kedua-dua pun berjalan sehingga apabila kedua-duanya menaiki bahtera tiba-tiba ia melubangkannya, lalu Musa berkata: Apakah engkau melubangkannya untuk menenggelamkan para penumpangnya? Sesungguhnya engkau telah melakukan satu kesalahan yang besar(71). Dia menjawab: Bukankah tadi aku telah berkata bahawa engkau tidak akan mampu bersabar bersamaku?(72). Ujar Musa: Janganlah engkau mengambil salah atas kelupaanku itu dan janganlah engkau bebankanku dengan sesuatu yang menyulitkan urusanku(73). Lalu kedua-duanya berjalan lagi sehingga kedua-duanya bertemu dengan seorang budak tiba-tiba dia terus membunuhnya. Ujar Musa: Apakah patut engkau membunuh seorang yang tidak bersalah kerana membunuh orang lain? Sesungguhnya engkau telah melakukan satu perbuatan yang mungkar(74). Dia berkata: Bukankah tadi aku telah katakan kepadamu bahawa engkau tidak akan mampu bersabar bersamaku?(75). Ujar Musa: Jika aku bertanya sesuatu kepadamu selepas ini, maka janganlah engkau bersama-sama dengan aku lagi. Sesungguhnya engkau telah mendapat alasan yang cukup dariku(76). Lalu kedua-duanya berjalan lagi sehingga apabila mereka sampai ke sebuah kampung, kedua-duanya meminta makanan dari penduduknya, tetapi mereka enggan menerima mereka sebagai tamu, kemudian mereka menemui di situ sebuah tembok yang hendak runtuh lalu dia (hamba yang soleh) menegakkannya kembali, lantas Musa pun berkata: Jika engkau mahu, engkau berhak mengambil upahnya(77). Dia menjawab inilah masa perpisahan di antara aku denganmu, (sekarang) aku akan menceritakan kepadamu pentafsiran mengenai tindakan-tindakanku yang engkau tidak mampu bersabar terhadapnya(78). Adapun bahtera (yang dirosakkan itu) adalah kepunyaan orang-orang miskin yang bekerja di laut. Oleh itu aku mahu merosakkan bahtera itu kerana di belakang mereka ada seorang raja yang akan merampas setiap bahtera (yang baik)(79). Adapun budak (yang dibunuh itu) kedua-dua ibubapanya adalah orang-orang yang beriman, lalu kami bimbang dia akan mendorongkan kedua-duanya kepada kederhakaan dan kekufuran(80). Oleh itu kami mahu supaya Allah gantikan kepada keduanya seorang anak (yang lain) yang lebih baik darinya dari segi kebersihan hati dan lebih akrab dari segi hubungan kasih sayang(81). Adapun tembok (yang ditegakkan kembali) itu, ia adalah kepunyaan dua orang kanak-kanak yang yatim piatu di bandar itu, dan di bawah tembok itu ada (tersimpan) harta kekayaan kepunyaan mereka berdua. Bapa kedua-duanya adalah seorang yang soleh. Oleh itu Tuhanmu menghendaki kedua-dua budak itu sampai umur dewasa yang kuat dan mereka dapat mengeluarkan harta itu sebagai rahmat dari Tuhanmu. Dan aku tidak lakukan semuanya ini mengikut

fikiran-Ku sendiri. Itulah pentafsiran mengenai tindakan-tindakanku yang engkau tidak mampu bersabar terhadapnya"(82).

Babak sirah Musa a.s. ini tidak disebut di dalam Al-Qur'an kecuali di tempat ini sahaja di dalam surah ini. Al-Qur'an tidak menentukan tempat, di mana berlakunya babak peristiwa ini kecuali menyebut "tempat pertembungan dua lautan". Ia juga tidak menentukan tarikh berlakunya dalam masa hidup Musa. Adakah ia berlaku ketika beliau masih berada di Mesir sebelum beliau membawa Bani Israel keluar daripadanya atau selepasnya? Jika selepas keluar, bilakah pula masanya adakah sebelum beliau membawa mereka ke bumi suci (al-Ardhul-Mukaddasah) atau selepas beliau membawa mereka ke negeri itu dan berhenti di hadapannya, mereka tidak mahu memasukinya kerana di sana ada satu kaum yang kuat dan angkuh? Atau ia berlaku selepas mereka merayau di padang gurun dalam keadaan berselerak dan berpecah belah?

Begitu juga Al-Qur'an tidak menyebut apa-apa mengenai hamba yang soleh yang ditemui oleh Musa itu. Siapakah dia? Apakah namanya? Adakah dia seorang nabi atau rasul? Atau seorang alim atau seorang wali?

Di sana terdapat banyak riwayat dari Ibn Abbas dan lainnya mengenai kisah ini. Kami hanya berhenti setakat keterangan nas-nas kisah yang disebut di dalam Al-Qur'an, sahaja supaya kita dapat hidup, "Di Dalam Bayangan Al-Qur'an", dan pada hemat kami pembentangan kisah di dalam Al-Qur'an mengikut cara yang dibentangkan itu tanpa ditokok tambah dan tanpa ditentukan tempat, zaman dan nama-nama itu adalah mengandungi satu hikmat istimewa. Oleh itu kami hanya berhenti setakat meni'mati keterangan nas-nas Al-Qur'an sahaja.[5]

(Pentafsiran ayat-ayat 60 - 82)

وَإِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِفَتَىٰهُ لَآ أَبْرَحُ حَتَّىٰٓ أَبْلُغَ مَجْمَعَ
ٱلْبَحْرَيْنِ أَوْ أَمْضِىَ حُقُبًا ﴿٦٠﴾

"Dan (kenangilah) sewaktu Musa berkata kepada teman pemudanya: Aku tidak akan berhenti berjalan sehingga aku sampai di tempat pertembungan dua lautan atau aku akan terus berjalan (walaupun) bertahun-tahun lamanya."(60)

Yang lebih rajih - Allahu a'lam - maksud tempat pertemuan dua lautan itu ialah Laut Rum dan Laut Qulzum iaitu Laut Mediterranian dan Laut Merah. Tempat pertemuan dua laut ini ialah di kawasan tasik-tasik al-Murrah (at-Buhayrat al-Murrah) dan Tasik Buaya (Buhayrah at-Timsah) atau tempat pertemuan dua teluk iaitu Teluk 'Aqabah dan Teluk Suez di Laut Merah. Kawasan ini merupakan pentas sejarah Bani Israel selepas mereka keluar dari negeri Mesir. Walau bagaimanapun Al-Qur'an hanya menyebutnya secara umum sahaja. Oleh itu kami hanya berpada dengan isyarat ini.[6]

Dari keterangan kisah ini, kita dapat faham bahawa Musa a.s. mempunyai satu matlamat yang penting dari perjalanan yang telah diazamkannya itu. Beliau mempunyai satu tujuan besar di sebalik perjalanan itu. Beliau menyatakan keazamannya untuk sampai ke tempat pertemuan dua lautan itu biar bagaimana sukar sekalipun dan biarpun bagaimana lama masa yang harus dihabiskannya untuk sampai ke sana. Dia mengungkapkan keazamannya yang kukuh itu dengan ungkapan yang diceritakan oleh Al-Qur'an:

أَوْ أَمْضِىَ حُقُبًا ﴿٦٠﴾

"Aku akan terus berjalan (walaupun) bertahun-tahun lamanya."(60)

Kata-kata "حقب" menurut satu pendapat bererti satu tahun dan mengikut pendapat yang lain ialah lapan puluh tahun. Biar bagaimanapun, namun ia merupakan satu pernyataan untuk menerangkan azam yang kukuh dan bukannya untuk menentukan lama masa perjalanan itu:

فَلَمَّا بَلَغَا مَجْمَعَ بَيْنِهِمَا نَسِيَا حُوتَهُمَا فَٱتَّخَذَ
سَبِيلَهُۥ فِى ٱلْبَحْرِ سَرَبًا ﴿٦١﴾
فَلَمَّا جَاوَزَا قَالَ لِفَتَىٰهُ ءَاتِنَا غَدَآءَنَا لَقَدْ لَقِينَا مِن

---

5 *Al-Bukhari telah membawa sebuah hadith ketika memperkatakan kisah ini di dalam al-Qur'an: Kami telah diceritakan oleh al-Humaidi, kami telah diceritakan oleh Sufyan, kami telah diceritakan oleh 'Amr ibn Dinar, kami telah dikhabarkan oleh Al-Bukhari telah membawa sebuah hadith ketika memperkatakan kisah ini di dalam al-Quraan: Kami telah diceritakan oleh al-Humaidi, kami telah diceritakan oleh Sufyan, kami telah diceritakan oleh 'Amr ibn Dinar, kami telah dikhabarkan oleh Sa'id ibn Jubayr katanya: Aku berkata kepada Ibn 'Abbas: Nauf al-Bakkali berkata bahawa Musa teman Khaydir (Khidhir) itu bukannya Musa nabi Bani Israel, lalu Ibn 'Abbas pun berkata: Musuh Allah itu telah berdusta. Kami telah diceritakan Ubay ibn Ka'b r.a. bahawa dia telah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: "Musa telah bangkit berucap di hadapan Bani Israel lalu beliau ditanya: Siapakah orang yang paling alim? Jawab beliau: Sayalah. Lalu Allah menegur beliau kerana tidak memulangkan sifat kealiman itu kepada Allah dan mewahyukan kepadanya bahawa Aku mempunyai seorang hamba di tempat pertembungan dua laut yang lebih alim dari engkau. Ujar Musa, Ya Tuhanku! Bagaimana saya dapat bertemu dengannya? Jawab Allah: Bawalah bersama engkau seekor ikan dan isikannya di dalam sebuah bakul, di tempat mana ikan ini hilang di situlah tempat dia tinggal."*

6 *Menurut satu riwayat, Qatadah dan beberapa orang yang lain telah berkata: Tempat pertemuan dua lautan itu ialah Laut Parsi di sebelah Timur dan Laut Rum di sebelah Barat. Dan kata Muhammad ibn Ka'b al-Qurazi: Itulah tempat pertemuan dua lautan di Tanjah di hujung negeri Maghribi. Kami menolak dua pendapat ini.*

سَفَرِنَا هَٰذَا نَصَبًا ﴿٦٢﴾
قَالَ أَرَءَيْتَ إِذْ أَوَيْنَآ إِلَى ٱلصَّخْرَةِ فَإِنِّى نَسِيتُ ٱلْحُوتَ
وَمَآ أَنسَىٰنِيهُ إِلَّا ٱلشَّيْطَٰنُ أَنْ أَذْكُرَهُۥ ۚ وَٱتَّخَذَ سَبِيلَهُۥ
فِى ٱلْبَحْرِ عَجَبًا ﴿٦٣﴾

"Dan apabila kedua-duanya tiba di tempat pertembungan dua lautan itu, mereka lupa kepada ikan (bekalan) mereka, lalu ikan itu berjalan menggelongsor ke dalam laut(61). Apabila kedua-duanya melewati (tempat itu), Musa berkata kepada teman pemudanya: Bawalah ke mari makanan kita. Sesungguhnya kita telah mendapat letih lesu kerana perjalanan kita (yang jauh) ini(62). Jawab temannya: Tidakkah engkau ingat sewaktu kita berhenti di atas batu yang besar tadi, kerana sesungguhnya aku telah terlupa (menceritakan tentang) ikan itu dan tiada yang melupakanku untuk menceritakannya (kepadamu) melainkan syaitan, dan (sebenarnya) ikan itu telah berjalan menggelongsor ke dalam laut dengan cara yang aneh sekali."(63)

Menurut pendapat yang lebih rajih ikan itu ialah ikan panggang dan peristiwa ia hidup balik dan berjalan menggelongsor ke laut merupakan salah satu mu'jizat dari mu'jizat-mu'jizat yang dikurniakan Allah kepada Musa, yang dijadikan tanda untuk mengenal tempat pertemuan (dengan hamba Allah yang soleh) yang dijanjikan itu. Dalilnya ialah kehairanan teman pemudanya terhadap kebolehan ikan itu mengambil jalannya ke laut, jika teman pemudanya bermaksud mengatakan ikan itu telah jatuh lalu tenggelam di dalam laut tentulah peristiwa ini tidak mempunyai apa-apa keajaiban. Pendapat ini disokong oleh perjalanan itu sendiri yang penuh dengan peristiwa-peristiwa ghaib yang memeranjatkan, dan peristiwa ikan ini merupakan salah satu darinya.

Kini Musa sedar bahawa dia telah melampaui tempat pertemuan yang ditentukan Allah kepadanya untuk menemui hamba-Nya yang soleh itu:

قَالَ ذَٰلِكَ مَا كُنَّا نَبْغِ ۚ فَٱرْتَدَّا عَلَىٰٓ ءَاثَارِهِمَا قَصَصًا ﴿٦٤﴾
فَوَجَدَا عَبْدًا مِّنْ عِبَادِنَآ ءَاتَيْنَٰهُ رَحْمَةً مِّنْ عِندِنَا
وَعَلَّمْنَٰهُ مِن لَّدُنَّا عِلْمًا ﴿٦٥﴾

"Ujar Musa: Itulah tempat yang kita cari, lalu kedua-duanya kembali semula (ke tempat itu) menyusuli jejak-jejak mereka(64). Lalu mereka menemui seorang hamba dari hamba-hamba Kami yang telah Kami kurniakan kepadanya rahmat dari sisi Kami dan Kami telah ajarkan kepadanya ilmu (ghaib) dari sisi Kami."(65)

Di sini jelaslah bahawa pertemuan itu merupakan rahsia Musa sahaja bersama Allah. Ia tidak diketahui oleh teman pemudanya sehingga kedua-duanya bertemu dengan hamba yang soleh itu. Oleh sebab itulah di dalam adegan-adegan kisah yang berikut ditunjukkan Musa dan hamba yang soleh itu sahaja:

قَالَ لَهُۥ مُوسَىٰ هَلْ أَتَّبِعُكَ عَلَىٰٓ أَن تُعَلِّمَنِ مِمَّا عُلِّمْتَ
رُشْدًا ﴿٦٦﴾

"Musa berkata kepadanya: Bolehkah aku mengikut engkau supaya engkau ajarkan kepada aku sebahagian ilmu pedoman (ghaib) yang telah diajarkan kepadamu?"(66)

Dengan adab sopan yang layak dengan seorang nabi inilah beliau bertanya dengan cara yang tidak pasti dan memohon mendapatkan pedoman ilmu ghaib dari hamba yang soleh dan alim itu, tetapi ilmu orang ini bukannya dari jenis ilmu pengetahuan manusia yang jelas punca-puncanya dan dekat natijah-natijahnya, malah ia merupakan sebahagian dari ilmu pengetahuan laduni mengenai urusan-urusan ghaib yang diperlihatkan Allah kepadanya sekadar yang dikehendaki-Nya kerana sesuatu hikmat yang dikehendaki-Nya. Oleh sebab itulah Musa tidak berupaya menahan kesabarannya terhadap tindakan-tindakan lelaki ini walaupun beliau seorang nabi dan Rasul, kerana tindakan-tindakan ini pada lahirnya kadang-kadang bercanggah dengan lojik akal dan peraturan-peraturan yang zahir. Oleh itu hikmat-hikmat yang ghaib di sebaliknya pastilah difahami, jika tidak, tindakan-tindakan itu akan tetap menjadi perkara aneh yang menimbulkan bantahan dan kecaman, dan justeru inilah hamba yang soleh yang dikurniakan ilmu pengetahuan laduni itu menaruh kebimbangan bahawa Musa tidak akan berupaya menahan kesabarannya bersahabat dengannya dan melihat tindakan-tindakannya:

قَالَ إِنَّكَ لَن تَسْتَطِيعَ مَعِىَ صَبْرًا ﴿٦٧﴾
وَكَيْفَ تَصْبِرُ عَلَىٰ مَا لَمْ تُحِطْ بِهِۦ خُبْرًا ﴿٦٨﴾

"Dia menjawab: Engkau tidak akan mampu bersabar bersamaku(67). Bagaimana engkau hendak bersabar terhadap perkara-perkara yang engkau tidak mengetahuinya secara mendalam."(68)

Tetapi Musa berazam untuk bersabar dan tetap ta'at. Beliau memohon pertolongan Allah dan mendahulukan kehendak-Nya:

قَالَ سَتَجِدُنِىٓ إِن شَآءَ ٱللَّهُ صَابِرًا وَلَآ أَعْصِى
لَكَ أَمْرًا ﴿٦٩﴾

"Jawab Musa: Insya' Allah engkau akan dapatiku sanggup bersabar dan aku tidak akan melanggar sebarang perintahmu."(69)

Lalu lelaki itu menambahkan penegasan dan penjelasannya dan menyebut kepada beliau syarat bersahabat dengannya sebelum dimulakan perjalanan itu, iaitu beliau pastilah bersabar dan jangan terus meminta penjelasan mengenai apa-apa tindak-tanduknya sehingga dia sendiri mendedahkan rahsia-rahsianya.

قَالَ فَإِنِ ٱتَّبَعْتَنِى فَلَا تَسْـَٔلْنِى عَن شَىْءٍ حَتَّىٰٓ أُحْدِثَ لَكَ مِنْهُ ذِكْرًا ﴿٧٠﴾

"Dia menjawab: (Baiklah) jika engkau mahu mengikut aku janganlah engkau bertanya kepadaku sesuatu apa pun sehingga aku sendiri menjelaskannya kepada-mu."(70)

Musa pun bersetuju, dan kini kita sedang berada di hadapan adegan mereka berdua yang pertama:

فَٱنطَلَقَا حَتَّىٰٓ إِذَا رَكِبَا فِى ٱلسَّفِينَةِ خَرَقَهَا

"Lalu kedua-dua pun berjalan sehingga apabila kedua-duanya menaiki bahtera tiba-tiba ia melubangkannya."(71)

Bahtera itu sedang membawa kedua-duanya bersama penumpang-penumpang yang lain dan kini mereka berada di tengah laut yang bergelombang, tiba-tiba datang hamba yang soleh itu lalu melubangkan bahtera itu. Pada zahirnya tentulah perbuatan ini akan mendedahkan bahtera dan para penumpangnya kepada bahaya karam dan membawa mereka kepada bancana itu. Oleh itu mengapa lelaki ini berani mencabar bencana itu?

Musa telah lupa kepada janji yang telah dikatakannya dan kepada syarat yang telah dikemukakan oleh sahabatnya ketika menghadapi tindakan yang ganjil itu, yang tidak mempunyai sebarang alasan mengikut pandangan logik akal. Kadang-kadang seorang itu dapat memahami konsep umum yang mujarrad, tetapi ketika dia berdepan dengan pelaksanaan amali dan contoh yang sebenar dari konsep ini ia mendapat kesan yang berlainan dari kefahaman secara teori tadi, kerana pengalaman amali mempunyai kecapan yang berlainan dari kecapan kefahaman mujarrad. Lihatlah kepada Musa yang sebelum ini telah diperingatkan bahawa beliau tidak akan berupaya menahan kesabarannya terhadap perkara-perkara yang tidak diketahuinya dengan mendalam, lalu beliau berazam untuk menahankan kesabarannya sambil memohon pertolongan dari masyi'ah Allah dan memberi janjinya dan menerima syarat itu. Kini beliau bertembung dengan pengalaman amali dari tindakan lelaki itu, lalu beliau terus membantah dengan terburu-buru.

Ya, memang benar Musa itu mempunyai tabi'at yang mudah terharu dan gopoh sebagaimana dapat dilihat pada tindak-tanduk dalam semua peringkat hidupnya, iaitu sejak beliau menumbuk lelaki bangsa Mesir yang dilihatnya sedang bergaduh dengan lelaki bangsa Israel, lalu beliau membunuhnya dalam sa'at-sa'at keterharuan dan kegopohannya itu. Kemudian beliau bertaubat memohon keampunan dan kema'afan dari Allah. Dan sehingga pada hari yang kedua pun, beliau hendak bertindak begitu juga apabila beliau melihat lelaki Israel itu sedang bergaduh dengan seorang Mesir yang lain.[7]

Memanglah tabi'at Musa begitu. Justeru itulah beliau tidak dapat menahan kesabarannya terhadap perbuatan lelaki itu dan tidak dapat menepati janjinya kerana keganjilan perbuatan itu, tetapi semua tabi'at manusia mengakui bahawa kesan dan kecapan pengalaman amali itu berlainan dari kesan dan kecapan kefahaman secara teori, dan mereka tidak dapat memahami sesuatu perkara itu dengan kefahaman yang betul melainkan apabila mereka merasa dan mengalaminya sendiri.

Dari sinilah Musa terburu-buru membantah:

قَالَ أَخَرَقْتَهَا لِتُغْرِقَ أَهْلَهَا لَقَدْ جِئْتَ شَيْـًٔا إِمْرًا ﴿٧١﴾

"Apakah engkau melubangkannya untuk menenggelamkan para penumpangnya?"(71)

Lalu dengan sabar dan lemah lembut hamba yang soleh itu mengingatkan beliau terhadap apa yang telah dikatakannya sejak awal-awal lagi:

قَالَ أَلَمْ أَقُلْ إِنَّكَ لَن تَسْتَطِيعَ مَعِىَ صَبْرًا ﴿٧٢﴾

"Dia menjawab: Bukankah tadi aku telah berkata bahawa engkau tidak akan mampu bersabar bersamaku?"(72)

Lalu Musa meminta ma'af atas kelupaannya dan memohon agar lelaki itu menerima permintaan ma'afnya dan janganlah lagi menyulitkannya dengan mengulangi kata teguran dan peringatan:

قَالَ لَا تُؤَاخِذْنِى بِمَا نَسِيتُ وَلَا تُرْهِقْنِى مِنْ أَمْرِى عُسْرًا ﴿٧٣﴾

"Ujar Musa: Janganlah engkau mengambil salah atas kelupaanku itu dan janganlah engkau bebankanku dengan sesuatu yang menyulitkan urusanku."(73)

Lelaki itu menerima permintaan ma'afnya kemudian kita dapati kita berada di hadapan adegan yang kedua:

فَٱنطَلَقَا حَتَّىٰٓ إِذَا لَقِيَا غُلَٰمًا فَقَتَلَهُۥ

"Lalu kedua-duanya berjalan lagi sehingga kedua-duanya bertemu dengan seorang budak tiba-tiba dia terus membunuhnya."(74)

Jika pada kali yang pertama dia melubangkan bahtera yang membawa kemungkinan meneggelamkan para penumpangnya, maka kali ini dia membunuh seorang manusia, iaitu membunuh dengan sengaja bukannya semata-mata persoalan

---

7 *Lihat bab* "القصة في القرآن" *dalam kitab* "التصوير الفني في القرآن".

kemungkinan. Ini adalah satu kesalahan yang amat besar yang tidak dapat disabari oleh Musa walaupun dia teringat kepada janjinya:

قَالَ أَقَتَلْتَ نَفْسًا زَكِيَّةًۢ بِغَيْرِ نَفْسٍ لَّقَدْ جِئْتَ شَيْـًٔا نُّكْرًا ﴿٧٤﴾

"Apakah patut engkau membunuh seorang yang tidak bersalah kerana membunuh orang lain? Sesungguhnya engkau telah melakukan satu perbuatan yang mungkar."(74)

Kali ini Musa bukannya terlupa atau terlalai, tetapi beliau bertanya dengan sengaja. Beliau benar-benar bermaksud membantah perbuatan mungkar itu dan beliau tidak mahu mencari sebab-sebab atau alasan-alasannya. Beliau memandang budak itu tidak bersalah kerana dia tidak melakukan apa-apa perbuatan yang mewajarkannya dihukum bunuh, malah budak itu belum lagi akil baligh hingga boleh dipersalahkan segala perbuatan yang terbit darinya.

Sekali lagi hamba yang soleh itu mengingatkan Musa kepada syaratnya yang telah disyaratkan itu dan kepada janji beliau yang telah dijanjikannya itu. Dia mengingatkan beliau dengan perkataannya yang telah diucapkan pada kali yang pertama tadi kerana pengalamannya itu telah membuktikan kebenaran perkataannya setelah beliau diuji:

قَالَ أَلَمْ أَقُل لَّكَ إِنَّكَ لَن تَسْتَطِيعَ مَعِىَ صَبْرًا ﴿٧٥﴾

"Dia berkata: Bukankah tadi aku telah katakan kepadamu bahawa engkau tidak akan mampu bersabar bersamaku?"(75)

Pada kali ini dia menentukan perkataan yang telah dikatakannya dahulu:

قَالَ أَلَمْ أَقُل لَّكَ

"Bukankah tadi aku telah katakan kepadamu?"(75)

Yakni (aku telah katakan) kepada engkau sendiri dengan tegas dan tepat, tetapi engkau tidak percaya dan masih memohon bersahabat dan menerima syarat.

Musa kembali berbicara dengan hatinya sendiri. Beliau dapati dia kini telah dua kali menyalahi dan melupakan janjinya setelah diberi peringatan, lalu dengan terburu-buru beliau (mengambil keputusan) memotong jalan untuk dirinya dan menjadikannya sebagai peluang terakhir yang ada di hadapannya:

قَالَ إِن سَأَلْتُكَ عَن شَيْءٍۭ بَعْدَهَا فَلَا تُصَـٰحِبْنِى ۖ قَدْ بَلَغْتَ مِن لَّدُنِّى عُذْرًا ﴿٧٦﴾

"Ujar Musa: Jika aku bertanya sesuatu kepadamu selepas ini, maka janganlah engkau bersama-sama dengan aku lagi. Sesungguhnya engkau telah mendapat alasan yang cukup dariku."(76)

Ayat berikut meneruskan ceritanya dan kini kita berada di hadapan adegan yang ketiga:

فَٱنطَلَقَا حَتَّىٰٓ إِذَآ أَتَيَآ أَهْلَ قَرْيَةٍ ٱسْتَطْعَمَآ أَهْلَهَا فَأَبَوْا۟ أَن يُضَيِّفُوهُمَا فَوَجَدَا فِيهَا جِدَارًا يُرِيدُ أَن يَنقَضَّ فَأَقَامَهُۥ ۖ

"Lalu kedua-duanya berjalan lagi sehingga apabila mereka sampai ke sebuah kampung, kedua-duanya meminta makanan dari penduduknya, tetapi mereka enggan menerima mereka sebagai tamu, kemudian mereka menemui di situ sebuah tembok yang hendak runtuh lalu dia (hamba yang soleh) menegakkannya kembali."(77)

Kedua-dua sedang lapar dan berada di sebuah kampung, di mana penduduk-penduduknya bakhil dan kikir. Mereka tidak memberi makan kepada orang yang lapar dan tidak menerima tetamu, Kemudian lelaki itu menemui satu tembok yang condong hendak runtuh. Ungkapan ayat ini menyalutkan sifat hidup dan iradat kepada tembok:

يُرِيدُ أَن يَنقَضَّ

"Yang hendak runtuh."(77)

Lalu lelaki yang ganjil itu pun menyusahkan dirinya menegakkan tembok itu kembali tanpa mengambil upah.

Di sini Musa merasa pendirian lelaki itu bercanggah (dengan kenyataan), apakah tujuan menyusahkan dirinya menegakkan kembali tembok yang hendak runtuh di kampung yang tidak sudi memberi makanan kepada mereka yang sedang lapar dan enggan menerima mereka sebagai tamu. Sekurang-kurangnya tidakkah patut dia meminta upah agar keduanya boleh mendapat makanan dengannya?

قَالَ لَوْ شِئْتَ لَتَّخَذْتَ عَلَيْهِ أَجْرًا ﴿٧٧﴾

"Jika engkau mahu, engkau berhak mengambil upahnya."(77)

Peristiwa ini merupakan peristiwa pemutus. Musa tidak mempunyai apa-apa alasan lagi. Peluang persahabatan di antara beliau dengan lelaki itu tidak mungkin lagi wujud:

قَالَ هَـٰذَا فِرَاقُ بَيْنِى وَبَيْنِكَ ۚ سَأُنَبِّئُكَ بِتَأْوِيلِ مَا لَمْ تَسْتَطِع عَّلَيْهِ صَبْرًا ﴿٧٨﴾

"Dia menjawab masa perpisahan di antara aku denganmu, (sekarang) aku akan menceritakan kepada-mu pentafsiran mengenai tindakan-tindakanku yang engkau tidak mampu bersabar terhadapnya."(78) [8]

Sampai di sini Musa dan juga kita yang mengikuti penceritaan Al-Qur'an ini sedang menghadapi peristiwa-peristiwa luar biasa yang berturut-turut dan

---

[8] *Di sini berakhirnya Juzu' yang ke-15 tetapi kami terus menyambung hingga ke akhir kisah.*

memeranjatkan tanpa mengetahui sebarang rahsianya. Pendirian kita juga sama dengan pendirian Musa terhadap peristiwa-peristiwa itu. Malah (lebih dari itu) kita tidak mengetahui siapakah gerangan lelaki ini yang telah menunjukkan tindakan-tindakan yang ganjil itu. Al-Qur'an tidak menceritakan namanya kepada kita untuk melengkapkan suasana sulit dan kabur yang melingkungi kita. Apakah nilai namanya? Kerana dia hanya dikehendaki melahirkan hikmat Ilahiyah yang tinggi yang tidak mengaturkan natijah-natijah yang dekat di atas muqaddimah-muqaddimah yang dapat dilihat, malah ia tujukan kepada tujuan-tujuan yang jauh yang tidak dapat dilihat oleh pandangan mata yang terbatas. Oleh itu ketiadaan disebutkan namanya itu adalah sesuai dengan syakhsiyah abstrak yang diwakilinya. Dari awal lagi kekuatan-kekuatan ghaib telah mengendalikan kisah ini. Lihatlah Musa yang mahu menemui lelaki yang dijanjikan itu telah meneruskan perjalanannya tetapi tiba-tiba teman pemudanya telah terlupa kepada bekalan makanan mereka di atas batu. Seolah-olah kelupaannya itu untuk membolehkan kedua-duanya pulang kembali ke tempat itu, kerana di sana Musa dapat menemui lelaki itu. Sudah tentu beliau tidak dapat menemuinya jika beliau dan temannya terus berjalan meng-ikut hala mereka dan jika taqdir Ilahi tidak mengembalikan mereka sekali lagi di tempat batu itu. Seluruh suasana adalah sulit, kabur dan majhul, begitu juga nama lelaki itu sulit, kabur dan majhul dalam penerangan Al-Qur'an.

Kemudian rahsia itu mulai didedahkan:

أَمَّا ٱلسَّفِينَةُ فَكَانَتْ لِمَسَٰكِينَ يَعْمَلُونَ فِى ٱلْبَحْرِ
فَأَرَدتُّ أَنْ أَعِيبَهَا وَكَانَ وَرَآءَهُم مَّلِكٌ يَأْخُذُ كُلَّ
سَفِينَةٍ غَصْبًا ﴿٧٩﴾

"Adapun bahtera (yang dirosakkan itu) adalah kepunyaan orang-orang miskin yang bekerja di laut. Oleh itu aku mahu merosakkan bahtera itu kerana di belakang mereka ada seorang raja yang akan merampas setiap bahtera (yang baik)."(79)

Kerosakan ini telah menyelamatkan bahtera itu dari dirampas oleh raja yang zalim itu. Kerosakan kecil yang menimpa bahtera itu dapat mengelakkannya dari bahaya yang lebih besar yang tersembunyi di alam ghaib andainya bahtera itu berada di dalam keadaan yang baik (tidak rosak).

وَأَمَّا ٱلْغُلَٰمُ فَكَانَ أَبَوَاهُ مُؤْمِنَيْنِ فَخَشِينَآ أَن يُرْهِقَهُمَا
طُغْيَٰنًا وَكُفْرًا ﴿٨٠﴾

فَأَرَدْنَآ أَن يُبْدِلَهُمَا رَبُّهُمَا خَيْرًا مِّنْهُ زَكَوٰةً وَأَقْرَبَ
رُحْمًا ﴿٨١﴾

"Adapun budak (yang dibunuh itu) kedua-dua ibubapanya adalah orang-orang yang beriman, lalu Kami bimbang dia akan mendorongkan kedua-duanya kepada kederhakaan dan kekufuran (80). Oleh itu Kami mahu supaya Allah gantikan kepada keduanya seorang anak (yang lain) yang lebih baik darinya dari segi kebersihan hati dan lebih akrab dari segi hubungan kasih sayang."(81)

Budak yang tidak kelihatan pada zahirnya mempunyai sebab yang wajar dibunuh pada masa itu telah disingkapkan tabir hakikatnya yang ghaib kepada hamba yang soleh itu, iaitu dia mempunyai tabi'at kufur dan pelampau. Di dalam jiwanya tersembunyi benih-benih kekufuran dan keterlaluan yang semakin lama semakin menonjol. Andainya dia terus hidup sudah tentu dia akan mendorong dua orang tuanya yang beriman itu dengan kekufuran dan keterlaluannya, mengikuti jalan hidupnya kerana dipengaruhi perasaan kasih sayang mereka kepadanya. Oleh itu iradat Allah mengarahkan iradat hamba-Nya yang soleh itu supaya membunuh budak yang mempunyai tabi'at kufur dan pelampau itu dan menggantikannya dengan seorang anak yang lain yang lebih baik daripadanya dan lebih bertimbang rasa terhadap kedua orang tuanya.

Jika perkara ini diserahkan kepada ilmu manusia yang zahir tentulah mereka tidak mengetahui hakikat budak itu selain dari keadaannya yang zahir sahaja, dan tentulah mereka tidak boleh mengenakan kuasa undang-undang terhadap budak itu kerana dia tidak pernah melakukan sesuatu kesalahan yang wajar dihukum bunuh dari segi undang-undang. Tiada yang lain dari Allah dan dari hamba-Nya yang soleh yang telah diperlihatkan kepadanya sesuatu dari hakikatnya yang ghaib itu boleh menjatuhkan hukuman ke atas tabi'at seorang manusia yang masih ghaib, dan tiada seorang pun berdasarkan ilmu ini - boleh mengenakan satu hukuman yang lain dari hukuman yang zahir yang dipegang oleh syari'at, tetapi itulah perintah Allah yang berdasarkan ilmu-Nya yang mengetahui segala urusan ghaib yang jauh.

وَأَمَّا ٱلْجِدَارُ فَكَانَ لِغُلَٰمَيْنِ يَتِيمَيْنِ فِى ٱلْمَدِينَةِ
وَكَانَ تَحْتَهُۥ كَنزٌ لَّهُمَا وَكَانَ أَبُوهُمَا صَٰلِحًا فَأَرَادَ
رَبُّكَ أَن يَبْلُغَآ أَشُدَّهُمَا وَيَسْتَخْرِجَا كَنزَهُمَا
رَحْمَةً مِّن رَّبِّكَ ۚ وَمَا فَعَلْتُهُۥ عَنْ أَمْرِى ۚ ذَٰلِكَ تَأْوِيلُ
مَا لَمْ تَسْطِع عَّلَيْهِ صَبْرًا ﴿٨٢﴾

"Adapun tembok (yang ditegakkan kembali) itu, ia adalah kepunyaan dua orang kanak-kanak yang yatim piatu di bandar itu, dan di bawah tembok itu ada (tersimpan) harta kekayaan kepunyaan mereka berdua. Bapa kedua-duanya adalah seorang yang soleh. Oleh itu Tuhanmu menghendaki kedua-dua budak itu sampai umur dewasa yang kuat dan mereka dapat mengeluarkan harta itu sebagai rahmat dari

Tuhanmu. Dan aku tidak lakukan semuanya ini mengikut fikiran-Ku sendiri. Itulah pentafsiran mengenai tindakan-tindakanku yang engkau tidak mampu bersabar terhadapnya."(82)

Tembok yang telah menyebabkan lelaki itu menyusahkan dirinya bekerja menegakkannya kembali tanpa meminta upah dari penduduk kampung itu sedangkan keduanya lapar dan mereka tidak mahu menerima keduanya sebagai tamu mereka telah menyembunyikan di bawahnya harta kekayaan kepunyaan dua orang kanak-kanak yang yatim piatu dan lemah di bandar itu. Andainya hamba yang soleh itu membiarkan tembok itu runtuh tentulah harta kekayaan itu akan terbongkar dan tentulah kanak-kanak itu tidak berupaya mempertahankannya. Oleh sebab bapa mereka seorang yang soleh, maka Allah telah mengurniakan faedah kesolehannya kepada dua anaknya yang masih kecil dan lemah itu, dan Allah mahukan kedua-duanya membesar hingga menjadi orang-orang dewasa yang kuat supaya mereka dapat mengeluarkan harta kekayaan itu semasa mereka berupaya mempertahankan keselamatannya.

Kemudian lelaki itu berlepas tangan dari tindakan itu, kerana semua tindakan itu adalah dari kehendak rahmat Allah belaka. Semuanya dari urusan Allah belaka bukannya urusan dari dirinya sendiri. Allah telah memperlihatkan kepadanya hakikat-hakikat ghaib perkara-perkara itu dan mengarahkannya bertindak mengikut hakikat ghaib yang telah diperlihatkan kepadanya.

رَحْمَةً مِّن رَّبِّكَ ۚ وَمَا فَعَلْتُهُۥ عَنْ أَمْرِى ۚ

"Sebagai rahmat dari Tuhanmu. Dan aku tidak lakukan semuanya itu mengikut fikiranku sendiri."(82)

Kini tabir hikmat tindakan-tindakan itu telah terbuka di samping terbukanya urusan-urusan Allah yang ghaib yang tidak diperlihatkan kepada sesiapa kecuali orang yang diredhai-Nya.

Dan di tengah-tengah ketakjuban rahsia yang terbuka dan tirai yang tersingkap itu, lelaki itu pun tiba-tiba hilang ceritanya sebagaimana di permulaan kisahnya. Dia telah berlalu ke alam majhul sebagaimana ia muncul dari alam majhul. Kisah ini menggambarkan hikmat yang maha besar, iaitu hikmat yang tidak mendedahkan dirinya melainkan sekadarnya sahaja kemudian terus tersembunyi di dalam ilmu Allah di belakang segala tabir dan tirai.

* * * * * *

Demikianlah kisah Musa dengan hamba yang soleh itu - dalam penceritaan surah ini - mempunyai hubungan dengan kisah Ashabul-Kahfi, iaitu keduanya menyerahkan urusan-urusan ghaib kepada Allah yang mentadbirkan urusannya dengan hikmat kebijaksanaan-Nya mengikut ilmu-Nya yang syumul, yang tidak dapat dicapai oleh manusia yang berdiri di belakang tabir, di mana segala rahsia di sebaliknya tidak dibukakan kepada mereka melainkan sekadarnya sahaja.

(Tamat Juzu' Yang Kelima Belas)

JUZU' KE-16

SURAH AL-KAHFI

JUZU' YANG KEENAM BELAS

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kumpulan ayat-ayat 83 - 110)

وَيَسْـَٔلُونَكَ عَن ذِى ٱلْقَرْنَيْنِ ۖ قُلْ سَأَتْلُوا۟ عَلَيْكُم مِّنْهُ
ذِكْرًا ﴿٨٣﴾
إِنَّا مَكَّنَّا لَهُۥ فِى ٱلْأَرْضِ وَءَاتَيْنَٰهُ مِن كُلِّ شَىْءٍ سَبَبًا ﴿٨٤﴾
فَأَتْبَعَ سَبَبًا ﴿٨٥﴾
حَتَّىٰٓ إِذَا بَلَغَ مَغْرِبَ ٱلشَّمْسِ وَجَدَهَا تَغْرُبُ فِى عَيْنٍ
حَمِئَةٍ وَوَجَدَ عِندَهَا قَوْمًا ۗ قُلْنَا يَٰذَا ٱلْقَرْنَيْنِ إِمَّآ أَن تُعَذِّبَ
وَإِمَّآ أَن تَتَّخِذَ فِيهِمْ حُسْنًا ﴿٨٦﴾
قَالَ أَمَّا مَن ظَلَمَ فَسَوْفَ نُعَذِّبُهُۥ ثُمَّ يُرَدُّ إِلَىٰ رَبِّهِۦ
فَيُعَذِّبُهُۥ عَذَابًا نُّكْرًا ﴿٨٧﴾
وَأَمَّا مَنْ ءَامَنَ وَعَمِلَ صَٰلِحًا فَلَهُۥ جَزَآءً ٱلْحُسْنَىٰ ۖ وَسَنَقُولُ
لَهُۥ مِنْ أَمْرِنَا يُسْرًا ﴿٨٨﴾
ثُمَّ أَتْبَعَ سَبَبًا ﴿٨٩﴾
حَتَّىٰٓ إِذَا بَلَغَ مَطْلِعَ ٱلشَّمْسِ وَجَدَهَا تَطْلُعُ عَلَىٰ قَوْمٍ لَّمْ
نَجْعَل لَّهُم مِّن دُونِهَا سِتْرًا ﴿٩٠﴾
كَذَٰلِكَ وَقَدْ أَحَطْنَا بِمَا لَدَيْهِ خُبْرًا ﴿٩١﴾

"Dan mereka bertanya kepadamu tentang Zul-Qarnayn, jawablah: Aku akan bacakan kepadamu sebahagian dari ceritanya(83). Sesungguhnya Kami telah mengukuhkan kedudukan pemerintahannya di bumi dan Kami telah mengurniakan kepadanya jalan untuk mencapai segala sesuatu (yang diperlukan kerajaannya)(84). Lalu dia menjelajahi ke suatu jalan(85). Hingga apabila dia tiba di tempat matahari jatuh dia dapati matahari itu terbenam di dalam matair yang berlumpur dan di sana dia menemui satu kaum, lalu Kami berfirman kepadanya: Wahai Zul-Qarnayn, sama ada engkau mengenakan hukuman seksa atau memilih balasan yang baik terhadap mereka(86). Jawab Zul-Qarnayn: Adapun orang yang berlaku zalim (kafir), maka kami mengenakan hukuman seksa, kemudian dipulangkannya kepada Allah Tuhannya dan Dialah yang akan menyeksakannya dengan 'azab yang dahsyat(87). Dan adapun orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh, maka dia akan mendapat balasan yang sebaik-baiknya dan kami akan berkata kepadanya (menyampaikan) sebahagian dari perintah kami dengan penjelasan yang mudah(88). Kemudian dia menjelajah ke suatu jalan (yang lain pula)(89). Hingga apabila dia tiba di tempat matahari terbit dia dapati matahari itu naik ke atas satu kaum yang tidak Kami jadikan untuk mereka sebarang perlindungan dari (panasnya)(90). Demikianlah (penjelajahannya) dan sesungguhnya Kami telah mengetahui segala cerita mengenainya"(91).

ثُمَّ أَتْبَعَ سَبَبًا ﴿٩٢﴾
حَتَّىٰٓ إِذَا بَلَغَ بَيْنَ ٱلسَّدَّيْنِ وَجَدَ مِن دُونِهِمَا قَوْمًا لَّا
يَكَادُونَ يَفْقَهُونَ قَوْلًا ﴿٩٣﴾
قَالُوا۟ يَٰذَا ٱلْقَرْنَيْنِ إِنَّ يَأْجُوجَ وَمَأْجُوجَ مُفْسِدُونَ
فِى ٱلْأَرْضِ فَهَلْ نَجْعَلُ لَكَ خَرْجًا عَلَىٰٓ أَن تَجْعَلَ بَيْنَنَا
وَبَيْنَهُمْ سَدًّا ﴿٩٤﴾
قَالَ مَا مَكَّنِّى فِيهِ رَبِّى خَيْرٌ فَأَعِينُونِى بِقُوَّةٍ أَجْعَلْ بَيْنَكُمْ
وَبَيْنَهُمْ رَدْمًا ﴿٩٥﴾
ءَاتُونِى زُبَرَ ٱلْحَدِيدِ ۖ حَتَّىٰٓ إِذَا سَاوَىٰ بَيْنَ ٱلصَّدَفَيْنِ قَالَ ٱنفُخُوا۟ ۖ
حَتَّىٰٓ إِذَا جَعَلَهُۥ نَارًا قَالَ ءَاتُونِىٓ أُفْرِغْ عَلَيْهِ قِطْرًا ﴿٩٦﴾
فَمَا ٱسْطَٰعُوٓا۟ أَن يَظْهَرُوهُ وَمَا ٱسْتَطَٰعُوا۟ لَهُۥ نَقْبًا ﴿٩٧﴾
قَالَ هَٰذَا رَحْمَةٌ مِّن رَّبِّى ۖ فَإِذَا جَآءَ وَعْدُ رَبِّى جَعَلَهُۥ دَكَّآءَ ۖ وَكَانَ
وَعْدُ رَبِّى حَقًّا ﴿٩٨﴾
وَتَرَكْنَا بَعْضَهُمْ يَوْمَئِذٍ يَمُوجُ فِى بَعْضٍ ۖ وَنُفِخَ فِى ٱلصُّورِ
فَجَمَعْنَٰهُمْ جَمْعًا ﴿٩٩﴾
وَعَرَضْنَا جَهَنَّمَ يَوْمَئِذٍ لِّلْكَٰفِرِينَ عَرْضًا ﴿١٠٠﴾

"Kemudian dia mejelajahi ke suatu jalan (yang lain pula)(92). Hingga apabila dia tiba di tempat di antara dua tembok dia menjumpai di hadapan keduanya satu kaum yang hampir-hampir tidak dapat memahami sebarang percakapan(93). Mereka berkata: Wahai Zul-Qarnayn! Sesungguhnya Ya'juj dan Ma'juj sentiasa melakukan kerosakan di bumi. Oleh itu apakah anda bersetuju kami berikan kepada anda sejumlah pembayaran supaya anda membina satu tembok yang menghalang di antara kami dengan mereka(94). Jawab Zul-Qarnayn: Ni'mat kedudukan pemerintahan yang kuat yang dikurniakan Tuhanku kepada aku itu adalah lebih baik (dari

bayaran), oleh itu berilah bantuan tenaga kepada aku nescaya aku membina satu tembok yang menghalangi di antara kamu dengan mereka(95). Bawalah kepada aku ketul-ketul besi, sehingga apabila dia selesai menyamaratakan (tembok besi) di antara dua bukit itu dia pun berkata: Tiuplah api! Sehingga apabila ia menjadikannya (merah seperti) api dia pun berkata: Berilah kepada aku tembaga cair supaya aku tuangkan ke atasnya(96). Maka (Ya'juj dan Ma'juj) tidak berdaya memanjatkannya dan tidak pula berdaya menebukkannya(97). Ujar Zul-Qarnayn: (Tembok) ini adalah rahmat dari Tuhanku. Dan apabila tiba janji Tuhanku Dia akan jadikannya hancurlebur dan sesungguhnya janji Tuhanku itu adalah benar(98). Dan pada hari itu (Qiamat) Kami membiarkan mereka (manusia) bercampurbaur satu sama lain, dan sangkakala pun ditiup lalu Kami kumpulkan mereka dalam perhimpunan (yang teratur)(99). Dan pada hari itu Kami memperlihatkan Neraka kepada orang-orang kafir dengan sejelas-jelasnya"(100).

ٱلَّذِينَ كَانَتْ أَعْيُنُهُمْ فِى غِطَآءٍ عَن ذِكْرِى وَكَانُوا۟ لَا يَسْتَطِيعُونَ سَمْعًا ﴿١٠١﴾

أَفَحَسِبَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ أَن يَتَّخِذُوا۟ عِبَادِى مِن دُونِىٓ أَوْلِيَآءَ ۚ إِنَّآ أَعْتَدْنَا جَهَنَّمَ لِلْكَـٰفِرِينَ نُزُلًا ﴿١٠٢﴾

قُلْ هَلْ نُنَبِّئُكُم بِٱلْأَخْسَرِينَ أَعْمَـٰلًا ﴿١٠٣﴾

ٱلَّذِينَ ضَلَّ سَعْيُهُمْ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا وَهُمْ يَحْسَبُونَ أَنَّهُمْ يُحْسِنُونَ صُنْعًا ﴿١٠٤﴾

أُو۟لَـٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِـَٔايَـٰتِ رَبِّهِمْ وَلِقَآئِهِۦ فَحَبِطَتْ أَعْمَـٰلُهُمْ فَلَا نُقِيمُ لَهُمْ يَوْمَ ٱلْقِيَـٰمَةِ وَزْنًا ﴿١٠٥﴾

ذَٰلِكَ جَزَآؤُهُمْ جَهَنَّمُ بِمَا كَفَرُوا۟ وَٱتَّخَذُوٓا۟ ءَايَـٰتِى وَرُسُلِى هُزُوًا ﴿١٠٦﴾

إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّـٰلِحَـٰتِ كَانَتْ لَهُمْ جَنَّـٰتُ ٱلْفِرْدَوْسِ نُزُلًا ﴿١٠٧﴾

خَـٰلِدِينَ فِيهَا لَا يَبْغُونَ عَنْهَا حِوَلًا ﴿١٠٨﴾

قُل لَّوْ كَانَ ٱلْبَحْرُ مِدَادًا لِّكَلِمَـٰتِ رَبِّى لَنَفِدَ ٱلْبَحْرُ قَبْلَ أَن تَنفَدَ كَلِمَـٰتُ رَبِّى وَلَوْ جِئْنَا بِمِثْلِهِۦ مَدَدًا ﴿١٠٩﴾

قُلْ إِنَّمَآ أَنَا۠ بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰٓ إِلَىَّ أَنَّمَآ إِلَـٰهُكُمْ إِلَـٰهٌ وَٰحِدٌ ۖ فَمَن كَانَ يَرْجُوا۟ لِقَآءَ رَبِّهِۦ فَلْيَعْمَلْ عَمَلًا صَـٰلِحًا وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِۦٓ أَحَدًۢا ﴿١١٠﴾

"Iaitu orang-orang yang tertutup mata mereka dari mengingati-Ku dan mereka tidak berupaya mendengar(101). Apakah orang-orang yang kafir itu menyangka bahawa mereka boleh mengambil hamba-hamba-Ku sebagai pelindung-pelindung selain dari-Ku, sesungguhnya Kami telah pun menyediakan Neraka Jahannam kepada orang-orang yang kafir sebagai tempat keraian(102). Katakanlah: Adakah kamu suka Kami memberitahu kepada kamu tentang orang-orang yang paling rugi (amalan-amalan mereka)(103). Iaitu orang-orang yang seluruh usaha mereka di dalam kehidupan dunia sia-sia sahaja, sedangkan mereka menyangka bahawa mereka telah melakukan amalan-amalan yang baik(104). Merekalah orang-orang yang tidak mempercayai ayat-ayat Allah Tuhan mereka dan pertemuan mereka dengan-Nya lalu sia-sialah amalan-amalan mereka, oleh itu Kami tidak akan memberi apa-apa penilaian terhadap mereka(105). Orang-orang yang sedemikian, balasan mereka ialah Neraka Jahannam kerana mereka tidak beriman dan menjadikan ayat-ayat-Ku dan para rasul-Ku sebagai bahan ejekan(106). Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengelakan amalan yang soleh akan memperolehi taman-taman Syurga al-Firdaus sebagai tempat keraian(107). Di mana mereka (tinggal) kekal abadi di dalamnya dan tidak ingin lagi berpindah darinya(108). Katakanlah jika seluruh lautan itu dijadikan tinta untuk dicatatkan kalimat-kalimat Tuhanku nescaya akan habislah lautan itu sebelum habis dicatatkan segala kalimat Tuhanku walaupun sebanyak itu lagi Kami membawa tinta tambahan(109). Katakanlah: Aku hanya seorang manusia seperti kamu sahaja yang telah diwahyukan kepadaku bahawa Allah Tuhan kamu itu adalah Tuhan Yang Maha Esa. Oleh itu barang siapa yang mengharapkan pertemuan dengan Tuhannya, maka hendaklah dia mengerjakan amalan yang soleh dan janganlah dia mempersekutukan sesiapa pun dalam ibadat kepada Tuhannya."(110)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Inilah pelajaran terakhir di dalam Surah al-Kahfi yang berteraskan kisah Zul-Qarnayn dan tiga pengembaraannya ke sebelah Timur, ke sebelah Barat dan ke kawasan Tengah dan bagaimana beliau membina tembok menyekat kaum Ya'juj dan Ma'juj.

Ayat-ayat berikut menceritakan perkataan Zul-Qarnayn setelah beliau siap membina tembok itu:

قَالَ هَـٰذَا رَحْمَةٌ مِّن رَّبِّى ۖ فَإِذَا جَآءَ وَعْدُ رَبِّى جَعَلَهُۥ دَكَّآءَ ۖ وَكَانَ وَعْدُ رَبِّى حَقًّا ﴿٩٨﴾

"Ujar Zul-Qarnayn: (Tembok) ini adalah rahmat dari Tuhanku. Dan apabila tiba janji Tuhanku dia akan jadikannya hancur lebur dan sesungguhnya janji Tuhanku itu adalah benar".(98)

Kemudian janji yang benar itu diiringi pula dengan keterangan mengenai tiupan sangkakala dan salah satu pemandangan Qiamat, kemudian surah ini ditamatkan dengan tiga ceraian dan setiap ceraian dimulakan dengan kata-kata "Qul" (katakanlah).

Ceraian-ceraian ini mengintisarikan maudhu'-maudhu' pembicaraan surah yang pokok dan tujuan-tujuan yang umum. Ia merupakan seolah-olah nada-nada akhir yang kuat dalam sebuah lagu yang harmoni.

* * * * * *

Kisah Zul-Qarnayn dimulakan seperti berikut:

وَيَسْـَٔلُونَكَ عَن ذِى ٱلْقَرْنَيْنِ ۖ قُلْ سَأَتْلُوا۟ عَلَيْكُم مِّنْهُ
ذِكْرًا ﴿٨٣﴾

"Dan mereka bertanya kepadamu tentang Zul-Qarnayn, jawablah: Aku akan bacakan kepadamu sebahagian dari ceritanya."(83)

Muhammad ibn Ishaq telah menyebut sebab turunnya surah ini katanya: Aku telah diceritakan oleh seorang guru dari penduduk negeri Mesir. Dia datang ke tempat kami kira-kira empat puluh tahun lebih yang lalu, dari Ikrimah, dari Ibn Abbas katanya: "Kaum Quraisy telah mengirim an-Nadhr ibn Harith dan Aqabah ibn Abu Mu'ayt kepada pendeta-pendeta Yahudi di Madinah dan berkata kepada keduanya: Tanyalah kepada pendeta-pendeta itu tentang Muhammad, terangkan sifatnya kepada mereka dan ceritakan apa yang telah dikatakan olehnya kerana mereka adalah kaum Ahlil-Kitab yang pertama. Mereka mempunyai ilmu tentang para Anbiya' yang tidak ada pada kita". Lalu kedua utusan itu pergi ke Madinah dan bertanya kepada pendeta-pendeta Yahudi tentang Rasulullah s.a.w. Kedua-duanya menceritakan kepada mereka tentang beliau dan sebahagian dari apa yang telah dikatakan olehnya sambil berkata: "Tuan-tuan adalah pakar-pakar kitab at-Taurat dan tujuan kami datang menemui tuan-tuan ialah supaya tuan-tuan boleh menjelaskan kepada kami tentang teman kami ini (Muhammad)". Kata rawi: Pendeta-pendeta itupun berkata: "Tanyalah kepadanya (Muhammad) tiga perkara yang kami cadangkan ini, jika dia dapat menjawab, maka dia adalah benar seorang nabi yang diutuskan Allah, dan sebaliknya jika dia tidak dapat menjawabnya, maka dia hanya seorang pendusta dan kamu boleh memutuskan fikiran kamu terhadapnya. Tanyalah kepadanya tentang sekumpulan pemuda yang telah pergi menghilangkan diri di zaman dahulu bagaimana cerita mereka, kerana cerita mereka amat menakjubkan. Dan tanyalah kepadanya tentang seorang lelaki yang menjelajah dunia hingga sampai ke kawasan-kawasan sebelah Timur dan kawasan-kawasan sebelah Barat bagaimana ceritanya? Dan tanyalah kepadanya tentang roh dan apakah dia? Jika dia dapat menceritakan hal-hal itu kepada kamu, maka dia adalah benar seorang nabi yang boleh kamu ikutinya, dan sebaliknya jika dia tidak dapat menceritakannya kepada kamu, maka dia adalah seorang pendusta dan lakukan apa sahaja tindakan terhadapnya yang kamu fikir wajar". Lalu an-Nadhr dan Aqabah balik menemui kaum Quraisy dan berkata: "Wahai kaum Quraisy! Kami telah membawa kepada kamu kata pemutus yang dapat menyelesaikan masalah di antara kamu dengan Muhammad. Pendeta-pendeta Yahudi itu menyuruh kita bertanya kepada Muhammad mengenai beberapa perkara". Lalu kedua-duanya menceritakan perkara-perkara itu. Setelah itu mereka datang menemui Rasulullah s.a.w. dan berkata: "Wahai Muhammad! Ceritakan kepada kami..." Lalu mereka mengemukakan kepada beliau pertanyaan-pertanyaan yang disuruh oleh pendeta-pendeta itu. Rasulullah s.a.w. menjawab: "Besok aku akan jawab pertanyaan-pertanyaan kamu itu" tanpa berkata "kecuali dikehendaki Allah". Mereka pun berundur darinya. Rasulullah s.a.w. menunggu selama lima belas hari lima belas malam tanpa mendapat apa wahyu dari Allah mengenai perkara-perkara tersebut dan tanpa dikunjungi Jibril a.s. hingga menggemparkan penduduk Makkah. Mereka berkata: "Muhammad berjanji hendak jawab besok, sekarang telah masuk lima belas hari, sedangkan dia belum lagi memberi apa-apa jawapan terhadap pertanyaan-pertanyaan kita kepadanya. Keterhentian turunnya wahyu itu telah mendukacitakan beliau dan beliau merasa terkilan terhadap kata-kata penduduk-penduduk Makkah itu. Kemudian barulah beliau dikunjungi Jibril a.s. yang diutus oleh Allah Azza wa jalla membawa Surah Ashabul-Kahfi, di mana beliau ditegur kerana bersedih terhadap sikap mereka, di samping dimuatkan cerita-cerita yang ditanyakan mereka mengenai kumpulan pemuda dan lelaki pengembara itu, juga firman Allah Azza wa jalla mengenai roh (ayat 85).

Ini satu riwayat dan di sana ada lagi satu riwayat lain dari ibn Abbas r.a. khusus mengenai turunnya ayat roh, dan riwayat ini telah disebut oleh al-'Aufi, iaitu orang-orang Yahudi telah berkata kepada Nabi s.a.w.: "Ceritakan kepada kami tentang roh dan bagaimana roh itu di'azabkan dalam jasad, sedangkan roh itu dari urusan Allah?" Oleh sebab tidak ada apa keterangan yang diturunkan kepada beliau mengenai hal ini, maka beliau tidak memberi apa jawapan kepada mereka. Kemudian beliau dikunjungi Jibril menyampaikan jawapan kepadanya:

وَيَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلرُّوحِ ۖ قُلِ ٱلرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّى وَمَآ أُوتِيتُم
مِّنَ ٱلْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٨٥﴾

"Katakanlah: Roh itu adalah dari urusan Tuhanku dan kamu tidak dikurniakan ilmu pengetahuan kecuali sedikit sahaja."

(Surah al-Isra':85)

Hingga akhir riwayat.

Oleh sebab adanya berbagai-bagai riwayat tentang sebab-sebab nuzul itu, maka kami memilih untuk berhenti setakat bayangan nas Al-Qur'an yang amat diyakinkan kebenarannya itu, dan dari nas ini kami dapat mengetahui bahawa di sana ada satu pertanyaan mengenai Zul-Qarnayn dan kami tidak mengetahui secara pasti siapakah yang mengemukakan pertanyaan itu, tetapi pengenalan tentang siapakah yang bertanya itu tidaklah menambahkan apa-apa kepada maksud kisah. Oleh itu marilah kita hadapi nas Al-Qur'an sendiri tanpa sebarang tokok tambah.

Siapakah Zul-Qarnanyn Yang Dimaksudkan Al-Qur'an?

Nas Al-Qur'an tidak menyebut apa-apa tentang syakhsiyah Zul-Qarnayn, tidak pula tentang zamannya atau tempatnya. Inilah cara biasa didalam kisah-kisah Al-Qur'an, kerana yang dimaksudkan di sini bukannya catatan sejarah, tetapi ialah pengajaran yang diambil dari kisah. Pengajaran itu boleh dicapai tanpa memerlukan kepada penentuan zaman dan tempat pada kebanyakan masa.

Catatan sejarah yang dibuku telah memperkenalkan seorang raja bernama Iskandar Zul-Qarnayn, tetapi yang dikenal pasti raja ini bukannya Zul-Qarnayn yang disebut di dalam Al-Qur'an, kerana Iskandar dari negeri Greek itu adalah seorang penganut paganisme, sedangkan Iskandar yang diceritakan oleh Al-Qur'an ialah seorang yang beriman kepada Allah, berpegang dengan 'aqidah tauhid, percaya kepada kebangkitan dan hari Akhirat.

Ujar Abu ar-Rayhan al-Biruni al-Munajjim dalam kitab (الآثار الباقية عن القرون الخالية) (Kesan-kesan Peninggalan Zaman Silam): Zul-Qarnayn yang tersebut di dalam Al-Qur'an itu adalah dari suku kaum Himyar yang dapat dikenal dari namanya, kerana raja-raja Himyar digelar dengan "Zul" seperti Zu Nuas dan Zu Yazin. Nama tubuh baginda ialah Abu Bakr ibn Afriqasy. Baginda telah mengembara dengan angkatan bala tenteranya ke pantai Lautan Mediterranian dan melintas negeri-negeri Tunisia, Morocco dan lain-lain, dan baginda telah membangun bandar Afrika dan kemudian seluruh benua itu dinamakan dengan nama baginda. Baginda digelarkan dengan "Zul-Qarnayn" (Yang Menjelajah Dua Tanduk Matahari iaitu garisan bulatan matahari di permulaan terbit yang kelihatan seakan-akan tanduk), kerana baginda telah mengembara hingga sampai ke kawasan dua tanduk matahari.

Pendapat ini mungkin benar, tetapi kami tidak mempunyai sarana-sarana untuk mengkajinya, kerana kajian tidak mungkin dibuat dari catatan sejarah yang bertulis mengenai Zul-Qarnayn yang diceritakan sekelumit kisahnya di dalam Al-Qur'an itu, kerana kisah Zul-Qarnayn samalah dengan kebanyakan kisah-kisah yang diceritakan di dalam Al-Qur'an seperti kisah-kisah kaum Nuh, kaum Hud, kaum Soleh dan lain-lainnya. Sejarah yang bertulis hanya merupakan anak yang baru lahir dibandingkan dengan umur umat manusia, sedangkan sebelum sejarah yang bertulis ini banyak peristiwa yang telah berlaku yang tidak diketahui olehnya sedikit pun. Oleh itu sejarah yang bertulis bukannya sumber untuk bertanya mengenai peristiwa-peristiwa itu.

Seandainya kitab Taurat terselamat dari perubahan dan tokok tambah tentulah ia boleh menjadi sumber rujukan yang dapat dipegang mengenai sesuatu kejadian dari peristiwa-peristiwa itu, tetapi malangnya kitab Taurat dilingkungi dongeng-dongeng yang tidak syak lagi ianya dongeng. Ia juga memuat cerita-cerita yang tidak syak diragui lagi merupakan cerita-cerita yang ditokok tambah kepada nas-nas asal yang diwahyukan Allah. Oleh itu, Taurat tidak merupakan sumber yang diyakinkan kebenarannya mengenai kisah-kisah sejarah yang diceritakannya.

Justeru itu tiada lagi sumber yang lain kecuali Al-Qur'an yang terpelihara dari segala pengubahan dan pindaan. Ia adalah satu-satunya sumber mengenai kisah-kisah sejauh yang diceritakannya.

Amatlah jelas sekali bahawa Al-Qur'anul-Karim tidak boleh dihakimkan kepada sejarah kerana dua sebab yang amat terang:

Pertama, sejarah yang bertulis itu merupakan anak yang baru sahaja lahir. Berbagai-bagai peristiwa yang tidak terhingga banyaknya di dalam sejarah umat manusia telah terluput darinya. Ia tidak mengetahui sedikit pun dari peristiwa-peristiwa ini, tetapi Al-Qur'an telah menceritakan sebahagian dari peristiwa-peristiwa yang tidak diketahui sejarah itu.

Kedua, walaupun sejarah yang bertulis itu mengetahui setengah-setengah peristiwa ini, namun ia adalah salah satu hasil karya manusia yang tidak sempurna yang tidak sunyi dari kekurangan, kesilapan, pemesongan dan pengubahan yang dialami oleh semua karya manusia yang lain. Kita sendiri dapat menyaksi di zaman kita - yang mempunyai kemudahan perhubungan dan alat-alat pengkajian - bagaimana sesuatu berita atau sesuatu peristiwa itu telah diceritakan dengan berbagai-bagai cara dan dilihat dari berbagai-bagai sudut dan ditafsirkan dengan berbagai-bagai pentafsiran yang bertentangan, dan dari longgokan catatan-catatan seperti inilah diciptakan sejarah walaupun selepas itu ia dikatakan telah dikaji dengan teliti dan halus.

Pendapat yang menyarankan perlunya bertanya sejarah mengenai kisah yang diceritakan oleh Al-Qur'an adalah satu pendapat yang ditolak oleh kaedah-kaedah ilmiyah yang diakui manusia sebelum ia ditolak oleh 'aqidah yang telah menjelaskan bahawa Al-Qur'an merupakan keterangan pemutus. Ia adalah satu pendapat yang tidak layak dikatakan oleh seorang yang beriman kepada Al-Qur'an, juga tidak layak dikatakan oleh seorang yang percaya kepada alat-alat kajian ilmiyah, malah ia merupakan suatu dolak dalik sahaja.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 84 - 88)

Para penanya tentang Zul-Qarnayn telah bertanya kepada Rasulullah s.a.w., lalu Allah menurunkan wahyu kepada beliau menerangkan kisah Zul-Qarnayn seperti yang diceritakan di sini. Kita tidak mempunyai sumber yang lain di hadapan kita selain dari Al-Qur'an mengenai kisah ini. Kita tidak berupaya menceritakannya secara luas tanpa berlandaskan ilmu. Berbagai-bagai pendapat telah diterangkan di dalam kitab-kitab tafsir, tetapi pendapat-pendapat itu tidak dilandaskan di atas keyakinan. Oleh itu ia harus

diambil dengan hati-hati kerana ia mengandungi hikayat-hikayat Israeliyah dan cerita-cerita dongeng.

Pengembaraan Zul-Qarnayn

Nas-nas Al-Qur'an telah merakamkan tiga pengembara-an Zul-Qarnayn, iaitu satu pengembaraan ke sebelah Barat, satu pengembaraan ke sebelah Timur dan satu lagi pengembaraan di antara dua banjaran gunung. Sekarang marilah kita ikuti penjelasan Al-Qur'an mengenai tiga pengembaraan ini.

Cerita Zul-Qarnayn ini dimulakan dengan sedikit penerangan mengenai dirinya:

إِنَّا مَكَّنَّا لَهُۥ فِى ٱلْأَرْضِ وَءَاتَيْنَٰهُ مِن كُلِّ شَىْءٍ سَبَبًا ﴿٨٤﴾

"Sesungguhnya Kami telah mengukuhkan kedudukan pemerintahannya di bumi dan Kami telah mengurniakan kepadanya jalan untuk mencapai segala sesuatu (yang diperlukan kerajaannya)."(84)

Allah telah mengurniakan kepadanya kedudukan yang teguh dan kekuasaan yang kukuh. Allah telah memberikannya jalan-jalan untuk memerintah dan mena'luk, jalan-jalan pembangunan dan kemakmuran, jalan-jalan kekuasaan dan kesenangan dan segala sesuatu yang diperlukan manusia untuk mengukuhkan kedudukan mereka dalam kehidupan ini:

فَأَتْبَعَ سَبَبًا ﴿٨٥﴾

"Lalu dia menjelajahi ke suatu jalan."(85)

Dia mengembara ke satu arah yang diberikan kemudahan kepadanya, lalu berangkat menuju ke sebelah Barat:

حَتَّىٰٓ إِذَا بَلَغَ مَغْرِبَ ٱلشَّمْسِ وَجَدَهَا تَغْرُبُ فِى عَيْنٍ
حَمِئَةٍ وَوَجَدَ عِندَهَا قَوْمًا ۗ قُلْنَا يَٰذَا ٱلْقَرْنَيْنِ إِمَّآ أَن تُعَذِّبَ
وَإِمَّآ أَن تَتَّخِذَ فِيهِمْ حُسْنًا ﴿٨٦﴾
قَالَ أَمَّا مَن ظَلَمَ فَسَوْفَ نُعَذِّبُهُۥ ثُمَّ يُرَدُّ إِلَىٰ رَبِّهِۦ
فَيُعَذِّبُهُۥ عَذَابًا نُّكْرًا ﴿٨٧﴾
وَأَمَّا مَنْ ءَامَنَ وَعَمِلَ صَٰلِحًا فَلَهُۥ جَزَآءً ٱلْحُسْنَىٰ ۖ وَسَنَقُولُ
لَهُۥ مِنْ أَمْرِنَا يُسْرًا ﴿٨٨﴾

"Hingga apabila dia tiba di tempat matahari jatuh dia dapati matahari terbenam di dalam matair yang berlumpur dan di sana dia menemui satu kaum, Lalu Kami berfirman kepadanya: Wahai Zul-Qarnayn, sama ada engkau mengenakan hukuman seksa atau memilih balasan yang baik terhadap mereka(86). Jawab Zul-Qarnayn: Adapun orang yang berlaku zalim (kafir), maka kami mengenakan hukuman seksa kemudian dipulangkannya kepada Allah Tuhannya dan Dialah yang akan menyeksakannya dengan 'azab yang dahsyat(87). Dan adapun orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh, maka dia akan mendapat balasan yang sebaik-baiknya dan kami akan berkata kepadanya (menyampaikan) sebahagian dari perintah kami dengan penjelasan yang mudah."(88)

Tempat matahari jatuh ialah tempat di mana seseorang dapat melihat matahari membenamkan dirinya di sebalik ufuk, dan pemandangan itu berbeza-beza mengikut kelainan tempat. Di setengah-setengah tempat orang melihat matahari itu jatuh di belakang bukit, dan tempat-tempat yang lain pula orang melihat ia membenam di dalam air seperti di laut-laut dan laut-lautan yang luas, dan setengah-setengah tempat orang melihat ia membenam di dalam pasir seperti di padang-padang pasir yang luas sayup saujana.

Yang jelas dari nas ini ialah Zul-Qarnayn telah mengembara ke sebalah Barat hingga sampai ke suatu tempat di atas pantai lautan Atlantik - ia juga dinamakan sebagai laut gelap, di mana daratan dikira berakhir di situ - dan disinilah dia melihat matahari jatuh.

Pendapat yang lebih rajih menyebut tempat itu ialah terletak di muara salah satu dari sungai-sungai, di mana terdapat banyak rumput yang di kelilingi tanah-tanah lumpur yang likat, juga terdapat kolam-kolam seolah-olah kelihatan seperti matair-matair. Di sanalah dia melihat matahari jatuh.

وَجَدَهَا تَغْرُبُ فِى عَيْنٍ حَمِئَةٍ

"Dia dapati matahari itu terbenam di dalam matair yang berlumpur"(86)

tetapi kita tidak dapat menentukan tempat itu dengan tepat, kerana nas Al-Qur'an tidak menentukannya dan kita juga tidak mempunyai sumber yang lain yang dapat kita berpegang dengannya dalam menentukan tempat itu. Segala pendapat yang berlainan dari pendapat ini adalah tidak aman dan selamat kerana ia tidak bersandar kepada satu sumber yang sahih.

Di kawasan tanah lumpur inilah Zul-Qarnayn menjumpai satu kaum:

قُلْنَا يَٰذَا ٱلْقَرْنَيْنِ إِمَّآ أَن تُعَذِّبَ وَإِمَّآ أَن تَتَّخِذَ فِيهِمْ
حُسْنًا ﴿٨٦﴾

"Lalu Kami berfirman kepadanya: Wahai Zul-Qarnayn, sama ada engkau mengenakan hukuman seksa atau memilih balasan yang baik terhadap mereka."(86)

Bagaimana Allah menyampaikan firman ini kepada Zul-Qarnayn? Adakah perkataan ini berupa wahyu atau ia hanya merupakan cerita keadaan sahaja ketika beliau diberi kekuatan menguasai kaum itu dan diserahkan kebebasan bertindak terhadap mereka seolah-olah dikatakan kepadanya: Engkau boleh bertindak bebas terhadap mereka sama ada engkau

hendak bertindak mengazabkan mereka atau memberi layanan yang baik kepada mereka? Kedua-dua pendapat ini boleh diterima belaka dan tidak ada apa halangan untuk memahami nas ini mengikut kedua-dua pendapat itu, kerana yang penting di sini ialah Zul-Qarnayn telah mengumumkan perlembagaannya dalam melayani negeri-negeri yang ditaklukkannya, di mana penduduk-penduduknya tunduk kepadanya dan di mana Allah telah memberi kekuatan kepadanya untuk menguasai mereka.

قَالَ أَمَّا مَن ظَلَمَ فَسَوْفَ نُعَذِّبُهُۥ ثُمَّ يُرَدُّ إِلَىٰ رَبِّهِۦ
فَيُعَذِّبُهُۥ عَذَابًا نُّكْرًا ﴿٨٧﴾
وَأَمَّا مَنْ ءَامَنَ وَعَمِلَ صَٰلِحًا فَلَهُۥ جَزَآءً ٱلْحُسْنَىٰ ۖ وَسَنَقُولُ
لَهُۥ مِنْ أَمْرِنَا يُسْرًا ﴿٨٨﴾

"Jawab Zul-Qarnayn: Adapun orang yang berlaku zalim (kafir), maka kami mengenakan hukuman seksa kemudian mereka akan dipulangkannya kepada Allah Tuhannya dan Dialah yang akan menyeksakannya dengan 'azab yang dahsyat(87). Dan adapun orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh, maka dia akan mendapat balasan yang sebaik-baiknya dan kami akan berkata kepadanya (menyampaikan) sebahagian dari perintah kami dengan penjelasan yang mudah."(88)

Perlembagaan Negara Yang Baik

Kini Zul-Qarnayn mengumumkan hukuman keseksaan dunianya kepada para penceroboh yang zalim dan selepas itu mereka akan diserahkan pula kepada Allah supaya di'azabkan dengan 'azab yang amat dahsyat yang tidak dapat ditanding dengan mana-mana 'azab yang diketahui manusia. Adapun orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh, maka mereka akan mendapat balasan yang baik, layanan yang saksama, penghormatan, bantuan dan kemudahan.

Inilah perlembagaan pemerintahan yang baik. Seorang Mu'min yang soleh pastilah memperolehi layanan yang terhormat, kemudahan dan balasan yang baik di sisi pemerintah, dan seseorang penceroboh yang zalim pastilah mendapat keseksaan dan hukuman yang menyakitkan. Apabila setiap orang yang baik di dalam masyarakat mendapat balasan yang baik terhadap kebaikannya, mendapat tempat yang terhormat, pertolongan dan kemudahan, dan apabila setiap orang yang menceroboh menerima balasan, hukuman, penghinaan dan tindakan keras terhadap kejahatannya, maka di waktu inilah setiap orang mendapat galakan ke arah kebaikan dan produktiviti. Tetapi apabila neraca pemerintahan itu tidak menentu, di mana penceroboh-penceroboh yang melakukan kerosakan itu mendapat tempat yang hampir kepada pemerintah dan kedudukan yang utama di dalam kerajaan, sementara orang-orang yang baik dibuang dan diperang, maka di waktu inilah kuasa yang ada di tangan pemerintah akan bertukar menjadi cemati 'azab dan alat penindasan dan sistem masyarakat akan menjadi kacau-bilau dan rosak.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 89 - 90)

Kemudian Zul-Qarnayn pulang dari pengembaraan di sebelah Barat dan melakukan pengembaraan ke sebelah Timur, di mana beliau dikurniakan kedudukan yang teguh dan dimudahkan segala jalannya:

ثُمَّ أَتْبَعَ سَبَبًا ﴿٨٩﴾
حَتَّىٰٓ إِذَا بَلَغَ مَطْلِعَ ٱلشَّمْسِ وَجَدَهَا تَطْلُعُ عَلَىٰ قَوْمٍ لَّمْ
نَجْعَل لَّهُم مِّن دُونِهَا سِتْرًا ﴿٩٠﴾

"Kemudian dia menjelajahi ke suatu jalan (yang lain pula) (89). Hingga apabila dia tiba di tempat matahari terbit dia dapati matahari itu naik ke atas satu kaum yang tidak Kami jadikan untuk mereka sebarang perlindungan dari (panasnya)."(90)

Apa yang telah dikatakan mengenai tempat matahari jatuh begitulah juga dikatakan mengenai tempat matahari terbit. Yang dimaksudkan dengan tempat matahari terbit ialah tempat terbitnya di ufuk Timur pada pandangan mata orang yang melihat. Al-Qur'an tidak menentukan tempat itu secara tepat, tetapi menerangkan sifat-sifatnya dan keadaan kaum yang dijumpai Zul-Qarnayn di sana:

حَتَّىٰٓ إِذَا بَلَغَ مَطْلِعَ ٱلشَّمْسِ وَجَدَهَا تَطْلُعُ عَلَىٰ قَوْمٍ لَّمْ
نَجْعَل لَّهُم مِّن دُونِهَا سِتْرًا ﴿٩٠﴾

"Hingga apabila dia tiba di tempat matahari terbit dia dapati matahari itu naik ke atas satu kaum yang tidak Kami jadikan untuk mereka sebarang perlindungan dari (panasnya)."(90)

Kawasan itu adalah kawasan bumi yang terdedah, yang tidak terdapat bukit-bukit dan pokok yang melindunginya dari panas matahari. Jadi matahari di sana naik memancar terus ke atas kaum yang tinggal di sana tanpa apa-apa perlindungan. Gambaran ini secucuk dengan kawasan padang-padang pasir dan tanah datar yang luas saujana. Al-Qur'an tidak menentukan tempatnya secara tepat.

Kemungkinan besar yang kami dapat katakan ialah tempat ini adalah terletak di hujung Timur, di mana orang melihat matahari naik ke atas kawasan bumi yang rata dan terbuka. Kemungkinan tempat itu terletak di pantai Timur Afrika, dan di sana ada lagi satu kemungkinan, iaitu yang dimaksudkan dengan gambaran Al-Qur'an:

لَّمْ نَجْعَل لَّهُم مِّن دُونِهَا سِتْرًا ﴿٩٠﴾

"Yang tidak Kami jadikan untuk mereka sebarang perlindungan dari (panasnya)"(90)

ialah kaum itu adalah satu kaum yang telanjang bogel, yang tidak mempunyai sebarang pakaian yang melindungi mereka dari panas matahari.

Sebelum ini Zul-Qarnayn telah pun mengumumkan perlembagaan pemerintahannya, justeru itu pengumuman itu tidak diulangkan di sini, begitu juga tidak diulangkan tindakan-tindakannya yang telah diambil dalam pengembaraannya di sebelah Timur kerana perkara ini telah pun diketahui sebelum ini. Allah telah mengetahui segala fikiran dan tujuan-tujuannya.

Marilah kita berhenti sejenak di hadapan gejala keseimbangan yang seni dalam pembentangan (cerita ini), iaitu pemandangan yang ditayangkan ayat tadi menggambarkan satu pemandangan alam yang terbuka dan terdedah, di mana matahari memancar ke atas satu kaum yang tidak mempunyai apa-apa perlindungan, demikian juga hati Zul-Qarnayn dan segala niat dan hasratnya terbuka dan terdedah kepada ilmu Allah. Demikianlah pemandangan itu menunjukkan gambaran yang seimbang di antara keadaan alam dan keadaan hati Zul-Qarnayn mengikut kaedah perimbangan Al-Qur'an yang seni.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 92 - 98)

ثُمَّ أَتْبَعَ سَبَبًا ﴿٩٢﴾
حَتَّىٰٓ إِذَا بَلَغَ بَيْنَ ٱلسَّدَّيْنِ وَجَدَ مِن دُونِهِمَا قَوْمًا لَّا
يَكَادُونَ يَفْقَهُونَ قَوْلًا ﴿٩٣﴾
قَالُوا۟ يَٰذَا ٱلْقَرْنَيْنِ إِنَّ يَأْجُوجَ وَمَأْجُوجَ مُفْسِدُونَ
فِى ٱلْأَرْضِ فَهَلْ نَجْعَلُ لَكَ خَرْجًا عَلَىٰٓ أَن تَجْعَلَ بَيْنَنَا
وَبَيْنَهُمْ سَدًّا ﴿٩٤﴾
قَالَ مَا مَكَّنِّى فِيهِ رَبِّى خَيْرٌ فَأَعِينُونِى بِقُوَّةٍ أَجْعَلْ بَيْنَكُمْ
وَبَيْنَهُمْ رَدْمًا ﴿٩٥﴾
ءَاتُونِى زُبَرَ ٱلْحَدِيدِ ۖ حَتَّىٰٓ إِذَا سَاوَىٰ بَيْنَ ٱلصَّدَفَيْنِ قَالَ ٱنفُخُوا۟ ۖ
حَتَّىٰٓ إِذَا جَعَلَهُۥ نَارًا قَالَ ءَاتُونِىٓ أُفْرِغْ عَلَيْهِ قِطْرًا ﴿٩٦﴾
فَمَا ٱسْطَٰعُوٓا۟ أَن يَظْهَرُوهُ وَمَا ٱسْتَطَٰعُوا۟ لَهُۥ نَقْبًا ﴿٩٧﴾
قَالَ هَٰذَا رَحْمَةٌ مِّن رَّبِّى ۖ فَإِذَا جَآءَ وَعْدُ رَبِّى جَعَلَهُۥ دَكَّآءَ ۖ وَكَانَ
وَعْدُ رَبِّى حَقًّا ﴿٩٨﴾

"Kemudian dia menjelajahi ke suatu jalan (yang lain pula)(92). Hingga apabila dia tiba di tempat di antara dua tembok dia menjumpai di hadapan keduanya satu kaum yang hampir-hampir tidak dapat memahami sebarang percakapan(93). Mereka berkata: Wahai Zul-Qarnayn! Sesungguhnya Ya'juj dan Ma'juj itu satu kaum yang sentiasa melakukan kerosakan di bumi. Oleh itu apakah anda bersetuju kami berikan kepada anda sejumlah pembayaran supaya anda membina satu tembok yang menghalang di antara kami dengan mereka?(94). Jawab Zul-Qarnayn: Ni'mat kedudukan pemerintahan yang kuat yang dikurniakan Tuhanku kepada aku itu adalah lebih baik (dari bayaran), oleh itu berilah bantuan tenaga kepada aku nescaya aku membina satu tembok yang menghalangi di antara kami dengan mereka(95). Bawalah kepada aku ketul-ketul besi, sehingga apabila dia selesai menyamaratakan (tembok besi) di antara dua bukit itu dia pun berkata: Tiuplah api! Sehingga apabila ia menjadikannya (merah seperti) api dia pun berkata: Berilah kepadaku tembaga cair supaya aku tuangkan ke atasnya(96). Maka (Ya'juj dan Ma'juj) tidak berdaya memanjatkannya dan tidak pula berdaya menebukkannya (97). Ujar Zul-Qarnayn: (Tembok) ini adalah rahmat dari Tuhanku. Dan apabila tiba janji Tuhanku Dia akan jadikannya hancurlebur dan sesungguhnya janji Tuhanku itu adalah benar."(98)

Tembok Yang Dibina Zul-Qarnayn

Kita tidak dapat pastikan dengan tepat di manakah tempat sampainya Zul-Qarnayn yang terletak di antara dua tembok itu? Dan apakah yang dimaksudkan dengan dua tembok itu? Apa yang dapat difaham dari ayat ini ialah dia telah sampai di satu kawasan yang terletak di antara dua banjaran bukit/gunung atau dua tembok yang dibina manusia dan di antara keduanya dipisahkan oleh sebuah lorong atau jalan laluan dan di sanalah Zul-Qarnayn menjumpai satu kaum yang mundur:

لَّا يَكَادُونَ يَفْقَهُونَ قَوْلًا ﴿٩٣﴾

"Yang hampir-hampir tidak dapat memahami sebarang percakapan."(93)

Apabila kaum ini mendapati Zul-Qarnayn seorang penakluk yang gagah berani dan melihat kekuatan, kebolehan dan kebaikannya, mereka pun menawar kepada beliau kerja membangun tembok untuk menghalang kaum Ya'juj dan Ma'juj yang menyerang mereka dari belakang dua tembok dan dari jalan laluan itu dan melakukan kerosakan dan perbuatan-perbuatan yang bermaharajalela di negeri mereka, sedangkan mereka tidak berupaya untuk menolak dan menyekat kemaraan mereka. Untuk kerja itu mereka sanggup memberi upah yang tertentu kepada beliau yang dikumpul di antara mereka.

Berdasarkan sistem hidup yang soleh yang diumumkan oleh beliau selaku pemerintah yang soleh, iaitu satu sistem hidup yang menentang kerosakan di bumi, maka beliau telah menolak tawaran upah yang ditawarkan mereka kepada beliau dan beliau sanggup membina tembok itu secara sukarela sahaja. Cara yang paling mudah mengikut pandangan beliau untuk membina tembok itu ialah

menutup dan menambak jalan laluan yang terletak di antara dua tembok semulajadi (bukit/gunung) itu. Oleh itu beliau meminta dari kaum yang mundur itu supaya membantu beliau dengan kekuatan-kekuatan kebendaan dan tenaga fizikal:

فَأَعِينُونِي بِقُوَّةٍ أَجْعَلْ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُمْ رَدْمًا ﴿٩٥﴾ ءَاتُونِي زُبَرَ ٱلْحَدِيدِ

"Oleh itu berilah bantuan tenaga kepada aku nescaya aku membina satu tembok yang menghalangi di antara kamu dengan mereka. Bawalah kepadaku ketul-ketul besi"(95-96)

Lalu mereka mengumpul ketul-ketul besi dan menimbunkannya di jalan yang terbuka di antara dua banjaran bukit itu. Ini menjadikan dua banjaran bukit itu seolah-olah kulit luar yang membalut tembok-tembok besi yang disusun di antara keduanya.

حَتَّىٰٓ إِذَا سَاوَىٰ بَيْنَ ٱلصَّدَفَيْنِ

"Sehingga apabila dia selesai menyamaratakan (tembok besi) di antara dua bukit itu"(96)

dan jadilah timbunan besi itu separas dengan dua bukit itu:

قَالَ ٱنفُخُوا۟

"Dia pun berkata: Tiuplah api!"(96)

untuk membakar besi-besi itu:

حَتَّىٰٓ إِذَا جَعَلَهُۥ نَارًا

"Sehingga apabila ia menjadikannya (merah seperti) api"(96)

kerana terlalu panas dan merah:

قَالَ ءَاتُونِىٓ أُفْرِغْ عَلَيْهِ قِطْرًا ﴿٩٦﴾

"Diapun berkata: Berilah kepadaku tembaga cair supaya aku tuangkan ke atasnya."(96)

Iaitu tembaga cair yang menyerap ke celah-celah besi dan bercampur dengannya untuk menjadikannya bertambah kuat dan kukuh.

Cara ini telah digunakan di zaman moden untuk menguatkan besi, kerana tambahan satu nisbah tembaga kepada besi didapati menambahkan ketahanan dan kekuatannya. Inilah rahsia yang telah ditunjukkan Allah kepada Zul-Qarnayn dan dirakamkannya dalam kitab suci-Nya yang kekal mendahului ilmu pengetahuan manusia yang moden selama berabad-abad yang hanya Allah sahaja mengetahui bilangannya.

Dengan itu kedua-dua bukit itu bertangkup dan menjadi sedaging dan tertutuplah jalan yang dilalui Ya'juj dan Ma'juj itu:

فَمَا ٱسْطَٰعُوٓا۟ أَن يَظْهَرُوهُ وَمَا ٱسْتَطَٰعُوا۟ لَهُۥ نَقْبًا ﴿٩٧﴾

"Maka (Ya'juj dan Ma'juj) tidak berdaya memanjatkannya dan tidak pula berdaya menebukkannya."(97)

Maksudnya, mereka tidak dapat memanjat dan menembusi tembok itu. Mereka tidak dapat lagi menyerang kaum yang lemah dan mundur, dan membolehkan mereka meni'mati keamanan dan ketenteraman.[9]

Zul-Qarnayn melihat hasil usahanya yang amat besar itu, tetapi beliau tidak dilambung perasaan angkuh dan bangga. Beliau tidak dimabukkan oleh perasaan kesombongan kerana mempunyai ilmu dan kekuatan, tetapi beliau terus mengingati Allah dan bersyukur kepada-Nya serta memulangkan segala hasil usahanya yang baik itu kepada pertolongan dan taufiq Allah. Beliau menolak kekuatan dirinya dan mengakui kekuatan Allah dan menyerahkan teraju urusan kepada Allah. Kemudian beliau mengumumkan hakikat yang dipercayainya iaitu gunung-ganang, kota-kota dan tembok-tembok akan dihancurkan belaka sebelum hari Qiamat dan permukaan bumi akan kembali menjadi licin dan rata:

قَالَ هَٰذَا رَحْمَةٌ مِّن رَّبِّى ۖ فَإِذَا جَآءَ وَعْدُ رَبِّى جَعَلَهُۥ دَكَّآءَ ۖ وَكَانَ وَعْدُ رَبِّى حَقًّا ﴿٩٨﴾

"Ujar Zul-Qarnayn: (Tembok) ini adalah rahmat dari Tuhanku. Dan apabila tiba janji Tuhanku Dia akan jadikannya hancurlebur dan sesungguhnya janji Tuhanku itu adalah benar."(98)

Dengan ini berakhirlah babak sirah Zul-Qarnayn sebagai contoh yang baik bagi pemerintah yang soleh yang telah dikurniakan Allah kedudukan yang teguh di bumi dan kemudahan segala jalan, di mana beliau mengembara Timur dan Barat, tetapi beliau tidak berlagak sewenang-wenang, angkuh, melampau dan takbur. Beliau tidak menggunakan penaklukan-penaklukan sebagai alat untuk mendapat keuntungan-keuntungan kebendaan atau untuk mengeksploitasi individu-individu, kumpulan-kumpulan dan negeri-negeri, beliau tidak melayani negeri-negeri yang ditakluk dengan layanan hamba abdi. Beliau tidak menggunakan penduduk-penduduknya untuk kepentingan-kepentingan dan ketamakannya. Malah beliau mengembangkan keadilan di setiap tempat yang dimasuki olehnya dan membantu kaum-kaum yang mundur dan menghalangkan pencerobohan tanpa sebarang upah. Beliau menggunakan kekuatan yang dikurniakan Allah kepadanya untuk tujuan-tujuan pembangunan

---

[9] *Satu tembok telah dijumpai di satu tempat berhampiran dengan bandar "Tarmidz" yang dikenali dengan nama Babul- Hadid (pintu besi). Di awal abad yang kelima, seorang ilmuwan jerman bernama Slade Verger telah melalui tempat ini dan merakamkan di dalam buku beliau. Begitu juga tempat ini telah disebut oleh arkeologis Sepanyol bernama Klapigeo yang telah menyebut tempat ini di dalam pengembaraannya dalam tahun 1403 dan beliau berkata: Tembok bandar Babul-Hadid ini yang terletak di antara Samarkand dan India mungkin tembok inilah tembok yang dibina oleh Zul-Qarnayn.*

dan islah, juga untuk menolak pencerobohan dan menegakkan kebenaran kemudian beliau memulangkan segala kebaikan yang telah dilaksanakannya itu kepada rahmat dan limpah kurnia Allah. Beliau tidak lupa kepada qudrat kuasa Allah ketika beliau berada di kemuncak kekuasaannya dan beliau sentiasa pulang kepada Allah.

* * * * * *

Siapakah Kaum Ya'juj dan Ma'juj

Siapakah kaum Ya'juj dan Ma'juj? Di manakah mereka sekarang? Apakah tindak-tanduk mereka di masa lampau dan apakah yang akan berlaku kepada mereka?

Semua pertanyaan ini sukar dijawab secara pasti, kerana kita tidak mengetahui keadaan mereka melainkan sekadar yang telah diterangkan di dalam Al-Qur'an dan beberapa hadith yang sahih.

Di tempat ini Al-Qur'an hanya menyebut apa yang telah dikatakan oleh Zul-Qarnayn:

قَالَ هَٰذَا رَحْمَةٌ مِّن رَّبِّي ۖ فَإِذَا جَاءَ وَعْدُ رَبِّي جَعَلَهُ دَكَّاءَ ۖ وَكَانَ وَعْدُ رَبِّي حَقًّا ﴿٩٨﴾

"Dan apabila tiba janji Tuhanku Dia akan jadikannya hancur lebur dan sesungguhnya janji Tuhanku itu adalah benar."(98)

Ayat ini tidak menyebut satu zaman yang tertentu, dan yang dimaksudkan dengan janji Allah ialah janji-Nya untuk menghancurkan tembok itu yang mungkin telah pun berlaku sejak serangan kaum Tatar yang telah menyerbu dunia dan menghancurkan berbagai-bagai kerajaan.

Di tempat yang lain di dalam Surah al-Anbiya' (Al-Qur'an menyebut):

حَتَّىٰ إِذَا فُتِحَتْ يَأْجُوجُ وَمَأْجُوجُ وَهُم مِّن كُلِّ حَدَبٍ يَنسِلُونَ ﴿٩٦﴾ وَاقْتَرَبَ الْوَعْدُ الْحَقُّ

"Hingga sampai waktu dibukakan (tembok) Ya'juj dan Ma'juj dan mereka turun dengan cepat dari seluruh tempat yang tinggi dan (di waktu itu) janji Allah yang benar telah menghampiri."

(Surah al-Anbiya': 96-97)

Ayat ini juga tidak menyebut satu zaman yang tertentu, bilakah keluarnya kaum Ya'juj dan Ma'juj itu? Kedekatan janji Allah yang benar itu bererti kedekatan hari Qiamat itu telah pun berlaku di zaman Rasulullah s.a.w. lagi. Di dalam Al-Qur'an pernah diterangkan:

اقْتَرَبَتِ السَّاعَةُ وَانشَقَّ الْقَمَرُ ﴿١﴾

"Qiamat telah dekat dan bulan telah terbelah."

(Surah al-Qamar: 1)

Zaman dalam kiraan Ilahi berlainan dari zaman dalam kiraan manusia. Mungkin di antara kedekatan masa Qiamat dengan masa berlakunya Qiamat itu diselangi oleh berjuta-juta tahun atau abad, dan tentulah masa yang selanjut itu difikir oleh manusia sebagai masa yang amat lama sekali, tetapi di sisi Allah masa yang sepanjang itu hanya merupakan satu kelipan masa yang pendek sahaja.

Jadi, mungkinlah tembok itu telah pun dibuka di antara masa kedekatan Qiamat dengan zaman kita sekarang ini dan serangan-serangan bangsa Monghul dan Tatar itulah yang merupakan penyerbuan kaum Ya'juj dan Ma'juj.

Di sana ada sebuah hadith sahih yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad dari Sufyan ath-Thauti dari 'Urwah dari Zainab binti Jahsy - isteri Rasulullah s.a.w. - katanya: Rasulullah s.a.w. terjaga dari tidur dengan wajah yang merah sambil bersabda:

ويل للعرب من شر قد اقترب . فتح اليوم من ردم يأجوج ومأجوج مثل هذا

"Celakalah bagi bangsa Arab dari satu malapetaka yang telah hampir. Tembok Ya'juj dan Ma'juj telah pun dibuka pada hari ini seperti (dua jari) ini"

lalu beliau membuat bulatan (dengan jari telunjuk dan ibu jarinya), lalu aku pun bertanya: "Wahai Rasulullah! Apakah kita akan binasa, sedangkan dalam kalangan kita ada orang-orang yang soleh?" Jawab beliau:

نعم! إذا كثر الخبيث

"Ya, jika banyak dilakukan amalan-amalan yang keji."

Mimpi ini telah berlaku sejak lebih dari tiga belas abad setengah yang lampau (kini empat belas abad) dan serangan-serangan Tatar telah pun berlaku selepas itu, di mana kerajaan Arab telah dihancurkan dengan kehancuran kerajaan khalifah 'Abbasiyah di tangan Hulagu di zaman pemerintahan al-Mu'tasim pemerintahan 'Abbasiyah yang terakhir. Mungkin inilah ta'bir mimpi Rasulullah s.a.w. Allah jua yang mengetahui perkara ini dan segala apa yang kita katakan itu hanya satu kemungkinan yang kuat bukannya pasti.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 99 - 102)

Kemudian marilah kita kembali kepada ayat-ayat surah ini, di mana kita dapati pernyataan Zul-Qarnayn tentang janji Allah yang benar itu diiringi pula dengan sebuah pemandangan dari pemandangan-pemandangan Qiamat.

وَتَرَكْنَا بَعْضَهُمْ يَوْمَئِذٍ يَمُوجُ فِي بَعْضٍ ۖ وَنُفِخَ فِي الصُّورِ فَجَمَعْنَاهُمْ جَمْعًا ﴿٩٩﴾

وَعَرَضۡنَا جَهَنَّمَ يَوۡمَئِذٖ لِّلۡكَٰفِرِينَ عَرۡضًا ﴿١٠٠﴾
ٱلَّذِينَ كَانَتۡ أَعۡيُنُهُمۡ فِي غِطَآءٍ عَن ذِكۡرِي وَكَانُواْ لَا
يَسۡتَطِيعُونَ سَمۡعًا ﴿١٠١﴾

"Dan pada hari itu (Qiamat) Kami membiarkan mereka (manusia) bercampurbaur satu sama lain dan sangkakala pun ditiup lalu Kami kumpulkan mereka dalam perhimpunan (yang teratur)(99). Dan pada hari itu Kami memperlihatkan Neraka kepada orang-orang kafir dengan sejelas-jelasnya(100). Iaitu orang-orang yang tertutup mata mereka dari mengingati-Ku dan mereka tidak berupaya mendengar."(101)

Itulah pemandangan yang melukiskan harakat perhimpunan umat manusia dari berbagai-bagai warna, bangsa dan negara yang terdiri dari setiap generasi, masa dan zaman. Mereka dibangkit dari kubur-kubur mereka berselerak, bercampurbaur dan bersesak-sesak tanpa peraturan dan tanpa perhatian. Mereka bertolak-tolak dan bercampur-aduk seperti ombak di laut. Kemudian tiupan sangkakala untuk mengumpul dan mengatur mereka dibunyikan:

وَنُفِخَ فِي ٱلصُّورِ فَجَمَعۡنَٰهُمۡ جَمۡعٗا ﴿٩٩﴾

"Dan sangkakala pun ditiup lalu Kami kumpulkan mereka dalam perhimpunan (yang teratur)."(99)

Maksudnya, mereka berada di dalam barisan yang teratur.

Adapun orang-orang kafir yang telah berpaling dari Zikrullah sehingga seolah-olah mata mereka tertutup dan pendengaran mereka tersumbat, maka mereka akan didedahkan kepada Neraka Jahannam dan mereka tidak akan dapat menghindarkan diri darinya sebagaimana mereka telah menghindarkan diri dari Zikrullah. Pada hari ini mereka tidak berupaya menghindarkan diri. Penutup mata mereka telah pun ditanggalkan dan kini mereka dapat melihat akibat penolakan dan kebutaan mereka sebagai balasan yang setimpal.

Pengungkapan ayat ini menyeimbangkan di antara penolakan Zikrullah dengan pendedahan Neraka dan menjadikannya dua perkara yang setanding dalam pemandangan dan harakat mengikut kaedah perimbangan yang seni di dalam Al-Qur'an.

Kemudian penandingan itu diiringi dengan kecaman yang pedih dan ejekan yang pahit:

أَفَحَسِبَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓاْ أَن يَتَّخِذُواْ عِبَادِي مِن دُونِيٓ
أَوۡلِيَآءَۚ إِنَّآ أَعۡتَدۡنَا جَهَنَّمَ لِلۡكَٰفِرِينَ نُزُلٗا ﴿١٠٢﴾

"Apakah orang-orang yang kafir itu menyangka bahawa mereka boleh mengambil hamba-hamba-Ku sebagai pelindung-pelindung selain dari-Ku, sesungguhnya Kami telah pun menyediakan Neraka Jahannam kepada orang-orang yang kafir sebagai tempat keraian."(102)

Maksudnya, apakah orang-orang kafir itu berfikir bahawa mereka boleh menjadikan makhluk-makhluk Allah yang tunduk kepada-Nya itu sebagai penolong-penolong mereka selain dari Allah, iaitu mereka boleh menolong mereka dari 'azab Allah dan mempertahankan mereka dari kekuasaan Allah? Jika begitu silalah terima akibat fikiran ini:

إِنَّآ أَعۡتَدۡنَا جَهَنَّمَ لِلۡكَٰفِرِينَ نُزُلٗا ﴿١٠٢﴾

"Sesungguhnya Kami telah pun menyediakan Neraka Jahannam kepada orang-orang yang kafir sebagai tempat keraian."(102)

Amboi hebatnya tempat keraian yang disediakan untuk menyambut mereka. Ia tidak memerlukan susah payah dan menunggu kerana ia telah pun siap sedia menunggu para tamu yang kafir.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 103 - 108)

Kemudian surah ini ditamatkan dengan nada-nada pernyataan terakhir yang mengintisarikan garis-garis panduannya yang banyak dan menggabungkan berbagai-bagai nada pernyataannya yang lain.

Nada kenyataan pertama memperkatakan tentang nilai-nilai dan ukuran-ukuran menurut istilah orang-orang yang sesat dan menurut istilah yang sebenar, iaitu nilai-nilai amalan dan nilai-nilai peribadi.

Orang-orang Yang Tertipu Dengan Amalan-amalan Yang Sesia

قُلۡ هَلۡ نُنَبِّئُكُم بِٱلۡأَخۡسَرِينَ أَعۡمَٰلًا ﴿١٠٣﴾
ٱلَّذِينَ ضَلَّ سَعۡيُهُمۡ فِي ٱلۡحَيَوٰةِ ٱلدُّنۡيَا وَهُمۡ يَحۡسَبُونَ أَنَّهُمۡ
يُحۡسِنُونَ صُنۡعًا ﴿١٠٤﴾
أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ بِـَٔايَٰتِ رَبِّهِمۡ وَلِقَآئِهِۦ فَحَبِطَتۡ
أَعۡمَٰلُهُمۡ فَلَا نُقِيمُ لَهُمۡ يَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِ وَزۡنٗا ﴿١٠٥﴾

"Katakanlah: Adakah kamu suka Kami memberitahu kepada kamu tentang orang-orang yang paling rugi (amalan-amalan mereka)?(103). Iaitu orang-orang yang seluruh usaha mereka di dalam kehidupan dunia sia-sia sahaja, sedangkan mereka menyangka bahawa mereka telah melakukan amalan-amalan yang baik(104). Merekalah orang-orang yang tidak mempercayai ayat-ayat Allah Tuhan mereka dan pertemuan mereka dengan-Nya lalu sia-sialah amalan-amalan mereka, oleh itu Kami tidak akan memberi apa-apa penilaian terhadap mereka."(105)

قُلۡ هَلۡ نُنَبِّئُكُم بِٱلۡأَخۡسَرِينَ أَعۡمَٰلًا ﴿١٠٣﴾

"Katakanlah: Adakah kamu suka Kami memberitahu kepada kamu tentang orang-orang yang paling rugi (amalan-amalan mereka)?"(103)

Maksudnya, tiada orang lain yang lebih rugi dari mereka.

ٱلَّذِينَ ضَلَّ سَعْيُهُمْ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا

"Iaitu orang-orang yang seluruh usaha mereka di dalam kehidupan dunia sesia sahaja"(104)

kerana usaha-usaha itu tidak membawa mereka kepada hidayat dan tidak membawa mereka kepada sesuatu faedah atau matlamat.

وَهُمْ يَحْسَبُونَ أَنَّهُمْ يُحْسِنُونَ صُنْعًا ١٠٤

"Sedangkan mereka menyangka bahawa mereka telah melakukan amalan-amalan yang baik."(104)

Oleh sebab mereka terlalai, mereka tidak sedar bahawa usaha-usaha mereka sia-sia dan hilang percuma. Mereka terus melakukan usaha-usaha yang sesia dan sesat itu dan menghabiskan masa hidup mereka dengan percuma.

Katakanlah, apakah kamu suka kami menerangkan kepada kamu siapakah gerangan orang-orang itu?

Setelah merangsangkan rasa ingin tahu dan keghairahan menunggu hingga ke tahap ini, barulah didedahkan hakikat mereka:

أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِـَٔايَٰتِ رَبِّهِمْ وَلِقَآئِهِۦ فَحَبِطَتْ أَعْمَٰلُهُمْ

"Merekalah orang-orang yang tidak mempercayai ayat-ayat Allah Tuhan mereka dan pertemuan mereka dengan-Nya lalu sia-sialah amalan-amalan mereka."(105)

Asal kata (حبطت) bererti penyakit kembung perut yang dihidapi binatang ternakan apabila ia termakan sejenis rumput yang beracun, dan penyakit ini boleh membawa maut kepada binatang itu. Kata-kata ini amat sesuai untuk menggambarkan amalan-amalan yang sia-sia. Ia kelihatan kembung dan mengelembung besar menyebabkan para pelakunya menyangka bahawa amalan-amalan itu benar-benar baik, berjaya dan menguntungkan tetapi tiba-tiba akhirnya ia membawa kepada kebinasaan:

أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِـَٔايَٰتِ رَبِّهِمْ وَلِقَآئِهِۦ فَحَبِطَتْ أَعْمَٰلُهُمْ فَلَا نُقِيمُ لَهُمْ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ وَزْنًا ١٠٥

"Merekalah orang-orang yang tidak mempercayai ayat-ayat Allah Tuhan mereka dan pertemuan mereka dengan-Nya lalu sia-sialah amalan-amalan mereka, oleh itu Kami tidak akan memberi apa-apa penilaian terhadap mereka."(105)

Maksudnya, mereka dipersampahkan begitu sahaja. Mereka tidak diberikan sebarang nilai dan pertimbangan di dalam neraca nilai-nilai yang sebenar "Pada hari Qiamat" dan mereka akan memperolehi balasan mereka yang sebenar:

ذَٰلِكَ جَزَآؤُهُمْ جَهَنَّمُ بِمَا كَفَرُوا۟ وَٱتَّخَذُوٓا۟ ءَايَٰتِى وَرُسُلِى هُزُوًا ١٠٦

"Orang-orang yang sedemikian, balasan mereka ialah Neraka Jahannam kerana mereka tidak beriman dan menjadikan ayat-ayat-Ku dan para rasul-Ku sebagai bahan ejekan."(106)

Keseimbangan pemandangan itu disempurnakan dengan menayangkan pula daun neraca orang-orang Mu'min dan nilai-nilai mereka dalam pertimbangan amalan itu:

إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ كَانَتْ لَهُمْ جَنَّٰتُ ٱلْفِرْدَوْسِ نُزُلًا ١٠٧

خَٰلِدِينَ فِيهَا لَا يَبْغُونَ عَنْهَا حِوَلًا ١٠٨

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh akan memperolehi taman-taman Syurga al-Firdaus sebagai tempat keraian(107). Di mana mereka (tinggal) kekal abadi di dalamnya dan tidak ingin lagi berpindah darinya."(108)

Tempat-tempat kediaman dalam taman-taman Syurga Firdaus itu ditandingkan dengan tempat-tempat keraian di dalam Neraka Jahannam. Alangkah jauh bezanya.

Ungkapan:

لَا يَبْغُونَ عَنْهَا حِوَلًا ١٠٨

"Mereka tidak ingin lagi berpindah darinya"(108)

mengandungi satu tarikan perhatian yang seni dan mendalam kepada tabi'at jiwa manusia dan perasaan mereka terhadap sesuatu keni'matan. Perhatian ini memerlukan kita berhenti sebentar untuk meneliti pengertiannya yang halus dan mendalam itu.

Mereka akan tinggal kekal abadi di dalam taman-taman Syurga Firdaus itu, tetapi tabi'at jiwa manusia selalu berubah-ubah, cepat jemu dan bosan berada dalam satu keadaan dan tetap dalam satu tempat. Apabila ia yakin sesuatu keni'matan itu tidak akan berubah dan habis, maka perasaan halobanya akan hilang dan apabila ia terus berada dalam satu keadaan yang sama, maka ia akan merasa jemu,malah mungkin merasa bosan dan ingin lari darinya.

Apakah Manusia Akan Dilanda Perasaan Jemu Dan Bosan Dalam Syurga?

Itulah tabi'at semulajadi manusia yang dijadikan Allah kerana satu hikmat yang tinggi yang sesuai dengan tugas khilafahnya di muka bumi ini dan secucuk dengan peranannya am di dalam urusan khalifah itu, kerana peranan ini memerlukan kepada tindakan-tindakan mengubahkan keadaan-keadaan hidup dan memajukannya hingga sampai ke tahap kesempurnaan yang telah ditetapkan kepada manusia di dalam ilmu Allah. Oleh sebab itulah fitrah manusia ditanamkan dengan tabi'at yang menginginì perubahan dan pertukaran, tabi'at ingin menerokai dan mengetahui, tabi'at ingin berpindah-pindah dari satu keadaan ke satu keadaan, dari satu tempat ke

satu tempat, dari satu pemandangan ke satu pemandangan dan dari satu peraturan kepada satu peraturan yang lain supaya manusia terus maju ke depan mengubahkan keadaan hidup mereka, terus menerokai kawasan-kawasan bumi yang majhul, terus menciptakan peraturan-peraturan untuk mengaturkan masyarakat dan terus merekakan bentuk-bentuk benda yang baru. Di sebalik perubahan, penerokaan dan ciptaan itu, kehidupan mereka akan bertambah maju, berkembang dan sedikit demi sedikit akan sampai ke tahap kesempurnaan yang telah ditentukan untuk mereka di dalam ilmu Allah.

Begitu juga di dalam tabi'at semulajadi manusia ditanam para nostalgia kepada yang lama, kasih kepada kebiasaan dan keinginan memelihara adat, tetapi penanaman perasaan-perasaan itu adalah pada kadar yang tidak melumpuhkan proses perkembangan dan ciptareka, tidak menghalangi kehidupan dari kemajuan dan peningkatan dan tidak membawa fikiran-fikiran dan peraturan-peraturan kepada kejumudan dan kebekuan, malah perasaan-perasaan itu hanya sekadar memberi pertahanan yang dapat menjaminkan imbangan di antara kejumudan dan kemaraan yang terburu-buru. Apabila imbangan itu rosak dan kejumudan itu menguasai keadaan di dalam mana-mana masyarakat, maka pemberontakan akan tercetus menolak roda kehidupannya dengan begitu kuat hingga kadang-kadang melampaui batas kesederhanaan. Sebaik-baik masa ialah masa-masa terlaksananya perimbangan di antara kekuatan menolak dan kekuatan menarik dan perimbangan di antara dorongan-dorongan dan kawalan-kawalan di dalam sistem hidup.

Apabila kebekuan dan kejumudan menguasai, maka itulah tanda kemerosotan dorongan-dorongan hidup dan itulah alamat kematian di dalam kehidupan individu dan kehidupan masyarakat.

Inilah tabi'at semujadi yang sesuai dengan khilafah manusia di bumi. Adapun di dalam "Syurga" selaku negeri yang sempurna, maka tabi'at semulajadi ini tidak lagi berfungsi. Andainya jiwa manusia masih kekal dengan tabi'at semulajadinya yang wujud di bumi ini dan terus hidup begitu di dalam kehidupan Syurga yang kekal abadi, yang tidak dikhuatirkan habis itu, kehidupan yang tidak akan berubah kepada mereka dan mereka tidak akan dapat terhindar darinya, maka sudah tentu kehidupan yang penuh ni'mat itu akan bertukar menjadi Neraka kepada jiwa manusia selepas dilalui masa yang tertentu dan sudah tentu Syurga akan berubah menjadi penjara kepada para penghuninya, di mana mereka bercita-cita untuk melarikan diri sebentar darinya walaupun ke Neraka demi untuk memuaskan keinginan kepada perubahan dan pertukaran.

Tetapi Allah Pencipta jiwa manusia yang amat mengetahui dengan segala rahsianya itu telah mengubahkan segala keinginan mereka (di Akhirat kelak), di mana mereka tidak lagi ingin berpindah dari Syurga seimbang dengan keabadian (keni'matan Syurga) yang tidak akan berubah dan habis itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 109 - 110)

Nada pernyataan yang kedua pula menggambarkan ilmu pengetahuan manusia yang terbatas dibandingkan dengan ilmu Allah yang tidak terbatas. Ia mendekatkan gambaran itu kepada kefahaman manusia dengan mengemukakan satu contoh yang nyata mengikut kaedah Al-Qur'an yang mengungkapkan sesuatu dengan ilustrasi:

قُل لَّوْ كَانَ ٱلْبَحْرُ مِدَادًا لِّكَلِمَٰتِ رَبِّى لَنَفِدَ ٱلْبَحْرُ قَبْلَ أَن تَنفَدَ كَلِمَٰتُ رَبِّى وَلَوْ جِئْنَا بِمِثْلِهِۦ مَدَدًا ﴿١٠٩﴾

"Katakanlah jika seluruh lautan itu dijadikan tinta untuk dicatatkan kalimat-kalimat Tuhanku nescaya akan habislah lautan itu sebelum habis dicatatkan segala kalimat Tuhanku walaupun sebanyak itu lagi Kami membawa tinta tambahan."(109)

Lautan merupakan kawasan yang paling luas yang diketahui manusia dan manusia menggunakan dakwat apabila hendak menulis atau merakamkan ilmu pengetahuan mereka, yang mereka anggap amat banyak itu.

Ayat ini menayangkan lautan yang luas itu dalam bentuk dakwat untuk mereka tuliskan kalimat-kalimat Allah yang menunjukkan ilmu-Nya, tetapi lautan itu telah kehabisan, sedangkan kalimat-kalimat Allah masih belum lagi habis, kemudian ditambahkan lagi dengan sebuah lautan yang sama, tetapi lautan ini juga kehabisan, sedangkan kalimat-kalimat Allah masih lagi menunggu dakwat.

Dengan gambaran dan harakat fizikal ini dapat mendekatkan kepada kefahaman manusia yang terbatas sesuatu konsep yang tidak terbatas dan bandingannya dengan konsep yang terbatas walau seberapa besar dan luas sekalipun.

Sesuatu konsep umum yang abstrak akan kekal kabur dan tidak jelas dalam kefahaman manusia sehingga ia digambarkan dalam bentuk yang boleh dilihat walaupun setinggi mana daya pemikiran abstrak yang dikurniakan kepada akal manusia, namun dia masih memerlukan kepada penggambaran konsep-konsep yang abstrak itu dalam bentuk gambaran-gambaran dan rupa-rupa yang nyata dan dalam bentuk ciri-ciri dan contoh-contoh. Itulah keadaan akal manusia dalam memahami konsep-konsep abstrak mengenai sesuatu yang terbatas, apatah lagi mengenai sesuatu yang tidak terbatas.

Perbandingan Ilmu Allah Dan Ilmu Manusia

Justeru itu Al-Qur'an mengemukakan berbagai-bagai contoh perbandingan kepada manusia dan mendekatkan konsep-konsepnya yang besar kepada hati mereka dengan meletakkan konsep-konsep itu di dalam berbagai-bagai gambaran dan pemandangan,

berbagai bentuk yang nyata yang mempunyai komponen-komponen, ciri-ciri dan rupa-rupa tertentu seperti contoh perbandingan ayat ini.

Lautan dalam contoh perbandingan ayat ini menggambarkan ilmu pengetahuan manusia yang dianggap amat luas dan banyak, namun demikian ilmu pengetahuan itu amat terbatas, sedangkan kalimat-kalimat Allah pula menggambarkan ilmu Ilahi yang tidak terbatas, di mana hujung sutnya tidak diketahui manusia, malah mereka tidak berupaya untuk menerima dan merakamkan ilmu itu apatah lagi untuk menandinginya.

Kadang-kadang manusia dipengaruhi perasaan angkuh apabila mereka berjaya mengetahui sebahagian rahsia-rahsia diri mereka dan alam sejagat, kerana dimabukkan oleh kejayaan ilmiyah dan mereka merasa bahawa mereka telah mengetahui segala-galanya atau berada di tengah jalan ke arah itu.

Tetapi sebenarnya bahagian (rahsia-rahsia alam) yang majhul masih berada di hadapan mereka dengan ufuk-ufuknya yang jauh dan sayup saujana tidak terbatas. Mereka hanya baru sahaja berada beberapa langkah di tepi pantai, sedangkan lautan di hadapan mereka lebih jauh dari kaki langit yang dilihat oleh mata mereka.

Bahagian ilmu Allah yang dapat diterima dan dirakamkan oleh manusia adalah amat sedikit, kerana bahagian ini hanya menggambarkan nisbah ilmu yang terbatas dibandingkan kepada ilmu yang tidak terbatas.

Manusia bebas mengetahui apa yang dapat diketahuinya dan bebas menerokakan rahsia-rahsia alam buana yang dapat diterokakan mereka, tetapi hendaklah mereka tundukkan kepala mereka dan jangan merasa takbur dengan ilmu pengetahuan mereka, kerana setinggi yang dapat dicapai oleh ilmu pengetahuan mereka ialah sebanyak yang dapat ditulis mereka dengan menggunakan lautan sebagai dakwat namun lautan itu akan kehabisan, sedangkan kalimat-kalimat Allah masih belum kehabisan dan andainya Allah menambahkan sebuah lautan lagi yang sama dengannya, maka lautan ini juga akan kehabisan, sedangkan kalimat-kalimat Allah masih belum kehabisan.

Dalam suasana pemandangan ini, di mana ilmu pengetahuan manusia kelihatan amat sedikit, di sinilah bergemanya nada pernyataan yang ketiga dan terakhir di dalam surah ini menggambarkan kemuncak ufuk bagi manusia, iaitu ufuk kerasulan yang sempurna, namun demikian ufuk ini masih kelihatan amat dekat dan terbatas dibandingkan dengan ufuk tertinggi (ufuk Ilahi) yang tidak dapat dijangkau oleh mata manusia:

قُلْ إِنَّمَآ أَنَا۠ بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰٓ إِلَيَّ أَنَّمَآ إِلَٰهُكُمْ إِلَٰهٌ وَٰحِدٌ ۖ

فَمَن كَانَ يَرْجُوا۟ لِقَآءَ رَبِّهِۦ فَلْيَعْمَلْ عَمَلًا صَٰلِحًا وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِۦٓ أَحَدًۢا ﴿١١٠﴾

"Katakanlah: Aku hanya seorang manusia seperti kamu sahaja yang telah diwahyukan kepadaku bahawa Allah Tuhan kamu itu adalah Tuhan yang Maha Esa. Oleh itu barang siapa yang mengharapkan pertemuan dengan Tuhannya, maka hendaklah dia mengerjakan amalan yang soleh dan janganlah dia mempersekutukan sesiapa pun dalam ibadat kepada Tuhannya."(110)

Itulah ufuk Uluhiyah Yang Maha Tinggi yang tidak dapat dibandingkan dengan ufuk kerasulan, namun demikian, ufuk kerasulan merupakan ufuk-ufuk yang dapat dicapai oleh manusia:

قُلْ إِنَّمَآ أَنَا۠ بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰٓ إِلَيَّ

"Katakanlah: Aku hanya seorang manusia seperti kamu sahaja yang telah diwahyukan kepada aku."(110)

Maksudnya, aku hanya seorang manusia yang menerima perutusan dari ufuk yang Maha Tinggi, seorang manusia yang mencebak dari sumber yang tak kunjung kering, seorang manusia yang tidak pernah melewati batas hidayat yang diterima dari Allah Tuhannya, seorang manusia yang belajar kemudian mendapat ilmu kemudian mengajar ilmu itu kepada orang lain. Oleh sebab itu sesiapa yang ingin mendampingkan dirinya kepada Allah Yang Maha Tinggi, maka hendaklah dia mengambil manfaat dari ilmu pengetahuan yang diambil dari Rasulullah yang telah menerima perutusan dari Allah dan hendaklah dia menggunakan sarana ini kerana di sana tiada sarana yang lain darinya:

فَمَن كَانَ يَرْجُوا۟ لِقَآءَ رَبِّهِۦ فَلْيَعْمَلْ عَمَلًا صَٰلِحًا وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِۦٓ أَحَدًۢا ﴿١١٠﴾

"Oleh itu barang siapa yang mengharapkan pertemuan dengan Tuhannya, maka hendaklah dia mengerjakan amalan yang soleh dan janganlah dia mempersekutukan sesiapa pun di dalam ibadat kepada Tuhannya."(110)

Inilah pasport kepada pertemuan yang amat besar itu.

* * * * * *

Demikianlah surah yang dimulakan dengan penerangan mengenai wahyu dan tauhid diakhiri dengan nada-nada pernyataan yang mendalam dan syumul sehingga sampai ke kemuncaknya, dan di sinilah berkumandangnya sebuah nada pernyataan yang sempurna dan mendalam ini, iaitu sebuah nada yang menjadi tapak asas seluruh rentak bunyi di dalam lagu 'aqidah yang agung.

JUZU' KE-16

SURAH MARYAM

سُورَةُ مَرْيَم

SURAH MARYAM

SURAH KE **19** | JUMLAH AYAT **98**

Surah Maryam

(Makkiyah)

Kecuali Ayat 58 dan 71 diturunkan di Madinah

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 40)

كٓهيعٓصٓ ١
ذِكْرُ رَحْمَتِ رَبِّكَ عَبْدَهُۥ زَكَرِيَّآ ٢
إِذْ نَادَىٰ رَبَّهُۥ نِدَآءً خَفِيًّا ٣
قَالَ رَبِّ إِنِّى وَهَنَ ٱلْعَظْمُ مِنِّى وَٱشْتَعَلَ ٱلرَّأْسُ
شَيْبًا وَلَمْ أَكُنۢ بِدُعَآئِكَ رَبِّ شَقِيًّا ٤
وَإِنِّى خِفْتُ ٱلْمَوَٰلِىَ مِن وَرَآءِى وَكَانَتِ ٱمْرَأَتِى
عَاقِرًا فَهَبْ لِى مِن لَّدُنكَ وَلِيًّا ٥
يَرِثُنِى وَيَرِثُ مِنْ ءَالِ يَعْقُوبَ ۖ وَٱجْعَلْهُ رَبِّ
رَضِيًّا ٦
يَٰزَكَرِيَّآ إِنَّا نُبَشِّرُكَ بِغُلَٰمٍ ٱسْمُهُۥ يَحْيَىٰ لَمْ
نَجْعَل لَّهُۥ مِن قَبْلُ سَمِيًّا ٧
قَالَ رَبِّ أَنَّىٰ يَكُونُ لِى غُلَٰمٌ وَكَانَتِ ٱمْرَأَتِى
عَاقِرًا وَقَدْ بَلَغْتُ مِنَ ٱلْكِبَرِ عِتِيًّا ٨
قَالَ كَذَٰلِكَ قَالَ رَبُّكَ هُوَ عَلَىَّ هَيِّنٌ وَقَدْ
خَلَقْتُكَ مِن قَبْلُ وَلَمْ تَكُ شَيْـًٔا ٩
قَالَ رَبِّ ٱجْعَل لِّىٓ ءَايَةً ۚ قَالَ ءَايَتُكَ أَلَّا
تُكَلِّمَ ٱلنَّاسَ ثَلَٰثَ لَيَالٍ سَوِيًّا ١٠

"Kaaf, Haa, Yaa, 'Ain, Saad(1). (Inilah) penjelasan limpah rahmat Tuhanmu kepada hamba-Nya Zakaria(2). Ketika dia berdo'a secara sulit kepada Tuhannya(3). Dia berseru: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya tulang-tulangku telah menjadi lemah dan kepalaku telah dinyalai uban dan aku tidak pernah kecewa berdo'a kepada-Mu(4). Dan sesungguhnya aku bimbang terhadap kaum kerabatku sepeninggalan-ku nanti, sedangkan isteriku seorang yang mandul. Oleh itu kurniakanlah kepadaku dari sisi-Mu seorang anak lelaki(5). Yang akan mewarisiku dan mewarisi warisan dari keluarga Ya'kub dan jadikannya, wahai Tuhanku, seorang (anak) yang diredhai(6). Wahai Zakaria! Sesungguhnya Kami menyampaikan kepadamu berita gembira mendapat seorang anak lelaki yang bernama Yahya, yang sebelumnya Kami belum pernah jadikan seorang pun yang senama dengannya(7). Zakaria berkata: Wahai Tuhanku! Bagaimana aku akan memperolehi anak, sedangkan isteriku seorang yang mandul dan aku sendiri telah mencapai umur yang sangat tua(8). Allah berfirman: Demikianlah kehendak Tuhanmu. Tuhanmu telah berfirman: Perkara itu adalah amat mudah kepada-Ku dan sesungguhnya sebelum ini Aku telahpun menciptakan engkau, sedangkan engkau belum berupa sesuatu(9). Kata Zakaria: Wahai Tuhanku! Jadikanlah untukku suatu alamat. Jawab Allah: Alamat untukmu ialah engkau tidak dapat bercakap-cakap dengan orang ramai selama tiga malam, sedangkan engkau sihat"(10).

فَخَرَجَ عَلَىٰ قَوْمِهِۦ مِنَ ٱلْمِحْرَابِ فَأَوْحَىٰٓ إِلَيْهِمْ أَن
سَبِّحُوا۟ بُكْرَةً وَعَشِيًّا ١١
يَٰيَحْيَىٰ خُذِ ٱلْكِتَٰبَ بِقُوَّةٍ ۖ وَءَاتَيْنَٰهُ ٱلْحُكْمَ
صَبِيًّا ١٢
وَحَنَانًا مِّن لَّدُنَّا وَزَكَوٰةً ۖ وَكَانَ تَقِيًّا ١٣
وَبَرًّۢا بِوَٰلِدَيْهِ وَلَمْ يَكُن جَبَّارًا عَصِيًّا ١٤
وَسَلَٰمٌ عَلَيْهِ يَوْمَ وُلِدَ وَيَوْمَ يَمُوتُ وَيَوْمَ يُبْعَثُ
حَيًّا ١٥
وَٱذْكُرْ فِى ٱلْكِتَٰبِ مَرْيَمَ إِذِ ٱنتَبَذَتْ مِنْ أَهْلِهَا
مَكَانًا شَرْقِيًّا ١٦
فَٱتَّخَذَتْ مِن دُونِهِمْ حِجَابًا فَأَرْسَلْنَآ إِلَيْهَا
رُوحَنَا فَتَمَثَّلَ لَهَا بَشَرًا سَوِيًّا ١٧
قَالَتْ إِنِّىٓ أَعُوذُ بِٱلرَّحْمَٰنِ مِنكَ إِن كُنتَ تَقِيًّا ١٨

قَالَ إِنَّمَآ أَنَا۠ رَسُولُ رَبِّكِ لِأَهَبَ لَكِ غُلَٰمًا
زَكِيًّا ﴿١٩﴾
قَالَتْ أَنَّىٰ يَكُونُ لِى غُلَٰمٌ وَلَمْ يَمْسَسْنِى بَشَرٌ وَلَمْ
أَكُ بَغِيًّا ﴿٢٠﴾

"Lalu dia pun keluar dari Mihrab menuju kepada kaumnya dan menyarankan kepada mereka: Hendaklah kamu bertasbih kepada Allah pagi dan petang(11). Wahai Yahya! Peganglah kitab ini dengan teguh. Dan Kami telah mengurniakan kepadanya kebijaksanaan semasa dia masih kanak-kanak lagi(12). Dan perasaan kasihan belas dari sisi Kami dan kebersihan diri, dan dia adalah seorang yang bertaqwa(13). Dan dia seorang yang berbakti kepada dua ibubapanya dan tidak pernah berlagak sombong dan menderhaka(14). Dan Kami (limpahkan) kesejahteraan ke atasnya pada hari dia dilahirkan dan pada hari dia mati dan pada hari dia dibangkitkan hidup kembali(15). Dan kenangilah kisah Maryam di dalam kitab Al-Qur'an ketika dia mengasingkan diri dari keluarganya di suatu tempat di sebelah Timur(16). Dia memasang tabir (yang melindunginya) dari mereka kemudian Kami utuskan roh (Jibril) Kami kepadanya lalu ia menjelma (dengan rupa) seorang manusia yang sempurna(17). Ujar Maryam: Sesungguhnya aku berlindung pada Allah Yang Maha Penyayang dari gangguan engkau jika engkau benar seorang yang bertaqwa(18). Jawab Jibril: Sebenarnya aku ini adalah utusan dari Tuhanmu untuk memberi seorang anak lelaki yang suci kepadamu(19). Kata Maryam: Bagaimana aku akan memperolehi anak, sedangkan aku tidak pernah disentuh seorang lelaki pun dan tidak pula pernah menjadi perempuan yang jahat"(20).

قَالَ كَذَٰلِكِ قَالَ رَبُّكِ هُوَ عَلَىَّ هَيِّنٌ وَلِنَجْعَلَهُۥٓ
ءَايَةً لِّلنَّاسِ وَرَحْمَةً مِّنَّا وَكَانَ أَمْرًا مَّقْضِيًّا ﴿٢١﴾
فَحَمَلَتْهُ فَٱنتَبَذَتْ بِهِۦ مَكَانًا قَصِيًّا ﴿٢٢﴾
فَأَجَآءَهَا ٱلْمَخَاضُ إِلَىٰ جِذْعِ ٱلنَّخْلَةِ قَالَتْ
يَٰلَيْتَنِى مِتُّ قَبْلَ هَٰذَا وَكُنتُ نَسْيًا مَّنسِيًّا ﴿٢٣﴾
فَنَادَىٰهَا مِن تَحْتِهَآ أَلَّا تَحْزَنِى قَدْ جَعَلَ رَبُّكِ تَحْتَكِ
سَرِيًّا ﴿٢٤﴾
وَهُزِّىٓ إِلَيْكِ بِجِذْعِ ٱلنَّخْلَةِ تُسَٰقِطْ عَلَيْكِ رُطَبًا
جَنِيًّا ﴿٢٥﴾
فَكُلِى وَٱشْرَبِى وَقَرِّى عَيْنًا فَإِمَّا تَرَيِنَّ مِنَ ٱلْبَشَرِ
أَحَدًا فَقُولِىٓ إِنِّى نَذَرْتُ لِلرَّحْمَٰنِ صَوْمًا فَلَنْ أُكَلِّمَ
ٱلْيَوْمَ إِنسِيًّا ﴿٢٦﴾
فَأَتَتْ بِهِۦ قَوْمَهَا تَحْمِلُهُۥ قَالُوا۟ يَٰمَرْيَمُ لَقَدْ جِئْتِ
شَيْـًٔا فَرِيًّا ﴿٢٧﴾
يَٰٓأُخْتَ هَٰرُونَ مَا كَانَ أَبُوكِ ٱمْرَأَ سَوْءٍ وَمَا
كَانَتْ أُمُّكِ بَغِيًّا ﴿٢٨﴾
فَأَشَارَتْ إِلَيْهِ قَالُوا۟ كَيْفَ نُكَلِّمُ مَن كَانَ فِى ٱلْمَهْدِ
صَبِيًّا ﴿٢٩﴾
قَالَ إِنِّى عَبْدُ ٱللَّهِ ءَاتَىٰنِىَ ٱلْكِتَٰبَ وَجَعَلَنِى نَبِيًّا ﴿٣٠﴾

"Jawab Jibril: Demikianlah (kehendak Tuhanmu). Tuhanmu telah berfirman: Perkara itu adalah amat mudah kepada-Ku, dan Kami berbuat demikian agar Kami jadikannya suatu bukti (kekuasaan Kami) kepada manusia dan sebagai suatu rahmat dari Kami, dan perkara itu telah menjadi suatu keputusan yang telah ditetapkan(21). Lalu Maryam mengandungkannya dan mengasingkan diri dengan kandungannya di suatu tempat yang jauh(22). Kemudian kesakitan bersalin telah memaksa Maryam (bersandar) di pangkal batang pohon kurma seraya berkata: Aduhai! Alangkah baiknya andainya aku telah mati sebelum ini dan menjadi seorang yang terus dilupai(23). Lalu dia (bayi yang baru lahir) menyeru Maryam dari sebelah bawahnya: Janganlah bonda bersedih! Sesungguhnya Tuhan bonda telah menjadikan sebuah parit air di bawah (tapak kaki) bonda(24). Dan goncangkanlah batang kurma itu ke arah bonda nescaya ia akan menggugurkan buah kurma yang masak kepada bonda(25). Oleh itu makan dan minumlah bonda dan senangkanlah hati bonda! Dan andainya bonda melihat seorang manusia, maka katakanlah kepadanya: Aku telah bernazar puasa. Oleh itu aku tidak akan bercakap dengan sesiapa pun pada hari ini(26). Kemudian Maryam membawa anaknya kepada kaumnya. Mereka berkata: Wahai Maryam! Sesungguhnya engkau telah melakukan satu perbuatan yang keji(27). Wahai saudara perempuan Harun! Bapamu bukannya seorang yang jahat dan ibumu juga bukannya seorang penzina(28). Lalu Maryam memberi isyarat kepada anaknya dan mereka pun berkata: Bagaimana kami hendak bercakap dengan seorang bayi yang masih di dalam buaian?(29). Ujar 'Isa: Sesungguhnya aku ini ialah hamba Allah. Dia telah mengurniakanku kitab (injil) dan menjadikanku seorang Nabi"(30).

وَجَعَلَنِى مُبَارَكًا أَيْنَ مَا كُنتُ وَأَوْصَٰنِى بِٱلصَّلَوٰةِ
وَٱلزَّكَوٰةِ مَا دُمْتُ حَيًّا ﴿٣١﴾
وَبَرًّۢا بِوَٰلِدَتِى وَلَمْ يَجْعَلْنِى جَبَّارًا شَقِيًّا ﴿٣٢﴾
وَٱلسَّلَٰمُ عَلَىَّ يَوْمَ وُلِدتُّ وَيَوْمَ أَمُوتُ وَيَوْمَ أُبْعَثُ
حَيًّا ﴿٣٣﴾

ذَٰلِكَ عِيسَى ٱبۡنُ مَرۡيَمَۖ قَوۡلَ ٱلۡحَقِّ ٱلَّذِي فِيهِ
يَمۡتَرُونَ ٣٤
مَا كَانَ لِلَّهِ أَن يَتَّخِذَ مِن وَلَدٖۖ سُبۡحَٰنَهُۥٓۚ إِذَا قَضَىٰٓ أَمۡرٗا
فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ ٣٥
وَإِنَّ ٱللَّهَ رَبِّي وَرَبُّكُمۡ فَٱعۡبُدُوهُۚ هَٰذَا صِرَٰطٞ مُّسۡتَقِيمٞ ٣٦
فَٱخۡتَلَفَ ٱلۡأَحۡزَابُ مِنۢ بَيۡنِهِمۡۖ فَوَيۡلٞ لِّلَّذِينَ كَفَرُواْ
مِن مَّشۡهَدِ يَوۡمٍ عَظِيمٍ ٣٧
أَسۡمِعۡ بِهِمۡ وَأَبۡصِرۡ يَوۡمَ يَأۡتُونَنَاۖ لَٰكِنِ ٱلظَّٰلِمُونَ ٱلۡيَوۡمَ
فِي ضَلَٰلٖ مُّبِينٖ ٣٨
وَأَنذِرۡهُمۡ يَوۡمَ ٱلۡحَسۡرَةِ إِذۡ قُضِيَ ٱلۡأَمۡرُ وَهُمۡ فِي غَفۡلَةٖ وَهُمۡ
لَا يُؤۡمِنُونَ ٣٩
إِنَّا نَحۡنُ نَرِثُ ٱلۡأَرۡضَ وَمَنۡ عَلَيۡهَا وَإِلَيۡنَا يُرۡجَعُونَ ٤٠

"Dan Dia telah menjadikanku seorang yang diberkati di mana sahaja aku berada dan Dia telah memerintahku menunaikan solat dan zakat selama aku hidup(31). Dan melakukan kebaktian terhadap ibuku dan dia tidak menjadikanku seorang yang angkuh dan jahat.(32). Dan semoga kesejahteraan dilimpahkan ke atasku pada hari aku dilahir dan pada hari aku mati, juga pada hari aku dibangkitkan hidup kembali(33). Itulah 'Isa putera Maryam. (Dia telah membuat) penerangan yang benar yang dipertikaikan oleh mereka(34). Tidak sekali-kali wajar bagi Allah mempunyai sebarang anak. Maha Sucilah Dia. Apabila Dia telah memutuskan untuk menciptakan sesuatu, maka Dia hanya memerintah kepadanya: Jadilah! Maka iapun terus jadi(35). Dan sesungguhnya Allah adalah Tuhanku dan Tuhan kamu. Oleh itu hendaklah kamu sembahkan Dia. Inilah jalan yang lurus(36). Kemudian beberapa golongan di antara mereka telah berselisih faham, maka celakalah kepada orang-orang yang kafir dari kehadhiran suatu hari yang amat besar(37). Alangkah tajamnya pendengaran mereka dan alangkah terangnya penglihatan mereka pada hari mereka datang menemui Kami, tetapi pada hari ini orang-orang yang zalim berada di dalam kesesatan yang amat nyata(38). Dan ingatkan mereka tentang hari penyesalan iaitu ketika segala urusan (pengadilan) telah diputuskan, sedangkan mereka berada di dalam kelalaian dan tidak beriman(39). Sesungguhnya Kamilah yang mewarisi bumi dan para penghuninya dan kepada Kamilah mereka dikembalikan"(40).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Penjelasan surah ini berlegar di sekeliling paksi pembicaraan tauhid, penafian anak dan sekutu serta menyentuh persoalan kebangkitan yang dilandaskan di atas persoalan tauhid. Inilah pokok pembicaraan yang diperkatakan oleh surah ini, iaitu sama seperti kebiasaan pembicaraan Surah-surah Makkiyah yang lain.

Yang menjadi bahan surah ini ialah kisah-kisah. Ia dimulakan dengan kisah Zakaria dan Yahya, kemudian kisah Maryam dan kelahiran Nabi 'Isa, kemudian secebis kisah Ibrahim dengan bapanya, kemudian diiringi dengan sentuhan sepintas lalu kisah-kisah para Anbia' iaitu Ishaq, Ya'kub, Musa, Harun, Ismail, Idris, Adam dan Nuh. Kisah-kisah ini menghabiskan dua pertiga surah ini. Semuanya bertujuan untuk menegakkan konsep-konsep Wahdaniyah, kebangkitan, penafian anak dan sekutu-sekutu dan menerangkan cara hidup orang yang menerima hidayat dan cara hidup orang-orang yang sesat dari pengikut-pengikut para Anbia' itu.

Dan dari sinilah diselingi dengan beberapa pemandangan Qiamat dan beberapa perdebatan dengan orang-orang yang ingkarkan kebangkitan, juga mengecam kepercayaan syirik dan dakwaan anak serta menayangkan akibat-akibat kebinasaan para Musyrikin dan pendusta di dunia dan Akhirat. Semuanya selaras dengan arah tujuan kisah-kisah yang tersebut di dalam surah dan berkumpul di sekitar paksi pembicaraannya yang pokok.

Seluruh surah ini diselubungi suasana khusus yang memayungi dan menyerapinya serta mengikuti maudhu'-maudhu' pembicaraannya.

Susunan ayat-ayat surah ini merupakan pameran yang menayangkan emosi-emosi dan perasaan-perasaan yang berkobar-kobar, iaitu emosi yang berkecamuk di dalam jiwa manusia dan jiwa alam buana yang ada di sekeliling mereka. Oleh itu alam buana yang kita anggap beku dan tidak berperasaan itu digambarkan dalam ayat-ayat itu sebagai makhluk yang berjiwa, berhati perut, berperasaan dan beremosi yang turut serta melukiskan suasana umum surah ini. Di sana kita melihat langit, bumi dan gunung-ganang dilanda perasaan marah dan terharu hingga ia hampir-hampir pecah, terbelah dan mengeluh besar kerana membantah (dakwaan manusia kaum Musyrikin):

أَن دَعَوۡاْ لِلرَّحۡمَٰنِ وَلَدٗا ٩١

"Kerana mereka mendakwa Allah Yang Maha Penyayang itu mempunyai anak."(91).

وَمَا يَنۢبَغِي لِلرَّحۡمَٰنِ أَن يَتَّخِذَ وَلَدًا ٩٢

"Sedangkan tidak wajar bagi Allah Yang Maha Penyayang itu mempunyai anak."(92)

Emosi-emosi yang berkecamuk di dalam jiwa manusia telah dimulakan bersama pembukaan surah dan berakhir dengan tamatnya surah. Kisah-kisah pokok yang terdapat di dalam surah adalah penuh dengan emosi-emosi ini dalam babak-babaknya yang keras dan mendalam, terutama di dalam kisah Maryam dan kelahiran 'Isa.

Bayangan yang menguasai suasana surah ialah bayangan rahmat kasihan belas, keredhaan dan hubungan mesra. Ia bermula dengan menyebut rahmat Allah yang dilimpahkan ke atas hamba-Nya Zakaria:

كٓهيعٓصٓ ﴿١﴾

"Kaaf, Haa, Yaa, 'Ain, Saad."(1)

Ketika beliau berdo'a kepada Tuhannya:

ذِكۡرُ رَحۡمَتِ رَبِّكَ عَبۡدَهُۥ زَكَرِيَّآ ﴿٢﴾

"(Inilah) penjelasan limpah rahmat Tuhanmu kepada hamba-Nya Zakaria."(2)

إِذۡ نَادَىٰ رَبَّهُۥ نِدَآءً خَفِيًّا ﴿٣﴾

"Ketika dia berdo'a secara sulit kepada Tuhannya."(3)

Kata-kata rahmat, makna dan suasananya berulang-ulang kali disebut di celah-celah surah ini. Di sana juga kerap kali disebut nama ar-Rahman di samping menggambarkan ni'mat kesenangan yang diterima oleh para Mu'minin dalam bentuk perusaan kasih mesra:

إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ سَيَجۡعَلُ لَهُمُ ٱلرَّحۡمَٰنُ وُدًّا ﴿٩٦﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh akan dikurniakan Allah Yang Maha Penyayang kasih mesra terhadap mereka."(96)

Ia menyebut ni'mat Allah iaitu ni'mat kasihan belas yang dikurniakan kepada Yahya.

وَحَنَانًا مِّن لَّدُنَّا وَزَكَوٰةً وَكَانَ تَقِيًّا ﴿١٣﴾

"Dan perasaan kasihan belas dari sisi Kami dan kebersihan diri dan dia adalah seorang yang bertaqwa."(13)

Dan seterusnya menyebut ni'mat Allah ke atas 'Isa, iaitu ni'mat yang menjadikan beliau seorang yang berbakti kepada ibunya dan bersifat lemah lembut:

وَبَرَّۢا بِوَٰلِدَتِي وَلَمۡ يَجۡعَلۡنِي جَبَّارًا شَقِيًّا ﴿٣٢﴾

"Dan melakukan kebaktian terhadap ibuku dan dia tidak menjadikanku seorang yang angkuh dan jahat."(32)

Anda dapat merasa belaian kasih mesra dan jejak-jejaknya yang lemah-lembut di dalam kalimat-kalimat, ungkapan-ungkapan dan bayangan-bayangannya di samping anda dapat merasakan gerakan intifadhah alam buana dan pemberontakan-pemberontakannya terhadap kesan kalimat syirik yang tidak sanggup diterima oleh fitrahnya. Begitu juga anda dapat merasa bahawa surah ini mempunyai nada muzik yang tersendiri. Hingga bunyi kata-kata dan bunyi ceraian-ceraian (kedengaran begitu) lembut dan mendalam, iaitu radhya, sarya, khafya, najya.... sementara di tempat-tempat yang memerlukan kekerasan, maka bunyi ceraian-ceraian akhirnya dibunyikan dengan huruf dal yang bertasydid pada kebanyakan tempat, iaitu madda, dhidda, idda, hadda atau dengan huruf zai, iaitu 'izza dan azza.

Kepelbagaian nada muzik, bunyi ceraian-ceraian dan akhir-akhir ayat yang sama senada itu yang berubah-ubah mengikut perubahan suasana dan maudhu' pembicaraan itu nampak begitu jelas di dalam surah ini.[1] Ia dimulakan dengan kisah Zakaria dan Yahya, di mana ceraian dan akhir ayat yang berbunyi begini:

ذِكۡرُ رَحۡمَتِ رَبِّكَ عَبۡدَهُۥ زَكَرِيَّآ ﴿٢﴾

إِذۡ نَادَىٰ رَبَّهُۥ نِدَآءً خَفِيًّا ﴿٣﴾

Hingga akhir. Kemudian diiringi pula dengan kisah Maryam dan 'Isa, di mana ceraian dan akhir ayat kedengaran senada dengan irama bunyi ini:

وَٱذۡكُرۡ فِي ٱلۡكِتَٰبِ مَرۡيَمَ إِذِ ٱنتَبَذَتۡ مِنۡ أَهۡلِهَا مَكَانًا شَرۡقِيًّا ﴿١٦﴾

فَٱتَّخَذَتۡ مِن دُونِهِمۡ حِجَابًا فَأَرۡسَلۡنَآ إِلَيۡهَا رُوحَنَا فَتَمَثَّلَ لَهَا بَشَرًا سَوِيًّا ﴿١٧﴾

Hingga tamatnya kisah-kisah itu dengan iringi kata ulasan yang menjelaskan hakikat 'Isa ibn Maryam dan memberi kata pemutus tentang persoalan hubungan beliau sebagai anak Allah. Di sini rentak irama bunyi ceraian dan akhir ayat itu kedengaran berlain-lainan, di mana ceraian-ceraian itu memanjang dan akhir ayat ditamatkan dengan huruf Mim atau Nun mati yang tetap ketika waqaf bukan dengan huruf ya, yang dipanjangkan dengan lembut. Ia berbunyi seperti berikut:

ذَٰلِكَ عِيسَى ٱبۡنُ مَرۡيَمَۖ قَوۡلَ ٱلۡحَقِّ ٱلَّذِي فِيهِ يَمۡتَرُونَ ﴿٣٤﴾

مَا كَانَ لِلَّهِ أَن يَتَّخِذَ مِن وَلَدٍۖ سُبۡحَٰنَهُۥٓۚ إِذَا قَضَىٰٓ أَمۡرًا فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ ﴿٣٥﴾

hingga akhir. Dan apabila ayat penjelasan dan kata pemutus itu tamat dan ayat-ayat selanjutnya kembali memperkatakan kisah-kisah itu, maka bunyi akhir ayat yang lembut dan memanjang itu pun kembali semula:

وَٱذۡكُرۡ فِي ٱلۡكِتَٰبِ إِبۡرَٰهِيمَۚ إِنَّهُۥ كَانَ صِدِّيقًا نَّبِيًّا ﴿٤١﴾

---

[1] *Lihat pembicaraan ini yan dijelaskan dengan panjang lebar dalam bab "التناسق الفني في القرآن" dalam buku "التصوير الفني في القرآن".*

إِذْ قَالَ لِأَبِيهِ يَٰٓأَبَتِ لِمَ تَعْبُدُ مَا لَا يَسْمَعُ وَلَا يُبْصِرُ
وَلَا يُغْنِى عَنكَ شَيْـًٔا ﴿٤٢﴾

hingga akhir. Dan apabila datang ayat yang menerangkan tentang para pendusta dan akibat-akibat 'azab dan kemurkaan yang menunggu mereka, maka nada muziknya dan bunyi akhir ayat-ayat itu pun turut berubah:

قُلْ مَن كَانَ فِى ٱلضَّلَٰلَةِ فَلْيَمْدُدْ لَهُ ٱلرَّحْمَٰنُ مَدًّا
حَتَّىٰٓ إِذَا رَأَوْا۟ مَا يُوعَدُونَ إِمَّا ٱلْعَذَابَ وَإِمَّا ٱلسَّاعَةَ
فَسَيَعْلَمُونَ مَنْ هُوَ شَرٌّ مَّكَانًا وَأَضْعَفُ جُندًا ﴿٧٥﴾

hingga akhir. Dan di tempat-tempat pernyataan kecaman bunyi kata-kata dan irama itu pun kedengaran keras dengan huruf dal yang bertasydid:

وَقَالُوا۟ ٱتَّخَذَ ٱلرَّحْمَٰنُ وَلَدًا ﴿٨٨﴾
لَّقَدْ جِئْتُمْ شَيْـًٔا إِدًّا ﴿٨٩﴾
تَكَادُ ٱلسَّمَٰوَٰتُ يَتَفَطَّرْنَ مِنْهُ وَتَنشَقُّ ٱلْأَرْضُ
وَتَخِرُّ ٱلْجِبَالُ هَدًّا ﴿٩٠﴾

hingga akhir. Demikianlah nada muzik dalam surah ini berkumandang mengikut konsep pembicaraan dan suasana. Nada-nada itu turut serta untuk mengekalkan suasana yang selaras dengan konsep pembicaraan di celah-celah surah ini mengikut peralihan-peralihan penerangan ayat dari satu suasana ke satu suasana dan dari satu konsep kepada satu konsep yang lain.

* * * * * *

Ayat-ayat yang memperkatakan maudhu'-maudhu' surah ini bergerak di dalam tiga pusingan.

Pusingan pertama mengandungi kisah-kisah Zakaria, Yahya, Maryam dan 'Isa serta kesimpulan terhadap kisah ini, iaitu kesimpulan yang memberi kata pemutus mengenai persoalan 'Isa yang telah menimbulkan banyak perdebatan dan perselisihan faham di antara puak-puak Yahudi dan Kristian.

Pusingan yang kedua mengandungi sebabak kisah Ibrahim dengan bapa dan kaumnya dan bagaimana beliau mengasingkan dirinya dari agama syirik dan bagaimana Allah menggantikan kepada beliau dengan satu zuriat yang kemudian melahir satu umat, juga mengandungi singgungan-singgungan ringkas mengenai kisah-kisah para Anbia' dan kisah mereka yang mendapat hidayat dari mereka dan kisah pelampau-pelampau yang menentang mereka dan nasib kesudahan mereka masing-masing. Pusingan ini berakhir dengan mengumumkan hakikat ketuhanan Yang Maha Esa yang disembah tanpa sebarang sekutu:

رَّبُّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا فَٱعْبُدْهُ وَٱصْطَبِرْ
لِعِبَٰدَتِهِۦ ۚ هَلْ تَعْلَمُ لَهُۥ سَمِيًّا ﴿٦٥﴾

"Dialah Tuhan yang memiliki langit dan bumi dan segala apa yang ada di antara keduanya. Oleh itu hendaklah engkau abdikan diri kepada-Nya dan hendaklah engkau sabar beribadat kepadanya. Apakah engkau pernah mengetahui siapa yang sama (setanding) dengannya?"(65)

Pusingan yang ketiga dan akhir dimulakan dengan perdebatan di sekitar persoalan kebangkitan, dan menayangkan beberapa pandangan hari Qiamat serta menunjukkan gambaran bantahan alam buana terhadap dakwaan syirik. Ia berakhir dengan tayangan satu pemandangan kebinasaan umat-umat yang terdahulu yang meninggalkan kesan yang mendalam:

وَكَمْ أَهْلَكْنَا قَبْلَهُم مِّن قَرْنٍ هَلْ تُحِسُّ مِنْهُم مِّنْ
أَحَدٍ أَوْ تَسْمَعُ لَهُمْ رِكْزًۢا ﴿٩٨﴾

"Dan berapa banyak umat yang telah Kami binasakan sebelum mereka apakah engkau nampak seorang dari mereka atau mendengar sesuatu bisikan dari mereka?"(98)

Marilah kita mulai pelajaran yang pertama:

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 13)

كٓهيعٓصٓ ﴿١﴾

"Kaaf, Haa, Yaa, Ain, Saad."(1)

Inilah huruf-huruf potongan yang dijadikan kata pembukaan pada setengah-setengah surah, dan pentafsirannya yang kami pilih ialah huruf-huruf ini merupakan contoh-contoh dari huruf-huruf yang digunakan dalam penggubahan Al-Qur'an, iaitu satu gubahan baru yang tidak mampu dibuat oleh manusia walaupun mereka memiliki huruf-huruf itu dan mengetahui kalimat-kalimatnya. Mereka tetap lemah untuk menggubah dengan huruf-huruf itu seperti gubahan qudrat Ilahi Yang Maha Kreatif yang telah menyusunkan Al-Qur'an ini.

Selepas huruf-huruf potongan itu terus dimulakan dengan kisah pertama, iaitu kisah Zakaria dan Yahya yang berteraskan rahmat Allah dan berpayungkan dengan-Nya, justeru itulah ia dimulakan dengan menyebut rahmat Allah:

ذِكْرُ رَحْمَتِ رَبِّكَ عَبْدَهُۥ زَكَرِيَّآ ﴿٢﴾

"(Inilah) penjelasan limpah rahmat Tuhanmu kepada hamba-Nya Zakaria."(2)

Kisah ini dimulakan dengan adegan do'a, di mana Zakaria berdo'a kepada Allah dengan penuh kerendahan diri dan secara rahsia:

إِذْ نَادَىٰ رَبَّهُۥ نِدَآءً خَفِيًّا ﴿٣﴾
قَالَ رَبِّ إِنِّي وَهَنَ ٱلْعَظْمُ مِنِّي وَٱشْتَعَلَ ٱلرَّأْسُ
شَيْبًا وَلَمْ أَكُنۢ بِدُعَآئِكَ رَبِّ شَقِيًّا ﴿٤﴾
وَإِنِّي خِفْتُ ٱلْمَوَٰلِيَ مِن وَرَآءِي وَكَانَتِ ٱمْرَأَتِي
عَاقِرًا فَهَبْ لِي مِن لَّدُنكَ وَلِيًّا ﴿٥﴾
يَرِثُنِي وَيَرِثُ مِنْ ءَالِ يَعْقُوبَ وَٱجْعَلْهُ رَبِّ
رَضِيًّا ﴿٦﴾

"Ketika dia berdo'a secara sulit kepada Tuhannya(3). Dia berseru: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya tulang-tulangku telah menjadi lemah dan kepalaku telah dinyalai uban dan aku tidak pernah kecewa berdo'a kepada-Mu(4). Dan sesungguhnya aku bimbang terhadap kaum kerabatku sepeninggalanku nanti, sedangkan isteriku seorang yang mandul. Oleh itu kurniakanlah kepadaku dari sisi-Mu seorang anak lelaki(5). Yang akan mewarisiku dan mewarisi warisan dari keluarga Ya'kub, dan jadikannya, wahai Tuhanku, seorang (anak) yang diredhai."(6)

Beliau bermunajat dengan Allah jauh dari mata orang ramai dan jauh dari pendengaran mereka. Beliau berdo'a di suatu tempat yang terasing, di mana beliau dapat menumpukan seluruh hatinya kepada Allah dan mendedahkan kepadanya beban-beban kesusahan hatinya yang berat. Beliau menyeru Allah dengan kata-kata yang dekat dan mesra:

قَالَ رَبِّ

"Dia berseru: Wahai Tuhanku!"(4)

Do'a Nabi Zakaria a.s.

Iaitu beliau berseru secara langsung tanpa sesuatu wasitah dan tanpa menggunakan kata seru "wahai". Sesungguhnya Allah tetap mendengar dan melihat walaupun tanpa berdo'a dan berseru, tetapi (telah menjadi kebiasaan) bahawa seseorang yang susah itu merasa senang meluahkan perasaan dan merasa perlu mengemukakan rayuannya. Allah Yang Maha Pengasih memang mengetahui rahsia tabiat manusia ini, oleh kerana itulah dia menggalakkan mereka supaya berdo'a dan meluahkan isi perasaan yang menyusahkan hatinya:

وَقَالَ رَبُّكُمُ ٱدْعُونِيٓ أَسْتَجِبْ لَكُمْ

"Dan Tuhan kamu telah berfirman: Berdo'alah kepadaku nescaya aku perkenankan permohonan kamu"

(Surah Ghaafir: 60)

supaya mereka dapat merehatkan saraf mereka dari beban-beban perasaan yang memenatkan mereka dan supaya hati mereka menjadi tenang kerana mereka telah menyerahkan beban-beban penanggungan mereka kepada pihak yang lebih kuat dan lebih berkuasa, juga supaya mereka merasa hubungan mesra dengan Allah yang tidak pernah menghampa dan mengecewakan sesiapa sahaja yang berlindung dan berserah kepada-Nya.

Zakaria a.s. mengadu kepada Allah kelemahan tulang-temalangnya dan apabila tulang-temalang lemah, maka seluruh jisim menjadi lemah. Tulang-temalang merupakan bahagian jisim yang paling kuat dan menjadi teras dan tiang, di mana tegak dan berpadunya jisim. Beliau juga mengadu kepada Allah bahawa kepalanya telah dinyalai uban. Ungkapan Al-Qur'an yang memberi gambaran yang seni itu menjadikan uban itu seolah-olah api yang bernyala dan menjadikan seluruh kepala itu diselubungi api yang bernyala hingga tidak ada lagi bahagian rambut yang hitam di kepala yang telah dihinggapi api yang bernyala itu.

Tulang-temalang yang lemah dan kepala yang dinyalakan uban itu kedua-duanya merupakan kiasan usia tua bangka dan kelemahannya yang sedang dialami Zakaria dan diadukannya kepada Allah ketika beliau mendedahkan keadaan dan harapan kepada-Nya.

Kemudian beliau iringi dengan perkataannya:

وَلَمْ أَكُنۢ بِدُعَآئِكَ رَبِّ شَقِيًّا ﴿٤﴾

"Dan aku tidak pernah kecewa berdo'a kepada-Mu."(4)

Di sini beliau mengaku bahawa Allah sentiasa memperkenankan pemohonannya apabila beliau berdo'a kepada-Nya. Beliau tidak pernah kecewa apabila berdo'a kepada-Nya semasa dalam usia-usia mudanya yang gagah dan kuat, dan kini alangkah besar hajat beliau agar Allah memperkenankan permohonan beliau dan menyempurnakan pengurniaan ni'mat kepada beliau semasa berada dalam usia yang tua bangka ini.

Ketika menggambarkan keadaan dirinya dan menyatakan harapannya, beliau menyebut perkara yang di-bimbanginya dan mengemukakan apa yang dipinta olehnya. Beliau bimbang terhadap pengganti-penggantinya yang kemudian, iaitu beliau bimbang mereka tidak dapat melaksanakan warisan yang akan ditinggalkannya kelak dengan cara yang diredhai Allah, dan yang dimaksudkan dengan warisan itu ialah warisan da'wah yang diperjuangkan oleh beliau, kerana beliau adalah salah seorang dari para Anbia' Bani Israel yang terkemuka, juga warisan ahli keluarganya yang dipelihara oleh beliau termasuk Siti Maryam yang dijagai beliau yang kini sedang berkhidmat di rumah ibadat yang dikendalikannya, juga warisan harta benda yang kini ditadbirkan oleh beliau dengan baik dan dibelanjakan untuk tujuan-tujuan yang wajar. Beliau khuatir terhadap kebolehan kaum kerabatnya sepeninggalan beliau kelak dalam menguruskan segala warisan itu. Beliau bimbang

mereka tidak dapat mengikuti jejak langkahnya. Menurut satu cerita, beliau menyedari bahawa kaum kerabatnya itu tidak layak untuk mengendalikan warisan-warisan itu.

وَكَانَتِ ٱمۡرَأَتِي عَاقِرٗا

"Sedangkan isteriku seorang yang mandul"(5)

dia tidak dapat melahirkan anak kerana itu beliau tidak mempunyai anak yang dapat diasuh, dididik dan disediakan untuk mewarisi dan menggantikan beliau.

Itulah perkara yang dibimbangi beliau, dan apa yang dipinta beliau ialah seorang anak lelaki yang dapat menerima dan mengendalikan warisannya dan menjunjung warisan kenabian dari datuk neneknya:

فَهَبۡ لِي مِن لَّدُنكَ وَلِيّٗا ٥ يَرِثُنِي وَيَرِثُ مِنۡ ءَالِ يَعۡقُوبَۖ

"Oleh itu kurniakanlah kepadaku dari sisi-Mu seorang anak lelaki yang dapat mewarisiku dan mewarisi warisan dari keluarga Ya'kub."(5-6)

Zakaria Nabi yang soleh ini tidak lupa menggambarkan harapan hatinya pada bakal pewaris yang diharap-harapkannya di zaman tuanya itu:

وَٱجۡعَلۡهُ رَبِّ رَضِيّٗا ٦

"Dan jadikannya, wahai tuhanku, seorang (anak) yang diredhai."(6)

Yakni bukan seorang anak yang angkuh dan kasar, sombong dan tamak. Kata-kata "رضيّ" (seorang yang diredhai) membayangkan pengertian-pengertian itu, iaitu dia seorang yang dapat memberi kesayangan dan disayangi orang, dia dapat mewujudkan suasana-suasana kesayangan di alam sekitarnya dan dirinya.

Itulah do'a Zakaria kepada Allah dengan segala kerendahan diri dan secara rahsia. Semua kata-kata, makna-makna, bayangan-bayangan dan nada-nada yang lembut turut serta dalam menggambarkan senario do'a.

Kemudian detik do'a itu diperkenankan Allah digambarkan dengan penuh ri'ayah, kemesraan dan keredhaan, di mana Allah menyeru hamba-Nya dari al-Mala'ul-A'la:

يَٰزَكَرِيَّآ

"Wahai Zakaria!"

kemudian berita gembira itu disampaikan dengan segera:

إِنَّا نُبَشِّرُكَ بِغُلَٰمٍ

"Sesungguhnya Kami menyampaikan kepadamu berita gembira mendapat seorang anak lelaki"(7)

dan lelaki yang menjadi berita gembira ini dilimpahkan pula dengan kemesraan Ilahi yang telah memilih namanya:

ٱسۡمُهُۥ يَحۡيَىٰ

"Yang bernama Yahya"

iaitu satu nama yang belum pernah dipakai sebelum ini:

لَمۡ نَجۡعَل لَّهُۥ مِن قَبۡلُ سَمِيّٗا ٧

"Yang sebelumnya Kami belum pernah jadikan seorang pun yang senama dengannya."(7)

Itulah limpah kurnia Allah kepada hamba-Nya yang telah berdo'a kepada-Nya dengan segala kerendahan diri dan bermunajat dengan-Nya secara rahsia, di mana dia menyatakan kepada Allah kebimbangan dan harapannya. Motif yang mendorong beliau berdo'a kepada Allah ialah kekhuatirannya terhadap kaum kerabat sepeninggalan beliau nanti untuk memperjuangkan warisan 'aqidah, mengurus harta benda dan menjaga kaum keluarga mengikut cara yang diredhai Allah. Semua niatnya itu sememangnya telah diketahui Allah dan Allah telah melimpahkan kurnia yang memuaskan hatinya.

Kemudian Zakaria a.s. seolah-olah baru sedarkan dirinya dari lamunan cita-cita dan harapannya yang berkobar-kobar itu apabila do'a beliau itu telah diperkenankan Allah dalam waktu yang dekat dan membuat beliau berdepan dengan realiti, iaitu beliau kini sedar bahawa beliau adalah seorang yang telah meningkat usia yang amat tua, segala tulang-temalang anggotanya lemah belaka, kepalanya dipenuhi uban dan isterinya pula seorang perempuan mandul yang belum pernah melahirkan anak di zaman mudanya yang kuat. Jadi bagaimana nanti dia akan memperolehi anak? Beliau mahu mendapatkan kepastian dan mahu mengetahui bagaimana cara Allah akan mengurniakan anak lelaki itu kepadanya:

قَالَ رَبِّ أَنَّىٰ يَكُونُ لِي غُلَٰمٞ وَكَانَتِ ٱمۡرَأَتِي عَاقِرٗا وَقَدۡ بَلَغۡتُ مِنَ ٱلۡكِبَرِ عِتِيّٗا ٨

"Zakaria berkata: Wahai Tuhanku! Bagaimana aku akan memperolehi anak, sedangkan isteriku seorang yang mandul dan aku sendiri telah mencapai umur yang sangat tua."(8)

Kini beliau menghadapi realiti di samping menghadapi janji Allah. Beliau cukup yakin dengan janji itu, tetapi beliau ingin mengetahui bagaimana janji itu akan dilaksanakan Allah di hadapan realiti ini untuk mententeramkan hatinya. Ini adalah satu keadaan jiwa yang biasa ketika menghadapi keadaan seperti keadaan yang dialami Zakaria Nabi yang soleh itu. Beliau tidak dapat melupakan realiti hidupnya dan oleh kerana itu beliau ingin mengetahui bagaimana Allah mengubahkan realiti itu.

Di sini kemusykilannya itu dijawab Allah, iaitu perkara ini amat mudah kepada Allah dan Allah

mengingatkan beliau dengan satu contoh yang dekat, iaitu contoh kejadian dirinya sendiri yang diciptakan dari tiada kepada ada. Itulah contoh kepada setiap makhluk yang hidup dan kepada setiap sesuatu yang wujud di alam buana ini:

قَالَ كَذَٰلِكَ قَالَ رَبُّكَ هُوَ عَلَيَّ هَيِّنٌ وَقَدْ خَلَقْتُكَ مِن قَبْلُ وَلَمْ تَكُ شَيْـًٔا ﴿٩﴾

"Allah berfirman: Demikianlah kehendak Tuhanmu. Tuhanmu telah berfirman: Perkara itu adalah amat mudah kepada-Ku dan sesungguhnya sebelum ini Aku telahpun menciptakan engkau, sedangkan engkau belum berupa sesuatu."(9)

Dalam urusan ciptaan itu tidak ada yang mudah dan yang sukar di sisi Allah, kerana sarana ciptaan sama ada untuk mewujudkan sesuatu yang kecil atau yang besar, yang hina atau yang mulia adalah sama sahaja, iaitu dengan perintah "kun" (jadilah) dan ia pun terus jadi.

Allah yang berkuasa menjadikan perempuan yang mandul tidak dapat melahirkan anak dan menjadikan orang yang tua bangka tidak dapat menurunkan zuriat, maka Allahlah juga yang berkuasa membetulkan perempuan yang mandul dan menghapuskan sebab kemandulan itu, juga membaharui tenaga menurunkan zuriat pada lelaki. Tentulah ini lebih mudah, pada hemat manusia, dari menciptakan hayat dari permulaan walaupun segala sesuatu itu mudah belaka kepada Allah sama ada mengulangi ciptaan atau melakukan ciptaan yang baru.

Namun demikian keinginan Zakaria a.s. yang berkobar-kobar untuk meni'mati ketenteraman hati telah mendorong beliau meminta alamat yang menunjukkan bahawa berita gembira itu telah terlaksana, lalu Allah memberikan kepadanya satu alamat yang sesuai dengan suasana jiwa, di mana do'a itu diangkat dan diperkenankan. Agar dengan alamat itu dapatlah beliau menunaikan kewajipan bersyukur kepada Allah yang telah mengurniakan anak dalam usianya yang amat tua. Alamat itu ialah beliau memencilkan dirinya dari dunia orang ramai dan hidup bermunajat dengan Allah selama tiga malam, di mana lidahnya menjadi lancar apabila bertasbih kepada Allah dan menjadi tertahan-tahan apabila bercakap dengan orang ramai, sedangkan semua anggotanya sihat walafiat, dan lidahnya tidak telor dan tidak pula mengidap apa-apa penyakit.

قَالَ رَبِّ ٱجْعَل لِّيٓ ءَايَةً قَالَ ءَايَتُكَ أَلَّا تُكَلِّمَ ٱلنَّاسَ ثَلَٰثَ لَيَالٍ سَوِيًّا ﴿١٠﴾

"Kata Zakaria: Wahai Tuhanku! Jadikanlah untukku sesuatu alamat. Jawab Allah: Alamat untukmu ialah engkau tidak dapat bercakap-cakap dengan orang ramai selama tiga malam, sedangkan engkau sihat."(10)

Semuanya itu telah berlaku begitu:

فَخَرَجَ عَلَىٰ قَوْمِهِۦ مِنَ ٱلْمِحْرَابِ فَأَوْحَىٰٓ إِلَيْهِمْ أَن سَبِّحُوا۟ بُكْرَةً وَعَشِيًّا ﴿١١﴾

"Lalu diapun keluar dari Mihrab menuju kepada kaumnya dan menyarankan kepada mereka: Hendaklah kamu bertasbih kepada Allah pagi dan petang."(11)

Beliau berbuat demikian supaya orang ramai turut menghayati suasana yang dihayatinya dan supaya mereka turut bersyukur bersama beliau di atas limpah kurnia Allah kepadanya dan kepada mereka selepas peninggalannya.

Ayat ini meninggalkan Zakaria dalam keadaannya yang diam membongkam dan bertasbih, dan tirai pun dilabuh menutup pemandangan ini dan lembaran ceritanya digolong untuk dibuka lembaran baru - yang mengisahkan - Yahya yang sedang diseru Allah dari alam al-Mala'ul-A'la:

يَٰيَحْيَىٰ خُذِ ٱلْكِتَٰبَ بِقُوَّةٍ

"Wahai Yahya! Peganglah kitab ini dengan teguh."(12)

Kelahiran Nabi Yahya a.s.

Yahya a.s. telah pun dilahirkan ke dunia dan beliau telah membesar menjadi seorang kanak-kanak di celah ruang kosong yang telah ditinggalkan oleh ayat tadi di antara dua pemandangan ini. Itulah cara Al-Qur'an yang seni dalam membentangkan kisah-kisah untuk menonjolkan babak-babak dan adegan-adegan yang paling penting, paling hidup dan dinamis.

Ayat ini memulakan (kisah Yahya) dengan seruan Ilahi yang dihadapkan kepada beliau sebelum diceritakan sepatah pun mengenai diri beliau, kerana pemandangan seruan Ilahi merupakan satu pemandangan yang indah dan agung. Ia menunjukkan ketinggian martabat Yahya dan kemurahan Allah memperkenankan permintaan Zakaria a.s. supaya Allah mengurniakan kepadanya seorang anak yang boleh menggantikannya dengan baik menjaga warisan 'aqidah dan kaum keluarga. Itulah babak pertama kisah Yahya, iaitu babak beliau ditugas memikul amanah agung.

يَٰيَحْيَىٰ خُذِ ٱلْكِتَٰبَ بِقُوَّةٍ

"Wahai Yahya! Peganglah kitab ini dengan teguh."(12)

Kitab yang dimaksudkan itu ialah kitab Taurat, iaitu kitab suci Bani Israel selepas Nabi Musa a.s.. Berdasarkan kitab inilah bangkitnya Nabi-Nabi mereka mengajar dan memerintah dengannya. Kini Yahya a.s. telah mewarisi ayahandanya Zakaria a.s. dan beliau diseru supaya memikul tugas itu dan melaksanakan amanah itu dengan hati yang teguh dan penuh azam, dan supaya beliau tidak bersikap lemah, cuai dan mengelakkan diri dari tugas-tugas warisan itu.

Selepas seruan itu ayat berikut menerangkan pula tentang bekalan Ilahi yang dilengkapkan pada Yahya untuk melaksanakan tanggungjawab yang agung itu:

وَءَاتَيْنَٰهُ ٱلْحُكْمَ صَبِيًّا ﴿١٢﴾ وَحَنَانًا مِّن لَّدُنَّا وَزَكَوٰةً ۖ
وَكَانَ تَقِيًّا ﴿١٣﴾

"Dan Kami telah mengurniakan kepadanya kebijaksanaan semasa dia masih kanak-kanak lagi dan perasaan kasihan belas dari sisi Kami dan kebersihan diri, dan dia adalah seorang yang bertaqwa."(12-13)

Inilah sifat-sifat kelayakan yang dibekalkan Allah kepada beliau untuk membantu beliau memikul tugas yang diamanahkan kepadanya ketika beliau diserukan Allah.

Beliau dari masa kanak-kanak lagi telah dikurniakan kebijaksanaan. Bekalan Ilahi kepada beliau adalah satu bekalan yang unik sebagaimana nama dan kelahirannya juga unik. Biasanya sifat kebijaksanaan itu datang kemudian, tetapi sifat itu telah dibekalkan kepada Yahya semasa beliau masih kanak-kanak lagi.

Beliau juga telah dikurniakan Allah perasaan kasihan belas semulajadi yang tidak dipaksa-paksa dan tidak pula dipelajarinya. Dari semulajadi lagi beliau ditanam dengan sifat kasihan belas, iaitu satu sifat yang perlu kepada seorang Nabi yang ditugas untuk membela hati dan jiwa manusia dan untuk menjinak dan menariknya secara halus kepada kebaikan.

Dan beliau telah dikurniakan sifat kebersihan hati dan kesucian tabiat untuk menghadapi kekotoran hati dan kecemaran jiwa manusia supaya dapat dibersihkan.

وَكَانَ تَقِيًّا ﴿١٣﴾

"Dan dia adalah seorang yang bertaqwa"(13)

iaitu seorang yang sentiasa berhubung dengan Allah, sentiasa menyegani-Nya, sentiasa bermuraqabah dengan-Nya, sentiasa takut kepada-Nya dan sentiasa merasa berada di bawah perhatian Allah ketika beliau bersendirian.

Itulah bekalan yang dikurniakan Allah kepada Yahya a.s. semasa kecilnya untuk mengganti ayahandanya yang telah memohon kepada Allah secara rahsia kemudian Allah memperkenankan permohonannya dan mengurniakan kepadanya seorang anak lelaki yang bersih jiwanya.

Setakat ini tirai dilabuhkan menutup kisah Yahya sebagaimana sebelum ini ia telah dilabuhkan kerana menutup kisah Zakaria. Ayat-ayat tadi telah melukiskan garis-garis pokok dari sejarah hidupnya, agamanya dan arah perjuangannya. Pengajaran dari kisah-kisah itu dapat diambil dengan jelas di dalam do'a Zakaria dan pengabulan Allah terhadap do'a beliau, juga di dalam seruan Ilahi kepada Yahya dan sifat-sifat yang dibekalkan Allah kepadanya. Penceritaan kisah-kisah itu secara terperinci sebenarnya tidak dapat menambahkan apa-apa dari segi pengajaran dan tujuan kisah-kisah itu.

* * * * * *

Kelahiran Nabi 'Isa a.s.

Sekarang marilah kita ikuti kisah yang lebih aneh dari kisah kelahiran Yahya, iaitu kisah kelahiran 'Isa yang perlahan-lahan berkembang dari kisah Yahya yang pertama itu, di mana titik keanehannya ialah seorang isteri yang mandul dapat melahirkan anak dari seorang suami yang sangat tua, kepada kisah yang kedua di mana titik keanehannya ialah seorang dara sunti yang melahirkan anak tanpa suami. Ini tentulah merupakan satu kisah yang lebih ganjil dan aneh lagi.

Apabila kita abaikan peristiwa ciptaan manusia yang pertama kali dengan rupa bentuknya yang ada sekarang ini, tentulah peristiwa kelahiran 'Isa putera Maryam itu merupakan satu peristiwa yang paling aneh yang diketahui manusia di sepanjang sejarahnya, satu peristiwa unik yang tiada tolok bandingnya baik sebelumnya mahupun kemudiannya.

Manusia tidak pernah melihat penciptaan dirinya sendiri, yang merupakan satu peristiwa aneh yang amat besar di dalam sejarahnya. Manusia tidak pernah melihat penciptaan manusia yang pertama (Adam) tanpa bapa dan ibu. Peristiwa itu telah berlalu berabad-abad lamanya, kemudian hikmat Ilahiyah hendak menunjukkan peristiwa aneh yang kedua iaitu kelahiran 'Isa tanpa bapa. Ini adalah satu kelahiran yang tidak mengikut peraturan biasa yang wujud sejak umat manusia berada di muka bumi ini supaya dapat dilihat oleh manusia. Kemudian peristiwa ini akan kekal dirakam di dalam sejarah manusia sebagai satu peristiwa yang menonjol dan unik yang mendapat perhatian seluruh generasi manusia andainya mereka merasa begitu sukar untuk melihat peristiwa aneh penciptaan manusia yang pertama (Adam) yang tidak pernah dilihat oleh sesiapa pun.

Ia telah berlaku mengikut Sunnatullah yang telah mengaturkannya untuk kesinambungan hidup dengan beranak pinak melalui lelaki dan perempuan/jantan dan betina dalam semua spesies makhluk yang hidup tanpa kecuali hingga pada spesies makhluk-makhluk yang tidak didapati jenis jantan dan betina yang berbeza, kerana sel-sel jantan dan betinanya terkumpul pada individunya yang tunggal. Peraturan kelahiran ini berlaku berabad-abad lamanya hingga tersemat di dalam fikiran manusia bahawa itulah satu-satunya cara kelahiran manusia dan mereka telah lupakan kepada peristiwa penciptaan manusia yang pertama kerana ia di luar contoh perbandingan. Oleh itu Allah hendak mengemukakan kepada mereka contoh 'Isa putera Maryam a.s. untuk menyedarkan mereka terhadap hakikat kebebasan qudrat dan iradat Allah dan menyedarkan mereka bahawa kebebasan qudrat dan iradat Allah tidak terpenjara di dalam pagar undang-undang yang telah dipilih oleh-Nya sendiri. Peristiwa

kelahiran seperti 'Isa itu tidak berulang kerana, pada dasarnya, yang harus berkuatkuasa ialah undang-undang yang telah ditetapkan Allah, yang harus berjalan terus ialah undang-undang yang telah dipilih oleh Allah, sedangkan peristiwa yang tunggal ini (kelahiran 'Isa) cukuplah untuk menjadi satu bukti yang jelas di hadapan mata manusia terhadap kebebasan kehendak masyi'ah Allah yang tidak pernah terpenjara di dalam batas-batas undang-undang (yang telah ditetapkan-Nya):

وَلِنَجْعَلَهُۥٓ ءَايَةً لِّلنَّاسِ

"Dan agar Kami jadikannya suatu bukti (kekuasaan Kami) kepada manusia."(21)

Melihat betapa aneh dan besarnya peristiwa ini, maka setengah-setengah golongan manusia merasa begitu sukar untuk memahaminya secara biasa dan untuk memikirkan hikmatnya mengapa ia ditonjolkan Allah (sebegitu rupa), lalu mereka memberikan sifat-sifat Uluhiyah kepada 'Isa putera Maryam a.s. dan mengadakan di sekitar kelahiran beliau berbagai-bagai khurafat dan dongeng dan menunggang-balikkan hikmat peristiwa itu dengan cara yang ganjil ini, iaitu mengubahkan hikmatnya yang bertujuan untuk membuktikan hakikat qudrat Allah yang tidak terbatas itu kepada bentuk kepercayaan yang merosakkan 'aqidah tauhid.

Di dalam surah ini Al-Qur'an menceritakan bagaimana peristiwa yang aneh itu berlaku dan menunjukkan maksudnya yang sebenar dan menolak khurafat dan dongeng-dongeng itu.

Ayat-ayat berikut menayangkan kisah itu di dalam beberapa pemandangan yang menarik, penuh dengan perasaan dan emosi yang begitu hebat memeranjatkan para pembacanya seolah-olah mereka melihat dengan mata mereka sendiri.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 16 - 33)

وَٱذْكُرْ فِى ٱلْكِتَٰبِ مَرْيَمَ إِذِ ٱنتَبَذَتْ مِنْ أَهْلِهَا
مَكَانًا شَرْقِيًّا ﴿١٦﴾
فَٱتَّخَذَتْ مِن دُونِهِمْ حِجَابًا فَأَرْسَلْنَآ إِلَيْهَا
رُوحَنَا فَتَمَثَّلَ لَهَا بَشَرًا سَوِيًّا ﴿١٧﴾
قَالَتْ إِنِّىٓ أَعُوذُ بِٱلرَّحْمَٰنِ مِنكَ إِن كُنتَ تَقِيًّا ﴿١٨﴾
قَالَ إِنَّمَآ أَنَا۠ رَسُولُ رَبِّكِ لِأَهَبَ لَكِ غُلَٰمًا
زَكِيًّا ﴿١٩﴾
قَالَتْ أَنَّىٰ يَكُونُ لِى غُلَٰمٌ وَلَمْ يَمْسَسْنِى بَشَرٌ وَلَمْ
أَكُ بَغِيًّا ﴿٢٠﴾
قَالَ كَذَٰلِكِ قَالَ رَبُّكِ هُوَ عَلَىَّ هَيِّنٌ ۖ وَلِنَجْعَلَهُۥٓ
ءَايَةً لِّلنَّاسِ وَرَحْمَةً مِّنَّا ۚ وَكَانَ أَمْرًا مَّقْضِيًّا ﴿٢١﴾

"Dan kenangilah kisah Maryam di dalam kitab Al-Qur'an ketika dia mengasingkan diri dari keluarganya di suatu tempat di sebelah Timur(16). Dia memasang tabir (yang melindunginya) dari mereka kemudian Kami utuskan roh (Jibril) Kami kepadanya lalu ia menjelma (dengan rupa) seorang manusia yang sempurna(17). Ujar Maryam: Sesungguhnya aku berlindung pada Allah Yang Maha Penyayang dari gangguan engkau jika engkau benar seorang yang bertaqwa(18). Jawab Jibril: Sebenarnya aku ini adalah utusan dari Tuhanmu untuk memberi seorang anak lelaki yang suci kepadamu(19). Kata Maryam: Bagaimana aku akan memperolehi anak, sedangkan aku tidak pernah disentuh seorang lelaki pun dan tidak pula pernah menjadi perempuan yang jahat(20). Jawab Jibril: Demikianlah (kehendak Tuhanmu). Tuhanmu telah berfirman: Perkara itu adalah amat mudah kepada-Ku dan Kami berbuat demikian agar Kami jadikannya suatu bukti (kekuasaan Kami) kepada manusia dan sebagai suatu rahmat dari Kami dan perkara itu telah menjadi suatu keputusan yang telah ditetapkan."(21)

Inilah adegan pertama. Seorang gadis sunti yang suci yang telah dinazarkan ibunya untuk berkhidmat di rumah ibadat ketika ia masih dalam kandungan lagi dan semua orang mengenalinya sebagai gadis suci dan bermaruah tinggi. Keturunannya dihubungkan kepada Nabi Harun bapa para penjaga rumah ibadat Bani Israel yang berhati suci. Keluarganya terkenal jujur dan baik sejak dahulu lagi.

Kini Maryam sedang bersunyi diri (di suatu tempat) kerana sesuatu urusan peribadinya yang memerlukan beliau menjauhkan diri dari keluarganya dan menghilangkan diri dari pandangan mereka. Ayat-ayat tadi tidak menjelaskan apakah urusan yang dikerjakan oleh beliau, mungkin urusan itu sesuatu urusan yang amat peribadi dari urusan-urusan seorang gadis.

Kini Maryam sedang asyik dalam persembunyiannya yang tenang tenteram itu, tiba-tiba satu peristiwa yang amat mengejutkan berlaku, iaitu seorang lelaki yang sempurna tiba-tiba muncul di hadapannya:

فَأَرْسَلْنَآ إِلَيْهَا رُوحَنَا فَتَمَثَّلَ لَهَا بَشَرًا سَوِيًّا ﴿١٧﴾

"Kemudian Kami utuskan roh (Jibril) Kami kepadanya lalu dia menjelma (dengan rupa) seorang manusia yang sempurna."(17)

Kini Maryam amat terkejut dan takut sebagaimana biasa dialami gadis sunti apabila seorang lelaki tiba-tiba muncul di kamar persembunyiannya. Maryam terus meminta perlindungan dan pertolongan Allah. Dia mencabar perasaan taqwa yang ada pada hati lelaki itu dan merangsangkan perasaan takut kepada

Allah dan silu malu kepada perhatian Allah di tempat yang sunyi itu:

قَالَتْ إِنِّيٓ أَعُوذُ بِٱلرَّحْمَٰنِ مِنكَ إِن كُنتَ تَقِيًّا ﴿١٨﴾

"Ujar Maryam: Sesungguhnya aku berlindung pada Allah Yang Maha Penyayang dari gangguan engkau jika engkau benar seorang yang bertaqwa."(18)

Kerana seorang yang bertaqwa itu akan terus terbungkas kesedarannya sebaik sahaja disebutkan nama Allah Yang Maha Penyayang, dan akan terus mengundurkan diri dari dorongan nafsu dan godaan syaitan.

Di sini dapatlah daya khayal (kita) menggambarkan sendiri keadaan anak dara sunti yang jujur, suci dan berpendidikan yang baik, yang membesar di dalam persekitaran yang baik dan dipelihara oleh Zakaria yang pernah bernazar hendak memberikan anaknya kelak untuk berkhidmat kepada Allah. Inilah kejutan yang pertama kepada beliau.

قَالَ إِنَّمَآ أَنَا۠ رَسُولُ رَبِّكِ لِأَهَبَ لَكِ غُلَٰمًا زَكِيًّا ﴿١٩﴾

"Jawab Jibril: Sebenarnya aku ini adalah utusan dari Tuhanmu untuk memberi seorang anak lelaki yang suci kepadamu."(19)

Di sini dapatlah daya khayal (kita) menggambarkan sendiri sejauh mana perasaan terkejut dan malu yang dialaminya. Ketika itu lelaki yang sempurna itu belum lagi dipercayainya sebagai utusan dari Allah. Mungkin dakwaan lelaki itu hanya merupakan satu helah yang merbahaya yang cuba mempergunakan kejujurannya sahaja. Kini lelaki itu berterus terang mengatakan kepadanya sesuatu yang mengguriskan pendengaran gadis sunti yang amat pemalu itu, iaitu dia datang untuk memberikan seorang anak lelaki kepadanya, sedangkan mereka berdua berada di satu tempat yang sunyi. Inilah kejutan yang kedua.

Kemudian Maryam yang terancam kehormatannya itu memberanikan dirinya, lalu bertanya dengan terus terang: Bagaimana?

قَالَتْ أَنَّىٰ يَكُونُ لِي غُلَٰمٌ وَلَمْ يَمْسَسْنِي بَشَرٌ وَلَمْ أَكُ بَغِيًّا ﴿٢٠﴾

"Kata Maryam: Bagaimana aku akan memperolehi anak, sedangkan aku tidak pernah disentuh seorang lelaki pun dan tidak pula pernah menjadi perempuan yang jahat."(20)

Demikianlah Maryam bertanya dengan terus terang dan dengan kata-kata yang terbuka, sedangkan dia dan lelaki itu berada di satu tempat yang sunyi. Oleh sebab tujuan kedatangan lelaki yang mendadak itu telah terbuka jelas sedangkan Maryam belum lagi mengetahui bagaimana cara lelaki itu hendak memberikan anak kepadanya, maka keadaan kekhuatiran Maryam itu tidaklah dapat diredakan dengan pengakuan lelaki itu yang berkata kepadanya:

قَالَ إِنَّمَآ أَنَا۠ رَسُولُ رَبِّكِ

"Sebenarnya aku ini adalah utusan dari Tuhanmu"(19)

dan tidak pula dapat diredakan andainya lelaki itu berkata bahawa dia diutus untuk memberikannya seorang anak lelaki yang bersih, tidak cemar kelahirannya dan tidak kotor sejarah hidupnya, supaya hati Maryam tenang. Oleh sebab itulah malu di sini (bagi Maryam) tidak berguna lagi, malah terus terang itulah sahaja yang lebih baik baginya. Bagaimana dia boleh melahirkan anak, sedangkan dia masih seorang anak dara sunti yang belum pernah disentuh oleh mana-mana manusia pun dan dia juga bukan seorang perempuan jahat hingga sanggup melakukan perbuatan yang boleh melahirkan anak.

Dari pertanyaan Maryam nampaklah bahawa dia tidak terfikir hingga ke sa'at itu adanya suatu cara yang lain untuk lelaki itu memberikannya anak lelaki selain dari jalan hubungan yang biasa di antara lelaki dan perempuan kerana itulah cara biasa mengikut fikiran manusia.

قَالَ كَذَٰلِكِ قَالَ رَبُّكِ هُوَ عَلَيَّ هَيِّنٌ وَلِنَجْعَلَهُۥٓ ءَايَةً لِّلنَّاسِ وَرَحْمَةً مِّنَّا

"Jawab Jibril: Demikianlah (kehendak Tuhanmu). Tuhanmu telah berfirman: Perkara itu adalah amat mudah kepada-Ku dan Kami berbuat demikian agar Kami jadikannya suatu bukti (kekuasaan Kami) kepada manusia dan sebagai suatu rahmat dari Kami"(21)

maksudnya, perkara luar biasa yang tidak terfikir oleh Maryam kemungkinan berlakunya itu adalah amat mudah kepada Allah S.W.T., kerana segala sesuatu itu adalah mudah belaka kepada qudrat Ilahi yang hanya memerintah "kun" (jadilah!), maka iapun terus jadi. Semuanya mudah sama ada dengan peraturan biasa atau dengan cara yang lain. Ar-Ruhul-Amin (Jibril) memberitahu Maryam bahawa Allah memberitahu kepadanya bahawa perkara ini amat mudah kepada Allah dan bahawa Allah hendak menjadikan peristiwa yang aneh ini sebagai suatu bukti kepada manusia dan suatu alamat yang menunjukkan kepada kewujudan-Nya, kekuasaan-Nya dan kebebasan iradat-Nya, juga supaya menjadi rahmat kepada Bani Israel khususnya dan kepada umat manusia seluruhnya iaitu dengan mendzahirkan peristiwa ini yang akan membawa mereka mengenali Allah, beribadat kepada-Nya dan mencari keredhaan-Nya.

Dengan itu tamatlah dialog di antara Ar-Ruhul-Amin (Jibril) dengan Maryam al-'Azra'. Keterangan ayat-ayat tidak menyebut apakah yang telah berlaku selepas dialog itu? Di sini terdapat satu lagi ruang kosong dalam pembentangan kisah mengikut seni pembentangan Al-Qur'an, tetapi ia hanya menyebut segala apa yang telah diberitahu kepada Maryam, iaitu bahawa dia akan mendapat seorang anak lelaki walaupun dia masih dalam keadaan dara sunt tanpa disentuh oleh sesiapa pun dan anak lelaki ini akan

menjadi suatu bukti kepada manusia dan suatu rahmat dari Allah. Semuanya telah diputuskan Allah dan telah dilaksanakannya:

وَكَانَ أَمْرًا مَّقْضِيًّا ﴿٢١﴾

"Dan perkara itu telah menjadi suatu keputusan yang telah ditetapkan."(21)

Tetapi bagaimana? Di sini tidak ada sedikitpun penjelasan mengenai hal itu.[2]

Kemudian kisah itu diteruskan dalam satu adegannya yang baru, di mana ditayangkan Maryam al-'Azra' yang sedang kebingungan itu berada dalam satu keadaan yang lebih kritikal lagi:

فَحَمَلَتْهُ فَانتَبَذَتْ بِهِۦ مَكَانًا قَصِيًّا ﴿٢٢﴾ فَأَجَآءَهَا ٱلْمَخَاضُ إِلَىٰ جِذْعِ ٱلنَّخْلَةِ قَالَتْ يَٰلَيْتَنِى مِتُّ قَبْلَ هَٰذَا وَكُنتُ نَسْيًا مَّنسِيًّا ﴿٢٣﴾

"Lalu Maryam mengandungkannya dan mengasingkan diri dengan kandungannya di suatu tempat yang j auh(22). Kemudian kesakitan bersalin telah memaksa Maryam (bersandar) di pangkal batang pohon kurma seraya berkata: Aduhai! Alangkah baiknya andainya aku telah mati sebelum ini dan menjadi seorang yang terus dilupai."(23)

Inilah kejutan yang ketiga.

Ayat ini tidak menyebut bagaimana Maryam mengandung dan tidak pula menerangkan berapa lama dia mengandung. Adakah dia mengandung kandungan biasa seperti perempuan-perempuan yang lain mengandung, iaitu tiupan Ilahi itu telah membangkitkan hayat dan kecergasan pada telur (ovam) itu lalu subur menjadi 'alaqah, kemudian mudhghah kemudian tulang-temalang kemudian tulang-temalang ini dibalut dengan daging hingga menjadi janin yang sempurna pada masa-masanya yang biasa? Ini adalah satu kemungkinan, kerana telur perempuan itu mulai cergas dan subur selepas percantuman benih lelaki dan perempuan hingga menjadi janin dalam masa sembilan bulan Qamariah. Tiupan Ilahi itu mungkin telah memainkan peranan percantuman benih, lalu telur itu subur mengikut prosesnya yang biasa, dan mungkin pula dalam keadaan mengandung istimewa ini telur itu tidak melalui proses kesuburannya yang biasa selepas tiupan Ilahi itu, malah ia memendekkan peringkat-peringkat kesuburan itu dan terus subur menjadi janin yang sempurna dalam tempoh yang pendek. Oleh sebab di dalam ayat ini tidak ada apa-apa keterangan yang membayangkan dua kemungkinan ini, maka kami tidak ingin berkejar begitu jauh di belakang persoalan ini, iaitu persoalan yang tidak ada apa-apa sandaran bagi kami. Oleh itu marilah kita melihat Maryam sedang memencilkan diri dari keluarganya di suatu tempat yang jauh. Dia kini berada dalam keadaan yang lebih buruk dari keadaan yang telah kita jelaskan tadi. Andainya dahulu dia telah menghadapi persoalan kesucian diri, asuhan dan akhlak yang baik di antara dia dengan dirinya sendiri, tetapi sekarang dia tidak lama lagi akan menghadapi masyarakat pula dengan tembelang yang menggemparkan. Di samping itu dia juga sedang mengalami kesakitan jasmani di samping penderitaan jiwa dan menghadapi kesakitan bersalin hingga dia terpaksa menyandarkan dirinya di pangkal batang pohon kurma. Dia hanya berada seorang diri sahaja (di tempat itu) menghayati detik-detik cemas seorang dara sunti yang mengalami kesakitan bersalin bagi pertama kalinya tanpa sebarang pengetahuan dan tanpa seorang penolong, dan ketika inilah dia tiba-tiba merintih:

يَٰلَيْتَنِى مِتُّ قَبْلَ هَٰذَا وَكُنتُ نَسْيًا مَّنسِيًّا ﴿٢٣﴾

"Aduhai! Alangkah baiknya andainya aku telah mati sebelum ini dan menjadi seorang yang terus dilupai."(23)

(Di waktu ini) kita seolah-olah ternampak air muka Maryam yang merana dan dapat merasakan kekusutan fikirannya dan tempat-tempat kesakitannya. Dia bercita-cita menjadi seorang yang telah dilupai manusia laksana kain cawat yang digunakan untuk menahan darah haid kemudian dibuang sahaja dan terus dilupakan.

Di tengah-tengah kesakitan dan penderitaan itu berlakulah satu peristiwa besar yang amat memeranjatkan:

---

[2] *Di dalam Surah at-Tahrim diceritakan begini:((وَمَرْيَمَ ابْنَتَ عِمْرَانَ الَّتِي أَحْصَنَتْ فَرْجَهَا فَنَفَخْنَا فِيهِ مِن رُّوحِنَا)) - "Dan Maryam binti Imran yang telah memelihara kehormatannya, Kami telah tiupkan pada kehormatannya roh ciptaan Kami." Adakah kalimat "روحنا " dalam Surah Maryam ini sama maksudnya dengan kalimat " روحنا" di dalam Surah at-Tahrim (di atas). Adakah pengertian kedua-duanya sama? Kami cenderung mengatakan bahawa kedua-duanya mempunyai pengertian yang berlainan. Kalimat "روحنا " dalam Surah Maryam ini adalah dimaksudkan dengan Jibril ar-Ruhul-Amin, iaitu utusan Allah kepada Maryam, sedangkan kalimat "روحنا" dalam Surah at-Tahrim tadi adalah dimaksudkan dengan roh yang ditiupkan Allah pada 'Adam lalu menjadikannya makhluk insan kemudian ditiupkan pada kehormatan Maryam lalu menjadi sebiji telur (ovum) yang hidup dan bersedia untuk subur. Itulah tiupan Ilahi yang memberi hayat dan memberi ciri-ciri yang sesuai dengan janin hayat ini. Pada makhluk insan ciri-ciri itu ialah bakat-bakat kebolehan yang dapat menghubungkan mereka dengan alam al-Mala'ul-A'la dan memberikannya perasaan kemanusiaan, daya pemikiran, berbagai-bagai rasa dan ilham.Dalam kes Maryam kami tafsirkan bahawa Jibril iaitu ar-Ruhul-Amin adalah membawa dan menyampaikan tiupan roh yang luhur itu dari Allah. Kemudian kami kembali untuk mengatakan pula bahawa kami tidak mengetahui sedikit pun tentang hakikat roh dengan makna Jibril, begitu juga kami tidak mengetahui sedikit pun tentang hakikat roh dengan makna yang lain. Semuanya adalah urusan alam ghaib belaka. Kami hanya mencari ilham dari keterangan ayat-ayat yang tersebut di dalam dua surah itu dan kami dapati bahawa maksud roh di dalam dua surah itu adalah berlainan dan tidak sama.*

فَنَادَىٰهَا مِن تَحْتِهَآ أَلَّا تَحْزَنِى قَدْ جَعَلَ رَبُّكِ تَحْتَكِ سَرِيًّا ﴿٢٤﴾
وَهُزِّىٓ إِلَيْكِ بِجِذْعِ ٱلنَّخْلَةِ تُسَٰقِطْ عَلَيْكِ رُطَبًا جَنِيًّا ﴿٢٥﴾
فَكُلِى وَٱشْرَبِى وَقَرِّى عَيْنًا ۖ فَإِمَّا تَرَيِنَّ مِنَ ٱلْبَشَرِ أَحَدًا فَقُولِىٓ إِنِّى نَذَرْتُ لِلرَّحْمَٰنِ صَوْمًا فَلَنْ أُكَلِّمَ ٱلْيَوْمَ إِنسِيًّا ﴿٢٦﴾

"Lalu dia (bayi yang baru lahir) menyeru Maryam dari sebelah bawahnya: Janganlah bonda bersedih! Sesungguhnya Tuhan bonda telah menjadikan sebuah parit air di bawah (tapak kaki) bonda(24). Dan goncangkanlah batang kurma itu ke arah bonda nescaya ia akan menggugurkan buah kurma yang masak kepada bonda(25). Oleh itu makan dan minumlah bonda dan senangkanlah hati bonda! Dan andainya bonda melihat seorang manusia, maka katakanlah kepadanya: Aku telah bernazar puasa. Oleh itu aku tidak akan bercakap dengan sesiapa pun pada hari ini."(26)

Ya Allah! Bayi yang dilahirkan di sa'at itu tiba-tiba telah pandai memanggil Maryam dari bawahnya. Dia mententeramkan hati ibunya dan menghubungkannya dengan Allah, dia menunjukkan kepada ibunya makanan dan minumannya, hujjah dan alasannya.

Janganlah bonda berduka cita:

قَدْ جَعَلَ رَبُّكِ تَحْتَكِ سَرِيًّا ﴿٢٤﴾

"Sesungguhnya Tuhan bonda telah menjadikan sebuah parit air di bawah (tapak kaki) bonda."(24)

Maksudnya, Allah tidak lupakan bonda dan tidak akan membiarkan bonda, malah Allah telah mengalirkan di bawah tapak kaki bonda satu parit air yang mengalir - pendapat yang lebih rajih, parit ini telah mengalir di sa'at itu juga dari sebuah matair atau mengalir dari saluran air bukit - dan pokok kurma yang disandari bonda itu adalah sepohon kurma yang kecil sahaja, oleh itu goncanglah batangnya nescaya ia menggugurkan kepada bonda buah-buahnya yang masak. Itulah makanan dan itulah minuman. Makanan yang manis itu adalah sesuai untuk perempuan-perempuan yang baru melahirkan anak, dan buah tamar masak muda dan buah tamar masak kering pula merupakan sebaik-baik makanan kepada perempuan-perempuan yang baru bersalin.

فَكُلِى وَٱشْرَبِى وَقَرِّى عَيْنًا ۖ

"Oleh itu makan dan minumlah bonda dan senanglah hati bonda"(26)

yakni makan dan minumlah sepuas hati bonda dan tenangkanlah hati bonda! Dan jika bonda menghadapi seseorang, maka beritahu kepadanya dengan cara yang lain dari bercakap bahawa bonda telah bernazar puasa dari bercakap kerana Allah dan sedang membulatkan ibadat kepada-Nya dan janganlah bonda menjawab sesuatu pertanyaan walau dari sesiapa pun.

Pada hemat kita, Maryam tentulah kaget dan terpegun sejurus lama sebelum menghulurkan tangannya menggoncang pokok kurma itu untuk mendapatkan buahnya yang masak, kemudian barulah dia sedar dan yakin bahawa Allah tidak akan mengabaikannya dan bahawa dia mempunyai hujjah yang cukup kuat iaitu bayi ini boleh bercakap semasa kecil lagi dan boleh menunjukkan mu'jizat Allah yang telah mengurniakan bayi itu kepadanya.

فَأَتَتْ بِهِۦ قَوْمَهَا تَحْمِلُهُۥ ۖ

"Kemudian Maryam membawa anaknya kepada kaumnya."(27)

Marilah kita lihat adegan yang amat menarik ini. Sudah tentu kita dapat menggambarkan bagaimana jelasnya tanda kehairanan terlukis pada wajah kaumnya, iaitu anggota keluarganya yang dekat dan tinggal serumah dengannya atau anggota keluarganya dalam lingkungan yang kecil, apabila mereka melihat anak gadis mereka yang suci dan masih dara sunti yang diberikan kepada rumah ibadat dan sentiasa beramal ibadat itu tiba-tiba mendokong bayi:

قَالُوا۟ يَٰمَرْيَمُ لَقَدْ جِئْتِ شَيْـًٔا فَرِيًّا ﴿٢٧﴾

"Mereka berkata: Wahai Maryam! Sesungguhnya engkau telah melakukan satu perbuatan yang keji."(27)

يَٰٓأُخْتَ هَٰرُونَ مَا كَانَ أَبُوكِ ٱمْرَأَ سَوْءٍ وَمَا كَانَتْ أُمُّكِ بَغِيًّا ﴿٢٨﴾

"Wahai saudara perempuan Harun! Bapamu bukannya seorang yang jahat dan ibumu juga bukannya seorang penzina."(28)

Mereka terus mengecam dan mencela Maryam: "Wahai Maryam! Sesungguhnya engkau telah melakukan satu perbuatan yang keji" yakni satu perbuatan yang amat buruk dan tercela, kemudian kemarahan mereka berubah kepada ejekan yang pahit:

يَٰٓأُخْتَ هَٰرُونَ

"Wahai saudara perempuan Harun!"(28)

Yakni saudara perempuan seorang Nabi yang menjaga rumah ibadat Bani Israel, iaitu Nabi Harun dan zuriat keturunannya selepas peninggalan beliau. Beliau adalah seorang Nabi yang engkau mempunyai hubungan yang rapat dengannya dalam amal ibadatmu dan khidmatmu kepada rumah ibadat itu. Alangkah jauh perbezaannya di antara hubungan keturunanmu dengan perbuatanmu yang amat keji itu:

مَا كَانَ أَبُوكِ ٱمْرَأَ سَوْءٍ وَمَا كَانَتْ أُمُّكِ بَغِيًّا ﴿٢٨﴾

"Bapamu bukannya seorang yang jahat dan ibumu juga bukannya seorang penzina."(28)

Maryam terus melaksanakan pesanan yang diajarkan oleh bayi yang aneh itu:

فَأَشَارَتْ إِلَيْهِ ۖ

"Lalu Maryam memberi isyarat kepada anaknya."(29)

Apakah yang kita dapat katakan di sa'at kehairanan dan kemarahan mereka ketika melihat anak dara mereka membawa pulang bayi kepada mereka, kemudian si anak ini pula tiba-tiba menunjukkan lagak yang angkuh dan mengejek terhadap tindak-tanduk mereka yang telah mengecam perbuatannya yang keji itu. Dia hanya berdiam diri dan memberi isyarat kepada mereka supaya bertanya kepada bayi itu sendiri tentang rahsianya:

قَالُوا۟ كَيْفَ نُكَلِّمُ مَن كَانَ فِى ٱلْمَهْدِ صَبِيًّا ﴿٢٩﴾

"Dan mereka pun berkata: Bagaimana kami hendak bercakap dengan seorang bayi yang masih di dalam buaian?"(29)

Tetapi inilah dia satu lagi mu'jizat aneh yang telah berlaku:

قَالَ إِنِّى عَبْدُ ٱللَّهِ ءَاتَىٰنِىَ ٱلْكِتَٰبَ وَجَعَلَنِى نَبِيًّا ﴿٣٠﴾
وَجَعَلَنِى مُبَارَكًا أَيْنَ مَا كُنتُ وَأَوْصَٰنِى بِٱلصَّلَوٰةِ
وَٱلزَّكَوٰةِ مَا دُمْتُ حَيًّا ﴿٣١﴾
وَبَرًّۢا بِوَٰلِدَتِى وَلَمْ يَجْعَلْنِى جَبَّارًا شَقِيًّا ﴿٣٢﴾
وَٱلسَّلَٰمُ عَلَىَّ يَوْمَ وُلِدتُّ وَيَوْمَ أَمُوتُ وَيَوْمَ أُبْعَثُ
حَيًّا ﴿٣٣﴾

"Ujar 'Isa: Sesungguhnya aku ini ialah hamba Allah. Dia telah mengurniakanku kitab (Injil) dan menjadikanku seorang Nabi(30). Dan Dia telah menjadikanku seorang yang diberkati di mana sahaja aku berada dan Dia telah memerintahku menunaikan solat dan zakat selama aku hidup(31). Dan melakukan kebaktian terhadap ibuku dan dia tidak menjadikanku seorang yang angkuh dan jahat(32). Dan semoga kesejahteraan dilimpahkan ke atasku pada hari aku dilahir dan pada hari aku mati, juga pada hari aku dibangkitkan hidup kembali."(33)

'Isa Menjelaskan Hakikat Dirinya

Demikianlah 'Isa a.s. mengisytiharkan sifat 'Ubudiyahnya kepada Allah. Oleh itu dia bukannya putera Allah sebagaimana yang telah didakwa oleh segolongan (orang-orang Kristian), dan bukannya Tuhan seperti yang didakwakan satu golongan yang lain. Dia bukan juga Tuhan yang ketiga dari tiga tuhan yang berpadu sebagai satu Tuhan dan (dalam waktu yang sama) mereka adalah tiga tuhan seperti yang telah didakwa oleh segolongan yang lain, malah 'Isa a.s. mengisytiharkan bahawa Allah telah melantikkan beliau menjadi seorang Nabi bukannya putera Allah dan bukan pula sekutu Allah dan dia telah memberkati beliau dan memerintah beliau supaya menunaikan solat dan zakat di sepanjang hidupnya dan supaya beliau berbakti kepada ibunya dan bersikap rendah diri terhadap keluarganya. Kini jelaslah bahawa 'Isa a.s. mempunyai usia hidup yang terbatas dengan masa-masa yang tertentu sahaja dan beliau juga mati dan akan dibangkitkan kembali, dan Allah telah mengurniakan kepada beliau kedamaian, keamanan dan ketenteraman pada hari beliau dilahirkan, juga pada hari beliau diwafatkan dan seterusnya pada hari beliau dibangkitkan hidup kembali.

Nas Al-Qur'an di sini cukup jelas tentang kewafatan 'Isa a.s. dan kebangkitannya, dan nas ini juga tidak dapat menerima sebarang ta'wilan yang lain dan sebarang pertikaian mengenai hakikat ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 34 - 36)

Keterangan Al-Qur'an tidak menambah apa-apa penjelasan yang lain dari pemandangan ini. Ia tidak menjelas bagaimana kaum Maryam menerima peristiwa mu'jizat ini dan apakah yang telah berlaku kepada Maryam dan anaknya yang aneh selepas peristiwa itu, dan bilakah nubuwwah 'Isa yang diisyaratkan dalam ayat berikut

ءَاتَىٰنِىَ ٱلْكِتَٰبَ وَجَعَلَنِى نَبِيًّا ﴿٣٠﴾

"Dia telah mengurniakanku kitab (Injil) dan menjadikanku seorang Nabi."(30)

Ini disebabkan kerana tujuan penjelasan di tempat ini ialah untuk menceritakan peristiwa kelahiran 'Isa sahaja dan apabila penjelasan itu sampai kepada adegan mu'jizat itu, maka tirai pun terus dilabuhkan untuk diiringi dengan kata kesimpulan mengenai tujuan yang dimaksudkan itu pada tempatnya yang paling wajar dengan gaya bahasa dan nada yang tegas iaitu:

ذَٰلِكَ عِيسَى ٱبْنُ مَرْيَمَ ۚ قَوْلَ ٱلْحَقِّ ٱلَّذِى فِيهِ
يَمْتَرُونَ ﴿٣٤﴾
مَا كَانَ لِلَّهِ أَن يَتَّخِذَ مِن وَلَدٍ ۖ سُبْحَٰنَهُۥٓ ۚ إِذَا قَضَىٰٓ أَمْرًا
فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ ﴿٣٥﴾
وَإِنَّ ٱللَّهَ رَبِّى وَرَبُّكُمْ فَٱعْبُدُوهُ ۚ هَٰذَا صِرَٰطٌ مُّسْتَقِيمٌ ﴿٣٦﴾

"Itulah 'Isa putera Maryam. (Dia telah membuat) penerangan yang benar yang dipertikaikan oleh mereka(34). Tidak sekali-kali wajar bagi Allah mempunyai sebarang anak. Maha

Sucilah Dia. Apabila Dia telah memutuskan untuk menciptakan sesuatu, maka Dia hanya memerintah kepadanya: Jadilah, maka iapun terus jadi(35). Dan sesungguhnya Allah adalah Tuhanku dan Tuhan kamu. Oleh itu hendaklah kamu sembahkan Dia. Inilah jalan yang lurus."(36)

Maksudnya, itulah hakikat 'Isa putera Maryam itu bukannya seperti yang didakwakan oleh mereka yang mempertuhankan beliau atau oleh mereka yang menuduh ibunya tentang kelahirannya. Itulah hakikat 'Isa dan itulah hakikat kelahiran beliau. Itulah 'Isa yang telah menerangkan hakikat yang sebenar yang dipertikai dan diragui mereka. Beliau bukan sahaja menerangkan hakikat ini dengan lidahnya sendiri, malah diterangkan oleh lidah kisah itu sendiri:

مَا كَانَ لِلَّهِ أَن يَتَّخِذَ مِن وَلَدٍ

"Tidak sekali-kali wajar bagi Allah mempunyai sebarang anak."(35)

Maha Tinggi dan Maha Sucilah Allah darinya. Adalah tidak munasabah sama sekali Allah mempunyai anak kerana yang layak mempunyai anak ialah makhluk-makhluk yang fana untuk melanjutkan kewujudan keturunan mereka dan makhluk-makhluk yang lemah untuk mendapat bantuan dan pertolongan, sedangkan Allah adalah zat yang kekal yang tidak takut pupus dan fana, dan zat yang bersifat Maha Kuasa yang tidak memerlukan apa-apa bantuan dan pertolongan. Seluruh makhluk yang wujud ini adalah diciptakan Allah dengan sepatah perintah "كن" sahaja:

إِذَا قَضَىٰٓ أَمْرًا فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ ﴿٣٥﴾

"Apabila Dia telah memutuskan untuk menciptakan sesuatu, maka Dia hanya memerintah kepadanya: Jadilah, maka iapun terus jadi."(35)

Apa sahaja yang dikehendaki Allah untuk mewujudkannya, maka dia dapat mewujudkannya dengan kehendak iradat-Nya sahaja bukan dengan perantaraan anak dan penolong. Keterangan 'Isa dan keterangan lidah kisahnya diakhiri dengan sebuah perisytiharan yang mengumumkan Rububiyah Allah bagi diri 'Isa dan bagi seluruh manusia serta menyeru mereka supaya menyembah Allah Yang Maha Esa tanpa sebarang sekutu-sekutu:

وَإِنَّ ٱللَّهَ رَبِّى وَرَبُّكُمْ فَٱعْبُدُوهُ ۚ هَٰذَا صِرَٰطٌ مُّسْتَقِيمٌ ﴿٣٦﴾

"Dan sesungguhnya Allah adalah Tuhanku dan Tuhan kamu. Oleh itu hendaklah kamu sembahkan Dia. Inilah jalan yang lurus."(36)

Oleh itu tiada lagi ruang untuk kepercayaan-kepercayaan yang karut dan dongeng-dongeng selepas pengakuan 'Isa dan pengakuan kisahnya. Inilah yang dimaksudkan dengan kata kesimpulan tadi yang diterangkan dengan gaya bahasa dan nada yang tegas itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 37 - 39)

Selepas penjelasan itu, Al-Qur'an membentangkan pula perselisihan faham yang berlaku di antara puak-puak dan golongan-golongan (orang-orang Kristian) mengenai hakikat 'Isa a.s., dan jelaslah bahawa perselisihan itu merupakan satu perkara yang tercela setelah menerima penjelasan hakikat yang amat terang ini:

فَٱخْتَلَفَ ٱلْأَحْزَابُ مِنۢ بَيْنِهِمْ ۖ

"Kemudian beberapa golongan di antara mereka telah berselisih faham."(37)

Seri Maharaja Constantine (Raja Rom) telah mengadakan satu perhimpunan agung para paderi besar - salah satu dari tiga perhimpunan agung para paderi yang terkenal - di mana bilangan para anggotanya terdiri dari dua ribu seratus tujuh puluh orang paderi besar. Mereka dengan sengitnya telah berselisihan faham sesama mereka mengenai hakikat 'Isa. Setiap puak mempunyai pendapatnya yang tersendiri. Ada setengah mereka berpendapat bahawa 'Isa itu ialah Allah. Dia telah turun ke bumi lalu dia menghidupkan siapa yang mahu dihidupkannya dan mematikan siapa yang mahu dimatikannya, kemudian dia naik semula ke langit. Setengah pula berpendapat bahawa 'Isa adalah anak Allah. Setengah yang lain berpendapat bahawa 'Isa adalah salah satu dari tiga uqnun/komponen iaitu bapa, anak dan Ruhul-Quds. Kata setengah pula, 'Isa ialah yang ketiga dari tiga iaitu Allah itu Tuhan dan dia ('Isa) itu tuhan dan ibunya juga tuhan. Kata yang lain, 'Isa itu hamba Allah dan utusan-Nya juga roh-Nya dan kalimat-Nya. Sementara puak-puak yang lain lagi mengeluarkan masing-masing pendapat yang tersendiri. Mereka gagal mendapat kata sepakat. Hanya lebih dari tiga ratus lapan orang paderi besar sahaja yang mempunyai satu pendapat yang sama dan pendapat ini disetujui oleh baginda Sri Maharaja dan baginda telah memberi sokongan yang kuat kepada golongan ini dan terus menindas dan menghalau puak-puak yang menentang terutama puak yang berpegang dengan 'aqidah tauhid.

Oleh sebab 'aqidah-'aqidah yang menyeleweng itu telah diputuskan oleh perhimpunan-perhimpunan agung yang dihadhiri oleh para paderi besar, maka ayat-ayat yang berikut memberi amaran kepada orang-orang kafir yang menyeleweng dari keimanan kepada Wahdaniyah Allah dengan satu pemandangan hari Qiamat yang besar di mana berkumpulnya perhimpunan-perhimpunan manusia yang amat besar dan di mana dapat dilihat akibat-akibat yang menimpa orang-orang kafir yang menyeleweng itu:

فَوَيْلٌ لِّلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِن مَّشْهَدِ يَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿٣٧﴾

"Maka celakalah kepada orang-orang yang kafir dari kehadhiran suatu hari yang amat besar."(37)

أَسْمِعْ بِهِمْ وَأَبْصِرْ يَوْمَ يَأْتُونَنَا ۖ لَٰكِنِ ٱلظَّٰلِمُونَ ٱلْيَوْمَ

فِي ضَلَٰلٖ مُّبِينٖ ٣٨
وَأَنذِرۡهُمۡ يَوۡمَ ٱلۡحَسۡرَةِ إِذۡ قُضِيَ ٱلۡأَمۡرُ وَهُمۡ فِي غَفۡلَةٖ وَهُمۡ
لَا يُؤۡمِنُونَ ٣٩

"Alangkah tajamnya pendengaran mereka dan alangkah terangnya penglihatan mereka pada hari mereka datang menemui Kami, tetapi pada hari ini orang-orang yang zalim berada di dalam kesesatan yang amat nyata(38). Dan ingatlah mereka tentang hari penyesalan iaitu ketika segala urusan (pangadilan) telah diputuskan, sedangkan mereka berada di dalam kelalaian dan tidak beriman."(39)

Kini celakalah kepada mereka dalam satu pemandangan hari Qiamat yang amat besar. Ia disebut dengan kata-kata yang umum untuk membesarkan pemandangan hari itu, iaitu satu pemandangan yang akan disaksikan oleh seluruh manusia dan jin di samping dihadhiri oleh para malaikat di hadapan Allah Yang Maha Kuasa yang telah dipersekutukan oleh orang-orang kafir.

Kemudian ayat yang berikut mengejek sikap orang-orang yang kafir dan tindakan mereka yang tidak menghiraukan bukti-bukti hidayat di dunia ini, sedangkan di dalam pemandangan Qiamat itu mereka kelihatan mempunyai pendengaran dan penglihatan yang paling tajam:

أَسۡمِعۡ بِهِمۡ وَأَبۡصِرۡ يَوۡمَ يَأۡتُونَنَاۖ لَٰكِنِ ٱلظَّٰلِمُونَ ٱلۡيَوۡمَ
فِي ضَلَٰلٖ مُّبِينٖ ٣٨

"Alangkah tajamnya pendengaran mereka dan alangkah terangnya penglihatan mereka pada hari mereka datang menemui Kami, tetapi pada hari ini orang-orang yang zalim berada di dalam kesesatan yang amat nyata."(38)

Alangkah ganjilnya keadaan mereka! Mereka tidak mahu mendengar dan melihat ketika pendengaran dan penglihatan boleh menjadi alat untuk mendapatkan hidayat dan keselamatan, tetapi mereka menjadi orang-orang yang paling tajam pendengaran dan penglihatannya pada hari Qiamat ketika pendengaran dan penglihatan telah menjadi alat penghinaan untuk diperdengarkan kepada mereka suara 'azab yang dibenci mereka dan untuk diperlihatkan kepada mereka pemandangan yang ditakuti mereka pada hari yang amat besar itu.

وَأَنذِرۡهُمۡ يَوۡمَ ٱلۡحَسۡرَةِ

"Dan ingatkan mereka tentang hari penyesalan"(39)

iaitu suatu hari, di mana penyesalan dirasa begitu hebat seolah-olah pada hari itu tiada sesuatu yang lain dari penyesalan. Pada hari itu penyesalan menguasai seluruh suasananya dan penyesalan merupakan perasaan yang paling menonjol di waktu ini. Ingatkan mereka tentang hati ini, di mana penyesalan-penyesalan tidak berguna lagi:

إِذۡ قُضِيَ ٱلۡأَمۡرُ وَهُمۡ فِي غَفۡلَةٖ وَهُمۡ لَا يُؤۡمِنُونَ ٣٩

"Iaitu ketika segala urusan (pengadilan) telah diputuskan, sedangkan mereka berada di dalam kelalaian dan tidak beriman."(39)

Seolah-olah hari itu dihubungkan dengan kekafiran dan kelalaian mereka.

Ingatkanlah mereka tentang hari itu. Ia tidak syak lagi akan tiba dan pada hari ketibaannya segala isi bumi dan sekalian penghuninya akan pulang kepada Allah seperti pulangnya segala warisan kepada pewarisnya yang tunggal:

إِنَّا نَحۡنُ نَرِثُ ٱلۡأَرۡضَ وَمَنۡ عَلَيۡهَا وَإِلَيۡنَا يُرۡجَعُونَ ٤٠

"Sesungguhnya Kamilah yang mewarisi bumi dan para penghuninya dan kepada Kamilah mereka dikembalikan."(40)

(Kumpulan ayat-ayat 41 - 65)

وَٱذۡكُرۡ فِي ٱلۡكِتَٰبِ إِبۡرَٰهِيمَۚ إِنَّهُۥ كَانَ صِدِّيقٗا نَّبِيًّا ٤١
إِذۡ قَالَ لِأَبِيهِ يَٰٓأَبَتِ لِمَ تَعۡبُدُ مَا لَا يَسۡمَعُ وَلَا يُبۡصِرُ
وَلَا يُغۡنِي عَنكَ شَيۡـٔٗا ٤٢
يَٰٓأَبَتِ إِنِّي قَدۡ جَآءَنِي مِنَ ٱلۡعِلۡمِ مَا لَمۡ يَأۡتِكَ فَٱتَّبِعۡنِيٓ
أَهۡدِكَ صِرَٰطٗا سَوِيّٗا ٤٣
يَٰٓأَبَتِ لَا تَعۡبُدِ ٱلشَّيۡطَٰنَۖ إِنَّ ٱلشَّيۡطَٰنَ كَانَ لِلرَّحۡمَٰنِ
عَصِيّٗا ٤٤
يَٰٓأَبَتِ إِنِّيٓ أَخَافُ أَن يَمَسَّكَ عَذَابٞ مِّنَ ٱلرَّحۡمَٰنِ
فَتَكُونَ لِلشَّيۡطَٰنِ وَلِيّٗا ٤٥
قَالَ أَرَاغِبٌ أَنتَ عَنۡ ءَالِهَتِي يَٰٓإِبۡرَٰهِيمُۖ لَئِن لَّمۡ
تَنتَهِ لَأَرۡجُمَنَّكَۖ وَٱهۡجُرۡنِي مَلِيّٗا ٤٦
قَالَ سَلَٰمٌ عَلَيۡكَۖ سَأَسۡتَغۡفِرُ لَكَ رَبِّيٓۖ إِنَّهُۥ كَانَ
بِي حَفِيّٗا ٤٧
وَأَعۡتَزِلُكُمۡ وَمَا تَدۡعُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ وَأَدۡعُواْ رَبِّي
عَسَىٰٓ أَلَّآ أَكُونَ بِدُعَآءِ رَبِّي شَقِيّٗا ٤٨
فَلَمَّا ٱعۡتَزَلَهُمۡ وَمَا يَعۡبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ وَهَبۡنَا لَهُۥٓ

إِسْحَٰقَ وَيَعْقُوبَ ۖ وَكُلًّا جَعَلْنَا نَبِيًّا ﴿٤٩﴾
وَوَهَبْنَا لَهُم مِّن رَّحْمَتِنَا وَجَعَلْنَا لَهُمْ لِسَانَ صِدْقٍ
عَلِيًّا ﴿٥٠﴾
وَٱذْكُرْ فِى ٱلْكِتَٰبِ مُوسَىٰٓ ۚ إِنَّهُۥ كَانَ مُخْلَصًا وَكَانَ رَسُولًا
نَّبِيًّا ﴿٥١﴾
وَنَٰدَيْنَٰهُ مِن جَانِبِ ٱلطُّورِ ٱلْأَيْمَنِ وَقَرَّبْنَٰهُ نَجِيًّا ﴿٥٢﴾
وَوَهَبْنَا لَهُۥ مِن رَّحْمَتِنَآ أَخَاهُ هَٰرُونَ نَبِيًّا ﴿٥٣﴾

"Dan sebutkanlah cerita Ibrahim di dalam kitab Al-Qur'an. Sesungguhnya dia adalah seorang yang amat benar dan seorang Nabi(41). Ketika dia berkata kepada bapanya: Wahai ayahandaku! Mengapa ayahanda menyembah sesuatu yang tidak dapat mendengar, tidak pula dapat melihat dan tidak juga dapat memberi apa-apa pertolongan kepada ayahanda?(42) Wahai ayahandaku! Sesungguhnya anakanda telah didatangi ilmu pengetahuan yang tidak pernah datang kepada ayahanda. Oleh itu ikutlah anakanda nescaya anakanda dapat menunjukkan kepada ayahanda satu jalan yang lurus(43). Wahai ayahanda! Janganlah ayahanda menyembah syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu adalah penderhaka Allah Yang Maha Penyayang (44). Wahai ayahandaku! Anakanda takut ayahanda akan ditimpa 'azab Allah Yang Maha Penyayang menyebabkan ayahanda akan menjadi kawan syaitan(45). Jawab bapanya: Wahai Ibrahim! Apakah engkau membencikan tuhan-tuhanku? Jika engkau tidak berhenti (berda'wah) nescaya aku akan rejamkan engkau, dan tinggalkanlah aku sepanjang masa(46). Ujar Ibrahim: Semoga dilimpah kan kesejahteraan ke atas ayahanda. Dan anakanda akan memohon kepada Tuhan anakanda supaya mengampun kan ayahanda. Sesungguhnya Dia amat mengambil berat terhadap anakanda(47). Dan anakanda akan menjauhkan diri dari ayahanda dan dari sembahan-sembahan yang disembah ayahanda selain dari Allah dan anakanda akan berdo'a kepada Tuhan anakanda semoga anakanda tidak akan kecewa dengan berdo'a kepada Tuhan anakanda (48). Dan setelah Ibrahim menjauhkan diri dari mereka dan dari sembahan-sembahan yang disembah mereka selain dari Allah, maka Kami telah menganugerahkan kepadanya Ishaq dan Ya'kub dan kedua-duanya Kami telah angkatkan menjadi Nabi(49). Dan Kami telah kurniakan kepada mereka sebahagian dari rahmat Kami dan Kami jadikan untuk mereka darjat kemasyhuran bercakap benar yang tinggi(50). Dan sebutkanlah cerita Musa di dalam kitab Al-Qur'an. Sesungguhnya dia seorang yang terpilih, juga seorang rasul dan Nabi(51). Dan Kami telah menyerunya di sebelah kanan Bukit Tur dan Kami perdekatkannya kepada Kami ketika berbicara dengannya (52). Dan Kami telah menganugerahkan kepadanya sebahagian dari rahmat Kami dengan melantikkan saudaranya Harun menjadi seorang Nabi"(53).

وَٱذْكُرْ فِى ٱلْكِتَٰبِ إِسْمَٰعِيلَ ۚ إِنَّهُۥ كَانَ صَادِقَ ٱلْوَعْدِ
وَكَانَ رَسُولًا نَّبِيًّا ﴿٥٤﴾
وَكَانَ يَأْمُرُ أَهْلَهُۥ بِٱلصَّلَوٰةِ وَٱلزَّكَوٰةِ وَكَانَ عِندَ رَبِّهِۦ
مَرْضِيًّا ﴿٥٥﴾
وَٱذْكُرْ فِى ٱلْكِتَٰبِ إِدْرِيسَ ۚ إِنَّهُۥ كَانَ صِدِّيقًا نَّبِيًّا ﴿٥٦﴾
وَرَفَعْنَٰهُ مَكَانًا عَلِيًّا ﴿٥٧﴾
أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ أَنْعَمَ ٱللَّهُ عَلَيْهِم مِّنَ ٱلنَّبِيِّۦنَ مِن ذُرِّيَّةِ ءَادَمَ
وَمِمَّنْ حَمَلْنَا مَعَ نُوحٍ وَمِن ذُرِّيَّةِ إِبْرَٰهِيمَ وَإِسْرَٰٓءِيلَ
وَمِمَّنْ هَدَيْنَا وَٱجْتَبَيْنَآ ۚ إِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ ءَايَٰتُ ٱلرَّحْمَٰنِ
خَرُّوا۟ سُجَّدًا وَبُكِيًّا ۩ ﴿٥٨﴾
فَخَلَفَ مِنۢ بَعْدِهِمْ خَلْفٌ أَضَاعُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَٱتَّبَعُوا۟
ٱلشَّهَوَٰتِ ۖ فَسَوْفَ يَلْقَوْنَ غَيًّا ﴿٥٩﴾
إِلَّا مَن تَابَ وَءَامَنَ وَعَمِلَ صَٰلِحًا فَأُو۟لَٰٓئِكَ يَدْخُلُونَ
ٱلْجَنَّةَ وَلَا يُظْلَمُونَ شَيْـًٔا ﴿٦٠﴾
جَنَّٰتِ عَدْنٍ ٱلَّتِى وَعَدَ ٱلرَّحْمَٰنُ عِبَادَهُۥ بِٱلْغَيْبِ ۚ إِنَّهُۥ
كَانَ وَعْدُهُۥ مَأْتِيًّا ﴿٦١﴾
لَّا يَسْمَعُونَ فِيهَا لَغْوًا إِلَّا سَلَٰمًا ۖ وَلَهُمْ رِزْقُهُمْ فِيهَا
بُكْرَةً وَعَشِيًّا ﴿٦٢﴾
تِلْكَ ٱلْجَنَّةُ ٱلَّتِى نُورِثُ مِنْ عِبَادِنَا مَن كَانَ تَقِيًّا ﴿٦٣﴾
وَمَا نَتَنَزَّلُ إِلَّا بِأَمْرِ رَبِّكَ ۖ لَهُۥ مَا بَيْنَ أَيْدِينَا وَمَا خَلْفَنَا
وَمَا بَيْنَ ذَٰلِكَ ۚ وَمَا كَانَ رَبُّكَ نَسِيًّا ﴿٦٤﴾
رَّبُّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا فَٱعْبُدْهُ وَٱصْطَبِرْ
لِعِبَٰدَتِهِۦ ۚ هَلْ تَعْلَمُ لَهُۥ سَمِيًّا ﴿٦٥﴾

"Dan sebutkanlah cerita Ismail di dalam kitab Al-Qur'an. Sesungguhnya dia seorang yang amat benar janjinya, juga seorang rasul dan Nabi(54). Dan dia menyuruh ahlinya menunaikan solat dan zakat dan dia seorang yang amat diredhai di sisi Tuhannya(55). Dan sebutkanlah cerita Idris di dalam kitab Al-Qur'an. Sesungguhnya dia adalah seorang yang amat benar dan seorang Nabi(56). Dan Kami telah mengangkatkannya ke martabat yang amat tinggi(57). Merekalah orang-orang yang telah dikurniakan Allah ni'mat yang terdiri dari para nabi dari zuriat Adam dan orang-orang yang telah Kami angkut (dalam bahtera) bersama Nuh, juga dari zuriat Ibrahim dan Israel (Ya'kub) dari orang-orang yang telah Kami kurniakan hidayat dan dari zuriat orang-orang yang telah dihidayat dan dipilihkan Kami, apabila dibacakan

kepada mereka ayat-ayat Allah Yang Maha Penyayang, mereka terus merebahkan diri sujud dan menangis(58). Kemudian datanglah selepas mereka generasi pengganti yang mengabaikan solat dan mengikut hawa nafsu dan mereka akan menemui kesesatan(59). Kecuali mereka yang bertaubat, beriman dan mengerjakan amalan yang soleh, maka mereka akan memasuki Syurga dan tidak akan dikurangi sedikitpun(60). Iaitu Syurga-syurga 'Adni yang telah dijanjikan Allah Yang Maha Penyayang kepada para hamba-Nya tanpa melihatnya. Sesungguhnya janji Allah itu tetap akan ditepati(61). Di sana mereka tidak mendengar sebarang perkataan yang sesia kecuali ucapan-ucapan selamat, dan di sana mereka akan memperolehi rezeki pagi dan petang(62). Itulah Syurga yang Kami akan wariskan kepada orang yang bertaqwa dari para hamba Kami(63). Dan kami (Jibril) tidak turun kecuali dengan perintah Tuhanmu. Dialah yang memiliki segala apa yang ada di hadapan kami dan segala apa yang ada di belakang kami dan segala apa yang ada di antara keduanya. Dan Tuhanmu tiada sekali-kali lupa(64). Dialah Tuhan yang memiliki langit dan bumi dan segala apa yang ada di antara keduanya. Oleh itu hendaklah engkau abdikan diri kepada-Nya dan hendaklah engkau sabar beribadat kepada-Nya. Apakah engkau pernah mengetahui siapa yang sama (setanding) dengannya?(65)

Kisah kelahiran 'Isa a.s. telah berakhir dengan mendedahkan dongeng anak Allah yang karut, dusta dan sesat itu. Dongeng inilah yang telah dijadikan asas tanggapan oleh setengah-setengah Ahlil-Kitab dalam 'aqidah-'aqidah mereka yang rosak. Kemudian kisah ini diiringi pula dengan sebabak kisah Ibrahim yang juga turut mendedahkan kepercayaan syirik yang karut, dusta dan sesat. Ibrahim a.s. itulah yang menjadi moyang keturunan orang-orang Arab. Kaum Musyrikin Makkah telah mendakwa merekalah penjaga Baitullah yang dibina oleh Ibrahim dan anaknya Ismail.

Dalam babak kisah ini Ibrahim a.s. nampak jelas mempunyai syakhsiyah yang penyayang, penyabar dan lemah-lembut. Sifat-sifatnya yang sabar dan lemah-lembut itu dapat dilihat dengan jelas pada tutur kata beliau yang diterjemahkan oleh Al-Qur'anul-Karim dengan bahasa Arab, juga pada tindak-tanduk dan cara-cara beliau menghadapi kejahilan bapanya. Dan di sini juga nampak jelas betapa limpahnya rahmat Allah ke atas beliau dan bagaimana Allah memberi ganti rugi kepada beliau yang kehilangan bapa dan keluarga yang Musyrikin itu dengan satu zuriat yang soleh yang melahirkan satu umat yang besar, di mana munculnya para nabi-Nabi dan orang-orang yang soleh. Dan selepas itu mereka digantikan oleh generasi-generasi selepas mereka yang meninggalkan solat, mengikut hawa nafsu dan menyeleweng dari jalan yang telah dirintiskan oleh moyang mereka Ibrahim a.s. Mereka ialah kaum Musyrikin.

Allah telah menyifatkan Ibrahim sebagai seorang yang amat berani dan seorang rasul. Kata-kata "siddiq" membawa erti seorang yang amat benar dan amat membenarkan (pengajaran yang benar) dan kedua-duanya sesuai dengan syakhsiyah Ibrahim:

(Pentafsiran ayat-ayat 41 - 50)

Dialog Sedih Di Antara Ibrahim Dan Bapanya

وَٱذۡكُرۡ فِي ٱلۡكِتَٰبِ إِبۡرَٰهِيمَۚ إِنَّهُۥ كَانَ صِدِّيقٗا نَّبِيًّا ﴿٤١﴾
إِذۡ قَالَ لِأَبِيهِ يَٰٓأَبَتِ لِمَ تَعۡبُدُ مَا لَا يَسۡمَعُ وَلَا يُبۡصِرُ
وَلَا يُغۡنِي عَنكَ شَيۡـٔٗا ﴿٤٢﴾
يَٰٓأَبَتِ إِنِّي قَدۡ جَآءَنِي مِنَ ٱلۡعِلۡمِ مَا لَمۡ يَأۡتِكَ فَٱتَّبِعۡنِيٓ
أَهۡدِكَ صِرَٰطٗا سَوِيّٗا ﴿٤٣﴾
يَٰٓأَبَتِ لَا تَعۡبُدِ ٱلشَّيۡطَٰنَۖ إِنَّ ٱلشَّيۡطَٰنَ كَانَ لِلرَّحۡمَٰنِ
عَصِيّٗا ﴿٤٤﴾
يَٰٓأَبَتِ إِنِّيٓ أَخَافُ أَن يَمَسَّكَ عَذَابٞ مِّنَ ٱلرَّحۡمَٰنِ
فَتَكُونَ لِلشَّيۡطَٰنِ وَلِيّٗا ﴿٤٥﴾

"Dan sebutkanlah cerita Ibrahim di dalam kitab Al-Qur'an. Sesungguhnya dia adalah seorang yang amat benar dan seorang Nabi(41). Ketika dia berkata kepada bapanya: Wahai ayahandaku! Mengapa ayahanda menyembah sesuatu yang tidak dapat mendengar dan tidak pula dapat melihat dan tidak juga dapat memberi apa-apa pertolongan kepada ayahanda?(42) Wahai ayahandaku! Sesungguhnya anakanda telah didatangi ilmu pengetahuan yang tidak pernah datang kepada ayahanda. Oleh itu ikutlah anakanda nescaya anakanda dapat menunjukkan kepada ayahanda satu jalan yang lurus(43). Wahai ayahanda! Janganlah ayahanda menyembah syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu adalah penderhaka Allah Yang Maha Penyayang (44). Wahai ayahandaku! Anakanda takut ayahanda akan ditimpa 'azab Allah Yang Maha Penyayang menyebabkan ayahanda akan menjadi kawan syaitan."(45)

Dengan kata-kata yang lemah-lembut inilah Ibrahim berbicara dengan bapanya. Beliau berusaha dengan sungguh-sungguh untuk membawa bapanya kepada kebaikan yang telah ditunjuk dan diajarkan Allah kepada beliau. Beliau bercakap dengannya dengan bahasa yang mesra: ((يَٰٓأَبَتِ)) - *"Wahai ayahandaku!"*, dan bertanya kepadanya:

لِمَ تَعۡبُدُ مَا لَا يَسۡمَعُ وَلَا يُبۡصِرُ وَلَا يُغۡنِي عَنكَ شَيۡـٔٗا ﴿٤٢﴾

"Mengapa ayahanda menyembah sesuatu yang tidak dapat mendengar, tidak pula dapat melihat dan tidak juga dapat memberi apa-apa pertolongan kepada ayahanda?"(42)

Yang menjadi pokok pangkal ibadat yang benar ialah manusia seharusnya menyembah zat yang lebih tinggi, lebih mengetahui dan lebih kuat dari manusia, dan mereka seharusnya meningkatkan ibadat mereka kepada maqam yang lebih mulia dan tinggi dari maqam manusia. Oleh itu bagaimana bapanya boleh beribadat kepada zat yang lebih rendah dari manusia, malah lebih rendah dari martabat haiwan yang paling

rendah, iaitu zat yang tidak dapat mendengar dan melihat dan tidak berupaya memberi mudharat dan manfaat, kerana bapa beliau dan kaumnya di waktu itu menyembah berhala-berhala sama seperti kaum Quraisy yang dicabar oleh Islam.

Inilah sentuhan pertama yang dimulakan Ibrahim untuk berda'wah kepada bapanya, kemudian beliau iringi pula dengan menyatakan kepada bapanya bahawa apa yang dikatakan beliau itu bukannya dari fikirannya sendiri, malah dari ilmu yang dikurniakan Allah kepadanya. Walaupun beliau jauh lebih muda dari segi usia dan jauh lebih sedikit dari segi pengalaman, namun bekalan-bekalan ilmu dari Allah telah menjadikan beliau dapat memahami dan mengenal kebenaran. Justeru itu beliau menasihatkan bapanya yang tidak mendapat ilmu itu supaya mengikuti jalan yang telah ditunjukkan Allah kepadanya:

يَٰٓأَبَتِ إِنِّي قَدۡ جَآءَنِي مِنَ ٱلۡعِلۡمِ مَا لَمۡ يَأۡتِكَ فَٱتَّبِعۡنِيٓ
أَهۡدِكَ صِرَٰطٗا سَوِيّٗا ﴿٤٣﴾

"Wahai ayahandaku! Sesungguhnya anakanda telah didatangi ilmu pengetahuan yang tidak pernah datang kepada ayahanda. Oleh itu ikutlah anakanda nescaya anakanda dapat menunjukkan kepada ayahanda satu jalan yang lurus."(43)

Sebenarnya tiada apa-apa keaiban bagi seorang bapa mengikuti anaknya jika si anak itu mempunyai hubungan dengan sumber yang lebih tinggi kerana dengan ikutan itu bererti ia mengikut sumber itu sendiri dan berjalan di jalan hidayat yang benar.

Selepas menjelaskan kekarutan beribadat kepada berhala dan menerangkan sumber yang diambil dan dipegang oleh beliau dalam berda'wah kepada bapanya, beliau menerangkan pula bahawa jalan yang diikuti bapanya ialah jalan syaitan, sedangkan beliau mahu membimbingnya ke jalan Allah Yang Maha Penyayang dan beliau takut bapanya dimurkai Allah dan membuat keputusan menjadikannya dari golongan pengikut-pengikut syaitan:

يَٰٓأَبَتِ لَا تَعۡبُدِ ٱلشَّيۡطَٰنَۖ إِنَّ ٱلشَّيۡطَٰنَ كَانَ لِلرَّحۡمَٰنِ
عَصِيّٗا ﴿٤٤﴾
يَٰٓأَبَتِ إِنِّيٓ أَخَافُ أَن يَمَسَّكَ عَذَابٞ مِّنَ ٱلرَّحۡمَٰنِ
فَتَكُونَ لِلشَّيۡطَٰنِ وَلِيّٗا ﴿٤٥﴾

"Wahai ayahanda! Janganlah ayahanda menyembah syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu adalah penderhaka Allah Yang Maha Penyayang(44). Wahai ayahandaku! Anakanda takut ayahanda akan ditimpa 'azab Allah Yang Maha Penyayang menyebabkan ayahanda akan menjadi kawan syaitan."(45)

Syaitanlah yang menghasut manusia menyembah berhala-berhala selain dari Allah. Oleh itu sesiapa yang menyembah berhala-berhala bererti ia menyembah syaitan, sedangkan syaitan adalah penderhaka kepada Allah Yang Maha Penyayang. Di sini Ibrahim mengingatkan bapanya dari dimurkai Allah kerana akibatnya Allah akan menjadikannya seorang sahabat dan pengikut syaitan. Oleh itu hidayat Allah yang membimbing hamba-Nya kepada keta'atan merupakan ni'mat, dan keputusan Allah menjadikan seseorang itu dari golongan sahabat-sahabat syaitan merupakan kemurkaan, iaitu kemurkaan yang akan membawanya kepada keazaban yang paling, dahsyat dan kerugian yang paling besar pada hari dijalankan upacara hisab kelak.

Tetapi seruan yang lemah-lembut dengan menggunakan kata-kata yang amat mesra dan halus itu tidak dapat menembusi hati Musyrik yang keras itu, malah bapa Ibrahim telah membalasnya dengan kecaman, ugutan dan ancaman.

قَالَ أَرَاغِبٌ أَنتَ عَنۡ ءَالِهَتِي يَٰٓإِبۡرَٰهِيمُۖ لَئِن لَّمۡ
تَنتَهِ لَأَرۡجُمَنَّكَۖ وَٱهۡجُرۡنِي مَلِيّٗا ﴿٤٦﴾

"Jawab bapanya: Wahai Ibrahim! Apakah engkau membencikan tuhan-tuhanku? Jika engkau tidak berhenti (berda'wah) nescaya aku akan rejamkan engkau dan tinggalkanlah aku sepanjang masa."(46)

Yakni apakah engkau begitu benci terhadap tuhan-tuhanku dan begitu jijik untuk beribadat kepadanya dan begitu bersungguh-sungguh untuk berpaling darinya? Atau apakah keberanianmu sampai kepada tahap ini? Inilah amaran maut yang dahsyat untukmu jika engkau mahu berdegil di atas sikap yang keji ini:

لَئِن لَّمۡ تَنتَهِ لَأَرۡجُمَنَّكَۖ

"Jika engkau tidak berhenti (berda'wah) nescaya aku akan rejamkan engkau"(46)

berambuslah engkau dari aku dan jauhilah dari aku sepanjang masa untuk menyelamatkan nyawamu jika engkau mahu selamat:

وَٱهۡجُرۡنِي مَلِيّٗا ﴿٤٦﴾

"Dan tinggalkanlah aku sepanjang masa."(46)

Dengan sikap jahil seperti inilah orang tua ini menerima da'wah Ibrahim dan dengan cara yang kasar ini dia menjawab kata-kata Ibrahim yang sopan santun itu. Itulah keadaan keimanan yang berdepan kekufuran, dan itulah keadaan hati yang telah digilapkan keimanan dan keadaan hati yang telah dirosakkan kekufuran.

Namun begitu Ibrahim yang penyabar itu tidak marah. Beliau tidak bertindak menghapuskan kebaktian, kemesraan dan adab sopannya yang baik terhadap orang tuanya itu:

قَالَ سَلَٰمٌ عَلَيۡكَۖ سَأَسۡتَغۡفِرُ لَكَ رَبِّيٓۖ إِنَّهُۥ كَانَ
بِي حَفِيّٗا ﴿٤٧﴾

وَأَعۡتَزِلُكُمۡ وَمَا تَدۡعُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ وَأَدۡعُواْ رَبِّي
عَسَىٰٓ أَلَّآ أَكُونَ بِدُعَآءِ رَبِّي شَقِيّٗا ٤٨

"Ujar Ibrahim: Semoga dilimpahkan kesejahteraan ke atas ayahanda. Dan anakanda akan memohon kepada Tuhan anakanda supaya mengampunkan ayahanda. Sesungguhnya Dia amat mengambil berat terhadap anakanda(47). Dan anakanda akan menjauhkan diri dari ayahanda dan dari sembahan-sembahan yang disembah ayahanda selain dari Allah dan anakanda akan berdo'a kepada Tuhan anakanda semoga anakanda tidak akan kecewa dengan berdo'a kepada Tuhan anakanda."(48)

Selamat sejahtera ke atas ayahanda, ayahanda tidak perlu berdebat, tidak perlu melakukan perbuatan yang menyakiti, tidak perlu membalas dengan ugutan dan ancaman, anakanda akan memohon kepada Allah supaya memberi keampunan kepada ayahanda dan supaya tidak membalas ayahanda dengan membiarkan ayahanda terus hayut di dalam kesesatan dan menjadi sahabat syaitan, malah supaya Allah melimpahkan rahmat ke atas ayahanda dengan memberi hidayat kepada ayahanda, kerana biasanya Tuhan anakanda itu sentiasa bersikap murah dan sentiasa memperkenankan permohonan-permohonan anakanda. Dan andainya kewujudan anakanda di samping ayahanda dan andainya da'wah anakanda kepada ayahanda supaya beriman itu menyakitkan hati ayahanda, maka anakanda akan mengasingkan diri dari ayahanda dan kaum ayahanda, begitu juga anakanda akan menjauhkan diri dari sembahan-sembahan yang disembahkan ayahanda dan kaum ayahanda, dan anakanda akan tetap bertuhankan Allah Tuhan Yang Maha Esa dengan harapan supaya Allah tidak akan menghampakan do'a anakanda.

Apa yang diharap-harapkan Ibrahim ialah supaya Allah jauhkannya dari kehampaan: Itulah adab sopan Ibrahim. Dia sama sekali tidak melihat dirinya mempunyai sesuatu kelebihan, dan dia tidak menaruh harapan yang lebih banyak terhindar dari kehampaan.

Demikianlah Ibrahim a.s. mengasingkan diri dari bapanya dan kaumnya, juga menjauhkan diri dari cara-cara ibadat mereka dan tuhan-tuhan sembahan mereka. Beliau telah berhijrah meninggalkan keluarganya dan kampung halamannya, tetapi Allah tidak membiarkannya hidup sebatang karah, malah Allah mengurniakan kepada beliau satu zuriat yang lain dan satu papasan yang lebih baik:

فَلَمَّا ٱعۡتَزَلَهُمۡ وَمَا يَعۡبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ وَهَبۡنَا لَهُۥٓ
إِسۡحَٰقَ وَيَعۡقُوبَۖ وَكُلّٗا جَعَلۡنَا نَبِيّٗا ٤٩
وَوَهَبۡنَا لَهُم مِّن رَّحۡمَتِنَا وَجَعَلۡنَا لَهُمۡ لِسَانَ صِدۡقٍ
عَلِيّٗا ٥٠

"Dan setelah Ibrahim menjauhkan diri dari mereka dan dari sembahan-sembahan yang disembah mereka selain dari Allah, maka Kami telah menganugerahkan kepadanya Ishaq dan Ya'kub dan kedua-duanya Kami telah angkatkan menjadi Nabi(49). Dan Kami telah kurniakan kepada mereka sebahagian dari rahmat Kami dan Kami jadikan untuk mereka darjat kemasyhuran bercakap benar yang tinggi."(50)

Ishaq ialah anak Ibrahim dari isterinya Sarah dan sebelum ini dia seorang isteri yang mandul. Dan Ya'kub pula ialah anak Ishaq, tetapi beliau dikira sebagai anak Ibrahim kerana Ya'kub lahir dalam masa hayat datuknya (Ibrahim). Beliau dibesarkan di rumah dan di atas riba Ibrahim kerana itu Ya'kub merupakan seolah-olah anak Ibrahim sendiri secara langsung. Ya'kub telah mempelajari agama datuknya Ibrahim dan mengajarkannya pula kepada anak-anak beliau dan beliau juga seorang Nabi seperti ayahnya Ishaq.

وَوَهَبۡنَا لَهُم مِّن رَّحۡمَتِنَا

"Dan Kami telah kurniakan kepada mereka sebahagian dari rahmat Kami"(50)

yakni kepada Ibrahim; Ishaq, Ya'kub dan keturunan mereka. Di sini disebutkan kata-kata "*rahmat*" kerana rahmatlah yang menjadi satu ciri yang menonjol di dalam suasana surah ini dan kerana rahmatlah merupakan limpah kurnia Allah sebagai pampasan kepada Ibrahim yang telah kehilangan keluarga dan kampung halamannya, juga sebagai pemberian untuk menemani beliau yang hidup sebatang kara dan terpencil.

وَجَعَلۡنَا لَهُمۡ لِسَانَ صِدۡقٍ عَلِيّٗا ٥٠

"Dan Kami jadikan untuk mereka darjat kemasyhuran bercakap benar yang tinggi."(50)

Yakni mereka adalah amat bersikap benar di dalam da'wah-da'wah mereka. Kata-kata mereka dihormati dan dijunjung dengan penuh patuh.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 51 - 57)

Kemudian ayat-ayat berikut terus menceritakan tentang zuriat Ibrahim dengan selingan menyebut kisah zuriat Ishaq iaitu Musa dan Harun.

Kelebihan Nabi Musa a.s.

وَٱذۡكُرۡ فِي ٱلۡكِتَٰبِ مُوسَىٰٓۚ إِنَّهُۥ كَانَ مُخۡلَصٗا وَكَانَ رَسُولٗا
نَّبِيّٗا ٥١
وَنَٰدَيۡنَٰهُ مِن جَانِبِ ٱلطُّورِ ٱلۡأَيۡمَنِ وَقَرَّبۡنَٰهُ نَجِيّٗا ٥٢
وَوَهَبۡنَا لَهُۥ مِن رَّحۡمَتِنَآ أَخَاهُ هَٰرُونَ نَبِيّٗا ٥٣

"Dan sebutkanlah cerita Musa di dalam kitab Al-Qur'an. Sesungguhnya dia seorang yang terpilih, juga seorang rasul dan Nabi(51). Dan Kami telah menyerunya di sebelah kanan

Bukit Tur dan Kami perdekatkannya kepada Kami ketika berbicara dengannya(52). Dan Kami telah menganugerahkan kepadanya sebahagian dari rahmat Kami dengan melantikkan saudaranya Harun menjadi seorang Nabi."(53)

Ayat ini menyifatkan Musa sebagai seorang yang telah dipilih Allah untuk mengembangkan da'wah-Nya: Beliau adalah seorang rasul dan Nabi. Rasul ialah pembawa da'wah dari para nabi yang ditugas menyampaikannya kepada manusia, sedangkan Nabi tidak ditugaskan menyampaikan da'wah kepada manusia, malah dia sendiri merupakan pendokong 'aqidah yang diterima dari Allah. Di kalangan Bani Israel terhadap ramai para Anbia' yang bertugas melaksanakan da'wah Musa dan menghukum dengan berlandaskan kitab Taurat yang dibawa beliau dari Allah:

يَحۡكُمُ بِهَا ٱلنَّبِيُّونَ ٱلَّذِينَ أَسۡلَمُواْ لِلَّذِينَ
هَادُواْ وَٱلرَّبَّٰنِيُّونَ وَٱلۡأَحۡبَارُ بِمَا ٱسۡتُحۡفِظُواْ
مِن كِتَٰبِ ٱللَّهِ وَكَانُواْ عَلَيۡهِ شُهَدَآءَ

"Dengan kitab Taurat para Anbia' yang patuh kepada Allah menetapkan hukum-hukum kepada orang-orang Yahudi, para Rabbani dan pendita-pendita kerana mereka telah diamanahkan menjaga kitab-kitab Allah dan mereka sekalian merupakan para saksi-Nya."

(Surah al-Ma'idah: 44)

Ayat tadi juga menerangkan kelebihan Musa yang telah diserukan Allah di sebelah kanan Bukit Tur (kanan di sini dinisbahkan kepada kedudukan Musa pada masa itu) dan beliau telah diperdekatkan kepada Allah untuk berbicara secara dekat dalam bentuk munajat. Kita tidak mengetahui bagaimana berlangsungnya percakapan itu dan bagaimana Musa memahaminya, adakah ia berupa suara yang dapat didengar telinga Musa atau ia hanya diterima oleh seluruh jiwanya. Kita juga tidak mengetahui bagaimana Allah menyediakan jiwa Musa untuk menerima Kalamullah yang azali itu. Kita hanya percaya bahawa percakapan itu telah berlaku dan amatlah mudah kepada Allah untuk menyampaikan kalam-Nya kepada mana-mana makhluk-Nya dengan apa cara sahaja, di mana makhluk itu tetap dengan sifat-sifat kemanusiaannya dan Kalamullah yang luhur itu tetap dengan sifat keluhuran dan ketinggiannya. Dan sebelum ini manusia telah menjadi manusia dengan tiupan roh dari ciptaan Allah.

Ayat tadi juga menyebut rahmat Allah terhadap Musa dalam bentuk pertolongan-Nya mengirim saudaranya Harun sebagai pembantunya apabila beliau memohon kepada Allah supaya membantu beliau dengan Harun:

وَأَخِي هَٰرُونُ هُوَ أَفۡصَحُ مِنِّي لِسَانٗا فَأَرۡسِلۡهُ مَعِيَ
رِدۡءٗا يُصَدِّقُنِيٓۖ إِنِّيٓ أَخَافُ أَن يُكَذِّبُونِ ٣٤

"Dan saudaraku Harun, dia adalah lebih fasih lidahnya dariku. Oleh itu utuskannya bersamaku sebagai penyokong yang membenarkankanku. Sesungguhnya aku bimbang mereka akan mendustakankanku."

(Surah al-Qasas: 34)

Bayangan rahmat memayungi suasana seluruh surah ini. Kemudian ayat-ayat berikut kembali memperkatakan tentang satu lagi anak dari zuriat Ibrahim. Di sini ia menyebut Ismail moyang bangsa Arab:

Kelebihan Nabi Ismail a.s.

وَٱذۡكُرۡ فِي ٱلۡكِتَٰبِ إِسۡمَٰعِيلَۚ إِنَّهُۥ كَانَ صَادِقَ ٱلۡوَعۡدِ
وَكَانَ رَسُولٗا نَّبِيّٗا ٥٤
وَكَانَ يَأۡمُرُ أَهۡلَهُۥ بِٱلصَّلَوٰةِ وَٱلزَّكَوٰةِ وَكَانَ عِندَ رَبِّهِۦ
مَرۡضِيّٗا ٥٥

"Dan sebutkanlah cerita Ismail di dalam kitab Al-Qur'an. Sesungguhnya dia seorang yang amat benar janjinya, juga seorang rasul dan Nabi(54). Dan dia menyuruh ahlinya menunaikan solat dan zakat dan dia adalah seorang yang amat diredhai di sisi Tuhannya."(55)

Ia menyatakan di antara sifat-sifat Ismail ialah beliau seorang yang tepat menunaikan janjinya, dan sifat menepati janji itu memanglah menjadi sifat setiap Nabi dan setiap orang yang soleh. Oleh itu sudah tentu sifat ini amat menonjol pada Ismail hingga ke tahap yang memerlukan sifat itu ditonjol dan disanjungi secara istimewa.

Ismail juga seorang rasul dan sudah tentu beliau membawa da'wah kepada orang-orang Arab yang pertama kerana beliaulah moyang mereka yang tertua. Di kalangan orang-orang Arab memang terdapat individu-individu yang berpegang dengan 'aqidah tauhid tidak lama menjelang sebelum kedatangan agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. Menurut pendapat yang lebih rajih, individu-individu tersebut merupakan saki-baki golongan yang berpegang dengan 'aqidah tauhid dari pengikut-pengikut Ismail. Ayat ini juga menyebut sebahagian dari rukun-rukun 'aqidah yang dibawa oleh beliau iaitu ibadat solat dan zakat. Beliau sentiasa menyuruh keluarganya mematuhi kedua-dua ibadat itu. Kemudian ayat ini menyebut bahawa beliau mempunyai kedudukan yang amat diredhai di sisi Allah. Keredhaan Ilahi juga merupakan salah satu dari ciri-ciri surah ini yang menonjol dalam seluruh suasananya. Ia adalah sama dengan ciri rahmat kerana di antara keduanya terdapat hubungan yang amat dekat.

Pada akhirnya ayat-ayat berikut menyentuh secara ringkas kisah Nabi Idris a.s:

Kelebihan Nabi Idris a.s.

وَٱذۡكُرۡ فِي ٱلۡكِتَٰبِ إِدۡرِيسَۚ إِنَّهُۥ كَانَ صِدِّيقٗا نَّبِيّٗا ٥٦

وَرَفَعْنَٰهُ مَكَانًا عَلِيًّا ﴿٥٧﴾

"Dan sebutkanlah cerita Idris di dalam kitab Al-Qur'an. Sesungguhnya dia adalah seorang yang amat benar dan seorang Nabi(56). Dan Kami telah mengangkatkannya ke martabat yang amat tinggi."(57)

Kita tidak dapat menentukan bilakah zaman Nabi Idris a.s. itu, tetapi menurut riwayat yang lebih rajih, beliau adalah dibangkit sebelum Nabi Ibrahim a.s. dan beliau bukanlah dari para Anbia' Bani Israel. Oleh sebab itulah nama beliau tidak disebut di dalam kitab-kitab mereka. Al-Qur'an menyifatkan beliau sebagai seorang yang amat benar dan menyatakan bahawa Allah telah mengangkatkan beliau ke martabat yang tinggi. Allah telah mengangkatkan darjatnya dan memasyhurkan namanya.

Di sana ada satu pendapat yang kami ingin sebutkan di sini untuk makluman semata-mata, kami tidak membenarkannya dan tidak pula menafikannya, iaitu setengah-setengah pengkaji kesan-kesan purba Mesir mengatakan bahawa kata-kata Idris itu adalah di Arabkan dari kata-kata Oziris dari bahasa Mesir tua sebagaimana kata-kata Yahya telah di Arabkan dari kata-kata Yuhana dan kata-kata Alyasa' telah di Arabkan dari kata-kata Ilyasya'. Di sana terdapat berbagai-bagai dongeng di sekitar Oziris itu. Mereka mempercayai bahawa beliau telah naik ke langit dan di sana ada sebuah singgahsana yang agung untuknya. Setiap orang yang ditimbangkan amalan-amalannya selepas mati dan didapati amalan-amalan baiknya melebihi amalan-amalan jahatnya, maka dia akan dibawa kepada Oziris yang disembahkan mereka. Oziris telah mengajar mereka berbagai-bagai ilmu pengetahuan sebelum beliau naik ke langit.

Walau bagaimanapun kita hanya memada sekadar keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh Al-Qur'an sahaja, dan dapatlah kita tarjihkan bahawa Nabi Idris a.s. itu adalah dibangkit sebelum para Anbia' Bani Israel.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 58 - 63)

Tujuan Al-Qur'an menceritakan kisah-kisah para Anbia' itu ialah untuk membandingkan di antara angkatan para Mu'minin yang bertaqwa itu dengan generasi-generasi yang telah ditinggalkan mereka sama ada dari kaum Musyrikin Arab atau dari kaum Musyrikin Bani Israel. Di sana terdapat perbezaan yang amat menjolok, jarak di antara kedua-dua angkatan itu amat jauh dan jurang di antara keduanya amat dalam. Perbezaan begitu jauh di antara angkatan dahulu dengan angkatan kemudian.

أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ أَنْعَمَ ٱللَّهُ عَلَيْهِم مِّنَ ٱلنَّبِيِّۦنَ مِن ذُرِّيَّةِ ءَادَمَ
وَمِمَّنْ حَمَلْنَا مَعَ نُوحٍ وَمِن ذُرِّيَّةِ إِبْرَٰهِيمَ وَإِسْرَٰٓءِيلَ

وَمِمَّنْ هَدَيْنَا وَٱجْتَبَيْنَآ ۚ إِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ ءَايَٰتُ ٱلرَّحْمَٰنِ
خَرُّوا۟ سُجَّدًا وَبُكِيًّا ۩ ﴿٥٨﴾
فَخَلَفَ مِنۢ بَعْدِهِمْ خَلْفٌ أَضَاعُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَٱتَّبَعُوا۟
ٱلشَّهَوَٰتِ ۖ فَسَوْفَ يَلْقَوْنَ غَيًّا ﴿٥٩﴾

"Merekalah orang-orang yang telah dikurniakan Allah ni'mat yang terdiri dari para nabi dari zuriat Adam dan orang-orang yang telah Kami angkut (dalam bahtera) bersama Nuh, juga dari zuriat Ibrahim dan Israel (Ya'kub) dari orang-orang yang telah Kami kurniakan hidayat dan dari zuriat orang-orang yang telah dihidayat dan dipilihkan Kami, apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat Allah Yang Maha Penyayang mereka terus merebahkan diri sujud dan menangis(58). Kemudian datanglah selepas mereka generasi pengganti, yang mengabaikan solat dan mengikut hawa nafsu, dan mereka akan menemui kesesatan."(59)

Dalam penceritaan kisah-kisah ini Al-Qur'an hanya menyebut ciri-ciri yang terpenting sahaja di dalam lembaran riwayat hidup para nabi di dalam sejarah manusia, iaitu para nabi dari:

مِن ذُرِّيَّةِ ءَادَمَ وَمِمَّنْ حَمَلْنَا مَعَ نُوحٍ وَمِن ذُرِّيَّةِ إِبْرَٰهِيمَ
وَإِسْرَٰٓءِيلَ

"Dari zuriat Adam dan orang-orang yang telah Kami angkut (dalam bahtera) bersama Nuh, juga dari zuriat Ibrahim dan Israel (Ya'kub)."(58)

Pokok-pokok Keturunan Para Anbia'

Zuriat Adam meliputi semua Anbia' dan zuriat Nuh mengandungi para Anbia' selepasnya dan zuriat Ibrahim meliputi para Anbia' dari dua orang anaknya Ismail dan Ishaq, dan zuriat Ya'kub merupakan pokok keturunan Bani Israel. Sementara zuriat Ismail pula meliputi keturunan Arab termasuk Nabi Muhammad Khatamun-Nabiyin.

Itulah para Anbia' bersama-sama para solehin dari, zuriat yang telah dihidayat dan dipilihkan Allah. Oleh itu mereka mempunyai satu sifat yang istimewa iaitu:

إِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ ءَايَٰتُ ٱلرَّحْمَٰنِ خَرُّوا۟ سُجَّدًا وَبُكِيًّا ﴿٥٨﴾

"Apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat Allah Yang Maha Penyayang mereka terus merebahkan diri sujud dan menangis."(58)

Mereka adalah orang-orang yang amat bertaqwa dan amat peka terhadap Allah. Hati mereka terus menggelentar apabila dibacakan ayat-ayat Allah. Mereka tidak mendapat kata-kata untuk mengungkapkan perasaan keterharuan yang berkecamuk di dalam hati mereka menyebabkan mereka menitiskan airmata dan merebahkan diri sujud dan menangis.

Orang-orang yang bertaqwa, peka, menitis airmata dan khusyu' mendengar ayat-ayat Allah itu telah

digantikan oleh generasi-generasi selepas mereka yang menjauhkan diri dari Allah:

Generasi Baru Mengabaikan Solat

فَخَلَفَ مِنۢ بَعۡدِهِمۡ خَلۡفٌ أَضَاعُواْ ٱلصَّلَوٰةَ وَٱتَّبَعُواْ
ٱلشَّهَوَٰتِۖ

"Kemudian datanglah selepas mereka generasi pengganti, yang mengabaikan solat dan mengikut hawa nafsu"(59)

yakni mereka meninggal dan mengingkari solat dan asyik dengan keni'matan hawa nafsu. Alangkah jauhnya perbezaan dan alangkah jauhnya persamaan di antara dua angkatan itu.

Justeru itulah ayat yang berikut mengancam orang-orang yang menyeleweng dari perjalanan datuk nenek mereka yang soleh itu dengan akibat kesesatan dan kebinasaan.

فَسَوۡفَ يَلۡقَوۡنَ غَيًّا ٥٩

"Dan mereka akan menemui kesesatan."(59)

Dan akibat dari kesesatan itu ialah kerugian dan kebinasaan.

Kemudian ayat yang berikut membuka pintu taubat dengan seluas-luasnya, di mana bertiupnya bayu-bayu rahmat, kemesraan dan keni'matan yang sepoi-sepoi bahasa:

إِلَّا مَن تَابَ وَءَامَنَ وَعَمِلَ صَٰلِحٗا فَأُوْلَٰٓئِكَ يَدۡخُلُونَ
ٱلۡجَنَّةَ وَلَا يُظۡلَمُونَ شَيۡـٔٗا ٦٠
جَنَّٰتِ عَدۡنٍ ٱلَّتِي وَعَدَ ٱلرَّحۡمَٰنُ عِبَادَهُۥ بِٱلۡغَيۡبِۚ إِنَّهُۥ
كَانَ وَعۡدُهُۥ مَأۡتِيّٗا ٦١
لَّا يَسۡمَعُونَ فِيهَا لَغۡوًا إِلَّا سَلَٰمٗاۖ وَلَهُمۡ رِزۡقُهُمۡ فِيهَا
بُكۡرَةٗ وَعَشِيّٗا ٦٢
تِلۡكَ ٱلۡجَنَّةُ ٱلَّتِي نُورِثُ مِنۡ عِبَادِنَا مَن كَانَ تَقِيّٗا ٦٣

"Kecuali mereka yang bertaubat, beriman dan mengerjakan aman yang soleh, maka mereka akan memasuki Syurga dan tidak akan dikurangi sedikitpun(60). Iaitu Syurga-syurga 'Adni yang telah dijanjikan Allah Yang Maha Penyayang kepada para hamba-Nya. Sesungguhnya janji Allah itu tetap akan ditepati(61). Di sana mereka tidak mendengar sebarang perkataan yang sesia kecuali ucapan-ucapan selamat, dan di sana mereka akan memperolehi rezeki pagi dan petang(62). Itulah Syurga yang Kami akan wariskan kepada orang yang bertaqwa dari para hamba Kami."(63)

Hanya taubat yang melahirkan iman dan amalan yang soleh sahaja yang merealisasikan pengertiannya yang positif dan jelas, dan taubat inilah sahaja yang dapat menyelamatkan seseorang dari akibat kesesatan itu. Mereka akan dimasukkan ke dalam Syurga dan tidak akan dikurangi balasannya sedikitpun. Mereka masuk ke dalam Syurga untuk tinggal kekal abadi. Itulah Syurga yang dijanjikan Allah Yang Maha Penyayang kepada para hamba-Nya, lalu mereka beriman kepada segala janji yang ghaib walaupun mereka belum melihat-Nya, kerana janji Allah tetap akan ditepati sepenuhnya.

Kemudian ayat ini menggambarkan keadaan Syurga dan para penghuninya:

Suasana Hidup Dalam Syurga

لَّا يَسۡمَعُونَ فِيهَا لَغۡوًا إِلَّا سَلَٰمٗاۖ

"Di sana mereka tidak mendengar sebarang perkataan yang sesia kecuali ucapan-ucapan selamat."(62)

. Di sana tidak ada percakapan yang remeh temeh, tidak ada bunyi percakapan yang bising dan tidak ada perdebatan. Di sana hanya satu suara sahaja yang dapat didengari yang sesuai dengan suasana yang mesra itu, iaitu suara ucapan selamat. Di sana juga rezeki seseorang terjamin. Dia tidak perlu berusaha dan berpenat lelah untuk mendapat rezeki, dia tidak perlu takut dan bimbang kepada ketinggalan dan kehabisan rezeki:

وَلَهُمۡ رِزۡقُهُمۡ فِيهَا بُكۡرَةٗ وَعَشِيّٗا ٦٢

"Dan di sana mereka akan memperolehi rezeki pagi dan petang."(62)

Kerana itu usaha untuk mencari rezeki dan perasaan takut dan bimbang tidak sesuai dengan suasana Syurga yang mesra, lemah-lembut dan lurus.

تِلۡكَ ٱلۡجَنَّةُ ٱلَّتِي نُورِثُ مِنۡ عِبَادِنَا مَن كَانَ تَقِيّٗا ٦٣

"Itulah Syurga yang Kami akan wariskan kepada orang yang bertaqwa dari para hamba Kami."(63)

Oleh itu sesiapa yang ingin mewarisi Syurga, maka jalan ke arah itu memang diketahui umum, iaitu taubat, iman dan amalan yang soleh, sedangkan warisan keturunan tidak berguna. Ada kaum yang mewarisi keturunan dari para Anbia' yang amat bertaqwa dan dari orang-orang soleh yang telah diberi hidayat dan dipilih oleh Allah, tetapi sayang mereka telah meninggalkan solat dan mengikut hawa nafsu itu. Justeru itu warisan keturunan tidak berguna apa-apa kepada mereka. Malah mereka .....

فَسَوۡفَ يَلۡقَوۡنَ غَيًّا ٥٩

"Mereka akan menemui kesesatan."(59)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 64 - 65)

Pelajaran ini ditamatkan dengan sebuah pengumuman yang mengisytiharkan Rububiyah Allah yang mutlaq, penumpuan ibadat kepada Allah, sabar memikul tugas-tugas ibadat dan menolak sebarang tandingan dan bandingan terhadap Allah:

وَمَا نَتَنَزَّلُ إِلَّا بِأَمۡرِ رَبِّكَۖ لَهُۥ مَا بَيۡنَ أَيۡدِينَا وَمَا خَلۡفَنَا

وَمَا بَيْنَ ذَٰلِكَ ۚ وَمَا كَانَ رَبُّكَ نَسِيًّا ﴿٦٤﴾
رَّبُّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا فَٱعْبُدْهُ وَٱصْطَبِرْ
لِعِبَٰدَتِهِۦ ۚ هَلْ تَعْلَمُ لَهُۥ سَمِيًّا ﴿٦٥﴾

"Dan kami (Jibril) tidak turun kecuali dengan perintah Tuhanmu. Dialah yang memiliki segala apa yang ada di hadapan kami dan segala apa yang ada di belakang kami dan segala apa yang ada di antara keduanya. Dia Tuhanmu tiada sekali-kali lupa(64). Dialah Tuhan yang memiliki langit dan bumi dan segala apa yang ada di antara keduanya. Oleh itu hendaklah engkau abdikan diri kepada-Nya dan hendaklah engkau sabar beribadat kepada-Nya. Apakah engkau pernah mengetahui siapa yang sama (setanding) dengan-Nya?(65)"

Jibril Hanya Turun Dengan Perintah Allah

Banyak riwayat-riwayat menunjukkan bahawa ayat:

وَمَا نَتَنَزَّلُ إِلَّا بِأَمْرِ رَبِّكَ ۖ

"Dan kami (Jibril) tidak turun kecuali dengan perintah Tuhanmu"(64)

adalah dari perkataan yang diperintahkan Allah kepada Jibril a.s. supaya beliau menyampaikannya kepada Rasulullah s.a.w. sebagai jawapan atas kemusykilannya ketika wahyu telah terlambat turun dan tidak dibawa jibril seketika. Lalu beliau merasa kesepian dan begitu rindu untuk berhubung dengan Allah yang amat dikasihi-Nya, lalu Allah memerintah jibril meyampaikan ayat ini kepada beliau:

وَمَا نَتَنَزَّلُ إِلَّا بِأَمْرِ رَبِّكَ ۖ

"Dan kami (Jibril) tidak turun kecuali dengan perintah Tuhanmu."(64)

Kerana Allahlah yang menguasai seluruh urusan kami (para malaikat):

لَهُۥ مَا بَيْنَ أَيْدِينَا وَمَا خَلْفَنَا وَمَا بَيْنَ ذَٰلِكَ ۚ

"Dialah yang memiliki segala apa yang ada di hadapan kami dan segala apa yang ada di belakang kami dan segala apa yang ada di antara keduanya."(64)

Allah tidak pernah lupa sesuatu apa. Dia hanya menurun wahyu ketika diperlukan hikmat kebijaksanaan-Nya:

وَمَا كَانَ رَبُّكَ نَسِيًّا ﴿٦٤﴾

"Dan Tuhanmu tiada sekali-kali lupa."(64)

Justeru itu amatlah sesuai selepas pernyataan ini disebut kewajipan bersabar dalam menunaikan ibadat kepada Allah dan diumumkan konsep Rububiyah Allah yang mutlaq, yang tidak dimiliki oleh yang lain dari-Nya:

رَّبُّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا

"Dialah yang memiliki langit dan bumi dan segala apa yang ada di antara keduanya."(65)

Tiada Rububiyah bagi yang lain dari Allah dan tiada sekutu bagi-Nya di alam buana yang amat besar ini.

Ibadat Itu Sukar, Tetapi Penuh Ni'mat

فَٱعْبُدْهُ وَٱصْطَبِرْ لِعِبَٰدَتِهِۦ ۚ

"Oleh itu hendaklah engkau abdikan diri kepada-Nya dan hendaklah engkau sabar beribadat kepada-Nya."(65)

Hendaklah engkau mengerjakan ibadat kepada-Nya dan bersabar melaksanakan tugas-tugasnya, kerana ia merupakan tugas-tugas yang membawa manusia ke puncak martabat mengadap Allah dan menetapkan diri di martabat yang tinggi itu. Hendaklah engkau abdikan diri kepada-Nya dan bulatkan hatimu kepada-Nya dan gemblengkan seluruh tenagamu untuk menemui dan menerima arahan Ilahi di maqam yang tinggi itu. Ibadat itu penuh dengan kesukaran, iaitu kesukaran membulatkan hati, menumpukan fikiran dan membersihkannya dari segala kesibukan yang lain dan dari segala panggilan dan perhatian yang lain. Walaupun ibadat itu sukar, tetapi ia memberi keni'matan dan kelazatan yang tidak dapat dinilai melainkan mereka yang mengalaminya sahaja. Kelazatan ibadat tidak dapat dicapai melainkan dengan kesukaran, keikhlasan, pemusatan hati dan kesediaan setiap anggota dan fikiran. Ibadat tidak akan membuka rahsianya dan tidak akan mengeluarkan baunya yang harum melainkan kepada mereka yang ikhlas dan membuka seluruh pintu hati dan perasaan kepadanya.

فَٱعْبُدْهُ وَٱصْطَبِرْ لِعِبَٰدَتِهِۦ ۚ

"Oleh itu hendaklah engkau abdikan diri kepada-Nya dan hendaklah engkau sabar beribadat kepada-Nya."(65)

Ibadat di dalam Islam bukannya semata-mata lambang, malah ia merupakan seluruh kegiatan, seluruh harakat dan seluruh fikiran, seluruh niat dan seluruh arah tujuan. Memang sukar bagi seseorang untuk menumpukan segala-galanya kepada Allah sahaja tanpa yang lain dari-Nya. Kesukaran ini memerlukan kesabaran untuk membolehkan hati seseorang bertawajjuh kepada Allah dalam setiap kegiatannya di bumi ini, iaitu dengan tawajjuh yang bersih dari kekotoran-kekotoran bumi, belenggu-belenggu keperluan, kehendak-kehendak hawa nafsu dan tawar menawar kehidupan.

Ibadat merupakan satu sistem hidup yang sempurna yang dihayati seseorang. Dia harus sedar dalam setiap kegiatannya sama ada kecil atau besar di sepanjang hidupnya bahawa dia sedang beribadat kepada Allah. Ini bererti dia meningkatkan seluruh kegiatannya ke tahap ibadat yang bersih dan cemerlang. Oleh itu ibadat merupakan satu sistem hidup yang memerlukan kesabaran, kesungguhan dan kegigihan.

فَٱعْبُدْهُ وَٱصْطَبِرْ لِعِبَٰدَتِهِۦ ۚ

"Oleh itu hendaklah engkau abdikan diri kepada-Nya dan hendaklah engkau sabar beribadat kepada-Nya"(65)

kerana Allahlah sahaja Tuhan Yang Maha Esa yang disembah di alam buana ini. Dan kepada-Nyalah seluruh fitrah dan hati bertawajjuh.

هَلۡ تَعۡلَمُ لَهُۥ سَمِيّٗا ﴿٦٥﴾

"Apakah engkau pernah mengetahui siapa yang sama (setanding) dengan-Nya?"(65)

Apakah engkau tahu di sana ada tuhan yang lain yang setanding dengan Allah? Maha Sucilah Allah dari segala tandingan dan keserupaan.

(Kumpulan ayat-ayat 66 - 98)

وَيَقُولُ ٱلۡإِنسَٰنُ أَءِذَا مَا مِتُّ لَسَوۡفَ أُخۡرَجُ حَيًّا ﴿٦٦﴾
أَوَلَا يَذۡكُرُ ٱلۡإِنسَٰنُ أَنَّا خَلَقۡنَٰهُ مِن قَبۡلُ وَلَمۡ يَكُ
شَيۡـٔٗا ﴿٦٧﴾
فَوَرَبِّكَ لَنَحۡشُرَنَّهُمۡ وَٱلشَّيَٰطِينَ ثُمَّ لَنُحۡضِرَنَّهُمۡ
حَوۡلَ جَهَنَّمَ جِثِيّٗا ﴿٦٨﴾
ثُمَّ لَنَنزِعَنَّ مِن كُلِّ شِيعَةٍ أَيُّهُمۡ أَشَدُّ عَلَى ٱلرَّحۡمَٰنِ
عِتِيّٗا ﴿٦٩﴾
ثُمَّ لَنَحۡنُ أَعۡلَمُ بِٱلَّذِينَ هُمۡ أَوۡلَىٰ بِهَا صِلِيّٗا ﴿٧٠﴾
وَإِن مِّنكُمۡ إِلَّا وَارِدُهَاۚ كَانَ عَلَىٰ رَبِّكَ حَتۡمٗا مَّقۡضِيّٗا ﴿٧١﴾
ثُمَّ نُنَجِّي ٱلَّذِينَ ٱتَّقَواْ وَّنَذَرُ ٱلظَّٰلِمِينَ فِيهَا
جِثِيّٗا ﴿٧٢﴾
وَإِذَا تُتۡلَىٰ عَلَيۡهِمۡ ءَايَٰتُنَا بَيِّنَٰتٖ قَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ لِلَّذِينَ
ءَامَنُوٓاْ أَيُّ ٱلۡفَرِيقَيۡنِ خَيۡرٞ مَّقَامٗا وَأَحۡسَنُ نَدِيّٗا ﴿٧٣﴾
وَكَمۡ أَهۡلَكۡنَا قَبۡلَهُم مِّن قَرۡنٍ هُمۡ أَحۡسَنُ أَثَٰثٗا
وَرِءۡيٗا ﴿٧٤﴾
قُلۡ مَن كَانَ فِي ٱلضَّلَٰلَةِ فَلۡيَمۡدُدۡ لَهُ ٱلرَّحۡمَٰنُ مَدًّاۚ
حَتَّىٰٓ إِذَا رَأَوۡاْ مَا يُوعَدُونَ إِمَّا ٱلۡعَذَابَ وَإِمَّا ٱلسَّاعَةَ
فَسَيَعۡلَمُونَ مَنۡ هُوَ شَرّٞ مَّكَانٗا وَأَضۡعَفُ جُندٗا ﴿٧٥﴾
وَيَزِيدُ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ٱهۡتَدَوۡاْ هُدٗىۗ وَٱلۡبَٰقِيَٰتُ
ٱلصَّٰلِحَٰتُ خَيۡرٌ عِندَ رَبِّكَ ثَوَابٗا وَخَيۡرٞ مَّرَدًّا ﴿٧٦﴾

"Manusia selalu berkata: Betulkah apabila aku telah mati, aku akan dihidupkan kembali?(66) Apakah manusia tidak mengingati bahawa sebelum ini Kami telah pun menciptakannya, sedangkan dia belum berupa sesuatu?(67) Demi Tuhanmu, Kami akan kumpulkan mereka bersama syaitan-syaitan kemudian Kami akan membawa mereka melutut di sekeliling Neraka(68). Kemudian Kami akan tarik dari setiap golongan itu mana-mana orang yang paling derhaka kepada Allah Yang Maha Penyayang(69). Kemudian Kamilah yang amat mengetahui siapakah orang-orang yang lebih wajar dimasukkan ke dalam Neraka?(70). Dan tiada siapa pun dari kamu melainkan akan mendatanginya. Itulah keputusan yang telah ditetapkan Tuhanmu(71). Kemudian Kami akan menyelamatkan orang-orang yang bertaqwa dan Kami akan tinggalkan orang-orang yang zalim itu melutut di dalam Neraka(72). Dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat Kami yang jelas, nescaya berkatalah orang-orang kafir kepada orang-orang yang beriman: Manakah di antara dua golongan ini yang lebih baik tempat kediamannya dan lebih cantik majlis pertemuannya?(73) Berapa banyak umat yang telah Kami binasakan sebelum mereka, sedangkan mereka lebih cantik (dari segi) peralatan rumahtangga dan pemandangan(74). Katakanlah: Sesiapa yang berada di dalam kesesatan, maka biarlah Allah Yang Maha Penyayang itu melanjutkan satu tempoh yang panjang kepadanya, sehingga apabila mereka sempat melihat segala apa yang dijanjikan kepada mereka sama ada 'azab (dunia) atau Qiamat, maka (di waktu itu) mereka akan mengetahui siapakah yang lebih buruk kedudukannya dan lebih lemah para pembantunya?(75) Dan Allah akan menambahkan hidayat kepada mereka yang telah menerima hidayat dan amalan-amalan soleh yang kekal itu lebih baik pahalanya di sisi Tuhanmu dan lebih baik kesudahannya"(76).

أَفَرَءَيۡتَ ٱلَّذِي كَفَرَ بِـَٔايَٰتِنَا وَقَالَ لَأُوتَيَنَّ
مَالٗا وَوَلَدًا ﴿٧٧﴾
أَطَّلَعَ ٱلۡغَيۡبَ أَمِ ٱتَّخَذَ عِندَ ٱلرَّحۡمَٰنِ عَهۡدٗا ﴿٧٨﴾
كَلَّاۚ سَنَكۡتُبُ مَا يَقُولُ وَنَمُدُّ لَهُۥ مِنَ ٱلۡعَذَابِ
مَدّٗا ﴿٧٩﴾
وَنَرِثُهُۥ مَا يَقُولُ وَيَأۡتِينَا فَرۡدٗا ﴿٨٠﴾
وَٱتَّخَذُواْ مِن دُونِ ٱللَّهِ ءَالِهَةٗ لِّيَكُونُواْ لَهُمۡ
عِزّٗا ﴿٨١﴾
كَلَّاۚ سَيَكۡفُرُونَ بِعِبَادَتِهِمۡ وَيَكُونُونَ عَلَيۡهِمۡ ضِدًّا ﴿٨٢﴾
أَلَمۡ تَرَ أَنَّآ أَرۡسَلۡنَا ٱلشَّيَٰطِينَ عَلَى ٱلۡكَٰفِرِينَ تَؤُزُّهُمۡ
أَزّٗا ﴿٨٣﴾
فَلَا تَعۡجَلۡ عَلَيۡهِمۡۖ إِنَّمَا نَعُدُّ لَهُمۡ عَدّٗا ﴿٨٤﴾

يَوْمَ نَحْشُرُ ٱلْمُتَّقِينَ إِلَى ٱلرَّحْمَٰنِ وَفْدًا ﴿٨٥﴾
وَنَسُوقُ ٱلْمُجْرِمِينَ إِلَىٰ جَهَنَّمَ وِرْدًا ﴿٨٦﴾
لَّا يَمْلِكُونَ ٱلشَّفَٰعَةَ إِلَّا مَنِ ٱتَّخَذَ عِندَ ٱلرَّحْمَٰنِ
عَهْدًا ﴿٨٧﴾

"Apakah kamu telah melihat orang yang mengingkari ayat-ayat Kami dan berkata: Aku tetap diberikan harta dan anak di Akhirat(77). Apakah dia melihat perkara yang ghaib atau dia telah memeteraikan perjanjian di sisi Allah Yang Maha Penyayang(78). Tidak sekali-kali tidak, Kami akan catat apa yang telah dikatakannya dan Kami akan melanjutkan tempoh 'azab yang panjang untuknya(79). Dan Kami akan mewarisi (harta dan anak) yang dikatakannya itu dan dia akan datang kepada Kami dengan seorang diri(80). Dan mereka telah mengambil tuhan-tuhan yang lain dari Allah supaya tuhan-tuhan itu menjadi pelindung mereka(81). Tidak sekali-kali tidak, kelak tuhan-tuhan itu akan mengingkarkan penyembahan mereka dan akan menjadi musuh kepada mereka(82). Tidakkah engkau lihat bahawa Kami telah mengutuskan para syaitan kepada orang-orang kafir untuk menghasut mereka (kepada maksiat) dengan hasutan (yang licin)?(83) Oleh itu janganlah kamu terburu-buru terhadap mereka. Sesungguhnya Kami mengirakan (hari balasan mereka) dengan kiraan yang teliti(84). Ingatlah hari Kami mengumpulkan para Muttaqin mengadap Allah Yang Maha Penyayang dalam rombongan (yang disambut dengan kemuliaan)(85). Dan Kami akan menghalaukan para pendosa ke Neraka Jahannam seperti kumpulan binatang(86). Mereka tidak mendapat syafa'at kecuali orang yang telah memeteraikan perjanjian di sisi Allah Yang Maha Penyayang"(87).

وَقَالُوا۟ ٱتَّخَذَ ٱلرَّحْمَٰنُ وَلَدًا ﴿٨٨﴾
لَّقَدْ جِئْتُمْ شَيْـًٔا إِدًّا ﴿٨٩﴾
تَكَادُ ٱلسَّمَٰوَٰتُ يَتَفَطَّرْنَ مِنْهُ وَتَنشَقُّ ٱلْأَرْضُ
وَتَخِرُّ ٱلْجِبَالُ هَدًّا ﴿٩٠﴾
أَن دَعَوْا۟ لِلرَّحْمَٰنِ وَلَدًا ﴿٩١﴾
وَمَا يَنۢبَغِى لِلرَّحْمَٰنِ أَن يَتَّخِذَ وَلَدًا ﴿٩٢﴾
إِن كُلُّ مَن فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ إِلَّآ ءَاتِى
ٱلرَّحْمَٰنِ عَبْدًا ﴿٩٣﴾
لَّقَدْ أَحْصَىٰهُمْ وَعَدَّهُمْ عَدًّا ﴿٩٤﴾
وَكُلُّهُمْ ءَاتِيهِ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ فَرْدًا ﴿٩٥﴾
إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ سَيَجْعَلُ
لَهُمُ ٱلرَّحْمَٰنُ وُدًّا ﴿٩٦﴾
فَإِنَّمَا يَسَّرْنَٰهُ بِلِسَانِكَ لِتُبَشِّرَ بِهِ ٱلْمُتَّقِينَ
وَتُنذِرَ بِهِۦ قَوْمًا لُّدًّا ﴿٩٧﴾
وَكَمْ أَهْلَكْنَا قَبْلَهُم مِّن قَرْنٍ هَلْ تُحِسُّ مِنْهُم مِّنْ
أَحَدٍ أَوْ تَسْمَعُ لَهُمْ رِكْزًۢا ﴿٩٨﴾

"Dan mereka berkata: Allah Yang Maha Penyayang itu mempunyai anak(88). Sesungguhnya kamu telah mengeluarkan suatu (perkataan) yang amat keji(89). Langit hampir-hampir pecah kerana perkataan itu dan bumi hampir terbelah dan gunung-ganang hampir runtuh(90). Kerana mereka mendakwa Allah Yang Maha Penyayang itu mempunyai anak(91). Sedangkan tidak wajar bagi Allah Yang Maha Penyayang itu mempunyai anak(92). Tiada siapa pun di langit dan di bumi melainkan semuanya datang mengadap Allah Yang Maha Penyayang sebagai seorang hamba(93). Sesungguhnya Allah telah menghitung dan mengira mereka dengan kiraan yang rapi(94). Dan seluruh mereka akan datang mengadap-Nya pada hari Qiamat dengan seorang diri(95). Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh akan dikurniakan Allah Yang Maha Penyayang kasih mesra terhadap mereka(96). Sesungguhnya Kami telah mempermudahkan Al-Qur'an itu dengan bahasa ibundamu supaya engkau dapat menyampaikan dengannya berita gembira kepada para Muttaqin dan memberi amaran kepada kaum yang sangat degil(97). Dan berapa banyak umat yang telah Kami binasakan sebelum mereka apakah engkau nampak seorang dari mereka atau mendengar sesuatu bisikan dari mereka"(98).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Ayat-ayat yang terdahulu dalam surah ini telah meneruskan pembicaraannya mengenai kisah-kisah Zakaria, kelahiran Yahya, kisah Maryam dan kelahiran 'Isa, kisah Ibrahim yang telah mengasingkan diri dari bapanya, kisah generasi-generasi yang datang selepas mereka yang terdiri dari orang-orang yang menerima hidayat dan orang-orang yang sesat, kemudian diiringi dengan satu kesimpulan terhadap kisah-kisah itu, iaitu kesimpulan yang mengumumkan hakikat Rububiyah Allah Yang Maha Esa yang wajar disembah tanpa sebarang sekutu. Itulah hakikat agung yang ditonjolkan oleh kisah-kisah itu melalui peristiwa-peristiwanya, pemandangan-pemandangannya dan ulasan-ulasannya.

Pelajaran yang akhir surah ini pula meneruskan pembicaraannya mengenai perdebatan di sekitar aqidah-aqidah syirik dan keingkaran terhadap isu kebangkitan sambil menayangkan di dalam pemandangan-pemandangan Qiamat nasib kesudahan manusia dengan gambaran-gambaran yang hidup, penuh harakat dan perasaan yang terharu, disertai oleh seluruh alam buana dengan

langit buminya, manusia dan jin, yang beriman dan yang kafir.

Ayat-ayat berikut beralih pula kepada pemandangan-pemandangan di antara alam dunia dan alam Akhirat yang mempunyai hubungan yang amat rapat, di mana pendahuluannya ditayangkan di sini di alam dunia dan natijahnya ditayangkan di sana di alam Akhirat, sedangkan jarak di antara keduanya disenggang oleh beberapa ayat atau beberapa kalimat sahaja hingga membuat hati kita merasa bahawa kedua-dua alam itu benar-benar mempunyai hubungan yang amat rapat dan sepadu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 66 - 72)

وَيَقُولُ ٱلْإِنسَٰنُ أَءِذَا مَا مِتُّ لَسَوْفَ أُخْرَجُ حَيًّا ٦٦
أَوَلَا يَذْكُرُ ٱلْإِنسَٰنُ أَنَّا خَلَقْنَٰهُ مِن قَبْلُ وَلَمْ يَكُ
شَيْـًٔا ٦٧
فَوَرَبِّكَ لَنَحْشُرَنَّهُمْ وَٱلشَّيَٰطِينَ ثُمَّ لَنُحْضِرَنَّهُمْ
حَوْلَ جَهَنَّمَ جِثِيًّا ٦٨
ثُمَّ لَنَنزِعَنَّ مِن كُلِّ شِيعَةٍ أَيُّهُمْ أَشَدُّ عَلَى ٱلرَّحْمَٰنِ
عِتِيًّا ٦٩
ثُمَّ لَنَحْنُ أَعْلَمُ بِٱلَّذِينَ هُمْ أَوْلَىٰ بِهَا صِلِيًّا ٧٠
وَإِن مِّنكُمْ إِلَّا وَارِدُهَا كَانَ عَلَىٰ رَبِّكَ حَتْمًا مَّقْضِيًّا ٧١
ثُمَّ نُنَجِّى ٱلَّذِينَ ٱتَّقَوا وَّنَذَرُ ٱلظَّٰلِمِينَ فِيهَا
جِثِيًّا ٧٢

"Manusia selalu berkata: Betulkah apabila aku telah mati, aku akan dihidupkan kembali?(66) Apakah manusia tidak mengingati bahawa sebelum ini Kami telah pun menciptakannya, sedangkan dia belum berupa sesuatu?(67) Demi Tuhanmu, Kami akan kumpulkan mereka bersama syaitan-syaitan kemudian Kami akan membawa mereka melutut di sekeliling Neraka(68). Kemudian Kami akan tarik dari setiap golongan itu mana-mana orang yang paling derhaka kepada Allah Yang Maha Penyayang(69). Kemudian Kamilah yang amat mengetahui siapakah orang-orang yang lebih wajar dimasukkan ke dalam Neraka?(70) Dan tiada siapa pun dari kamu melainkan akan mendatanginya. Itulah keputusan yang telah ditetapkan Tuhanmu(71). Kemudian Kami akan menyelamatkan orang-orang yang bertaqwa dan Kami akan tinggalkan orang-orang yang zalim itu melutut di dalam Neraka."(72)

Pemandangan ini dimulakan dengan menyebut kemusykilan manusia terhadap kebangkitan. Ia dikemukakan oleh berbagai-bagai golongan manusia di berbagai-bagai zaman, seolah-olah ia merupakan kekeliruan manusia dan bangkangan mereka yang berulang-ulang di sepanjang zaman:

وَيَقُولُ ٱلْإِنسَٰنُ أَءِذَا مَا مِتُّ لَسَوْفَ أُخْرَجُ حَيًّا ٦٦

"Manusia selalu berkata: Betulkah apabila aku telah mati, aku akan dihidupkan kembali?"(66)

Bangkangan ini adalah berpunca dari kelalaian mereka terhadap asal-usul kejadian mereka yang pertama. Di mana dia berada dahulu? Bagaimana pula dia wujud? Dia dahulu tidak ada kemudian ada. Kebangkitan itu lebih mudah difaham apabila dia mengenangkan asal-usul kejadiannya yang pertama:

أَوَلَا يَذْكُرُ ٱلْإِنسَٰنُ أَنَّا خَلَقْنَٰهُ مِن قَبْلُ وَلَمْ يَكُ
شَيْـًٔا ٦٧

"Apakah manusia tidak mengingati bahawa sebelum ini Kami telah pun menciptakannya, sedangkan dia belum berupa sesuatu?"(67)

Kemudian kecaman itu diiringi dengan satu sumpah yang mengancam. Allah bersumpah dengan dirinya sendiri dan inilah sumpah yang paling besar dan paling mulia bahawa mereka akan dihimpunkan selepas kebangkitan dan ini merupakan keputusan yang telah ditetapkan Allah.

فَوَرَبِّكَ لَنَحْشُرَنَّهُمْ وَٱلشَّيَٰطِينَ

"Demi Tuhanmu, Kami akan kumpulkan mereka bersama syaitan-syaitan"(68)

mereka tidak akan dihimpunkan sendirian sahaja, malah akan dihimpunkan bersama syaitan-syaitan yang menghasut mereka mengingkarkan kebangkitan itu. Di antara mereka dengan syaitan terjalin hubungan pengikut dengan ketua, hubungan pemimpin dengan yang dipimpin.

Di sini ayat yang berikut melukiskan satu gambaran yang hidup yang menunjukkan mereka sedang melutut dengan hina dina di sekeliling Neraka Jahannam:

ثُمَّ لَنُحْضِرَنَّهُمْ حَوْلَ جَهَنَّمَ جِثِيًّا ٦٨

"Kemudian Kami akan membawa mereka melutut di sekeliling Neraka."(68)

Itulah gambaran yang amat menakutkan, di mana kumpulan-kumpulan manusia yang tidak terhingga banyaknya itu telah dihimpun dan dibawa ke Neraka Jahannam melutut disekelilingnya. Di sana mereka melihat kedahsyatan Neraka dan diselarkan kepanasannya. Mereka menunggu bila-bila masa sahaja untuk dilontarkan ke dalam Neraka. Mereka melutut dengan penuh kehinaan dan ketakutan.

Itulah pemandangan yang amat hina kepada orang-orang yang angkuh dan sombong, kemudian diiringi pula dengan pemandangan, di mana orang-orang yang paling sombong dan takbur akan ditarik dan dicabut (dari kumpulan itu):

ثُمَّ لَنَنزِعَنَّ مِن كُلِّ شِيعَةٍ أَيُّهُمْ أَشَدُّ عَلَى ٱلرَّحْمَٰنِ عِتِيًّا ﴿٦٩﴾

"Kemudian Kami akan tarik dari setiap golongan itu mana-mana orang yang paling derhaka kepada Allah Yang Maha Penyayang."(69)

Lafaz-lafaz ayat ini amat keras untuk melukiskan gambaran tarikan dan cabutan yang keras itu dengan suasana dan nada susunan kata-kata itu sendiri, dan kemudian diikuti dengan gambaran mereka dilontarkan ke dalam Neraka dan harakat lontaran itu disempurnakan oleh daya khayal kita.

Allah amat mengetahui siapakah yang wajar di antara mereka untuk dimasukkan ke dalam Neraka? Tiada seseorang pun yang akan ditangkap secara sembarangan dari kumpulan yang tidak terbilang banyaknya itu (untuk dibuangkan ke dalam Neraka) kerana kumpulan-kumpulan itu telah pun dihitung oleh Allah seorang demi seorang.

ثُمَّ لَنَحْنُ أَعْلَمُ بِٱلَّذِينَ هُمْ أَوْلَىٰ بِهَا صِلِيًّا ﴿٧٠﴾

"Kemudian Kamilah yang amat mengetahui siapakah orang-orang yang lebih wajar dimasukkan ke dalam Neraka?"(70)

Merekalah golongan yang dipilih untuk menjadi kumpulan perintis untuk dibuang ke dalam Neraka.

Orang-orang yang beriman turut menyaksikan pemandangan yang ngeri itu:

وَإِن مِّنكُمْ إِلَّا وَارِدُهَا ۚ كَانَ عَلَىٰ رَبِّكَ حَتْمًا مَّقْضِيًّا ﴿٧١﴾

"Dan tiada sesiapa pun dari kamu melainkan akan mendatanginya. Itulah keputusan yang telah ditetapkan Tuhanmu."(71)

Mereka datang, menghampiri dan lalu di hadapan Neraka yang sedang bernyala-nyala dengan garang itu, dan mereka melihat orang-orang yang zalim dan takbur itu ditarik dan dilontarkan ke dalam Neraka.

ثُمَّ نُنَجِّي ٱلَّذِينَ ٱتَّقَوا

"Kemudian Kami akan menyelamatkan orang-orang yang bertaqwa"(72)

kemudian mereka dijauhkan dari Neraka dan terselamatlah mereka darinya.

وَّنَذَرُ ٱلظَّٰلِمِينَ فِيهَا جِثِيًّا ﴿٧٢﴾

"Dan Kami akan tinggalkan orang-orang yang zalim itu melutut di dalam Neraka."(72)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 73 - 76)

Sikap Angkuh Orang-orang Kafir Terhadap Orang-orang Yang Beriman

Dari pemandangan yang ngeri ini, di mana orang-orang yang zalim melutut dengan hina dina dan orang-orang yang bertaqwa berlalu dengan selamat dan orang-orang yang zalim kekal melutut... dari pemandangan ini beralih pula kepada pemandangan alam dunia, di mana orang-orang kafir berlagak takbur terhadap orang-orang yang beriman. Mereka menghina orang-orang yang beriman kerana kemiskinan mereka dan berbangga dengan kekayaan mereka, dengan kedudukan-kedudukan zahir mereka dan dengan nilai-nilai mereka di alam dunia yang fana.

وَإِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ ءَايَٰتُنَا بَيِّنَٰتٍ قَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا لِلَّذِينَ ءَامَنُوٓا أَيُّ ٱلْفَرِيقَيْنِ خَيْرٌ مَّقَامًا وَأَحْسَنُ نَدِيًّا ﴿٧٣﴾

"Dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat Kami yang jelas, nescaya berkatalah orang-orang yang kafir kepada orang-orang yang beriman: Manakah di antara dua golongan ini yang lebih baik tempat kediamannya dan lebih cantik majlis pertemuannya?"(73)

Itulah majlis-majlis pertemuan mereka yang cantik dan tempat-tempat perhimpunan mereka yang mewah dan itulah nilai-nilai yang dijadikan ukuran oleh para pembesar dan para manusia mewah di zaman-zaman kerosakan berbanding dengan majlis-majlis pertemuan (orang-orang yang beriman) yang bertaraf rendah dan tempat-tempat perhimpunan yang serba miskin kecuali keimanan sahaja, di mana dada terdapat keindahan dan perhiasan-perhiasan yang cantik. Kedua-dua bentuk majlis pertemuan itu bertentangan dan berkumpul satu sama lain di dunia ini.

Majlis yang pertama berdiri dengan kehebatan-kehebatan dan kebesaran yang menarik. Ia berdiri dengan harta kekayaan dan kecantikan. Ia berdiri dengan kuasa dan darjat kebesarannya. Ia berdiri dengan kepentingan-kepentingan dan keuntungan-keuntungan yang disedia dan direallsasikannya. Ia berdiri dengan kelazatan-kelazatan dan keni'matan. Sementara majlis yang kedua berdiri dengan rupa bentuk lahirnya yang miskin dan bertaraf rendah. Ia memandang kecil kepada harta kekayaan dan keni'matan. Ia memandang rendah kepada pangkat kebesaran dan kuasa. Ia menjemput orang ramai menghadhirinya bukan atas nama kelazatan dan kepentingan yang dapat disedia dan direalisasikannya, bukan untuk mendekatkan diri dengan pemerintah, bukan untuk berbangga dengan orang yang berkuasa, tetapi ia menjemput atas nama aqidah yang dibentangkan kepada mereka tanpa sebarang hiasan yang cantik, malah semata-mata untuk berbangga dengan kemuliaan Allah sahaja bukan dengan yang lain dari-Nya. Aqidah itu bukan sahaja dibentangkan begitu, malah membawa bersamanya kesulitan, kepenatan, perjuangan dan penindasan yang sewenang-wenang. Ia tidak berupaya memberi apa-apa ganjaran di atas semua kesulitan dan perjuangan itu di dunia ini, malah ia hanya menawarkan perdampingan dengan Allah dan balasan yang sempurna pada hari hisab.

Mereka ialah pembesar-pembesar Quraysy yang dibacakan kepada mereka ayat-ayat Allah di zaman Rasulullah s.a.w. lantas mereka bertanya kepada orang-orang Mu'min yang miskin:

أَيُّ ٱلْفَرِيقَيْنِ خَيْرٌ مَّقَامًا وَأَحْسَنُ نَدِيًّا ﴿٧٣﴾

"Manakah di antara dua golongan ini yang lebih baik tempat kediamannya dan lebih cantik majlis pertemuannya?"(73)

Manakah yang lebih baik tempat kediamannya dan lebih cantik majlis pertemuannya di antara pembesar-pembesar Quraysy yang tidak beriman kepada Muhammad dengan orang-orang miskin yang berada di sekeliling Muhammad? Manakah yang lebih baik di antara kumpulan an-Nadhr ibn al-Harith, 'Amr ibn Hisyam, al-Walid ibn al-Mughirah dan para pembesar yang lain dengan kumpulan Bilal, 'Ammar, Khabab dan lain-lain saudara mereka yang miskin? Andainya da'wah Muhammad itu baik, mengapa para pengikutnya terdiri dari orang-orang yang tidak ada nilai dan makna di dalam masyarakat Quraysy.? Bukankah mereka hanya dapat berkumpul di sebuah rumah yang miskin yang tidak mempunyai sebarang hiasan seperti rumah Khabab? Sedangkan penentang-penentangnya mempunyai majlis-majlis pertemuan yang indah dan besar di samping mempunyai kedudukan yang tinggi di dalam masyarakat?

Itulah logik dunia, logik manusia yang terhijab dari ufuk yang tinggi di setiap zaman dan tempat. Memang itulah hikmat Allah yang membuat aqidah itu berdiri tanpa hiasan dan cat yang cantik, tanpa faktor-faktor yang menggiur supaya aqidah itu dipeluk oleh orang-orang yang mahukannya semata-mata ikhlas kerana Allah bukannya kerana manusia dan bukannya kerana nilai-nilai dan tarikan-tarikan, yang digemari manusia, dan supaya orang-orang yang mencari kepentingan, faedah-faedah kebendaan dan hiasan dunia yang indah, harta benda dan keni'matan itu menjauhkan diri dari aqidah itu.

Kemudian ayat berikut mengulas perkataan orang-orang kafir yang sombong yang berbangga-bangga dengan kedudukan dan hiasan dunia itu dengan sebuah ulasan yang menyentuh kesedaran dan menggerakkan hati mengenangkan peristiwa kebinasaan umat-umat yang dahulu walaupun mereka mempunyai kedudukan yang tinggi dan hidup mewah:

وَكَمْ أَهْلَكْنَا قَبْلَهُم مِّن قَرْنٍ هُمْ أَحْسَنُ أَثَٰثًا وَرِءْيًا ﴿٧٤﴾

"Berapa banyak umat yang telah Kami binasakan sebelum mereka, sedangkan mereka lebih cantik (dari segi) peralatan rumahtangga dan pemandangan."(74)

Maksudnya, peralatan-peralatan dan perhiasan-perhiasan rumahtangga mereka yang indah tidak memberi faedah kepada mereka dan tidak dapat melindungkan mereka sedikitpun dari 'azab Allah apabila Allah telah memutuskan untuk membinasakan mereka.

Malangnya manusia selalu terlupa. Andainya mereka selalu teringat dan berfikir tentulah mereka tidak berlagak sombong dengan kemegahan kulit luar itu, kerana kisah kebinasaan umat-umat yang terdahulu yang berada di sekeliling mereka akan menyedar dan mengingatkan mereka dengan sekeras-kerasnya. Tetapi malangnya mereka leka dengan keadaan hidup mereka, dan terlalai dari akibat buruk yang menunggu mereka, iaitu akibat yang telah menimpa umat-umat zaman silam yang lebih kuat, lebih kaya dan lebih ramai anak pinak dari mereka.

Demikianlah ayat ini menarik perhatian mereka, kemudian ayat yang berikut pula memerintah Rasulullah s.a.w. supaya berdo'a ke atas mereka dalam bentuk mubahalah (pinta ditimpakan kutukan ke atas mana-mana pihak yang zalim) iaitu mana-mana pihak dari dua golongan itu berada di dalam kesesatan, maka biarlah Allah tambahkan masa yang panjang kepada mereka sehingga tiba janji 'azab Allah baik di dunia ini atau di Akhirat nanti:

قُلْ مَن كَانَ فِي ٱلضَّلَٰلَةِ فَلْيَمْدُدْ لَهُ ٱلرَّحْمَٰنُ مَدًّا حَتَّىٰٓ إِذَا رَأَوْا۟ مَا يُوعَدُونَ إِمَّا ٱلْعَذَابَ وَإِمَّا ٱلسَّاعَةَ فَسَيَعْلَمُونَ مَنْ هُوَ شَرٌّ مَّكَانًا وَأَضْعَفُ جُندًا ﴿٧٥﴾ وَيَزِيدُ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ٱهْتَدَوْا۟ هُدًى ۗ وَٱلْبَٰقِيَٰتُ ٱلصَّٰلِحَٰتُ خَيْرٌ عِندَ رَبِّكَ ثَوَابًا وَخَيْرٌ مَّرَدًّا ﴿٧٦﴾

"Katakanlah: Sesiapa yang berada di dalam kesesatan, maka biarlah Allah Yang Maha Penyayang itu melanjutkan satu tempoh yang panjang kepadanya sehingga apabila mereka sempat melihat segala apa yang dijanjikan kepada mereka sama ada 'azab (dunia) atau Qiamat, maka (di waktu itu) mereka akan mengetahui siapakah yang lebih buruk kedudukannya dan lebih lemah para pembantunya?(75) Dan Allah akan menambahkan hidayat kepada mereka yang telah menerima hidayat dan amalan-amalan soleh yang kekal itu lebih baik pahalanya di sisi Tuhanmu dan lebih baik kesudahannya."(76)

Mereka menyangka bahawa mereka lebih betul dari pengikut-pengikut Muhammad s.a.w. kerana mereka lebih kaya dan lebih bergaya. Biarkanlah mereka begitu! Serahkan sahaja kepada Muhammad supaya memohon kepada Allah menambahkan lagi kesesatan kepada golongan yang sesat dan menambahkan hidayat kepada golongan yang mendapat hidayat sehingga apabila berlaku 'azab yang dijanjikan Allah itu ke atas orang-orang yang sesat melalui tindakan orang-orang yang beriman atau berlaku dalam bentuk 'azab yang paling dahsyat pada hari Qiamat di mana mereka akan mengetahui siapakah di antara dua golongan itu yang lebih buruk kedudukannya dan lebih lemah para penolongnya? Pada hari itu orang-orang yang beriman akan bergembira dan berbangga.

وَٱلْبَٰقِيَٰتُ ٱلصَّٰلِحَٰتُ خَيْرٌ عِندَ رَبِّكَ ثَوَابًا وَخَيْرٌ

مَّرَدًّا ﴿٧٦﴾

"Dan amalan-amalan soleh yang kekal itu lebih baik pahalanya di sisi Tuhanmu dan lebih baik kesudahannya."(76)

Ia lebih baik dari segala apa yang dibangga-banggakan manusia di dunia ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 77 - 80)

Ciri-ciri Keangkuhan Orang-orang Kafir

Kemudian ayat berikut menayangkan satu lagi contoh keangkuhan orang-orang kafir dan satu lagi perkataan mereka yang dikecam dan dihairankan:

أَفَرَءَيْتَ ٱلَّذِى كَفَرَ بِـَٔايَٰتِنَا وَقَالَ لَأُوتَيَنَّ مَالًا وَوَلَدًا ﴿٧٧﴾
أَطَّلَعَ ٱلْغَيْبَ أَمِ ٱتَّخَذَ عِندَ ٱلرَّحْمَٰنِ عَهْدًا ﴿٧٨﴾
كَلَّا ۚ سَنَكْتُبُ مَا يَقُولُ وَنَمُدُّ لَهُۥ مِنَ ٱلْعَذَابِ مَدًّا ﴿٧٩﴾
وَنَرِثُهُۥ مَا يَقُولُ وَيَأْتِينَا فَرْدًا ﴿٨٠﴾

"Apakah kamu telah melihat orang yang mengingkari ayat-ayat Kami dan berkata: Aku tetap diberikan harta dan anak di Akhirat(77). Apakah dia melihat perkara yang ghaib atau dia telah memeteraikan perjanjian di sisi Allah Yang Maha Penyayang(78). Tidak sekali-kali tidak, Kami akan catat apa yang telah dikatakannya dan Kami akan melanjutkan tempoh 'azab yang panjang untuknya(79). Dan Kami akan mewarisi (harta dan anak) yang dikatakannya itu dan dia akan datang kepada Kami dengan seorang diri."(80)

Ada sebuah hadith mengenai sebab turunnya ayat-ayat ini dengan isnadnya dari Khabbab ibn al-Aritti katanya: Saya adalah seorang tukang besi. Saya ada hutang pada al-'As ibn Wa'el, lalu saya pergi menemuinya untuk meminta hutang itu dan dia berkata kepada saya: "Tidak, demi Allah aku tidak mahu membayar hutang itu hingga engkau menentang Muhammad". Saya jawab: "Tidak, demi Allah aku tidak akan menentang Muhammad sehingga engkau mati dan dibangkitkan hidup kembali". Lalu dia berkata: "Jika aku mati kemudian aku dibangkitkan kembali, maka bolehlah engkau datang menemuiku kerana aku ada wang dan anak masa itu dan dapatlah aku membayar hutangmu itu". Lalu Allah turunkan ayat. ((أَفَرَءَيْتَ ٱلَّذِى كَفَرَ بِـَٔايَٰتِنَا وَقَالَ لَأُوتَيَنَّ مَالًا وَوَلَدًا)) - diriwayat oleh al-Bukhari dan Muslim

Perkataan al-'As ibn Wa'el ini merupakan contoh sendaan orang-orang kafir dan sikap mereka yang memandang kecil kepada konsep kebangkitan. Oleh itu Al-Qur'an menyatakan kehairanannya terhadap sikap Wa'el dan mengecamkan dakwaannya:

أَطَّلَعَ ٱلْغَيْبَ أَمِ ٱتَّخَذَ عِندَ ٱلرَّحْمَٰنِ عَهْدًا ﴿٧٨﴾

"Apakah dia melihat perkara yang ghaib atau dia telah memeteraikan perjanjian di sisi Allah Yang Maha Penyayang?"(78)

Adakah dia tahu perkara di alam ghaib atau dia telah berjanji dengan Allah dan yakin bahawa janji itu akan ditepati Allah? Kemudian Al-Qur'an mengulas: ((كَلَّا))*"Tidak sekali-kali tidak."(79)*

Kata-kata "كَلَّا" ialah kata-kata penafian dan sangkalan yakni sekali-kali bukannya begitu, dia sama sekali tidak mengetahui perkara ghaib dan tidak pernah berjanji dengan Allah, malah dia hanya menyatakan kekufuran dan sendaannya sahaja. Ancaman dan janji seksa itulah yang sesuai untuk mengajar orang-orang kafir yang berterus terang itu:

كَلَّا ۚ سَنَكْتُبُ مَا يَقُولُ وَنَمُدُّ لَهُۥ مِنَ ٱلْعَذَابِ مَدًّا ﴿٧٩﴾

"Tidak sekali-kali tidak, Kami akan catat apa yang telah dikatakannya dan Kami akan melanjutkan tempoh 'azab yang panjang untuknya."(79)

Kami akan merakamkan segala perkataannya untuk dibentangkan pada hari hisab supaya tidak dilupa dan ditipu. Ayat ini hanya merupakan pengungkapan secara ilustrasi sahaja untuk menyatakan ancaman itu, kerana penipuan tidak mungkin berlaku, sebab tiada suatu pun sama ada kecil atau besar yang terluput dari ilmu Allah. Kami akan memanjangkan tempoh 'azab kepadanya. Kami akan terus menambahkan 'azab itu dan melanjutkan tempohnya hingga tidak putus-putus. Kemudian ayat berikut terus mengecam secara ilustrasi: ((وَنَرِثُهُۥ مَا يَقُولُ)) *"Dan Kami akan mewarisi (harta dan anak) yang dikatakannya itu."(80)*

Kami akan mengambil harta dan anak selaku pesaka peninggalan yang dikatakannya sebagaimana yang dilakukan oleh seorang waris selepas mati orang yang diwarisinya kemudian. ((وَيَأْتِينَا فَرْدًا)) *"Dia akan datang kepada Kami dengan seorang diri."(80)*

Dia akan datang kepada Kami sebatang kara tanpa harta kekayaan, tanpa anak dan penolong, tanpa sebarang sandaran; dia tidak memilik suatu apa. Dia begitu lemah dan bersendirian sahaja.

Lihatlah bagaimana orang yang mengingkari ayat-ayat Allah itu memindahkan (pembayaran hutangnya) pada hari (Qiamat), di mana dia tidak memilik sesuatu apa pun, di mana segala harta kekayaan yang dimiliki di dunia ini telah dirampaskan darinya?

Itulah satu contoh dari contoh-contoh orang-orang kafir. Itulah contoh kekufuran dan dakwaan yang bukan-bukan dan sikap yang sewenang-wenang.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 81 - 87)

Gejala-gejala Kekufuran

Ayat berikut meneruskan pembicaraan-pembicaraannya tentang gejala-gejala kekufuran dan syirik:

وَٱتَّخَذُواْ مِن دُونِ ٱللَّهِ ءَالِهَةً لِّيَكُونُواْ لَهُمْ عِزًّا ﴿٨١﴾
كَلَّاۚ سَيَكۡفُرُونَ بِعِبَادَتِهِمۡ وَيَكُونُونَ عَلَيۡهِمۡ ضِدًّا ﴿٨٢﴾
أَلَمۡ تَرَ أَنَّآ أَرۡسَلۡنَا ٱلشَّيَٰطِينَ عَلَى ٱلۡكَٰفِرِينَ تَؤُزُّهُمۡ أَزًّا ﴿٨٣﴾
فَلَا تَعۡجَلۡ عَلَيۡهِمۡۖ إِنَّمَا نَعُدُّ لَهُمۡ عَدًّا ﴿٨٤﴾
يَوۡمَ نَحۡشُرُ ٱلۡمُتَّقِينَ إِلَى ٱلرَّحۡمَٰنِ وَفۡدًا ﴿٨٥﴾
وَنَسُوقُ ٱلۡمُجۡرِمِينَ إِلَىٰ جَهَنَّمَ وِرۡدًا ﴿٨٦﴾
لَّا يَمۡلِكُونَ ٱلشَّفَٰعَةَ إِلَّا مَنِ ٱتَّخَذَ عِندَ ٱلرَّحۡمَٰنِ عَهۡدًا ﴿٨٧﴾

"Dan mereka telah mengambil tuhan-tuhan yang lain dari Allah supaya tuhan-tuhan itu menjadi pelindung mereka(81). Tidak sekali-kali tidak, kelak tuhan-tuhan itu akan mengingkarkan penyembahan mereka dan akan menjadi musuh kepada mereka(82). Tidakkah engkau lihat bahawa Kami telah mengutuskan para syaitan, kepada orang-orang kafir untuk menghasut mereka (kepada maksiat), dengan hasutan (yang licin)?(83) Oleh itu janganlah kamu terburu-buru terhadap mereka. Sesungguhnya Kami mengirakan (hari balasan mereka) dengan kiraan yang teliti(84) Ingatlah hari Kami mengumpulkan para Muttaqin mengadap Allah Yang Maha Penyayang dalam rombongan (yang disambut dengan kemuliaan)(85) Dan Kami akan menghalaukan para pendosa ke Neraka Jahannam seperti kumpulan binatang(86). Mereka tidak mendapat syafa'at kecuali orang yang telah memeteraikan perjanjian di sisi Allah Yang Maha Penyayang."(87)

Orang-orang yang mengingkari ayat-ayat Allah telah mempertuhankan sembahan-sembahan yang lain dari Allah untuk mencari kemuliaan, kekuatan dan pertolongan. Di antara mereka ada yang menyembah malaikat, ada yang menyembah jin dan memohon pertolongan dan perlindungan darinya, sedangkan yang sebenarnya tidak begitu, malah malaikat dan jin akan menolak dan mengingkarkan perbuatan mereka beribadat kepada mereka dan membersihkan dirinya di hadapan Allah dari perbuatan mereka:

وَيَكُونُونَ عَلَيۡهِمۡ ضِدًّا ﴿٨٢﴾

"Dan akan menjadi musuh kepada mereka"(82)

dengan membersihkan diri dan menjadi saksi di atas (kekarutan) perbuatan mereka.

Para syaitan akan terus menghasut mereka melakukan maksiat-maksiat. Dan syaitan-syaitan itu telah diberi kuasa dan keizinan untuk menyesatkan mereka sejak Iblis menuntut agar Allah memberi kebebasan kepadanya untuk menyesatkan manusia:

فَلَا تَعۡجَلۡ عَلَيۡهِمۡۖ

"Oleh itu janganlah kamu terburu-buru terhadap mereka"(84)

dan janganlah merasa bosan terhadap mereka kerana mereka telah diberi tempoh ke suatu masa yang dekat sahaja dan segala amalan mereka telah dihitung dengan teliti. Ayat ini menggambarkan kehalusan hisab dengan gambaran yang nyata:

إِنَّمَا نَعُدُّ لَهُمۡ عَدًّا ﴿٨٤﴾

"Sesungguhnya Kami mengirakan (hari balasan mereka) dengan kiraan yang teliti."(84)

Itulah gambaran yang menakutkan. Alangkah malangnya mereka yang dihitungkan Allah segala dosanya, segala perbuatannya dan segala nafasnya dan menurut segala jejak langkahnya untuk menghisabkan mereka dengan hisab yang sukar. Seseorang yang sedar bahawa ketuanya di dunia ini sedang memeriksa rekod-rekod kerjanya dan kesilapan-kesilapannya tentulah akan merasa takut dan hidup dalam keadaan cemas dan keluh kesah. Bagaimana pula dengan pemeriksaan Allah Yang Maha Kuasa dan Maha Hebat balasan-Nya?

Di dalam pemandangan Qiamat ini, Al-Qur'an menggambarkan akibat dari kiraan dan hisab Allah, iaitu para Mu'minin akan datang mengadap Allah dalam rombongan yang disambut dengan penuh kemuliaan:

يَوۡمَ نَحۡشُرُ ٱلۡمُتَّقِينَ إِلَى ٱلرَّحۡمَٰنِ وَفۡدًا ﴿٨٥﴾

"Ingatlah hari Kami mengumpulkan para Muttaqin mengadap Allah Yang Maha Penyayang dalam rombongan (yang disambut dengan kemuliaan)."(85)

Sementara para pendosa pula mereka akan dihalau ke Neraka Jahannam sebagaimana dihalaukan kumpulan-kumpulan kambing:

وَنَسُوقُ ٱلۡمُجۡرِمِينَ إِلَىٰ جَهَنَّمَ وِرۡدًا ﴿٨٦﴾

"Dan Kami akan menghalaukan para pendosa ke Neraka Jahannam seperti kumpulan binatang."(86)

Pada hari itu tiada pengurniaan syafa'at melainkan kepada mereka yang mengerjakan amalan yang soleh kerana amalan yang soleh itu merupakan seolah-olah perjanjian di sisi Allah yang akan dibalaskan dengan sempurna. Allah telah menjanjikan kepada mereka yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh bahawa Allah akan membalasnya dengan balasan yang amat sempurna dan Allah tidak akan memungkiri janji-Nya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 88 - 96)

Alam Buana Turut Memberontak Terhadap Perkataan Biadab Terhadap Allah

Kemudian ayat berikut sekali lagi menyebut perkataan yang keji dari perkataan-perkataan yang diucapkan oleh kaum Musyrikin, iaitu apabila kaum Musyrikin Arab berkata bahawa malaikat-malaikat itu puteri-puteri Allah dan kaum Musyrikin Yahudi berkata bahawa 'Uzayr anak Allah dan kaum Musyrikin Kristian berkata bahawa al-Masih Isa anak Allah, seluruh alam buana menggigil mendengar perkataan yang keji itu, iaitu satu perkataan yang dijijik dan dibencikan oleh fitrah dan hati nurani alam buana:

وَقَالُوا۟ ٱتَّخَذَ ٱلرَّحْمَٰنُ وَلَدًا ﴿٨٨﴾
لَّقَدْ جِئْتُمْ شَيْـًٔا إِدًّا ﴿٨٩﴾
تَكَادُ ٱلسَّمَٰوَٰتُ يَتَفَطَّرْنَ مِنْهُ وَتَنشَقُّ ٱلْأَرْضُ
وَتَخِرُّ ٱلْجِبَالُ هَدًّا ﴿٩٠﴾
أَن دَعَوْا۟ لِلرَّحْمَٰنِ وَلَدًا ﴿٩١﴾
وَمَا يَنۢبَغِى لِلرَّحْمَٰنِ أَن يَتَّخِذَ وَلَدًا ﴿٩٢﴾

"Dan mereka berkata: Allah Yang Maha Penyayang itu mempunyai anak(88). Sesungguhnya kamu telah mengeluarkan suatu (perkataan) yang amat keji(89). Langit hampir-hampir pecah kerana perkataan itu dan bumi hampir terbelah dan gunung-ganang hampir runtuh(90). Kerana mereka mendakwa Allah Yang Maha Penyayang itu mempunyai anak(91). Sedangkan tidak wajar bagi Allah Yang Maha Penyayang itu mempunyai anak."(92)

Bunyi lafaz-lafaz dan nada ungkapan-ungkapan turut serta dengan bayangan-bayangan pemandangan dalam menggambarkan suasana marah, cemburu dan memberontak itu. Hati nurani alam buana dan anggota-anggotanya menggigil, menggelentar dan menggerunyut kerana mendengar perkataan yang kesat dan menyentuh kesucian zat Allah Yang Maha Tinggi, sebagaimana setiap anggota manusia menggigil ketika ia marah terhadap sesuatu yang menyentuh kehormatannya atau kehormatan mereka yang disayangi dan dihormatinya.

Pemberontakan alam buana kerana perkataan yang kesat itu disertai oleh langit, bumi, gunung-ganang, dan lafaz-lafaz ayat dengan nada-nadanya menggambarkan harakat pemberontakan, dan kegementaran itu.

Sebaik sahaja keluarnya perkataan yang kesat itu:

وَقَالُوا۟ ٱتَّخَذَ ٱلرَّحْمَٰنُ وَلَدًا ﴿٨٨﴾

"Dan mereka berkata: Allah Yang Maha Penyayang itu mempunyai anak."(88)

Maka ia terus disambut dengan kata-kata kecaman:

لَّقَدْ جِئْتُمْ شَيْـًٔا إِدًّا ﴿٨٩﴾

"Sesungguhnya kamu telah mengeluarkan suatu (perkataan) yang amat keji."(89)

Kemudian setiap kejadian yang diam di sekeliling mereka terus menggelentar dan menggigil dan seluruh alam buana melahirkan kemarahannya kerana menyentuh kehormatan Penciptanya. Ia merasa perkataan itu bertentangan dengan entitinya dan fitrahnya dan bercanggah dengan hakikat yang tersemat di dalam hati nuraninya dan di dalam entitinya. Perkataan itu telah menggoncangkan tapak pendirian dan ketenangannya:

تَكَادُ ٱلسَّمَٰوَٰتُ يَتَفَطَّرْنَ مِنْهُ وَتَنشَقُّ ٱلْأَرْضُ
وَتَخِرُّ ٱلْجِبَالُ هَدًّا ﴿٩٠﴾
أَن دَعَوْا۟ لِلرَّحْمَٰنِ وَلَدًا ﴿٩١﴾
وَمَا يَنۢبَغِى لِلرَّحْمَٰنِ أَن يَتَّخِذَ وَلَدًا ﴿٩٢﴾

"Langit hampir-hampir pecah kerana perkataan itu dan bumi hampir terbelah dan gunung-ganang hampir runtuh(90). Kerana mereka mendakwa Allah Yang Maha Penyayang itu mempunyai anak(91). Sedangkan tidak wajar bagi Allah Yang Maha Penyayang itu mempunyai anak."(92)

Di tengah-tengah kemarahan alam buana inilah diumumkan pernyataan yang menakutkan:

إِن كُلُّ مَن فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ إِلَّآ ءَاتِى
ٱلرَّحْمَٰنِ عَبْدًا ﴿٩٣﴾
لَّقَدْ أَحْصَىٰهُمْ وَعَدَّهُمْ عَدًّا ﴿٩٤﴾
وَكُلُّهُمْ ءَاتِيهِ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ فَرْدًا ﴿٩٥﴾

"Tiada siapa pun di langit dan di bumi melainkan semuanya datang mengadap Allah Yang Maha Penyayang sebagai seorang hamba(93). Sesungguhnya Allah telah menghitung dan mengira mereka dengan kiraan yang rapi(94). Dan seluruh mereka akan datang mengadap-Nya pada hari Qiamat dengan seorang diri"(95)

yakni setiap penghuni langit dan bumi adalah hamba belaka. Mereka akan datang mengadap Allah dengan rendah diri dan patuh, tiada anak dan tiada sekutu, malah seluruh mereka hanya bersifat makhluk dan hamba sahaja.

Entiti manusia tentulah menggelentar ketika ia memahami maksud pernyataan ini:

لَّقَدْ أَحْصَىٰهُمْ وَعَدَّهُمْ عَدًّا ﴿٩٤﴾

"Sesungguhnya Allah telah menghitung dan mengira mereka dengan kiraan yang rapi."(94)

Kerana itu di sana tidak ada ruang bagi seseorang untuk melarikan diri dan untuk dilupai.

وَكُلُّهُمْ ءَاتِيهِ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ فَرْدًا ﴿٩٥﴾

"Dan seluruh mereka akan datang mengadap-Nya pada hari Qiamat dengan seorang diri."(95)

Allah telah menentukan setiap individu akan datang seorang diri sahaja dan tiada siapa yang akan menemaninya untuk menghilangkan kesepiannya dan memberi kekuatan kepadanya, hingga semangat kumpulan juga dicabut dari hatinya. Oleh itu dia benar-benar sebatang kara di hadapan Allah yang akan menjatuhkan hukuman dan balasan.

Di tengah-tengah kesepian dan kecaman itu para-para Mu'minin kelihatan berada di bawah naungan kasih mesra Allah Yang Maha Penyayang:

إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ سَيَجْعَلُ
لَهُمُ ٱلرَّحْمَٰنُ وُدًّا ﴿٩٦﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh akan dikurniakan Allah Yang Maha Penyayang kasih mesra terhadap mereka."(96)

Kata-kata kemesraan yang diungkapkan di dalam suasana ini melahirkan perasaan yang lembut yang mengusap hati, mencetuskan rasa keriangan dan kerelaan yang membelai jiwa, iaitu kemesraan yang menyelubungi alam al-Mala'ul-A'la kemudian melimpah ke bumi dan manusia dan menggenangi seluruh buana.

Daripada Abu Hurayrah r.a. daripada Nabi s.a.w. sabdanya: "Apabila Allah kasihkan seseorang hamba, Dia akan memanggil Jibril dan berfirman kepadanya: Wahai Jibril! Sesungguhnya aku kasihkan si polan, oleh itu hendaklah engkau kasihkannya". Sabda beliau: "Lalu Jibril pun kasih kepadanya lalu dia mengumumkan kepada sekalian penghuni langit: Bahawa Allah telah kasih kepada si polan. Oleh itu hendaklah kamu sekalian kasihkan kepadanya". Sabda beliau: "Lalu sekalian penghuni langit pun kasih kepadanya kemudian diletakkan untuknya kasih mesra di bumi. Dan apabila Allah bencikan seseorang hamba dia akan memanggil Jibril dan berfirman kepadanya: Wahai Jibril! Sesungguhnya Aku bencikan si polan. Oleh itu hendaklah engkau benci kepadanya". Sabda beliau: "Lalu Jibril pun benci kepadanya kemudian dia mengumumkan kepada sekalian penghuni langit: Allah telah benci kepada si polan. Oleh itu hendaklah kamu benci kepadanya. Kemudian diletakkan untuknya kebencian di bumi".[3]

(Pentafsiran ayat-ayat 97 - 98)

Berita gembira yang disampaikan kepada para Mu'minin yang bertaqwa dan amaran kepada para pengingkar yang degil tadi merupakan matlamat Al-Qur'an, dan Allah telah memudahkan Al-Qur'an kepada bangsa Arab lalu diturunkannya dengan bahasa ibunda Rasulullah s.a.w. supaya mereka dapat membacanya:

فَإِنَّمَا يَسَّرْنَٰهُ بِلِسَانِكَ لِتُبَشِّرَ بِهِ ٱلْمُتَّقِينَ
وَتُنذِرَ بِهِۦ قَوْمًا لُّدًّا ﴿٩٧﴾

"Sesungguhnya Kami telah mempermudahkan Al-Qur'an itu dengan bahasa ibundamu supaya engkau dapat menyampaikan kepadamu berita gembira kepada para Muttaqin dan memberi amaran kepada kaum yang sangat degil."(97)

Kemudian surah ini ditamatkan dengan sebuah pemandangan yang membuat hati berfikir panjang dan menggelentar, dan membuat daya khayal tidak habis-habis meni'matinya:

Suasana Sunyi Sepi Selepas Dibinasakan Allah

وَكَمْ أَهْلَكْنَا قَبْلَهُم مِّن قَرْنٍ هَلْ تُحِسُّ مِنْهُم مِّنْ
أَحَدٍ أَوْ تَسْمَعُ لَهُمْ رِكْزًۢا ﴿٩٨﴾

"Dan berapa banyak umat yang telah Kami binasakan sebelum mereka apakah engkau nampak seorang dari mereka atau mendengar sesuatu bisikan dari mereka."(98)

Pemandangan ini dimulakan kepada anda dengan gempa bumi yang membinasakan, kemudian anda diselubungi suasana senyap sunyi yang amat dahsyat seolah anda dibawa ke lembah maut dan sedang melihat kebinasaan umat-umat yang silam. Di lembah maut yang sayup saujana dilihat mata itu daya khayal anda mengelamun bersama bayang-bayang manusia yang pernah hidup dan bergerak di tempat itu, menjelajah bersama kegiatan-kegiatan kehidupan yang pernah berlangsung dengan cergas dan riang di tempat itu dan berkelana bersama cita-cita dan perasaan-perasaan yang pernah hidup berkobar-kobar di tempat itu... kemudian suasana sunyi sepi dan maut terus menyelubungi; mayat-mayat, kecaian-kecaian badan, kehancuran dan kebinasaan berada di mana-mana. Tiada bisikan, tiada rasa, tiada harakat dan tiada suara:

هَلْ تُحِسُّ مِنْهُم مِّنْ أَحَدٍ

"Apakah engkau nampak seorang dari mereka?"(98)

Lihatlah dan berpalinglah:

أَوْ تَسْمَعُ لَهُمْ رِكْزًۢا ﴿٩٨﴾

---

[3] *Diriwayatkan oleh Imam Ahmad: Kami telah diceritakan oleh 'Affan, kami telah diceritakan oleh Abu 'Awanah, kami telah diceritakan oleh Suhayl daripada bapanya daripada Abu Hurayrah, juga diriwayatkan oleh Muslim dari hadith Suhayl, juga diriwayatkan oleh Ahmad dan al-Bukhari dari hadith Ibn Jurayj daripada Musa daripada Ibn 'Utbah daripada Nafi' daripada Abu Hurayrah.*

"Atau apakah engkau mendengar sesuatu bisikan dari mereka?"(98)

Dengarlah! Itulah sunyi sepi yang amat mendalam dan diam bungkam yang amat menakutkan, tiada siapa yang wujud melainkan hanya Allah Yang Maha Esa, Yang Maha Hidup dan Maha Kekal tidak mati.

* * * * * *

JUZU' KE-16

SURAH TAHA

SURAH KE

20

سُورَةُ طه

SURAH TAHA

Surah Taha

(Makkiyah)

Kecuali Ayat 130 - 131 diturunkan di Madinah

JUMLAH AYAT

135

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 98)

طه ﴿١﴾

مَآ أَنزَلۡنَا عَلَيۡكَ ٱلۡقُرۡءَانَ لِتَشۡقَىٰٓ ﴿٢﴾

إِلَّا تَذۡكِرَةٗ لِّمَن يَخۡشَىٰ ﴿٣﴾

تَنزِيلٗا مِّمَّنۡ خَلَقَ ٱلۡأَرۡضَ وَٱلسَّمَٰوَٰتِ ٱلۡعُلَى ﴿٤﴾

ٱلرَّحۡمَٰنُ عَلَى ٱلۡعَرۡشِ ٱسۡتَوَىٰ ﴿٥﴾

لَهُۥ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلۡأَرۡضِ وَمَا بَيۡنَهُمَا وَمَا
تَحۡتَ ٱلثَّرَىٰ ﴿٦﴾

وَإِن تَجۡهَرۡ بِٱلۡقَوۡلِ فَإِنَّهُۥ يَعۡلَمُ ٱلسِّرَّ وَأَخۡفَى ﴿٧﴾

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَۖ لَهُ ٱلۡأَسۡمَآءُ ٱلۡحُسۡنَىٰ ﴿٨﴾

وَهَلۡ أَتَىٰكَ حَدِيثُ مُوسَىٰٓ ﴿٩﴾

إِذۡ رَءَا نَارٗا فَقَالَ لِأَهۡلِهِ ٱمۡكُثُوٓاْ إِنِّيٓ ءَانَسۡتُ نَارٗا
لَّعَلِّيٓ ءَاتِيكُم مِّنۡهَا بِقَبَسٍ أَوۡ أَجِدُ عَلَى ٱلنَّارِ هُدٗى ﴿١٠﴾

"Ta. Ha.(1). Kami tidak menurunkan Al-Qur'an kepadamu (wahai Muhammad) supaya engkau mendapat kesusahan(2). Melainkan semata-mata supaya menjadi peringatan kepada orang yang takut kepada Allah(3). (Al-Qur'an itu) diturunkan dari Tuhan yang telah menciptakan bumi dan langit yang amat tinggi(4). Iaitu Allah Yang Maha Penyayang yang bersemayam di 'Arasy(5). Yang memiliki segala isi langit, segala isi bumi, segala makhluk yang ada di antara keduanya dan segala apa yang ada di bawah tanah(6). Dan andainya engkau menyaringkan pengucapanmu, maka sesungguhnya Allah itu mengetahui segala rahsia dan apa yang lebih tersembunyi lagi(7). Dialah Allah, tiada Tuhan yang lain melainkan hanya Dia. Dia mempunyai nama-nama yang paling indah(8). Tidakkah sampai kepadamu cerita Musa?(9) Ketika dia melihat api lalu dia pun berkata kepada keluarganya: Tinggallah kamu (di sini) sesungguhnya aku nampak api, mudah-mudahan aku dapat membawa kepada kamu sedikit darinya atau mendapat pemandu jalan di tempat api itu"(10).

فَلَمَّآ أَتَىٰهَا نُودِيَ يَٰمُوسَىٰٓ ﴿١١﴾

إِنِّيٓ أَنَا۠ رَبُّكَ فَٱخۡلَعۡ نَعۡلَيۡكَ إِنَّكَ بِٱلۡوَادِ ٱلۡمُقَدَّسِ
طُوٗى ﴿١٢﴾

وَأَنَا ٱخۡتَرۡتُكَ فَٱسۡتَمِعۡ لِمَا يُوحَىٰٓ ﴿١٣﴾

إِنَّنِيٓ أَنَا ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنَا۠ فَٱعۡبُدۡنِي وَأَقِمِ ٱلصَّلَوٰةَ
لِذِكۡرِيٓ ﴿١٤﴾

إِنَّ ٱلسَّاعَةَ ءَاتِيَةٌ أَكَادُ أُخۡفِيهَا لِتُجۡزَىٰ كُلُّ
نَفۡسِۭ بِمَا تَسۡعَىٰ ﴿١٥﴾

فَلَا يَصُدَّنَّكَ عَنۡهَا مَن لَّا يُؤۡمِنُ بِهَا وَٱتَّبَعَ هَوَىٰهُ
فَتَرۡدَىٰ ﴿١٦﴾

وَمَا تِلۡكَ بِيَمِينِكَ يَٰمُوسَىٰ ﴿١٧﴾

قَالَ هِيَ عَصَايَ أَتَوَكَّؤُاْ عَلَيۡهَا وَأَهُشُّ بِهَا
عَلَىٰ غَنَمِي وَلِيَ فِيهَا مَـَٔارِبُ أُخۡرَىٰ ﴿١٨﴾

قَالَ أَلۡقِهَا يَٰمُوسَىٰ ﴿١٩﴾

فَأَلۡقَىٰهَا فَإِذَا هِيَ حَيَّةٞ تَسۡعَىٰ ﴿٢٠﴾

"Apabila dia sampai di tempat api itu, tiba-tiba dia diseru: Wahai Musa!(11) Sesungguhnya Aku ini adalah Tuhanmu, oleh itu tanggalkanlah dua kasutmu, kerana sesungguhnya engkau sedang berada di Wadi Tuwa yang suci(12). Dan aku telah memilihmu (menjadi rasul). Oleh itu dengarlah apa yang akan diwahyukan kepadamu(13). Sesungguhnya Aku ini adalah Allah, tiada tuhan yang lain melainkan hanya Aku. Oleh itu abdikanlah dirimu kepada-Ku dan dirikanlah solat untuk mengingati-Ku(14). Sesungguhnya hari Qiamat itu tetap akan datang, Aku sengaja sembunyikan waktunya supaya setiap orang dibalas dengan amalan yang dilakukannya(15). Oleh itu janganlah engkau dihalangi dari mempercayakannya oleh orang yang tidak beriman kepadanya dan mengikut hawa nafsunya, lalu ia

menyebabkan engkau binasa(16). Apakah benda di tangan kananmu itu, wahai Musa?(17) Jawab Musa: Ini adalah tongkatku. Aku bertilikan di atasnya dan memukul daun-daun dengannya untuk makanan kambingku dan ada lagi keperluan-keperluan-ku yang lain(18). Allah berfirman: Campakkan tongkat itu, wahai Musa!(19) Lalu dia terus mencampakkannya tiba-tiba ia menjadi seekor ular yang merayap"(20).

قَالَ خُذْهَا وَلَا تَخَفْ سَنُعِيدُهَا سِيرَتَهَا
ٱلْأُولَىٰ ﴿٢١﴾
وَٱضْمُمْ يَدَكَ إِلَىٰ جَنَاحِكَ تَخْرُجْ بَيْضَآءَ مِنْ غَيْرِ
سُوٓءٍ ءَايَةً أُخْرَىٰ ﴿٢٢﴾
لِنُرِيَكَ مِنْ ءَايَٰتِنَا ٱلْكُبْرَى ﴿٢٣﴾
ٱذْهَبْ إِلَىٰ فِرْعَوْنَ إِنَّهُۥ طَغَىٰ ﴿٢٤﴾
قَالَ رَبِّ ٱشْرَحْ لِى صَدْرِى ﴿٢٥﴾

"Allah berfirman: Tangkapkannya! Dan janganlah engkau takut kerana Kami akan mengembalikannya kepada keadaannya yang asal(21). Dan kepitkanlah tanganmu (yang kanan) di bawah ketiak engkau (yang kiri) nescaya ia akan keluar putih melepak bersinar-sinar tanpa apa-apa penyakit sebagai satu mu'jizat yang lain pula(22). Untuk Kami memperlihatkan kepadamu sebahagian dari tanda-tanda kekuasaan Kami yang amat besar(23). Pergilah kepada Fir'aun! Sesungguhnya dia telah bertindak melampau(24). Lalu Musa berdo'a:Ya Tuhanku! Lapangkanlah dadaku!"(25).

وَيَسِّرْ لِىٓ أَمْرِى ﴿٢٦﴾
وَٱحْلُلْ عُقْدَةً مِّن لِّسَانِى ﴿٢٧﴾
يَفْقَهُوا۟ قَوْلِى ﴿٢٨﴾
وَٱجْعَل لِّى وَزِيرًا مِّنْ أَهْلِى ﴿٢٩﴾
هَٰرُونَ أَخِى ﴿٣٠﴾

"Dan mudahkanlah segala urusanku(26). Dan lepaskanlah simpulan dari lidahku(27). Supaya mereka dapat memahami perkataan-perkataanku(28). Dan lantikkanlah untukku seorang menteri dari keluargaku sendiri(29). Iaitu Harun saudaraku"(30).

ٱشْدُدْ بِهِۦٓ أَزْرِى ﴿٣١﴾
وَأَشْرِكْهُ فِىٓ أَمْرِى ﴿٣٢﴾
كَىْ نُسَبِّحَكَ كَثِيرًا ﴿٣٣﴾
وَنَذْكُرَكَ كَثِيرًا ﴿٣٤﴾
إِنَّكَ كُنتَ بِنَا بَصِيرًا ﴿٣٥﴾

"Teguhkanlah kekuatanku dengan bantuannya(31). Dan jadikannya sekutu dalam urusanku(32). Supaya kami banyak bertasbih kepada-Mu(33). Dan banyak mengingati-Mu(34). Sesungguhnya Engkau Maha Melihat keadaan kami"(35).

وَلَقَدْ مَنَنَّا عَلَيْكَ مَرَّةً أُخْرَىٰٓ ﴿٣٧﴾
قَالَ قَدْ أُوتِيتَ سُؤْلَكَ يَٰمُوسَىٰ ﴿٣٦﴾
إِذْ أَوْحَيْنَآ إِلَىٰٓ أُمِّكَ مَا يُوحَىٰٓ ﴿٣٨﴾
أَنِ ٱقْذِفِيهِ فِى ٱلتَّابُوتِ فَٱقْذِفِيهِ فِى ٱلْيَمِّ فَلْيُلْقِهِ ٱلْيَمُّ
بِٱلسَّاحِلِ يَأْخُذْهُ عَدُوٌّ لِّى وَعَدُوٌّ لَّهُۥ ۚ وَأَلْقَيْتُ عَلَيْكَ مَحَبَّةً
مِّنِّى وَلِتُصْنَعَ عَلَىٰ عَيْنِىٓ ﴿٣٩﴾
إِذْ تَمْشِىٓ أُخْتُكَ فَتَقُولُ هَلْ أَدُلُّكُمْ عَلَىٰ مَن يَكْفُلُهُۥ ۖ
فَرَجَعْنَٰكَ إِلَىٰٓ أُمِّكَ كَىْ تَقَرَّ عَيْنُهَا وَلَا تَحْزَنَ ۚ وَقَتَلْتَ
نَفْسًا فَنَجَّيْنَٰكَ مِنَ ٱلْغَمِّ وَفَتَنَّٰكَ فُتُونًا ۚ فَلَبِثْتَ
سِنِينَ فِىٓ أَهْلِ مَدْيَنَ ثُمَّ جِئْتَ عَلَىٰ قَدَرٍ يَٰمُوسَىٰ ﴿٤٠﴾
وَٱصْطَنَعْتُكَ لِنَفْسِى ﴿٤١﴾
ٱذْهَبْ أَنتَ وَأَخُوكَ بِـَٔايَٰتِى وَلَا تَنِيَا فِى ذِكْرِى ﴿٤٢﴾
ٱذْهَبَآ إِلَىٰ فِرْعَوْنَ إِنَّهُۥ طَغَىٰ ﴿٤٣﴾
فَقُولَا لَهُۥ قَوْلًا لَّيِّنًا لَّعَلَّهُۥ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَىٰ ﴿٤٤﴾
قَالَا رَبَّنَآ إِنَّنَا نَخَافُ أَن يَفْرُطَ عَلَيْنَآ أَوْ أَن يَطْغَىٰ ﴿٤٥﴾

"Allah berfirman: Segala permintaan-mu itu telah diperkenan-Ku, wahai Musa(36). Dan sesungguhnya Kami telah pun mengurniakan ni'mat kepadamu pada kali yang lain (di zaman silam)(37). Ketika Kami menyampaikan kepada ibumu yang wajar diilhamkan kepadanya(38). Iaitu campakkannya (anakmu Musa)di dalam sebuah peti kemudian campakkannya ke dalam sungai, kemudian hendaklah sungai itu campakkannya ke tepi tebing supaya dia diambil oleh musuh-Ku (Fir'aun) dan musuhnya. Dan Aku telah campakkan ke atasmu kasihan belas dari-Ku (supaya engkau dikasihi orang) dan supaya engkau diciptakan di bawah penglihatan-Ku(39). Ketika kakakmu berjalan lalu berkata (kepada keluarga Fir'aun): Dapatkah saya tunjukkan kepada kamu seorang yang boleh membelakannya? Lalu

Kami memulangkanmu kepada ibumu supaya hatinya senang dan tidak lagi berdukacita. Dan engkau telah membunuh seorang manusia lalu Kami selamatkanmu dari kesusahan dan Kami telah mengujimu dengan berbagai-bagai ujian. Kemudian engkau telah tinggal beberapa tahun dalam kalangan penduduk Madyan kemudian engkau datang kembali mengikut waktu yang telah ditetapkan, wahai Musa(40). Dan Aku telah memilihmu untuk menjadi utusan diri-Ku(41). Pergilah engkau bersama saudaramu membawa ayat-ayat-Ku dan janganlah kamu berdua lalai dari mengingati-Ku(42). Pergilah kamu berdua kepada Fir'aun. Sesungguhnya dia telah bertindak melampaui batas(43). Dan berbicaralah kepadanya dengan kata-kata yang lemah lembut semoga dia insaf atau takut (kepada Allah)(44). Mereka berdua berkata: Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami merasa bimbang dia akan bertindak segera menyeksakan kami atau berlagak angkuh"(45).

قَالَ لَا تَخَافَآ إِنَّنِي مَعَكُمَآ أَسْمَعُ وَأَرَىٰ ﴿٤٦﴾
فَأْتِيَاهُ فَقُولَآ إِنَّا رَسُولَا رَبِّكَ فَأَرْسِلْ مَعَنَا بَنِيٓ
إِسْرَٰٓءِيلَ وَلَا تُعَذِّبْهُمْ ۖ قَدْ جِئْنَٰكَ بِـَٔايَةٍ مِّن رَّبِّكَ ۖ
وَٱلسَّلَٰمُ عَلَىٰ مَنِ ٱتَّبَعَ ٱلْهُدَىٰٓ ﴿٤٧﴾
إِنَّا قَدْ أُوحِىَ إِلَيْنَآ أَنَّ ٱلْعَذَابَ عَلَىٰ مَن كَذَّبَ
وَتَوَلَّىٰ ﴿٤٨﴾
قَالَ فَمَن رَّبُّكُمَا يَٰمُوسَىٰ ﴿٤٩﴾
قَالَ رَبُّنَا ٱلَّذِىٓ أَعْطَىٰ كُلَّ شَىْءٍ خَلْقَهُۥ ثُمَّ هَدَىٰ ﴿٥٠﴾
قَالَ فَمَا بَالُ ٱلْقُرُونِ ٱلْأُولَىٰ ﴿٥١﴾
قَالَ عِلْمُهَا عِندَ رَبِّى فِى كِتَٰبٍ ۖ لَّا يَضِلُّ رَبِّى وَلَا يَنسَى ﴿٥٢﴾
ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُمُ ٱلْأَرْضَ مَهْدًا وَسَلَكَ لَكُمْ فِيهَا
سُبُلًا وَأَنزَلَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَأَخْرَجْنَا بِهِۦٓ أَزْوَٰجًا
مِّن نَّبَاتٍ شَتَّىٰ ﴿٥٣﴾
كُلُوا۟ وَٱرْعَوْا۟ أَنْعَٰمَكُمْ ۗ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّأُو۟لِى
ٱلنُّهَىٰ ﴿٥٤﴾
مِنْهَا خَلَقْنَٰكُمْ وَفِيهَا نُعِيدُكُمْ وَمِنْهَا نُخْرِجُكُمْ تَارَةً
أُخْرَىٰ ﴿٥٥﴾

"Allah berfirman: Janganlah kamu berdua merasa bimbang kerana sesungguhnya Aku bersama kamu, Aku sentiasa mendengar dan melihat(46). Hendaklah kamu berdua menemuinya dan katakanlah: Sesungguhnya kami berdua adalah utusan dari Tuhanmu. Oleh itu lepaskanlah Bani Israel keluar bersama kami dan janganlah engkau tindaskan mereka. Sesungguhnya kami telah membawa kepadamu bukti dari Tuhanmu,dan kesejahteraan itu dikurniakan kepada sesiapa yang mengikut hidayat Allah(47). Sesungguhnya telah diwahyukan kepada kami bahawa 'azab (Allah) itu ditimpakan ke atas sesiapa yang mendusta dan berpaling (dari hidayat)(48). Fir'aun bertanya: Siapakah Tuhan kamu berdua, wahai Musa?(49). Jawab Musa: Tuhan kami ialah (Tuhan) yang telah memberikan kepada setiap sesuatu itu bentuk kejadian yang sesuai dengannya, kemudian dia memberi hidayat(50). Fir'aun bertanya lagi: Bagaimana pula keadaan umat-umat yang dahulu kala?(51). Jawab Musa: Pengetahuan mengenai umat-umat itu berada disisi Tuhanku tertulis di dalam sebuah buku, Tuhanku tidak pernah keliru dan tidak pernah lupa(52). Dialah yang telah menjadikan bumi untuk kamu sebagai hamparan dan mengadakan padanya jalan-jalan untuk kamu, Dia juga yang menurunkan hujan dari langit, dan dengan siramannya kami keluarkan pasangan-pasangan dari bermacam-macam tumbuhan (53). Makanlah kamu dan gembalakanlah ternakan-ternakan kamu. Sesungguhnya pada kejadian-kejadian itu terdapat bukti-bukti kekuasaan (Allah) bagi orang-orang yang berakal(54). Dari tanah (bumi) Kami ciptakan kamu dan kepadanya Kami akan pulangkan kamu dan daripadanya juga Kami akan keluarkan kamu pada suatu ketika yang lain"(55).

وَلَقَدْ أَرَيْنَٰهُ ءَايَٰتِنَا كُلَّهَا فَكَذَّبَ وَأَبَىٰ ﴿٥٦﴾
قَالَ أَجِئْتَنَا لِتُخْرِجَنَا مِنْ أَرْضِنَا بِسِحْرِكَ يَٰمُوسَىٰ ﴿٥٧﴾
فَلَنَأْتِيَنَّكَ بِسِحْرٍ مِّثْلِهِۦ فَٱجْعَلْ بَيْنَنَا وَبَيْنَكَ
مَوْعِدًا لَّا نُخْلِفُهُۥ نَحْنُ وَلَآ أَنتَ مَكَانًا سُوًى ﴿٥٨﴾
قَالَ مَوْعِدُكُمْ يَوْمُ ٱلزِّينَةِ وَأَن يُحْشَرَ ٱلنَّاسُ ضُحًى ﴿٥٩﴾
فَتَوَلَّىٰ فِرْعَوْنُ فَجَمَعَ كَيْدَهُۥ ثُمَّ أَتَىٰ ﴿٦٠﴾
قَالَ لَهُم مُّوسَىٰ وَيْلَكُمْ لَا تَفْتَرُوا۟ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبًا
فَيُسْحِتَكُم بِعَذَابٍ ۖ وَقَدْ خَابَ مَنِ ٱفْتَرَىٰ ﴿٦١﴾
فَتَنَٰزَعُوٓا۟ أَمْرَهُم بَيْنَهُمْ وَأَسَرُّوا۟ ٱلنَّجْوَىٰ ﴿٦٢﴾
قَالُوٓا۟ إِنْ هَٰذَٰنِ لَسَٰحِرَٰنِ يُرِيدَانِ أَن يُخْرِجَاكُم مِّنْ
أَرْضِكُم بِسِحْرِهِمَا وَيَذْهَبَا بِطَرِيقَتِكُمُ ٱلْمُثْلَىٰ ﴿٦٣﴾
فَأَجْمِعُوا۟ كَيْدَكُمْ ثُمَّ ٱئْتُوا۟ صَفًّا ۚ وَقَدْ أَفْلَحَ ٱلْيَوْمَ مَنِ
ٱسْتَعْلَىٰ ﴿٦٤﴾
قَالُوا۟ يَٰمُوسَىٰٓ إِمَّآ أَن تُلْقِىَ وَإِمَّآ أَن نَّكُونَ أَوَّلَ مَنْ أَلْقَىٰ ﴿٦٥﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah memperlihatkan kepada Fir'aun segala tanda-tanda kekuasaan tetapi dia telah

mendustakannya dan enggan menerima(56). Fir'aun berkata: Adakah (tujuan) engkau datang kepada kamiuntuk mengusirkan kami dari negeri kami dengan (kepandaian) sihirmu, wahai Musa?(57) Sesungguhnya kami akan membawa kepadamu sihir yang seperti itu juga. Oleh itu tetapkanlah satu hari (pertandingan) di antara kami dengan engkau, yang mana kami dan engkau tidak akan memungkirinya di suatu tempat yang terbuka(58). Jawab Musa: Hari (pertandingan di antara kami dan) kamu ialah pada hari raya (yang akan datang) dan hendaklah orang ramai dikumpulkan di waktu pertengahan pagi(59). Kemudian Fir'aun beredar (dari majlis itu) lalu mengumpulkan segala tipu dayanya (tukang-tukang sihir) kemudian dia datang (pada hari pertandingan)(60). Berkatalah Musa kepada mereka (ahli-ahli sihir): Celakalah kamu! Janganlah kamu mengada-adakan pembohongan terhadap Allah, kerana akibatnya Dia akan membinasakan kamu dengan 'azab seksa. Sesungguhnya amat rugilah orang-orang yang telah mengada-adakan pembohongan (terhadap Allah)(61). Lalu mereka berselisih di antara mereka mengenaiurusan mereka dan merahsiakan perbincangan mereka(62). Mereka berkata: Sesungguhnya kedua-dua orang ini mahu mengusirkan kamu keluar dari negeri kamu dengan kepandaian sihir mereka dan menghapuskan agama kamu yang unggul(63). Oleh itu satukanlah tipu daya kamu kemudian datanglah dalam satu barisan yang padu. Sesungguhnya beruntunglah orang yang menang pada hari ini(64). Mereka berkata: Wahai Musa! (Pilihlah) sama ada engkau yang mula mencampakkannya atau kami yang mula mencampakkannya?"(65)

قَالَ بَلْ أَلْقُوا۟ ۖ فَإِذَا حِبَالُهُمْ وَعِصِيُّهُمْ يُخَيَّلُ إِلَيْهِ مِن
سِحْرِهِمْ أَنَّهَا تَسْعَىٰ ٦٦
فَأَوْجَسَ فِى نَفْسِهِۦ خِيفَةً مُّوسَىٰ ٦٧
قُلْنَا لَا تَخَفْ إِنَّكَ أَنتَ ٱلْأَعْلَىٰ ٦٨
وَأَلْقِ مَا فِى يَمِينِكَ تَلْقَفْ مَا صَنَعُوٓا۟ ۖ إِنَّمَا صَنَعُوا۟ كَيْدُ
سَٰحِرٍ ۖ وَلَا يُفْلِحُ ٱلسَّاحِرُ حَيْثُ أَتَىٰ ٦٩
فَأُلْقِىَ ٱلسَّحَرَةُ سُجَّدًا قَالُوٓا۟ ءَامَنَّا بِرَبِّ هَٰرُونَ وَمُوسَىٰ ٧٠
قَالَ ءَامَنتُمْ لَهُۥ قَبْلَ أَنْ ءَاذَنَ لَكُمْ ۖ إِنَّهُۥ لَكَبِيرُكُمُ ٱلَّذِى
عَلَّمَكُمُ ٱلسِّحْرَ ۖ فَلَأُقَطِّعَنَّ أَيْدِيَكُمْ وَأَرْجُلَكُم مِّنْ
خِلَٰفٍ وَلَأُصَلِّبَنَّكُمْ فِى جُذُوعِ ٱلنَّخْلِ وَلَتَعْلَمُنَّ أَيُّنَآ
أَشَدُّ عَذَابًا وَأَبْقَىٰ ٧١
قَالُوا۟ لَن نُّؤْثِرَكَ عَلَىٰ مَا جَآءَنَا مِنَ ٱلْبَيِّنَٰتِ وَٱلَّذِى
فَطَرَنَا ۖ فَٱقْضِ مَآ أَنتَ قَاضٍ ۖ إِنَّمَا تَقْضِى هَٰذِهِ ٱلْحَيَوٰةَ
ٱلدُّنْيَآ ٧٢
إِنَّآ ءَامَنَّا بِرَبِّنَا لِيَغْفِرَ لَنَا خَطَٰيَٰنَا وَمَآ أَكْرَهْتَنَا عَلَيْهِ
مِنَ ٱلسِّحْرِ ۗ وَٱللَّهُ خَيْرٌ وَأَبْقَىٰٓ ٧٣
إِنَّهُۥ مَن يَأْتِ رَبَّهُۥ مُجْرِمًا فَإِنَّ لَهُۥ جَهَنَّمَ لَا يَمُوتُ فِيهَا
وَلَا يَحْيَىٰ ٧٤
وَمَن يَأْتِهِۦ مُؤْمِنًا قَدْ عَمِلَ ٱلصَّٰلِحَٰتِ فَأُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمُ
ٱلدَّرَجَٰتُ ٱلْعُلَىٰ ٧٥

"Jawab Musa: Bahkan silalah kamu campakkan dahulu, maka tiba-tiba tali-tali dan tongkat-tongkat mereka terperasan kepada Musa seakan-akan berjalan kerana kepandaian sihir mereka(66). Lalu Musa merasa takut di dalam hatinya(67). Lalu Kami berkata: Janganlah engkau takut kerana engkaulah yang akan menang(68). Dan campakkanlah apa yang ada di tanganmu itu nescaya ia akan menelan segala apa yang dibuat mereka. Sesungguhnya segala apa yang dibuat mereka hanya tipu daya tukang sihir sahaja, sedangkan tukang sihir itu tidak akan mendapat kejayaan biarpun dari mana sahaja dia datang(69). Lalu tukang-tukang sihir itu merebahkan diri sujud seraya berkata: Kami telah beriman kepada Tuhan Harun dan Musa(70). Fir'aun berkata: Apakah wajar kamu beriman kepadanya sebelum aku memberi keizinan kepada kamu? Sesungguhnya dia (Musa) rupa-rupanya menjadi pemimpin kamu yang mengajar ilmu sihir kepada kamu, maka kerana itu aku akan potong tangan dan kaki kamu dengan bersilang dan aku akan palangkan kamu di batang-batang pokok tamar. Sesungguhnya kamu akan mengetahui siapakah di antara kami yang lebih dahsyat dan kekal 'azab keseksaannya?(71) Jawab mereka: Kami tidak akan mengutamakan engkau dari bukti-bukti (kekuasaan Allah) yang jelas, yang telah datang kepada kami dan dari Tuhan yang telah menciptakan kami, maka hukumkanlah kami apa sahaja hukuman (yang engkau suka) kerana engkau hanya boleh menghukum dalam kehidupan dunia ini sahaja(72). Sesungguhnya kami telah beriman kepada Tuhan kami supaya Dia mengampunkan kesalahan-kesalahan kami dan mengampunkan amalan sihir yang telah engkau paksakannya ke atas kami, dan Allah itulah yang lebih baik dan lebih kekal (balasan pahalanya)(73). Sesungguhnya barang siapa yang menemui Tuhannya dengan keadaan berdosa, maka dia akan mendapat Neraka Jahannam, di mana dia tidak mati dan tidak pula hidup(74). Dan barang siapa yang menemui-Nya dengan keadaan beriman dan mengerjakan amalan yang soleh, maka mereka akan memperolehi darjat-darjat yang amat tinggi"(75).

جَنَّٰتُ عَدْنٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَا ۚ وَذَٰلِكَ
جَزَآءُ مَن تَزَكَّىٰ ٧٦
وَلَقَدْ أَوْحَيْنَآ إِلَىٰ مُوسَىٰٓ أَنْ أَسْرِ بِعِبَادِى فَٱضْرِبْ
لَهُمْ طَرِيقًا فِى ٱلْبَحْرِ يَبَسًا لَّا تَخَٰفُ دَرَكًا وَلَا تَخْشَىٰ ٧٧

فَأَتْبَعَهُمْ فِرْعَوْنُ بِجُنُودِهِۦ فَغَشِيَهُم مِّنَ ٱلْيَمِّ مَا
غَشِيَهُمْ ﴿٧٨﴾
وَأَضَلَّ فِرْعَوْنُ قَوْمَهُۥ وَمَا هَدَىٰ ﴿٧٩﴾
يَٰبَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ قَدْ أَنجَيْنَٰكُم مِّنْ عَدُوِّكُمْ وَوَٰعَدْنَٰكُمْ
جَانِبَ ٱلطُّورِ ٱلْأَيْمَنَ وَنَزَّلْنَا عَلَيْكُمُ ٱلْمَنَّ وَٱلسَّلْوَىٰ ﴿٨٠﴾
كُلُوا۟ مِن طَيِّبَٰتِ مَا رَزَقْنَٰكُمْ وَلَا تَطْغَوْا۟ فِيهِ فَيَحِلَّ
عَلَيْكُمْ غَضَبِى ۖ وَمَن يَحْلِلْ عَلَيْهِ غَضَبِى فَقَدْ هَوَىٰ ﴿٨١﴾
وَإِنِّى لَغَفَّارٌ لِّمَن تَابَ وَءَامَنَ وَعَمِلَ صَٰلِحًا ثُمَّ
ٱهْتَدَىٰ ﴿٨٢﴾
وَمَآ أَعْجَلَكَ عَن قَوْمِكَ يَٰمُوسَىٰ ﴿٨٣﴾
قَالَ هُمْ أُو۟لَآءِ عَلَىٰٓ أَثَرِى وَعَجِلْتُ إِلَيْكَ رَبِّ
لِتَرْضَىٰ ﴿٨٤﴾
قَالَ فَإِنَّا قَدْ فَتَنَّا قَوْمَكَ مِنۢ بَعْدِكَ وَأَضَلَّهُمُ
ٱلسَّامِرِىُّ ﴿٨٥﴾

"(Iaitu) Syurga 'Adni yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, di mana mereka hidup kekal abadi. Dan itulah balasan kepada orang yang membersihkan dirinya(76). Dan sesungguhnya Kami telah mewahyukan kepada Musa: Bawalah keluar hamba-hamba-Ku (Bani Israel) di waktu malam dan belahkan (dengan tongkatmu) satu jalan yang kering di lautan untuk dilalui mereka. Janganlah engkau bimbang ditangkap (Fir'aun) dan jangan pula takut (tenggelam dalam lautan)(77). Kemudian Fir'aun mengejar mereka dengan bala tenteranya lalu mereka diliputi dan ditenggelami air laut dengan keadaan yang amat dahsyat(78). Dan Fir'aun telah menyesatkan kaumnya dan tidak pernah memberi petunjuk (kepada mereka)(79). Wahai Bani Israel! Sesungguhnya Kami telah menyelamatkan kamu sekalian dari musuh kamu dan Kami telah menetapkan perjanjian dengan kamu (untuk menurunkan Kitab Taurat) di sebelah kanan Bukit Tursina itu. Dan Kami telah menurunkan kepada kamu Manna dan Salwa(80). Makanlah segala rezeki yang baik yang telah Kami kurniakan kepada kamu dan janganlah kamu melampaui batasnya menyebabkan kamu ditimpa kemurkaan-Ku, dan barang siapa yang ditimpa kemurkaan-Ku, maka sesungguhnya dia telah terhumban (ke dalam kebinasaan)(81). Dan sesungguhnya Aku Maha Pengampun kepada sesiapa sahaja yang bertaubat dan mengerjakan amalan yang soleh kemudian terus mengikut jalan hidayat(82). Mengapakah engkau datang lebih cepat dari kaummu, wahai Musa?(83) Jawab Musa: Itulah mereka sedang menyusulku dan aku datang segera kepada-Mu, wahai Tuhanku, supaya Engkau redha terhadapku(84). Allah berfirman: Sesungguhnya Aku telah menguji kaummu selepas pemergianmu dan mereka telah disesatkan oleh as-Samiri"(85).

فَرَجَعَ مُوسَىٰٓ إِلَىٰ قَوْمِهِۦ غَضْبَٰنَ أَسِفًا ۚ قَالَ يَٰقَوْمِ
أَلَمْ يَعِدْكُمْ رَبُّكُمْ وَعْدًا حَسَنًا ۚ أَفَطَالَ عَلَيْكُمُ
ٱلْعَهْدُ أَمْ أَرَدتُّمْ أَن يَحِلَّ عَلَيْكُمْ غَضَبٌ مِّن
رَّبِّكُمْ فَأَخْلَفْتُم مَّوْعِدِى ﴿٨٦﴾
قَالُوا۟ مَآ أَخْلَفْنَا مَوْعِدَكَ بِمَلْكِنَا وَلَٰكِنَّا حُمِّلْنَآ أَوْزَارًا
مِّن زِينَةِ ٱلْقَوْمِ فَقَذَفْنَٰهَا فَكَذَٰلِكَ أَلْقَى ٱلسَّامِرِىُّ ﴿٨٧﴾
فَأَخْرَجَ لَهُمْ عِجْلًا جَسَدًا لَّهُۥ خُوَارٌ فَقَالُوا۟ هَٰذَآ
إِلَٰهُكُمْ وَإِلَٰهُ مُوسَىٰ فَنَسِىَ ﴿٨٨﴾
أَفَلَا يَرَوْنَ أَلَّا يَرْجِعُ إِلَيْهِمْ قَوْلًا وَلَا يَمْلِكُ لَهُمْ
ضَرًّا وَلَا نَفْعًا ﴿٨٩﴾
وَلَقَدْ قَالَ لَهُمْ هَٰرُونُ مِن قَبْلُ يَٰقَوْمِ إِنَّمَا فُتِنتُم
بِهِۦ ۖ وَإِنَّ رَبَّكُمُ ٱلرَّحْمَٰنُ فَٱتَّبِعُونِى وَأَطِيعُوٓا۟ أَمْرِى ﴿٩٠﴾

"Lalu Musa pulang kepada kaumnya dengan keadaan marah dan sedih dan berkata: Wahai kaumku! Bukankah Tuhan kamu telah menetapkan satu perjanjian yang baik dengan kamu? Apakah masa perjanjian itu terlalu lama kepada kamu atau kamu mahu ditimpakan kemurkaan dari Tuhan kamu, maka kerana ini kamu melanggar perjanjianku?(86) Jawab mereka: Kami tidak melanggar perjanjianmu dengan kemahuan kami, tetapi kami disuruh membawa beban dari perhiasan kaum (Mesir) itu lalu kami campakkannya (ke dalam api) dan begitu juga as-Samiri turut mencampakkannya(87). Lalu as-Samiri mengeluarkan untuk mereka (dari leburan perhiasan itu) patung anak lembu yang bertubuh dan bersuara. Maka berkatalah mereka. Inilah tuhan kamu dan tuhan Musa tetapi dia (Musa) telah lupakannya(88). Apakah mereka tidak melihat bahawa patung anak lembu tidak dapat memberi jawapan kepada mereka dan tidak juga dapat memberi sebarang mudharat dan manfa'at?(89) Sesungguhnya Harun sebelum itu telah berkata kepada mereka: Wahai kaumku! Sebenarnya kamu telah diuji dengan anak lembu itu dan sesungguhnya Tuhan kamu adalah Tuhan Yang Maha Penyayang, maka ikutilah aku dan ta'atilah perintahku"(90).

قَالُوا۟ لَن نَّبْرَحَ عَلَيْهِ عَٰكِفِينَ حَتَّىٰ يَرْجِعَ إِلَيْنَا
مُوسَىٰ ﴿٩١﴾
قَالَ يَٰهَٰرُونُ مَا مَنَعَكَ إِذْ رَأَيْتَهُمْ ضَلُّوٓا۟ ﴿٩٢﴾
أَلَّا تَتَّبِعَنِ ۖ أَفَعَصَيْتَ أَمْرِى ﴿٩٣﴾

قَالَ يَبْنَؤُمَّ لَا تَأْخُذْ بِلِحْيَتِي وَلَا بِرَأْسِيٓ إِنِّي خَشِيتُ أَن تَقُولَ فَرَّقْتَ بَيْنَ بَنِيٓ إِسْرَٰٓءِيلَ وَلَمْ تَرْقُبْ قَوْلِي ﴿٩٤﴾

قَالَ فَمَا خَطْبُكَ يَٰسَٰمِرِيُّ ﴿٩٥﴾

قَالَ بَصُرْتُ بِمَا لَمْ يَبْصُرُواْ بِهِۦ فَقَبَضْتُ قَبْضَةً مِّنْ أَثَرِ ٱلرَّسُولِ فَنَبَذْتُهَا وَكَذَٰلِكَ سَوَّلَتْ لِي نَفْسِي ﴿٩٦﴾

قَالَ فَٱذْهَبْ فَإِنَّ لَكَ فِي ٱلْحَيَوٰةِ أَن تَقُولَ لَا مِسَاسَ وَإِنَّ لَكَ مَوْعِدًا لَّن تُخْلَفَهُۥ وَٱنظُرْ إِلَىٰٓ إِلَٰهِكَ ٱلَّذِي ظَلْتَ عَلَيْهِ عَاكِفًا لَّنُحَرِّقَنَّهُۥ ثُمَّ لَنَنسِفَنَّهُۥ فِي ٱلْيَمِّ نَسْفًا ﴿٩٧﴾

إِنَّمَآ إِلَٰهُكُمُ ٱللَّهُ ٱلَّذِي لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ وَسِعَ كُلَّ شَيْءٍ عِلْمًا ﴿٩٨﴾

"Jawab mereka: Kami tetap menyembah patung anak lembu itu hingga Musa kembali kepada kami(91). Berkatalah Musa: Wahai Harun! Apakah sebab yang telah menghalangi engkau apabila engkau melihat mereka telah sesat(92). (Sehingga) engkau tidakmengikut pesananku, apakah engkau sengaja melanggar perintahku?(93) Jawab Harun: Wahai putera ibuku! Janganlah engkau pegang janggutku dan (rambut) kepalaku. Sesungguhnya aku bimbang nanti engkau akan berkata kepadaku: Engkau telah memecahbelahkan di antara Bani Israel dan tidak mengamati pesananku(94). Musa bertanya: Apakah yang mendorong engkau (berbuat begitu), wahai Samiri?(95) Jawab Samiri: Aku mengetahui sesuatu yang tidak diketahui mereka, lalu aku mengambil segenggam dari kesan jejak Rasul kemudian aku campakkannya. Demikianlah aku didorong olah nafsuku(96). Berkatalah Musa: Pergilah engkau! Sesungguhnya dalam kehidupan dunia ini engkau hanya dapat berkata: Jangan sentuh aku. Dan engkau mempunyai masa (hukuman di Akhirat) yang tidak akan dapat dihindari engkau. Dan lihatlah kepada tuhanmu yang engkau tetap menyembahkannya, sesungguhnya kami akan membakarkannya kemudian kami akan leburkannya ke dalam laut selebur-leburnya(97). Sesungguhnya Tuhan kamu hanyalah Allah, yang tiada Tuhan yang lain melainkan hanya Dia, ilmu-Nya meliputi segala sesuatu"(98).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah ini dimula dan ditamatkan dengan ayat-ayat yang ditujukan kepada Rasulullah s.a.w. untuk menerangkan tugasnya dan batas-batas kewajipannya, iaitu tugas kerasulan itu bukanlah suatu kesusahan yang dikenakan ke atas beliau dan bukanlah suatu keseksaan untuk mengazabkannya, malah tugas beliau ialah berda'wah dan menyampaikan peringatan, iaitu memberi tabsyir dan amaran (kepada manusia), dan selepas itu segala urusan penciptaan adalah terpulang kepada Allah Yang Maha Esa, yang tiada Tuhan yang lain melainkan hanya Dia. Dialah yang menguasai segala isi alam buana lahir dan batin. Dialah Yang Maha Mendalam Ilmu-Nya terhadap isi kandungan hati manusia yang zahir dan yang tersembunyi. Seluruh dahi tunduk kepada-Nya dan seluruh insan akan kembali kepada-Nya sama ada yang ta'at atau yang menderhaka. Oleh itu seorang rasul tidak bertanggungjawab terhadap orang-orang yang mendusta dan tidak percaya. Dia juga tidak akan mendapat kesusahan kerana mereka mendusta dan tidak percaya.

Di antara permulaan dan pengakhiran surah ditayangkan kisah Musa a.s. dari babak beliau menjadi rasul hingga kepada babak Bani Israel menyembah anak lembu setelah mereka keluar dari negeri Mesir. Semuanya diceritakan dengan terperinci dan panjang lebar terutama babak munajat di antara Allah dengan Musa a.s. Di celah-celah kisah itu nampak jelas betapa rapinya ri'ayah Allah terhadap Musa yang dibelaikannya di bawah penglihatan-Nya dan menjadikan beliau hamba kesayangan-Nya. Allah berfirman kepada beliau dan saudaranya:

قَالَ لَا تَخَافَآ إِنَّنِي مَعَكُمَآ أَسْمَعُ وَأَرَىٰ ﴿٤٦﴾

"Janganlah kamu berdua merasa bimbang kerana sesungguhnya Aku bersama kamu berdua, Aku sentiasa mendengar dan melihat."(46)

Kemudian diceritakan pula kisah 'Adam secara sepintas lalu, di mana ditonjolkan betapa limpahnya rahmat Allah terhadap 'Adam setelah beliau melakukan kesalahan dan betapa limpah hidayat-Nya kepada beliau, juga diterangkan bahawa anak-anak cucu 'Adam yang telah diberi peringatan dan amaran itu adalah diberi kebebasan memilih di antara hidayat dengan kesesatan.

Kisah ini dilingkungi pula dengan pemandangan-pemandangan Qiamat seolah-olah untuk melengkapkan cerita 'Adam yang bermula di alam al-Mala'ul-A'la, yang mana pada akhirnya orang yang ta'at akan pulang kembali ke Syurga dan orang-orang yang derhaka akan pulang ke Neraka sebagai menepati janji Allah kepada 'Adam, moyang ulung mereka ketika beliau diturunkan ke bumi selepas berlakunya peristiwa beliau melakukan kesalahan.

Oleh sebab itulah penerangan surah ini berlangsung dalam dua pusingan. Pusingan yang pertama mengandungi permulaan surah yang ditujukan kepada Rasulullah s.a.w:

مَآ أَنزَلْنَا عَلَيْكَ ٱلْقُرْءَانَ لِتَشْقَىٰٓ ﴿٢﴾

"Kami tidak menurunkan Al-Qur'an kepadamu (wahai Muhammad) supaya engkau mendapat kesusahan."(2)

إِلَّا تَذْكِرَةً لِّمَن يَخْشَىٰ ﴿٣﴾

"Melainkan semata-mata supaya menjadi peringatan kepada orang yang takut kepada Allah."(3)

Kemudian diikuti pula dengan kisah Nabi Musa a.s. sebagai satu contoh lengkap yang menunjukkan betapa rapinya ri'ayah Allah terhadap para rasul-Nya yang dipilih untuk menyampaikan da'wah-Nya. Mereka tidak mendapat kesusahan dan kecelakaan di bawah perlindungan-Nya.

Pusingan yang kedua mengandungi pemandangan-pemandangan Qiamat dan kisah 'Adam a.s. yang sealiran dengan permulaan surah di samping kisah Musa a.s., kemudian akhir surah ditutup dengan pembicaraan yang serupa dan selaras dengan permulaan surah dan suasananya.

Surah ini mempunyai satu bayangan istimewa yang menyelubungi seluruh suasananya, iaitu bayangan maqam ketinggian Ilahi Yang Maha Besar, di mana seluruh hati manusia merendah khusyu' kepada-Nya dan seluruh jiwa mereka merasa tenang dan tenteram dengan-Nya dan seluruh dahi tunduk ta'at kepada-Nya. Itulah bayangan yang diliputi oleh tajalli Allah yang Rahman ke atas Lembah Tuwa yang suci dan ke atas hamba-Nya Musa a.s. dalam peristiwa munajat yang panjang, ketika itu malam sunyi sepi dan Musa sendirian dan seluruh alam buana menyambut gema munajat yang panjang itu. Itulah bayangan yang diliputi tajalli Allah yang Qayum di padang Mahsyar yang amat besar itu:

وَخَشَعَتِ ٱلْأَصْوَاتُ لِلرَّحْمَٰنِ فَلَا تَسْمَعُ إِلَّا هَمْسًا ﴿١٠٨﴾

"Dan seluruh suara merendah khusyu' kepada Allah Yang Maha Penyayang (oleh itu di sana) engkau tidak dapat mendengar kecuali suara bisikan sahaja."(108)

وَعَنَتِ ٱلْوُجُوهُ لِلْحَيِّ ٱلْقَيُّومِ

"Dan seluruh wajah tunduk merendahkan diri kepada Allah Yang Maha Hidup dan Maha Mentadbir."(111)

Nada irama seluruh surah ini selaras dengan suasana yang seperti ini dari permulaan surah hingga ke akhirnya, iaitu sebuah nada irama yang lembut, merdu dan lunak dengan bunyi panjang (madd) pada hampir seluruh kata-kata akhir setiap ayat yang berakhir dengan alif maqsurah itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 8)

طه ﴿١﴾

مَآ أَنزَلْنَا عَلَيْكَ ٱلْقُرْءَانَ لِتَشْقَىٰٓ ﴿٢﴾

إِلَّا تَذْكِرَةً لِّمَن يَخْشَىٰ ﴿٣﴾

تَنزِيلًا مِّمَّنْ خَلَقَ ٱلْأَرْضَ وَٱلسَّمَٰوَٰتِ ٱلْعُلَى ﴿٤﴾

ٱلرَّحْمَٰنُ عَلَى ٱلْعَرْشِ ٱسْتَوَىٰ ﴿٥﴾

لَهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا وَمَا تَحْتَ ٱلثَّرَىٰ ﴿٦﴾

وَإِن تَجْهَرْ بِٱلْقَوْلِ فَإِنَّهُۥ يَعْلَمُ ٱلسِّرَّ وَأَخْفَى ﴿٧﴾

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ لَهُ ٱلْأَسْمَآءُ ٱلْحُسْنَىٰ ﴿٨﴾

"Ta. Ha."(1). Kami tidak menurunkan Al-Qur'an kepadamu (wahai Muhammad) supaya engkau mendapat kesusahan(2). Melainkan semata-mata supaya menjadi peringatan kepada orang yang takut kepada Allah(3). (Al-Qur'an itu) diturunkan dari Tuhan yang telah menciptakan bumi dan langit yang amat tinggi(4).Iaitu Allah Yang Maha Penyayang yang bersemayam di 'Arasy(5). Yang memiliki segala isi langit, segala isi bumi, segala makhluk yang ada di antara keduanya dan segala apa yang ada di bawah tanah(6). Dan andainya engkau menyaringkan pengucapanmu, maka sesungguhnya Allah itu mengetahui segala rahsia dan apa yang lebih tersembunyi lagi(7). Dialah Allah, tiada Tuhan yang lain melainkan hanya Dia. Dia mempunyai nama-nama yang paling indah."(8)

Satu permulaan kata yang amat lembut dan lunak menggunakan huruf-huruf potongan "Ta, Ha" untuk menyedarkan bahawa surah ini sama seperti surah-surah Al-Qur'an yang lain adalah digubahkan dari huruf-huruf potongan seperti ini sebagaimana telah kami jelaskan pada permulaan-permulaan surah-surah yang lain. Dalam surah ini Allah memilih dua huruf yang berakhir dengan nada yang sama dengan nada surah. Kedua-duanya juga dibunyikan pendek-pendek dan tidak di panjang-panjang untuk menyelaraskan bunyi nada itu.

Selepas menyebut dua huruf ini terus diiringi dengan sebuah pernyataan mengenai Al-Qur'an sebagaimana biasa di dalam surah-surah yang dimulakan dengan huruf-huruf potongan. Pernyataan itu dibuat dalam bentuk ungkapan yang ditujukan kepada Rasulullah s.a.w:

مَآ أَنزَلْنَا عَلَيْكَ ٱلْقُرْءَانَ لِتَشْقَىٰٓ ﴿٢﴾

"Kami tidak menurunkan Al-Qur'an kepadamu (wahai Muhammad) supaya engkau mendapat kesusahan."(2)

Tujuan diturunkan Al-Qur'an kepadamu bukanlah, supaya engkau mendapat kesusahan dengan sebabnya atau mendapat kesusahan kerana membacanya dan beribadat dengannya hingga melampaui tenaga kemampuan engkau. Al-Qur'an itu telah disusun begitu mudah dengan tujuan untuk memberi peringatan kepada manusia. Taklif-taklif yang ditetapkan oleh Al-Qur'an tidaklah melebihi tenaga kemampuan manusia. Al-Qur'an tidak mentaklifkan engkau (wahai Muhammad) melainkan sekadar keupayaan yang ada padamu sahaja. Ia tidak mewajibkan ke atasmu melainkan sekadar yang dapat dipikul oleh daya tenagamu sahaja. Ia mentaklifkan engkau berta'abbud dengannya dalam batas-batas

kemampuan engkau sahaja yang dapat melahirkan keni'matan bukannya kesusahan, di samping membuka peluang (kepada manusia) untuk berhubung dengan alam al-Mala'ul-A'la untuk mencari kekuatan dan ketenteraman, dan untuk meni'mati perasaan kerelaan, kepuasan, kemesraan dan keni'matan sampai kepada Allah.

Tujuan Kami turunkan Al-Qur'an kepadamu (wahai Muhammad) bukanlah supaya engkau menderita kesusahan apabila manusia tidak beriman kepadanya, kerana engkau bukanlah ditugas untuk memaksa mereka supaya beriman dan bukanlah pula ditugas untuk menanggung kedukacitaan terhadap keengganan mereka. Al-Qur'an ini tidak diturun melainkan hanya semata-mata untuk tujuan memberi peringatan dan amaran kepada manusia:

إِلَّا تَذْكِرَةً لِّمَن يَخْشَىٰ ٣

"Melainkan semata-mata supaya menjadi peringatan kepada orang yang takut kepada Allah."(3)

Mana-mana orang yang takut kepada Allah akan mengambil pengajaran dari Al-Qur'an apabila dia diperingatkan dengannya, dan dia akan bertaqwa dan memohon keampunan kepada-Nya. Setakat inilah sahaja berakhirnya tugas Rasulullah s.a.w. Beliau tidak ditugas untuk membuka hati-hati yang tertutup atau untuk menguasai hati dan jiwa manusia, kerana urusan yang seperti ini adalah terpulang kepada Allah yang telah menurunkan Al-Qur'an ini kerana Dialah sahaja yang menguasai seluruh alam buana dan mengetahui segala rahsia hati manusia:

تَنزِيلًا مِّمَّنْ خَلَقَ ٱلْأَرْضَ وَٱلسَّمَٰوَٰتِ ٱلْعُلَى ٤
ٱلرَّحْمَٰنُ عَلَى ٱلْعَرْشِ ٱسْتَوَىٰ ٥
لَهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا وَمَا تَحْتَ ٱلثَّرَىٰ ٦

"(Al-Qur'an itu) diturunkan dari Tuhan yang telah menciptakan bumi dan langit yang amat tinggi(4). Iaitu Allah Yang Maha Penyayang yang bersemayam di 'Arasy(5). Yang memiliki segala isi langit, segala isi bumi, segala makhluk yang ada di antara keduanya dan segala apa yang ada di bawah tanah."(6)

Tuhan yang menurunkan Al-Qur'an ialah Tuhan yang telah menciptakan bumi dan langit-langit yang tinggi. Dan Al-Qur'an juga merupakan satu gejala alam yang sama dengan langit dan bumi yang diturunkan dari alam al-Mala'ul-A'la. Ayat-ayat ini menghubungkan di antara undang-undang yang mengendalikan alam dengan undang-undang syari'at yang diturunkan oleh Al-Qur'an di samping menyelaraskan di antara bayangan langit yang tinggi bersama bumi, dengan bayangan Al-Qur'an yang diturunkan dari alam al-Mala'ul-A'la ke bumi.

Tuhan yang telah menurunkan Al-Qur'an dari alam al-Mala'ul-A'la dan menciptakan bumi dan langit yang tinggi itu ialah Allah yang "Rahman" (Yang Maha Penyayang). Oleh itu tentulah Dia tidak menurunkan Al-Qur'an ini ke atas hamba kesayangan-Nya (Muhammad) supaya beliau mendapat kesusahan. Sifat rahmat (penyayang) yang ditonjolkan di sini ialah untuk mengemukakan maksud ini. Dan Allah Yang Maha Penyayanglah yang menguasai seluruh alam buana:

ٱلرَّحْمَٰنُ عَلَى ٱلْعَرْشِ ٱسْتَوَىٰ ٥

"Iaitu Allah Yang Maha Penyayang yang bersemayam di 'Arasy."(5)

Yang dimaksudkan dengan persemayaman atau al-istiwa' di atas 'Arasy itu ialah bayangan dari penguasaan Allah yang sepenuh (terhadap seluruh alam buana). Jadi, seluruh urusan manusia adalah terpulang kepada-Nya, sedangkan tugas Rasulullah hanya memberi peringatan kepada orang yang takut kepada Allah.

Di samping sifat Allah yang menguasai segala-galanya ialah sifat-Nya yang memiliki dan mengetahui segala-galanya:

لَهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا وَمَا تَحْتَ ٱلثَّرَىٰ ٦

"Yang memiliki segala isi langit, segala isi bumi, segala makhluk yang ada di antara keduanya dan segala apa yang ada di bawah tanah."(6)

Pemandangan-pemandangan alam digunakan dalam pengungkapan ini untuk menonjolkan pengertian sifat Allah yang memiliki dan mengetahui segala-galanya itu dalam bentuk yang dapat difahami oleh daya pemikiran manusia, sedangkan hakikat yang sebenar adalah jauh lebih besar dari itu lagi kerana Allah memiliki segala makhluk alam al-wujud yang lebih besar dari isi alam langit bumi, dari segala sesuatu yang wujud di antara keduanya dan dari segala apa yang ada di bawah tanah.

Ilmu Allah itu meliputi seluas kerajaan yang dimilikinya:

وَإِن تَجْهَرْ بِٱلْقَوْلِ فَإِنَّهُۥ يَعْلَمُ ٱلسِّرَّ وَأَخْفَى ٧

"Dan andainya engkau menyaringkan pengucapanmu, maka sesungguhnya Allah itu mengetahui segala rahsia dan apa yang lebih tersembunyi lagi."(7)

Al-Qur'an menyeimbangkan di antara bayangan pengertian yang dibayangkan oleh ayat:

لَهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا وَمَا تَحْتَ ٱلثَّرَىٰ ٦

"Yang memiliki segala isi langit, segala isi bumi, segala makhluk yang ada di antara keduanya dan segala apa yang ada di bawah tanah"(6)

dengan bayangan pengertian yang dibayangkan oleh ayat:

وَإِن تَجْهَرْ بِالْقَوْلِ فَإِنَّهُۥ يَعْلَمُ السِّرَّ وَأَخْفَى ﴿٧﴾

"Dan andainya engkau menyaringkan pengucapanmu, maka sesungguhnya Allah mengetahui segala rahsia dan apa yang lebih tersembunyi lagi"(7)

iaitu ia menyeimbangkan di antara keketaraan makhluk yang zahir dan nyata di alam buana ini, juga keketaraan pengucapan kata-kata yang zahir dan terang-terangan dengan kerahsiaan segala apa yang tersembunyi di bawah tanah dan segala apa yang tersimpan di dalam dada, iaitu rahsia-rahsia hati manusia dan yang lebih sulit dari itu lagi mengikut kaedah keseimbangan penggambaran Al-Qur'an. Rahsia merupakan sesuatu yang sulit, dan sesuatu yang lebih sulit dari rahsia itu menggambarkan wujudnya darjat-darjat kesulitan dan kerahsiaan sebagaimana keadaan kesulitan dan kerahsiaan yang wujud di bawah lapisan-lapisan tanah bumi.

Ayat ini ditujukan kepada Rasulullah s.a.w. untuk mententeramkan hati beliau bahawa Allah sentiasa bersama dengannya dan sentiasa mendengar pengucapan kata-katanya dan Dia tidak akan meninggalkan beliau bersendirian menanggung kesusahan dengan sebab Al-Qur'an dan menghadapi orang-orang kafir tanpa bantuan. Jika beliau menyeru Allah dengan suara yang lantang, maka Allah mengetahui segala rahsia dan apa yang lebih sulit dari rahsia lagi. Apabila hati Rasul itu sedar bahawa Allah amat dekat dengannya dan mengetahui bahawa Allah mengetahui segala rahsia dan bisikannya, tentulah dia merasa tenteram, puas dan mesra dengan perhubungan yang dekat itu. Dia tidak merasa terpencil di kalangan kaum Musyrikin yang mendusta dan menentang beliau, dia tidak merasa tersisih di kalangan kaum Musyrikin yang menganut kepercayaan dan mempunyai perasaan yang bertentangan dengan kepercayaan dan perasaan beliau.

Bahagian awal surah ini diakhiri dengan sebuah pernyataan yang mengisytiharkan sifat wahdaniyah Allah setelah menerangkan sifat penguasaan, pemilikan dan ilmu-Nya (Yang Maha Mendalam):

اللَّهُ لَا إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ لَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ ﴿٨﴾

"Dialah Allah, tiada Tuhan yang lain melainkan hanya Dia. Dia mempunyai nama-nama yang paling indah."(8)

Kata-kata "al-Husna" turut serta menyeimbangkan nada akhir ayat, juga menyeimbangkan bayangan pengertiannya dengan bayangan pengertian rahmat, kehampiran dan ri'ayah Allah yang merangkumi suasana bahagian awal dan suasana keseluruhan surah ini.

* * * * * *

Kisah Musa Dalam Al- Qur'an

Kemudian Allah mengisahkan kepada Rasul-Nya cerita Nabi Musa a.s. sebagai contoh untuk menunjukkan bagaimana Allah melindungi para rasul yang telah dipilih untuk membawa da'wah-Nya. Kisah Nabi Musa a.s. merupakan satu kisah yang paling banyak disebut di dalam Al-Qur'an. Ia dikemukakan dalam bentuk babak-babak yang sesuai dengan maudhu' pembicaraan surah yang berkenaan dan sesuai dengan suasana dan bayangan pengertiannya. Setakat ini babak-babak kisah itu telah pun diceritakan di dalam Surah al-Baqarah, Surah al-Ma'idah, Surah al-A'raf, Surah Yunus, Surah al-Isra' dan Surah al-Kahfi, tidak termasuk penceritaan-penceritaan sepintas lalu di dalam surah-surah yang lain.

Di dalam Surah al-Ma'idah diceritakan salah satu dari babak-babaknya iaitu babak yang menggambarkan Bani Israel berhenti di hadapan tanah suci (Baitul-Maqdis). Mereka tidak mahu memasukinya kerana negeri itu diperintah oleh satu kaum yang bermaharajalela. Begitu juga di dalam Surah al-Kahfi telah diceritakan satu babak yang lain, iaitu babak pertemuan Musa dengan seorang hamba yang soleh, yang kemudian bersahabat dengannya dalam satu masa.

Di dalam Surah-surah al-Baqarah, al-A'raf, Yunus dan khususnya di dalam surah ini banyak babak-babak kisah itu telah dikemukakan, tetapi babak-babak ini tidak sama penceritaannya dari surah ke satu surah dan tidak sama pula sudut kisah yang diceritakannya mengikut persesuaian dengan tujuan surah yang memuatkan kisah itu.

Di dalam Surah al-Baqarah, kisah itu diceritakan selepas kisah 'Adam dan penghormatan yang diperolehinya di alam al-Mala'ul-A'la dan bagaimana beliau dilantik menjadi khalifah di bumi dan bagaimana beliau dikurniakan ni'mat setelah mendapat keampunan dari Allah. Oleh itu kisah Nabi Musa a.s. dengan Bani Israel itu diceritakan dalam surah ini dengan tujuan untuk mengingatkan kaum Bani Israel (di zaman Rasulullah) terhadap ni'mat-ni'mat Allah yang dikurniakan kepada mereka, juga terhadap janji Allah kepada mereka terhadap pertolongan Allah menyelamatkan mereka dari Fir'aun dan kuncu-kuncunya, terhadap permohonan mereka meminta hujan dan bagaimana Allah mengalirkan matair-matair untuk mereka, juga terhadap limpah kurnia Allah yang telah memberikan Manna dan Salwa untuk menjadi makanan kepada mereka. Kisah itu juga menyebut cerita perjanjian Allah dengan Musa dan cerita Bani Israel menyembah patung anak lembu selepas pemergian beliau (bermunajat dengan Allah), kemudian Allah mengampunkan dosa mereka dan membuat perjanjian dengan mereka di bawah Bukit Tursina, kemudian cerita mereka yang melanggar larangan hari Sabtu dan cerita penyembelihan lembu (yang diperintahkan kepada mereka).

Di dalam Surah al-A'raf kisah Musa diceritakan selepas Al-Qur'an memberi amaran dan menjelaskan akibat-akibat yang telah menimpa mereka yang mendustakan ayat-ayat Allah sebelum kedatangan Musa a.s. Cerita itu dimulakan dengan babak beliau diangkat menjadi rasul kemudian ditayangkan mu'jizat-mu'jizat tongkat, banjir, belalang, kutu-kutu, katak-katak dan darah. Kemudian ditayangkan babak pertandingan dengan ahli-ahli sihir dengan panjang lebar, juga nasib kesudahan yang menimpa Fir'aun dan kuncu-kuncunya yang pendusta, kemudian diceritakan pula kisah Bani Israel selepas itu, iaitu kisah mereka menyembah anak lembu semasa pemergian Musa (untuk bermunajat dengan Allah). Kemudian kisah ini ditamatkan dengan sebuah pernyataan yang mengumumkan bahawa warisan rahmat dan hidayat Allah itu adalah dikurniakan kepadaorang-orang yang mengikut Muhammad Rasul dan NabiAllah yang ummi.

Di dalam Surah Yunus pula ia diceritakan selepas ditayangkan malapetaka yang membinasakan para pendusta, dan di sini kisah Musa diceritakan dari babak beliau diangkat menjadi rasul serta ditayangkan pemandangan ahli-ahli sihir dan peristiwa kebinasaan Fir'aun dan kaumnya dengan terperinci.

Tetapi di dalam surah ini kisah Musa a.s. diceritakan selepas bahagian awal surah yang membayangkan bahawa Allah sentiasa memberi rahmat dan perlindungan kepada para rasul yang dipilih untuk memikul risalah-Nya dan menyampaikan da'wah-Nya, oleh sebab itu kisah Musa dipayungi dengan suasana rahmat dan perlindungan, di mana ia dimulakan dengan pemandangan munajat kemudian memuatkan contoh-contoh perlindungan dan sokongan Allah kepada beliau dan seterusnya membayangkan bahawa perlindungan yang seperti ini telah pun dikurniakan kepada beliau sebelum diangkat menjadi rasul. Perlindungan Allah telah menemani beliau sejak beliau masih kecil. Perlindungan Ilahi inilah yang menjaga dan membelabeliau:

وَأَلْقَيْتُ عَلَيْكَ مَحَبَّةً مِّنِّي وَلِتُصْنَعَ عَلَىٰ عَيْنِيٓ ٣٩

"Dan Aku telah campakkan ke atasmu kasihan belas dari-Ku (supaya engkau dikasihi orang) dan supaya engkau diciptakan di bawah penglihatan-Ku."(39)

(Pentafsiran ayat-ayat 9 - 16)

Kisah Musa Bermunajat Dengan Allah Di Wadi Tuwa

Sekarang marilah kita ikuti babak-babak kisah ini mengikut bagaimana yang diceritakan di dalam ayat-ayat berikut:

وَهَلْ أَتَىٰكَ حَدِيثُ مُوسَىٰٓ ٩

"Tidakkah sampai kepadamu cerita Musa?"(9)

إِذْ رَءَا نَارًا فَقَالَ لِأَهْلِهِ ٱمْكُثُوٓا۟ إِنِّيٓ ءَانَسْتُ نَارًا

لَّعَلِّيٓ ءَاتِيكُم مِّنْهَا بِقَبَسٍ أَوْ أَجِدُ عَلَى ٱلنَّارِ هُدًى ١٠

"Ketika dia melihat api lalu diapun berkata kepada keluarganya: Tinggallah kamu (di sini) sesungguhnya aku nampak api, mudah-mudahan aku dapat membawa kepada kamu sedikit darinya atau mendapat pemandu jalan di tempat api itu."(10)

"Tidakkah sampai kepadamu cerita Musa?" Di mana dapat dilihat dengan jelas bagaimana Allah memberi perlindungan dan hidayat-Nya kepada orang yang telah dipilih-Nya sebagai rasul?

Lihatlah Nabi Musa a.s. Beliau sekarang sedang berada di dalam perjalanan di antara Madyan dan Mesir di pinggir Bukit Tursina. Kini beliau pulang bersama keluarganya (menuju ke Mesir) setelah beliau menghabiskan masa perkhidmatan yang telah dipersetujui di antara beliau dengan Nabi Allah Syu'ayb a.s. yang telah mengahwinkan beliau dengan salah seorang dari dua orang puterinya dengan syarat beliau berkhidmat kepadanya selama lapan atau sepuluh tahun. Menurut pendapat yang lebih rajih, beliau telah menyempurnakan perkhidmatannya selama sepuluh tahun, kemudian beliau mengambil keputusan berpisah dengan Syu'ayb dan membawa diri serta isterinya pulang ke negeri tumpah darahnya, iaitu negeri tempat tinggal kaumnya Bani Israel yang hidup di bawah pemerintahan Fir'aun yang kejam dan zalim.[1]

Mengapa beliau pulang? Beliau keluar dari negeri Mesir kerana diburu kerajaan Fir'aun. Di sana beliau telah membunuh seorang Qibti apabila beliau melihat orang ini bergaduh dengan seorang Israel. Oleh itu beliau terpaksa meninggalkan negeri Mesir melarikan diri, sedangkan di sana kaumnya Bani Israel hidup di bawah berbagai-bagai tindasan dan keseksaan. Beliau telah mendapat keamanan dan ketenteraman di negeri Madyan di samping mertuanya Syu'ayb yang telah memberi perlindungan dan mengahwinkan beliau dengan salah seorang dari dua orang puterinya. Mengapa beliau pulang?

Itulah daya tarikan cinta tanahair dan keluarga yang diguna qudrat Ilahi sebagai tabir untuk menarik Musa kepada peranan-peranan yang telah disediakannya untuk dimainkan beliau di sana. Demikianlah kita bergerak dalam hidup ini. Kita digerak dan didorongkan berbagai-bagai kerinduan, bisikan-bisikan, cita-cita yang tinggi, kehendak-kehendak yang loba, kesakitan-kesakitan dan angan-angan. Semuanya merupakan sebab-sebab lahir bagi matlamat Ilahi yang tersembunyi. Ia merupakan tabir-tabir yang dapat dilihat mata kasar, yang melindungi tangan qudrat Ilahi yang tidak dapat dilihat mata. Itulah tangan qudrat Allah Pentadbir Yang Maha

---

[1] *Cerita ini telah disebut di dalam babak-babak pertama kisah Musa di dalam Surah al-Qasas yang diturunkan sebelum Surah Taha.*

Agung, Penguasa Yang Maha Agung, Yang Maha Perkasa dan Maha Gagah.

Demikianlah pulangnya Nabi Musa a.s. Beliau telah tersesat jalan di padang pasir yang tandus. Bersama beliau ialah isterinya dan mungkin juga mereka berdua ditemani oleh seorang khadam. Beliau kesesatan jalan di malam yang gelap-gelita di padang gurun yang amat luas. Semuanya ini dapat kita faham dari perkataan beliau kepada isterinya:

إِذۡ رَءَا نَارٗا فَقَالَ لِأَهۡلِهِ ٱمۡكُثُوٓاْ إِنِّيٓ ءَانَسۡتُ نَارٗا
لَّعَلِّيٓ ءَاتِيكُم مِّنۡهَا بِقَبَسٍ أَوۡ أَجِدُ عَلَى ٱلنَّارِ هُدٗى ﴿١٠﴾

"Ketika dia melihat api lalu diapun berkata kepada keluarganya: Tinggallah kamu (di sini) sesungguhnya aku nampak api, mudah-mudahan aku dapat membawa kepada kamu sedikit darinya atau mendapat pemandu jalan di tempat api itu."(10)

Biasanya penduduk-penduduk padang pasir menyalakan api di atas cangkat atau tanah-tanah tinggi supaya dapat dilihat oleh musafir-musafir yang berjalan di waktu malam di padang pasir agar mereka dapat menuju ke jalan yang betul atau dapat berhenti menjadi tamu kepada sesiapa yang ada di tempat api itu atau mendapat pemandu yang boleh menunjukkan jalan kepada mereka.

Sebaik sahaja Musa melihat api di padang pasir itu beliau merasa begitu gembira lalu beliau menuju ke tempat api itu untuk mengambil sedikit api supaya isterinya dapat berdiang memanaskan badan kerana malam itu dingin, dan memanglah malam di padang pasir itu amat dingin, atau untuk mendapat pemandu yang boleh menunjuk jalan, atau dapat menemui jalan yang betul dengan suluhan api itu.

Kini beliau sedang berjalan mencari api dan mencari pemandu untuk meneruskan perjalanannya di waktu malam, tetapi di sana beliau menemui satu kejutan yang amat besar, di sana beliau dapati api itu bukan api yang menghangatkan badan tetapi api yang menghangatkan roh, ia bukan api yang memberi petunjuk untuk berjalan di waktu malam tetapi api yang memberi petunjuk untuk berjalan dalam kembara hidup manusia yang agung:

فَلَمَّآ أَتَىٰهَا نُودِيَ يَٰمُوسَىٰٓ ﴿١١﴾
إِنِّيٓ أَنَا۠ رَبُّكَ فَٱخۡلَعۡ نَعۡلَيۡكَ إِنَّكَ بِٱلۡوَادِ ٱلۡمُقَدَّسِ
طُوٗى ﴿١٢﴾
وَأَنَا ٱخۡتَرۡتُكَ فَٱسۡتَمِعۡ لِمَا يُوحَىٰٓ ﴿١٣﴾
إِنَّنِيٓ أَنَا ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنَا۠ فَٱعۡبُدۡنِي وَأَقِمِ ٱلصَّلَوٰةَ
لِذِكۡرِيٓ ﴿١٤﴾

إِنَّ ٱلسَّاعَةَ ءَاتِيَةٌ أَكَادُ أُخۡفِيهَا لِتُجۡزَىٰ كُلُّ
نَفۡسِۭ بِمَا تَسۡعَىٰ ﴿١٥﴾
فَلَا يَصُدَّنَّكَ عَنۡهَا مَن لَّا يُؤۡمِنُ بِهَا وَٱتَّبَعَ هَوَىٰهُ
فَتَرۡدَىٰ ﴿١٦﴾

"Apabila dia sampai di tempat api itu, tiba-tiba dia diseru: Wahai Musa!(11) Sesungguhnya Aku ini adalah Tuhanmu, oleh itu tanggalkanlah dua kasutmu kerana sesungguh-nya engkau sedang berada di Wadi Tuwa yang suci(12). Dan aku telah memilihmu (menjadi Rasul). Oleh itu dengarlah apa yang akan diwahyukan kepadamu (13). Sesungguhnya Aku ini adalah Allah,tiada Tuhan yang lain melainkan hanya Aku. Oleh itu, abdikanlah dirimu kepada-Ku dan dirikanlah solat muntuk mengingati-Ku (14). Sesungguhnya hari Qiamat itu tetap akan datang, Aku sengaja sembunyikan waktunya supaya setiap orang dibalas dengan amalan yang dilakukannya (15). Oleh itu janganlah engkau dihalangi dari mempercayakannya oleh orang yang tidak beriman kepadanya dan mengikut hawa nafsunya, lalu ia menyebabkan engkau binasa."(16)

Jantung menjadi kering dan seluruh entiti menggigil apabila ia menghayalkan pemandangan yang mengejutkan, di mana Musa berada seorang diri di padang pasir, malam diselubungi gelap-gelita dan sunyi sepi. Ia pergi mencari api yang dilihat bernyala di sebelah Bukit Tursina, tiba-tiba seluruh alam al-wujud di sekelilingnya bergema dengan seruan Ilahi:

إِنِّيٓ أَنَا۠ رَبُّكَ فَٱخۡلَعۡ نَعۡلَيۡكَ إِنَّكَ بِٱلۡوَادِ ٱلۡمُقَدَّسِ
طُوٗى ﴿١٢﴾

"Sesungguhnya Aku ini adalah Tuhanmu, oleh itu tanggalkanlah dua kasutmu kerana sesungguhnya engkau sedang berada di Wadi Tuwa yang suci."(12)

وَأَنَا ٱخۡتَرۡتُكَ

"Dan aku telah memilihmu (menjadi rasul)."(13)

Kini satu makhluk yang amat kecil, lemah dan terbatas segala-galanya sedang menghadapi keagungan Allah yang tidak dapat ditanggap mata, keagungan yang membuat langit dan bumi kelihatan begitu kecil di bawah bayangan-Nya, kini dia menerima pula panggilan Ilahi yang luhur dengan entitinya sebagai manusia yang kerdil... Bagaimana hal ini mungkin berlaku, jika tidak kerana wujudnya Lutfullah?

Itulah sa'at-sa'at di mana seluruh umat manusia yang diwakili Musa a.s. telah terangkat darjatnya begitu tinggi. Cukuplah bagi entiti manusia berbangga kerana mempunyai ketahanan menerima limpahan nur yang luhur itu dalam sedetik waktu, cukuplah bagi umat manusia berbangga kerana mempunyai kesediaan untuk meni'mati komunikasi dengan Allah dalam apa sahaja bentuk komunikasi yang sedemikian rupa. Bagaimana hal ini berlaku? Kita tidak tahu bagaimana ia berlaku, kerana akal

manusia di waktu itu tidak dapat berfikir lagi, dan tindakan maksima yang mampu diambilnya ialah berdiri kagum dan terpesona, di mana ia hanya menyaksi dan terus beriman.

فَلَمَّآ أَتَىٰهَا نُودِيَ يَٰمُوسَىٰٓ ﴿١١﴾

"Apabila dia sampai di tempat api itu, tiba-tiba dia diseru: Wahai Musa!"(11)

إِنِّيٓ أَنَا۠ رَبُّكَ

"Sesungguhnya Aku ini adalah Tuhanmu."(12)

Beliau "diseru" dengan kata kerja bina majhul. Tiadalah dapat ditentukan dari mana sumber dan arah datangnya seruan itu dan tiadalah dapat ditentukan bentuk dan kaifiyatnya. Tiadalah dapat diterangkan bagaimana Musa mendengar atau menyambut seruan itu. Beliau diseru dengan suatu cara yang tertentu dan menyambut seruan itu dengan suatu cara yang tertentu. Semua urusan ini merupakan urusan Allah dan kita tetap mempercayainya tanpa mempersoalkan bagaimana ia berlaku, kerana cara dan kaifiyatnya adalah di luar daya pemikiran dan kefahaman manusia.

يَٰمُوسَىٰٓ ﴿١١﴾ إِنِّيٓ أَنَا۠ رَبُّكَ فَٱخۡلَعۡ نَعۡلَيۡكَ إِنَّكَ بِٱلۡوَادِ ٱلۡمُقَدَّسِ طُوٗى ﴿١٢﴾

".........Wahai Musa! (11). Sesungguhnya Aku ini adalah Tuhanmu, oleh itu tanggalkanlah dua kasutmu kerana sesungguhnya engkau sedang berada di Wadi Tuwa yang suci." (12) [2]

Wahai Musa! Engkau sekarang berada di hadrat Allah Yang Maha Tinggi, maka tanggalkanlah kasut dari dua kakimu. Engkau sekarang berada di sebuah lembah, di mana berlangsungnya tajalli Yang Maha Suci, maka janganlah engkau pijakkan lembah ini dengan kasutmu.

وَأَنَا ٱخۡتَرۡتُكَ

"Dan aku telah memilihmu (menjadi Rasul)."(13)

Alangkah besarnya penghormatan ini, kerana Allah sendiri secara langsung memilih seorang hamba-Nya di antara para hamba-Nya yang lain, memilih satu individu di antara kelompok-kelompok hamba-Nya yang hidup di atas planet bumi di antara planet-planet yang lain, sedangkan planet bumi hanya merupakan sebiji debu dalam kumpulan bintang-bintang yang lain, dan kumpulan bintang-bintang itu pula hanya merupakan sebiji debu di dalam alam buana yang amat luas, iaitu alam buana yang diciptakan Allah dengan hanya sepatah perintah "كن" lalu iapun muncul ke alam al-wujud. Itulah ri'ayah Allah Yang Maha Penyayang terhadap makhluk manusia.

Setelah Allah mengumumkan penghormatan dan pemilihan-Nya dan memerintah Musa supaya bersiap sedia (menerima tugas kerasulan) dengan menanggalkan kasutnya, Dia iringi pula dengan perintah supaya beliau menerima wahyu-Nya:

فَٱسۡتَمِعۡ لِمَا يُوحَىٰٓ ﴿١٣﴾

"Oleh itu dengarlah apa yang akan diwahyukan kepadamu."(13)

Intisari Wahyu Pertama Yang Diterima Musa

Intisari wahyu yang disampaikan kepada Musa a.s. mengandungi tiga perkara yang berkaitan rapati aitu: 'Aqidah tauhid, penumpuan ibadat kepada Allah dan beriman kepada hari Qiamat. Inilah asas-asas agama Allah yang sama:

إِنَّنِيٓ أَنَا ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنَا۠ فَٱعۡبُدۡنِي وَأَقِمِ ٱلصَّلَوٰةَ لِذِكۡرِيٓ ﴿١٤﴾

"Sesungguhnya Aku ini adalah Allah, tiada Tuhan yang lain melainkan hanya Aku. Oleh itu, abdikanlah dirimu kepada-Ku dan dirikanlah solat untuk mengingati-Ku."(14)

إِنَّ ٱلسَّاعَةَ ءَاتِيَةٌ أَكَادُ أُخۡفِيهَا لِتُجۡزَىٰ كُلُّ نَفۡسِۭ بِمَا تَسۡعَىٰ ﴿١٥﴾ فَلَا يَصُدَّنَّكَ عَنۡهَا مَن لَّا يُؤۡمِنُ بِهَا وَٱتَّبَعَ هَوَىٰهُ فَتَرۡدَىٰ ﴿١٦﴾

"Sesungguhnya hari Qiamat itu tetap akan datang, Aku sengaja sembunyikan waktunya supaya setiap orang dibalas dengan amalan yang dilakukannya(15). Oleh itu janganlah engkau dihalangi dari mempercayakannya oleh orang yang tidak beriman kepadanya dan mengikut hawa nafsunya, lalu ia menyebabkan engkau binasa."(16)

Uluhiyah Yang Maha Esa itulah yang menjadi 'tiang seri' 'aqidah Islam. Dalam seruannya kepada Musa a.s. Allah menekankan konsep ini dengan segala kata-kata penguat, iaitu dengan penegasan-penegasan yang amat kuat:

إِنَّنِيٓ أَنَا ٱللَّهُ

"Sesungguhnya Aku ini adalah Allah."(14)

Kemudian dengan menerangkan pembatasan (sifat Uluhiyah itu kepada Allah sahaja) yang dapat difaham dari kata-kata penafian dan pengecualian (dalam ungkapan berikut):

لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنَا۠

"Tiada tuhan yang lain melainkan hanya Aku."(14)

---

[2] *Menurut satu pendapat, Tuwa itu ialah nama lembah, dan satu pendapat yang lain pula mengatakan ia adalah sifat lembah itu.*

Ungkapan pertama (sesungguhnya Aku ini adalah Allah) ialah untuk menentukan sifat Uluhiyah kepada Allah, dan ungkapan yang kedua (tiada Tuhan yang lain melainkan hanya Aku) untuk menafikan sifat Uluhiyah dari yang lain dari Allah. Dan ekoran dari pengakuan terhadap Uluhiyah Allah ialah beribadat kepada Allah.Dan ibadat itu merangkumi segala gerak tawajjuh kepada Allah di dalam segala kegiatan hidup manusia, tetapi di dalam ayat ini Allah menentukan ibadat itu dengan ibadat solat:

وَأَقِمِ ٱلصَّلَوٰةَ لِذِكْرِىٓ ١٤

"Dan dirikanlah solat untuk mengingati-Ku"(14)

kerana solat merupakan satu bentuk ibadat yang paling sempurna di antara bentuk-bentuk ibadat yang lain, juga merupakan satu sarana yang paling sempurna di antara sarana-sarana untuk mengingati Allah, kerana ia khusus untuk tujuan mengingati Allah dan bersih dari hubungan-hubungan yang lain, dan kerana di dalam solat seluruh hati dipusatkan kepada tujuan ini sahaja dan seluruh jiwa tertumpu untuk berhubung dengan Allah.

Hari Qiamat pula merupakan masa yang ditunggu-tunggu untuk mendapat balasan yang sempurna dan adil. Itulah hari yang diingati oleh hati manusia dan kerana itu mereka sentiasa membuat perhitungan terhadapnya. Ia membuat mereka berhati-hati, berwaspada, mengira dan melangkah dengan cermat kerana takut tergelincir di dalam perjalanan hidup mereka. Allah S.W.T. dengan tegas menyatakan bahawa hari Qiamat itu tetap akan datang:

إِنَّ ٱلسَّاعَةَ ءَاتِيَةٌ

"Sesungguhnya hari Qiamat itu tetap akan datang"(15)

tetapi Allah sengaja menyembunyikannya. Ilmu pengetahuan manusia mengenai hari Qiamat ini amat sedikit, iaitu tidak melebihi dari maklumat-maklumat yang disampaikan Allah kepada mereka sekadar yang dapat memenuhi hikmat-Nya dari ilmu pengetahuan dan kejahilan mereka. Sesuatu yang majhul itu merupakan unsur asasi dalam kehidupan manusia dan dalam struktur jiwa mereka. Kerana itu manusia memerlukan sesuatu yang majhul yang menarik perhatian mereka di dalam kehidupan mereka. Andainya segala sesuatu itu terdedah dan diketahui oleh mereka belaka, sedangkan fitrah mereka memerlukan sesuatu yang majhul tentulah kegiatan hidup mereka akan terhenti dan menjadi basi. Tabi'at mereka ingin mengejar sesuatu yang majhul kerana itulah mereka berhati-hati, berangan-angan, mencuba dan belajar. Mereka berusaha mencari rahsia-rahsia yang tersembunyi di sebalik tenaga-tenaga diri mereka sendiri dan di sebalik tenaga-tenaga alam yang wujud di sekeliling mereka. Mereka memperhatikan tanda-tanda kekuasaan Allah pada kejadian diri mereka dan pada makhluk-makhluk yang bertaburan di merata pelosok alam. Mereka membuat dan mencipta di bumi ini apa sahaja yang dikehendaki Allah supaya diciptakan mereka. Hati dan perasaan manusia yang sentiasa teringat kepada hari Qiamat yang majhul itulah yang dapat mengawal diri mereka dari bertindak liar dan sesat, kerana mereka tidak mengetahui bilakah Qiamat itu akan tiba. Oleh itu mereka sentiasa berhati-hati dan bersedia untuk menghadapinya. Itulah golongan manusia yang mempunyai fitrah yang sihat dan lurus, tetapi bagi golongan manusia yang rosak fitrah mereka dan mengikut hawa nafsu mereka hingga terlalai dan jahil, maka mereka akan jatuh tergelincir dan kesudahan hidup mereka akan ditimpa kebinasaan:

فَلَا يَصُدَّنَّكَ عَنْهَا مَن لَّا يُؤْمِنُ بِهَا وَٱتَّبَعَ هَوَىٰهُ فَتَرْدَىٰ ١٦

"Oleh itu janganlah engkau dihalangi dari mempercayakannya oleh orang yang tidak beriman kepadanya dan mengikut hawa nafsunya, lalu ia menyebabkan engkau binasa."(16)

Kerana mengikut hawa nafsu itulah yang membuat manusia mendustakan hari Qiamat. Fitrah manusia yang sihat dengan sendirinya percaya bahawa di dalam kehidupan dunia ini manusia tidak mungkin mencapai kesempurnaannya dan keadilan tidak mungkin ditegakkan sepenuhnya, malah satu alam hidup yang lain perlu wujud, di mana terlaksananya kesempurnaan yang telah ditetapkan Allah untuk makhluk manusia dan di mana ditegakkan keadilan yang sempurna dalam menentukan balasan terhadap amalan-amalan yang dilakukan manusia.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 17 - 44)

Musa Dikurniakan Mu'jizat Tongkat Dan Tangan Yang Bercahaya

Itulah kejutan pertama dari seruan Ilahi Yang Maha Tinggi yang bergema di merata pelosok alam al-wujud, di mana Allah S.W.T. telah menyampaikan kepada hamba kesayangan-Nya asas-asas 'aqidah tauhid. Kini tentulah Nabi Musa a.s. telah lupakan dirinya dan lupakan tujuan kedatangannya ke tempat itu kerana asyik mengikuti suara Ilahi Yang Maha Tinggi yang menyeru namanya, juga kerana mendengar arahan suci yang diterimanya, kemudian tiba-tiba beliau menerima pula satu pertanyaan dari Allah yang - sebenarnya - tidak perlu dijawab olehnya:

وَمَا تِلْكَ بِيَمِينِكَ يَٰمُوسَىٰ ١٧

"Apakah benda di tangan kamu itu, wahai Musa!"(17)

Itulah tongkatnya, tetapi di manakah beliau dan tongkatnya? Beliau lantas teringat dan terus menjawab:

قَالَ هِىَ عَصَاىَ أَتَوَكَّؤُا۟ عَلَيْهَا وَأَهُشُّ بِهَا عَلَىٰ غَنَمِى وَلِىَ فِيهَا مَـَٔارِبُ أُخْرَىٰ ١٨

"Jawab Musa: Ini adalah tongkatku. Aku bertilikan di atasnya dan memukul daun-daun dengannya untuk makanan

kambingku dan ada lagi keperluan-keperluanku yang lain."(18)

Pertanyaan itu bukan bermaksud menanyakan tentang fungsi tongkat yang ada di tangannya, malah hanya menanyakan tentang benda yang ada di tangannya sahaja, tetapi kini beliau baru sedar bahawa pertanyaan itu bukan bermaksud menanyakan tentang hakikat tongkat kerana ini memang jelas, malah ia bermaksud menanyakan tentang fungsinya ketika tongkat itu ada bersamanya. Oleh sebab itulah beliau menjawab begitu.

Itulah sejauh yang diketahui Musa tentang tongkat itu, iaitu beliau gunanya sebagai alat bertongkat dan memukul daun-daun kayu supaya gugur menjadi makanan kambing-kambingnya, kerana beliau mengembala kambing-kambing kepunyaan Syu'ayb. Menurut satu pendapat, beliau telah membawa balik bersama beliau sekumpulan kambing-kambing yang menjadi bahagian kepunyaannya, begitu juga beliau menggunakan tongkat itu untuk tujuan-tujuan yang lain lagi yang disebut secara umum tanpa membutirkannya satu persatu kerana apa yang disebut beliau itu merupakan satu contoh dari berbagai-bagai tujuan itu.

Tetapi qudrat Allah Yang Maha Kuasa telah melakukan sesuatu yang tidak pernah terlintas di dalam hati beliau sebagai persediaan untuk beliau memikul tugas kerasulan yang amat besar:

قَالَ أَلْقِهَا يَٰمُوسَىٰ ﴿١٩﴾
فَأَلْقَىٰهَا فَإِذَا هِىَ حَيَّةٌ تَسْعَىٰ ﴿٢٠﴾
قَالَ خُذْهَا وَلَا تَخَفْ سَنُعِيدُهَا سِيرَتَهَا الْأُولَىٰ ﴿٢١﴾

"Allah berfirman: Campakkan tongkat itu, wahai Musa!(19) Lalu dia terus mencampakkannya tiba-tiba ia menjadi seekor ular yang merayap(20). Allah berfirman: Tangkapkannya! Dan janganlah engkau takut kerana Kami akan mengembalikannya kepada keadaannya yang asal."(21)

Kemudian berlakulah mu'jizat yang luar biasa yang berlaku pada setiap sa'at, tetapi manusia sahaja yang tidak memperhatikannya. Berlakulah mu'jizat hayat, di mana tongkat menjadi ular yang merayap. Di sana terdapat berjuta-juta zarrah yang mati atau beku seperti tongkat bertukar pada setiap sa'at menjadi sel yang hidup, tetapi ia tidak mengkagumkan manusia sebagaimana mereka menjadi kagum apabila tongkat Musa bertukar menjadi seekor ular yang hidup dan merayap. Ini kerana seseorang itu telah menjadi tawanan kepada pancainderanya dan kepada pengalaman-pengalamannya, maka justeru itulah kefahaman-kefahamannya tidak begitu jauh dari apa yang ditanggapkan pancainderanya. Pertukaran tongkat menjadi seekor ular yang hidup dan merayap-rayap itu merupakan satu gejala fizikal yang memeranjatkan persepsinya dan begitu kuat menarik perhatiannya, sedangkan gejala-gejala yang tersembunyi bagi mu'jizat hayat yang pertama dan mu'jizat-mu'jizat hayat yang berlaku pada setiap sa'at itu merupakan gejala yang tersembunyi, yang jarang sekali mendapat perhatian mereka, terutama kelumrahan berlakunya mu'jizat ini telah menghilangkan kebaharuannya di dalam persepsi mereka. Inilah yang membuat mereka melintasi mu'jizat-mu'jizat itu dengan hati yang lalai atau lupa.

Kini satu mu'jizat telah berlaku menyebabkan Musa terpinga-pinga dan takut:

قَالَ خُذْهَا وَلَا تَخَفْ سَنُعِيدُهَا سِيرَتَهَا الْأُولَىٰ ﴿٢١﴾

"Allah berfirman: Tangkapkannya! Dan janganlah engkau takut, kerana Kami akan mengembalikannya kepada keadaannya yang asal."(21)

Kami akan mengembalikannya semula menjadi tongkat.

Penjelasan ayat ini tidak menyebut seperti apa yang disebut di dalam surah-surah yang lain, iaitu Musaberpusing hendak melarikan diri tanpa menoleh ke belakang lagi. Di sini hanya disebut secara halus sahaja tentang perasaan takut yang dialami Musa a.s., kerana suasana surah ini ialah suasana yang aman dan tenteram, maka justeru itu ia tidak digugatkan dengan harakat-harakat terkejut, berlari dan menjauhkan diri.

Kemudian Musa menjadi tenang, lalu beliau mengambil ular itu dan tiba-tiba ia bertukar menjadi tongkat. Di sini satu mu'jizat lagi telah berlaku dalam satu bentuk yang lain pula, iaitu bentuk mencabut hayat dari ular yang hidup, yang tiba-tiba menjadi beku dan mati seperti asal sebelum berlakunya mu'jizat yang pertama.

Kemudian sekali lagi satu perintah Ilahi Yang Maha Tinggi dihadapkan kepada hamba kesayangan-Nya Musa a.s.:

وَاضْمُمْ يَدَكَ إِلَىٰ جَنَاحِكَ تَخْرُجْ بَيْضَاءَ مِنْ غَيْرِ سُوٓءٍ ءَايَةً أُخْرَىٰ ﴿٢٢﴾

"Dan kepitkanlah tanganmu (yang kanan) di bawah ketiak engkau (yang kiri) nescaya ia akan keluar putih melepak bersinar-sinar tanpa apa-apa penyakit sebagai satu mu'jizat yang lain pula."(22)

Lalu Musa meletakkan tangannya di bawah ketiaknya - di sini Al-Qur'an memilih kata-kata "جناح" yang bererti "sayap" untuk dimaksudkan dengan ketiak dan lengan, kerana kata-kata ini mengandungi pengertian terbang yang bebas dan gerak yang ringan sesuai dengan suasana ini yang bebas dari belenggu bumi dan keberatan jisim - agar tangan itu keluar putih melepak bersinar-sinar bukan kerana sakit atau

penyakit tetapi ia keluar sebagai "satu mu'jizat yang lain pula" di samping mu'jizat tongkat.

لِنُرِيَكَ مِنْ ءَايَٰتِنَا ٱلْكُبْرَى ﴿٢٣﴾

"Untuk memperlihatkan kepadamu sebahagian dari tanda-tanda kekuasaan Kami yang amat besar."(23)

Di mana engkau melihat mu'jizat itu berlaku pada diri engkau sendiri, di bawah pandangan mata dan persepsi engkau agar engkau memperolehi keyakinan untuk memikul tugas kerasulan yang agung:

ٱذْهَبْ إِلَىٰ فِرْعَوْنَ إِنَّهُۥ طَغَىٰ ﴿٢٤﴾

"Pergilah kepada Fir'aun! Sesungguhnya dia telah bertindak melampau."(24)

Setakat ini Musa belum lagi mengetahui bahawa beliau ditugas memikul amanah tugas yang besar itu. Beliau memang kenal siapakah Fir'aun kerana beliau telah dibesarkan di dalam istananya dan menyaksikan pemerintahannya yang sewenang-wenang dan kejam. Beliau telah melihat bagaimana Fir'aun mengazab dan menindas kaumnya. Kini beliau sedang berada di hadapan Allah, di mana hati beliau merasa cukup puas dan merasa diberi penghormatan yang begitu tinggi, maka kini eloklah beliau memohon segala apa yang boleh meyakinkannya untuk menghadapi tugas yang sukar ini dan menjalankan tugas risalah itu dengan betul dan jujur:

Permohonan Musa Supaya Harun Dilantik Sebagai Menterinya

قَالَ رَبِّ ٱشْرَحْ لِى صَدْرِى ﴿٢٥﴾

وَيَسِّرْ لِىٓ أَمْرِى ﴿٢٦﴾

وَٱحْلُلْ عُقْدَةً مِّن لِّسَانِى ﴿٢٧﴾

يَفْقَهُوا۟ قَوْلِى ﴿٢٨﴾

وَٱجْعَل لِّى وَزِيرًا مِّنْ أَهْلِى ﴿٢٩﴾

هَٰرُونَ أَخِى ﴿٣٠﴾

"Lalu Musa berdo'a: Ya Tuhanku! Lapangkanlah dadaku!(25) Dan mudahkanlah segala urusanku(26). Dan lepaskanlah simpulan dari lidahku(27). Supaya mereka dapat memahami perkataan-perkataanku(28). Dan lantikkanlah untukku seorang menteri dari keluargaku sendiri(29). Iaitu Harun saudaraku(30).

ٱشْدُدْ بِهِۦٓ أَزْرِى ﴿٣١﴾

وَأَشْرِكْهُ فِىٓ أَمْرِى ﴿٣٢﴾

كَىْ نُسَبِّحَكَ كَثِيرًا ﴿٣٣﴾

وَنَذْكُرَكَ كَثِيرًا ﴿٣٤﴾

إِنَّكَ كُنتَ بِنَا بَصِيرًا ﴿٣٥﴾

"Teguhkanlah kekuatanku dengan bantuannya(31). Dan jadikannya sekutu dalam urusanku(32). Supaya banyak bertasbih kepada-Mu(33). Dan banyak mengingati-Mu(34). Sesungguhnya Engkau Maha Melihat keadaan kami."(35)

Beliau memohon agar Allah melapangkan dadanya, kerana kelapangan dada dapat mengubahkan kesulitan memikul tugas menjadi keni'matan dan mengubahkan kepenatannya menjadi kelazatan. Ia menjadikan kesulitan dan kepenatan sebagai pendorong dalam perjuangan hidup bukannya menjadi beban yang memberatkan langkah-langkah perjuangan.

Beliau telah memohon agar Allah memudahkan urusannya, kerana kemudahan yang dikurniakan Allah kepada hamba-hamba-Nya itu menjaminkan kejayaan. Jika tidak, apakah yang dapat dibuat oleh seseorang manusia tanpa kemudahan ini? Apakah yang dapat dibuat olehnya, sedangkan tenaga kekuatannya terbatas, ilmu pengetahuannya terhad dan perjalanannya masih jauh, sulit dan majhul?

Beliau telah memohon agar Allah melepaskan simpulan atau kegugupan lidahnya supaya percakapannya dapat difaham mereka dengan jelas. Menurut riwayat beliau mengidap kegugupan yang menahan kelancaran percakapannya dan inilah yang dimaksudkan oleh beliau (dalam permohonan ini). Ini disokong oleh keterangan yang disebut dalam satu surah yang lain:

وَأَخِى هَٰرُونُ هُوَ أَفْصَحُ مِنِّى لِسَانًا

"Dan saudaraku Harun lebih fasih lidahnya daripada-ku."

(Surah al-Qasas: 34)

Beliau mula-mula membuat permohonan secara umum supaya Allah melapangkan dadanya dan memudahkan urusannya, kemudian barulah beliau menentu dan menjelaskan setengah-setengah permohonan yang boleh menolong dan memudahkan pelaksanaan tugas-tugasnya.

Beliau memohon agar Allah membantunya dengan seorang penolong dari keluarganya iaitu Harun saudaranya sendiri, kerana beliau tahu Harun mempunyai lidah yang fasih, hati yang teguh dan saraf yang tenang. Nabi Musa a.s. adalah seorang yang mudah tersinggung, mudah naik darah dan cepat panas. Oleh sebab itu beliau memohon agar Allah membantunya dengan saudaranya supaya dia dapat menolong dan menguatkan kedudukan beliau, dan supaya beliau dapat berfikir dengan tenang dan hati-hati bersama-sama dengan Harun dalam urusan da'wah yang amat besar yang akan dihadapinya itu.

Urusan yang besar yang akan dilakukan beliau itu memeriukan kepada kegiatan banyak bertasbih, banyak berzikir dan banyak berhubung dengan Allah. Nabi Musa a.s. telah memohon supaya Allah melapangkan dadanya, memudahkan urusannya,

melepaskan kegugupan lidahnya dan membantunya dengan seorang menteri dari keluarganya sendiri.... Semuanya itu bukanlah semata-mata bertujuan untuk menghadapi tugas da'wah itu sahaja, malah supaya beliau dapat menggunakan semua pemberian itu untuk menolong dirinya dan saudaranya dalam kegiatan membanyakkan tasbih dan zikir terhadap Allah dan dalam kerja-kerja menerima perintah yang banyak dari Allah Yang Maha Mendengar dan Melihat.

إِنَّكَ كُنتَ بِنَا بَصِيرًا ٣٥

"Sesungguhnya Engkau Maha Melihat keadaan kami."(35)

Yakni engkau amat mengetahui keadaan kami, amat melihat kelemahan dan kekurangan kami dan amat mengerti keperluan kami kepada pertolongan dan pentadbiran yang bijaksana.

Nabi Musa a.s. telah mengemukakan permohonan-permohonannya dengan panjang lebar, mendedahkan kelemahannya dan memohon pertolongan, kemudahan dan perhubungan yang rapat dengan Allah. Semua permohonan itu didengar oleh Allah, kerana beliau adalah tetamu Allah yang diseru dan diajak berbicara dengan-Nya. Kini Allah Yang Maha Pemurah tidak mengecewakan permohonan tetamu-Nya, tidak menolak permintaannya dan tidak melambat-lambatkan penerimaan dan pengabulannya:

قَالَ قَدْ أُوتِيتَ سُؤْلَكَ يَٰمُوسَىٰ ٣٦

"Allah berfirman: Segala permintaanmu itu telah diperkenan-Ku, wahai Musa."(36)

Kini permohonan-permohonan beliau telah diterima sekaligus. Ia telah diterima dengan sepatah kata yang padat, dan tidak memerlukan huraian. Ia telah diterima dengan kata-kata yang terus dilulus, bukan lagi berupa janji yang ditangguh-tangguh. Segala apa yang dipintakan engkau itu telah-Ku berikan semuanya, telah-Ku luluskan semuanya dan kini engkau tidak perlu meminta-minta lagi. Di samping meluluskan permohonan-permohonan itu, Allah melahirkan kemesraan dan penghormatan-Nya kepada beliau dengan memanggil namanya. "Wahai Musa" dan apakah penghormatan yang lebih besar dari penghormatan yang diterima oleh seseorang hamba dengan dipanggil namanya oleh Allah Yang Maha Besar dan Maha Tinggi?

Sampai di sini cukuplah limpah kurnia penghormatan dan kemesraan yang dilimpahkan Allah. Tajalli dan perbicaraan Ilahi dengan beliau telah berlangsung agak lama dan segala permohonan dan hajat beliau telah pun diperkenankan semuanya, tetapi limpah kurnia dan rahmat Allah itu tidak pernah terhad dan terbatas. Allah terus mencurahkan lagi ke atas hamba-Nya (Musa a.s.) limpah kurnia dan keredhaan-Nya dengan membiarkan beliau terus di hadapan-Nya dan melanjutkan perbicaraan dengan beliau, di mana Allah menyebut ni'mat-ni'mat yang silam yang telah dikurniakan kepada beliau supaya beliau bertambah yakin dan tenteram terhadap rahmat dan perlindungan-Nya yang tidak berkeputusan kepada beliau dahulu dan sekarang. Dalam suasana yang amat gemilang ini setiap sa'at yang berlalu merupakan keni'matan, bekalan dan modal kepada beliau.

Musa Mendapat 'Inayah Rabbani Dari Sejak Kecil Lagi

وَلَقَدْ مَنَنَّا عَلَيْكَ مَرَّةً أُخْرَىٰٓ ٣٧
إِذْ أَوْحَيْنَآ إِلَىٰٓ أُمِّكَ مَا يُوحَىٰٓ ٣٨
أَنِ ٱقْذِفِيهِ فِى ٱلتَّابُوتِ فَٱقْذِفِيهِ فِى ٱلْيَمِّ فَلْيُلْقِهِ ٱلْيَمُّ
بِٱلسَّاحِلِ يَأْخُذْهُ عَدُوٌّ لِّى وَعَدُوٌّ لَّهُۥ ۚ وَأَلْقَيْتُ عَلَيْكَ مَحَبَّةً
مِّنِّى وَلِتُصْنَعَ عَلَىٰ عَيْنِىٓ ٣٩
إِذْ تَمْشِىٓ أُخْتُكَ فَتَقُولُ هَلْ أَدُلُّكُمْ عَلَىٰ مَن يَكْفُلُهُۥ ۖ
فَرَجَعْنَٰكَ إِلَىٰٓ أُمِّكَ كَىْ تَقَرَّ عَيْنُهَا وَلَا تَحْزَنَ ۚ وَقَتَلْتَ
نَفْسًا فَنَجَّيْنَٰكَ مِنَ ٱلْغَمِّ وَفَتَنَّٰكَ فُتُونًا ۚ فَلَبِثْتَ
سِنِينَ فِىٓ أَهْلِ مَدْيَنَ ثُمَّ جِئْتَ عَلَىٰ قَدَرٍ يَٰمُوسَىٰ ٤٠
وَٱصْطَنَعْتُكَ لِنَفْسِى ٤١

"Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan ni'mat kepadamu pada kali yang lain (di zaman silam)(37). Ketika Kami menyampaikan kepada ibumu ilham yang wajar diilhamkan kepadanya(38). Iaitu campakkannya (anakmu Musa) di dalam sebuah peti kemudian campakkannya ke dalam sungai, kemudian hendaklah sungai itu campakkannya ke tepi tebing supaya dia diambil oleh musuh-Ku (Fir'aun) dan musuhnya. Dan Aku telah campakkan ke atasmu kasihan belas dari-Ku (supaya engkau dikasihi orang) dan supaya engkau diciptakan di bawah penglihatan-Ku(39). Ketika kakakmu berjalan lalu berkata (kepada keluarga Fir'aun): Dapatkah saya tunjukkan kepada kamu seorang yang boleh membelakannya? Lalu Kami memulangkanmu kepada ibumu supaya hatinya senang dan tidak lagi berdukacita. Dan engkau telah membunuh seorang manusia lalu Kami selamatkanmu dari kesusahan dan Kami telah mengujimu dengan berbagai-bagai ujian. Kemudian engkau telah tinggal beberapa tahun dalam kalangan penduduk Madyan kemudian engkau datang kembali mengikut waktu yang telah ditetapkan(40). Dan Aku telah memilihmu untuk menjadi utusan diri-Ku."(41)

Kini Nabi Musa a.s. akan pergi menghadapi seorang raja yang paling kuat dan paling zalim di bumi. Beliau akan pergi untuk melancarkan perjuangan iman menentang kezaliman dan untuk menempuh

gelombang berbagai-bagai peristiwa dan permasalahan dengan Fir'aun pada peringkat pertama kemudian dengan kaum beliau sendiri, iaitu kaum Bani Israel yang telah diperhambakan Fir'aun sekian lama sehingga merendahkan jiwa mereka, merosakkan fitrah mereka dan melemahkan persediaan mereka untuk memikul tugas (kepimpinan agama) yang akan diserahkan kepada mereka selepas terselamat dari pemerintahan Fir'aun. Allah telah menerangkan kepada beliau bahawa beliau tidak akan pergi tanpa persediaan yang cukup. Beliau tidak akan diutus kepada Fir'aun melainkan sesudah beliau dilengkapkan dengan persediaan-persediaan yang wajar. Dari sejak dulu lagi beliau dibela dan dipelihara di bawah mata ri'ayah Ilahi. Beliau telah dilatih menghadapi kesusahan demi kesusahan sejak beliau masih dalam usia kanak-kanak susuan lagi. Beliau telah ditemani dan dijaga oleh 'inayah Ilahi sejak beliau masih kecil dan lemah. Walaupun beliau berada di bawah kekuasaan dan genggaman Fir'aun dan tidak mempunyai sebarang persediaan dan kekuatan, namun beliau tidak dapat diapa-apakan Fir'aun, kerana tangan dan mata qudrat Ilahi sentiasa menolong dan melindungi beliau pada setiap langkahnya. Kini beliau tidak perlu bimbang kepada Fir'aun, kerana beliau telah pun menjadi seorang dewasa yang kuat, yang dijaga dan dipilih oleh Allah selaku utusan-Nya.

وَلَقَدۡ مَنَنَّا عَلَيۡكَ مَرَّةً أُخۡرَىٰٓ ٣٧

"Dan sesungguhnya Kami telah pun mengurniakan ni'mat kepadamu pada kali yang lain (di zaman silam)."(37)

Pengurniaan ni'mat kepada engkau telah berlangsung dan berterusan sejak dahulu lagi. Oleh itu pengurniaan itu tidak akan putus setelah engkau dilantikkan menjadi rasul.

Dahulu Kami telah pun mengurniakan ni'mat kepadamu apabila Kami menyampaikan ilham kepada ibumu, iaitu ilham yang wajar yang diperlukan dalam keadaan yang sedang dihadapinya:

Musa Dihanyutkan Dalam Sungai Dan Dipungut Fir'aun

أَنِ ٱقۡذِفِيهِ فِي ٱلتَّابُوتِ فَٱقۡذِفِيهِ فِي ٱلۡيَمِّ فَلۡيُلۡقِهِ ٱلۡيَمُّ بِٱلسَّاحِلِ

"Iaitu campakkannya (anakmu Musa) di dalam sebuah peti, kemudian campakkannya ke dalam sungai, kemudian hendaklah sungai itu campakkannya ke tepi tebing."(39)

Itulah harakat-harakat atau geraklaku-geraklaku yang keras dan kasar, di mana bayi itu dicampakkan ke dalam peti kemudian peti itu dicampakkan ke dalam sungai kemudian arus sungai itu diperintah mencampakkan pula peti itu ke tepi tebing sungai. Kemudian apa lagi? Kemudian ke mana pula perginya peti yang berisi bayi yang dicampakkan ke dalam sungai dan dihanyutkan ke tebingnya itu, siapa yang mengambilnya? Yang mengambilnya ialah:

يَأۡخُذۡهُ عَدُوّٞ لِّي وَعَدُوّٞ لَّهُۥۚ

"Musuh-Ku (Fir'aun) dan musuhnya."(39)

Kemudian di tengah-tengah ketakutan dan setelah mengalami berbagai-bagai kesulitan itu apakah yang telah terjadi kepada bayi yang lemah dan tidak mempunyai sebarang kekuatan itu? Apakah yang telah terjadi kepada peti kecil yang tidak mempunyai sebarang alat perlindungan itu?

وَأَلۡقَيۡتُ عَلَيۡكَ مَحَبَّةٗ مِّنِّي وَلِتُصۡنَعَ عَلَىٰ عَيۡنِيٓ ٣٩

"Dan Aku telah campakkan ke atasmu kasihan belas dari-Ku (supaya engkau dikasihi orang) dan supaya engkau diciptakan di bawah penglihatan-Ku."(39)

Alangkah besarnya qudrat Ilahi yang telah menjadikan kasihan belas-Nya yang lemah lembut itu sebagai perisai yang menahan segala pukulan arus dan gelombang dan melemahkan segala kuasa jahat dan zalim untuk menyakiti hamba yang menanggung kasih sayang Ilahi itu walaupun dia seorang bayi susuan yang tidak mempunyai daya upaya dan kebolehan berkata.

Itulah satu perbandingan yang amat menarik dalam penggambaran pemandangan, iaitu perbandingan di antara kuasa Fir'aun yang zalim, yang sedang mengancam bayi yang kecil itu, juga suasana-suasana kasar dan kejam yang sedang melingkunginya dengan rahmat kasihan belas Ilahi yang lemah lembut, yang menjaga dan melindungi bayi itu dari segala ketakutan, kebengisan dan kekasaran dalam bentuk kasih sayang orang (terhadap bayi itu) bukannya dalam bentuk pertarungan dan perlawanan.

وَلِتُصۡنَعَ عَلَىٰ عَيۡنِيٓ ٣٩

"Dan supaya engkau diciptakan di bawah penglihatan-Ku."(39)

Tiada suatu ulasan yang dapat menambahkan sesuatu kepada bayangan pengertian yang amat halus, seni dan mendalam yang disampaikan oleh ungkapan yang menarik ini "supaya engkau diciptakan di bawah penglihatan-Ku." Bagaimana lidah manusia mampu menggambarkan satu makhluk yang diciptakan di bawah penglihatan Allah? Paling tinggi dapat dilakukannya ialah merenungi dan meneliti mengertian ungkapan itu dengan mendalam. Cukuplah menjadi suatu penghormatan dan darjat yang tinggi bagi seseorang manusia apabila dia berjaya mendapat 'inayah Allah barang sesa'at, bagaimana pula dengan Musa yang diciptakan di bawah penglihatan Allah? Kerana diciptakan sedemikian rupa, Musa mempunyai kemampuan untuk menyambut unsur yang tinggi yang diterima olehnya.

Engkau telah diciptakan di bawah penglihatan-Ku. Engkau membesar di hadapan mata Fir'aun - musuhmu dan musuh-Ku - engkau berada di bawah kuasanya tanpa seorang pengawal dan pelindung

pun, tetapi dia tidak pernah melihatmu dengan mata jahat kerana Aku telah mencampakkan ke atasmu kasihan belas dari-Ku (supaya engkau dikasihi oleh siapa sahaja yang melihatmu). Tangannya tidak pernah memukulmu semasa engkau diciptakan di bawah penglihatan-Ku.

Aku tidak melindungimu di istana Fir'aun dengan jagaan dan kawalan, kemudian Aku tinggalkan ibumu di rumah dirundung gelisah dan cemas, malah Aku kumpulkanmu dengan ibumu dan aku kumpulkan ibumu denganmu:

إِذْ تَمْشِىٓ أُخْتُكَ فَتَقُولُ هَلْ أَدُلُّكُمْ عَلَىٰ مَن يَكْفُلُهُۥ ۖ
فَرَجَعْنَٰكَ إِلَىٰٓ أُمِّكَ كَىْ تَقَرَّ عَيْنُهَا وَلَا تَحْزَنَ ۚ

"Ketika kakakmu berjalan lalu berkata (kepada keluarga Fir'aun): Dapatkah saya tunjukkan kepada kamu seorang yang boleh membelakannya? Lalu Kami memulang-kanmu kepada ibumu supaya hatinya senang dan tidak lagi berdukacita."(40)

Itulah tadbir dan perencanaan Ilahi. Apabila bayi yang dipungut dan dijadikan anak angkat oleh Fir'aun dan isterinya itu tidak mahu menyusui perempuan-perempuan penyusu (yang dibawa kepadanya) sebagaimana diterangkan di dalam surah yang lain, maka kedua-duanya mulai mencari seorang perempuan penyusu yang boleh menyusukannya. Berita ini didengar oleh orang ramai lalu saudara perempuan Musa dengan dorongan ibunya pergi menemui pegawai istana lalu berkata kepada mereka: "Dapatkah saya tunjukkan kepada kamu seorang yang boleh membelakannya?" Kemudian dia membawa ibunya kepada mereka dan bayi itu pun terus menghisap teteknya. Demikianlah berlangsungnya tadbir dan perencanaan Allah terhadap bayi dan ibunya yang telah menerima ilham dari Allah. Dia telah meletakkan belahan jantung hatinya ke dalam sebuah peti kemudian menghanyutkannya kedalam sungai, kemudian arus sungai membawakan peti itu ke tepi tebing supaya dipungut oleh musuh Allah dan musuhnya. Si bayi itu telah mendapat keamanan setelah dicampakkan ke dalam ketakutan-ketakutan itu. Dia telah terselamat dari kekejaman Fir'aun yang sedang membunuh bayi-bayi lelaki kaum Bani Israel dengan meletakkannya di hadapan Fir'aun itu sendiri tanpa pengawal dan penolong. Satu lagi pengurniaan Allah terhadap Musa:

وَقَتَلْتَ نَفْسًا فَنَجَّيْنَٰكَ مِنَ ٱلْغَمِّ وَفَتَنَّٰكَ فُتُونًا ۚ
فَلَبِثْتَ سِنِينَ فِىٓ أَهْلِ مَدْيَنَ ثُمَّ جِئْتَ عَلَىٰ قَدَرٍ
يَٰمُوسَىٰ ﴿٤٠﴾

"Dan engkau telah membunuh seorang manusia lalu Kami selamatkanmu dari kesusahan dan Kami telah mengujimu dengan berbagai-bagai ujian. Kemudian engkau telah tinggal beberapa tahun dalam kalangan penduduk Madyan kemudian engkau datang kembali mengikut waktu yang telah ditetapkan, wahai Musa."(40)

وَٱصْطَنَعْتُكَ لِنَفْسِى ﴿٤١﴾

"Dan Aku telah memilihmu untuk menjadi utusan diri-Ku."(41)

Peristiwa ini berlaku setelah Musa besar menjadi seorang muda di istana Fir'aun. Pada suatu hari beliau turun ke bandar tiba-tiba di sana beliau bersua dengan dua orang lelaki sedang berkelahi; salah seorang dari keduanya dari bangsa Israel dan yang seorang lagi ialah dari bangsa Mesir, lalu orang Israel itu menjerit meminta pertolongan beliau dan beliau pun terus menumbuk orang Mesir itu menyebabkannya jatuh dan mati, sedangkan beliau sama sekali tidak berniat hendak membunuhnya, malah semata-mata hendak mempertahankan orang Israel itu sahaja. Justeru itu hati beliau dipenuhi rasa kesal dan dukacita atas perbuatannya itu - sedangkan dia dibela di bawah penglihatan Allah sejak lahirnya lagi. Hati nuraninya merasa berdosa kerana tindakannya yang terburu-buru itu. Di sini Allah mengingatkan beliau terhadap ni'mat pengurniaan-Nya itu, di mana Allah menunjukkan beliau supaya beristighfar dan istighfar inilah yang dapat menenangkan hatinya dan menyelamatkannya dari perasaan sedih dan dukacita. Walaupun begitu, namun Allah tidak membiarkan beliau tanpa ujian untuk memperlihatkan tanda-tanda kekuasaan-Nya kepada beliau dan untuk menyediakan beliau bagi memikul tugas yang telah dikehendaki-Nya. Lalu Allah uji beliau dengan ketakutan dan melarikan diri dari hukuman balas. Beliau diuji merantau di negeri orang dan berpisah dari kaum keluarga dan meninggalkan tanahair. Beliau diuji menjadi pekerja dan pengembala kambing sedangkan beliau terasuh dan terdidik di istana raja yang paling besar di dunia ini, paling mewah, paling ni'mat dan paling indah perhiasannya.

Tepat pada masa yang telah ditentukan ilmu Allah, iaitu setelah beliau matang dan mempunyai persediaan yang cukup, setelah beliau diuji dan menghadapi ujian-ujian itu dengan tabah dan sabar, setelah beliau diduga dan berjaya melalui dugaan-dugaan itu, setelah keadaan dan suasana negeri Mesir cukup bersedia dan setelah penindasan terhadap Bani Israel sampai kemuncaknya, maka tepat pada waktu inilah Musa telah dibawa pulang dari negeri Madyan, sedangkan beliau menyangka bahawa dialah yang mengambil keputusan kembali ke Mesir:

فَلَبِثْتَ سِنِينَ فِىٓ أَهْلِ مَدْيَنَ ثُمَّ جِئْتَ عَلَىٰ قَدَرٍ
يَٰمُوسَىٰ ﴿٤٠﴾

"Kemudian engkau telah tinggal beberapa tahun dalam kalangan penduduk Madyan kemudian engkau datang kembali mengikut waktu yang telah ditetapkan."(40)

Kini engkau datang semula ke Mesir tepat pada waktunya yang telah ditentukan oleh-Ku.

وَاصْطَنَعْتُكَ لِنَفْسِي ﴿٤١﴾

"Dan Aku telah memilihmu untuk menjadi utusan diri-Ku."(41)

Aku telah memilihmu khusus untuk-Ku, untuk risalah dan da'wah-Ku. Tiada habuan yang lain untukmu dari dunia, kerana engkau bukannya untuk dunia ini, malah engkau dikhususkan untuk satu tugas yang istimewa, yang kerananya engkau diciptakan di bawah penglihatan-Ku dan kerananya engkau dijadikan untuk melaksanakannya. Engkau tidak memiliki sesuatu pun pada dirimu. Keluarga engkau juga tidak memiliki sesuatu pun pada dirimu dan tiada siapa pun yang memiliki sesuatu pada dirimu. Sekarang pergilah engkau menjalankan tugas yang telah Ku ciptakan engkau kerananya:

اذْهَبْ أَنتَ وَأَخُوكَ بِآيَاتِي وَلَا تَنِيَا فِي ذِكْرِي ﴿٤٢﴾

"Pergilah engkau bersama saudaramu membawa ayat-ayat-Ku dan janganlah kamu berdua lalai dari mengingati-Ku"(42).

Musa Diperintah Mengadap Fir'aun

اذْهَبَا إِلَىٰ فِرْعَوْنَ إِنَّهُ طَغَىٰ ﴿٤٣﴾

فَقُولَا لَهُ قَوْلًا لَّيِّنًا لَّعَلَّهُ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَىٰ ﴿٤٤﴾

"Pergilah kamu berdua kepada Fir'aun. Sesungguhnya dia telah bertindak melampaui batas(43). Dan berbicaralah kepadanya dengan kata-kata yang lemah lembut semoga dia insaf atau takut (kepada Allah)."(44)

Kini pergilah engkau bersama saudaramu menemui Fir'aun dengan bekalan mu'jizat-mu'jizat dari-Ku. Sebahagian darinya telah disaksikan oleh Musa iaitu mu'jizat tongkat dan tangan dan janganlah kamu berdua lalai dari mengingati-Ku, kerana ia merupakan kelengkapan, senjata dan sandaran yang memberi perlindungan kepada kamu pada tempat yang teguh. Pergilah kamu berdua menemui Fir'aun, kerana sebelum ini Aku telah melindungimu dari angkaranya, sewaktu engkau masih dalam usia bayi yang kecil, di mana engkau telah diletakkan di dalam sebuah peti dan dicampakkan ke dalam sungai, kemudian arus sungai itu telah membawa engkau ke tebing sungai. Segala geraklaku yang kasar dan mencemaskan ini tidak mendatangkan apa-apa kemudaratan kepadamu. Kini engkau telah mempunyai persediaan yang cukup (untuk menghadapi Fir'aun) dengan dibantu oleh saudaramu sendiri. Oleh itu engkau tidak perlu bimbang apa-apa lagi, kerana engkau telah pun pernah terselamat dari angkara-angkaranya yang lebih dahsyat dalam keadaan yang lebih buruk dan lebih hebat dari sekarang ini lagi.

Pergilah kamu berdua menemui Fir'aun kerana dia telah bertindak zalim dan melampau:

فَقُولَا لَهُ قَوْلًا لَّيِّنًا

"Dan berbicaralah kepadanya dengan kata-kata yang lemah-lembut"(44)

kerana kata-kata yang lemah-lembut itu tidak menimbulkan perasaan berbangga dengan dosa dan tidak merangsangkan perasaan angkuh dan sombong yang palsu yang dihayati oleh pemerintah-pemerintah yang zalim. Perkataan-perkataan yang lunak dapat membangkitkan kesedaran hati manusia dan mendorongkannya merasa takut kepada akibat-akibat kezaliman.

Pergilah kamu berdua kepada Fir'aun tanpa merasa putus asa untuk menunjukkannya ke jalan yang lurus. Pergilah kamu berdua dengan harapan semoga dia akan mengambil pengajaran dan takut kepada Allah, kerana penda'wah yang berputus asa dari diterima orang da'wahnya tidak dapat menyampaikan da'wahnya dengan penuh semangat dan tidak dapat menghadapi kekafiran dan keingkaran manusia dengan tabah.

Allah S.W.T. memang mengetahui apa yang akan dilakukan oleh Fir'aun ini (terhadap da'wah Musa), tetapi dasar menggunakan usaha-usaha perjuangan dalam melaksanakan da'wah dan sebagainya itu pasti dilakukan, kerana Allah menghisabkan kesalahan manusia itu setelah kesalahan itu dilakukan mereka dan Allah memang tahu kesalahan itu akan berlaku. Ilmu Allah terhadap peristiwa-peristiwa masa depan sama sahaja dengan ilmu Allah terhadap peristiwa-peristiwa masa kini dan masa mendatang.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 45 - 48)

Sekianlah firman Allah kepada Musa a.s. dalam pemandangan bermunajat dengan Allah di padang pasir. Kemudian Al-Qur'an meringkaskan cerita, melangkaukan jarak-jarak perjalanan, dimensi-dimensi tempat dan zaman dan terus menunjukkan adegan Harun bersama Musa. Kedua-duanya sedang menyatakan kebimbangan mereka kepada Allah untuk menghadapi Fir'aun dan tindakan-tindakan segeranya yang zalim apabila mereka berda'wah kepadanya:

قَالَا رَبَّنَا إِنَّنَا نَخَافُ أَن يَفْرُطَ عَلَيْنَا أَوْ أَن يَطْغَىٰ ﴿٤٥﴾

قَالَ لَا تَخَافَا إِنَّنِي مَعَكُمَا أَسْمَعُ وَأَرَىٰ ﴿٤٦﴾

فَأْتِيَاهُ فَقُولَا إِنَّا رَسُولَا رَبِّكَ فَأَرْسِلْ مَعَنَا بَنِي إِسْرَائِيلَ وَلَا تُعَذِّبْهُمْ ۖ قَدْ جِئْنَاكَ بِآيَةٍ مِّن رَّبِّكَ ۖ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ مَنِ اتَّبَعَ الْهُدَىٰ ﴿٤٧﴾

إِنَّا قَدْ أُوحِيَ إِلَيْنَا أَنَّ الْعَذَابَ عَلَىٰ مَن كَذَّبَ وَتَوَلَّىٰ ﴿٤٨﴾

"Mereka berdua berkata: Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami merasa bimbang dia akan bertindak segera

menyeksakan kami atau berlagak angkuh(45). Allah berfirman: Janganlah kamu berdua merasa bimbang, kerana sesungguhnya Aku bersama kamu berdua, Aku sentiasa mendengar dan melihat(46). Hendaklah kamu berdua menemuinya dan katakanlah: Sesungguhnya kami berdua adalah utusan dari Tuhanmu. Oleh itu lepaskanlah Bani Israel keluar bersama kami dan janganlah engkau tindaskan mereka. Sesungguhnya kami telah membawa kepadamu bukti dari Tuhanmu, dan kesejahteraan itu dikurniakan kepada sesiapa yang mengikut hidayat Allah(47). Sesungguhnya telah diwahyukan kepada kami bahawa 'azab (Allah) itu ditimpakan ke atas sesiapa yang mendusta dan berpaling (dari hidayat)."(48)

Harun tentulah tidak ada bersama Musa ketika beliau bermunajat panjang dengan Allah yang telah melimpahkan kurnia-Nya kepada Musa dengan kesempatan bermunajat yang panjang itu, di mana beliau dapat bercakap dan bersoaljawab dengan panjang lebar. Justeru itu jawapan mereka berdua yang berbunyi:

قَالَا رَبَّنَآ إِنَّنَا نَخَافُ أَن يَفۡرُطَ عَلَيۡنَآ أَوۡ أَن يَطۡغَىٰ ﴿٤٥﴾

"Mereka berdua berkata: Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami merasa bimbang dia akan bertindak segera menyeksakan kami atau berlagak angkuh"(45)

bukanlah merupakan percakapan yang berlaku di tempat munajat itu, malah Al-Qur'an telah meringkaskan cerita dengan melipat masa dan tempat dan meninggalkan ruangan-ruangan kosong di antara adegan-adegan cerita yang dapat difahamkan dari konteksnya untuk terus sampai kepada situasi-situasi yang hidup dan menarik dan berkesan dalam perjalanan cerita itu dan dalam hati manusia.

Jadi Musa dan Harun alaihimas-salam telah bertemu selepas Musa meninggalkan tempat munajat di pinggir Bukit Tursina itu. Allah telah mewahyukan kepada Harun supaya bekerjasama dengan Musa dalam usaha berda'wah kepada Fir'aun, dan kini kedua-duanya menyampaikan kebimbangan-kebimbangan mereka:

قَالَا رَبَّنَآ إِنَّنَا نَخَافُ أَن يَفۡرُطَ عَلَيۡنَآ أَوۡ أَن يَطۡغَىٰ ﴿٤٥﴾

"Mereka berdua berkata: Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami merasa bimbang dia akan bertindak segera menyeksakan kami atau berlagak angkuh."(45)

Mereka bimbang kepada tindakan Fir'aun yang cepat dan kepada kezaliman dan kekejamannya kerana dia tidak mempunyai perasaan silu malu melakukannya.

Di sini Allah memberi jawapan yang tegas kepada mereka berdua, iaitu jawapan yang membuat kedua-duanya tidak perlu lagi merasa takut:

قَالَ لَا تَخَافَآۖ إِنَّنِي مَعَكُمَآ أَسۡمَعُ وَأَرَىٰ ﴿٤٦﴾

"Allah berfirman: Janganlah kamu berdua merasa bimbang, kerana sesungguhnya Aku bersama kamu: Aku sentiasa mendengar dan melihat."(46)

"*Sesungguhnya Aku bersama kamu*", yang bersama kamu ialah Tuhan Yang Maha Gagah Perkasa, Maha Besar, Maha Tinggi dan Maha Kuasa di atas sekalian hamba-Nya, Tuhan yang mencipta segala alam, segala hidupan, segala individu dan segala sesuatu dengan sepatah kata "kun" sahaja. Itulah Tuhan yang bersama kedua-duanya.Walaupun ungkapan yang ringkas ini sudah cukup, namun Allah menambahkan lagi penerangan-Nya supaya kedua-duanya bertambah-tambah yakin bahawa Allah tetap akan membantu mereka:

أَسۡمَعُ وَأَرَىٰ ﴿٤٦﴾

"Aku sentiasa mendengar dan melihat."(46)

Oleh itu apakah yang mampu dilakukan oleh Fir'aun jika dia bertindak cepat dan berlagak angkuh? Bukanlah Allah bersama mereka berdua mendengar dan melihat?

Musa Dan Harun Menemui Fir'aun

Di samping memberi ketenteraman kepada mereka, Allah menunjukkan pula cara berda'wah dan berdebat:

فَأۡتِيَاهُ فَقُولَآ إِنَّا رَسُولَا رَبِّكَ فَأَرۡسِلۡ مَعَنَا بَنِيٓ إِسۡرَٰٓءِيلَ وَلَا تُعَذِّبۡهُمۡۖ قَدۡ جِئۡنَٰكَ بِـَٔايَةٖ مِّن رَّبِّكَۖ وَٱلسَّلَٰمُ عَلَىٰ مَنِ ٱتَّبَعَ ٱلۡهُدَىٰٓ ﴿٤٧﴾ إِنَّا قَدۡ أُوحِيَ إِلَيۡنَآ أَنَّ ٱلۡعَذَابَ عَلَىٰ مَن كَذَّبَ وَتَوَلَّىٰ ﴿٤٨﴾

"Hendaklah kamu berdua menemuinya dankatakanlah: Sesungguhnya kami berdua adalah utusan dari Tuhanmu. Oleh itu lepaskanlah Bani Israel keluar bersama kami dan janganlah engkau tindaskan mereka. Sesungguhnya kami telah membawa kepadamu bukti dari Tuhanmu, dan kesejahteraan itu dikurniakan kepada sesiapa yang mengikut hidayat Allah(47). Sesungguhnya telah diwahyukan kepada kami bahawa 'azab (Allah) itu ditimpakan ke atas sesiapa yang mendusta dan berpaling (dari hidayat)."(48)

Cara da'wah itu hendaklah dimulakan dengan menerangkan asas risalah mereka berdua:

إِنَّا رَسُولَا رَبِّكَ

"Sesungguhnya kami berdua adalah utusan dari Tuhanmu"(47)

supaya Fir'aun dari detik pertama lagi merasa bahawa di sana ada Tuhan, iaitu Tuhan dia dan Tuhan seluruh manusia, bukan hanya Tuhan Musa dan Harun sahaja atau Tuhan Bani Israel sahaja sebagaimana kepercayaan-kepercayaan khurafat paganisme yang lumrah pada masa itu, iaitu setiap kaum atau suku kaum mempunyai tuhan atau tuhan-tuhan khas untuk

mereka masing-masing atau sebagaimana dipercayai umum pada setengah-setengah zaman bahawa Fir'aun yang memerintah Mesir adalah tuhan yang disembah kerana dia adalah dari keturunan tuhan-tuhan.

Kemudian menjelaskan tujuan risalah mereka:

فَأَرْسِلْ مَعَنَا بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ وَلَا تُعَذِّبْهُمْ ۖ

"Oleh itu lepaskanlah Bani Israel keluar bersama kami dan janganlah engkau tindaskan mereka."(47)

Di dalam batas inilah terletaknya tugas risalah mereka kepada Fir'aun, iaitu untuk menyelamatkan Bani Israel dan membawa mereka pulang kepada 'aqidah tauhid dan kepada tanah suci yang telah ditetapkan Allah menjadi tempat kediaman mereka sehingga mereka melakukan kerosakan di sana dan ketika itu mereka akan dihancurleburkan.

Kemudian menerangkan bukti kebenaran risalah mereka:

قَدْ جِئْنَٰكَ بِـَٔايَةٍ مِّن رَّبِّكَ ۖ

"Sesungguhnya kami telah membawa kepadamu bukti dari Tuhanmu"(47)

yang menunjukkan kebenaran bahawa kami adalah benar-benar datang kepadamu dengan perintah dari Tuhan kami untuk melaksanakan tugas yang telah kami nyatakan tadi.

Kemudian mengemukakan pernyataan-pernyataan yang menarik:

وَٱلسَّلَٰمُ عَلَىٰ مَنِ ٱتَّبَعَ ٱلْهُدَىٰٓ ﴿٤٧﴾

"Dan kesejahteraan itu dikurniakan kepada sesiapa yang mengikut hidayat Allah."(47)

Semoga Fir'aun tergolong dalam golongan orang-orang yang dapat menerima tawaran kesejahteraan itu dan mengikut hidayat Allah.

Kemudian memberi amaran dan ancaman secara tidak langsung supaya tidak menanggung hati Fir'aun yang angkuh dan melampau itu:

إِنَّا قَدْ أُوحِىَ إِلَيْنَآ أَنَّ ٱلْعَذَابَ عَلَىٰ مَن كَذَّبَ وَتَوَلَّىٰ ﴿٤٨﴾

"Sesungguhnya telah diwahyukan kepada kami bahawa 'azab (Allah) itu ditimpakan ke atas sesiapa yang mendusta dan berpaling (dari hidayat)."(48)

Demikianlah Allah mengurniakan ketenteraman kepada Musa dan Harun dan menggariskan jalan da'wah mereka serta mengaturkan urusan mereka supaya mereka dapat meneruskan perjuangan mereka dengan aman dan bijaksana menyampaikan hidayat Allah.

Di sini tirai pun dilabuhkan kemudian diangkatkan kembali untuk menayangkan adegan Musa dan Harun sedang berdebat di hadapan Maharaja Fir'aun yang zalim itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 49 - 59)

Kedua-duanya telah datang mengadap Fir'aun - ayat-ayat di sini tidak menyebut bagaimana mereka sampai ke istana Fir'aun - kedua-duanya datang menemuinya disaksi oleh Allah Yang Maha Mendengar dan Melihat. Dengan kuatkuasa siapakah Musa dan Harun bercakap kepada Fir'aun? Walau bagaimanapun Fir'aun, namun kedua-duanya telah menyampaikan (dengan berani) apa yang diperintahkan Allah supaya disampaikan kepada Fir'aun.

Musa Menjelaskan Sifat-sifat Allah Kepada Fir'aun

قَالَ فَمَن رَّبُّكُمَا يَٰمُوسَىٰ ﴿٤٩﴾

قَالَ رَبُّنَا ٱلَّذِىٓ أَعْطَىٰ كُلَّ شَىْءٍ خَلْقَهُۥ ثُمَّ هَدَىٰ ﴿٥٠﴾

"Fir'aun bertanya: Siapakah Tuhan kamu berdua, wahai Musa?(49) Jawab Musa: Tuhan kami ialah (Tuhan) yang telah memberikan kepada setiap sesuatu itu bentuk kejadian yang sesuai dengannya, kemudian dia memberi hidayat."(50)

Fir'aun tidak mahu mengakui bahawa Tuhan Musa dan Harun itu adalah Tuhannya juga sebagaimana yang dikatakan mereka "Sesungguhnya kami berdua adalah utusan dari Tuhanmu". Fir'aun menujukan pertanyaannya kepada Musa kerana nampaknya dialah yang menjadi jurucakap "Siapakah Tuhan kamu berdua, wahai Musa?" Yakni siapakah Tuhan kamu, yang kamu mendakwa bercakap atas nama-Nya dan menuntut supaya dibebaskan Bani Israel?

Nabi Musa a.s. memberi jawapan dengan menyebut sifat-sifat Allah Yang Mencipta dan Mentadbir:

قَالَ رَبُّنَا ٱلَّذِىٓ أَعْطَىٰ كُلَّ شَىْءٍ خَلْقَهُۥ ثُمَّ هَدَىٰ ﴿٥٠﴾

"Jawab Musa: Tuhan kami ialah (Tuhan) yang telah memberikan kepada setiap sesuatu itu bentuk kejadian yang sesuai dengannya, kemudian dia memberi hidayat."(50)

Maksudnya, Tuhan kami ialah Tuhan yang mengurniakan kewujudan kepada setiap makhluk yang maujud dengan bentuk rupa dan tabi'at kejadian masing- masing yang dijadikan untuknya, kemudian Dia memberi hidayat kepada tugas-tugasnya masing-masing yang dijadikan untuknya. Dia menolong dan membantu setiap makhluk dengan bantuan yang sesuai dengan tugas-tugas itu. Kata-kata "kemudian" dalam ayat ini bukan bertujuan menyatakan tertib masa, kerana setiap makhluk itu d iciptakan sekaligus bersama hidayat yang mengenali tugas yang dijadikan untuknya. Di sana tidak ada masa senggang di antara penciptaan makhluk dengan penciptaan tugasnya, malah yang dimaksudkan dengan kata-kata, "kemudian" itu ialah untuk menerangkan martabat di antara penciptaan makhluk dengan pencapaiannya mendapat hidayat kepada tugasnya kerana darjat pencapaian setiap makhluk

mendapat hidayat kepada tugasnya adalah lebih tinggi dari darjat penciptaannya semata-mata.

Sifat-sifat Allah yang disebutkan oleh Musa a.s. sebagaimana diceritakan Al-Qur'an itu merupakan sifat yang mengintisarikan kesan kekuasaan Allah yang paling sempurna dan lengkap selaku Pencipta dan Pentadbir alam al-wujud ini, iaitu Allah mengurniakan kewujudan kepada setiap makhluk yang maujud, juga mengurniakan segala rupa bentuknya masing-masing di samping mengurniakan hidayat kepada tugas masing-masing yang dijadikan untuknya. Apabila seseorang manusia menjelajah dengan mata kasarnya dan dengan mata hatinya mengikut batasan kemampuannya di merata pelosok alam yang besar ini nescaya dia akan melihat kesan-kesan qudrat Allah yang mencipta dan mentadbir dalam setiap kejadian alam ini sama ada kecil atau besar... iaitu dari kejadian sebiji atom yang seni hingga kepada jisim yang paling besar, dan dari sel yang tunggal kepada bentuk hidup yang paling tinggi yang terdapat pada manusia.

Alam al-wujud yang besar ini, yang terdiri dari atom-atom, sel-sel, makhluk-makhluk dan hidupan-hidupan yang tidak terhitung banyaknya, di mana setiap atom bergerak, setiap sel berdenyut hidup dan setiap yang hidup bergerak. Setiap makhluk saling bertindak dan berhubung dengan makhluk-makhluk yang lain. Seluruhnya adalah bertindak secara individu atau secara berkelompok dalam lingkungan undang-undang yang tersimpan di dalam fitrah dan struktur kejadian masing-masing tanpa berlaku sebarang percanggahan, kekacauan dan kelemahan pada mana-mana waktu.

Setiap individu makhluk merupakan sebuah alam yang tersendiri, di mana segala atomnya, segala selnya, segala anggota dan peralatannya bertindak dan bergiat mengikut fitrah kejadiannya dalam lingkungan undang-undang yang am dengan begitu serasi dan teratur.

Setiap individu makhluk - ketepikan sahaja alam buana yang besar ini - tidak mampu dikaji oleh manusia. Dengan erti bahawa ilmu pengetahuan dan tenaga manusia tidak berupaya mengkaji segala sifat-sifat, fungsi-fungsi, penyakit-penyakitnya dan cara pengubatannya. Kajian itu hanya merupakan semata-mata kajian sahaja bukannya kajian untuk mencipta dan menunjukkannya kepada fungsi-fungsi semulajadinya kerana ini terkeluar dari lingkungan kemampuan manusia. Ia adalah makhluk dari ciptaan Allah. Dialah yang memberi kewujudan kepadanya dengan rupa bentuknya yang telah ditentukannya dan dengan fungsi yang telah ditetapkan kepadanya sama dengan mana-mana makhluk yang lain.

Itulah ciptaan Allah Yang Maha Esa iaitu *"Tuhan kami yang telah memberikan kepada setiap sesuatu itu bentuk kejadian yang sesuai dengannya kemudian Dia memberi hidayat kepada tugas masing-masing."*

Kemudian Fir'aun mengemukakan pertanyaan yang kedua:

قَالَ فَمَا بَالُ ٱلْقُرُونِ ٱلْأُولَىٰ ﴿٥١﴾

"Fir'aun bertanya lagi: Bagaimana pula keadaan umat-umat yang dahulu kala?"(51)

Bagaimana pula keadaan umat-umat manusia yang telah berlalu? Ke mana mereka pergi? Siapakah Tuhan Mereka? Apakah yang berlaku kepada mereka, sedangkan mereka semuanya telah mati tanpa mengenal Tuhan ini?

قَالَ عِلْمُهَا عِندَ رَبِّى فِى كِتَٰبٍ ۖ لَّا يَضِلُّ رَبِّى وَلَا يَنسَى ﴿٥٢﴾

"Jawab Musa: Pengetahuan mengenai umat-umat itu berada di sisi Tuhanku tertulis di dalam sebuah buku, Tuhanku tidak pernah keliru dan tidak pernah lupa."(52)

Demikianlah Musa a.s. mengembalikan urusan ghaib zaman purbakala yang terselindung dari mata kasar itu kepada Allah yang mengetahui segala sesuatu dan tidak pernah lupakan sesuatu itu. Dialah sahaja yang mengetahui seluruh keadaan umat-umat yang terdahulu sama ada di zaman silam mereka atau di zaman depan mereka. Segala urusan ghaib hanya milik Allah sahaja dan seluruh teraju pengendalian urusan manusia hanya berada ditangan Allah.

Kemudian beliau terus menjelaskan kepada Fir'aun kesan-kesan pentadbiran Allah di alam buana dan aneka ni'mat yang dikurniakan kepada umat manusia. Beliau memilih setengah kesan yang wujud di sekeliling Fir'aun, iaitu kesan-kesan yang dapat dilihat di negeri Mesir yang mempunyai tanah yang subur, air yang mewah, tanaman-tanaman dan ternakan-ternakan yang kaya:

ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُمُ ٱلْأَرْضَ مَهْدًا وَسَلَكَ لَكُمْ فِيهَا
سُبُلًا وَأَنزَلَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَأَخْرَجْنَا بِهِۦٓ أَزْوَٰجًا
مِّن نَّبَاتٍ شَتَّىٰ ﴿٥٣﴾
كُلُوا۟ وَٱرْعَوْا۟ أَنْعَٰمَكُمْ ۗ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّأُو۟لِى
ٱلنُّهَىٰ ﴿٥٤﴾

"Dialah yang telah menjadikan bumi untuk kamu sebagai hamparan dan mengadakan padanya jalan-jalan untuk kamu, Dia juga yang menurunkan hujan dari langit, dan dengan siramannya kami keluarkan pasangan-pasangan dari bermacam-macam tumbuhan(53). Makanlah kamu dan gembalakanlah ternakan-ternakan kamu. Sesungguhnya pada kejadian-kejadian itu terdapat bukti-bukti kekuasaan (Allah) bagi orang-orang yang berakal."(54)

Seluruh bumi ini merupakan hamparan kepada umat manusia di setiap tempat dan zaman. Ia merupakan buaian sama dengan buaian kanak-kanak, kerana manusia merupakan kanak-kanak bumi yang merangkul dan memberi makan kepada mereka. Bumi

ini juga dihamparkan untuk kemudahan mereka berjalan, menenggala, menanam dan hidup di atasnya. Ia diciptakan sedemikian rupa pada hari Allah menentukan rupa bentuk kejadian segala sesuatu. Dia telah mengurniakan kepada bumi ini rupa bentuknya yang sesuai untuk didiami makhluk-makhluk yang bernyawa. Dia telah mengurniakan kepada manusia rupa bentuknya yang sesuai dengan mereka untuk hidup di muka bumi ini yang telah dihamparkannya dan dijadikannya sebagai buaian mereka. Bentuk hamparan dan buaian itu merupakan dua pengertian yang hampir bersamaan dan berhubung rapat.

Gambaran buaian dan sifat terhampar itu tidak terhampar begitu jelas di tempat-tempat yang lain sebagaimana ia dapat dilihat dengan jelas di negeri Mesir, kerana Mesir merupakan sebuah wadi yang menghijau subur, datar dan terhampar, di mana penduduknya dapat bercucuk tanam dengan mudah seolah-olah buaian kanak-kanak yang merangkul dan membelanya.

Allah Pencipta dan Pentadbir yang menjadikan bumi sebagai hamparan itu telah mengadakan berbagai-bagai jalan di atasnya dan menurunkan air hujan dari langit, dan dari air hujan inilah terjadinya sungai-sungai yang mengalir dan di antaranya ialah Sungai Nil yang berhampiran dengan istana Fir'aun. Dengan siraman air hujan Dia mengeluarkan berbagai-bagai jenis tumbuhan dan tanaman. Di sini negeri Mesir merupakan satu contoh yang paling jelas, yang menunjukkan bagaimana Allah mengeluarkan tumbuh-tumbuhan untuk menjadi makanan kepada manusia dan menternakkan haiwan.

Allah Pencipta dan Pentadbir telah menghendaki menjadikan tumbuh-tumbuhan berpasang-pasangan seperti hidup-hidupan yang lain. Gejala berpasangan itu merupakan gejala yang lazim pada seluruh makhluk yang hidup. Tumbuh-tumbuhan biasanya membawa sel-sel jantan dan sel-sel betina pada setiap tumbuhan dan kadang-kadang pendebungaan berlangsung pada tumbuhan jantan yang tunggal seperti yang berlaku pada setengah-setengah spesies haiwan. Dengan demikian terlaksanalah kaedah keseimbangan di dalam undang-undang hidup yang berlaku pada segala jenis kejadian:

إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّأُو۟لِى ٱلنُّهَىٰ ﴿٥٤﴾

"Sesungguhnya pada kejadian-kejadian itu terdapat bukti-bukti kekuasaan (Allah) bagi orang-orang yang berakal."(54)

Tiada satu akal yang jujur yang meneliti peraturan alam yang mengkagumkan ini kemudian ia tidak dapat melihat bukti-bukti yang menunjukkan adanya Tuhan Pencipta Yang Maha Pentadbir yang telah mengatur kepada setiap suatu bentuk kejadian yang sesuai dengannya di samping memberi hidayat kepada tugas masing-masing.

Kemudian cerita perkataan-perkataan Musa itu disempurnakan pula dengan firman Allah yang langsung:

مِنْهَا خَلَقْنَٰكُمْ وَفِيهَا نُعِيدُكُمْ وَمِنْهَا نُخْرِجُكُمْ تَارَةً أُخْرَىٰ ﴿٥٥﴾

وَلَقَدْ أَرَيْنَٰهُ ءَايَٰتِنَا كُلَّهَا فَكَذَّبَ وَأَبَىٰ ﴿٥٦﴾

"Dari tanah (bumi) Kami ciptakan kamu dan kepadanya Kami akan pulangkan kamu dan daripadanya juga Kami akan keluarkan kamu pada suatu ketika yang lain(55). Dan sesungguhnya Kami telah memperlihatkan kepada Fir'aun segala tanda-tanda kekuasaan Kami, tetapi dia telah mendustakannya dan enggan menerima."(56)

Dari bumi yang Kami ciptakannya sebagai hamparan untuk kamu, di mana Kami mengadakan berbagai-bagai jalan dan menurunkan hujan dari langit dan dengan air hujan itulah Kami ciptakan pasangan-pasangan dari berbagai-bagai jenis tumbuh-tumbuhan untuk menjadi makanan kepada manusia dan haiwan... dari bumi inilah Kami ciptakan kamu dan ke dalam bumi inilah Kami kembalikan kamu dan dari bumi inilah juga Kami akan mengeluarkan kamu selepas kematian kamu.

Manusia telah diciptakan dari bahan bumi. Keseluruhan 'unsur jisimnya adalah dari unsur-unsur bumi, kerana manusia makan dari tumbuhan bumi, minum dari airnya dan bernafas dari udaranya. Dialah anak bumi dan bumi itulah buaiannya. Kepada bumi dia pulang sebagai mayat yang ditimbusi tanah, di sana ia reput bercampuraduk dengan debu-debu pasirnya dan akhirnya menjadi gas yang bercampur baur dengan udaranya, kemudian dari bumi inilah juga dia dihidupkan sekali lagi sebagaimana dia diciptakan bagi kali yang pertama.

Penciptaan bumi yang disebutkan di sini mempunyai hubungan dengan adegan dialog dengan Fir'aun yang zalim dan angkuh itu kerana dia mengangkatkan dirinya ke maqam ketuhanan, sedangkan dia diciptakan dari bumi dan akan dipulangkan ke bumi. Dia tidak lebih dari salah satu dari makhluk-makhluk yang telah diciptakan Allah di bumi dan diberi hidayat kepada tugas-tugas semulajadinya.

وَلَقَدْ أَرَيْنَٰهُ ءَايَٰتِنَا كُلَّهَا فَكَذَّبَ وَأَبَىٰ ﴿٥٦﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah memperlihatkan kepada Fir'aun segala tanda-tanda kekuasaan Kami, tetapi dia telah mendustakannya dan enggan menerima."(56)

Fir'aun Mencabar Musa Bertanding Dengan Ahli-ahli Sihirnya

Maksudnya, Kami telah memperlihatkan kepadanya bukti-bukti kejadian alam yang ditunjukkan Musa kepadanya, juga mu'jizat-mu'jizat tongkat dan tangan yang tidak disebut di sini kerana kedua-duanya merupakan sebahagian dari bukti-bukti kekuasaan Allah, dan bukti-bukti kejadian alam yang lain merupakan bukti-bukti yang lebih besar dan lebih kekal. Oleh sebab itulah kedua-dua jenis bukti ini (bukti kejadian alam dan bukti mu'jizat tongkat dan tangan) tidak dihuraikan kepada Fir'aun di sini kerana

ia dapat difaham secara tersirat, malah Al-Qur'an menghuraikan penolakan Fir'aun terhadap seluruh bukti itu. Dari sinilah kita dapat faham bahawa Al-Qur'an mengisyaratkan kepada dua jenis bukti itu.

قَالَ أَجِئْتَنَا لِتُخْرِجَنَا مِنْ أَرْضِنَا بِسِحْرِكَ يَٰمُوسَىٰ ﴿٥٧﴾
فَلَنَأْتِيَنَّكَ بِسِحْرٍ مِّثْلِهِۦ فَٱجْعَلْ بَيْنَنَا وَبَيْنَكَ
مَوْعِدًا لَّا نُخْلِفُهُۥ نَحْنُ وَلَآ أَنتَ مَكَانًا سُوًى ﴿٥٨﴾
قَالَ مَوْعِدُكُمْ يَوْمُ ٱلزِّينَةِ وَأَن يُحْشَرَ ٱلنَّاسُ ضُحًى ﴿٥٩﴾

"Fir'aun berkata: Adakah (tujuan) engkau datang kepada kami untuk mengusirkan kami dari negeri kami dengan (kepandaian) sihirmu, wahai Musa?(57) Sesungguhnya kami akan membawa kepadamu sihir yang seperti itu juga. Oleh itu tetapkanlah satu hari (pertandingan) di antara kami dengan engkau, yang mana kami dan engkau tidak akan memungkirinya di suatu tempat yang terbuka(58). Jawab Musa: Hari (pertandingan di antara kami dan) kamu ialah pada hari raya (Yang akan datang) dan hendaklah orang ramai dikumpulkan di waktu pertengahan pagi."(59)

Demikianlah Fir'aun tidak mahu meneruskan perdebatannya dengan Musa a.s. kerana hujah beliau amat jelas dan kesannya amat kuat. Ini ialah kerana hujah itu diambil dari bukti-bukti kejadian alam dan dari bukti- bukti mu'jizat yang berlaku pada diri beliau. Oleh sebab itu Fir'aun menggunakan cara melemparkan tuduhan terhadap Musa, iaitu dia menuduh beliau telah menggunakan ilmu sihir yang mengubahkan tongkat menjadi ular yang merayap dan mengubahkan tangan menjadi putih melepak tanpa sesuatu penyakit. Kepandaian sihir itulah yang paling dekat kepada fikiran Fir'aun, kerana ilmu sihir di waktu itu tersebar dengan luasnya dan kerana sifat dari kedua-dua mu'jizat itu lebih dekat kepada perkara-perkara yang lumrah berlaku di dalam amalan sihir, sedangkan yang sebenarnya sihir itu adalah suatu gambaran fantasi semata-mata bukannya gambaran hakikat dan suatu silap mata yang mengelirukan penglihatan dan pancaindera-pancaindera yang lain. Kadang-kadang sihir boleh mengelirukan perasaan manusia sehingga ia dapat melahirkan kesan-kesan yang boleh dirasa sama seperti kesan-kesan kejadian yang haqiqi sebagaimana telah disaksikan bagaimana orang yang terkena sihir itu kadang-kadang memperlihatkan kesan-kesan saraf dan fizikal seolah-olah kesan-kesan itu benar-benar berlaku kepada mereka, tetapi kedua-dua mu'jizat Musa itu bukannya dari jenis kepandaian sihir, malah kedua-duanya dari ciptaan qudrat Ilahi yang berkuasa mencipta dan mengubahkan segala sesuatu itu secara haqiqi sama ada perubahan itu dalam bentuk sementara atau dalam bentuk selama-lamanya.

قَالَ أَجِئْتَنَا لِتُخْرِجَنَا مِنْ أَرْضِنَا بِسِحْرِكَ يَٰمُوسَىٰ ﴿٥٧﴾

"Fir'aun berkata: Adakah (tujuan) engkau datang kepada kami untuk mengusirkan kami dari negeri kami dengan (kepandaian) sihirmu, wahai Musa?"(57)

Jelaslah bahawa perhambaan dan penindasanterhadap Bani Israel yang dilakukan oleh Fir'aun itu merupakan suatu tindakan politik kerana ditakuti bilangan mereka bertambah ramai dan kedudukan mereka bertambah kuat, maka demi kepentingan berkuasa dan memerintah, pemerintah-pemerintah yang zalim tidak silu malu dan segan dari melakukan jenayah-jenayah yang paling liar dan ganas, paling jauh dari segala perasaan kemanusiaan, dari akhlak, dari maruah dan dari hati nurani. Justeru itu Fir'aun sanggup bertindak untuk menghapuskan Bani Israel dan melemahkan mereka dengan membunuh bayi-bayi lelaki mereka dan mengekalkan bayi-bayi perempuan, menggunakan orang-orang dewasa dalam kerja-kerja berat yang membinasakan mereka. Kerana itu apabila Musa dan Harun berkata kepadanya "lepaskanlah Bani Israel keluar bersama kami dan janganlah engkau tindaskan mereka", dia terus menjawab "adakah (tujuan) engkau datang kepada kami untuk mengusirkan kami dari negeri kami dengan (kepandaian) sihirmu, wahai Musa?" kerana pembebasan Bani Israel itu merupakan langkah persediaan untuk mengambil alih pemerintahan dan merampas negeri.

Dan andainya Musa menuntut pembebasan Bani Israel itu kerana tujuan ini dan segala apa yang ditunjukkan oleh beliau merupakan amalan sihir, maka jawapan yang paling mudah ialah:

فَلَنَأْتِيَنَّكَ بِسِحْرٍ مِّثْلِهِۦ

"Sesungguhnya kami akan membawa kepada kamu sihir yang seperti itu juga."(58)

Demikianlah kebiasaan pemerintah-pemerintah yang zalim itu selalu memahami bahawa di sebalik dakwaan para rasul yang memperjuangkan 'aqidah-'aqidah yang benar itu tersembunyi sesuatu tujuan keduniaan. Bagi mereka perjuangan 'aqidah itu hanya tabir bagi perjuangan merebut kekuasaan dan pemerintahan. Apabila mereka melihat para rasul itu membawa bukti-bukti sama ada berupa mu'jizat seperti yang ditunjukkan oleh Nabi Musa a.s. atau berupa sesuatu yang memikat hati manusia walaupun tidak termasuk dalam perkara-perkara mu'jizat, maka mereka akan menentang bukti-bukti itu dengan bukti-bukti yang sama pada lahirnya. Jika mereka mengguna ilmu sihir, kami juga dapat menggunakan ilmu sihir. Jika mereka menggunakan madah yang menarik, kami juga dapat menggunakan madah yang menarik. Jika mereka memperlihatkan kebaikan dan kesolehan, kami juga boleh berpura-pura menunjukkan baik dan soleh. Jika mereka menunjukkan amalan yang baik, kami juga boleh menunjukkan amalan-amalan yang baik. Pemerintah-pemerintah yang zalim itu tidak memahami bahawa 'aqidah-'aqidah itu mempunyai kekuatan moral dari keimanan dan dari pertolongan Allah. Dengan

kekuatan keimanan dan pertolongan Allah inilah 'aqidah-'aqidah ini dapat mencapai kemenangan. Ia bukannya mencapai kemenangan dengan kekuatan dan bentuk rupa yang lahir.

Kerana itu Fir'aun meminta Musa a.s. menentukan masa pertandingan dengan ahli-ahli sihir baginda. Dia memberi kebebasan kepada beliau memilih hari itu sebagai satu cabaran:

فَٱجۡعَلۡ بَيۡنَنَا وَبَيۡنَكَ مَوۡعِدٗا

"Oleh itu tetapkanlah satu hari (pertandingan) di antara kami dengan engkau"(58)

kemudian dia menuntut beliau supaya jangan memungkiri janji itu sebagai menguatkan cabarannya:

لَّا نُخۡلِفُهُۥ نَحۡنُ وَلَآ أَنتَ

"Yang mana kami dan engkau tidak akan memungkirinya"(58)

kemudian tempat pertandingan itu hendaklah diadakan di suatu tempat yang terbuka untuk menambahkan lagi cabarannya:

مَكَانٗا سُوٗى ﴿٥٨﴾

"Di suatu tempat yang terbuka."(58)

Cabaran itu telah disambut oleh Musa a.s. lalu beliau memilih masa pertandingan itu pada salah satu hariraya dari hari raya-hari raya yang dirayakan oleh penduduk negeri Mesir dengan pakaian-pakaian yang indah di mana mereka berkumpul di tanah-tanah lapang dan tempat-tempat yang terbuka.

قَالَ مَوۡعِدُكُمۡ يَوۡمُ ٱلزِّينَةِ وَأَن يُحۡشَرَ ٱلنَّاسُ ضُحٗى ﴿٥٩﴾

"Jawab Musa: Hari (pertandingan di antara kami dan) kamu ialah pada hari raya (yang akan datang) dan hendaklah orang ramai dikumpulkan di waktu pertengahan pagi."(59)

Musa a.s. meminta supaya orang ramai dikumpul di waktu pagi di suatu tempat yang terbuka. Beliau telah menyambut cabaran Fir'aun dan menambahkan pula supaya masa pertandingan itu di waktu pertengahan pagi, iaitu masa siang yang paling terang dan paling banyak orang ramai berkumpul pada hari raya, bukannya di limun-limun pagi kerana orang ramai belum lagi meninggal rumah-rumah mereka, dan bukan pula di waktu tengahari, kerana orang ramai tidak dapat keluar disebabkan panas yang terik dan bukan pula di waktu senja di mana orang ramai tidak dapat berkumpul dan melihat pertandingan itu dengan terang kerana gelap.

Di sini berakhirlah adegan pertama dari adegan-adegan pertembungan di antara keimanan dan kezaliman di medan pertempuran.

Di sini tabir dilabuhkan, kemudian disingkapkan kembali untuk menunjukkan satu adegan yang lain.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 60 - 79)

فَتَوَلَّىٰ فِرۡعَوۡنُ فَجَمَعَ كَيۡدَهُۥ ثُمَّ أَتَىٰ ﴿٦٠﴾

"Kemudian Fir'aun beredar (dari majlis itu) lalu mengumpulkan segala tipu dayanya (tukang-tukang sihir) kemudian dia datang (pada hari pertandingan)."(60)

Ayat ini mengintisarikan segala pembicaraan Fir'aun dan para pembesar kaumnya, juga kata-kata pemberangsangan dan janji-janji hadiah yang berlaku di antara Fir'aun dengan tukang-tukang sihir itu serta apa yang difikir dan dirancangkan oleh Fir'aun dan para penasihatnya. Semuanya disimpulkan dalam satu ungkapan yang ringkas "kemudian Fir'aun pergi lalu mengumpulkan segala tipu dayanya kemudian ia datang" (pada hari pertandingan). Serangkai ayat yang pendek ini menggambarkan tiga pergerakan yang berturut-turut iaitu pemergian Fir'aun, pengumpulan tipu dayanya dan kehadirannya membawa tukang-tukang sihir.

Kesan Da'wah Musa Kepada Ahli-ahli Sihir Fir'aun

Sebelum memasuki pertandingan, Musa a.s. telahberfikir untuk memberi nasihat kepada mereka sambil mengingatkan mereka terhadap akibat buruk yang akan menimpa mereka kerana perbuatan mereka melakukan pembohongan terhadap Allah, semoga mereka kembali ke jalan hidayat dan meninggalkan cabaran mereka dengan ilmu sihir mereka kerana ilmu itu merupakan satu pembohongan terhadap Allah:

قَالَ لَهُم مُّوسَىٰ وَيۡلَكُمۡ لَا تَفۡتَرُواْ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبٗا
فَيُسۡحِتَكُم بِعَذَابٖۖ وَقَدۡ خَابَ مَنِ ٱفۡتَرَىٰ ﴿٦١﴾

"Berkatalah Musa kepada mereka (ahli-ahli sihir): Celakalah kamu! Janganlah kamu mengada-adakan pembohongan terhadap Allah, kerana akibatnya Dia akan membinasakan kamu dengan 'azab seksa. Sesungguhnya amat rugilah orang-orang yang telah mengada-adakan pembohongan (terhadap Allah)."(61)

Perkataan yang benar itu dapat menyentuh dan menembusi setengah-setengah hati manusia dan inilah yang telah berlaku kepada tukang-tukang sihir itu. Setengah-setengah mereka telah terpengaruh dengan nasihat Musa yang ikhlas itu dan menyebabkan mereka teragak-agak untuk menyertai pertandingan itu, sementara tukang- tukang sihir yang lain yang berazam untuk memasuki pertandingan itu bersoaljawab dengan mereka secara diam-diam kerana takut didengari Musa:

فَتَنَٰزَعُوٓاْ أَمۡرَهُم بَيۡنَهُمۡ وَأَسَرُّواْ ٱلنَّجۡوَىٰ ﴿٦٢﴾

"Lalu mereka berselisih di antara mereka mengenai urusan mereka dan merahsiakan perbincangan mereka."(62)

Mereka berbisik-bisik satu sama lain. Mereka menimbulkan perasaan takut dalam kumpulan yang teragak-agak memasuki pertandingan, iaitu mereka

menakut-nakutkan mereka dengan Musa dan Harun yang mahu menguasai negeri Mesir dan mengubahkan 'aqidah-'aqidah para penduduknya. Ini memerlukan mereka menghadapi kedua-dua orang itu dengan perpaduan yang kukuh tanpa teragak-agak dan berselisih faham. Hari ini adalah hari perjuangan penentu. Siapa yang menang dia akan beruntung dan berjaya:

قَالُوٓا۟ إِنْ هَٰذَٰنِ لَسَٰحِرَٰنِ يُرِيدَانِ أَن يُخْرِجَاكُم مِّنْ
أَرْضِكُم بِسِحْرِهِمَا وَيَذْهَبَا بِطَرِيقَتِكُمُ ٱلْمُثْلَىٰ ﴿٦٣﴾
فَأَجْمِعُوا۟ كَيْدَكُمْ ثُمَّ ٱئْتُوا۟ صَفًّا ۚ وَقَدْ أَفْلَحَ ٱلْيَوْمَ مَنِ
ٱسْتَعْلَىٰ ﴿٦٤﴾

"Mereka berkata: Sesungguhnya kedua-dua orang ini mahu mengusirkan kamu keluar dari negeri kamu dengan kepandaian sihir mereka dan menghapuskan agama kamu yang unggul(63). Oleh itu satukanlah tipu daya kamu kemudian datanglah dalam satu barisan yang padu. Sesungguhnya beruntunglah orang yang menang pada hari ini."(64)

Demikianlah kesan sepatah nasihat yang benar yang terbit dari 'aqidah yang benar. Ia meledak seperti bom dalam barisan pendokong kebatilan. Ia menggoncangkan kepercayaan mereka terhadap diri sendiri dan daya qudrat mereka, juga menggoncangkan 'aqidah dan pegangan mereka hingga memerlukan kepada pemberangsangan dan pengapian semangat yang seperti ini, sedangkan Musa dan saudaranya Harun hanya merupakan satu barisan dua orang yang menghadapi barisan tukang-tukang sihir yang ramai, iaitu satu barisan yang disokong oleh Fir'aun, kerajaannya, bala tenteranya, kekuasaannya dan harta kekayaannya. Namun demikian Musa dan Harun adalah bersama Allah yang sentiasa mendengar dan melihat.

Barangkali inilah rahsia yang dapat menjelaskan tindak-tanduk Fir'aun yang zalim dan sewenang-wenang itu kepada kita, juga menjelaskan sikap tukang-tukang sihir yang disokong oleh Fir'aun itu. Dari awal lagi siapakah gerangan Musa dan Harun ini hingga perlu dilawan oleh Maharaja Fir'aun yang menerima cabaran mereka? Hingga perlu dia bersusah payah mengumpulkan segala tipu dayanya kemudian berangkat ke medan pertandingan setelah mengumpulkan tukang-tukang sihir dan menghimpunkan khalayak yang ramai? Hingga dia perlu duduk bersama-sama para pembesar kaumnya untuk menyaksikan pertandingan itu? Bagaimana Maharaja Fir'aun sanggup berdebat dan berlawan dengan Musa? Sedangkan Musa tidak lebih dari seorang dari kaum Israel yang tertindas di bawah kekuasaannya? Itulah daya kehebatan yang telah dikurniakan Allah kepada Musa dan Harun, yang sentiasa bersama keduanya mendengar dan melihat.

Itulah daya kehebatan yang membuat sepatah nasihat Musa telah menggoncangkan barisan tukang-tukang sihir yang terlatih hingga memerlukan mereka mengadakan perbincangan secara sulit, membesar-besarkan bahaya Musa, membangkitkan semangat dan menyeru mereka kepada bersatu padu.

Kemudian para tukang sihir tampil ke depan:

قَالُوا۟ يَٰمُوسَىٰٓ إِمَّآ أَن تُلْقِىَ وَإِمَّآ أَن نَّكُونَ أَوَّلَ مَنْ أَلْقَىٰ ﴿٦٥﴾

"Mereka berkata: Wahai Musa! (pilihlah) sama ada engkau yang mula mencampakkannya atau kami yang mula mencampakkannya?"(65)

Petandingan Dengan Ahli-ahli Sihir Fir'aun

Itulah seruan mempelawa turun ke medan pertandingan, iaitu satu seruan yang membayangkan barisan yang padu, sikap yang adil dan mencabar.

قَالَ بَلْ أَلْقُوا۟ ۖ

"Jawab Musa: Bahkan silalah kamu campakkan dahulu!"(66)

Cabaran itu diterima mereka. Beliau memberi kepada mereka peluang memulakan pertandingan dan memegang kata pemutus di tangannya... Kemudian apakah yang telah berlaku.... ? Nampaknya mereka telah berjaya menunjukkan sihir mereka yang mengkagetkan hingga menyebabkan khalayak yang ramai tiba-tiba menjadi gempar dan Musa sendiri menjadi cemas:

فَإِذَا حِبَالُهُمْ وَعِصِيُّهُمْ يُخَيَّلُ إِلَيْهِ مِن سِحْرِهِمْ
أَنَّهَا تَسْعَىٰ ﴿٦٦﴾ فَأَوْجَسَ فِى نَفْسِهِۦ خِيفَةً مُّوسَىٰ ﴿٦٧﴾

"Maka tiba-tiba tali-tali dan tongkat-tongkat mereka terperasan kepada Musa seakan-akan berjalan kerana kepandaian sihir mereka. Lalu Musa merasa takut di dalam hatinya."(66-67)

Ungkapan ini membayangkan betapa hebatnya sihir itu sehingga menimbulkan rasa cemas di dalam hati Musa, sedangkan Allah bersamanya turut mendengar dan melihat. Tentulah Musa tidak merasa cemas melainkan kerana sesuatu yang sangat hebat yang menyebabkan beliau lupa seketika bahawa beliau berada di pihak yang lebih kuat hingga diperingatkan Allah bahawa beliau mempunyai kekuatan yang amat besar:

قُلْنَا لَا تَخَفْ إِنَّكَ أَنتَ ٱلْأَعْلَىٰ ﴿٦٨﴾
وَأَلْقِ مَا فِى يَمِينِكَ تَلْقَفْ مَا صَنَعُوٓا۟ ۖ إِنَّمَا صَنَعُوا۟ كَيْدُ
سَٰحِرٍ ۖ وَلَا يُفْلِحُ ٱلسَّاحِرُ حَيْثُ أَتَىٰ ﴿٦٩﴾

"Lalu Kami berkata: Janganlah engkau takut kerana engkaulah yang akan menang(68). Dan campakkanlah apa yang ada di tanganmu itu nescaya ia akan menelan segala apa yang dibuat mereka. Sesungguhnya segala apa yang

dibuat mereka hanya tipu daya tukang sihir sahaja, sedangkan tukang sihir itu tidak akan mendapat kejayaan biarpun dari mana sahaja dia datang."(69)

Janganlah engkau takut. Engkaulah yang akan menang kerana kebenaran berada di pihak engkau dan kebatilan berada di pihak mereka, engkau memperjuangkan 'aqidah yang benar dan mereka memperjuangkan kerjaya sihir. Engkau beriman kepada kebenaran agama yang dipegang engkau sedangkan mereka mengharapkan upah pertandingan dan ganjaran kesenangan hidup. Engkau mempunyai hubungan dengan kekuatan yang maha agung, sedangkan mereka menggunakan kekuatan seorang makhluk manusia yang fana walau dia seorang raja yang amat zalim dan ganas.

Janganlah engkau takut *"Dan campakkanlah apa yang ada di tanganmu itu"* tanpa menyebut tongkat untuk membesar-besarkannya *"nescaya ia akan menelan segala apa yang dibuat mereka"*, dan segala apa yang ditunjuk mereka hanya suatu perbuatan sihir yang dirancang oleh tukang sihir sahaja, sedangkan tukang sihir itu tidak akan mendapat kejayaan biar ke mana sahaja dia pergi dan di jalan mana sahaja dia berjalan kerana dia hanya mengikut tipu daya imaginasi dan membuat orang dikongkong gambaran fantasi. Dia tidak mengikut hakikat yang teguh dan kekal. Kedudukannya sama dengan kedudukan setiap orang yang memperjuangkan kebatilan di hadapan orang yang memperjuangkan kebenaran dan berpegang dengan kejujuran. Kadang-kadang kebatilannya kelihatan begitu besar, hebat dan menakutkan pada pandangan orang yang lupakan kekuatan kebenaran yang besar, yang tersembunyi, iaitu kekuatan yang tidak menunjukkan lagak yang sombong, angkuh dan takbur, tetapi pada akhirnya ia akan menewaskan kebatilan dan kebatilan tetap akan hapus dan musnah. Ia akan ditelan kebenaran dan akan hilang dari mata.

Musa mencampakkan tongkatnya lalu berlakulah peristiwa yang amat memeranjatkan semua orang. Ayat ini menggambarkan bagaimana kesan peristiwa yang amat mengkagetkan itu mempengaruhi jiwa tukang-tukang sihir yang telah memasuki pertandingan itu dengan hasrat mendapat kemenangan. Baru sekejap tadi mereka berbisik-bisik dan memberangsangkan satu sama lain. Mereka telah berjaya menunjukkan kepandaian dan kehandalan mereka dalam ilmu sihir sehingga mencemaskan hati Musa.

Musa sendiri terperasan - sedangkan beliau seorang rasul - melihat tali-tali dan tongkat-tongkat yang dicampakkan ahli-ahli sihir itu seolah-olah ular-ular yang sedang berayap-rayap. Ayat ini menggambarkan bagaimana kesan kekagetan dan kehairanan itu mempengaruhi jiwa mereka hingga mengubahkan seluruh perasaan mereka yang tidak dapat diungkapkan dengan kalam dan tidak dapat dihuraikan dengan kata-kata:

فَأُلْقِيَ ٱلسَّحَرَةُ سُجَّدًا قَالُوٓا۟ ءَامَنَّا بِرَبِّ هَٰرُونَ وَمُوسَىٰ ٧٠

"Lalu tukang-tukang sihir itu merebahkan diri sujud seraya berkata: Kami telah beriman kepada Tuhan Harun dan Musa."(70)

Itulah sentuhan yang menyambar saraf yang amat peka hingga menyebabkan seluruh jisim membongkas atau menekan butang api yang menyerlah cahaya dan menerangi kegelapan. Itulah sentuhan iman yang menyentuh hati manusia dan dalam sekelip mata ia mengubahkannya dari kekufuran kepada keimanan.

Tetapi masakan pemerintah-pemerintah yang zalim (seperti Fir'aun) dapat memahami rahsia yang amat halus ini. Masakan mereka tahu bagaimana hati manusia itu berubah. Mereka telah lupa kerana terlalu lama melakukan kezaliman dan terlalu lumrah melihat rakyat jelata mengikut telunjuk mereka. Mereka lupa bahawa Allah berkuasa mengubahkan hati manusia. Mereka lupa bahawa apabila hati manusia berhubung dengan Allah, mengambil bekalan dari Allah dan bersuluh dengan nur Allah, maka tiada siapa pun lagi yang dapat menguasainya:

Kekalahan Bertukar Kepada Keganasan

قَالَ ءَامَنتُمْ لَهُۥ قَبْلَ أَنْ ءَاذَنَ لَكُمْ ۖ إِنَّهُۥ لَكَبِيرُكُمُ ٱلَّذِى
عَلَّمَكُمُ ٱلسِّحْرَ ۖ فَلَأُقَطِّعَنَّ أَيْدِيَكُمْ وَأَرْجُلَكُم مِّنْ
خِلَٰفٍ وَلَأُصَلِّبَنَّكُمْ فِى جُذُوعِ ٱلنَّخْلِ وَلَتَعْلَمُنَّ أَيُّنَآ
أَشَدُّ عَذَابًا وَأَبْقَىٰ ٧١

"Fir'aun berkata: Apakah wajar kamu beriman kepadanya sebelum aku memberi keizinan kepada kamu? Sesungguhnya dia (Musa) rupa-rupanya menjadi pemimpin kamu yang mengajar ilmu sihir kepada kamu, maka kerana itu aku akan potong tangan dan kaki kamu dengan bersilang dan aku akan palangkan kamu di batang-batang pokok tamar. Sesungguhnya kamu akan mengetahui siapakah di antara kami yang lebih dahsyat dan kekal 'azab keseksaannya?"(71)

ءَامَنتُمْ لَهُۥ قَبْلَ أَنْ ءَاذَنَ لَكُمْ ۖ

"Apakah wajar kamu beriman kepadanya sebelum aku memberi keizinan kepada kamu?"(71)

Inilah perkataan Maharaja Fir'aun yang zalim, yang tidak memahami bahawa tukang sihir itu sendiri tidak mampu mengawal diri mereka setelah hati mereka disentuh keimanan? Mereka tidak mampu menolak keimanan itu dari hati mereka kerana hati manusia terletak di antara dua jari qudrat Ilahi yang berkuasa mengubahkannya mengikut iradat-Nya.

إِنَّهُۥ لَكَبِيرُكُمُ ٱلَّذِى عَلَّمَكُمُ ٱلسِّحْرَ ۖ

"Sesungguhnya dia (Musa) rupa-rupanya menjadi pemimpin kamu yang mengajar ilmu sihir"(71)

Inilah rahsia menyerah kalah tukang-tukang sihir itu mengikut pandangan Fir'aun. Rahsia mereka menyerah kalah itu bukannya kerana keimanan yang telah meniti di dalam hati mereka di luar kesedaran

mereka dan bukannya kerana hati mereka telah disentuh oleh tangan qudrat Ilahi yang telah membuang selaput kesesatan dari mata hati mereka.

Kemudian Fir'aun mengeluarkan ancaman untuk menghukumkan tukang-tukang sihir itu dengan hukuman yang amat berat. Itulah senjata yang digunakan oleh pemerintah-pemerintah yang zalim untuk mengazabkan tubuh badan mereka setelah gagal menguasai hati dan jiwa mereka:

فَلَأُقَطِّعَنَّ أَيْدِيَكُمْ وَأَرْجُلَكُم مِّنْ خِلَٰفٍ وَلَأُصَلِّبَنَّكُمْ فِى جُذُوعِ ٱلنَّخْلِ

"Aku akan potong tangan dan kaki kamu dengan bersilang dan aku akan palangkan kamu di batang-batang pokok tamar."(71)

Kemudian dia mengancam dengan kekuatannya yang ganas dan kejam, iaitu kekuatan binatang buas di dalam hutan rimba, kekuatan yang mengoyak tali perut dan anggota kaki tangan, kekuatan yang tidak membezakan di antara manusia yang ditewaskan dengan hujah dan binatang yang ditewaskan dengan taring:

وَلَتَعْلَمُنَّ أَيُّنَآ أَشَدُّ عَذَابًا وَأَبْقَىٰ ﴿٧١﴾

"Sesungguhnya kamu akan mengetahui siapakah di antara kami yang lebih dahsyat dan kekal 'azab keseksaannya?"(71)

Tetapi masa ancaman itu telah terluput, kerana sentuhan iman telah pun menghubungkan zarrah yang kecil itu dengan sumber kekuatannya Yang Maha Agung dan menyebabkannya menjadi begitu kuat dan lurus dan seluruh kekuatan yang wujud di bumi kelihatan begitu kecil dan seluruh nilai hidup dunia menjadi begitu sedikit. Di dalam hati mereka telah terbuka ufuk-ufuk baru yang gemilang dan cemerlang, yang membuat mereka tidak ingin lagi melihat kepada bumi dan segala ni'mat kesenangannya yang fana dan melihat kepada kehidupan dunia dan keni'matan-keni'matannya yang sedikit:

Ahli-ahli Sihir Fir'aun Berpaling Tadah

قَالُوا۟ لَن نُّؤْثِرَكَ عَلَىٰ مَا جَآءَنَا مِنَ ٱلْبَيِّنَٰتِ وَٱلَّذِى فَطَرَنَا ۖ فَٱقْضِ مَآ أَنتَ قَاضٍ ۖ إِنَّمَا تَقْضِى هَٰذِهِ ٱلْحَيَوٰةَ ٱلدُّنْيَآ ﴿٧٢﴾

إِنَّآ ءَامَنَّا بِرَبِّنَا لِيَغْفِرَ لَنَا خَطَٰيَٰنَا وَمَآ أَكْرَهْتَنَا عَلَيْهِ مِنَ ٱلسِّحْرِ ۗ وَٱللَّهُ خَيْرٌ وَأَبْقَىٰٓ ﴿٧٣﴾

"Jawab mereka: Kami tidak akan mengutamakan engkau dari bukti-bukti kekuasaan Allah yang jelas, yang telah datang kepada kami dan dari Tuhan yang telah menciptakan kami, maka hukumlah kami apa sahaja hukuman (yang engkau suka) kerana engkau hanya boleh menghukum dalam kehidupan dunia ini sahaja(72). Sesungguhnya kami telah beriman kepada Tuhan kami supaya Dia mengampunkan kesalahan-kesalahan kami dan mengampunkan amalan sihir yang telah engkau paksakannya ke atas kami dan Allah itulah yang lebih baik dan lebih kekal (balasan pahalanya)."(73)

Itulah sentuhan iman di dalam hati para tukang sihir yang baru sekejap tadi tunduk patuh kepada Fir'aun dan menganggapkan perdampingan dengan Maharaja Fir'aun itu sebagai satu keuntungan yang dikejarkan oleh semua orang. Tiba-tiba hati-hati itu dalam sekelip mata sahaja bangkit menentang baginda dengan garangnya serta memandang rendah kepada kerajaan baginda,. perhiasan-perhiasan baginda yang indah dan darjat kebesaran baginda yang tinggi:

لَن نُّؤْثِرَكَ عَلَىٰ مَا جَآءَنَا مِنَ ٱلْبَيِّنَٰتِ وَٱلَّذِى فَطَرَنَا ۖ

"Kami tidak akan mengutamakan engkau dari bukti-bukti (kekuasaan Allah) yang jelas yang telah datang kepada kami dan dari Tuhan yang telah menciptakan kami"(72)

kerana bukti-bukti itu amat mulia dan amat tinggi di sisi kami dan Allah Maha Besar dan Maha Tinggi di sisi kami:

فَٱقْضِ مَآ أَنتَ قَاضٍ ۖ

"Maka hukumlah kami apa sahaja hukuman (yang engkau suka)" (72)

di hadapan engkau terdapat segala apa yang dimiliki engkau di bumi ini yang dapat diguna untuk menghukum kami:

إِنَّمَا تَقْضِى هَٰذِهِ ٱلْحَيَوٰةَ ٱلدُّنْيَآ ﴿٧٢﴾

"Kerana engkau hanya boleh menghukum dalam kehidupan dunia ini sahaja."(72)

Kuasa engkau hanya terbatas di dunia ini sahaja dan engkau tidak mempunyai sebarang kuasa di atas kami di alam yang lain dari dunia ini. Alangkah pendeknya kehidupan dunia ini dan alangkah sedikitnya hidup dunia ini! 'azab keseksaan yang engkau akan lakukan terhadap kami adalah terlalu kecil untuk ditakuti oleh hati kami yang telah berhubung mesra dengan Allah dan mengharapkan hidup yang kekal abadi di Akhirat:

إِنَّآ ءَامَنَّا بِرَبِّنَا لِيَغْفِرَ لَنَا خَطَٰيَٰنَا وَمَآ أَكْرَهْتَنَا عَلَيْهِ مِنَ ٱلسِّحْرِ ۗ

"Sesungguhnya kami telah beriman kepada Tuhan kami supaya Dia mengampunkan kesalahan-kesalahan kami dan mengampunkan amalan sihir yang telah engkau paksakannya ke atas kami."(73)

Iaitu kerja sihir yang telah engkau perintahkan kami melakukannya, sedangkan kami tidak berdaya melanggar perintah itu. Semoga dengan keimanan kami kepada tuhan kami Dia mengampunkan dosa-dosa kami:

وَٱللَّهُ خَيْرٌ وَأَبْقَىٰٓ ﴿٧٣﴾

"Dan Allah itulah yang lebih baik dan lebih kekal (balasan pahalanya)."(73)

Yakni lebih baik pengurniaan dan perlindungan-Nya dan lebih kekal ganjaran dan balasan-Nya jika engkau terus mengancam kami dengan 'azab keseksaan yang lebih dahsyat dan kekal.

Para ahli sihir yang beriman kepada Allah telah mendapat ilham untuk mengambil sikap sebagai seorang guru yang mempunyai pendirian yang tinggi dalam menghadapi Maharaja Fir'aun yang zalim itu:

إِنَّهُۥ مَن يَأْتِ رَبَّهُۥ مُجْرِمًا فَإِنَّ لَهُۥ جَهَنَّمَ لَا يَمُوتُ فِيهَا وَلَا يَحْيَىٰ ﴿٧٤﴾

وَمَن يَأْتِهِۦ مُؤْمِنًا قَدْ عَمِلَ ٱلصَّٰلِحَٰتِ فَأُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمُ ٱلدَّرَجَٰتُ ٱلْعُلَىٰ ﴿٧٥﴾

جَنَّٰتُ عَدْنٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَا ۚ وَذَٰلِكَ جَزَآءُ مَن تَزَكَّىٰ ﴿٧٦﴾

"Sesungguhnya barang siapa yang menemui Tuhannya dengan keadaan berdosa, maka dia akan mendapat Neraka Jahannam, di mana dia tidak mati dan tidak pula hidup(74). Dan barang siapa yang menemui-Nya dengan keadaan beriman dan mengerjakan amalan yang soleh, maka mereka akan memperolehi darjat-darjat yang amat tinggi(75). (Iaitu) Syurga 'Adni yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, di mana mereka hidup kekal abadi. Dan itulah balasan kepada orang yang membersihkan dirinya."(76)

Jika Fir'aun mengancam mereka dengan 'azab keseksaan yang lebih dahsyat dan kekal, maka inilah gambaran 'azab seksa yang akan diterima oleh orang yang menemui Allah dengan keadaan berdosa, iaitu 'azab seksa yang lebih dahsyat dan kekal:

فَإِنَّ لَهُۥ جَهَنَّمَ لَا يَمُوتُ فِيهَا وَلَا يَحْيَىٰ ﴿٧٤﴾

"Dia akan mendapat Neraka Jahannam, di mana dia tidak mati dan tidak pula hidup."(74)

Dia tidak mati hingga dapat berehat dari 'azab dan tidak pula hidup hingga dapat merasa keni'matan, malah dia mendapat 'azab seksa yang tidak berakhir dengan mati dan tidak pula berakhir dengan hidup. Sementara di sebelah kawasan yang lain (terdapat ahli-ahli Syurga) yang mendapat balasan dengan darjat-darjat yang amat tinggi, iaitu hidup di dalam Syurga yang mengalir di bawah bilik-biliknya sungai-sungai:

وَذَٰلِكَ جَزَآءُ مَن تَزَكَّىٰ ﴿٧٦﴾

"Itulah balasan kepada orang yang membersihkan dirinya"(76)

dari dosa-dosa.

Hati Para ahli sihir itu telah mempersenda-sendakan ancaman Fir'aun yang zalim. Mereka menghadapi baginda dengan kalimat iman yang kuat dengan keimanan yang penuh yakin, dengan peringatan iman yang jujur dan harapan iman yang mendalam.

Adegan ini telah berlalu di dalam sejarah manusia sebagai satu perisytiharan kebebasan hati manusia iaitu bebas dari ikatan dan kuasa bumi, dari tamak haloba, dari keinginan mendapat ganjaran dunia dan dari ketakutan kepada kuasa yang memerintah. Hati manusia tidak mampu membuat perisytiharan yang lantang ini melainkan di bawah naungan keimanan.

Di sini tirai dilabuhkan kemudian disingkapkan kembali untuk menayangkan satu adegan dan satu babak baru dari kisah ini, iaitu adegan yang menunjukkan kemenangan kebenaran dan keimanan di alam kenyataan setelah kedua-duanya mencapai kemenangan di alam fikiran dan kepercayaan. Di dalam ayat yang telah silam telah dijelaskan tentang kemenangan mu'jizat tongkat mengalahkan kepandaian sihir, kemenangan 'aqidah yang benar di dalam hati para ahli sihir mengalahkan kerjaya mencari makan dengan ilmu sihir, kemenangan iman di dalam hati mereka mengalahkan keinginan mendapat ganjaran Maharaja Fir'aun dan ketakutan kepada kuasanya, ancamannya dan 'azab keseksaan yang diugut oleh baginda. Kini kebenaran telah menewaskan kebatilan, hidayat telah menewaskan kesesatan, keimanan telah menewaskan kezaliman di alam kenyataan. Kemenangan yang akhir bergantung kepada kemenangan yang pertama. Kemenangan tidak dapat ditegakkan di alam kenyataan melainkan sesudah berjaya ditegakkan di alam hati nurani. Pendokong-pendokong kebenaran tidak akan mendapat kemenangan di alam zahir melainkan sesudah mereka mendapat kemenangan di alam batin. Apabila hakikat keimanan bertapak di dalam perasaan manusia, maka ia akan mencari jalan menonjolkan dirinya supaya dapat dilihat manusia di alam kenyataan, tetapi andainya keimanan itu masih dalam bentuk gejala yang belum bertapak di dalam hati dan kebenaran masih dalam bentuk lambang yang belum lagi keluar dari hati nurani, maka keimanan dan kebenaran mungkin ditewaskan oleh kezaliman dan kebatilan kerana kedua-duanya mempunyai kekuatan kebendaan yang haqiqi, yang tidak dapat dilawan dan ditanding oleh kebenaran dan keimanan. Oleh itu hakikat keimanan pastilah bertapakdi dalam jiwa dan hakikat kebenaran pastilah bertunjang kukuh di dalam hati, dan di waktu ini barulah kedua-duanya menjadi lebih kuat dari hakikat kekuatan-kekuatan kebendaan yang diperalatkan oleh kebatilan dan kezaliman. Inilah pendirian Musa a.s terhadap kepandaian sihir dan ahli-ahli sihir dan pendirian para ahli sihir yang beriman terhadap Fir'aun dan para pembesarnya. Justeru itulah beliau mendapat kemenangan dalam perjuangannya di bumi ini sebagaimana ditayangkan oleh adegan ini dalam ayat-ayat berikut:

Musa Membawa Bani Israel Keluar Dari Bumi Mesir

وَلَقَدْ أَوْحَيْنَآ إِلَىٰ مُوسَىٰٓ أَنْ أَسْرِ بِعِبَادِى فَٱضْرِبْ لَهُمْ طَرِيقًا فِى ٱلْبَحْرِ يَبَسًا لَّا تَخَٰفُ دَرَكًا وَلَا تَخْشَىٰ ﴿٧٧﴾ فَأَتْبَعَهُمْ فِرْعَوْنُ بِجُنُودِهِۦ فَغَشِيَهُم مِّنَ ٱلْيَمِّ مَا غَشِيَهُمْ ﴿٧٨﴾
وَأَضَلَّ فِرْعَوْنُ قَوْمَهُۥ وَمَا هَدَىٰ ﴿٧٩﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah mewahyukan kepada Musa: Bawalah keluar hamba-hamba-Ku (Bani Israel) di waktu malam dan belahkan (dengan tongkatmu) satu jalan yang kering di lautan untuk dilalui mereka.Janganlah engkau bimbang ditangkap (Fir'aun) dan jangan pula takut (tenggelam dalam lautan)(77). Kemudian Fir'aun mengejar mereka dengan bala tenteranya lalu mereka diliputi dan ditenggelami air laut dengan keadaan yang amat dahsyat(78). Dan Fir'aun telah menyesatkan kaumnya dan tidak pernah memberi petunjuk (kepada mereka)."(79)

Ayat-ayat di sini tidak menerangkan apakah yang telah terjadi selepas berlakunya pertarungan di antara keimanan dan kezaliman-kezaliman yang ditunjukkan oleh pendirian para ahli sihir terhadap Fir'aun. Ia juga tidak menerangkan bagaimana tindakan Fir'aun terhadap mereka setelah mereka menyatakan pegangan mereka yang kukuh dengan keimanan mereka dan kesediaan mereka untuk menghadapi segala ancaman keseksaan Fir'aun dengan hati seorang Mu'min yang perpegang teguh kepada Allah dan mereka memandang, kecil kepada kehidupan dunia dengan segala isi dan penghuninya, malah ayat-ayat ini terus menunjukkan adegan kemenangan yang gemilang supaya kemenangan dalam hati bersambung dengan kemenangan di alam kenyataan, dan supaya ri'ayah Allah terhadap para hamba-Nya yang Mu'min kelihatan begitu sempurna dan tegas. Kerana tujuan inilah Al-Qur'an tidak memanjangkan penceritaan adegan Bani Israel keluar dan negeri Mesir di bawah kepimpinan Musa dan berhenti menghadapi laut sebagaimana diceritakan dengan panjang di dalam surah-surah yang lain. Malah di sini Al-Qur'an terus menayangkan adegan kemenangan tanpa muqaddimah, kerana muqaddimah-muqaddimah itu telah pun tercatat di dalam hati.

Di sini hanya diterangkan perintah kepada Nabi Musa a.s. sahaja supaya beliau mengeluarkan para hamba Allah - Bani Israel - dari negeri Mesir di waktu malam dan menyuruh beliau membelahkan lautan dengan tongkatnya supaya menjadi sebuah jalan yang kering untuk dilalui mereka tanpa menceritakannya dengan panjang lebar - oleh sebab itu kami juga menceritakannya tanpa panjang lebar - kerana yakin bahawa 'inayah Allah akan melindungi mereka. Oleh sebab itulah Musa a.s. tidak merasa takut ditangkap Fir'aun dan bala tenteranya atau takut kepada lautan di mana telah dijadikan sebatang jalan yang kering untuk dilalui beliau dan kaumnya, kerana tangan qudrat Ilahi yang mengalirkan air lautan mengikut undang-undang yang dikehendaki-Nya itu adalah berkuasa pula membuka kepada beliau sebatang jalan yang kering di dalam laut untuk beberapa waktu.

فَأَتْبَعَهُمْ فِرْعَوْنُ بِجُنُودِهِۦ فَغَشِيَهُم مِّنَ ٱلْيَمِّ مَا غَشِيَهُمْ ﴿٧٨﴾
وَأَضَلَّ فِرْعَوْنُ قَوْمَهُۥ وَمَا هَدَىٰ ﴿٧٩﴾

"Kemudian Fir'aun mengejar mereka dengan bala tenteranya lalu mereka diliputi dan ditenggelami air laut dengan keadaan yang amat dahsyat(78). Dan Fir'aun telah menyesatkan kaumnya dan tidak pernah memberi petunjuk (kepada mereka)."(79)

Demikianlah ayat ini menceritakan dengan begitu ringkas keadaan Fir'aun dan bala tenteranya yang telah dilitupi dan ditenggelami lautan tanpa menghuraikannya dengan terperinci supaya kesan peristiwa ini benar-benar mempengaruhi jiwa tanpa dibatas oleh huraian yang panjang lebar. Maharaja Fir'aun telah memimpin kaumnya ke dalam kehidupan yang sesat. Dia memimpin mereka terjerumus ke dalam kesesatan dan lautan dan kedua-duanya merupakan kepimpinan yang sesat yang membawa kepada kebinasaan.

Kami tidak memperincikan segala peristiwa yang berlaku di sini supaya kita dapat mengikuti terus hikmat dari penceritaan yang ringkas itu, malah kita ingin berhenti sebentar untuk memperhatikan pengajaran yang ditinggalkan adegan itu dan mendengar kesan-kesannya di dalam hati.

Teladan Dari Kisah Ini

Qudrat Ilahi telah mengaturkan perjuangan di antara keimanan dan kezaliman dan tiada tugas yang lain bagi orang-orang yang beriman di dalam perjuangan ini melainkan menjunjung perintah Allah dan meninggalkan negeri Mesir di waktu malam, kerana dua kekuatan yang bertarung ini bukannya merupakan dua kekuatan yang setanding atau hampir-hampir setanding di alam kenyataan. Pihak Musa a.s. dan kaumnya merupakan pihak yang lemah dan tidak mempunyai apa-apa kekuatan, sedangkan pihak Fir'aun mempunyai segala kekuatan.Oleh sebab itu tidak ada jalan sama sekali untuk kedua-dua kekuatan itu bertempur di alam kenyataan. Di sinilah qudrat Ilahi campurtangan mengaturkan perjuangan itu. Tetapi ia diatur selepas hakikat keimanan itu bertunjang dengan sempurnanya di dalam hati pengikut-pengikut Musa yang tidak mempunyai kekuatan yang lain dari kekuatan keimanan. Setelah keimanan sanggup menyatakan kepada kezaliman bahawa ia tidak gentar kepadanya, tidak mengharapkan sesuatu ganjaran darinya, tidak takut kepada ancaman 'azab seksanya dan tidak inginkan apa-apa keni'matan yang ada di dalam tangannya, maka kezaliman pun berkata:

فَلَأُقَطِّعَنَّ أَيْدِيَكُمْ وَأَرْجُلَكُم مِّنْ خِلَافٍ وَلَأُصَلِّبَنَّكُمْ فِي جُذُوعِ ٱلنَّخْلِ

"Maka kerana itu Aku akan potong tangan dan kaki kamu dengan bersilang dan aku akan palangkan kamu di batang-batang pokok tamar"(71)

lalu dijawab oleh keimanan:

فَٱقْضِ مَآ أَنتَ قَاضٍ ۖ إِنَّمَا تَقْضِى هَٰذِهِ ٱلْحَيَوٰةَ ٱلدُّنْيَآ ﴿٧٢﴾

"Maka hukumkanlah kami apa sahaja hukuman (yang engkau suka) kerana engkau hanya boleh menghukum dalam kehidupan dunia ini sahaja."(72)

Apabila pertarungan di antara keimanan dankezaliman di alam hati telah sampai ke peringkat ini, maka qudrat Ilahi terus campurtangan memegang panji-panji kebenaran untuk dikibarkannya tinggi-tinggi dan menumbangkan panji-panji kebatilan tanpa menggunakan tenaga usaha orang-orang yang beriman.

Satu lagi pengajaran

Apabila Bani Israel sanggup membayar cukai kehinaan kepada Fir'aun ketika baginda membunuh bayi-bayi lelaki mereka dan hanya membiarkan bayi-bayi perempuan mereka sahaja yang hidup, maka qudrat Ilahi tidak campur tangan untuk mengaturkan perjuangan, tetapi apabila keimanan telah mendapat tempat yang terang di dalam hati orang-orang yang beriman kepada Musa a.s. dan mereka bersedia untuk menanggung penyeksaan dan apabila mereka dengan penuh bangga sanggup menyatakan keimanan mereka di hadapan Fir'aun tanpa teragak-agak dan segan-segan dan tanpa takut dihukum seksa, maka di waktu inilah qudrat Ilahi tampil campur tangan mengaturkan perjuangan dan mengisytiharkan kemenangan yang telah dicapai sebelum ini di dalam alam jiwa dan hati.

Inilah pengajaran yang mahu dikemukakan dengan keterangan ayat yang ringkas ini dan dengan dua adegan yang berturut-turut ini tanpa diganggu oleh huraian-huraian yang panjang lebar supaya pengajaran itu diterima dengan penuh keyakinan oleh para penda'wah dan supaya mereka tahu bilakah mereka harus menunggu pertolongan dari Allah apabila mereka tidak mempunyai apa-apa kelengkapan di bumi ini, sedangkan musuh-musuh mereka yang zalim mempunyai segala kekuatan harta, tentera dan senjata.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 80 - 82)

Di bawah naungan kemenangan dan keselamatan (dari Fir'aun) itu Al-Qur'an menghadapkan firman Allah kepada orang-orang yang terselamat itu dengan memberi peringatan dan amaran agar mereka tidak lupa daratan dan tidak berlagak angkuh serta tidak meninggalkan senjata keimanan, iaitu satu-satunya senjata yang dimiliki mereka dalam perjuangan itu dan satu-satunya senjata yang telah menjaminkan mereka, mendapat kemenangan dan kejayaan:

يَٰبَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ قَدْ أَنجَيْنَٰكُم مِّنْ عَدُوِّكُمْ وَوَٰعَدْنَٰكُمْ جَانِبَ ٱلطُّورِ ٱلْأَيْمَنَ وَنَزَّلْنَا عَلَيْكُمُ ٱلْمَنَّ وَٱلسَّلْوَىٰ ﴿٨٠﴾ كُلُوا۟ مِن طَيِّبَٰتِ مَا رَزَقْنَٰكُمْ وَلَا تَطْغَوْا۟ فِيهِ فَيَحِلَّ عَلَيْكُمْ غَضَبِى ۖ وَمَن يَحْلِلْ عَلَيْهِ غَضَبِى فَقَدْ هَوَىٰ ﴿٨١﴾ وَإِنِّى لَغَفَّارٌ لِّمَن تَابَ وَءَامَنَ وَعَمِلَ صَٰلِحًا ثُمَّ ٱهْتَدَىٰ ﴿٨٢﴾

"Wahai Bani Israel! Sesungguhnya Kami telah menyelamatkan kamu sekalian dari musuh kamu dan Kami telah menetapkan perjanjian dengan kamu (untuk menurunkan Kitab Taurat) di sebelah kanan Bukit Tursina itu. Dan Kami telah menurunkan kepada kamu Manna dan Salwa(80). Makanlah segala rezeki yang baik yang telah Kami kurniakan kepada kamu dan janganlah kamu melampaui batasnya menyebabkan kamu ditimpa kemurkaan-Ku, dan barang siapa yang ditimpa kemurkaan-Ku, maka sesungguhnya dia telah jatuh terhumban (ke dalam kebinasaan)(81). Dan sesungguh-nya Aku Maha Pengampun kepada sesiapa sahaja yang bertaubat dan mengerjakan amalan yang soleh kemudian terus mengikut jalan hidayat."(82)

Pesanan Kepada Bani Israel Selepas Dibebaskan Dari Penindasan Fir'aun

Kini Bani Israel telah selamat melintasi kawasan bahaya dan menuju ke arah Bukit Tursina. Mereka telah meninggalkan Fir'aun dan bala tenteranya tenggelam di belakang mereka. Peristiwa keselamatan dari Fir'aun itu merupakan satu peristiwa yang baru sahaja berlaku sekejap tadi dan masih diingati mereka, tetapi tujuan disebut dalam ayat ini ialah semata-mata untuk mengumumkan pencatatannya dan mengingatkan mereka terhadap ni'mat keselamatan yang disaksikan mata kepala mereka supaya mereka sentiasa mengakui dan bersyukur kepada Allah.

Peristiwa perjanjian mereka dengan Allah di sebelah kanan Bukit Tursina juga disebut di sini sebagai satu peristiwa yang telah berlaku. Allah telah berjanji dengan Musa a.s. selepas mereka keluar dari negeri Mesir supaya beliau datang ke Bukit Tursina setelah bersedia selama empat puluh malam untuk menemui Allah bagi mendengar perintah-perintah yang akan diwahyukan kepadanya pada lauh-lauh, iaitu perintah-perintah yang bersangkutan dengan urusan 'aqidah dan syari'at yang diatur untuk bangsa Bani Israel yang telah ditetapkan Allah supaya mereka melaksanakan satu peranan di tanah suci selepas mereka keluar dari bumi Mesir.

Penurunan makanan Manna iaitu satu bahan manis yang berkumpul di atas daun-daun pokok, juga Salwa

iaitu sejenis burung yang didatangkan kepada mereka dari padang pasir yang mudah ditangkap dan mudah dimakan, kedua-dua makanan itu merupakan ni'mat dari Allah dan tanda 'inayah-Nya terhadap mereka semasa beradadi padang pasir yang tandus. Allah melindungi kehidupan mereka hingga membekalkan bahan makanan seharian mereka dari sumber-sumber yang mudah dan dekat.

Allah mengingatkan mereka ni'mat-ni'mat seperti ini supaya mereka memakan rezeki-rezeki yang baik yang dikurniakan kepada mereka dengan penuh kemudahan, dan mengingatkan mereka dari kelakuan terlalu banyak makan dan dari menumpukan minat mereka kepada keni'matan-keni'matan perut sahaja dengan melupakan kewajipan yang menjadi matlamat mereka keluar dari negeri Mesir, juga melupakan tugas yang dijanjikan Allah untuk diterima mereka. Allah menyebut *"perbuatan melampaui batas"* kerana mereka baru sahaja bebas dari perbuatan melampau Fir'aun. Mereka telah pun merasa pahit getir dari kelakuan yang buruk itu dan melihat nasib kesudahannya:

وَلَا تَطْغَوْا۟ فِيهِ فَيَحِلَّ عَلَيْكُمْ غَضَبِى ۖ وَمَن يَحْلِلْ عَلَيْهِ غَضَبِى فَقَدْ هَوَىٰ ﴿٨١﴾

"Dan janganlah kamu melampaui batasnya menyebabkan kamu ditimpa kemurkaan-Ku dan barang siapa yang ditimpa kemurkaan-Ku, maka sesungguhnya dia jatuh terhumban (ke dalam kebinasaan)."(81)

Dan baru sebentar tadi Fir'aun telah jatuh terhumban dari singgahsananya, jatuh terhumban ke dalam lautan dan jatuh ke bawah yang padan dengan kelakuannya yang melampau dan angkuh. Ungkapan dengan kata-kata "jatuh terhumban" sesuai dengan sifat-sifat lawannya yang merasa tinggi dan angkuh itu mengikut kaedah keseimbangan penggambaran Al-Qur'an yang dapat diperhatikan di semua tempat (di dalam Al-Qur'an).

Inilah amaran dan peringatan kepada kaum Bani Israel yang sedang menghadapi satu tugas yang menjadi matlamat keluarnya mereka dari negeri Mesir, agar dengan amaran dan peringatan ini, mereka tidak menjadi sombong dengan ni'mat kesenangan dan tidak hidup bermewah-mewahan hingga menyebabkan mereka menjadi lemah. Dan di samping amaran dan peringatan dibukakan pula pintu taubat kepada siapa yang telah melakukan kesalahan dan ingin pulang ke pangkal jalan:

وَإِنِّى لَغَفَّارٌ لِّمَن تَابَ وَءَامَنَ وَعَمِلَ صَـٰلِحًا ثُمَّ ٱهْتَدَىٰ ﴿٨٢﴾

"Dan sesungguhnya Aku Maha Pengampun kepada sesiapa sahaja yang bertaubat dan mengerjakan amalan yang soleh kemudian terus mengikut jalan hidayat."(82)

Taubat bukannya sepatah kata yang diucap (dengan lidah) malah ia merupakan satu tekad di dalam hati, di mana maknanya dibuktikan dengan keimanan dan amalan yang soleh dan kesannya dijelmakan di dalam tingkahlaku dan tindak-tanduk di alam kenyataan. Apabila taubat terlaksana, keimanan telah ditegak dan dibuktikan dengan amalan, maka di sinilah Allah memimpin seseorang ke jalan yang betul, iaitu jalan hidayat menuju keimanan dan amalan yang soleh. Kejayaan mendapat hidayat merupakan hasil usaha yang gigih dan amalan yang tekun.

Di sini berakhirlah adegan kemenangan dan ulasan, dan tirai pun dilabuh kemudian diangkat untuk menunjukkan adegan munajat yang kedua disebelah kanan Bukit Tursina.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 83 - 98)

Musa Bermunajat Dengan Allah Untuk Menerima Tugas-tugas Baru

Allah telah menetapkan masa perjanjian dengan Nabi Musa a.s. supaya beliau datang ke Bukit Tursina selepas empat puluh hari untuk menemui-Nya bagi menerima tugas-tugas tertentu, iaitu tugas-tugas kerana mendapat kemenangan setelah sekian lama berada di dalam kekalahan. Kemenangan mempunyai tugas-tugas dan 'aqidah juga mempunyai tugas-tugas, dan sebelum menerima tugas-tugas itu seorang rasul haruslah menyediakan dirinya untuk penerimaan itu.

Kemudian Musa a.s. naik di atas Bukit Tursina dan meninggalkan kaumnya di bawah bukit itu dan menyerahkan mereka di bawah jagaan Harun sebagai gantinya.

Musa a.s. begitu kepingin hendak bermunajat dengan Allah dan berdiri di hadapan-Nya kerana beliau pernah meni'mati kemanisan munajat itu sebelum ini. Beliau rindukan munajat itu dan datang tergesa-gesa berdiri di hadapan Tuhannya, sedangkan beliau tidak mengetahui apakah yang telah berlaku di belakangnya dan tidak tahu apakah yang telah dilakukan kaumnya selama sepeninggalannya apabila beliau meninggalkan mereka di bawah bukit itu.

Di sini Allah memberitahu beliau apa yang telah terjadi selama sepeninggalannya. Marilah kita menonton adegan ini dan mendengar dialognya:

وَمَآ أَعْجَلَكَ عَن قَوْمِكَ يَـٰمُوسَىٰ ﴿٨٣﴾

قَالَ هُمْ أُو۟لَآءِ عَلَىٰٓ أَثَرِى وَعَجِلْتُ إِلَيْكَ رَبِّ لِتَرْضَىٰ ﴿٨٤﴾

قَالَ فَإِنَّا قَدْ فَتَنَّا قَوْمَكَ مِنۢ بَعْدِكَ وَأَضَلَّهُمُ ٱلسَّامِرِىُّ ﴿٨٥﴾

"Mengapakah engkau datang lebih cepat dari kaummu, wahai Musa?(83) Jawab Musa: Itulah mereka sedang menyusulku dan aku datang segera kepada-Mu, wahai Tuhanku, supaya Engkau redha terhadapku(84). Allah berfirman: Sesungguhnya Aku telah menguji kaummu selepas pemergianmu dan mereka telah disesatkan oleh as-Samiri."(85)

Demikianlah Musa telah menerima berita itu dengan terperanjat. Beliau telah datang tergesa-gesa untuk menemui Tuhannya setelah beliau menyediakan dirinya selama empat puluh hari untuk menghadapi pertemuan itu dan menerima arahan dari Allah, iaitu arahan yang akan dijadikan asas untuk membangun kehidupan Bani Israel yang baru. Beliau telah menyelamatkan mereka dari kehinaan dan perhambaan Fir'aun untuk membentuk mereka menjadi satu umat yang mempunyai risalah dan tugas-tugas suci.

Bani Israel Mula Menyeleweng Kembali

Tetapi perhambaan dan kehinaan yang sekian lama dihayati mereka di bawah pemerintahan Fir'aun yang menganut kepercayaan paganisme telah merosakkan kelakuan mereka dan melemahkan ketahanan jiwa mereka untuk menanggung dan memikul tugas-tugas suci itu dengan tabah. Ia melemahkan kesanggupan mereka untuk menunaikan perjanjian dan berpegang kukuh dengannya. Ia meninggalkan di dalam jiwa mereka kegoyahan dan kesediaan mudah mengikut dan meniru, maka itulah sebaik sahaja Musa meninggalkan mereka di bawah jagaan Harun dan berjauhan dari mereka selama beberapa waktu sahaja, tiba-tiba 'aqidah mereka menjadi goyah dan runtuh di hadapan ujian yang pertama lagi. Mereka sebenarnya memerlukan kepada berbagai-bagai ujian yang berulang-ulang kali untuk memulih dan membangunkan kembali jiwa mereka yang lemah itu. Sebagai ujian yang pertama, mereka telah diuji dengan patung anak lembu yang dibuat oleh as-Samiri:

قَالَ فَإِنَّا قَدْ فَتَنَّا قَوْمَكَ مِنۢ بَعْدِكَ وَأَضَلَّهُمُ
ٱلسَّامِرِيُّ ﴿٨٥﴾

"Allah berfirman: Sesungguhnya Aku telah menguji kaummu selepas pemergianmu dan mereka telah disesatkan oleh as-Samiri."(85)

Musa a.s. tidak mengetahui ujian ini sehingga beliau bertemu dengan Tuhannya dan menerima Lauh-lauh yang mencatat hidayat dan perlembagaan syari'at Allah untuk membangun Bani Israel menjadi satu umat yang layak untuk memikul tugas suci yang diserahkan kepada mereka.

Al-Qur'an menamatkan adegan munajat itu secara mengejut untuk menggambarkan perasaan Musa a.s. yang begitu terharu apabila beliau mengetahui kaumnya telah gagal menempuh ujian. Beliau dengan segera pulang untuk mendapatkan kaumnya. Hatinya dipenuhi perasaan sedih dan marah kerana mengenangkan perbuatan kaumnya yang telah diselamatkan Allah melalui perjuangannya dari perhambaan dan kehinaan hidup di bawah pemerintahan yang menyembah berhala, kemudian Allah mengurniakan rezeki yang mudah dan naungan rahmat yang cukup kepada mereka semasa berada di padang pasir, lebih-lebih lagi baru sekejap tadi Allah mengingatkan mereka terhadap ni'mat-ni'mat yang telah dikurniakan kepada mereka dan memberi amaran supaya mereka jangan terjerumus di dalam kesesatan dan akibat-akibatnya yang buruk, tiba-tiba sekarang mereka tergamak mengikut awal-awal penganjur yang mengajak mereka kepada agama keberhalaan dan menyembah patung anak lembu.

Di sini Al-Qur'an sengaja tidak menyebut huraian terperinci ujian yang telah diberitahu Allah kepada Musa a.s. itu dengan tujuan untuk segera menayangkan adegan kepulangan Musa mendapatkan kaumnya, tetapi walau bagaimanapun Al-Qur'an telah membayangkan butir-butir yang terperinci dari ujian itu, iaitu Musa a.s.pulang dengan perasaan marah dan sedih lalu mencelakan kaumnya dan saudaranya Harun, ini sudah tentu menunjukkan bahawa beliau mengetahui bagaimana buruknya perbuatan yang telah dilakukan oleh kaumnya:

فَرَجَعَ مُوسَىٰٓ إِلَىٰ قَوْمِهِۦ غَضْبَـٰنَ أَسِفًا ۚ قَالَ يَـٰقَوْمِ
أَلَمْ يَعِدْكُمْ رَبُّكُمْ وَعْدًا حَسَنًا ۚ أَفَطَالَ عَلَيْكُمُ
ٱلْعَهْدُ أَمْ أَرَدتُّمْ أَن يَحِلَّ عَلَيْكُمْ غَضَبٌ مِّن
رَّبِّكُمْ فَأَخْلَفْتُم مَّوْعِدِى ﴿٨٦﴾
قَالُوا۟ مَآ أَخْلَفْنَا مَوْعِدَكَ بِمَلْكِنَا وَلَـٰكِنَّا حُمِّلْنَآ أَوْزَارًا
مِّن زِينَةِ ٱلْقَوْمِ فَقَذَفْنَـٰهَا فَكَذَٰلِكَ أَلْقَى ٱلسَّامِرِىُّ ﴿٨٧﴾
فَأَخْرَجَ لَهُمْ عِجْلًا جَسَدًا لَّهُۥ خُوَارٌ فَقَالُوا۟ هَـٰذَآ
إِلَـٰهُكُمْ وَإِلَـٰهُ مُوسَىٰ فَنَسِىَ ﴿٨٨﴾
أَفَلَا يَرَوْنَ أَلَّا يَرْجِعُ إِلَيْهِمْ قَوْلًا وَلَا يَمْلِكُ لَهُمْ
ضَرًّا وَلَا نَفْعًا ﴿٨٩﴾
وَلَقَدْ قَالَ لَهُمْ هَـٰرُونُ مِن قَبْلُ يَـٰقَوْمِ إِنَّمَا فُتِنتُم
بِهِۦ ۖ وَإِنَّ رَبَّكُمُ ٱلرَّحْمَـٰنُ فَٱتَّبِعُونِى وَأَطِيعُوٓا۟ أَمْرِى ﴿٩٠﴾

"Lalu Musa pulang kepada kaumnya dengan keadaan marah dan sedih dan berkata: Wahai kaumku! Bukankah Tuhan kamu telah menetapkan satu janji yang baik dengan kamu? Apakah masa perjanjian itu terlalu lama kepada kamu atau kamu mahu ditimpakan kemurkaan dari Tuhan kamu, maka kerana ini kamu melanggar perjanjianku?(86) Jawab mereka: Kami tidak melanggar perjanjianmu dengan kemahuan kami,

tetapi kami disuruh membawa beban dari perhiasan kaum (Mesir) itu lalu kami campakkannya (ke dalam api) dan begitu juga as-Samiri turut mencampakkannya(87). Lalu as-Samiri mengeluarkan untuk mereka (dari leburan perhiasan itu) patung anak lembu yang bertubuh dan bersuara. Maka berkatalah mereka: Inilah tuhan kamu dan tuhan Musa tetapi dia (Musa) telah lupakannya(88). Apakah mereka tidak melihat bahawa patung anak lembu tidak dapat memberi jawapan kepada mereka dan tidak juga dapat memberi sebarang mudharat dan manfa'at? (89). Sesungguhnya Harun sebelum itu telah berkata kepada mereka: Wahai kaumku! Sebenarnya kamu telah diuji dengan anak lembu itu dan sesungguhnya Tuhan kamu adalah Tuhan Yang Maha Penyayang, maka ikutilah aku dan ta'atilah perintahku"(90).

Musa Kembali Menghadapi Kaumnya Yang Menyeleweng

قَالُوا۟ لَن نَّبْرَحَ عَلَيْهِ عَٰكِفِينَ حَتَّىٰ يَرْجِعَ إِلَيْنَا
مُوسَىٰ ﴿٩١﴾

"Jawab mereka: Kami tetap menyembah patung anak lembu itu hingga Musa kembali kepada kami."(91)

Inilah ujian yang telah didedahkan oleh Al-Qur'an sewaktu Musa menghadapi kaumnya. Ia dedahkan selepas peristiwa munajat dan butiran-butiran terperinci dari ujian itu sengaja didiamkan agar ia dapat ditimbulkan dalam adegan soal siasat yang dilakukan oleh Nabi Musa a.s.

Musa a.s. pulang dari munajatnya dan di sana beliau dapati kaumnya sedang menyembah patung anak lembu yang diperbuat dari emas. Patung ini boleh mengeluarkan bunyi tebohan. Mereka berkata: "Inilah tuhan kamu dan tuhan Musa, tetapi Musa telah melupakannya, lalu beliau pergi mencari Tuhannya di atas bukit, sedangkan Tuhannya berada di sini."

Lalu Musa menyoal mereka dengan sedih bercampur marah:

يَٰقَوْمِ أَلَمْ يَعِدْكُمْ رَبُّكُمْ وَعْدًا حَسَنًا

"Wahai kaumku! Bukankah Tuhan kamu telah menetapkan satu perjanjian yang baik dengan kamu?"(86)

Iaitu Allah telah menjanjikan kemenangan kepada mereka dan menjanjikan mereka dapat masuk ke tanah suci di bawah naungan agama tauhid. Perjanjian ini baru sahaja berlalu dan pendahuluan-pendahuluan dari perjanjian itu telah pun terlaksana. Oleh kerana itu Musa mencela mereka:

أَفَطَالَ عَلَيْكُمُ ٱلْعَهْدُ أَمْ أَرَدتُّمْ أَن يَحِلَّ عَلَيْكُمْ
غَضَبٌ مِّن رَّبِّكُمْ

"Apakah masa perjanjian itu terlalu lama kepada kamu atau kamu mahu ditimpakan kemurkaan dari Tuhan kamu?"(86)

Kerana perbuatan kamu ini adalah satu perbuatan yang dilakukan oleh orang yang mahu ditimpakan kemurkaan Allah, ia seolah-olah sengaja dilakukannya. Apakah masa perjanjian itu terlalu lama? Atau kamu sengaja melamarkan kemurkaan Allah:

فَأَخْلَفْتُم مَّوْعِدِى ﴿٨٦﴾

"Maka kerana itu kamu melanggarkan perjanjianku."(86)

Bukankah kita telah berjanji agar kamu berpegang kukuh dengan janjiku sehingga aku pulang kembali kepada kamu, iaitu jangan sekali-kali kamu mengubah 'aqidah dan peraturan hidup kamu tanpa perintahku?

Ketika inilah mereka mengemukakan alasan keuzuran mereka yang ganjil yang menunjukkan bagaimana mendalamnya kesan perhambaan, kegoyahan jiwa dan kekarutan pemikiran mereka:

قَالُوا۟ مَآ أَخْلَفْنَا مَوْعِدَكَ بِمَلْكِنَا

"Jawab mereka: Kami tidak melanggar perjanjianmu dengan kemahuan kami."(87)

Maksudnya, perkara ini berlaku di luar kemampuan kami.

وَلَٰكِنَّا حُمِّلْنَآ أَوْزَارًا مِّن زِينَةِ ٱلْقَوْمِ فَقَذَفْنَٰهَا

"Tetapi kami disuruh membawa beban dari perhiasan kaum (Mesir) itu lalu kami campakkannya (ke dalam api)."(87)

Mereka telah membawa bersama mereka bertimbun-timbun barang perhiasan wanita-wanita Mesir yang dipinjam oleh perempuan-perempuan mereka. Mereka menunjukkan kepada muatan barang-barang perhiasan itu sambil berkata: Kami telah membuangkan barang-barang perhiasan itu kerana ia merupakan harta yang haram, kemudian diambil oleh as-Samiri lalu dileburkannya menjadi patung anak lembu. As-Samiri bererti seorang lelaki dari wilayah Samiri (di Palestin) yang menyertai angkatan mereka atau salah seorang dari mereka yang memakai gelaran ini. Orang ini telah membuat lubang-lubang pada patung anak lembu itu dan apabila angin bertiup memasuki lubang itu, maka patung itu akan mengeluarkan bunyi seakan-akan bunyi tebohan lembu. Patung itu bukanlah hidup dan bernyawa, malah ia hanya sebuah jasad, dan kata-kata jasad hanya digunakan kepada lembaga tubuh yang tidak bernyawa sahaja. Tetapi sebaik sahaja mereka melihat patung anak lembu yang diperbuat dari emas itu mengeluarkan bunyi tebohan, mereka terus lupa kepada Allah yang telah menyelamatkan mereka dari negeri kehinaan dan terus menyembah patung emas anak lembu itu kemudian berkata dengan fikiran yang bodoh dan roh yang dungu:

هَٰذَآ إِلَٰهُكُمْ وَإِلَٰهُ مُوسَىٰ

"Inilah tuhan kamu dan tuhan Musa"(88)

tetapi dia mencarinya di atas bukit, sedangkan tuhan itu ada di sini bersama kita. Musa telah lupa jalan menemui Tuhannya dan kerana itulah dia sesat darinya.

Ini adalah satu perkataan yang menambahkan lagi erti kebodohan dan kecetekan fikiran mereka hingga tergamak menuduh nabi mereka Musa a.s. yang telah berusaha menyelamatkan mereka di bawah pengawasan dan arahan Allah itu sebagai orang yang tidak, tahu berhubung dengan Tuhannya hingga beliau tersalah jalan, maka akibatnya beliau bukan sahaja tidak mendapat jalan hidayat, malah tidak diberi hidayat oleh Tuhannya.

Selain dari itu penipuan itu terlalu ketara:

أَفَلَا يَرَوْنَ أَلَّا يَرْجِعُ إِلَيْهِمْ قَوْلًا وَلَا يَمْلِكُ لَهُمْ
ضَرًّا وَلَا نَفْعًا ﴿٨٩﴾

"Apakah mereka tidak melihat bahawa patung anaklembu tidak dapat memberi jawapan kepada mereka dan tidak juga dapat memberi sebarang mudharat dan manfa'at?"(89)

Maksudnya, patung anak lembu itu bukan sahaja tidak merupakan seekor anak lembu yang hidup, yang dapat mendengar perkataan mereka dan menyahut panggilan mereka, seperti biasa dilakukan oleh anak-anak lembu, malah ia lebih rendah dari kebolehan haiwan, iaitu ia tidak boleh mendatangkan apa-apa kemudharatan dan kemanfa'atan dalam apa bentuk sekalipun, kerana ia tidak dapat menanduk, menendang, dan tidak pula dapat memusingkan alat pengisar dan alat penjirus air.

Selain dari itu semua, Harun juga telah memberi nasihat kepada mereka bukan sahaja selaku nabi mereka, malah juga selaku pengganti nabi mereka Musa yang telah menyelamatkan mereka dari Fir'aun itu. Harun a.s. telah mengingatkan mereka bahawa ini adalah suatu ujian (untuk menguji iman mereka):

يَٰقَوْمِ إِنَّمَا فُتِنتُم بِهِۦ ۖ وَإِنَّ رَبَّكُمُ ٱلرَّحْمَٰنُ

"Dia berkata Wahai kaumku! Sebenarnya kamu telah diuji dengan anak lembu itu dan sesungguhnya Tuhan kamu adalah Tuhan Yang Maha Penyayang."(90)

Beliau seterusnya memberi nasihat supaya mereka mengikut dan mematuhi perintah sebagaimana mereka telah berjanji dengan Musa yang akan balik semula menemui mereka setelah selesai menunaikan perjanjiannya dengan Allah di atas Bukit Tursina itu, tetapi sebagai ganti menunjukkan keta'atan kepada beliau, mereka menunjukkan sikap yang berbelit-belit. Mereka tidak menghiraukan nasihat beliau dan enggan mematuhi perjanjian ta'at yang telah disanggupi mereka dengan nabi mereka Musa a.s ini, malah:

قَالُوا۟ لَن نَّبْرَحَ عَلَيْهِ عَٰكِفِينَ حَتَّىٰ يَرْجِعَ إِلَيْنَا
مُوسَىٰ ﴿٩١﴾

"Jawab mereka: Kami tetap menyembah patung anak lembu itu hingga Musa kembali kepada kami."(91)

Musa a.s. kembali mendapat kaumnya dengan perasaan marah dan sedih. Beliau mendengar alasan mereka yang membayangkan sejauh mana jiwa dan pemikiran mereka ditimpa kegoyahan dan kerosakan. Beliau berpaling kepada saudaranya dalam detik-detik kemarahannya yang memuncak itu dan terus meragut rambut kepalanya dan janggutnya sambil berkata:

قَالَ يَٰهَٰرُونُ مَا مَنَعَكَ إِذْ رَأَيْتَهُمْ ضَلُّوٓا۟ ﴿٩٢﴾
أَلَّا تَتَّبِعَنِ ۖ أَفَعَصَيْتَ أَمْرِى ﴿٩٣﴾

"Berkatalah Musa: Wahai Harun! Apakah sebab yang telah menghalangi engkau apabila engkau melihat mereka telah sesat(92). (Sehingga) engkau tidak mengikut pesananku, apakah engkau sengaja melanggar perintahku?"(93)

Beliau telah mengecam Harun kerana membiarkan mereka menyembah patung anak lembu tanpa bertindak menghapuskan perbuatan itu untuk mematuhi pesanan beliau yang melarang agar Harun jangan melakukan sesuatu yang baru selama sepeninggalannya. Beliau membantah perbuatan Harun yang tidak melaksanakan perintahnya, apakah ini merupakan satu pelanggaran yang sengaja terhadap perintahnya?

Ayat yang berikut menjelaskan pendirian Harun yang sebenar apabila beliau mendedahkan kepada saudaranya Musa untuk menenangkan kemarahannya dengan membangkitkan hubungan darah mereka yang dekat:

قَالَ يَبْنَؤُمَّ لَا تَأْخُذْ بِلِحْيَتِى وَلَا بِرَأْسِىٓ ۖ إِنِّى خَشِيتُ
أَن تَقُولَ فَرَّقْتَ بَيْنَ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ وَلَمْ تَرْقُبْ قَوْلِى ﴿٩٤﴾

"Jawab Harun: Wahai putera ibuku! Janganlah engkau pegang janggutku dan (rambut) kepalaku. Sesungguhnya aku bimbang nanti engkau akan berkata kepadaku: Engkau telah memecahbelahkan di antara Bani Israel dan tidak mengamati pesananku."(94)

Demikianlah kita dapati Harun mempunyai saraf dan perasaan yang lebih tenang dari Musa. Beliau telah berjaya menyentuh titik perasaan yang amat peka pada Musa apabila beliau bercakap dengan Musa dari sudut hubungan rahim yang amat sensitif dan mengemukakan sudut pandangannya dalam bentuk kepatuhan kepada perintah Musa mengikut penilaiannya, iaitu beliau bimbang jika beliau mengendalikan perkara itu dengan kekerasan, kaum Bani Israel akan berpecah-belah kepada dua kumpulan, satu kumpulan mempertahankan penyembahan patung anak lembu dan satu kumpulan lagi patuh kepada nasihat beliau, sedangkan Musa sendiri berpesan supaya menjaga perpaduan Bani Israel dan jangan menimbulkan sesuatu perkara di kalangan mereka. Tentulah ini merupakan satu langkah menta'ati perintah Musa dari satu sudut yang lain.

Tindakan Keras Ke Atas As-Samiri

Ketika ini barulah kemarahan dan emosi Musa menghala kepada as-Samiri selaku pencetus fitnah yang sebenar. Beliau tidak menghadapi as-Samiri dari awal-awal lagi kerana beliau menganggap bahawa kaumnya yang sepatutnya bertanggungjawab agar tidak mengikut seruan penganjur yang lain, dan kerana Harunlah yang bertanggungjawab menghalangkan kaumnya dari mengikuti anjuran as-Samiri ketika mereka mahu berbuat demikian kerana dialah pemimpin mereka yang dipertanggungjawabkan menjaga mereka, sedangkan dosa as-Samiri dikira kemudian, kerana dia tidak menarik mereka dengan menggunakan kekerasan dan tidak pula menutup akal fikiran mereka, malah dia hanya menyesatkan mereka dan mereka menerima kesesatan itu, sedangkan mereka mampu berpegang teguh dengan petunjuk Musa selaku nabi mereka yang pertama dan dengan nasihat Harun a.s selaku nabi mereka yang kedua. Jadi tanggungjawab yang pertama pastilah dipikul oleh mereka sendiri dan selepas itu barulah dipikul oleh Harun selaku penjaga mereka, kemudian akhirnya dipikul oleh as-Samiri selaku pencetus fitnah dan kesesatan itu.

Musa bersemuka dengan as-Samiri:

قَالَ فَمَا خَطْبُكَ يَٰسَٰمِرِيُّ ﴿٩٥﴾

"Musa bertanya: Apakah yang mendorong engkau (berbuat begitu), wahai Samiri?"(95)

Apakah cerita dan kisah engkau yang sebenar? Ungkapan ini membayangkan betapa besarnya kesalahan perbuatan itu.

قَالَ بَصُرْتُ بِمَا لَمْ يَبْصُرُوا۟ بِهِۦ فَقَبَضْتُ قَبْضَةً مِّنْ أَثَرِ ٱلرَّسُولِ فَنَبَذْتُهَا وَكَذَٰلِكَ سَوَّلَتْ لِى نَفْسِى ﴿٩٦﴾

"Jawab Samiri: Aku mengetahui sesuatu yang tidak diketahui mereka, lalu aku mengambil segenggam dari kesan jejak rasul kemudian aku campakkannya. Demikianlah aku didorong olah nafsuku."(96)

Di sana terdapat berbagai-bagai riwayat mengenai maksud dari perkataan (atau jawapan) as-Samiri ini. Apakah rahsia yang telah diketahui olehnya? Siapakah rasul yang diambil olehnya segenggam dari kesan jejaknya? Kemudian dicampakkannya? Dan apakah pula hubungan di antara rasul ini dengan patung anak lembu yang diciptakan olehnya? Dan apakah pengaruh segenggam kesan itu pada patung anak lembu itu?

Yang banyak disebut di dalam riwayat-riwayat ini ialah as-Samiri telah melihat Jibril a.s. dalam bentuk rupanya ketika turun menjelma di bumi, lalu dia mengambil segenggam kesan tapak kakinya, atau kesan dari bawah tapak kaki kudanya kemudian dia campakkannya ke atas patung anak lembu, lalu iapun mengeluarkan bunyi tebohan itu, atau segenggam kesan tapak kaki Jibril itulah yang telah mengubahkan timbunan barang-barang perhiasan emas itu menjadi patung anak lembu yang boleh berteboh.

Di sini Al-Qur'an tidak menyebut hakikat kejadian yang sebenar. Ia hanya menceritakan jawapan as-Samiri sahaja. Kami lebih cenderung menganggapkan jawapan as-Samiri sebagai suatu alasan untuk melepaskan dirinya dari tanggungjawab fitnah yang telah berlaku itu, iaitu dia telah membuat patung anak lembu itu dari barang-barang perhiasan emas yang dibuang oleh Bani Israel, iaitu barang-barang perhiasan orang-orang Mesir yang diambil dan dibawa bersama oleh mereka, dan dia telah membuat patung anak lembu itu dengan satu cara yang membolehkan patung itu mengeluarkan suara tebohan apabila angin bertiup ke dalam rongganya yang kosong, kemudian dia menceritakan kisah kesan Rasul itu untuk membenarkan perbuatannya dan memulangkan perkara ini kepada kebijaksanaannya dapat memahami rahsia kesan rasul itu.

Walau bagaimanapun, namun as-Samiri telah diumumkan oleh Musa a.s. sebagai seorang pendusta yang telah dibuang dari kelompok Bani Israel sepanjang hidupnya dan menyerahkan perkaranya kepada Allah. Beliau telah menghadapi as-Samiri dengan tindakan yang keras kerana perbuatan membuat tuhannya dengan dua tangannya sendiri untuk menunjukkan kepada kaumnya satu bukti yang nyata bahawa tuhan yang dibuatnya itu bukannya tuhan kerana ia tidak berkuasa melindungi pembuatnya dan tidak berkuasa mempertahankan dirinya:

قَالَ فَٱذْهَبْ فَإِنَّ لَكَ فِى ٱلْحَيَوٰةِ أَن تَقُولَ لَا مِسَاسَ ۖ وَإِنَّ لَكَ مَوْعِدًا لَّن تُخْلَفَهُۥ ۖ وَٱنظُرْ إِلَىٰٓ إِلَٰهِكَ ٱلَّذِى ظَلْتَ عَلَيْهِ عَاكِفًا ۖ لَّنُحَرِّقَنَّهُۥ ثُمَّ لَنَنسِفَنَّهُۥ فِى ٱلْيَمِّ نَسْفًا ﴿٩٧﴾

"Berkatalah Musa: Pergilah engkau! Sesungguhnya dalam kehidupan dunia ini engkau hanya dapat berkata: Jangan sentuh aku. Dan engkau mempunyai masa (hukuman di Akhirat) yang tidak akan dapat dihindari engkau. Dan lihatlah kepada tuhanmu yang engkau tetap menyembahkannya, sesungguhnya kami akan membakarkannya kemudian kami akan leburkannya ke dalam laut selebur-leburnya."(97)

Maksudnya, pergilah engkau dengan keadaan terbuang dari kelompok. Tiada siapa yang dapat menyentuhmu sama ada baik atau buruk, dan tiada siapa pun yang dapat engkau sentuhkannya. Inilah salah satu bentuk hukuman dalam agama Musa iaitu hukuman penyingkiran dari masyarakat dan diumumkan sebagai orang najis yang tidak boleh

didekati oleh sesiapa dan tidak boleh mendekati sesiapa.

Di samping itu ada lagi satu masa 'azab, iaitu masa menerima balasan dan hukuman dari Allah sendiri (pada hari Qiamat kelak). Kemudian dengan penuh kemurkaan dan tindakan yang keras, Musa a.s. mengambil patung anak lembu itu lalu dibakar dan dileburkannya kemudian dicampakkannya ke dalam laut. Tindakan keras dan tegas itu memanglah menjadi sifat-sifat keperibadian Musa a.s. Di sini dia bertindak marah kerana Allah dan kerana agama Allah sebab di sinilah tempat yang wajar digalakkan seseorang itu bertindak keras dan tegas.

Di hadapan pemandangan tuhan palsu yang dibakar dan dileburkan itu, Musa a.s. mengisytiharkan hakikat 'aqidah ketuhanan yang sebenar:

إِنَّمَآ إِلَٰهُكُمُ ٱللَّهُ ٱلَّذِى لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۚ وَسِعَ كُلَّ
شَىْءٍ عِلْمًا ﴿٩٨﴾

"Sesungguhnya Tuhan kamu hanyalah Allah, yang tiada Tuhan yang lain melainkan hanya Dia, ilmu-Nya meliputi segala sesuatu."(98)

Dengan pengisytiharan ini berakhirlah kisah Musa setakat ini sahaja di dalam surah ini. Dan di dalam kisah ini ternyata dengan jelas bagaimana rahmat Allah dan ri'ayah-Nya melindungi para penda'wah dan hamba pilihan-Nya hingga ke sa'at-sa'at mereka diuji dan bertindak salah. Al-Qur'an tidak menambah apa-apa lagi dari babak-babak perkembangan kisah Musa a.s. selepas ini kerana selepas ini Bani Israel ditimpakan 'azab Allah kerana dosa-dosa, kerosakan dan tindakan melampaui batas yang dilakukan mereka. Di samping itu suasana surah ini ialah suasana rahmat dan ri'ayah Allah terhadap manusia-manusia pilihan Allah, justeru itu tidak diperlukan lagi kepada tayangan adegan-adegan lain dari kisah ini di dalam suasana surah yang lemah-lembut dan teduh ini.

(Kumpulan ayat-ayat 99 - 135)

كَذَٰلِكَ نَقُصُّ عَلَيْكَ مِنْ أَنۢبَآءِ مَا قَدْ سَبَقَ ۚ وَقَدْ ءَاتَيْنَٰكَ
مِن لَّدُنَّا ذِكْرًا ﴿٩٩﴾
مَّنْ أَعْرَضَ عَنْهُ فَإِنَّهُۥ يَحْمِلُ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ وِزْرًا ﴿١٠٠﴾
خَٰلِدِينَ فِيهِ ۖ وَسَآءَ لَهُمْ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ حِمْلًا ﴿١٠١﴾
يَوْمَ يُنفَخُ فِى ٱلصُّورِ ۚ وَنَحْشُرُ ٱلْمُجْرِمِينَ يَوْمَئِذٍ
زُرْقًا ﴿١٠٢﴾
يَتَخَٰفَتُونَ بَيْنَهُمْ إِن لَّبِثْتُمْ إِلَّا عَشْرًا ﴿١٠٣﴾
نَّحْنُ أَعْلَمُ بِمَا يَقُولُونَ إِذْ يَقُولُ أَمْثَلُهُمْ طَرِيقَةً إِن
لَّبِثْتُمْ إِلَّا يَوْمًا ﴿١٠٤﴾
وَيَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلْجِبَالِ فَقُلْ يَنسِفُهَا رَبِّى نَسْفًا ﴿١٠٥﴾
فَيَذَرُهَا قَاعًا صَفْصَفًا ﴿١٠٦﴾
لَّا تَرَىٰ فِيهَا عِوَجًا وَلَآ أَمْتًا ﴿١٠٧﴾
يَوْمَئِذٍ يَتَّبِعُونَ ٱلدَّاعِىَ لَا عِوَجَ لَهُۥ ۖ وَخَشَعَتِ
ٱلْأَصْوَاتُ لِلرَّحْمَٰنِ فَلَا تَسْمَعُ إِلَّا هَمْسًا ﴿١٠٨﴾
يَوْمَئِذٍ لَّا تَنفَعُ ٱلشَّفَٰعَةُ إِلَّا مَنْ أَذِنَ لَهُ ٱلرَّحْمَٰنُ
وَرَضِىَ لَهُۥ قَوْلًا ﴿١٠٩﴾
يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِهِۦ
عِلْمًا ﴿١١٠﴾
وَعَنَتِ ٱلْوُجُوهُ لِلْحَىِّ ٱلْقَيُّومِ ۖ وَقَدْ خَابَ مَنْ حَمَلَ
ظُلْمًا ﴿١١١﴾

"Demikianlah Kami kisahkan kepadamu sebabagian cerita umat-umat yang telah lalu dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu peringatan (Al-Qur'an) dari sisi Kami(99). Barang siapa berpaling darinya, maka dia akan memikul dosa yang amat berat pada hari Qiamat(100). Mereka kekal di dalam keadaan itu dan amatlah buruk beban dosa itu kepada mereka pada hari Qiamat(101). (Iaitu) pada hari ditiupkan sangkakala dan Kami akan himpunkan orang-orang yang berdosa pada hari itu dengan wajah yang biru muram(102). Mereka berbisik-bisik di antara mereka: Kamu tidak tinggal (di dunia) melainkan hanya sepuluh hari sahaja(103). Kami lebih mengetahui kadar masa yang mereka katakan, ketika seorang di antara mereka yang paling betul fikirannya berkata: Kamu tidak tinggal di dunia melainkan hanya sehari sahaja(104). Dan mereka bertanya kepadamu tentang gunung-ganang, maka katakanlah: Tuhanku akan menghancurleburkannya dengan selebur-leburnya(105). Dan meninggalkannya menjadi padang yang licin dan rata(106). Engkau tidak dapat melihat di sana tempat yang rendah dan tempat yang tinggi(107). Pada hari itu mereka mengikut arahan (malaikat) dengan lurus tanpa menyimpang darinya, dan seluruh suara merendah khusyu' kepada Allah Yang Maha Penyayang, maka di sana engkau tidak dapat mendengar kecuali suara bisikan sahaja(108). Pada hari itu segala syafa'at tidak berguna kecuali dari orang yang diizinkan Allah Yang Maha Penyayang dan diredhai permohonannya(109). Yang Mengetahui segala apa yang ada di hadapan dan di belakang mereka, sedangkan ilmu mereka tidak dapat meliputi ilmu-Nya(110). Dan seluruh wajah tunduk merendahkan diri kepada Allah Yang Maha Hidup dan Maha Mentadbir, dan sesungguhnya rugilah mereka yang melakukan kezaliman" (111).

وَمَن يَعْمَلْ مِنَ ٱلصَّٰلِحَٰتِ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَا يَخَافُ
ظُلْمًا وَلَا هَضْمًا ﴿١١٢﴾
وَكَذَٰلِكَ أَنزَلْنَٰهُ قُرْءَانًا عَرَبِيًّا وَصَرَّفْنَا فِيهِ مِنَ
ٱلْوَعِيدِ لَعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ أَوْ يُحْدِثُ لَهُمْ ذِكْرًا ﴿١١٣﴾
فَتَعَٰلَى ٱللَّهُ ٱلْمَلِكُ ٱلْحَقُّ ۗ وَلَا تَعْجَلْ بِٱلْقُرْءَانِ مِن قَبْلِ
أَن يُقْضَىٰٓ إِلَيْكَ وَحْيُهُۥ ۖ وَقُل رَّبِّ زِدْنِى عِلْمًا ﴿١١٤﴾
وَلَقَدْ عَهِدْنَآ إِلَىٰٓ ءَادَمَ مِن قَبْلُ فَنَسِىَ وَلَمْ نَجِدْ لَهُۥ
عَزْمًا ﴿١١٥﴾
وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَٰٓئِكَةِ ٱسْجُدُوا۟ لِءَادَمَ فَسَجَدُوٓا۟
إِلَّآ إِبْلِيسَ أَبَىٰ ﴿١١٦﴾
فَقُلْنَا يَٰٓـَٔادَمُ إِنَّ هَٰذَا عَدُوٌّ لَّكَ وَلِزَوْجِكَ فَلَا
يُخْرِجَنَّكُمَا مِنَ ٱلْجَنَّةِ فَتَشْقَىٰٓ ﴿١١٧﴾
إِنَّ لَكَ أَلَّا تَجُوعَ فِيهَا وَلَا تَعْرَىٰ ﴿١١٨﴾
وَأَنَّكَ لَا تَظْمَؤُا۟ فِيهَا وَلَا تَضْحَىٰ ﴿١١٩﴾
فَوَسْوَسَ إِلَيْهِ ٱلشَّيْطَٰنُ قَالَ يَٰٓـَٔادَمُ هَلْ أَدُلُّكَ
عَلَىٰ شَجَرَةِ ٱلْخُلْدِ وَمُلْكٍ لَّا يَبْلَىٰ ﴿١٢٠﴾
فَأَكَلَا مِنْهَا فَبَدَتْ لَهُمَا سَوْءَٰتُهُمَا وَطَفِقَا
يَخْصِفَانِ عَلَيْهِمَا مِن وَرَقِ ٱلْجَنَّةِ ۚ وَعَصَىٰٓ ءَادَمُ
رَبَّهُۥ فَغَوَىٰ ﴿١٢١﴾
ثُمَّ ٱجْتَبَٰهُ رَبُّهُۥ فَتَابَ عَلَيْهِ وَهَدَىٰ ﴿١٢٢﴾
قَالَ ٱهْبِطَا مِنْهَا جَمِيعًۢا ۖ بَعْضُكُمْ لِبَعْضٍ عَدُوٌّ ۖ فَإِمَّا
يَأْتِيَنَّكُم مِّنِّى هُدًى فَمَنِ ٱتَّبَعَ هُدَاىَ فَلَا
يَضِلُّ وَلَا يَشْقَىٰ ﴿١٢٣﴾
وَمَنْ أَعْرَضَ عَن ذِكْرِى فَإِنَّ لَهُۥ مَعِيشَةً ضَنكًا
وَنَحْشُرُهُۥ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ أَعْمَىٰ ﴿١٢٤﴾

"Dan barang siapa yang mengerjakan amalan-amalan yang soleh, maka dia tidak perlu bimbang kepada sebarang, penganiayaan dan pengurangan (terhadap hak-haknya)(112). Dan demikianlah Kami telah menurunkan kepadanya Al-Qur'an di dalam bahasa Arab, di mana Kami telah menerangkan berulang-ulang kali sebahagian dari ancaman supaya mereka bertaqwa atau supaya Al-Qur'an dapat menimbulkan peringatan kepada mereka(113). Maka Maha Tinggilah Allah Pemerintah Yang Maha Agung dan Maha Benar, dan janganlah engkau tergesa-gesa membaca ayat-ayat Al-Qur'an sebelum selesai diwahyukan kepadamu, dan katakanlah: Wahai Tuhanku! Tambahkanlah ilmu pengetahuan kepadaku!(114) Sesungguhnya Kami sebelum ini telah berpesan kepada Adam lalu dia lupakan (pesanan itu) dan Kami dapati dia tidak mempunyai keazaman (yang kukuh)(115). Dan (kenangilah) ketika Kami berfirman kepada para malaikat: Sujudlah kamu kepada Adam, lalu mereka sujud kecuali Iblis sahaja yang enggan(116). Lalu Kami berfirman kepada Adam: Sesungguhnya (Iblis) ini adalah musuhmu dan musuh isterimu, maka janganlah sekali-kali kamu berdua membiarkannya mengeluarkan kamu dari Syurga dan menyebabkan kamu mendapat kesusahan(117). Sesungguhnya kedudukan engkau di dalam Syurga ialah engkau tidak akan merasa lapar dari tidak akan bertelanjang(118). Dan sesungguhnya engkau tidak akan merasa dahaga di dalam Syurga dan tidak akan ditimpa panas matahari(119). Lalu syaitan membisikkan fikiran yang jahat kepadanya dengan katanya: Wahai Adam! Mahukah aku tunjukkan kepadamu pokok hidup kekal dan kerajaan yang tidak akan musnah?(120). Maka kedua-duanya pun makan buah pokok itu lalu terdedahlah kepada mereka aurat mereka dan mulailah mereka menutupi aurat mereka dengan daun-daun dari pokok Syurga. Adam telah melanggar perintah Tuhannya dan kerana itu ia tersesat(121). Kemudian Tuhannya telah memilikinya dan menerima taubatnya serta memberi hidayat kepadanya (122). Allah berfirman: Turunlah kamu berdua bersama-sama dari Syurga ini, (di sana) kamu akan menjadi musuh terhadap satu sama lain. Kemudian jika datang kepada kamu hidayat dari-Ku, maka sesiapa yang mengikut hidayat-Ku, maka dia tidak akan sesat dan tidak akan mendapat kecelakaan(123). Dan sesiapa yang berpaling dari peringatan-Ku, maka dia akan memperolehi kehidupan yang amat sengsara dan Kami akan kumpulkannya pada hari Qiamat dengan keadaan buta."(124).

قَالَ رَبِّ لِمَ حَشَرْتَنِىٓ أَعْمَىٰ وَقَدْ كُنتُ بَصِيرًا ﴿١٢٥﴾
قَالَ كَذَٰلِكَ أَتَتْكَ ءَايَٰتُنَا فَنَسِيتَهَا ۖ وَكَذَٰلِكَ ٱلْيَوْمَ
تُنسَىٰ ﴿١٢٦﴾
وَكَذَٰلِكَ نَجْزِى مَنْ أَسْرَفَ وَلَمْ يُؤْمِنۢ بِـَٔايَٰتِ رَبِّهِۦ ۚ
وَلَعَذَابُ ٱلْءَاخِرَةِ أَشَدُّ وَأَبْقَىٰٓ ﴿١٢٧﴾
أَفَلَمْ يَهْدِ لَهُمْ كَمْ أَهْلَكْنَا قَبْلَهُم مِّنَ ٱلْقُرُونِ يَمْشُونَ
فِى مَسَٰكِنِهِمْ ۗ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّأُو۟لِى ٱلنُّهَىٰ ﴿١٢٨﴾
وَلَوْلَا كَلِمَةٌ سَبَقَتْ مِن رَّبِّكَ لَكَانَ لِزَامًا وَأَجَلٌ

مُّسَمًّى ﴿١٢٩﴾
فَٱصْبِرْ عَلَىٰ مَا يَقُولُونَ وَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ قَبْلَ طُلُوعِ
ٱلشَّمْسِ وَقَبْلَ غُرُوبِهَا ۖ وَمِنْ ءَانَآئِ ٱلَّيْلِ فَسَبِّحْ
وَأَطْرَافَ ٱلنَّهَارِ لَعَلَّكَ تَرْضَىٰ ﴿١٣٠﴾
وَلَا تَمُدَّنَّ عَيْنَيْكَ إِلَىٰ مَا مَتَّعْنَا بِهِۦٓ أَزْوَٰجًا مِّنْهُمْ زَهْرَةَ
ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا لِنَفْتِنَهُمْ فِيهِ ۚ وَرِزْقُ رَبِّكَ خَيْرٌ وَأَبْقَىٰ ﴿١٣١﴾
وَأْمُرْ أَهْلَكَ بِٱلصَّلَوٰةِ وَٱصْطَبِرْ عَلَيْهَا ۖ لَا نَسْـَٔلُكَ رِزْقًا ۖ نَّحْنُ
نَرْزُقُكَ ۗ وَٱلْعَٰقِبَةُ لِلتَّقْوَىٰ ﴿١٣٢﴾
وَقَالُوا۟ لَوْلَا يَأْتِينَا بِـَٔايَةٍ مِّن رَّبِّهِۦٓ ۚ أَوَلَمْ تَأْتِهِم
بَيِّنَةُ مَا فِى ٱلصُّحُفِ ٱلْأُولَىٰ ﴿١٣٣﴾
وَلَوْ أَنَّآ أَهْلَكْنَٰهُم بِعَذَابٍ مِّن قَبْلِهِۦ لَقَالُوا۟ رَبَّنَا
لَوْلَآ أَرْسَلْتَ إِلَيْنَا رَسُولًا فَنَتَّبِعَ ءَايَٰتِكَ مِن
قَبْلِ أَن نَّذِلَّ وَنَخْزَىٰ ﴿١٣٤﴾
قُلْ كُلٌّ مُّتَرَبِّصٌ فَتَرَبَّصُوا۟ ۖ فَسَتَعْلَمُونَ مَنْ أَصْحَٰبُ
ٱلصِّرَٰطِ ٱلسَّوِىِّ وَمَنِ ٱهْتَدَىٰ ﴿١٣٥﴾

"Dia berkata: Wahai Tuhanku! Mengapakah engkau kumpulkanku dengan keadaan buta sedangkan aku dahulu seorang yang celik(125). Jawab Allah: Begitulah (balasannya), kerana dahulu ayat-ayat pengajaran Kami telah datang kepada kamu lalu kamu lupakannya, dan begitulah pada hari ini kamu pula dilupakan(126). Dan demikianlah Kami mengenakan balasan terhadap orang yang melampaui batas dan tidak beriman kepada ayat-ayat Tuhannya, dan sesungguhnya 'azab Akhirat itu adalah lebih berat dan lebih kekal(127). Apakah belum nyata kepada mereka beberapa banyak Kami telah membinasakan umat-umat sebelum mereka, sedangkan mereka sendiri pernah menjelajah di tempat-tempat kediaman mereka (yang telah dibinasakan itu)?(128) Sesungguhnya peristiwa-peristiwa itu merupakan bukti-bukti (kekuasaan Kami) kepada orang-orang yang berakal(128). Jika tidak kerana keputusan yang telah diputuskan dari Tuhanmu dan (jika tidak kerana) masa pembalasan (di Akhirat) yang telah ditetapkan nescaya mereka dibinasakan terus (di dunia ini)(129). Oleh itu hendaklah engkau bersabar di atas segala perkataan mereka dan bertasbihlah (dirikanlah solat) dengan memuji Tuhanmu sebelum terbit matahari (solat Subuh) dan sebelum ia terbenam (solat Asar) dan bertasbihlah pula (dirikanlah solat) pada waktu malam hari (solat Isyak) dan pada dua hujung siang (solat Maghrib dan Zuhur) supaya engkau mendapat kepuasan jiwa(130). Dan janganlah engkau memanjangkan pandangan matamu kepada ni'mat-ni'mat yang telah Kami kurniakan kepada beberapa golongan dari mereka, iaitu ni'mat bunga-bunga hidup dunia untuk Kami ujikan mereka, sedangkan rezeki Tuhanmu adalah lebih baik dan kekal(131). Suruhlah keluargamu mendirikan solat dan hendaklah engkau menunaikannya dengan tekun. Kami tidak meminta rezeki darimu, malah Kamilah yang memberi rezeki kepadamu dan akibat yang baik itu diuntukkan kepada orang-orang yang bertaqwa(132). Dan mereka berkata: Mengapa dia tidak membawa kepada kami satu bukti dari Tuhannya? Apakah belum datang kepada mereka keterangan Al-Qur'an yang amat jelas yang membenarkan apa yang terkandung di dalam kitab-kitab yang terdahulu?(133) Dan sekiranya Kami binasakan mereka-dengan sesuatu 'azab sebelum turunnya Al-Qur'an ini nescaya mereka berkata: Wahai Tuhan kami! Mengapakah Engkau tidak mengirimkan seorang rasul supaya kami dapat mengikut ayat-ayat pengajaran-Mu sebelum kami mendapat kehinaan dan kehampaan?(134) Katakanlah: Setiap orang masing-masing menunggu, maka tunggulah kamu, dan kelak kamu akan mengetahui siapakah yang mendapat jalan yang lurus dan siapakah yang telah mendapat hidayat?."(135)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah ini dimulakan dengan pembicaraan mengenai Al-Qur'an, iaitu ia tidak diturunkan kepada Rasulullah s.a.w. supaya beliau mendapat kesusahan kerananya atau dengan sebabnya. Selepas membicarakan Al-Qur'an ia menceritakan pula kisah Nabi Musa a.s. di mana dapat dilihat dengan jelas bagaimana rapinya perlindungan dan 'inayah Allah terhadap Musa, saudaranya Harun dan kaumnya.

Kini Al-Qur'an kembali semula selepas penceritaan kisah Musa itu kepada pembicaraan mengenai Al-Qur'an dan fungsinya, juga mengenai akibat buruk yang akan menimpa mereka yang menolaknya. Akibat itu digambarkan dalam salah satu pemandangan-pemandangan hari Qiamat, di mana hati hidup dunia kelihatan begitu pendek, gunung-ganang dihancurleburkan, bumi menjadi rata dan tandus, segala suara merendah khusyu' kepada Allah Yang Maha Penyayang dan segala wajah tunduk kepada Allah Yang Maha Hidup dan Maha Mentadbir, supaya pemandangan ini serta ancaman-ancaman dari Al-Qur'an itu dapat, merangsangkan perasaan taqwa di dalam hati mereka dan dapat mengingatkan mereka serta menghubungkan mereka dengan Allah. Kemudian bahagian ini berakhir dengan sebuah penerangan untuk menenangkan hati Rasulullah s.a.w. dari kegelisahan beliau terhadap ayat-ayat Al-Qur'an yang diturunkan kepadanya. Dengan penerangan ini beliau tidak perlu lagi bergopoh gapah mengulangi ayat-ayat itu kerana takut lupa. Beliau tidak akan mendapat kesusahan dengan sebab ayat-ayat itu kerana Allah akan memudahkan beliau menerima ayat-ayat itu dan akan memeliharanya, malah yang pertu bagi beliau ialah memohon limpah kurnia Allah supaya menambahkan lagi ilmu pengetahuan kepadanya.

Sesuai dengan keinginan Rasulullah s.a.w. yang kuat mengulangi ayat-ayat Al-Qur'an yang sedang diwahyukan kepadanya sebelum ayat-ayat itu selesai

disampaikan kepadanya kerana takut terlupa, Al-Qur'an menyebut kisah kelupaan Adam terhadap pesanan Allah dan kisah itu ditamatkan dengan perisytiharan yang mengumumkan perseteruan abadi di antara manusia dengan Iblis dan akibat-akibat yang diterima oleh mereka yang mengingati pesanan Allah dan mereka yang membelakanginya dari zuriat Adam. Akibat ini digambarkan dalam salah satu pemandangan Qiamat sebagai penghabisan perjalanan hidup manusia yang dimulakan di alam al-Mala'ul-A'la kemudian ia berakhir di alam itu sekali lagi.

Kemudian surah ini diakhiri dengan menghiburkan Rasulullah s.a.w. yang sedang berdukacita kerana ditolak dan didustakan oleh kaum Musyrikin supaya beliau tidak, menderitai kesusahan kerana mereka, kerana Allah telah menetapkan satu masa pembalasan yang tertentu untuk mereka. Di samping itu beliau tidak seharusnya memandang berat kepada kesenangan-kesenangan hidup dunia yang dikurniakan kepada mereka, kerana kesenangan itu hanya merupakan suatu ujian kepada mereka. Dengan demikian dapatlah beliau menumpukan perhatiannya kepada mengerjakan ibadat dan mengingati Allah agar jiwanya puas dan tenteram. Berbagai-bagai umat telah dibinasakan Allah sebelum mereka dan kini Allah mahu mema'afkan mereka dengan mengutuskan Rasul-Nya yang akhir. Oleh itu hendaklah beliau berlepas tangan dari mereka dan menyerahkan mereka kepada nasib kesudahan yang dipilih oleh mereka sendiri.

قُلۡ كُلّٞ مُّتَرَبِّصٞ فَتَرَبَّصُواْۖ فَسَتَعۡلَمُونَ مَنۡ أَصۡحَٰبُ
ٱلصِّرَٰطِ ٱلسَّوِيِّ وَمَنِ ٱهۡتَدَىٰ ١٣٥

"Katakanlah: Setiap orang masing-masing menunggu, maka tunggulah kamu, dan kelak kamu akan mengetahui siapakah yang mendapat jalan yang lurus dan siapakah yang telah mendapat hidayat?"(135)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 99 - 114)

كَذَٰلِكَ نَقُصُّ عَلَيۡكَ مِنۡ أَنۢبَآءِ مَا قَدۡ سَبَقَۚ وَقَدۡ ءَاتَيۡنَٰكَ
مِن لَّدُنَّا ذِكۡرٗا ٩٩
مَّنۡ أَعۡرَضَ عَنۡهُ فَإِنَّهُۥ يَحۡمِلُ يَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِ وِزۡرًا ١٠٠
خَٰلِدِينَ فِيهِۖ وَسَآءَ لَهُمۡ يَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِ حِمۡلٗا ١٠١
يَوۡمَ يُنفَخُ فِي ٱلصُّورِۚ وَنَحۡشُرُ ٱلۡمُجۡرِمِينَ يَوۡمَئِذٖ
زُرۡقٗا ١٠٢
يَتَخَٰفَتُونَ بَيۡنَهُمۡ إِن لَّبِثۡتُمۡ إِلَّا عَشۡرٗا ١٠٣
نَّحۡنُ أَعۡلَمُ بِمَا يَقُولُونَ إِذۡ يَقُولُ أَمۡثَلُهُمۡ طَرِيقَةً إِن
لَّبِثۡتُمۡ إِلَّا يَوۡمٗا ١٠٤

"Demikianlah Kami kisahkan kepadamu sebahagian cerita umat-umat yang telah lalu, dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu peringatan (Al-Qur'an) dari sisi Kami(99). Barang siapa berpaling darinya, maka dia akan memikul dosa yang amat berat pada hari Qiamat(100). Mereka kekal di dalam keadaan itu dan amatlah buruk beban dosa itu kepada mereka pada hari Qiamat(101). (Iaitu) pada hari ditiupkan sangkakala dan Kami akan himpunkan orang-orang yang berdosa pada hari itu dengan wajah yang biru muram(102). Mereka berbisik-bisik di antara mereka: Kamu tidak tinggal di dunia melainkan hanya sepuluh hari sahaja(103). Kami lebih mengetahui kadar masa yang mereka katakan, ketika seorang di antara mereka yang paling betul fikirannya berkata: Kamu tidak tinggal di dunia melainkan hanya sehari sahaja."(104)

Itulah kisah-kisah Musa yang Kami ceritakan kepadamu dari kisah-kisah umat-umat yang dahulu kata. Kami ceritakan kisah-kisah itu kepadamu di dalam Al-Qur'an. Dalam ayat ini Al-Qur'an dipanggil dengan nama zikr (peringatan) kerana ia mengingatkan manusia kepada Allah dan bukti-bukti kekuasaan-Nya, juga ia mengingatkan kepada bukti-bukti kekuasaan Allah yang terkandung dalam kisah-kisah umat-umat yang silam.

Semasa Di Mahsyar Masa Hidup Di Dunia Ini Dirasakan Begitu Pendek

Kepada orang-orang yang menolak Al-Qur'an yang dinamakan di dalam ayat ini sebagai orang-orang yang berdosa, Allah menayangkan satu pemandangan hari Qiamat, di mana mereka memikul dosa-dosa mereka persis seperti para musafir memikul beban barang-barang mereka. Alangkah beratnya beban dosa-dosa mereka dan apabila sangkakala ditiupkan, maka sekalian orang yang berdosa itu akan dihimpunkan di Mahsyar dengan wajah-wajah mereka yang biru kerana terlalu menderita dan dukacita. Mereka berbisik-bisik sesama mereka. Mereka tidak berani mengangkat suara mereka kerana terlalu takut dan dahsyat, juga kerana wujudnya suasana ngeri yang menyelubungi padang Mahsyar. Apakah yang menjadi maudhu' bisikan mereka? Mereka meneka dan mengira beberapa hari mereka telah tinggal di dunia ini dahulu. Kehidupan dunia telah menjadi begitu kecil dalam perasaan mereka. Masanya juga telah menjadi begitu pendek mengikut perasaan mereka, iaitu tidak lebih dari beberapa hari sahaja:

إِن لَّبِثۡتُمۡ إِلَّا عَشۡرٗا ١٠٣

"Kamu tidak tinggal (di dunia) melainkan hanya sepuluh hari sahaja."(103)

Dan bagi orang yang mempunyai fikiran yang paling waras di antara mereka merasa bahawa masa tinggal di dunia jauh lebih pendek lagi dari itu:

إِن لَّبِثْتُمْ إِلَّا يَوْمًا ﴿١٠٤﴾

"Kamu tidak tinggal (di dunia) melainkan hanya sehari sahaja."(104)

Demikianlah usia yang dihayati mereka di muka bumi itu mengerut dan melipat begitu pendek, dan kesenangan dan kesusahan hidup mereka di dunia itu menjadi begitu kecil hingga seluruhnya dirasakan berlangsung dalam satu waktu yang sebentar sahaja dan dirasakan mempunyai nilai yang sangat sedikit. Apakah nilai yang ada pada sepuluh malam walaupun ia penuh dengan berbagai-bagai kelazatan dan keni'matan? Apakah nilai yang ada pada semalam walaupun setiap detiknya dipenuhi kebahagiaan dan kesukaan? Apakah nilai yang ada pada sepuluh malam dan semalam dibandingkan dengan masa keseksaan di Akhirat yang tiada penghujung baginya, iaitu masa yang menunggu mereka selepas perhimpunan di padang Mahsyar dan akan membawa mereka ke zaman depan yang tidak akan putus.

Pemandangan dahsyat itu bertambah menonjol lagi apabila Al-Qur'an kembali menyebut satu pertanyaan yang dikemukakan mereka semasa di dunia, iaitu apakah yang akan berlaku kepada gunung-ganang yang gagah itu pada hari Qiamat kelak, lalu dijawab dengan satu jawapan yang menggambarkan darjah kedahsyatan yang dihadapi mereka:

وَيَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلْجِبَالِ فَقُلْ يَنسِفُهَا رَبِّى نَسْفًا ﴿١٠٥﴾

فَيَذَرُهَا قَاعًا صَفْصَفًا ﴿١٠٦﴾

لَّا تَرَىٰ فِيهَا عِوَجًا وَلَآ أَمْتًا ﴿١٠٧﴾

يَوْمَئِذٍ يَتَّبِعُونَ ٱلدَّاعِىَ لَا عِوَجَ لَهُۥ ۖ وَخَشَعَتِ

ٱلْأَصْوَاتُ لِلرَّحْمَٰنِ فَلَا تَسْمَعُ إِلَّا هَمْسًا ﴿١٠٨﴾

يَوْمَئِذٍ لَّا تَنفَعُ ٱلشَّفَٰعَةُ إِلَّا مَنْ أَذِنَ لَهُ ٱلرَّحْمَٰنُ

وَرَضِىَ لَهُۥ قَوْلًا ﴿١٠٩﴾

يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِهِۦ

عِلْمًا ﴿١١٠﴾

وَعَنَتِ ٱلْوُجُوهُ لِلْحَىِّ ٱلْقَيُّومِ ۖ وَقَدْ خَابَ مَنْ حَمَلَ

ظُلْمًا ﴿١١١﴾

وَمَن يَعْمَلْ مِنَ ٱلصَّٰلِحَٰتِ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَا يَخَافُ

ظُلْمًا وَلَا هَضْمًا ﴿١١٢﴾

"Dan mereka bertanya kepadamu tentang gunung-ganang, maka katakanlah: Tuhanku akan menghancur-leburkannya dengan selebur-leburnya(105). Dan meninggalkannya menjadi padang yang licin dan rata(106). Engkau tidak dapat melihat di sana tempat yang rendah dan tempat yang tinggi(107). Pada hari itu mereka mengikut arahan (malaikat) dengan lurus tanpa menyimpang darinya, dan seluruh suara merendah khusyu' kepada Allah Yang Maha Penyayang, maka di sana engkau tidak dapat mendengar kecuali suara bisikan sahaja(108). Pada hari itu segala syafa'at tidak berguna kecuali dari orang yang diizinkan Allah Yang Maha Penyayang dan diredhai permohonannya(109). Yang Mengetahui segala apa yang ada di hadapan dan di belakang mereka, sedangkan ilmu mereka tidak dapat meliputi ilmu-Nya(110). Dan seluruh wajah tunduk merendahkan diri kepada Allah Yang Maha Hidup dan Maha Mentadbir, dan sesungguhnya rugilah mereka yang melakukan kezaliman(111). Dan barang siapa yang mengerjakan amalan-amalan yang soleh, maka dia tidak perlu bimbang kepada sebarang penganiayaan dan pengurangan (terhadap hak-haknya)."(112)

Mahsyar Bumi Datar Yang Sunyi Sepi

Pemandangan yang ngeri kelihatan begitu jelas; gunung-ganang yang teguh itu telah dileburkan selebur-leburnya menjadi padang yang datar dan licin dari segala tanah tinggi dan tanah rendah setelah selama ini berdiri mengawan tinggi. Seluruh bumi telah didatarkan menjadi rata, tiada lagi tinggi rendah di sana sini.

Kini bunyi gegak gempita selepas dilebur dan didatarkan bumi seolah-olah kembali tenang, seluruh manusia yang berhimpun bersesak-sesak menuju padang Mahsyar itu sunyi lengang untuk mendengar perintah dan segala gerak menyepi dan segala suara merendah. Mereka hanya mendengar perintah malaikat yang mengarah mereka ke padang Mahsyar. Mereka mengikuti arahan itu dengan lurus seperti kumpulan ternakan yang diam dan menyerah patuh, tanpa menoleh ke sana ke mari dan tanpa ponteng dan berlengah-lengah, sedangkan semasa di dunia dahulu mereka pernah diseru kepada hidayat tetapi mereka ponteng, berlengah-lengah dan menolak. Penyerahan mereka yang lurus dan patuh itu digambarkan dengan ungkapan:

يَوْمَئِذٍ يَتَّبِعُونَ ٱلدَّاعِىَ لَا عِوَجَ لَهُۥ

"Mereka mengikut arahan (malaikat) dengan lurus tanpa menyimpang darinya."(108)

Ia digambarkan sedemikian rupa untuk diselaraskan pemandangan hati dan jisim dengan pemandangan gunung-ganang yang datar dan licin, tiada tanah rendah dan tiada tanah tinggi.

Kemudian suasana diselubungi sunyi sepi yang menakutkan:

وَخَشَعَتِ ٱلْأَصْوَاتُ لِلرَّحْمَٰنِ فَلَا تَسْمَعُ إِلَّا هَمْسًا ﴿١٠٨﴾

"Dan seluruh suara merendah khusyu' kepada Allah Yang Maha Penyayang, maka di sana engkau tidak dapat mendengar kecuali suara bisikan sahaja(108).

وَعَنَتِ ٱلْوُجُوهُ لِلْحَيِّ ٱلْقَيُّومِ

"Dan seluruh wajah tunduk merendahkan diri kepada Allah Yang Maha Hidup dan Maha Mentadbir."(111)

Tiada Syafa'at Melainkan Dari Orang Yang Diredhai Allah

Demikianlah kebesaran Ilahi itu menyelubungi suasana hari itu dan padang Mahsyar yang sayup saujana di pandang mata itu diselimuti perasaan takut, cemas, sunyi sepi, rendah diri dan khusyu', di mana percakapan berlangsung dengan berbisik-bisik dan pertanyaan dikemukakan dengan suara yang rendah. Seluruh hati khusyu' dan seluruh wajah muram kerana sengsara. Kebesaran dan kemuliaan Allah Yang Maha Hidup dan Maha Mentadbir menyelimuti jiwa manusia yang ramai itu dengan rasa kebesaran dan kemuliaan yang tenang. (Pada hari itu) tiada syafa'at (yang diterima Allah) melainkan dari orang-orang yang diperkenankan permohonannya. Pada hari itu ilmu yang meliputi hanya dimiliki Allah, sedangkan ilmu pengetahuan mereka tidak dapat meliputi ilmu Allah. (Pada hari itu) orang-orang yang zalim akan memikul dosa-dosa kezaliman mereka dan akan menemui kehampaan dan kekecewaan. (Pada hari itu) orang-orang yang beriman berada dalam keadaan tenang tenteram. Mereka tidak bimbang teraniaya dalam kiraan hisab amalan dan tidak takut dikurangi amalan-amalan soleh yang telah dikerjakan mereka.

Itulah kehebatan dan kebesaran yang menyelubungi seluruh suasana di hadapan Allah Yang Maha Penyayang.

وَكَذَٰلِكَ أَنزَلْنَٰهُ قُرْءَانًا عَرَبِيًّا وَصَرَّفْنَا فِيهِ مِنَ ٱلْوَعِيدِ لَعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ أَوْ يُحْدِثُ لَهُمْ ذِكْرًا ﴿١١٣﴾

"Dan demikianlah Kami telah menurunkan kepadanya Al-Qur'an di dalam bahasa Arab, di mana Kami telah menerangkan berulang-ulang kali sebahagian dari ancaman supaya mereka bertaqwa atau supaya Al-Qur'an dapat menimbulkan peringatan kepada mereka."(113)

Selaras dengan ini juga Kami telah terangkan di dalam Al-Qur'an berbagai-bagai gambaran ancaman 'azab, berbagai-bagai suasana dan pemandangan 'azab seksa supaya dapat merangsangkan perasaan taqwa di dalam hati para pendusta atau dapat mengingatkan mereka tentang akibat dan balasan yang akan diterima mereka pada hari Akhirat agar mereka pulang ke pangkal jalan. Ini selaras dengan firman Allah pada awal surah ini:

مَآ أَنزَلْنَا عَلَيْكَ ٱلْقُرْءَانَ لِتَشْقَىٰٓ ﴿٢﴾ إِلَّا تَذْكِرَةً لِّمَن يَخْشَىٰ ﴿٣﴾

"Kami tidak menurunkan Al-Qur'an kepadamu (wahai Muhammad) supaya engkau mendapat kesusahan.(2) Melainkan semata-mata supaya menjadi peringatan kepada orang yang takut kepada Allah."(3)

Situasi Yang Mencemaskan Rasulullah Ketika Menerima Wahyu

Rasulullah s.a.w. selalu tergesa-gesa mengikuti ayat-ayat Al-Qur'an yang diwahyukan kepadanya, iaitu beliau bergopoh gapah mengulangi dan membaca ayat-ayat itu sebelum wahyu itu berakhir kerana takut lupa dan ini menyebabkan kesulitan kepada beliau. Justeru itu Allah mahu menenangkan hati beliau terhadap amanah Al-Qur'an yang sedang dipikulnya itu.

فَتَعَٰلَى ٱللَّهُ ٱلْمَلِكُ ٱلْحَقُّ ۗ وَلَا تَعْجَلْ بِٱلْقُرْءَانِ مِن قَبْلِ أَن يُقْضَىٰٓ إِلَيْكَ وَحْيُهُۥ ۖ وَقُل رَّبِّ زِدْنِى عِلْمًا ﴿١١٤﴾

"Maka Maha Tinggilah Allah Pemerintah Yang Maha Agung dan Maha Benar, dan janganlah engkau tergesa-gesa membaca ayat-ayat Al-Qur'an sebelum selesai diwahyukan kepadamu, dan katakanlah: Wahai Tuhanku! Tambahlah ilmu pengetahuan kepadaku!"(114)

Maha Sucilah Allah Pemerintah Yang Maha Agung dan Maha Benar, yang mana seluruh wajah tunduk kepada-Nya. Seluruh yang zalim akan kecewa di hadapan-Nya dan seluruh orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh akan mendapat keamanan dan ketenteraman di bawah naungan-Nya. Dialah yang menurunkan Al-Qur'an ini dari maqam kebesaran-Nya Yang Maha Tinggi. Oleh itu beliau tidak payah tergesa-gesa dan bergopoh-gapah menggerakkan lidahnya (untuk mengingatkan ayat-ayat yang diwahyukan kepadanya), kerana Al-Qur'an adalah diturun kerana suatu hikmat yang amat besar dan kerana itu Allah tidak akan menghilangkannya (dari ingatan beliau), malah yang menjadi kewajipan engkau (wahai Muhammad) ialah berdo'a kepada Allah agar Dia menambahkan lagi pengurniaan ilmu pengetahuan kepadamu dan seterusnya hendaklah engkau merasa aman dan tenteram terhadap ilmu pengetahuan yang dikurniakan kepadamu tanpa merasa takut dan bimbang bahawa ia akan hilang (dari ingatanmu). Ilmu pengetahuan yang sebenar ialah ilmu pengetahuan yang diajar oleh Allah. Itulah ilmu pengetahuan yang kekal berguna dan tidak akan hilang, yang tetap memberi hasil dan tidak menghampakan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 115 - 127)

Adam Dan Hawa Memasuki Kelas Ujian Pertama Sebelum Turun Ke Bumi

Kemudian dikemukakan pula kisah Adam yang lupakan pesanan Allah ketika beliau lemah di hadapan godaan syaitan yang menggodanya dengan angan-angan hidup yang kekal abadi. Beliau telah mendengar dan menyambut bisikan syaitan itu. Peristiwa ini merupakan ujian Allah terhadap beliau sebelum diserahkan tugas khilafah di bumi dan ia juga merupakan contoh godaan Iblis yang harus dijadikan

teladan oleh anak cucu Adam. Setelah sempurna ujian ini, Allah menyelamatkan Adam dengan limpah rahmat-Nya kemudian memilih beliau (sebagai khalifah di bumi) dan memberi hidayat kepadanya.

Kisah-kisah Al-Qur'an diceritakan dalam pembicaraan-pembicaraan yang sesuai dengannya. Kisah Adam yang diceritakan di sini adalah dikemukakan selepas diceritakan tentang kegopohan Rasulullah s.a.w. menyebut-nyebut ayat-ayat Al-Qur'an kerana takut lupa. Justeru itu di dalam kisah Adam di sini disebut perkara kelupaan itu. Ia dikemukakan di dalam surah yang mendedahkan bagaimana Allah mengurniakan rahmat dan naungan-Nya kepada para hamba-Nya yang telah dipilih sebagai nabi dan rasul-Nya. Al-Qur'an menyebut dalam kisah Adam bahawa Allah telah memilih beliau sebagai khalifah di bumi dan menerima taubatnya serta memberi hidayat kepadanya, kemudian kisah itu diiringi dengan penayangan salah satu pemandangan Qiamat yang menggambarkan akibat-akibat yang diterima oleh anak-anak cucunya yang ta'at dan anak-anak cucunya yang derhaka. Ia merupakan seolah-olah cerita kepulangan manusia dari penjelajahan mereka di muka bumi ke tempat asal mereka agar setiap orang dari mereka dibalas mengikut amalan-amalan yang dilakukannya.

Sekarang marilah kita ikuti kisah Adam dalam ayat-ayat berikut:

وَلَقَدْ عَهِدْنَآ إِلَىٰٓ ءَادَمَ مِن قَبْلُ فَنَسِيَ وَلَمْ نَجِدْ لَهُۥ عَزْمًا ﴿١١٥﴾

"Sesungguhnya sebelum ini Kami telah berpesan kepada Adam, lalu dia lupakan (pesanan itu) dan Kami dapati dia tidak mempunyai keazaman (yang kukuh)."(115)

Pesanan Allah kepada Adam ialah kebenaran-Nya kepada beliau memakan segala buah-buahan di dalam Syurga kecuali buah dari satu pokok yang tertentu sahaja. Buah pokok ini melambangkan buah larangan yang pasti diwujudkan untuk tujuan mendidik kemahuan Adam, mengukuhkan keperibadiannya dan membebaskan dirinya dari keinginan-keinginan hawa nafsu sekadar yang diperlukan untuk memelihara kebebasan roh insaniyahnya melepaskan dirinya dari desakan keperluan-keperluan apabila ia kehendaki supaya ia tidak diperhambakan keinginan-keinginan hawa nafsunya dan seterusnya dapat menguasainya. Kebolehan mengawal keinginan nafsu merupakan suatu ukuran yang betul untuk mengukur kemajuan manusia. Semakin tinggi kebolehan manusia mengawal keinginan hawa nafsunya semakin tinggi pula darjat kedudukannya pada tangga kemajuannya, dan sebaliknya semakin lemah kebolehannya berdepan dengan keinginan-keinginan hawa nafsunya semakin hampir darjah kedudukannya dengan kedudukan haiwan dan dengan tangga-tangga kemunduran yang paling bawah.

Justeru itulah 'inayah Allah yang memelihara makhluk insan ini lebih dulu hendak mendidik dan menyediakannya untuk jawatan khalifah di bumi dengan mengujikan kekuatan kemahuannya dan merangsangkan kekuatan azamnya melawan nafsu serta membuka matanya terhadap pertarungan yang akan dihadapinya di antara keinginan hawa nafsunya yang dibisikkan oleh syaitan dengan kemahuan dan pelanjian setianya kepada perintah Allah Yang Maha Penyayang. Kini ujian yang pertama itu telah mengumumkan keputusannya yang pertama:

وَلَقَدْ عَهِدْنَآ إِلَىٰٓ ءَادَمَ مِن قَبْلُ فَنَسِيَ وَلَمْ نَجِدْ لَهُۥ عَزْمًا ﴿١١٥﴾

"Lalu dia lupakan (pesanan itu) dan Kami dapati dia tidak mempunyai keazaman (yang kukuh)."(115)

Kemudian Al-Qur'an memperincikan ujian (yang dihadapkan kepada Adam dan Hawa itu):

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَٰٓئِكَةِ ٱسْجُدُوا۟ لِءَادَمَ فَسَجَدُوٓا۟ إِلَّآ إِبْلِيسَ أَبَىٰ ﴿١١٦﴾

"Dan (kenangilah) ketika Kami berfirman kepada para malaikat: Sujudlah kamu kepada Adam, lalu mereka pun sujud kecuali Iblis sahaja yang enggan."(116)

Demikianlah adegan ini ditayangkan dengan begitu ringkas di sini, sedangkan di dalam surah-surah yang lain ia diterangkan dengan panjang lebar, kerana tujuan penerangan ayat ini ialah menerangkan ni'mat dan ri'ayah Allah terhadap Adam, maka kerana itulah penerangan ayat ini terus menyebut gejala-gejala ni'mat dalam ria'yah Allah itu:

فَقُلْنَا يَٰٓـَٔادَمُ إِنَّ هَٰذَا عَدُوٌّ لَّكَ وَلِزَوْجِكَ فَلَا يُخْرِجَنَّكُمَا مِنَ ٱلْجَنَّةِ فَتَشْقَىٰٓ ﴿١١٧﴾
إِنَّ لَكَ أَلَّا تَجُوعَ فِيهَا وَلَا تَعْرَىٰ ﴿١١٨﴾
وَأَنَّكَ لَا تَظْمَؤُا۟ فِيهَا وَلَا تَضْحَىٰ ﴿١١٩﴾

"Lalu Kami berfirman kepada Adam: Sesungguhnya (Iblis) ini adalah musuhmu dan musuh isterimu, maka janganlah sekali-kali kamu berdua membiarkannya mengeluarkan kamu dari Syurga dan menyebabkan kamu mendapat kesusahan(117). Sesungguhnya kedudukan engkau di dalam Syurga ialah engkau tidak akan merasa lapar dan tidak akan bertelanjang(118). Sesungguhnya engkau tidak akan merasa dahaga di dalam Syurga dan tidak akan ditimpa panas matahari."(119)

Inilah ri'ayah dan 'inayah Allah terhadap Adam. Dia mengingatkan beliau supaya berwaspada terhadap musuhnya syaitan dan putar belitnya setelah ia melanggar perintah Allah dan enggan sujud kepada Adam:

فَلَا يُخْرِجَنَّكُمَا مِنَ ٱلْجَنَّةِ فَتَشْقَىٰٓ ﴿١١٧﴾

"Janganlah sekali-kali kamu berdua membiarkannya mengeluarkan kamu dari Syurga dan menyebabkan kamu mendapat kesusahan."(117)

Kerana kesusahan berpenat lelah, bekerja, menghadapi penyelewengan, kesesatan, kegelisahan, kebingungan, kehilangan kesabaran, kesusahan kerana terlalu kepingin juga kerana menunggu-nunggu, sedih dan kehilangan..... semua kesusahan ini sedang menunggu engkau di luar Syurga, sedangkan kini engkau masih terpelihara dari kesusahan-kesusahan itu selama engkau berada dalam pekarangan Syurga:

إِنَّ لَكَ أَلَّا تَجُوعَ فِيهَا وَلَا تَعْرَىٰ ﴿١١٨﴾

وَأَنَّكَ لَا تَظْمَؤُا۟ فِيهَا وَلَا تَضْحَىٰ ﴿١١٩﴾

"Sesungguhnya kedudukan engkau di dalam Syurga ialah engkau tidak akan merasa lapar dan tidak akan bertelanjang(118). Sesungguhnya engkau tidak akan merasa dahaga di dalam Syurga dan tidak akan ditimpa panas matahari."(119)

Semua kesusahan ini dijamin tidak akan menimpa engkau selama engkau masih berada dalam pekarangan Syurga. Keadaan lapar dan bogel bertemu dengan keadaan dahaga dan panas terik. Semuanya melambangkan kesulitan-kesulitan manusia yang utama untuk mendapatkan makanan, pakaian, minuman dan tempat berteduh.

Tetapi Adam di waktu itu belum mempunyai apa-apa pengalaman. Beliau membawa kelemahan manusia dalam menghadapi keinginan untuk hidup dan keinginan untuk berkuasa. Melalui lubang-lubang ini syaitan dapat menyusup masuk ke dalam jiwanya:

فَوَسْوَسَ إِلَيْهِ ٱلشَّيْطَٰنُ قَالَ يَٰٓـَٔادَمُ هَلْ أَدُلُّكَ

عَلَىٰ شَجَرَةِ ٱلْخُلْدِ وَمُلْكٍ لَّا يَبْلَىٰ ﴿١٢٠﴾

"Lalu syaitan membisikkan fikiran yang jahat kepadanya dengan katanya: Wahai Adam! Mahukah aku tunjukkan kepadamu pokok hidup kekal dan kerajaan yang tidak akan musnah?"(120)

Syaitan Menawar Hidup Yang Lama Dan Kuasa Yang Tidak Musnah Kepada Adam Dan Hawa

Syaitan telah berjaya menyentuh tempat yang amat peka di dalam jiwa Adam, kerana umur makhluk manusia memang terbatas dan kekuatannya terbatas dan dari sinilah Adam bercita-cita untuk meni'mati hidup yang panjang dan meni'mati kuasa yang panjang, dan dari dua tingkap inilah syaitan dapat masuk ke dalam hatinya. Oleh sebab Adam makhluk yang diciptakan Allah dengan fitrah manusia dan kelemahan manusia kerana sesuatu tujuan dan hikmat yang tersembunyi, maka beliau telah lupa kepada pesanan Allah dan melanggar larangan-Nya:

فَأَكَلَا مِنْهَا فَبَدَتْ لَهُمَا سَوْءَٰتُهُمَا وَطَفِقَا

يَخْصِفَانِ عَلَيْهِمَا مِن وَرَقِ ٱلْجَنَّةِ ۚ وَعَصَىٰٓ ءَادَمُ

رَبَّهُۥ فَغَوَىٰ ﴿١٢١﴾

"Maka kedua-duanya pun makan buah pokok itu lalu terdedahlah kepada mereka aurat mereka dan mulailah mereka menutupi aurat mereka dengan daun-daun dari pokok Syurga. Adam telah melanggar perintah Tuhannya dan kerana itu ia tersesat."(121).

Maksud, yang zahir dari kata-kata aurat di dalam ayat ini ialah aurat-aurat tubuh badan yang terdedah kepada mereka, sedangkan selama ini aurat itu tertutup dari mereka. Aurat itu ialah bahagian anggota yang menjadi tempat kehormatan pada tubuh badan mereka. Pengertian ini disokong oleh tindakan mereka menutup anggota-anggota itu dengan daun-daun pokok Syurga. Mereka menyusun daun-daun itu untuk menutup bahagian-bahagian aurat yang terdedah itu. Mungkin peristiwa penutupan aurat ini merupakan titik permulaan timbulnya keinginan seks di dalam diri mereka, kerana sebelum timbulnya keinginan ini seseorang itu tidak merasa malu apabila tempat-tempat kehormatannya itu terdedah dan tidak pula memberi perhatian kepadanya, tetapi dia akan teringat atau memberi perhatian kepada aurat-aurat itu apabila keinginan seks itu timbul di dalam dirinya dan dia akan merasa malu mendedahkannya.

Makna Keterdedahan Aurat Adam Dan Hawa

Mungkin juga tujuan mereka dilarang memakan buah-buah dari pokok itu ialah kerana buah-buahnya boleh merangsangkan keinginan seks di dalam tubuh mereka, iaitu keinginan yang telah dilewatkan pertumbuhannya untuk beberapa waktu mengikut kehendak Allah. Dan mungkin juga perbuatan mereka melupakan pesanan Allah dan melanggar larangan-Nya menyebabkan kekuatan keazaman mereka merosot dan hubungan mereka dengan Allah terputus dan akibatnya mereka berdua dikuasai dorongan-dorongan tubuh badan dan menyebabkan keinginan seks timbul di dalam diri mereka. Dan mungkin pula keinginan untuk hidup kekal itu telah menggerakkan keinginan seks untuk melahirkan anak pinak, kerana keinginan ini, merupakan sarana yang dikurniakan kepada makhluk manusia untuk kesinambungan hidup mereka di sebalik umur individu-individunya yang terbatas. Semuanya itu merupakan andaian-andaian untuk mentafsirkan sebab berlakunya keterdedahan aurat mereka apabila mereka memakan buah-buah dari pokok itu. Al-Qur'an tidak berkata "فبدت سوآتهما" (lalu terdedahlah aurat mereka), malah ia berkata "فبدت لهما سوآتهما" (lalu terdedahlah kepada mereka berdua aurat mereka). Ungkapan ini menunjukkan bahawa selama ini aurat itu terlindung dari mereka kemudian ternampak kepada mereka dengan sebab timbulnya

dorongan nafsu keinginan di dalam diri mereka. Di dalam surah yang lain tindakan Iblis itu diungkapkan seperti berikut:

لِيُبْدِيَ لَهُمَا مَا وُورِيَ عَنْهُمَا مِن سَوْءَاتِهِمَا

"Supaya dia (syaitan) dapat mendedahkan kepada kedua mereka (Adam dan Hawa) aurat mereka yang disembunyikan kepada mereka."

(Surah al-A'raf: 20)

Dan

يَنزِعُ عَنْهُمَا لِبَاسَهُمَا لِيُرِيَهُمَا سَوْءَاتِهِمَآ

"Dia (syaitan) menanggalkan pakaian kedua mereka untuk memperlihatkan kepada mereka aurat mereka."

(Surah al-A'raf: 27)

Boleh jadi maksud dari pakaian yang ditanggalkan oleh syaitan itu bukannya pakaian dalam ertikata benda, malah dalam ertikata perasaan yang melindungkan kehormatan diri, iaitu mungkin perasaan kesucian diri dan perasaan adanya hubungan dengan Allah. Walau bagaimanapun semua pendapat ini hanya merupakan andaian-andaian sahaja sebagaimana telah Kami jelaskan sebelum ini, dan kami tidak mahu mentarjihkan mana-mana satu dari pendapat-pendapat itu. Tujuan dikemukakan andaian-andaian itu ialah untuk mendekatkan gambaran ujian pertama di dalam sejarah hidup umat manusia.

Kemudian Adam dan Hawa telah diselamatkan oleh rahmat Allah setelah mereka melanggar pesanan Allah dan inilah hasil dari ujian Allah yang pertama terhadap beliau:

ثُمَّ اجْتَبَاهُ رَبُّهُ فَتَابَ عَلَيْهِ وَهَدَىٰ ﴿١٢٢﴾

"Kemudian Tuhannya telah memilihnya dan menerima taubatnya serta memberi hidayat kepadanya."(122)

Iaitu setelah Adam memohon keampunan, menyesal dan meminta ma'af. Hal ini tidak disebut di dalam ayat ini supaya di dalam suasana ini hanya rahmat Allah sahaja yang kelihatan tertonjol.

Kemudian Allah memerintah kedua makhluk yang bermusuh ketat (Adam dan syaitan) itu supaya turun ke muka bumi sebagai gelanggang pertarungan mereka yang panjang selepas pusingan perjuangan yang pertama ini:

قَالَ اهْبِطَا مِنْهَا جَمِيعًا بَعْضُكُمْ لِبَعْضٍ عَدُوٌّ

"Allah berfirman: Turunlah kamu berdua bersama-sama dari Syurga ini, (di sana) kamu akan menjadi musuh terhadap satu sama lain."(123)

Pengumuman Permusuhan Di Antara Manusia Dan Syaitan

Perintah ini merupakan perisytiharan permusuhan di antara manusia dengan syaitan dan selepas perisytiharan ini Adam dan anak cucunya tidak mempunyai apa alasan lagi untuk mengatakan bahawa "aku telah diserang hendap oleh syaitan tanpa disedariku", kerana sebenarnya dia telah mengetahui dan sedar. Perisytiharan permusuhan ini diumumkan di seluruh alam buana *"kamu akan menjadi musuh terhadap satu sama lain."*

Serentak dengan pengumuman yang bergema di langit dan di bumi serta disaksikan oleh seluruh malaikat itu, maka rahmat Allah telah menghendaki untuk mengirimkan kepada umat manusiapara rasul-Nya yang membawa hidayat sebelum Allah mempersalahkan mereka terhadap dosa-dosa yang dilakukan mereka, lalu Allah mengumumkan kepada manusia pada hari perisytiharan permusuhan agung di antara, Adam dan syaitan itu bahawa Dia akan membawa hidayat kepada mereka dan akan membalas segala perbuatan mereka selepas itu mengikut apa yang dilakukan mereka sama ada mereka mengikuti jalan yang sesat atau mematuhi jalan hidayat.

Pengumuman Pengiriman Rasul-Rasul Selepas Turunnya Adam Ke Bumi

فَإِمَّا يَأْتِيَنَّكُم مِّنِّي هُدًى فَمَنِ اتَّبَعَ هُدَايَ فَلَا
يَضِلُّ وَلَا يَشْقَىٰ ﴿١٢٣﴾

"Kemudian jika datang kepada kamu hidayat dari-Ku, maka sesiapa yang mengikut hidayat-Ku, maka dia tidak akan sesat dan tidak akan mendapat kecelakaan."(123)

وَمَنْ أَعْرَضَ عَن ذِكْرِي فَإِنَّ لَهُ مَعِيشَةً ضَنكًا
وَنَحْشُرُهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَعْمَىٰ ﴿١٢٤﴾
قَالَ رَبِّ لِمَ حَشَرْتَنِي أَعْمَىٰ وَقَدْ كُنتُ بَصِيرًا ﴿١٢٥﴾
قَالَ كَذَٰلِكَ أَتَتْكَ آيَاتُنَا فَنَسِيتَهَا وَكَذَٰلِكَ الْيَوْمَ
تُنسَىٰ ﴿١٢٦﴾
وَكَذَٰلِكَ نَجْزِي مَنْ أَسْرَفَ وَلَمْ يُؤْمِن بِآيَاتِ رَبِّهِ
وَلَعَذَابُ الْآخِرَةِ أَشَدُّ وَأَبْقَىٰ ﴿١٢٧﴾

"Dan sesiapa yang berpaling dari peringatan-Ku, maka dia akan memperolehi kehidupan yang amat sengsara dan Kami akan kumpulkannya pada hari Qiamat dengan keadaan buta(124). Dia berkata: Wahai Tuhanku! Mengapakah engkau kumpulkanku dengan keadaan buta sedangkan aku dahulu seorang yang celik?(125). Jawab Allah: Begitulah (balasannya), kerana dahulu ayat-ayat pengajaran Kami telah datang kepada kamu lalu kamu lupakannya dan begitulah pada hari ini kamu pula dilupakan(126). Dan demikianlah Kami mengenakan balasan terhadap orang yang melampaui batas dan tidak beriman kepada ayat-ayat Tuhannya dan sesungguhnya 'azab Akhirat itu adalah lebih berat dan lebih kekal."(127)

Pemandangan ini ditayangkan selepas kisah pertarungan Adam dengan syaitan seolah-olah ia merupakan sebahagian dari kisah itu. Ia diumumkan

di alam al-Mala'ul-A'la selepas tamat kisah itu. Ia merupakan perintah Ilahi yang telah diputuskan sejak sekian lama tanpa diubah dan dipindakan lagi.

فَمَنِ ٱتَّبَعَ هُدَاىَ فَلَا يَضِلُّ وَلَا يَشْقَىٰ ﴿١٢٣﴾

"Maka sesiapa yang mengikut hidayat-Ku, maka dia tidak akan sesat dan tidak akan mendapat kecelakaan"(123)

Hidayat Menyelamatkan Manusia Dari Kesesatan Dan Kecelakaan Dunia Dan Akhirat

dia akan aman dari kesesatan dan kecelakaan, kerana mengikut hidayat Allah. Kesesatan dan kecelakaan menunggu manusia di luar ambang Syurga, tetapi Allah menyelamatkan setiap orang yang mengikuti hidayat-Nya dari keduanya. Kecelakaan adalah hasil dari kesesatan walaupun seorang itu tenggelam di dalam kesenangan dan keni'matan hidup, kerana keni'matan itu sendiri merupakan kecelakaan, iaitu kecelakaan di dunia dan kecelakaan di Akhirat, kerana setiap kemenangan dan keni'matan hidup yang haram akan diikuti akibat-akibat yang buruk. Dan setiap orang yang sesat dari hidayat Allah akan meraba-raba dalam kegelisahan dan kebingungan dan akan berada dalam keadaan terumbang-ambing. Ia terburu-buru dari satu hujung ke satu hujung dan segala langkahnya tidak mantap dan imbang. Kecelakaan sentiasa ditemani keadaan hidup yang meraba-raba walaupun seseorang itu hidup dalam kesenangan dan keni'matan, kemudian di Akhirat pula dia akan menghadapi kecelakaan yang paling besar. Oleh itu barang siapa yang mengikut hidayat Allah, maka dia akan terselamat dari k esesatan dan kecelakaan di dunia. Itulah ganti Syurga yang telah hilang sehingga ia kembali semula ke Syurga pada hari yang dijanjikan Allah.

وَمَنْ أَعْرَضَ عَن ذِكْرِى فَإِنَّ لَهُۥ مَعِيشَةً ضَنكًا

"Dan sesiapa yang berpaling dari peringatan-Ku, maka dia akan memperolehi kehidupan yang amat sengsara."(124)

Kehidupan yang terputus hubungan dengan Allah dan rahmat-Nya merupakan kehidupan yang sengsara walaupun kehidupan itu berada dalam kesenangan dan keni'matan. Ia merupakan hidup yang sengsara kerana terputus hubungan dengan Allah dan tidak mendapat perlindungan dari-Nya. Itulah kesengsaraan akibat hidup dalam kegelisahan, kebingungan dan keraguan. Itulah kesengsaraan akibat dipermainkan ketamakan dan kebimbangan, dan akibat kerana mereka terlalu sayang kepada harta dan kuasa yang ada di dalam tangan dan kerana bimbang terlepas dari tangannya. Itulah kesengsaraan kerana mengejar ketamakan dan sedih terhadap sesuatu yang hilang dan terluput darinya. Hati manusia tidak akan mencapai ketenangan dan ketenteraman melainkan ia berada di bawah naungan Allah. Ia tidak akan merasa tenteram melainkan dia berpegang dengan agama Allah yang teguh dan tidak putus. Ketenangan dan ketenteraman yang dicetuskan keimanan itu melipatgandakan erti hidup dari segala dimensinya. Kehidupan tanpa ketenteraman yang dicetuskan keimanan merupakan kesengsaraan yang tidak dapat ditandingkan dengan kesengsaraan akibat kemiskinan dan penafian.

"Dan sesiapa yang berpaling dari peringatan-Ku" ((ومن أعرض عن ذكرى)) dan memutuskan hubungan dengan-Ku, *"maka dia akan memperolehi kehidupan yang amat sengsara"* ((فإنّ له معيشة ضنكا)):

وَنَحْشُرُهُۥ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ أَعْمَىٰ ﴿١٢٤﴾

"Dan Kami akan kumpulkannya pada hari Qiamat dengan keadaan buta."(124)

Itulah jenis kesesatannya di dunia dan itulah balasannya di Akhirat kerana tidak menghiraukan peringatan Allah di dunia dan apabila dia bertanya Allah:

قَالَ رَبِّ لِمَ حَشَرْتَنِىٓ أَعْمَىٰ وَقَدْ كُنتُ بَصِيرًا ﴿١٢٥﴾

"Dia berkata: Wahai Tuhanku! Mengapakah Engkau kumpulkanku dengan keadaan buta sedangkan aku dahulu seorang yang celik."(125)

Maka jawapan yang diberikan mereka kepada-Nya ialah:

قَالَ كَذَٰلِكَ أَتَتْكَ ءَايَٰتُنَا فَنَسِيتَهَا ۖ وَكَذَٰلِكَ ٱلْيَوْمَ تُنسَىٰ ﴿١٢٦﴾

وَكَذَٰلِكَ نَجْزِى مَنْ أَسْرَفَ وَلَمْ يُؤْمِنۢ بِـَٔايَٰتِ رَبِّهِۦ ۚ وَلَعَذَابُ ٱلْءَاخِرَةِ أَشَدُّ وَأَبْقَىٰٓ ﴿١٢٧﴾

"Jawab Allah: Begitulah (balasannya), kerana dahulu ayat-ayat pengajaran Kami telah datang kepada kamu lalu kamu lupakannya dan begitulah pada hari ini kamu pula dilupakan(126). Dan demikianlah Kami mengenakan balasan terhadap orang yang melampaui batas dan tidak beriman kepada ayat-ayat Tuhannya dan sesungguhnya 'azab Akhirat itu adalah lebih berat dan lebih kekal."(127)

Setiap orang yang berpaling dari peringatan Allah itu telah bertindak melampaui batas. Dia telah bertindak keterlaluan kerana membuang hidayat Allah yang dikemukakan kepadanya, sedangkan hidayat itu merupakan harta kekayaan dan perbendaharaan yang paling bernilai. Dia telah bertindak keterlaluan apabila dia menggunakan matanya untuk meneliti perkara-perkara yang bukan menjadi matlamat ciptaan mata dan dia tidak meneliti sedikit pun ayat-ayat Allah, maka sudah tentu ia hidup sengsara dan akan dihimpunkan di padang Mahsyar pada hari Qiamat dengan keadaan orang yang buta.

Pengungkapan dan penggambaran dalam ayat-ayat ini kelihatan begitu selaras dan seimbang. Gambaran turun dari Syurga, kesengsaraannya dan kesesatan ditandingi dengan gambaran kepulangan semula ke Syurga, keselamatan dari kesengsaraan dan kesesatan. Gambaran kesenangan hidup ditandingi

dengan gambaran kesengsaraan hidup, gambaran hidayat ditandingi dengan gambaran keadaan buta. Semuanya merupakan ulasan di atas kisah Adam, iaitu kisah seluruh umat manusia. Tayangan kisah itu dimulakan di dalam Syurga dan berakhir di dalam Syurga sebagaimana telah diterangkan di dalam Surah al-A'raf dengan sedikit perbezaan gambaran-gambaran tayangan di sana sini mengikut perbezaan penjelasan ayat yang berkaitan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 128 - 129)

Setelah pusingan ini berakhir, Al-Qur'an mula memasuki satu pusingan yang lain di sekitar kebinasaan umat-umat yang lampau, iaitu satu pusingan - dari segi masanya - lebih dekat dari Qiamat kerana ia merupakan peristiwa-peristiwa yang dapat disaksikan mata, sedangkan Qiamat merupakan peristiwa alam ghaib yang tidak dapat dilihat dengan mata:

أَفَلَمْ يَهْدِ لَهُمْ كَمْ أَهْلَكْنَا قَبْلَهُم مِّنَ الْقُرُونِ يَمْشُونَ
فِي مَسَاكِنِهِمْ ۗ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَاتٍ لِّأُولِي النُّهَىٰ ﴿١٢٨﴾
وَلَوْلَا كَلِمَةٌ سَبَقَتْ مِن رَّبِّكَ لَكَانَ لِزَامًا وَأَجَلٌ
مُّسَمًّى ﴿١٢٩﴾

"Apakah belum nyata kepada mereka beberapa banyak Kami telah membinasakan umat-umat sebelum mereka, sedangkan mereka sendiri pernah menjelajah di tempat-tempat kediaman mereka (yang telah dibinasakan itu)? Sesungguhnya peristiwa-peristiwa itu merupakan bukti-bukti (kekuasaan Kami) kepada orang-orang yang berakal(128). Jika tidak kerana keputusan yang telah diputuskan dari Tuhanmu dan (jika tidak kerana) masa pembalasan (di Akhirat) yang telah ditetapkan nescaya mereka dibinasakan terus (di dunia ini)."(129)

Contoh Dari Peristiwa-peristiwa Kebinasaan Umat-umat Yang Silam

Apabila mata dan hati menjelajah dalam peristiwa-peristiwa kebinasaan umat-umat yang silam, melihat kesan-kesan dan tempat-tempat kediaman mereka dari dekat, apabila daya khayal mengkhayalkan rumah-rumah yang telah ditinggalkan oleh penghuni-penghuninya yang pertama, mengkhayalkan tubuh-tubuh mereka yang telah hilang dan bayang-bayang mereka yang telah berlalu, mengkhayalkan gerak-geri dan diam mereka, fikiran-fikiran dan impian-impian mereka, kerungsingan-kerungsingan dan cita-cita mereka, apabila dia merenungi himpunan bayangan-bayangan, gambaran-gambaran, emosi-emosi dan perasaan-perasaan yang berbagai-bagai bentuk itu kemudian dia membuka matanya, maka dia tidak akan nampak suatu apa selain dari kekosongan belaka. Di waktu ini barulah dia sedar betapa luasnya jurang zaman yang sedang membuka mulutnya untuk menelan masa kini sebagaimana ia telah menelan masa silam. Di waktu ini barulah dia sedar bagaimana berkuasanya qudrat Ilahi yang telah membinasakan umat-umat yang silam dan dia tetap pula berkuasa untuk membinasakan umat-umat yang datang selepas mereka. Di waktu inilah dia dapat memahami erti dari amaran Allah kerana contoh teladan telah pun ditunjukkan di hadapan mata mereka. Mengapakah kaum Musyrikin tidak mahu mengikut jalan hidayat, sedangkan peristiwa-peristiwa kebinasaan umat-umat yang silam itu mengandungi contoh-contoh teladan yang dapat memberi petunjuk kepada orang-orang yang berakal?:

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَاتٍ لِّأُولِي النُّهَىٰ ﴿١٢٨﴾

"Sesungguhnya peristiwa-peristiwa itu merupakan bukti-bukti (kekuasaan Kami) kepada orang-orang yang berakal."(128)

Jika tidak kerana Allah telah berjanji dengan mereka bahawa Dia tidak mahu menghapuskan mereka kerana sesuatu hikmat yang tinggi sudah tentu mereka telah ditimpa kebinasaan sebagaimana yang telah berlaku kepada umat-umat yang silam, tetapi Allah telah membuat, keputusan-Nya dan menangguhkannya kepada satu masa yang tertentu untuk membalas mereka:

وَلَوْلَا كَلِمَةٌ سَبَقَتْ مِن رَّبِّكَ لَكَانَ لِزَامًا وَأَجَلٌ
مُّسَمًّى ﴿١٢٩﴾

"Jika tidak kerana keputusan yang telah diputuskan dari Tuhanmu dan (jika tidak kerana) masa pembalasan di Akhirat) yang telah ditetapkan nescaya mereka dibinasakan terus (di dunia ini)."(129)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 130 - 132)

Dan apabila balasan mereka telah ditangguhkan kepada suatu masa yang tertentu, maka ini bererti bahawa mereka bukannya dibiarkan begitu sahaja. Oleh sebab itu, wahai Muhammad, janganlah engkau menaruh perasaan terkilan terhadap mereka dan terhadap kesenangan dan keni'matan hidup mereka kerana kesenangan hidup itu hanya diberi untuk menguji mereka sahaja, sedangkan segala apa yang diberikan kepadamu sebagai limpah kurnia itu adalah lebih baik dari kesenangan hidup yang diberikan kepada mereka sebagai ujian:

فَاصْبِرْ عَلَىٰ مَا يَقُولُونَ وَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ قَبْلَ طُلُوعِ
الشَّمْسِ وَقَبْلَ غُرُوبِهَا ۖ وَمِنْ آنَاءِ اللَّيْلِ فَسَبِّحْ
وَأَطْرَافَ النَّهَارِ لَعَلَّكَ تَرْضَىٰ ﴿١٣٠﴾
وَلَا تَمُدَّنَّ عَيْنَيْكَ إِلَىٰ مَا مَتَّعْنَا بِهِ أَزْوَاجًا مِّنْهُمْ زَهْرَةَ
الْحَيَاةِ الدُّنْيَا لِنَفْتِنَهُمْ فِيهِ ۚ وَرِزْقُ رَبِّكَ خَيْرٌ وَأَبْقَىٰ ﴿١٣١﴾

وَأۡمُرۡ أَهۡلَكَ بِٱلصَّلَوٰةِ وَٱصۡطَبِرۡ عَلَيۡهَاۖ لَا نَسۡـَٔلُكَ رِزۡقٗاۖ نَّحۡنُ نَرۡزُقُكَۗ وَٱلۡعَٰقِبَةُ لِلتَّقۡوَىٰ ١٣٢

"Oleh itu hendaklah engkau bersabar di atas segala perkataan mereka dan bertasbihlah (dirikanlah solat) dengan memuji Tuhanmu sebelum terbit matahari (solat Subuh) dan sebelum ia terbenam (solat Asar), dan bertasbihlah pula (dirikanlah solat) pada waktu malam hari (solat Isyak) dan pada dua hujung siang (solat Maghrib dan Zuhur) supaya engkau mendapat kepuasan jiwa(130). Dan janganlah engkau memanjangkan pandangan matamu kepada ni'mat-ni'mat yang telah Kami kurniakan kepada beberapa golongan dari mereka, iaitu ni'mat bunga-bunga hidup dunia untuk Kami ujikan mereka, sedangkan rezeki Tuhanmu adalah lebih baik dan kekal(131). Suruhlah keluargamu mendirikan solat dan hendaklah engkau menunaikannya dengan tekun. Kami tidak meminta rezeki darimu, malah Kamilah yang memberi rezeki kepadamu dan akibat yang baik itu diuntukkan kepada orang-orang yang bertaqwa."(132)

Hendaklah engkau bersabar menghadapi perkataan-perkataan mereka yang kufur, mengejek, mengingkar dan menolak. Janganlah engkau bersusah hati dan sedih terhadap sikap mereka. Bertawajjuhlah kepada Allah dan bertasbihlah dengan memuji Allah sebelum matahari terbit, dan sebelum ia terbenam, iaitu bertasbihlah di limun-limun pagi yang tenang ketika hari siang mula bernafas dan berkembang dengan kegiatan hidup dan bertasbihlah di waktu senja yang tenang ketika matahari sedang memberi selamat tinggal dan alam mula menutup matanya. Bertasbihlah dengan memuji Allah di waktu-waktu siang dan malam dan berhubunglah dengan Allah di sepanjang hari supaya:

لَعَلَّكَ تَرۡضَىٰ ١٣٠

"Supaya engkau mendapat kepuasan jiwa."(130)

Ucapan tasbih itu merupakan perhubungan dengan Allah, dan setiap jiwa yang berhubung dengan Allah akan merasa tenang tenteram dan puas. Ia merasa puas kerana berdamping dengan Allah Yang Maha Pengasih dan merasa tenang tenteram kerana berada di bawah perlindungan Allah yang aman.

Rasa kepuasan jiwa dan kerelaan itu merupakan hasil dari amalan tasbih dan ibadat. Ia merupakan ganjaran secara langsung yang tumbuh di dalam jiwa dan berkembang subur di dalam lipatan-lipatan hati seseorang.

Mengadaplah Tuhanmu dengan amalan ibadat:

وَلَا تَمُدَّنَّ عَيۡنَيۡكَ إِلَىٰ مَا مَتَّعۡنَا بِهِۦٓ أَزۡوَٰجٗا مِّنۡهُمۡ

"Dan janganlah engkau memanjangkan pandangan matamu kepada ni'mat-ni'mat yang telah Kami kurniakan kepada beberapa golongan dari mereka."(131)

Iaitu kesenangan hidup dunia iaitu perhiasan, keni'matan, harta benda, anak pinak, pangkat kebesaran dan kuasa:

زَهۡرَةَ ٱلۡحَيَوٰةِ ٱلدُّنۡيَا

"Iaitu ni'mat bunga-bunga hidup dunia."(131)

Iaitu bunga-bunga hiasan yang dikeluarkan oleh kehidupan dunia sebagaimana tumbuh-tumbuhan mengeluarkan bunga-bunganya yang indah dan menarik, tetapi bunga-bunga itu cepat layu walaupun cantik dan indah. Tujuan Kami memberi keni'matan hidup dunia kepada mereka ialah untuk:

لِنَفۡتِنَهُمۡ فِيهِۚ

"Untuk Kami ujikan mereka."(131)

Dengan ujian ini terdedahlah mutu hakikat diri mereka yang sebenar melalui tindak-tanduk dan perilaku mereka terhadap ni'mat dan kesenangan hidup dunia ini. Ia adalah suatu keni'matan yang cepat hilang sama seperti bunga-bunga yang cepat layu:

وَرِزۡقُ رَبِّكَ خَيۡرٞ وَأَبۡقَىٰ ١٣١

"Sedangkan rezeki Tuhanmu adalah lebih baik dan kekal."(131)

Kerana ia dikurniakan sebagai ni'mat bukannya dikurniakan untuk tujuan ujian. Rezeki dari Allah itu adalah rezeki yang amat baik kekal tidak layu, tidak mengeliru dan memperdayakan.

Ayat ini bukanlah bertujuan menyeru supaya bersikap zahid terhadap keni'matan-keni'matan hidup dunia, tetapi tujuannya ialah supaya manusia berpegang kukuh dengan nilai-nilai sebenar yang kekal abadi dan berpegang kukuh dengan perhubungannya dengan Allah dan kepuasan hatinya dengan perhubungan itu, agar mereka jangan lekas tumbang di hadapan kepesonaan kekayaan dan tidak hilang pegangan mereka yang kukuh terhadap nilai-nilai iman yang luhur, dan agar mereka sendasa merasa bebas dari pengaruh kesenangan-kesenangan hidup dunia yang batil yang mempesonakan mata manusia.

وَأۡمُرۡ أَهۡلَكَ بِٱلصَّلَوٰةِ

"Dan suruhlah keluargamu mendirikan solat."(132)

Kewajipan pertama seseorang Islam ialah mengubahkan rumahtangganya kepada sebuah rumah-tangga seorang Muslim dan menyuruh anggota keluarganya supaya menunaikan fardhu solat yang menghubungkan mereka dengan Allah. Dengan itu bererti dia menjurus seluruh hidup mereka ke arah satu tujuan yang luhur, dan alangkah ni'matnya hidup di bawah naungan sebuah rumahtangga, di mana seluruh anggotanya bertawajjuh kepada Allah.

وَٱصۡطَبِرۡ عَلَيۡهَاۖ

"Dan hendaklah engkau menunaikannya dengan tekun."(132)

Hendaklah engkau mendirikan solat dengan sempurna dan dapat merealisasikan kesan-kesannya. Solat dapat mencegahkan manusia dari kejahatan dan kemungkaran.

Inilah kesan-kesannya yang sebenar, tetapi solat memerlukan ketekunan agar ia dapat sampai ke darjat yang boleh melahirkan kesan-kesannya yang baik di dalam perasaan dan tingkahlaku manusia. Jika tidak maka solat itu bukanlah solat yang didirikan dengan betul, malah ia hanya merupakan harakat-harakat tubuh badan dan kata-kata yang diucapkan sahaja.

Amalan solat, ibadat dan bertawajjuh kepada Allah itu merupakan kewajipan-kewajipan engkau, sedangkan Allah tidak mendapat apa-apa darinya, kerana Allah itu Maha Kaya. Dia, tidak memerlukan engkau dan tidak pula memerlukan ibadat para hamba-Nya:

لَا نَسْـَٔلُكَ رِزْقًا ۖ نَّحْنُ نَرْزُقُكَ ۗ

"Kami tidak meminta rezeki darimu, malah Kamilah yang memberi rezeki kepadamu."(132)

Sesungguhnya ibadat itulah yang merangsangkan perasaan taqwa:

وَٱلْعَـٰقِبَةُ لِلتَّقْوَىٰ ﴿١٣٢﴾

"Dan akibat yang baik diuntukkan kepada orang-orang yang bertaqwa."(132)

Hanya manusialah pihak yang mendapat keuntungan dari amalan ibadatnya di dunia dan di Akhirat. Apabila mereka beribadat, mereka akan mendapat kepuasan jiwa dan akan merasa tenang dan tenteram dan selepas itu mereka akan mendapat ganjaran yang amat sempurna dan Allah itu Maha Kaya, Dia tidak berkehendak kepada semesta alam.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 133 - 135)

Ketika surah ini hampir tamat, Al-Qur'an kembali berbicara tentang para pembesar Quraysy yang hidup mewah dan bersikap mendustakan da'wah Rasulullah s.a.w. Mereka menuntut dari beliau supaya membawa bukti mu'jizat yang lain setelah beliau membawa Al-Qur'an kepada mereka, sedangkan Al-Qur'an itulah yang menerang dan menjelaskan segala apa yang dibawa oleh agama-agama Allah yang silam sebelum beliau:

وَقَالُوا۟ لَوْلَا يَأْتِينَا بِـَٔايَةٍ مِّن رَّبِّهِۦٓ ۚ أَوَلَمْ تَأْتِهِم
بَيِّنَةُ مَا فِى ٱلصُّحُفِ ٱلْأُولَىٰ ﴿١٣٣﴾

"Dan mereka berkata: Mengapa dia tidak membawa kepada kami satu bukti dari Tuhannya? Apakah belum datang kepada mereka keterangan Al-Qur'an yang amat jelas yang membenarkan apa yang terkandung di dalam kitab-kitab yang terdahulu?"(133)

Hanya sikap keras kepala dan degil sahaja yang mendorong mereka mengemukakan cadangan ini, jika tidak, maka Al-Qur'an ini sahaja sudah cukup (menjadi bukti kebenaran, beliau), kerana Al-Qur'anlah yang menyambung agama Islam sekarang dengan agama Allah sebelumnya. Al-Qur'anlah yang menyatukan sifat-sifat dan arah tujuan agama-agama itu dan Al-Qur'anlah yang menjelas dan menghuraikan segala perkara yang tidak dijelaskan di dalam kitab-kitab suci yang dahulu.

Allah S.W.T telah memberi alasan keuzuran kepada para pendusta itu, lalu Dia mengutuskan kepada mereka Nabi Muhammad s.a.w. selaku penamat sekalian rasul:

وَلَوْ أَنَّآ أَهْلَكْنَـٰهُم بِعَذَابٍ مِّن قَبْلِهِۦ لَقَالُوا۟ رَبَّنَا
لَوْلَآ أَرْسَلْتَ إِلَيْنَا رَسُولًا فَنَتَّبِعَ ءَايَـٰتِكَ مِن
قَبْلِ أَن نَّذِلَّ وَنَخْزَىٰ ﴿١٣٤﴾

"Dan sekiranya Kami binasakan mereka dengan sesuatu 'azab sebelum turunnya Al-Qur'an ini nescaya mereka berkata: Wahai Tuhan kami! Mengapakah Engkau tidak mengirimkan seorang rasul supaya kami dapat mengikut ayat-ayat pengajaran-Mu sebelum kami mendapat kehinaan dan kehampaan."(134)

Sebenarnya mereka belum lagi ditimpa kehinaan dan kekecewaan ketika ayat ini dibaca kepada mereka, tetapi itulah gambaran nasib kesudahan yang tetap akan menimpa mereka, di mana mereka akan mengalami kehinaan dan kehampaan dan mungkin ketika itulah mereka berkata *"Wahai Tuhan kami! Mengapakah Engkau tidak mengirimkan seorang rasul supaya kami dapat mengikut ayat-ayat pengajaran-Mu...."* Kini alasan ini tidak diberikan kepada mereka kerana mereka tidak lagi mempunyai apa-apa alasan dan keuzuran.

Apabila penjelasan ayat sampai ke tahap menggambarkan nasib kesudahan mereka yang tetap menunggu mereka, maka Rasulullah s.a.w. diperintah berlepas tangan dari mereka supaya beliau tidak lagi menderita kesusahan dan kerungsingan kerana sikap mereka yang menolak keimanan itu, dan supaya beliau mengumumkan kepada mereka bahawa beliau sedang menunggu nasib kesudahan yang akan menimpa mereka dan oleh itu biarlah mereka turut bersama menunggu dengan cara yang disukai mereka:

قُلْ كُلٌّ مُّتَرَبِّصٌ فَتَرَبَّصُوا۟ ۖ فَسَتَعْلَمُونَ مَنْ أَصْحَـٰبُ
ٱلصِّرَٰطِ ٱلسَّوِىِّ وَمَنِ ٱهْتَدَىٰ ﴿١٣٥﴾

"Katakanlah: Setiap orang masing-masing menunggu, maka tunggulah kamu dan kelak kamu akan mengetahui siapakah yang mendapat jalan yang lurus dan siapakah yang telah mendapat hidayat."(135)

* * * * * *

Demikianlah berakhirnya surah ini yang dimulakan dengan sebuah pernyataan yang menafikan bahawa tujuan diturunkan Al-Qur'an ini ialah untuk menyusahkan Nabi s.a.w. dan seterusnya menggariskan fungsi Al-Qur'an:

إِلَّا تَذْكِرَةً لِّمَن يَخْشَىٰ ﴿٣﴾

"Melainkan semata-mata supaya ia menjadi peringatan kepada orang yang takut kepada Allah."(3)

Akhir surah ini juga selaras dengan permulaannya kerana akhir surah ini merupakan peringatan dan amaran terakhir kepada mereka yang berguna diberi peringatan, dan tiada lagi tugas yang lain selepas menyampaikan peringatan kepada mereka melainkan hanya menunggu akibatnya dan akibat itu tetap berada di tangan Allah.

(Tamat Juzu' Yang Keenam Belas)

JUZU' KE-17

SURAH AL-ANBIYA'

SURAH KE

21

سُورَةُ الأَنبِيَاءِ

SURAH AL-ANBIA'

Surah Para Nabi

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

112

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 35)

ٱقۡتَرَبَ لِلنَّاسِ حِسَابُهُمۡ وَهُمۡ فِي غَفۡلَةٖ
مُّعۡرِضُونَ ١
مَا يَأۡتِيهِم مِّن ذِكۡرٖ مِّن رَّبِّهِم مُّحۡدَثٍ إِلَّا ٱسۡتَمَعُوهُ
وَهُمۡ يَلۡعَبُونَ ٢
لَاهِيَةٗ قُلُوبُهُمۡۗ وَأَسَرُّواْ ٱلنَّجۡوَى ٱلَّذِينَ ظَلَمُواْ
هَلۡ هَٰذَآ إِلَّا بَشَرٞ مِّثۡلُكُمۡۖ أَفَتَأۡتُونَ ٱلسِّحۡرَ وَأَنتُمۡ
تُبۡصِرُونَ ٣
قَالَ رَبِّي يَعۡلَمُ ٱلۡقَوۡلَ فِي ٱلسَّمَآءِ وَٱلۡأَرۡضِۖ وَهُوَ
ٱلسَّمِيعُ ٱلۡعَلِيمُ ٤
بَلۡ قَالُوٓاْ أَضۡغَٰثُ أَحۡلَٰمِۭ بَلِ ٱفۡتَرَىٰهُ بَلۡ هُوَ
شَاعِرٞ فَلۡيَأۡتِنَا بِـَٔايَةٖ كَمَآ أُرۡسِلَ ٱلۡأَوَّلُونَ ٥
مَآ ءَامَنَتۡ قَبۡلَهُم مِّن قَرۡيَةٍ أَهۡلَكۡنَٰهَآۖ أَفَهُمۡ
يُؤۡمِنُونَ ٦
وَمَآ أَرۡسَلۡنَا قَبۡلَكَ إِلَّا رِجَالٗا نُّوحِيٓ إِلَيۡهِمۡۖ فَسۡـَٔلُوٓاْ
أَهۡلَ ٱلذِّكۡرِ إِن كُنتُمۡ لَا تَعۡلَمُونَ ٧
وَمَا جَعَلۡنَٰهُمۡ جَسَدٗا لَّا يَأۡكُلُونَ ٱلطَّعَامَ وَمَا
كَانُواْ خَٰلِدِينَ ٨
ثُمَّ صَدَقۡنَٰهُمُ ٱلۡوَعۡدَ فَأَنجَيۡنَٰهُمۡ وَمَن نَّشَآءُ
وَأَهۡلَكۡنَا ٱلۡمُسۡرِفِينَ ٩
لَقَدۡ أَنزَلۡنَآ إِلَيۡكُمۡ كِتَٰبٗا فِيهِ ذِكۡرُكُمۡۚ أَفَلَا
تَعۡقِلُونَ ١٠
وَكَمۡ قَصَمۡنَا مِن قَرۡيَةٖ كَانَتۡ ظَالِمَةٗ وَأَنشَأۡنَا
بَعۡدَهَا قَوۡمًا ءَاخَرِينَ ١١
فَلَمَّآ أَحَسُّواْ بَأۡسَنَآ إِذَا هُم مِّنۡهَا يَرۡكُضُونَ ١٢
لَا تَرۡكُضُواْ وَٱرۡجِعُوٓاْ إِلَىٰ مَآ أُتۡرِفۡتُمۡ فِيهِ وَمَسَٰكِنِكُمۡ
لَعَلَّكُمۡ تُسۡـَٔلُونَ ١٣
قَالُواْ يَٰوَيۡلَنَآ إِنَّا كُنَّا ظَٰلِمِينَ ١٤
فَمَا زَالَت تِّلۡكَ دَعۡوَىٰهُمۡ حَتَّىٰ جَعَلۡنَٰهُمۡ حَصِيدًا
خَٰمِدِينَ ١٥
وَمَا خَلَقۡنَا ٱلسَّمَآءَ وَٱلۡأَرۡضَ وَمَا بَيۡنَهُمَا لَٰعِبِينَ ١٦
لَوۡ أَرَدۡنَآ أَن نَّتَّخِذَ لَهۡوٗا لَّٱتَّخَذۡنَٰهُ مِن لَّدُنَّآ إِن كُنَّا
فَٰعِلِينَ ١٧
بَلۡ نَقۡذِفُ بِٱلۡحَقِّ عَلَى ٱلۡبَٰطِلِ فَيَدۡمَغُهُۥ فَإِذَا هُوَ زَاهِقٞۚ
وَلَكُمُ ٱلۡوَيۡلُ مِمَّا تَصِفُونَ ١٨
وَلَهُۥ مَن فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِۚ وَمَنۡ عِندَهُۥ لَا
يَسۡتَكۡبِرُونَ عَنۡ عِبَادَتِهِۦ وَلَا يَسۡتَحۡسِرُونَ ١٩
يُسَبِّحُونَ ٱلَّيۡلَ وَٱلنَّهَارَ لَا يَفۡتُرُونَ ٢٠
أَمِ ٱتَّخَذُوٓاْ ءَالِهَةٗ مِّنَ ٱلۡأَرۡضِ هُمۡ يُنشِرُونَ ٢١

لَوْ كَانَ فِيهِمَآ ءَالِهَةٌ إِلَّا ٱللَّهُ لَفَسَدَتَا ۚ فَسُبْحَـٰنَ ٱللَّهِ
رَبِّ ٱلْعَرْشِ عَمَّا يَصِفُونَ ﴿٢٢﴾
لَا يُسْـَٔلُ عَمَّا يَفْعَلُ وَهُمْ يُسْـَٔلُونَ ﴿٢٣﴾
أَمِ ٱتَّخَذُوا۟ مِن دُونِهِۦٓ ءَالِهَةً ۖ قُلْ هَاتُوا۟ بُرْهَـٰنَكُمْ ۖ
هَـٰذَا ذِكْرُ مَن مَّعِىَ وَذِكْرُ مَن قَبْلِى ۗ بَلْ أَكْثَرُهُمْ لَا
يَعْلَمُونَ ٱلْحَقَّ ۖ فَهُم مُّعْرِضُونَ ﴿٢٤﴾
وَمَآ أَرْسَلْنَا مِن قَبْلِكَ مِن رَّسُولٍ إِلَّا نُوحِىٓ إِلَيْهِ
أَنَّهُۥ لَآ إِلَـٰهَ إِلَّآ أَنَا۠ فَٱعْبُدُونِ ﴿٢٥﴾
وَقَالُوا۟ ٱتَّخَذَ ٱلرَّحْمَـٰنُ وَلَدًا ۗ سُبْحَـٰنَهُۥ ۚ بَلْ عِبَادٌ
مُّكْرَمُونَ ﴿٢٦﴾
لَا يَسْبِقُونَهُۥ بِٱلْقَوْلِ وَهُم بِأَمْرِهِۦ يَعْمَلُونَ ﴿٢٧﴾
يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يَشْفَعُونَ
إِلَّا لِمَنِ ٱرْتَضَىٰ وَهُم مِّنْ خَشْيَتِهِۦ مُشْفِقُونَ ﴿٢٨﴾
وَمَن يَقُلْ مِنْهُمْ إِنِّىٓ إِلَـٰهٌ مِّن دُونِهِۦ فَذَٰلِكَ نَجْزِيهِ
جَهَنَّمَ ۚ كَذَٰلِكَ نَجْزِى ٱلظَّـٰلِمِينَ ﴿٢٩﴾
أَوَلَمْ يَرَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ أَنَّ ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ
كَانَتَا رَتْقًا فَفَتَقْنَـٰهُمَا ۖ وَجَعَلْنَا مِنَ ٱلْمَآءِ كُلَّ شَىْءٍ
حَىٍّ ۖ أَفَلَا يُؤْمِنُونَ ﴿٣٠﴾
وَجَعَلْنَا فِى ٱلْأَرْضِ رَوَٰسِىَ أَن تَمِيدَ بِهِمْ وَجَعَلْنَا
فِيهَا فِجَاجًا سُبُلًا لَّعَلَّهُمْ يَهْتَدُونَ ﴿٣١﴾
وَجَعَلْنَا ٱلسَّمَآءَ سَقْفًا مَّحْفُوظًا ۖ وَهُمْ عَنْ ءَايَـٰتِهَا
مُعْرِضُونَ ﴿٣٢﴾
وَهُوَ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلَّيْلَ وَٱلنَّهَارَ وَٱلشَّمْسَ وَٱلْقَمَرَ ۖ كُلٌّ فِى
فَلَكٍ يَسْبَحُونَ ﴿٣٣﴾

وَمَا جَعَلْنَا لِبَشَرٍ مِّن قَبْلِكَ ٱلْخُلْدَ ۖ أَفَإِي۟ن مِّتَّ فَهُمُ
ٱلْخَـٰلِدُونَ ﴿٣٤﴾
كُلُّ نَفْسٍ ذَآئِقَةُ ٱلْمَوْتِ ۗ وَنَبْلُوكُم بِٱلشَّرِّ وَٱلْخَيْرِ
فِتْنَةً ۖ وَإِلَيْنَا تُرْجَعُونَ ﴿٣٥﴾

"Masa hisab amalan telah dekat kepada manusia, sedangkan mereka masih berada di dalam kelalaian dan berpaling dari (hidayat)(1). Tiada satu ayat dari Al-Qur'an yang datang kepada mereka, yang baru diturunkan dari Tuhan mereka melainkan mereka mendengarnya sambil bermain-main(2). Hati mereka lalai, dan mereka yang zalim itu telah merahsiakan pembicaraan mereka: Orang ini (Muhammad) tidak lain melainkan seorang manusia biasa seperti kamu sahaja. Apakah kamu wajar datang mengikut sihir (yang dibawanya) sedangkan kamu sendiri melihat dengan mata kamu?(3). Dia berkata: Tuhanku mengetahui segala perkataan di langit dan di bumi, dan Dia Maha Mendengar dan Maha Mengetahui(4). Malah mereka berkata: (Al-Qur'an itu) adalah impian-impian karut (Muhammad), malah dialah yang mengada-adakannya, malah dia sendiri seorang penyair. Oleh itu hendaklah dia membawa kepada kami sesuatu mu'jizat seperti mu'jizat-mu'jizat rasul-rasul yang terdahulu yang diutuskan Allah(5). Tiada penduduk sebuah negeri pun yang Kami binasakan sebelum mereka telah beriman (kepada mu'jizat) apakah benar mereka mahu beriman (kepada mu'jizat itu)?(6) Dan Kami tidak utuskan rasul-rasul sebelum kamu melainkan kaum lelaki yang Kami wahyukan kepada mereka. Oleh itu tanyakanlah (perkara ini) kepada Ahlil-Kitab jika kamu tidak mengetahui(7). Dan Kami tidak jadikan mereka (para rasul) tubuh badan yang tidak makan minum dan mereka juga tidak hidup kekal (di dunia)(8). Kemudian Kami tepati janji Kami kepada mereka (para rasul) lalu Kami selamatkan mereka dan orang-orang yang Kami kehendaki (dari pengikut-pengikut mereka) dan Kami binasakan golongan pelampau(9). Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu sebuah kitab (Al-Qur'an) yang mengandungi (pengajaran-pengajaran) yang membawa nama yang baik kepada kamu. Apakah tidak kamu berfikir?(10). Dan berapa banyak penduduk negeri yang zalim yang telah Kami leburkan mereka dan Kami mewujudkan selepas mereka kaum yang lain (sebagai ganti)(11). Dan apabila mereka merasai 'azab Kami tiba-tiba mereka tergesa-gesa melarikan diri dari negeri itu(12). (Lalu dikatakan kepada mereka) janganlah kamu tergesa-gesa melarikan diri dan kembalilah semula kepada kemewahan hidup yang dikurniakan kepada kamu dan kepada tempat-tempat kediaman kamu supaya kamu ditanya (mengenainya)(13). Jawab mereka: Celakalah kami! Sesungguhnya kami adalah orang-orang yang melakukan kezaliman(14). Demikianlah mereka terus mengeluh sehingga Kami binasakan mereka laksana tanaman yang dituai yang mati sunyi sepi(15). Dan Kami tidak ciptakan langit, bumi dan segala makhluk yang ada di antara keduanya dengan tujuan bermain-main sahaja(16). Sekiranya Kami hendak mengambil sesuatu permainan tentulah Kami mengambilnya dari sisi Kami sendiri (tetapi) Kami tidak sekali-kali melakukannya(17). Malah Kami lontarkan kebenaran itu di atas kebatilan lalu ia menghancurkannya dan ia terus terhapus, dan kamu akan memperolehi kecelakaan kerana perbuatan kamu menyifatkan Allah dengan sifat-sifat yang tidak wajar(18). Dan Dia memiliki

sekalian penghuni langit dan bumi. Dan makhluk (malaikat) yang berada di sisi-Nya tidak pernah merasa sombong untuk beribadat kepada-Nya dan tidak pernah merasa lemah(19). Mereka beribadat malam dan siang tanpa berhenti-henti(20). Apakah mereka memilih tuhan-tuhan dari bumi yang dapat menghidupkan orang-orang yang mati?(21) Andainya di langit dan di bumi itu ada tuhan-tuhan selain Allah nescaya kedua-duanya akan musnah binasa, maka Maha Sucilah Allah yang mempunyai 'Arasy dari sifat-sifat yang tidak wajar yang disifatkan mereka(22). Dia tidak ditanya segala apa yang dilakukan-Nya tetapi mereka akan ditanya (segala apa yang dilakukan mereka)(23). Apakah mereka memilih tuhan-tuhan selain Allah? Katakanlah: Bawakanlah dalil-dalil kamu. Kitab Al-Qur'an ini menyebut cerita orang-orang yang semasa denganku di samping menyebut cerita para rasul sebelumku, malah kebanyakan mereka tidak mengetahui 'aqidah yang benar, maka kerana itu mereka berpaling dari-Nya(24). Dan tiada seorang rasul pun yang Kami utuskan sebelummu melainkan Kami wahyukan kepadanya bahawa sesungguhnya tiada tuhan selain Aku sahaja. Oleh itu abdikanlah diri kamu kepada-Ku(25). Dan mereka berkata: Allah Maha Penyayang itu mempunyai anak. Maha Sucilah Allah, malah mereka (malaikat-malaikat yang dikatakan anak-anak Allah itu) adalah para hamba-Nya yang dimuliakan(26). Mereka tidak mendahului-Nya dengan mengemukakan cadangan dan mereka menjunjung segala perintah-Nya(27). Allah mengetahui segala apa yang ada di hadapan mereka dan segala apa yang ada di belakang mereka dan mereka tidak memberi syafa'at melainkan kepada orang yang diredhai-Nya dan mereka sentiasa berwaspada kerana takut kepada-Nya(28). Dan barang siapa di antara mereka yang berkata: Akulah tuhan selain Allah, maka Kami akan balaskannya dengan Neraka Jahannam. Demikianlah Kami membalas golongan yang zalim(29). Apakah orang-orang kafir itu tidak mengetahui bahawa langit dan bumi itu pada asalnya merupakan satu benda yang padu lalu Kami pisahkan di antara keduanya, dan Kami jadikan dari air segala makhluk yang hidup. Mengapakah mereka tidak beriman? (30) Dan Kami telah ciptakan di bumi gunung-ganang yang teguh supaya ia tidak menggoncangkan mereka dan Kami jadikan padanya lorong-lorong sebagai jalan-jalan laluan supaya mereka dapat berjalan dengan betul(31). Dan Kami telah ciptakan langit sebagai bumbung yang terpelihara, sedangkan mereka berpaling dari bukti-bukti (kekuasaan Kami)(32). Dan Dialah yang telah menciptakan malam dan siang, matahari dan bulan dan semuanya terapung-apung di tempat peredaran masing-masing(33). Dan Kami tidak pernah jadikan seorang manusia pun sebelummu, yang hidup kekal (di dunia), maka apakah jika engkau mati (wahai Muhammad) mereka akan hidup kekal?(34) Setiap yang bernyawa akan merasai mati, dan Kami akan menduga kamu dengan keburukan dan kebaikan sebagai suatu ujian, dan kepada Kami seluruh kamu akan dikembalikan."(35)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah ini ialah Surah Makkiyah yang memperkatakan maudhu' utama yang selalu diperkatakan oleh surah-surah Makkiyah yang lain, iaitu maudhu' 'aqidah. Ia memperkatakannya di dalam bidang-bidangnya yang sebenar, iaitu di bidang-bidang tauhid, kerasulan dan kebangkitan selepas mati.

Ayat-ayat surah ini memperkatakan maudhu' itu dengan membentangkan undang-undang am alam buana dan menghubungkan 'aqidah dengan undang-undang itu, kerana 'aqidah merupakan sebahagian dari binaan alam buana yang berjalan mengikut undang-undang amnya. 'Aqidah itu ditegakkan di atas lunas kebenaran yang menjadi landasan ciptaan langit dan bumi. Ia ditegakkan di atas kesungguhan, yang dengannya juga ditadbirkan langit dan bumi. Ia bukannya main-mainan dan bukan pula kebatilan yang sia-sia. Ia persis seperti alam buana tidak diciptakan untuk mainan dan tidak pula dicampuradukkan dengan kebatilan:

وَمَا خَلَقْنَا ٱلسَّمَآءَ وَٱلْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا لَٰعِبِينَ ﴿١٦﴾

"Dan Kami tidak ciptakan langit, bumi dan segala makhluk yang ada di antara keduanya dengan tujuan bermain-main sahaja."(16)

Persamaan Undang-undang Alam Buana Membuktikan Keesaan Tuhan Pencipta

Oleh sebab itu Allah membawa manusia menjelajah dengan hati, mata dan fikiran mereka di dua ruang alam buana yang besar, iaitu langit dan bumi, gunung-ganang yang teguh, lorong-lorong dan jalan-jalan yang luas, hari malam dan hari siang, matahari dan bulan sambil menarik pandangan mereka supaya memerhatikan persamaan atau kesatuan undang-undang yang mengendali dan mentadbirkan alam buana ini dan kepada makna persamaan undang-undang itu yang menunjukkan kepada keesaan Tuhan Pencipta yang mentadbir dan keesaan Tuhan Pemilik yang tidak mempunyai sebarang sekutu dalam kerajaan langit dan bumi dan dalam urusan penciptaan alam.

لَوْ كَانَ فِيهِمَآ ءَالِهَةٌ إِلَّا ٱللَّهُ لَفَسَدَتَا

"Andainya di langit dan di bumi itu ada tuhan-tuhan selain Allah nescaya kedua-duanya akan musnah binasa"(22)

Kemudian Allah menarik akal fikiran mereka supaya memerhatikan persamaan undang-undang yang mengendalikan hayat di muka bumi ini dan memerhatikan persamaan sumber hayat:

وَجَعَلْنَا مِنَ ٱلْمَآءِ كُلَّ شَىْءٍ حَىٍّ

"Dan Kami jadikan dari air segala makhluk yang hidup"(30)

juga memerhatikan persamaan kesudahan setiap yang hidup:

كُلُّ نَفْسٍ ذَآئِقَةُ ٱلْمَوْتِ

"Setiap yang bernyawa akan merasai mati"(35)

juga memerhatikan persamaan tempat kembali seluruh manusia:

وَإِلَيْنَا تُرْجَعُونَ ﴿٣٥﴾

"Dan kepada Kami seluruh kamu akan dikembalikan"(35)

Aqidah mempunyai hubungan yang amat kukuh dengan undang-undang am alam buana. Aqidah itu juga hanya satu sahaja walaupun banyak para rasul yang membawanya di sepanjang zaman:

وَمَآ أَرْسَلْنَا مِن قَبْلِكَ مِن رَّسُولٍ إِلَّا نُوحِىٓ إِلَيْهِ

أَنَّهُۥ لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنَا۠ فَٱعۡبُدُونِ ٢٥

"Dan tiada seorang rasul pun yang Kami utuskan sebelummu melainkan Kami wahyukan kepadanya bahawa sesungguhnya tiada tuhan selain Aku sahaja. Oleh itu abdikanlah diri kamu kepada-Ku."(25)

Kehendak Allah telah menentukan bahawa seluruh Rasul itu adalah dari jenis manusia belaka:

وَمَآ أَرۡسَلۡنَا قَبۡلَكَ إِلَّا رِجَالٗا نُّوحِيٓ إِلَيۡهِمۡۖ

"Dan Kami tidak utuskan rasul-rasul sebelum kamu melainkan kaum lelaki yang Kami wahyukan kepada mereka."(7)

Sebagaimana 'aqidah mempunyai pertalian yang amat kukuh dengan undang-undang am alam buana, maka begitulah juga hubungan-hubungan 'aqidah ini di bumi. Undang-undang tidak pernah mungkir bahawa kebenaran itu akan menang pada akhirnya dan kebatilan itu akan lenyap, kerana kebenaran atau al-Haq itu merupakan asas alam buana. Ia tetap akan menang mengikut undang-undang Ilahi:

بَلۡ نَقۡذِفُ بِٱلۡحَقِّ عَلَى ٱلۡبَٰطِلِ فَيَدۡمَغُهُۥ فَإِذَا هُوَ زَاهِقٞۚ

"Malah Kami lontarkan kebenaran itu di atas kebatilan lalu ia menghancurkannya."(18)

Begitu juga kebinasaan itu tetap, akan menimpa orang-orang yang zalim dan mendustakan Rasul, dan Allah tetap menyelamatkan para rasul dan para Mu'minin:

ثُمَّ صَدَقۡنَٰهُمُ ٱلۡوَعۡدَ فَأَنجَيۡنَٰهُمۡ وَمَن نَّشَآءُ
وَأَهۡلَكۡنَا ٱلۡمُسۡرِفِينَ ٩

"Kemudian Kami tepati janji Kami kepada mereka (para rasul) lalu Kami selamatkan mereka dan orang-orang yang Kami kehendaki (dari pengikut-pengikut mereka) dan Kami binasakan golongan pelampau."(9)

Dan bumi ini tetap diwarisi oleh para hamba Allah yang soleh:

وَلَقَدۡ كَتَبۡنَا فِي ٱلزَّبُورِ مِنۢ بَعۡدِ ٱلذِّكۡرِ أَنَّ
ٱلۡأَرۡضَ يَرِثُهَا عِبَادِيَ ٱلصَّٰلِحُونَ ١٠٥

"Dan sesungguhnya Kami telah catatkan di dalam kitab-kitab suci (yang diturunkan kepada manusia) setelah dicatatkan di dalam Luh Mahfuz bahawa bumi ini diwarisi hamba-hamba-Ku yang soleh."(105)

Justeru itu Al-Qur'an menayangkan umat para rasul yang sama itu dalam satu rangkaian yang panjang secara sepintas lalu. Penayangan itu agak panjang sedikit ketika ia mengemukakan babak-babak kisah Ibrahim a.s., Daud dan Sulaiman a.s. dan agak pendek ketika ia menyebut kisah-kisah Nuh, Musa, Harun, Lut, Ismail, Idris, Zulkifli, Zun-Nun (Yunus), Zakaria, Yahya dan Isa a.s.

Dalam penayangan kisah-kisah ini didedahkan konsep-konsep yang telah diterangkan dalam ayat-ayat yang terdahulu, iaitu ia dedahkan dalam bentuk peristiwa-peristiwa yang berlaku di dalam hidup para rasul dan dalam perjalanan da'wah-da'wah setelah diterangkan dalam bentuk peraturan-peraturan am dan undang-undang.

Penerangan ayat-ayat surah ini juga mengandungi beberapa pemandangan Qiamat yang mendedahkan konsep-konsep itu sendiri dalam bentuk peristiwa yang berlaku pada hari Qiamat.

Demikianlah berbagai-bagai nada dalam surah ini digemblengkan untuk satu tujuan, iaitu untuk membangkitkan hati manusia supaya memahami kebenaran yang luhur yang terdapat dalam 'aqidah Islam yang dibawa oleh Muhammad Khatamur-Rusuli s.a.w. agar dengan itu ia tidak disambut mereka dengan hati yang lalai, sikap yang tidak mengendah dan cuai sebagaimana keadaan mereka digambarkan di permulaan surah:

ٱقۡتَرَبَ لِلنَّاسِ حِسَابُهُمۡ وَهُمۡ فِي غَفۡلَةٖ
مُّعۡرِضُونَ ١

"Masa hisab amalan telah dekat kepada manusia, sedangkan mereka masih berada di dalam kelalaian dan berpaling dari (hidayat)."(1)

مَا يَأۡتِيهِم مِّن ذِكۡرٖ مِّن رَّبِّهِم مُّحۡدَثٍ إِلَّا ٱسۡتَمَعُوهُ
وَهُمۡ يَلۡعَبُونَ ٢

"Tiada satu ayat dari Al-Qur'an yang datang kepada mereka, yang baru diturunkan dari Tuhan mereka melainkan mereka mendengarnya sambil bermain-main."(2)

لَاهِيَةٗ قُلُوبُهُمۡۗ

"Hati mereka lalai."(3)

Agama ini merupakan suatu yang benar dan serius sebagaimana alam buana juga merupakan suatu yang benar dan serius. Justeru itu tiada ruang untuk bermain-main dalam menerima agama ini dan tiada ruang untuk menuntut bukti-bukti mu'jizat, kerana bukti-bukti kekuasaan Allah yang terbentang di alam buana dan di seluruh peraturannya semuanya menyarankan bahawa Allah Pencipta Yang Maha Kuasa dan Maha Esa dan bahawa agama ini adalah diturunkan dari Allah Pencipta Yang Maha Kuasa dan Maha Esa.

* * * * * *

Susunan kata dalam surah ini dari segi struktur lafaznya dan bunyi iramanya ialah susunan kata pernyataan yang selaras dengan maudhu'nya dan selaras dengan suasana penerangan surah yang mengemukakan maudhu' ini. Ini dapat dilihat dengan jelas apabila dibandingkan, misalnya dengan susunan kata Surah Maryam dan Taha di mana terdapat nada

yang lembut yang sesuai dengan suasana kedua-duanya, sedangkan di sini terdapat nada yang mantap yang sesuai dengan suasana surah dan maudhu'nya.

Ini bertambah jelas lagi apabila dibandingkan susunan kata kisah Ibrahim a.s. di dalam Surah Maryam dengan susunan kata kisah Ibrahim dalam surah ini. Begitu juga perbezaan ini jelas apabila diperhatikan tentang babak kisah itu yang dibentangkan di sini dengan, babaknya yang dibentangkan di sana. Di dalam Surah Maryam babak yang dibentangkan di sana ialah babak dialog yang lembut di antara Ibrahim dengan bapanya, sedangkan di dalam surah ini dibentangkan babak Ibrahim memecahkan berhala-berhala dan babak beliau dilontarkan ke dalam api. Semuanya ini untuk mewujudkan keselarasan pada maudhu', suasana, susunan kata dan nada.

* * * * * *

Penerangan surah ini berlangsung dalam empat pusingan:

Pusingan pertama dimulakan dengan kata pendahuluan yang amat kuat pukulannya. Ia menggoncangkan hati manusia dan mengingatkan mereka kepada malapetaka besar yang mendekati dan mengepung mereka, sedangkan mereka lalai dan cuai terhadapnya:

اقْتَرَبَ لِلنَّاسِ حِسَابُهُمْ وَهُمْ فِي غَفْلَةٍ
مُعْرِضُونَ ﴿١﴾

"Masa hisab amalan telah dekat kepada manusia, sedangkan mereka masih berada di dalam kelalaian dan berpaling dari (hidayat)."(1)

Kemudian Al-Qur'an menggoncangkan hati mereka sekali lagi dengan satu pemandangan yang menayangkan kebinasaan umat-umat yang silam, yang lalai dari pengajaran-pengajaran Allah dan hidup di dalam kesesatan dengan sikap mereka yang zalim:

وَكَمْ قَصَمْنَا مِن قَرْيَةٍ كَانَتْ ظَالِمَةً وَأَنشَأْنَا
بَعْدَهَا قَوْمًا آخَرِينَ ﴿١١﴾
فَلَمَّا أَحَسُّوا بَأْسَنَا إِذَا هُم مِّنْهَا يَرْكُضُونَ ﴿١٢﴾
لَا تَرْكُضُوا وَارْجِعُوا إِلَىٰ مَا أُتْرِفْتُمْ فِيهِ وَمَسَاكِنِكُمْ
لَعَلَّكُمْ تُسْأَلُونَ ﴿١٣﴾
قَالُوا يَا وَيْلَنَا إِنَّا كُنَّا ظَالِمِينَ ﴿١٤﴾
فَمَا زَالَت تِّلْكَ دَعْوَاهُمْ حَتَّىٰ جَعَلْنَاهُمْ حَصِيدًا
خَامِدِينَ ﴿١٥﴾

"Dan berapa banyak penduduk negeri yang zalim yang telah Kami leburkan mereka dan Kami mewujudkan selepas mereka kaum yang lain (sebagai ganti)(11) Dan apabila mereka merasai 'azab Kami tiba-tiba mereka tergesa-gesa melarikan diri dari negeri itu (12) (Lalu dikatakan kepada mereka) janganlah kamu tergesa-gesa melarikan diri dan kembalilah semula kepada kemewahan hidup yang dikurniakan kepada kamu dan kepada tempat-tempat kediaman kamu supaya kamu ditanya (mengenainya) (13) Jawab mereka: Celakalah kami! Sesungguhnya kami adalah orang-orang yang melakukan kezaliman (14) Demikianlah mereka terus mengeluh sehingga Kami binasakan mereka laksana tanaman yang dituai yang mati sunyi sepi."(15)

Kemudian ia menghubungkan di antara kebenaran dengan keseriusan dalam da'wah, di antara kebenaran dengan keseriusan dalam peraturan alam buana, di antara 'aqidah tauhid dengan undang-undang alam al-wujud, di antara persamaan Tuhan Pencipta dan Pentadbir alam buana dengan persamaan risalah dan 'aqidah dan di antara persamaan sumber hayat dengan persamaan penghabisan dan titik kembalinya manusia sebagaimana telah kami terangkan sebelum ini.

Di dalam pusingan yang kedua pula Al-Qur'an kembali bercakap kepada orang-orang kafir yang menentang Rasulullah s.a.w. dengan ejekan dan sendaan, sedangkan persoalan itu adalah satu persoalan yang serius dan benar, dan segala kejadian di sekeliling mereka menyarankan supaya mereka sedar dan memberi perhatian yang berat. Mereka menggesa agar 'azab Allah disegerakan ke atas mereka, sedangkan 'azab itu amat hampir kepada mereka. Di sini ia menayangkan salah satu pemandangan Qiamat dan menarik perhatian mereka kepada 'azab keseksaan yang telah menimpa umat-umat yang telah mempermain-mainkan para rasul sebelum mereka dan menegaskan bahawa di sana tiada siapa pun yang dapat memberi perlindungan kepada mereka dari 'azab Allah. Ia memalingkan hati mereka supaya meneliti qudrat Allah yang mengurangkan sempadan-sempadan sesebuah negeri yang besar hingga menjadi negeri yang kecil agar kejadian ini dapat menyedarkan mereka dari kelalaian yang dialami mereka kerana terlalu lama hidup dalam kesenangan dan kemewahan.

Pusingan ini berakhir dengan satu arahan yang ditujukan kepada Rasulullah s.a.w. supaya beliau menjelaskan tugasnya:

قُلْ إِنَّمَا أُنذِرُكُم بِالْوَحْيِ

"Katakanlah: Sesungguhnya aku hanya memberi peringatan kepada kamu dengan wahyu"(45)

juga menjelaskan bahaya 'azab yang mengancam mereka yang sedang leka di dalam kelalaian itu:

وَلَا يَسْمَعُ الصُّمُّ الدُّعَاءَ إِذَا مَا يُنذَرُونَ ﴿٤٥﴾

"Dan si pekak sememangnya tidak dapat mendengar seruan apabila mereka diberi amaran."(45)

Sehingga neraca hisab yang adil itu ditegakkan, sedangkan mereka berada di dalam kelalaian.

Pusingan yang ketiga menayangkan kisah para Anbia', di mana dapat dilihat persamaan risalah dan 'aqidah, juga dapat dilihat rahmat Allah dan bimbingan-Nya terhadap para hamba-Nya yang soleh. Dan bagaimana para pendusta itu dibinasakan oleh-Nya.

Di dalam pusingan yang keempat pula, iaitu pusingan yang terakhir, surah ini menayang kesudahan hidup manusia dalam salah satu pemandangan Qiamat yang mengerikan, dan penghabisan surah ini sama dengan permulaannya iaitu kedua-duanya memberi pukulan yang kuat dan amaran yang terus terang dan menyerahkan mereka kepada nasib kesudahan mereka yang buruk yang pasti menimpa mereka.

* * * * * *

Sekarang marilah kita kajikan pusingan pertama dengan terperinci:

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 9)

ٱقۡتَرَبَ لِلنَّاسِ حِسَابُهُمۡ وَهُمۡ فِي غَفۡلَةٖ
مُّعۡرِضُونَ ١
مَا يَأۡتِيهِم مِّن ذِكۡرٖ مِّن رَّبِّهِم مُّحۡدَثٍ إِلَّا ٱسۡتَمَعُوهُ
وَهُمۡ يَلۡعَبُونَ ٢
لَاهِيَةٗ قُلُوبُهُمۡۗ وَأَسَرُّواْ ٱلنَّجۡوَى ٱلَّذِينَ ظَلَمُواْ
هَلۡ هَٰذَآ إِلَّا بَشَرٞ مِّثۡلُكُمۡۖ أَفَتَأۡتُونَ ٱلسِّحۡرَ وَأَنتُمۡ
تُبۡصِرُونَ ٣
قَالَ رَبِّي يَعۡلَمُ ٱلۡقَوۡلَ فِي ٱلسَّمَآءِ وَٱلۡأَرۡضِۖ وَهُوَ
ٱلسَّمِيعُ ٱلۡعَلِيمُ ٤
بَلۡ قَالُوٓاْ أَضۡغَٰثُ أَحۡلَٰمِۭ بَلِ ٱفۡتَرَىٰهُ بَلۡ هُوَ
شَاعِرٞ فَلۡيَأۡتِنَا بِـَٔايَةٖ كَمَآ أُرۡسِلَ ٱلۡأَوَّلُونَ ٥
مَآ ءَامَنَتۡ قَبۡلَهُم مِّن قَرۡيَةٍ أَهۡلَكۡنَٰهَآۖ أَفَهُمۡ
يُؤۡمِنُونَ ٦
وَمَآ أَرۡسَلۡنَا قَبۡلَكَ إِلَّا رِجَالٗا نُّوحِيٓ إِلَيۡهِمۡۖ فَسۡـَٔلُوٓاْ
أَهۡلَ ٱلذِّكۡرِ إِن كُنتُمۡ لَا تَعۡلَمُونَ ٧
وَمَا جَعَلۡنَٰهُمۡ جَسَدٗا لَّا يَأۡكُلُونَ ٱلطَّعَامَ وَمَا
كَانُواْ خَٰلِدِينَ ٨
ثُمَّ صَدَقۡنَٰهُمُ ٱلۡوَعۡدَ فَأَنجَيۡنَٰهُمۡ وَمَن نَّشَآءُ
وَأَهۡلَكۡنَا ٱلۡمُسۡرِفِينَ ٩

"Masa hisab amalan telah dekat kepada manusia, sedangkan mereka masih berada di dalam kelalaian dan berpaling dari (hidayat) (1) Tiada satu ayat dari Al-Qur'an yang datang kepada mereka, yang baru diturunkan dari Tuhan mereka melainkan mereka mendengarnya sambil bermain-main (2) Hati mereka lalai dan mereka yang zalim itu telah merahsiakan pembicaraan mereka: Orang ini (Muhammad) tidak lain melainkan seorang manusia biasa seperti kamu sahaja. Apakah kamu wajar datang mengikut sihir (yang dibawanya) sedangkan kamu sendiri melihat dengan mata kamu? (3) Katakanlah: Tuhanku mengetahui segala perkataan di langit dan di bumi dan Dia Maha Mendengar dan Maha Mengetahui (4) Malah mereka berkata: (Al-Qur'an itu) adalah impian-impian karut (Muhammad), malah dialah yang mengada-adakannya, malah dia sendiri seorang penyair. Oleh itu hendaklah dia membawa kepada kami sesuatu mu'jizat seperti mu'jizat-mu'jizat rasul-rasul yang terdahulu yang diutuskan Allah (5) Tiada penduduk sebuah negeri pun yang Kami binasakan sebelum mereka telah beriman (kepada mu'jizat), apakah benar mereka mahu beriman (kepada mu'jizat itu)? (6) Dan Kami tidak utuskan rasul-rasul sebelum kamu melainkan kaum lelaki yang Kami wahyukan kepada mereka. Oleh itu tanyakanlah (perkara ini) kepada Ahlil-Kitab jika kamu tidak mengetahui (7) Dan Kami tidak jadikan mereka (para rasul) tubuh badan yang tidak makan minum dan mereka juga tidak hidup kekal (di dunia) (8) Kemudian Kami tepati janji Kami kepada mereka (para rasul) lalu Kami selamatkan mereka dan orang-orang yang Kami kehendaki (dari pengikut-pengikut mereka) dan Kami binasakan golongan pelampau."(9)

Bagaimana Hati Yang Liar Dan Lalai Menyambut Al-Qur'an

Inilah permulaan kata yang amat kuat, yang menggoncangkan hati manusia yang lalai. Hari hisab telah hampir, tetapi mereka masih berada di dalam kelalaian. Ayat-ayat Allah dibentangkan kepada mereka, tetapi mereka berpaling dari hidayat. Suasana begitu serius, tetapi mereka masih tidak sedar kepada keseriusannya. Setiap kali sampai kepada mereka ayat-ayat dari Al-Qur'an yang baru, mereka menyambutnya dengan main-main dan dengan sikap yang sewenang-wenang, mereka mendengarnya dengan gurau senda dan mengejek.

لَاهِيَةٗ قُلُوبُهُمۡۗ

"Hati mereka lalai"(3)

sedangkan hati itulah pusat daya manusia meneliti, merenungi dan berfikir.

Itulah gambaran jiwa manusia yang kosong yang tidak mengenal keseriusan. Mereka bermain-main dalam perkara yang paling penting, bergurau senda pada tempat-tempat yang serius dan bertindak liar dan tidak peduli terhadap perkara-perkara yang suci. Al-Qur'an diturunkan kepada mereka dari Allah, tetapi mereka menyambutnya dengan main-main tanpa hormat dan taqdis. Jiwa yang kosong dari keseriusan, perhatian yang berat dan kesucian adalah berakhir menjadi jiwa yang hampa, tandus dan runtuh, ia tidak layak untuk memikul tugas-tugas, menunaikan kewajipan dan melaksanakan taklif dan menyebabkan hidupnya menjadi lumpuh, remeh dan murah.

Jiwa yang liar yang mempermain-mainkan perkara-perkara yang suci adalah jiwa yang sakit. Sikap yang liar dan tidak peduli itu bukannya sikap yang tabah, kerana ketabahan merupakan sifat jiwa yang serius dan penuh kesedaran, sedangkan sikap yang liar dan tidak peduli itu tidak mempunyai kesedaran dan tidak serius.

Orang-orang yang diceritakan Al-Qur'anul-Karim itu telah menyambut ayat-ayat Al-Qur'an dengan sikap main-main, sedangkan Al-Qur'an diturun untuk dijadikan sebuah perlembagaan hidup, satu tata kerja dan satu undang-undang bermu'amalah. Mereka menghadapi hari hisab yang hampir itu dengan sikap yang lalai. Orang-orang yang seperti mereka memang wujud di setiap zaman. Apabila jiwa seseorang itu kosong dari keseriusan, perhatian yang berat dan kesucian, maka ia akan berubah kepada gambaran jiwa yang sakit dan buruk yang dilukiskan oleh Al-Qur'an, iaitu jiwa yang mengubahkan seluruh hidup kepada permainan yang kosong tanpa tujuan dan tanpa dasar.

Sementara orang-orang Mu'min pula menyambut surah ini dengan perhatian yang amat berat hingga mereka lupa kepada dunia dan segala isinya.

Tersebut di dalam riwayat hidup 'Amir ibn Rabi'ah yang ditulis oleh al-Amidi bahawa pada suatu hari ada seorang Arab menjadi tetamunya. Beliau telah memberi sepenuh keraian kepada orang itu. Kemudian orang ini datang pula bertemu dengan beliau setelah dia mendapat satu kawasan tanah yang luas (untuk membalas budi baik beliau). Dia berkata kepada 'Amir: "Saya telah meminta dari Rasulullah s.a.w. satu kawasan tanah perlembahan dan saya mahu berikan sebahagian dari tanah itu untuk anda dan anak cucu anda selepas anda". Jawab 'Amir: "Saya tidak perlu kepada tanah pemberian anda itu, kerana pada hari ini telah turun satu surah Al-Qur'an yang telah menyebabkan hati kami lupakan dunia iaitu:

اقْتَرَبَ لِلنَّاسِ حِسَابُهُمْ وَهُمْ فِي غَفْلَةٍ مُّعْرِضُونَ ١

Inilah perbezaan di antara hati manusia yang hidup, yang menyambut ayat-ayat Allah dengan serius dan hati manusia yang mati, tertutup dan padam cahayanya, iaitu hati yang mati yang dikapan dengan kelalaian dan dipadamkan cahayanya dengan sikap yang liar dan tidak peduli, hati yang tidak dapat ditembusi kesan-kesan Al-Qur'an kerana hati itu kosong dari nilai-nilai hidup:

وَأَسَرُّوا النَّجْوَى الَّذِينَ ظَلَمُوا

"Dan mereka yang zalim itu telah merahsiakan pembicaraan mereka"(3)

mereka bercakap-cakap secara rahsia dan mengatur pakatan jahat di antara mereka. Mereka mengata-ngatakan tentang Rasulullah s.a.w:

هَلْ هَٰذَا إِلَّا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ ۖ أَفَتَأْتُونَ السِّحْرَ وَأَنتُمْ تُبْصِرُونَ ٣

"Orang ini (Muhammad) tidak lain melainkan seorang manusia biasa seperti kamu sahaja. Apakah wajar kamu datang mengikut sihir (yang dibawanya) sedangkan kamu sendiri melihat dengan mata kamu?"(3)

Cara-cara Mereka Menentang Pengaruh Al-Qur'an

Tetapi walaupun hati mereka mati dan kosong dari hayat, namun mereka tidak berdaya menahan diri mereka dari digugat dan digoncangkan oleh Al-Qur'an. Mereka biasanya mencari jalan untuk menentang pengaruh Al-Qur'an yang kuat itu dengan menggunakan dalihan-dalihan. Mereka berkata: Muhammad itu hanya manusia biasa sahaja. Bagaimana kamu boleh beriman kepada manusia seperti kamu? Apa yang dibawakan oleh Muhammad hanya sihir sahaja, bagaimana kamu boleh datang menerima sihir dan terikut-ikut kepadanya sedangkan kamu mempunyai mata dan melihat sendiri (hakikat ini)?

Ketika inilah Rasulullah s.a.w. menyerahkan perkara mereka dan perkara dirinya kepada Allah, dan Allah telah memaklumkan kepada beliau tentang pembicaraan-pembicaraan rahsia yang berlaku di antara mereka dan tentang tipu daya mereka untuk menghindarkan diri mereka dari Al-Qur'an dan pengaruhnya.

قَالَ رَبِّي يَعْلَمُ الْقَوْلَ فِي السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ ۖ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ٤

"Katakanlah: Tuhanku mengetahui segala perkataan di langit dan di bumi, dan Dia Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(4)

Tiada suatu pembicaraan rahsia yang berlaku di mana-mana tempat di muka bumi ini melainkan semuanya diketahui Allah. Dia mengetahui segala percakapan yang diucapkan di langit dan di bumi dan tiada suatu pakatan sulit yang diperkatakan mereka melainkan semuanya diketahui oleh-Nya. Allah itu Maha Mendengar dan Maha Melihat.

Mereka serba salah bagaimana hendak menyifatkan Al-Qur'an ini dan menghindarkan diri mereka dari pengaruhnya. Sekali mereka mengatakan Al-Qur'an itu sihir, sekali pula mereka mengatakan Al-Qur'an itu impian-impian karut yang diimpikan Muhammad kemudian diceritakannya kepada orang ramai, kadang-kadang mereka mengatakan Al-Qur'an itu syair (sajak) dan kadang-kadang pula mereka menuduh beliau mereka-rekakan Al-Qur'an kemudian mendakwakannya sebagai wahyu dari Allah:

بَلْ قَالُوٓا۟ أَضْغَٰثُ أَحْلَٰمٍۭ بَلِ ٱفْتَرَىٰهُ بَلْ هُوَ شَاعِرٌ

"Malah mereka berkata: (Al-Qur'an itu) adalah impian-impian karut (Muhammad), malah dialah yang mengada-adakannya, malah dia sendiri seorang penyair."(5)

Mereka tidak dapat menetapkan satu sifat atau satu pendapat yang tertentu terhadap Al-Qur'an, kerana tuduhan-tuduhan itu merupakan semata-mata tipu daya dan usaha percubaan mereka untuk mentafsirkan kesan Al-Qur'an yang menggegarkan hati mereka dengan berbagai-bagai dalihan, tetapi mereka tidak berdaya, oleh sebab itulah mereka berpindah-pindah dari satu tuduhan kepada satu tuduhan yang lain, dari satu pentafsiran kepada satu pentafsiran yang lain. Mereka terumbang-ambing dan wara wiri. Kemudian untuk menyelamatkan diri mereka dari keadaan yang serba salah dan menyulitkan itu mereka menuntut beliau membawa mu'jizat-mu'jizat seperti mu'jizat-mu'jizat yang pernah dibawa rasul-rasul yang silam sebagai ganti Al-Qur'an:

فَلْيَأْتِنَا بِـَٔايَةٍ كَمَآ أُرْسِلَ ٱلْأَوَّلُونَ ٥

"Hendaklah dia membawa kepada kami sesuatu mu'jizat seperti mu'jizat-mu'jizat rasul-rasul yang terdahulu yang diutuskan Allah."(5)

Sebenarnya mu'jizat-mu'jizat itu telah didatangkan sebelum ini, tetapi orang-orang yang menyaksikan mu'jizat itu tidak juga beriman kepadanya lalu mereka dibinasakan Allah mengikut Sunnatullah yang tidak pernah mungkir membinasakan orang-orang yang mendustakan mu'jizat-mu'jizat:

مَآ ءَامَنَتْ قَبْلَهُم مِّن قَرْيَةٍ أَهْلَكْنَٰهَآ أَفَهُمْ يُؤْمِنُونَ ٦

"Tiada penduduk sebuah negeri pun yang Kami binasakan sebelum mereka telah beriman (kepada mu'jizat), apakah benar mereka mahu beriman (kepada mu'jizat itu)?"(6)

Ini disebabkan kerana orang-orang yang degil, yang tidak mahu beriman kepada mu'jizat kebendaan yang dapat disaksikan dengan pancaindera itu tidak lagi mempunyai apa-apa alasan keuzuran dan tidak pula dapat diharapkan sesuatu kebaikan dari mereka. Oleh sebab itulah mereka wajar dibinasakan sahaja.

Mu'jizat-mu'jizat itu telah dikemukakan berulang-ulang kali dan berulang-ulang kali pula ia didustakan manusia dan berulang-ulang kali pula para pendusta itu dibinasakan Allah. Oleh itu apakah (kaum Musyrikin Makkah) benar-benar mahu beriman kepada mu'jizat jika dikemukakannya kepada mereka, sedangkan sifat mereka sama sahaja dengan kaum-kaum yang telah dibinasakan Allah ((أفهم يؤمنون))*"Apakah benar mereka mahu beriman?"*

وَمَآ أَرْسَلْنَا قَبْلَكَ إِلَّا رِجَالًا نُّوحِىٓ إِلَيْهِمْ فَسْـَٔلُوٓا۟ أَهْلَ ٱلذِّكْرِ إِن كُنتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ٧ وَمَا جَعَلْنَٰهُمْ جَسَدًا لَّا يَأْكُلُونَ ٱلطَّعَامَ وَمَا كَانُوا۟ خَٰلِدِينَ ٨

"Dan Kami tidak utuskan rasul-rasul sebelum kamu melainkan kaum lelaki yang Kami wahyukan kepada mereka. Oleh itu tanyakanlah (perkara ini) kepada Ahlil-Kitab jika kamu tidak mengetahui (7) "Dan Kami tidak jadikan mereka (para rasul) tubuh badan yang tidak makan minum dan mereka juga tidak hidup kekal (di dunia)."(8)

Mengapa Rasul Dipilih Dari Kalangan Manusia

Hikmat kebijaksanaan Allah telah menentukan bahawa para rasul itu adalah dari jenis manusia. Mereka bertugas menerima wahyu dan menyeru manusia dengannya. Seluruh rasul sebelum ini adalah dari kaum lelaki yang mempunyai tubuh badan belaka dan Allah tentulah tidak menciptakan tubuh badan itu kemudian menjadikan mereka tidak makan dan minum, kerana makan dan minum merupakan keperluan tubuh badan, dan sifat tubuh badan itu merupakan keperluan sifat manusia. Dan sebagai makhluk manusia yang dijadikan Allah, maka tentulah dia tidak akan hidup kekal. Inilah undang-undang Allah yang berjalan selama ini. Oleh itu hendaklah mereka bertanya Ahlil-Kitab yang 'arif dengan para Anbia' yang diutuskan sebelum ini jika mereka tidak mengetahui.

Para rasul itu adalah dipilih dari jenis manusia supaya mereka hidup dengan cara hidup manusia agar cara hidup mereka di alam kenyataan itu merupakan gambaran yang benar dari syari'at yang dibawa mereka, dan agar perilaku amalan mereka menjadi contoh yang hidup kepada ajaran-ajaran yang diserukan mereka. Kalimat da'wah yang hidup di alam kenyataan itulah yang dapat memberi kesan dan hidayat, kerana orang ramai dapat melihat kalimat itu terjelma pada seseorang yang tertentu dan pengertiannya diterjemahkan kepada tingkahlaku yang tertentu di alam kehidupan.

Andainya para rasul itu bukan dari jenis manusia, tidak makan dan minum, tidak berjalan di pasar-pasar dan tidak menggauli perempuan dan dada mereka tidak digelombangi perasaan-perasaan dan emosi-emosi manusia tentulah tidak ada tali hubungan yang

mengikatkan mereka dengan manusia dan tentulah mereka tidak dapat merasa dorongan-dorongan yang menggerakkan manusia dan tentulah manusia tidak dapat mencontohi dan mengikut mereka.

Mana-mana penda'wah yang tidak dapat merasa perasaan orang-orang yang dida'wahkannya dan mereka tidak dapat merasakan perasaan-perasaannya, maka penda'wah itu hanya dapat berdiri di pinggiran hidup mereka sahaja, di mana hubungan harmoni yang timbal balas tidak akan berlaku di antaranya dengan mereka. Walau bagaimana jelas sekalipun mereka mendengar perkataan-perkataannya, namun ia tidak akan dapat menggerakkan mereka untuk mengamalkan apa yang dikatakannya kerana hubungan perasaan tidak wujud di antara dia dengan mereka.

Mana-mana penda'wah yang tidak menepati perbuatannya dengan perkataannya, maka perkataan-perkataannya itu hanya akan terhenti di pintu telinga orang-orang yang dida'wahkannya sahaja dan tidak dapat menjangkau hati mereka biar bagaimanapun indah, menarik dan kuat perkataan-perkataan yang dilafazkan mereka. Perkataan yang mudah dan bersahaja tetapi disertai emosi dan disokong oleh tindakan, maka itulah perkataan yang berhasil dan dapat menggerakkan orang-orang lain bangkit bertindak.

Orang-orang yang mencadangkan rasul itu patut dipilih dari bangsa malaikat sama sahaja dengan orang-orang yang mencadangkan pada hari ini bahawa seseorang rasul itu harus bersih dari emosi-emosi manusia. Mereka cuma berkeras kepala dan lupakan hakikat bahawa para malaikat itu tidak hidup seperti manusia kerana susunan kejadiannya yang berlainan dan mereka tidak mungkin menjalani kehidupan manusia. Mereka tidak dapat merasa dorongan-dorongan jasad dan kehendak-kehendak keperluannya, tidak dapat merasakan perasaan-perasaan makhluk manusia yang mempunyai susunan kejadian yang istimewa, sedangkan rasul itu harus merasakan dorongan-dorongan dan perasaan-perasaan ini. Dia harus menjalani dorongan-dorongan dan perasaan-perasaan ini di dalam kehidupannya di alam kenyataan supaya dia dapat menggariskan perlembagaan hidup amali untuk para pengikutnya dengan amalan-amalan hidupnya sendiri.

Di sana ada satu lagi pertimbangan, iaitu apabila manusia merasa bahawa rasul itu dari bangsa malaikat, maka perasaan ini tidak dapat merangsangkan keinginan di dalam jiwa mereka untuk mencontohinya di dalam tindak-tanduk hidup mereka kerana rasul itu tidak sebangsa dengan mereka dan tabi'atnya berlainan dari tabi'at mereka. Mereka tidak mempunyai keinginan untuk mencontohi cara hidupnya dalam kehidupan seharian mereka, sedangkan cara hidup para rasul itu harus menjadi contoh pendorong kepada manusia.

Di samping alasan-alasan tersebut, cadangan itu juga bererti melupakan penghormatan Allah terhadap bangsa manusia dengan memilih para rasul dari kalangan mereka agar mereka dapat berhubung dengan alam al-Mala'ul-A'la dan menerima perutusan-perutusan dari-Nya.

Oleh sebab itulah undang-undang Allah yang berkuatkuasa telah menetapkan pemilihan para rasul itu dari kalangan manusia dan memperlakukan ke atas mereka segala sifat dan tabi'at manusia seperti kelahiran, kematian, mempunyai perasaan-perasaan dan emosi-emosi, kesakitan, kesedihan, cita-cita, harapan, makan minum dan menggauli perempuan. Undang-undang itu juga telah menjadikan (Muhammad), iaitu Rasul yang paling besar, sempurna dan penamat para rasul yang membawa agama yang kekal abadi itu sebagai contoh yang paling sempurna bagi kehidupan manusia di muka bumi ini, iaitu kehidupan yang merangkumi dorongan-dorongan, pengalaman-pengalaman, tindakan dan cara menjalani hidup (sebagai manusia).

Itulah Sunnatullah dalam pemilihan para rasul, dan yang sama sepertinya ialah Sunnatullah yang menyelamatkan para rasul dan para pengikutnya di samping membinasakan para penentang mereka yang pelampau, zalim dan pendusta:

ثُمَّ صَدَقْنَٰهُمُ ٱلْوَعْدَ فَأَنجَيْنَٰهُمْ وَمَن نَّشَآءُ وَأَهْلَكْنَا ٱلْمُسْرِفِينَ ﴿٩﴾

"Kemudian Kami tepati janji Kami kepada mereka (para rasul) lalu Kami selamatkan mereka dan orang-orang yang Kami kehendaki (dari pengikut-pengikut mereka) dan Kami binasakan golongan pelampau."(9)

Ini juga merupakan Sunnatullah yang berkuatkuasa seperti Sunnatullah dalam pemilihan mereka. Allah telah menjanjikan keselamatan kepada mereka dan para pengikut mereka yang beriman dengan keimanan yang tulen, iaitu keimanan yang dibuktikan dengan amalan. Allah telah menepati janji-Nya terhadap mereka dan membinasakan penentang-penentang mereka yang bertindak melampau batas.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 10 - 15)

Mu'jizat Al-Qur'an Lebih Kekal Dari Mu'jizat-mu'jizat Kebendaan

Sunnatullah inilah yang diancamkan Allah kepada kaum Musyrikin yang menentang Rasulullah s.a.w. dengan tindakan-tindakan yang melampau terhadap beliau, iaitu mendusta dan menyakiti beliau serta para Mu'minin yang bersama beliau. Allah mengingatkan mereka iaitu adalah menjadi satu rahmat kepada mereka apabila Allah tidak mengemukakan mu'jizat kebendaan kepada mereka, kerana ia akan mengakibatkan kebinasaan kepada mereka jika mereka bertindak mendustakannya sebagaimana telah dilakukan oleh umat-umat sebelum mereka. Allah mengirimkan kepada mereka mu'jizat dalam bentuk kitab suci Al-Qur'an yang memberi kemuliaan

kepada mereka kerana kitab itu diturunkan dengan bahasa ibunda mereka. Kitab itulah yang membetulkan kehidupan mereka dan menjadikan mereka satu umat yang berdaulat di muka bumi dan mempunyai nama yang gah di kalangan umat manusia. Ia merupakan sebuah kitab yang terbuka untuk difikirkan oleh akal manusia juga untuk meninggikan mereka di tangga kemajuan umat manusia:

لَقَدْ أَنزَلْنَآ إِلَيْكُمْ كِتَـٰبًا فِيهِ ذِكْرُكُمْ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿١٠﴾

"Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu sebuah kitab (Al-Qur'an) yang mengandungi (pengajaran-pengajaran) yang membawa nama yang baik kepada kamu. Apakah tidak kamu berfikir?"(10)

Mu'jizat Al-Qur'an adalah satu mu'jizat yang terbuka kepada seluruh generasi manusia. Ia bukan seperti mu'jizat kebendaan yang hanya berakhir dalam satu generasi sahaja, di mana golongan manusia yang terpengaruh dengannya hanya generasi yang melihatnya sahaja.

Al-Qur'an Dan Umat Arab

Al-Qur'an telah menaikkan nama baik dan kemuliaan umat Arab apabila mereka berusaha menyebarkan risalah Al-Qur'an di timur dan di barat. Sebelum ini mereka tidak mempunyai nama yang gah kerana mereka tidak mempunyai sesuatu yang bernilai untuk disumbangkan kepada umat manusia sehingga mereka boleh menjadi terkenal dan buah mulut mereka dengan sumbangan itu. Umat manusia tetap mengingati mereka dan memandang tinggi kepada mereka selama mereka berpegang kukuh dengan Al-Qur'an dan memimpin umat manusia dengan Al-Qur'an selama berkurun-kurun yang amat panjang, di mana manusia dan mereka telah berjaya mencapai kebahagiaan dengan keta'atan mereka menjunjung Al-Qur'an, tetapi apabila mereka meninggalkan Al-Qur'an, maka mereka pun ditinggalkan umat manusia yang lain dan nama mereka yang gah mula menurun dan jatuh dan akhirnya menjadi umat yang berada di belakang angkatan umat yang lain dan menjadi mangsa rebutan dan serangan kepada bangsa-bangsa yang lain, sedangkan dahulunya ketika mereka berpegang kukuh dengan Al-Qur'an mereka berada di dalam keadaan yang amat damai dan umat-umat di sekeliling mereka menjadi mangsa rebutan dan serangan.

Umat Arab tidak mempunyai bekalan yang lain untuk disumbangkan kepada umat manusia selain dari bekalan Al-Qur'an. Mereka tidak mempunyai gagasan yang lain untuk dikemukakan kepada umat manusia selain dari gagasan Al-Qur'an. Sekiranya mereka membawa sumbangan kitab suci ini kepada umat manusia mereka akan dikenali, disanjung tinggi dan dimuliakan mereka, kerana umat-umat itu mendapat dari mereka sesuatu yang amat berguna kepada mereka, tetapi apabila mereka menunjukkan diri mereka kepada umat manusia sebagai bangsa Arab sahaja, maka siapakah gerangan mereka? Apakah yang ada pada bangsa mereka? Apakah nilai keturunan Arab itu tanpa kitab suci Al-Qur'an? Umat manusia tidak mengenali mereka melainkan kerana kitab suci Al-Qur'an yang diturunkan kepada mereka, melainkan kerana agama dan perilaku mereka yang diambil dari kitab suci dan agama itu. Umat manusia tidak mengenali mereka kerana semata-mata mereka berbangsa Arab, kerana bangsa itu tidak mempunyai apa-apa nilai di dalam sejarah manusia dan tidak mempunyai apa-apa erti di dalam kamus tamadun, malah umat manusia mengenali mereka kerana mereka telah membawa tamadun Islam, adicita-adicitanya dan gagasan-gagasannya. Inilah sumbangan yang mempunyai erti di dalam sejarah manusia dan di dalam kamus tamadun.

Inilah hakikat yang diisyaratkan oleh Al-Qur'an apabila ia menerangkan kepada kaum Musyrikin Arab yang menentang setiap ayat dari Al-Qur'an yang baru diturunkan kepada mereka dengan sikap main-main, lalai dan tidak percaya. *"Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu sebuah kitab (Al-Qur'an) yang mengandungi (pengajaran-pengajaran) yang membawa nama yang baik kepada kamu. Apakah tidak kamu berfikir?"*

Adalah satu rahmat Allah kepada mereka apabila Dia menurunkan kitab suci Al-Qur'an ini kepada mereka dan bukannya menurunkan kepada mereka mu'jizat kebendaan seperti yang dituntut mereka kerana ini menyelamatkan mereka dari tindakan Sunnatullah yang membinasa dan menghapuskan penduduk-penduduk negeri-negeri yang mendustakan mu'jizat. Di sini Al-Qur'an menayangkan sebuah pemandangan kebinasaan dan penghapusan itu:

وَكَمْ قَصَمْنَا مِن قَرْيَةٍ كَانَتْ ظَالِمَةً وَأَنشَأْنَا
بَعْدَهَا قَوْمًا ءَاخَرِينَ ﴿١١﴾
فَلَمَّآ أَحَسُّوا۟ بَأْسَنَآ إِذَا هُم مِّنْهَا يَرْكُضُونَ ﴿١٢﴾
لَا تَرْكُضُوا۟ وَٱرْجِعُوٓا۟ إِلَىٰ مَآ أُتْرِفْتُمْ فِيهِ وَمَسَـٰكِنِكُمْ
لَعَلَّكُمْ تُسْـَٔلُونَ ﴿١٣﴾
قَالُوا۟ يَـٰوَيْلَنَآ إِنَّا كُنَّا ظَـٰلِمِينَ ﴿١٤﴾
فَمَا زَالَت تِّلْكَ دَعْوَىٰهُمْ حَتَّىٰ جَعَلْنَـٰهُمْ حَصِيدًا
خَـٰمِدِينَ ﴿١٥﴾

"Dan berapa banyak penduduk negeri yang zalim yang telah Kami leburkan mereka dan Kami mewujudkan selepas mereka kaum yang lain (sebagai ganti) (11) Dan apabila

mereka merasai 'azab Kami tiba-tiba mereka tergesa-gesa melarikan diri dari negeri itu (12) (Lalu dikatakan kepada mereka) janganlah kamu tergesa-gesa melarikan diri dan kembalilah semula kepada kemewahan hidup yang dikurniakan kepada kamu dan kepada tempat-tempat kediaman kamu supaya kamu ditanya (mengenainya) (13) Jawab Mereka: Celakalah kami! Sesungguhnya kami adalah orang-orang yang melakukan kezaliman (14) Demikianlah mereka terus mengeluh sehingga Kami binasakan mereka laksana tanaman yang dituai yang mati sunyi sepi."(15)

Kata-kata "قصمنا" (melebur) merupakan satu tindakan menghancur yang paling dahsyat dan nada dari kata-kata itu sendiri menggambarkan maknanya yang dahsyat dan membayangkan tindakan yang amat keras, menghancur dan menamatkan riwayat negeri-negeri yang zalim, di mana negeri-negeri itu tiba-tiba menjadi hancur lebur.

وَأَنشَأْنَا بَعْدَهَا قَوْمًا ءَاخَرِينَ ﴿١١﴾

"Dan Kami wujudkan selepas mereka kaum yang lain (sebagai ganti)." (11)

Ketika bertindak melebur, Allah menjatuhkan tindakan itu ke atas negeri-negeri itu supaya kebinasaan itu meliputi seluruh isi dan penghuni-penghuninya, dan ketika bertindak mewujud dan mencipta, Allah menjatuhkan tindakan itu ke atas kaum yang muncul di negeri-negeri itu, iaitu angkatan yang baru wujud dan membangun semula negeri-negeri itu. Cara penerangan ini sendiri merupakan satu hakikat, kerana tindakan melebur itu menimpa negeri dan para penduduknya, sedangkan tindakan mewujud atau mencipta dimulakan dengan para penduduknya kerana merekalah yang mengulangi kembali pembangunan atau penciptaan negeri-negeri itu. Pembentangan hakikat ini dengan gambaran yang seperti ini menjadikan proses peleburan dan pembinasaan itu lebih hebat, dan dahysat. Inilah maksud bayangan yang mahu disampaikan dengan ungkapan ini mengikut cara penggambaran.[1]

Kemudian kita melihat pergerakan penduduk-penduduk negeri-negeri itu ketika dibinasakan Allah. Mereka laksana tikus-tikus di dalam perangkap menyerbu ke sana ke mari sebelum disambar maut:

فَلَمَّآ أَحَسُّوا بَأْسَنَآ إِذَا هُم مِّنْهَا يَرْكُضُونَ ﴿١٢﴾

"Dan apabila mereka merasai 'azab Kami tiba-tiba mereka tergesa-gesa melarikan diri dari negeri itu."(12)

Mereka berlari-lari keluar meninggalkan negeri-negeri itu setelah mereka yakin bahawa mereka sedang ditimpakan 'azab Allah. Mereka seolah-olah melihat bahawa lari itu boleh menyelamatkan mereka dari 'azab Allah. Mereka seolah-olah menyangka bahawa mereka dapat berlari begitu kuat hingga tidak dapat dikejarkan 'azab Allah, tetapi sebenarnya pergerakan itu tidak lebih dari pergerakan tikus di dalam perangkap yang berkejar-kejar tanpa fikiran dan di luar kesedaran.

Di waktu inilah mereka diejek dengan pahitnya:

لَا تَرْكُضُوا وَارْجِعُوٓا إِلَىٰ مَآ أُتْرِفْتُمْ فِيهِ وَمَسَٰكِنِكُمْ لَعَلَّكُمْ تُسْـَٔلُونَ ﴿١٣﴾

"(Lalu dikatakan kepada mereka) janganlah kamu tergesa-gesa melarikan diri dan kembalilah semula ke-pada kemewahan hidup yang dikurniakan kepada kamu dan kepada tempat-tempat kediaman kamu supaya kamu ditanya (mengenainya)."(13)

Janganlah kamu berlari keluar dari negeri kamu, malah kembalilah kepada kehidupan dan tempat-tempat kediaman kamu yang mewah makmur dan penuh kerehatan dan kesenangan itu. Kembalilah kamu sekalian agar kamu dapat ditanyakan ke manakah kamu habiskan kemewahan dan kesenangan hidup kamu itu?

Sebenarnya di sana tidak ada ruang untuk soal jawab, malah itulah ejekan terhadap mereka.

Di waktu ini barulah mereka sedar bahawa di sana tidak ada tempat untuk melarikan diri dari 'azab Allah yang telah mengepung sekeliling mereka. Tidak ada gunanya mereka berlari kerana ia tidak dapat menyelamatkan mereka. Kerana itu mereka cuba mengaku salah, bertaubat dan memohon keampunan:

قَالُوا يَٰوَيْلَنَآ إِنَّا كُنَّا ظَٰلِمِينَ ﴿١٤﴾

"Jawab mereka: Celakalah kami! Sesungguhnya kami adalah orang-orang yang melakukan kezaliman."(14)

Tetapi waktu telah luput. Mereka boleh berkata apa yang mereka suka, kerana mereka memang dibebaskan berkata-kata sehingga segala-galanya binasa dan nyawa mereka dipadamkan:

فَمَا زَالَت تِّلْكَ دَعْوَىٰهُمْ حَتَّىٰ جَعَلْنَٰهُمْ حَصِيدًا خَٰمِدِينَ ﴿١٥﴾

"Demikianlah mereka terus mengeluh sehingga Kami binasakan mereka laksana tanaman yang dituai yang mati sunyi sepi."(15)

Alangkah dahsyatnya tuaian dan kematian penduduk-penduduk (negeri-negeri itu), mereka gugur bergelimpan-gan tanpa harakat dan tanpa hayat, sedangkan baru sekejap tadi negeri itu sibuk dengan pergerakan manusia dan kegiatan kehidupan mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 16 - 17)

Di sini (dalam ayat berikut) Al-Qur'an menghubungkan di antara 'aqidah yang telah diterangkan sebelum ini dengan Sunnatullah yang bertindak mengenakan keseksaan ke atas orang-orang yang mendustakannya. Ia menghubungkan di

---

[1] *Lihat bab "التصوير الفني" dan bab "طريقة القرآن" di dalam buku "التصوير الفني في القرآن".*

antara 'aqidah dengan lunas kebenaran yang agung dan keseriusan semulajadi yang menjadi landasan penciptaan seluruh alam buana ini dan bersebati dengan penciptaan langit dan bumi.

Jika kaum Musyrikin menyambut ayat-ayat dari Al-Qur'an yang baru diturunkan kepada mereka dengan sikap main-main dan senda gurau dan dengan hati yang mengabaikan lunas kebenaran dan keseriusan yang wujud dalam 'aqidah itu, jika mereka tidak menghiraukan hari hisab yang sudah hampir dan balasan 'azab yang menunggu para pendusta yang mempermain-mainkan Al-Qur'an, maka Sunnatullah tetap berkuatkuasa dan tetap berhubung rapat dengan lunas kebenaran yang agung dan keseriusan yang semulajadi itu.

Alam Buana, Rasul, Kitab Suci, Aqidah, Undang-undang Alam Dan Syari'at Diciptakan Allah Dengan Hikmat Dan Tujuan Yang Serius

وَمَا خَلَقْنَا ٱلسَّمَآءَ وَٱلْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا لَٰعِبِينَ ﴿١٦﴾ لَوْ أَرَدْنَآ أَن نَّتَّخِذَ لَهْوًا لَّٱتَّخَذْنَٰهُ مِن لَّدُنَّآ إِن كُنَّا فَٰعِلِينَ ﴿١٧﴾

بَلْ نَقْذِفُ بِٱلْحَقِّ عَلَى ٱلْبَٰطِلِ فَيَدْمَغُهُۥ فَإِذَا هُوَ زَاهِقٌ ۚ وَلَكُمُ ٱلْوَيْلُ مِمَّا تَصِفُونَ ﴿١٨﴾

"Dan Kami tidak ciptakan langit, bumi dan segala makhluk yang ada di antara keduanya dengan tujuan bermain-main sahaja (16) Sekiranya Kami hendak mengambil sesuatu permainan tentulah Kami mengambilnya dari sisi Kami sendiri (tetapi) Kami tidak sekali-kali melakukannya (17) Malah Kami lontarkan kebenaran itu di atas kebatilan lalu ia menghancurkannya dan ia terus terhapus, dan kamu akan memperolehi kecelakaan kerana perbuatan kamu mensifatkan Allah dengan sifat-sifat yang tidak wajar."(18)

Allah SW.T. telah menciptakan alam buana ini kerana suatu hikmat yang tertentu bukannya kerana bermain-main dan berhibur sahaja. Dia mentadbirkan alam buana ini dengan hikmat kebijaksanaan bukannya dengan pentadbiran sembarangan dan mengikut hawa nafsu. Dan dengan tujuan serius yang sama dengan keseriusan tujuan penciptaan langit, bumi dan segala kejadian di antara keduanya, Allah mengutuskan para rasul, menurunkan kitab-kitab suci, menetapkan fardhu-fardhu dan mensyari'atkan taklif-taklif Oleh itu keseriusan merupakan sifat semulajadi tabi'at alam ini, sifat semulajadi pentadbirannya, sifat semulajadi 'aqidah yang dipilih Allah untuk umat manusia dan sifat semulajadi urusan hisab yang akan dijalankan ke atas manusia selepas mati.

Andainya Allah S.W.T. hendak mengambil sesuatu mainan tentulah Dia mengambil mainan itu dari sisi-Nya sendiri, iaitu mainan zati (peribadi) yang tidak ada sebarang hubungan dengan makhluk-makhluk-Nya, yang baru dan fana. Ungkapan ini merupakan suatu andaian dialektik sahaja.

لَوْ أَرَدْنَآ أَن نَّتَّخِذَ لَهْوًا لَّٱتَّخَذْنَٰهُ مِن لَّدُنَّآ

"Sekiranya Kami hendak mengambil sesuatu permainan tentulah Kami mengambilnya dari sisi Kami sendiri."(17)

Kata-kata "لو" (sekiranya) menurut ahli tata bahasa adalah kata-kata penafian kerana wujudnya sesuatu penafian iaitu ia menafikan berlakunya perbuatan dalam jawapan andaian itu kerana wujudnya penafian berlakunya perbuatan dalam andaian itu. Ertinya Allah tidak berkehendak mengambil apa-apa mainan dan kerana itu di sana tidak ada apa-apa mainan sama ada mainan dari sisi-Nya atau dari sesuatu yang luar dari zat-Nya.

Permainan itu tidak wujud kerana Allah S.W.T. dari awal-awal lagi tidak berkehendakannya dan dari awal lagi tidak pernah tujukan iradat-Nya kepada permainan itu:

إِن كُنَّا فَٰعِلِينَ ﴿١٧﴾

"Kami tidak sekali-kali melakukannya."(17)

Kata-kata "إن" dalam ungkapan "إن كنا" di sini bererti "tidak", dan ungkapan ini bermaksud menolakkan perbuatan itu dari awal-awal lagi.

Ia merupakan suatu andaian dialektik sahaja untuk menjelaskan satu hakikat abstrak, iaitu segala sesuatu yang bergantung dengan zat Allah S.W,T. adalah bersifat qadim bukan baru dan bersifat kekal bukan fana. Andainya Allah S.W.T. mahu mengambil permainan tentulah permainan itu bukannya bersifat baru dan tentulah tidak ada apa-apa hubungan dengan makhluk yang baru seperti langit, bumi dan makhluk di antara keduanya kerana semuanya adalah makhluk yang baru belaka, tetapi tentulah permainan itu bersifat peribadi (zati) iaitu permainan dari sisi Allah S.W.T. sendiri yang azali dan kekal abadi kerana ia mempunyai hubungan dengan Zat yang Azali dan Abadi.

Tetapi mengikut undang-undang Allah yang tetap dan lazim di sana tidak ada sebarang mainan kerana yang wujud di sana hanya keseriusan sahaja dan hanya lunas kebenaran sahaja, dan kebenaran semulajadi itu tetap mengalahkan kebatilan yang tidak mantap:

بَلْ نَقْذِفُ بِٱلْحَقِّ عَلَى ٱلْبَٰطِلِ فَيَدْمَغُهُۥ فَإِذَا هُوَ زَاهِقٌ ۚ

"Malah Kami lontarkan kebenaran itu di atas kebatilan lalu ia menghancurkannya dan ia terus terhapus."(18)

Kata-kata "بل" itu digunakan untuk berpindah dari pembicaraan mengenai permainan kepada pembicaraan mengenai hakikat yang diperlaku dan ditentukan oleh undang-undang Allah iaitu hakikat kemenangan kebenaran dan kehapusan kebatilan.

Ayat ini menggambarkan undang-undang ini dengan gambaran fizikal yang hidup dan bergerak seolah-olah kebenaran itu berupa sebiji peluru di tangan qudrat Ilahi untuk membedil kebatilan dan memecahkan otaknya dan menyebabkan kebatilan itu terhapus, musnah dan hilang.

Inilah undang-undang yang telah ditetapkan Allah, kebenaran itu merupakan asas semulajadi di dalam tabi'at alam buana dan merupakan sifat yang amat mendalam di dalam struktur alam al-wujud, dan kebatilan itu dari asal lagi dinafikan dari penciptaan alam buana ini. Ia merupa sesuatu yang baru yang tidak mempunyai asal dan tidak mempunyai sebarang kuasa. Ia diburu Allah dan dibedilkan dengan kebenaran supaya ia terhapus. Sesuatu yang diburui Allah tidak akan kekal dan sesuatu yang dibedil qudrat Ilahi itu tidak akan hidup.

Kadang-kadang manusia terfikir bahawa hakikat yang berlaku di alam kenyataan itu bertentangan dengan hakikat yang diterangkan Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Mendalam ilmu pengetahuan-Nya itu. Ini berlaku di masa-masa tertentu, di mana kebatilan kelihatan berjaya menonjolkan diri dengan sombong, sedangkan kebenaran kelihatan menyorokkan diri seolah-olah tewas. Ini hanya berlaku dalam satu tempoh yang tertentu sahaja, dan tempoh ini dilanjutkan Allah mengikut kehendak iradat-Nya untuk menguji manusia, kemudian berlakulah undang-undang Allah yang azali dan abadi yang menjadi tapak tegak penciptaan langit dan bumi, juga menjadi tapak asas 'aqidah dan da'wah.

Orang-orang yang beriman tidak pernah diharui keraguan terhadap kebenaran janji Allah dan terhadap keaslian kebenaran di dalam pembinaan alam al-wujud dan peraturannya, juga terhadap kemenangan kebenaran yang dijadikan peluru untuk menembak dan menghapuskan kebatilan. Apabila Allah menguji mereka dengan kemenangan kebatilan di dalam satu masa yang tertentu, maka mereka terus mengetahui bahawa kemenangan itu adalah suatu ujian dari Allah. Mereka sedar bahawa Allah sedang mendidik mereka untuk mengatasi kelemahan atau kekurangan yang terdapat di dalam jiwa mereka, kerana Allah mahu melengkapkan mereka dengan persediaan untuk membolehkan mereka menyambut kebenaran yang menang. Mereka seterusnya sedar bahawa Allah menjadikan mereka sebagai tabir qudrat Ilahi dan membiarkan mereka melintasi sendiri masa ujian itu untuk menyempurnakan kekurangan dan mengubati kelemahan mereka. Apabila mereka bertindak segera mengubati diri mereka, maka Allah akan memendekkan masa ujian itu kepada mereka dan melaksanakan apa sahaja yang dikehendaki-Nya melalui tangan mereka. *"Malah Kami lontarkan kebenaran itu di atas kebatilan lalu ia menghancurkannya dan ia terus terhapus.."*, dan Allah berkuasa melakukan apa sahaja yang dikehendaki-Nya.

(Pentafsiran ayat-ayat 18 - 20)

Demikianlah Al-Qur'anul-Karim menjelaskan hakikat yang agung itu kepada kaum Musyrikin yang selalu mencemuhkan Al-Qur'an dan Rasulullah s.a.w. Mereka menyifatkan Al-Qur'an sebagai sihir, syair dan rekaan Muhammad, sedangkan Al-Qur'an sebuah kitab yang benar, yang tetap menang, tetap mengalah dan menghapuskan kebatilan. Selepas penjelasan itu diiringi pula dengan amaran yang keras terhadap akibat cemuhan-cemuhan mereka itu:

وَلَكُمُ ٱلْوَيْلُ مِمَّا تَصِفُونَ ﴿١٨﴾

"Dan kamu akan memperolehi kecelakaan kerana perbuatan kamu menyifatkan Allah dengan sifat-sifat yang tidak wajar."(18)

Kemudian Al-Qur'an mengemukakan kepada mereka satu contoh dari contoh-contoh keta'atan dan ibadat sebagai bandingan dengan penderhakaan dan ketidak pedulian mereka, iaitu contoh keta'atan makhluk-makhluk yang lebih hampir dari mereka kepada Allah, tetapi walaupun mereka hampir kepada Allah, namun mereka begitu tekun menunjukkan keta'atan dan mengerjakan ibadat, tanpa pernah lemah dan cuai:

وَلَهُۥ مَن فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۚ وَمَنْ عِندَهُۥ لَا يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِهِۦ وَلَا يَسْتَحْسِرُونَ ﴿١٩﴾ يُسَبِّحُونَ ٱلَّيْلَ وَٱلنَّهَارَ لَا يَفْتُرُونَ ﴿٢٠﴾

"Dan Dia memiliki sekalian penghuni langit dan bumi. Dan makhluk (malaikat) yang berada di sisi-Nya tidak pernah merasa sombong untuk beribadat kepada-Nya dan tidak pernah merasa lemah (19). Mereka beribadat malam dan siang tanpa berhenti-henti."(20)

Tiada siapa yang mengetahui penghuni langit dan bumi melainkan Allah. Tiada siapa yang mengetahui bilangan mereka melainkan Allah. Ilmu manusia tidak yakin kecuali kepada kewujudan manusia sahaja, tetapi orang-orang yang beriman yakin kepada kewujudan malaikat dan jin kerana kedua-duanya disebut di dalam Al-Qur'an, tetapi kita tidak dapat mengetahui hakikat mereka melainkan sekadar apa yang diceritakan Allah Pencipta mereka. Mungkin di sana ada makhluk-makhluk yang lain dari mereka yang berakal, yang mendiami planet-planet yang lain dari bumi ini. Mereka mempunyai tabi'at dan rupa bentuk yang sesuai dengan tabi'at planet-planet itu. Hanya Allah sahaja yang mengetahui hal ini.

Apabila kita membaca ayat:

وَلَهُۥ مَن فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۚ

"Dan Dia memiliki sekalian penghuni langit dan bumi"(19)

maka kita hanya mengetahui mana-mana makhluk (malaikat) yang kita ketahui sahaja, dan kita serahkan makhluk-makhluk (malaikat) yang kita tidak

mengetahui kepada ilmu Allah Pencipta langit, bumi dan para penghuninya.

وَمَنۡ عِندَهُۥ

"Dan makhluk (malaikat) yang berada di sisi-Nya"(19)

pengertian yang dekat dari ayat ini ialah para malaikat, tetapi Kami tidak mahu menentu dan mengikatkan pengertiannya kerana ayat ini umum meliputi malaikat dan makhluk-makhluk yang lain. Kata-kata *"di sisi"* yang dihubungkan kepada Allah tidak bererti tempat dan tidak pula menentukan sesuatu sifat.

وَمَنۡ عِندَهُۥ لَا يَسۡتَكۡبِرُونَ عَنۡ عِبَادَتِهِۦ وَلَا يَسۡتَحۡسِرُونَ ﴿١٩﴾

"Dan makhluk (malaikat) yang berada di sisi-Nya tidak pernah merasa sombong untuk beribadat kepada-Nya dan tidak pernah merasa lemah."(19)

Mereka tidak sombong seperti orang-orang Musyrikin dan tidak pula merasa lemah mengerjakan ibadat. Seluruh hidup mereka dipenuhi ibadat dan tasbih siang dan malam tanpa putus-putus dan tanpa lemah.

Makhluk manusia juga boleh menjadikan seluruh hidup mereka penuh ibadat tanpa menumpukan kegiatan mereka kepada tasbih dan ibadat seperti para malaikat, kerana Islam mengira setiap harakat dan setiap nafas itu ibadat apabila seseorang itu bertawajjuh kepada Allah dengan harakat dan nafas itu walaupun harakat itu dalam bentuk kegiatan meni'mati ni'mat-ni'mat hidup.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 21 - 25)

Konsep Wahdaniyah Allah

Dalam suasana tasbih yang tidak pernah lemah dan putus kepada Allah yang memiliki langit, bumi dan seluruh penghuninya, Al-Qur'an mengecam kaum Musyrikin dan mengecam perbuatan mereka menyembah tuhan-tuhan yang lain. Di samping itu ia mengemukakan dalil wahdaniyah yang dapat disaksikan di dalam peraturan dan undang-undang alam buana yang sama, yang menunjukkan kepada Pentadbirnya yang sama, juga dalil-dalil Wahdaniyah yang diambil dari kitab-kitab suci yang silam, yang wujud di kalangan Ahlil-Kitab:

أَمِ ٱتَّخَذُوٓاْ ءَالِهَةٗ مِّنَ ٱلۡأَرۡضِ هُمۡ يُنشِرُونَ ﴿٢١﴾
لَوۡ كَانَ فِيهِمَآ ءَالِهَةٌ إِلَّا ٱللَّهُ لَفَسَدَتَاۚ فَسُبۡحَٰنَ ٱللَّهِ
رَبِّ ٱلۡعَرۡشِ عَمَّا يَصِفُونَ ﴿٢٢﴾
لَا يُسۡـَٔلُ عَمَّا يَفۡعَلُ وَهُمۡ يُسۡـَٔلُونَ ﴿٢٣﴾
أَمِ ٱتَّخَذُواْ مِن دُونِهِۦٓ ءَالِهَةٗۖ قُلۡ هَاتُواْ بُرۡهَٰنَكُمۡۖ
هَٰذَا ذِكۡرُ مَن مَّعِيَ وَذِكۡرُ مَن قَبۡلِيۚ بَلۡ أَكۡثَرُهُمۡ لَا
يَعۡلَمُونَ ٱلۡحَقَّۖ فَهُم مُّعۡرِضُونَ ﴿٢٤﴾
وَمَآ أَرۡسَلۡنَا مِن قَبۡلِكَ مِن رَّسُولٍ إِلَّا نُوحِيٓ إِلَيۡهِ
أَنَّهُۥ لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنَا۠ فَٱعۡبُدُونِ ﴿٢٥﴾

"Apakah mereka memilih tuhan-tuhan dari bumi yang dapat menghidupkan orang-orang yang mati?(21) Andainya di langit dan di bumi itu ada tuhan-tuhan selain Allah nescaya kedua-duanya akan musnah binasa, maka Maha Sucilah Allah yang mempunyai 'Arasy dari sifat-sifat yang tidak wajar yang disifatkan mereka (22) Dia tidak ditanya segala apa yang dilakukan-Nya tetapi mereka akan ditanya (segala apa yang dilakukan mereka) (23) Apakah mereka memilih tuhan-tuhan selain Allah? Katakanlah: Bawakanlah dalil-dalil kamu. Kitab Al-Qur'an ini menyebut cerita orang-orang yang semasa denganku di samping menyebut cerita para rasul sebelumku, malah kebanyakan mereka tidak mengetahui 'aqidah yang benar, maka kerana itu mereka berpaling dari-Nya (24) Dan tiada seorang rasul pun yang Kami utuskan sebelummu melainkan Kami wahyukan kepadanya bahawa sesungguhnya tiada Tuhan selain Aku sahaja. Oleh itu abdikanlah diri kamu kepada-Ku."(25)

Pertanyaan terhadap perbuatan mereka menyembah tuhan-tuhan yang lain adalah satu pertanyaan untuk mengecam mereka. Cara Al-Qur'an menyifatkan tuhan-tuhan itu sebagai tuhan yang berkuasa menghidupkan orang-orang yang mati itu merupakan suatu ejekan terhadap tuhan-tuhan yang disembahkan mereka, kerana di antara sifat-sifat utama Tuhan yang sebenar ialah Dia berkuasa membangkitkan orang-orang yang mati dari dalam bumi, maka apakah tuhan-tuhan yang disembahkan mereka itu juga berkuasa berbuat demikian? Tentulah tidak, dan mereka juga tidak berani mendakwa bahawa tuhan-tuhan itu berkuasa menciptakan hayat atau mengulangi hayat. Jadi jelaslah bahawa tuhan-tuhan itu tidak mempunyai sifat utama dari sifat-sifat Allah yang sebenar.

Itulah logik alam kenyataan yang dilihat di bumi, dan di sana terdapat pula satu dalil kebuanaan yang diambil dari realiti alam al-wujud:

لَوۡ كَانَ فِيهِمَآ ءَالِهَةٌ إِلَّا ٱللَّهُ لَفَسَدَتَاۚ

"Andainya di langit dan di bumi itu ada tuhan-tuhan selain Allah nescaya kedua-duanya akan musnah binasa."(22)

Alam buana ditegakkan di atas satu undang-undang yang mengikatkan seluruh bahagiannya dan menyelaraskan di antara semua bahagiannya di samping menyelaraskan di antara harakat bahagian-bahagian ini dengan harakat majmu' yang teratur. Undang-undang yang tunggal ini adalah dari ciptaan iradat yang tunggal bagi Tuhan Yang Tunggal.

Andainya tuhan-tuhan itu berbilang-bilang tentulah iradat juga berbilang-bilang dan akibatnya undang-undang juga turut beraneka ragam kerana iradat itu merupakan gejala dari zat yang mempunyai iradat dan undang-undang itu merupakan gejala dari iradat yang lulus, dan tentulah tidak wujud kesatuan yang mengatur seluruh jentera alam ini tidak wujud yang menyatukan perjalanannya, hala tujuannya dan gerak lakunya, dan tentulah kekacauan dan kerosakan akan berlaku akibat tidak wujudnya keselarasan gerak laku alam buana yang dapat dilihat dengan jelas dan tidak pernah diingkar oleh manusia yang paling kuat tidak percayakan kewujudan Tuhan, kerana keselarasan ini terpampang di alam realiti dan dapat dirasakan oleh pancaindera.

Fitrah yang sihat yang menyambut dan menerima kesan undang-undang yang tunggal bagi seluruh alam buana ini tetap membuat pengakuan semulajadi terhadap keesaan undang-undang ini, terhadap keesaan iradat yang menciptakan undang-undang ini dan terhadap keesaan Pencipta dan Pentadbir alam yang teratur rapi ini, di mana struktur kejadiannya tidak pernah rosak dan perjalanannya tidak pernah kacau:

فَسُبْحَٰنَ ٱللَّهِ رَبِّ ٱلْعَرْشِ عَمَّا يَصِفُونَ ٢٢

"Maha Sucilah Allah yang mempunyai 'Arasy dari sifat-sifat yang tidak wajar yang disifatkan mereka."(22)

Mereka menyifatkan Allah mempunyai sekutu-sekutu. Maha Sucilah Allah Yang Maha Tinggi dan Maha Berkuasa itu dari segala sekutu. Dia adalah Tuhan yang *"mempunyai 'Arasy"* dan 'Arasy itu adalah lambang dari kekuasaan dan penguasaan penuh. Maha Sucilah Allah dari segala sifat-sifat yang disifatkan mereka. Seluruh alam buana yang teratur rapi dan bersih dari segala kekacauan dan kerosakan itu menyaksikan segala apa yang dikatakan mereka adalah dusta belaka.

لَا يُسْـَٔلُ عَمَّا يَفْعَلُ وَهُمْ يُسْـَٔلُونَ ٢٣

"Dia tidak ditanya segala apa yang dilakukan-Nya tetapi mereka akan ditanyai (segala apa yang dilakukan mereka)."(23)

Bilakah Tuhan yang berkuasa penuh di atas seluruh alam buana ini dipersoalkan? Dan siapakah yang akan menyoalnya? Sedangkan Dia berkuasa di atas seluruh hamba-Nya dan iradat-Nya bebas dan berkuatkuasa yang tidak pernah dibatas oleh kehendak iradat yang lain walaupun dari kehendak undang-undang yang dipilihnya sendiri sebagai pengendali yang mengatur perjalanan alam buana. Soal dan hisab hanya berlaku berdasarkan garis-garis batas dan ukuran-ukuran yang ditentukan, sedangkan iradat Allah yang bebas itulah yang meletakkan seluruh garis-garis batasan dan ukuran-ukuran itu, dan ia tidak terikat dengan garis-garis batasan dan ukuran yang ditetapkan untuk alam buana ini melainkan pastilah mengikut bagaimana kehendak-Nya, dan seluruh manusia adalah dipertanggungjawabkan terhadap garis-garis batasan yang telah ditentukan Allah dan merekalah yang akan ditanyakan kelak.

Kadang-kadang manusia yang dikongkong oleh perasaan takbur itu mengemukakan pertanyaan yang sombong dan hairan, mengapakah Allah buat begini? Apakah tujuan Dia berbuat begitu? Seolah-olah mereka mahu berkata bahawa mereka tidak nampak apa-apa hikmat dan tujuan dari ciptaan Allah itu.

Pertanyaan ini membawa erti bahawa mereka telah melampaui batas adab susila yang wajib terhadap Tuhan yang disembah. Begitu juga mereka telah melampaui batas-batas kefahaman manusia yang lemah, yang tidak mengetahui segala faktor, segala sebab dan segala tujuan, kerana daya kefahaman mereka terbatas dalam ruang lingkupnya yang terhad sahaja.

Hanya Allah yang mengetahui segala sesuatu, yang mentadbir segala sesuatu dan menguasai segala sesuatu itulah jua yang berkuasa mengatur, mentadbir dan memutus.

لَا يُسْـَٔلُ عَمَّا يَفْعَلُ وَهُمْ يُسْـَٔلُونَ ٢٣

"Dia tidak ditanya segala apa yang dilakukan-Nya tetapi mereka akan ditanyai (segala apa yang dilakukan mereka)."(23)

Di samping mengemukakan dalil kebuanaan yang diambil dari tabi'at dan realiti alam al-wujud, Al-Qur'an menyoal mereka tentang dalil naqli yang menjadi landasan mereka di dalam kepercayaan syirik yang tidak berasa itu:

أَمِ ٱتَّخَذُوا۟ مِن دُونِهِۦٓ ءَالِهَةً ۖ قُلْ هَاتُوا۟ بُرْهَٰنَكُمْ ۖ
هَٰذَا ذِكْرُ مَن مَّعِىَ وَذِكْرُ مَن قَبْلِى ۗ

"Apakah mereka memilih tuhan-tuhan selain Allah? Katakanlah: Bawakanlah dalil-dalil kamu. Kitab Al-Qur'an ini menyebut cerita orang-orang yang semasa denganku di samping menyebut cerita para rasul sebelumku."(24)

Kitab Al-Qur'an ini mengandungi cerita orang-orang yang sezaman dengan Rasulullah s.a.w. juga cerita para Rasul yang terdahulu dari beliau. Tidak ada di dalam ajaran-ajaran yang dibawa oleh mereka cerita sekutu-sekutu Allah, kerana seluruh agama samawi adalah ditegakkan di atas lunas 'aqidah tauhid belaka, maka dari manakah kaum Musyrikin itu mengambil kepercayaan syirik yang ditolak oleh tabi'at alam buana ini dan tidak mempunyai sebarang dalil dari kitab-kitab yang telah silam?

بَلْ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ٱلْحَقَّ ۖ فَهُم مُّعْرِضُونَ ٢٤
وَمَآ أَرْسَلْنَا مِن قَبْلِكَ مِن رَّسُولٍ إِلَّا نُوحِىٓ إِلَيْهِ
أَنَّهُۥ لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنَا۠ فَٱعْبُدُونِ ٢٥

"Malah kebanyakan mereka tidak mengetahui 'aqidah yang benar, maka kerana itu mereka berpaling dari-Nya.(24) Dan tiada seorang rasul pun yang Kami utuskan sebelummu

melainkan Kami wahyukan kepadanya bahawa sesungguhnya tiada Tuhan selain Aku sahaja. Oleh itu abdikanlah diri kamu kepada-Ku."(25)

Kepercayaan tauhid merupakan asas 'aqidah sejak Allah mengutuskan para rasul-Nya kepada manusia, dan 'aqidah ini tidak pernah berubah dan dipinda, iaitu mentauhidkan Tuhan Pencipta di samping mentauhidkan Tuhan yang disembah. Tiada perpisahan di antara Uluhiyah dan Rububiyah dan tiada ruang syirik dalam Uluhiyah dan Ubudiyah. Kepercayaan tauhid merupakan asas yang teguh, iaitu seteguh undang-undang alam buana dan ia berhubung rapat dengan undang-undang alam buana dan merupakan salah satu dari undang-undang itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 26 - 29)

Kemudian Al-Qur'an membentangkan dakwaan kaum Musyrikin Arab yang mengatakan bahawa Allah mempunyai anak. Inilah salah satu kepercayaan jahiliyah yang karut:

وَقَالُوا۟ ٱتَّخَذَ ٱلرَّحْمَٰنُ وَلَدًا ۗ سُبْحَٰنَهُۥ ۚ بَلْ عِبَادٌ
مُّكْرَمُونَ ﴿٢٦﴾
لَا يَسْبِقُونَهُۥ بِٱلْقَوْلِ وَهُم بِأَمْرِهِۦ يَعْمَلُونَ ﴿٢٧﴾
يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يَشْفَعُونَ
إِلَّا لِمَنِ ٱرْتَضَىٰ وَهُم مِّنْ خَشْيَتِهِۦ مُشْفِقُونَ ﴿٢٨﴾
وَمَن يَقُلْ مِنْهُمْ إِنِّىٓ إِلَٰهٌ مِّن دُونِهِۦ فَذَٰلِكَ نَجْزِيهِ
جَهَنَّمَ ۚ كَذَٰلِكَ نَجْزِى ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٢٩﴾

"Dan mereka berkata: Allah Maha Penyayang itu mempunyai anak. Maha Sucilah Allah, malah mereka (malaikat-malaikat yang dikatakan anak-anak Allah itu) adalah para hamba-Nya yang dimuliakan (26) Mereka tidak mendahului-Nya dengan mengemukakan cadangan dan mereka menjunjung segala perintah-Nya (27) Allah mengetahui segala apa yang ada di hadapan mereka dan segala apa yang ada di belakang mereka dan mereka tidak memberi syafa'at melainkan kepada orang yang diredhai-Nya dan mereka sentiasa berwaspada kerana takut kepada-Nya (28) Dan barang siapa di antara mereka yang berkata: Akulah tuhan selain Allah, maka Kami akan balaskannya dengan Neraka Jahannam. Demikianlah Kami membalas golongan yang zalim."(29)

Kepercayaan Tuhan Mempunyai Anak

Dakwaan yang mengatakan bahawa Allah S.W.T. mempunyai anak itu telah mengambil beberapa bentuk kepercayaan di dalam berbagai-bagai masyarakat jahiliyah. Di sisi kaum Musyrikin Arab ia terkenal dalam bentuk kepercayaan malaikat itu puteri Allah, dan di sisi kaum Musyrikin Yahudi pula ia terkenal dalam bentuk kepercayaan 'Uzayr itu anak Allah dan di sisi kaum Musyrikin Kristian ia terkenal dalam bentuk kepercayaan 'Isa itu anak Allah. Semuanya merupakan kepercayaan-kepercayaan sesat jahiliyah di dalam berbagai-bagai bentuk rupa dan zaman.

Tetapi yang difahamkan bahawa dakwaan yang dimaksudkan oleh penjelasan ayat di sini ialah dakwaan kaum Musyrikin Arab yang mengatakan malaikat itu puteri Allah. Al-Qur'an menolak kepercayaan itu dengan menerangkan tabi'at kejadian malaikat. Mereka bukannya puteri-puteri Allah sebagaimana yang didakwa mereka, malah mereka hanya ((عباد مكرمون)) *"para hamba-Nya yang dimuliakan"* di sisi Allah. Mereka tidak pernah mencadang atau mengusulkan sesuatu kepada Allah kerana mereka memelihara adab sopan dan menjaga sifat mereka yang sentiasa patuh dan memuliakan Allah. Mereka hanya bertindak melaksanakan perintah Allah dan tidak pernah membantahinya. Seluruh mereka berada dalam ruang lingkup ilmu Allah. Mereka tidak memohon syafa'at melainkan untuk orang-orang yang diredhai Allah, iaitu orang-orang yang Allah bersetuju menerima syafa'at untuk mereka. Mereka dengan tabi'at semulajadi mereka sentiasa takut kepada Allah dan bimbangkan kemurkaan-Nya walaupun kedudukan mereka amat hampir kepada Allah dan walaupun mereka suci dan sentiasa ta'at, iaitu keta'atan yang tidak berbelah bahagi dan tidak pernah menyeleweng. Mereka tidak pernah mendakwa mempunyai sifat-sifat ketuhanan, dan andainya mereka pernah mendakwakannya tentulah mereka telah menerima balasan orang-orang yang berani mendakwa ketuhanan walaupun siapa sahaja, iaitu balasan Neraka Jahannam. Itulah balasan orang-orang yang zalim yang membuat dakwaan yang zalim ini terhadap setiap yang benar, setiap manusia dan setiap sesuatu di alam buana ini.

Demikianlah dakwaan kaum Musyrikin dalam bentuk kepercayaan ini kelihatan amat lemah, keji, mustahil dan tidak pernah didakwa oleh seseorang pun. Dan andainya ada orang yang mendakwakannya tentulah dia akan mendapat balasannya yang amat pedih.

Demikianlah Al-Qur'an menyentuh hati manusia dengan pemandangan malaikat yang patuh setia dan takut kepada Allah, sedangkan kaum Musyrikin masih terus bercakap lancang dan membuat dakwaan-dakwaan yang bukan-bukan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 30 - 33)

Setelah selesai membentangkan dalil-dalil kebuanaan (الأدلة الكونية) yang membuktikan keesaan Allah dan dalil-dalil naqli (الأدلة النقلية) yang menolak konsep berbilang tuhan dan dalil-dalil wahdaniyah yang menyentuh hati manusia, ia membawa pula hati manusia menjelajah alam buana yang amat luas, di mana qudrat Allah mentadbirkannya dengan penuh

kebijaksanaan, sedangkan mereka tidak menghiraukan bukti-bukti kekuasaan Allah yang tersergam di hadapan mata dan hati itu:

أَوَلَمْ يَرَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ أَنَّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ كَانَتَا رَتْقًا فَفَتَقْنَٰهُمَا ۖ وَجَعَلْنَا مِنَ ٱلْمَآءِ كُلَّ شَىْءٍ حَىٍّ ۖ أَفَلَا يُؤْمِنُونَ ﴿٣٠﴾

وَجَعَلْنَا فِى ٱلْأَرْضِ رَوَٰسِىَ أَن تَمِيدَ بِهِمْ وَجَعَلْنَا فِيهَا فِجَاجًا سُبُلًا لَّعَلَّهُمْ يَهْتَدُونَ ﴿٣١﴾

وَجَعَلْنَا ٱلسَّمَآءَ سَقْفًا مَّحْفُوظًا ۖ وَهُمْ عَنْ ءَايَٰتِهَا مُعْرِضُونَ ﴿٣٢﴾

وَهُوَ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلَّيْلَ وَٱلنَّهَارَ وَٱلشَّمْسَ وَٱلْقَمَرَ ۖ كُلٌّ فِى فَلَكٍ يَسْبَحُونَ ﴿٣٣﴾

"Apakah orang-orang kafir itu tidak mengetahui bahawa langit dan bumi itu pada asalnya merupakan satu benda yang padu lalu Kami pisahkan di antara keduanya, dan Kami jadikan dari air segala makhluk yang hidup. Mengapakah mereka tidak beriman? (30) Dan Kami telah ciptakan di bumi gunung-ganang yang teguh supaya ia tidak menggoncangkan mereka dan Kami jadikan padanya lorong-lorong sebagai jalan-jalan laluan supaya mereka dapat berjalan dengan betul (31) Dan Kami telah ciptakan langit sebagai bumbung yang terpelihara, sedangkan mereka berpaling dari bukti-bukti (kekuasaan kami) (32) Dan Dialah yang telah menciptakan malam dan siang, matahari dan bulan dan semuanya terapung-apung di tempat peredaran masing-masing."(33)

Asal-usul Kejadian Langit Dan Bumi Di Antara Al-Qur'an Dan Teori Ilmiyah

Itulah penjelajahan di alam buana yang terpampang di hadapan mata, sedangkan hati manusia lalai dari meneliti dalil-dalil alam buana yang besar walaupun di sana terdapat bukti-bukti yang mengkagumkan apabila direnungi dengan mata hati nurani yang terbuka dan dengan perasaan yang penuh sedar.

Penjelasan Al-Qur'an yang menyatakan bahawa langit dan bumi itu pada asalnya merupakan satu benda yang padu lalu Allah pisahkan di antara keduanya, merupakan satu persoalan yang wajar mendapat perhatian yang teliti setiap kali teori-teori ilmu astronomi maju ke depan dalam usaha mentafsirkan gejala-gejala alam buana dan menyentuh sekitar persoalan ini yang telah disebut oleh Al-Qur'anul-Karim sejak lebih dari seribu tiga ratus tahun.

Teori yang wujud hari ini mengatakan bahawa kumpulan-kumpulan bintang seperti kumpulan keluarga matahari (sistem solar) yang terdiri dari matahari dan planet-planetnya seperti bumi dan bulan adalah pada asalnya berupa sekumpulan sadim (سديما) atau nebula, kemudian berpisah dan mengambil bentuknya yang bulat, juga mengatakan bahawa bumi pada asalnya adalah sepotongan dari matahari kemudian berpisah darinya dan membeku.

Tetapi ini hanya suatu teori ilmu astronomi sahaja yang mantap pada hari ini, dan mungkin besok teori ini disangkal teori yang lain dan satu teori baru akan muncul mentafsirkan gejala-gejala alam dengan satu andaian yang lain pula, yang kemudian akan berubah menjadi suatu teori.

Kita para penganut agama Islam tidak akan mentafsirkan ayat dari Al-Qur'an yang diyakinkan kebenarannya ini mengikut teori-teori yang tidak diyakini kebenarannya. Walaupun ia diterima hari ini tetapi besok ia mungkin ditolak pula. Oleh sebab itu di dalam Tafsir Fi Zilal ini kami tidak cuba menyesuaikan di antara nas-nas Al-Qur'an dengan teori-teori yang dikatakan bersifat ilmiyah, kerana teori-teori ini merupakan suatu perkara yang berlainan dari hakikat-hakikat ilmiyah yang kukuh dan boleh diuji seperti hakikat pengembangan logam-logam dengan sebab panas, hakikat perubahan air menjadi wap dan hakikat pembekuan air dengan sebab sejuk dan sebagainya dari hakikat-hakikat ilmiyah yang lain. Hakikat-hakikat ilmiyah ini merupakan suatu perkara yang berlainan dari teori-teori ilmiyah sebagaimana kami telah nyatakan sebelum ini di dalam Tafsir Fi Zilal ini.

Al-Qur'an bukannya sebuah kitab teori-teori ilmiyah dan ia juga tidak diturunkan supaya menjadi buku sains ujian, malah Al-Qur'an ialah sebuah sistem untuk seluruh bidang kehidupan, sebuah sistem untuk membetulkan akal fikiran manusia supaya ia bertindak dan bergiat dalam batas-batasnya yang wajar, juga untuk membetulkan masyarakat supaya membenarkan akal bertindak dengan bebasnya tanpa mencampuri dalam butir-butir dan perincian-perincian yang bersifat ilmiyah semata-mata kerana persoalan ini adalah ditinggalkan kepada tugas akal setelah ia dibetul dan dibebaskan.

Al-Qur'an kadang-kadang memberi isyarat kepada hakikat-hakikat alam buana seperti hakikat yang dijelaskan di dalam ayat ini:

أَنَّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ كَانَتَا رَتْقًا فَفَتَقْنَٰهُمَا ۖ

"Bahawa langit dan bumi itu pada asalnya merupakan satu benda yang padu lalu Kami pisahkan di antara keduanya"(30)

kita percaya dengan penuh keyakinan kepada hakikat ini semata-mata kerana ia dijelaskan didalam Al-Qur'an. Walaupun kita tidak mengetahui bagaimana langit dan bumi itu dipisahkan atau bagaimana langit itu dipisahkan dari bumi dan kita bersedia menerima teori-teori falak yang tidak bertentangan dengan hakikat yang dijelaskan secara umum di dalam Al-Qur'an, tetapi kita tidak akan membawa nas-nas Al-Qur'an itu berkejar-kejar di belakang setiap teori astronomi dan kita tidak mencari pengesahan

terhadap hakikat -hakikat yang diterangkan Al-Qur'an di dalam teori-teori manusia, kerana hakikat yang diterangkan Al-Qur'an itu adalah hakikat yang diyakini kebenarannya. Pendeknya apa yang dapat dikatakan di sini ialah teori-teori astronomi yang wujud pada hari ini tidak bertentangan dengan konsep umum yang dikemukakan oleh nas Al-Qur'an yang telah mendahului teori itu berabad-abad lamanya.

Separuh yang kedua dari ayat ini:

وَجَعَلْنَا مِنَ ٱلْمَآءِ كُلَّ شَىْءٍ حَىٍّ

"Dan Kami jadikan dari air segala makhluk yang hidup."(30)

juga menjelaskan satu hakikat yang amat penting. Ahli-ahli sains mengirakan penemuan hakikat ini sebagai satu penemuan yang amat besar dan mereka memberi sanjungan yang tinggi kepada Darwin kerana berjaya menemui hakikat ini dan menjelaskan bahawa air itulah buaian hayat yang pertama.

Hakikat ini sebenarnya amat menarik perhatian walaupun penerangannya di dalam Al-Qur'anul-Karim tidak melahirkan rasa ketakjuban di dalam jiwa kita dan tidak menambahkan lagi keyakinan kita terhadap kebenaran Al-Qur'an, kerana keyakinan penuh kita terhadap kebenaran mutlak Al-Qur'an dalam segala hakikat yang diterangkannya adalah diambil dari kepercayaan kita bahawa Al-Qur'an itu adalah diturunkan dari sisi Allah, bukannya kerana ia bersesuaian dengan teori-teori atau penemuan-penemuan sains. Apa yang dapat kita katakan di sini ialah teori evolusi Darwin dan kuncu-kuncunya mengenai perkara ini khususnya . adalah tidak bertentangan dengan konsep yang diterangkan Al-Qur'an.

Sejak lebih dari tiga belas abad Al-Qur'anul-Karim menarik perhatian orang-orang kafir supaya meneliti keajaiban-keajaiban ciptaan Allah di alam buana ini, dan membidas sikap mereka yang tidak mahu beriman kepada-Nya, sedangkan mereka melihat bukti-buktinya yang jelas bertaburan di merata pelosok alam al-wujud:

أَفَلَا يُؤْمِنُونَ ٣٠

"Mengapakah mereka tidak beriman?"(30)

Sedangkan bukti-bukti di sekeliling mereka di alam buana boleh membawa mereka kepada keimanan terhadap Allah Tuhan Yang Maha Pencipta, Maha Pentadbir dan Maha Bijaksana.

Kemudian Al-Qur'an terus membentangkan pemandangan-pemandangan alam yang amat mengkagumkan:

وَجَعَلْنَا فِى ٱلْأَرْضِ رَوَٰسِىَ أَن تَمِيدَ بِهِمْ

"Dan Kami telah ciptakan di bumi gunung-ganang yang teguh supaya ia tidak mengoncangkan mereka."(31)

Fungsi Gunung-ganang

Di sini Al-Qur'an menjelaskan bahawa gunung-ganang yang teguh ini adalah berfungsi untuk memelihara imbangan bumi supaya tidak bergoncang dan terumbang-ambing. Pemeliharaan imbangan itu terlaksana di dalam berbagai-bagai bentuk. Ia mungkin memelihara imbangan di antara tekanan luaran permukaan bumi dengan tekanan dalaman perut bumi yang berlainan dari satu kawasan ke satu kawasan, iaitu kemunculan gunung-ganang di suatu kawasan mungkin mengimbangkan kerendahan bumi di kawasan yang lain. Walau bagaimanapun ayat ini menjelaskan bahawa gunung-ganang itu mempunyai hubungan dengan imbangan bumi dan kemantapannya. Marilah kita tinggalkan sahaja persoalan ini kepada kajian-kajian ilmiyah untuk menyingkapkan bagaimana cara imbangan itu berlaku kerana inilah bidang semulajadinya, dan cukuplah untuk kita mendapat dari nas Al-Qur'an ini sentuhan kesedaran dan rangsangan untuk berfikir dan meneliti ciptaan qudrat Ilahi Yang Maha Kreatif yang mentadbirkan alam buana yang amat besar ini.

وَجَعَلْنَا فِيهَا فِجَاجًا سُبُلًا لَّعَلَّهُمْ يَهْتَدُونَ ٣١

"Dan Kami jadikan padanya lorong-lorong sebagai jalan-jalan laluan supaya mereka dapat berjalan dengan betul."(31)

Al-Qur'an menyebut lorong-lorong gunung-ganang, iaitu lorong-lorong di antara banjaran-banjarannya yang tinggi yang boleh dijadikan jalan-jalan laluan. Di samping lorong-lorong yang disebut dalam ayat ini menggambarkan keadaan yang sebenar di alam kenyataan, maka ia juga secara halus menunjukkan kepada lorong-lorong di alam 'aqidah semoga mereka menemui lorong-lorong dan jalan-jalan yang membawa mereka kepada keimanan sebagaimana mereka menemui lorong-lorong dan jalan-jalan di gunung-ganang.

وَجَعَلْنَا ٱلسَّمَآءَ سَقْفًا مَّحْفُوظًا

"Dan Kami telah ciptakan langit sebagai bumbung yang terpelihara."(32)

Istilah langit ialah segala sesuatu yang berada di atas kita dan kita dapat melihat di atas kita sesuatu yang seakan-akan bumbung. Al-Qur'an menjelaskan bahawa langit itu adalah bumbung yang terpelihara, yakni terpelihara dari segala kerosakan dengan sebab wujudnya undang-undang alam buana yang amat halus, dan terpelihara dari segala kecemaran sebagai lambang tempat yang tinggi, di mana turunnya ayat-ayat pengajaran dari Allah:

وَهُمْ عَنْ ءَايَٰتِهَا مُعْرِضُونَ ٣٢

"Sedangkan mereka berpaling dari bukti-bukti (kekuasaan Kami)."(32)

وَهُوَ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلَّيْلَ وَٱلنَّهَارَ وَٱلشَّمْسَ وَٱلْقَمَرَ كُلٌّ فِى
فَلَكٍ يَسْبَحُونَ ٣٣

"Dan Dialah yang telah menciptakan malam dan siang, matahari dan bulan, dan semuanya terapung-apung di tempat peredaran masing-masing."(33)

Malam dan siang merupakan dua gejala alam. Matahari dan bulan merupakan dua jirim yang besar, yang mempunyai hubungan yang rapat dengan kehidupan manusia di bumi dan seluruh makhluk yang hidup. Penelitian di sekitar pertukaran malam dan siang dan di sekitar peredaran matahari dan bulan dengan peraturan yang amat halus dan tidak pernah mungkir walau sekalipun serta berterusan tanpa berhenti walau sesa'at pun, adalah wajar menyedarkan hati manusia kepada keesaan undang-undang alam, keesaan iradat dan keesaan Tuhan Pencipta, Pentadbir Yang Maha Berkuasa.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 34 - 35)

Pada akhir pusingan ini, Al-Qur'an menghubungkan di antara undang-undang buana dari segi penciptaannya, struktur kejadiannya dan pengendaliannya dengan undang-undang hidup manusia dari segi tabi'atnya, kesudahannya dan tempat kembalinya:

وَمَا جَعَلْنَا لِبَشَرٍ مِّن قَبْلِكَ ٱلْخُلْدَ ۖ أَفَإِين مِّتَّ فَهُمُ
ٱلْخَٰلِدُونَ ﴿٣٤﴾
كُلُّ نَفْسٍ ذَآئِقَةُ ٱلْمَوْتِ ۗ وَنَبْلُوكُم بِٱلشَّرِّ وَٱلْخَيْرِ
فِتْنَةً ۖ وَإِلَيْنَا تُرْجَعُونَ ﴿٣٥﴾

"Dan Kami tidak pernah jadikan seorang manusia pun sebelummu yang hidup kekal (di dunia), maka apakah jika engkau mati (wahai Muhammad) mereka akan hidup kekal? (34) Setiap yang bernyawa akan merasai mati, dan Kami akan menduga kamu dengan keburukan dan kebaikan sebagai suatu ujian, dan kepada Kami seluruh kamu akan dikembalikan."(35)

Setiap Yang Hidup Berakhir Dengan Maut

Kami tidak pernah menciptakan seorang manusia yang hidup kekal abadi sebelummu, kerana setiap makhluk yang baru akan mati dan musnah belaka dan setiap sesuatu yang mempunyai titik permulaan akan berakhir dengan titik penghabisan. Dan jika Rasulullah s.a.w. itu mati, maka apakah mereka akan hidup kekal abadi? Dan jika mereka tidak akan hidup kekal, maka mengapakah mereka tidak beramal dengan amalan orang-orang yang akan mati? Mengapakah mereka tidak berfikir dan mengambil pengajaran?

كُلُّ نَفْسٍ ذَآئِقَةُ ٱلْمَوْتِ ۗ

"Setiap yang bernyawa akan merasai mati"(35)

Inilah undang-undang alam yang menguasai hayat. Undang-undang ini tidak memberi sebarang pengecualian. Alangkah wajar bagi setiap manusia yang hidup membuat perhitungan mati yang akan dirasainya.

Itulah mati yang menjadi titik penghabisan kepada setiap yang hidup dan merupakan perhentian akhir bagi perjalanan hidup yang pendek di dunia ini. Dan seluruh mereka akan pulang kepada Allah. Kebaikan dan keburukan yang menimpa manusia di dalam masa perjalanan merupakan ujian dan dugaan Allah kepada mereka:

وَنَبْلُوكُم بِٱلشَّرِّ وَٱلْخَيْرِ فِتْنَةً ۖ

"Dan Kami akan menduga kamu dengan keburukan dan kebaikan sebagai suatu ujian."(35)

Allah Menguji Manusia Dengan Kesusahan Dan Kesenangan

Ujian dengan keburukan atau kesusahan itu dapat dimengertikan dengan mudah, kerana tujuan ujian itu untuk mengetahui sejauh mana kesabaran dan ketahanan orang yang diuji, tetapi ujian dengan kebaikan atau kesenangan itu memerlukan kepada suatu penjelasan.

Sebenarnya ujian dengan kebaikan dan kesenangan itu lebih berat kesannya walaupun manusia melihatnya lebih mudah dari ujian dengan keburukan dan kesusahan.

Ramai orang yang tahan menghadapi ujian dengan keburukan dan kesusahan, tetapi amat sedikit orang yang tahan menghadapi ujian dengan kebaikan dan kesenangan.

Ramai orang-orang yang tabah menghadapi ujian kesakitan dan kelemahan, tetapi sangat sedikit orang yang tahan menghadapi ujian kesihatan dan kekuasaan dan berupaya menahan kekuatan nafsunya yang berkecamuk dalam diri dan sendi tulang anggota-anggota mereka.

Ramai orang yang mampu bersabar menghadapi kesusahan kerana kemiskinan dan penafian, di mana hati mereka terus gagah dan tidak tumbang dan melutut hina, tetapi sangat sedikit mereka yang tahan menghadapi gugatan kekayaan dan keberadaan dan godaan-godaan kesenangan, keni'matan, nafsu keinginan dan kemahuan-kemahuan yang tamak yang dirangsangkan kekayaan dan keberadaan itu.

Ramai orang-orang yang tahan menerima penderaan dan penindasan. Mereka tidak takut menghadapinya, mereka dapat bersabar menerima ancaman, ugutan dan tidak gentar berdepan dengannya, tetapi sangat sedikit orang yang tahan menghadapi godaan keinginan nafsu, pangkat kebesaran, kesenangan dan kekayaan.

Ramai orang-orang yang tahan berjuang dan mendapat kecederaan, tetapi sangat sedikit yang tahan menghadapi kemewahan dan keseronokan, kemudian tidak pula ditimpa penyakit tamak yang membinasakan seseorang dan penyakit senang yang

mematahkan segala hemah yang tinggi dan merendahkan jiwa.

Ujian dengan kesusahan kadang-kadang menimbulkan perasaan megah dan merangsangkan semangat melawan atau daya juang dan mengemblengkan kekuatan urat saraf hingga seluruh kekuatannya dikerah untuk menentang dan mengatasi kesusahan itu, tetapi kesenangan hidup akan membuat seseorang itu mempunyai urat saraf yang kendur dan lemah dan menyebabkannya hilang daya waspada dan daya melawan.

Justeru itulah ramai orang-orang yang berjaya melintasi peringkat kesusahan, tetapi apabila mereka hidup senang lenang, maka mereka akan gugur dalam ujian itu. Itulah keadaan manusia kecuali mereka yang dipeliharakan Allah. Mereka merupakan golongan yang disifatkan Rasulullah s.a.w. dalam sabdanya yang berikut:

عجباً لأمر المؤمن إن أمره كله خير، وليس ذلك لأحد إلا للمؤمن ، إن أصابته سراء شكر فكان خيراً له ، وإن أصابته ضراء صبر فكان خيراً له

"Keadaan orang yang beriman itu amatlah menarik, kerana seluruh keadaannya baik belaka. Keadaan itu tidak diperolehi sesiapa pun melainkan oleh orang yang beriman sahaja, iaitu jika dia mendapat kesenangan, dia bersyukur, maka kesyukuran itu memberi kebajikan kepadanya, dan jika dia ditimpa kesusahan, dia bersabar, maka kesabaran itu memberi kebajikan kepadanya" [2]

..... golongan ini sangat sedikit!.

Oleh itu kesedaran jiwa semasa diuji dengan kesenangan itu adalah lebih baik dari kesedarannya semasa diuji dengan kesusahan. Dan hubungan yang tidak putus dengan Allah semasa kesusahan dan kesenangan itu merupakan satu-satunya jaminan kebaikan.

(Kumpulan ayat-ayat 36 - 47)

وَإِذَا رَءَاكَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓاْ إِن يَتَّخِذُونَكَ إِلَّا
هُزُوًا أَهَٰذَا ٱلَّذِي يَذۡكُرُ ءَالِهَتَكُمۡ وَهُم
بِذِكۡرِ ٱلرَّحۡمَٰنِ هُمۡ كَٰفِرُونَ ٣٦
خُلِقَ ٱلۡإِنسَٰنُ مِنۡ عَجَلٖۚ سَأُوْرِيكُمۡ ءَايَٰتِي
فَلَا تَسۡتَعۡجِلُونِ ٣٧
وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هَٰذَا ٱلۡوَعۡدُ إِن كُنتُمۡ
صَٰدِقِينَ ٣٨
لَوۡ يَعۡلَمُ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ حِينَ لَا يَكُفُّونَ عَن
وُجُوهِهِمُ ٱلنَّارَ وَلَا عَن ظُهُورِهِمۡ وَلَا هُمۡ
يُنصَرُونَ ٣٩
بَلۡ تَأۡتِيهِم بَغۡتَةٗ فَتَبۡهَتُهُمۡ فَلَا يَسۡتَطِيعُونَ
رَدَّهَا وَلَا هُمۡ يُنظَرُونَ ٤٠
وَلَقَدِ ٱسۡتُهۡزِئَ بِرُسُلٖ مِّن قَبۡلِكَ فَحَاقَ بِٱلَّذِينَ
سَخِرُواْ مِنۡهُم مَّا كَانُواْ بِهِۦ يَسۡتَهۡزِءُونَ ٤١
قُلۡ مَن يَكۡلَؤُكُم بِٱلَّيۡلِ وَٱلنَّهَارِ مِنَ ٱلرَّحۡمَٰنِۚ بَلۡ
هُمۡ عَن ذِكۡرِ رَبِّهِم مُّعۡرِضُونَ ٤٢
أَمۡ لَهُمۡ ءَالِهَةٞ تَمۡنَعُهُم مِّن دُونِنَاۚ لَا يَسۡتَطِيعُونَ
نَصۡرَ أَنفُسِهِمۡ وَلَا هُم مِّنَّا يُصۡحَبُونَ ٤٣
بَلۡ مَتَّعۡنَا هَٰٓؤُلَآءِ وَءَابَآءَهُمۡ حَتَّىٰ طَالَ عَلَيۡهِمُ
ٱلۡعُمُرُۗ أَفَلَا يَرَوۡنَ أَنَّا نَأۡتِي ٱلۡأَرۡضَ نَنقُصُهَا
مِنۡ أَطۡرَافِهَآۚ أَفَهُمُ ٱلۡغَٰلِبُونَ ٤٤
قُلۡ إِنَّمَآ أُنذِرُكُم بِٱلۡوَحۡيِۚ وَلَا يَسۡمَعُ ٱلصُّمُّ
ٱلدُّعَآءَ إِذَا مَا يُنذَرُونَ ٤٥
وَلَئِن مَّسَّتۡهُمۡ نَفۡحَةٞ مِّنۡ عَذَابِ رَبِّكَ لَيَقُولُنَّ
يَٰوَيۡلَنَآ إِنَّا كُنَّا ظَٰلِمِينَ ٤٦
وَنَضَعُ ٱلۡمَوَٰزِينَ ٱلۡقِسۡطَ لِيَوۡمِ ٱلۡقِيَٰمَةِ فَلَا تُظۡلَمُ
نَفۡسٞ شَيۡـٔٗاۖ وَإِن كَانَ مِثۡقَالَ حَبَّةٖ مِّنۡ خَرۡدَلٍ
أَتَيۡنَا بِهَاۗ وَكَفَىٰ بِنَا حَٰسِبِينَ ٤٧

"Dan apabila orang-orang kafir melihatmu, mereka tidak melayanimu melainkan dengan ejekan (mereka berkata): Inikah dia orangnya yang mencelakan tuhan-tuhan kamu, sedangkan mereka menunjukkan kekufuran apabila disebut Allah Yang Maha Penyayang (36). Manusia itu dijadikan dengan tabi'at gopoh. Aku akan memperlihatkan kepada

[2] *Diriwayatkan oleh Muslim dengan sanadnya di dalam bab* الزهد والرقائق

kamu bukti-bukti kekuasaan-Ku, maka janganlah kamu menggesakanku supaya Allah segerakan 'azab (ke atas kamu) (37). Dan mereka berkata: Bilakah janji 'azab ini jika kamu betul bercakap benar? (38). Andainya orang-orang kafir itu mengetahui ketika mereka tidak berdaya menahankan api Neraka dari menyelar muka dan belakang mereka dan mereka tidak akan diberi pertolongan (tentulah mereka tidak menggesakan kedatangan 'azab itu) (39). Malah 'azab itu akan menimpa mereka secara mendadak menyebabkan mereka menjadi bingung dan tidak mampu menolakkannya dan tidak pula mereka diberi tempoh (40). Sesungguhnya para rasul sebelummu juga telah diejek-ejekkan lalu orang-orang yang mengejek dari golongan mereka itu ditimpakan 'azab kerana ejekan yang dilakukan mereka (41). Katakanlah: Siapakah yang memelihara kamu malam dan siang selain dari Allah Yang Maha Penyayang, malah mereka berpaling dari mengingati Tuhan mereka? (42) Apakah mereka mempunyai tuhan-tuhan yang berkuasa mempertahankan mereka dari 'azab Kami, sebenarnya mereka (tuhan-tuhan palsu) itu tidak terdaya menolong diri mereka sendiri dan mereka tidak pula disertakan kekuatan dari Kami? (43) Malah Kami telah mengurniakan ni'mat kesenangan kepada mereka dan datuk nenek mereka hingga umur mereka berlanjutan. Apakah tidak mereka melihat bagaimana Kami menyerang negeri mereka dan mengurangkan daerah-daerah sempadan (ta'luk jajahannya)? Apakah mereka yang mendapat kemenangan? (44) Katakanlah: Sesungguhnya aku hanya memberi amaran kepada kamu dengan wahyu (dari Allah) dan si pekak sememangnya tidak dapat mendengar seruan apabila mereka diberi amaran (45). Dan sesungguhnya jika mereka disentuh hembusan 'azab Tuhanmu nescaya mereka merintih: Amboi celakalah nasib kami! Sesungguhnya kami adalah orang-orang yang zalim (46). Dan Kami akan menegakkan neraca keadilan pada hari Qiamat. Oleh itu setiap orang tidak akan dianiayai sedikitpun, dan jika amalan itu seberat biji sawi sekalipun nescaya Kami akan membawanya juga (untuk ditimbang) dan cukuplah Kami sendiri menjadi jurukira".(47)

Setelah selesai melakukan penjelajahan yang jauh di merata pelosok alam buana, melihat undang-undang alam al-wujud, perjalanan da'wah-da'wah para rasul yang silam, meninjau kesudahan hidup manusia dan kebinasaan-kebinasaan umat-umat yang terdahulu, Al-Qur'an kembali pula kepada pembicaraan yang dimulakan pada permulaan surah, iaitu pembicaraan mengenai sambutan dan penerimaan kaum Musyrikin terhadap Rasulullah s.a.w. dan Al-Qur'an yang diwahyukan kepadanya, juga mengenai ejekan-ejekan mereka terhadap beliau serta kedegilan mereka berpegang dengan kepercayaan syirik.

Kemudian ia memperkatakan tentang tabi'at manusia yang gopoh dan tentang permintaan kaum Musyrikin yang menggesa agar disegerakan 'azab ke atas mereka, lalu Allah mengingatkan mereka terhadap kedahsyatan 'azab yang digesakan mereka itu serta memberi amaran terhadap keburukan akibat dari perbuatan mereka mempermain-main dan mengejek Rasulullah s.a.w. Kemudian ia menayangkan kepada mereka satu pemandangan, di mana naungan kekuasaan orang-orang yang menang dan memerintah dunia ini mengerut dan mengecil, di samping menayangkan pemandangan yang menunjukkan para pendusta di'azabkan pada hari Akhirat.

Pusingan ini ditamatkan dengan pembicaraan tentang kehalusan hisab dan balasan pada hari Qiamat. Ia menghubungkan hisab dan balasan itu dengan undang-undang alam buana, fitrah manusia dan dengan Sunnatullah dalam kehidupan manusia dan dalam da'wah-da'wah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 36 - 44)

وَإِذَا رَءَاكَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ إِن يَتَّخِذُونَكَ إِلَّا هُزُوًا أَهَـٰذَا ٱلَّذِى يَذْكُرُ ءَالِهَتَكُمْ وَهُم بِذِكْرِ ٱلرَّحْمَـٰنِ هُمْ كَـٰفِرُونَ ﴿٣٦﴾

"Dan apabila orang-orang kafir melihatmu, mereka tidak melayanimu melainkan dengan ejekan (mereka berkata): Inikah dia orangnya yang mencelakan tuhan-tuhan kamu, sedangkan mereka menunjukkan kekufuran apabila disebut Allah Yang Maha Penyayang?"(36)

Orang-orang kafir itu tidak percaya kepada Allah Yang Maha Penyayang yang mencipta dan mentadbirkan alam buana ini kerana membantah perbuatan Rasulullah s.a.w. yang telah menyebut tuhan-tuhan/berhala-berhala yang disembah mereka dengan sebutan yang buruk, sedangkan mereka menunjukkan kekufuran terhadap Allah Yang Maha Penyayang itu tanpa segan-segan dan malu aib. Ini adalah perbuatan yang amat ganjil.

Mereka mengejek Rasulullah s.a.w. dan, memandang beliau bertindak terlalu jauh apabila beliau memburuk-burukkan berhala-berhala mereka:

أَهَـٰذَا ٱلَّذِى يَذْكُرُ ءَالِهَتَكُمْ

"Inikah dia orangnya yang mencelakan tuhan-tuhan kamu?"(36)

tetapi mereka tidak merasa bahawa mereka telah bertindak keterlaluan apabila mereka menunjukkan kekufuran mereka terhadap Allah dan berpaling dari Al-Qur'an yang diturunkan Allah kepada mereka, sedangkan mereka para hamba Allah yang kerdil. Ini adalah satu percanggahan yang pelik, yang menunjukkan sejauh mana kerosakan yang telah menimpa fitrah mereka dan menimpa daya nilai mereka dalam mempertimbangkan sesuatu.

Manusia Bertab'iat Gopoh

Kemudian mereka menggesa agar 'azab yang diancam oleh Rasulullah s.a.w. itu ditimpa ke atas mereka dengan segera, lalu Al-Qur'an mengingatkan mereka terhadap akibatnya yang buruk dan sememangnya manusia bertabi'at gopoh:

خُلِقَ ٱلْإِنسَـٰنُ مِنْ عَجَلٍ سَأُو۟رِيكُمْ ءَايَـٰتِى فَلَا تَسْتَعْجِلُونِ ﴿٣٧﴾

وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هَٰذَا ٱلْوَعْدُ إِن كُنتُمْ
صَٰدِقِينَ ٣٨

"Manusia itu dijadikannya dengan tabi'at gopoh. Aku akan memperlihatkan kepada kamu bukti-bukti kekuasaan-Ku, maka janganlah kamu menggesakanku supaya Allah segerakan 'azab (ke atas kamu) (37). Dan mereka berkata: Bilakah janji 'azab ini jika kamu betul bercakap benar?"(38)

"*Manusia itu dijadikan dengan tabi'at gopoh*", sifat gopoh dan terburu-buru itu berada di dalam tabi'at dan struktur kejadiannya. Dia selalu memandang ke belakang detik masa kini kerana dia mahu memegangnya dengan tangannya dan mahu mendapatkan apa sahaja yang terlintas dalam hatinya. Dia mahu meminta supaya dibawa segala apa yang dijanjikan kepadanya walaupun ia membahaya dan menyakitkan mereka. Inilah yang pasti terjadi kepadanya kecuali dia mempunyai hubungan yang rapat dengan Allah dan di sini barulah dia merasa tenang dan tenteram dan menyerahkan segala urusan mereka kepada Allah tanpa bersikap gopoh-gapah dan terburu-buru hendak menyelesaikannya. Keimanan ialah keyakinan, kesabaran dan ketenangan.

Kaum Musyrikin menggesa agar 'azab itu ditimpakan ke atas mereka dengan segera dan mereka tertanya-tanya bilakah masa tibanya janji 'azab itu, iaitu 'azab di Akhirat dan 'azab di dunia. Kini Al-Qur'an melukiskan gambaran 'azab Akhirat kepada mereka dan mengingatkan mereka tentang 'azab dunia yang telah menimpa para pengejek sebelum mereka:

لَوْ يَعْلَمُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ حِينَ لَا يَكُفُّونَ عَن
وُجُوهِهِمُ ٱلنَّارَ وَلَا عَن ظُهُورِهِمْ وَلَا هُمْ
يُنصَرُونَ ٣٩
بَلْ تَأْتِيهِم بَغْتَةً فَتَبْهَتُهُمْ فَلَا يَسْتَطِيعُونَ
رَدَّهَا وَلَا هُمْ يُنظَرُونَ ٤٠
وَلَقَدِ ٱسْتُهْزِئَ بِرُسُلٍ مِّن قَبْلِكَ فَحَاقَ بِٱلَّذِينَ
سَخِرُوا۟ مِنْهُم مَّا كَانُوا۟ بِهِۦ يَسْتَهْزِءُونَ ٤١

"Andainya orang-orang kafir itu mengetahui ketika mereka tidak berdaya menahankan api Neraka dari menyelar muka dan belakang mereka dan mereka tidak akan diberi pertolongan (tentulah mereka tidak menggesakan kedatangan 'azab itu) (39) Malah 'azab itu akan menimpa mereka secara mendadak menyebabkan mereka menjadi bingung dan tidak mampu menolakkannya dan tidak pula mereka diberi tempoh (40). Sesungguhnya para rasul sebelummu juga telah diejek-ejekkan lalu orang-orang yang mengejek dari golongan mereka itu ditimpakan 'azab kerana ejekan yang dilakukan mereka."(41)

Andainya mereka tahu apa yang akan berlaku tentulah mereka berubah sikap dan tentulah mereka berhenti dari mengejek dan mengesa-gesa meminta 'azab. Sekarang lihatlah apa yang akan berlaku kepada mereka.

Mereka diselar api dari setiap penjuru, kerana itu mereka berhempas pulas bertindak seperti orang gila - digambarkan oleh ungkapan tersirat - untuk menahankan api Neraka dari menyelar muka mereka, tetapi malangnya mereka tidak berupaya. Mereka seolah-olah diserang api dari segenap sudut, mereka tidak berdaya menolaknya dan tidak pula berdaya menangguhkan 'azab itu kepada suatu masa yang dekat.

Serangan api Neraka yang mendadak itu adalah sebagai balasan terhadap ejekan mereka yang meminta agar 'azab itu segera menimpa mereka:

وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هَٰذَا ٱلْوَعْدُ إِن كُنتُمْ
صَٰدِقِينَ ٣٨

"Dan mereka berkata: Bilakah janji 'azab ini jika kamu betul bercakap benar?"(38)

Jawapan kepada pertanyaan ini ialah serangan yang mendadak yang membuat mereka kehilangan akal dan kelumpuhan iradat. Serangan itu telah melemahkan mereka dari berfikir dan bertindak dan menafikan mereka mendapat tangguhan dan tundaan.

Itulah gambaran 'azab di Akhirat. Adapun 'azab dunia, maka ia telah pun menimpa ke atas para pengejek dari umat-umat sebelum mereka walaupun mereka tidak ditimpa 'azab penghapusan, tetapi 'azab dalam bentuk dibunuh, ditawan dan ditewaskan tidak terhalang dari berlaku ke atas mereka. Oleh sebab itu mereka seharusnya berwaspada dari bertindak mengejek Rasul mereka. Jika tidak, maka nasib yang akan menimpa orang-orang yang mengejek para rasul itu memang telah diketahui umum. Itulah Sunnatullah yang tidak pernah mungkir, dan kebenarannya telah disaksikan oleh peristiwa-peristiwa kebinasaan yang berlaku ke atas para pengejek.

Apakah mereka mempunyai tuhan lain yang menjaga mereka malam dan siang selain dari Allah Yang Maha Penyayang, yang berkuasa mempertahankan mereka dari 'azab dunia dan Akhirat?

قُلْ مَن يَكْلَؤُكُم بِٱلَّيْلِ وَٱلنَّهَارِ مِنَ ٱلرَّحْمَٰنِ ۗ بَلْ
هُمْ عَن ذِكْرِ رَبِّهِم مُّعْرِضُونَ ٤٢
أَمْ لَهُمْ ءَالِهَةٌ تَمْنَعُهُم مِّن دُونِنَا ۚ لَا يَسْتَطِيعُونَ

نَصۡرَ أَنفُسِهِمۡ وَلَا هُم مِّنَّا يُصۡحَبُونَ ﴿٤٣﴾

"Katakanlah: Siapakah yang memelihara kamu malam dan siang selain dari Allah Yang Maha Penyayang, malah mereka berpaling dari mengingati Tuhan mereka (42). Apakah mereka mempunyai tuhan-tuhan yang berkuasa mempertahankan mereka dari 'azab Kami, sebenarnya mereka (tuhan-tuhan palsu) itu tidak terdaya menolong diri mereka sendiri dan mereka tidak pula disertakan kekuatan dari Kami?"(43)

Sesungguhnya Allahlah yang menjaga setiap jiwa malam dan siang. Dia bersifat Maha Penyayang dan tiada Tuhan yang lain dari-Nya yang menjadi Pengawal dan Pelindung. Tanyalah kepada mereka: Adakah mereka mempunyai pengawal yang lain dari Allah?

Pertanyaan itu merupakan satu pertanyaan mengecamkan sikap mereka yang lalai dari mengingati Allah, sedangkan Allahlah yang mengawal mereka malam dan siang dan tiada pengawal yang lain dari Allah:

بَلۡ هُمۡ عَن ذِكۡرِ رَبِّهِم مُّعۡرِضُونَ ﴿٤٢﴾

"Malah mereka berpaling dari mengingati Tuhan mereka."(42)

Kemudian Al-Qur'an mengulangi pertanyaan itu dalam satu bentuk yang lain:

أَمۡ لَهُمۡ ءَالِهَةٞ تَمۡنَعُهُم مِّن دُونِنَاۚ

"Apakah mereka mempunyai tuhan-tuhan yang berkuasa mempertahankan mereka dari 'azab Kami"(43)

dan tuhan-tuhan inilah yang selama ini menjaga dan memelihara mereka? Tidak sekali-kali tidak, kerana:

لَا يَسۡتَطِيعُونَ نَصۡرَ أَنفُسِهِمۡ

"Sebenarnya mereka (tuhan-tuhan palsu itu) tidak terdaya menolong diri mereka sendiri"(43)

dan sudah tentu pula mereka tidak terdaya menolong orang lain.

وَلَا هُم مِّنَّا يُصۡحَبُونَ ﴿٤٣﴾

"Dan mereka tidak pula disertakan kekuatan dari Kami"(43)

hingga mereka dapat mengambil kekuatan dari penyertaan qudrat Ilahi bersama mereka sebagaimana kekuatan yang diambil oleh Harun dan Musa ketika Allah berfirman kepada mereka.

إِنَّنِي مَعَكُمَآ أَسۡمَعُ وَأَرَىٰ ﴿٤٦﴾

"Sesungguhnya Aku bersama kamu berdua; Aku sentiasa mendengar dan melihat."

(Surah Taha: 46)

Sebenarnya tuhan-tuhan palsu itu tidak mempunyai sebarang kekuatan dan tidak mendapat pertolongan dari Allah yang membolehkan mereka mengambil kekuatan darinya. Mereka adalah amat lemah.

Setelah selesai mengemukakan dialog mengejek dan mengecam sikap mereka, iaitu dialog yang mendedahkan kekarutan kepercayaan kaum Musyrikin yang kosong dari logik dan dalil itu, maka Al-Qur'an beralih dari dialog itu kepada penjelasan mendedahkan sebab kedegilan mereka, kemudian ia menyentuh kesedaran mereka dengan satu sentuhan yang menggoncangkan hati mereka apabila ia menarik perhatian mereka supaya merenungi qudrat kekuasan Allah yang mengecilkan kawasan sempadan negeri yang dikuasai oleh pemerintah-pemerintah yang gagah dan menang, di mana sempadan-sempadan negeri itu dikecilkan dan menyebabkan mereka hidup tersorok di suatu kawasan yang terpencil dan kecil selepas mereka hidup dalam kawasan yang luas, penuh kekuatan dan kekuasaan:

بَلۡ مَتَّعۡنَا هَٰٓؤُلَآءِ وَءَابَآءَهُمۡ حَتَّىٰ طَالَ عَلَيۡهِمُ
ٱلۡعُمُرُۗ أَفَلَا يَرَوۡنَ أَنَّا نَأۡتِي ٱلۡأَرۡضَ نَنقُصُهَا
مِنۡ أَطۡرَافِهَآۚ أَفَهُمُ ٱلۡغَٰلِبُونَ ﴿٤٤﴾

"Malah Kami telah mengurniakan ni'mat kesenangan kepada mereka dan datuk nenek mereka hingga umur mereka berlanjutan. Apakah tidak mereka melihat bagaimana Kami menyerang negeri mereka dan mengurangkan daerah-daerah sempadan (ta'luk jajahannya)? Apakah mereka yang mendapat kemenangan?"(44)

Kesenangan dan keni'matan yang berpanjangan yang diwarisi turun-temurun itulah yang telah merosakkan fitrah manusia yang bersih. Kesenangan dan keni'matan merupakan kemewahan dan kemewahan merosakkan hati dan melemahkan perasaan, dan akhirnya ia membawa kepada kelemahan kepekaan perasaan seseorang terhadap Allah dan membutakan matahatinya dari meneliti bukti-bukti kekuasaan Allah. Inilah ujian dengan ni'mat kesenangan apabila manusia tidak mengawasi dirinya dan menghubungkan dirinya dengan Allah tanpa melupainya.

Justeru itu ayat ini menyentuh hati mereka dengan menayangkan satu pemandangan yang berlaku setiap hari di mana-mana sudut bumi ini, di mana kawasan negeri-negeri yang diperintah oleh kerajaan-kerajaan yang kuat dan menang bertukar menjadi negeri-negeri yang kecil, sedangkan dahulunya negeri-negeri itu merupakan sebuah empayar-empayar yang luas. Kini tiba-tiba ia menjadi negeri yang kalah setelah sekian lama menjadi negeri yang menang dan tiba-tiba ia menjadi negeri yang kecil bilangan penduduknya sedangkan dahulu penduduknya amat ramai, dan seterusnya ia menjadi negeri yang sedikit kebajikannya sedangkan dahulunya ia merupakan negeri yang melimpah-ruah dengan berbagai-bagai kebajikan.

Ungkapan ayat ini menggambarkan kuasa qudrat Allah sedang melipat, mengecil dan memotongkan kawasan-kawasan sempadan negeri itu hingga tiba-

tiba ia menjadi satu pemandangan yang menarik, di mana terdapat gerak perasaan yang halus dan rasa ketakutan yang mencemaskan:

أَفَهُمُ ٱلْغَٰلِبُونَ ﴿٤٤﴾

"Apakah mereka yang mendapat kemenangan?"(44)

Apakah tidak berlaku ke atas mereka akibat yang sama, yang telah menimpa orang-orang yang lain?

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 45 - 46)

Di bawah bayangan pemandangan yang membuat hati menggigil ini, Rasulullah s.a.w. diperintah supaya menyampaikan amaran:

قُلْ إِنَّمَآ أُنذِرُكُم بِٱلْوَحْيِ ۚ وَلَا يَسْمَعُ ٱلصُّمُّ
ٱلدُّعَآءَ إِذَا مَا يُنذَرُونَ ﴿٤٥﴾

"Katakanlah: Sesungguhnya aku hanya memberi amaran kepada kamu dengan wahyu (dari Allah) dan si pekak sememangnya tidak dapat mendengar seruan apabila mereka diberi amaran."(45)

Oleh itu hendaklah mereka berwaspada agar jangan sampai mereka juga menjadi kaum yang pekak, yang tidak mendengar pengajaran-pengajaran yang baik dan akibatnya sempadan-sempadan negeri mereka yang di bawah kekuasaan mereka itu akan dilipat dan dikerat oleh kuasa qudrat Allah dan segala keni'matan dan kesenangan hidup mereka turut dipotong dan dikurangkan.

Kemudian Al-Qur'an menyambung penerangannya dengan nadanya yang berkesan di dalam hati, di mana ia menggambarkan keadaan jiwa mereka ketika disentuh oleh 'azab Allah:

وَلَئِن مَّسَّتْهُمْ نَفْحَةٌ مِّنْ عَذَابِ رَبِّكَ لَيَقُولُنَّ
يَٰوَيْلَنَآ إِنَّا كُنَّا ظَٰلِمِينَ ﴿٤٦﴾

"Dan sesungguhnya jika mereka disentuh hembusan 'azab Tuhanmu nescaya mereka merintih: Amboi celakalah nasib kami. Sesungguhnya kami adalah orang-orang yang zalim."(46)

Kata-kata "نفحة" (hembusan) biasanya digunakan kepada angin rahmat, tetapi di sini ia digunakan kepada angin 'azab seksa seolah-olah ayat ini berkata: *"Dengan sentuhan 'azab yang paling halus akan membuat mereka melaung-laung mengakui kesalahan mereka, tetapi sayang pengakuan itu tidak lagi berguna."* Sebelum ini surah ini telah menayangkan pemandangan negeri-negeri yang ditimpa 'azab Allah menyebabkan penduduknya berseru:

قَالُوا۟ يَٰوَيْلَنَآ إِنَّا كُنَّا ظَٰلِمِينَ ﴿١٤﴾

فَمَا زَالَت تِّلْكَ دَعْوَىٰهُمْ حَتَّىٰ جَعَلْنَٰهُمْ حَصِيدًا
خَٰمِدِينَ ﴿١٥﴾

"Jawab mereka: Celakalah kami! Sesungguhnya kami adalah orang-orang yang melakukan kezaliman (14). Demikianlah mereka terus mengeluh sehingga Kami binasakan mereka laksana tanaman yang dituai yang mati sunyi sepi."(15)

Itulah akibat pengakuan setelah terluput waktu. Oleh itu adalah lebih baik mereka mendengar amaran dari wahyu Allah ketika kesempatan masih ada dan sebelum mereka disentuh hembusan 'azab Allah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 47)

Pusingan ini diakhiri dengan salah satu pemandangan hari hisab:

وَنَضَعُ ٱلْمَوَٰزِينَ ٱلْقِسْطَ لِيَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ فَلَا تُظْلَمُ
نَفْسٌ شَيْـًٔا ۖ وَإِن كَانَ مِثْقَالَ حَبَّةٍ مِّنْ خَرْدَلٍ
أَتَيْنَا بِهَا ۗ وَكَفَىٰ بِنَا حَٰسِبِينَ ﴿٤٧﴾

"Dan Kami akan menegakkan neraca keadilan pada hari Qiamat. Oleh itu setiap orang tidak akan dianiayai barang sedikit pun, dan jika amalan itu seberat biji sawi sekalipun nescaya Kami akan membawanya juga (untuk ditimbang), dan cukuplah Kami sendiri menjadi jurukira."(47)

Kata-kata "حبة" (biji sawi) itu menggambarkan sekecil benda yang dapat dilihat mata dan seringan-seringan benda yang diletakkan di atas daun neraca, namun demikian ia tidak juga ditinggal dan diabaikan pada hari hisab. Neraca timbangan yang amat halus pada hari itu akan merakamkan beratnya.

Oleh itu setiap orang hendaklah memeriksa apakah persediaan yang telah dibuat mereka untuk menghadapi hari esok, setiap hati hendaklah mendengar amaran Rasul, dan setiap mereka yang lalai, tidak peduli dan mengejek da'wah Rasul itu hendaklah bertindak segera sebelum mereka ditimpa 'azab di dunia atau di Akhirat, kerana andainya mereka terselamat dari 'azab dunia, mereka akan menghadapi pula 'azab Akhirat, di mana segala neraca timbangan amalan sedang disediakan, iaitu neraca timbangan yang tidak akan menganiayai seseorang barang sedikit pun dan tidak akan mengabaikan amalan mereka walau seberat biji sawi sekalipun.

Demikianlah neraca timbangan amalan di Akhirat yang amat halus itu berhubung rapat dengan undang-undang alam buana yang amat halus, juga berhubung rapat dengan peraturan-peraturan da'wah, tabi'at-tabi'at hidup dan manusia, dan seluruhnya bertemu selaras dan padu di tangan iradat Ilahi yang tunggal, yang menjadi sebahagian dari bukti-bukti yang menyaksikan kebenaran persoalan

'aqidah tauhid yang menjadi paksi pembicaraan surah ini.

(Kumpulan ayat-ayat 48 - 92)

وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا مُوسَىٰ وَهَـٰرُونَ ٱلْفُرْقَانَ وَضِيَآءً وَذِكْرًا لِّلْمُتَّقِينَ ٤٨

ٱلَّذِينَ يَخْشَوْنَ رَبَّهُم بِٱلْغَيْبِ وَهُم مِّنَ ٱلسَّاعَةِ مُشْفِقُونَ ٤٩

وَهَـٰذَا ذِكْرٌ مُّبَارَكٌ أَنزَلْنَـٰهُ ۚ أَفَأَنتُمْ لَهُۥ مُنكِرُونَ ٥٠

وَلَقَدْ ءَاتَيْنَآ إِبْرَٰهِيمَ رُشْدَهُۥ مِن قَبْلُ وَكُنَّا بِهِۦ عَـٰلِمِينَ ٥١

إِذْ قَالَ لِأَبِيهِ وَقَوْمِهِۦ مَا هَـٰذِهِ ٱلتَّمَاثِيلُ ٱلَّتِىٓ أَنتُمْ لَهَا عَـٰكِفُونَ ٥٢

قَالُوا۟ وَجَدْنَآ ءَابَآءَنَا لَهَا عَـٰبِدِينَ ٥٣

قَالَ لَقَدْ كُنتُمْ أَنتُمْ وَءَابَآؤُكُمْ فِى ضَلَـٰلٍ مُّبِينٍ ٥٤

قَالُوٓا۟ أَجِئْتَنَا بِٱلْحَقِّ أَمْ أَنتَ مِنَ ٱللَّـٰعِبِينَ ٥٥

قَالَ بَل رَّبُّكُمْ رَبُّ ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ٱلَّذِى فَطَرَهُنَّ وَأَنَا۠ عَلَىٰ ذَٰلِكُم مِّنَ ٱلشَّـٰهِدِينَ ٥٦

وَتَٱللَّهِ لَأَكِيدَنَّ أَصْنَـٰمَكُم بَعْدَ أَن تُوَلُّوا۟ مُدْبِرِينَ ٥٧

فَجَعَلَهُمْ جُذَٰذًا إِلَّا كَبِيرًا لَّهُمْ لَعَلَّهُمْ إِلَيْهِ يَرْجِعُونَ ٥٨

قَالُوا۟ مَن فَعَلَ هَـٰذَا بِـَٔالِهَتِنَآ إِنَّهُۥ لَمِنَ ٱلظَّـٰلِمِينَ ٥٩

قَالُوا۟ سَمِعْنَا فَتًى يَذْكُرُهُمْ يُقَالُ لَهُۥٓ إِبْرَٰهِيمُ ٦٠

قَالُوا۟ فَأْتُوا۟ بِهِۦ عَلَىٰٓ أَعْيُنِ ٱلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَشْهَدُونَ ٦١

قَالُوٓا۟ ءَأَنتَ فَعَلْتَ هَـٰذَا بِـَٔالِهَتِنَا يَـٰٓإِبْرَٰهِيمُ ٦٢

قَالَ بَلْ فَعَلَهُۥ كَبِيرُهُمْ هَـٰذَا فَسْـَٔلُوهُمْ إِن كَانُوا۟ يَنطِقُونَ ٦٣

فَرَجَعُوٓا۟ إِلَىٰٓ أَنفُسِهِمْ فَقَالُوٓا۟ إِنَّكُمْ أَنتُمُ ٱلظَّـٰلِمُونَ ٦٤

ثُمَّ نُكِسُوا۟ عَلَىٰ رُءُوسِهِمْ لَقَدْ عَلِمْتَ مَا هَـٰٓؤُلَآءِ يَنطِقُونَ ٦٥

قَالَ أَفَتَعْبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ مَا لَا يَنفَعُكُمْ شَيْـًٔا وَلَا يَضُرُّكُمْ ٦٦

أُفٍّ لَّكُمْ وَلِمَا تَعْبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ ۖ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ٦٧

قَالُوا۟ حَرِّقُوهُ وَٱنصُرُوٓا۟ ءَالِهَتَكُمْ إِن كُنتُمْ فَـٰعِلِينَ ٦٨

قُلْنَا يَـٰنَارُ كُونِى بَرْدًا وَسَلَـٰمًا عَلَىٰٓ إِبْرَٰهِيمَ ٦٩

وَأَرَادُوا۟ بِهِۦ كَيْدًا فَجَعَلْنَـٰهُمُ ٱلْأَخْسَرِينَ ٧٠

"Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepada Musa dan Harun kitab Taurat yang membezakan di antara yang hak dan yang batil, juga sebagai cahaya penyuluh dan pengajaran kepada orang-orang yang bertaqwa (48). Iaitu orang-orang yang takut kepada Tuhan mereka tanpa melihat-Nya dan mereka sentiasa menaruh kebimbangan kepada hari Qiamat (49). Dan Al-Qur'an ini adalah sebuah kitab pengajaran yang berkat, yang Kami telah turunkannya, maka mengapakah kamu mengingkarinya? (50) Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepada Ibrahim hidayatnya sebelum ini dan Kami memang mengetahui keadaannya (51). (Kenangilah) ketika Ibrahim berkata kepada bapa dan kaumnya: Patung-patung apakah ini yang kamu bertungkus lumus beribadat kepadanya? (52) Jawab mereka: Kami dapati datuk nenek kami menyembahkannya (53). Kata Ibrahim: Kamu dan datuk nenek kamu adalah berada di dalam kesesatan yang amat nyata (54). Jawab mereka: Apakah engkau datang membawa ajaran yang benar kepada kami atau engkau dari golongan orang-orang yang bermain-main sahaja? (55) Ibrahim berkata: Sebenarnya Tuhan kamu itu ialah Tuhan langit dan bumi yang telah diciptakan-Nya dan aku adalah dari golongan orang-orang yang menyaksi kebenaran (56). Demi Allah aku akan melakukan rancangan yang tidak baik terhadap berhala-berhala kamu selepas kamu berundur meninggalkannya (57). Lalu dia (Ibrahim) menjadikan semua berhala-berhala itu hampir hancur berkecai kecuali satu berhala yang terbesar agar kelak mereka dapat bertanya kepadanya (58). Mereka bertanya: Siapakah yang melakukan perbuatan ini terhadap tuhan tuhan kami? Sesungguhnya orang ini adalah dari golongan orang-orang yang zalim (59). Jawab mereka: Kami dengar ada seorang pemuda yang mencelakan berhala-berhala ini yang dipanggil Ibrahim (60). Kata mereka: Bawalah dia kemari di hadapan mata khalayak

yang ramai supaya mereka dapat menyaksikan (61). Mereka bertanya: Apakah engkau yang telah melakukan perbuatan ini terhadap tuhan-tuhan kami, wahai Ibrahim? (62) Jawab Ibrahim: Sebenarnya yang melakukan perbuatan itu ialah berhala yang terbesar inilah. Tanyalah sendiri berhala-berhala itu jika mereka, dapat bercakap (63). Mereka kembali berfikir di dalam hati mereka lalu berkata: Sesungguhnya kamulah yang sebenarnya orang-orang yang zalim (64). Kemudian fikiran mereka terbalik songsang (lalu mereka berkata): (Wahai Ibrahim!) Sesungguhnya engkau tentulah telah mengetahui bahawa berhala-berhala itu tidak dapat bercakap (65). Jawab Ibrahim: Mengapakah kamu menyembah selain dari Allah sesuatu yang tidak dapat memberi manfa'at kepada kamu sedikit pun dan tidak pula dapat memberi mudharat kepada kamu? (66) Celakalah kepada kamu dan kepada berhala-berhala yang kamu sembah selain dari Allah, mengapakah kamu tidak berfikir? (67) Mereka pun berkata: Bakarkan dia! Dan bantulah,tuhan-tuhan kamu, jika kamu benar-benar hendak bertindak (68). Kami berfirman: Wahai api! Jadilah engkau sejuk dan selamat kepada Ibrahim! (69) Dan mereka telah merancangkan tindakan yang jahat terhadap Ibrahim lalu Kami jadikan mereka orang-orang yang paling rugi." (70).

وَنَجَّيْنَٰهُ وَلُوطًا إِلَى ٱلْأَرْضِ ٱلَّتِى بَٰرَكْنَا فِيهَا
لِلْعَٰلَمِينَ ﴿٧١﴾
وَوَهَبْنَا لَهُۥٓ إِسْحَٰقَ وَيَعْقُوبَ نَافِلَةً ۖ وَكُلًّا جَعَلْنَا
صَٰلِحِينَ ﴿٧٢﴾
وَجَعَلْنَٰهُمْ أَئِمَّةً يَهْدُونَ بِأَمْرِنَا وَأَوْحَيْنَآ
إِلَيْهِمْ فِعْلَ ٱلْخَيْرَٰتِ وَإِقَامَ ٱلصَّلَوٰةِ وَإِيتَآءَ
ٱلزَّكَوٰةِ ۖ وَكَانُوا۟ لَنَا عَٰبِدِينَ ﴿٧٣﴾
وَلُوطًا ءَاتَيْنَٰهُ حُكْمًا وَعِلْمًا وَنَجَّيْنَٰهُ مِنَ
ٱلْقَرْيَةِ ٱلَّتِى كَانَت تَّعْمَلُ ٱلْخَبَٰٓئِثَ ۗ إِنَّهُمْ كَانُوا۟
قَوْمَ سَوْءٍ فَٰسِقِينَ ﴿٧٤﴾
وَأَدْخَلْنَٰهُ فِى رَحْمَتِنَآ ۖ إِنَّهُۥ مِنَ ٱلصَّٰلِحِينَ ﴿٧٥﴾
وَنُوحًا إِذْ نَادَىٰ مِن قَبْلُ فَٱسْتَجَبْنَا لَهُۥ
فَنَجَّيْنَٰهُ وَأَهْلَهُۥ مِنَ ٱلْكَرْبِ ٱلْعَظِيمِ ﴿٧٦﴾
وَنَصَرْنَٰهُ مِنَ ٱلْقَوْمِ ٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَآ ۚ إِنَّهُمْ
كَانُوا۟ قَوْمَ سَوْءٍ فَأَغْرَقْنَٰهُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٧٧﴾
وَدَاوُۥدَ وَسُلَيْمَٰنَ إِذْ يَحْكُمَانِ فِى ٱلْحَرْثِ إِذْ نَفَشَتْ
فِيهِ غَنَمُ ٱلْقَوْمِ وَكُنَّا لِحُكْمِهِمْ شَٰهِدِينَ ﴿٧٨﴾
فَفَهَّمْنَٰهَا سُلَيْمَٰنَ ۚ وَكُلًّا ءَاتَيْنَا حُكْمًا وَعِلْمًا ۚ
وَسَخَّرْنَا مَعَ دَاوُۥدَ ٱلْجِبَالَ يُسَبِّحْنَ وَٱلطَّيْرَ ۚ
وَكُنَّا فَٰعِلِينَ ﴿٧٩﴾
وَعَلَّمْنَٰهُ صَنْعَةَ لَبُوسٍ لَّكُمْ لِتُحْصِنَكُم مِّنۢ
بَأْسِكُمْ ۖ فَهَلْ أَنتُمْ شَٰكِرُونَ ﴿٨٠﴾
وَلِسُلَيْمَٰنَ ٱلرِّيحَ عَاصِفَةً تَجْرِى بِأَمْرِهِۦٓ إِلَى ٱلْأَرْضِ ٱلَّتِى
بَٰرَكْنَا فِيهَا ۚ وَكُنَّا بِكُلِّ شَىْءٍ عَٰلِمِينَ ﴿٨١﴾
وَمِنَ ٱلشَّيَٰطِينِ مَن يَغُوصُونَ لَهُۥ وَيَعْمَلُونَ
عَمَلًا دُونَ ذَٰلِكَ ۖ وَكُنَّا لَهُمْ حَٰفِظِينَ ﴿٨٢﴾

"Dan Kami selamatkan Ibrahim dan Lut ke sebuah negeri yang Kami telah berkatikannya untuk sekalian manusia (71). Dan Kami telah mengurniakan kepadanya (Ibrahim), Ishaq (anak) dan juga Ya'kub (cucu) sebagai tambahan, dan setiap orang dari keduanya Kami jadikannya orang yang soleh belaka (72). Dan Kami jadikan mereka para pemimpin yang membimbing manusia dengan perintah Kami dan Kami wahyukan kepada mereka supaya mengerjakan amalan-amalan kebajikan, mendirikan solat dan menunaikan zakat dan mereka sekalian sentiasa beribadat kepada Kami (73). Dan kepada Lut Kami kurniakan kepadanya hikmat dan ilmu dan Kami telah menyelamatkannya dari negeri yang penduduknya melakukan berbagai-bagai perbuatan yang keji, sesungguhnya mereka adalah satu kaum yang jahat lagi fasiq (74). Dan Kami masukkannya ke dalam rahmat Kami. Sesungguhnya dia adalah dari golongan orang-orang yang soleh (75). Dan (kenangilah) Nuh ketika dia berdo'a sebelum ini lalu Kami memperkenankan do'anya dan kami selamatkannya bersama keluarganya dari malapetaka yang amat besar (76). Dan Kami telah menolongkannya dari (kejahatan) kaum yang telah mendustakan ayat-ayat Kami. Sesungguhnya mereka adalah satu kaum yang jahat lalu Kami tenggelamkan seluruh mereka (77). Dan (kenangilah kisah) Daud dan Sulaiman ketika kedua-duanya menjatuhkan hukuman mengenai tanaman ketika ia dirosakkan oleh kambing-kambing kaumnya yang berkeliaran di dalamnya di waktu malam dan sesungguhnya Kamilah yang telah menyaksikan hukuman itu (78). Kami telah memberi kefahaman (yang lebih adil) kepada Sulaiman mengenai hukuman itu, dan kepada mereka berdua Kami kurniakan hikmat dan ilmu, dan Kami telah menundukkan gunung-ganang dan burung-burung bertasbih bersama Daud, dan Kami adalah berkuasa berbuat demikian (79). Dan Kami telah mengajar kepada Daud kepandaian membuat baju-baju besi untuk kamu supaya ia dapat memelihara kamu dari bahaya-bahaya (tikaman) di dalam peperangan kamu. Apakah kamu bersyukur? (80) Dan (Kami telah menundukkan) kepada Sulaiman angin yang amat kencang yang bertiup dengan perintahnya ke negeri yang Kami telah memberkatinya dan Kamilah Yang Maha Mengetahui segala

sesuatu (81). Dan di dalam golongan para syaitan (Kami tundukkan kepada Sulaiman) pasukan yang menyelam untuknya dan melakukan pekerjaan-pekerjaan yang lain dari itu, dan Kamilah yang menjaga mereka." (82).

وَأَيُّوبَ إِذْ نَادَىٰ رَبَّهُۥٓ أَنِّى مَسَّنِىَ ٱلضُّرُّ
وَأَنتَ أَرْحَمُ ٱلرَّٰحِمِينَ ٨٣
فَٱسْتَجَبْنَا لَهُۥ فَكَشَفْنَا مَا بِهِۦ مِن ضُرٍّ ۖ
وَءَاتَيْنَٰهُ أَهْلَهُۥ وَمِثْلَهُم مَّعَهُمْ رَحْمَةً مِّنْ
عِندِنَا وَذِكْرَىٰ لِلْعَٰبِدِينَ ٨٤
وَإِسْمَٰعِيلَ وَإِدْرِيسَ وَذَا ٱلْكِفْلِ ۖ كُلٌّ مِّنَ
ٱلصَّٰبِرِينَ ٨٥
وَأَدْخَلْنَٰهُمْ فِى رَحْمَتِنَآ ۖ إِنَّهُم مِّنَ ٱلصَّٰلِحِينَ ٨٦
وَذَا ٱلنُّونِ إِذ ذَّهَبَ مُغَٰضِبًا فَظَنَّ أَن لَّن نَّقْدِرَ
عَلَيْهِ فَنَادَىٰ فِى ٱلظُّلُمَٰتِ أَن لَّآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنتَ
سُبْحَٰنَكَ إِنِّى كُنتُ مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ٨٧
فَٱسْتَجَبْنَا لَهُۥ وَنَجَّيْنَٰهُ مِنَ ٱلْغَمِّ ۚ وَكَذَٰلِكَ
نُۨجِى ٱلْمُؤْمِنِينَ ٨٨
وَزَكَرِيَّآ إِذْ نَادَىٰ رَبَّهُۥ رَبِّ لَا تَذَرْنِى فَرْدًا
وَأَنتَ خَيْرُ ٱلْوَٰرِثِينَ ٨٩
فَٱسْتَجَبْنَا لَهُۥ وَوَهَبْنَا لَهُۥ يَحْيَىٰ وَأَصْلَحْنَا
لَهُۥ زَوْجَهُۥٓ ۚ إِنَّهُمْ كَانُوا۟ يُسَٰرِعُونَ فِى
ٱلْخَيْرَٰتِ وَيَدْعُونَنَا رَغَبًا وَرَهَبًا ۖ وَكَانُوا۟
لَنَا خَٰشِعِينَ ٩٠
وَٱلَّتِىٓ أَحْصَنَتْ فَرْجَهَا فَنَفَخْنَا فِيهَا مِن رُّوحِنَا
وَجَعَلْنَٰهَا وَٱبْنَهَآ ءَايَةً لِّلْعَٰلَمِينَ ٩١
إِنَّ هَٰذِهِۦٓ أُمَّتُكُمْ أُمَّةً وَٰحِدَةً وَأَنَا۠
رَبُّكُمْ فَٱعْبُدُونِ ٩٢

"Dan (kenangilah kisah) Ayyub ketika dia berdo'a kepada Tuhannya: (Ya Tuhanku) sesungguhnya aku telah ditimpa penyakit dan Engkau adalah Tuhan Yang Maha Pengasih di antara semua pengasih (83). Lalu Kami memperkenankan do'anya dan Kami hapuskan penyakitnya, dan Kami kurniakan kembali keluarganya dengan bilangan sekali ganda bersama mereka sebagai rahmat dari sisi Kami dan sebagai kenang-kenangan kepada para 'Abidin (84). Dan (kenangilah kisah) Ismail, Idris dan Zulkifli. Semua mereka adalah dari golongan orang-orang yang sabar (85). Dan Kami telah memasukkan mereka ke dalam rahmat Kami. Sesungguhnya mereka dari golongan para Solehin (86). Dan (kenangilah) Zun-Nun (Yunus) ketika ia pergi (meninggalkan kaumnya) dengan keadaan marah dan dia menyangka bahawa Kami tidak akan menyusahkannya lalu dia berdo'a di dalam gelap-gelita: Tiada Tuhan melainkan hanya Engkau. Maha Sucilah Engkau. Sesungguhnya aku telah termasuk di dalam orang-orang yang zalim (87). Lalu Kami memperkenankan do'anya dan Kami telah menyelamatkannya dari kedukaan, dan demikianlah Kami bertindak menyelamatkan para Mu'minin (88). Dan (kenangilah kisah) Zakaria ketika dia berdo'a kepada Tuhannya: Wahai Tuhanku! Janganlah Engkau tinggalkanku hidup seorang diri dan Engkau jualah sebaik-baik Pewaris (89). Lalu Kami memperkenankan do'anya dan Kami telah mengurniakan Yahya kepadanya dan Kami telah membetulkan isterinya (yang mandul) untuk mengandung anaknya. Sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang selalu bersegera mengerjakan kebajikan-kebajikan dan mereka sentiasa berdo'a kepada Kami dengan penuh harapan dan kebimbangan, dan mereka adalah orang-orang yang sentiasa khusyu' kepada Kami (90). Dan (kenangilah kisah) Maryam yang memelihara kehormatannya lalu Kami tiupkan ke dalam tubuhnya roh dari ciptaan Kami dan Kami jadikan dia dan puteranya sebagai satu bukti yang besar kepada semesta alam (91). Sesungguhnya umat (para Anbia') ini adalah umat kamu, iaitu umat yang satu dan Aku adalah Tuhan kamu. Oleh itu abdikanlah diri kamu kepadaKu". (92).

Pusingan yang ketiga ini membentangkan kisah umat para rasul tetapi tidak meliputi keseluruhan mereka, malah ia menyebut sebahagian dari mereka secara sepintas lalu sahaja dan setengah-setengahnya diceritakan secara terperinci, panjang lebar, dan setengah-setengahnya pula secara ringkas sahaja.

Dalam penceritaan-penceritaan sepintas lalu, dengan babak-babak kisah yang pendek ini, dapatlah dilihat bagaimana Allah mengurniakan rahmat dan pemeliharaan-Nya terhadap para rasul-Nya dan bagaimana akibat-akibat yang telah menimpa umat-umat yang mendustakan para rasul setelah disampaikan kepada mereka penerangan-penerangan yang jelas, begitu juga dapat dilihat beberapa ujian Allah terhadap para rasul sama ada dalam bentuk kesenangan atau kesusahan dan bagaimana mereka telah menempuh ujian itu.

Begitu juga di sana dapat dilihat Sunnatullah yang mengutuskan para rasul dari jenis manusia, juga kesatuan 'aqidah dan kesatuan jalan menuju Allah yang dibawa oleh para rasul di sepanjang zaman seolah-olah mereka merupakan satu umat walaupun zaman dan tempat mereka berjauh-jauhan.

Itulah salah satu dalil keesaan ketuhanan Yang Maha Pencipta, keesaan iradat yang mentadbirkan alam buana dan keesaan undang-undang yang

mengikatkan peraturan-peraturan Allah di alam buana, iaitu undang-undang yang mencantum, menyelaras dan mengarahkannya ke arah yang satu menuju Allah Yang Maha Esa.

وَأَنَا رَبُّكُمْ فَاعْبُدُونِ ﴿٩٢﴾

"Dan Aku adalah Tuhan kamu. Oleh itu abdikanlah diri kamu kepada-Ku."(92)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 48 - 50)

وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا مُوسَىٰ وَهَٰرُونَ ٱلْفُرْقَانَ وَضِيَآءً وَذِكْرًا لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٤٨﴾

ٱلَّذِينَ يَخْشَوْنَ رَبَّهُم بِٱلْغَيْبِ وَهُم مِّنَ ٱلسَّاعَةِ مُشْفِقُونَ ﴿٤٩﴾

وَهَٰذَا ذِكْرٌ مُّبَارَكٌ أَنزَلْنَٰهُ أَفَأَنتُمْ لَهُۥ مُنكِرُونَ ﴿٥٠﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepada Musa dan Harun kitab Taurat yang membezakan di antara yang hak dan yang batil, juga sebagai cahaya penyuluh dan pengajaran kepada orang-orang yang bertaqwa (48). Iaitu orang-orang yang takut kepada Tuhan mereka tanpa melihatnya dan mereka sentiasa menaruh kebimbangan kepada hari Qiamat (49). Dan Al-Qur'an ini adalah sebuah kitab pengajaran yang berkat, yang Kami telah turunkannya, maka mengapakah kamu mengingkarinya?."(50)

Di dalam surah ini telah pun diterangkan bahawa kaum Musyrikin mempersenda-sendakan Rasulullah s.a.w. kerana beliau seorang manusia dan kerana mereka tidak mempercayai Al-Qur'an sebagai wahyu dari Allah, malah mereka menuduh Al-Qur'an itu sebagai sihir atau syair atau rekaan dusta dari beliau.

Di Antara Taurat Dan Al-Qur'an

Di dalam ayat-ayat ini Al-Qur'an menjelaskan kepada mereka bahawa penghantaran para rasul dari bangsa manusia itu memanglah suatu Sunnatullah yang berlangsung selama-lamanya dan itulah contoh-contoh rasul di zaman-zaman sebelum ini, dan bahawa kitab-kitab suci yang diturunkan kepada para rasul itu bukanlah suatu perkara baru yang aneh. Lihatlah kedua-dua orang rasul - Musa dan Harun telah dikurniakan Allah kitab Taurat kepada mereka.

Allah menamakan kitab Taurat itu sebagai al-Furqan, yang juga menjadi sifat Al-Qur'an. Jadi dalam persoalan kitab suci ini juga terdapat persamaan hingga kepada nama. Ini ialah kerana semua kitab-kitab suci yang diturunkan Allah itu bersifat Furqan belaka yakni kitab yang membezakan di antara yang hak dan yang batil, di antara hidayat dan kesesatan, di antara sistem hidup ciptaan manusia dan sistem hidup (ciptaan Ilahi) dan di antara tujuan hidup yang benar dan tujuan hidup yang tidak benar. Jadi seluruh kitab-kitab suci itu adalah membezakan di antara yang hak dan yang batil dan pada sifat inilah bertemunya kitab Taurat dengan kitab Al-Qur'an.

Begitu juga Allah jadikan kitab Taurat itu *"sebagai cahaya penyuluh"* yang menerangi kegelapan-kegelapan hati dan 'aqidah, kegelapan kesesatan dan kebatilan, iaitu kegelapan yang menyesatkan akal dan hati nurani, kerana hati manusia akan terus berada di dalam kegelapan sehingga diterangi oleh obor keimanan yang menyuluh setiap penjurunya, menunjukkan sistem hidup yang betul kepadanya dan membetulkan arah dan tujuan hidupnya agar nilai-nilai, konsep-konsep dan pertimbangan-pertimbangannya tidak bercampuraduk dan mengelirukannya.

Allah telah menjadikan kitab Taurat itu sama seperti Al-Qur'an iaitu menjadi *"pengajaran kepada orang-orang yang bertaqwa"* yang mengingatkan mereka kepada Allah, dan kitab Taurat terus menjadi pengajaran kepada Bani Israel. Bagaimana keadaan Bani Israel sebelum diturunkan at-Taurat? Mereka hidup hina dina di bawah sebatan cemeti Fir'aun yang menyembelih anak-anak lelaki mereka dan hanya membenarkan anak-anak perempuan mereka sahaja yang hidup. Di samping itu mereka ditindas sebagai buruh-buruh paksa dan dianiayai.

Allah mengkhususkan orang-orang yang bertaqwa itu dengan sifat:

ٱلَّذِينَ يَخْشَوْنَ رَبَّهُم بِٱلْغَيْبِ وَهُم مِّنَ ٱلسَّاعَةِ مُشْفِقُونَ ﴿٤٩﴾

"Iaitu orang-orang yang takut kepada Tuhan mereka tanpa melihat-Nya dan mereka sentiasa menaruh kebimbangan kepada hari Qiamat."(49)

Kerana orang-orang yang mempunyai hati yang takut kepada Allah walaupun tanpa melihat-Nya, juga takut kepada hari Qiamat lalu berusaha untuk bersedia menghadapinya, merekalah sahaja orang-orang yang boleh mendapat faedah dari penyuluh kitab suci dengan hidup yang berpandukannya. Dengan demikian kitab suci yang diturunkan Allah benar-benar menjadi pengajaran yang mengingatkan mereka kepada Allah dan mengangkatkan nama mereka yang gah di kalangan umat manusia.

Itulah keadaan Musa dan Harun...

وَهَٰذَا ذِكْرٌ مُّبَارَكٌ أَنزَلْنَٰهُ

"Dan Al-Qur'an ini adalah sebuab kitab pengajaran yang berkat, yang Kami telah turunkannya"(50)

ia bukannya suatu perkara yang baru dan aneh, malah sebelumnya terdapat kitab-kitab suci lain yang diturunkan Allah. Jadi, penurunan kitab-kitab suci merupakan Sunnatullah yang terkenal.

أَفَأَنتُمْ لَهُۥ مُنكِرُونَ ﴿٥٠﴾

"Maka mengapakah kamu mengingkarinya?"(50)

Mengapakah kamu mengingkari Al-Qur'an, sedangkan rasul-rasul yang telah lalu telah menerima kitab-kitab suci yang sama?

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 51 - 73)

Setelah menyebut kisah Musa dan Harun serta kitab suci keduanya secara sepintas lalu, Al-Qur'an kembali menayangkan satu babak penuh dari kisah Ibrahim a.s., iaitu moyang agung bangsa Arab dan pembina rumah Ka'bah, yang kini diisi oleh kaum Musyrikin dengan bermacam-macam berhala yang disembahkan mereka dengan patuh, sedangkan dulunya Ibrahimlah yang telah bertindak memecahkan berhala-berhala itu. Al-Qur'an menyebut kisah Ibrahim di sini ketika beliau mengecam kepercayaan syirik dan memecahkan berhala-berhala kaumnya.

Babak kisah Ibrahim yang terkenal disini ialah babak kerasulan beliau. Ia dibahagikan kepada beberapa adegan yang berturut-turut dan diselangi oleh ruang-ruang kosong yang kecil. Ia dimulakan dengan penerangan bahawa Ibrahim a.s. telah dikurniakan hidayat, iaitu hidayat kepada 'aqidah tauhid, iaitu satu hidayat yang paling besar yang dibayangkan kata-kata "الرشد" (hidayat) dalam ayat ini:

وَلَقَدْ ءَاتَيْنَآ إِبْرَٰهِيمَ رُشْدَهُۥ مِن قَبْلُ وَكُنَّا بِهِۦ عَٰلِمِينَ ﴿٥١﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepada Ibrahim hidayatnya sebelum ini dan Kami memang mengetahui keadaannya."(51)

Kisah Ibrahim Dengan Berhala-berhala Kaumnya

Kami mengurniakan hidayat kepada beliau dan Kami mengetahui keadaannya dan bakat-bakat kebolehannya untuk memikul amanah kerasulan yang dipikul oleh para rasul.

إِذْ قَالَ لِأَبِيهِ وَقَوْمِهِۦ مَا هَٰذِهِ ٱلتَّمَاثِيلُ ٱلَّتِىٓ أَنتُمْ لَهَا عَٰكِفُونَ ﴿٥٢﴾

"(Kenangilah) ketika Ibrahim berkata kepada bapa dan kaumnya: Patung-patung apakah ini yang kamu bertungkus lumus beribadat kepadanya?"(52)

Perkataan beliau ini menunjukkan bahawa beliau telah menerima hidayat dari Allah. Beliau menamakan batu-batu dan kayu-kayu berhala itu dengan namanya yang sebenar iaitu "patung-patung apakah ini?" Beliau tidak mengatakan "tuhan-tuhan", dan mengecam perbuatan mereka menyembah patung-patung itu dengan bertungkus lumus, tekun dan patuh. Kata-kata "عاكفون" memberi pengertian bertungkus lumus, tekun dan amalan ibadat yang berterusan. Walaupun mereka tidak menghabiskan seluruh waktu mereka dalam penyembahan berhala-berhala - namun mereka begitu kasih kepada berhala-berhala itu. Itulah ketekunan abstrak bukannya ketekunan menghabiskan waktu. Nabi Ibrahim a.s. mengejek perbuatan kasih yang ditunjukkan mereka kepada berhala-berhala itu dan menggambarkannya dengan gambaran yang buruk, iaitu mereka bertungkus lumus dan tekun menyembah berhala-berhala itu.

Jawapan dan hujjah yang diberikan mereka ialah:

قَالُوا۟ وَجَدْنَآ ءَابَآءَنَا لَهَا عَٰبِدِينَ ﴿٥٣﴾

"Jawab mereka: Kami dapati datuk nenek kami menyembahkannya."(53)

Jawapan ini menunjukkan bentuk akal dan jiwa manusia yang membatu di dalam acuan taqlid yang buta, iaitu tandingan dari sifat-sifat kebebasan keimanan, iaitu bebas berfikir, meneliti dan membuat penilaian terhadap benda-benda dan peraturan-peraturan mengikut nilai-nilainya yang haqiqi bukannya mengikut nilai-nilai secara taqlid. Oleh sebab itu keimanan kepada Allah bererti kebebasan dari kepercayaan-kepercayaan yang karut, yang didokong oleh taqlid dan warisan-warisan yang membatu, yang tidak ditegakkan di atas sesuatu dalil:

قَالَ لَقَدْ كُنتُمْ أَنتُمْ وَءَابَآؤُكُمْ فِى ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ﴿٥٤﴾

"Kata Ibrahim: Kamu dan datuk nenek kamu adalah berada di dalam kesesatan yang amat nyata."(54)

Ibadat yang dilakukan oleh nenek moyang mereka tidak dapat memberi apa-apa nilai yang tidak dipunyai oleh berhala-berhala itu. Ia tidak dapat memberikan kepadanya sifat kesucian yang tidak wajar dengannya, kerana nilai-nilai itu bukannya terbit dari taqlid datuk nenek dan taqdis mereka, malah nilai-nilai itu adalah lahir dari penilaian yang bebas dan tidak terikat.

Apabila Ibrahim a.s. mencabar mereka dengan kebebasan membuat penilaian dan dengan kesimpulan yang berterus terang itu, mereka terus bertanya:

قَالُوٓا۟ أَجِئْتَنَا بِٱلْحَقِّ أَمْ أَنتَ مِنَ ٱللَّٰعِبِينَ ﴿٥٥﴾

"Jawab mereka: Apakah engkau datang membawa ajaran yang benar kepada kami atau engkau dari golongan orang-orang yang bermain-main sahaja."(55)

Itulah pertanyaan orang yang goyang 'aqidahnya dan tidak yakin kepada apa yang dipegang olehnya, kerana dia tidak pernah memikirkannya dengan halus dan teliti, malah fikiran dan jiwanya juga kosong kerana dipengaruhi kepercayaan yang karut dan taqlid yang buta. Oleh kerana itu dia tidak tahu manakah perkataan-perkataan yang benar, sedangkan ibadat pastilah ditegakkan di atas keyakinan bukannya di atas kepercayaan-kepercayaan yang karut, bergoyang dan tidak bersandar kepada sesuatu dalil. Inilah padang gurun, di mana sesatnya dan meraba-rabanya golongan manusia yang tidak berpegang dengan 'aqidah tauhid yang bersih, jelas dan lurus di dalam pemikiran akal dan perasaan hati nurani.

Tetapi Ibrahim a.s. berpegang dengan kepercayaan yang yakin dan kukuh. Beliau benar-benar mengenal Tuhannya dan menjunjung 'aqidah itu di dalam hati dan akal fikirannya serta Menyatakan kepercayaan itu dengan perkataan orang yang beriman dengan kukuh dan yakin:

قَالَ بَل رَّبُّكُمْ رَبُّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ٱلَّذِى فَطَرَهُنَّ وَأَنَا۠ عَلَىٰ ذَٰلِكُم مِّنَ ٱلشَّٰهِدِينَ ﴿٥٦﴾

"Ibrahim berkata: Sebenarnya Tuhan kamu itu ialah Tuhan langit dan bumi yang telah diciptakan-Nya dan aku adalah dari golongan orang-orang yang menyaksi kebenaran hakikat itu."(56)

Tuhan yang sebenar itu ialah Tuhan Yang Maha Esa, iaitu Tuhan manusia dan Tuhan langit dan bumi. Sifat Rububiyah-Nya diambil dari sifat-Nya sebagai Pencipta. Kedua-duanya merupakan dua sifat yang tidak terpisah. *"Sebenarnya Tuhan kamu itu ialah Tuhan langit dan bumi yang telah ciptakan-Nya"*. Inilah 'aqidah yang lurus dan bersih, bukannya seperti kepercayaan kaum Musyrikin yang percaya kepada berbagai-bagai tuhan, sedangkan dalam waktu yang sama mereka percaya bahawa tuhan-tuhan yang mereka sembahkan itu tidak mempunyai kuasa mencipta, malah yang berkuasa mencipta ialah Allah, namun demikian mereka masih menyembah tuhan-tuhan yang mereka sendiri mengetahui tidak berkuasa menciptakan sesuatu apa.

Ibrahim percaya dengan kepercayaan orang yang telah melihat sesuatu di alam kenyataan tanpa sebarang keraguan:

وَأَنَا۠ عَلَىٰ ذَٰلِكُم مِّنَ ٱلشَّٰهِدِينَ ﴿٥٦﴾

"Dan aku adalah dari golongan orang-orang yang menyaksi kebenaran hakikat itu."(56)

Walaupun Ibrahim tidak menyaksi penciptaan langit dan bumi, juga tidak menyaksi penciptaan dirinya dan kaumnya, namun hakikat ini terlalu jelas dan kukuh hingga ke tahap dipercayai dan disaksikan oleh orang-orang yang beriman dengan penuh keyakinan, iaitu mereka menyaksi bahawa segala makhluk yang wujud di alam buana ini membuktikan keesaan Allah Yang Maha Pencipta dan Maha Pentadbir dan segala apa yang ada pada diri manusia mengakui Wahdaniyah Allah Yang Maha Pencipta dan Maha Pentadbir, juga mengakui keesaan undang-undang yang mentadbir dan mengendalikan alam buana ini.

Kemudian Ibrahim a.s. mengumumkan kepada kumpulan kaumnya yang bersoal jawab dengan beliau bahawa beliau telah berazam hendak melakukan sesuatu terhadap tuhan-tuhan mereka dan tidak akan berundur dari keazaman itu:

وَتَٱللَّهِ لَأَكِيدَنَّ أَصْنَٰمَكُم بَعْدَ أَن تُوَلُّوا۟ مُدْبِرِينَ ﴿٥٧﴾

"Demi Allah aku akan melakukan rancangan yang tidak baik terhadap berhala-berhala kamu selepas kamu berundur meninggalkannya."(57)

Beliau tidak menyatakan rancangan yang tidak baik yang diazamkan beliau itu dengan terus terang, dan Al-Qur'an juga tidak menyebut bagaimana kaumnya itu menjawab perkataan beliau yang mengancam itu. Ini mungkin kerana mereka yakin dan percaya bahawa Ibrahim tidak akan dapat melakukan sesuatu yang tidak baik terhadap tuhan-tuhan mereka. Oleh kerana itu mereka terus meninggalkan beliau begitu sahaja.

فَجَعَلَهُمْ جُذَٰذًا إِلَّا كَبِيرًا لَّهُمْ لَعَلَّهُمْ إِلَيْهِ يَرْجِعُونَ ﴿٥٨﴾

"Lalu dia (Ibrahim) menjadikan semua berhala-berhala itu hampir hancur berkecai kecuali satu berhala yang terbesar agar kelak mereka dapat bertanya kepadanya."(58)

Yakni berhala-berhala yang disembah mereka telah berubah menjadi ketulan-ketulan dan kepingan-kepingan batu dan kayu yang pecah berkecai kecuali berhala yang terbesar sahaja yang tidak diusik oleh Ibrahim dengan tujuan agar kelak mereka dapat bertanya kepadanya, iaitu bagaimana peristiwa ini boleh berlaku, sedangkan dia ada tercegat di situ dan mengapa dia tidak mempertahankan keselamatan berhala-berhala yang kecil itu, dan agar mereka dapat menyemak dan memikirkan kembali seluruh persoalan menyembah berhala itu semoga mereka dapat kembali semula ke jalan yang benar dan dapat memahami betapa karut dan sesatnya perbuatan mereka menyembah berhala-berhala itu.

Apabila kaum Ibrahim kembali berkunjung ke kuil itu, mereka dapati berhala-berhala telah hancur berkeping-kepingan kecuali berhala yang terbesar sahaja yang terselamat, tetapi mereka tidak bertanya kepada berhala itu dan tidak pula menanyakan diri mereka sendiri. Jika benar berhala-berhala ini tuhan-tuhan mengapa peristiwa pemusnahan boleh berlaku, mengapa berhala-berhala ini tidak bertindak melakukan sesuatu untuk mempertahankan keselamatan dirinya. Mengapa si berhala yang paling besar ini tidak pula bertindak melindungkan berhala-berhala yang kecil itu? Mereka tidak mengemukakan pertanyaan ini kepada diri mereka kerana kepercayaan khurafat itu telah melumpuhkan akal mereka dari berfikir, dan sikap taqlid telah membelenggukan pemikiran mereka dari membuat renungan dan penelitian yang lebih mendalam. Mereka tinggalkan pertanyaan yang wajar ini dan terus menyatakan kemarahan mereka terhadap orang yang memecahkan berhala-berhala ini dan sanggup melakukan perbuatan yang tidak baik terhadapnya:

قَالُوا۟ مَن فَعَلَ هَٰذَا بِـَٔالِهَتِنَآ إِنَّهُۥ لَمِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٥٩﴾

"Mereka bertanya: Siapakah yang melakukan perbuatan ini terhadap tuhan-tuhan kami? Sesungguhnya orang ini adalah dari golongan orang-orang yang zalim."(59)

Pada masa inilah mereka teringat kepada Ibrahim kerana mereka pernah mendengar Ibrahim mencela bapanya dan orang-orang yang ada bersama dengannya kerana menyembah berhala-berhala ini, serta mengancam untuk melakukan sesuatu yang tidak baik terhadap tuhan-tuhan mereka selepas mereka berundur dari kuil berhala-berhala itu.

قَالُواْ سَمِعۡنَا فَتٗى يَذۡكُرُهُمۡ يُقَالُ لَهُۥٓ إِبۡرَٰهِيمُ ٦٠

"Jawab mereka: Kami dengar ada seorang pemuda yang mencelakan berhala-berhala ini yang dipanggil Ibrahim."(60)

Dari ayat ini nampak jelas bahawa Ibrahim a.s. masih dalam usia muda belia ketika beliau dikurniakan hidayat oleh Allah. Beliau telah mengecam perbuatan menyembah berhala dan bertindak menghancurkan berhala-berhala itu, tetapi apakah Allah telah mewahyukan risalah kepada beliau pada masa itu? Atau apa yang dilakukan beliau itu hanya merupakan suatu ilham yang telah menunjukkannya ke jalan yang benar sebelum beliau dibangkitkan menjadi Rasul, kerana itulah beliau menyeru bapanya ke jalan yang benar dan mencela kaumnya yang menyembah berhala-berhala?

Inilah pendapat yang lebih rajih.

Tetapi di sana ada lagi satu kemungkinan bahawa maksud dari kata-kata mereka "*kami dengar ada seorang pemuda*" ialah untuk mengecil-ngecilkan taraf Ibrahim. Ini dibuktikan perbuatan mereka yang berpura-pura tidak tahu tentang diri beliau ketika mereka berkata: "*Yang dipanggil Ibrahim*" dengan tujuan untuk memperkecil-kecilkan Ibrahim dan menunjukkan bahawa beliau adalah seorang yang tidak terkenal dan tidak penting. Mungkin juga tujuan mereka begitu, tetapi kami tarjihkan bahawa Ibrahim a.s. pada masa itu masih dalam usia yang sangat muda:

قَالُواْ فَأۡتُواْ بِهِۦ عَلَىٰٓ أَعۡيُنِ ٱلنَّاسِ لَعَلَّهُمۡ يَشۡهَدُونَ ٦١

"Kata mereka: Bawalah dia ke mari di hadapan mata khalayak yang ramai supaya mereka dapat menyaksikan."(61)

Tindakan ini bertujuan untuk memburukkan nama Ibrahim dan mengumumkan perbuatan beliau di hadapan khalayak yang ramai!

قَالُوٓاْ ءَأَنتَ فَعَلۡتَ هَٰذَا بِـَٔالِهَتِنَا يَٰٓإِبۡرَٰهِيمُ ٦٢

"Mereka bertanya: Apakah engkau yang telah melakukan perbuatan ini terhadap tuhan-tuhan kami, wahai Ibrahim?"(62)

Mereka masih berkeras mendakwa berhala-berhala itu sebagai tuhan-tuhan walaupun dalam keadaan hancur lebur, tetapi Ibrahim telah berjaya mempersendakan mereka dan meletakkan mereka dalam keadaan yang sinis walaupun dia sebatang kara dan bilangan mereka begitu ramai. Ini kerana Ibrahim berfikir dengan akalnya yang terbuka dan dengan hatinya yang berhubung dengan Allah. Pemikiran beliau yang sedemikian tidak dapat menahan dirinya selain dari mempersenda-sendakan mereka dan menjawab pertanyaan mereka dengan jawapan yang sesuai dengan taraf pemikiran mereka yang rendah:

قَالَ بَلۡ فَعَلَهُۥ كَبِيرُهُمۡ هَٰذَا فَسۡـَٔلُوهُمۡ إِن كَانُواْ يَنطِقُونَ ٦٣

"Jawab Ibrahim: Sebenarnya yang melakukan perbuatan itu ialah berhala yang terbesar inilah. Tanyalah sendiri berhala-berhala itu.jika mereka dapat bercakap."(63)

Jawapan ini mengandungi sendaan yang amat jelas, tidak ada sebab bagi kita untuk menamakan jawapan ini sebagai satu pembohongan dari Nabi Ibrahim a.s. dan cuba mencari berbagai-bagai alasannya sebagaimana yang dipertikaikan oleh para Mufassirin. Perkara ini jauh lebih mudah dari itu lagi. Beliau bertujuan mengatakan kepada mereka: Bahawa berhala-berhala itu tidak mengetahui siapakah yang telah menghancurkannya sama ada saya yang melakukannya atau berhala yang besar ini yang melakukannya. Berhala ini juga tidak mempunyai daya gerak seperti berhala-berhala yang dihancurkan itu. Ia adalah pepejal yang tidak mempunyai daya berfikir dan kamu juga sama dengan berhala-berhala itu. Kamu telah dirampas daya berfikir hingga tidak dapat membeza di antara yang harus dan yang mustahil dan hingga kamu sendiri tidak tahu sama ada saya yang menghancurkannya atau berhala besar ini yang menghancurkannya "*tanyalah sendiri berhala-berhala itu jika mereka dapat bercakap*".

Jelaslah bahawa sendaan dan ejekan Ibrahim itu telah menggoncangkan hati mereka dan membuat mereka kembali berfikir dengan insaf:

فَرَجَعُوٓاْ إِلَىٰٓ أَنفُسِهِمۡ فَقَالُوٓاْ إِنَّكُمۡ أَنتُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ ٦٤

"Mereka kembali berfikir di dalam hati mereka lalu berkata: Sesungguhnya kamulah yang sebenarnya orang-orang yang zalim."(64)

Memanglah satu alamat yang baik apabila mereka menyedari pendirian mereka yang karut dan perbuatan mereka yang zalim menyembah patung-patung itu. Memanglah satu petanda yang baik apabila mata hati mereka terbuka bagi pertama kalinya memikirkan kepercayaan yang karut, yang wajar bagi mereka mempersalah diri mereka dan perbuatan mereka yang zalim, yang dilakukan mereka dengan penuh kelalaian itu, tetapi sayang kesedaran itu hanya merupakan sekelip cahaya yang terang sahaja kemudian terus kembali gelap. Ia hanya merupakan satu denyut harakat kesedaran sahaja kemudian hati mereka terus kembali jumud.

ثُمَّ نُكِسُوا۟ عَلَىٰ رُءُوسِهِمْ لَقَدْ عَلِمْتَ مَا هَٰٓؤُلَآءِ يَنطِقُونَ ﴿٦٥﴾

"Kemudian fikiran mereka terbalik songsang (lalu mereka berkata): (Wahai Ibrahim!) Sesungguhnya engkau tentulah telah mengetahui bahawa berhala-berhala itu tidak dapat bercakap."(65)

Memang benar kali yang pertama mereka sedar, tetapi kali yang kedua fikiran mereka terbalik songsang pula sebagaimana digambarkan oleh Al-Qur'an dengan ungkapannya yang amat menarik. Kali pertama merupakan kesedaran mereka untuk berfikir dan kali yang kedua merupakan fikiran mereka yang terbalik songsang, yang tidak lagi menggunakan akal. (Inilah keadaan mereka yang sebenar) Jika tidak, maka kata-kata mereka yang akhir ini merupakan satu hujjah yang mengalahkan mereka sendiri, kerana tidak ada alasan yang lebih kuat bagi Ibrahim dari alasan bahawa berhala-berhala itu sama sekali tidak dapat bercakap. Dan oleh sebab itulah beliau berkata kepada mereka dengan kasar dan dengan perasaan yang marah di luar kebiasaannya kerana beliau selalunya bersifat sabar dan penyantun. Beliau berbuat demikian kerana kekarutan pemikiran mereka telah melampaui batas kesabaran seseorang yang penyantun.

قَالَ أَفَتَعْبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ مَا لَا يَنفَعُكُمْ شَيْـًٔا وَلَا يَضُرُّكُمْ ﴿٦٦﴾

أُفٍّ لَّكُمْ وَلِمَا تَعْبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ ۖ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٦٧﴾

"Jawab Ibrahim: Mengapakah kamu menyembah selain dari Allah sesuatu yang tidak dapat memberi manfa'at kepada kamu sedikit pun dan tidak pula dapat memberi mudharat kepada kamu (66). Celakalah kepada kamu dan kepada berhala-berhala yang kamu sembah selain dari Allah, mengapakah kamu tidak berfikir?"(67)

Perkataan-perkataan ini membayangkan kemarahan yang terpendam di dalam dada dan membayangkan perasaan takjub terhadap kekarutan fikiran yang melampaui batas biasa.

Sampai di sini mereka dikongkong oleh perasaan berbangga dengan dosa sebagaimana yang selalu berlaku kepada pemerintah-pemerintah yang zalim apabila mereka kehilangan hujjah dan alasan lalu mereka bertindak menggunakan kekuatan yang zalim dan penindasan yang kejam:

قَالُوا۟ حَرِّقُوهُ وَٱنصُرُوٓا۟ ءَالِهَتَكُمْ إِن كُنتُمْ فَٰعِلِينَ ﴿٦٨﴾

"Mereka pun berkata: Bakarkan dia! Dan bantulah tuhan-tuhan kamu, jika kamu benar-benar hendak bertindak."(68)

Alangkah baiknya nasib tuhan-tuhan yang ditolong para penyembahnya, sedangkan mereka sendiri tidak berkuasa memberi manfa'at atau mudharat kepada diri mereka sendiri apatah lagi untuk menolong para penyembah mereka.

"*Mereka pun berkata: Bakarkan dia*", tetapi sebelum itu perintah Ilahi telah pun dikeluarkan, lalu perintah ini membatalkan segala perintah yang lain dan menggagalkan segala rancangan yang jahat. Itulah perintah tertinggi yang tidak dapat dihalangkan:

قُلْنَا يَٰنَارُ كُونِى بَرْدًا وَسَلَٰمًا عَلَىٰٓ إِبْرَٰهِيمَ ﴿٦٩﴾

"Kami berfirman: Wahai api! Jadilah engkau sejuk dan selamat kepada Ibrahim!"(69)

Lalu api itu pun menjadi sejuk dan selamat kepada mereka.

Bagaimana?

Mengapa kita harus bertanya peristiwa ini sahaja, sedangkan kata-kata "kun" itu telah menciptakan berbagai-bagai makhluk dan alam, berbagai-bagai undang-undang dan peraturan.

إِنَّمَآ أَمْرُهُۥٓ إِذَآ أَرَادَ شَيْـًٔا أَن يَقُولَ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ ﴿٨٢﴾

"Sesungguhnya urusan ciptaan Allah apabila Dia hendak menciptakan sesuatu Dia hanya memerintah kepadanya: Jadilah, maka iapun terus jadi."

(Surah Yaasin: 82)

Kita tidak harus bertanya: Mengapa api tidak membakar Ibrahim, sedangkan biasanya api itu membakar segala jisim yang hidup? Kerana Tuhan yang memerintah api: "*Wahai api! Janganlah engkau membakar!*" Tuhan itulah juga yang memerintah "*Wahai api! Jadilah engkau sejuk dan selamat*". Ia hanya merupakan sepatah perintah yang dapat mewujudkan apa sahaja yang dikehendaki-Nya sama ada sesuatu yang dikehendaki-Nya merupakan perkara yang biasa kepada manusia atau luar biasa.

Hanya orang-orang yang mengukur kerja-kerja Allah S.W.T. dengan kerja-kerja manusia sahaja yang tergamak bertanya: Bagaimana hal ini boleh berlaku? Bagaimana ia mungkin berlaku? Tetapi bagi orang-orang yang memahami perbezaan di antara dua sifat dan dua alat itu, mereka sama sekali tidak akan bertanya suatu apa. Mereka tidak cuba merekakan alasan-alasan sama ada bersifat ilmiyah atau tidak bersifat ilmiyah, kerana permasalahan tidak wujud sama sekali di bidang ini. Permasalahan tidak wujud di bidang mengemukakan dalil-dalil dan analisa-analisa mengikut neraca pertimbangan dan ukuran-ukuran manusia. Segala cara pemikiran yang diguna untuk memahami mu'jizat-mu'jizat yang seperti ini selain dari cara pemikiran menyerahkan kepada qudrat Allah yang mutlaq adalah cara pemikiran yang tidak betul

dari asasnya lagi, kerana kerja-kerja Allah tidak tunduk dan terta'luk kepada neraca-neraca ukuran-ukuran manusia dan ilmu pengetahuan mereka yang sedikit dan terbatas.

Kita hanya wajib percaya bahawa peristiwa ini benar-benar telah berlaku, kerana Allah Penciptanya berkuasa berbuat begitu, tentang bagaimana Allah boleh membuat api itu menjadi sejuk dan selamat? Bagaimana Dia lakukan terhadap Ibrahim hingga beliau tidak dapat dihanguskan api? Maka pertanyaan-pertanyaan seperti ini tidak dijelaskan oleh Al-Qur'an memandangkan perkara-perkara yang seperti ini-tidak dapat difahami oleh akal fikiran manusia yang terbatas dan kita tidak harus berpegang dengan dalil-dalil yang lain dari Al-Qur'an.

Kejadian perubahan api menjadi sejuk dan selamat kepada Ibrahim merupakan satu contoh sahaja dari contoh-contoh seumpamanya yang berlaku di dalam berbagai-bagai bentuk rupa, tetapi kejadian-kejadian ini tidak menggoncang dan menakjubkan perasaan manusia sebagaimana yang ditimbulkan oleh peristiwa api yang tidak membakar Ibrahim, yang berlaku secara terbuka dan jelas itu. Berapa banyak kesusahan dan malapetaka yang telah menimpa individu-individu dan kelompok. Malapetaka-malapetaka itu sepatutnya memberi pukulan maut kepada mereka, tetapi kerana sesuatu perkara yang kecil sahaja malapetaka-malapetaka itu terhindar dari mereka dan menyebabkan mereka hidup tidak mati, dan menyebabkan malapetaka itu menyegar tidak melumpuh dan membawa banyak kebaikan, sedangkan akibat biasanya membawa berbagai-bagai keburukan.

Ungkapan atau perintah *"Wahai api! Jadilah engkau sejuk dan selamat kepada Ibrahim"* merupakan perintah Ilahi yang sentiasa berulang-ulang dalam kehidupan individu-individu, kumpulan-kumpulan dan bangsa-bangsa, juga berulang-ulang di dalam kehidupan pemikiran-pemikiran, 'aqidah-'aqidah dan da'wah-da'wah. Ia merupakan lambang dari perintah Ilahi yang membatalkan segala perintah yang lain dan menggagalkan segala tindakan jahat, kerana ia merupakan perintah tertinggi yang tidak dapat ditolak:

وَأَرَادُوا۟ بِهِۦ كَيْدًا فَجَعَلْنَٰهُمُ ٱلْأَخْسَرِينَ ﴿٧٠﴾

"Dan mereka telah merancangkan tindakan yang jahat terhadap Ibrahim lalu Kami jadikan mereka orang-orang yang paling rugi."(70)

Menurut riwayat-riwayat, nama raja yang semasa dengan Nabi Ibrahim a.s. ialah Namrud, iaitu raja orang-orang Arami di Iraq. Baginda dan para pembesar kaumnya telah dibinasakan dengan 'azab Allah. Berbagai-bagai riwayat yang tidak sama telah menceritakan butir-butir kisah Raja Namrud ini dan kita tidak mempunyai apa-apa dalil. Yang penting kepada kita di sini ialah Allah telah menyelamatkan Nabi Ibrahim dari rancangan jahat yang diatur oleh Namrud. Baginda dan para pembesarnya yang merancangkan tindakan jahat itu telah menderita kerugian dan kegagalan:

فَجَعَلْنَٰهُمُ ٱلْأَخْسَرِينَ ﴿٧٠﴾

"Lalu Kami jadikan mereka orang-orang yang paling rugi."(70)

Demikianlah Al-Qur'an menceritakan kisah itu secara umum tanpa memberi suatu gambaran yang tertentu.

وَنَجَّيْنَٰهُ وَلُوطًا إِلَى ٱلْأَرْضِ ٱلَّتِى بَٰرَكْنَا فِيهَا لِلْعَٰلَمِينَ ﴿٧١﴾

"Dan Kami selamatkan Ibrahim dan Lut ke sebuah negeri yang Kami telah berkatikannya untuk sekalian manusia."(71)

Negeri Syam Merupakan Tempat Kebangkitan Para Rasul Dari Zuriat Ismail

Negeri yang dimaksudkan di sini ialah negeri Syam, tempat beliau dan anak saudaranya Lut berpindah. Negeri Syam merupakan negeri tempat turunnya wahyu Allah selama satu zaman yang amat panjang. Ia merupakan tempat kebangkitan para rasul dari keturunan Ibrahim. Di sinilah terdapat tanah suci dan tanah haram yang kedua dan di sinilah terdapat keberkatan tanah yang subur dan rezeki yang mewah di samping keberkatan wahyu dan nubuwwah generasi demi generasi.

وَوَهَبْنَا لَهُۥٓ إِسْحَٰقَ وَيَعْقُوبَ نَافِلَةً ۖ وَكُلًّا جَعَلْنَا صَٰلِحِينَ ﴿٧٢﴾

وَجَعَلْنَٰهُمْ أَئِمَّةً يَهْدُونَ بِأَمْرِنَا وَأَوْحَيْنَآ إِلَيْهِمْ فِعْلَ ٱلْخَيْرَٰتِ وَإِقَامَ ٱلصَّلَوٰةِ وَإِيتَآءَ ٱلزَّكَوٰةِ ۖ وَكَانُوا۟ لَنَا عَٰبِدِينَ ﴿٧٣﴾

"Dan Kami telah mengurniakan kepadanya (Ibrahim), Ishaq (anak) dan juga Ya'kub (cucu) sebagai tambahan dan setiap orang dari keduanya Kami jadikannya orang yang soleh belaka (72). Dan Kami jadikan mereka para pemimpin yang membimbing manusia dengan perintah Kami dan Kami wahyukan kepada mereka supaya mengerjakan amalan-amalan kebajikan, mendirikan solat dan menunaikan zakat dan mereka sekalian sentiasa beribadat kepada Kami."(73)

Ibrahim a.s. telah meninggalkan tanahairnya, keluarganya dan kaumnya lalu Allah gantikannya dengan negeri Syam yang penuh keberkatan, satu negeri yang lebih baik dari negeri asalnya dan menggantikannya dengan anaknya Ishaq dan cucunya Ya'kub selaku keluarga baru yang lebih baik dari keluarga asalnya, dan menggantikannya dengan zuriat keturunan yang membentuk satu umat yang ramai bilangannya dan menjadi satu kaum yang lebih baik dari kaum asalnya. Dari keturunan beliaulah Allah jadikan pemimpin-pemimpin yang menunjuk manusia kepada agama Allah, menyuruh mereka mengerjakan

segala amalan yang baik, mendirikan solat dan mengeluarkan zakat dan mereka sentiasa ta'at dan patuh kepada Allah. Itulah sebaik-baik gantian, sebaik-baik balasan dan sebaik-baik kesudahan hidup yang dikurniakan Allah kepada Ibrahim a.s. Beliau telah diuji dengan kesusahan lalu beliau hadapinya dengan penuh kesabaran dan akhirnya mendapat kesudahan hidup yang mulia, yang layak dengan darjat kesabarannya yang amat cemerlang.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 74 – 75)

وَلُوطًا ءَاتَيْنَٰهُ حُكْمًا وَعِلْمًا وَنَجَّيْنَٰهُ مِنَ
ٱلْقَرْيَةِ ٱلَّتِى كَانَت تَّعْمَلُ ٱلْخَبَٰٓئِثَ ۗ إِنَّهُمْ كَانُوا۟
قَوْمَ سَوْءٍ فَٰسِقِينَ ﴿٧٤﴾
وَأَدْخَلْنَٰهُ فِى رَحْمَتِنَآ ۖ إِنَّهُۥ مِنَ ٱلصَّٰلِحِينَ ﴿٧٥﴾

"Dan kepada Lut Kami kurniakan kepadanya hikmat dan ilmu dan Kami telah menyelamatkannya dari negeri yang penduduknya melakukan berbagai-bagai perbuatan yang keji, sesungguhnya mereka adalah satu kaum yang jahat lagi fasiq (74). Dan Kami masukkannya ke dalam rahmat Kami. Sesungguhnya dia adalah dari golongan orang-orang yang soleh."(75)

Perpindahan Nabi Lut Dan Ibrahim Dari Negeri Iraq Ke Negeri Syam

Kisah Nabi Lut a.s. telah pun diceritakan dengan terperinci. Ia disebut di sini secara sepintas lalu sahaja. Beliau telah berpindah bersama-sama bapa saudaranya Ibrahim a.s. dari negeri Iraq ke negeri Syam. Beliau tinggal di Kampung Sadum, iaitu sebuah kampung yang suka mengamalkan kejahatan seks yang ganjil, iaitu mencari kepuasan seks sesama lelaki secara terang-terangan, tanpa malu-malu dan segan. Lalu Allah binasakan kampung itu serta penduduknya:

إِنَّهُمْ كَانُوا۟ قَوْمَ سَوْءٍ فَٰسِقِينَ ﴿٧٤﴾

"Sesungguhnya mereka adalah satu kaum yang jahat lagi fasiq."(74)

Allah telah menyelamatkan Lut dan keluarganya kecuali isterinya:

وَأَدْخَلْنَٰهُ فِى رَحْمَتِنَآ ۖ إِنَّهُۥ مِنَ ٱلصَّٰلِحِينَ ﴿٧٥﴾

"Dan Kami masukkannya ke dalam rahmat Kami. Sesungguhnya dia adalah dari golongan orang-orang yang soleh."(75)

Ungkapan ini menggambarkan rahmat itu seolah-olah suatu tempat perlindungan, di mana Allah memasukkan ke dalamnya siapa sahaja yang dikehendaki-Nya dan di sana mereka mendapat keamanan, kesenangan dan rahmat.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 76 - 77)

Kisah Nuh juga disebut secara sepintas lalu:

وَنُوحًا إِذْ نَادَىٰ مِن قَبْلُ فَٱسْتَجَبْنَا لَهُۥ
فَنَجَّيْنَٰهُ وَأَهْلَهُۥ مِنَ ٱلْكَرْبِ ٱلْعَظِيمِ ﴿٧٦﴾
وَنَصَرْنَٰهُ مِنَ ٱلْقَوْمِ ٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَآ ۚ إِنَّهُمْ
كَانُوا۟ قَوْمَ سَوْءٍ فَأَغْرَقْنَٰهُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٧٧﴾

"Dan (kenangilah) Nuh ketika dia berdo'a sebelum ini lalu Kami memperkenankan do'anya dan kami selamatkannya bersama keluarganya dari malapetaka yang amat besar (76). Dan Kami telah menolongkannya dari (kejahatan) kaum yang telah mendustakan ayat-ayat Kami. Sesungguhnya mereka adalah satu kaum yang jahat lalu Kami tenggelamkan seluruh mereka."(77)

Inilah kisah sepintas lalu yang tidak diperincikan sedikit pun untuk menjelaskan bahawa Allah telah memperkenankan do'a Nuh a.s. ketika beliau berdo'a "*sebelum ini*" iaitu sebelum Ibrahim dan Lut. Allah juga telah menyelamatkan Nub dan keluarganya kecuali isterinya dan membinasakan kaumnya dengan banjir yang amat besar. Itulah "*malapetaka yang amat besar*" yang diceritakan dengan terperinci di dalam Surah Hud.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 78 - 82)

Kelebihan-kelebihan Nabi Daud Dan Nabi Sulaiman

Kemudian Al-Qur'an menceritakan agak terperinci sedikit satu babak dari kisah Daud dan Sulaiman:

وَدَاوُۥدَ وَسُلَيْمَٰنَ إِذْ يَحْكُمَانِ فِى ٱلْحَرْثِ إِذْ نَفَشَتْ
فِيهِ غَنَمُ ٱلْقَوْمِ وَكُنَّا لِحُكْمِهِمْ شَٰهِدِينَ ﴿٧٨﴾
فَفَهَّمْنَٰهَا سُلَيْمَٰنَ ۚ وَكُلًّا ءَاتَيْنَا حُكْمًا وَعِلْمًا ۚ
وَسَخَّرْنَا مَعَ دَاوُۥدَ ٱلْجِبَالَ يُسَبِّحْنَ وَٱلطَّيْرَ ۚ
وَكُنَّا فَٰعِلِينَ ﴿٧٩﴾
وَعَلَّمْنَٰهُ صَنْعَةَ لَبُوسٍ لَّكُمْ لِتُحْصِنَكُم مِّنۢ
بَأْسِكُمْ ۖ فَهَلْ أَنتُمْ شَٰكِرُونَ ﴿٨٠﴾
وَلِسُلَيْمَٰنَ ٱلرِّيحَ عَاصِفَةً تَجْرِى بِأَمْرِهِۦٓ إِلَى ٱلْأَرْضِ ٱلَّتِى
بَٰرَكْنَا فِيهَا ۚ وَكُنَّا بِكُلِّ شَىْءٍ عَٰلِمِينَ ﴿٨١﴾

وَمِنَ ٱلشَّيَٰطِينِ مَن يَغُوصُونَ لَهُۥ وَيَعْمَلُونَ
عَمَلًا دُونَ ذَٰلِكَ ۖ وَكُنَّا لَهُمْ حَٰفِظِينَ ﴿٨٢﴾

"Dan (kenangilah kisah) Daud dan Sulaiman ketika kedua-duanya menjatuhkan hukuman mengenai tanaman ketika ia dirosakkan oleh kambing-kambing kaumnya yang berkeliaran di dalamnya di waktu malam dan sesungguhnya Kamilah yang telah menyaksikan hukuman itu (78). Kami telah memberi kefahaman (yang lebih adil) kepada Sulaiman mengenai hukuman itu, dan kepada mereka berdua Kami kurniakan hikmat dan ilmu, dan Kami telah menundukkan gunung-ganang dan burung-burung bertasbih bersama Daud, dan Kami adalah berkuasa berbuat demikian (79). Dan Kami telah mengajar kepada Daud kepandaian membuat baju-baju besi untuk kamu supaya ia dapat memelihara kamu dari bahaya-bahaya (tikaman) di dalam peperangan kamu. Apakah kamu bersyukur? (80) Dan (Kami telah menundukkan) kepada Sulaiman angin yang amat kencang yang bertiup dengan perintahnya ke negeri yang Kami telah memberkatinya, dan Kamilah Yang Maha Mengetahui segala sesuatu (81). Dan di dalam golongan para syaitan (Kami tundukkan kepada Sulaiman) pasukan yang menyelam untuknya dan melakukan pekerjaan-pekerjaan yang lain dari itu, dan Kamilah yang menjaga mereka."(82)

Kisah tanaman yang telah diadili oleh Daud dan Sulaiman itu telah diceritakan oleh para rawi seperti berikut: Ada dua orang lelaki datang berguam di hadapan Nabi Daud a.s., seorang darinya tuanpunya tanaman atau ladang dan menurut satu riwayat yang lain ladang kurma, dan seorang lagi ialah penternak kambing. Tuanpunya tanaman telah mendakwa bahawa kambing-kambing itu telah memasuki ladang tanamannya di waktu malam dan merosakkannya hingga semua tanaman musnah, lalu Daud a.s. pun menjatuhkan hukuman, iaitu tuanpunya ladang boleh mengambil kambing-kambing penternaknya sebagai ganti tanamannya yang rosak itu. Kemudian penternak kambing itu datang mendapatkan Sulaiman a.s. dan menceritakan keputusan hukuman yang dijatuhkan oleh Daud, lalu Sulaiman a.s. pun mengadap ayahandanya, Daud sambil bersabda: "Wahai Nabiyullah, hukuman yang lebih adil bukannya seperti hukuman yang telah dijatuhkan oleh ayahanda". Daud a.s. terus bertanya: "Bagaimana hukumannya?" Jawab Sulaiman: "Serahkan kambing-kambing itu kepada tuanpunya ladang supaya dia dapat mengambil manfa'at dari ternakan itu dan serahkan ladang itu kepada penternak kambing itu supaya dia membetulkan kerosakan yang telah berlaku kepada ladang itu sehingga pulih seperti sediakala, dan selepas itu pulangkan semula kepada tuanpunya masing-masing hak kepunyaannya, iaitu tuanpunya ladang mengambil balik bendangnya dan penternak kambing mengambil balik kambing-kambing ternakannya". Lalu Daud a.s. pun bersabda!: "Hukuman yang diputuskan oleh anakanda ini adalah lebih adil". Lalu Daud pun meminda keputusannya dan mengenakan hukuman yang telah diputuskan oleh Sulaiman.

Keputusan hukuman yang dibuat oleh Daud dan Sulaiman dalam kes ini merupakan keputusan yang dibuat menurut ijtihad mereka masing-masing dan kedua-dua hukuman itu telah disaksikan oleh Allah, kemudian Allah mengilhamkan kepada Sulaiman hukuman yang lebih adil dan bijaksana dan memahamkan beliau hukuman itu dan itulah hukuman yang lebih tepat.

Hukuman Daud a.s. semata-mata bertujuan memberi gantirugi kepada tuanpunya ladang tanaman dan tujuan ini sudah pun cukup adil, tetapi hukuman Sulaiman a.s. di samping mendokong dasar keadilan, ia juga merupakan hukuman yang membina dan membangun, yakni keadilan hukuman ini mendorong ke arah pembinaan dan pembangunan. Inilah keadilan yang dinamik dan positif dalam bentuknya yang membina dan mendorong ke arah pembangunan. Itulah hukuman dari pembukaan dan ilham dari Allah yang dikurniakan kepada siapa sahaja yang dikehendaki-Nya.

Kedua-dua Daud dan Sulaiman a.s. itu telah dikurniakan hikmat dan ilmu pengetahuan:

وَكُلًّا ءَاتَيْنَا حُكْمًا وَعِلْمًا ۚ

"Dan kepada mereka berdua Kami kurniakan hikmat ilmu pengetahuan."(79)

Tidak ada apa-apa kesalahan di dalam keputusan hukuman yang dijatuhkan Daud a.s.; tetapi keputusan hukuman yang diberikan Sulaiman a.s. adalah lebih tepat, kerana keputusan itu adalah dari ilham Ilahi.

Kemudian Al-Qur'an menerangkan pemberian-pemberian istimewa masing-masing yang dikurniakan Allah kepada mereka berdua:

وَسَخَّرْنَا مَعَ دَاوُۥدَ ٱلْجِبَالَ يُسَبِّحْنَ وَٱلطَّيْرَ ۚ
وَكُنَّا فَٰعِلِينَ ﴿٧٩﴾
وَعَلَّمْنَٰهُ صَنْعَةَ لَبُوسٍ لَّكُمْ لِتُحْصِنَكُم مِّنۢ
بَأْسِكُمْ ۖ فَهَلْ أَنتُمْ شَٰكِرُونَ ﴿٨٠﴾

"Dan Kami telah menundukkan gunung-ganang dan burung-burung bertasbih bersama Daud, dan Kami adalah berkuasa berbuat demikian (79). Dan Kami telah mengajar kepada Daud kepandaian membuat baju-baju besi untuk kamu supaya ia dapat memelihara kamu dari bahaya-bahaya (tikaman) di dalam peperangan kamu. Apakah kamu bersyukur?"(80)

Daud a.s. telah dikenali dengan mazmur-mazmurnya, iaitu pengucapan nasyid-nasyid tasbih kepada Allah yang dikumandangkan beliau dengan suaranya yang merdu, yang mencetuskan gema di sekelilingnya dan disahuti gunung-ganang dan burung-burung.

Apabila hati seseorang hamba telah bersambung dengan Allah, maka dia akan merasa bersambung dengan seluruh alam buana, dan seluruh jantung alam buana akan berdegup bersama dengan degup jantungnya, dan hilanglah segala tembok halangan

dan pemisahan yang terjadi akibat perasaan yang merasakan wujudnya perbezaan di antara berbagai-bagai jenis makhluk itu dan menimbulkan batas-batas dan tembok-tembok pemisahan di antara mereka. Di waktu inilah seluruh hati dan hakikat-hakikatnya akan bertemu dengan hati alam buana dan hakikatnya.

Dalam sa'at-sa'at sorotan cahaya gemilang ini rohnya akan merasa bercantum dan berpadu dengan seluruh roh alam buana. Di waktu ini dia tidak merasa adanya sesuatu yang terkeluar dari zatnya atau merasa dirinya berbeza dengan makhluk-makhluk yang wujud di sekelilingnya, malah seluruh makhluk di sekelilingnya adalah bercantum dengan zatnya.

Dari ayat ini kita dapat menggambarkan Nabi Daud a.s. ketika beliau melagukan mazmur-mazmurnya bahawa beliau lupakan dirinya yang terpisah dan berbeza dari yang lain, dan rohnya mengembara di bawah naungan Allah di merata pelosok alam buana, dan menjelajah seluruh makhluk sama ada yang tidak bernyawa atau yang bernyawa. Gema tasbih makhluk-makhluk itu dirasakannya bersahut-sahutan dan bersambut-sambutan dengan gema tasbihnya, dan seluruh alam buana ketika itu seolah-olah merupakan satu orkestra yang mengumandangkan sebuah lagu tasbih yang mengagung-agungkan kebesaran Allah dan memuji-Nya.

وَإِن مِّن شَيۡءٍ إِلَّا يُسَبِّحُ بِحَمۡدِهِۦ وَلَٰكِن لَّا تَفۡقَهُونَ تَسۡبِيحَهُمۡۚ

"Tiada suatu makhluk melainkan ia bertasbih memuji Allah, tetapi kamu tidak memahami tasbih mereka"

(Surah al-Isra': 44)

orang-orang yang memahami tasbih makhluk-makhluk itu ialah orang-orang yang bebas dari batas-batas dan tembok-tembok pemisahan dan terbang bebas bersama-sama roh sekalian makhluk menuju kepada Allah.

وَسَخَّرۡنَا مَعَ دَاوُۥدَ ٱلۡجِبَالَ يُسَبِّحۡنَ وَٱلطَّيۡرَۚ وَكُنَّا فَٰعِلِينَ ٧٩

"Dan Kami telah menundukkan gunung-ganang dan burung-burung bertasbih bersama Daud, dan Kami adalah berkuasa berbuat demikian."(79)

Yakni di sana tiada suatu makhluk pun yang tidak tunduk kepada qudrat Allah atau enggan menerima kehendak iradat Allah, sama ada makhluk itu merupakan makhluk biasa kepada manusia atau luar biasa.

وَعَلَّمۡنَٰهُ صَنۡعَةَ لَبُوسٖ لَّكُمۡ لِتُحۡصِنَكُم مِّنۢ بَأۡسِكُمۡۖ فَهَلۡ أَنتُمۡ شَٰكِرُونَ ٨٠

"Dan Kami telah mengajar kepada Daud kepandaian membuat baju-baju besi untuk kamu supaya ia dapat memelihara kamu dari bahaya-bahaya (tikaman) di dalam peperangan kamu. Apakah kamu bersyukur?"(80)

Itulah kepandaian membuat baju besi dari cincin-cincin besi yang berkaitan atau saling menjalin satu sama lain, sedangkan sebelum ini ia dibuat dalam bentuk kepingan-kepingan besi yang keras kerana baju besi yang diperbuat dari kaitan dan jalinan cincin-cincin besi itu lebih mudah digunakan dan lebih lembut. Kini jelaslah bahawa Nabi Daud a.s. merupakan orang yang pertama merekakan baju besi jenis ini dengan ajaran Allah. Allah sentiasa mengurniakan ni'mat kepada manusia dan telah mengajar Daud a.s, kepandaian membuat baju besi untuk melindungi mereka dari tikaman-tikaman musuh di dalam peperangan:

لِتُحۡصِنَكُم مِّنۢ بَأۡسِكُمۡۖ

"Supaya ia dapat memelihara kamu dari bahaya (tikaman) di dalam peperangan kamu."(80)

Kemudian Al-Qur'an mengemukakan pertanyaan yang bertujuan memberi bimbingan dan galakan kepada mereka:

فَهَلۡ أَنتُمۡ شَٰكِرُونَ ٨٠

"Apakah kamu bersyukur?"(80)

Tamadun manusia berjalan perlahan-lahan selangkah demi selangkah di belakang penemuan-penemuan yang baru. Ia tidak datang secara melompat kerana urusan khilafah atau pemerintahan bumi ini diserahkan kepada manusia dan daya-daya pemikirannya yang dikurniakan kepadanya untuk membolehkan mereka mengaturkan langkah pada setiap hari dan menyusun kembali kehidupannya mengikut langkah yang baru itu. Usaha menyusun semula kehidupan mengikut peraturan yang baru itu bukanlah suatu perkara yang mudah kepada jiwa manusia. Ia menggoncangkan ketenteramannya dan mengubahkan kebiasaan-kebiasaannya. Ia memerlukan satu jangka waktu untuk memulihkan ketenteraman dan kestabilan yang diperlukannya demi melakukan kegiatan bekerja dan menghasilkan pengeluaran. Oleh sebab itulah hikmat kebijaksanaan Allah menetapkan adanya satu jangka masa ketenteraman atau kestabilan selepas setiap penyusunan yang baru.

Kegelisahan yang menekan saraf dunia hari ini adalah berpunca dari kecepatan berlakunya goncangan-goncangan akibat penemuan-penemuan ilmiyah dan perubahan-perubahan sosial yang tidak dapat memberi masa ketenteraman dan kestabilan yang cukup kepada manusia, iaitu ia tidak dapat memberi peluang yang cukup kepada jiwa manusia untuk membolehkan mereka menyesuaikan diri dengan perubahan atau kedudukan yang baru itu.

Itulah keistimewaan Nabi Daud a.s. dan keistimewaan nabi Sulaiman pula adalah lebih besar lagi:

وَلِسُلَيْمَٰنَ ٱلرِّيحَ عَاصِفَةً تَجْرِي بِأَمْرِهِۦٓ إِلَى ٱلْأَرْضِ ٱلَّتِي
بَٰرَكْنَا فِيهَا ۚ وَكُنَّا بِكُلِّ شَيْءٍ عَٰلِمِينَ ﴿٨١﴾
وَمِنَ ٱلشَّيَٰطِينِ مَن يَغُوصُونَ لَهُۥ وَيَعْمَلُونَ
عَمَلًا دُونَ ذَٰلِكَ ۖ وَكُنَّا لَهُمْ حَٰفِظِينَ ﴿٨٢﴾

"Dan (Kami telah menundukkan) kepada Sulaiman angin yang amat kencang yang bertiup dengan perintahnya ke negeri yang Kami telah memberkatinya, dan Kamilah Yang Maha Mengetahui segala sesuatu (81). Dan di dalam golongan para syaitan (Kami tundukkan kepada Sulaiman) pasukan yang menyelam untuknya dan melakukan pekerjaan-pekerjaan yang lain dari itu, dan Kamilah yang menjaga mereka."(82)

Di sana terdapat berbagai-bagai riwayat, berbagai-bagai kefahaman dan pendapat yang berlegar di sekitar keistimewaan-keistimewaan mu'jizat Nabi Sulaiman a.s. Kebanyakannya diambil dari dongeng-dongeng Israeliyat dan gambaran-gambaran khayal yang karut-marut. Tetapi kami tidak mahu mengembara di padang yang sesat ini. Kami hanya berhenti setakat batas-batas nas keterangan Al-Qur'an sahaja kerana di sebalik batas-batas itu tidak terdapat keterangan-keterangan yang meyakinkan mengenai kisah Sulaiman a.s. itu sendiri.

Nas Al-Qur'an di sini menjelaskan bahawa Allah telah menundukkan angin yang kencang kepada Nabi Sulaiman a.s. Angin itu bertiup mengikut perintah-Nya menuju ke negeri yang telah diberkati Allah. Negeri itu menurut ghalibnya ialah negeri Syam, kerana ia pernah disebut sebelum ini dengan sifat yang sama di dalam kisah Ibrahim a.s. Bagaimanakah angin yang kencang itu ditundukkan kepada Ibrahim?

Di sana ada kisah permaidani terbang yang mengatakan bahawa Sulaiman a.s. dan para pengiringnya duduk di atas permaidani itu kemudian terbang ke Syam dalam waktu yang sebentar sahaja, sedangkan jarak jauhnya memakan masa selama sebulan dengan perjalanan unta dan begitu juga masa pulangnya. Riwayat ini berpegang dengan keterangan yang disebut di dalam Surah Saba' mulai dari firman-Nya:

وَلِسُلَيْمَٰنَ ٱلرِّيحَ غُدُوُّهَا شَهْرٌ وَرَوَاحُهَا شَهْرٌ ۖ

"Dan (Kami tundukkan) angin kepada Sulaiman, perjalanan, perginya sebulan dan perjalanan baliknya sebulan."

(Surah Saba': 12)

Tetapi Al-Qur'an tidak menyebut sedikit pun tentang permaidani terbang itu dan ia tidak pula pernah disebut di dalam mana-mana athar yang diyakini kebenarannya. Oleh itu kita tidak mempunyai apa-apa dalil yang dapat kita pegang untuk menjelaskan masalah permaidani terbang itu.

Oleh itu adalah lebih selamat kita mentafsirkan bahawa maksud angin itu ditundukkan kepada Sulaiman ialah angin itu diarahkan bertiup dengan perintah Allah menuju ke negeri yang diberkati Allah dalam perjalanan yang mengambil masa sebulan pergi dan sebulan pulang. Bagaimana? Kami telah tegaskan sebelum ini bahawa qudrat Allah yang bebas itu tidak wajar ditanya bagaimana? Kerana penciptaan undang-undang dan urusan mengendalikan undang-undang itu adalah dari urusan qudrat Ilahi yang bebas itu. Undang-undang alam al-wujud yang diketahui manusia masih amat sedikit dan tidak mustahil bahawa di sana terdapat beberapa undang-undang yang lain, yang tersembunyi dari pengetahuan manusia iaitu undang-undang yang berfungsi dan melahirkan kesan-kesannya apabila kelahiran kesan-kesan itu diizinkan Allah:

وَكُنَّا بِكُلِّ شَيْءٍ عَٰلِمِينَ ﴿٨١﴾

"Dan Kamilah Yang Maha Mengetahui segala sesuatu."(81)

Iaitu ilmu Allah yang mutlaq dan sempurna bukannya seperti ilmu manusia yang amat terbatas.

Demikianlah juga penundukan makhluk jin di bawah perintah Sulaiman a.s. yang bekerja menyelam di dasar-dasar lautan atau di dasar-dasar daratan untuk mengeluarkan perbendaharaan-perbendaharaan yang tersembunyi kepada Sulaiman atau melaksanakan kerja-kerja yang lain. Istilah jin ialah setiap makhluk yang tersembunyi. Banyak nas-nas Al-Qur'an menyebut bahawa di sana ada makhluk yang dinamakan jin yang tersembunyi kepada kita dan dari golongan makhluk inilah yang ditundukkan kepada perintah Nabi Sulaiman a.s., iaitu untuk menyelami lautan dan melakukan kerja-kerja yang lain darinya. Allahlah yang mengawal mereka dan kerana itu mereka tidak dapat melarikan diri, tidak dapat melakukan kerosakan-kerosakan dan tidak dapat menderhaka kepada perintah hamba-Nya Sulaiman dan Allah itulah yang berkuasa di atas para makhluk-Nya. Dialah yang mencipta dan mengarah mereka pada bila-bila masa dan mengikut apa sahaja yang dikehendaki-Nya.

Setakat batas yang selamat inilah sahaja kami berhenti mengenai pentafsiran nas-nas Al-Qur'an di dalam persoalan ini dan kami tidak mahu berenang dalam dongeng-dongeng israeliyat.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 83 - 84)

Allah telah menguji Daud dan Sulaiman a.s. dengan ni'mat-ni'mat kesenangan. Allah menguji Daud dalam pengadilan dan menguji Sulaiman dengan kuda-kuda yang tenang dan tangkas sebagaimana akan diterangkan di dalam Surah Sad. Oleh itu kami tidak payah menghuraikan kisah ujian itu di sini dengan terperinci sehingga ia disebutkan pada tempatnya

yang sebenar, malah kami terus mengemukakan hasil-hasil dari ujian itu iaitu Daud dan Sulaiman a.s. telah menghadapi ujian dengan ni'mat kesenangan itu dengan penuh sabar setelah beristighfar dari ujian itu, dan kedua-duanya telah berjaya pada akhirnya melintasi ujian itu dengan selamat dan mereka berdua telah mensyukuri ni'mat yang telah dikurniakan Allah itu.

Kesabaran Nabi Ayyub a.s.

Kini tibalah kita kepada ujian dengan kesusahan di dalam kisah Nabi Ayyub a.s.:

وَأَيُّوبَ إِذْ نَادَىٰ رَبَّهُۥٓ أَنِّى مَسَّنِىَ ٱلضُّرُّ وَأَنتَ أَرْحَمُ ٱلرَّٰحِمِينَ ﴿٨٣﴾

فَٱسْتَجَبْنَا لَهُۥ فَكَشَفْنَا مَا بِهِۦ مِن ضُرٍّ وَءَاتَيْنَٰهُ أَهْلَهُۥ وَمِثْلَهُم مَّعَهُمْ رَحْمَةً مِّنْ عِندِنَا وَذِكْرَىٰ لِلْعَٰبِدِينَ ﴿٨٤﴾

"Dan (kenangilah kisah) Ayyub ketika dia berdo'a kepada Tuhannya: (Ya Tuhanku) sesungguhnya aku telah ditimpa penyakit dan Engkau adalah Tuhan Yang Maha Pengasih di antara semua pengasih (83). Lalu Kami memperkenankan do'anya dan Kami hapuskan penyakitnya, dan Kami kurniakan kembali keluarganya dengan bilangan sekali ganda bersama mereka sebagai rahmat dari sisi Kami dan sebagai kenang-kenangan ke ada para 'Abidin."(84)

Kisah Ayyub a.s. diuji dengan kesusahan itu merupakan satu kisah ujian yang paling indah. Nas-nas Al-Qur'an hanya menyebut intipati kisah itu sahaja tanpa menghuraikannya dengan panjang lebar. Di tempat ini kisah itu menyebut tentang do'a Ayyub a.s. dan bagaimana do'a itu telah diperkenankan Allah, kerana tujuan penerangan ayat-ayat ini ialah untuk menunjukkan limpah rahmat Allah dan pemeliharaan-Nya terhadap para Anbia'-Nya di dalam ujian-ujian yang dihadapi mereka, sama ada ujian dalam bentuk mereka yang didusta dan ditindas oleh kaum mereka atau dalam bentuk ni'mat seperti dalam kisah Daud dan Sulaiman atau dalam bentuk ditimpa kesakitan seperti di dalam kisah Ayyub a.s.

Ayyub a.s. di dalam do'anya di sini tidak lebih dari menyebut keadaan pengidapannya:

أَنِّى مَسَّنِىَ ٱلضُّرُّ

"Sesungguhnya aku telah ditimpa penyakit"(83)

dan menyifatkan Allah dengan sifat berikut:

وَأَنتَ أَرْحَمُ ٱلرَّٰحِمِينَ ﴿٨٣﴾

"Dan Engkau adalah Tuhan Yang Maha Pengasih di antara semua pengasih."(83)

Di samping itu beliau tidak memohon kepada Allah agar mengubahkan keadaannya kerana sabar menghadapi ujian itu. Beliau tidak mengemukakan apa-apa rayuan dan permintaan kepada Allah kerana menjaga adab sopan santunnya terhadap Allah. Oleh itu beliau merupakan contoh dari seorang hamba yang sabar dan tabah menghadapi ujian, tidak gelisah dan cemas menanggung kesakitan. Itulah sifat-sifat yang dijadikan contoh di setiap zaman[3], malah beliau merasa begitu segan untuk memohon kepada Allah supaya mengangkatkan bala kesakitan yang dihidapinya itu. Beliau menyerah bulat urusan itu kepada Allah kerana yakin bahawa Allah amat mengetahui keadaan penderitaannya dan tidak perlu dikemukakan permintaan dan permohonan.

Ketika Ayyub a.s. berdo'a kepada Allah dengan keyakinan dan adab sopan yang setinggi itu, maka do'anya terus diperkenankan Allah dan beliau dicucurkan dengan rahmat-Nya dan ujian itu pun terus ditamatkan:

فَٱسْتَجَبْنَا لَهُۥ فَكَشَفْنَا مَا بِهِۦ مِن ضُرٍّ وَءَاتَيْنَٰهُ أَهْلَهُۥ وَمِثْلَهُم مَّعَهُمْ

"Lalu Kami memperkenankan do'anya dan Kami hapuskan penyakitnya dan Kami kurniakan kembali keluarganya dengan bilangan sekali ganda bersama mereka."(84)

Allah telah mengangkatkan pengidapan penyakit itu dari tubuh badan beliau dan beliau kembali sihat wal'afiat. Begitu juga Allah telah mengangkatkan bala pengidapan penyakit dari keluarganya dan menggantikan keluarga-keluarganya yang hilang itu dengan sekali ganda bilangan. Menurut satu riwayat, yang dimaksudkan dengan anggota-anggota keluarga beliau yang hilang itu ialah anak-anaknya, lalu Allah kurniakan beliau anak-anak yang sekali ganda ramainya, atau Allah mengurniakan kepada beliau anak-anak dan cucu-cucu yang ramai:

رَحْمَةً مِّنْ عِندِنَا

"Sebagai rahmat dari sisi Kami"(84)

kerana setiap ni'mat ini merupakan rahmat dan limpah kurnia dari Allah:

وَذِكْرَىٰ لِلْعَٰبِدِينَ ﴿٨٤﴾

"Dan sebagai kenang-kenangan kepada para 'Abidin"(84)

yang dapat mengingatkan mereka kepada Allah dan ujian-Nya, juga kepada limpah rahmat Allah ketika

---

[3] *Banyak pendapat dan riwayat yang menggambarkan pengidapan penyakit yang menimpa Ayyub a. s. secara keterlaluan dan berlebih-lebihan hingga mengatakan bahawa beliau telah mengidap satu penyakit yang menjijikkan dan kerana itu beliau tidak didekati orang dan dibuang keluar kota. Pendapat ini tidak berasas kerana kerasulan itu bertentangan dengan pengidapan penyakit yang menjijikkan. Yang nampak jelas dari nas-nas Al-Qur'an ialah beliau telah ditimpa bala kesakitan pada dirinya dan keluarganya. Ini pun sudah cukup menjadi suatu ujian kepada beliau.*

berada dalam sesuatu bala dan selepasnya. Bala kesakitan yang dialami Ayyub a.s. merupakan suatu teladan kepada seluruh manusia dan kesabaran beliau menghadapinya merupakan suatu pengajaran kepada mereka. Itulah kemuncak kesabaran, adab sopan dan kesudahan yang baik yang dicita-citakan oleh semua orang.

Sebutan "para 'Abidin" di dalam cerita bala ini mempunyai tujuannya yang tertentu, kerana golongan para Abidin itulah yang sentiasa terdedah kepada ujian dan bala. Itulah tanggungan-tanggungan ibadat, tanggungan-tanggungan 'aqidah dan tanggungan-tanggungan iman. Itulah petanda bahawa urusan agama itu adalah urusan yang sungguh-sungguh dan bukannya main-main, dan 'aqidah itu merupakan suatu amanah yang tidak diserah melainkan kepada orang-orang yang jujur dan berupaya memikulnya, iaitu orang-orang yang bersedia dan sanggup menanggung segala tugas-tugas dan akibatnya. 'aqidah itu bukannya sebuah kata yang diucapkan di bibir mulut dan bukannya suatu dakwaan yang boleh didakwa oleh sesiapa sahaja, malah di sana pastilah ada daya kesabaran dan ketabahan supaya para 'Abidin itu dapat melintasi ujian dan dugaan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 85 - 86)

Para Anbia' Yang Terkenal Sabar

Kemudian Al-Qur'an menyebut secara sepintas lalu tentang Ismail, Idris dan Zulkifli a.s.:

وَإِسْمَٰعِيلَ وَإِدْرِيسَ وَذَا ٱلْكِفْلِ كُلٌّ مِّنَ ٱلصَّٰبِرِينَ ﴿٨٥﴾

وَأَدْخَلْنَٰهُمْ فِى رَحْمَتِنَآ إِنَّهُم مِّنَ ٱلصَّٰلِحِينَ ﴿٨٦﴾

"Dan (kenangilah kisah) Ismail, Idris dan Zulkifli. Semua mereka adalah dari golongan orang-orang yang sabar (85). Dan Kami telah memasukkan mereka ke dalam rahmat Kami. Sesungguhnya mereka dari golongan para Solehin."(86)

Ayat-ayat ini menyebut sifat sabar dan tabah dalam kisah para rasul tersebut.

Ismail a.s. telah menunjukkan kesabarannya apabila beliau diuji dengan penyembelihan dan beliau telah berserah bulat kepada Allah seraya berkata:

يَٰٓأَبَتِ ٱفْعَلْ مَا تُؤْمَرُ سَتَجِدُنِىٓ إِن شَآءَ ٱللَّهُ مِنَ ٱلصَّٰبِرِينَ ﴿١٠٢﴾

"Wahai ayahandaku! Kerjakanlah apa sahaja yang diperintahkan Allah kepada ayahanda, dan insya Allah ayahanda akan mendapati anakanda dari golongan orang-orang yang sabar."

(Surah as-Saffat: 102)

Adapun Idris a.s., maka sebelum ini telah pun diterangkan bahawa zaman dan tempat hidup beliau adalah tidak diketahui. Di sana hanya ada satu riwayat yang mengatakan bahawa beliau itu ialah Ozoris yang telah disembah oleh orang-orang Mesir selepas matinya. Mereka telah menggubah berbaga-bagai cerita dongeng mengenai beliau selaku guru perdana pertama manusia yang mengajar kepandaian pertanian dan pertukangan, tetapi kita tidak mempunyai sesuatu dalil yang membenarkan riwayat ini. Apa yang harus kita ketahui mengenai Idris a.s. ialah beliau adalah dari golongan tokoh-tokoh yang amat sabar, dan kesabarannya adalah dari jenis-jenis kesabaran yang wajar dirakamkan didalam kitab Allah yang kekal abadi.

Siapakah Nabi Zulkifli?

Zulkifli a.s. juga tidak begitu dikenali. Kita tidak dapat menentukan zamannya dan tempatnya. Pendapat yang lebih rajih mengatakan beliau dari golongan Anbia' Bani Israel dan ada pula yang mengatakan beliau dari golongan tokoh-tokoh orang-orang yang soleh dari Bani Israel dan beliau telah membuat kesanggupan kepada salah seorang dari nabi-nabi mereka sebelum wafatnya nabi itu bahawa beliau akan menggantikannya dalam masyarakat Bani Israel dengan syarat beliau sanggup melakukan tiga perkara, iaitu melakukan ibadat di waktu malam, berpuasa pada hari siang dan tidak marah semasa menjalankan tugas kehakiman. Beliau telah menyempurnakan semua kesanggupannya itu dan kerana itulah beliau dinamakan Zulkifli (orang yang menunaikan kesanggupan). Tetapi semua cerita ini merupakan cerita-cerita yang tidak bersandarkan kepada apa-apa dalil. Nas Al-Qur'an yang tersebut di tempat ini adalah cukup untuk merakamkan sifat Zulkifli a.s.:

وَأَدْخَلْنَٰهُمْ فِى رَحْمَتِنَآ إِنَّهُم مِّنَ ٱلصَّٰلِحِينَ ﴿٨٦﴾

"Dan Kami telah memasukkan mereka ke dalam rahmat Kami. Sesungguhnya mereka dari golongan para Solehin."(86)

Untuk merakamkan sifat sabar itulah yang menjadi tujuan disebutkan nabi-nabi tersebut di dalam ayat ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 87 - 88)

Kemudian datang pula kisah Yunus a.s. iaitu Zun-Nun.

وَذَا ٱلنُّونِ إِذ ذَّهَبَ مُغَٰضِبًا فَظَنَّ أَن لَّن نَّقْدِرَ عَلَيْهِ فَنَادَىٰ فِى ٱلظُّلُمَٰتِ أَن لَّآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنتَ سُبْحَٰنَكَ إِنِّى كُنتُ مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٨٧﴾

فَٱسْتَجَبْنَا لَهُۥ وَنَجَّيْنَٰهُ مِنَ ٱلْغَمِّ وَكَذَٰلِكَ

نُـۨجِي ٱلۡمُؤۡمِنِينَ ﴿٨٨﴾

"Dan (kenangilah) Zun-Nun (Yunus) ketika ia pergi (meninggalkan kaumnya) dengan keadaan marah dan dia menyangka bahawa Kami tidak akan menyusahkannya lalu dia berdo'a di dalam gelap-gelita: Tiada Tuhan melainkan hanya Engkau. Maha Sucilah Engkau. Sesungguhnya aku telah termasuk di dalam orang-orang yang zalim (87). Lalu Kami memperkenankan do'anya dan Kami telah menyelamatkannya dari kedukaan, dan demikianlah Kami bertindak menyelamatkan para Mu'minin."(88)

Di Sebalik Kisah Nabi Yunus a.s.

Kisah Yunus disebutkan disini secara sepintas lalu sahaja kerana menjaga imbangan penerangan. Ia diceritakan dengan terperinci di dalam Surah as-Saffat, tetapi kita terpaksa menceritakan kisah beliau agak terperinci di sini supaya dapat difahami.

Beliau telah digelarkan dengan Zun-Nun (tuanpunya ikan besar) kerana beliau telah ditelan seekor ikan besar kemudian ia meluahkannya kembali. Ceritanya begini: Beliau telah diutuskan ke sebuah negeri, lalu beliau menyeru para penduduknya kepada Allah, tetapi mereka menentang beliau dan menyebabkan beliau merasa bosan dan susah hati, lalu beliau meninggalkan mereka dengan perasaan yang marah. Beliau tidak sabar meneruskan da'wah kepada mereka. Beliau menyangka bahawa Allah tidak akan menyempitkan bumi kepadanya. Bumi Allah amat luas, negeri-negeri dan kampung-kampung lain masih banyak, kaum-kaum yang lain juga masih banyak. Jika kaumnya tidak mahu menerima da'wahnya, maka tentulah Allah boleh mengutuskan beliau kepada satu kaum yang lain pula, inilah maksud:

فَظَنَّ أَن لَّن نَّقۡدِرَ عَلَيۡهِ

"Dan dia menyangka bahawa Kami tidak akan menyusahkannya."(87)

Kemarahan beliau yang berkobar-kobar dan perasaan bosannya yang melemaskan itu telah membawa beliau ke tepi pantai dan di sana beliau mendapati sebuah bahtera yang sarat dengan penumpang lalu beliau menaikinya. Apabila bahtera itu berada di tengah gelombang ia menjadi begitu sarat dan berat, lalu berkatalah malimnya: Salah seorang penumpang pasti dibuang ke dalam laut demi menyelamatkan semua penumpang-penumpang yang lain dari malapetaka tenggelam. Mereka pun mengundi dan undi itu jatuh kepada Yunus a.s., lalu mereka membuang beliau ke dalam laut atau beliau sendiri mencampakkan dirinya ke dalam laut lalu ditelan oleh seekor ikan yang besar yang menyebabkan beliau berada dalam keadaan yang sangat susah dan lemas. Ketika berada di dalam suasana-suasana yang amat gelap itu, iaitu suasana gelap di dalam perut ikan, suasana gelap di dalam lautan dan suasana gelap hari malam, beliau berdo'a kepada Allah:

أَن لَّآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنتَ سُبۡحَٰنَكَ إِنِّي كُنتُ مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٨٧﴾

"Tiada Tuhan melainkan hanya Engkau. Maha Sucilah Engkau. Sesungguhnya aku telah termasuk di dalam orang-orang yang zalim"(87)

Kemudian Allah memperkenankan do'anya dan menyelamatkan beliau dari kedukacitaan dan kesusahan itu, lalu ikan itu meluahkan beliau kembali di tepi pantai. Kemudian cerita selanjutnya diterangkan dengan terperinci di dalam Surah as-Saffat. Cukuplah sekadar ini untuk kita dalam penerangan ayat ini.

Babak, kisah Yunus a.s. ini mengandungi beberapa perkara yang menarik dan menyentuh hati yang wajar bagi kita berhenti merenunginya sebentar iaitu:

Yunus tidak sabar memikul tugas-tugas da'wah. Beliau cepat bosan dengan gelagat-gelagat kaumnya dan terus meletakkan tugas da'wahnya, kemudian meninggalkan kaumnya dengan perasaan yang marah, bosan dan susah hati, lalu Allah campakkan beliau ke dalam kesusahan yang lebih berat dari kesusahan-kesusahan menghadapi tindak-tanduk kaumnya yang mendustakan da'wahnya. Andainya beliau tidak bertaubat kepada Allah dan mengakui kesalahannya yang telah bertindak zalim terhadap dirinya sendiri, terhadap da'wah dan tugasnya tentulah Allah tidak menyelamatkan beliau dari kesusahan ini, tetapi mujurlah qudrat Ilahi telah memelihara dan menyelamatkan beliau dari kesusahan dan kedukacitaan yang dialaminya itu.

Para pendawah pastilah sanggup menanggung beban-beban tugas da'wah, pastilah sanggup bersabar menghadapi pendustaan dan penindasan orang-orang yang tidak menerima da'wahnya. Memang benar bahawa pendustaan terhadap orang yang benar itu amat pahit dirasakan di dalam hati, tetapi ia merupakan sebahagian dari beban-beban menyampaikan risalah Ilahi. Oleh sebab itulah mereka yang ditugas menyampaikan da'wah pastilah sabar dan tabah, pastilah gigih dan berpendirian kukuh, pastilah sanggup mengulangi da'wah, sanggup memula dan sanggup mengulangi semula.

Mereka tidak seharusnya berputus asa dari mendapat sambutan dari orang-orang yang berhati baik biarpun bagaimana hebat mereka menghadapi keingkaran, pendustaan, keangkuhan dan penentangan. Jika percubaan da'wah pada kali yang seratus gagal untuk sampai ke dalam hati manusia, mungkin percubaan pada kali yang seratus satu akan berjaya sampai ke dalam hati mereka, mungkin pula ia akan berjaya pada kali yang seribu satu... andainya mereka sanggup bersabar pada kali ini dan terus mencuba lagi tanpa putus asa tentulah banyak hati akan terbuka kepada da'wahnya.

Jalan da'wah bukannya jalan yang senang dan lembut. Sambutan hati manusia terhadap da'wah bukannya dekat dan mudah. Di sana terdapat timbunan-timbunan sampah sarap kebatilan, kesesatan, tradisi, dan adat-adat lapuk, peraturan-peraturan dan undang-undang, bikinan manusia yang mempengaruhi hati manusia. Oleh sebab itu sampah-sampah sarap ini pastilah dihapuskan, usaha-usaha merangsang dan membangkitkan kesedaran hati manusia pastilah dilakukan dengan segala cara dan sarana. Usaha-usaha menyentuh segala pusat-pusat yang peka di dalam jiwa manusia pastilah diteruskan dan percubaan-percubaan untuk menemui saraf penyambung di dalam hati mereka pastilah dilakukan. Di antara sentuhan-sentuhan yang banyak itu akan terdapat satu sentuhan yang berjaya apabila diteruskan dengan tekun, sabar dan penuh harapan. Satu sentuhan yang berjaya boleh membawa satu perubahan yang menyeluruh pada hati manusia dalam masa sekelip mata sahaja apabila sentuhan itu kena kepada pada tempatnya. Seseorang penda'wah kadang-kadang menjadi kaget setelah dia mencuba ribuan kali tiba-tiba satu sentuhannya yang sepintas lalu telah mengena tempatnya yang peka di dalam hati manusia dan hati ini terus terangsang dan sedar dengan begitu mudah, sedangkan sebelum ini ia telah menggagalkan segala percubaan.

Perbandingan yang paling dekat yang terlintas di dalam hati saya mengenai usaha-usaha da'wah ini ialah ia tak ubah seperti peti radio mencari stesen pemancar. Anda memutarkan jarumnya berkali-kali pergi dan pulang tetapi gagal mendapatkan stesen itu, kemudian anda mencari lagi dengan hemat dan membetulkan semula jarumnya, tiba-tiba dengan satu gerak sepintas lalu dari tangan anda telah menyambungkan gelombang yang dicari itu lalu terpancarlah gema suara dan lagu yang merdu.

Hati manusia amat serupa dengan peti radio. Oleh itu para penda'wah pastilah berusaha memutarkan jarum penunjuk supaya dapat bertemu dengan stesen hati mereka di sebalik ufuk yang jauh itu. Kadang-kadang satu putaran selepas seribu putaran menemukan stesen yang dicari itu.

Memang mudah kepada seseorang penda'wah melahirkan perasaan marah kerana orang ramai tidak menyambut da'wahnya lalu dia terus meninggalkan mereka. Itulah satu tindakan yang senang. Kemarahan mungkin reda dan saraf yang tegang mungkin tenang, tetapi di mana da'wah itu? Dan apakah hasil yang didapati da'wah itu setelah dipulaukan para pendusta dan penentangnya?

Yang menjadi pokok dan dasar ialah da'wah bukannya penda'wah. Penda'wah mungkin mengalami perasaan bosan, tetapi dia harus menahankan perasaan marahnya dan terus berjuang lagi. Dia lebih baik bersabar dan jangan merasa bosan dan marah terhadap cemuhan-cemuhan mereka. Penda'wah hanya alat di tangan qudrat Ilahi dan Allah lebih mengetahui untuk memelihara dan menjaga da'wahnya. Oleh itu tugas penda'wah ialah menunaikan kewajipan da'wahnya di setiap waktu dan suasana, kemudian serahkan perkembangan selanjutnya kepada Allah kerana hidayat itu ialah hidayat Allah.

Di dalam kisah Zun-Nun terdapat satu pengajaran yang besar kepada para penda'wah, iaitu satu pengajaran yang segia dimenungi mereka.

Di dalam kisah taubat Zun-Nun dan pengakuan beliau terhadap kesalahannya memberi pengajaran yang besar kepada para pendawah, iaitu satu pengajaran yang harus difikirkan mereka dengan teliti.

Kisah Zun-Nun yang mendapat rahmat Allah dan diperkenankan do'anya yang dipohonkan di dalam keadaan yang gelap-gelita adalah memberi berita gembira kepada para Mu'minin:

وَكَذَٰلِكَ نُـۨجِى ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٨٨﴾

"Dan demikianlah Kami bertindak menyelamatkan para Mu'minin."(88)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 89 - 90)

Kemudian Al-Qur'an menceritakan secara sepintas lalu kisah Nabi Zakaria dan Yahya a.s. dan bagaimana Allah telah memperkenan do'a Zakaria ketika beliau berdo'a kepada-Nya:

وَزَكَرِيَّآ إِذْ نَادَىٰ رَبَّهُۥ رَبِّ لَا تَذَرْنِى فَرْدًا وَأَنتَ خَيْرُ ٱلْوَٰرِثِينَ ﴿٨٩﴾ فَٱسْتَجَبْنَا لَهُۥ وَوَهَبْنَا لَهُۥ يَحْيَىٰ وَأَصْلَحْنَا لَهُۥ زَوْجَهُۥٓ ۚ إِنَّهُمْ كَانُوا۟ يُسَٰرِعُونَ فِى ٱلْخَيْرَٰتِ وَيَدْعُونَنَا رَغَبًا وَرَهَبًا ۖ وَكَانُوا۟ لَنَا خَٰشِعِينَ ﴿٩٠﴾

"Dan (kenangilah kisah) Zakaria ketika dia berdo'a kepada Tuhannya: Wahai Tuhanku! Janganlah Engkau tinggalkanku hidup seorang diri dan Engkau jualah sebaik-baik Pewaris (89). Lalu Kami memperkenankan do'anya dan Kami telah mengurniakan Yahya kepadanya dan Kami telah membetulkan isterinya (yang mandul) untuk mengandung anaknya. Sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang selalu bersegera mengerjakan kebajikan-kebajikan dan mereka sentiasa berdo'a kepada Kami dengan penuh harapan dan kebimbangan, dan mereka adalah orang-orang yang sentiasa khusyu' kepada Kami."(90)

Kisah Nabi Zakaria a.s.

Kisah kelahiran Yahya telah diterangkan dengan terperinci di dalam Surah Maryam dan Surah Aali-'Imran dan ia disebut di sini selaras dengan

penerangan ayat. Ia memulakan dengan menyebut do'a Zakaria:

رَبِّ لَا تَذَرۡنِي فَرۡدٗا

"Wahai Tuhanku! Janganlah Engkau tinggalkanku hidup seorang diri."(89)

Yakni tanpa anak pinak yang dapat menjaga rumah ibadat. Zakaria a.s. bertugas selaku penjaga rumah ibadat Bani Israel sebelum kelahiran 'Isa a.s., dan beliau memang tidak lupa kepada hakikat bahawa Allahlah yang menjadi pewaris 'aqidah dan pewaris harta kekayaan:

وَأَنتَ خَيۡرُ ٱلۡوَٰرِثِينَ ٨٩

"Dan Engkau jualah sebaik-baik Pewaris."(89)

(Beliau memang sedar hakikat ini), tetapi beliau mahukan zuriat keturunannya sendiri dapat menjadi pengganti yang baik selepas beliau untuk mengawasi keluarganya, agamanya dan hartanya, kerana makhluk itu merupakan tabir qudrat Ilahi di bumi.

Allah memperkenankan permintaan beliau dengan segera dan secara langsung:

فَٱسۡتَجَبۡنَا لَهُۥ وَوَهَبۡنَا لَهُۥ يَحۡيَىٰ وَأَصۡلَحۡنَا لَهُۥ زَوۡجَهُۥٓۚ

"Lalu Kami memperkenankan do'anya dan Kami telah mengurniakan Yahya kepadanya dan Kami telah membetulkan isterinya (yang mandul)."(90)

Sebelum ini isterinya adalah seorang perempuan yang mandul, yang tidak dapat melahirkan anak. Di sini Al-Qur'an memendekkan cerita yang panjang lebar itu dan terus menyebut babak do'a beliau telah diperkenankan Allah:

إِنَّهُمۡ كَانُواْ يُسَٰرِعُونَ فِي ٱلۡخَيۡرَٰتِ

"Sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang selalu bersegera mengerjakan kebajikan-kebajikan"(90)

oleh sebab itulah Allah telah menyegerakan perkenannya menerima do'a beliau.

وَيَدۡعُونَنَا رَغَبٗا وَرَهَبٗاۖ

"Dan mereka sentiasa berdo'a kepada Kami dengan penuh harapan dan kebimbangan"(90)

iaitu harapan untuk mendapatkan keredhaan Allah dan kebimbangan dari ditimpa kemurkaan-Nya. Hati mereka sentiasa berhubung dengan Allah dan sentiasa meletakkan harapan mereka pada Allah.

وَكَانُواْ لَنَا خَٰشِعِينَ ٩٠

"Dan mereka adalah orang-orang yang sentiasa khusyu' kepada Kami."(90)

Iaitu mereka tidak sombong dan angkuh.

Dengan sifat-sifat yang baik ini yang terdapat pada Zakaria, isterinya dan Yahya, maka wajarlah kedua orang tua ini dikurniakan anak yang soleh. Mereka telah membentuk satu keluarga yang baik, yang mendapat rahmat dan keredhaan Allah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 91 - 92)

Pada akhirnya Al-Qur'an menyebut tentang Maryam sesuai dengan menyebut tentang anaknya ('Isa a.s.):

Maryam Bonda 'Isa Yang Suci

وَٱلَّتِيٓ أَحۡصَنَتۡ فَرۡجَهَا فَنَفَخۡنَا فِيهَا مِن رُّوحِنَا وَجَعَلۡنَٰهَا وَٱبۡنَهَآ ءَايَةٗ لِّلۡعَٰلَمِينَ ٩١

"Dan (kenangilah kisah) Maryam yang memelihara kehormatannya lalu Kami tiupkan ke dalam tubuhnya roh dari ciptaan Kami dan Kami jadikan dia dan puteranya sebagai satu bukti yang besar kepada semesta alam."(91)

Nama Maryam tidak disebut di sini, kerana yang dimaksudkan di dalam salsilah anbia' ialah anaknya 'Isa a.s. dan Maryam hanya disebut di dalam ayat ini sebagai ikutan kepada anaknya sahaja. Di sini Maryam hanya disebut dengan sifatnya sahaja yang ada hubungan dengan anaknya:

وَٱلَّتِيٓ أَحۡصَنَتۡ فَرۡجَهَا

"Dan (kenangilah kisah) Maryam yang memelihara kehormatannya"(91)

beliau telah memelihara kehormatannya dari segala hubungan kelamin. Istilah "الإحصان" (ihson) biasanya dihantarkan kepada "perkahwinan" secara ikutan, kerana perkahwinan itu dapat memelihara seseorang dari terjatuh ke dalam kejahatan seks, tetapi istilah "ihson" di sini disebut dengan maknanya yang asal iaitu memelihara kehormatannya dari segala hubungan kelamin sama ada yang halal atau yang haram untuk membersihkan Maryam dari segala tohmah orang-orang Yahudi yang mengatakan bahawa beliau telah mengadakan hubungan kelamin dengan Yusuf an-Najjar, yang sama-sama berkhidmat dengan beliau di rumah ibadat itu. Menurut keterangan Injil yang ada sekarang Yusuf an-Najjar telah berkahwin dengan beliau, tetapi dia tidak pernah mengadakan hubungan kelamin dengannya dan tidak pernah mendekatinya.

Beliau telah memelihara kehormatannya:

فَنَفَخۡنَا فِيهَا مِن رُّوحِنَا

"Lalu Kami tiupkan ke dalam tubuhnya roh dari ciptaan Kami."(91)

Tiupan di sini adalah umum tidak ditentukan tempatnya sama seperti tiupan yang disebut dalam Surah at-Tahrim - penjelasan mengenai perkara ini telah pun dihuraikan sebelum ini di dalam pentafsiran Surah Maryam - juga kerana menjaga dasar hidup di

bawah bayangan nas yang ada di hadapan kita sahaja, iaitu kita tidak mahu memperincikan tentang tiupan itu dengan panjang lebar, malah kita mengikut sekadar apa yang diterangkan oleh nas Al-Qur'an sehingga akhirnya:

وَجَعَلْنَٰهَا وَٱبْنَهَآ ءَايَةً لِّلْعَٰلَمِينَ ﴿٩١﴾

"Dan Kami jadikan dia dan puteranya sebagai satu bukti yang besar kepada semesta alam"(91)

Iaitu satu bukti yang belum pernah wujud sebelumnya dan kemudiannya. Ia adalah satu bukti yang unik dalam sejarah manusia seluruhnya. Oleh itu bukti yang tunggal dari jenis ini sudah cukup untuk difikirkan oleh umat manusia dalam seluruh generasinya agar mereka dapat menanggapkan kewujudan kuasa qudrat yang maha bebas yang mencipta undang-undang tetapi tidak terkepung dan terpenjara, di dalam undang-undang itu sendiri.

* * * * * *

Pada akhir tanyangan yang merangkumi berbagai-bagai contoh dari para rasul, berbagai-bagai contoh ujian dan berbagai-bagai contoh rahmat Allah Al-Qur'an iringi dengan pernyataan yang menerangkan tujuan umum dari tayangan ini:

إِنَّ هَٰذِهِۦٓ أُمَّتُكُمْ أُمَّةً وَٰحِدَةً وَأَنَا۠
رَبُّكُمْ فَٱعْبُدُونِ ﴿٩٢﴾

"Sesungguhnya umat (para Anbia') ini adalah umat kamu, iaitu umat yang satu dan Aku adalah Tuhan kamu. Oleh itu abdikanlah diri kamu kepada-Ku."(92)

Umat Anbia' adalah umat kamu, iaitu satu umat yang menganut satu 'aqidah dan menjalani satu jalan hidup, iaitu jalan menuju kepada Allah bukan kepada yang lain dari-Nya.

Itulah umat yang satu di muka bumi dan Tuhan Yang Maha Esa di langit. Tiada Tuhan selain Allah dan tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah.

Di sinilah bertemunya tayangan ini dengan paksi yang menjadi asas pembicaraan seluruh surah ini, di mana ia turut serta menjelaskan 'aqidah tauhid dengan bersaksikan undang-undang alam buana dan undang-undang kewujudan.

(Kumpulan ayat-ayat 93 - 112)

وَتَقَطَّعُوٓا۟ أَمْرَهُم بَيْنَهُمْ ۖ كُلٌّ إِلَيْنَا
رَٰجِعُونَ ﴿٩٣﴾
فَمَن يَعْمَلْ مِنَ ٱلصَّٰلِحَٰتِ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَا
كُفْرَانَ لِسَعْيِهِۦ وَإِنَّا لَهُۥ كَٰتِبُونَ ﴿٩٤﴾
وَحَرَٰمٌ عَلَىٰ قَرْيَةٍ أَهْلَكْنَٰهَآ أَنَّهُمْ لَا
يَرْجِعُونَ ﴿٩٥﴾
حَتَّىٰٓ إِذَا فُتِحَتْ يَأْجُوجُ وَمَأْجُوجُ وَهُم مِّن كُلِّ
حَدَبٍ يَنسِلُونَ ﴿٩٦﴾
وَٱقْتَرَبَ ٱلْوَعْدُ ٱلْحَقُّ فَإِذَا هِىَ شَٰخِصَةٌ أَبْصَٰرُ
ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ يَٰوَيْلَنَا قَدْ كُنَّا فِى غَفْلَةٍ مِّنْ
هَٰذَا بَلْ كُنَّا ظَٰلِمِينَ ﴿٩٧﴾
إِنَّكُمْ وَمَا تَعْبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ حَصَبُ
جَهَنَّمَ أَنتُمْ لَهَا وَٰرِدُونَ ﴿٩٨﴾
لَوْ كَانَ هَٰٓؤُلَآءِ ءَالِهَةً مَّا وَرَدُوهَا ۖ وَكُلٌّ
فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿٩٩﴾
لَهُمْ فِيهَا زَفِيرٌ وَهُمْ فِيهَا لَا يَسْمَعُونَ ﴿١٠٠﴾
إِنَّ ٱلَّذِينَ سَبَقَتْ لَهُم مِّنَّا ٱلْحُسْنَىٰٓ أُو۟لَٰٓئِكَ
عَنْهَا مُبْعَدُونَ ﴿١٠١﴾
لَا يَسْمَعُونَ حَسِيسَهَا ۖ وَهُمْ فِى مَا ٱشْتَهَتْ
أَنفُسُهُمْ خَٰلِدُونَ ﴿١٠٢﴾
لَا يَحْزُنُهُمُ ٱلْفَزَعُ ٱلْأَكْبَرُ وَتَتَلَقَّىٰهُمُ
ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ هَٰذَا يَوْمُكُمُ ٱلَّذِى كُنتُمْ
تُوعَدُونَ ﴿١٠٣﴾

"Dan (namun demikian) mereka berpecah belah di dalam urusan agama mereka. Seluruh mereka akan kembali kepada Kami (93). Oleh itu barang siapa yang mengerjakan amalan yang soleh, sedangkan dia beriman, maka tidak ada sebarang pengingkaran terhadap usahanya yang baik itu dan sesungguhnya Kami mencatatkan amalan itu untuknya (94). Dan tidak mungkin sekali-kali bagi penduduk sebuah negeri yang telah Kami binasakannya bahawa mereka tidak akan kembali kepada kami (95). Sehingga apabila tembok Ya'juj dan Ma'juj dibuka dan mereka menyerbu turun dari seluruh tempat yang tinggi (96). Dan apabila masa janji yang benar itu hampir, maka tiba-tiba seluruh mata orang-orang yang kafir itu terbelalak (mereka berteriak): Amboi celakanya kami! Sesungguhnya kami telah berada dalam kelalaian terhadap hari ini, malah sebenarnya kami adalah orang-orang yang zalim (97). Sesungguhnya kamu dan segala berhala yang kamu sembah selain Allah adalah menjadi bahan bakar Neraka Jahannam, di mana kamu akan memasukinya (98). Jika berhala-berhala itu tuhan-tuhan tentulah mereka tidak masuk Neraka dan seluruh mereka

akan kekal di dalamnya (99). Mereka mengeluarkan bunyi hembusan dan sedutan pernafasan yang kuat di dalam Neraka dan mereka tidak mendengar suatu apa yang lain (100). Sesungguhnya orang-orang yang telah memperolehi balasan yang baik dari Kami, maka mereka akan dijauhkan dari Neraka (101). Mereka tidak akan mendengar bunyi julangan api Neraka, dan mereka akan kekal di dalam ni'mat-ni'mat Syurga yang diingini hati mereka (102). Mereka tidak akan dirungsingkan huru-hara Qiamat yang amat besar dan mereka akan disambut para malaikat (yang berkata): Inilah hari (kebahagiaan) kamu yang telah dijanjikan kepada kamu." (103).

يَوۡمَ نَطۡوِي ٱلسَّمَآءَ كَطَيِّ ٱلسِّجِلِّ لِلۡكُتُبِۚ كَمَا
بَدَأۡنَآ أَوَّلَ خَلۡقٖ نُّعِيدُهُۥۚ وَعۡدًا عَلَيۡنَآۚ إِنَّا كُنَّا
فَٰعِلِينَ ١٠٤
وَلَقَدۡ كَتَبۡنَا فِي ٱلزَّبُورِ مِنۢ بَعۡدِ ٱلذِّكۡرِ أَنَّ
ٱلۡأَرۡضَ يَرِثُهَا عِبَادِيَ ٱلصَّٰلِحُونَ ١٠٥
إِنَّ فِي هَٰذَا لَبَلَٰغٗا لِّقَوۡمٍ عَٰبِدِينَ ١٠٦
وَمَآ أَرۡسَلۡنَٰكَ إِلَّا رَحۡمَةٗ لِّلۡعَٰلَمِينَ ١٠٧
قُلۡ إِنَّمَا يُوحَىٰٓ إِلَيَّ أَنَّمَآ إِلَٰهُكُمۡ إِلَٰهٞ وَٰحِدٞۖ
فَهَلۡ أَنتُم مُّسۡلِمُونَ ١٠٨
فَإِن تَوَلَّوۡاْ فَقُلۡ ءَاذَنتُكُمۡ عَلَىٰ سَوَآءٖۖ وَإِنۡ أَدۡرِيٓ
أَقَرِيبٌ أَم بَعِيدٞ مَّا تُوعَدُونَ ١٠٩
إِنَّهُۥ يَعۡلَمُ ٱلۡجَهۡرَ مِنَ ٱلۡقَوۡلِ وَيَعۡلَمُ مَا
تَكۡتُمُونَ ١١٠
وَإِنۡ أَدۡرِي لَعَلَّهُۥ فِتۡنَةٞ لَّكُمۡ وَمَتَٰعٌ إِلَىٰ حِينٖ ١١١
قَٰلَ رَبِّ ٱحۡكُم بِٱلۡحَقِّۗ وَرَبُّنَا ٱلرَّحۡمَٰنُ ٱلۡمُسۡتَعَانُ
عَلَىٰ مَا تَصِفُونَ ١١٢

"(Ingatlah) hari Kami menggulungkan langit seperti menggulungkan lembaran buku-buku. Sebagaimana Kami mulakan penciptaan yang pertama, Kami akan ulanginya sekali lagi. Itulah janji yang tertanggung di atas Kami. Sesungguhnya Kami tetap akan melaksanakannya (104). Dan sesungguhnya Kami telah catatkan di dalam kitab-kitab suci (yang diturunkan kepada manusia) setelah dicatatkan di dalam Luh Mahfuz bahawa bumi ini, diwarisi hamba-hamba-Ku yang soleh (105). Sesungguhnya di dalam Al-Qur'an ini terdapat pengumuman yang jelas kepada golongan para 'Abidin (106). Dan tidaklah Kami utuskan engkau melainkan untuk menjadi rahmat kepada sekalian alam (107). Katakanlah: Sesungguhnya yang diwahyukan kepadaku ialah sesungguhnya Tuhan kamu yang sebenar ialah Tuhan Yang Maha Esa, maka apakah kamu bersedia menyerahkan diri kepada-Nya? (108) Jika mereka berpaling, maka katakanlah (kepada mereka): Aku telah mengisytiharkan (amaran ini) kepada kamu dan aku dan kamu sama-sama mengetahuinya, dan aku tidak mengetahui apakah janji 'azab yang diancamkan kepada kamu itu sudah dekat atau masih jauh (109). Sesungguhnya Allah mengetahui segala percakapan yang lantang dan mengetahui segala percakapan yang kamu sembunyikan (110). Dan aku tidak mengetahui boleh jadi penangguhan 'azab itu merupakan satu ujian kepada kamu dan suatu keni'matan sementara hingga ke suatu masa yang tertentu (111). (Muhammad) merayu: Wahai Tuhanku! Jatuhkanlah hukuman yang benar, dan Tuhan kami adalah Tuhan Yang Maha Penyayang Tuhan yang dipohonkan pertolongan-Nya terhadap segala pembohongan yang disifatkan kamu."(112)

Inilah pusingan terakhir dari surah ini setelah menayangkan undang-undang Allah di alam buana yang menyaksikan keesaan Allah Pencipta dan undang-undang Allah yang mengutuskan para rasul membawa da'wah yang menyaksikan kesatuan umat dan kesatuan 'aqidah. Di dalam pusingan ini Al-Qur'an menayangkan pemandangan Qiamat dan alamat-alamatnya, di mana dijelaskan nasib kesudahan golongan orang-orang yang mempersekutui Allah dan nasib kesudahan sekutu-sekutu palsu, dan di mana dapat dilihat bahawa hanya Allah Yang Maha Mulia sahaja satu-satunya yang berkuasa mengendali dan mentadbirkan pada hari itu.

Kemudian Al-Qur'an menjelaskan tentang Sunnatullah dalam pewarisan bumi ini dan tentang rahmat Allah kepada semesta alam yang dapat dilihat pada agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w.

Dan pada ketika inilah Rasulullah s.a.w. diperintah mencucikan tangannya dan meninggalkan orang-orang yang kafir itu menghadapi nasib kesudahan mereka sendiri dan menyerahkan kepada Allah menghukum mereka serta memohon pertolongan-Nya untuk menghadapi tindakan kesyirikan, pendustaan dan ejekan mereka, juga menghadapi sikap mereka yang menumpukan hidup mereka kepada permainan dan hiburan sedangkan hari hisab amat hampir.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 93 - 95)

وَتَقَطَّعُوٓاْ أَمۡرَهُم بَيۡنَهُمۡۖ كُلٌّ إِلَيۡنَا
رَٰجِعُونَ ٩٣
فَمَن يَعۡمَلۡ مِنَ ٱلصَّٰلِحَٰتِ وَهُوَ مُؤۡمِنٞ فَلَا
كُفۡرَانَ لِسَعۡيِهِۦ وَإِنَّا لَهُۥ كَٰتِبُونَ ٩٤

وَحَرَٰمٌ عَلَىٰ قَرْيَةٍ أَهْلَكْنَٰهَآ أَنَّهُمْ لَا
يَرْجِعُونَ ﴿٩٥﴾

"Dan (namun demikian) mereka berpecah belah di dalam urusan agama mereka. Seluruh mereka akan kembali kepada Kami (93). Oleh itu barang siapa yang mengerjakan amalan yang soleh, sedangkan dia beriman, maka tidak ada sebarang pengingkaran terhadap usahanya yang baik itu dan sesungguhnya Kami mencatatkan amalan itu untuknya (94). Dan tidak mungkin sekali-kali bagi penduduk sebuah negeri yang telah Kami binasakannya bahawa mereka tidak akan kembali kepada kami."(95)

Manusia Berpecah-belah Di Atas Nama 'Aqidah, Sedangkan 'Aqidah Samawi Sama Sahaja

Umat para rasul itu satu sahaja. Umat itu tegak di atas 'aqidah yang sama dan agama yang sama yang berlandaskan tauhid yang disaksikan oleh undang-undang alam al-wujud, iaitu kepercayaan tauhid yang diperjuangkan oleh para rasul sejak kerasulan yang pertama sampai kepada kerasulan yang terakhir tanpa sebarang perubahan dan pertukaran pada dasarnya yang pokok ini.

Yang wujud hanya perubahan perincian dan tambahan-tambahan di dalam peraturan-peraturan hidup yang ditegakkan di atas lunas 'aqidah tauhid mengikut kemampuan kesediaan setiap umat dan perkembangan setiap generasi, juga mengikut kadar kesuburan daya-daya pemikiran manusia dan pengalaman-pengalaman serta kadar kesediaan mereka untuk memikul bentuk-bentuk taklif dan perundangan, juga mengikut kadar keperluan-keperluan mereka yang baru yang tumbuh dari pengalaman-pengalaman mereka atau yang timbul akibat dari perkembangan kehidupan, cara-caranya dan perhubungan-perhubungannya dari satu generasi ke satu generasi.

Walaupun wujudnya kesatuan umat para rasul dan wujudnya kesatuan asas seluruh risalah, namun para pengikutnya telah berpecahbelah di antara mereka. Seolah-olah setiap golongan mengambil secebisan dan terus berlalu dengannya dan akibatnya timbullah perdebatan-perdebatan dan perselisihan-perselisihan di antara mereka, dan bernyalalah api permusuhan dan benci membenci terhadap satu sama lain. Semuanya ini berlaku di antara para pengikut seorang rasul yang sama sehingga hampir-hampir mereka berbunuh-bunuhan satu sama lain dengan nama 'aqidah, sedangkan 'aqidah mereka sama dan umat para rasul seluruhnya sama.

Mereka telah berpecah belah di antara mereka di dunia, tetapi seluruh mereka akan kembali kepada Allah pada hari Qiamat:

كُلٌّ إِلَيْنَا رَٰجِعُونَ ﴿٩٣﴾

"Seluruh mereka akan kembali kepada Kami"(93)

Hanya kepada Allah sahaja tempat kembali mereka, hanya Allah sahaja yang akan melakukan hisab terhadap mereka dan hanya Allah sahaja yang mengetahui kedudukan mereka sama ada mereka menurut hidayat atau sesat:

Di Antara Keimanan Dan Amalan Yang Soleh

فَمَن يَعْمَلْ مِنَ ٱلصَّٰلِحَٰتِ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَا
كُفْرَانَ لِسَعْيِهِۦ وَإِنَّا لَهُۥ كَٰتِبُونَ ﴿٩٤﴾

"Oleh itu barang siapa yang mengerjakan amalan yang soleh, sedangkan dia beriman, maka tidak ada sebarang pengingkaran terhadap usahanya yang baik itu dan sesungguhnya Kami mencatatkan amalan itu untuknya."(94)

Inilah undang-undang amalan dan balasan. Segala amalan yang soleh tidak akan diingkar dan ditolak apabila amalan itu dilakukan di atas dasar keimanan. Semua amalan itu dicatat di sisi Allah belaka, tiada sedikit pun yang diabai dan hilang.

Keimanan pastilah wujud supaya amalan yang soleh itu mempunyai nilainya, malah keimanan pasti wujud untuk menegakkan kewujudan amalan yang soleh. Keimanan pastilah wujud supaya amalan yang soleh itu membuahkan hasilnya, malah supaya hasil amalan yang soleh itu dapat menegakkan hakikat keimanan.

Keimanan adalah tapak asas kehidupan, kerana keimanan menjadi tali penghubung yang sebenar di antara manusia dengan alam al-wujud. Ia juga merupakan tali pengikat yang menambatkan alam al-wujud dengan segala isi dan penghuninya kepada Allah selaku Penciptanya yang tunggal dan Dialah yang mengembalikannya kepada satu undang-undang yang diredhai Allah. Tapak asas pasti wujud supaya dapat dibinakan bangunan, dan amalan yang soleh itulah yang menjadi bangunan dan bangunan ini akan runtuh seluruhnya jika tidak ditegakkan di atas tapak asas yang kukuh.

Amalan yang soleh itu merupakan buah dari keimanan dan amalan inilah yang membuktikan kewujudan keimanan dan keaktifannya di dalam hati nurani manusia, Islam itu sendiri merupakan 'aqidah yang bergerak cergas. Apabila kewujudan 'aqidah ini bertapak dengan sempurna di dalam hati nurani, maka ia akan berubah kepada tindakan-tindakan mengerjakan amalan-amalan yang soleh yang merupakan bentuk yang lahir dari keimanan yang tersembunyi dan buah yang masak dari pokok Islam yang akar umbinya bertunjang kukuh di dalam bumi.

Oleh sebab itulah Al-Qur'an sentiasa menggandingkan di antara iman dan amalan yang soleh setiap kali ia menyebut amalan dan balasan, kerana itu tidak ada balasan kepada iman yang kosong, mati, tidak beramal, dan tidak mengeluarkan buah, juga tidak ada balasan kepada amalan yang terputus, yang tidak ditegakkan di atas keimanan.

Amalan yang baik yang tidak lahir dari keimanan itu merupakan amalan secara kebetulan dan sambil lewa sahaja, kerana amalan itu tidak mempunyai hubungan dengan satu sistem hidup yang tersusun rapi dan

tidak mempunyai pertalian dengan undang-undang yang berkuatkuasa. Amalan itu hanya digerakkan oleh keinginan nafsu atau oleh dorongan hati yang tidak mempunyai hubungan dengan pendorong semulajadi amalan yang soleh di alam al-wujud ini, iaitu keimanan kepada satu Tuhan yang merestukan amalan yang soleh, kerana amalan yang soleh itulah wasilah pembangunan di alam buana dan wasilah untuk mencapai kesempurnaan yang telah ditetapkan Allah kepada kehidupan manusia ini. Ia merupakan pergerakan yang mempunyai matlamat yang ada kaitan dengan matlamat hidup dan kesudahannya. Ia bukannya amalan kebetulan dan sambil lewa, bukannya dorongan hati yang mendadak, bukannya lontaran tanpa sasaran dan bukannya hala pergerakan yang terpisah dari hala yang ditujui alam buana dan undang-undangnya yang agung.

Balasan terhadap amalan-amalan itu akan dilangsungkan di Akhirat walaupun sebahagian balasan itu telah diberikan di dunia. Penduduk negeri yang telah dibinasakan secara habisan dengan 'azab Allah pasti akan kembali semula untuk menerima balasan mereka yang terakhir dan adalah mustahil mereka tidak akan kembali, malah mereka tetap kembali dengan segala kepastian.

وَحَرَٰمٌ عَلَىٰ قَرْيَةٍ أَهْلَكْنَٰهَآ أَنَّهُمْ لَا
يَرْجِعُونَ ﴿٩٥﴾

"Dan tidak mungkin sekali-kali bagi penduduk sebuah negeri yang telah Kami binasakannya bahawa mereka tidak akan kembali kepada kami."(95)

Al-Qur'an hanya menyebut penduduk kampung ini sahaja di dalam ayat ini setelah ia menyebut *"seluruh mereka akan kembali kepada Kami"*, kerana mungkin ada orang yang faham bahawa kebinasaan mereka di dunia itu merupakan penghabisan urusan mereka, penghabisan hisab dan balasan mereka. Oleh itu di dalam ayat ini ia menegaskan tentang kepastian mereka kembali kepada Allah. Ia menolak ketidak pulangan mereka dengan penolakan yang amat tegas, iaitu dalam bentuk ia mustahil akan berlaku. Pengungkapan ini mengandungi sedikit keanehan dan keanehan inilah yang telah membawa para Mufassirin menakwilkan ayat ini dengan mengatakan "لا" pada "لايرجعون" ialah "لا" lebihan (tidak berfungsi atau bererti). Dengan ta'wilan demikian ayat ini bertujuan menafikan kepulangan penduduk negeri itu semula kepada kehidupan dunia setelah mereka dibinasakan Allah atau menafikan kepulangan mereka dari kesesatan sehingga hari Qiamat. Kedua-dua ta'wilan ini tidak perlu belaka, kerana pentafsiran ayat ini mengikut sebagaimana pengungkapannya yang lahir adalah lebih baik kerana ia dapat menyampaikan kepada pengertian yang telah kami sebutkan itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 96 - 104)

Kemudian Al-Qur'an menayangkan satu pemandangan dari pemandangan-pemandangan Qiamat yang dimulai dengan menjelaskan alamat yang menunjukkan kehampiran masa Qiamat itu, iaitu pembukaan tembok Ya'juj dan Ma'juj:

Pecahnya Tembok Ya'juj Dan Ma'juj

حَتَّىٰٓ إِذَا فُتِحَتْ يَأْجُوجُ وَمَأْجُوجُ وَهُم مِّن كُلِّ
حَدَبٍ يَنسِلُونَ ﴿٩٦﴾
وَٱقْتَرَبَ ٱلْوَعْدُ ٱلْحَقُّ فَإِذَا هِىَ شَٰخِصَةٌ أَبْصَٰرُ
ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ يَٰوَيْلَنَا قَدْ كُنَّا فِى غَفْلَةٍ مِّنْ
هَٰذَا بَلْ كُنَّا ظَٰلِمِينَ ﴿٩٧﴾
إِنَّكُمْ وَمَا تَعْبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ حَصَبُ
جَهَنَّمَ أَنتُمْ لَهَا وَٰرِدُونَ ﴿٩٨﴾
لَوْ كَانَ هَٰٓؤُلَآءِ ءَالِهَةً مَّا وَرَدُوهَا ۖ وَكُلٌّ
فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿٩٩﴾
لَهُمْ فِيهَا زَفِيرٌ وَهُمْ فِيهَا لَا يَسْمَعُونَ ﴿١٠٠﴾
إِنَّ ٱلَّذِينَ سَبَقَتْ لَهُم مِّنَّا ٱلْحُسْنَىٰٓ أُو۟لَٰٓئِكَ
عَنْهَا مُبْعَدُونَ ﴿١٠١﴾
لَا يَسْمَعُونَ حَسِيسَهَا ۖ وَهُمْ فِى مَا ٱشْتَهَتْ
أَنفُسُهُمْ خَٰلِدُونَ ﴿١٠٢﴾
لَا يَحْزُنُهُمُ ٱلْفَزَعُ ٱلْأَكْبَرُ وَتَتَلَقَّىٰهُمُ
ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ هَٰذَا يَوْمُكُمُ ٱلَّذِى كُنتُمْ
تُوعَدُونَ ﴿١٠٣﴾
يَوْمَ نَطْوِى ٱلسَّمَآءَ كَطَىِّ ٱلسِّجِلِّ لِلْكُتُبِ ۚ كَمَا
بَدَأْنَآ أَوَّلَ خَلْقٍ نُّعِيدُهُۥ ۚ وَعْدًا عَلَيْنَآ ۚ إِنَّا كُنَّا
فَٰعِلِينَ ﴿١٠٤﴾

"Sehingga apabila tembok Ya'juj dan Ma'juj dibuka dan mereka menyerbu turun dari seluruh tempat yang tinggi (96). Dan apabila masa janji yang benar itu hampir, maka

tiba-tiba seluruh mata orang-orang yang kafir itu terbelalak (mereka berteriak): Amboi celakanya kami! Sesungguhnya kami telah berada dalam kelalaian terhadap hari ini, malah sebenarnya kami adalah orang-orang yang zalim (97). Sesungguhnya kamu dan segala berhala yang kamu sembah selain Allah adalah menjadi bahan bakar Neraka Jahannam, di mana kamu akan memasukinya (98). Jika berhala-berhala itu tuhan-tuhan tentulah mereka tidak masuk Neraka dan seluruh mereka akan kekal di dalamnya (99). Mereka mengeluarkan bunyi hembusan dan sedutan pernafasan yang kuat di dalam Neraka dan mereka tidak mendengar suatu apa yang lain (100). Sesungguhnya orang-orang yang telah memperolehi balasan yang baik dari Kami, maka mereka akan dijauhkan dari Neraka (101). Mereka tidak akan mendengar bunyi julangan api Neraka, dan mereka akan kekal di dalam ni'mat-ni'mat Syurga yang diingini hati mereka (102). Mereka tidak akan dirungsingkan huru-hara Qiamat yang amat besar dan mereka akan disambut para malaikat (yang berkata): Inilah hari (kebahagiaan) kamu yang telah dijanjikan kepada kamu (103). (Ingatlah) hari Kami menggulungkan langit seperti menggulungkan lembaran buku-buku. Sebagaimana Kami mulakan penciptaan yang pertama Kami akan ulanginya sekali lagi. Itulah janji yang tertanggung di atas Kami. Sesungguhnya Kami tetap akan melaksanakannya."(104)

Sebelum ini kami telah pun menerangkan, ketika memperkatakan tentang Ya'juj dan Ma'juj di dalam kisah Zul-Qarnayn di dalam Surah al-Kahfi, bahawa kehampiran masa Qiamat yang benar yang digandingkan oleh ayat ini dengan pembukaan tembok Ya'juj dan Ma'juj mungkin telah berlaku dengan peristiwa serangan kaum Tatar yang menyerbu dan menyerang negeri-negeri di timur dan di barat, menghancurkan kerajaan-kerajaan dan meleburkan singgahsana-singgahsana kerana Al-Qur'an telah menjelaskan sejak masa Rasulullah s.a.w. lagi.

ٱقْتَرَبَتِ ٱلسَّاعَةُ

"Qiamat telah hampir."

(Surah al-Qamar: 1)

Tetapi kehampiran hari Qiamat yang dijanjikan itu tidak menetapkan sesuatu masa yang tertentu, kerana hisab masa dalam perhitungan Allah berlainan dari hisab dalam perhitungan manusia.

وَإِنَّ يَوْمًا عِندَ رَبِّكَ كَأَلْفِ سَنَةٍ مِّمَّا تَعُدُّونَ ﴿٤٧﴾

"Dan sesungguhnya sehari di sisi Tuhanmu adalah seperti seribu tahun dari masa yang dihitungkan kamu."

(Surah al-Haj: 47)

Yang dimaksudkan di sini ialah menjelaskan keadaan hari Qiamat itu apabila ia datang kelak. Ia didahulukan dengan satu gambaran kecil dari pemandangan bumi, iaitu pemandangan penyerbuan kaum Ya'juj dan Ma'juj dari segenap sudut dalam keadaan mendadak dan huru hara. Gambaran ini mengikut cara biasa Al-Qur'anul-Karim menggunakan pemandangan-pemandangan yang biasa dilihat manusia dan meningkatkan mereka dengan kefahaman-kefahaman mereka di bumi ini untuk memahami pemandangan-pemandangan Qiamat.

Di dalam pemandangan yang ditayangkan di sini diperlihatkan unsur kejutan yang mengkagetkan orang-orang yang terperanjat (dengan masa kehampiran Qiamat itu).

فَإِذَا هِيَ شَٰخِصَةٌ أَبْصَٰرُ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ

"Maka tiba-tiba seluruh mata orang-orang yang kafir itu terbelalak"(97)

yakni mata mereka tidak berkelip kerana terlalu dahsyat melihat pemandangan Qiamat yang berlaku secara mendadak itu. Kata-kata "شاخصة" (terbelalak) sengaja didahulukan sebutannya untuk melukiskan pemandangan itu dengan cara yang lebih menonjol.

Dari penceritaan mengenai keadaan mereka, Al-Qur'an beralih pula kepada menayangkan cara mereka memerintah agar pemandangan itu lebih hidup dan menonjol:

يَٰوَيْلَنَا قَدْ كُنَّا فِي غَفْلَةٍ مِّنْ هَٰذَا بَلْ كُنَّا ظَٰلِمِينَ ﴿٩٧﴾

"Amboi celakanya kami! Sesungguhnya kami telah berasa di dalam kelalaian terhadap hari ini, malah sebenarnya kami adalah orang-orang yang zalim."(97)

Itulah pernyataan rasa sedih orang-orang yang tiba-tiba melihat hakikat yang dahsyat hingga menyebabkan mereka kaget dan mata mereka terbelalak tidak berkelip-kelip. Mereka merintih menyebut kecelakaan dan kebinasaan. Mereka mengaku dan menyesal, tetapi malangnya masa telah terluput.

Sebaik sahaja keluarnya pengakuan mereka di sa'at-sa'at yang mengkagetkan mereka itu, Allah mengeluarkan keputusan-Nya yang muktamad, yang tidak dapat ditolakkan lagi:

إِنَّكُمْ وَمَا تَعْبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ حَصَبُ جَهَنَّمَ أَنتُمْ لَهَا وَٰرِدُونَ ﴿٩٨﴾

"Sesungguhnya kamu dan segala berhala, yang kamu sembah selain Allah adalah menjadi bahan bakar Neraka Jahannam, di mana kamu akan memasukinya."(98)

Keadaan Mereka Yang Dicampakkan Ke Dalam Neraka

Seolah-olah mereka di waktu ini berada di padang pembicaraan, di mana mereka dan tuhan-tuhan sembahan yang didakwakan mereka dihalakan ke Neraka Jahannam dan seolah-olah mereka dicampakkan ke dalam Neraka dengan campakan yang amat dahsyat dan tanpa kasihan belas. Mereka dicampakkan seperti orang mencampak butir-butir buah-buahan. Di waktu inilah dikemukakan kepada mereka dalil yang menunjukkan kedustaan dakwaan mereka bahawa berhala-berhala itu adalah tuhan-tuhan. Dalil yang dikemukakan, kepada mereka

adalah diambil dari kenyataan yang disaksikan mereka sendiri:

لَوْ كَانَ هَٰٓؤُلَآءِ ءَالِهَةً مَّا وَرَدُوهَا ۖ

"Jika berhala-berhala itu tuhan-tuhan tentulah mereka tidak masuk Neraka."(99)

Itulah dalil hati nurani yang diambil dari pemandangan yang ditunjukkan kepada mereka di dunia dan seolah-olah pemandangan itu sedang berlaku di Akhirat. Kemudian Al-Qur'an terus menerangkan bahawa mereka seolah-olah betul-betul telah memasuki Neraka Jahannam, dan di sana ia menyifatkan keadaan mereka yang sedang berada di dalam Neraka. Iaitu keadaan orang yang berada dalam suasana yang amat susah dan ngeri setelah menginsafi keadaan dirinya:

وَكُلٌّ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿٩٩﴾ لَهُمْ فِيهَا زَفِيرٌ
وَهُمْ فِيهَا لَا يَسْمَعُونَ ﴿١٠٠﴾

"Dan seluruh mereka akan kekal di dalamnya. Mereka mengeluarkan bunyi hembusan dan sedutan pernafasan yang kuat di dalam Neraka dan mereka tidak mendengar suatu apa yang lain."(99-100)

Marilah kita tinggalkan mereka untuk melihat orang-orang yang beriman. Di sana kita dapati mereka terselamat dari keseksaan-keseksaan itu. Mereka telah memperolehi balasan yang baik dan telah ditetapkan mendapat kejayaan dan keselamatan:

إِنَّ ٱلَّذِينَ سَبَقَتْ لَهُم مِّنَّا ٱلْحُسْنَىٰٓ أُو۟لَٰٓئِكَ
عَنْهَا مُبْعَدُونَ ﴿١٠١﴾
لَا يَسْمَعُونَ حَسِيسَهَا ۖ وَهُمْ فِى مَا ٱشْتَهَتْ
أَنفُسُهُمْ خَٰلِدُونَ ﴿١٠٢﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang telah memperolehi balasan yang baik dari Kami, maka mereka akan dijauhkan dari Neraka (101). Mereka tidak akan mendengar bunyi julangan api Neraka dan mereka akan kekal di dalam ni'mat-ni'mat Syurga yang diingini hati mereka."(102)

Keadaan Mereka Yang Dimasukkan Ke Dalam Syurga

Kata "حسيسها" (bunyi julangan api) adalah dari kata-kata yang mempunyai nada yang dapat menggambarkan maknanya. Ia dapat menggambarkan bunyi jilatan api yang menjalar dan membakar dan melahirkan suara yang mengerikan. Bunyi julangan dan jilatan api itu membuat kulit menggerunyut. Oleh sebab itulah Allah menyelamatkan orang-orang yang beriman yang telah memperolehi balasan yang baik itu dari mendengar bunyi Neraka itu apatah lagi dari mendapat selarannya. Mereka terselamat dari ketakutan yang amat besar yang membingungkan kaum Musyrikin. Mereka hidup aman dan penuh ni'mat sebagaimana yang diingini hati mereka. Mereka disambut para malaikat yang mengalu-alukan kedatangan mereka dan menemani mereka agar hati mereka merasa tenteram dalam suasana yang penuh dengan ketakutan itu:

لَا يَحْزُنُهُمُ ٱلْفَزَعُ ٱلْأَكْبَرُ وَتَتَلَقَّىٰهُمُ
ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ هَٰذَا يَوْمُكُمُ ٱلَّذِى كُنتُمْ
تُوعَدُونَ ﴿١٠٣﴾

"Mereka tidak akan dirungsingkan huru-hara Qiamat yang amat besar dan mereka akan disambut para malaikat (yang berkata): Inilah hari (kebahagiaan) kamu yang telah dijanjikan kepada kamu."(103)

Al-Qur'an menamatkan pemandangan itu dengan pemandangan kesudahan alam dan pemandangan ini turut serta menggambarkan kedahsyatan keadaan yang menguasai hati manusia dan seluruh makhluk yang lain pada hari yang amat gawat itu:

يَوْمَ نَطْوِى ٱلسَّمَآءَ كَطَىِّ ٱلسِّجِلِّ لِلْكُتُبِ ۚ

"(Ingatlah) hari Kami menggulungkan langit seperti menggulungkan lembaran buku-buku."(104)

Tiba-tiba langit tergulung sama seperti penjaga buku-buku menggulungkan lembaran-lembarannya. Tamatlah urusan alam buana dan berakhirlah tayangan itu. Kini alam buana yang biasa dihayati manusia itu telah digulung dan tiba-tiba muncullah sebuah alam buana yang baru:

كَمَا بَدَأْنَآ أَوَّلَ خَلْقٍ نُّعِيدُهُۥ ۚ وَعْدًا عَلَيْنَآ ۚ إِنَّا
كُنَّا فَٰعِلِينَ ﴿١٠٤﴾

"Sebagaimana Kami mulakan penciptaan yang pertama, Kami akan ulanginya sekali lagi. Itulah janji yang tertanggung di atas Kami. Sesungguhnya Kami tetap akan melaksanakannya."(104)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 105)

Setelah menayangkan pemandangan yang menggambarkan kesudahan alam buana dan manusia-manusia yang hidup di Akhirat, Al-Qur'an kembali menjelaskan Sunnatullah mengenai warisan bumi yang akan menjadi milik para hamba-Nya yang soleh di dalam kehidupan dunia. Di antara dua pemandangan ini terdapat hubungan dan pertalian:

Undang-undang Warisan Bumi

وَلَقَدْ كَتَبْنَا فِى ٱلزَّبُورِ مِنۢ بَعْدِ ٱلذِّكْرِ أَنَّ
ٱلْأَرْضَ يَرِثُهَا عِبَادِىَ ٱلصَّٰلِحُونَ ﴿١٠٥﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah catatkan di dalam kitab-kitab suci (yang diturunkan kepada manusia) setelah dicatatkan di dalam Luh Mahfuz bahawa bumi ini diwarisi hamba-hamba-Ku yang soleh."(105)

Kata-kata "az-Zabur" sama ada dimaksud dengan kitab suci yang dikurniakan kepada Daud a.s. dan jika inilah yang dimaksudkan, maka kata-kata "az-Zikr" yang disebut selepasnya diertikan dengan kitab at-Taurat yang diturunkan sebelum az-Zabur atau sama ada az-Zabur itu menjadi sifat bagi setiap kitab suci dengan erti kitab-kitab itu merupakan sepotongan dari kitab agung iaitu al-Lauhul-Mahfuz yang melambangkan sistem induk atau kitab rujukan lengkap bagi seluruh undang-undang Allah di alam buana.

Walau bagaimanapun, namun maksud pokok dari ayat "*dan sesungguhnya Kami telah catatkan di dalam kitab-kitab suci (yang diturunkan kepada manusia) setelah dicatatkan dalam Luh Mahfuz...*" ialah untuk menjelaskan undang-undanglah yang telah ditetapkan mengenai masalah pewaris bumi iaitu "*bumi ini adalah diwarisi oleh hamba-hamba-Ku yang soleh.*"

Apakah yang dimaksudkan dengan warisan ini? Dan siapakah hamba-hamba Allah yang soleh itu?

Allah telah melantikkan Adam sebagai khalifah di bumi untuk membangun dan mengislahkannya, menyubur dan mengubahsuaikannya, mengguna segala perbendaharaan dan tenaga-tenaga yang tersimpan di dalamnya, memanfa'atkan segala kekayaan bumi yang zahir dan yang batin dan seterusnya memajukan bumi ke tahap kesempurnaan yang ditetapkan di dalam ilmu Allah.

Allah telah menetapkan kepada manusia satu sistem hidup yang lengkap dan sepadu supaya mereka mematuhinya dalam mengaturkan kegiatan mereka di bumi ini, iaitu satu sistem hidup yang ditegakkan di atas keimanan dan amalan yang soleh. Di dalam agama yang akhir kepada manusia, Allah telah memperincikan sistem ini dengan panjang lebar dan menetapkan undang-undang yang dapat menegak dan memeliharakannya, iaitu menjaga keselarasan dan keseimbangan di antara langkah-langkahnya.

Di dalam sistem ini pengimarahan atau pembangunan bumi, penggunaan kekayaan, dan tenaga-tenaganya bukanlah satu-satunya tujuan yang dimaksudkan, tetapi tujuan yang dimaksudkan ialah pengimarahan bumi, di samping pembelaan hati nurani manusia agar mereka dapat mencapai tahap kesempurnaan yang telah ditetapkan Allah dalam kehidupan ini, iaitu agar mereka tidak berubah menjadi haiwan di tengah-tengah tamadun kebendaan yang gilang gemilang dan agar insaniyah mereka tidak menurun ke dasar yang paling rendah ketika mereka memuncak tinggi dalam kemajuan menggunakan sumber-sumber kekayaan bumi yang zahir dan yang batin.

Di tengah jalan perjuangan untuk mencapai keseimbangan dan keselarasan itu berlakulah sebelah daun neraca meringan dan sebelah lagi memberat, iaitu kadang-kadang bumi ini dikuasai oleh kaum yang bermaharajalela, zalim dan pelampau, kadang-kadang dikuasai oleh umat yang liar, jakun dan kaki perang, kadang-kadang dikuasai oleh orang-orang kafir yang jahat yang pintar menggunakan kekuatan-kekuatan dan tenaga-tenaga bumi untuk kemajuan-kemajuan kebendaan, tetapi semuanya itu merupakan pengalaman-pengalaman di tengah jalan perjuangan. Dan warisan yang akhir tetap dikuasai oleh hamba-hamba Allah yang soleh, iaitu orang-orang yang mengumpulkan di antara keimanan dan amalan yang soleh. Kedua-dua unsur itu tidak bercerai tanggal di dalam jiwa dan di dalam kehidupan mereka.

Apabila keimanan hati dan kegiatan-bekerja berkumpul pada satu umat, maka merekalah yang akan memiliki warisan bumi dalam mana-mana zaman di dalam sejarah, tetapi apabila kedua-dua unsur itu berpisah, maka neraca akan menjadi tidak mantap; kadang-kadang kemenangan itu dicapai oleh umat yang berpegang kukuh dengan kemajuan-kemajuan kebendaan ketika kemajuan ini diabaikan oleh umat yang berpura-pura beriman dan ketika hati orang-orang yang beriman kosong dari keimanan yang sebenar, iaitu keimanan yang mendorong ke arah amalan yang soleh, ke arah pengimarahan bumi dan pelaksanaan tugas-tugas khilafah yang diserahkan Allah kepada manusia.

Kewajipan orang-orang yang beriman ialah merealisasikan pengertian keimanan mereka ke alam kenyataan iaitu melakukan amalan yang soleh dan menunaikan tanggungjawab-tanggungjawab khilafah supaya janji Allah itu terlaksana dan undang-undang-Nya berjalan "*bahawa bumi ini diwarisi oleh hamba-hamba-Ku yang soleh.*" Orang-orang Mu'min yang bekerja keras itulah hamba-hamba yang soleh.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 106 - 112)

Pada akhirnya tibalah pernyataan penamat surah ini yang serupa dengan pernyataan pembukaannya:

إِنَّ فِي هَٰذَا لَبَلَٰغًا لِّقَوْمٍ عَٰبِدِينَ ١٠٦
وَمَآ أَرْسَلْنَٰكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَٰلَمِينَ ١٠٧
قُلْ إِنَّمَا يُوحَىٰٓ إِلَيَّ أَنَّمَآ إِلَٰهُكُمْ إِلَٰهٌ وَٰحِدٌ
فَهَلْ أَنتُم مُّسْلِمُونَ ١٠٨
فَإِن تَوَلَّوْا فَقُلْ ءَاذَنتُكُمْ عَلَىٰ سَوَآءٍ وَإِنْ أَدْرِيٓ
أَقَرِيبٌ أَم بَعِيدٌ مَّا تُوعَدُونَ ١٠٩
إِنَّهُۥ يَعْلَمُ ٱلْجَهْرَ مِنَ ٱلْقَوْلِ وَيَعْلَمُ مَا

تَكْتُمُونَ ﴿١١٠﴾
وَإِنْ أَدْرِي لَعَلَّهُۥ فِتْنَةٌ لَّكُمْ وَمَتَٰعٌ إِلَىٰ حِينٍ ﴿١١١﴾
قَٰلَ رَبِّ ٱحْكُم بِٱلْحَقِّ ۗ وَرَبُّنَا ٱلرَّحْمَٰنُ ٱلْمُسْتَعَانُ
عَلَىٰ مَا تَصِفُونَ ﴿١١٢﴾

"Sesungguhnya di dalam Al-Qur'an ini terdapat pengumuman yang jelas kepada golongan para 'Abidin (106). Dan tidaklah Kami utuskan engkau melainkan untuk menjadi rahmat kepada sekalian alam (107). Katakanlah: Sesungguhnya yang diwahyukan kepadaku ialah sesungguhnya Tuhan kamu yang sebenar ialah Tuhan Yang Maha Esa, maka apakah kamu bersedia menyerahkan diri kepada-Nya? (108) Jika mereka berpaling, maka katakanlah (kepada mereka): Aku telah mengisytiharkan (amaran ini) kepada kamu dan aku dan kamu sama-sama mengetahuinya dan aku tidak mengetahui apakah janji 'azab yang diancamkan kepada kamu itu sudah dekat atau masih jauh (109). Sesungguhnya Allah mengetahui segala percakapan yang lantang dan mengetahui segala percakapan yang kamu sembunyikan (110). Dan aku tidak mengetahui boleh jadi penangguhan 'azab itu merupakan satu ujian kepada kamu dan suatu keni'matan sementara hingga ke suatu masa yang tertentu (111). (Muhammad) merayu: Wahai Tuhanku! Jatuhkanlah hukuman yang benar, dan Tuhan kami adalah Tuhan Yang Maha Penyayang Tuhan yang dipohonkan pertolongan-Nya terhadap segala pembohongan yang disifatkan kamu". (112).

Kefleksibalan Sistem Hidup Islam Yang Diterangkan Al-Qur'an

إِنَّ فِي هَٰذَا لَبَلَٰغًا لِّقَوْمٍ عَٰبِدِينَ ﴿١٠٦﴾

"Sesungguhnya, di dalam Al-Qur'an ini terdapat pengumuman yang jelas kepada golongan para 'Abidin."(106)

Maksudnya isi kandungan Al-Qur'an dan segala penjelasannya mengenai undang-undang alam buana dan peraturan-peraturan hidup, mengenai nasib kesudahan manusia di dunia dan Akhirat dan mengenai peraturan-peraturan amalan dan balasan semuanya merupakan pengumuman dan penerangan yang cukup jelas kepada golongan orang-orang yang bersedia untuk menyambut hidayat Allah. Allah namakan golongan ini sebagai golongan *"para 'Abidin"* kerana seseorang 'abid itu adalah seorang yang berhati khusyu', patuh dan siap sedia untuk menerima perintah, berfikir dan mengambil manfa'at.

Allah S.W.T. telah mengutuskan Rasul-Nya sebagai rahmat kepada seluruh manusia agar beliau memimpin mereka ke jalan hidayat. Dan tiada yang menerima hidayat itu melainkan golongan manusia yang mempunyai kesediaan untuk menerimanya walaupun rahmat itu merangkumi orang-orang yang beriman dan orang-orang yang tidak beriman.

Sistem hidup yang dibawa oleh Muhammad s.a.w. adalah satu sistem yang dapat membahagiakan seluruh umat manusia dan dapat membawa mereka kepada taraf kesempurnaan yang ditetapkan untuk mereka di dalam hidup ini.

Risalah ini telah datang kepada umat manusia ketika mereka mencapai usia kedewasaan dan kematangan akal. Ia datang selaku sebuah kitab yang terbuka kepada akal generasi manusia yang akan datang, iaitu sebuah kitab yang mengandungi dasar-dasar hidup manusia yang tidak berubah dan bersedia untuk memenuhi keperluan-keperluan mereka yang sentiasa membaharu yang hanya diketahui oleh Allah sahaja selaku Pencipta manusia. Allahlah Yang Maha Mengetahui dengan kehendak-kehendak keperluan mereka yang telah diciptakannya dan Dialah Tuhan Yang Maha Halus Pentadbiran-Nya dan Maha Mendalam Ilmu-Nya.

Kitab ini telah menggariskan dasar-dasar sistem hidup yang kekal untuk kehidupan manusia yang sentiasa berkembang dan membaharu, dan di samping itu ia menyerahkan kepada mereka daya utama mengistinbatkan hukum-hukum juzi atau peraturan-peraturan kecil yang diperlu oleh perhubungan-perhubungan kehidupan yang sentiasa subur dan membaharu itu. Begitu juga diserahkan kepada mereka daya utama mengistinbatkan cara-cara pelaksanaannya mengikut suasana-suasana dan keadaan-keadaan kehidupan tanpa bercanggah dengan dasar-dasar pokok sistem yang kekal ini.

Kitab ini telah menjamin kebebasan bertindak kepada akal manusia dengan menjaminkan hak kebebasan akal untuk berfikir, juga dengan jaminan masyarakat yang membenarkannya berfikir, kemudian ia menyerahkan kebebasan berfikir kepada akal manusia dalam lingkungan dasar-dasar pokok sistem Islam yang telah digariskan untuk kepentingan hidup manusia agar ia terus subur, meningkat maju dan sampai ke tahap kesempurnaan yang telah ditetapkan kepada kehidupan manusia di bumi ini.

Pengalaman-pengalaman manusia telah membuktikan sehingga ke sa'at ini bahawa sistem hidup Islam itu telah dan masih mendahului langkah-langkah manusia pada keseluruhannya, ia boleh menerima perkembangan hidup manusia dengan segala pertaliannya secara berterusan di bawah naungannya. Ia sentiasa memimpin mereka dan tidak pernah terkebelakang dari mereka. Ia tidak melumpuhkan pergerakan mereka dan tidak membawa mereka mundur ke belakang kerana ia selama-lamanya mendahului langkah-langkah mereka dan selama-lamanya memberi kelonggaran untuk mereka melangkah dengan sempurna.

Di samping ia memenuhi kegemaran manusia yang mahu berkembang maju, ia tidak menekan atau menindas tenaga-tenaga manusia dengan apa-apa bentuk tekanan sekalipun sama ada dengan bentuk tekanan individu atau tekanan kelompok. Ia tidak mengharamkan mereka meni'mati hasil-hasil daya

usaha mereka dan keni'matan-keni'matan hidup yang telah dicapaikan mereka.

Nilai sistem ini ialah ia bersifat seimbang dan selaras. Ia tidak menyeksakan jasad untuk meluhurkan roh dan tidak mengabaikan roh untuk memberi keni'matan kepada jasad. Ia tidak mengikat tenaga-tenaga individu dan keinginan-keinginan semulajadinya yang sihat untuk melaksanakan kepentingan masyarakat atau negara. Ia tidak membiarkan individu bertindak bebas lepas memenuhi keinginan hawa nafsunya yang sesat untuk menggugatkan kehidupan masyarakat atau menggunakan masyarakat untuk keni'matan individu atau segelintir individu.

Seluruh taklif atau tugas-tugas yang diletakkan oleh sistem ini ke atas bahu manusia adalah dirancangkan sesuai dengan keupayaannya dan kepentingan mereka, kerana manusia telah dibekalkan, dengan kesediaan-kesediaan dan kebolehan-kebolehan yang dapat menolakkan mereka menunaikan tugas-tugas itu serta menjadikan tugas-tugas itu disukai mereka walaupun terkadang-kadang mereka terpaksa mengalami kesusahan dan kesulitan kerananya, ini disebabkan kerana tugas-tugas itu dapat memenuhi sesuatu dari keinginan-keinginannya atau menyalurkan sesuatu dari tenaga-tenaganya.

Risalah Muhammad s.a.w. telah menjadi rahmat kepada kaumnya dan rahmat kepada seluruh umat manusia selepas beliau. Dasar-dasar yang dibawa beliau pada mulanya kelihatan aneh dan ganjil pada pandangan hati manusia kerana wujudnya jurang yang jauh di antara realiti hidup di alam kenyataan dan realiti hidup rohaniyah, tetapi sejak hari itu umat manusia mulai merasa dekat sedikit demi sedikit dari ufuk-ufuk kejauhan dasar-dasar ini dan akhirnya hilanglah keganjilan dan keanehannya yang dirasakan mereka selama ini, lalu mereka kembali mendokong dan melaksanakan dasar-dasar itu walaupun dengan berselindung di sebalik nama-nama yang lain.

Dasar-dasar Sejagat Perjuangan Sistem Islam

Islam telah memperjuangkan dasar kemanusiaan yang tunggal, di mana hilangnya perbezaan-perbezaan bangsa dan geografi agar seluruh manusia bertemu dalam satu 'aqidah yang sama dan satu sistem kemasyarakatan yang sama. Dasar ini kelihatan ganjil pada hati, pada pemikiran manusia dan pada kenyataan hidup mereka di masa itu, kerana golongan bangsawan tetap menganggapkan diri mereka diciptakan dari tanah yang berlainan dari tanah yang diciptakan golongan hamba abdi, tetapi nah! Sekarang lihatlah umat manusia dalam masa lebih tiga belas abad terus berusaha untuk menurut jejak langkah Islam, tetapi langkah-langkah mereka patah di tengah jalan kerana mereka tidak berpandu dengan nur Islam yang sempurna. Namun demikian mereka telah sampai kepada sebahagian dari sistem itu walaupun pada peringkat dakwaan-dakwaan dan kata-kata sahaja dan walaupun bangsa-bangsa Eropah dan Amerika masih terus berpegang kukuh dengan dasar perbezaan bangsa atau kaum yang keji itu, yang diperangi oleh Islam sejak lebih seribu tiga ratus tahun yang silam.

Islam telah memperjuangkan dasar sama rata di hadapan keadilan dan undang-undang di antara semua orang, sedangkan di waktu itu manusia dibeza-bezakan dengan berbagai-bagai kelas dan setiap kelas mempunyai undang-undang, malah kehendak dan kemahuan tuanmas telah menjadi undang-undang di zaman perhambaan dan feudal. Di waktu itu hati manusia memandang ganjil dan aneh terhadap sistem hidup Islam yang memperjuangkan dasar sama rata yang mutlak di hadapan keadilan itu. Tetapi nah! Lihatlah sekarang umat manusia sedikit demi sedikit cuba - walaupun secara teori - mendapatkan sesuatu amalan dasar sama rata yang telah diamalkan oleh Islam sejak lebih dari seribu tiga ratus tahun yang silam.

Selain dari dua contoh ini, di sana terdapat banyak lagi contoh-contoh yang menunjukkan bahawa risalah Muhammadiyah itu menjadi rahmat kepada umat manusia dan bahawa Nabi Muhammad s.a.w. itu adalah diutuskan untuk membawa rahmat kepada seluruh umat manusia sama ada yang beriman atau yang tidak beriman, kerana seluruh umat manusia turut mendapat kesan dari sistem yang dibawa oleh Islam sama ada secara sukarela atau terpaksa dan sama ada secara sedar atau tidak sedar. Dan naungan rahmat ini masih terus teduh kepada siapa sahaja yang mahu berlindung di bawah naungannya dan mahu menyedut udara langit yang aman di dalam suasana bumi yang amat panas terutama pada masa ini.

Umat manusia pada hari ini amat memerlukan kepada sentuhan rahmat yang lembut ini, iaitu ketika mereka sedang berada di dalam kegelisahan dan kebingungan di padang-padang gurun kebendaan yang menyesatkan dan berada di dalam neraka peperangan-peperangan dan ketandusan roh dan hati.

* * * * * *

Unsur Tauhid Dalam Mesej Islam

Setelah menjelaskan pengertian rahmat, Rasulullah s.a.w. diperintah supaya bersemuka dengan para pendusta yang mengejek da'wah untuk menerangkan kepada mereka intisari risalahnya yang melahirkan rahmat kepada sekalian alam itu:

قُلْ إِنَّمَا يُوحَىٰٓ إِلَىَّ أَنَّمَآ إِلَٰهُكُمْ إِلَٰهٌ وَٰحِدٌ

فَهَلْ أَنتُم مُّسْلِمُونَ ﴿١٠٨﴾

"Katakanlah: Sesungguhnya yang diwahyukan kepadaku ialah sesungguhnya Tuhan kamu yang sebenar ialah Tuhan Yang Maha Esa, maka apakah kamu bersedia menyerahkan diri kepada-Nya?"(108)

Unsur tauhid itulah unsur rahmat semulajadi di dalam risalah Islam ini. Itulah unsur tauhid yang

sempurna yang dapat menyelamatkan umat manusia dari kepercayaan karut jahiliyah, dari beban-beban kepercayaan paganisme dan dari tekanan kepercayaan yang sesat dan khurafat. Itulah unsur tauhid yang dapat menegakkan kehidupan manusia di atas tapaknya yang teguh, dan unsur inilah yang menghubungkan kehidupan manusia dengan alam al-wujud seluruhnya mengikut undang-undang yang jelas dan peraturan-peraturan yang kukuh, bukannya mengikut keinginan hawa nafsu. Inilah unsur yang dapat menjamin setiap orang berdiri dengan kepalanya yang terangkat ke atas dan tidak akan tunduk melainkan hanya kepada Allah Yang Maha Esa dan Maha Gagah Perkasa sahaja.

Inilah jalah menuju rahmat-Nya:

فَهَلْ أَنتُم مُّسْلِمُونَ ﴿١٠٨﴾

"Maka apakah kamu bersedia menyerahkan diri kepada-Nya?"(108)

Inilah satu-satunya pertanyaan yang diperintahkan kepada Rasulullah s.a.w. supaya beliau mengemukakannya kepada para pendusta yang mempersenda-sendakan da'wah itu.

فَإِن تَوَلَّوْا فَقُلْ ءَاذَنتُكُمْ عَلَىٰ سَوَآءٍ

"Jika mereka berpaling, maka katakanlah (kepada mereka): Aku telah mengisytiharkan (amaran itu) kepada kamu dan aku dan kamu sama-sama mengetahuinya."(109)

Aku telah mendedahkan segala apa yang ada padaku. Oleh itu aku dan kamu adalah sama-sama mengetahuinya. Kata-kata perisytiharan itu biasanya dilakukan di dalam peperangan untuk menamatkan masa damai dan untuk memberitahu kepada pihak yang lain bahawa sekarang adalah masa perang bukannya damai, tetapi di sini - surah ini adalah Surah Makkiyah dan peperangan belum lagi difardhukan ke atas kaum Muslimin - maksud dari perisytiharan itu ialah beliau mahu mengumumkan kepada mereka bahawa beliau berlepas tangan dari mereka dan meninggalkan dalam keadaan mengetahui nasib kesudahan yang akan diterima mereka. Beliau telah memberi amaran yang cukup terhadap 'akibat yang akan menimpa mereka dan selepas ini mereka tidak lagi mempunyai apa-apa alasan keuzuran. Oleh itu hendaklah mereka rasakan akibat perbuatan mereka kerana mereka memang tahu semuanya ini.

Tiada Siapa Yang Mengetahui Janji 'Azab Allah

وَإِنْ أَدْرِىٓ أَقَرِيبٌ أَم بَعِيدٌ مَّا تُوعَدُونَ ﴿١٠٩﴾

"Dan aku tidak mengetahui apakah janji 'azab yang diancamkan kepada kamu itu sudah dekat atau masih jauh?"(109)

Yakni aku telah mengisytiharkan (amaran ini) dan aku dan kamu sama-sama mengetahuinya dan aku tidak mengetahui bilakah 'azab yang diancamkan kepada kamu itu akan menimpa kamu, kerana ia merupakan urusan ghaib yang hanya diketahui Allah sahaja. Dialah sahaja yang mengetahui bilakah Dia akan mengenakan kamu dengan 'azab-Nya di dunia ini atau di Akhirat, dan Dialah jua yang tahu segala rahsia kamu dan segala apa yang nyata dari kamu. Tiada suatu pun yang tersembunyi dari pengetahuan-Nya:

إِنَّهُۥ يَعْلَمُ ٱلْجَهْرَ مِنَ ٱلْقَوْلِ وَيَعْلَمُ مَا تَكْتُمُونَ ﴿١١٠﴾

"Sesungguhnya Allah mengetahui segala percakapan yang lantang dan mengetahui segala percakapan yang kamu sembunyikan."(110)

Seluruh urusan kamu adalah terdedah kepada pengetahuan Allah dan apabila Dia mengazabkan kamu, maka Dia mengazabkan kamu mengikut apa yang diketahuinya tentang kamu zahir dan batin. Dan apabila 'azab itu ditangguhkan ke atas kamu, maka hikmat penangguhan itu tersimpan di sisi Allah:

وَإِنْ أَدْرِى لَعَلَّهُۥ فِتْنَةٌ لَّكُمْ وَمَتَـٰعٌ إِلَىٰ حِينٍ ﴿١١١﴾

"Dan aku tidak mengetahui boleh jadi penangguhan 'azab itu merupakan satu ujian kepada kamu dan suatu keni'matan sementara hingga ke suatu masa yang tertentu."(111)

Aku tidak mengetahui apakah tujuan Allah menangguhkan 'azab ini, mungkin Allah mahu menjadikannya sebagai ujian dan dugaan kepada kamu. Ini bererti Allah memberi keni'matan kepada kamu sehingga kepada suatu masa yang tertentu sahaja dan selepas itu Allah akan mengenakan kamu dengan 'azab seksa-Nya yang amat dahsyat, iaitu 'azab seksa dari Tuhan Yang Maha Perkasa dan Maha Kuasa.

Dengan pengumuman tidak tahu ini dapat memberi kesedaran yang kuat kepada hati mereka. Ia membuat mereka sentiasa menunggu-nunggu segala kemungkinan dan sentiasa menaruh kebimbangan dari ditimpa malapetaka 'azab secara mendadak. Ia menyedarkan hati mereka dari kelalaian hidup senang, kerana boleh jadi di sebalik kesenangan itu ada ujian dan ada bala yang akan menimpa. Menunggu-nunggu kedatangan 'azab pada bila-bila masa yang tidak ditetapkan itu sudah cukup untuk membuat hati seseorang sentiasa cemas dan saraf-sarafnya tegang. Setiap waktu dia menunggu-nunggu tabir yang dilabuhkan itu disingkapkan, di mana akan terserlah 'azab yang tersembunyi selama ini.

Hati manusia selalu lalai dari 'azab Allah yang ghaib yang menunggu mereka. Kesenangan hidup selalu mengeliru dan memperdayakan seseorang dan menyebabkannya lupa bahawa di belakang tabir yang dilabuhkan itu terdapat malapetaka yang tidak diketahuinya. Dan tiada siapa yang berkuasa mendedahkannya melainkan Allah pada waktunya yang tepat dan majhul.

Amaran ini boleh mengembalikan kesedaran kepada hati dan memberi kesempatan memohon kema'afan kepada Allah sebelum terluput waktunya.

Di sini Rasulullah s.a.w. bertawajjuh kepada Allah setelah selesai menunaikan amanah, menyampaikan risalah, membuat perisytiharan dan mengingatkan mereka terhadap bala yang mendadak... beliau bertawajjuh kepada Allah Yang Maha Penyayang memohon hukuman dan keputusan-Nya yang adil di antara beliau dengan para Kafirin yang mempersenda-sendakan da'wah dan berhati lalai. Beliau memohon pertolongan-Nya untuk mengatasi tipu daya dan pendustaan mereka, dan hanya Allah sahaja yang layak dipohon pertolongan:

قَٰلَ رَبِّ ٱحْكُم بِٱلْحَقِّ ۗ وَرَبُّنَا ٱلرَّحْمَٰنُ ٱلْمُسْتَعَانُ عَلَىٰ مَا تَصِفُونَ ١١٢

"(Muhammad) merayu: Wahai Tuhanku! Jatuhkanlah hukuman yang benar dan Tuhan kami adalah Tuhan Yang Maha Penyayang Tuhan yang dipohonkan pertolongan-Nya terhadap segala pembohongan yang disifatkan kamu."(112)

Sifat kasihan belas dan penyayang yang agung itu mempunyai maksudnya yang penting di sini, kerana Allahlah yang telah mengutuskan beliau supaya menjadi rahmat kepada semesta alam. Beliau telah didustakan para pendusta dan diejek-ejekkan para pengejek, dan hanya Allah sahaja yang sanggup mengasihani Rasul-Nya dan menolong beliau mengatasi celaan-celaan yang tidak wajar dari mereka.

Dengan sepotong ayat yang kuat ini diakhiri surah ini sebagaimana ia dimulakan dengan sepotong ayat yang sama kuat. Di sini bertemulah dua hujung surah ini dalam satu nada pernyataan yang tajam dan kuat, menarik dan mendalam.

* * * * * *

JUZU' KE-17

SURAH AL-HAJ

SURAH KE

22

سُورَةُ الحَجِّ

SURAH AL-HAJ

Surah Haji

(Madaniyah)
Kecuali Ayat-ayat 52 hingga 55

JUMLAH AYAT

78

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 24)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ ٱتَّقُوا۟ رَبَّكُمْ ۚ إِنَّ زَلْزَلَةَ ٱلسَّاعَةِ شَىْءٌ
عَظِيمٌ ﴿١﴾
يَوْمَ تَرَوْنَهَا تَذْهَلُ كُلُّ مُرْضِعَةٍ عَمَّآ أَرْضَعَتْ
وَتَضَعُ كُلُّ ذَاتِ حَمْلٍ حَمْلَهَا وَتَرَى ٱلنَّاسَ
سُكَٰرَىٰ وَمَا هُم بِسُكَٰرَىٰ وَلَٰكِنَّ عَذَابَ ٱللَّهِ
شَدِيدٌ ﴿٢﴾
وَمِنَ ٱلنَّاسِ مَن يُجَٰدِلُ فِى ٱللَّهِ بِغَيْرِ عِلْمٍ وَيَتَّبِعُ
كُلَّ شَيْطَٰنٍ مَّرِيدٍ ﴿٣﴾
كُتِبَ عَلَيْهِ أَنَّهُۥ مَن تَوَلَّاهُ فَأَنَّهُۥ يُضِلُّهُۥ
وَيَهْدِيهِ إِلَىٰ عَذَابِ ٱلسَّعِيرِ ﴿٤﴾
يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِن كُنتُمْ فِى رَيْبٍ مِّنَ ٱلْبَعْثِ
فَإِنَّا خَلَقْنَٰكُم مِّن تُرَابٍ ثُمَّ مِن نُّطْفَةٍ ثُمَّ
مِنْ عَلَقَةٍ ثُمَّ مِن مُّضْغَةٍ مُّخَلَّقَةٍ وَغَيْرِ مُخَلَّقَةٍ
لِّنُبَيِّنَ لَكُمْ ۚ وَنُقِرُّ فِى ٱلْأَرْحَامِ مَا نَشَآءُ إِلَىٰٓ
أَجَلٍ مُّسَمًّى ثُمَّ نُخْرِجُكُمْ طِفْلًا ثُمَّ لِتَبْلُغُوٓا۟
أَشُدَّكُمْ ۖ وَمِنكُم مَّن يُتَوَفَّىٰ وَمِنكُم
مَّن يُرَدُّ إِلَىٰٓ أَرْذَلِ ٱلْعُمُرِ لِكَيْلَا يَعْلَمَ مِنۢ بَعْدِ
عِلْمٍ شَيْـًٔا ۚ وَتَرَى ٱلْأَرْضَ هَامِدَةً فَإِذَآ أَنزَلْنَا
عَلَيْهَا ٱلْمَآءَ ٱهْتَزَّتْ وَرَبَتْ وَأَنۢبَتَتْ مِن كُلِّ
زَوْجٍۭ بَهِيجٍ ﴿٥﴾
ذَٰلِكَ بِأَنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلْحَقُّ وَأَنَّهُۥ يُحْىِ ٱلْمَوْتَىٰ وَأَنَّهُۥ عَلَىٰ
كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿٦﴾
وَأَنَّ ٱلسَّاعَةَ ءَاتِيَةٌ لَّا رَيْبَ فِيهَا وَأَنَّ ٱللَّهَ يَبْعَثُ مَن فِى
ٱلْقُبُورِ ﴿٧﴾
وَمِنَ ٱلنَّاسِ مَن يُجَٰدِلُ فِى ٱللَّهِ بِغَيْرِ عِلْمٍ وَلَا هُدًى
وَلَا كِتَٰبٍ مُّنِيرٍ ﴿٨﴾
ثَانِىَ عِطْفِهِۦ لِيُضِلَّ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ ۖ لَهُۥ فِى ٱلدُّنْيَا خِزْىٌ ۖ
وَنُذِيقُهُۥ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ عَذَابَ ٱلْحَرِيقِ ﴿٩﴾
ذَٰلِكَ بِمَا قَدَّمَتْ يَدَاكَ وَأَنَّ ٱللَّهَ لَيْسَ بِظَلَّٰمٍ لِّلْعَبِيدِ ﴿١٠﴾
وَمِنَ ٱلنَّاسِ مَن يَعْبُدُ ٱللَّهَ عَلَىٰ حَرْفٍ ۖ فَإِنْ أَصَابَهُۥ خَيْرٌ
ٱطْمَأَنَّ بِهِۦ ۖ وَإِنْ أَصَابَتْهُ فِتْنَةٌ ٱنقَلَبَ عَلَىٰ وَجْهِهِۦ
خَسِرَ ٱلدُّنْيَا وَٱلْءَاخِرَةَ ۚ ذَٰلِكَ هُوَ ٱلْخُسْرَانُ ٱلْمُبِينُ ﴿١١﴾
يَدْعُوا۟ مِن دُونِ ٱللَّهِ مَا لَا يَضُرُّهُۥ وَمَا لَا يَنفَعُهُۥ ۚ
ذَٰلِكَ هُوَ ٱلضَّلَٰلُ ٱلْبَعِيدُ ﴿١٢﴾
يَدْعُوا۟ لَمَن ضَرُّهُۥٓ أَقْرَبُ مِن نَّفْعِهِۦ ۚ لَبِئْسَ ٱلْمَوْلَىٰ
وَلَبِئْسَ ٱلْعَشِيرُ ﴿١٣﴾
إِنَّ ٱللَّهَ يُدْخِلُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ
جَنَّٰتٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يَفْعَلُ مَا

يُرِيدُ ﴿١٤﴾
مَن كَانَ يَظُنُّ أَن لَّن يَنصُرَهُ ٱللَّهُ فِي ٱلدُّنْيَا وَٱلْـَٔاخِرَةِ
فَلْيَمْدُدْ بِسَبَبٍ إِلَى ٱلسَّمَآءِ ثُمَّ لْيَقْطَعْ فَلْيَنظُرْ هَلْ
يُذْهِبَنَّ كَيْدُهُۥ مَا يَغِيظُ ﴿١٥﴾
وَكَذَٰلِكَ أَنزَلْنَٰهُ ءَايَٰتٍۭ بَيِّنَٰتٍ وَأَنَّ ٱللَّهَ يَهْدِي
مَن يُرِيدُ ﴿١٦﴾
إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَٱلَّذِينَ هَادُوا۟ وَٱلصَّٰبِـِٔينَ
وَٱلنَّصَٰرَىٰ وَٱلْمَجُوسَ وَٱلَّذِينَ أَشْرَكُوٓا۟ إِنَّ
ٱللَّهَ يَفْصِلُ بَيْنَهُمْ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ
شَيْءٍ شَهِيدٌ ﴿١٧﴾
أَلَمْ تَرَ أَنَّ ٱللَّهَ يَسْجُدُ لَهُۥ مَن فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَن فِي
ٱلْأَرْضِ وَٱلشَّمْسُ وَٱلْقَمَرُ وَٱلنُّجُومُ وَٱلْجِبَالُ
وَٱلشَّجَرُ وَٱلدَّوَآبُّ وَكَثِيرٌ مِّنَ ٱلنَّاسِ ۖ وَكَثِيرٌ حَقَّ
عَلَيْهِ ٱلْعَذَابُ ۗ وَمَن يُهِنِ ٱللَّهُ فَمَا لَهُۥ مِن مُّكْرِمٍ ۚ
إِنَّ ٱللَّهَ يَفْعَلُ مَا يَشَآءُ ۩ ﴿١٨﴾
هَٰذَانِ خَصْمَانِ ٱخْتَصَمُوا۟ فِي رَبِّهِمْ ۖ فَٱلَّذِينَ
كَفَرُوا۟ قُطِّعَتْ لَهُمْ ثِيَابٌ مِّن نَّارٍ يُصَبُّ مِن
فَوْقِ رُءُوسِهِمُ ٱلْحَمِيمُ ﴿١٩﴾
يُصْهَرُ بِهِۦ مَا فِي بُطُونِهِمْ وَٱلْجُلُودُ ﴿٢٠﴾
وَلَهُم مَّقَٰمِعُ مِنْ حَدِيدٍ ﴿٢١﴾
كُلَّمَآ أَرَادُوٓا۟ أَن يَخْرُجُوا۟ مِنْهَا مِنْ غَمٍّ أُعِيدُوا۟ فِيهَا
وَذُوقُوا۟ عَذَابَ ٱلْحَرِيقِ ﴿٢٢﴾
إِنَّ ٱللَّهَ يُدْخِلُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ
جَنَّٰتٍ تَجْرِي مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ يُحَلَّوْنَ
فِيهَا مِنْ أَسَاوِرَ مِن ذَهَبٍ وَلُؤْلُؤًا ۖ وَلِبَاسُهُمْ
فِيهَا حَرِيرٌ ﴿٢٣﴾
وَهُدُوٓا۟ إِلَى ٱلطَّيِّبِ مِنَ ٱلْقَوْلِ وَهُدُوٓا۟ إِلَىٰ صِرَٰطِ
ٱلْحَمِيدِ ﴿٢٤﴾

"Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu, sesungguhnya gempa hari Qiamat itu suatu peristiwa yang amat besar (1). Pada hari kamu melihat gempa itu setiap penyusu lupakan anak susuannya dan setiap ibu mengandung menggugurkan anak kandungannya dan engkau melihat manusia dalam keadaan mabuk, sedangkan mereka bukannya mabuk, tetapi 'azab Allah itu sememangnya amat dahsyat (2). Dan di antara manusia ada orang yang berdebat mengenai Allah tanpa sebarang ilmu pengetahuan dan mengikut setiap syaitan yang penderhaka (3). Telah ditetapkan kepada syaitan bahawa sesiapa yang menjadikannya sebagai pemimpinnya, maka dia tetap akan menyesatkannya dan akan menghidayatkannya kepada 'azab Neraka (4). Wahai manusia! Jika kamu berada di dalam keraguan tentang kebangkitan (selepas mati), maka (sedarilah) bahawa Kami telah menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari nutfah, kemudian dari setompok sel (yang melekat di dinding rahim), kemudian dari segumpal darah yang dibentuk dengan rupa yang sempurna dan tidak dibentuk dengan rupa yang sempurna untuk menjelaskan (kekuasaan Kami) kepada kamu. Dan Kami tetapkan di dalam rahim-rahim itu kandungan yang Kami kehendaki sehingga kepada suatu masa yang telah ditentukannya, kemudian Kami keluarkan kamu sebagai seorang bayi, kemudian (Kami lanjutkan usia kamu) supaya kamu sampai kepada usia dewasa kamu yang paling kuat. Dan di antara kamu ada orang-orang yang dimatikan dan ada pula di antara kamu orang-orang yang dilanjutkan usianya ke peringkat tua nyanyuk sehingga ia tidak mengetahui lagi sesuatu yang telah diketahuinya. Dan engkau melihat bumi itu kaku tidak bermaya, kemudian apabila Kami turunkan air hujan ke atasnya tiba-tiba ia bergerak dan berkembang subur dan menumbuhkan berbagai-bagai jenis tumbuhan yang indah (5). (Penciptaan-penciptaan itu menunjukkan) bahawa Allah itulah Tuhan yang sebenar dan Dialah Yang Berkuasa menghidupkan yang mati dan Dialah Yang Maha Berkuasa di atas segala sesuatu (6). (Juga menunjukkan) bahawa Qiamat itu tetap akan datang tanpa mempunyai sebarang keraguan dan bahawa Allah akan membangkitkan orang-orang (yang mati) di dalam kubur (7). Dan di antara manusia ada orang yang berdebat mengenai Allah tanpa sebarang ilmu pengetahuan, tidak pula berpandu kepada sebarang hidayat dan tidak pula mengikut sebarang kitab suci (8). Sedangkan dia memalingkan lambungnya (menunjukkan sikap yang angkuh) dengan tujuan untuk menyesatkan orang lain dari jalan Allah, di dunia dia memperolehi kehinaan, dan pada hari Qiamat Kami akan rasakannya dengan 'azab Neraka yang membakar (9). (Dan dikatakan kepadanya) balasan itu ialah kerana kesalahan yang telah dilakukan kedua tanganmu dan sesungguhnya Allah tidak sekali-kali menganiayai para hamba-Nya (10). Dan di antara manusia ada orang yang menyembah Allah di pinggir jurang sahaja, jika dia memperolehi kebaikan dia akan tetap dengan keimanan itu dan jika dia ditimpa ujian kesusahan dia terus jatuh tersungkur di dalam kekufuran. Rugilah dia di dunia dan Akhirat, dan itulah kerugian yang amat jelas (11). Dia menyembah selain Allah sembahan yang tidak pula berkuasa memberi mudharat kepadanya dan tidak

pula berkuasa memberi manfa'at kepadanya. Itulah suatu kesesatan yang amat jauh (12). Dia menyembah sembahan yang mudharatnya lebih dekat dari manfa'atnya. Sesungguhnya sembahan itu sejahat-jahat pelindung dan sejahat-jahat kawan (13). Sesungguhnya Allah akan memasukkan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh ke dalam taman-taman Syurga, yang di bawahnya mengalir sungai-sungai. Sesungguhnya Allah berkuasa melakukan apa sahaja yang dikehendaki-Nya (14). Sesiapa yang menyangka bahawa Allah tidak akan menolongnya di dunia dan Akhirat, maka hendaklah dia pasangkan seutas tali ke langit (dan bergantung padanya) kemudian potongkan tali itu (supaya dia jatuh mati), kemudian hendaklah dia fikirkan adakah tindakannya yang buruk itu dapat menghapuskan kesusahan yang menyakiti hatinya?(15) Dan demikianlah Kami telah menurunkan Al-Qur'an selaku ayat-ayat yang amat jelas dan sesungguhnya Allah itu memberi hidayat kepada siapa yang dikehendaki-Nya (16). Sesungguhnya orang-orang yang beriman, orang-orang Yahudi, orang-orang Sabi'in, orang-orang Kristian, orang-orang Majusi dan orang-orang yang mempersekutukan Allah, maka sesungguhnya Allah akan mengadili di antara mereka pada hari Qiamat kelak. Sesungguhnya Allah menyaksikan segala sesuatu (17). Apakah kamu tidak melihat bahawa hanya kepada Allah jua sujudnya seluruh penghuni langit dan seluruh penghuni bumi, juga matahari, bulan, bintang-bintang dan gunung-ganang, pokok-pokok, binatang-binatang dan sebilangan besar umat manusia sedangkan sebilangan besar yang lain pula telah ditetapkan keputusan 'azab ke atas mereka. Dan sesiapa yang dihinakan Allah, maka tiada siapa pun lagi yang akan memuliakannya. Sesungguhnya Allah berkuasa melakukan apa sahaja yang dikehendaki-Nya (18). Inilah dua golongan yang bertengkar mengenai Tuhan mereka. Maka kepada golongan orang-orang yang kafir akan dipotongkan untuk mereka pakaian dari api Neraka. Mereka akan disiramkan di atas kepala mereka dengan air yang mendidih (19). Dengan air itu dihancur luluhkan segala apa yang ada di dalam perut mereka, juga kulit-kulit mereka (20). Dan untuk mereka disediakan cemeti-cemeti dari besi (21). Setiap kali mereka hendak keluar dari Neraka kerana terlalu menderita, mereka Akan dikembalikan ke dalam Neraka (sambil dikatakan kepada mereka) rasalah 'azab Neraka yang membakar (22). Sesungguhnya Allah akan memasukkan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh ke dalam taman-taman Syurga, yang mengalir di bawahnya sungai-sungai. Di dalam Syurga itu mereka dihiaskan dengan gelang-gelang emas dan mutiara, dan pakaian-pakaian mereka di dalam Syurga adalah dari sutera (23). Dan mereka dibimbing kepada pengucapan-pengucapan yang baik dan dibimbing ke jalan Allah Yang Maha Terpuji "(24)

(Latar belakang ayat dan pokok pembicaraan)

Surah ini berkongsi di antara Surah Makkiyah dan Madaniyah sebagaimana dapat dilihat dari maksud ayat-ayatnya, terutama ayat-ayat yang berhubung dengan keizinan berperang[1] dan ayat-ayat mengenai hukuman-hukuman balas yang sama.[2] Semua ayat-ayat ini secara qat'inya ialah ayat-ayat Madaniyah, kerana umat Muslimin tidak diizin berperang dan menjalankan hukuman qisas melainkan selepas Hijrah dan selepas berdirinya kerajaan Islam di Madinah. Sebelum itu Rasulullah s.a.w. telah menjelas - ketika penduduk Yathrib (Madinah) mengikat perjanjian setia dengan beliau dan menawar kepada beliau untuk menyerang penduduk-penduduk Mina yang kafir dan membunuh mereka - dengan katanya: "Aku belum lagi diperintah berbuat begini", sehingga apabila Madinah telah menjadi negeri Islam barulah Allah mensyari'atkan peperangan untuk menolak gangguan dan penindasan kaum Musyrikin terhadap kaum Muslimin dan untuk mempertahankan kebebasan 'aqidah dan kebebasan beribadat bagi orang-orang yang beriman.

Maudhu'-maudhu' yang lebih menonjol di dalam surah ini ialah maudhu'-maudhu' Surah Makkiyah dan suasana-suasananya. Ayat-ayat mengenai tauhid, amaran hari Qiamat, kebangkitan selepas mati, penolakan terhadap kepercayaan syirik, pemandangan-pemandangan Qiamat dan bukti-bukti kekuasaan yang bertaburan di dalam lembaran-lembaran alam buana adalah amat ketara dan menonjol di dalam surah ini, dan di sampingnya terdapat maudhu'-maudhu' Madaniyah, iaitu ayat-ayat mengenai keizinan berperang, kewajipan memperlindungi syi'ar-syi'ar agama, janji Allah untuk menolong mereka yang dianiayai ketika menangkis pencerobohan dan perintah berjihad kerana Sabilullah.

Bayangan yang jelas di dalam suasana seluruh surah ini ialah bayangan kekuatan, kekerasan, ketakutan, amaran-amaran yang menakutkan dan pemberangsangan untuk menghidupkan perasaan taqwa, takut dan berserah kepada Allah.

Bayangan-bayangan ini dapat dilihat dengan jelas di dalam pemandangan-pemandangan dan contoh-contoh yang berikut.

Pemandangan hari kebangkitan yang mencetuskan gempa yang dahsyat dan menakutkan:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ ٱتَّقُوا۟ رَبَّكُمْ ۚ إِنَّ زَلْزَلَةَ ٱلسَّاعَةِ شَىْءٌ
عَظِيمٌ ﴿١﴾
يَوْمَ تَرَوْنَهَا تَذْهَلُ كُلُّ مُرْضِعَةٍ عَمَّآ أَرْضَعَتْ
وَتَضَعُ كُلُّ ذَاتِ حَمْلٍ حَمْلَهَا وَتَرَى ٱلنَّاسَ
سُكَٰرَىٰ وَمَا هُم بِسُكَٰرَىٰ وَلَٰكِنَّ عَذَابَ ٱللَّهِ
شَدِيدٌ ﴿٢﴾

"Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu, sesungguhnya gempa hari Qiamat itu suatu peristiwa yang amat besar (1). Pada hari kamu melihat gempa itu setiap penyusu lupakan anak susuannya dan setiap ibu mengandung menggugurkan anak kandungannya dan engkau melihat manusia dalam keadaan mabuk, sedangkan

---

[1] *Ayat-ayat 38 – 41.*
[2] *Ayat 60.*

mereka bukannya mabuk, tetapi 'azab Allah itu sememangnya amat dahsyat."(2)

Pemandangan 'azab Neraka:

هَٰذَانِ خَصْمَانِ ٱخْتَصَمُوا۟ فِى رَبِّهِمْ ۖ فَٱلَّذِينَ
كَفَرُوا۟ قُطِّعَتْ لَهُمْ ثِيَابٌ مِّن نَّارٍ يُصَبُّ مِن
فَوْقِ رُءُوسِهِمُ ٱلْحَمِيمُ ﴿١٩﴾
يُصْهَرُ بِهِۦ مَا فِى بُطُونِهِمْ وَٱلْجُلُودُ ﴿٢٠﴾
وَلَهُم مَّقَٰمِعُ مِنْ حَدِيدٍ ﴿٢١﴾
كُلَّمَآ أَرَادُوٓا۟ أَن يَخْرُجُوا۟ مِنْهَا مِنْ غَمٍّ أُعِيدُوا۟ فِيهَا
وَذُوقُوا۟ عَذَابَ ٱلْحَرِيقِ ﴿٢٢﴾

"Maka kepada golongan orang-orang yang kafir akan dipotongkan untuk mereka pakaian dari api Neraka. Mereka akan disiramkan di atas kepala mereka dengan air yang mendidih (19). Dengan air itu dihancurluluhkan segala apa yang ada di dalam perut mereka, juga kulit-kulit mereka (20). Dan untuk mereka disediakan cemeti-cemeti dari besi (21). Setiap kali mereka hendak keluar dari Neraka kerana terlalu menderita, mereka akan dikembalikan ke dalam Neraka (sambil dikatakan kepada mereka) rasalah 'azab Neraka yang membakar."(22)

Bandingan orang yang mempersekutukan Allah:

وَمَن يُشْرِكْ بِٱللَّهِ فَكَأَنَّمَا خَرَّ مِنَ ٱلسَّمَآءِ فَتَخْطَفُهُ
ٱلطَّيْرُ أَوْ تَهْوِى بِهِ ٱلرِّيحُ فِى مَكَانٍ سَحِيقٍ ﴿٣١﴾

"Dan barang siapa yang mempersekutukan Allah, maka dia seolah-olah seorang yang jatuh dari langit lalu disambarkan burung atau digugurkan angin ke tempat yang amat jauh."(31)

Tindakan orang yang berputus asa dari mendapat pertolongan Allah:

مَن كَانَ يَظُنُّ أَن لَّن يَنصُرَهُ ٱللَّهُ فِى ٱلدُّنْيَا وَٱلْءَاخِرَةِ
فَلْيَمْدُدْ بِسَبَبٍ إِلَى ٱلسَّمَآءِ ثُمَّ لْيَقْطَعْ فَلْيَنظُرْ هَلْ
يُذْهِبَنَّ كَيْدُهُۥ مَا يَغِيظُ ﴿١٥﴾

"Sesiapa yang menyangka bahawa Allah tidak akan menolongnya di dunia dan Akhirat, maka hendaklah dia pasangkan seutas tali ke langit (dan bergantung padanya) kemudian potongkan tali itu (supaya dia jatuh mati), kemudian hendaklah dia fikirkan adakah tindakannya yang buruk itu dapat menghapuskan kesusahan yang menyakiti hatinya?"(15)

Pemandangan negeri-negeri yang dibinasakan kerana kezalimannya:

فَكَأَيِّن مِّن قَرْيَةٍ أَهْلَكْنَٰهَا وَهِىَ ظَالِمَةٌ
فَهِىَ خَاوِيَةٌ عَلَىٰ عُرُوشِهَا وَبِئْرٍ مُّعَطَّلَةٍ وَقَصْرٍ
مَّشِيدٍ ﴿٤٥﴾

"Berapa banyak negeri-negeri yang telah Kami binasakannya kerana kezalimannya, lalu (rumah-rumah) negeri-negeri itu ranap runtuh di atas bumbungnya, di samping perigi-perigi yang terbiar dan istana-istana yang tersergam tinggi (tinggal kosong)."(45)

Pemandangan-pemandangan yang dahsyat dan ngeri itu berkumpul pula dengan kekuatan perintah-perintah dan taklif-taklif, kekuatan menolak pencerobohan dan kekuatan ketegasan janji untuk memberi pertolongan dan kedudukan yang teguh di samping pembicaraan mengenai kekuatan Allah dan kelemahan tuhan-tuhan sekutu yang didakwa manusia.

Dalam pemandangan yang pertama:

أُذِنَ لِلَّذِينَ يُقَٰتَلُونَ بِأَنَّهُمْ ظُلِمُوا۟ ۚ وَإِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ نَصْرِهِمْ
لَقَدِيرٌ ﴿٣٩﴾
ٱلَّذِينَ أُخْرِجُوا۟ مِن دِيَٰرِهِم بِغَيْرِ حَقٍّ إِلَّآ أَن
يَقُولُوا۟ رَبُّنَا ٱللَّهُ ۗ وَلَوْلَا دَفْعُ ٱللَّهِ ٱلنَّاسَ بَعْضَهُم
بِبَعْضٍ لَّهُدِّمَتْ صَوَٰمِعُ وَبِيَعٌ وَصَلَوَٰتٌ وَمَسَٰجِدُ
يُذْكَرُ فِيهَا ٱسْمُ ٱللَّهِ كَثِيرًا ۗ وَلَيَنصُرَنَّ ٱللَّهُ
مَن يَنصُرُهُۥٓ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَقَوِىٌّ عَزِيزٌ ﴿٤٠﴾
ٱلَّذِينَ إِن مَّكَّنَّٰهُمْ فِى ٱلْأَرْضِ أَقَامُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ
وَءَاتَوُا۟ ٱلزَّكَوٰةَ وَأَمَرُوا۟ بِٱلْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا۟ عَنِ
ٱلْمُنكَرِ ۗ وَلِلَّهِ عَٰقِبَةُ ٱلْأُمُورِ ﴿٤١﴾

"Sesungguhnya (peperangan itu) telah diizinkan kepada orang-orang (Islam) yang diperangi, kerana mereka telah dianiayai dan sesungguhnya Allah amat berkuasa menolong mereka (39). Iaitu orang-orang yang diusir dari kampung halaman mereka tanpa sesuatu kesalahan yang benar kecuali kerana mereka berkata: 'Tuhan kami ialah Allah'. Sekiranya Allah tidak menolak pencerobohan setengah manusia dengan penentangan dari setengah manusia yang lain, sudah tentu telah dirobohkan biara-biara (kaum paderi Kristian), gereja-gereja, rumah-rumah ibadat (kaum Yahudi) dan masjid-masjid, di mana banyak disebutkan nama Allah. Dan sesungguhnya Allah tetap menolong orang yang menolong agama-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Kuat dan Maha Perkasa (40). Iaitu orang-orang yang apabila Kami kurniakan mereka kedudukan yang kukuh di bumi nescaya mereka tetap mendirikan solat, mengeluarkan zakat, menyuruh melakukan perkara-perkara yang ma'ruf dan

melarang melakukan perkara-perkara yang mungkar. Dan Allah jua yang menguasai akibat segala perkara."(41)

Pemandangan yang kedua ialah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ ضُرِبَ مَثَلٌ فَٱسْتَمِعُوا۟ لَهُۥٓ ۚ إِنَّ
ٱلَّذِينَ تَدْعُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ لَن يَخْلُقُوا۟ ذُبَابًا
وَلَوِ ٱجْتَمَعُوا۟ لَهُۥ ۖ وَإِن يَسْلُبْهُمُ ٱلذُّبَابُ شَيْـًٔا لَّا
يَسْتَنقِذُوهُ مِنْهُ ۚ ضَعُفَ ٱلطَّالِبُ وَٱلْمَطْلُوبُ ﴿٧٣﴾
مَا قَدَرُوا۟ ٱللَّهَ حَقَّ قَدْرِهِۦٓ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَقَوِىٌّ عَزِيزٌ ﴿٧٤﴾

"Wahai manusia! Satu perbandingan telah dibuat, maka dengarlah perbandingan itu. Sesungguhnya sembahan-sembahan yang kamu sembah selain Allah tidak akan berkuasa menciptakan seekor lalat walaupun mereka berkumpul dan bekerjasama untuk menciptakannya, dan jika lalat itu merampaskan sesuatu dari mereka, nescaya mereka tidak berdaya mengambilnya kembali daripadanya. Yang menyembah pun lemah dan yang disembah juga lemah (73). Mereka tidak menghormati Allah dengan penghormatan yang wajar dengannya. Sesungguhnya Allah Maha Gagah dan Maha Perkasa."(74)

Di sebalik pemandangan-pemandangan dan penjelasan-penjelasan itu terdapat pula da'wah kepada taqwa dan takut kepada Allah dan pemberangsangan-pemberangsangan untuk mencetuskan perasaan gentar dan berserah diri kepada Allah. Da'wah seperti ini dibicarakan pada awal surah lagi dan disebutkan di sana sini di celah-celah surah, iaitu seperti:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ ٱتَّقُوا۟ رَبَّكُمْ ۚ إِنَّ زَلْزَلَةَ ٱلسَّاعَةِ شَىْءٌ
عَظِيمٌ ﴿١﴾

"Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu, sesungguhnya gempa hari Qiamat itu suatu peristiwa yang amat besar."(1)

ذَٰلِكَ ۖ وَمَن يُعَظِّمْ شَعَٰٓئِرَ ٱللَّهِ فَإِنَّهَا مِن تَقْوَى
ٱلْقُلُوبِ ﴿٣٢﴾

"Demikianlah (perintah Allah) dan barang siapa yang membesar-besarkan syi'ar-syi'ar Allah, maka sesungguhnya perbuatan itu adalah lahir dari ketaqwaan hati."(32)

فَإِلَٰهُكُمْ إِلَٰهٌ وَٰحِدٌ فَلَهُۥٓ أَسْلِمُوا۟ ۗ وَبَشِّرِ
ٱلْمُخْبِتِينَ ﴿٣٤﴾ ٱلَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ ٱللَّهُ وَجِلَتْ قُلُوبُهُمْ

"Tuhan kamu adalah Tuhan Yang Maha Esa. Oleh itu berserahlah kamu kepada-Nya dan sampaikan berita gembira kepada orang-orang yang patuh kepada Allah iaitu orang-orang yang apabila disebutkan nama Allah, nescaya gementarlah hati mereka."(34-35)

لَن يَنَالَ ٱللَّهَ لُحُومُهَا وَلَا دِمَآؤُهَا وَلَٰكِن يَنَالُهُ ٱلتَّقْوَىٰ
مِنكُمْ

"Daging-daging korban itu tidak akan sampai kepada Allah dan tidak pula darah-darahnya, tetapi yang sampai kepada Allah ialah taqwa daripada kamu."(37)

Di samping itu ditayangkan pemandangan-pemandangan alam buana, pemandangan-pemandangan hari Qiamat, kebinasaan-kebinasaan umat-umat yang silam, perbandingan-perbandingan, pengajaran-pengajaran, gambaran-gambaran dan renungan-renungan untuk merangsangkan kesedaran keimanan, perasaan taqwa, semangat kepatuhan dan penyerahan diri kepada Allah. Inilah bayangan umum di dalam suasana seluruh surah ini yang menjadi ciri istimewa yang membezakannya dari surah-surah yang lain.

Penerangan surah ini berlangsung di dalam empat pusingan:

Pusingan yang pertama dimulakan dengan seruan umum, iaitu menyeru seluruh manusia ke arah taqwa kepada Allah dan menakutkan mereka dengan peristiwa gempa hari Qiamat. Kemudian ia menerangkan keadaan-keadaan malapetaka dan huru-hara hari Qiamat yang amat dahsyat dan ngeri, kemudian dalam bayangan malapetaka yang dahsyat inilah ia iringi dengan satu pernyataan yang mengecam perbuatan berdebat mengenai Allah tanpa berdasarkan ilmu pengetahuan, dan mengecam perbuatan mengikut syaitan yang sudah tentu akan membawa para pengikutnya kepada kesesatan. Setelah itu ia membentangkan dalil-dalil kebenaran kebangkitan selepas mati dari hakikat peringkat-peringkat perkembangan hayat pada bayi manusia dan perkembangan hayat pada tumbuh-tumbuhan serta merakamkan hubungan yang amat dekat di antara makhluk-makhluk yang hidup itu, selanjutnya ia menghubungkan di antara peringkat-peringkat perkembangan yang berlangsung secara berterusan dan tetap itu dan menyatakan bahawa Allah itulah Tuhan yang sebenar, yang berkuasa menghidupkan sekalian yang mati dan Maha Kuasa di atas segala sesuatu, juga menerangkan bahawa Qiamat itu pasti akan datang tanpa apa-apa keraguan lagi dan di waktu itu Allah akan membangkitkan sekalian orang yang mati yang berada di dalam kubur. Semuanya itu merupakan undang-undang Allah yang tetap berlaku dan merupakan hakikat-hakikat yang kukuh yang ada kaitan dengan undang-undang alam al-wujud. Kemudian ia kembali lagi mengecam perbuatan orang-orang yang berdebat mengenai Allah tanpa berpandukan ilmu pengetahuan, hidayat Ilahi dan kitab suci yang terang setelah selesai diterangkan bukti-bukti yang wujud pada alam buana dan pada undang-undang alam al-wujud, juga mengecamkan perbuatan membina 'aqidah di atas pertimbangan untung dan rugi, dan menyeleweng dari jalan Allah

apabila ditimpa kesusahan dan mencari perlindungan pada yang lain dari perlindungan Allah serta berputus asa dari mendapatkan pertolongan-Nya. Pusingan ini berakhir dengan satu pernyataan yang menjelaskan bahawa urusan hidayat dan kesesatan itu adalah di tangan Allah dan Dialah yang akan menghukumkan di antara penganut-penganut berbagai-bagai agama itu pada Hari Hisab kelak. Dan di sinilah ia menayangkan satu pemandangan yang dahsyat dari pemandangan-pemandangan 'azab yang menimpa orang-orang kafir di samping menayangkan pemandangan ni'mat yang diterima oleh orang-orang yang beriman.

Pusingan yang kedua bersambung dengan penghabisan pusingan yang pertama menerusi satu pembicaraan mengenai orang-orang kafir yang menghalangi orang lain dari menerima agama Allah dan memasuki Masjidil-Haram. Ia mengecam perbuatan menahan orang lain memasuki Masjidil-Haram, kerana Masjidil-Haram itu adalah dijadikan untuk semua orang sama ada mereka merupakan para penghuni di kawasan itu atau para pendatang baru. Sehubungan dengan ini ia menyebut sebahagian dari kisah pembinaan Baitullah dan bagaimana Ibrahim a.s. telah ditugaskan Allah supaya mendirikan Baitullah di atas asas tauhid, dan supaya beliau membersihkannya dari kekotoran kepercayaan syirik, kemudian ia terus menjelaskan sebahagian dari syi'ar-syi'ar ibadat haji serta tujuan-tujuan di sebaliknya, iaitu untuk meransangkan perasaan taqwa di dalam hati manusia. Inilah sasaran dan matlamat yang dikehendaki. Pusingan ini berakhir dengan sebuah perisytiharan yang membenarkan orang-orang yang beriman melancarkan peperangan untuk melindungi syi'ar-syi'ar agama Allah dan ibadat-ibadat Islam dari pencerobohan orang-orang kafir terhadap orang-orang yang beriman yang tidak pernah melakukan sesuatu kesalahan selain dari berkata: "*Tuhan kami ialah Allah.*"

Pusingan yang ketiga mengandungi tayangan contoh-contoh pendustaan dari para pendusta zaman dahulu, juga tayangan kebinasaan-kebinasaan para pendusta itu serta pemandangan negeri-negeri yang binasa akibat kezaliman penghuninya. Tayangan-tayangan itu bertujuan untuk menerangkan Sunnatullah dalam da'wah para rasul dan untuk menghiburkan hati Rasulullah s.a.w. yang telah menerima tentangan-tentangan orang-orang yang kafir serta menenangkan hati kaum Muslimin terhadap akibat-akibat yang pasti akan berlaku. Pusingan ini juga mengandungi tayangan sebahagian dari tipu daya syaitan terhadap para rasul dan anbia' di dalam da'wah mereka dan bagaimana Allah mengukuhkan da'wah-Nya dan meneguhkan ayat-ayat-Nya untuk meyakinkan orang-orang yang beriman dan mengujikan orang-orang yang lemah dan angkuh.

Pusingan yang akhir mengandungi janji Allah yang akan menolong orang-orang yang teraniaya dalam usaha mereka menolak pencerobohan, dan janji ini diikuti dengan menayangkan dalil-dalil qudrat Allah di lembaran-lembaran alam buana. Di samping itu ia menayangkan satu gambaran yang hina yang menunjukkan kelemahan tuhan-tuhan palsu yang dipercayai kaum Musyrikin. Pusingan ini dan surah ini diakhiri dengan sebuah seruan yang mengajak orang-orang yang beriman supaya tetap beribadat kepada Allah dan berjihad kerana Allah dengan sebenar-benar jihad, serta bergantung kepada Allah Yang Maha Esa ketika mereka melaksanakan tugas-tugas agama mereka yang amat tua iaitu sejak zaman Nabi Ibrahim al-Khalil a.s.

Demikianlah maudhu'-maudhu' surah itu berpaut-pautan dan beriring-iringan dengan susunan yang teratur rapi.

.Sekarang marilah kita mulakan pusingan yang pertama dengan huraian yang terperinci:

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 2)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ ٱتَّقُواْ رَبَّكُمْۚ إِنَّ زَلْزَلَةَ ٱلسَّاعَةِ شَيْءٌ عَظِيمٞ ١
يَوْمَ تَرَوْنَهَا تَذْهَلُ كُلُّ مُرْضِعَةٍ عَمَّآ أَرْضَعَتْ وَتَضَعُ كُلُّ ذَاتِ حَمْلٍ حَمْلَهَا وَتَرَى ٱلنَّاسَ سُكَٰرَىٰ وَمَا هُم بِسُكَٰرَىٰ وَلَٰكِنَّ عَذَابَ ٱللَّهِ شَدِيدٞ ٢

"Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu, sesungguhnya gempa hari Qiamat itu suatu peristiwa yang amat besar (1). Pada hari kamu melihat gempa itu setiap penyusu lupakan anak susuannya dan setiap ibu mengandung menggugurkan anak kandungannya dan engkau melihat manusia dalam keadaan mabuk, sedangkan mereka bukannya mabuk, tetapi 'azab Allah sememangnya amat dahsyat."(2)

Ayat ini merupakan satu permulaan yang keras dan menakutkan, juga satu pemandangan yang membuat hati kita gementar. Ia dimulakan dengan seruan umum yang merangkumi seluruh manusia:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ

"Wahai sekalian manusia."(1)

Ia menyeru mereka kepada taqwa kepada Allah:

ٱتَّقُواْ رَبَّكُمْۚ

"Bertaqwalah kepada Tuhan kamu."(1)

Kemudian ia menakutkan mereka dengan hari Qiamat yang dahsyat:

إِنَّ زَلْزَلَةَ ٱلسَّاعَةِ شَيْءٌ عَظِيمٞ ١

"Sesungguhnya gempa hari Qiamat itu suatu peristiwa yang amat besar."(1)

Gempa Hari Qiamat Yang Amat Kuat

Demikianlah ia memulakan surah ini dengan ancaman dan penerangan secara umum yang membayangkan suasana dahsyat yang tidak dapat diungkapkan. Ia hanya mengatakan satu kejadian gempa dan kejadian gempa itu adalah suatu peristiwa yang amat besar tanpa memberi sesuatu penentuan dan sesuatu takrif.

Kemudian barulah ia mula menjelaskan, dan ternyata bahawa kejadian itu lebih menakut dan mengerikan dari semata-mata ancaman. Ia menayangkan satu pemandangan yang melibatkan setiap ibu penyusu yang lupakan anak susuannya, dia melihat tetapi tidak nampak dan dia bergerak tetapi tidak sedar, juga melibatkan setiap ibu hamil yang keguguran anak kandungnya kerana terlalu ngeri dan takut, dan seterusnya ia melibatkan seluruh manusia yang kelihatan dalam keadaan mabuk, tetapi mereka sebenarnya tidak mabuk. Keadaan mabuk mereka dapat dilihat dengan jelas pada pandangan-pandangan mata mereka yang terpinga-pinga dan pada langkah-langkah mereka yang terhuyung hayang. Ia merupakan satu pemandangan yang penuh sesak dengan perhimpunan manusia yang berasak-asak yang hampir-hampir ternampak kepada pandangan mata di sa'at membaca ayat ini, dan dapat dihayati sepenuhnya oleh daya khayal. Kedahsyatan peristiwa itu menyebabkan seseorang itu menjadi lupa, kebingungan dan tidak sampai ke mana. Ia merupakan satu peristiwa dahsyat yang tidak dapat diukur dengan saiz besarnya, tetapi dapat diukur dari kesan-kesannya yang dahsyat pada jiwa manusia, iaitu pada hati ibu-ibu .penyusu yang lupakan anak-anak susuan mereka, sedangkan seseorang ibu penyusu biasanya tidak lupakan anak susuannya yang sedang menyusui teteknya melainkan apabila dia berada dalam keadaan yang terlalu takut, yang menghapuskan segala saki-baki kesedarannya. Kesan-kesannya yang dahsyat itu juga dapat dilihat pada hati ibu-ibu hamil yang keguguran anak-anak kandung mereka dan pada hati manusia yang kelihatan mabuk, sedangkan mereka tidak mabuk, tetapi:

وَلَٰكِنَّ عَذَابَ ٱللَّهِ شَدِيدٌ ﴿٢﴾

"Tetapi 'azab Allah itu sememangnya amat dahsyat."(2)

Itulah satu pendahuluan yang keras, ngeri dan membuat hati manusia takut dan gementar.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 3 - 4)

Di bawah bayangan huru-hara Qiamat yang ngeri ini, Al-Qur'an menyebut bahawa di sana ada orang yang lancang lidahnya dan angkuh cuba berdebat tentang Allah tanpa mempunyai perasaan taqwa terhadap-Nya:

Perdebatan Yang Sesat Mengenai Zat Allah Dan Sifat-Nya

وَمِنَ ٱلنَّاسِ مَن يُجَٰدِلُ فِى ٱللَّهِ بِغَيْرِ عِلْمٍ وَيَتَّبِعُ كُلَّ شَيْطَٰنٍ مَّرِيدٍ ﴿٣﴾
كُتِبَ عَلَيْهِ أَنَّهُۥ مَن تَوَلَّاهُ فَأَنَّهُۥ يُضِلُّهُۥ وَيَهْدِيهِ إِلَىٰ عَذَابِ ٱلسَّعِيرِ ﴿٤﴾

"Dan di antara manusia ada orang yang berdebat mengenai Allah tanpa sebarang ilmu pengetahuan dan mengikut setiap syaitan yang penderhaka (3). Telah ditetapkan kepada syaitan bahawa sesiapa yang menjadikannya sebagai pemimpinnya, maka dia tetap akan menyesatkannya dan akan menghidayatkannya kepada 'azab Neraka."(4)

Perdebatan tentang Allah ialah semua perdebatan mengenai-Nya sama ada mengenai kewujudan-Nya atau sifat Wahdaniyah-Nya atau qudrat-Nya atau sifat ilmu-Nya atau mana-mana sifat-Nya yang lain. Perdebatan mengenai hal-hal ini di bawah bayangan huru-hara yang menunggu seluruh manusia dan tidak dapat dihindari darinya melainkan dengan taqwa kepada Allah dan keredhaan-Nya adalah suatu perdebatan yang ganjil apabila dilakukan oleh seseorang yang berakal, berhati perut dan tidak takut kepada huru-hara Qiamat yang menggoncangkan hati manusia itu.

Perdebatan itu mungkin elok jika dilakukan dengan berpedomankan ilmu pengetahuan dan keyakinan, tetapi malangnya perdebatan itu adalah perdebatan tanpa:

بِغَيْرِ عِلْمٍ

"Tanpa sebarang ilmu pengetahuan"(3)

iaitu perdebatan lidah yang lancang dan angkuh tanpa sebarang dalil, perdebatan sesat kerana mengikut syaitan. Inilah jenis manusia yang berdebat mengenai Allah mengikut hawa nafsunya yang liar dan mengikut:

وَيَتَّبِعُ كُلَّ شَيْطَٰنٍ مَّرِيدٍ ﴿٣﴾

"Dan mengikut setiap syaitan yang penderhaka"(3)

yang angkuh dan menentang kebenaran.

Syaitan Memberi Hidayat Ke Neraka

كُتِبَ عَلَيْهِ أَنَّهُۥ مَن تَوَلَّاهُ فَأَنَّهُۥ يُضِلُّهُۥ وَيَهْدِيهِ إِلَىٰ عَذَابِ ٱلسَّعِيرِ ﴿٤﴾

"Telah ditetapkan kepada syaitan bahawa sesiapa yang menjadikannya sebagai pemimpinnya, maka dia tetap akan menyesatkannya dan akan menghidayatkannya kepada 'azab Neraka."(4)

Syaitan itu tetap menyesatkan pengikutnya dari hidayat dan jalan yang benar dan tetap membimbingnya ke arah Neraka Jahannam. Ayat ini secara mengejek mengungkapkan pimpinan syaitan ke Neraka Jahannam itu sebagai hidayat.:

وَيَهۡدِيهِ إِلَىٰ عَذَابِ ٱلسَّعِيرِ ٤

"Dan akan menghidayatkannya kepada 'azab Neraka."(4)

Alangkah dahsyatnya hidayat yang membawa kepada kesesatan yang membinasakan manusia.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 5 - 10)

Kebangkitan Selepas Mati Sepatutnya Tidak Diragui

Apakah manusia masih ragu-ragu terhadap kebangkitan selepas mati? Apakah mereka masih ragu-ragu terhadap ledakan gempa hari Qiamat? Jika mereka masih ragu-ragu terhadap pengulangan hayat manusia itu, maka silalah mereka berfikir dan merenungi bagaimana asal mula terjadinya hayat itu. Silalah mereka fikirkan kejadian diri mereka sendiri dan kejadian bumi di sekeliling mereka, di mana terdapat berbagai-bagai dalil yang menjelaskan bahawa persoalan kebangkitan atau hidup semula selepas mati itu adalah suatu perkara biasa yang amat mudah, tetapi malangnya mereka hanya menyaksi dalil-dalil yang terdapat pada kejadian diri mereka dan kejadian bumi itu dengan hati yang lalai sahaja:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِن كُنتُمۡ فِي رَيۡبٖ مِّنَ ٱلۡبَعۡثِ
فَإِنَّا خَلَقۡنَٰكُم مِّن تُرَابٖ ثُمَّ مِن نُّطۡفَةٖ ثُمَّ
مِنۡ عَلَقَةٖ ثُمَّ مِن مُّضۡغَةٖ مُّخَلَّقَةٖ وَغَيۡرِ مُخَلَّقَةٖ
لِّنُبَيِّنَ لَكُمۡۚ وَنُقِرُّ فِي ٱلۡأَرۡحَامِ مَا نَشَآءُ إِلَىٰٓ
أَجَلٖ مُّسَمّٗى ثُمَّ نُخۡرِجُكُمۡ طِفۡلٗا ثُمَّ لِتَبۡلُغُوٓاْ
أَشُدَّكُمۡۖ وَمِنكُم مَّن يُتَوَفَّىٰ وَمِنكُم
مَّن يُرَدُّ إِلَىٰٓ أَرۡذَلِ ٱلۡعُمُرِ لِكَيۡلَا يَعۡلَمَ مِنۢ بَعۡدِ
عِلۡمٖ شَيۡـٔٗاۚ وَتَرَى ٱلۡأَرۡضَ هَامِدَةٗ فَإِذَآ أَنزَلۡنَا
عَلَيۡهَا ٱلۡمَآءَ ٱهۡتَزَّتۡ وَرَبَتۡ وَأَنۢبَتَتۡ مِن كُلِّ
زَوۡجِۭ بَهِيجٖ ٥

"Wahai manusia! Jika kamu berada di dalam keraguan tentang kebangkitan (selepas mati), maka (sedarilah) bahawa Kami telah menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari nutfah, kemudian dari setompok sel (yang melekat di dinding rahim), kemudian dari segumpal darah yang dibentuk dengan rupa yang sempurna dan tidak dibentuk dengan rupa yang sempurna untuk menjelaskan (kekuasaan Kami) kepada kamu. Dan Kami tetapkan di dalam rahim-rahim itu kandungan yang Kami kehendaki sehingga kepada suatu masanya telah ditentukannya, kemudian kami keluarkan kamu sebagai seorang bayi kemudian (Kami lanjutkan usia kamu) supaya kamu sampai kepada usia dewasa kamu yang paling kuat. Dan di antara kamu ada orang-orang yang dimatikan dan ada pula di antara kamu orang-orang yang dilanjutkan usianya ke peringkat tua nyanyuk sehingga ia tidak mengetahui lagi sesuatu yang telah diketahuinya. Dan engkau melihat bumi itu kaku tidak bermaya, kemudian apabila Kami turunkan air hujan ke atasnya tiba-tiba ia bergerak dan berkembang subur dan menumbuhkan berbagai-bagai jenis tumbuhan yang indah."(5)

Kebangkitan selepas mati ialah mengulangkan hayat yang telah sedia terjadi. Proses ulangan ini - mengikut pertimbangan manusia - lebih mudah dari proses penciptaan hayat pertama tetapi dalam pertimbangan qudrat Allah di sana tidak ada sesuatu yang lebih mudah dan tidak ada sesuatu yang lebih payah. Proses memulakan ciptaan adalah sama dengan proses mengulangkan ciptaan. Ia merupakan kesan dari iradat Allah belaka:

إِنَّمَآ أَمۡرُهُۥٓ إِذَآ أَرَادَ شَيۡـًٔا أَن يَقُولَ لَهُۥ كُن
فَيَكُونُ ٨٢

"Sesungguhnya urusan ciptaan-Nya apabila Allah menghendaki sesuatu Dia hanya berfirman kepadanya: Jadilah! Maka ia pun terus jadi."

(Surah Yaasin: 82)

Tetapi Al-Qur'an menghadapi manusia mengikut ukuran-ukuran dan logik mereka serta daya pemikiran mereka. Ia menarik hati mereka memikirkan kejadian-kejadian biasa yang dapat disaksikan mereka, iaitu kejadian-kejadian yang berlaku di hadapan mereka setiap sa'at dan dilalui mereka setiap waktu. Semua kejadian ini merupakan kejadian-kejadian mu'jizat jika mereka memikirkannya dengan mata hati dan dengan hati budi yang terbuka dan faham, tetapi malangnya mereka melintasi kejadian-kejadian itu tanpa sebarang kesedaran dan minat.

Apakah manusia? Apakah kejadian mereka? Bagaimana mereka datang ke alam ini? Bagaimana keadaan mereka di masa lampau? Apakah peringkat-peringkat perkembangan yang telah dilalui mereka?

فَإِنَّا خَلَقۡنَٰكُم مِّن تُرَابٖ

"Maka (sedarilah) bahawa Kami telah menciptakan kamu dari tanah."(5)

Manusia Diciptaan Allah Dengan Unsur Tanah Dan Unsur Roh

Manusia adalah anak dari bumi ini. Dia dicipta dan dibentuk dari tanahnya, dan dari hasil tanahnya juga dia hidup. Unsur-unsur yang terdapat di dalam tubuhnya sama dengan unsur-unsur yang terdapat pada ibunya bumi kecuali unsur rahsianya yang seni iaitu roh ciptaan Allah yang ditiup di dalam dirinya. Dengan roh inilah manusia berbeza dari unsur-unsur

tanah itu, tetapi asal-usulnya adalah dari tanah, iaitu dari segi unsur-unsur rangka tubuh badan dan makanan. Seluruh unsur kejadian manusia yang dapat ditanggapkan pancaindera itu adalah berasal dari tanah.

Tetapi di manakah tanah itu dan di manakah manusia? Di manakah debu-debu tanah pertama yang bersahaja pada kejadian makhluk yang tersusun rapi itu, makhluk yang bertindak dan menyambut tindakan, makhluk yang memberi kesan dan menerima kesan, makhluk yang meletakkan dua kakinya di bumi dan menerbangkan hatinya ke langit, iaitu menjelajah dengan akal fikirannya ke daerah di sebalik benda termasuk tanah itu sendiri.

Ini adalah satu perpindahan yang amat jauh dan amat lama. Itulah perpindahan yang menyaksikan qudrat Allah yang berkuasa menghidupkan manusia kembali selepas mati setelah ia berkuasa menciptakannya dari tanah.

Manusia Tidak Mungkin Mengetahui Rahsia Hayat

ثُمَّ مِن نُّطْفَةٍ ثُمَّ مِنْ عَلَقَةٍ ثُمَّ مِن مُّضْغَةٍ مُّخَلَّقَةٍ وَغَيْرِ مُخَلَّقَةٍ لِّنُبَيِّنَ لَكُمْ ۚ وَنُقِرُّ فِي الْأَرْحَامِ مَا نَشَاءُ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى ثُمَّ نُخْرِجُكُمْ طِفْلًا

"Kemudian dari nutfah, kemudian dari setompok sel (yang melekat di dinding rahim), kemudian dari segumpal darah yang dibentuk dengan rupa yang sempurna dan tidak dibentuk dengan rupa yang sempurna untuk menjelaskan (kekuasaan Kami) kepada kamu. Dan Kami tetapkan di dalam rahim itu kandungan yang Kami kehendaki sehingga kepada suatu masa yang telah ditentukannya, kemudian Kami keluarkan kamu sebagai seorang bayi."(5)

Jarak perjalanan di antara unsur-unsur tanah pertama yang bersahaja dengan nutfah yang tersusun dari sel-sel mani yang hidup adalah satu jarak perjalanan yang amat jauh, dan di celah-celah jarak perjalanan inilah tersembunyinya rahsia hayat yang paling agung, iaitu suatu rahsia yang belum lagi diketahui manusia sedikitpun mengenainya walaupun mereka telah melalui jutaan-jutaan tahun dan zaman yang tidak terhingga, iaitu dari perubahan unsur-unsur tanah yang bersahaja kepada sel-sel yang hidup pada setiap detik masa jutaan tahun itu. Itulah rahsia yang tidak ada jalan lain selain dari memerhati dan merakamkannya sahaja tanpa mengetahui rahsia ciptaannya biar bagaimana besar sekalipun cita-cita dan harapan manusia untuk mendapatkan rahsia yang mustahil itu.

Perkembangan Manusia Di Peringkat Nutfah

Selepas itu tinggal satu rahsia lagi, iaitu rahsia perubahan nutfah kepada setompok sel (yang melekat di dinding rahim) dan perubahan setompok sel kepada segumpal darah dan perubahan segumpal darah kepada seseorang manusia.

Apakah nutfah itu? Itulah air mani lelaki dan setitis air mani itu mengandungi ribuan-ribuan hidupan atau jejentik mani (spermatozoon). Dari jumlah yang banyak itu hanya seekor jejentik mani sahaja yang mengahwini telur (ovum) dari air mani perempuan di dalam rahim dan bersenyawa dengannya kemudian melekatkan dirinya di dinding rahim.

Pada telur yang berkahwin dengan jejentik mani dan pada tompok sel yang amat kecil yang bergantung pada dinding rahim - dengan qudrat Ilahi dan dengan kekuatan yang dikurniakan Allah kepadanya - tersimpannya segala ciri-ciri manusia yang akan lahir itu, iaitu sifat-sifat tubuh badannya dan bentuk-bentuk rupa parasnya seperti tinggi, pendek, besar, kecil, buruk, tampan, penyakit, sihat dan sebagainya, di samping sifat-sifat saraf, akal, jiwa iaitu bentuk-bentuk keinginan/kesukaan, perangai/tabi'at, kecenderungan arah aliran, penyelewengan dan bakat-bakat kebolehan.

Siapakah yang dapat memikir atau percaya bahawa semua ciri-ciri dan sifat-sifat itu tersembunyi pada setompok sel yang bergantung pada dinding rahim itu? Dan bahawa setompok sel yang amat kecil dan kerdil ini itulah makhluk manusia yang canggih yang setiap individunya berbeza dan berlainan di antara satu sama lain dan kerana itu di sana tidak terdapat dua individu manusia yang serupa di muka bumi ini di seluruh zaman?

Ia berkembang dari setompok sel kepada segumpal darah, iaitu segumpal darah yang kasar yang belum membawa sifat dan bentuk rupa, kemudian ia berubah kepada bentuk rupa, iaitu berubah menjadi lembaga yang bertulang temalang yang dibalut dengan daging atau ia diluahkan oleh rahim atau gugur sebelum ia mengambil rupa bentuk jika ia tidak ditakdirkan Allah berkembang dengan sempurna.

لِّنُبَيِّنَ لَكُمْ ۚ

"Untuk menjelaskan (kekuasaan Kami) kepada kamu."(5)

Di sinilah stesen perhentian dalam perjalanan di antara segumpal darah dengan pembentukan seorang bayi. Di sinilah Al-Qur'an berhenti untuk mengemukakan pernyataan selingan iaitu "untuk menjelaskan (kekuasaan Kami kepada kamu)" yakni untuk menjelaskan dalil-dalil qudrat Kami kepada kamu berhubung dengan pembentukan rupa paras yang berlaku pada segumpal darah itu mengikut cara penyelarasan yang seni dalam penerangan Al-Qur'an.

Kemudian Al-Qur'an terus menjelaskan peringkat-peringkat perkembangan yang dilalui oleh janin di dalam rahim:

وَنُقِرُّ فِي الْأَرْحَامِ مَا نَشَاءُ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى

"Dan Kami tetapkan di dalam rahim-rahim itu kandungan yang Kami kehendaki sehingga kepada suatu masa yang telah ditentukannya"(5)

maksudnya, mana-mana kandungan yang dikehendaki Allah berkembang dengan sempurna akan ditetapkannya di dalam rahim itu sehingga sampai tempoh bersalin.

ثُمَّ نُخۡرِجُكُمۡ طِفۡلٗا

"Kemudian Kami keluarkan kamu sebagai seorang bayi"(5)

alangkah jauhnya jarak perjalanan di antara peringkat perkembangan yang pertama dengan peringkat perkembangan yang akhir.

Jarak perjalanan itu mengikut kiraan masa menyamai tempoh sembilan bulan, tetapi jarak perjalanan itu lebih jauh lagi apabila dilihat pada berbezaan di antara tabi'at nutfah dengan tabi'at bayi, iaitu nutfah yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar dan bayi yang canggih, lengkap dengan tubuh dan anggota, lengkap dengan rupa paras, sifat-sifat, bakat-bakat kesediaan dan kebolehan, keinginan-keinginan dan kecenderungan-kecenderungan.

Itulah jarak perjalanan yang tidak dapat diungkapkan oleh fikiran yang sedar melainkan ia terpaksa berhenti dengan khuysuk berkali-kali di hadapan kesan-kesan qudrat Allah Yang Maha Kuasa itu.

Kemudian Al-Qur'an terus menjelaskan peringkat perkembangan yang dilalui oleh bayi yang baru melihat cahaya dunia dan baru meninggalkan dunia rahim tempat persembunyiannya, di mana berlangsungnya mu'jizat-mu'jizat yang amat besar tanpa dilihat mata.

Perkembangan Manusia Di Peringkat Bayi

ثُمَّ لِتَبۡلُغُوٓاْ أَشُدَّكُمۡۖ

"Kemudian (Kami lanjutkan usia kamu) supaya kamu sampai kepada usia dewasa kamu yang paling kuat."(5)

Pada masa ini perkembangan dan kesuburan anggota tubuh badan, akal fikiran, perasaan dan jiwa kamu telah mengambil bentuknya yang sempurna. Alangkah jauhnya jarak-jarak perbezaan zaman di antara bayi yang baru lahir dengan manusia dewasa dalam peringkat usia yang paling kuat, tetapi perkembangan itu berlaku dengan qudrat Allah yang telah menyimpan pada bayi yang baru lahir itu segala ciri-ciri manusia dewasa dan bakat-bakat kebolehannya yang akan muncul mengikut waktu-waktunya yang tepat sebagaimana Allah menyimpankan pada setompok sel yang bergantung pada dinding-dinding rahim itu segala ciri-ciri seorang bayi semasa ia masih dalam peringkat nutfah yang hina.

وَمِنكُم مَّن يُتَوَفَّىٰ وَمِنكُم مَّن يُرَدُّ إِلَىٰٓ أَرۡذَلِ

ٱلۡعُمُرِ لِكَيۡلَا يَعۡلَمَ مِنۢ بَعۡدِ عِلۡمٖ شَيۡـٔٗاۚ

"Dan di antara kamu ada orang-orang yang dimatikan dan ada pula di antara kamu orang-orang yang dilanjutkan usianya ke peringkat tua nyanyuk sehingga ia tidak mengetahui lagi sesuatu yang telah diketahuinya."(5)

Perkembangan Manusia Di Peringkat Usia Tua

Orang-orang yang dimatikan itu menuju kepada penghabisan yang dilalui oleh setiap yang hidup, tetapi orang yang dilanjutkan ke peringkat usia tua bangka, maka ia merupakan satu lembaran peringkat umur yang masih terbuka untuk diambil pengajaran. Setelah dia meni'mati ilmu pengetahuan, kematangan, kesedaran dan kesempurnaan tiba-tiba dia balik semula menjadi seorang kanak-kanak, iaitu kanak-kanak dari segi perasaan dan emosinya, kanak-kanak dari segi kesedaran dan maklumat-maklumatnya, kanak-kanak dari segi daya penilaian dan daya pengurusannya, kanak-kanak dari segi ia bergembira kerana sesuatu yang kecil dan menangis kerana sesuatu yang kecil, kanak-kanak dari segi ingatannya yang lupakan segala-galanya dan tidak dapat mengingati sesuatu apa, kanak-kanak dari segi ia mengambil peristiwa-peristiwa dan pengalaman-pengalaman itu secara menunggal tanpa mengikatkannya dengan sesuatu hubungan dan tanpa membawa kepada sesuatu hasil atau kesimpulan pada hati dan perasaannya, kerana dia telah terlupa bahagian awalnya sebelum dia tiba kepada bahagian akhirnya (inilah maksud ayat berikut):

لِكَيۡلَا يَعۡلَمَ مِنۢ بَعۡدِ عِلۡمٖ شَيۡـٔٗاۚ

"Sehingga ia tidak mengetahui lagi sesuatu yang telah diketahuinya"(5)

dan sehingga terluput dari akal fikirannya ilmu pengetahuan yang dibangga-banggakannya selama ini dan pernah digunakannya untuk mempertikaikan tentang Allah dan sifat-sifat-Nya dengan hujjah-hujjah yang batil.

Kemudian Al-Qur'an terus menayangkan pemandangan-pemandangan yang menunjukkan bagaimana Allah mencipta dan menghidupkan bumi dan tumbuh-tumbuhan setelah menayangkan pemandangan-pemandangan yang menunjukkan bagaimana Allah mencipta dan menghidupkan makhluk manusia.

وَتَرَى ٱلۡأَرۡضَ هَامِدَةٗ فَإِذَآ أَنزَلۡنَا عَلَيۡهَا ٱلۡمَآءَ

ٱهۡتَزَّتۡ وَرَبَتۡ وَأَنۢبَتَتۡ مِن كُلِّ زَوۡجِۭ بَهِيجٖ ٥

"Dan engkau melihat bumi itu kaku tidak bermaya, kemudian apabila Kami turunkan air hujan ke atasnya tiba-tiba ia bergerak dan berkembang subur dan menumbuhkan berbagai-bagai jenis tumbuhan yang indah."(5)

Cetusan Hayat Pada Manusia Dibandingkan Cetusan Hayat Pada Tumbuh-tumbuhan

Keadaan kaku tidak bermaya adalah satu darjat di antara hidup dan mati. Demikianlah keadaan bumi sebelum ditimpa air yang menjadi unsur asasi bagi hayat dan makhluk-makhluk yang hidup dan apabila air hujan diturunkan ke atasnya "*tiba-tiba ia bergerak dan berkembang subur*", iaitu satu pergerakan yang amat menarik yang telah dirakamkan oleh Al-Qur'an sebelum dirakamkan oleh pengamatan ilmiyah ratusan tahun lamanya. Tanah yang kering apabila ditimpa air akan membuat harakat bergetar ketika ia menyedut air dan berkembang subur, kemudian mencetuskan hayat yang melahirkan berbagai-bagai jenis tumbuhan yang indah. Adakah lagi satu pemandangan yang lebih indah dari pemandangan hayat yang berkembang selepas menyembunyikan diri dan bergerak segar selepas berada dalam keadaan yang kaku tidak bermaya?

Demikianlah Al-Qur'an memperkatakan tentang hubungan yang hampir di antara semua kejadian alam. Oleh sebab itulah ia masukkan semua berita kejadian-kejadian itu di dalam satu ayat sahaja di antara ayat-ayatnya. Ia merupakan satu tarikan perhatian untuk menunjukkan hubungan yang amat rapat ini dan merupakan satu bukti yang menunjukkan persamaan unsur hayat dan persamaan iradat yang bertindak di sana sini di bumi, tumbuh-tumbuhan, haiwan dan manusia.

ذَٰلِكَ بِأَنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلْحَقُّ وَأَنَّهُۥ يُحْيِ ٱلْمَوْتَىٰ وَأَنَّهُۥ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٦﴾ وَأَنَّ ٱلسَّاعَةَ ءَاتِيَةٌ لَّا رَيْبَ فِيهَا وَأَنَّ ٱللَّهَ يَبْعَثُ مَن فِى ٱلْقُبُورِ ﴿٧﴾

"(Penciptaan-penciptaan itu menunjukkan) bahawa Allah itulah Tuhan Yang Sebenar dan Dialah Yang Berkuasa menghidupkan yang mati dan Dialah Yang Maha Berkuasa di atas segala sesuatu (6). (Juga menunjukkan) bahawa Qiamat itu tetap akan datang tanpa mempunyai sebarang keraguan dan bahawa Allah akan membangkitkan orang-orang (yang mati) di dalam kubur."(7)

Penciptaan manusia dari tanah, perkembangan janin melalui berbagai-bagai peringkat pembentukannya, perkembangan bayi melalui berbagai-bagai peringkat hidupnya dan kelahiran hayat dari bumi yang kaku tidak bermaya, semuanya itu adalah bergantung kepada hakikat bahawa Allah itulah Tuhan yang sebenar. Semuanya itu merupakan undang-undang yang teratur yang terbit dari hakikat bahawa pencipta undang-undang itu ialah Allah Tuhan Yang Sebenar, dan undang-undang-Nya tidak pernah kacau dan mungkir. Penjurusan hayat ke jurusan ini dalam peringkat-peringkat perkembangannya menunjukkan adanya iradat yang mendorongkannya, mengaturkan langkah-langkahnya dan menyusunkan peringkat-peringkat perkembangannya. Di sana ada pertalian yang amat rapat di antara hakikat Allah sebagai Tuhan Yang Sebenar dengan keteraturan, ketetapan dan penjurusan undang-undang alam yang tidak pernah menyimpang.

أَنَّهُۥ يُحْيِ ٱلْمَوْتَىٰ

"Dialah Yang Maha Berkuasa menghidupkan yang mati."(6)

Menghidupkan yang mati ialah mengembalikan hayat. Tuhan yang menciptakan hayat di dunia Dialah juga yang menciptakan hayat di Akhirat:

وَأَنَّ ٱللَّهَ يَبْعَثُ مَن فِى ٱلْقُبُورِ ﴿٧﴾

"Dan bahawa Allah akan membangkitkan orang-orang (yang mati) di dalam kubur"(7)

agar mereka menerima balasan-balasan yang wajar untuk mereka. Kebangkitan selepas mati merupakan satu keperluan yang dikehendaki hikmat penciptaan dan pentadbiran.

Peringkat-peringkat perkembangan yang dilalui janin kemudian peringkat-peringkat perkembangan yang dilalui bayi setelah ia melihat cahaya dunia menunjukkan bahawa iradat yang mengaturkan peringkat-peringkat perkembangan itu akan terus menolak manusia sehingga sampai ketahap kesempurnaannya di negeri akhirat yang sempurna, kerana manusia tidak dapat mencapai kesempurnaannya dalam hayat dunia. Perkembangannya di dunia adalah akan berhenti dan berpatah balik ke taraf kanak-kanak.

لِكَيْلَا يَعْلَمَ مِنۢ بَعْدِ عِلْمٍ شَيْـًٔا

"Sehingga ia tidak mengetahui lagi sesuatu yang telah diketahuinya."(5)

Justeru itulah perlu wujudnya satu alam yang lain, di mana manusia dapat mencapai kesempurnaannya.

Pembuktian peringkat-peringkat perkembangan ini terhadap wujudnya kebangkitan selepas mati itu adalah pembuktian dua jurusan iaitu ia membuktikan hakikat wujudnya kebangkitan selepas mati dari segi dasar iaitu Allah yang berkuasa mencipta berkuasa pula mengembalikan semula ciptaan itu, dan Ia juga membuktikan hakikat wujudnya kebangkitan selepas mati kerana iradat yang mengaturkan perkembangan manusia akan terus menyempurnakan perkembangan di dalam akhirat.

Demikianlah bertemunya undang-undang penciptaan dengan undang-undang pengulangan ciptaan, undang-undang hidup dunia dengan undang-undang hidup selepas mati, undang-undang hisab dengan undang-undang balasan dan semuanya itu menunjukkan kewujudan Allah Pencipta Yang Maha Pentadbir dan Maha Kuasa yang tidak dapat dipertikaikan lagi.

Tetapi walaupun bukti-bukti ini cukup, namun di sana masih ada orang-orang yang berani mempertikaikan tentang Allah:

وَمِنَ ٱلنَّاسِ مَن يُجَٰدِلُ فِي ٱللَّهِ بِغَيۡرِ عِلۡمٖ وَلَا هُدٗى
وَلَا كِتَٰبٖ مُّنِيرٖ ٨
ثَانِيَ عِطۡفِهِۦ لِيُضِلَّ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِۖ لَهُۥ فِي ٱلدُّنۡيَا خِزۡيٞۖ
وَنُذِيقُهُۥ يَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِ عَذَابَ ٱلۡحَرِيقِ ٩
ذَٰلِكَ بِمَا قَدَّمَتۡ يَدَاكَ وَأَنَّ ٱللَّهَ لَيۡسَ بِظَلَّٰمٖ لِّلۡعَبِيدِ ١٠

"Dan di antara manusia ada orang yang berdebat mengenai Allah tanpa sebarang ilmu pengetahuan, tidak pula berpandu kepada sebarang hidayat dan tidak pula mengikut sebarang kitab suci (8). Sedangkan dia memalingkan lambungnya (menunjukkan sikap yang angkuh) dengan tujuan untuk menyesatkan orang lain dari jalan Allah, di dunia dia memperolehi kehinaan, dan pada hari Qiamat Kami akan rasakannya dengan 'azab Neraka yang membakar (9). (Dan dikatakan kepadanya) balasan itu ialah kerana kesalahan yang telah dilakukan kedua tanganmu dan sesungguhnya Allah tidak sekali-kali menganiayai para hamba-Nya."(10)

Pertikaian dan perdebatan mengenai Allah setelah wujudnya dalil-dalil yang cukup itu merupakan suatu perbuatan yang aneh dan keji, apatah lagi jika perdebatan itu tidak berpandukan ilmu dan tidak bersandarkan dalil, tidak ditegakkan di atas ma'rifat dan tidak diambil dari kitab suci yang menerangi hati dan akal, menjelaskan hakikat yang benar dan membimbing ke arah keyakinan.

Ayat ini melukiskan gambaran sejenis manusia yang angkuh dan sombong:

ثَانِيَ عِطۡفِهِۦ

"Sedangkan dia memalingkan lambungnya"(9)

(menunjukkan sikap yang angkuh). Oleh kerana dia tidak bersandarkan kebenaran, maka dia gantikannya dengan menunjukkan sikap yang angkuh dan takbur:

لِيُضِلَّ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِۖ

"Untuk menyesatkan orang lain dari jalan Allah."(9)

Yakni dia tidak cukup dengan kesesatan dirinya, malah dia berusaha menyesatkan orang lain pula.

Si angkuh yang sesat dan penyesat ini pastilah ditindas dan dihancur:

لَهُۥ فِي ٱلدُّنۡيَا خِزۡيٞۖ

"Di dunia dia memperolehi kehinaan."(9)

Kehinaan itulah balasan yang padan dengan sifat angkuh dan Allah tidak membiarkan manusia-manusia angkuh yang sesat dan penyesat itu begitu sahaja, malah Dia akan hancurkan keangkuhan yang palsu itu dan menjatuhkannya walaupun ditangguh untuk beberapa waktu. Kadang-kadang Allah tangguhkan hukuman terhadap mereka dengan tujuan supaya kehinaan itu lebih teruk di alami mereka. Adapun 'azab di negeri Akhirat, maka ia adalah lebih dahsyat dan lebih pedih dari 'azab dunia:

وَنُذِيقُهُۥ يَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِ عَذَابَ ٱلۡحَرِيقِ ٩

"Dan pada hari Qiamat, Kami akan rasakannya dengan 'azab Neraka yang membakar."(9)

Dalam sekelip mata sahaja ancaman 'azab yang dijanjikan itu telah berubah menjadi kenyataan yang dapat dilihat dengan mata melalui seungkap kata yang berubah dari cerita kepada pengucapan kata yang ditujukan secara langsung:

ذَٰلِكَ بِمَا قَدَّمَتۡ يَدَاكَ وَأَنَّ ٱللَّهَ لَيۡسَ بِظَلَّٰمٖ لِّلۡعَبِيدِ ١٠

"(Dan dikatakan kepadanya) balasan itu ialah kerana kesalahan yang telah dilakukan kedua tanganmu dan sesungguhnya Allah tidak sekali-kali menganiayai para hamba-Nya."(10)

Seolah-olah itulah sa'at yang wajar dilontarkan kecaman dan selaran yang disertai dengan 'azab Neraka yang membakar.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 11 - 15)

Orang Yang Menyembah Allah Di Pinggir Jurang

Al-Qur'an terus mengemukakan satu contoh manusia yang lain pula - walaupun jenis manusia ini telah pun berdepan dengan da'wah pada masa itu, namun mereka tetap berulang-ulang atau wujud di setiap generasi - manusia jenis ini menimbang agama dengan neraca untung rugi dan menganggapkannya sebagai satu urusniaga di pasar perdagangan:

وَمِنَ ٱلنَّاسِ مَن يَعۡبُدُ ٱللَّهَ عَلَىٰ حَرۡفٖۖ فَإِنۡ أَصَابَهُۥ خَيۡرٌ
ٱطۡمَأَنَّ بِهِۦۖ وَإِنۡ أَصَابَتۡهُ فِتۡنَةٌ ٱنقَلَبَ عَلَىٰ وَجۡهِهِۦ
خَسِرَ ٱلدُّنۡيَا وَٱلۡأٓخِرَةَۚ ذَٰلِكَ هُوَ ٱلۡخُسۡرَانُ ٱلۡمُبِينُ ١١
يَدۡعُواْ مِن دُونِ ٱللَّهِ مَا لَا يَضُرُّهُۥ وَمَا لَا يَنفَعُهُۥۚ
ذَٰلِكَ هُوَ ٱلضَّلَٰلُ ٱلۡبَعِيدُ ١٢
يَدۡعُواْ لَمَن ضَرُّهُۥٓ أَقۡرَبُ مِن نَّفۡعِهِۦۚ لَبِئۡسَ ٱلۡمَوۡلَىٰ
وَلَبِئۡسَ ٱلۡعَشِيرُ ١٣

"Dan di antara manusia ada orang yang menyembah Allah di pinggir jurang sahaja, jika dia memperolehi kebaikan dia akan tetap dengan keimanan itu dan jika dia ditimpa ujian kesusahan dia terus jatuh tersungkur di dalam kekufuran. Rugilah dia dunia dan Akhirat dan itulah kerugian yang amat jelas (11). Dia menyembah selain Allah sembahan yang tidak pula berkuasa memberi mudharat kepadanya dan tidak pula

berkuasa memberi manfa'at kepadanya. Itulah suatu kesesatan yang amat jauh (12). Dia menyembah sembahan yang mudharatnya lebih dekat dari manfa'atnya. Sesungguhnya sembahan itu sejahat-jahat pelindung dan sejahat-jahat kawan."(13)

'Aqidah merupakan tiang seri yang teguh di dalam hidup seseorang Mu'min biarpun dunia di sekelilingnya bergoyang, namun ia tetap teguh di atas tiang seri itu. Walaupun dia ditarik oleh berbagai-bagai peristiwa dan berbagai-bagai dorongan, namun dia tetap bergantung pada batu 'aqidah yang tidak bergoyang itu. Walaupun segala sandaran di sekelilingnya runtuh dan tumbang, namun dia tetap bersandar pada tiang seri yang tidak akan berubah dan hapus itu.

Inilah nilai 'aqidah dalam hidup seseorang Mu'min. Justeru itu dia harus berdiri teguh, berpegang kukuh dan penuh yakin dengan aqidahnya, tanpa teragak-agak, ragu-ragu, dan tanpa menunggu balasan kerana 'aqidah itu sendiri merupakan suatu ganjaran dan balasan Ilahi, dan kerana 'aqidah itu sendiri merupakan kawasan keselamatan, di mana ia mencari keselamatan dan merupakan sandaran tempat ia bersandar. Ya, 'aqidah itu sendiri merupakan satu balasan kepada hatinya yang telah membuka pintunya untuk mendapatkan nur hidayat. Oleh sebab itulah Allah kurniakan 'aqidah kepada manusia agar mereka dapat mencari perlindungan dan ketenteraman. Ya, 'aqidah itu sendiri merupakan balasan yang dapat disedari nilainya oleh seseorang Mu'min yang melihat di sekelilingnya golongan-golongan manusia sesat yang dipukul ribut taufan dan dikongkongi perasaan resah gelisah, sedangkan dia berdiri tegak dengan 'aqidahnya dengan hati yang tenteram, dengan tapak kaki yang kukuh dan dengan jiwa yang tenang, yang berhubung rapat dengan Allah serta berkeyakinan penuh terhadap hubungan itu.

Adapun jenis manusia yang diperkatakan ayat-ayat tadi, maka itulah jenis manusia yang menjadikan agama sebagai satu urusniaga di pasar perdagangan:

فَإِنْ أَصَابَهُۥ خَيْرٌ ٱطْمَأَنَّ بِهِۦ ۖ

"Jika dia memperolehi kebaikan dia akan tetap dengan keimanan itu"(11)

dan dia akan memuji bahawa keimanan itu baik: Lihatlah agama telah membawa faedah, membiak ternakan, menyuburkan tanaman, menguntungkan perniagaan dan menjamin kelarisan!

وَإِنْ أَصَابَتْهُ فِتْنَةٌ ٱنقَلَبَ عَلَىٰ وَجْهِهِۦ خَسِرَ ٱلدُّنْيَا وَٱلْـَٔاخِرَةَ ۚ

"Dan jika dia ditimpa ujian kesusahan dia terus jatuh tersungkur di dalam kekufuran. Rugilah dia dunia dan Akhirat"(11)

dia kerugian di dunia dengan sebab kesusahan yang menimpanya, tetapi dia tidak sabar dan tabah menghadapinya serta tidak pulang kepada Allah. Dan dia kerugian di Akhirat dengan sebab dia jatuh tersungkur ke dalam kekufuran dan berpusing dari aqidahnya dan dari hidayat yang ditaufiqkan Allah kepadanya.

Al-Qur'an menggambarkan ibadat manusia jenis ini dengan ungkapan:

عَلَىٰ حَرْفٍ ۖ

"Di pinggir jurang sahaja."(11)

Maksudnya, ia tidak berpegang teguh dengan 'aqidahnya dan tidak mantap beribadat kepada Allah. Al-Qur'an menggambarkannya dalam bentuk harakat jasad yang terumbang ambing yang boleh jatuh dengan sekali tolak sahaja. Oleh sebab itulah dia terus jatuh tersungkur apabila disentuh kesusahan. Pendiriannya yang goyah dan warawiri itulah yang membuatnya mudah jatuh dan terbalik.

Perkiraan untung rugi hanya sesuai dengan perniagaan, tetapi tidak sesuai dengan 'aqidah, kerana 'aqidah merupakan kebenaran yang dianut kerana kebenaran itu sendiri. Ia dianut dengan rasa-hati yang terharu kerana menerima nur dan hidayat, iaitu hati yang tidak dapat menahankan dirinya dari perasaan terharu dengan sebab menerima hidayat. 'Aqidah itu sendiri membawa balasannya kerana ia dapat memberikan ketenteraman, ketenangan dari kepuasan hati. Justeru itu 'aqidah tidak dicari balasannya dari luar.

Seseorang Mu'min beribadat kepada Allah kerana mensyukuri ni'mat hidayat yang dikurniakan kepadanya dan kerana meni'mati ketenteraman berada dalam hubungan yang dekat dan mesra dengan Allah, dan jika di sana ada suatu balasan yang lain, maka itu hanya merupakan limpah kurnia dari Allah sebagai penghargaan di atas keimanan dan ibadatnya.

Orang yang beriman tidak menguji Tuhannya. Dia dari awal-awal lagi sanggup menerima apa sahaja taqdir Allah yang ditentukan kepadanya dan sanggup berserah kepada-Nya dalam apa sahaja ujian Allah terhadap dirinya. Dia dari awal-awal lagi redha dengan kesenangan dan kesusahan yang didapatinya. Kesenangan dan kesusahan bukanlah suatu urusniaga di pasar perdagangan di antara penjual dan pembeli, malah ia merupakan penyerahan diri makhluk kepada Khaliqnya selalu tuanpunya dirinya dan selaku sumber kewujudannya.

Orang yang terbalik dan jatuh tersungkur dalam kekufuran apabila disentuh ujian kesusahan tidak syak akan mengalami kerugian yang amat besar:

ذَٰلِكَ هُوَ ٱلْخُسْرَانُ ٱلْمُبِينُ ﴿١١﴾

"Itulah kerugian yang amat jelas."(11)

Dia kerugian ni'mat ketenteraman, keyakinan, ketenangan dan kepuasan hati, di samping kerugian harta atau anak atau kesihatan atau lain-lain kesenangan hidup yang digunakan Allah untuk menguji para hamba-Nya, iaitu untuk menduga sejauh mana kepercayaan mereka kepada Allah, sejauh mana kesabaran mereka menghadapi ujian-Nya, sejauh mana keikhlasan hati mereka kepada-Nya dan sejauh mana kesediaan mereka untuk menerima qadha' dan qadar-Nya. Dan dia kerugian Akhirat dengan segala ni'mat-ni'mat yang disediakan di sana. Dia kerugian ni'mat perdampingan dengan Allah dan ni'mat mendapat keredhaan-Nya. Alangkah besar kerugiannya!

Ke manakah bertawajjuhnya orang yang menyembah Allah di atas pinggir jurang sahaja ini? Ke manakah dia bertawajjuh melarikan diri jauh dari Allah? Dia:

يَدْعُوا۟ مِن دُونِ ٱللَّهِ مَا لَا يَضُرُّهُۥ وَمَا لَا يَنفَعُهُۥ

"Dia menyembah selain Allah sembahan yang tidak pula berkuasa memberi mudharat kepadanya dan tidak pula berkuasa memberi manfa'at kepadanya."(12)

Maksudnya, dia menyembah berhala atau patung mengikut cara jahiliyah purba, atau menyembah tokoh atau pihak berkuasa atau menyembah kepentingan mengikut budaya jahiliyah-jahiliyah yang lumrah di setiap zaman dan tempat. Itulah yang berlaku setiap kali seseorang itu sesat dari bertawajjuh kepada Allah Yang Maha Esa dan menyimpang dari jalan Allah yang benar. Apakah semuanya ini? Itulah kesesatan dari Allah Yang Maha Esa dan satu-satunya tempat tawajjuh, di mana bergunanya do'a yang dipohonkan:

ذَٰلِكَ هُوَ ٱلضَّلَٰلُ ٱلْبَعِيدُ ﴿١٢﴾

"Itulah suatu kesesatan yang amat jauh."(12)

Yakni kesesatan yang amat jauh dari hidayat dan petunjuk yang benar:

يَدْعُوا۟ لَمَن ضَرُّهُۥٓ أَقْرَبُ مِن نَّفْعِهِۦ

"Dia menyembah sembahan yang mudharatnya lebih dekat dari manfa'atnya."(13)

Sembahan-sembahan dari berhala atau Syaitan atau tempat sandaran dari makhluk manusia. Semua sembahan ini tidak pula berkuasa memberi apa-apa mudharat dan manfa'at, malah ia lebih dekat membawa kemudharatan dan kemudharatannya lebih dekat dari manfa'atnya. Kemudharatannya di alam hati nurani ialah ia menyebabkan hati bercelaru dan gelabah dan membebankannya dengan kepercayaan-kepercyaan yang karut dan perasaan yang hina. Ia membawa kemudharatan di alam kenyataan dan apatah lagi kesesatan dan kerugian yang akan dialaminya di Akhirat kelak.

لَبِئْسَ ٱلْمَوْلَىٰ

"Sesungguhnya sembahan itu sejahat-jahat pelindung"(13)

kerana sembahan itu terlalu lemah, tidak mempunyai sebarang kuasa untuk memberi mudharat atau manfa'at.

وَلَبِئْسَ ٱلْعَشِيرُ ﴿١٣﴾

"Dan sejahat-jahat kawan"(13)

kerana sembahan itu merupakan kawan yang membawa kerugian. Hal ini sama sahaja sama ada pelindung dan kawan itu dari berhala-berhala atau patung-patung atau dari tokoh-tokoh manusia yang dijadikan tuhan-tuhan atau sembahan-sembahan serupa tuhan-tuhan di setiap zaman dan tempat.

Allah menyediakan kepada para Mu'minin balasan yang lebih baik dari kesenangan-kesenangan hidup dunia walaupun mereka kerugian seluruh, kesenangan itu di dalam ujian-ujian kesusahan:

إِنَّ ٱللَّهَ يُدْخِلُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ جَنَّٰتٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يَفْعَلُ مَا يُرِيدُ ﴿١٤﴾

"Sesungguhnya Allah akan memasukkan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh ke dalam taman-taman Syurga, yang di bawahnya mengalir sungai-sungai. Sesungguhnya Allah berkuasa melakukan apa sahaja yang dikehendaki-Nya."(14)

Oleh itu sesiapa yang ditimpa ujian kesusahan, maka hendaklah dia hadapinya dengan sabar dan tabah, tetap percaya kepada rahmat dan pertolongan Allah dan yakin kepada qudrat-Nya yang berkuasa menghapuskan kesusahan itu dan menggantikannya dengan balasan yang lebih baik.

Orang-orang Yang Berputus Asa Dari Rahmat Allah

Adapun orang yang hilang kepercayaannya terhadap pertolongan Allah di dunia dan Akhirat dan berputus asa dari mendapat bantuan Allah dalam kesusahan yang semakin meruncing, maka bolehlah dia bertindak dengan apa cara sahaja terhadap dirinya dan membawa dirinya ke mana sahaja yang disukainya kerana perbuatan-perbuatan itu tidak sedikit pun dapat mengubahkan kesusahan itu:

مَن كَانَ يَظُنُّ أَن لَّن يَنصُرَهُ ٱللَّهُ فِى ٱلدُّنْيَا وَٱلْءَاخِرَةِ فَلْيَمْدُدْ بِسَبَبٍ إِلَى ٱلسَّمَآءِ ثُمَّ لْيَقْطَعْ فَلْيَنظُرْ هَلْ يُذْهِبَنَّ كَيْدُهُۥ مَا يَغِيظُ ﴿١٥﴾

"Sesiapa yang menyangka bahawa Allah tidak akan menolongnya di dunia dan Akhirat, maka hendaklah dia pasangkan seutas tali ke langit (dan bergantung padanya) kemudian potongkan tali itu (supaya dia jatuh mati), kemudian hendaklah dia fikirkan adakah tindakannya yang buruk itu dapat menghapuskan kesusahan yang menyakiti hatinya?"(15)

Itulah satu pemandangan yang hidup yang menggambarkan hati seorang yang sedang marah dan tindakan-tindakan yang dicetuskannya. Ia menggambarkan keadaan jiwa yang memuncak dengan rasa memberang apabila dia ditimpa kesusahan dan putus hubungan dengan Allah.

Orang yang berputus asa dari mendapat pertolongan Allah di dalam kesusahan yang dialaminya akan kehilangan segala jendela yang memberi nur yang cerah, bayu yang lembut dan harapan yang selamat. Dia akan terus dikongkong kesusahan dan dadanya semakin berat ditekan kesengsaraan. Semuanya akan menambahkan lagi beban-beban kesusahan dan bala bencana yang sedang dialaminya.

Barang siapa yang berfikir bahawa Allah tidak akan menolongnya di dunia dan Akhirat, maka hendaklah dia pasangkan seutas tali ke langit untuk bergantung padanya atau menjerutkan lehernya kemudian potongkan tali itu supaya dia jatuh mati atau jerutkan lehernya supaya dia tercekik mati, kemudian hendaklah dia fikirkan adakah tindakan-tindakan itu dapat menyelamatkan dirinya dari kesusahan yang meramaskan hatinya itu?

Sebenarnya tidak ada jalan yang selamat untuk menanggung bala kesusahan melainkan dengan menaruh harapan mendapat pertolongan Allah, tidak ada jalan menuju keselamatan melainkan dengan bertawajjuh kepada Allah, tidak ada jalan untuk mengatasi kesusahan dan berjuang mencapai keselamatan melainkan dengan memohon pertolongan dari Allah. Setiap tindakan putus asa itu tidak akan mendatangkan apa-apa hasil dan natijah selain dari menambahkan kesusahan sahaja, melipat gandakan rasa sengsara, melemahkan diri sendiri untuk menolakkan kesusahan itu tanpa pertolongan dari Allah. Oleh sebab itu setiap orang yang ditimpakan kesusahan itu hendaklah membuka jendela harapan yang cerah supaya dia mendapat hembusan angin rahmat dari Allah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 16 - 18)

Untuk tujuan memberi penerangan-penerangan dan contoh-contoh hidayat dan kesesatan yang seperti inilah Allah menurunkan kitab suci Al-Qur'an ini supaya menjadi panduan kepada orang yang membuka pintu hati kepada Al-Qur'an agar dia mendapat hidayat dari Allah:

وَكَذَٰلِكَ أَنزَلْنَٰهُ ءَايَٰتٍۭ بَيِّنَٰتٍ وَأَنَّ ٱللَّهَ يَهْدِى
مَن يُرِيدُ ﴿١٦﴾

"Dan demikianlah Kami telah menurunkan Al-Qur'an selaku ayat-ayat yang amat jelas dan sesungguhnya Allah itu memberi hidayat kepada siapa yang dikehendaki-Nya."(16)

Iradat Allah telah memutuskan sebelum hidayat dan kesesatan, iaitu barang siapa yang menuntut hidayat bererti iradat Allah telah memutuskan untuk memberi hidayat kepadanya mengikut undang-undang-Nya. Begitulah juga orang yang menuntut kesesatan, tetapi di dalam ayat ini hanya disebut perkara hidayat sahaja kerana ayat-ayat ini memuatkan pernyataan yang menentukan bahawa hidayat itu hanya diletakkan pada hati yang lurus.

Adapun tentang berbagai-bagai golongan penganut agama-agama itu, maka perkara mereka adalah terserah kepada pengadilan Allah pada hari Qiamat, kerana Dialah sahaja Yang Maha Mengetahui 'aqidah-'aqidah yang benar dan 'aqidah-'aqidah yang salah dan Dialah sahaja yang mengetahui siapa yang mendapat hidayat dan siapa yang mendapat kesesatan:

إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَٱلَّذِينَ هَادُوا۟ وَٱلصَّٰبِـِٔينَ
وَٱلنَّصَٰرَىٰ وَٱلْمَجُوسَ وَٱلَّذِينَ أَشْرَكُوٓا۟ إِنَّ
ٱللَّهَ يَفْصِلُ بَيْنَهُمْ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ
شَىْءٍ شَهِيدٌ ﴿١٧﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman, orang-orang Yahudi, orang-orang Sabi'in, orang-orang Kristian, orang-orang Majusi dan orang-orang yang mempersekutukan Allah, maka sesungguhnya Allah akan mengadili di antara mereka pada hari Qiamat kelak. Sesungguhnya Allah menyaksikan segala sesuatu."(17)

Sebelum ini telah pun dijelaskan takrif golongan-golongan ini, mereka disebut di sini dengan tujuan untuk menerangkan bahawa Allah memberi hidayat kepada siapa yang dikehendaki-Nya kerana Dialah Yang Maha Mengetahui siapakah orang-orang yang telah mendapat hidayat dan siapakah orang-orang yang sesat. Dialah yang akan menghisabkan seluruh mereka. Segala urusan itu dipulangkan kepada Allah pada akhirnya kerana Dialah yang menyaksikan segala sesuatu.

Andainya manusia mengikut fikiran, keinginan dan kecenderungan mereka masing-masing namun seluruh alam buana - tidak termasuk mereka - tetap bertawajjuh dengan fitrah mereka kepada Allah dan tetap tunduk kepada undang-undang-Nya dan sujud patuh kepada-Nya:

أَلَمْ تَرَ أَنَّ ٱللَّهَ يَسْجُدُ لَهُۥ مَن فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَن فِى
ٱلْأَرْضِ وَٱلشَّمْسُ وَٱلْقَمَرُ وَٱلنُّجُومُ وَٱلْجِبَالُ
وَٱلشَّجَرُ وَٱلدَّوَآبُّ وَكَثِيرٌ مِّنَ ٱلنَّاسِ ۖ وَكَثِيرٌ حَقَّ
عَلَيْهِ ٱلْعَذَابُ ۗ وَمَن يُهِنِ ٱللَّهُ فَمَا لَهُۥ مِن مُّكْرِمٍ ۚ

إِنَّ ٱللَّهَ يَفۡعَلُ مَا يَشَآءُ ۩ ﴿١٨﴾

"Apakah kamu tidak melihat bahawa hanya kepada Allah jua sujudnya seluruh penghuni langit dan seluruh penghuni bumi, juga matahari, bulan, bintang-bintang dan gunung-ganang, pokok-pokok, binatang-binatang dan sebilangan besar umat manusia, sedangkan sebilangan besar yang lain pula telah ditetapkan keputusan 'azab ke atas mereka. Dan sesiapa yang dihinakan Allah, maka tiada siapa pun lagi yang akan memuliakannya. Sesungguhnya Allah berkuasa melakukan apa sahaja yang dikehendaki-Nya."(18)

Ketika hati merenungi ayat-ayat ini tiba-tiba ternampaklah kepadanya kumpulan makhluk-makhluk yang dapat difikir dan tidak dapat difikirkan manusia, kumpulan bintang-bintang dan jirim-jirim di langit yang diketahui dan tidak diketahui manusia, kumpulan gunung-ganang, pokok-pokok dan binatang-binatang di muka bumi ini, di mana manusia menjalani hidup mereka... tiba-tiba ternampaklah kepadanya bahawa seluruh kumpulan makhluk-makhluk itu sedang bergerak dalam satu angkatan yang khusyu' sujud kepada Allah. Seluruh mereka bertawajjuh kepada Allah Yang Esa semata-mata dalam satu harakat yang sama dan serasi kecuali makhluk insan sahaja yang terpisah dari angkatan itu:

وَكَثِيرٞ مِّنَ ٱلنَّاسِۖ وَكَثِيرٌ حَقَّ عَلَيۡهِ ٱلۡعَذَابُۗ

"Dan sebilangan besar umat manusia, sedangkan sebilangan besar yang lain pula telah ditetapkan keputusan 'azab ke atas mereka"(18)

dari sini nampaklah bahawa hanya makhluk manusia sahaja yang kelihatan ganjil atau sumbang dari angkatan makhluk yang serasi itu.

Di sini Al-Qur'an menjelaskan bahawa mereka yang ditetapkan keputusan 'azab itu akan mendapat kehinaan:

وَمَن يُهِنِ ٱللَّهُ فَمَا لَهُۥ مِن مُّكۡرِمٍۚ

"Dan sesiapa yang dihinakan Allah, maka tiada siapa pun lagi yang akan memuliakannya"(18)

maksudnya tiada kemuliaan melainkan dengan kemuliaan yang dikurniakan Allah dan akan terhinalah mereka yang tunduk kepada yang lain dari Allah Tuhan yang menentukan segala hukuman.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 19 - 24)

Kemudian Al-Qur'an menayangkan satu pemandangan dari pemandangan-pemandangan Qiamat, di mana diperlihatkan (perjalanan hukuman Allah) yang memberi penghormatan dan penghinaan dalam satu senario yang seolah-olah berlaku di alam kenyataan dan ditayangkan di hadapan mata:

هَٰذَانِ خَصۡمَانِ ٱخۡتَصَمُواْ فِي رَبِّهِمۡۖ فَٱلَّذِينَ
كَفَرُواْ قُطِّعَتۡ لَهُمۡ ثِيَابٞ مِّن نَّارٖ يُصَبُّ مِن
فَوۡقِ رُءُوسِهِمُ ٱلۡحَمِيمُ ﴿١٩﴾
يُصۡهَرُ بِهِۦ مَا فِي بُطُونِهِمۡ وَٱلۡجُلُودُ ﴿٢٠﴾
وَلَهُم مَّقَٰمِعُ مِنۡ حَدِيدٖ ﴿٢١﴾
كُلَّمَآ أَرَادُوٓاْ أَن يَخۡرُجُواْ مِنۡهَا مِنۡ غَمٍّ أُعِيدُواْ فِيهَا
وَذُوقُواْ عَذَابَ ٱلۡحَرِيقِ ﴿٢٢﴾
إِنَّ ٱللَّهَ يُدۡخِلُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ
جَنَّٰتٖ تَجۡرِي مِن تَحۡتِهَا ٱلۡأَنۡهَٰرُ يُحَلَّوۡنَ
فِيهَا مِنۡ أَسَاوِرَ مِن ذَهَبٖ وَلُؤۡلُؤٗاۖ وَلِبَاسُهُمۡ
فِيهَا حَرِيرٞ ﴿٢٣﴾

"Inilah dua golongan yang bertengkar mengenai Tuhan mereka. Maka kepada golongan orang-orang yang kafir akan dipotongkan untuk mereka pakaian dari api Neraka. Mereka akan disiramkan di atas kepala mereka dengan air yang mendidih (19). Dengan air itu dihancur luluhkan segala apa yang ada di dalam perut mereka, juga kulit-kulit mereka (20). Dan untuk mereka disediakan cemeti-cemeti dari besi (21). Setiap kali mereka hendak keluar dari Neraka kerana terlalu menderita, mereka Akan dikembalikan ke dalam Neraka (sambil dikatakan kepada mereka) rasalah 'azab Neraka yang membakar (22). Sesungguhnya Allah akan memasukkan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh ke dalam taman-taman Syurga, yang mengalir di bawahnya sungai-sungai. Di dalam Syurga itu mereka dihiaskan dengan gelang-gelang emas dan mutiara, dan pakaian-pakaian mereka di dalam Syurga adalah dari sutera (23). Dan mereka dibimbing kepada pengucapan-pengucapan yang baik dan dibimbing ke jalan Allah Yang Maha Terpuji" (24).

Itulah satu pemandangan yang dahsyat, bising, sibuk dan penuh dengan pergerakan. Ia dipanjangkan pula dengan gambaran khayal yang dicetuskan oleh ungkapan ayat itu hingga gambaran itu hampir-hampir tidak putus-putus dan terus membaharu.

Inilah kain-kain dari api Neraka dipotong untuk pakaian mereka, air panas yang mendidih akan dicurahkan ke atas kepala lalu menghancur luluhkan segala apa yang ada di dalam perut dan kulit-kulit. Inilah cemeti-cemeti dari besi yang dipanaskan dengan api Neraka. 'azab keseksaan Neraka kian dahsyat dan melampaui batas daya ketahanan manusia. Oleh itu orang-orang kafir yang diselar api, yang dicurahkan air yang mendidih dan disebatkan dengan cemeti besi yang amat pedih itu tergesa-gesa hendak keluar melarikan diri dari penderitaan itu, tetapi mereka dikembalikan semula ke dalam Neraka dan di sana mereka mendengar suara kecaman:

وَذُوقُواْ عَذَابَ ٱلۡحَرِيقِ ﴿٢٢﴾

"Rasalah 'azab Neraka yang membakar."(22)

Daya khayal terus menayangkan pemandangan-pemandangan ini dari babak awal hingga babak akhir sehingga sampai kepada babak percubaan hendak keluar dari Neraka kemudian dikembalikan semula ke dalam Neraka dengan keras dan dahsyat untuk dimulakan dengan tayangan yang baru.

Pemandangan yang dahsyat dan terus membaharu ini tidak terlepas dari daya khayal kecuali ia berpaling ke tebing yang lain yang ditayangkan oleh ayat ini sendiri. Pokok pembicaraan ayat ini ialah, di sana terdapat dua puak yang bertengkar mengenai Allah. Golongan manusia yang mengkufurkan Allah telah pun kita lihat nasib kesudahan mereka yang dahsyat baru sekejap tadi, dan golongan yang beriman kepada Allah sedang berada di dalam taman Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai. Pakaian mereka tidak dipotong dari kain api Neraka, malah dipotong dari kain sutera. Di samping itu mereka dipakaikan dengan perhiasan-perhiasan emas dan mutiara. Mereka telah dihidayatkan Allah kepada perkataan yang baik dan ke jalan yang terpuji. Oleh itu mereka tidak mengalami apa-apa kesukaran dalam memilih perkataan yang baik dan jalan yang betul. Hidayat kepada perkataan yang baik dan kepada jalan yang terpuji itu merupakan satu ni'mat yang ditonjolkan di dalam pemandangan ni'mat-ni'mat, iaitu ni'mat ketenteraman, kemudahan dan taufiq.

Itulah akibat pertengkaran mengenai Allah, yang menimbulkan puak ini dan puak itu. Oleh sebab itu akibat ini hendaklah direnungi oleh siapa sahaja yang merasa tidak cukup dengan penjelasan ayat-ayat yang terang ini dan siapa sahaja yang berdebat mengenai Allah tanpa berpandu kepada ilmu pengetahuan, kepada hidayat dan kitab suci yang terang.

(Kumpulan ayat-ayat 25 - 41)

إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ وَيَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ
وَٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ ٱلَّذِى جَعَلْنَٰهُ لِلنَّاسِ سَوَآءً
ٱلْعَٰكِفُ فِيهِ وَٱلْبَادِۚ وَمَن يُرِدْ فِيهِ بِإِلْحَادٍۭ
بِظُلْمٍ نُّذِقْهُ مِنْ عَذَابٍ أَلِيمٍ ٢٥
وَإِذْ بَوَّأْنَا لِإِبْرَٰهِيمَ مَكَانَ ٱلْبَيْتِ أَن لَّا
تُشْرِكْ بِى شَيْـًٔا وَطَهِّرْ بَيْتِىَ لِلطَّآئِفِينَ
وَٱلْقَآئِمِينَ وَٱلرُّكَّعِ ٱلسُّجُودِ ٢٦
وَأَذِّن فِى ٱلنَّاسِ بِٱلْحَجِّ يَأْتُوكَ رِجَالًا وَعَلَىٰ كُلِّ
ضَامِرٍ يَأْتِينَ مِن كُلِّ فَجٍّ عَمِيقٍ ٢٧
لِّيَشْهَدُواْ مَنَٰفِعَ لَهُمْ وَيَذْكُرُواْ ٱسْمَ ٱللَّهِ فِىٓ
أَيَّامٍ مَّعْلُومَٰتٍ عَلَىٰ مَا رَزَقَهُم مِّنۢ بَهِيمَةِ
ٱلْأَنْعَٰمِۖ فَكُلُواْ مِنْهَا وَأَطْعِمُواْ ٱلْبَآئِسَ
ٱلْفَقِيرَ ٢٨
ثُمَّ لْيَقْضُواْ تَفَثَهُمْ وَلْيُوفُواْ نُذُورَهُمْ
وَلْيَطَّوَّفُواْ بِٱلْبَيْتِ ٱلْعَتِيقِ ٢٩
ذَٰلِكَۖ وَمَن يُعَظِّمْ حُرُمَٰتِ ٱللَّهِ فَهُوَ خَيْرٌ
لَّهُۥ عِندَ رَبِّهِۦۗ وَأُحِلَّتْ لَكُمُ ٱلْأَنْعَٰمُ إِلَّا
مَا يُتْلَىٰ عَلَيْكُمْۖ فَٱجْتَنِبُواْ ٱلرِّجْسَ مِنَ ٱلْأَوْثَٰنِ
وَٱجْتَنِبُواْ قَوْلَ ٱلزُّورِ ٣٠
حُنَفَآءَ لِلَّهِ غَيْرَ مُشْرِكِينَ بِهِۦۚ وَمَن يُشْرِكْ بِٱللَّهِ
فَكَأَنَّمَا خَرَّ مِنَ ٱلسَّمَآءِ فَتَخْطَفُهُ ٱلطَّيْرُ أَوْ تَهْوِى بِهِ
ٱلرِّيحُ فِى مَكَانٍ سَحِيقٍ ٣١
ذَٰلِكَۖ وَمَن يُعَظِّمْ شَعَٰٓئِرَ ٱللَّهِ فَإِنَّهَا مِن تَقْوَى
ٱلْقُلُوبِ ٣٢
لَكُمْ فِيهَا مَنَٰفِعُ إِلَىٰٓ أَجَلٍ مُّسَمًّى ثُمَّ مَحِلُّهَآ إِلَى ٱلْبَيْتِ
ٱلْعَتِيقِ ٣٣
وَلِكُلِّ أُمَّةٍ جَعَلْنَا مَنسَكًا لِّيَذْكُرُواْ ٱسْمَ ٱللَّهِ
عَلَىٰ مَا رَزَقَهُم مِّنۢ بَهِيمَةِ ٱلْأَنْعَٰمِۗ فَإِلَٰهُكُمْ إِلَٰهٌ
وَٰحِدٌ فَلَهُۥٓ أَسْلِمُواْۗ وَبَشِّرِ ٱلْمُخْبِتِينَ ٣٤
ٱلَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ ٱللَّهُ وَجِلَتْ قُلُوبُهُمْ وَٱلصَّٰبِرِينَ
عَلَىٰ مَآ أَصَابَهُمْ وَٱلْمُقِيمِى ٱلصَّلَوٰةِ وَمِمَّا رَزَقْنَٰهُمْ
يُنفِقُونَ ٣٥

وَالْبُدْنَ جَعَلْنَاهَا لَكُم مِّن شَعَائِرِ اللَّهِ لَكُمْ فِيهَا خَيْرٌ ۖ
فَاذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ عَلَيْهَا صَوَافَّ ۖ فَإِذَا وَجَبَتْ جُنُوبُهَا
فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطْعِمُوا الْقَانِعَ وَالْمُعْتَرَّ ۚ كَذَٰلِكَ سَخَّرْنَاهَا
لَكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٣٦﴾
لَن يَنَالَ اللَّهَ لُحُومُهَا وَلَا دِمَاؤُهَا وَلَٰكِن يَنَالُهُ التَّقْوَىٰ
مِنكُمْ ۚ كَذَٰلِكَ سَخَّرَهَا لَكُمْ لِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا
هَدَاكُمْ ۗ وَبَشِّرِ الْمُحْسِنِينَ ﴿٣٧﴾
إِنَّ اللَّهَ يُدَافِعُ عَنِ الَّذِينَ آمَنُوا ۗ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ
كُلَّ خَوَّانٍ كَفُورٍ ﴿٣٨﴾
أُذِنَ لِلَّذِينَ يُقَاتَلُونَ بِأَنَّهُمْ ظُلِمُوا ۚ وَإِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ نَصْرِهِمْ
لَقَدِيرٌ ﴿٣٩﴾
الَّذِينَ أُخْرِجُوا مِن دِيَارِهِم بِغَيْرِ حَقٍّ إِلَّا أَن
يَقُولُوا رَبُّنَا اللَّهُ ۗ وَلَوْلَا دَفْعُ اللَّهِ النَّاسَ بَعْضَهُم
بِبَعْضٍ لَّهُدِّمَتْ صَوَامِعُ وَبِيَعٌ وَصَلَوَاتٌ وَمَسَاجِدُ
يُذْكَرُ فِيهَا اسْمُ اللَّهِ كَثِيرًا ۗ وَلَيَنصُرَنَّ اللَّهُ
مَن يَنصُرُهُ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَقَوِيٌّ عَزِيزٌ ﴿٤٠﴾
الَّذِينَ إِن مَّكَّنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ
وَآتَوُا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ
الْمُنكَرِ ۗ وَلِلَّهِ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ ﴿٤١﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang kafir dan menghalangkan manusia dari agama Allah dan dari Masjidil-Haram yang Kami telah jadikannya tempat yang aman bagi seluruh manusia sama ada yang tinggal di situ atau yang datang berkunjung, dan barang siapa yang berkehendak melakukan sesuatu kezaliman di sana nescaya Kami rasakannya dengan 'azab yang amat pedih (25). Dan (kenangilah) ketika Kami menyediakan kepada Ibrahim tempat Baitullah (untuk dibangunkannya dan menyuruh) janganlah engkau mempersekutukan-Ku dengan sesuatu yang lain dan bersihkan rumah-Ku (Ka'bah) untuk sekalian orang yang tawaf dan orang-orang yang berdiri, ruku' dan sujud (mengerjakan solat) (26). Dan serukanlah manusia supaya mengerjakan ibadat haji, nescaya mereka akan datang kepadamu dengan berjalan kaki dan mengenderai setiap unta yang kurus, yang datang dari segenap penjuru yang jauh (27). Supaya mereka dapat menyaksikan berbagai-bagai manfa'at kepada mereka dan menyebut nama Allah (ketika menyembelih korban) pada hari-hari yang telah ditentukan kerana (mensyukuri) ni'mat binatang ternakan yang dikurniakan Allah selaku rezeki kepada mereka. Oleh itu makanlah kamu sebahagian daripadanya dan berikanlah (sebahagiannya yang lain) untuk dimakan orang-orang yang susah lagi faqir (28). Kemudian hendaklah mereka menghilangkan kekotoran yang ada pada badan mereka dan hendaklah mereka menyempurnakan nazar-nazar mereka dan hendaklah mereka bertawaf di sekeliling rumah (Allah) yang amat tua itu (29). Demikianlah (perintah Allah) dan barang siapa yang menghormati peraturan-peraturan Allah yang suci, maka itu adalah lebih baik baginya di sisi Allah. Dan telah dihalalkan untuk kamu segala binatang ternakan kecuali ternakan yang diterangkan hukum haramnya kepada kamu. Maka hendaklah kamu jauhi kekotoran iaitu berhala-berhala dan hendaklah kamu jauhi perkataan yang dusta (30). Dengan mentauhidkan Allah tanpa mempersekutukan-Nya. Dan barang siapa yang mempersekutukan Allah, maka dia seolah-olah seorang yang jatuh dari langit lalu disambarkan burung atau digugurkan angin ke tempat yang amat jauh (31). Demikianlah (perintah Allah) dan barang siapa yang membesar-besarkan syi'ar-syi'ar Allah, maka sesungguhnya perbuatan itu adalah lahir dari ketaqwaan hati (32). Dihalalkan kepada kamu mengambil manfa'at dari binatang-binatang yang bakal dikorbankan itu sehingga sampai kepada waktu yang tertentu, kemudian tempat penyembelihannya (yang wajib) ialah (ketika sampai) ke kawasan Baitullah yang amat tua itu (33). Dan bagi setiap umat itu Kami syari'atkan penyembelihan korban supaya mereka menyebut nama Allah kerana mensyukuri ni'mat binatang ternakan yang telah dikurniakan setaku rezeki kepada mereka. Maka Tuhan kamu adalah Tuhan Yang Maha Esa. Oleh itu berserahlah kamu kepada-Nya dan sampaikan berita gembira kepada orang-orang yang patuh kepada Allah (34). Iaitu orang-orang yang apabila disebutkan nama Allah nescaya gementarlah hati mereka, dan orang-orang yang sabar menghadapi kesusahan yang telah menimpa mereka, dan orang-orang yang mendirikan solat dan membelanjakan (untuk Sabilullah) sebahagian dari harta yang Kami berikan rezeki kepada mereka (35). Dan Kami telah jadikan unta-unta (atau lembu-lembu) itu untuk kamu sebagai salah satu dari syi'ar-syi'ar Allah, di mana kamu memperolehi kebaikan yang banyak. Oleh itu sebutkanlah nama Allah ketika kamu menyembelihkannya dalam keadaan berdiri. Dan apabila unta itu tumbang (mati), maka makanlah kamu sebahagiannya dan berikanlah kepada (orang yang susah) yang memadai dengan apa yang ada padanya (yang tidak meminta-minta) dan kepada orang yang meminta. Demikianlah Kami jadikan binatang-binatang itu untuk kamu supaya kamu bersyukur (36). Daging-daging korban itu tidak akan sampai kepada Allah dan tidak pula darah-darahnya, tetapi yang sampai kepada Allah ialah taqwa daripada kamu. Demikianlah Allah telah menjadikan unta-unta itu untuk kamu supaya kamu mengagung-agungkan Allah kerana (mensyukuri) ni'mat hidayat yang dikurniakan kepada kamu, dan sampaikanlah berita gembira kepada para Muhsinin (37). Sesungguhnya Allah tetap mempertahankan orang-orang yang beriman, kerana sesungguhnya Allah tidak sukakan setiap pengkhianat yang mengingkari ni'mat (38). Sesungguhnya (peperangan itu) telah diizinkan kepada orang-orang (Islam) yang diperangi, kerana mereka telah dianiayai, dan sesungguhnya Allah amat berkuasa menolong mereka (39). Iaitu orang-orang yang diusir dari kampung halaman mereka tanpa sesuatu kesalahan yang benar kecuali kerana mereka berkata: Tuhan

kami ialah Allah. Sekiranya Allah tidak menolak pencerobohan setengah manusia dengan penentangan dari setengah manusia yang lain, sudah tentu telah dirobohkan biara-biara (kaum paderi Kristian), gereja-gereja, rumah-rumah ibadat (kaum Yahudi) dan masjid-masjid, di mana banyak disebutkan nama Allah. Dan sesungguhnya Allah tetap menolong orang yang menolong agama-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Kuat dan Maha Perkasa (40). Iaitu orang-orang yang apabila Kami kurniakan mereka kedudukan yang kukuh di bumi nescaya mereka tetap mendirikan solat, mengeluarkan zakat, menyuruh melakukan perkara-perkara yang ma'ruf dan melarang melakukan perkara-perkara yang mungkar. Dan Allah jua yang menguasai akibat segala perkara."(41)

Pelajaran yang telah lalu telah berakhir dengan menggambarkan akibat pertengkaran mengenai Allah dengan pemandangan Neraka Jahim yang membakar orang kafir dan dengan pemandangan Syurga yang penuh ni'mat dan teduh yang dini'mati para Mu'minin.

Dengan penghabisan ini bersambung pula dengan pelajaran yang baru yang memperkatakan tentang orang-orang kafir, yang menghalangi orang ramai dari menganut agama Allah dan memasuki Masjidil-Haram. Mereka menentang da'wah islamiyah di Makkah dan justeru itu mereka menghalang orang ramai dari da'wah itu. Mereka menentang Rasulullah s.a.w. dan orang-orang yang beriman dan kerana itu mereka menghalang mereka dari memasuki Masjidil-Haram.

Sehubungan dengan ini Al-Qur'an memperkatakan tentang asas pembinaan Masjidil-Haram pada hari Allah memerintah Ibrahim a.s. membangunkannya, juga tentang pengumuman kepada orang ramai supaya berkunjung ke Baitullah. Allah telah memerintah Nabi Ibrahim a.s. supaya membina Baitullah di atas asas tauhid, menolak amalan syirik darinya dan menjadikan rumah itu sebagai kawasan bebas kepada semua manusia sama ada kepada orang-orang yang tinggal di kawasan itu atau kepada pendatang-pendatang baru, tiada siapa pula yang boleh dihalangkan darinya dan tiada siapa pun yang boleh memilikinya. Kemudian Al-Qur'an meneruskan pembicaraannya mengenai setengah-setengah syi'ar haji dan hikmat di sebaliknya iaitu untuk menggerakkan hati manusia supaya bertaqwa mengingati dan berhubung dengan Allah, dan pada akhirnya ia menyatakan tentang perlunya langkah melindungi Masjidil-Haram itu dari pencerobohan penceroboh-penceroboh yang menghalangkan orang lain dari memasukinya atau mengubahkan asas (kepercayaan tauhid) yang menjadi tapak tegak pembinaannya. Ia juga menyatakan tentang janji Allah yang akan memberi kemenangan kepada pembela-pembela agama-Nya apabila mereka melaksanakan tugas-tugas yang diperintah untuk melindungi 'aqidah Islam.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 25)

Tanah Suci Baitullah merupakan Kawasan Aman Bagi Seluruh Manusia

إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ وَيَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ
وَٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ ٱلَّذِى جَعَلْنَٰهُ لِلنَّاسِ سَوَآءً
ٱلْعَٰكِفُ فِيهِ وَٱلْبَادِ ۚ وَمَن يُرِدْ فِيهِ بِإِلْحَادٍۭ
بِظُلْمٍ نُّذِقْهُ مِنْ عَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٢٥﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang kafir dan menghalangkan manusia dari agama Allah dan dari Masjidil-Haram yang Kami telah jadikannya tempat yang aman bagi seluruh manusia sama ada yang tinggal di situ atau yang datang berkunjung, dan barang siapa yang berkehendak melakukan sesuatu kezaliman di sana nescaya Kami rasakannya dengan 'azab yang amat pedih."(25)

Itulah tindakan yang dilakukan oleh Musyrikin Quraysy. Mereka menghalangi orang ramai dari menganut agama Allah selaku jalan yang menyampaikan manusia kepada-Nya. Itulah jalan yang disyari'atkan Allah untuk umat manusia dan itulah peraturan hidup yang dipilih untuk para hamba-Nya. Mereka menghalang kaum Muslimin dari mengerjakan ibadat haji dan umrah ke Masjidil-Haram sebagaimana telah dilakukan mereka pada tahun Hudaibiyah, sedangkan Masjidil-Haram itu telah dijadikan Allah sebagai kawasan aman, negeri damai dan negeri ketenteraman kepada semua manusia sama ada kepada penduduk-penduduk Makkah atau kepada pengunjung-pengunjungnya. Ia merupakan kawasan rumah Allah, di mana seluruh hamba Allah duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi. Ia tidak boleh dimiliki oleh sesiapa pun dan tiada siapa pun yang diberi kedudukan yang istimewa:

Makkah Merupakan Zon Aman Yang Terbuka

سَوَآءً ٱلْعَٰكِفُ فِيهِ وَٱلْبَادِ

"Tempat yang aman bagi seluruh manusia sama ada yang tinggal di situ atau yang datang berkunjung."(25)

Peraturan yang telah disyari'atkan Allah di Masjidil-Haram itu merupakan satu usaha perintis yang mendahului segala usaha manusia yang lain untuk mewujudkan satu kawasan aman, di mana segala senjata diletakkan dan sekalian yang bersengketa dan bermusuh merasa aman, di mana darah tidak boleh ditumpah dan di mana setiap orang mendapat tempat tinggal bukan sebagai hasil kemurahan sesiapa, malah sebagai hak yang sama yang diberikan kepada semua orang.

Para ahli fekah telah berselisih pendapat mengenai hukum harus atau tidak rumah-rumah di Makkah yang tidak didiami penduduknya itu dimiliki oleh orang-orang perseorangan, juga mengenai hukum

harus atau tidak rumah-rumah itu diberi sewa di sisi mereka yang mengharuskan pemilikannya. Al-Imam as-Syafi'i Rahimahullah berpendapat bahawa rumah-rumah itu boleh dimiliki, dipusakai dan disewa dengan alasan kerana Sayiduna 'Umar ibn al-Khattab r.a. pernah membeli sebuah rumah di Makkah dari Safwan ibn Umayah dengan harga sebanyak empat ribu dirham untuk dijadikan bangunan penjara. Ishaq ibn Rahaweh Rahimahullah pula berpendapat bahawa rumah-rumah itu tidak boleh dipusaki dan tidak boleh disewa dengan alasan kerana ketika wafatnya Rasulullah s.a.w., Sayiduna Abu Bakr dan Sayiduna 'Umar semua rumah kediaman di Makkah tidak dipanggil melainkan dengan nama rumah-rumah kediaman yang bebas "السوائب"(as-Sawaeb), siapa yang berhajat ia boleh tinggal sendiri di rumah itu dan siapa yang tidak berhajat ia boleh menempatkan orang lain tinggal di situ. Ujar Abdur Razzaq dari Mujahid dari bapanya dari Abdullah ibn 'Umar r.a. katanya: "Tidak halal dijualkan rumah-rumah di Makkah dan tidak pula halal disewakannya". Dia juga berkata dari Ibn Jurayj: Adalah 'Ata' melarang menyewakan rumah-rumah di tanah haram dan dia telah menceritakan kepadaku bahawa 'Umar ibn al-Khattab melarang memetak-metakkan rumah di Makkah supaya orang-orang haji dapat menumpang di semua kawasan lapangnya. Orang yang pernah memintukan (memetakkan) rumah ialah Suhayl bin Amr, lalu dia dipanggil oleh 'Umar ibn al-Khattab kerana perbuatannya itu, lalu dia berkata: "Wahai Amirul Mu'minin! Berilah pertimbangan kepada saya. Saya ini seorang peniaga dan saya mahu mengambil dua pintu itu untuk mengurung kenderaan saya". Jawab 'Umar ibn al-Khattab: "Jika begitu baiklah!" Ujar Abdur-Razzaq dari Ma'mar dari Mansur dari Mujahid bahawa 'Umar ibn al-Khattab telah berkata: "Wahai penduduk Makkah, janganlah kamu jadikan rumah kamu itu berpintu-pintu supaya para pengunjung dapat menumpang di mana sahaja mereka suka". Sementara al-Imam Ahmad Rahimahullah pula mengambil jalan tengah katanya: "Rumah-rumah di Makkah itu boleh dimiliki dan boleh pula dipusakai, tetapi tidak boleh disewa", untuk menyelaraskan di antara dalil-dalil yang bercanggah itu.

Demikianlah Islam begitu jauh telah mendahului dalam usaha mewujudkan satu kawasan damai dan aman, di mana rumah-rumah kediaman seseorang terbuka kepada semua orang.

Al-Qur'anul-Karim mengancam mereka yang hendak menyeleweng dari peraturan yang lurus ini dengan 'azab yang amat pedih:

وَمَن يُرِدْ فِيهِ بِإِلْحَادٍ بِظُلْمٍ نُّذِقْهُ مِنْ عَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٢٥﴾

"Dan barang siapa yang berkehendak melakukan sesuatu kezaliman di sana nescaya Kami rasakannya dengan 'azab yang amat pedih."(25)

Tentulah ancaman ini lebih berat lagi terhadap orang yang berkehendak melakukan sesuatu kezaliman kemudian ia bertindak melakukannya, kerana ungkapan ayat ini hanya mengancam orang yang semata-mata berniat hendak melakukan perbuatan itu sahaja untuk membesar, menekan dan menguatkan ancaman itu, itulah ciri-ciri kesenian pengungkapan Al-Qur'an.

Di antara ciri-ciri kesenian pengungkapan Al-Qur'an lagi ialah pembuangan khabar (خبر) "إنّ" dalam ayat:

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا وَيَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ اللَّهِ وَالْمَسْجِدِ الْحَرَامِ

"Sesungguhnya orang-orang yang kafir dan menghalangkan manusia dari agama Allah dan dari Masjidil-Haram...."(25)

Di sini ia tidak menyebut apa-apa tentang mereka dan tentang akibat yang akan diterima mereka. Seolah-olah dengan menyebut sifat-sifat ini sahaja sudah cukup untuk mengetahui segala sesuatu yang lain mengenai mereka, kerana sifat-sifat itu sudah cukup untuk menentukan nasib kesudahan mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 26 - 29)

Asas Pembinaan Baitullah

Kemudian Al-Qur'an kembali kepada sejarah asal mula pembinaan Baitullah yang dikuasai secara sewenang-wenangnya oleh kaum Musyrikin, di mana mereka menyembah berhala-berhala dan menahan penganut-penganut kepercayaan tauhid yang bersih dari syirik dari memasuki kawasan itu. Al-Qur'an kembali kepada sejarah pembinaannya di tangan Nabi Ibrahim a.s. dengan perintah dan arahan dari Allah. Al-Qur'an kembali kepada sejarah asas pembinaan rumah itu iaitu asas kepercayaan tauhid, juga kepada sejarah tujuan dibangunkan Ka'bah itu, iaitu beribadat kepada Allah Yang Maha Esa dan mengkhususkan penggunaannya kepada, orang-orang yang melakukan tawaf dan ibadat kepada Allah di sana:

وَإِذْ بَوَّأْنَا لِإِبْرَاهِيمَ مَكَانَ الْبَيْتِ أَن لَّا تُشْرِكْ بِي شَيْئًا وَطَهِّرْ بَيْتِيَ لِلطَّائِفِينَ وَالْقَائِمِينَ وَالرُّكَّعِ السُّجُودِ ﴿٢٦﴾

وَأَذِّن فِي النَّاسِ بِالْحَجِّ يَأْتُوكَ رِجَالًا وَعَلَىٰ كُلِّ ضَامِرٍ يَأْتِينَ مِن كُلِّ فَجٍّ عَمِيقٍ ﴿٢٧﴾

لِّيَشْهَدُوا مَنَافِعَ لَهُمْ وَيَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ فِي

أَيَّامٍ مَّعْلُومَٰتٍ عَلَىٰ مَا رَزَقَهُم مِّنۢ بَهِيمَةِ
ٱلْأَنْعَٰمِ ۖ فَكُلُوا۟ مِنْهَا وَأَطْعِمُوا۟ ٱلْبَآئِسَ
ٱلْفَقِيرَ ﴿٢٨﴾
ثُمَّ لْيَقْضُوا۟ تَفَثَهُمْ وَلْيُوفُوا۟ نُذُورَهُمْ
وَلْيَطَّوَّفُوا۟ بِٱلْبَيْتِ ٱلْعَتِيقِ ﴿٢٩﴾

"Dan (kenangilah) ketika Kami menyediakan kepada Ibrahim tempat Baitullah (untuk dibangunkannya dan menyuruh) janganlah engkau mempersekutukan-Ku dengan sesuatu yang lain dan bersihkan rumah-Ku (Ka'bah) untuk sekalian orang yang tawaf dan orang-orang yang berdiri, ruku' dan sujud (mengerjakan solat) (26). Dan serukanlah manusia supaya mengerjakan ibadat haji, nescaya mereka akan datang kepadamu dengan berjalan kaki dan mengenderai setiap unta yang kurus, yang datang dari segenap penjuru yang jauh (27). Supaya mereka dapat menyaksikan berbagai-bagai manfa'at kepada mereka dan menyebut nama Allah (ketika menyembelih korban) pada hari-hari yang telah ditentukan kerana (mensyukuri) ni'mat binatang ternakan yang dikurniakan Allah selaku rezeki kepada mereka. Oleh itu makanlah kamu sebahagian daripadanya dan berikanlah (sebahagiannya yang lain) untuk dimakan orang-orang yang susah lagi faqir (28). Kemudian hendaklah mereka menghilangkan kekotoran yang ada pada badan mereka dan hendaklah mereka menyempurnakan nazar-nazar mereka dan hendaklah mereka bertawaf di sekeliling rumah (Allah) yang amat tua itu."(29)

Baitullah ditegakkan di atas asas tauhid sejak detik pertama pembinaannya. Allah telah memperkenalkan tapaknya kepada Nabi Ibrahim a.s. dan menyerahkan urusan pembinaannya kepada beliau di atas asas ini:

أَن لَّا تُشْرِكْ بِى شَيْـًٔا

"Agar janganlah engkau mempersekutukan-Ku dengan sesuatu yang lain."(26)

Itulah rumah beribadat kepada Allah Yang Maha Esa sahaja bukan untuk yang lain dari-Nya.

Beliau juga diperintah supaya membersihkan rumah itu untuk para pengunjungnya dan orang-orang yang mendirikan solat di sana.

وَطَهِّرْ بَيْتِىَ لِلطَّآئِفِينَ وَٱلْقَآئِمِينَ وَٱلرُّكَّعِ
ٱلسُّجُودِ ﴿٢٦﴾

"Dan bersihkan rumah-Ku (Ka'bah) untuk sekalian orang yang tawaf dan orang-orang yang berdiri, ruku' dan sujud (mengerjakan solat)"(26)

kerana untuk merekalah rumah ini didirikan bukannya untuk orang-orang yang mempersekutukan Allah dan beribadat kepada yang lain dari-Nya.

Kemudian Allah memerintah Nabi Ibrahim a.s. selaku pembina rumah itu, iaitu apabila beliau selesai membangunkan Baitullah di atas asas yang diperintahkan itu hendaklah beliau mengumumkan ibadat haji di kalangan manusia dan menyeru mereka berkunjung ke rumah itu dan di samping itu Allah menjanjikan kepada beliau bahawa seruannya akan disambut oleh manusia. Mereka akan datang beramai-ramai mengunjungi Baitullah dari segenap penjuru alam; ada yang berjalan kaki dan ada pula yang menunggang unta-unta yang kurus kerana penat dan lapar.

Pengumuman Ibadat Haji

وَأَذِّن فِى ٱلنَّاسِ بِٱلْحَجِّ يَأْتُوكَ رِجَالًا وَعَلَىٰ كُلِّ
ضَامِرٍ يَأْتِينَ مِن كُلِّ فَجٍّ عَمِيقٍ ﴿٢٧﴾

"Dan serukanlah manusia supaya mengerjakan ibadat haji, nescaya mereka akan datang kepadamu dengan berjalan kaki dan mengenderai setiap unta yang kurus, yang datang dari segenap penjuru yang jauh."(27)

Dan janji Allah itu masih terus terlaksana sejak zaman Nabi Ibrahim a.s. sehingga kepada hari ini dan besok. Hati manusia masih terus menyintai Baitullah dan masih terus rindu untuk melihat dan bertawaf di sana. Mereka adalah sama sahaja di antara orang-orang kaya, yang mampu mendapatkan binatang kenderaan atau alat-alat pengangkutan yang lain untuk membawa mereka ke sana dengan orang-orang miskin yang tidak mempunyai keupayaan untuk mendapatkan alat-alat pengangkutan selain dari dua belah kaki mereka sahaja. Mereka datang mencurah dalam angka puluhan ribu dari segenap negeri yang jauh di seluruh dunia kerana menyahuti seruan Allah yang diumumkan Nabi Ibrahim a.s. sejak ribuan tahun yang silam.

Al-Qur'an menjelaskan beberapa kelebihan utama ibadat haji dan tujuan-tujuannya:

لِّيَشْهَدُوا۟ مَنَٰفِعَ لَهُمْ وَيَذْكُرُوا۟ ٱسْمَ ٱللَّهِ فِىٓ
أَيَّامٍ مَّعْلُومَٰتٍ عَلَىٰ مَا رَزَقَهُم مِّنۢ بَهِيمَةِ
ٱلْأَنْعَٰمِ ۖ فَكُلُوا۟ مِنْهَا وَأَطْعِمُوا۟ ٱلْبَآئِسَ
ٱلْفَقِيرَ ﴿٢٨﴾
ثُمَّ لْيَقْضُوا۟ تَفَثَهُمْ وَلْيُوفُوا۟ نُذُورَهُمْ
وَلْيَطَّوَّفُوا۟ بِٱلْبَيْتِ ٱلْعَتِيقِ ﴿٢٩﴾

"Supaya mereka dapat menyaksikan berbagai-bagai manfa'at kepada mereka dan menyebut nama Allah (ketika menyembelih korban) pada hari-hari yang telah ditentukan kerana (mensyukuri) ni'mat binatang ternakan yang dikurniakan Allah selaku rezeki kepada mereka. Oleh itu makanlah kamu sebahagian daripadanya dan berikanlah (sebahagiannya yang lain) untuk dimakan orang-orang yang

susah lagi faqir (28). Kemudian hendaklah mereka menghilangkan kekotoran yang ada pada badan mereka dan hendaklah mereka menyempurnakan nazar-nazar mereka dan hendaklah mereka bertawaf di sekeliling rumah (Allah) yang amat tua itu."(29)

Objektif-objektif Ibadat Haji

Faedah-faedah dari ibadat haji yang dapat disaksikan oleh jamaah haji memang banyak, kerana haji itu merupakan musim perhimpunan dan musim mu'tamar. Ia juga merupakan musim perniagaan dan musim ibadat. Ibadat haji merupakan mu'tamar pertemuan dan berkenal-kenalan, juga merupakan mu'tamar penyelarasan langkah-langkah dan kerjasama. Ia merupakan satu kefardhuan ibadat, di mana bertemunya dunia dengan Akhirat di samping bertemunya kenangan-kenangan 'aqidah yang jauh dan-dekat. Para peniaga boleh mendapat pasaran yang laris di musim haji, di mana hasil-hasil dari seluruh dunia telah di bawa ke tanah suci dan para jamaah haji mencurah datang dari segenap tempat di merata dunia membawa hasil-hasil yang baik dari negeri mereka, iaitu hasil-hasil yang boleh dibahagikan ke segenap rantau dunia di dalam berbagai-bagai musim. Semuanya terkumpul di tanah suci dalam satu musim. Oleh itu ibadat haji merupakan musim perniagaan, pameran hasil pengeluaran dan pasaran antarabangsa yang diadakan setiap tahun.

Musim haji merupakan musim ibadat, di mana jiwa manusia menjadi suci, bersih dan merasa hampir dengan Allah di pekarangan rumah suci-Nya (Baitullah). Di sekeliling rumah inilah hati mereka melayang-layang mengenangkan peristiwa-peristiwa zaman silam yang berlaku di sekitar rumah itu. Kenangan-kenangan itu datang melayang-layang seperti lembaga-lembaga bayangan dari jauh dan dekat, iaitu di sana ternampak bayangan:

Kenangan-kenangan Abadi Yang Teragung

Bayangan Nabi Ibrahim al-Khalil a.s. ketika beliau meninggalkan buah hatinya Ismail dan ibunya di Baitullah dan berdo'a kepada Allah dengan hatinya yang berdebar dan penuh bimbang:

رَّبَّنَآ إِنِّيٓ أَسۡكَنتُ مِن ذُرِّيَّتِي بِوَادٍ غَيۡرِ ذِي زَرۡعٍ عِندَ بَيۡتِكَ ٱلۡمُحَرَّمِ رَبَّنَا لِيُقِيمُواْ ٱلصَّلَوٰةَ فَٱجۡعَلۡ أَفۡـِٔدَةٗ مِّنَ ٱلنَّاسِ تَهۡوِيٓ إِلَيۡهِمۡ وَٱرۡزُقۡهُم مِّنَ ٱلثَّمَرَٰتِ لَعَلَّهُمۡ يَشۡكُرُونَ ٣٧

"Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya aku telah menempatkan sebahagian dari zuriat keturunanku di sebuah lembah yang tidak mempunyai tanaman, berhampiran dengan rumah suci-Mu. Wahai Tuhanku! (Aku berbuat demikian) supaya mereka mendirikan solat. Oleh itu jadikanlah hati sebahagian manusia kasih kepada mereka dan kurniakan mereka rezeki dari berbagai-bagai buahan supaya mereka bersyukur."

(Surah Ibrahim: 37)

Dan bayangan Siti Hajar yang sedang sibuk mencari air untuk dirinya dan anaknya yang masih menyusu di tengah panas yang membakar di sekeliling rumah Ka'bah itu. Dia berlari-lari di antara Bukit Safa dan Marwah dengan letih lesu kerana terlalu dahaga dan bimbang terhadap keselamatan anaknya yang masih kecil itu. Kemudian ketika kembali dalam pusingannya yang ketujuh kali di tempat itu, di mana hatinya telah dileburkan perasaan putus asa, tiba-tiba sebuah matair memancut keluar di depan bayi yang comel itu. Itulah air Zamzam matair rahmat di padang gurun putus asa dan tandus.

Dan bayangan Nabi Ibrahim a.s. ketika beliau bermimpi mengorbankan anaknya dan tidak teragak-agak untuk meneruskan pengorbanan buah hatinya itu demi melaksanakan keta'atan yang penuh iman hingga ke tahap yang amat tinggi itu:

قَالَ يَٰبُنَيَّ إِنِّيٓ أَرَىٰ فِي ٱلۡمَنَامِ أَنِّيٓ أَذۡبَحُكَ فَٱنظُرۡ مَاذَا تَرَىٰۚ

"Dia (Ibrahim) berkata: Wahai anakku! Sesungguhnya ayahanda melihat dalam mimpi bahawa ayahanda menyembelihkan anakanda, oleh itu fikirkanlah apakah pendapat anakanda?"

(Surah as-Saffat: 102)

Lalu Ismail a.s. menjawab dengan penuh keta'atan dan kerelaan:

قَالَ يَٰٓأَبَتِ ٱفۡعَلۡ مَا تُؤۡمَرُۖ سَتَجِدُنِيٓ إِن شَآءَ ٱللَّهُ مِنَ ٱلصَّٰبِرِينَ ١٠٢

"Dia (Ismail) menjawab: Wahai ayahandaku! Kerjakanlah apa sahaja yang diperintahkan Allah kepada ayahanda. Insya Allah ayahanda akan mendapati anakanda dari golongan orang-orang yang sabar"

(Surah as-Saffat: 102)

tiba-tiba rahmat Allah menjelma membawa tebusan:

وَنَٰدَيۡنَٰهُ أَن يَٰٓإِبۡرَٰهِيمُ ١٠٤ قَدۡ صَدَّقۡتَ ٱلرُّءۡيَآۚ إِنَّا كَذَٰلِكَ نَجۡزِي ٱلۡمُحۡسِنِينَ ١٠٥ إِنَّ هَٰذَا لَهُوَ ٱلۡبَلَٰٓؤُاْ ٱلۡمُبِينُ ١٠٦ وَفَدَيۡنَٰهُ بِذِبۡحٍ عَظِيمٖ ١٠٧

"Lalu Kami memanggilnya: Wahai Ibrahim! Sesungguhnya engkau telah membenarkan mimpi itu. Demikianlah Kami memberi balasan kepada para Muhsinin. Sesungguhnya ini adalah suatu ujian yang amat jelas dan Kami telah menebuskannya dengan seekor binatang sembelihan yang besar."

(Surah as-Saffat: 104-107)

Juga bayangan Ibrahim dan Ismail a.s. ketika kedua-duanya membangunkan tapak Baitullah itu dengan penuh khusyu' sambil berdo'a:

رَبَّنَا تَقَبَّلۡ مِنَّآۖ إِنَّكَ أَنتَ ٱلسَّمِيعُ ٱلۡعَلِيمُ ١٢٧

رَبَّنَا وَٱجْعَلْنَا مُسْلِمَيْنِ لَكَ وَمِن ذُرِّيَّتِنَآ أُمَّةً مُّسْلِمَةً لَّكَ وَأَرِنَا مَنَاسِكَنَا وَتُبْ عَلَيْنَآ ۖ إِنَّكَ أَنتَ ٱلتَّوَّابُ ٱلرَّحِيمُ ﴿١٢٨﴾

"Wahai Tuhan kami! Terimalah amalan kami ini. Sesungguhnya Engkaulah Tuhan Yang Maha Mendengar dan Maha Mengetahui. Wahai Tuhan kami! Jadikanlah Kami berdua orang-orang Muslimin (yang menyerahkan diri kepada-Mu) begitu juga dari zuriat-zuriat kami jadikanlah mereka satu umat Muslimin (yang menyerahkan diri kepada-Mu) dan tunjukkan kepada kami peraturan ibadat kami dan terimalah taubat kami. Sesungguhnya Engkaulah Tuhan Yang Maha Menerima Taubat dan Maha Pengasih."

(Surah al-Baqarah: 127-128)

Bayangan-bayangan dan kenangan-kenangan peristiwa-peristiwa yang silam terus menjelma berturut-turut hingga ternampak bayangan Abdul Muttalib ketika beliau sedang bernazar hendak menyembelihkan anaknya yang kesepuluh jika beliau dikurniakan Allah sepuluh orang anak. Tiba-tiba anak yang kesepuluh itu ialah Abdullah dan Abdul Muttalib tetap berazam untuk membayar nazarnya, tiba-tiba kaum beliau di sekelilingnya mengemukakan cadangan supaya beliau membayar tebusan. Lalu beliau pun memutarkan anak-anak panah Azlam di sekeliling Ka'bah dan terus menggandakan bayaran tebusan, tetapi setiap kali diputar setiap kali anak panah itu menunjukkan kepada Abdullah sehingga bayaran tebusan itu meningkat kepada seratus ekor unta setelah diputar sepuluh kali. Itulah jumlah bayaran diyat yang terkenal. Di sini barulah tebusan itu diterima dari beliau lalu beliau pun menyembelih seratus ekor unta dan Abdullah pun terselamat. Beliau selamat dari maut untuk membolehkan beliau menaruh di dalam rahim Aminah nutfah makhluk Allah yang paling suci dan paling mulia, iaitu Muhammad Rasulullah s.a.w. dan setelah itu beliau pun wafat seolah-olah beliau telah diselamatkan Allah untuk melaksanakan satu tugas yang amat mulia dan agung ini.

Kemudian bayangan-bayangan dan kenangan-kenangan peristiwa silam itu terus datang berduyun-duyun dari bayangan Muhammad Rasulullah s.a.w. ketika beliau sedang bertatih dan berjalan di zaman bayinya dan zaman belianya di atas tanah di sekeliling Baitullah ini, dan ketika beliau mengangkat Hajarul-Aswad dengan dua tangannya yang mulia dan meletakkannya pada tempatnya untuk memadamkan fitnah perbalahan yang hampir-hampir tercetus di antara qabilah-qabilah Arab itu, juga bayangan-bayangan ketika beliau sedang mendirikan solat dan mengerjakan tawaf, ketika beliau sedang menyampaikan ucapan dan melakukan ibadat beri'tikaf. Langkah-langkah Rasulullah s.a.w. itu berdenyut-denyut hidup dalam kenangan hati dan terpampang jelas di dalam dhamir. Semuanya itu seolah-olah ternampak belaka kepada orang yang sedang mengerjakan ibadat haji di sana ketika ia mengingatkan peristiwa-peristiwa yang silam itu. Hayunan langkah-langkah para sahabatnya yang mulia dan bayangan-bayangan mereka melayang-layang menjelma di bumi di sekeliling Baitullah itu. Hentakan langkah-langkah kaki mereka seolah-olah masih dapat didengari telinga dan dilihat mata.

Di samping itu ibadat haji merupakan muktamar agung bagi seluruh umat Muslimin, di mana mereka dapat menemui asal-usul mereka di pendalaman-pendalaman zaman yang amat tua iaitu sejak zaman moyang mereka Ibrahim al-Khalil a.s.:

مِّلَّةَ أَبِيكُمْ إِبْرَٰهِيمَ ۚ هُوَ سَمَّىٰكُمُ ٱلْمُسْلِمِينَ مِن قَبْلُ وَفِى هَٰذَا

"(Ikutilah) agama moyang kamu Ibrahim. Dialah yang telah menamakan kamu kaum Muslimin di zaman dahulu dan di dalam Al-Qur'an ini."(78)

Di dalam ibadat haji juga umat Muslimin dapat menemukan paksi yang dapat menyatupadukan mereka, iaitu kiblat yang menjadi titik hala dan titik pertemuan seluruh mereka. Di sana juga mereka dapat menemui panji-panji perpaduan mereka, iaitu panji-panji 'aqidah yang sama, di mana di bawah kibarannya lenyap segala perbezaan bangsa, warna dan negara. Seterusnya di sana mereka dapat menemui kekuatan mereka yang sebenar yang kadang-kadang dilupai mereka, iaitu kekuatan untuk berpadu, bersatu dan berhubung rapat yang melibatkan jutaan-jutaan umat Muslimin, iaitu satu jumlah manusia yang tidak dapat ditentang oleh sesiapa pun andainya mereka kembali berteduh di bawah panji-panji mereka yang sama, iaitu panji-panji 'aqidah dan tauhid.

Ibadat haji merupakan mu'tamar untuk berkenal-kenalan, bertukar-tukar fikiran, menyelaraskan rancangan-rancangan, menyatukan kekuatan, bertukar-tukar kebajikan, barangan, ilmu pengetahuan, pengalaman-pengalaman dan mengatur satu dunia Islam yang sempurna dan sepadu sekali setahun di bawah naungan Allah dan berhampiran dengan Baitullah, juga di bawah naungan keta'atan-keta'atan Muslimin yang jauh dan dekat dan kenangan-kenangan indah zaman silam dan zaman sekarang di tempat yang paling sesuai dan dalam suasana dan waktu yang paling wajar.

Oleh sebab itulah Allah menyatakan:

لِّيَشْهَدُوا۟ مَنَٰفِعَ لَهُمْ

"Supaya mereka dapat menyaksikan berbagai-bagai manfa'at kepada mereka."(28)

Setiap generasi umat Muslimin dapat meni'mati manfa'at-manfa'at itu mengikut keadaan-keadaan, keperluan-keperluan, pengalaman-pengalaman dan

kehendak-kehendak masing-masing. Itulah sebahagian faedah-faedah yang dikehendaki Allah ketika memfardhukan ibadat haji ke atas umat Muslimin dan memerintah Nabi Ibrahim a.s. mengumumkan ibadat itu di kalangan umat manusia.

Kemudian Al-Qur'an menyebut beberapa peraturan ibadat haji, syi'ar-syi'ar dan tujuan-tujuannya:

وَيَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ فِي أَيَّامٍ مَعْلُومَاتٍ عَلَىٰ مَا رَزَقَهُمْ مِنْ بَهِيمَةِ الْأَنْعَامِ

"(Dan supaya) mereka menyebut nama Allah (ketika menyembelih korban) pada hari-hari yang telah ditentukan kerana (mensyukuri) ni'mat binatang ternakan yang dikurniakan Allah selaku rezeki kepada mereka."(28)

Syi'ar-syi'ar Ibadat Haji Dan Matlamatnya

(Ungkapan menyebut nama Allah itu) merupakan kiasan dari menyembelih binatang-binatang korban pada hari raya dan tiga hari Tasyriq selepasnya. Tujuan Al-Qur'an mendahulukan sebutan nama Allah yang menemani penyembelihan binatang ternakan itu ialah kerana suasana di waktu itu merupakan suasana ibadat dan kerana tujuan dari amalan berkorban itu ialah takarrub kepada Allah. Di waktu itu unsur yang paling menonjol di dalam peraturan penyembelihan binatang ialah menyebut nama Allah ketika menyembelihkannya seolah-olah sebutan nama Allah itulah yang menjadi tujuan korban bukannya berkorban itu sendiri.

Ibadat korban itu merupakan kenangan-kenangan kepada peristiwa tebusan Nabi Ismail a.s., iaitu kenangan-kenangan terhadap salah satu bukti kekuasaan Allah dan terhadap suatu keta'atan yang tinggi daripada keta'atan-keta'atan dua orang hambanya Ibrahim dan Ismail a.s., iaitu keta'atan yang lebih tinggi dari amalan sedekah dan taqarrub biasa kepada Allah dengan menjamukan faqir miskin. Yang dimaksudkan dengan binatang-binatang ternakan ialah unta, lembu, biri-biri dan kambing.

فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطْعِمُوا الْبَائِسَ الْفَقِيرَ ﴿٢٨﴾

"Oleh itu makanlah kamu sebahagian daripadanya dan berikanlah (sebahagiannya yang lain) untuk dimakan orang-orang yang susah lagi faqir."(28)

Perintah supaya memakan daging korban pada hari raya korban itu adalah suatu perintah untuk mengharus (membenar) atau menggalakkan, tetapi perintah supaya menjamu orang-orang yang susah dan miskin dari daging korban itu adalah satu perintah yang wajib. Boleh jadi tujuan diperintah tuan-tuan daging korban agar memakan sebahagian darinya itu ialah supaya faqir miskin mengetahui bahawa daging-daging korban itu adalah daging-daging yang baik dan mulia.

Dengan berkorban itu berakhirlah keadaan ihram dan halallah bagi orang yang mengerjakan haji mencukur atau mengguntingkan rambutnya, menanggalkan bulu ketiak, memotong kuku, bermandi-manda dan sebagainya dari perbuatan-perbuatan yang dilarang di dalam masa ihram. Inilah yang dimaksudkan dengan firman-Nya:

ثُمَّ لْيَقْضُوا تَفَثَهُمْ وَلْيُوفُوا نُذُورَهُمْ

"Kemudian hendaklah mereka menghilangkan kekotoran yang ada pada badan mereka dan hendaklah mereka menyempurnakan nazar-nazar mereka"(29)

iaitu sembelihan-sembelihan yang dinazarkan mereka selain dari sembelihan korban yang menjadi kewajipan di dalam ibadat haji.

وَلْيَطَّوَّفُوا بِالْبَيْتِ الْعَتِيقِ ﴿٢٩﴾

"Dan hendaklah mereka bertawaf di sekeliling rumah (Allah) yang amat tua itu."(29)

Iaitu Tawaf Ifadhah selepas wuquf di 'Arafah, dan dengan tawaf ini berakhirlah syi'ar-syi'ar ibadat haji. Tawaf Ifadhah adalah lain dari Tawaf Wida'.

Yang dimaksudkan dengan *"rumah yang amat tua itu"* (البيت العتيق) ialah Masjidil-Haram yang telah diselamatkan Allah dari dita'luk oleh manusia yang bermaharajalela. Ia telah diselamatkan Allah dari kehancuran dan kehapusan. Ia terus di'imarahkan manusia sejak Nabi Ibrahim a.s. dan akan terus di'imarahkan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 30 - 31)

Itulah kisah pembinaan rumah suci Ka'bah dan itulah asas yang menjadi tapak tegaknya. Ia adalah sebuah rumah suci yang diperintahkan Allah kepada Ibrahim al-Khalil a.s. supaya beliau membangunkannya di atas asas tauhid dan membersihkannya dari segala amalan syirik, kemudian beliau diperintah mengumumkan ibadat haji kepada manusia supaya mereka menyebut nama Allah - bukannya nama-nama tuhan-tuhan palsu - untuk mensyukuri ni'mat binatang ternakan yang dikurniakan sebagai rezeki kepada mereka, juga supaya mereka makan sebahagian daging korbannya dan memberi sebahagian yang lain darinya untuk menjamu orang-orang yang susah dan faqir atas nama Allah bukan atas nama yang lain dari-Nya. Ia adalah sebuah rumah suci di mana segala Hurumatullah dijaga dan dipelihara, dan Hurumatullah yang pertama ialah 'aqidah tauhid dan membuka pintu rumah suci itu kepada sekalian orang yang mengerjakan ibadat tawaf dan solat, di samping menjaga dan memelihara kehormatan darah, kehormatan perjanjian dan kehormatan gencatan senjata dan perdamaian.

Menghormat Hurumatullah (حرمات الله)

ذَٰلِكَ وَمَنْ يُعَظِّمْ حُرُمَاتِ اللَّهِ فَهُوَ خَيْرٌ لَهُ عِنْدَ رَبِّهِ ۗ وَأُحِلَّتْ لَكُمُ الْأَنْعَامُ إِلَّا

مَا يُتْلَىٰ عَلَيْكُمْ فَاجْتَنِبُوا الرِّجْسَ مِنَ الْأَوْثَانِ
وَاجْتَنِبُوا قَوْلَ الزُّورِ ﴿٣٠﴾
حُنَفَاءَ لِلَّهِ غَيْرَ مُشْرِكِينَ بِهِ ۚ وَمَن يُشْرِكْ بِاللَّهِ
فَكَأَنَّمَا خَرَّ مِنَ السَّمَاءِ فَتَخْطَفُهُ الطَّيْرُ أَوْ تَهْوِي بِهِ
الرِّيحُ فِي مَكَانٍ سَحِيقٍ ﴿٣١﴾

"Demikianlah (perintah Allah) dan barang siapa yang menghormati peraturan-peraturan Allah yang suci, maka itu adalah lebih baik baginya di sisi Allah. Dan telah dihalalkan untuk kamu segala binatang ternakan kecuali ternakan yang diterangkan hukum haramnya kepada kamu. Maka hendaklah kamu jauhi kekotoran iaitu berhala-berhala dan hendaklah kamu jauhi perkataan yang dusta (30). Dengan mentauhidkan Allah tanpa mempersekutukan-Nya. Dan barang siapa yang mempersekutukan Allah, maka dia seolah-olah seorang yang jatuh dari langit lalu disambarkan burung atau digugurkan angin ke tempat yang amat jauh."(31)

Amalan menghormati Hurumatullah diikuti perasaan segan dan malu untuk menyentuh atau melanggarnya. Itulah sikap yang amat baik di sisi Allah, amat baik di alam hati nurani dan perasaan, amat baik di alam hidup dan alam kenyataan. Hati nurani yang merasa segan dan malu ialah hati nurani yang bersih suci. Alam hidup yang memelihara Hurumatullah ialah alam hidup, di mana manusia merasa aman dari segala kezaliman dan pencerobohan, dan di mana mereka dapatinya sebuah tempat yang aman, sebuah negeri yang damai dan sebuah kawasan yang tenang dan tenteram.

Oleh sebab kaum Musyrikin mengharamkan setengah-setengah ternakan - seperti bahirah[3], sa'ibah[4], wasilah[5] hami[6] - dan memberikan penghormatan kepadanya, sedangkan unta-unta itu bukanlah dari Hurumatullah dan sedangkan mereka sendiri selalu mencabul Hurumatullah, maka ayat ini menjelaskan bahawa semua ternakan itu halal di makan kecuali apa yang telah diharamkan Allah, seperti bangkai, darah, daging babi, dan korban-korban yang disembelih atas nama yang lain dari Allah:

وَأُحِلَّتْ لَكُمُ الْأَنْعَامُ إِلَّا مَا يُتْلَىٰ عَلَيْكُمْ

"Dan telah dihalalkan untuk kamu segala binatang ternakan kecuali ternakan yang diterangkan hukum haramnya kepada kamu."(30)

Tujuan penjelasan ini supaya di sana tidak ada hurumat yang lain melainkan Hurumatullah, tidak ada siapa yang berkuasa membuat undang-undang melainkan dengan izin Allah dan tidak ada siapa yang memerintah melainkan dengan syari'at Allah.

Sehubungan dengan penjelasan yang menghalalkan binatang-binatang ternakan itu Allah memerintah pula supaya menjauhkan kekotoran berhala-berhala. Mengikut adat kaum Musyrikin, mereka menyembelihkan ternakan-ternakan itu kerana berhala-berhala sedangkan berhala-berhala itu kotor. Kekotoran yang dimaksudkan di sini ialah kekotoran jiwa. Perbuatan syirik terhadap Allah merupakan satu kekotoran yang mencemarkan hati nurani, merosakkan kesucian dan kejernihannya sebagaimana sesuatu yang najis itu mencemarkan pakaian dan tempat.

Oleh sebab perbuatan syirik ini merupakan satu pembohongan dan pendustaan terhadap Allah, maka Allah mengingatkan supaya dijauhi segala bentuk pembohongan:

فَاجْتَنِبُوا الرِّجْسَ مِنَ الْأَوْثَانِ وَاجْتَنِبُوا قَوْلَ
الزُّورِ ﴿٣٠﴾

"Maka hendaklah kamu jauhi kekotoran iaitu berhala-berhala dan hendaklah kamu jauhi perkataan yang dusta."(30)

Ayat ini menekan berat tentang kesalahan berkata bohong kerana ia telah menggandingkannya dengan kesalahan syirik. Al-Imam Ahmad telah meriwayatkan sebuah hadith dengan sanadnya dari Fatik al-Asadi katanya: Rasulullah s.a.w. telah mendirikan solat Subuh dan apabila selesai dari solat itu beliau berdiri seraya bersabda:

عدلت شهادة الزور الإشراك بالله عز وجل

"Kesaksian yang dusta itu sama dengan mempersekutukan Allah 'Azzawajalla"

kemudian beliau membaca ayat tadi.

Allah mahu manusia meninggalkan segala bentuk syirik dan menjauhi segala bentuk pembohongan serta berdiri teguh di atas lunas kepercayaan tauhid yang benar dan bersih:

حُنَفَاءَ لِلَّهِ غَيْرَ مُشْرِكِينَ بِهِ ۚ

"Dengan mentauhidkan Allah tanpa mempersekutukan-Nya."(31)

---

3 البحيرة: *Unta betina yang telah beranak lima kali dan anak yang kelima itu jantan lalu unta itu dibelah telinganya kemudian dilepaskan, tidak boleh ditunggangi lagi dan tidak boleh diperah susunya.*

4 السائبة: *Unta nazar yang dilepas bebas.*

5 الوصيلة: *Kibas betina yang telah beranak kembar enam kali dan pada kali yang ketujuh beranak kembar satu betina dan satu jantan. Kibas ini tidak boleh disembelih dan ia diserahkan kepada berhala.*

6 الحامي: *Unta jantan yang telah membuntingkan unta betina sepuluh kali. Unta ini dilepas bebas dan tidak boleh diganggu gugat lagi. Semua unta-unta itu merupakan unta-unta yang haram disembelih menurut kepercayaan kaum Musyrikin di zaman jahiliyyah.*

Kemudian ayat ini melukiskan satu gambaran yang dahsyat yang menggambarkan orang yang tergelincir dari kemuncak 'aqidah tauhid dan jatuh ke dasar kepercayaan syirik yang dalam, di mana dia menjadi manusia yang hilang laksana abu angin seolah-olah dia tidak pernah wujud sebelum ini:

وَمَن يُشْرِكْ بِٱللَّهِ فَكَأَنَّمَا خَرَّ مِنَ ٱلسَّمَآءِ فَتَخْطَفُهُ
ٱلطَّيْرُ أَوْ تَهْوِى بِهِ ٱلرِّيحُ فِى مَكَانٍ سَحِيقٍ ٣١

"Dan barang siapa yang mempersekutukan Allah, maka dia seolah-olah seorang yang jatuh dari langit lalu disambarkan burung atau digugurkan angin ke tempat yang amat jauh."(31)

Itulah pemandangan jatuh dari tempat yang tinggi:

Gambaran Manusia Syirik

فَكَأَنَّمَا خَرَّ مِنَ ٱلسَّمَآءِ

"Seolah-olah seorang yang jatuh dari langit."(31)

Dan dalam sekelip mata ia disambarkan burung:

فَتَخْطَفُهُ ٱلطَّيْرُ

"Lalu disambarkan burung"(31)

atau dicampakkan angin jauh dari pandangan manusia:

أَوْ تَهْوِى بِهِ ٱلرِّيحُ فِى مَكَانٍ سَحِيقٍ ٣١

"Atau digugurkan angin ke tempat yang amat jauh."(31)

Iaitu sebuah gaung yang amat dalam.

Yang dapat diperhatikan dalam gambaran ini ialah kecepatan gerak dan langkah yang berturut-turut pada kata-kata "فتخطفه" (lalu disambar) dan pada pemandangan yang cepat hilang dari penglihatan, mata itu. Ini ialah mengikut cara Al-Qur'anul-Karim apabila ia mengungkapkan sesuatu dengan ilustrasi.

Itulah suatu gambaran yang benar-benar mengambarkan keadaan orang yang mempersekutui Allah. Dia jatuh menjunam dari kemuncak iman yang tinggi ke gaung yang dalam, di mana dia hilang dan terperusuk kerana dia tidak mempunyai tapak pegangan yang kukuh yang diyakininya, iaitu tapak 'aqidah tauhid dan tidak mempunyai tempat berpijak yang aman yang dapat dijadikan tempat perlindungannya, oleh itu dia disambar oleh keinginan-keinginan hawa nafsu sama seperti sesuatu yang disambar burung-burung helang dan dilontarkan oleh kepercayaan-kepercayaan dan anggapan-anggapan yang karut dan sama seperti sesuatu yang dilontarkan oleh tiupan angin yang kencang. Dia tidak berpegang dengan tali yang kukuh dan tidak berdiri di atas tapak yang teguh yang menghubungkannya dengan alam al-wujud yang menjadi gelanggang hidupnya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 32 - 33)

Membesar-besarkan Syi'ar Islam

Kemudian Al-Qur'an beralih dari memperkatakan tentang menghormati Hurumatullah dengan memeliharakannya dan merasa segan dan malu menyentuhnya kepada memperkatakan tentang amalan membesar-besarkan syi'ar-syi'ar Allah iaitu binatang-binatang korban ibadat haji dengan memilih binatang-binatang yang gemuk dan mahal harganya:

ذَٰلِكَ وَمَن يُعَظِّمْ شَعَٰٓئِرَ ٱللَّهِ فَإِنَّهَا مِن تَقْوَى
ٱلْقُلُوبِ ٣٢
لَكُمْ فِيهَا مَنَٰفِعُ إِلَىٰٓ أَجَلٍ مُّسَمًّى ثُمَّ مَحِلُّهَآ إِلَى ٱلْبَيْتِ
ٱلْعَتِيقِ ٣٣

"Demikianlah (perintah Allah) dan barang siapa yang membesar-besarkan syi'ar-syi'ar Allah, maka sesungguhnya perbuatan itu adalah lahir dari ketaqwaan hati (32). Dihalalkan kepada kamu mengambil manfa'at dari binatang-binatang yang bakal dikorbankan itu sehingga sampai kepada waktu yang tertentu, kemudian tempat penyembelihannya (yang wajib) ialah (ketika sampai) ke kawasan Baitullah yang amat tua itu."(33)

Di sini Al-Qur'an menghubungkan binatang korban yang disembelihkan orang yang mengerjakan ibadat haji itu dengan hati yang taqwa, kerana taqwa itulah yang menjadi matlamat upacara-upacara haji dan syi'ar-syiarnya. Semua upacara dan syi'ar haji itu tidak lain melainkan hanya merupakan lambang-lambang yang simbolik bagi pernyataan tawajjuh dan keta'atan kepada Allah. Kadang-kadang upacara-upacara dan syi'ar-syi'ar itu membawa kenangan-kenangan peristiwa zaman lama sejak zaman Ibrahim a.s. hingga ke zaman berikutnya, iaitu kenangan, peristiwa, keta'atan, taubat dan tawajjuh kepada Allah sejak munculnya umat Muslimin ini.

Binatang-binatang ternakan yang dipilih untuk dikorbankan pada hari-hari akhir ihram itu diharuskan kepada pemiliknya mengambil manfa'at-manfa'at darinya. Jika dia memerlukan perkhidmatannya dia boleh menunggangkannya atau memerlukan susunya dia boleh meminumkannya sehingga binatang-binatang itu sampai di tempat persembelihannya iaitu Baitul-'Atiq, di sanalah binatang-binatang itu disembelih untuk dimakan dagingnya dan diberikan kepada orang yang susah dan faqir.

Orang-orang Islam di zaman Rasulullah s.a.w. memilih binatang-binatang korban yang baik-baik. Mereka memilih binatang-binatang yang gemuk dan mahal harganya untuk menyatakan penghormatan mereka yang tinggi terhadap syi'ar-syi'ar Allah. Mereka berbuat begitu kerana didorong rasa taqwa mereka kepada Allah. Abdullah ibn 'Umar r.a. telah bercerita katanya: 'Umar telah dihadiahkan seekor unta yang amat kuat dan pantas dan ditawarkan

harganya sebanyak tiga ratus dinar, kemudian dia datang menemui Nabi s.a.w. dan berkata: "Wahai Rasulullah, saya telah dihadiahkan seekor unta yang amat kuat dan pantas dan saya telah ditawarkan harganya sebanyak tiga ratus dinar. Apakah elok saya jualkan unta itu dan membeli dengan harganya unta-unta atau lembu-lembu biasa sahaja (untuk dijadikan korban)?" Jawab beliau: "Jangan, korbankan binatang itu."

Unta yang amat kuat dan pantas yang dihadiahkan kepada 'Umar r.a. dan dinilaikan harganya sebanyak tiga ratus dinar itu bukanlah menjadi tujuan 'Umar r.a. hendak memegangkan harganya, bahkan beliau mahu menjual unta itu untuk membeli unta-unta atau lembu-lembu biasa sahaja untuk dijadikan sembelihan korban, tetapi Rasulullah s.a.w. mahukan 'Umar mengorbankan unta itu sendiri kerana sifatnya yang amat baik dan harganya yang tinggi dan tidak mengizinkan 'Umar menukarkan unta itu dengan beberapa unta yang lain yang boleh menghasilkan daging yang lebih banyak, tetapi dari segi nilai perasaan unta-unta yang banyak itu lebih kecil nilainya, kerana nilai perasaan itulah yang dikehendaki di sini:

فَإِنَّهَا مِن تَقۡوَى ٱلۡقُلُوبِ ٣٢

"Sesungguhnya perbuatan itu adalah lahir dari ketaqwaan hati."(32)

Penyembelih Binatang-binatang Korban

Inilah tujuan yang dipandang oleh Rasulullah s.a.w. ketika beliau berkata kepada 'Umar: "Korbankan binatang itu" sendiri bukan binatang lain.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 34 - 37)

Al-Qur'anul-Karim menyebut penyembelihan korban sebagai syi'ar ibadat yang terkenal di dalam kalangan berbagai-bagai bangsa. Islam hanya membetulkan tujuan ibadat itu ke halanya yang betul, iaitu bertawajjuh dengan ibadat itu kepada Allah Yang Esa sahaja dan tidak kepada yang lain dari-Nya:

وَلِكُلِّ أُمَّةٖ جَعَلۡنَا مَنسَكٗا لِّيَذۡكُرُواْ ٱسۡمَ ٱللَّهِ
عَلَىٰ مَا رَزَقَهُم مِّنۢ بَهِيمَةِ ٱلۡأَنۡعَٰمِۗ فَإِلَٰهُكُمۡ إِلَٰهٞ
وَٰحِدٞ فَلَهُۥٓ أَسۡلِمُواْۗ وَبَشِّرِ ٱلۡمُخۡبِتِينَ ٣٤
ٱلَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ ٱللَّهُ وَجِلَتۡ قُلُوبُهُمۡ وَٱلصَّٰبِرِينَ
عَلَىٰ مَآ أَصَابَهُمۡ وَٱلۡمُقِيمِي ٱلصَّلَوٰةِ وَمِمَّا رَزَقۡنَٰهُمۡ
يُنفِقُونَ ٣٥

"Dan bagi setiap umat itu Kami syari'atkan penyembelihan korban supaya mereka menyebut nama Allah kerana mensyukuri ni'mat binatang ternakan yang telah dikurniakan selaku rezeki kepada mereka. Maka Tuhan kamu adalah Tuhan Yang Maha Esa. Oleh itu berserahlah kamu kepada-Nya dan sampaikan berita gembira kepada orang-orang yang patuh kepada Allah (34). Iaitu orang-orang yang apabila disebutkan nama Allah nescaya gementarlah hati mereka, dan orang-orang yang sabar menghadapi kesusahan yang telah menimpa mereka, dan orang-orang yang mendirikan solat dan membelanjakan (untuk Sabilullah) sebahagian dari harta yang Kami berikan rezeki kepada mereka."(35)

Islam menyatukan perasaan dan tujuan hati manusia supaya seluruhnya bertawajjuh kepada Allah sahaja. Oleh sebab itulah Islam berusaha membimbing perasaan, tindakan, kegiatan, ibadat, harakat dan kebiasaan manusia supaya bertawajjuh ke hala yang satu sahaja agar dengan demikian seluruh kegiatan hidup seseorang diwarnakan dengan warna 'aqidah.

Berdasarkan lunas inilah Islam mengharamkan segala binatang korban yang disembelih kerana yang lain dari Allah dan mewajibkan menyebut nama Allah ketika menyembelihkan binatang-binatang itu sehingga ia menjadikan sebutan nama Allah itu sebagai tujuan yang nyata seolah-olah binatang itu disembelih dengan tujuan menyebut nama Allah:

وَلِكُلِّ أُمَّةٖ جَعَلۡنَا مَنسَكٗا لِّيَذۡكُرُواْ ٱسۡمَ ٱللَّهِ
عَلَىٰ مَا رَزَقَهُم مِّنۢ بَهِيمَةِ ٱلۡأَنۡعَٰمِۗ

"Dan bagi setiap umat itu Kami syari'atkan penyembelihan korban supaya mereka menyebut nama Allah kerana mensyukuri ni'mat binatang ternakan yang telah dikurniakan selaku rezeki kepada mereka."(34)

Kemudian diiringi dengan penjelasan 'aqidah tauhid:

فَإِلَٰهُكُمۡ إِلَٰهٞ وَٰحِدٞ

"Tuhan kamu adalah Tuhan Yang Maha Esa."(34)

Juga dengan perintah supaya menyerah diri kepada Allah Yang Maha Esa sahaja:

فَلَهُۥٓ أَسۡلِمُواْۗ

"Oleh itu berserahlah kamu kepada-Nya."(34)

Islam atau penyerahan diri kepada Allah itu bukanlah penyerahan diri secara paksaan atau terpaksa, malah penyerahan diri secara sukarela dan yakin:

وَبَشِّرِ ٱلۡمُخۡبِتِينَ ٣٤ ٱلَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ ٱللَّهُ وَجِلَتۡ
قُلُوبُهُمۡ

"Dan sampaikanlah berita gembira kepada orang-orang yang patuh kepada Allah, iaitu orang-orang yang apabila disebutkan nama Allah nescaya gementarlah hati mereka."(34-35)

Iaitu sebaik sahaja disebutkan nama Allah, hati dan perasaan mereka terus diselubungi perasaan gentar dan takut:

وَٱلصَّـٰبِرِينَ عَلَىٰ مَآ أَصَابَهُمْ

"Dan orang-orang yang sabar menghadapi kesusahan yang telah menimpa mereka."(35)

Maksudnya, mereka tidak membantah sebarang keputusan atau qadha' Allah terhadap diri mereka:

وَٱلْمُقِيمِى ٱلصَّلَوٰةِ

"Dan orang-orang yang mendirikan solat."(35)

Iaitu mereka beribadat kepada Allah dengan ibadat yang tulen:

وَمِمَّا رَزَقْنَـٰهُمْ يُنفِقُونَ ﴿٣٥﴾

"Dan membelanjakan (untuk Sabilullah) sebahagian dari harta yang Kami berikan rezeki kepada mereka."(35)

Iaitu mereka tidak bakhil mengorbankan harta yang ada dalam tangan mereka untuk Sabilullah.

Demikianlah Al-Qur'an menghubungkan 'aqidah dengan syi'ar-syi'ar ibadat haji, yang mana syi'ar-syi'ar itu adalah lahir dari 'aqidah dan tegak di atas 'aqidah. Ia merupakan pernyataan dan lambang dari 'aqidah. Yang penting ialah seluruh kegiatan hidup (seorang Mu'min) pastilah diwarnakan dengan warna 'aqidah agar seluruh tenaga dan tujuan dapat disatukan supaya jiwa manusia tidak berbelah bahagi kepada berbagai-bagai tujuan.[7]

Ayat yang berikut terus menjelaskan konsep ini dan menguatkannya ketika menerangkan syi'ar-syi'ar ibadat haji iaitu menyembelihkan korban-korban:

وَٱلْبُدْنَ جَعَلْنَـٰهَا لَكُم مِّن شَعَـٰٓئِرِ ٱللَّهِ لَكُمْ فِيهَا خَيْرٌ ۖ
فَٱذْكُرُوا۟ ٱسْمَ ٱللَّهِ عَلَيْهَا صَوَآفَّ ۖ فَإِذَا وَجَبَتْ جُنُوبُهَا
فَكُلُوا۟ مِنْهَا وَأَطْعِمُوا۟ ٱلْقَانِعَ وَٱلْمُعْتَرَّ ۚ كَذَٰلِكَ سَخَّرْنَـٰهَا
لَكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٣٦﴾
لَن يَنَالَ ٱللَّهَ لُحُومُهَا وَلَا دِمَآؤُهَا وَلَـٰكِن يَنَالُهُ ٱلتَّقْوَىٰ
مِنكُمْ ۚ كَذَٰلِكَ سَخَّرَهَا لَكُمْ لِتُكَبِّرُوا۟ ٱللَّهَ عَلَىٰ مَا
هَدَىٰكُمْ ۗ وَبَشِّرِ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿٣٧﴾

"Dan Kami telah jadikan unta-unta (atau lembu-lembu) itu untuk kamu sebagai salah satu dari syi'ar-syi'ar Allah, di mana kamu memperolehi kebaikan yang banyak. Oleh itu sebutkanlah nama Allah ketika kamu menyembelihkannya dalam keadaan berdiri. Dan apabila unta itu tumbang (mati), maka makanlah kamu sebahagiannya dan berikanlah kepada (orang yang susah) yang memada dengan apa yang ada padanya (yang tidak meminta-minta) dan kepada orang yang meminta. Demikianlah Kami jadikan binatang-binatang itu untuk kamu supaya kamu bersyukur (36). Daging-daging korban itu tidak akan sampai kepada Allah dan tidak pula darah-darahnya, tetapi yang sampai kepada Allah ialah taqwa daripada kamu. Demikianlah Allah telah menjadikan unta-unta itu untuk kamu supaya kamu mengagung-agungkan Allah kerana (mensyukuri) ni'mat hidayat yang dikurniakan kepada kamu dan sampaikanlah berita gembira kepada para Muhsinin."(37)

Ayat ini secara khusus menyebut korban unta kerana ia merupakan binatang-binatang korban yang paling besar. Di sini Al-Qur'an menjelaskan bahawa Allah mahu memberi kebajikan yang banyak kepada mereka dengan binatang-binatang korban ini. Allah menjadikan binatang-binatang itu kebajikan kepada mereka. Ketika hidup ia dapat ditunggang dan diperahkan susunya dan ketika dikorbankan ia dapat dihadiah dan diberi makan kepada (faqir miskin). Oleh itu sebagai mensyukuri ni'mat kebajikan yang telah dikurniakan Allah itu, mereka hendaklah menyebut nama Allah ketika menyembelihkan binatang-binatang itu dan bertawajjuh dengannya kepada Allah ketika binatang-binatang itu disediakan untuk persembelihan dengan mengaturkan kaki-kakinya:

فَٱذْكُرُوا۟ ٱسْمَ ٱللَّهِ عَلَيْهَا صَوَآفَّ ۖ

"Oleh itu sebutkanlah nama Allah ketika kamu menyembelihkannya dalam keadaan berdiri."(36)

Unta itu disembelihkan dengan keadaan berdiri di atas tiga kakinya dan kaki yang keempatnya diikat.

فَإِذَا وَجَبَتْ جُنُوبُهَا

"Dan apabila unta itu tumbang."(36)

Yakni apabila ia rebah ke bumi dan mati, maka pemiliknya digalakkan memakan dagingnya dan memberikan sebahagian darinya untuk makanan faqir miskin yang tidak mengemis dan faqir miskin yang mengemis. Kerana tujuan inilah Allah jadikan binatang-binatang itu untuk manusia supaya mereka mensyukuri segala ni'mat kebajikan yang dikurniakan Allah kepada mereka pada binatang-binatang itu semasa ia hidup dan ketika ia dikorbankan:

كَذَٰلِكَ سَخَّرْنَـٰهَا لَكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٣٦﴾

"Demikianlah Kami jadikan binatang-binatang itu untuk kamu supaya kamu bersyukur."(36)

Mereka diperintah menyembelihkan binatang-binatang itu dengan nama Allah kerana:

لَن يَنَالَ ٱللَّهَ لُحُومُهَا وَلَا دِمَآؤُهَا

"Daging-daging korban itu tidak akan sampai kepada Allah dan tidak pula darah-darahnya."(37)

Maksudnya, daging-daging dan darah-darah korban itu tidak sampai kepada Allah S.W.T. malah yang sampai kepada-Nya hanyalah ketaqwaan hati dan

---

[7] *Lihat bab "العقيدة والحياة" dalam buku "السلام العالمي والإسلام".*

tawajjuh-tawajjuh yang tulus dari para pengorbannya sahaja. Pengorbanan mereka bukanlah seperti pengorbanan yang dilakukan oleh kaum Musyrikin Quraysy yang melumur berhala-berhala dan tuhan-tuhan sembahan mereka dengan darah-darah binatang-binatang korban berdasarkan kepercayaan syirik mereka yang sesat dan jakun.

كَذَٰلِكَ سَخَّرَهَا لَكُمْ لِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَاكُمْ ۗ

"Demikianlah Allah telah menjadikan unta-unta itu untuk kamu supaya kamu mengagung-agungkan Allah kerana (mensyukuri) ni'mat hidayat yang dikurniakan kepada kamu."(37)

Maksudnya, Allah telah menghidayatkan kamu kepada kepercayaan mentauhidkan-Nya dan bertawajjuh kepada-Nya, juga menunjukkan kamu agar memahami hakikat hubungan yang wujud di antara Tuhan dan hamba dan hakikat hubungan di antara tindakan dan arah tujuan.

وَبَشِّرِ الْمُحْسِنِينَ ﴿٣٧﴾

"Dan sampaikanlah berita gembira kepada para Muhsinin."(37)

Para Muhsinin ialah orang-orang yang mengelokkan kefahaman, perasaan, ibadat dan hubungan mereka dengan Allah dalam setiap kegiatan hidup mereka.

Demikianlah cara hidup seseorang Muslim, dia tidak melangkah dan bergerak sama ada pada waktu siang atau pada waktu malam melainkan dia bertawajjuh kepada Allah, di mana hatinya sentiasa bertaqwa kepada Allah dan mengharapkan keredhaan-Nya dan dengan demikian seluruh hidupnya merupakan ibadat, di mana terlaksananya tujuan iradat Allah menjadikan para hamba-Nya dan di mana tegaknya satu kehidupan yang baik di bumi yang mempunyai hubungan yang rapat dengan Allah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 38 - 41)

Keizinan Berperang

Syi'ar-syi'ar dan ibadat-ibadat itu pastilah mendapat perlindungan yang dapat menolakkan tindakan-tindakan kaum Musyrikin yang mahu menghalangi kaum Muslimin dari jalan Allah dan dapat menolak pencerobohan mereka yang mahu mencabul kebebasan 'aqidah dan kebebasan ibadat, juga mencabul kehormatan rumah-rumah ibadat dan kehormatan syi'ar-syi'ar keagamaan, seterusnya mendapat perlindungan yang memungkinkan para Mu'minin yang 'abidin dan 'amilin menegakkan sistem hidup mereka yang berlandaskan 'aqidah dan berhubung rapat dengan Allah serta menjamin dapat memberikan kebajikan kepada umat manusia di dunia dan di Akhirat.

Oleh sebab itu Allah telah memberi kebenaran kepada kaum Muslimin, selepas mereka berhijrah ke Madinah memerangi kaum Musyrikin untuk mempertahankan keselamatan diri mereka dan 'aqidah mereka dari pencerobohan dan pencabulan yang telah mencapai kemuncaknya, juga untuk mewujudkan kebebasan 'aqidah dan kebebasan ibadat bagi mereka dan orang-orang yang lain dari mereka di bawah naungan agama Allah. Allah juga telah menjanjikan mereka untuk memberi kemenangan dan kedudukan yang kuat kepada mereka dengan syarat mereka melaksanakan segala tugas-tugas agama mereka yang diterangkan di dalam ayat-ayat yang berikut:

إِنَّ اللَّهَ يُدَافِعُ عَنِ الَّذِينَ آمَنُوا ۗ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ خَوَّانٍ كَفُورٍ ﴿٣٨﴾

أُذِنَ لِلَّذِينَ يُقَاتَلُونَ بِأَنَّهُمْ ظُلِمُوا ۚ وَإِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ نَصْرِهِمْ لَقَدِيرٌ ﴿٣٩﴾

الَّذِينَ أُخْرِجُوا مِن دِيَارِهِم بِغَيْرِ حَقٍّ إِلَّا أَن يَقُولُوا رَبُّنَا اللَّهُ ۗ وَلَوْلَا دَفْعُ اللَّهِ النَّاسَ بَعْضَهُم بِبَعْضٍ لَّهُدِّمَتْ صَوَامِعُ وَبِيَعٌ وَصَلَوَاتٌ وَمَسَاجِدُ يُذْكَرُ فِيهَا اسْمُ اللَّهِ كَثِيرًا ۗ وَلَيَنصُرَنَّ اللَّهُ مَن يَنصُرُهُ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَقَوِيٌّ عَزِيزٌ ﴿٤٠﴾

الَّذِينَ إِن مَّكَّنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنكَرِ ۗ وَلِلَّهِ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ ﴿٤١﴾

"Sesungguhnya Allah tetap mempertahankan orang-orang yang beriman, kerana sesungguhnya Allah tidak sukakan setiap pengkhianat yang mengingkari ni'mat (38). Sesungguhnya (peperangan itu) telah diizinkan kepada orang-orang (Islam) yang diperangi, kerana mereka telah dianiayai, dan sesungguhnya Allah amat berkuasa menolong mereka (39). Iaitu orang-orang yang diusir dari kampung halaman mereka tanpa sesuatu kesalahan yang benar kecuali kerana mereka berkata: Tuhan kami ialah Allah. Sekiranya Allah tidak menolak pencerobohan setengah manusia dengan penentangan dari setengah manusia yang lain, sudah tentu telah dirobohkan biara-biara (kaum paderi Kristian), gereja-gereja, rumah-rumah ibadat (kaum Yahudi) dan masjid-masjid, di mana banyak disebutkan nama Allah. Dan sesungguhnya Allah tetap menolong orang yang menolong agama-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Kuat dan

Maha Perkasa (40). Iaitu orang-orang yang apabila Kami kurniakan mereka kedudukan yang kukuh di bumi nescaya mereka tetap mendirikan solat, mengeluarkan zakat, menyuruh melakukan perkara-perkara yang ma'ruf dan melarang melakukan perkara-perkara yang mungkar. Dan Allah jua yang menguasai akibat segala perkara."(41)

Kuasa-kuasa jahat dan sesat sentiasa bertindak di dunia ini. Pertarungan tetap berterusan di antara baik dan jahat, di antara hidayat dan kesesatan. Perjuangan tetap berterusan di antara kekuatan-kekuatan keimanan dengan kekuatan-kekuatan kezaliman sejak Allah menciptakan insan.

Kejahatan bertindak liar dan kebatilan mempunyai senjata. Oleh sebab itu ia bertindak tanpa silu malu, ia menyerang tanpa kasihan belas. Ia boleh menyelewengan manusia dari kebaikan apabila mereka telah menemui jalannya. Ia boleh menyesatkan mereka dari kebenaran apabila mereka telah membuka pintu hati menerimanya. Oleh itu keimanan, kebaikan dan kebenaran pasti mempunyai kekuatan yang dapat melindunginya dari serangan yang kejam, memeliharanya dari fitnah dan menjaganya dari duri-duri dan racun-racun.

Allah tidak mahu meninggalkan keimanan, kebaikan dan kebenaran menentang kuasa-kuasa kezaliman, kejahatan dan kebatilan dengan tangan kosong tanpa senjata atau dengan semata-mata berpegang dengan kekuatan iman di dalam hati, dengan persebatian kebenaran di dalam - fitrah semulajadi dan dengan kedalaman akar tunjang kebaikan di dalam sanubari, kerana kekuatan kebendaan yang dimiliki kebatilan itu boleh menggoncangkan hati, boleh mengelirukan jiwa dan boleh menyesatkan fitrah, di samping itu kesabaran dan daya ketahanan menanggung penderitaan itu mempunyai batas dan hadnya. Daya tenaga dan kekuatan manusia juga ada titik penghabisannya. Dan Allah Maha Arif dengan hati dan jiwa manusia. Oleh sebab itu Allah tidak mahu meninggalkan kaum Mu'min, menjadi korban fitnah (orang-orang kafir). Apabila mereka telah bersiap sedia untuk menentang dan mempertahankan diri serta mempunyai alat-alat kelengkapan yang cukup, maka mereka telah diizinkan berperang untuk menangkis pencerobohan.

Sebelum Allah mengizinkan mereka bertolak ke medan perang, Dia mengumumkan kepada mereka bahawa Dia akan mempertahankan keselamatan mereka dan meletakkan mereka di bawah perlindungan-Nya:

إِنَّ ٱللَّهَ يُدَٰفِعُ عَنِ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْۗ

"Sesungguhnya Allah tetap mempertahankan orang-orang yang beriman."(38)

Juga mengumumkan bahawa Dia bencikan musuh-musuh mereka kerana kekufuran dan pengkhianatan mereka dan kerana itu musuh-musuh mereka tetap akan kecewa:

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ خَوَّانٖ كَفُورٍ ٣٨

"Kerana sesungguhnya Allah tidak sukakan setiap pengkhianat yang mengingkari ni'mat."(38)

Allah telah memutuskan bahawa mereka berhak mempertahankan keselamatan mereka dari segi moral kerana mereka teraniaya dan tidak bertindak menceroboh dan tidak menunjukkan sikap yang angkuh:

أُذِنَ لِلَّذِينَ يُقَٰتَلُونَ بِأَنَّهُمۡ ظُلِمُواْۚ

"Sesungguhnya (peperangan itu) telah diizinkan kepada orang-orang (Islam) yang diperangi kerana mereka telah dianiayai."(39)

Dan mereka juga mempunyai keyakinan untuk mendapat Perlindungan dan pertolongan dari Allah:

وَإِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ نَصۡرِهِمۡ لَقَدِيرٌ ٣٩

"Dan sesungguhnya Allah amat berkuasa menolong mereka."(39)

Mereka mempunyai alasan untuk mengharungi perjuangan itu kerana mereka ditugas memikut amanah kemanusiaan yang agung, yang mana kebaikannya bukan sahaja kembali kepada mereka, malah kembali kepada seluruh pihak orang-orang yang beriman di samping menjamin kebebasan 'aqidah dan kebebasan beribadat. Selain dari itu mereka telah dianiayai kerana mereka telah diusirkan dari kampung halaman mereka tanpa apa-apa kesalahan yang benar:

ٱلَّذِينَ أُخۡرِجُواْ مِن دِيَٰرِهِم بِغَيۡرِ حَقٍّ إِلَّآ أَن
يَقُولُواْ رَبُّنَا ٱللَّهُۗ

"Iaitu orang-orang yang diusir dari kampung halaman mereka tanpa sesuatu kesalahan yang benar kecuali kerana mereka berkata: Tuhan kami ialah Allah"(40)

sedangkan itulah kalimat yang paling benar diucap dan dilafazkan, dan kerana kesalahan mengucapkan kalimat inilah sahaja mereka telah diusirkan dari kampung halaman mereka. Itulah tindakan yang benar-benar zalim dan tidak beralasan dari para penceroboh itu dan itulah sikap keikhlasan yang bersih dari segala matlamat kepentingan peribadi dari orang-orang Mu'min yang dicerobohi itu, malah mereka hanya diusir kerana 'aqidah mereka sahaja bukannya kerana pertarungan merebut harta benda dunia, di mana berlakunya pertentangan ketamakan dan kepentingan dan pertentangan tujuan dan perbezaan kepentingan.

Di sebalik semua alasan-alasan ini ialah dasar am mempertahankan kepentingan 'aqidah:

وَلَوۡلَا دَفۡعُ ٱللَّهِ ٱلنَّاسَ بَعۡضَهُم بِبَعۡضٖ لَّهُدِّمَتۡ
صَوَٰمِعُ وَبِيَعٞ وَصَلَوَٰتٞ وَمَسَٰجِدُ يُذۡكَرُ فِيهَا
ٱسۡمُ ٱللَّهِ كَثِيرٗاۗ

"Sekiranya Allah tidak menolak pencerobohan setengah manusia dengan penentangan dari setengah manusia yang lain, sudah tentu telah dirobohkan biara-biara (kaum paderi Kristian), gereja-gereja, rumah-rumah ibadat (kaum Yahudi) dan masjid-masjid, di mana banyak disebutkan nama Allah."(40)

As-sawami' (biara-biara) ialah rumah-rumah ibadat yang terpencil bagi para paderi. Al-Biya' ialah gereja-gereja kaum Kristian umumnya. Ia lebih luas dari biara-biara, dan as-Salawat ialah rumah-rumah ibadat kaum Yahudi dan al-Masajid ialah rumah-rumah ibadat kaum Muslimin.

Semua rumah-rumah ibadat akan terancam kepada perobohan walaupun rumah-rumah itu merupakan rumah-rumah suci yang didirikan khusus untuk beribadat kepada Allah, kerana mengikut pandangan kebatilan, alasan bahawa rumah-rumah itu banyak disebutkan nama Allah tidak dapat menolaknya dari perobohan dan tiada yang dapat melindungkan keselamatan rumah-rumah suci itu melainkan (Sunnatullah) yang menolak setengah pencerobohan manusia dengan penentangan dari setengah manusia yang lain, iaitu penolakan dan pertahanan yang dilakukan oleh pembela-pembela 'aqidah terhadap musuh-musuh mereka yang mencabul kehormatan rumah-rumah suci dan para penghuninya. Kebatilan selalu bersikap sewenang-wenang. Ia tidak berhenti-henti mencabul dan menceroboh kecuali ia ditentang dan dilawan dengan kekuatan yang sama. Kebenaran itu tidak cukup dengan kebenarannya sahaja untuk melawan pencerobohan kebatilan, malah ia harus mempunyai kekuatan yang dapat melindung dan mempertahankan keselamatannya. Ini merupakan satu peraturan am yang tidak akan berubah selama manusia bernama manusia.

Kita harus berhenti sejenak di hadapan ayat-ayat yang pendek tetapi amat mendalam pengertiannya ini, iaitu ayat-ayat yang terkandung di sebaliknya rahsia-rahsia di alam jiwa dan alam hidup.

Allah telah memulakan perisytiharan kebenaran berperang kepada kaum Muslimin yang telah diperangi oleh kaum Musyrikin itu dengan sebuah pernyataan yang menerangkan bahawa Allahlah yang akan mempertahankan orang-orang yang beriman dan bahawa Dia tidak suka para penceroboh dari orang-orang kafir yang pengkhianat:

إِنَّ ٱللَّهَ يُدَٰفِعُ عَنِ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ خَوَّانٍ كَفُورٍ ﴿٣٨﴾

"Sesungguhnya Allah tetap mempertahankan orang-orang yang beriman, kerana sesungguhnya Allah tidak sukakan setiap pengkhianat yang mengingkari ni'mat."(38)

Jika Allah Sanggup Mempertahankan Kaum Muslimin, Maka Apakah Perlu Difardhukan Jihad?

Allah telah memberi jaminan kepada para Mu'minin bahawa Dia akan mempertahankan mereka, dan barang siapa yang dipertahankan Allah, maka dia akan selamat dari musuhnya dan akan dapat menewaskannya. Jika demikian mengapa Allah memberi keizinan berperang kepada mereka? Mengapa Allah fardhukan jihad ke atas mereka? Mengapa mereka perlu menceburkan diri di dalam peperangan sehingga terbunuh atau cedera, di samping menempuh berbagai-bagai kesulitan dan kepenatan serta menanggung pengorbanan dan kesakitan? Sedangkan akibatnya telah diketahui, iaitu Allah berkuasa memberi kemenangan kepada mereka tanpa kepenatan dan kesulitan, tanpa pengorbanan dan kesakitan dan tanpa membunuh dan berperang.

Jawapannya, hikmat kebijaksanaan Allah dalam persoalan ini amatlah tinggi dan jelas. Sejauh yang kita dapat memahami hikmat itu berdasarkan tanggapan-tanggapan akal kita, pengalaman-pengalaman dan ilmu pengetahuan kita ialah Allah S.W.T. tidak mahu menjadikan pendokong-pendokong dan pembela-pembela da'wah-Nya terdiri dari golongan manusia yang kerdil dan pemalas, yang hanya tahu duduk beristirehat menunggu turunnya kemenangan yang mudah dari Allah semata-mata kerana mereka mendirikan solat, membaca Al-Qur'an, berdo'a kepada Allah apabila mereka ditimpa kesusahan atau dicerobohi orang.

Memang benar bahawa mereka wajib mendirikan solat, membaca Al-Qur'an dan berdo'a kepada Allah sama ada di dalam kesenangan dan kesusahan, tetapi ibadat-ibadat ini sahaja tidak melayakkan mereka untuk memikul dan mempertahankan da'wah Allah, malah ibadat-ibadat ini hanya merupakan bekalan-bekalan kepada perjuangan mereka sahaja. Ia merupakan senjata-senjata simpanan untuk mereka menghadapi pertempuran ketika melawan kebatilan dengan menggunakan senjata-senjata yang sama di samping senjata-senjata tambahan iaitu senjata-senjata taqwa, keimanah dan perhubungan dengan Allah.

Kehendak Allah Taala ialah Dia mahu menjadikan langkah-langkah pertahanan-Nya terhadap keselamatan orang-orang yang beriman itu berlangsung menerusi perjuangan diri mereka sendiri supaya mereka mendapat kematangan di dalam masa perjuangan itu. Tubuh badan manusia tidak dapat menggerakkan segala tenaganya yang tersimpan sebagaimana ia dapat menggerakkannya ketika menghadapi keadaan-keadaan bahaya, iaitu ketika ia berhempas pulas berjuang mempertahankan keselamatan dirinya dan ketika ia mengemblengkan seluruh tenaganya untuk menghadapi kekuatan musuh yang menyerang. Di waktu inilah sahaja setiap sel tubuh badannya bersedia dengan segala kekuatan yang ada padanya untuk memainkan peranannya dan

untuk bekerjasama dengan sel-sel yang lain dalam tindakan-tindakan bersama untuk memberi dan mengorbankan apa sahaja yang ada padanya demi mencapaikan kejayaan yang sebaik-baiknya yang telah ditentu dan disediakan untuknya.

Umat yang memperjuangkan da'wah Allah perlu menggerakkan setiap sel tubuh badan mereka, mengemblengkan seluruh kekuatan mereka, meningkatkan segala persediaan mereka dan mengumpulkan seluruh daya tenaga mereka supaya kesuburan dan kematangan mereka berkembang dengan sempurna dan menjadikan mereka cukup bersedia dan siap siaga untuk memikul amanah Allah yang agung dan mempertahankannya.

Kemenangan yang cepat yang tidak menimbulkan sebarang kepenatan atau kemenangan yang mudah yang hanya turun dari langit kepada orang-orang yang duduk beristirehat sahaja adalah satu kemenangan yang melumpuhkan tenaga-tenaga manusia dari mencetus keluar kerana kemenangan itu tidak mencabar dan tidak mengacahkan tenaga-tenaga itu.

Selain dari itu kemenangan yang cepat dan mudah itu cepat pula hilangnya. Ini disebabkan pertama: Kerana harganya murah ia tidak melibatkan pengorbanan-pengorbanan yang mahal. Kedua: Kerana orang-orang yang mencapai kemenangan itu tidak melatih, menguat dan mengemblengkan kekuatan dan daya tenaga mereka untuk mendapat dan memelihara kemenangan itu. Kekuatan dan daya tenaga mereka tidak bersedia dan tidak digemblengkan untuk mempertahankan kemenangan itu.

Di sana terdapat didikan perasaan dan latihan amali, iaitu didikan dan latihan melalui proses menang dan kalah, menyerang dan lari, kuat dan lemah, maju dan mundur, juga melalui perasaan-perasaan yang menyertai keadaan-keadaan itu, iaitu hadapan dan kesakitan, suka dan duka, tenteram dan gelisah, merasa lemah dan merasa kuat serta melalui semangat perpaduan dan bermati-matian kerana 'aqidah dan kelompok, juga melalui tindakan penyelarasan di antara arah-arah aliran dalam masa perjuangan, sebelum dan selepasnya, melalui penemuan titik-titik kelemahan dan titik-titik kekuatan dan melalui usaha-usaha pengendalian urusan-urusan dalam segala keadaan... Semuanya itu adalah perlu dilalui oleh umat Islam yang mendokong da'wah Allah dan mengawal keselamatannya serta keselamatan manusia.

Oleh sebab-sebab ini dan sebab-sebab yang lain lagi yang diketahui Allah, maka Allah jadikan pertahanan dan pembelaan-Nya terhadap orang-orang yang beriman itu adalah melalui diri mereka sendiri, iaitu Allah tidak jadikan pertahanan-Nya itu sebagai sesuatu yang hanya dicampak dan diturunkan dari langit tanpa apa-apa penat lelah.[8]

Mengapa Kemenangan Lewat Dicapai?

Kemenangan itu kadang-kadang lewat diterima oleh orang-orang yang teraniayai dan diusirkan dari kampung halaman mereka tanpa sesuatu kesalahan yang sebenar selain dari berkata: ربنا الله -*"Tuhan kami ialah Allah"*. Oleh itu kelewatan ini adalah berlaku kerana sesuatu hikmat yang dikehendaki Allah.

Kadang-kadang kemenangan itu terlewat kerana badan umat yang beriman itu belum lagi matang dengan sempurna dan belum lagi mengemblengkan tenaga-tenaganya. Setiap selnya belum lagi bersiap sedia dan berkumpul untuk mengenal pastikan segala kekuatan dan bakat-bakat kesediaan yang tersimpan padanya. Andainya mereka mendapat kemenangan sebelum mereka mencapai kematangan ini sudah tentu mereka akan kehilangan kemenangan itu dalam masa sebentar sahaja kerana mereka tidak mempunyai keupayaan untuk melindungi kemenangan itu dalam masa yang lama.

Kadang-kadang kemenangan itu lambat dicapai sehingga umat yang beriman itu mengorbankan segala kekuatan yang ada pada mereka dan segala harta benda yang dimiliki mereka, tanpa meninggal segala apa yang disayangi, dan segala apa yang mahal semuanya dikorbankan dengan penuh kerelaan untuk Sabillullah.

Kadang-kadang kemenangan lambat dicapai sehingga umat yang beriman itu mencuba kekuatan mereka yang terakhir dan mereka sedar bahawa kekuatan sahaja tanpa pertolongan dari Allah tidak akan menjamin kemenangan, malah kemenangan itu adalah diturunkan dari sisi Allah setelah mereka

---

[8] *Di samping itu Islam tidak menjadikan peperangan itu sebagai matlamat perjuangannya, dan ia tidak mengizinkan peperangan itu melainkan untuk mencapai matlamat yang lebih besar dari semata-mata hidup damai dan berbaik-baik. Perdamaian tetap merupakan matlamat perjuangan Islam sebagaimana dijelaskan oleh berbagai-bagai ayat yang lain di dalam Al-Qur'an, tetapi perdamaian ini pastilah suatu perdamaian yang tidak ada pencerobohan, penganiayaan dan pencabulan. Sebaliknya pedamaian, di mana berlakunya penganiayaan dan pencerobohan terhadap mana-mana dasar kemanusiaan yang utama seperti kebebasan beragama dan kebebasan beribadat, keadilan hukuman, keadilan balasan, keadilan pembahagian untung rugi, pembahagian hak-hak dan kewajipan-kewajipan, kejujuran tingkahlaku individu dan kelompok dalam mematuhi undang-undang Allah... Jika penganiayaan dan pencerobohan seperti itu berlaku dalam mana-mana bentuk sekalipun sama ada dari individu terhadap individu, atau dari individu terhadap kelompok, atau dari kelompok terhadap individu atau kelompok atau dari negara terhadap negara, maka perdamaian yang ditegakkan di atas pencerobohan yang seperti ini adalah tidak direlai oleh Islam. Konsep perdamaian di dalam Islam bukannya semata-mata hidup berdamai dan berbaik, malah mewujudkan kebaikan dan keadilan mengikut sistem hidup yang digariskan Allah untuk para hamba-Nya (sila lihat huraian yang lebih jelas dalam buku* السلام العالمي والإسلام*)*

mengorbankan kekuatan mereka yang terakhir kemudian menyerahkan keputusannya kepada Allah.

Kadang-kadang kemenangan itu lambat dicapai supaya umat yang beriman itu menambahkan lagi hubungannya dengan Allah ketika berjuang, menanggung kesulitan, kesakitan dan pengorbanan, di mana mereka tidak mendapat sandaran kecuali pada Allah dan tidak bertawajjuh melainkan kepada Allah sahaja semasa menghadapi kesusahan. Hubungan inilah merupakan jaminan utama untuk mereka berjalan lurus di atas sistem hidup Ilahi apabila mereka telah diizinkan Allah mendapat kemenangan. Mereka tidak bertindak melampau dan tidak pula menyeleweng dari kebenaran, keadilan dan kebaikan yang telah menjadi faktor yang membolehkan mereka mendapat pertolongan Allah.

Kadang-kadang kemenangan itu lambat dicapai kerana umat yang beriman belum lagi memberi sepenuh keikhlasan dalam perjuangan dan pengorbanan-pengorbanan mereka kepada Allah dan kepada da'wah-Nya. Misalnya mereka masih berjuang untuk mencapai sesuatu keuntungan atau berjuang kerana mempertahankan kefanatikan atau keangkuhan mereka sendiri atau berjuang kerana memperagakan keberanian di hadapan musuh-musuh mereka, sedangkan Allah mahukan perjuangan itu hanya untuk Dia dan agama-Nya sahaja, iaitu perjuangan yang bersih dari segala perasaan yang lain yang menyertai perjungan itu. Pada suatu masa Rasulullah s.a.w. telah ditanyakan mengenai seseorang yang berjihad kerana kefanatikan dan keangkuhan, seseorang yang berjihad kerana menunjukkan keberanian dan seseorang yang berjuang supaya dia dilihat orang manakah di antara mereka yang berjihad kerana Sabilullah? Jawab beliau:

من قاتل لتكون كلمة الله هي العليا فهو في سبيل الله

"Sesiapa yang berperang untuk meninggikan agama Allah, maka dialah yang berperang untuk Sabilullah."[9]

Begitu juga kemenangan itu kadang-kadang lewat dicapai kerana kejahatan yang diperangi oleh umat yang beriman itu masih lagi bercampur dengan saki-baki kebaikan, sedangkan Allah mahu membersihkan kejahatan itu dari saki-baki kebaikan, supaya kejahatan itu menjadi benar-benar tulen supaya ia sahaja yang binasa tanpa bercampur sedikit pun dengan kebaikan yang mungkin hilang dalam perjuangan itu.

Kadang-kadang kemenangan, itu lambat dicapai kerana kepalsuan kebatilan yang diperangi umat yang beriman itu belum lagi terdedah dengan sempurna kepada orang ramai. Oleh sebab itu mereka terus mengalahkan kebatilan dalam keadaan yang seperti itu, mungkin kebatilan itu akan mendapat penyokong-penyokong yang baru yang tertipu dengannya dan belum lagi mendapat keyakinan terhadap keburukannya dan terhadap perlunya ia dihapuskan. Dengan demikian memungkinkan akar umbi kebatilan itu menjalar ke dalam hati manusia-manusia yang tidak berdosa yang belum mengetahui hakikat yang sebenar. Kerana itu masyi'ah Allah menghendaki supaya kebatilan terus kekal begitu sehingga kepalsuannya terdedah kepada seluruh orang ramai agar apabila ia terhapus kelak ia akan terus hilang tanpa dikenangi sesiapa pun lagi.

Kadang-kadang kemenangan lambat dicapai kerana masyarakat belum lagi layak untuk menerima kebenaran, kebaikan dan keadilan yang diperjuangkan oleh umat yang beriman. Andainya mereka mendapat kemenangan di waktu ini tentulah mereka akan menerima tentangan yang sengit dari masyarakat yang belum lagi stabil, maka pertarungan itu terus bergolak sehingga jiwa anggota masyarakat itu bersedia untuk menyambut dan mengekalkan kebenaran yang menang itu.

Kerana sebab-sebab ini dan sebab-sebab yang lain lagi yang diketahui Allah, maka kemenangan mungkin lambat dicapai menyebabkan pengorbanan-pengorbanan dan penderitaan-penderitaan bertambah berlipat kali ganda, namun demikian Allah tetap mempertahankan orang-orang yang beriman dan akan memberi kemenangan kepada mereka di akhir perjuangan.

Kemenangan itu mempunyai tanggungan-tanggungan dan bebanan-bebanannya yang berat apabila Allah mengumumkan kemenangan itu setelah disempurnakan syarat-syaratnya dan dibayarkan harganya dan setelah suasana di sekelilingnya cukup bersedia untuk menyambut dan mempertahankannya:

وَلَيَنصُرَنَّ ٱللَّهُ مَن يَنصُرُهُۥٓۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَقَوِيٌّ
عَزِيزٌ ٤٠
ٱلَّذِينَ إِن مَّكَّنَّٰهُمۡ فِي ٱلۡأَرۡضِ أَقَامُواْ ٱلصَّلَوٰةَ
وَءَاتَوُاْ ٱلزَّكَوٰةَ وَأَمَرُواْ بِٱلۡمَعۡرُوفِ وَنَهَوۡاْ عَنِ
ٱلۡمُنكَرِۗ وَلِلَّهِ عَٰقِبَةُ ٱلۡأُمُورِ ٤١

"Dan sesungguhnya Allah tetap menolong orang yang menolong agamanya. Sesungguhnya Allah Maha Kuat dan Maha Perkasa (40). Iaitu orang-orang yang apabila Kami kurniakan mereka kedudukan yang kukuh di bumi nescaya mereka tetap mendirikan solat, mengeluarkan zakat, menyuruh melakukan perkara-perkara yang ma'ruf dan melarang melakukan perkara-perkara yang mungkar. Dan Allah jua yang menguasai akibat segala perkara."(41)

Maksudnya, janji Allah yang kukuh dan tidak mungkir ialah Dia akan menolong siapa sahaja yang menolong agama-Nya. Siapakah orang-orang yang

---

[9] *Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim.*

menolong agama Allah hingga mereka wajar menerima pertolongan Allah Yang Maha Gagah dan Maha Perkasa, dan tidak akan mengalahkan siapa sahaja yang menjadikan. Allah sebagai pelindungnya? Mereka ialah:

ٱلَّذِينَ إِن مَّكَّنَّٰهُمْ فِى ٱلْأَرْضِ

"Iaitu orang-orang yang apabila Kami kurniakan mereka kedudukan yang kukuh di bumi."(41)

Yakni Kami kurniakan mereka kemenangan dan kedudukan yang kukuh.

أَقَامُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ

"Nescaya mereka tetap mendirikan solat."(41)

Yakni mereka sentiasa beribadat kepada Allah dan mengukuhkan hubungan mereka dengan-Nya. Mereka sentiasa bertawajjuh kepada Allah dengan patuh, merendah dan menyerah diri kepada-Nya.

وَءَاتَوُا۟ ٱلزَّكَوٰةَ

"Dan mengeluarkan zakat."(41)

Yakni mereka menunaikan kewajipan harta, mengatasi tabi'at bakhil, membersihkan diri mereka dari tamak haloba dan menumpaskan bisikan-bisikan syaitan, mengukuhkan perpaduan masyarakat dan menjamin keperluan golongan yang lemah dan golongan yang memerlukan bantuan di dalam masyarakat serta mewujudkan ciri jasad yang hidup yang digambarkan Rasulullah s.a.w. di dalam sabdanya:

مثل المؤمنين في توادّهم وتراحمهم وتعاطفهم كمثل الجسد إذا شتكى منه عضو تداعى له سائر الجسد بالسّهر والحمّى

"Bandingan orang-orang yang beriman dalam hubungan saling kasih mesra dan saling bersimpati di antara mereka ialah laksana satu jasad apabila salah satu anggotanya sakit, maka seluruh anggota badan yang lain tidak dapat tidur dan mengidap demam."

وَأَمَرُوا۟ بِٱلْمَعْرُوفِ

"Mereka menyuruh melakukan perkara-perkara yang ma'ruf"(41)

Yakni mereka menyeru dan mendorong manusia ke arah kebaikan.

وَنَهَوْا۟ عَنِ ٱلْمُنكَرِ ۗ

"Dan melarang melakukan perkara-perkara yang mungkar."(41)

Yakni mereka menentang kejahatan dan kerosakan. Dengan sifat-sifat inilah mereka dapat merealisasikan ciri umat Muslimin, iaitu umat yang tidak akan mendiamkan diri terhadap sesuatu yang mungkar yang mampu diubahkannya dan tidak akan mengabaikan sesuatu yang ma'ruf yang mampu dilaksanakannya.

Merekalah orang-orang yang menolong Allah kerana mereka menolong agama-Nya, iaitu satu sistem hidup yang dikehendaki Allah untuk manusia. Mereka hanya berbangga dengan Allah Yang Maha Esa sahaja dan tidak kepada yang lain dari-Nya. Merekalah orang-orang yang dijanjikan Allah dengan penuh pasti dan yakin bahawa mereka akan mendapat kemenangan.

Itulah kemenangan yang ditegakkan di atas sebab-sebab yang dikehendakinya dan itulah kemenangan yang disyaratkan dengan tanggungan-tanggungan dan bebanan-bebanannya yang berat. Selepas itu terserahlah kepada iradat Allah mengendalikannya mengikut kehendak-Nya, iaitu menukarkan kekalahan kepada kemenangan dan menukarkan kemenangan kepada kekalahan apabila syarat-syarat asasinya dimungkiri dan tugas-tugasnya diabaikan:

وَلِلَّهِ عَٰقِبَةُ ٱلْأُمُورِ ﴿٤١﴾

"Dan Allah jua yang menguasai akibat segala perkara."(41)

Itulah kemenangan yang akan membawa kepada terlaksananya sistem Ilahi di dalam kehidupan manusia, iaitu kemenangan kebenaran, keadilan dan kebebasan yang menuju kepada kebajikan dan kebaikan. Inilah matlamat kemenangan yang dikehendaki, dan di bawah bayangan matlamat inilah lenyapnya kepentingan-kepentingan peribadi, ketamakan-ketamakan dan keinginan-keinginan nafsu.

Itulah kemenangan yang mempunyai sebabnya, harganya, tanggungan-tanggungannya, dan syarat-syaratnya. Kemenangan itu tidak dikurniakan secara serampangan atau secara pilih kasih, dan kemenangan itu tidak akan dikekalkan kepada sesiapa yang tidak melaksanakan matlamat dan kehendak tujuannya.

(Diiringi Jilid Yang Ketujuh)